LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
2010

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2010

MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

KANDUNGAN

Muka Surat

KATA PENDAHULUAN ***ix***
INTISARI LAPORAN ***xv***

BAHAGIAN I
PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
1. Pendahuluan 3

JABATAN PERDANA MENTERI
2. Pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang 3

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan
3. Aktiviti Penguatkuasaan Lesen Kenderaan Perdagangan 15

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
4. Pembinaan Pusat/Institut Latihan Islam 29

Unit Penyelarasan Pelaksanaan
5. Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan 44

KEMENTERIAN KEWANGAN
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
6. Pengurusan Cukai Pendapatan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 65
7. Pengurusan Guaman Sivil 73
8. Pengurusan Aktiviti Audit Meja Bagi Individu Berpendapatan Perniagaan (OG) 89

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
9. Aktiviti Kutipan Cukai Perkhidmatan 101
10. Kawalan Terhadap Gudang Berlesen 114

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
11. Pengurusan Skim Insentif Peningkatan Hasil Padi 125
12. Projek Pusat Fidlot Nasional 135

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
13. Pengurusan Program Makanan Tambahan Untuk Kanak-kanak Tabika 148

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
Jabatan Taman Laut Malaysia
14. Pengurusan Perolehan Bot Aluminium *All Weather* Untuk Aktiviti Penguatkuasaan 162

KEMENTERIAN KERJA RAYA
15. Pengurusan Penyenggaraan Jalan Persekutuan Yang Diswastakan Di Negeri Sarawak 178

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
16. Projek Sistem Pengendalian Bagasi Di *Kuala Lumpur International Airport* (KLIA) Ke Keretapi Berkelajuan Tinggi (ERL) 189

Jabatan Pengangkutan Jalan
17. Projek Pembinaan Pejabat Teknologi Maklumat Di Cyberjaya 201

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR
18. Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar Yang Dibiayai Daripada Dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik 225

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
Pusat Angkasa Negara
19. Pengurusan Perolehan Peralatan Makmal *Assembly, Integration And Test* (AIT) Di Pusat Angkasa Negara, Banting 239

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR
20. Pengurusan Kutipan Hasil Cukai Tanah Di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 249

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
21. Projek Sistem Pembekalan Air Bersih Untuk Sekolah Luar Bandar Di Semenanjung Malaysia 262
22. Pembinaan Bilik Darjah Pasang Siap (Kabin) Dan Perolehan Perabot Berkaitan Di Sekolah 297
23. Projek Makmal Komputer Sekolah 318

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
24. Pengurusan Kuarters 340
25. Aktiviti Rawatan Rehabilitasi 359
26. Pembinaan Klinik Desa Dan 2 Unit Kuarters Kelas G (KD2G) 380
27. Pembangunan Semula Hospital Queen Elizabeth, Sabah 402
28. Perolehan Perkhidmatan *Next Generation Communication System* 426

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
Jabatan Pembangunan Kemahiran
29. Pengurusan Program Sistem Latihan Dual Nasional 442

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN
Perpustakaan Negara Malaysia
30. Projek Pembinaan Bangunan Tambahan 458

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
Jabatan Pembangunan Wanita
31. Program Pembangunan Wanita Di Bawah Teras Pengupayaan Sosio-Ekonomi Wanita 471

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
32. Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Swasta 486

KEMENTERIAN PERTAHANAN
33. Penggunaan Dan Penyenggaraan Kenderaan Khas Udara Tentera Udara Diraja Malaysia 505
34. Pengurusan Askar Wataniah 516
35. Projek Pembinaan Kem Muara Tuang Di Kuching, Sarawak 538

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Agensi Antidadah Kebangsaan
36. Pengurusan Kemudahan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik 550

Polis DiRaja Malaysia
37. Pengurusan Barang Kes Yang Disita Di Bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 570

Jabatan Penjara Malaysia
38. Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching, Sarawak 584

PENGURUSAN PROJEK DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KEDUA PELBAGAI KEMENTERIAN DAN JABATAN
39. Pendahuluan 595

JABATAN PERDANA MENTERI
40. Pengurusan Mewujudkan Hub Pengujian Bagi Software (MSTB) 600

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
41. Projek Pembaikan Dan Menaik Taraf Kompleks Pendaratan Ikan/Jeti Nelayan Dan Jalan Ladang 611

KEMENTERIAN KERJA RAYA
Jabatan Kerja Raya
42. Projek Pembinaan Jambatan Sungai Padas Kedua, Beaufort, Sabah 620
43. Program Penurapan Jalan Persekutuan 624

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
44. Perolehan Peralatan Perubatan Dan Bukan Perubatan 633

KEMENTERIAN PERTAHANAN
45. Projek Pembinaan Bangunan Sekolah Agama Dan Pelbagai Bangunan 1 Batalion Ubat, Di Kem Lok Kawi Sabah 644
46. Projek Pembinaan Pusat Latihan Pengaman Malaysia Fasa II, Port Dickson, Negeri Sembilan 651

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
47. Pengurusan Kerja Pembaikan Dan Pengubahsuaian Penjara 658
48. Rumusan 669

HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS
JABATAN PERDANA MENTERI
Jabatan Perkhidmatan Awam
49. Bayaran Pencen Terlebih Bayar 670

KEMENTERIAN KEWANGAN
Perbendaharaan Malaysia
50. Pengurusan Pinjaman Luar Negeri (Projek) 673

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
51. Pengurusan Aktiviti Pulang Balik (Refund) Dan Tarik Balik (Drawback) Duti/Cukai Kastam 676

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
52. Pengurusan Kontrak Berpenggal Bagi Kerja Penyenggaraan Sungai Dan Jalan Di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 679

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
53. Projek Perumahan Rakyat Kg. Kiansom, Inanam Dan Bukit Padang, Kota Kinabalu, Sabah 681

Jabatan Kerajaan Tempatan
54. Program Pembangunan Kampung Tradisional Dan Tersusun 683

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

55.	Pendahuluan	689
56.	Prestasi Kewangan Syarikat Secara Keseluruhan	689
57.	Pengawasan Terhadap Syarikat Kerajaan Oleh Kementerian Kewangan	706
58.	Pengurusan Aktiviti Syarikat	712
59.	Pengurusan Rapid Penang Sdn. Bhd.	713
60.	Pengurusan IJN College Sdn. Bhd.	741
61.	Pengurusan Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	758
62.	Pengurusan FELCRA Agro Industry Sdn. Bhd.	778
63.	Pengurusan Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	806
64.	Pengurusan Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	828
65.	Pengurusan Amanah Raya Berhad	848
66.	Rumusan Terhadap Pengurusan Syarikat Kerajaan Secara Menyeluruh	875

BAHAGIAN III
PENGAUDITAN KHAS ATAS PERMOHONAN KEMENTERIAN/AGENSI LAIN

67.	Pengesahan Terhadap Baki Peruntukan Khas Yang Disalurkan Kepada Mardec Berhad	879
68.	Pengesahan Terhadap Bayaran *User Fee* Oleh Malaysia Airports Holdings Berhad Bagi Tempoh 1 April 2009 Hingga 31 Disember 2009	880
69.	Pengesahan Terhadap Tuntutan Subsidi Dan Intensif Oleh Maswings Sdn. Bhd.	882
70.	Pengesahan Terhadap Prestasi Dan Kedudukan Kewangan Syarikat Konsesi Lebuhraya Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd. (Lebuhraya Damansara-Puchong)	882
71.	Rumusan	883

BAHAGIAN IV
KEDUDUKAN TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/ JABATAN/SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TERHADAP SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2008 DAN 2009 - KEDUDUKAN SETAKAT 30 APRIL 2011

72.	Pendahuluan	887
73.	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil Terhadap Syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008	887
74.	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil Terhadap Syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009	888

PENUTUP 899

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. **Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2. **Pengauditan Pematuhan** - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

1.3. **Pengauditan Prestasi** - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan.

1.4. **Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Mulai Laporan bagi tahun 2006, Laporan saya hasil daripada pengauditan prestasi terhadap pelaksanaan aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan syarikat Kerajaan dilaporkan berasingan daripada Laporan saya berhubung dengan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan. Pengasingan ini dibuat bagi memudahkan rujukan dan memberi lebih impak kepada perkara yang dibangkitkan. Laporan saya mengenai pelaksanaan aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan syarikat Kerajaan bagi tahun 2010 mengandungi 4 bahagian seperti berikut:

Bahagian I	:	**Pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan**
Bahagian II	:	**Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan**
Bahagian III	:	**Pengauditan Khas Atas Permohonan Kementerian/ Agensi Lain**
Bahagian IV	:	**Kedudukan Tindakan Susulan Yang Belum Diambil Oleh Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan Terhadap Syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2008 Dan 2009**

3. Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti pembinaan, penyenggaraan, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan aset, pengurusan cukai, pelajaran, kesihatan, modal insan dan program peningkatan sosioekonomi. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 51 aktiviti/projek di bawah 32 Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan 7 syarikat Kerajaan. Pada umumnya, adalah didapati Kementerian/Jabatan Persekutuan/syarikat Kerajaan telah membuat perancangan dengan memuaskan bagi aktiviti/projek yang dijalankan. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, terdapat beberapa kelemahan yang berpunca daripada penyeliaan yang kurang rapi, ketiadaan pemantauan yang berkesan, kekurangan peruntukan kewangan dan kekurangan kakitangan serta kepakaran.

4. Selain daripada itu, Laporan ini juga mengandungi prestasi kewangan 47 syarikat Kerajaan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 hasil analisis terhadap data yang diperolehi daripada penyata kewangan syarikat yang telah diaudit (audited financial statements). Sebanyak 21 syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai untuk tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM264.94 bilion dan 13 syarikat mengalami kerugian terkumpul bagi tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM1.61 bilion. Bagaimanapun, daripada 21 syarikat yang memperolehi keuntungan tersebut, hanya 10 syarikat yang membayar dividen kepada Kerajaan bagi 3 tahun berturut-turut berjumlah RM90.10 bilion manakala 11 syarikat yang lain hanya membayar dividen bagi tahun-tahun tertentu sahaja. Sebanyak 20 daripada syarikat tersebut telah membayar cukai bagi 3 tahun berturut-turut berjumlah RM78.67 bilion kepada Kerajaan.

5. Dari semasa ke semasa, Jabatan Audit Negara juga ada menerima permohonan daripada beberapa pihak untuk menjalankan pengauditan atau membuat pengesahan terhadap perkara tertentu yang melibatkan prestasi dan kedudukan kewangan syarikat/agensi Kerajaan. Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara telah menerima permohonan daripada Kementerian Pengangkutan untuk membuat pengesahan terhadap tuntutan subsidi dan insentif oleh sebuah syarikat yang mengendalikan operasi udara luar bandar di kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga menerima 2 permohonan daripada Kementerian Kewangan untuk menjalankan pengauditan terhadap baki peruntukan khas yang disalurkan kepada Syarikat Mardec Berhad dan pengesahan bayaran *user fee* oleh Malaysia Airports Holdings Berhad. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri, Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan terhadap prestasi dan kedudukan kewangan bagi satu syarikat konsesi lebuh raya bertol iaitu Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd. (Lebuhraya Damansara-Puchong).

6. Bagi membantu Kementerian/Jabatan/syarikat Kerajaan memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2008 dan 2009, sebanyak 424 syor telah dikemukakan untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan

susulan yang dijalankan setakat 30 April 2011 mendapati 172 (98.9%) daripada 174 syor yang dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2008 telah diambil tindakan dengan sewajarnya oleh pihak yang berkenaan. Manakala bagi tahun 2009, sebanyak 220 (88%) daripada 250 syor yang dikemukakan telah diambil tindakan. Dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2010 ini pula, sebanyak 297 syor telah dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan/syarikat Kerajaan berkenaan untuk tindakan pembetulan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang. Jabatan ini akan membuat pemantauan secara berterusan bagi memastikan tindakan yang sewajarnya diambil oleh pihak yang berkenaan terhadap syor tersebut dan akan melaporkan kedudukan terkininya dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/syarikat Kerajaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
8 Julai 2011

INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN PERDANA MENTERI

1. Pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

a. Projek pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang telah disiapkan pada bulan Januari 2010. Sebanyak 17 jabatan/agensi telah beroperasi di bangunan gunasama ini sejak bulan Mac 2010. Syarikat Purata Abadi Sdn. Bhd. telah dilantik untuk melaksanakan projek secara tender terbuka dengan nilai kontrak berjumlah RM45.92 juta. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek ini. Antaranya ialah kerja pembinaan lewat disiapkan selama 316 hari; kerja yang dihasilkan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai; masalah serangan kulat; Surat Setuju Terima (SST) lewat dikeluarkan dan perjanjian kontrak lewat ditandatangani.

b. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Kerja Raya melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Menjalankan pemantauan dengan berkesan bagi mengelakkan kelewatan dalam menyiapkan projek.

   ii. Memastikan segala kecacatan diperbaiki oleh kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

   iii. Memastikan tindakan segera diambil di peringkat awal terhadap masalah serangan kulat supaya ia tidak menjadi lebih serius bagi meminimumkan kos rawatan dan pembaikan.

   iv. Memastikan SST serta kontrak dikeluarkan dan ditandatangani dengan segera.

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

2. Aktiviti Penguatkuasaan Lesen Kenderaan Perdagangan

a. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) adalah bertanggungjawab untuk melaksana, mentadbir dan menguatkuasakan Akta LPKP 1987 (Akta 334) serta kaedah-kaedah yang telah diperuntukkan di bawahnya. Pada 31 Januari 2011, LPKP Semenanjung telah dibubarkan dan fungsinya termasuk aktiviti penguatkuasaan lesen kenderaan perdagangan telah diserap ke Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati beberapa kelemahan seperti kes tangkapan/aduan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan; pemantauan dan audit syarikat tidak dilaksanakan secara

menyeluruh; prosedur kerja aktiviti penguatkuasaan tidak dipatuhi; tindakan pendakwaan tidak diambil terhadap pesalah yang mempunyai kompaun tertunggak; tempoh penguatkuasaan kompaun tidak ditetapkan/tidak seragam; kawalan dalaman terhadap penetapan kadar/pengeluaran/pengurangan kompaun tidak diwujudkan dan pengurusan fail/dokumen kes yang tidak teratur.

b. Pihak Audit mengesyorkan SPAD melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Menetapkan norma masa bagi penyelesaian kes bermula dari tarikh tangkapan sehingga pembayaran kompaun. Selain itu, norma masa bagi proses kerja pengendalian aduan juga perlu ditetapkan.

   ii. Melantik pegawai pendakwa bagi membolehkan tindakan mahkamah diambil terhadap pesalah yang mempunyai kompaun tertunggak.

   iii. Urusan penetapan/pengurangan kompaun melalui Sistem Informasi Kenderaan Dan Pemandu (SIKAP) perlu dikawal dan dilakukan oleh pegawai yang diberi kuasa dan justifikasi pengurangan kadar kompaun dinyatakan.

   iv. Memastikan pengurusan lesen kenderaan perdagangan yang digantung/dibatalkan dilaksanakan dengan sempurna dan teratur.

   v. SPAD yang mengambil alih fungsi LPKP Semenanjung perlu meminta Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) menjalankan kajian secara menyeluruh terhadap prosedur bahagian penguatkuasaan bagi memastikan kecekapan, integriti dan ketelusan operasi SPAD.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

3. Pembinaan Pusat/Institut Latihan Islam

a. JAKIM telah diluluskan peruntukan berjumlah RM232.78 juta di bawah RMKe-9 bagi membangunkan Kompleks dan Pusat Latihan Islam. Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pula membiayai projek Pembinaan Pusat Latihan Islam Lawas, Sarawak. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 terhadap Projek Pembinaan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Wilayah Timur, Besut dan Pusat Latihan Islam Lawas, Sarawak (PLI) mendapati beberapa kelemahan seperti projek lewat disiapkan; Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan walaupun masih terdapat kerja yang belum disiapkan/tidak disempurnakan; kelulusan lanjutan masa lewat dikeluarkan; arahan perubahan kerja tidak diluluskan; pembinaan tidak sempurna/tidak mengikut spesifikasi/tidak sesuai/tidak berkualiti; pembekalan perabot tidak dapat disahkan bilangan dan nilainya serta denda dikenakan kepada kontraktor tanpa mengeluarkan Sijil Perakuan Tidak Siap Kerja.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

   i. JKR perlu meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan ke atas kerja yang dilaksanakan.

   ii. JKR perlu memastikan lanjutan masa diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan.

iii. JKR perlu memastikan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan selepas kerja selesai sepenuhnya dan kelengkapan dibekalkan dengan sempurna.

iv. JKR perlu memastikan kontraktor membaiki sebarang kerosakan/kecacatan yang ditemui sebelum Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan. Pelarasan harga terhadap kerja yang tidak disempurnakan/tidak mengikut spesifikasi oleh kontraktor perlu dibuat semasa penyediaan Akaun Muktamad.

v. JKR/JAKIM perlu membuat laporan kepada agensi yang bertanggungjawab berhubung prestasi kontraktor/perunding yang tidak memuaskan.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan

4. Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan

a. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) adalah agensi penyelaras Program Pembasmian Kemiskinan di bawah RMKe-9. Matlamat utama program ini adalah bagi mensifarkan miskin tegar pada bulan Disember 2010 di seluruh negara. Pada tahun 2010, sejumlah RM691.52 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan program ini. Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN) atau Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri (JPPN) bertanggungjawab menyelaras kemajuan pelaksanaan projek di peringkat negeri. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati masih lagi terdapat seramai 2,472 orang miskin tegar di seluruh negara dan pelaksanaan projek peningkatan ekonomi kurang memuaskan kerana 37 (54.4%) daripada 68 projek yang dilawati gagal mencapai objektifnya. Juga terdapat kelemahan dalam pengurusan program seperti tempoh pelaksanaannya tidak mencukupi; peserta tidak layak diberi bantuan; peserta tidak tahu terlibat dengan projek; barang tidak diterima sepenuhnya dan tidak lengkap; bantuan tidak diterima oleh peserta; projek tidak dilaksanakan oleh pembekal; pembekal mengambil keuntungan daripada peserta; mentor tidak memainkan peranannya; perjanjian projek *champion* tidak lengkap; komitmen peserta rendah dan kelemahan pemantauan.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

i. ICU, JPM perlu menjalankan kajian pengurusan projek peningkatan ekonomi golongan sasar dengan menyediakan satu garis panduan yang lengkap dan komprehensif dengan mengambil kira kepentingan dan penglibatan semua pihak.

ii. ICU, JPM bekerjasama dengan Penasihat Undang-undang bagi menyediakan *template* perjanjian yang mengandungi klausa yang penting antaranya kaedah pembahagian untung rugi projek, hak pemilikan peralatan projek, kadar dan tempoh agihan dividen serta denda/tuntutan sekiranya mentor/peserta melanggar perjanjian. Selain itu ICU, JPM hendaklah memastikan peserta menandatangani perjanjian projek.

iii. PPPN perlu memeriksa dengan teliti dokumen sokongan yang dikemukakan sebelum pembayaran dibuat bagi mengelakkan penyelewengan.

iv. PPPN perlu menilai kemampuan/minat peserta, tempoh pelaksanaan dan lokasi projek sebelum sesuatu projek diluluskan.

v. ICU, JPM/PPPN perlu meningkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan projek sehingga satu tempoh yang sesuai bagi memastikan projek yang dilaksanakan mencapai matlamat yang ditetapkan.

KEMENTERIAN KEWANGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

5. Pengurusan Cukai Pendapatan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

a. Setakat bulan Disember 2010, terdapat 476 IPTS yang terdiri daripada 42 universiti (termasuk kampus cawangan), 26 bertaraf kolej universiti (termasuk kampus cawangan), 5 cawangan kampus universiti luar negara dan 403 kolej. Enrolmen di IPTS ini bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 adalah seramai 2.17 juta pelajar. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 terhadap 68 IPTS yang dikendalikan oleh Jabatan Cukai Korporat Kuala Lumpur serta Cawangan Kuching, Kuantan dan Kuala Terengganu mendapati pengurusan cukai pendapatan IPTS ini kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan yang boleh menyebabkan cukai pendapatan lewat/tidak/kurang dipungut. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah ketidaktelusan kaedah pengenaan penalti terhadap pembayar cukai yang gagal/lewat mengemukakan Borang C; audit luar kurang diberi tumpuan di mana Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) hanya selesai menjalankan audit luar terhadap satu IPTS sahaja; taksiran anggaran dan penalti berjumlah RM0.16 juta tidak dikeluarkan kepada 4 IPTS yang tidak mengemukakan Borang C; kenaikan cukai berjumlah RM49,567 tidak dikenakan terhadap 12 IPTS yang mengemukakan anggaran cukai terlalu rendah atau gagal mematuhi skim bayaran ansuran cukai serta 2 IPTS gagal menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM0.75 juta.

b. Pihak Audit mengesyorkan LHDNM melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Jabatan Pematuhan Cukai di Ibu Pejabat LHDNM perlu mengambil kira IPTS yang peratusan untung/rugi kasar dan bersih berbeza dengan ketara antara tahun serta IPTS yang melaporkan kerugian bersih berturut-turut sebagai kriteria pemilihan kes audit luar.

ii. Menguatkuasakan pungutan cukai secara tegas melalui pengenaan kenaikan cukai dan tindakan guaman sivil terhadap IPTS mengikut peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

iii. Membangunkan sistem berkomputer yang berupaya melakukan tindakan secara automatik bagi mengeluarkan taksiran anggaran cukai pendapatan terhadap IPTS yang tidak mengemukakan Borang C serta mengenakan penalti terhadap IPTS yang lewat/tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan.

iv. Memastikan *Revenue Management System (ReMS)* yang telah dibangunkan berupaya melakukan tindakan secara automatik bagi mengenakan kenaikan cukai terhadap IPTS yang gagal mematuhi skim bayaran ansuran cukai serta mengenakan kenaikan cukai terhadap IPTS yang gagal membayar tunggakan cukai.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
6. Pengurusan Guaman Sivil

a. Setakat akhir tahun 2010, terdapat 30,894 saman untuk tunggakan cukai berjumlah RM4.37 bilion. Pengauditan telah dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 terhadap 750 kes guaman sivil di Unit Undang-Undang, Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Jalan Duta, Kota Bharu, Kangar, Sungai Petani, Bukit Mertajam dan Melaka melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM256.84 juta. Adalah didapati prestasi penyelesaian kes guaman sivil dan pungutan cukai tertunggak masih kurang memuaskan di mana kutipan bayaran balik tunggakan cukai berjumlah RM3.09 juta mengambil masa antara 56 hingga 5,193 hari (14 tahun). Di peringkat sebelum penghakiman pula, wujud kelemahan seperti berlaku kelewatan pendaftaran saman di mahkamah; kelewatan menyerahkan saman kepada pembayar cukai dan kelewatan memfailkan *afidavit* penyampaian saman di mahkamah. Manakala di peringkat selepas penghakiman diperolehi, wujud kelemahan seperti penghakiman bersih lewat dihantar ke mahkamah untuk dimeterai, tindakan lewat diambil serta tiada tindakan selepas surat tuntutan dan penghakiman bersih dihantar kepada pembayar cukai. Di samping itu, perintah pelaksanaan tidak dapat dijalankan; penyampaian ganti tidak dibuat bagi kes Notis Kebankrapan yang tidak dapat diserahkan kepada pembayar cukai; *afidavit* penyerahan Notis Kebankrapan lewat difailkan ke mahkamah serta tindakan penggulungan tidak dibuat walaupun Notis Tuntutan Bayaran telah diserahkan kepada pembayar cukai.

b. Pihak Audit mengesyorkan LHDNM melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Mewujudkan satu sistem maklumat pelaporan pengurusan guaman sivil yang sistematik bagi merekodkan kedudukan prestasi tindakan guaman sivil yang sebenar di peringkat cawangan dan Ibu Pejabat.

ii. Mempertingkatkan mekanisme pemantauan terhadap tunggakan cukai yang memerlukan tindakan guaman sivil bagi setiap peringkat yang terlibat supaya tidak berlaku sebarang kelewatan.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
7. Pengurusan Aktiviti Unit Audit Meja Bagi Individu Berpendapatan Perniagaan (OG)

a. Bagi tempoh tahun 2008 dan 2009, sebanyak 449,492 kes individu berpendapatan perniagaan telah selesai dijalankan pengauditan oleh Unit Audit Meja OG LHDNM. Pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara antara bulan Ogos hingga Disember 2010 di 6 cawangan LHDNM iaitu Cawangan Jalan Duta, Ipoh,

Seremban, Kota Kinabalu, Johor Bahru dan Wilayah Persekutuan Labuan mendapati secara keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti audit meja OG mempunyai beberapa kelemahan yang boleh menyebabkan cukai pendapatan lewat/tidak/kurang dipungut. Antara kelemahan tersebut ialah 49 kes lewat diselesaikan iaitu melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Audit dan Standard Kualiti Audit Meja dengan penyelesaian cukai berjumlah RM1.39 juta; 83 pembayar cukai dengan amaun tertunggak berjumlah RM1.87 juta tidak dikenakan kenaikan cukai yang melibatkan kenaikan cukai antara RM4 hingga RM25,161; sekatan perjalanan dan tindakan guaman sivil tidak dikenakan kepada mereka yang tidak menjelaskan tunggakan cukai serta berlaku ketidakpatuhan penggunaan Sistem Pengurusan Kes (Case Management System - CMS).

b. Pihak Audit mengesyorkan LHDNM melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Cawangan LHDNM hendaklah memastikan semua kes diinput dengan lengkap ke dalam CMS agar statistik yang dijana oleh sistem adalah tepat bagi memastikan pemantauan pencapaian KPI dapat dilaksanakan. Sehubungan itu, pemantapan CMS perlu dilaksanakan.

   ii. Memastikan setiap kes audit diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan bagi mengelak dari berlakunya tunggakan kerja serta kelewatan kutipan hasil Kerajaan. Selain itu, butiran maklumat lengkap perlu disimpan agar tempoh penyelesaian kes dapat dipastikan.

   iii. Bagi mengelakkan kehilangan hasil Kerajaan dan mengurangkan cukai tertunggak, LHDNM hendaklah mengambil tindakan pemungutan melalui pengenaan kenaikan cukai, tindakan menghalang keluar negara dan guaman sivil terhadap pembayar cukai selaras dengan peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

8. Aktiviti Kutipan Cukai Perkhidmatan

a. Fungsi utama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah memungut hasil cukai tidak langsung seperti cukai perkhidmatan. Kadar cukai perkhidmatan sebelum tahun 2011 ialah 5% dan ia telah dinaikkan kepada 6% mulai 1 Januari 2011. Antara perkhidmatan yang dikenakan cukai adalah hotel melebihi 25 bilik, telekomunikasi, perundangan dan pengurusan serta restoran luar hotel di mana *threshold* (jualan setahun) melebihi RM3 juta. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2010 di Ibu Pejabat JKDM dan 5 Pejabat Kastam Negeri (WP Kuala Lumpur, Melaka, Perak, Kelantan dan Sabah) bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 mendapati pada umumnya, aktiviti kutipan cukai perkhidmatan telah diuruskan dengan memuaskan. Ini berdasarkan jumlah kutipan cukai yang telah meningkat daripada RM3.34 bilion pada tahun 2008 kepada RM3.81 bilion pada tahun 2010. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti kutipan cukai perkhidmatan seperti pemeriksaan akaun belum dibuat terhadap pelesen yang tidak/lewat mengemukakan penyata CJP No.1;

mengemukakan penyata tanpa bayaran atau mengikrarkan perkhidmatan *nil.* Selain itu, Cawangan Audit Syarikat, JKDM di 5 negeri yang dilawati hanya dapat mengaudit 354 (14.9%) pelesen cukai perkhidmatan bagi tempoh tahun 2008 hingga bulan Jun 2010 daripada 2,374 yang dijadualkan.

b. Pihak Audit mengesyorkan JKDM melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Menjadualkan program pemantauan secara berkala terhadap pelesen yang masih aktif tetapi tidak mengemukakan Penyata CJP No.1. Ini untuk memastikan siasatan dan pengemaskinian status dapat dilaksanakan oleh Cawangan Penguatkuasaan Pelesenan dan pungutan cukai dapat dibuat dengan sewajarnya. Selain itu, analisis *trend* pengikraran atau verifikasi perlu dilaksanakan di setiap negeri sebagai medium untuk mengenal pasti pelesen yang bermasalah, diragui atau disyaki membuat penyelewengan supaya dapat dikemukakan kepada Cawangan Audit Syarikat untuk pemeriksaan akaun.

   ii. Meningkatkan operasi pelesenan memandangkan operasi ini berjaya menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan. Selain itu, JKDM juga perlu mengambil tindakan undang-undang terhadap pelesen yang mempunyai tunggakan cukai dan penalti.

   iii. Cawangan Audit Syarikat perlu menambahkan bilangan fail pelesen untuk diaudit oleh setiap pegawai dengan menetapkan norma kerja yang bersesuaian dengan beban tugas mereka.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
9. Kawalan Terhadap Gudang Berlesen

a. Gudang berlesen adalah gudang yang menempatkan barang dagangan import yang ditangguhkan pembayaran duti kastam sehingga ianya dibawa keluar untuk dieksport atau dijual di pasaran tempatan. Sehingga bulan Disember 2010, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengawal sebanyak 538 gudang berlesen yang aktif. Pengauditan telah dijalankan terhadap 96 gudang berlesen yang dikawal oleh Ibu Pejabat JKDM dan 5 Pejabat Kastam Negeri (Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Pahang dan Sarawak) bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati kawalan terhadap gudang berlesen adalah memuaskan. Bagaimanapun, wujud beberapa kelemahan, antaranya adalah pematuhan syarat lesen yang lemah; kelewatan pengusaha memohon pembaharuan lesen; kelewatan memperbaharui lesen; kegagalan menghantar penyata stok bulanan dan penyata kesalahan gudang berlesen serta pemeriksaan fizikal secara berkala ke premis gudang berlesen tidak dijalankan.

b. Pihak Audit mengesyorkan JKDM melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Mengambil tindakan tegas dengan mengenakan kompaun atau denda yang sewajarnya mengikut peruntukan akta yang berkaitan terhadap syarikat yang gagal mengemukakan permohonan pembaharuan lesen dalam masa yang

ditetapkan, tidak menyimpan barangan berduti dengan selamat atau menyalahgunakan kemudahan yang diberi dan menjalankan aktiviti yang tidak dibenarkan.

ii. Merancang, melaksana dan memantau program pemeriksaan fizikal serta memastikan penyata stok bulanan dikemukakan oleh gudang berlesen bagi memastikan setiap operasi penerimaan dan pemindahan stok dan rekod stok di gudang berlesen sentiasa dipantau secara menyeluruh.

iii. Memastikan permohonan pembaharuan lesen diluluskan sebelum tarikh luput lesen asal bagi mengelakkan sebarang aktiviti yang tidak sah berlaku.

iv. Mewujudkan sistem kawalan dalaman supaya semua pejabat Kastam Negeri mengemukakan Penyata Mengenai Kesalahan Gudang Berlesen setiap bulan bagi mengenal pasti pengusaha gudang berlesen yang bermasalah dan memastikan tindakan yang bersesuaian diambil terhadap mereka berdasarkan peraturan dan ketetapan sedia ada.

v. Mengkaji semula perjawatan atau melaksanakan dasar *redeployment* di cawangan/unit yang mengalami kekurangan pegawai/kakitangan supaya pemeriksaan berkala terhadap gudang berlesen dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

10. Pengurusan Skim Insentif Peningkatan Hasil Padi

a. Insentif Peningkatan Hasil Padi (IPH) adalah untuk memberi galakan kepada petani untuk meningkatkan hasil padi semasa dan meningkatkan tahap sara diri. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 September 2006 telah bersetuju skim IPH dilaksanakan dan pembayarannya dibuat mulai bulan Mac 2007. Sejak skim ini dilaksanakan sehingga tahun 2010, sejumlah RM230.62 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan skim IPH dan sejumlah RM72 juta daripada peruntukan Dasar Jaminan Bekalan Makanan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 mendapati objektif skim IPH untuk meningkatkan pengeluaran padi telah dapat dicapai. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan IPH seperti tiada perjanjian yang mengikat BERNAS yang dilantik sebagai agensi pelaksana skim; peruntukan tidak mencukupi mengakibatkan Kerajaan belum membayar insentif berjumlah RM110.67 juta kepada 73,291 pesawah; kadar insentif yang tidak munasabah bagi pesawah yang mengusahakan tanaman padi lebih 2 hektar dan kelewatan BERNAS menyelesaikan siasatan terhadap kes di mana peningkatan hasil padi melebihi 10% daripada anggaran hasil yang ditetapkan.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

i. Kementerian perlu memastikan perjanjian penswastaan antara Kerajaan dan BERNAS dimuktamadkan.

ii. Kementerian perlu menyemak semula keutamaan program sedia ada bagi menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk membayar insentif kepada semua pesawah yang layak.

iii. BERNAS perlu menyelesaikan siasatan terhadap semua kes lebihan anggaran hasil dalam tempoh yang ditetapkan.

iv. Kementerian perlu memastikan pihak BERNAS mempunyai suatu mekanisme yang lebih berkesan untuk memberi bimbingan kepada pesawah mengenai insentif ini secara berterusan.

11. Projek Pusat Fidlot Nasional

a. Pusat Fidlot Nasional (PFN) telah diwujudkan dengan peruntukan berjumlah RM73.64 juta di Daerah Gemas, Negeri Sembilan. PFN ini bertujuan untuk dijadikan pusat penternakan lembu fidlot secara komersil dan bersepadu; mewujudkan sistem pengeluaran daging lembu secara perladangan kontrak dengan rantaian pemasaran produk secara bersepadu di seluruh negara serta mewujudkan rantaian bekalan dalam industri pengeluaran daging lembu. National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFCorp) dilantik sebagai *integrator* PFN yang akan menaungi usahawan fidlot secara kontrak di kawasan ladang yang sama atau sekitarnya dengan membekalkan input utama seperti makanan ternakan dan anak lembu (feeder). Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2011 mendapati objektif projek PFN masih belum dicapai sepenuhnya disebabkan *Entrepreneur Development Programme* (EDP) bagi melahirkan 130 pengusaha ladang satelit belum dilaksanakan dan operator utama telah menarik diri pada tahun 2008. Selain itu, terdapat juga kelemahan dalam pengurusan projek seperti pengambilan balik tanah oleh MBNS Inc. walaupun Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah RM2.84 juta untuk kerja pembersihan kawasan seluas 3,000 ekar; infrastruktur tidak digunakan dan penyenggaraan infrastruktur yang kurang memuaskan.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan untuk mendapatkan keputusan Kerajaan mengenai hala tuju projek ini.

ii. Meneruskan perbincangan dengan syarikat yang berminat untuk mengambil alih kawasan yang sepatutnya dipajak kepada operator utama bagi mengelakkan pembaziran.

iii. Meningkatkan pemantauan supaya NFCorp menyempurnakan obligasinya seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

iv. Meningkatkan koordinasi dan komunikasi dengan MOF, MBNS Inc. dan NFCorp supaya isu/masalah pelaksanaan projek boleh diselesaikan dengan segera bagi mencapai sasaran pengeluaran daging lembu berkualiti sebanyak 60,000 ekor lembu menjelang tahun 2015.

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)

12. Pengurusan Program Makanan Tambahan Untuk Kanak-kanak Tabika

a. Program Makanan Tambahan (PMT) di Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) bertujuan untuk memberi makanan yang berkhasiat dan terancang kepada kanak-kanak pra-sekolah bagi meningkatkan status kesihatan dan perkembangan minda kanak-kanak. Kadar yang ditetapkan bagi PMT untuk seorang kanak-kanak Tabika ialah RM1.80 bagi Semenanjung Malaysia serta RM2.05 untuk Sabah, Sarawak dan Labuan mulai 1 Ogos 2010. Pengauditan telah dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 di Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (Kementerian), Ibu Pejabat KEMAS, 4 Pejabat KEMAS Negeri, 11 Pejabat KEMAS Daerah serta 143 Tabika. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan PMT adalah memuaskan di mana 99.5% daripada bilangan kelas yang disasarkan telah dapat disediakan dan 96.5% daripada bilangan kanak-kanak yang disasarkan telah mendapat manfaat dari PMT. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti penyediaan makanan tidak mengikut menu dan resipi yang ditetapkan; perolehan multivitamin tidak dibuat bagi tahun 2009 dan 2010; perolehan bahan makanan kering bernilai RM462,040 di Pejabat KEMAS Johor dan Kedah tidak mengikut menu yang ditetapkan; stok bahan makanan kering di Pusat Kegiatan KEMAS Kampung Lalang, Baling, Kedah lewat diagihkan kepada Tabika; bahan makanan kering di Kedah dan Kelantan disimpan di tempat yang tidak bersesuaian dan tuntutan daripada 30 Tabika di Johor, Kelantan dan Sabah lewat dibayar.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

   i. Pejabat KEMAS Negeri dan Daerah perlu membuat pemantauan secara berkala bagi memastikan Tabika mematuhi panduan yang ditetapkan.

   ii. Pejabat KEMAS Negeri perlu memastikan perolehan bahan makanan kering disesuaikan dengan menu/resipi yang ditetapkan.

   iii. KEMAS perlu mewujudkan satu daftar yang seragam untuk memastikan stok bahan makanan kering direkodkan dengan betul.

   iv. KEMAS perlu memantau dengan rapi pengurusan dan pengedaran bahan makanan kering ke Tabika.

   v. KEMAS perlu mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Jabatan Taman Laut Malaysia

13. Pengurusan Perolehan Bot Aluminium All Weather Untuk Aktiviti Penguatkuasaan

a. Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) telah menandatangani satu kontrak bernilai RM7.51 juta dengan syarikat Kejuruteraan Kapal Masai Sdn. Bhd. untuk

melaksanakan kerja merekabentuk, membina, memasang, menguji serta menyerah sebuah bot aluminium *all whether* kepada JTLM. Bot telah diserahkan kepada JTLM pada 24 Disember 2010 setelah 2 lanjutan masa diluluskan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2010 hingga April 2011 mendapati kajian pasaran dan penilaian terhadap kewajaran kos bagi bekalan yang dinyatakan secara harga pukal dalam dokumen tender tidak dibuat; peraturan kewangan berkaitan keperluan membekalkan peralatan baru/keluaran semasa dan tulen tidak dinyatakan dalam dokumen tender; petender tidak mengemukakan maklumat jenama, model dan spesifikasi dalam dokumen tender; syarat kontrak berkaitan reka bentuk dan ujian kualiti tidak dipatuhi serta peralatan tidak dibekalkan mengikut spesifikasi, namun pembayaran telah dibuat sepenuhnya tanpa pelarasan harga.

b. Pihak Audit mengesyorkan JLTM melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Pengurusan perolehan perlu diuruskan dengan teratur oleh pegawai yang mempunyai kepakaran serta berpengalaman dalam bidang urusan perolehan Kerajaan.

   ii. Jawatankuasa Penilaian Harga perlu menilai setiap tender dengan teliti bagi memastikan harga yang ditawarkan dapat memberi *value for money* terhadap perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

   iii. JTLM perlu menyemak syarat yang ditetapkan dalam kontrak secara terperinci serta melaraskan pembayaran yang terlebih bayar bagi peralatan yang tidak dibekalkan atau pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi.

   iv. JLTM mengarahkan kontraktor untuk membaik pulih semua kecacatan yang telah dikenal pasti dengan segera. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian, bon pelaksanaan perlu dirampas dan kontraktor perlu disenaraihitamkan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

14. Pengurusan Penyenggaraan Jalan Persekutuan Yang Diswastakan Di Negeri Sarawak

a. Program penswastaan penyenggaraan jalan persekutuan di negeri Sarawak dilaksanakan oleh 3 syarikat konsesi iaitu PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd., Endaya Construction Sdn. Bhd dan HCM Engineering Sdn. Bhd. Mengikut perjanjian penswastaan, jalan persekutuan yang perlu disenggarakan setakat 14 Julai 2003 ialah sepanjang 1,326 km dan telah meningkat kepada 1,566 km setakat 31 Disember 2009. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati secara umumnya keadaan jalan persekutuan adalah kurang memuaskan walaupun sejumlah RM462.46 juta telah dibelanjakan untuk penyenggaraannya bagi tempoh tahun 2005 hingga 2010. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan seperti kerja penurapan jalan tidak dibuat dan kerosakan *pavement* tidak dibaiki; jentera yang digunakan untuk memampatkan kerja penurapan jalan tidak mengikut spesifikasi serta penyenggaraan bahu/perabot/perparitan jalan tidak memuaskan.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

   i. Kementerian Kerja Raya hendaklah menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk memastikan semua cadangan kerja penyenggaraan berkala dapat dilaksanakan.

   ii. JKR Sarawak dan JKR Bahagian hendaklah memastikan kerja penyenggaraan jalan persekutuan dijalankan mengikut spesifikasi kontrak dan berkualiti.

   iii. JKR Sarawak dan JKR Bahagian perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap penyenggaraan jalan persekutuan dengan menjalankan pemeriksaan secara berkala khususnya semasa kerja penyenggaraan dilaksanakan oleh syarikat konsesi.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

15. Projek Sistem Pengendalian Bagasi Di Kuala Lumpur International Airport (KLIA) Ke Keretapi Berkelajuan Tinggi (ERL)

a. Projek Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA ke ERL dibangunkan untuk menyediakan infrastruktur bagi perkhidmatan pengendalian daftar keluar bagasi (check-out*)* untuk penumpang kapal terbang dari KLIA yang menggunakan perkhidmatan ERL. Projek ini bernilai RM186.03 juta telah disiapkan dan diserahkan kepada Kementerian Pengangkutan pada 11 Mac 2008. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati beberapa kelemahan pada peringkat perancangan dan pelaksanaan projek. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah kos projek meningkat; pelantikan kontraktor mengambil masa 5 tahun; projek siap tetapi tidak dimanfaatkan sepenuhnya kerana tidak mencapai matlamat asal iaitu pelaksanaan sistem *check-out* di Kuala Lumpur Sentral; kajian kemungkinan tidak dilaksanakan dan kontrak lewat ditandatangani.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian Pengangkutan melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Memastikan Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan memantau perkembangan Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA ke ERL supaya dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya untuk mencapai sasaran sistem *check-out* di Kuala Lumpur Sentral pada tahun 2012 agar tidak berlaku pembaziran wang awam.

   ii. Mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan pemantauan terhadap kerja pengubahsuaian Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA ke ERL dilakukan supaya projek dapat beroperasi seperti yang dirancang.

   iii. Pentadbiran kontrak perlu dibuat dengan teratur bagi mengelakkan berlakunya kelewatan dalam menandatangani kontrak pada masa hadapan.

Jabatan Pengangkutan Jalan

16. Projek Pembinaan Pejabat Teknologi Maklumat Di Cyberjaya

a. Pejabat Teknologi Maklumat Jabatan Pengangkutan Jalan (PTM JPJ) di Cyberjaya telah dibina oleh Syarikat Setia Haruman Sdn. Bhd. dan Jabatan Kerja Raya

sebagai agensi pelaksana. PTM JPJ diserahkan secara rasmi kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada 13 Mac 2009. Sejumlah RM50.03 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan projek ini. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati pelaksanaan projek ini kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah kualiti kerja pembinaan dan bekalan peralatan kurang memuaskan; pemantauan semasa pembinaan dan tempoh tanggungan kecacatan kurang memuaskan; pemantauan terhadap kerja elektrik oleh perunding tidak memuaskan; bangunan lewat diduduki dan lanjutan masa diluluskan setelah tempoh kontrak tamat. Selain itu, keselamatan bangunan PTM sebagai Pusat Data JPJ juga kurang memuaskan.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

   i. JKR perlu memainkan peranan yang lebih berkesan untuk memantau kerja pembaikan kecacatan supaya dapat disiapkan dalam tempoh tanggungan kecacatan.

   ii. JKR perlu memastikan kontraktor diberi surat amaran berdasarkan penyeliaan kerja perunding elektrik yang tidak berkesan.

   iii. JPJ perlu memastikan langkah mengisytiharkan PTM JPJ sebagai tempat larangan dilakukan segera supaya tahap keselamatan yang sewajarnya boleh dilaksanakan termasuk membina pagar keselamatan.

   iv. JPJ dan JKR perlu memastikan perancangan dan penyelarasan dalam pengurusan kontrak antara agensi terlibat seperti Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan dan TNB perlu dipertingkatkan dengan lebih cekap.

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

17. Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar Yang Dibiayai Daripada Dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik

a. Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dilaksanakan dengan tujuan untuk menyediakan kemudahan bekalan elektrik kepada rumah di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan; kampung tradisional dan perkampungan Orang Asli tetapi tidak termasuk kawasan perumahan yang dimajukan oleh pihak swasta. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) melaksanakan projek BELB dengan menggunakan dana daripada Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE). Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati secara keseluruhannya prestasi pelaksanaan projek BELB bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah kurang memuaskan memandangkan hanya 16 projek (43.2%) sahaja telah disiapkan setakat akhir tahun 2010 berbanding 37 projek yang diluluskan. Semakan Audit terhadap 18 projek BELB mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan projek ini seperti surat kelulusan pelaksanaan projek lewat dikeluarkan kepada TNB; laporan semakan tapak lewat dikemukakan kepada Jawatankuasa AAIBE dan pemilihan lokasi yang tidak memenuhi kriteria.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

i. KeTTHA dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah perlu menambah baik kaedah pelaksanaannya supaya projek dapat disiapkan dengan lebih awal untuk manfaat golongan sasaran.

ii. KeTTHA perlu memastikan kelulusan pelaksanaan projek dibuat di kawasan yang memerlukan sahaja dan membatalkan projek di kawasan yang tidak mempunyai penduduk.

iii. TNB perlu mengambil kira aspek penting yang lain seperti izin lalu tanah dan bayaran pampasan tanah semasa menyediakan laporan semakan tapak.

iv. KeTTHA perlu mempertimbangkan agar kos pendawaian elektrik dalam rumah dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos projek bagi kawasan yang penduduknya tidak mempunyai kemampuan kewangan.

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Pusat Angkasa Negara

18. Pengurusan Perolehan Peralatan Makmal Assembly, Integration And Test (AIT) Di Pusat Angkasa Negara, Banting

a. Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) telah diluluskan peruntukan berjumlah RM161.46 juta untuk pembinaan bangunan makmal, pusat pentadbiran dan arkib serta perolehan peralatan makmal AIT di bawah RMKe-9 dan RMKe-10. Projek pembinaan bangunan makmal AIT berserta perolehan peralatannya adalah bertujuan untuk menguji satelit sebelum ia dilancarkan ke angkasa lepas. Setakat 31 Disember 2010, sejumlah RM129.93 juta (80.5%) telah dibelanjakan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2010 hingga Februari 2011 mendapati perolehan peralatan makmal AIT belum dapat diintegrasikan dengan bangunan bagi mencapai objektifnya kerana kelewatan dalam menyiapkan bangunan makmal. Keputusan Kementerian menangguhkan projek pembinaan makmal AIT di bawah Fasa 3A telah menyebabkan peralatan makmal yang diterima antara tahun 2008 hingga 2010 bernilai RM64.69 juta tidak dapat digunakan lagi. Pihak ANGKASA terpaksa menanggung kos tambahan berjumlah RM0.44 juta yang terdiri daripada kos pengangkutan, penyimpanan dan insurans serta bakal menanggung kos tambahan lagi sekiranya Kementerian Kewangan meluluskan pelanjutan tempoh kontrak yang dipohon oleh pihak SIRIM Bhd. berjumlah RM17.83 juta.

b. Pihak Audit mengesyorkan ANGKASA melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Membuat pemantauan yang rapi bagi memastikan pembinaan bangunan makmal AIT disiapkan mengikut jadual bagi mengelakkan kos tambahan dan memastikan peralatan makmal AIT dapat digunakan.

ii. Memastikan SIRIM Bhd. memperbaharui jaminan bank sepanjang tempoh kontrak bagi melindungi kepentingan Kerajaan.

iii. Menyemak dengan teliti pelanjutan tempoh kontrak yang dikemukakan oleh SIRIM Bhd. kerana setiap pelanjutan tempoh yang diluluskan melibatkan kos tambahan kepada Kerajaan.

iv. Memastikan SIRIM Bhd. menyediakan jadual penyenggaraan yang terperinci bagi setiap peralatan AIT untuk tujuan pemantauan.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

19. Pengurusan Kutipan Hasil Cukai Tanah Di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

a. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL) bertanggungjawab menguruskan semua urusan pentadbiran tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merangkumi urusan memungut hasil tanah, pendaftaran, pembangunan dan penguatkuasaan. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010, amaun sebenar hasil tanah yang dikutip adalah berjumlah RM440.29 juta (termasuk RM82.68 juta kutipan bagi tunggakan cukai tanah) iaitu 59.1% daripada unjuran yang ditetapkan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei 2010 hingga September 2010 dan April 2011 mendapati pengurusan kutipan hasil cukai tanah adalah kurang memuaskan di mana prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai tanah adalah kurang daripada 60% berbanding unjuran serta terdapat kes tunggakan cukai tanah yang berusia sehingga 40 tahun. Selain itu, beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti kelemahan sistem pengurusan maklumat cukai tanah; penguatkuasaan yang tidak berkesan; bil cukai tidak sampai kepada pemilik; permohonan serah balik tanah tidak dibuat terhadap tanah yang telah menjadi tempat kegunaan awam dan kelemahan kawalan terhadap cukai yang dikutip oleh agen yang dilantik.

b. Pihak Audit mengesyorkan PPTGWPKL melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Penambahbaikan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dan Sistem Pungutan Hasil Cukai Tanah Berkomputer (SPHTB) perlu dilaksanakan segera bagi memastikan ketepatan, kesahihan dan integriti data di dalam sistem ini.

ii. Kajian semula keperluan perjawatan perlu dilaksanakan dan mengambil tindakan proaktif bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan khususnya terhadap tunggakan cukai tanah dapat dibuat dengan lebih berkesan.

iii. Perjanjian yang ditandatangani perlu memperuntukkan klausa mengenai tindakan yang boleh diambil terhadap agen yang gagal melaksanakan arahan.

iv. Mengambil tindakan penambahbaikan dengan segera terhadap urusan terimaan melalui agen dan mengenal pasti amaun yang belum dipindahkan ke akaun pemilik.

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

20. Projek Sistem Pembekalan Air Bersih Untuk Sekolah Luar Bandar Di Semenanjung Malaysia

a. Projek Sistem Pembekalan Air Bersih Untuk Sekolah Luar Bandar Di Semenanjung Malaysia adalah bertujuan untuk menangani masalah bekalan air bersih ke sekolah luar bandar serta memastikan guru dan murid mendapat bekalan air yang dirawat dan selamat digunakan. Projek reka dan bina ini telah ditawarkan secara rundingan terus dan dilaksanakan oleh Duta Sierra Development Sdn. Bhd. dan Rossington Consolidated Sdn. Bhd. dengan kos masing-masing RM32.22 juta bagi 119 projek dan RM38 juta untuk 133 projek. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 terhadap 30 projek di sekolah yang dipilih mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan projek ini seperti projek lewat disiapkan dan beberapa projek walaupun telah siap dan diserahkan tetapi tidak beroperasi/jarang digunakan. Selain itu, beberapa kerja yang dilaksanakan tidak mematuhi spesifikasi kontrak; kualiti kerja kurang memuaskan dan perubahan skop kerja dibuat tanpa kelulusan; beberapa lokasi sistem pembekalan air bersih tidak sesuai dan tidak dijaga; penyenggaraan berkala tidak dijalankan; kerosakan lewat dibaiki serta kualiti air terawat tidak mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Menguatkuasakan syarat kontrak dengan mengenakan denda atas kelewatan kontraktor. Selain itu, sebarang perubahan kerja hendaklah mempunyai justifikasi yang munasabah serta mendapat kelulusan Kementerian.

   ii. Mengarahkan kontraktor untuk mengambil tindakan segera bagi membaiki kerja yang tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti sebelum tamatnya tempoh tanggungan kecacatan dan penyenggaraannya masih berkuat kuasa.

   iii. Mengarahkan sekolah terlibat mengawal dan memastikan lokasi sistem pembekalan air bersih sentiasa selamat.

   iv. Memastikan kontraktor menjalankan penyenggaraan berkala seperti yang disyaratkan dalam kontrak/diputuskan dalam mesyuarat pemantauan. Selain itu, Kementerian sepatutnya menyediakan satu daftar penyenggaraan dan aduan kerosakan yang seragam untuk kegunaan sekolah.

   v. Memastikan bekalan air bersih sentiasa mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan menghentikan penggunaan apabila kualiti air terawat melanggar piawaian.

21. Pembinaan Bilik Darjah Pasang Siap (Kabin) Dan Perolehan Perabot Berkaitan Di Sekolah

a. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) telah melaksanakan projek pembinaan kabin di bawah peruntukan pembangunan dan PRE 2 melibatkan 470

sekolah yang dilaksanakan oleh 27 kontraktor dengan kontrak bernilai RM372.35 juta. Pembekalan dan pemasangan kabin ini menggunakan konsep *Industrial Building System* bagi mempercepatkan pembinaan, mengatasi masalah kekurangan bilik darjah yang mendesak dan kesukaran akses/jalan masuk ke tapak bina. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati prestasi projek pembinaan kabin dan perolehan perabot adalah baik memandangkan 446 daripada 470 projek yang dilaksanakan dapat disiapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti kerja bernilai RM90,028 tidak dilaksana/dibekalkan walaupun bayaran sepenuhnya telah dilakukan; skop/spesifikasi kerja tidak menyeluruh dan tidak dipatuhi; pembinaan tidak berkualiti; kontraktor belum melaksanakan kerja pembaikan terhadap kecacatan yang berlaku dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan; perkhidmatan selepas kerja siap tidak dilaksanakan dengan baik oleh kontraktor serta pemantauan oleh perunding kurang berkesan.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Pembayaran hanya boleh dilakukan ke atas kerja yang telah dilaksanakan sepenuhnya.

   ii. Skop/spesifikasi kerja pembinaan perlu disediakan secara menyeluruh dan dipatuhi serta memastikan kerja pembinaan berkualiti.

   iii. Memastikan sebarang perubahan spesifikasi/skop kerja asal hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa.

   iv. Mempertingkatkan pemantauan ke atas pengesahan kerja yang dilakukan oleh perunding yang dilantik serta mengarahkan kontraktor membaiki kerja pembinaan/bekalan yang tidak berkualiti serta kecacatan tanpa tambahan kos.

22. Projek Makmal Komputer Sekolah

a. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) telah merancang pembinaan/naik taraf infrastruktur (Fasa 4) bagi makmal komputer Sekolah Bestari dan Sekolah Harian dengan kos projek RM302.14 juta dan pembekalan peralatan ICT/perabot dengan nilai kontrak RM215.12 juta. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya objektif pembinaan makmal komputer telah tercapai kecuali bagi projek makmal komputer di Sekolah Harian di Sabah dan Sekolah Bestari. Antara kelemahan yang ditemui adalah kesemua 27 makmal komputer di Sekolah Bestari gagal disiapkan sepenuhnya dan diserahkan mengikut tempoh; hanya 2 daripada 300 makmal komputer Sekolah Harian di Sabah telah disiapkan; peralatan ICT yang dibekalkan sejak 3 tahun lepas tidak digunakan dan masih disimpan dalam makmal komputer sekolah di Sabah; kerja pembinaan tidak sempurna dan peralatan ICT tidak dibekalkan sepenuhnya; skop kerja tidak praktikal/tidak sesuai serta pemantauan yang lemah oleh perunding bagi Sekolah Harian di Sabah.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

i. Kementerian perlu menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk menyiasat dan mengenal pasti tahap kerosakan perabot dan peralatan ICT supaya peralatan yang elok dapat diagihkan kepada sekolah manakala yang rosak dibaikpulih/diganti.

ii. Kementerian/JKR hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawainya atas kecuaian, manakala kontraktor dan perunding terlibat hendaklah disenaraihitamkan.

iii. Kementerian/JKR hendaklah mengenakan denda terhadap kontraktor atas kelewatan menyiapkan projek dan memastikan kontraktor membaik pulih kerja yang tidak sempurna dan tidak dilaksanakan.

vi. Kementerian perlu memastikan penyedia skop kerja melawat tapak dan mengambil kira pandangan pihak sekolah supaya skop kerja yang disediakan lebih tepat dan menyeluruh.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

23. Pengurusan Kuarters

a. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) menyediakan rumah kediaman (kuarters) di dalam kawasan hospital dan klinik kesihatan untuk memudahkan mobilisasi anggotanya. Penyediaan kuarters Kementerian dilaksanakan mengikut pangkat dan kelayakan. Sehingga bulan November 2009, Kementerian memiliki sebanyak 19,270 unit kuarters di seluruh negara, di mana 86.5% atau 16,662 telah diduduki. Secara amnya terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kuarters seperti kuarters diubahsuai tanpa kelulusan; kebersihan dan keselamatan kuarters diabaikan; penyenggaraan berjadual terhadap kuarters tidak dilaksanakan; pembayaran dan potongan elaun perumahan dan sara hidup tidak dibuat secara teratur; kuarters tidak mempunyai meter individu menyebabkan berlaku tunggakan bil air; klasifikasi Rumah Khas Jabatan tidak mengikut pekeliling berkaitan dan prosedur keluar/masuk kuarters tidak teratur.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Memastikan penghuni kuarters mematuhi Perintah Am Bab E.

ii. Memastikan meter individu dipasang di setiap unit kuarters dan tunggakan bil air dikutip daripada penghuni kuarters.

iii. Mengadakan pemeriksaan menyeluruh bagi memastikan tidak berlaku lebihan bayaran elaun dan mengutip balik semua lebihan bayaran.

iv. Menyediakan jadual serta melaksanakan penyenggaraan pemulihan dan penyenggaraan pencegahan.

24. Aktiviti Rawatan Rehabilitasi

a. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, sejumlah RM80.81 juta telah dibelanjakan bagi mengurus pelaksanaan aktiviti rawatan rehabilitasi. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2010 di 6 hospital, 5 klinik kesihatan dan satu poliklinik mendapati pelaksanaan aktiviti rehabilitasi adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui ialah ruang rawatan sempit; perolehan tidak teratur; bayaran berjumlah RM708,220 dibuat sebelum perolehan diterima; aset bernilai melebihi RM108,314 tidak digunakan; pengurusan hasil yang tidak mematuhi peraturan; pengurusan aset yang tidak teratur serta pengisian dan penempatan perjawatan yang tidak teratur.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Menaik taraf peralatan sedia ada serta mengagihkan peralatan yang tidak digunakan kepada Hospital/Klinik Kesihatan yang memerlukan.

   ii. Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terbukti melakukan *improper payment* atau melanggar peraturan kewangan.

   iii. Memastikan tindakan penyeragaman kutipan hasil bagi semua hospital dan klinik kesihatan.

   iv. Memastikan peraturan yang dikeluarkan berkaitan dengan pengurangan/pertambahan/pengecualian caj tidak menyalahi Undang-undang.

   v. Mewujudkan jawatan Jurupulih Perubatan di Klinik Kesihatan bagi memastikan perkhidmatan rehabilitasi di peringkat komuniti dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

   vi. Mengkaji keperluan mewujudkan pasukan Jururawat Terlatih yang mempunyai latihan *post basic* Rehabilitasi.

25. Pembinaan Klinik Desa Dan 2 Unit Kuarters Kelas G (KD2G)

a. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) pada bulan November 2007 telah menandatangani perjanjian bagi Pelaksanaan Projek-projek RMKe-9 Yang Bernilai Tidak Melebihi RM5 Juta. Projek ini adalah bagi membina klinik desa dan 2 unit kuarters kelas G (KD2G) dengan kos berjumlah RM92.04 juta meliputi 87 lokasi. Sebanyak 6 kontraktor melibatkan 6 zon telah dilantik secara tender terhad untuk melaksanakan pembinaannya. Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan seperti 68 projek (80%) tidak diserahkan sehingga tamat lanjutan masa; projek lewat disiapkan; lanjutan masa diluluskan selepas 34 hingga 413 hari dari tarikh akhir kontrak; ganti rugi sebanyak RM3.29 juta tidak dapat dikenakan kepada kontraktor; kos projek meningkat RM11.27 juta; kerja tidak mengikut spesifikasi serta klinik dan peralatan tidak digunakan. Selain itu, arahan bayaran sebanyak RM0.54 juta kepada syarikat tanpa kontrak perjanjian; kelewatan menandatangani kontrak; kontrak tidak dilindungi insurans antara 8 hingga 615 hari serta pelantikan perunding tidak teratur.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Merancang dan melaksanakan projek di dalam jangka masa yang munasabah.

ii. Memantau kerja yang dilaksanakan oleh perunding.

iii. Melaporkan kepada pihak berkuasa dan lembaga profesional berkaitan mengenai perakuan palsu yang dibuat oleh perunding.

iv. Menyediakan garis panduan yang standard dalam melaksanakan kontrak kerja.

v. Menjalankan penyiasatan tapak bina dan tanah dengan lengkap.

vi. Mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang cuai dalam pelaksanaan dan pengurusan kontrak.

26. Pembangunan Semula Hospital Queen Elizabeth, Sabah

a. Projek pembangunan semula Hospital Queen Elizabeth (HQE) melibatkan pembinaan Klinik Pakar dan bangunan tambahan dilaksanakan secara berperingkat melalui 4 pakej bermula pada bulan Mac 2002 dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Disember 2012. Bagaimanapun, atas masalah keselamatan bangunan Blok Menara HQE, keputusan dibuat untuk menyewa Hospital Sabah Medical Centre (SMC) dan Pusat Jagaan Lingzhi. Lanjutan daripada itu, Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan 4 projek untuk dilaksanakan secara darurat iaitu kerja membina, ubah suai dan menaik taraf secara rundingan terus. Sebagai jalan penyelesaian jangka pendek untuk menyediakan kemudahan kesihatan yang mendesak pada waktu itu, Jemaah Menteri telah meluluskan perolehan bangunan SMC, serta bersetuju sebahagian ruang bangunan tersebut disewakan semula kepada Syarikat SMC Property Sdn. Bhd. (SMCSB).

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati pelaksanaan pembangunan semula HQE adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah projek lewat disiapkan; *Extention of Time* (EOT) diluluskan dan dikeluarkan selepas tarikh siap asal kontrak; *Certificate of Non Completion* (CNC) tidak dikeluarkan walaupun kerja gagal disiapkan; *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD*)* tidak dikenakan walaupun kerja lewat disiapkan; LAD dikenakan tetapi CNC tidak dikeluarkan; akaun muktamad lewat disediakan; jaminan reka bentuk tidak dikemukakan; kecacatan kerja di Klinik Pakar belum dibaiki sehingga tempoh tanggungan kecacatan tamat; pembinaan tidak berkualiti/tidak sesuai; pengurusan surat setuju terima dan perwakilan kuasa tidak teratur; bon pelaksanaan pembelian bangunan SMC tidak dikemukakan dan peralatan tiada di lokasi.

c. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

v. Merancang pelaksanaan projek dengan teliti bagi memastikan kemudahan hospital dapat digunakan tepat pada masanya dan pembaziran wang awam dapat dielakkan.

vi. Memantau projek dengan lebih tegas bagi mengelakkan kelewatan.

vii. Meningkatkan pengurusan projek dengan memastikan EOT diluluskan dalam tempoh kontrak bagi mengelakkan berlakunya *time is at large* dan Kerajaan hilang hak ke atas kontraktor.

viii. Menuntut dengan segera jaminan reka bentuk bangunan daripada SMCSB bagi mengelakkan risiko kerugian.

ix. Memastikan Surat Setuju Terima ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa.

x. Memastikan tindakan pembaikan terhadap kerosakan peralatan dibuat segera.

27. Perolehan Perkhidmatan Next Generation Communication System

a. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah menandatangani kontrak untuk menggantikan talian telefon *Private Automatic Branch Exchange* (PABX) di 13 hospital dan institut kepada *New Generation Communication System* (NGCS). Nilai kontrak ini ialah RM46.02 juta untuk tempoh 5 tahun mulai 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2012. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 di Kementerian Kesihatan Malaysia, Hospital Ampang, Hospital Kajang, Hospital Klang, Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Serdang serta Institut Kesihatan Umum, Institut Penyelidikan Perubatan dan Institut Perubatan Respiratori mendapati pengurusan perolehan ini adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan seperti kerja lewat disiapkan; kegagalan mengenakan denda berjumlah RM2.21 juta kepada kontraktor; terdapat peralatan yang belum dipasang walaupun kerja telah disahkan siap dan sejumlah RM3.22 juta dibayar untuk 37.8% lesen yang tidak dapat digunakan. Selain itu, sejumlah RM2.41 juta dibayar untuk perkhidmatan yang belum/tidak dilaksanakan serta peralatan bernilai RM0.78 juta dibayar walaupun tidak dibekalkan.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Menjalankan kajian dan merancang perolehan dengan teliti sebelum melaksanakan sesuatu sistem.

ii. Memastikan NGCS dan lesen yang dibekalkan digunakan secara optimum. Bagi tujuan ini, semua pengguna perlu diberi latihan yang mencukupi agar dapat meningkatkan kegunaan NGCS serta mengurangkan bil telefon PABX.

iii. Mengenakan denda berjumlah RM2.21 juta terhadap kontraktor kerana gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan.

iv. Memastikan semua peralatan dipasang dan di konfigurasi oleh kontraktor supaya sistem dapat berfungsi sepenuhnya.

v. Mempercepatkan proses menandatangani kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan memastikan salinan dokumen kontrak diserahkan kepada hospital/institut bagi tujuan penguatkuasaan syarat/spesifikasi kontrak.

vi. Menjalankan siasatan lanjut bagi mengenal pasti pegawai yang bertanggungjawab mengakibatkan berlakunya *improper payment.*

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

28. Jabatan Pembangunan Kemahiran
- Pengurusan Program Sistem Latihan Dual Nasional

a. Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) mulai tahun 2005 berdasarkan model latihan daripada negara Jerman. Program ini bertujuan menyediakan tenaga kerja mahir negara yang berpengetahuan (k-Pekerja) melalui kaedah latihan komprehensif dan terkini bagi memenuhi kehendak industri semasa dan mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga mahir dari negara asing. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2010 mendapati setakat bulan Disember 2010, sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) iaitu bagi melahirkan seramai 31,500 k-Pekerja menjelang tahun 2010 dan melibatkan penyertaan 6,300 syarikat dalam program ini masih belum dapat dicapai. Selain itu, penglibatan peserta dalam bidang teknikal juga terlalu rendah iaitu antara 1% hingga 3.1% daripada keseluruhan perantis yang mengikuti program SLDN. Pengurusan program ini juga mempunyai kelemahan dalam aspek proses pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia dan pembayaran yuran perkhidmatan latihan.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

   i. JPK perlu memastikan promosi yang dirancang dilaksanakan sepenuhnya supaya maklumat berkaitan Program SLDN dapat disalurkan secara meluas.

   ii. Kementerian dan JPK perlu memperkasakan pelaksanaan program SLDN dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan penyertaan perantis dalam sektor yang lebih teknikal serta sektor lain yang diberi keutamaan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

   iii. JPK perlu mengatasi masalah yang wujud dalam proses pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia kepada perantis.

   iv. Pejabat JPK Wilayah patut meningkatkan tahap kawalan dalamannya supaya tuntutan bagi bulan yang sama tidak diperakui lebih daripada sekali.

   v. JPK perlu mengawal selia pelaksanaan program dengan lebih berkesan supaya output dan *outcome* program mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan.

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

29. Perpustakaan Negara Malaysia
- Projek Pembinaan Bangunan Tambahan

a. Bangunan tambahan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah dibina bagi menyelesaikan masalah kekurangan ruang pejabat perpustakaan dengan peruntukan berjumlah RM46 juta. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 serta lawatan tapak pada bulan Oktober 2010, Februari 2011 dan Julai 2011 terhadap projek pembinaan bangunan tambahan PNM ini mendapati beberapa kelemahan. Antaranya ialah kontraktor tidak menyiapkan kerja mengikut

tempoh yang ditetapkan; 8 Arahan Perubahan Kerja bernilai RM1.73 juta dan satu perubahan harga bernilai RM383,414 telah diluluskan selepas Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan; projek disahkan siap sedangkan ada kerja-kerja yang belum disempurnakan serta bangunan diduduki/beroperasi tanpa Perakuan Menduduki Bangunan (CFO). Selain itu, komponen dan peralatan bilik *stack* tidak dimasukkan dalam spesifikasi kontrak kerana kekurangan peruntukan, beberapa kerja yang dilaksanakan tidak berkualiti/tidak kemas serta terdapat reka bentuk pembinaan yang kurang sesuai dan kontrak lewat ditandatangani.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

   i. Bagi projek lain yang dilaksanakan di masa hadapan, JKR perlu menyelia, memantau dan membuat pengesahan kerja telah sebenarnya siap dengan sempurna sebelum mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja. Selain itu, JKR juga perlu memastikan APK diluluskan sebelum kerja dilaksanakan.

   ii. JKR perlu mengambil tindakan terhadap perunding yang terbukti memperakukan kerja yang tidak dilaksanakan sebagai telah disempurnakan.

   iii. Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan perlu mengemukakan semula permohonan peruntukan kepada Kementerian Kewangan untuk menyediakan komponen kemudahan bilik *stack* dalam bangunan ini.

   iv. JKR perlu menjalankan pemeriksaan fizikal dengan kadar segera dan memastikan kontraktor memperbaiki segala kerosakan/kecacatan yang ditemui sebelum tamatnya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

   v. Bagi projek yang direka bentuk oleh perunding, adalah mustahak bagi *Design Team* di JKR untuk menjalankan *design audit* sebelum proses tender dimulakan serta memperolehi pandangan Jabatan Pelanggan sebelum meluluskan perubahan spesifikasi kerja.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

30. Jabatan Pembangunan Wanita

- Program Pembangunan Wanita Di Bawah Teras Pengupayaan Sosio-ekonomi Wanita

a. Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bertanggungjawab melaksanakan program dan aktiviti berkaitan dengan wanita. Di bawah Teras Pengupayaan Sosio-ekonomi Wanita, sebanyak 5 program telah diperkenalkan di mana 3 daripadanya iaitu Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT), Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KEUNITA) dan Pengurus Kediaman adalah secara khusus untuk membantu golongan wanita berpendapatan rendah. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2010 hingga bulan Februari 2011 mendapati prestasi pencapaian program secara keseluruhannya belum dapat mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan iaitu memastikan penglibatan peserta dalam bidang keusahawanan/ pengurus kediaman serta melahirkan usahawan wanita yang berpendapatan

melebihi RM1,000 sebulan. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pemilihan peserta dan pemantauan.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Kajian yang lebih mendalam terhadap pelaksanaan program ini dijalankan bagi memastikan kejayaannya.

   ii. Mematuhi kriteria pemilihan peserta yang ditetapkan supaya hanya golongan yang layak dan berminat diberi peluang mengikuti program ini.

   iii. Memastikan mekanisme pemantauan bagi program I-KIT, I-KEUNITA dan Pengurus Kediaman dilaksanakan sepenuhnya di semua peringkat.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

31. Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Swasta

a. Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) memainkan peranan penting dalam perkembangan pengajian tinggi negara dari segi penyediaan peluang tempat pengajian dan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. IPTS di Malaysia terbahagi kepada 2 iaitu bertaraf universiti dan bukan bertaraf universiti**.** Sehingga akhir tahun 2010, terdapat 452 IPTS di Malaysia. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati beberapa kelemahan khususnya berkenaan dengan pengurusan rekod dan sistem fail; kelewatan dalam memproses permohonan dan memberi kelulusan penubuhan IPTS serta kelulusan pengubahsuaian premis dan permit mengajar; norma masa penyelesaian aduan tidak ditetapkan serta IPTS telah berpindah dan membuat pengubahsuaian bilik/fasiliti tanpa kelulusan.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Meneliti kes kelewatan meluluskan permohonan penubuhan IPTS, kursus pengajian, kelulusan berpindah/pengubahsuaian premis dan permit mengajar serta memastikan rekodnya sentiasa kemas kini, tersusun dan disokong dengan dokumen sepatutnya.

   ii. Mengambil tindakan undang-undang terhadap IPTS yang berpindah atau membuat pengubahsuaian premis tanpa kelulusan.

   iii. Menetapkan tempoh permohonan permit mengajar bagi mengelakkan kelewatan mengemukakan permohonan permit mengajar dan guru mengajar tanpa permit.

   iv. Meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap IPTS bagi memastikan peruntukan dalam Akta 555 dipatuhi sepenuhnya.

   v. Menetapkan norma masa penyelesaian aduan supaya aduan dapat diselesaikan dalam tempoh yang munasabah.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

32. Penggunaan Dan Penyenggaraan Kenderaan Khas Udara Tentera Udara Diraja Malaysia

a. Kenderaan khas udara [Aviation Ground Support Vehicle (AGSV)] merupakan peralatan sokongan dalam pengendalian pesawat di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). AGSV ditempatkan di semua Pangkalan TUDM iaitu Butterworth, Pulau Pinang; Kuantan, Pahang; Gong Kedak, Terengganu; Kuala Lumpur; Bukit Ibam, Pahang; Labuan; Subang, Selangor; Bukit Lunchu, Johor; Kuching, Sarawak dan Kolej Tentera Udara, Kedah. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati secara keseluruhannya, penggunaan dan penyelenggaraan AGSV adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah tahap boleh guna AGSV tidak mencapai 70%; terdapat AGSV yang telah melebihi had umur ekonomi; kerja penyenggaraan tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan bayaran *man-hour* dalam kontrak penyenggaraan berbeza bagi kawasan Semenanjung.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Memastikan penggantian AGSV yang melebihi had umur ekonomi sama ada secara perolehan atau sewaan supaya tahap boleh guna kenderaan menepati 70% seperti yang ditetapkan dan tidak mengganggu operasi harian.

   ii. Memastikan kontraktor yang dilantik mempunyai kepakaran mengikut jenis AGSV dan menimbang untuk membahagikan kontraktor mengikut zon.

   iii. Memastikan denda dikenakan terhadap kontraktor di atas kelewatan menyempurnakan kerja penyenggaraan.

33. Pengurusan Askar Wataniah

a. Pasukan Simpanan Tentera Darat yang kini dikenali sebagai Askar Wataniah telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Jun 1958. Askar Wataniah yang diletakkan di bawah pengurusan Kementerian Pertahanan (Kementerian) antaranya berfungsi untuk membantu menyediakan keanggotaan bagi menambah besar (augment) kekuatan kepada Angkatan Tetap serta sentiasa bersedia untuk dimobilisasi dan diatur gerak apabila keadaan memerlukan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 di Rejimen Siri 500 iaitu Rejimen 502, Rejimen 507, Rejimen 509, Rejimen 514, Rejimen 515, Rejimen Pakar, Bahagian Pasukan Simpanan dan Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT) mendapati pengurusan Askar Wataniah adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah Kementerian masih belum berjaya mencapai sepenuhnya sasaran kehadiran latihan yang ditetapkan; kemudahan prasarana terhad dan usang; kehadiran dan keaktifan Askar Wataniah hanya merangkumi 2.7% hingga 38.1% daripada bilangan yang disasarkan; pengurusan pembayaran tidak mematuhi peraturan kewangan dan berlakunya *improper payment* berjumlah RM3.78 juta; elaun berjumlah RM40,238 tidak dibayar kepada anggota; pembayaran elaun yang dibuat secara tunai berjumlah RM16.20 juta tidak mematuhi peraturan; sistem perekodan tidak lengkap dan kemas kini serta pemantauan yang kurang berkesan.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Meluluskan dan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi menjalankan latihan Askar Wataniah dan meningkatkan kemudahan prasarana; elektrik dan air serta memperbaiki dan menyenggara kemudahan sedia ada.

ii. Memberi penekanan kepada keaktifan anggota dan mengadakan promosi bagi menarik minat orang awam termasuk golongan usahawan serta menambah penyertaan semua kaum bagi merealisasikan konsep 1Malaysia.

iii. Memastikan setiap Batalion menyedia dan mengesahkan dokumentasi mengikut peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya *improper payment.*

iv. Menarik balik peruntukan kepada Rejimen yang membayar elaun secara tunai.

v. Memastikan penyelenggaraan rekod lengkap dan kemas kini serta mematuhi peraturan perekodan yang ditetapkan.

vi. Melaksanakan pemantauan yang lebih berkesan terhadap rekod dan penyimpanan dokumen sokongan yang berkaitan.

34. Projek Pembinaan Kem Muara Tuang Di Kuching, Sarawak

a. Projek Pembinaan Kem Muara Tuang, Sarawak telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM214.43 juta. Sebagai balasan, Kementerian Pertahanan (Kementerian) akan menyerahkan hak milik tanah Kerajaan seluas 700 ekar di Mukim Bukit Raja, Selangor dan 3.8 ekar di Kuching, Sarawak. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati projek pembinaan Kem Muara Tuang adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah projek lewat disiapkan; pengurangan nilai tanah balasan menyebabkan skop projek perlu diubah; Bon Pelaksanaan dan Bon Tanah tidak dikemukakan dan kerja pembinaan yang tidak berkualiti. Di samping itu, terdapat masalah lain seperti persempadanan tanah yang tidak mengikut hak milik sebenar dan pembangunan kawasan sekeliling yang menjejaskan tahap keselamatan kem.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Memastikan projek ini disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan objektif pembinaannya tidak terjejas.

ii. Memastikan kontraktor membaiki sebarang kecacatan/kerosakan dan mematuhi segala syarat kontrak sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan dan penyerahan hak milik tanah dilaksanakan.

iii. Bagi menjamin keselamatan kawasan kem, Kementerian perlu mengambil alih tanah yang terlibat dalam kawasan kem dan mewartakannya sebagai kawasan larangan.

iv. Memastikan isu sempadan tanah diselesaikan sebelum projek pembinaan disiapkan serta pengambilalihan tapak oleh Markas Tentera Darat (MKTD) supaya tidak menimbulkan ancaman keselamatan.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Agensi Antidadah Kebangsaan

35. Pengurusan Kemudahan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik

a. Setakat tahun 2010, terdapat 27 Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di seluruh negara di mana 16 daripadanya dibina sendiri oleh Kementerian manakala 11 yang lain diwujudkan melalui proses pengambilalihan bekas tapak/bangunan lama Kerajaan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 di PUSPEN Besut, Terengganu; Benta, Pahang dan Papar, Sabah mendapati kemudahan yang disediakan kurang memuaskan kerana sebahagian kemudahan yang disediakan telah rosak, tidak sesuai, tidak mencukupi dan tidak selamat digunakan. Kelemahan ini antaranya disebabkan bangunan sedia ada merupakan bangunan lama yang telah usang; penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* tidak dijalankan akibat kesukaran mendapatkan peruntukan kewangan dan tiada piawaian ditetapkan berhubung kemudahan asas (jenis dan bilangan) yang perlu disediakan di setiap PUSPEN. Selain itu, pengurusan kemudahan/komponen latihan kemahiran dan kawalan keselamatan di PUSPEN juga kurang memuaskan.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

   i. AADK perlu mengkaji tahap kesesuaian dan keselamatan bangunan PUSPEN yang masih beroperasi supaya perancangan yang menyeluruh berhubung penyenggaraannya dapat disediakan. Sehubungan ini, AADK perlu memohon peruntukan kewangan yang mencukupi bagi tujuan tersebut.

   ii. AADK perlu menetapkan piawaian mengenai kemudahan asas (jenis dan bilangan) yang perlu disediakan di setiap PUSPEN mengikut keluasan kawasan dan kapasiti penghuni.

   iii. AADK perlu menyediakan perancangan yang komprehensif berkaitan keperluan kemudahan bagi menyokong aktiviti yang dijalankan.

   iv. Kementerian dan AADK hendaklah memastikan prosedur dan langkah keselamatan di setiap PUSPEN dipatuhi sepenuhnya selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

   v. AADK perlu memastikan semua peralatan dan kelengkapan keselamatan mencukupi dan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan boleh digunakan pada bila-bila masa.

Polis DiRaja Malaysia

36. Pengurusan Barang Kes Yang Disita Di Bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988

a. Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) ditubuhkan bagi menguatkuasakan undang-undang dadah negara serta melaksanakan tugas dan tanggungjawab membanteras ancaman dadah. Hasil daripada aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan dalam membanteras ancaman dadah, Bahagian Perundangan/ Pendakwaan dan Bahagian Perlucuthakan Harta (BPH) telah menyita barang yang

terdiri daripada harta alih (wang tunai, barang kemas, barang eksklusif, kenderaan dan saham), harta tak alih (rumah, bangunan, tanah) dan perniagaan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan terhadap barang kes PDRM adalah kurang memuaskan di mana berlaku kelemahan dalam pelabelan dan pendaftaran barang kes mengakibatkan kesukaran untuk mengenal pasti dan mengesahkan kesahihan sesuatu barang kes; kelemahan dalam pengurusan penyimpanan barang kes yang mendatangkan risiko kehilangan/keciciran dan kelemahan dalam pemulangan perlucuthakan, pelupusan dan pemantauan ke atas barang yang disita.

b. Pihak Audit mengesyorkan PDRM melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Menyediakan peruntukan kewangan untuk menyediakan ruang penyimpanan yang cukup, sesuai dan selamat bagi penyimpanan barang kes.

   ii. Mempertingkatkan tahap penyelenggaraan rekod bagi memastikan semua rekod berkaitan dengan barang kes adalah lengkap dan kemas kini. Selain itu, pegawai khusus bagi menguruskan stor barang kes perlu dilantik untuk menentukan semua prosedur stor dipatuhi dengan sewajarnya.

   iii. Mengkaji dan menyenaraikan barang kes lama, usang/rosak dan tidak boleh digunakan/tidak ekonomi untuk dibaiki yang telah mendapat keputusan siasatan/perintah mahkamah untuk dipulangkan atau dilucuthak bagi menjimatkan ruang penyimpanan.

   iv. Memantau dengan lebih berkesan secara berkala atau melalui pemeriksaan mengejut dan naziran bagi meningkatkan kawalan dalaman pengurusan barang kes.

Jabatan Penjara Malaysia
37. Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching, Sarawak

a. Projek Penjara Baru Kuching pada asalnya telah dilaksanakan oleh WMM Holdings Sdn. Bhd. (Pemaju) secara rundingan terus dengan kos bernilai RM165 juta melalui kaedah reka dan bina bermula pada bulan Mei 1997 dan dijangka siap pada bulan Ogos 2000. Bagaimanapun, atas sebab kegagalan Pemaju menyiapkan projek pada tempoh yang ditetapkan termasuk tempoh lanjutan masa, notis penamatan kontrak telah dikeluarkan kepada Pemaju pada bulan Julai 2002. Sehubungan itu, TSR Bina Sdn. Bhd. telah dilantik secara tender terbuka pada bulan Januari 2005 dengan nilai kontrak berjumlah RM54.90 juta bagi tujuan membaik pulih dan menyiapkan kerja yang belum disiapkan setelah kontraktor asal ditamatkan kontrak. Jumlah sebenar kos projek setelah dibuat pelarasan harga kontrak dan Arahan Perubahan Kerja adalah RM221.11 juta. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching adalah tidak memuaskan kerana pembinaan projek yang sepatutnya siap dalam tempoh 3 tahun 3 bulan telah mengambil masa selama 11 tahun 2 bulan dan kos meningkat sejumlah RM56.11 juta (34%) daripada

kos asal projek walaupun skop kerja telah dikurangkan. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan seperti pembayaran tidak selari dengan kemajuan fizikal sebenar; kualiti kerja kurang memuaskan tetapi telah diperakukan untuk bayaran; Jabatan Penjara Malaysia tidak mempunyai pegawai teknikal untuk memantau projek dan penyenggaraan bangunan yang kurang memuaskan.

b. Pihak Audit mengesyorkan Jabatan Penjara Malaysia melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Memastikan tindakan segera diambil apabila kontraktor lewat menyiapkan projek.

   ii. Memastikan perunding yang dilantik melaksanakan tanggungjawabnya secara profesional bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

   iii. Memastikan kerosakan yang berlaku ditangani dengan segera bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna.

   iv. Memastikan pemantauan yang rapi dan berterusan supaya projek dilaksanakan mengikut jadual, syarat yang telah ditetapkan dipatuhi dan objektif projek dapat dicapai.

38. PENGURUSAN PROJEK DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KEDUA DI PELBAGAI KEMENTERIAN DAN JABATAN

a. Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE 2) berjumlah RM60 bilion yang bersifat komprehensif dan bersaiz besar telah dilancarkan pada 10 Mac 2009 bertujuan merangsang ekonomi negara dalam tempoh yang singkat. PRE 2 telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun iaitu tahun 2009 dan 2010 dengan peruntukan berjumlah RM15 bilion. Setakat 31 Disember 2010, Kementerian Kewangan telah mengagihkan RM13.23 bilion kepada 27 Kementerian/ Jabatan/Skim untuk melaksanakan 51,560 projek. Daripada jumlah yang diagih, hanya RM10.09 bilion (76.3%) telah dibelanjakan melibatkan 49,169 (95.4%) projek. Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2010 terhadap 9 program di 6 Kementerian/Jabatan yang melibatkan 201 projek mendapati kesemuanya telah siap dilaksanakan dengan bayaran berjumlah RM426.69 juta kecuali satu projek iaitu Pembinaan Jambatan Sungai Padas Kedua, Beaufort, Sabah. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti prestasi perbelanjaan yang tidak menunjukkan prestasi sebenar pelaksanaan projek; perolehan/pembekalan peralatan/kerja/projek tidak mematuhi peraturan/kurang berkualiti/tidak memuaskan/lewat dibekal/tidak diguna/melebihi keperluan/tidak mendapat sambutan pengguna dan spesifikasi kerja/syarat kontrak/lokasi projek yang tidak sesuai/kurang jelas/tidak tepat/tidak dipatuhi. Selain itu, terdapat kes di mana pembayaran dibuat sebelum peralatan/kerja dibekalkan/disiapkan/disiapkan dengan sempurna; berlaku lebihan bayaran dan peruntukan tidak digunakan untuk tujuan asal projek.

b. Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaannya dan pelaksanaan projek yang lebih teratur pada masa akan datang, adalah disyorkan supaya pihak bertanggungjawab melaksanakan perkara berikut:

i. Perancangan yang teliti dan menyeluruh dibuat supaya perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja mencapai objektif yang dirancang serta dapat diguna secara optimum oleh kumpulan sasaran.

ii. Menyediakan perjanjian pelaksanaan projek, terma bayaran dan memasukkan syarat pengenaan denda terhadap pembekal yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya.

iii. Menjalankan penyeliaan dan pemantauan secara berkala dan sistematik terhadap kontraktor/perunding/projek agar mencapai tahap kualiti yang ditetapkan serta mematuhi skop dan spesifikasi kerja.

iv. Memastikan pihak kontraktor membaiki kerosakan/kecacatan/ menyempurnakan kerja/bekalan dengan segera supaya Kerajaan mendapat *value for money*.

v. Memandang serius dan mengambil tindakan tatatertib terhadap mereka yang membuat bayaran sebelum bekalan diterima, bekalan tidak lengkap atau sebelum pengujian dan pentauliahan dijalankan yang merupakan kes *improper payment*.

vi. Memastikan laporan fizikal projek secara berkala dan tepat bersamaan dengan laporan perbelanjaan yang disediakan bagi pemantauan prestasi sebenar pelaksanaan projek.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

39. Rapid Penang Sdn. Bhd.

a. Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) telah ditubuhkan pada 22 Februari 2007 dengan modal dibenarkan berjumlah RM25 juta. Rapid Penang adalah syarikat milik penuh Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) untuk memberi perkhidmatan bas di seluruh negeri Pulau Pinang secara bersepadu. Sehingga akhir tahun 2010, Rapid Penang mempunyai 350 bas bagi menjalankan operasi perkhidmatan bas di 8 koridor yang merangkumi 44 laluan di seluruh negeri Pulau Pinang. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2010 mendapati secara umumnya Rapid Penang telah mengendalikan perkhidmatan bas selaras dengan mandat yang diberikan, namun mengalami kerugian sebelum cukai untuk 2 tahun berturut-turut iaitu RM7.67 juta pada tahun 2008 dan RM10.68 juta pada tahun 2009. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktivitinya seperti kutipan wang tambang berbeza dengan jualan tiket di mana berlaku kurangan keseluruhan kutipan berjumlah RM1.14 juta bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010; kemudahan dan persekitaran depot dan hab yang kurang memuaskan; kontrak bagi kerja pembersihan bas/premis tidak dilaksanakan dengan teratur; projek infrastruktur lewat disiapkan dan asrama yang disediakan oleh Rapid Penang tidak didiami sepenuhnya.

b. Pihak Audit mengesyorkan Rapid Penang Sdn. Bhd. melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Memaklumkan perkara yang signifikan kepada Lembaga Pengarah dan mendapatkan kelulusan Lembaga agar setiap keputusan dan polisi dapat dibuat secara telus.

ii. Mengkaji semula prosedur sedia ada seperti prosedur tindakan tatatertib, prosedur kewangan dan menyediakan polisi dan prosedur yang lengkap mengenai pengurusan aset.

iii. Lembaga Pengarah perlu memastikan pencapaian syarikat dikaji dari semasa ke semasa dan memantau secara berterusan operasi dan kewangan agar objektif syarikat tercapai, di samping meningkatkan mutu perkhidmatan bas.

iv. Syarikat Prasarana Negara Berhad sebagai syarikat induk perlu memantau dengan lebih rapi operasi dan kewangan Rapid Penang untuk memastikan kelemahan yang berlaku tidak berulang dan sebarang masalah dapat ditangani lebih awal lagi.

40. IJN College Sdn. Bhd.

a. IJN College Sdn. Bhd. (IJNC) telah ditubuhkan pada 16 Januari 2007 sebagai subsidiari milik penuh IJN Holdings Sdn. Bhd. dengan modal dibenarkan berjumlah RM25 juta. Fungsi utama IJNC adalah untuk mempromosikan kecemerlangan dalam bidang kardiologi dan *cardiothoracic science* dengan menyediakan program latihan profesional lanjutan bagi perkhidmatan rawatan jantung. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga September 2010 mendapati IJNC belum mencapai tahap memuaskan di mana syarikat telah mencatatkan peningkatan kerugian bagi 3 tahun berturut-turut berjumlah RM0.47 juta sejak ia ditubuhkan pada tahun 2007. Pada keseluruhannya pengurusan aktiviti IJNC adalah memuaskan, namun terdapat beberapa kelemahan seperti pencapaian sasaran pengambilan pelajar masih rendah dan tiada pelan pemasaran untuk mempromosikan program latihan yang ditawarkan; *Standard Operating Procedure* (SOP) untuk aktiviti utama syarikat tidak disediakan serta tiada bukti menunjukkan perubahan Petunjuk Prestasi Utama [Key Performance Indicator (KPI)] IJNC diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Selain itu, perjanjian penyewaan ruang pejabat dan penggunaan peralatan pejabat, makmal kemahiran dan makmal komputer tidak ditandatangani untuk menjaga kepentingan IJNC.

b. Pihak Audit mengesyorkan IJNC dan Kementerian berkaitan melaksanakan perkara seperti berikut:

i. Lembaga Pengarah perlu merangka satu strategi pemasaran yang jitu serta pelan tindakan yang komprehensif untuk meningkatkan pendapatan IJNC serta mempelbagaikan punca pendapatannya, di samping mengawal rapi perbelanjaan operasinya agar prestasi IJNC dapat ditingkatkan lagi pada masa hadapan.

ii. Pengurusan IJNC perlu segera memuktamadkan SOP bagi aktiviti utamanya dan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.

iii. Lembaga Pengarah IJNC perlu memantau pencapaian bagi setiap KPI yang ditetapkan. Setiap perubahan terhadap KPI perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi memastikan KPI yang digunakan adalah objektif serta dapat menilai prestasi sebenar IJNC dan membantu Lembaga Pengarah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan IJNC.

iv. Lembaga Pengarah perlu memastikan perjanjian penyewaan bangunan ditandatangani dengan kadar segera bagi menentukan dengan jelas tanggungjawab untuk menjaga dan mengawal aset.

v. Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kesihatan perlu memberi sokongan penuh kepada IJNC memandangkan IJNC menawarkan kursus yang khusus bagi bidang kardiologi serta merupakan antara yang pertama di Malaysia.

41. Pembinaan BLT Sdn. Bhd

a. Pembinaan BLT Sdn. Bhd. (PBLT) telah ditubuhkan pada 28 Julai 2005 dengan modal berbayar berjumlah RM100 juta. Ia berfungsi sebagai *Special Purpose Vehicle* bagi melaksanakan projek pembangunan Polis DiRaja Malaysia secara *fast track* melalui konsep bina-pajak-pindah. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Oktober 2010 mendapati PBLT telah mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM0.97 juta pada tahun 2009. Semakan Audit terhadap 25 projek mendapati PBLT telah berupaya menguruskan projek pembinaan ini sebagaimana yang ditetapkan, namun terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek. Antara kelemahan yang ditemui adalah *Project Development And Management Agreement* (PDMA) lewat ditandatangani; beberapa projek terpaksa ditangguhkan (dengan kos RM80 juta) akibat keadaan ekonomi dan kenaikan harga barang serta dibatalkan (dengan kos RM0.17 juta) kerana keadaan tapak kurang sesuai; projek pembinaan mengalami *time overrun*; Sijil Lanjutan Masa lewat diluluskan; Bon Pelaksanaan bagi kontrak yang ditamatkan masih belum diterima dan tiada justifikasi penentuan harga kontrak secara rundingan terus yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

i. PBLT perlu mengawal selia serta memantau setiap projek dengan rapi dan memastikan projek dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

ii. Kementerian Kewangan perlu memastikan perancangan yang teliti dibuat sebelum memulakan sesuatu projek bagi mengelakkan pembaziran wang awam. Bagi kos projek yang melebihi harga yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Rundingan Harga, justifikasi yang mencukupi hendaklah disediakan.

42. FELCRA Agro Industry Sdn. Bhd.

a. FELCRA Agro Industry Sdn. Bhd. (FAISB) telah ditubuhkan pada 28 Mac 1998 sebagai syarikat milik penuh FELCRA Berhad dengan modal berbayar berjumlah RM3 juta. Aktiviti utama FAISB ialah menjalankan perniagaan pertanian dan perkhidmatan *trading input* pertanian. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati kumpulan FAISB telah memperolehi keuntungan bersih berjumlah RM1.38 juta pada tahun 2009 dan RM0.40 juta pada tahun 2008 berbanding kerugian berjumlah RM1.41 juta pada tahun 2007. Peningkatan keuntungan bersih pada tahun 2009 adalah disebabkan oleh peningkatan pendapatan daripada bekalan bahan tanaman berjumlah RM6.31 juta dan jualan hasil ternakan berjumlah RM0.57 juta. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam prestasi aktiviti dan pengurusan kewangan FAISB seperti sebahagian besar projek pertaniannya mengalami kerugian, tidak berdaya maju dan menghadapi masalah kewangan; FAISB terlalu bergantung kepada perniagaan yang diperolehi daripada FELCRA Berhad dan wujud kelemahan dalam urusan pembayaran dan pengurusan aset.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

   i. Pengurusan FAISB perlu memastikan pengurusan kos operasi yang lebih cekap supaya syarikat dapat menjana keuntungan yang lebih baik. Aliran tunai masuk perlu dipertingkatkan lagi bagi mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat.

   ii. Lembaga Pengarah FAISB perlu menyiasat justifikasi penyewaan kolam bagi Program Pembangunan Ekonomi Desa dan Skim 5 Bantuan Projek Pelbagaian kepada pihak luar tanpa dikenakan sebarang sewaan.

   iii. Lembaga Pengarah perlu memantau prestasi pencapaian perancangan bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai.

   iv. Lembaga Pengarah perlu menilai hala tuju serta rancangan perniagaan syarikat supaya pendapatan syarikat tidak bergantung kepada kontrak yang diberikan oleh syarikat induknya supaya objektif syarikat untuk menjadi peneraju utama industri pengeluaran dan perkhidmatan berasaskan pertanian di pasaran dalam dan luar negara dapat dicapai.

43. Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.

a. Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) telah ditubuhkan pada 13 Mei 2005 dengan modal dibenarkan dan berbayar berjumlah RM95 juta. Penubuhan BiotechCorp adalah bertujuan untuk melaksanakan Dasar Bioteknologi Negara (DBN) di samping bertindak sebagai agensi *one stop centre* kepada syarikat berorientasikan bioteknologi. Di bawah RMKe-9 dan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, BiotechCorp telah menerima RM347.90 juta untuk melaksanakan 6 program iaitu Geran Pengkomersialan Bioteknologi, Program Pemerolehan Bioteknologi, Program Usahawan Bioteknologi, Program Rakan Kongsi BioNexus, Program Kaji Selidik Dan Pengurusan Harta Intelek (IPRM) serta Program Latihan Khas Usahawan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010

mendapati BiotechCorp memperolehi keuntungan bersih berjumlah RM4.37 juta pada tahun 2009 berbanding RM0.53 juta pada tahun 2008 dan RM0.36 juta pada tahun 2007. Bagaimanapun, pengurusan aktivitinya mempunyai beberapa kelemahan seperti berlaku kelewatan dalam menyiapkan pengubahsuaian bangunan *Supercritical Fluid* (SCF) di bawah Program Pemerolehan Bioteknologi menyebabkan kemudahan dan peralatan teknologi SCF yang diperolehi dengan kos RM5.85 juta masih belum digunakan serta penggunaan perkhidmatan dan kemudahan Program Rakan Kongsi BioNexus adalah kurang menggalakkan di kalangan Syarikat BioNexus.

b. Pihak Audit mengesyorkan Malaysian Biotechnology Corporation melaksanakan perkara seperti berikut:

   i. Lembaga Pengarah BiotechCorp perlu meneruskan langkah yang proaktif bagi memastikan kemudahan dan peralatan makmal di bawah Program BNP dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan meningkatkan kemahiran, pertukaran dan keupayaan komersial antara syarikat BioNexus dan bioteknologi serta agensi Kerajaan lain.

   ii. Kementerian Kewangan perlu memastikan BiotechCorp mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya supaya pengurusan aset BiotechCorp dibuat dengan teratur dan berhemat.

44. Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.

a. Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB) merupakan sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Tujuan penubuhan ATSB adalah untuk membangunkan sains teknologi angkasa negara dengan penumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan reka bentuk sistem satelit. Mulai tahun 2003, peranan ATSB telah diperluaskan sebagai kontraktor Kerajaan bagi mengaplikasikan kejuruteraan teknologi satelit seperti mewujudkan sistem amaran awal tsunami, sistem mengesan kelajuan angin dan jarak penglihatan serta sistem pandu arah kapal. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati ATSB mengalami kerugian bersih pada tahun 2007 dan 2009 yang masing-masingnya berjumlah RM2.89 juta dan RM10.89 juta. Kerugian pada tahun 2009 antaranya disebabkan oleh pembayaran premium insurans bagi pelancaran satelit RazakSAT yang berjumlah RM7.70 juta. ATSB telah melaksanakan aktivitinya dengan memuaskan mengikut objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa isu seperti imej daripada satelit RazakSAT tidak memenuhi spesifikasi dan masih memerlukan beberapa pembetulan teknikal; pemasangan boya tsunami tidak dapat diselesaikan sehingga kini kerana belum mendapat persetujuan daripada Negara jiran terlibat dan kontrak *Wind Runaway and Visual Range Systems* (WAVR) bernilai RM8.38 juta ditandatangani tanpa spesifikasi yang jelas menyebabkan ATSB terpaksa menanggung kos tambahan. Selain itu, Jawatankuasa Audit belum ditubuhkan dan berlaku kelemahan dalam pengurusan, perolehan dan penyenggaraan aset.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

i. Lembaga Pengarah ATSB perlu sentiasa mengkaji pelan strategik dari semasa ke semasa dan juga memantau aktiviti teknologi sains angkasa yang dilaksanakan dengan rapi bagi memastikan objektif dicapai dan dapat dimanfaatkan seperti yang disasarkan.

ii. MOSTI perlu menandatangani surat ikatan/perjanjian bagi setiap program/projek yang bernilai tinggi dengan memperincikan peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat. Ini adalah bertujuan memastikan pelaksanaan serta perbelanjaan dibuat selaras dengan obligasi yang ditetapkan di samping memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara.

iii. Lembaga Pengarah perlu memastikan ATSB mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 serta semua pekeliling yang telah dikeluarkan bagi memastikan pengurusan kewangan ATSB yang meliputi pengurusan pembayaran dan aset dibuat dengan telus, teratur dan berhemat.

45. Amanah Raya Berhad

a. Amanah Raya Berhad (ARB) telah dikorporatkan pada 29 Mei 1995 untuk menjalankan 3 aktiviti utama iaitu pentadbiran harta pusaka, pengurusan pengamanahan dan pentadbiran wasiat. ARB adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan dengan modal berbayar berjumlah RM6 juta. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2010 mendapati ARB telah memperolehi keuntungan bersih 3 tahun berturut-turut bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 dengan keuntungan keseluruhan berjumlah RM189.75 juta. Pada umumnya ARB telah mengendalikan perkhidmatan pengamanahan dan pengurusan perwarisan sepertimana mandat yang diberikan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan ARB seperti Jawatankuasa Audit tidak bermesyuarat secara berkala dan aset syarikat tidak digunakan langsung/tidak digunakan secara optimum/tidak dapat dikesan/tidak dilabel dan tidak direkodkan dengan teratur.

b. Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

i. Pengurusan ARB perlu menyediakan sistem kawalan dan pemantauan yang baik terutamanya bagi aktiviti pengurusan wasiat memandangkan ia dilaksanakan oleh pihak subsidiari. Selain itu, pengemaskinian rekod perlu diberi keutamaan kerana ia merupakan satu kawalan bagi pemantauan yang berkesan.

ii. Pengurusan ARB perlu memastikan pematuhan terhadap prosedur yang telah diluluskan dengan mewujudkan mekanisme penyeliaan berkala dalam prosedur kualiti serta menetapkan mekanisme penyeliaan bagi setiap prosedur aktiviti.

iii. Pengurusan ARB perlu menggunakan sistem teknologi maklumat yang komprehensif bagi membantu mencapai objektifnya iaitu untuk menjadi sebuah

institusi yang menawarkan perkhidmatan profesional dalam bidang pentadbiran harta pusaka, amanah dan wasiat.

iv. Perlu mengemukakan Laporan Kewangan Akaun Kumpulan Wang Bersama dan Akaun Pusat Pusaka secara berkala kepada Menteri Yang Dipertanggungjawabkan dan pihak Menteri Kewangan Diperbadankan bagi meningkatkan tahap akauntabiliti dan memudahkan pemantauan pihak terlibat.

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut, 51 aktiviti di 32 Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan telah dipilih untuk diaudit sepanjang tahun 2010. Hasil dari pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan. Perkara yang diperhatikan daripada pengauditan 47 aktiviti dilaporkan secara terperinci manakala 6 aktiviti yang lain dilaporkan secara ringkas termasuk syor-syor bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan.

JABATAN PERDANA MENTERI

2. PEMBINAAN BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG


2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan ini diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8). Tujuan pembinaan bangunan gunasama ini adalah untuk menempatkan jabatan/agensi Kerajaan yang sebelum ini terletak di merata tempat di daerah Seberang Perai ke satu kawasan berpusat bagi memudahkan orang ramai berurusan. Projek ini telah disiapkan pada bulan Januari 2010 dan sebanyak 17 jabatan/agensi telah beroperasi di bangunan gunasama ini sejak bulan Mac 2010. Antaranya adalah Jabatan Belia Dan Sukan, Pejabat Pendaftaran Negara, Jabatan Alam Sekitar, Biro Tata Negara dan Jabatan Tenaga Rakyat.

2.1.2. Tapak pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan ini meliputi kawasan seluas 5.03 ekar di Daerah Seberang Perai Utara. Kos pembelian tanah adalah berjumlah RM2.51 juta yang dibeli daripada Perbadanan Pembangunan Pulau

Pinang. **Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai pelaksana projek ini.** Skop projek merangkumi pembinaan sebuah bangunan pentadbiran setinggi 8 tingkat; satu bangunan serba guna yang menempatkan kafeteria, surau dan tadika; satu bangunan jentera; pondok pengawal dan rumah sampah. Syarikat Purata Abadi Sdn. Bhd. telah dilantik untuk melaksanakan projek secara tender terbuka dengan kos berjumlah RM45.92 juta. Lokasi projek adalah seperti di peta berikut:

PETA 2.1
LOKASI PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG



2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek Pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini telah dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod dan fail projek yang berkaitan di Cawangan Kerja Bangunan Am, Jabatan Kerja Raya; Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri dan JKR Daerah Seberang Perai Utara. Di samping itu, pemeriksaan fizikal juga dijalankan bagi meninjau prestasi pelaksanaan projek dan menemu bual pegawai yang terlibat.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek. Antaranya ialah kerja pembinaan lewat disiapkan selama 316 hari; kerja yang dihasilkan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai; masalah serangan kulat; Surat Setuju Terima (SST) lewat dikeluarkan dan perjanjian kontrak lewat ditandatangani. Bagaimanapun, JKR telah mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang

dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan JKR adalah seperti di perenggan berikut:

2.4.1. Prestasi Projek

2.4.1.1. Kelewatan Menyiapkan Projek

Mengikut syarat kontrak, tempoh penyiapan projek ini adalah selama 96 minggu iaitu bermula daripada 17 Januari 2007 hingga 18 November 2008. Bagaimanapun sehingga tarikh akhir projek ini patut disiapkan iaitu pada 18 November 2008, kontraktor telah gagal untuk menyiapkan keseluruhan kerja pembinaan. Surat amaran telah dikeluarkan oleh JKR Daerah Seberang Perai Utara kepada pihak kontraktor supaya meningkatkan prestasi dan kemajuan kerja di tapak bina. Kontraktor telah diluluskan 3 lanjutan masa selama 316 hari sehingga 30 September 2009. Antara sebab lanjutan masa diluluskan adalah seperti di **Jadual 2.1**. Bagaimanapun pada tarikh akhir lanjutan masa, kontraktor masih gagal menyiapkan projek ini. JKR telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap pada 30 September 2009 dan kontraktor telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD). Memandangkan kontraktor hanya dapat menyiapkan projek pada 6 Januari 2010, LAD berjumlah RM824,015 telah dikutip.

JADUAL 2.1
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

LANJUTAN MASA	TEMPOH	JUMLAH (Hari)	JUSTIFIKASI LANJUTAN MASA DILULUSKAN
1	18.11.2008 hingga 22.04.2009	155	• Reka bentuk semula cerucuk pada Blok Pentadbiran daripada saiz asal cerucuk 600 mm diameter kepada 450 mm diameter. • Pertambahan bilangan cerucuk dari 575 *points* kepada 757 *points* akibat pertukaran saiz cerucuk. • Kelewatan kontraktor menerima lukisan pembinaan akibat perubahan pelan lantai.
2	22.04.2009 hingga 21.07.2009	90	• Kontraktor menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bekalan bahan binaan seperti besi tetulang dan simen kerana kenaikan harga bahan binaan.
3	21.07.2009 hingga 30.09.2009	71	• Kelewatan kerja-kerja sub kontraktor terhadap sistem penghawa dingin di tingkat 6 hingga 7.
JUMLAH		**316**	

Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan projek dapat dielakkan sekiranya perancangan yang teliti dibuat dan pemantauan yang berkesan dilaksanakan.

2.4.1.2. Pembinaan Tidak Mengikut Spesifikasi/Tidak Berkualiti/Tidak Sesuai

Lawatan Audit yang dijalankan pada 19 dan 20 Julai 2010 untuk meninjau kualiti kerja bangunan yang dibina mendapati beberapa kerja yang tidak memuaskan seperti berikut:

a. Kerja Yang Tidak Mengikut Spesifikasi

Mengikut lukisan pelan lantai surau, sesekat perlu dipasang antara ruang sembahyang lelaki dan wanita. Bagaimanapun sesekat tersebut tidak dipasang semasa lawatan Audit dijalankan. Selepas teguran Audit, kontraktor telah mengambil tindakan dengan memasang sesekat tersebut. Selain itu, kunci bagi daun pintu bangunan jentera juga telah dipasang menggunakan rantai bermangga walaupun reka bentuk asal menetapkan daun pintu tersebut perlu menggunakan sistem kunci siap bina (Lock-set). Gambar berikut adalah berkaitan:

GAMBAR 2.1



Bangunan Surau
- Tiada Sesekat Antara Ruang Sembahyang Lelaki Dan Wanita
(20.07.2010)

GAMBAR 2.2



Bangunan Surau
- Sesekat Antara Ruang Sembahyang Lelaki Dan Wanita Telah Dipasang
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 25.12.2010)



GAMBAR 2.3

Bangunan Jentera
- Pintu Dikunci Dengan Menggunakan Rantai dan Mangga
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 15.09.2010)

b. Kualiti Kerja Yang Tidak Memuaskan

Adalah didapati beberapa kerja yang dilaksanakan tidak berkualiti dan perlu diperbaiki dengan segera. Bagaimanapun, kontraktor telah mengambil tindakan untuk memperbaiki kesemua kelemahan/kecacatan yang berlaku sebaik sahaja menerima teguran dari pihak Audit. Berikut diberikan contohnya:

JADUAL 2.2
KUALITI KERJA YANG TIDAK MEMUASKAN

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL SEMASA LAWATAN AUDIT	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
Bangunan Jentera	Kebocoran pada tangki air. **(Gambar 2.4)**	Kebocoran pada tangki telah diperbaiki. **(Gambar 2.5)**
	Keretakan pada dinding bilik jentera. **(Gambar 2.6)**	Keretakan pada dinding telah diperbaiki. **(Gambar 2.7)**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL SEMASA LAWATAN AUDIT	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
Bangunan Surau	Jubin pada dinding tempat mengambil wuduk lelaki masih belum diperbaiki. **(Gambar 2.8)**	Kerja-kerja pemasangan jubin pada dinding telah disiapkan. **(Gambar 2.9)**
Bangunan Pentadbiran (Bilik Makan VIP)	Kerosakan pada tombol pintu masih belum diperbaiki. **(Gambar 2.10)**	Kerosakan tombol telah dipasang dan diperbaiki. **(Gambar 2.11)**
Bangunan Pentadbiran Tingkat 5	Pemegang pada tingkap yang hilang masih belum diperbaiki. **(Gambar 2.12)**	Pemegang tingkap telah dipasang. **(Gambar 2.13)**
	Air bertakung disebabkan lubang air tersumbat. **(Gambar 2.14)**	Kerja pembersihan laluan air bagi mengelakkan air bertakung telah dilakukan. **(Gambar 2.15)**
Pagar Bangunan	Tiang pagar ditumbuhi kulat putih. **(Gambar 2.16)**	Kerja pembersihan tompokan putih dan rawatan pembaikan pada tiang pagar telah disiapkan. **(Gambar 2.17)**
Bangunan Pentadbiran	Susur Tangan laluan Orang Kelainan Upaya (OKU) masih belum dicat semula. **(Gambar 2.18)**	Kerja mengecat semula laluan OKU telah disiapkan. **(Gambar 2.19)**
Bangunan Pentadbiran (Tangga Tingkat 5 Ke 6)	Keretakan pada dinding laluan tangga. **(Gambar 2.20)**	Keretakan pada dinding laluan tangga telah diperbaiki. **(Gambar 2.21)**
Bangunan Pentadbiran (Bilik Perbincangan 2)	Kebocoran pada siling mengakibatkan kulat. **(Gambar 2.22)**	Kebocoran pada siling gantung telah diperbaiki. **(Gambar 2.23)**
Dataran, Bangunan Pentadbiran	Kesan tumpahan simen pada laluan pejalan kaki dataran. **(Gambar 2.24)**	Kerja pembersihan tompok putih telah dijalankan. **(Gambar 2.25)**
Bangunan Pentadbiran - Pintu Masuk Zon A	Kerosakan pada susur tangan yang masih belum diperbaiki. **(Gambar 2.26)**	Kerosakan pada susur tangan telah diperbaiki. **(Gambar 2.27)**
Bangunan Pentadbiran - Bilik Mesyuarat	Pemasangan karpet yang tidak kemas. **(Gambar 2.28)**	Kerja pembaikan dan pemasangan permaidani dan kemasan pada dinding telah diperbaiki. **(Gambar 2.29)**

GAMBAR 2.4




Bilik Jentera
- Kebocoran Pada Tangki Air
(20.07.2010)

GAMBAR 2.5



Bilik Jentera
- Kebocoran Pada Tangki Air Telah Diperbaiki
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 15.09.2010)

GAMBAR 2.6



Bilik Jentera
- Keretakan Pada Dinding
(20.07.2010)

GAMBAR 2.7



Bilik Jentera
- Keretakan Pada Dinding Telah Diperbaiki
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 11.01.2011)

GAMBAR 2.8



Bangunan Surau
- Jubin Pada Dinding Masih Belum Diperbaiki
(19.07.2010)

GAMBAR 2.9



Bangunan Surau
- Jubin Pada Dinding Telah Dipasang
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 30.11.2010)

GAMBAR 2.10



Bangunan Pentadbiran (Bilik Makan VIP)
- Kerosakan Tombol Masih Belum Diperbaiki
(19.07.2010)

GAMBAR 2.11



Bangunan Pentadbiran (Bilik Makan VIP)
- Kerosakan Tombol Telah Diperbaiki
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 31.01.2011)

GAMBAR 2.12




Bangunan Pentadbiran (Tingkat 5)
- Pemegang Tingkap Tidak Dipasang
(19.07.2010)

GAMBAR 2.13



Bangunan Pentadbiran (Tingkat 5)
- Pemegang Tingkap Telah Dipasang
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 20.12.2010)

GAMBAR 2.14



Bangunan Pentadbiran (Tingkat 5)
- Air Bertakung Disebabkan Lubang Air Tersumbat
(19.07.2010)

GAMBAR 2.15



Bangunan Pentadbiran (Tingkat 5)
- Kerja Pembersihan Telah Dijalankan
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 20.12.2010)

GAMBAR 2.16



Tiang Pagar Bangunan Gunasama
- Cat Ditumbuhi Kulat Putih
(20.07.2010)

GAMBAR 2.17



Tiang Pagar Bangunan Gunasama
- Kerja Pembersihan Kulat Telah Dijalankan
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 15.09.2010)

GAMBAR 2.18




Bangunan Pentadbiran
- Susur Tangan Laluan Orang Kurang Upaya
Tidak Dicat Semula
(19.07.2010)

GAMBAR 2.19




Bangunan Pentadbiran
- Susur Tangan Laluan Orang Kurang Upaya
Telah Dicat Semula
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 15.09.2010)

GAMBAR 2.20



Bangunan Pentadbiran (Tangga Tingkat 5 Ke 6)
- Keretakan Pada Dinding
Laluan Tangga
(20.07.2010)

GAMBAR 2.21



Bangunan Pentadbiran (Tangga Tingkat 5 Ke 6)
- Keretakan Pada Dinding Laluan
Tangga Telah Diperbaiki
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 22.12.2010)

GAMBAR 2.22



Bangunan Pentadbiran (Bilik Perbincangan 2)
- Kebocoran Pada Siling
(20.07.2010)

GAMBAR 2.23




Bangunan Pentadbiran (Bilik Perbincangan 2)
- Kebocoran Pada Siling Telah Diperbaiki
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 22.12.2010)

GAMBAR 2.24



Dataran, Bangunan Pentadbiran
- Kesan Tumpahan Simen Pada
Laluan Pejalan Kaki Dataran
(20.07.2010)

GAMBAR 2.25



Dataran, Bangunan Pentadbiran
- Kesan Tumpahan Simen Pada Laluan
Pejalan Kaki Dataran Telah Dibersihkan
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 09.03.2011)

GAMBAR 2.26



Pintu Masuk, Zon A, Bangunan Pentadbiran
- Kerosakan Pada Susur Tangan
Yang Masih Belum Diperbaiki
(19.07.2010)

GAMBAR 2.27




Pintu Masuk, Zon A, Bangunan Pentadbiran
- Kerosakan Pada Susur Tangan
Yang Telah Belum Diperbaiki
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 22.02.2011)

GAMBAR 2.28



Bilik Mesyuarat, Bangunan Pentadbiran
- Pemasangan Karpet Yang Tidak Kemas
(19.07.2010)

GAMBAR 2.29



Bilik Mesyuarat, Bangunan Pentadbiran
- Pemasangan Karpet Yang Telah Dikemaskan
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 22.12.2010)

c. Reka Bentuk Tidak Sesuai

Reka bentuk dinding bangunan surau yang terbuka (Glassfibre Reinforce Concrete - GRC) memudahkan air hujan memasuki ke dalam bangunan surau tersebut. Selepas teguran Audit, kontraktor telah mengambil tindakan dengan memasang *Acrylic* pada GRC surau untuk mengelakkan air hujan daripada memasuki ke dalam bangunan surau. Contohnya adalah seperti berikut:

GAMBAR 2.30



Bangunan Surau
- Decorative Air Vent Boleh Menyebabkan Tempias Hujan Memasuki Ke Dalam Bangunan Surau (19.07.2010)

GAMBAR 2.31



Bangunan Surau
- Pemasangan 'Acrylic' Pada Dinding GRC Di Surau Untuk Mengelakkan Daripada Air Hujan Masuk (Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 25.12.2010)

Pada pendapat Audit, tindakan segera yang diambil oleh JKR dan kontraktor adalah satu usaha yang baik. Namun, JKR hendaklah mempertingkatkan penyeliaan dan memastikan segala kecacatan diperbaiki oleh kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

2.4.1.3. Masalah Serangan Kulat

a. Bangunan Gunasama Persekutuan siap sepenuhnya pada bulan Januari 2010 dan telah diduduki oleh 17 jabatan/agensi mulai bulan Mac 2010 kecuali bagi Pejabat Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (KPTG). Ini adalah kerana serangan kulat berlaku di Tingkat 5, Zon A, Blok Pentadbiran yang sepatutnya menempatkan Pejabat KPTG. Pada awalnya hanya terdapat tompokan-tompokan kecil kulat pada dinding *gypsum board.* Syarikat Gemilang Maintenance Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Bahagian Kawal Selia Penyenggaraan, Kementerian Kerja Raya untuk mengawasi kerja-kerja penyenggaraan bangunan tersebut telah diarahkan untuk membersihkannya. Bagaimanapun serangan kulat ini masih berlaku lagi dan semasa lawatan Audit, serangan kulat ini telah merebak ke seluruh permukaan dinding *gypsum board* sehingga ke siling Tingkat 5 bangunan tersebut. Permohonan penyiasatan masalah serangan kulat telah dibuat oleh JKR Seberang Perai Utara pada 30 Jun 2010 kepada Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, JKR. Menurut Laporan Pemeriksaan oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, antara faktor yang menyebabkan berlaku serangan kulat adalah seperti berikut:

   i. Sistem pengudaraan yang tidak beroperasi menyebabkan tiada peredaran udara di beberapa ruang pejabat di Tingkat 5. Tambahan pula, bahan dinding *gypsum board* yang *porous* juga amat mudah menyerap kandungan air dalam udara telah menyumbang kepada pembentukan kulat.


   ii. Bangunan pejabat merupakan bangunan yang bukan kedap udara. Di ruang pejabat di Tingkat 5 terdapat kemasukan udara lembap dari luar

yang berlebihan melalui bukaan kecil antara dinding luaran dan bumbung. *Mengikut maklum balas JKR, kelembapan yang tinggi daripada persekitaran luar bangunan dan kawasan yang prone kepada pertumbuhan kulat telah menyumbang kepada masalah serangan kulat.*

iii. Kerja-kerja pembersihan terhadap dinding *gypsum board* menggunakan air menyuburkan lagi pembentukan kulat.


b. Bagi mengatasi masalah serangan kulat ini, JKR telahpun mengambil tindakan pembaikan dan perawatan serangan kulat serta menjalankan kerja-kerja penambahbaikan dinding bata, dinding sesekat dan siling dengan kos berjumlah RM0.15 juta. Contohnya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.32



Bangunan Pentadbiran (Tingkat 5)
- Serangan Kulat Pada Dinding
(20.07.2010)

GAMBAR 2.33



Bangunan Pentadbiran (Tingkat 5)
- Serangan Kulat Telah Dirawat Dan Telah Digantikan Dengan Gypsum Board Yang Baru
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 26.11.2010)

GAMBAR 2.34



Bangunan Pentadbiran (Tingkat 5)
- Serangan Kulat Pada Dinding Dan Siling
(20.07.2010)

GAMBAR 2.35



Bangunan Pentadbiran (Tingkat 5)
- Serangan Kulat Pada Siling Telah Dirawat
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 26.11.2010)

GAMBAR 2.36



Bangunan Pentadbiran (Tingkat 5)
- Serangan Kulat Pada Dinding Dan Siling
(20.07.2010)

GAMBAR 2.37



Bangunan Pentadbiran (Tingkat 5)
- Serangan Kulat Pada Dinding Telah Dirawat Dan Diganti Dengan Gypsum Board Yang Baru
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 26.11.2010)

c. Mengikut perancangan, Tingkat 5 bangunan ini sepatutnya diduduki oleh JKPTG pada 1 Ogos 2010 iaitu setelah siap kerja-kerja pembinaan susun atur ruangan pejabat. Bagaimanapun, perpindahan ini terpaksa ditangguhkan sehingga bulan Disember 2010 menyebabkan JKPTG terpaksa menyewa di Bangunan Wisma Peladang dengan kadar sewa sebanyak RM12,805 sebulan. JKPTG hanya berpindah masuk pada 25 Disember 2010. Oleh itu, kos sewa yang terpaksa ditanggung oleh JKPTG adalah RM0.05 juta untuk tempoh 4 bulan.

Pada pendapat Audit, JKR sepatutnya mengambil tindakan segera bagi merawat serangan kulat tersebut di peringkat awal supaya ia tidak menjadi lebih serius bagi meminimumkan kos rawatan dan pembaikan.

2.4.2. Pengurusan Kontrak

2.4.2.1. Surat Setuju Terima Lewat Dikeluarkan

Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor dalam tempoh sah laku tender. Lembaga Tender JKR telah memperakukan tender pada 20 Oktober 2006 dengan kos RM50 juta. Surat Setuju Terima (SST) perlu dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor yang berjaya setelah pengesahan peruntukan diperolehi daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri. Tempoh Sah Laku Tender ini berakhir pada 19 November 2006. Sehingga tarikh tersebut, SST kepada kontraktor yang berjaya masih belum dikeluarkan walaupun siling peruntukan berjumlah RM62.30 juta telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada 23 Mac 2006. Kontraktor telah bersetuju untuk melanjutkan Tempoh Sah Laku Tender sehingga 17 Februari 2007. SST hanya dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya pada 27 Disember 2006 dan ditandatangani oleh kontraktor pada 8 Januari 2007.

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah mempercepatkan pengeluaran Surat Setuju Terima kepada kontraktor bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

2.4.2.2. Kelewatan Menandatangani Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1995 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST telah dikeluarkan pada 27 Disember 2006, namun kontrak hanya dimeterai pada 7 Ogos 2007 iaitu 7 bulan selepas SST dikeluarkan. Ini menunjukkan kontrak lewat ditandatangani selama 3 bulan daripada tempoh sepatutnya. *Berdasarkan maklum balas JKR, kelewatan berlaku disebabkan kegagalan pihak kontraktor hadir untuk menandatangani dokumen kontrak pada tarikh yang ditetapkan.*

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya Jabatan Kerja Raya mengambil tindakan berikut:

2.5.1. Memastikan perancangan yang teliti dan menjalankan pemantauan dengan berkesan bagi mengelakkan kelewatan dalam menyiapkan projek.

2.5.2. Memastikan segala kecacatan diperbaiki oleh kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

2.5.3. Memastikan tindakan segera diambil di peringkat awal terhadap masalah serangan kulat supaya ia tidak menjadi lebih serius bagi meminimumkan kos rawatan dan pembaikan.

2.5.4. Memastikan SST serta kontrak dikeluarkan dan ditandatangani dengan segera.

JABATAN PERDANA MENTERI

3. LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
- AKTIVITI PENGUATKUASAAN LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) adalah bertanggungjawab untuk melaksana, mentadbir dan menguatkuasakan Akta LPKP 1987 (Akta 334) serta kaedah-kaedah yang telah diperuntukkan di bawahnya. Secara umumnya, terdapat 3 LPKP di Malaysia iaitu LPKP Semenanjung, LPKP Sabah dan LPKP Sarawak. Ketiga-tiga LPKP ini terletak di bawah kuasa lembaga yang berasingan dan bertanggungjawab terus kepada Menteri berkenaan. LPKP Semenanjung terdiri daripada Ibu Pejabat di Putrajaya dan 4 pejabat wilayah iaitu Pejabat Wilayah Tengah di Putrajaya, Pejabat Wilayah Utara di Sungai Petani, Pejabat Wilayah Selatan di Muar dan Pejabat Wilayah Timur di Kuala Terengganu. Manakala LPKP Sabah dan Sarawak masing-masing terdiri daripada Pejabat Negeri di Kota Kinabalu dan Kuching serta Pejabat Cawangan di Tawau, Sandakan, Sibu dan Miri.

3.1.2. Bahagian/Unit Penguatkuasa LPKP di setiap pejabat wilayah/negeri/ cawangan bertanggungjawab terhadap operasi penguatkuasaan, pengendalian aduan daripada orang awam dan pemantauan serta pengauditan terhadap syarikat yang memegang lesen kenderaan perdagangan.

3.1.3. Pada 31 Januari 2011, LPKP Semenanjung telah dibubarkan dan fungsinya termasuk aktiviti penguatkuasaan lesen kenderaan perdagangan telah diserap ke Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti penguatkuasaan lesen kenderaan perdagangan oleh LPKP telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti penguatkuasaan lesen kenderaan perdagangan yang merangkumi operasi penguatkuasaan, pengendalian aduan daripada orang awam, pemantauan dan audit syarikat. Semakan terhadap fail, rekod dan dokumen serta penganalisaan data yang berkaitan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 telah dijalankan di Ibu Pejabat LPKP, LPKP Semenanjung (Pejabat Wilayah Tengah, Wilayah Selatan, Wilayah Timur dan Wilayah Utara), LPKP Sabah dan Sarawak kecuali LPKP Cawangan Miri. Temu bual

dan lawatan fizikal ke pejabat dan kawasan penguatkuasaan yang dipilih juga dilakukan bersama pegawai yang terlibat.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan lesen kenderaan perdagangan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah kes tangkapan/aduan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan; pemantauan dan audit syarikat tidak dilaksanakan secara menyeluruh; prosedur kerja aktiviti penguatkuasaan tidak dipatuhi; tindakan pendakwaan tidak diambil; tempoh penguatkuasaan kompaun tidak ditetapkan/tidak seragam; kawalan dalaman terhadap penetapan kadar/pengeluaran/pengurangan kompaun tidak diwujudkan dan pengurusan fail/dokumen kes yang tidak teratur bagi tujuan pendaftaran kes aduan/tangkapan dan pemantauan kes. Bagaimanapun, LPKP telah mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan ulasan LPKP adalah seperti di perenggan berikut:

3.4.1. Prestasi Aktiviti Penguatkuasaan

Pemeriksaan Audit bagi menilai prestasi pelaksanaan operasi penguatkuasaan dan pengendalian aduan awam mendapati sebanyak 18,907 tangkapan dan 11,472 aduan telah dibuat terhadap pelesen yang melanggar syarat-syarat pelesenan kenderaan perdagangan di seluruh Malaysia sepanjang tempoh tahun 2008 hingga 2010. Daripada aktiviti operasi penguatkuasaan dan pengendalian aduan awam, sejumlah RM5.37 juta hasil kompaun telah dikutip oleh LPKP bagi tempoh tersebut. Bagi aktiviti pemantauan dan audit syarikat pula, sebanyak 74 syarikat telah dipantau dan diaudit oleh LPKP Semenanjung sehingga bulan Jun 2010. Manakala LPKP Sabah dan Sarawak tidak pernah melaksanakan pemantauan dan audit syarikat setakat tarikh pengauditan dijalankan. Semakan Audit terhadap aktiviti penguatkuasaan mendapati perkara berikut:

3.4.1.1. Penyelesaian Kes Tangkapan Mengambil Masa Yang Lama

a. Operasi penguatkuasaan pelesenan LPKP dilaksanakan secara operasi harian, operasi bersepadu LPKP Wilayah/Cawangan/pelbagai agensi dan operasi khas LPKP. Semasa operasi penguatkuasaan dijalankan, Notis Penyitaan Dokumen akan dikeluarkan kepada pelesen/pemandu sekiranya terdapat kes tangkapan. Pelesen/pemandu akan hadir ke pejabat LPKP mengikut tarikh yang ditetapkan di dalam Notis Penyitaan Dokumen bagi menentukan sama ada pelesen/pemandu dikenakan tindakan amaran, kompaun atau dibebaskan.

b. Semakan Audit terhadap 486 kes tangkapan dari tahun 2008 hingga bulan Mei 2010 di pejabat LPKP mendapati tempoh penyelesaian kes bermula dari

tarikh tangkapan sehingga tindakan amaran/pembayaran kompaun/lesen digantung/lesen dibatalkan boleh diselesaikan dalam masa satu hari. Bagaimanapun, terdapat kes mengambil masa yang lama iaitu sehingga 706 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.1
TEMPOH PENYELESAIAN KES TANGKAPAN DI PEJABAT LPKP
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA BULAN MEI 2010

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN	BILANGAN KES DISEMAK	TEMPOH PENYELESAIAN KES (Hari)
Semenanjung (Wilayah Tengah, Utara, Selatan dan Timur)	318	1 - 706
Sabah (Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau)	114	1 - 279
Sarawak (Kuching dan Sibu)	54	1 - 454
JUMLAH	**486**	**1 - 706**

c. Pihak Audit mendapati tempoh sepatutnya pelesen/pemandu hadir ke LPKP bagi menentukan sama ada pelesen/pemandu dikenakan tindakan amaran, kompaun atau dibebaskan tidak ditetapkan dalam prosedur kerja LPKP. Selain itu, LPKP juga tidak menetapkan norma masa bagi menyelesaikan sesuatu kes bermula dari tarikh tangkapan sehingga tarikh tindakan amaran/pembayaran kompaun/lesen digantung/lesen dibatalkan. LPKP hanya menetapkan tempoh kuat kuasa Notis Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan (Notis Kompaun) iaitu selama 44 hari dari tarikh ianya diserahkan kepada pelesen.

Pada pendapat Audit, tempoh masa bagi pelesen/pemandu untuk hadir ke pejabat perlu dinyatakan di dalam prosedur kerja sebagai panduan kepada pegawai yang mengeluarkan Notis Penyitaan Dokumen. Norma masa bagi penyelesaian kes sehingga tindakan amaran/pembayaran kompaun/lesen digantung/lesen dibatalkan juga perlu ditetapkan bagi membantu LPKP menjalankan pemantauan dan mengelakkan sesuatu kes mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.

3.4.1.2. Pengendalian Aduan

Aduan yang diterima melalui surat, telefon, faksimili, khidmat pesanan ringkas, emel, akhbar atau pengadu datang sendiri ke pejabat LPKP akan dijadikan asas dan sumber maklumat kepada Bahagian/Unit Penguatkuasa untuk menjalankan siasatan. Semakan Audit mendapati Bahagian Pengurusan Aduan telah diwujudkan di Ibu Pejabat LPKP Semenanjung yang meliputi Wilayah Tengah. Bagi LPKP Wilayah Utara dan Timur terdapat pegawai khusus dilantik mengendalikan kes aduan. Bagaimanapun LPKP Wilayah Selatan, LPKP Sabah dan Sarawak tidak mempunyai bahagian/unit/pegawai khusus untuk

mengendalikan aduan yang diterima. Tanggungjawab bagi menguruskan aduan yang diterima di pejabat LPKP berkenaan dilaksanakan oleh pegawai di Bahagian/Unit Penguatkuasa dan secara tidak langsung menambahkan lagi beban tugas sedia ada pegawai tersebut. Semakan Audit terhadap 257 aduan di pejabat LPKP sepanjang tahun 2008 hingga bulan Mei 2010 mendapati beberapa kelemahan pengendalian aduan seperti berikut:

a. Aduan Mengambil Masa Yang Lama Untuk Diselesaikan

Piagam Pelanggan LPKP telah menetapkan tempoh masa 30 hari bagi urusan mengendalikan aduan. Semakan Audit mendapati 124 (48.2%) daripada 257 aduan yang dikenakan kompaun mengambil masa antara 41 hingga 756 hari untuk diselesaikan di pejabat LPKP kecuali LPKP Sarawak (Cawangan Kuching dan Sibu). Antara faktor yang menyebabkan aduan lewat diselesaikan adalah norma masa bagi setiap proses pengendalian aduan tidak ditetapkan di dalam prosedur kerja di kesemua pejabat LPKP yang dilawati. Tempoh masa penyelesaian kes aduan yang disemak adalah seperti berikut:

JADUAL 3.2
KES ADUAN YANG LEWAT DISELESAIKAN DI PEJABAT LPKP
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN	BILANGAN KES	TEMPOH PENYELESAIAN KES (Hari)
Semenanjung (Wilayah Tengah, Utara, Selatan dan Timur)	62	41 - 748
Sabah (Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau)	62	41 - 756
JUMLAH	**124**	**41 - 756**

b. Aduan Yang Diterima Tidak Direkodkan/Tidak Lengkap

Buku Daftar Aduan adalah penting kerana catatan yang direkod ke dalam daftar tersebut merupakan ringkasan kepada aduan yang diterima. Maklumat yang perlu direkodkan ke dalam Buku Daftar Aduan adalah nombor rujukan kes, nombor kenderaan, jenis kenderaan, butiran aduan, saluran aduan, tarikh aduan, tarikh selesai, pegawai yang bertanggungjawab, status tindakan/catatan dan tandatangan ringkas pegawai. Selain itu, Buku Daftar Aduan memudahkan rujukan terhadap sesuatu kes sekiranya pengadu ingin mengetahui status tindakan yang telah diambil. Semakan Audit mendapati Buku Daftar Aduan di Pejabat LPKP Wilayah Utara, Cawangan Tawau dan Cawangan Sibu tidak diselenggarakan dengan lengkap. Manakala Buku Daftar Aduan tidak disediakan oleh Pejabat LPKP Sarawak di Kuching. Bagaimanapun, selepas teguran Audit, Buku Daftar Aduan telah disediakan oleh Pejabat LPKP Sarawak.

Pada pendapat Audit, semua aduan yang diterima hendaklah direkodkan secara sistematik bagi memudahkan rujukan terhadap sesuatu kes sekiranya pengadu ingin mengetahui status tindakan yang telah diambil.

c. Notis Temu Siasat/Mengemukakan Maklumat Tidak/Lewat Dikeluarkan

i. Notis Temu Siasat/Mengemukakan Maklumat akan dikeluarkan kepada pelesen bagi tujuan siasatan dan mendapatkan maklumat lanjut berhubung kesalahan yang telah dilakukan. Pelesen dan pemandu diminta hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan di dalam notis tersebut. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tempoh untuk mengeluarkan Notis Temu Siasat/Mengemukakan Maklumat dari tarikh aduan diterima tidak ditetapkan dalam prosedur kerja LPKP. Semakan Audit selanjutnya mendapati 44 kes aduan tidak disusuli dengan Notis Temu Siasat/Mengemukakan Maklumat, manakala bagi 213 aduan lagi Notis Temu Siasat/Mengemukakan Maklumat mengambil masa antara satu hingga 265 hari untuk dikeluarkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.3
TEMPOH NOTIS TEMU SIASAT/MENGEMUKAKAN MAKLUMAT DIKELUARKAN DARI TARIKH ADUAN DITERIMA

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN	BILANGAN DIKELUARKAN	TEMPOH PENGELUARAN (Hari)
Semenanjung (Wilayah Tengah, Utara, Selatan dan Timur)	122	1 - 265
Sabah (Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau)	88	1 - 114
Sarawak (Sibu)	3	3 - 6
JUMLAH	**213**	**1 - 265**

ii. *Selepas teguran Jabatan Audit Negara, LPKP memaklumkan bahawa prosedur kerja telah disediakan pada 28 Oktober 2010 dengan menetapkan notis perlu dikeluarkan dalam tempoh 3 hari bekerja apabila maklumat yang lengkap diterima.*

d. Tempoh Pelesen Perlu Hadir Untuk Temu Siasat Tidak Seragam

i. LPKP tidak menetapkan tempoh pelesen perlu hadir untuk sesi temu siasat di dalam prosedur kerja kecuali LPKP Wilayah Utara dan Sarawak yang menetapkan tempoh selama 14 hari. Semakan Audit terhadap 193 Notis Temu Siasat/Mengemukakan Maklumat mendapati tempoh pelesen perlu hadir adalah tidak seragam antara satu hingga 34 hari. Butirannya seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.4
TEMPOH PELESEN PERLU HADIR
SEPERTI DI NOTIS TEMU SIASAT/NOTIS MENGEMUKAKAN MAKLUMAT

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN	BILANGAN KES	TEMPOH PELESEN PERLU HADIR (Hari)
Semenanjung (Wilayah Tengah, Utara, Selatan dan Timur)	102	1 - 34
Sabah (Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau)	88	3 - 30
Sarawak (Sibu)	3	14
JUMLAH	**193**	**1 - 34**

ii. *Berdasarkan maklum balas pihak LPKP, tempoh masa telah diambil kira dalam prosedur kerja yang disediakan pada 28 Oktober 2010 di mana pelesen dikehendaki hadir untuk sesi temu siasat dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh notis dikeluarkan.*

3.4.1.3. Pemantauan Dan Audit Syarikat Tidak Dilaksanakan Secara Menyeluruh

a. Pemantauan dan audit syarikat diperkenalkan bagi memastikan pemegang lesen pengangkutan awam bertanggungjawab terhadap keselamatan pengguna dan operasi syarikat masing-masing. Pemantauan dan audit syarikat dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHE) untuk menyokong Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994. Kod Amalan SHE adalah merupakan satu amalan yang diadaptasi daripada Standard Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan yang diterbitkan oleh Jabatan Standard Malaysia dan disesuaikan untuk kegunaan industri pengangkutan. Antara perkara yang diambil kira semasa pelaksanaan pemantauan dan audit syarikat adalah mengenai komitmen pengurusan tertinggi, pengurusan pemanduan, pengurusan dokumen, pengurusan perjalanan dan risiko serta penyenggaraan kenderaan.

b. Jumlah syarikat bas ekspres, lori pembawa A dan lori pembawa C di Semenanjung setakat bulan Jun 2010 adalah sebanyak 37,409. Semakan Audit mendapati 37,335 (99.8%) daripada 37,409 syarikat pemegang lesen kenderaan perdagangan tersebut tidak pernah dipantau dan diaudit oleh LPKP sejak tahun 2008 hingga bulan Jun 2010. Manakala LPKP Sabah dan Sarawak pula tidak pernah melaksanakan pemantauan dan audit syarikat sepanjang tempoh tersebut sungguhpun jumlah syarikat masing-masingnya adalah sebanyak 7,872 dan 7,013 kerana masih belum didedahkan mengenai kaedah pelaksanaannya.

c. Bahagian/Unit Penguatkuasa di LPKP Semenanjung telah menetapkan sebanyak 4 syarikat perlu diaudit dalam tempoh sebulan mulai bulan April

2009 kecuali bagi LPKP Wilayah Timur yang telah dimulakan pada bulan April 2008. Bagi tempoh bulan April 2009 hingga Jun 2010, sebanyak 74 syarikat pemegang lesen kenderaan perdagangan telah dibuat pemantauan dan diaudit. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.5
BILANGAN SYARIKAT YANG DIPANTAU
DAN DIAUDIT DARI TAHUN 2008 SEHINGGA BULAN JUN 2010

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN	TAHUN			JUMLAH
	2008	2009	2010*	
Semenanjung (Wilayah Tengah, Utara, Selatan dan Timur)	5	38	31	74
Sabah (Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau)	-	-	-	-
Sarawak (Kuching dan Sibu)	-	-	-	-
JUMLAH	**5**	**38**	**31**	**74**

Pada pendapat Audit, penetapan sasaran mengenai bilangan syarikat yang perlu dipantau dan diaudit oleh LPKP Semenanjung hendaklah dikaji semula. Sekiranya sasaran 4 syarikat dalam masa sebulan masih dikekalkan dan jumlah 37,409 syarikat setakat bulan Jun 2010 diambil kira, maka pihak LPKP akan mengambil masa melebihi 194 tahun untuk membuat pemantauan dan pengauditan ke atas syarikat yang telah diberikan lesen kenderaan perdagangan tersebut. Selain itu, pegawai LPKP Sarawak dan Sabah hendaklah diberi pendedahan yang secukupnya mengenai pelaksanaan pemantauan dan pengauditan syarikat.

3.4.2. Prosedur Kerja Aktiviti Penguatkuasaan Yang Tidak Dipatuhi

Keberkesanan aktiviti penguatkuasaan lesen kenderaan perdagangan juga bergantung kepada pematuhan terhadap prosedur kerja yang ditetapkan, antaranya penyediaan Laporan Penguatkuasa dan Retan Operasi Penguatkuasaan serta pengeluaran Notis Tunjuk Sebab dan Notis Penyitaan Dokumen. Semakan Audit mendapati beberapa prosedur kerja bagi aktiviti penguatkuasaan tidak dipatuhi seperti berikut:

3.4.2.1. Berdasarkan prosedur kerja operasi penguatkuasaan, Laporan Penguatkuasa (Lampiran P1) perlu disediakan bagi merekodkan maklumat tangkapan yang dibuat. Bagaimanapun, adalah didapati Lampiran P1 tidak disediakan bagi kesemua 174 kes tangkapan yang disemak di LPKP Wilayah Timur dan Wilayah Utara.

3.4.2.2. Retan Operasi Penguatkuasaan tidak disediakan oleh Unit Penguatkuasa di Pejabat LPKP Sabah, Pejabat LPKP Wilayah Selatan, Wilayah Timur dan Wilayah Utara. Manakala bagi LPKP Sarawak, Retan Operasi Pengkuasaan disediakan namun tidak lengkap.

3.4.2.3. Prosedur kerja mengenai Laporan Operasi menetapkan bahawa kesemua kes tangkapan yang sudah lengkap perlu dikeluarkan Notis Tunjuk Sebab (NTS). Bagaimanapun, amalannya berbeza di mana NTS hanya akan dikeluarkan kepada pelesen bagi kes yang tidak boleh dikompaun dan bagi kes di mana pelesen/pemandu/wakilnya tidak hadir pada/sebelum tarikh yang telah ditetapkan.

3.4.2.4. Notis Penyitaan Dokumen hendaklah dikeluarkan kepada pelesen/pemandu sekiranya terdapat kes tangkapan. Bagaimanapun, Pegawai Penguatkuasa di LPKP Sarawak tidak mengeluarkan Notis Penyitaan Dokumen kepada pemandu/pelesen dan tidak menyita apa-apa dokumen semasa menjalankan operasi tangkapan. Jika didapati pemandu/pelesen melakukan kesalahan yang jelas dan nyata di bawah seksyen 19(1), Akta LPKP 1987 (Akta 334), penguatkuasa akan terus mengeluarkan Notis Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan kepada pemandu tersebut.

Pada pendapat Audit, borang dalam prosedur kerja yang digunakan bagi aktiviti penguatkuasaan perlu dilengkapkan bagi mematuhi prosedur tersebut.

3.4.3. Pengurusan Kompaun

3.4.3.1. Bagi kes-kes kesalahan yang jelas, Unit Penguatkuasa boleh menawarkan kompaun kepada pelesen/pemandu untuk setiap kesalahan yang dilakukan. Perkara ini telah dinyatakan dengan jelas di bawah seksyen 49, Akta LPKP 1987 yang memperuntukan mana-mana pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan boleh menurut budi bicaranya, mengkompaun apa-apa kesalahan terhadap Akta LPKP 1987 sejumlah wang tidak melebihi RM300.

3.4.3.2. Sejumlah RM5.37 juta telah dikutip daripada pengeluaran kompaun bagi tempoh 2008 hingga 2010. Pihak Audit mendapati sebanyak 961 Notis Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan (Notis Kompaun) bernilai RM231,700 bagi tempoh tersebut masih tertunggak dan belum dikenakan tindakan pendakwaan sehingga tarikh pengauditan dijalankan. Adalah didapati antara faktor yang menyebabkan tindakan pendakwaan di mahkamah tidak diambil adalah seperti berikut:

a. Pegawai Pendakwa di kalangan pegawai LPKP yang layak masih belum dilantik untuk menghadapkan pelesen yang mempunyai kompaun tertunggak ke mahkamah.

b. Sebanyak 40 (32%) daripada 125 perjawatan untuk Bahagian/Unit Penguatkuasa masih belum diisi di mana LPKP Sabah hanya dapat mengisi sebanyak 5 (41.7%) daripada 12 perjawatan yang diluluskan. Manakala LPKP Sarawak pula hanya dapat mengisi sebanyak 7 (50%) daripada 14 perjawatan yang diluluskan setakat akhir tahun 2010.

3.4.3.3. Mengikut perenggan 4 di dalam Notis Kompaun tawaran adalah berkuat kuasa sehingga satu tempoh masa yang ditetapkan. Tempoh kuat kuasa Notis Kompaun yang ditetapkan di dalam Sistem Informasi Kenderaan dan Pemandu (SIKAP) adalah 44 hari dari tarikh Notis Kompaun diserahkan kepada pelesen. Sekiranya bayaran tidak diterima pada atau sebelum tarikh itu, tindakan pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya. Oleh itu, pengeluar kompaun perlu menetapkan tarikh akhir kuat kuasa tawaran kompaun tersebut. Semakan Audit terhadap 471 Notis Kompaun yang dikeluarkan secara manual mendapati 202 (42.9%) daripadanya telah dicatatkan tarikh akhir kuat kuasa kompaun. Manakala bakinya 269 tidak dicatatkan tarikh akhir kuat kuasa kompaun. Daripada 202 Notis Kompaun tersebut, 143 didapati tempohnya adalah berbeza daripada tempoh yang ditetapkan di dalam SIKAP. Tempoh kuat kuasa Notis Kompaun yang dikeluarkan secara manual adalah antara satu hingga 76 hari. Perbezaan tersebut adalah disebabkan tempoh kuat kuasa Notis Kompaun tidak ditetapkan oleh pihak LPKP di dalam prosedur kerja. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.6
TEMPOH KUAT KUASA NOTIS TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN BERBEZA-BEZA

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN	BILANGAN KES	TEMPOH KUAT KUASA NOTIS (Hari)
Semenanjung (Wilayah Tengah dan Selatan)	63	1 - 40
Sabah (Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau)	96	14 - 76
Sarawak (Kuching dan Sibu)	43	2 - 46
JUMLAH	**202**	**1 - 76**

3.4.3.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati kadar kompaun mengikut jenis kesalahan juga telah ditetapkan di dalam SIKAP sebagai rujukan kepada pegawai yang akan mengeluarkan kompaun secara manual. Pegawai penguatkuasa akan mengunci masuk maklumat kesalahan ke dalam SIKAP dan kadar kompaun bagi setiap jenis kesalahan tersebut akan ditentukan melalui sistem tersebut. Semakan Audit mendapati kadar kompaun bagi 259 (35.6%) daripada 728 kes tangkapan dan aduan yang disemak berbeza dengan kadar yang telah ditetapkan di dalam SIKAP. Perbezaan ini adalah disebabkan kadar tersebut boleh dipinda oleh pegawai yang mempunyai capaian terhadap sistem tersebut. Bagaimanapun, tiada penurunan kuasa secara bertulis membenarkan pegawai meminda kadar kompaun. Selain itu, justifikasi bagi setiap pindaan kadar kompaun juga tidak dapat disahkan kerana maklumat berkaitan tidak dikemukakan.

Pada pendapat Audit, Pegawai Pendakwa hendaklah dilantik dengan segera bagi membolehkan tindakan mahkamah diambil terhadap pesalah yang

mempunyai kompaun tertunggak yang melebihi tempoh kuat kuasanya. Tempoh kuat kuasa kompaun juga hendaklah ditetapkan di dalam prosedur kerja sebagai panduan kepada pegawai yang mengeluarkan kompaun. Selain itu, urusan penetapan/pengurangan kompaun melalui SIKAP perlu dikawal dan dilakukan oleh pegawai yang diberi kuasa sahaja. Justifikasi pengurangan kadar kompaun hendaklah disediakan untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa berlaku.

3.4.4. Penggantungan dan Pembatalan Lesen Kenderaan Perdagangan

3.4.4.1. Berdasarkan statistik kesalahan dan tindakan penguatkuasaan, sebanyak 210 lesen telah digantung dan 63 lesen telah dibatalkan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 di LPKP Semenanjung dan LPKP Sabah. Butiran lanjut mengenai kes yang dikenakan tindakan penggantungan dan pembatalan lesen adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.7
BILANGAN LESEN YANG DIGANTUNG DAN DIBATAL
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN	BILANGAN LESEN	
	DIGANTUNG	DIBATAL
Semenanjung (Wilayah Tengah, Utara, Selatan dan Timur)	210	58
Sabah (Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau)	-	5
Sarawak (Kuching dan Sibu)	-	-
JUMLAH	**210**	**63**

3.4.4.2. LPKP akan memaklumkan kepada pelesen mengenai keputusan penggantungan/pembatalan secara bertulis dan pelesen dikehendaki menyerahkan Lesen Kenderaan Perdagangan ke pejabat LPKP. Semakan Audit terhadap 34 (16.2%) daripada 210 fail kes yang diputuskan untuk digantung oleh Mesyuarat Lembaga LPKP Semenanjung mendapati ianya tidak lengkap. Bagi kes pembatalan pula, semakan Audit hanya dapat dijalankan ke atas 9 daripada 63 fail/dokumen kes manakala 54 (85.7%) kes tidak dapat dikemukakan untuk diaudit. Semakan ke atas fail/dokumen kes pembatalan lesen yang dikemukakan mendapati fail berkenaan juga tidak diselenggara dengan lengkap. Antara tindakan LPKP yang tidak dapat dipastikan sama ada telah diambil dalam urusan penggantungan/pembatalan lesen adalah seperti berikut:

a. Surat pemberitahuan penggantungan/pembatalan lesen telah dikeluarkan kepada pelesen;

b. Pelesen telah menyerahkan lesen di pejabat LPKP;

c. Tarikh kuat kuasa dan status penggantungan/pembatalan lesen dicop pada lesen;

d. Surat akuan penerimaan lesen oleh LPKP telah dikeluarkan kepada pelesen; dan

e. Unit Pengurusan Maklumat telah mengambil tindakan untuk menukar status lesen kepada gantung/batal.

Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap lesen kenderaan perdagangan yang digantung/dibatalkan hendaklah dilaksanakan dengan sempurna dan teratur serta mengikut prosedur kerja yang telah ditetapkan. Dokumen berhubung tindakan penggantungan/pembatalan lesen hendaklah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini di dalam fail kes bagi memudahkan rujukan semula.

3.4.5. Pengurusan Fail/Dokumen Kes Yang Tidak Teratur

3.4.5.1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 berkenaan Panduan Pengurusan Pejabat antaranya menetapkan setiap fail mestilah mengandungi kertas minit, kandungan surat dan dokumen lampiran yang disusun mengikut tarikh transaksi. Fail perlu disimpan di Bilik Rekod dengan menggunakan rak yang sesuai. Ia hendaklah disusun mengikut nombor rujukan fail. Setiap rak pula hendaklah dilabelkan bagi memudahkan pengesanan fail. Bagi tujuan pelupusan fail, jabatan dan agensi hendaklah mendapatkan nasihat Jabatan Arkib Negara sebelum melaksanakan pelupusan fail.

3.4.5.2. Semakan Audit mendapati fail/dokumen kes yang telah selesai disimpan bersama fail/dokumen kes yang sedang dalam tindakan dan yang belum diambil tindakan. Kesemua dokumen kes di Pejabat LPKP kecuali LPKP Sabah dan LPKP Wilayah Timur tidak difailkan secara berasingan sebaliknya hanya disimpan dalam satu fail (box file) yang sama mengikut tahun kes atau jenis kes. Selain itu, adalah diperhatikan bahawa rak dan kabinet besi berkenaan disimpan di ruang kerja pegawai penguatkuasa disebabkan ruang yang terhad. Ini berlaku di semua pejabat LPKP yang dilawati. Contoh ruang penyimpanan dokumen kes adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.1



Pejabat LPKP Cawangan Sandakan
- Fail Disimpan Di Atas Kabinet
(17.06.2010)

GAMBAR 3.2



Pejabat LPKP Wilayah Utara
- Rak Dan Kabinet Besi Untuk Menyimpan Dokumen Kes Ditempatkan Di Ruangan Kerja
(04.08.2010)

3.4.5.3. *Berdasarkan maklum balas pihak LPKP, prosedur kerja pengurusan fail telah disediakan pada 28 Oktober 2010. Bermula pada bulan November 2010, Pejabat LPKP Semenanjung telah menambah baik sistem fail di mana satu fail telah dibuka bagi setiap kes mengikut nombor pendaftaran kenderaan dan rujukan kes.*

3.4.5.4. Daripada 1,584 fail kes yang dipilih untuk diaudit, sebanyak 145 fail kes aduan dan 114 fail kes tangkapan yang telah selesai serta 129 fail kes aduan dan tangkapan yang belum selesai tidak dapat dikemukakan untuk semakan. *Berdasarkan maklum balas LPKP Wilayah Selatan, sebanyak 129 dokumen bagi kes yang sedang dan belum diambil tindakan telah dilupuskan*. Bagaimanapun, surat kelulusan pelupusan dokumen daripada Jabatan Arkib Negara tidak dikemukakan semasa pengauditan dijalankan. Selain itu, pihak LPKP berkenaan masih belum memberi maklum balas terhadap 259 fail kes aduan dan tangkapan yang tidak dapat dikemukakan. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.8
BILANGAN KES ADUAN DAN TANGKAPAN YANG DIAUDIT
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA BULAN MEI 2010

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN	KES YANG TELAH SELESAI		KES YANG BELUM SELESAI BAGI ADUAN DAN TANGKAPAN	JUMLAH
	ADUAN	TANGKAPAN		
Sampel Audit	402	648	534	1,584
Bil. Fail Yang Tidak Dapat Dikemukakan	145	114	129	388
Bil. Fail Yang Dikemukakan	257	534	405	1,196
Bil. Fail Yang Tidak Lengkap	223	307	218	748

3.4.5.5. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 223 (86.8%) daripada 257 kes aduan dan 307 (57.5%) daripada 534 kes tangkapan yang telah selesai serta 218 (53.8%) daripada 405 kes aduan dan tangkapan yang belum selesai yang telah dikemukakan adalah tidak lengkap dengan dokumen seperti Notis Penyitaan, Laporan Penguatkuasa, Notis Mengemukakan Maklumat, salinan Notis Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan, dokumen yang disita dan bukti tangkapan. **Pada pendapat Audit, LPKP tidak mempunyai bukti dan maklumat yang cukup untuk dirujuk semula sekiranya terdapat isu berbangkit mengenai kes-kes tangkapan tersebut**.

3.4.5.6. Bagi proses penyitaan Lesen Kenderaan Perdagangan/Jadual Tambang dan Jadual Perjalanan/Lesen Perubahan Sementara (Dokumen) dari kenderaan yang didapati melakukan kesalahan, penguatkuasa akan mengeluarkan Notis Sita Dokumen kepada pemandu semasa menjalankan operasi tangkapan. Dokumen yang disita itu pula perlu dikembalikan kepada pemilik apabila tamat tempoh penggantungan. Semakan Audit terhadap 422 kes penyitaan dokumen bagi tempoh tahun 2008 hingga bulan Mei 2010 mendapati

kesemuanya telah dikembalikan. Bagaimanapun, tiada sebarang rekod dapat disemak bagi menunjukkan sebanyak 247 (58.5%) dokumen yang disita telah dikembalikan kepada pelesen sebenar.

Pada pendapat Audit, pihak LPKP perlu mematuhi Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 berkenaan Panduan Pengurusan Pejabat serta mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Arkib Negara bagi melaksanakan pelupusan fail/dokumen.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan lesen kenderaan perdagangan dilaksanakan dengan cekap dan teratur, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)/Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Sarawak disyorkan supaya mengambil langkah berikut:

3.5.1. Menetapkan tempoh masa bagi pelesen/pemandu untuk hadir ke pejabat bagi menentukan sama ada pelesen/pemandu dikenakan tindakan amaran, kompaun atau dibebaskan di dalam prosedur kerja. Norma masa bagi penyelesaian kes sehingga pembayaran kompaun juga perlu ditetapkan bagi mengelakkan kes tangkapan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.

3.5.2. Menetapkan norma masa bagi setiap proses kerja pengendalian aduan bagi mengelakkan aduan lewat diselesaikan. Selain itu semua aduan yang diterima hendaklah direkodkan secara sistematik bagi memudahkan rujukan terhadap sesuatu kes sekiranya pengadu ingin mengetahui status tindakan yang telah diambil.

3.5.3. Memastikan borang dalam prosedur kerja yang digunakan bagi aktiviti penguatkuasaan dilengkapkan bagi mematuhi prosedur tersebut.

3.5.4. Melantik pegawai pendakwa dengan segera bagi membolehkan tindakan mahkamah diambil terhadap pesalah yang mempunyai kompaun tertunggak yang melebihi tempoh kuat kuasanya. Tempoh kuat kuasa kompaun juga hendaklah ditetapkan di dalam prosedur kerja sebagai panduan kepada pegawai yang mengeluarkan kompaun. Selain itu, urusan penetapan/pengurangan kompaun melalui SIKAP perlu dikawal dan dilakukan oleh pegawai yang diberi kuasa sahaja. Justifikasi pengurangan kadar kompaun hendaklah disediakan untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa berlaku.

3.5.5. Memastikan pengurusan terhadap lesen kenderaan perdagangan yang digantung/dibatalkan dilaksanakan dengan sempurna dan teratur serta mengikut prosedur kerja yang telah ditetapkan. Dokumen mengenai tindakan penggantungan/pembatalan lesen hendaklah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini di dalam fail kes bagi memudahkan rujukan semula.

3.5.6. Memastikan pengurusan kompaun dilaksanakan dengan teratur dengan mewujudkan kawalan dalaman terhadap pengeluaran/pengurangan kompaun.

3.5.7. Memandangkan SPAD telah mengambil alih fungsi LPKP di Semenanjung, SPAD perlu meminta pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) menjalankan kajian secara menyeluruh terhadap prosedur bahagian penguatkuasaan bagi memastikan kecekapan, integriti dan ketelusan operasi SPAD.

JABATAN PERDANA MENTERI

4. JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
- PEMBINAAN PUSAT/INSTITUT LATIHAN ISLAM

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertanggungjawab bagi melaksanakan 3 fungsi utama iaitu penggubalan dan penyeragaman undang-undang syarak, penyelarasan pentadbiran Islam serta penyelarasan dan pembangunan pendidikan Islam. Bagi membantu melaksanakan fungsi tersebut secara cekap dan berkesan, JAKIM memerlukan infrastruktur seperti bangunan pentadbiran, sekolah serta kompleks dan pusat latihan Islam. Antara projek pembangunan yang telah dijalankan adalah pembinaan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Pusat Latihan Islam, Maahad Tahfiz Al-Quran Pusat Komuniti Orang-Orang Asli, Pembinaan Masjid, Sekolah Rendah Agama dan lain-lain.

4.1.2. Dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), JAKIM telah diluluskan peruntukan berjumlah RM232.78 juta bagi pembangunan 9 Kompleks dan Pusat Latihan Islam. Manakala Pembinaan Pusat Latihan Islam Lawas, Sarawak pula merupakan projek yang dibiayai menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua. **Jabatan Kerja Raya (JKR) telah meluluskan pelantikan kontraktor dan perunding bagi Projek Pembinaan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Wilayah Timur, Besut dan Projek Pembinaan Pusat Latihan Islam Lawas, Sarawak.**

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan Pusat/Institut Latihan Islam JAKIM telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan 2 Pusat/Institut Latihan Islam iaitu Projek Pembinaan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Wilayah Timur, Besut dan Projek Pembinaan Pusat Latihan Islam (PLI) Lawas, Sarawak. Pemeriksaan dijalankan terhadap rekod, fail dan dokumen kontrak yang berkaitan. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang berkenaan juga diadakan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan ke atas 2 projek pembinaan Pusat/Institut Latihan Islam JAKIM iaitu Projek Pembinaan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Wilayah Timur,

Besut dan Projek Pembinaan Pusat Latihan Islam Lawas, Sarawak (PLI) antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya. Antara kelemahan tersebut ialah projek lewat disiapkan; Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan oleh Pengarah Projek walaupun hasil kerja masih belum disempurnakan sepenuhnya; arahan perubahan kerja tidak diluluskan; pembinaan tidak sempurna/tidak mengikut spesifikasi/tidak sesuai/tidak berkualiti; pembekalan perabot tidak dapat disahkan bilangan dan nilainya dan LAD telah dikenakan kepada kontraktor tanpa mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan dan ulasan JAKIM adalah seperti di perenggan berikut:

4.4.1. Prestasi Projek

Sehingga akhir tahun 2010, daripada 9 projek, 6 projek telah siap, 1 projek ditangguhkan dan 2 projek dalam pembinaan. Sejumlah RM110.09 juta telah dibelanjakan berbanding nilai kos kontrak RM104.50 juta. Dengan itu, sebanyak RM5.59 juta telah lebih belanja kerana pertambahan skop kerja baru yang melibatkan pertambahan kos pembinaan. Butirannya adalah seperti berikut:

JADUAL 4.1
SENARAI PEMBINAAN PUSAT/INSTITUT LATIHAN ISLAM DI BAWAH RMKe-9 DAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI SETAKAT BULAN DISEMBER 2010

NAMA PROJEK	AGENSI PELAKSANA	STATUS PROJEK	KOS KONTRAK (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Wilayah Timur, Bukit Kluang, Besut, Terengganu	JKR Terengganu	Siap dan diserah pada 11.02.2010	27,767,000	27,399,980
Pusat Latihan Islam Bangi, Selangor (Fasa II)	Cawangan Arkitek, JKR Ibu Pejabat	Siap dan diserah pada 20.03.2007	39,200,000	39,640,658
Pusat Latihan Islam Bangi, Selangor (Fasa III)	JKR Ibu Pejabat/Selangor	Dalam Pembinaan	4,560,874	4,874,372
Kompleks Pusat Latihan, Kuching, Sarawak	JKR Sarawak	Siap dan diserah pada 07.07.2005	5,432,766	8,250,025
Pusat Latihan Islam Kundasang, Sabah (Bina Semula)	JAKIM	Siap dan diserah pada 03.04.2006	8,268,000	13,514,484
Pusat Latihan Dakwah Lahat Datu, Sabah (Baru)	JAKIM	Siap dan serah projek 27.11.2008	9,604,710	8,782,092
Pusat Latihan Dakwah Kudat, Sabah (Tambahan)	JAKIM	Siap	1,859,407	1,859,407
Pusat Latihan Lawas, Sarawak	JKR Ibu Pejabat	Dalam Pembinaan	7,803,152	5,760,796*
Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Wilayah Utara, Guar Manong, Kuala Kangsar, Perak	JKR Ibu Pejabat	Tangguh	TB	5,000 (Dokumen Tender)
JUMLAH			**104,495,909**	**110,086,814**

Nota: (*) - Projek Di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi
TB - Tidak Berkaitan

4.4.2. Kelewatan Menyiapkan Projek

Semakan Audit terhadap 2 projek iaitu ILIM Wilayah Timur, Besut, Terengganu dan PLI, Lawas, Sarawak mendapati ia tidak disiapkan oleh kontraktor mengikut tempoh asal yang ditetapkan dalam kontrak. Kelewatan melebihi 6 bulan bagi Projek ILIM manakala bagi PLI adalah lebih 3 bulan seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.2
KELEWATAN MENYIAPKAN PROJEK

NAMA PROJEK	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH SIAP SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
Pembinaan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Wilayah Timur	14.06.2009	31.12.2009 (CPC)	Lebih 6
Pembinaan Pusat Latihan Islam, Lawas	14.10.2010	Dalam Pembinaan. Kemajuan Kerja 65% Setakat 24 Januari 2011	Lebih 3

4.4.3. Pembinaan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Wilayah Timur, Besut

4.4.3.1. Projek ini perlu disiapkan dalam tempoh 80 minggu iaitu pada 14 Jun 2009. Bagaimanapun pada tarikh tersebut, kemajuan projek hanya mencapai 71%. Adalah didapati kontraktor telah diluluskan lanjutan masa pertama selama 120 hari sehingga 12 Oktober 2009. Antara sebab lanjutan masa diluluskan ialah kenaikan harga bahan binaan, perubahan kerja dan membaiki kerosakan akibat ribut dan hujan lebat. Pengarah Projek juga telah mengeluarkan 3 Arahan Perubahan Kerja (APK) bernilai RM23,485 bagi kerja menukar pintu dari *unplasticiesed polyvinyl chloride* (uPVC) kepada *flush* di blok asrama dan menukar kemasan lantai dan kemasan karpet di surau.

4.4.3.2. Pihak Audit mendapati lanjutan masa kedua telah diluluskan pada 9 Disember 2009 untuk tempoh dari 13 Oktober 2009 hingga 31 Disember 2009 iaitu lewat 58 hari dari tarikh akhir lanjutan masa pertama tamat. Selain itu, pihak kontraktor hanya mengemukakan permohonan perlanjutan masa tersebut pada 7 Oktober 2009 iaitu 6 hari sebelum tamat tempoh Lanjutan Masa Pertama.

4.4.3.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati Pengarah Projek telah memperakukan kerja bagi projek ini telah selesai dilaksanakan oleh Kontraktor pada 31 Disember 2009. Bagaimanapun, CPC hanya ditandatangani dan dikeluarkan oleh Pengarah Projek pada 6 April 2010 iaitu 96 hari selepas tarikh siap kerja diperakukan.

4.4.3.4. Mengikut Garis Panduan Reka dan Bina, sebelum CPC dikeluarkan, beberapa kriteria perlu diambilkira seperti hasil kerja memenuhi fungsi yang ditetapkan, berfungsi dengan selamat, syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dipatuhi, kecacatan kerja berada pada tahap paling minimum dan pelaksanaan kerja membaiki kecacatan tidak menyukarkan pengguna. Adalah didapati CPC telah dikeluarkan walaupun masih terdapat kerja yang belum disiapkan/tidak disempurnakan. Antaranya ialah kerja

kemasan dalam rumah sampah dan kerja lanskap serta pembinaan longkang di bahagian belakang rumah sampah. Bilangan sebenar kerja yang belum disiapkan/tidak disempurnakan tidak dapat dikenalpasti kerana Senarai Kecacatan tidak disediakan semasa CPC dikeluarkan. Bagaimanapun, Unit Pengurusan ILIM, Wilayah Timur pada 8 November 2010 telah mengeluarkan Laporan Kecacatan terhadap hasil pemeriksaan fizikal yang dibuat antara 12 Mei 2010 hingga 12 Oktober 2010 melibatkan 422 kecacatan. Antaranya ialah jubin belum siap dipasang di bilik pengawal, sebahagian tempat belum dicat/tidak sempurna dan kebanyakan pintu tidak dibuat dengan kemas. Bagaimanapun, setakat 28 Oktober 2010 sebanyak 226 (53.6%) kecacatan telah diperbaiki.

4.4.4. Projek Pembinaan Pusat Latihan Islam Lawas, Sarawak

4.4.4.1. Pada tahun 2009 di bawah Pakej Ransangan Ekonomi Kedua, JAKIM telah diberi peruntukan berjumlah RM10.5 juta termasuk bayaran bagi perunding untuk melaksanakan projek pembinaan Pusat Latihan Islam (PLI) Lawas, Sarawak. Syarikat Betakota (M) Sdn. Bhd. telah dilantik secara tender terbuka untuk melaksanakan projek ini dengan harga kontrak berjumlah RM6.44 juta. Projek ini perlu disiapkan dalam tempoh 15 bulan iaitu pada 14 Oktober 2010. Bagaimanapun, pada tarikh tersebut kemajuan projek hanya mencapai 65%. Adalah didapati kontraktor telah diluluskan lanjutan masa selama 102 hari sehingga 24 Januari 2011. Antara sebab lanjutan masa diluluskan ialah kelewatan mendapatkan kelulusan Perintah Pembangunan dari Pihak Berkuasa Perancang Negeri dan kerja pembaikan cerun. Bagaimanapun, projek masih belum dapat disiapkan selepas tamat tempoh lanjutan masa.

4.4.4.2. Kelulusan Perubahan Kerja telah dikeluarkan pada 15 November 2010 bagi kerja *slope rectification work using soil nailing and grid beam* di bangunan pentadbiran. Selepas kelulusan ini, agensi pelaksana perlu mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja (APK) sebelum kontraktor boleh melaksanakan kerja tersebut. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit pada 14 Disember 2010, kerja tersebut telah mula dilaksanakan walaupun APK masih belum dikeluarkan. *Berdasarkan maklum balas, APK hanya dikemukakan kepada Ibu Pejabat JKR pada 20 Disember 2010 dan diluluskan pada 29 Disember 2010.* Selain itu, kerja tambahan di kantin iaitu memasang tingkap dan pintu telah dilaksanakan oleh kontraktor tanpa APK.

Pada pendapat Audit, perancangan perlu dibuat secara teratur dan pemantauan perlu dipertingkatkan bagi memastikan kerja disiapkan mengikut jadual. Sijil Perakuan Siap Kerja tidak sepatutnya dikeluarkan oleh JKR selagi kerja belum diselesaikan sepenuhnya. Selain itu, lanjutan masa hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dan semua perubahan kerja yang terlibat hendaklah diluluskan terlebih dahulu sebelum dilaksanakan.

4.4.5. Pembinaan Tidak Mengikut Spesifikasi/Tidak Sesuai/Tidak Berkualiti

Lawatan Audit ke tapak pembinaan mendapati ada kerja binaan yang tidak dibuat dengan sempurna atau tidak mengikut spesifikasi/tidak sesuai/tidak berkualiti seperti berikut:

4.4.5.1. Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Wilayah Timur, Besut

a. Pemeriksaan Audit mendapati kerja kemasan jubin dan lepaan simen pada dinding tandas di blok pentadbiran tidak dibuat dengan sempurna seperti **Gambar 4.1** dan **4.2**. *Mengikut maklum balas, tindakan pembaikan telah diambil seperti di* **Gambar 4.3**. Manakala di bahagian luar dan dalam bangunan tersebut didapati berlaku banyak keretakan seperti di **Gambar 4.4** hingga **4.7** dan masih belum dibaiki.

GAMBAR 4.1



Tandas Perempuan, Blok Pentadbiran
- Jubin Pecah Tidak Diganti
(10.11.2010)

GAMBAR 4.2



Tandas Perempuan, Blok Pentadbiran
- Permukaan Atas Dinding Tidak Dilepa Dengan Rata
(10.11.2010)

GAMBAR 4.3




Tandas Perempuan, Blok Pentadbiran
- Permukaan Atas Dinding Telah Dilepa Tetapi Jubin Belum Diganti Dan Di Bahagian Atasnya Belum Ditutup Dengan Kemas
(Sumber: JAKIM - 28.02.2011)

GAMBAR 4.4



Belakang Blok Pentadbiran
- Longkang Retak
(10.11.2010)

GAMBAR 4.5



Belakang Blok Pentadbiran
- Keretakan Pada Apron Dan Longkang
(10.11.2010)

GAMBAR 4.6



Blok Pentadbiran (Unit Pembangunan Islam)
- Keretakan Permukaan Dinding
(10.11.2010)



GAMBAR 4.7

Blok Pentadbiran (Bilik Ketua Unit)
- Keretakan Pada Sudut Bilik
(10.11.2010)

b. Pemeriksaan Audit yang dijalankan di blok asrama, bilik No. 11 mendapati pintu tandas ke ruang ampaian tidak dapat dibuka sepenuhnya disebabkan lantai luar yang lebih tinggi **(Gambar 4.8)**. Manakala *outlet* untuk mengalirkan air keluar dari ruangan ampaian juga tidak disediakan sehingga menyebabkan dinding berlumut kesan daripada air yang bertakung **(Gambar 4.10)**. *Mengikut maklum balas, tindakan pembaikan telah diambil seperti di **Gambar 4.9** dan **4.11***. Selain itu, jenis *exhaust fan* dalam tandas tidak sesuai dan dipasang dengan tidak sempurna seperti di **Gambar 4.12**.

GAMBAR 4.8



Blok Asrama
- Pintu Tandas Bilik 11 Tidak Dapat Dibuka Sepenuhnya Kerana Lantai Di Bahagian Luar Lebih Tinggi
(10.11.2010)

GAMBAR 4.9



Blok Asrama
- Selepas Kecerunan Lantai Dibaiki
(Sumber: JAKIM - 28.02.2011)

GAMBAR 4.10



Blok Asrama
- Outlet Untuk Mengalirkan Air Di Ruangan Ampaian Tidak Disediakan Menyebabkan Air Bertakung
(10.11.2010)

GAMBAR 4.11



Blok Asrama
- Selepas Kecerunan Lantai Dibaiki
(Sumber: JAKIM - 28.02.2011)




GAMBAR 4.12


Tandas Perempuan - Blok Asrama
- Jenis Exhaust Fan Tidak Sesuai Dan Dipasang Tidak Sempurna
(10.11.2010)

c. Pemeriksaan Audit mendapati pemasangan pendawaian elektrik tidak kemas iaitu tidak ditutup dengan penutup soket dan berbahaya kepada pengguna seperti di **Gambar 4.13** dan **4.14**. *Mengikut maklum balas, penutup soket telah dipasang* seperti di **Gambar 4.15** dan **4.16**. Bagaimanapun, pendawaian elektrik tidak diperkemaskan dengan memasang *trunking* atau *conduit*.

GAMBAR 4.13



GAMBAR 4.14




Blok Pentadbiran (Bilik Mesyuarat Utama)
- Penutup Soket Tidak Dipasang Dengan Kemas
(10.11.2010)

GAMBAR 4.15



GAMBAR 4.16



Blok Pentadbiran (Bilik Mesyuarat Utama)
- Penutup Soket Telah Dipasang Tanpa Trunking
(Sumber: JAKIM - 28.02.2011)

d. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati sistem saliran yang dibina tidak dapat berfungsi dengan baik disebabkan kecerunan longkang yang tidak sesuai. Keadaan ini menyebabkan air bergerak perlahan sehingga melimpah keluar di kawasan sekeliling blok pentadbiran, blok akademik dan blok asrama apabila hujan lebat seperti di **Gambar 4.17** dan **4.18**. *Mengikut maklum balas, kerja pembersihan longkang telah dijalankan di sekitar blok asrama, akademik serta pentadbiran dan air telah dapat mengalir dengan lancar. Selain itu, kerja pembaikan invert level longkang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan oleh kontraktor berpandukan konsep kawalan air*

permukaan pada punca seperti disarankan Manual Baru Saliran Mesra Alam dan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

GAMBAR 4.17



Belakang Kafetaria

GAMBAR 4.18



Blok Akademik

- Air Bertakung Disebabkan Sistem Saliran Tidak Sempurna
(Sumber: JAKIM - 31.10.2010)

e. Berdasarkan kepada dokumen kontrak, 3 unit pintu jenis *double leaves automatic glass sliding* hendaklah dipasang di kafetaria. Adalah didapati pintu jenis *double leaves non-automatic glass sliding* dipasang dipintu berkaitan. Bagaimanapun, perubahan kerja ini tidak mendapat kelulusan sewajarnya. Pemeriksaan Audit seterusnya di dapur kafetaria mendapati *wall mounted 2400mm x 1200mm stainless steel exhaust hoods* untuk menyedut asap keluar tidak siap dipasang **(Gambar 4.19** dan **4.20)**. Ini menyebabkan kipas terpaksa digunakan bagi mengeluarkan asap dan bau masakan **(Gambar 4.21)**. *Mengikut maklum balas, kerja pemasangan exhaust hoods telah disempurnakan* seperti di **Gambar 4.22**.

GAMBAR 4.19



Pandangan Dari Dalam Dapur Kafeteria
- Set Exhaust Hoods Telah Dipasang
(10.11.2010)

GAMBAR 4.20



Pandangan Dari Luar Dapur Kafeteria
- Set Exhaust Hoods Masih Belum Dipasang
(10.11.2010)

GAMBAR 4.21



Dapur Di Kafeteria
- Kipas Digunakan Menggantikan Peranan Exhaust Hoods
(10.11.2010)

GAMBAR 4.22



Pandangan Dari Luar Dapur Kafeteria
- Exhaust Hoods Telah Siap Dipasang
(Sumber: JAKIM - 28.02.2011)

f. Pihak Audit mendapati kemudahan tandas dan laluan yang disediakan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di blok pentadbiran, blok akademik dan surau tidak disiapkan dengan sempurna dan tidak sesuai untuk kegunaan mereka. Tandas OKU di blok pentadbiran dan blok akademik tidak disediakan pili air dan *stainless steel grab rail* manakala pintu sukar untuk ditolak. Pemeriksaan Audit di surau mendapati *ramp* bagi tujuan laluan OKU ke ruang wuduk adalah tidak sesuai dan membahayakan mereka kerana ianya dibina menghadap longkang. Kemudahan OKU yang tidak siap/sempurna/sesuai adalah seperti di **Gambar 4.23** hingga **4.25**.

GAMBAR 4.23



Tandas Orang Kurang Upaya
- Pili Air Dan Pemegang Masih Tidak Dipasang
(10.11.2010)

GAMBAR 4.24



Tandas Orang Kurang Upaya
- Pintu Sukar Dibuka/Ditutup
(10.11.2010)




GAMBAR 4.25

Ruang Wuduk
- Ramp Bersaiz 80sm Yang Disediakan Untuk Laluan OKU Ke Ruang Wuduk
(10.11.2010)

g. Pemeriksaan Audit mendapati *gutter* tidak dipasang dengan sempurna di kebanyakan bangunan termasuk rumah tetamu. Jenis pemegang *gutter* (bracket) *yang* dipasang pada bahagian dalam tidak dapat memegang *gutter* dengan kuat apabila hujan lebat. Kesannya skru yang dipasang pada sambungan *gutter* terkeluar daripada bahagian luar *gutter*. Keadaan gutter yang dipasang di rumah tetamu adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.26



Rumah Tetamu
- Pemasangan Gutter Tidak Kemas
(10.11.2010)

GAMBAR 4.27



Rumah Tetamu
- Jenis Pemegang Gutter (Bracket) Yang Dipasang Di Bahagian Dalam Tidak Sesuai
(10.11.2010)

h. Pemeriksaan Audit di bilik *air handling unit* (AHU) di blok pentadbiran mendapati saluran untuk mengeluarkan air dari sistem penghawa dingin tidak disediakan menyebabkan air bertakung dalam bilik AHU seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.28



Bilik AHU - Blok Pentadbiran
- Saluran Untuk Mengalirkan Air Tidak Disediakan
(10.11.2010)

GAMBAR 4.29



Bilik AHU - Blok Pentadbiran
- Air Bertakung Dalam Bilik AHU
(10.11.2010)

i. Pemeriksaan Audit mendapati bangunan yang dibina bagi tujuan perpustakaan di blok akademik telah digunakan untuk aktiviti sukan seperti di **Gambar 4.30**. *Mengikut maklum balas, bangunan tersebut masih belum digunakan sebagai perpustakaan kerana bahan dan kelengkapan masih belum mencukupi.*



GAMBAR 4.30

Perpustakaan – Blok Akademik
- Bangunan Perpustakaan Yang Digunakan Untuk Aktiviti Sukan
(10.11.2010)

4.4.5.2. Pusat Latihan Islam Lawas, Sarawak

a. Pemeriksaan Audit mendapati *gabion* yang disediakan bagi tujuan *river scouring protection* tidak berkualiti kerana susunan batu dalam *gabion box* tidak padat dan terdapat rongga yang membolehkan batu tersebut bergerak. Selain itu, ikatan antara *gabion* juga tidak dibuat dengan kukuh dan hanya menggunakan tali jenis *nylon* yang bersaiz kecil. Pemasangan *gabion* yang tidak sempurna boleh menjejaskan sokongan terhadap tebing cerun. **Gambar 4.31** dan **4.32** adalah berkaitan. *Mengikut maklum balas, Laporan Ketidakpatuhan* (NCR) *telah dikeluarkan oleh perunding dan kerja baik pulih sedang dilakukan.*

GAMBAR 4.31



River Scouring Protection Area
- Gabion Box Tidak Berkualiti
(14.12.2010)


GAMBAR 4.32



River Scouring Protection Area
- Gabion Box Tidak Padat Dan Berongga
(14.12.2010)


b. Kerja memecah semula dinding/lepaan simen telah dilakukan oleh subkontraktor elektrik bagi tujuan kerja pendawaian. Pemeriksaan Audit mendapati tampalan/lepaan simen semula pada dinding yang dipecah adalah tidak kemas dan pendawaian yang dilakukan adalah tidak sempurna. *Mengikut maklum balas, kerja lepaan semula telah dibuat* tetapi pendawaian tidak dikemaskan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.33



Bangunan Pentadbiran
- Kerja Lepaan Semula Tidak Kemas Dan Pendawaian Elektrik Tidak Sempurna
(14.12.2010)

GAMBAR 4.34



Bangunan Pentadbiran
- Kerja Lepaan Semula Telah Dibuat Tetapi Pendawaian Tidak Dikemaskan
(Sumber: JAKIM - 28.02.2011)

c. Pihak Audit mendapati binaan dinding konkrit bagi longkang adalah tidak berkualiti seperti di **Gambar 4.35**. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh penggunaan *formwork* yang telah rosak seperti di **Gambar 4.36**.

GAMBAR 4.35



Longkang – Hadapan Rumah Sampah
- Pembinaan Longkang Tidak Berkualiti
(14.12.2010)

GAMBAR 4.36



Longkang – Pondok Pengawal
- Penggunaan Formwork Yang Telah Rosak
(14.12.2010)

d. Pemeriksaan Audit mendapati pembinaan kerangka konkrit (couping) bagi tingkap adalah tidak memuaskan menyebabkan tingkap yang dipasang sukar untuk dibuka dan ditutup seperti di **Gambar 4.37**. *Mengikut maklum balas, kerja pembaikan telah dilaksanakan sepenuhnya seperti di* **Gambar 4.38**.

GAMBAR 4.37



Bangunan Pentadbiran
- Tingkap Sukar Untuk Dibuka Dan Ditutup
(16.12.2010)

GAMBAR 4.38



Bangunan Pentadbiran
- Pembaikan Bingkai Tingkap Selesai Dilaksanakan
(Sumber: JAKIM - 28.02.2011)

e. Berdasarkan kepada *bills of quantity* (BQ), *bracket* jenis *galvanised steel* perlu digunakan untuk memegang *gutter* yang dipasang pada bumbung bangunan pentadbiran dan pondok pengawal. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati *bracket* yang digunakan adalah jenis *uPVC* seperti di **Gambar 4.39** dan **4.40**. *Mengikut maklum balas, terdapat kesilapan pada butiran dalam BQ dan proses pelarasan harga sedang dilaksanakan oleh perunding juruukur bahan* (QS).

GAMBAR 4.39



Pondok Pengawal
- uPVC Bracket Digunakan Untuk Memegang Gutter
(16.12.2010)

GAMBAR 4.40



Kawasan Tapak Pembinaan
- uPVC Bracket Yang Digunakan
(16.12.2010)

f. Pemeriksaan Audit mendapati *housekeeping* tidak dilaksanakan untuk menjaga kebersihan dan keselamatan kawasan di tapak binaan. Tapak pembinaan kelihatan tidak terurus dan kotor boleh menyebabkan berlaku kemalangan dan menjadi tempat pembiakan nyamuk. Keadaan tapak pembinaan yang dimaksudkan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.41



Kawasan Tapak Pembinaan
- Tapak Tidak Dibersihkan
(16.12.2010)

GAMBAR 4.42



Kawasan Tapak Pembinaan
- Tapak Tidak Dibersihkan
(16.12.2010)

Pada pendapat Audit, kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan/tidak berkualiti kerana kurangnya penyeliaan dan pemantauan oleh Pengarah Projek/Pegawai Penguasa dan perunding.

4.4.6. Bilangan Dan Nilai Pembekalan Perabot Tidak Dapat Disahkan

4.4.6.1. Berdasarkan *Contract Sum Analysis* Projek Pembinaan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Wilayah Timur, Besut, sebanyak RM925,051 diperuntukkan bagi membekalkan perabot kekal dan mudah alih. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan bilangan dan nilai sebenar perabot yang telah dibekalkan oleh kontraktor memandangkan dokumen mengenai urusan tersebut tidak dikemukakan dengan lengkap semasa pengauditan dijalankan. Pihak Audit juga mendapati butiran terperinci jenis perabot dan nilai tidak dimasukkan di dalam perjanjian kontrak. Perabot yang dibekalkan hanya ditunjukkan dalam Lukisan Siap Bina namun ianya tidak dapat menjelaskan kedudukan, jenis dan bilangan sebenar perabot berkenaan.

4.4.6.2. Pemeriksaan Audit mendapati pembekalan perabot tersebut telah dibayar tanpa pengesahan wakil JKR/JAKIM mengenai bilangan dan nilai sebenar perabot yang dibekalkan oleh kontraktor. Butiran bayaran jumlah kos perabot yang dibekalkan mengikut bangunan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.3
PEMBEKALAN PERABOT MENGIKUT BANGUNAN DAN JUMLAH KOS DI ILIM WILAYAH TIMUR, BESUT

PERABOT	JUMLAH (RM)
PERABOT KEKAL	
Blok Pentadbiran	70,102
Blok Akademik	11,886
Blok Asrama	51,866
Surau/Ruang Serbaguna	15,087
Kuarters 'C' (Rumah Pengarah)	5,029
Rumah Pelawat (Rumah Tamu)	10,058

PERABOT	JUMLAH (RM)
PERABOT MUDAH ALIH	
Blok Pentadbiran	277,420
Blok Akademik	250,625
Blok Asrama	227,995
Surau/Ruang Serbaguna	4,983
JUMLAH KESELURUHAN	**925,051**

4.4.6.3. *Mengikut maklum balas, pemeriksaan bersama wakil ILIM Wilayah Timur, kontraktor dan arkitek telah dibuat pada 23 Disember 2010. Hasil daripada pemeriksaan tersebut pihak kontraktor telah mengemukakan salinan inventori perabot lengkap dengan harga yang telah ditandatangani oleh kontraktor, arkitek dan JKR serta disahkan oleh Pengarah ILIM selaku wakil pelanggan.*

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan projek hendaklah memastikan spesifikasi/bilangan/nilai perabot yang dibekalkan oleh kontraktor tersebut adalah seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah mengesahkan mengenai bilangan dan nilai perabot yang sebenar dibekalkan sebelum pembayaran dibuat serta merekodkan dalam daftar inventori seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.

4.4.7. Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan/*Liquidated Ascertain Damages* (LAD)

Fasal 42 kepada kontrak mengenai Gantirugi Kerana Kerja Tidak Siap menyatakan bahawa sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja pada tarikh siap atau dalam sesuatu masa lanjutan yang diberikan, Pengarah Projek boleh mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC). Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (*Liquidated Ascertain Damages* (LAD)) boleh dikenakan kepada kontraktor selama tempoh kerja tidak siap. Bagi Pembinaan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Wilayah Timur, Besut, kontraktor telah diluluskan Lanjutan Masa iaitu bagi tempoh 15 Jun 2009 hingga 12 Oktober 2009 selama 120 hari. Pemeriksaan Audit mendapati kontraktor telah dikenakan LAD berjumlah RM173,277.60 mengikut kadar RM5,096.40 sehari selama 34 hari dari 13 Oktober 2009 sehingga 15 November 2009. Adalah didapati pihak JKR telah mengenakan LAD kepada kontraktor tanpa mengeluarkan CNC terlebih dahulu. **Pada pendapat Audit, CNC perlu dikeluarkan sebelum LAD dikenakan.**

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan juga mengelakkan kelemahan yang sama berlaku di masa hadapan, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1. JKR perlu meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan ke atas kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan berlakunya kerosakan/kecacatan yang ketara akibat daripada kerja yang tidak dibuat dengan sempurna atau tidak mengikut spesifikasi/tidak sesuai/tidak berkualiti.

4.5.2. JKR perlu memastikan lanjutan masa dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan selaras dengan peraturan semasa.

4.5.3. JKR perlu memastikan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan selepas kerja selesai sepenuhnya dan kelengkapan dibekalkan dengan sempurna.

4.5.4. JKR perlu memastikan kontraktor membaiki sebarang kerosakan/kecacatan yang ditemui sebelum Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan. Pelarasan harga terhadap kerja yang tidak disempurnakan/tidak mengikut spesifikasi oleh kontraktor perlu dibuat semasa penyediaan Akaun Muktamad.

4.5.5. JKR perlu memastikan tindakan pembetulan diambil terhadap kerosakan/kecacatan sebelum projek ini diserahkan kepada JAKIM.

4.5.6. JKR perlu membuat pelarasan harga terhadap kesilapan butiran dalam *bill of quantities*/kerja tambahan/tidak dilaksanakan semasa penyediaan Akaun Muktamad.

4.5.7. JAKIM perlu menyelenggarakan daftar inventori dengan lengkap bagi merekodkan semua perabot yang diperolehi.

4.5.8. JKR/JAKIM perlu membuat laporan prestasi kontraktor/perunding yang tidak memuaskan kepada agensi yang bertanggungjawab.

JABATAN PERDANA MENTERI

5. UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN
- PENGURUSAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Program Pembasmian Kemiskinan adalah salah satu program pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan pendapatan kumpulan sasar melalui penglibatan di dalam projek ekonomi yang berupaya meningkatkan taraf hidup mereka. Sasaran program ini adalah untuk pengurangan golongan miskin tegar kepada sifar pada akhir bulan Disember 2010. Sasaran ini juga telah ditetapkan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah. Golongan sasar yang menerima manfaat dalam pelaksanaan projek di bawah Program Pembasmian Kemiskinan adalah Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) golongan miskin dan miskin tegar di seluruh negara. Program yang dilaksanakan adalah bersifat *people centric* yang berasaskan kepada 4 kluster utama iaitu peningkatan ekonomi, perumahan, pembangunan modal insan dan sosio kebajikan.

5.1.2. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) adalah agensi penyelaras Program Pembasmian Kemiskinan Nasional bagi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) berdasarkan kepada keputusan kabinet pada 8 Ogos 2007. Pejabat cawangan ICU Negeri, iaitu Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN) atau Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri (JPPN) adalah merupakan agensi penyelaras di peringkat negeri. Projek pembasmian kemiskinan di peringkat negeri dilaksanakan oleh jabatan/agensi pelaksana yang terdiri daripada jabatan/agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di peringkat negeri dan daerah seperti Pejabat Daerah, Yayasan dan Jabatan berkaitan. Pengarah Kemajuan Negeri (PPPN atau JPPN) akan menyelaras laporan kemajuan pelaksanaan projek di peringkat negeri dan mengemukakannya kepada ICU, JPM. Pada tahun 2010, ICU, JPM telah diperuntukkan sejumlah RM691.52 juta di bawah RMKe-9 bagi melaksanakan program ini.

5.1.3. Tiga jawatankuasa telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan iaitu Jawatankuasa *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Pusat yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Jawatankuasa *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Pembasmian Kemiskinan telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program Pembasmian Kemiskinan kluster peningkatan ekonomi yang dilaksanakan melalui projek yang dilaksanakan sendiri oleh peserta dan projek *champion*. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan projek bagi tahun 2008 hingga 2010 di pejabat ICU, JPM dan PPPN di negeri Perak, Terengganu, Kedah dan Sabah. Lawatan ke tapak projek diadakan bagi menilai pengurusan program. Temu bual dengan pegawai dan peserta program juga diadakan untuk mendapat maklum balas pelaksanaan projek.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara umumnya pelaksanaan projek di bawah kluster peningkatan ekonomi adalah kurang memuaskan kerana 37 (54.4%) daripada 68 projek yang diaudit gagal mencapai objektifnya. Antara kelemahan yang dikenal pasti dalam pelaksanaan projek ini adalah tempoh pelaksanaannya tidak mencukupi; peserta tidak layak diberi bantuan; peserta tidak tahu terlibat dengan projek; barang tidak diterima sepenuhnya dan tidak lengkap; bantuan tidak diterima oleh peserta; projek tidak dilaksanakan oleh pembekal; pembekal mengambil keuntungan daripada peserta; mentor tidak memainkan peranannya; perjanjian projek *champion* tidak lengkap; komitmen peserta rendah dan kelemahan pemantauan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan ICU, JPM adalah seperti berikut:

5.4.1. Prestasi Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Di Bawah RMKe-9

5.4.1.1. Prestasi Keseluruhan Program

Sistem eKasih adalah satu sistem yang telah dibangunkan sendiri oleh ICU, JPM bagi memantau Program Pembasmian Kemiskinan di seluruh negara. Pada masa ini, semua agensi pemberi bantuan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat menggunakan senarai peserta eKasih untuk pemberian bantuan. Pada bulan September 2009, ICU, JPM melalui sistem eKasih telah menetapkan seramai 44,643 orang miskin tegar untuk disifarkan pada 31 Disember 2010. Berdasarkan rekod ICU, JPM sehingga Disember 2010 masih terdapat 2,472 (4.8%) orang miskin tegar di seluruh negara di mana Sabah mempunyai bilangan tertinggi iaitu seramai 1,707 orang. Peserta yang telah terkeluar dari status miskin tegar akan berubah status menjadi miskin atau terkeluar dari senarai eKasih. **Jadual 5.1** menunjukkan bilangan miskin dan miskin tegar mengikut negeri pada 31 Disember bagi tahun 2008, 2009 dan 2010.

JADUAL 5.1
BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR PADA 31 DISEMBER 2008, 2009 DAN 2010

NEGERI	TAHUN 2008		TAHUN 2009		TAHUN 2010	
	MISKIN	MISKIN TEGAR	MISKIN	MISKIN TEGAR	MISKIN	MISKIN TEGAR
Johor	1,545	1,032	2,659	1,228	1,814	8
Kedah	2,933	2,323	3,895	1,980	3,687	-
Kelantan	5,559	3,498	7,807	3,532	6,534	7
Melaka	439	238	916	278	569	1
Negeri Sembilan	452	248	639	256	461	-
Pahang	1,206	795	1,904	610	1,649	3
Perak	3,663	2,279	4,346	1,885	3,558	1
Perlis	928	409	1,026	349	971	3
Pulau Pinang	1,436	462	1,788	433	947	-
Sabah	12,192	14,583	16,666	17,108	29,375	1,707
Sarawak	14,196	12,129	15,112	11,314	22,374	721
Selangor	2,240	1,016	2,606	873	2,579	12
Terengganu	6,595	3,567	9,779	3,199	4,333	8
WP Kuala Lumpur	189	79	294	53	146	1
WP Labuan	201	54	221	30	160	-
WP Putrajaya	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	**53,774**	**42,712**	**69,712**	**43,128**	**79,157**	**2,472**

5.4.1.2. Prestasi Sampel Projek Di Bawah Kluster Peningkatan Ekonomi

Dari tahun 2008 hingga 2010, sebanyak 3,223 projek melibatkan 9,782 peserta di bawah kluster peningkatan ekonomi telah dilaksanakan dengan perbelanjaan berjumlah RM159.30 juta. Semakan Audit terhadap 68 sampel projek tersebut mendapati sebanyak 31 projek (45.6%) bernilai RM1.07 juta telah mencapai matlamat. Bagaimanapun, sebanyak 37 projek (54.4%) bernilai RM28.37 juta tidak mencapai objektifnya kerana wujudnya kelemahan dalam pelaksanaan projek, peserta tidak komited dan kelemahan pemantauan. Status pelaksanaan projek di bawah kluster peningkatan ekonomi adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.2
STATUS PELAKSANAAN PROJEK DI NEGERI YANG DIAUDIT

NEGERI	PROJEK YANG DIAUDIT		PROJEK YANG BERJAYA		PROJEK YANG TIDAK MENCAPAI OBJEKTIF		
	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	(%)
Perak	18	0.72	7	0.07	11	0.65	61.1
Terengganu	20	27.15	12	0.42	8	26.74	40
Kedah	13	0.85	7	0.53	6	0.32	46.2
Sabah	17	0.71	5	0.05	12	0.66	70.6
JUMLAH	**68**	**29.43**	**31**	**1.07**	**37**	**28.37**	**54.4**

Pada pendapat Audit, peratus ketidakcapaian objektif projek yang agak tinggi iaitu 54.4% telah menjejaskan matlamat program ini. Oleh itu, kajian semula perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek peningkatan ekonomi perlu dibuat.

5.4.2. Kelemahan Dalam Pelaksanaan Projek

5.4.2.1. Projek Yang Dilaksanakan Sendiri Oleh Peserta

Bagi projek peningkatan ekonomi yang dilaksanakan sendiri oleh peserta, modal dan peralatan akan dibekalkan oleh ICU dan mereka akan mengusahakan sendiri projek tersebut termasuk segala operasi jual beli. Bagaimanapun semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Tempoh Pelaksanaan Tidak Mencukupi

Melalui projek di bawah Program Pembasmian Kemiskinan, ICU, JPM telah mensasarkan sifar miskin tegar pada akhir Disember 2010. Selaras dengan objektif tersebut, projek yang dapat memberikan pulangan segera kepada peserta adalah lebih sesuai dilaksanakan. Bagaimanapun, terdapat projek yang tidak dapat memberikan pulangan segera kepada peserta disebabkan tempoh yang lebih panjang diperlukan. Contohnya projek pemeliharaan lembu yang hanya akan memberi pulangan selepas tempoh 3 tahun. Antara projek yang terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.3
TEMPOH PELAKSANAAN TIDAK MENCUKUPI

NAMA PROJEK	TARIKH PROJEK DIMULAKAN	ULASAN AUDIT	BIL. PESERTA	KOS PROJEK (RM)
Projek Kambing Boer, Sik, Kedah	Disember 2009	Tempoh pelaksanaan yang sesuai adalah selama 2 tahun untuk berhasil. Peserta masih belum mendapat manfaat daripada projek ini kerana kambing belum membiak.	5	75,000
Ternakan Lembu Pedaging Berkelompok di Kota Belud, Sabah	Januari 2010	Tempoh pelaksanaan yang sesuai adalah 3 tahun. Projek ini belum memberikan pulangan kepada peserta kerana lembu belum membiak.	8	103,400
JUMLAH			**13**	**178,400**

Berdasarkan maklum balas PPPN Kedah, ternakan 133 ekor kambing Boer telah dijual pada bulan November 2010 dengan harga RM82,470 selepas mendapat persetujuan semua peserta. Setiap peserta telah menerima hasil jualan yang diagihkan sejumlah RM3,012 seorang dan bakinya digunakan untuk modal pusingan kedua.

Pada pendapat Audit, oleh kerana hasrat Kerajaan untuk mensifarkan miskin tegar menjelang Disember 2010 maka projek yang dipilih perlu mengambil kira tempoh projek yang sesuai supaya pulangan kepada golongan sasar tercapai serta pendapatannya berterusan. Dengan itu, nama peserta dapat dikeluarkan dari senarai eKasih.

b. Peserta Tidak Layak Diberi Bantuan

Berdasarkan Garis Panduan Program Pembasmian Kemiskinan pemilihan peserta hendaklah diperolehi dari sistem eKasih. Selain itu garis panduan juga menetapkan keutamaan pemilihan peserta adalah bagi mereka yang masih belum menerima apa-apa program/projek di bawah program pembasmian kemiskinan. Berdasarkan sistem eKasih pada 31 Disember 2010 masih terdapat 2,472 KIR miskin tegar di seluruh negara. Semakan Audit mendapati:

i. Seramai 8 daripada 18 sampel peserta di negeri Sabah yang terpilih untuk menerima bantuan peningkatan ekonomi bukanlah dari senarai sistem eKasih. Berdasarkan lawatan audit ke 8 rumah peserta tersebut mendapati 2 daripadanya tidak layak menerima bantuan berdasarkan gaya hidup dan keadaan rumah peserta seperti di gambar berikut:

GAMBAR 5.1



Kota Belud, Sabah
- Rumah Peserta Ternakan Lembu
(14.12.2010)

GAMBAR 5.2



Kg. Rudang, Kota Belud, Sabah
- Rumah Peserta Membuat Ragi
(14.12.2010)

Berdasarkan maklum balas PPPN Sabah, pemilihan peserta ini dilaksanakan oleh Pejabat Daerah selaku agensi pelaksana projek dan dikemukakan ke PPPN Sabah bagi tujuan permohonan peruntukan. Kelulusan oleh Jawatankuasa Fokus Group Negeri hanya berpandukan perakuan Pejabat Daerah sahaja tanpa semakan di lapangan terlebih dahulu.

ii. Terdapat peserta yang menerima 2 atau 3 projek peningkatan ekonomi di bawah program ini seperti jadual berikut:

JADUAL 5.4
SENARAI PESERTA YANG MENERIMA LEBIH DARI 1 BANTUAN PROJEK PEMBASMIAN KEMISKINAN

PESERTA	TAHUN	AGENSI PELAKSANA	PROGRAM/ PROJEK	KOS PROJEK (RM)
A	2009	Suruhanjaya Koperasi Malaysia	Projek Tanaman Serai (PPPN Kedah)	13,000
	2009	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kedah	Ayam Kampung (PPPN Kedah)	10,000

PESERTA	TAHUN	AGENSI PELAKSANA	PROGRAM/ PROJEK	KOS PROJEK (RM)
B	2010	Suruhanjaya Koperasi Malaysia	Projek Ternakan Ikan Tilapia	10,000
	2010	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)	Program Peningkatan Pendapatan	10,000
C	2010	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)	Program Peningkatan Pendapatan	5,000
	2010	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Projek Menjual Ikan	10,000
D	2010	Jabatan Perikanan Perak	Ternakan Ikan Arowana	15,000
	2010	Pejabat Pembangunan Negeri Perak	Perniagaan	10,000
	2010	Pejabat Daerah Kerian Perak	Pertukangan Paip	9,800
JUMLAH				**92,800**

Berdasarkan maklum balas PPPN Kedah, semua peserta yang diberi bantuan program pembasmian kemiskinan adalah diambil daripada data eKasih. Bagaimanapun masih terdapat jabatan/agensi yang belum mengemaskinikan maklumat bantuan ke dalam sistem. Pada masa yang sama jabatan/agensi yang lain telah mengambil KIR berkenaan untuk diberi bantuan.

Pada pendapat Audit, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri perlu mengadakan mekanisme untuk memastikan hanya peserta yang layak diberi bantuan dan mengelakkan peserta menerima lebih dari satu bantuan.

c. Peserta Tidak Tahu Mereka Terlibat Dengan Projek

Hasil temu bual Audit dengan 3 peserta projek peningkatan ekonomi tahun 2008 yang dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) Terengganu mendapati peserta berkenaan tidak mengetahui bahawa mereka terlibat dalam projek tersebut dan memaklumkan tiada sebarang bantuan diterima. Peserta berkenaan turut memaklumkan bahawa pihak PPPN dan YPK Terengganu tidak pernah membuat lawatan ke rumah mereka. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati YPK Terengganu dan peserta telah mengesahkan terimaan barangan/peralatan/ternakan bernilai RM29,430 dan dibayar penuh oleh PPPN Terengganu. Selain itu, tandatangan yang terdapat pada akuan penerimaan tersebut adalah berbeza dengan tandatangan sebenar peserta. Adalah dikhuatiri tandatangan peserta pada perakuan penerimaan dipalsukan. Senarai projek terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.5
PROJEK YANG TIDAK DIKETAHUI OLEH PESERTA

BAUCAR		NAMA PROJEK	BARANGAN/PERALATAN/TERNAKAN YANG TIDAK DITERIMA	KOS PROJEK (RM)
NO.	TARIKH			
A5990	18.12.2008	Pertukangan Rumah, Setiu, Terengganu	*Jet Hammer*, Generator, *Drill*, Mesin Pemotong *Plywood,* Mesin Potong Kayu Dan Enjin Pam Air	10,000
A5704	11.12.2008	Projek Ternakan Lembu, Setiu, Terengganu	3 Ekor Lembu Betina, 1 Ekor Lembu Jantan Dan 10 Beg Makanan Ternakan	9,460
A6763	02.01.2009	Projek Membuat Kuih, Besut, Terengganu	*Plastic Seal*, Peti Sejuk, Mesin Menguli Dan *Freezer*	9,970
JUMLAH				**29,430**

Pada pendapat Audit, penilaian terhadap dokumen sokongan yang dikemukakan perlu dibuat sebelum pembayaran bagi mengelakkan penyelewengan. Siasatan terperinci perlu dilakukan ke atas projek yang berkaitan dan tindakan sewajarnya perlu diambil ke atas mereka yang terlibat.

d. Bahan/Peralatan/Bantuan Tidak Diterima Sepenuhnya Dan Tidak Lengkap

Bekalan/peralatan tidak diterima sepenuhnya seperti mana yang dinyatakan dalam butiran tuntutan. Bagaimanapun, pengesahan penerimaan telah dibuat oleh pegawai YPK/Pejabat Daerah dan bayaran telah dibuat. Senarai projek tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.6
SENARAI BAHAN/PERALATAN/BANTUAN
TIDAK DITERIMA SEPENUHNYA DAN TIDAK LENGKAP

NO. BAUCAR / PESANAN TEMPATAN/ TARIKH	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERIHAL BAHAN/PERALATAN/BANTUAN		
			DITERIMA	TIDAK DITERIMA	KOS (RM)
A5452 02.12.2008	Kedai Runcit, Setiu, Terengganu	9,845	10 beg beras 10 kilo setiap satu dan wang RM600.	Barangan mentah	3,500
				Meja kaunter	700
				3 Layer Offer Bin (Rak Besi) 4 x RM450	1,800
				Peti pameran 2 pintu	3,800
				Kerusi plastik	45
A6878 04.01.2009	Bekal Dan Hantar Peralatan Pertanian, Setiu, Terengganu	9,360	*Power Spray*, Generator RG 3550, Enjin pam air, baja buah dan baja anak.	Mesin rumput	1,400
				Kereta sorong	450
				Peralatan (cangkul, skop dan cangkul lurus).	500
A4940 10.11.2008	Jual Ikan, Besut, Terengganu	9,900	Sebuah motosikal penjual ikan Modenas 100cc bernilai RM7,500.	Tong fiber besar LKIM, tong fiber saiz sederhana, meja lipat tahan karat dan penimbang elektronik	2,400

NO. BAUCAR / PESANAN TEMPATAN/ TARIKH	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERIHAL BAHAN/PERALATAN/BANTUAN		
			DITERIMA	TIDAK DITERIMA	KOS (RM)
A5171 18.11.2008	Jual Ikan, Besut, Terengganu	9,900	Sebuah motosikal penjual ikan Modenas 100cc bernilai RM7,500.	Tong fiber besar LKIM, tong fiber saiz sederhana, meja lipat tahan karat dan penimbang elektronik	2,400
B507361 dan B507362 28.08.2008	Perniagaan Menjahit, Pitas, Sabah	10,000	2 mesin jahit bernilai RM6,140 serta wang RM1,000.	Pelbagai alatan menjahit	3,860
JUMLAH		**49,005**	**JUMLAH**		**20,855**

Mengikut maklum balas, pihak PPPN Terengganu bersetuju dengan penemuan Audit bahawa perakuan penerimaan telah dipalsukan bagi projek bantuan yang dinyatakan. Siasatan telah dilakukan dan dimaklumkan kepada pengurusan YPK Negeri. Pembekal juga telah disenaraihitamkan. Pegawai YPK menafikan pembekalan telah dibuat walaupun pembekal telah mengesahkan ada membekalkan bekalan dengan sepenuhnya kepada peserta. Seterusnya, pembekal bersetuju membekal semula bantuan yang telah dijanjikan. Pada tahun 2010, tiada peruntukan disalurkan kepada YPK Terengganu. Berdasarkan maklum balas tambahan ICU, JPM bertarikh 25 April 2011 semua bantuan yang terlibat telah dihantar kepada peserta.

Pada pendapat Audit, penilaian terhadap dokumen sokongan yang dikemukakan perlu dibuat sebelum pembayaran bagi mengelakkan penyelewengan. Siasatan terperinci perlu dilakukan ke atas projek yang berkaitan dan tindakan sewajarnya perlu diambil ke atas mereka yang terlibat.

e. Projek Tidak Dilaksanakan Oleh Pembekal

Arahan Perbendaharaan 99 (e) menyatakan baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna. Projek ternakan ikan dalam sangkar terapung yang dilaksanakan oleh AMJ Enterprise (pembekal) di Kampung Pitas, Pitas, Sabah bernilai RM135,000 melibatkan seramai 10 orang peserta. Semasa lawatan ke kampung berkenaan pihak Audit dimaklumkan oleh pembekal bahawa projek tersebut tidak dilaksanakan kerana masalah mendapatkan benih/bibit ikan walaupun peralatan bagi membina sangkar ikan ini telah dibeli. Tong pelampung yang digunakan untuk membina sangkar ikan masih diletakkan di hadapan rumah pembekal seperti di **Gambar 5.3**. Semakan Audit selanjutnya mendapati perakuan projek ini telah dibuat oleh Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) Pitas pada 9 Disember 2009 dan seterusnya pembayaran dibuat pada 6 Januari 2010. Butiran projek adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.7
PROJEK YANG TIDAK DILAKSANAKAN OLEH PEMBEKAL

NO. BAUCAR & TARIKH	PEMBEKAL	NAMA PROJEK	BUTIRAN BEKALAN	KOS PROJEK (RM)
E0887 06.01.2010	AMJ Enterprise	Ternakan Ikan dalam sangkar terapung	i. Pembinaan 10 unit sangkar ikan kerapu dan siakap ii. Bibit ikan kerapu dan siakap (8,000 ekor) iii. Baja Ikan (350 kg) iv. Kotak ikan berinsuransi 100 liter (10 set) v. Bakul tuaian ikan (10 set)	135,000

Berdasarkan maklum balas PPPN Sabah, peralatan projek ini sebenarnya telah dibeli dan dipasang pada 11 September 2009. Benih ikan yang dibeli pula tidak dipindahkan ke dalam sangkar kerana masalah banjir. Bagaimanapun, sangkar ikan yang telah siap dipasang telah hanyut dilanda banjir. Selain itu, dinyatakan juga akibat banjir sangkar tersebut telah dipindahkan ke kawasan yang lebih selamat, tetapi ianya telah dicuri. Bagaimanapun, kes kecurian ini tidak dilaporkan kepada pihak polis. Barangan projek yang hilang itu telah diganti pada bulan Oktober 2010. Seterusnya pihak Audit dimaklumkan, setakat 2 Mac 2011, pelaksanaan pembinaan semula projek telah mencapai 70% siap seperti di **Gambar 5.4**.

GAMBAR 5.3



Kampung Pitas, Pitas, Sabah
- Tong Pelampung Yang Tidak Dipasang
(16.12.2010)

GAMBAR 5.4



Sungai Bengkokah, Pitas, Sabah
- Sangkar Ikan Yang Telah Dipasang Semula
(18.05.2011)

Pada pendapat Audit, perakuan siap kerja tidak sepatutnya dibuat sebelum projek dilaksanakan. Aktiviti yang melibatkan perolehan projek perlu didokumenkan bagi memudahkan rujukan. Pembekal dan pegawai yang tidak menjalankan tanggungjawab sewajarnya dalam melaksanakan projek juga perlu diambil tindakan.

f. Pembekal Mengambil Keuntungan Daripada Peserta

Nan Jaya Trading, pembekal projek jualan langsung jenama Tupperware telah membuat tuntutan bernilai RM9,805 dan telah dibayar oleh PPPN Terengganu melalui baucar A5771 bertarikh 12 Disember 2008. Semakan Audit mendapati harga dalam invois yang dituntut adalah lebih tinggi daripada harga yang dinyatakan dalam katalog Tupperware. Selain itu,

pembekal juga telah mendapat diskaun sebanyak 25% daripada harga katalog kerana menggunakan kad keahlian peserta. Pembelian sebenar oleh pembekal setelah diskaun 25% ialah RM4,221 dengan perbezaan harga sebanyak 132.3% lebih rendah seperti berikut:

JADUAL 5.8
PERBEZAAN HARGA YANG TELAH DIAMBIL PEMBEKAL

PERALATAN	HARGA PADA INVOIS (a) (RM)	HARGA KATALOG (b) (RM)	HARGA BELIAN PEMBEKAL (c) (RM)	PERBEZAAN (a)-(c) (RM)
Square Round Gift Set (RM250)	2,500	1,590	1,193	1,308
Fridge Water Bottle (RM80)	800	378	284	517
8.6 L Giant Canister (RM100)	1,000	574	431	570
Freezermate Double (RM200)	1,000	607	455	545
800Ml TC Clean (RM30)	150	85	64	86
Tupperware Mega Keeper (RM150)	300	180	135	165
257 ML Zentome Tumbler (RM60)	180	90	68	113
8.7 ML Odoor Cool (RM130)	650	400	300	350
Garlic N All Keeper (RM100)	600	360	270	330
4.2 L Giant Pitcher (RM120)	1,800	954	716	1,085
550 ML Stackable Bowl (RM50)	350	235	176	174
380 ML Round Keeper (RM20)	100	25	19	81
550 ML Emates Medium (RM25)	375	150	113	263
JUMLAH	**9,805**	**5,628**	**4,221**	**5,584**

Berdasarkan maklum balas PPPN Terengganu, harga tersebut adalah setelah mengambil kira kos perkhidmatan penghantaran oleh Nan Jaya Trading. Pemilihan pembekal adalah setelah membuat perbandingan harga di antara 3 pembekal.

Pada pendapat Audit, produk Tupperware boleh diperolehi sendiri oleh peserta di Pusat Jualan Tupperware yang berdekatan pada harga mengikut katalog. Adalah tidak munasabah pihak pembekal mengenakan bayaran penghantaran berjumlah RM5,584 bagi produk bernilai RM4,221.

5.4.2.2. Projek Yang Dilaksanakan Secara Projek *Champion*

Bagi projek *champion*, ia dilaksanakan secara bersama di antara mentor dan peserta selama 6 bulan. Selepas tamat tempoh 6 bulan, projek tersebut dilaksanakan oleh peserta sendiri. Dalam tempoh 6 bulan, mentor dikehendaki memberi khidmat nasihat, membekal peralatan seperti baja, biji benih, peralatan, memberi latihan kepada peserta untuk melaksanakan projek tersebut. Selain itu, satu perjanjian hendaklah ditandatangani di antara mentor dengan pegawai PPPN atau Pegawai Daerah bagi pihak Kerajaan. Antara kandungan perjanjian ialah mentor perlu membekal dan memasang apa-apa peralatan yang berkaitan

projek; membekal benih, bahan makanan, baja dan racun untuk tempoh sekurang-kurangnya satu pusingan; dan menyediakan khidmat nasihat, latihan dan bimbingan untuk tempoh tidak kurang dari 6 bulan atau satu pusingan daripada tarikh mula projek, mengikut mana yang terdahulu. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Mentor Enggan Meneruskan Projek

Projek tanaman terung kaedah fertigasi di Selama, Perak dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM45,000. Peserta yang terlibat adalah seramai 3 orang. Projek ini tidak berjaya kerana mentor enggan meneruskan projek. Berdasarkan temu bual bersama penghulu, mentor tidak meneruskan pelaksanaan projek kerana tanaman telah dirosakkan oleh lembu, 2 peserta tua dan uzur manakala seorang lagi tidak berminat dan melakukan kerja lain. Peserta yang terlibat hanya menerima dividen sejumlah RM280 seorang pada bulan Ogos 2010. **Gambar 5.5** dan **Gambar 5.6** menunjukkan keadaan projek berkaitan setelah mentor menarik diri.

GAMBAR 5.5



GAMBAR 5.6



Kampung Kubang Besar, Mukim Ulu Selama, Perak
- Keadaan Semasa Projek Yang Terbiar
(14.10.2010)

Berdasarkan maklum balas PPPN Perak, projek ini gagal kerana dilanda banjir pada bulan November 2009. Peralatan yang masih boleh digunakan seperti tangki fiber telah diambil oleh Pejabat Daerah untuk kegunaan projek lain. Manakala biji benih dan baja telah rosak. Peserta tidak produktif dan AIR juga tidak mampu membantu peserta. Peserta diberikan tambahan tunai untuk dikeluarkan dari kategori miskin tegar.

Pada pendapat Audit, PPPN hendaklah memastikan setiap mentor yang dilantik mematuhi perjanjian yang ditetapkan serta komited dengan program yang dilaksanakan.

b. Mentor Tidak Membeli Hasil Seperti Dijanjikan

Projek pembuatan baja dilaksanakan di Besut, Terengganu dengan kos berjumlah RM222,000 melibatkan 20 peserta di mana mereka telah dibekalkan dengan mesin *mixer*, tanah baja, peralatan dan binaan pelantar dengan kos RM11,100 bagi setiap isi rumah. Bagaimanapun, projek ini telah

gagal kerana produk yang telah dihasilkan tidak dibeli oleh mentor iaitu Prime Nature Enterprise yang beralamat di Kajang, Selangor. *Pihak PPPN memaklumkan, pengeluaran kuantiti baja yang tidak menentu/berjadual menyumbang kepada masalah ini*. **Gambar 5.7** hingga **Gambar 5.10** menunjukkan keadaan projek pembuatan baja yang mengalami kegagalan.

GAMBAR 5.7



Kg. Tanah Merah, Besut, Terengganu
- Baja Yang Tidak Dibeli Oleh Mentor
(02.11.2010)

GAMBAR 5.8



Kg. Tanah Merah, Besut, Terengganu
- Bahan Asas Baja Tidak Digunakan
(02.11.2010)

GAMBAR 5.9



Kg. Tanah Merah, Besut, Terengganu
- Mesin Mixer Memproses Baja Terbiar
(02.11.2010)

GAMBAR 5.10



Kg. Tanah Merah, Besut, Terengganu
- Pelantar Membuat Baja Yang Terbiar
(02.11.2010)

Berdasarkan maklum balas PPPN Terengganu, projek ini berjaya menambah pendapatan peserta pada peringkat awal projek (6 bulan pertama). Projek ini merupakan projek sampingan yang memerlukan masa 2 hingga 3 jam sehari. Bagaimanapun, projek ini gagal meningkatkan pendapatan akibat kurangnya komitmen dan sikap negatif peserta; masalah tiada keseragaman pengeluaran dan kualiti antara 20 orang peserta; serta kegagalan mentor memungut hasil peserta menyebabkan projek ini telah gagal sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, pemilihan mentor yang sesuai juga penting bagi memudahkan aktiviti pemasaran dan kutipan hasil projek peningkatan ekonomi. Selain itu, pemantauan pelaksanaan projek perlu dilaksanakan dengan berkesan dan dibuat secara berkala ke atas projek. Peserta KIR/AIR sepatutnya diberi latihan supaya berusaha mencari pasaran sendiri setelah berkeyakinan dengan kemahiran.

c. Perjanjian Tidak Lengkap

i. Projek Tanaman Serai di Padang Terap, Kedah

- PPPN Kedah telah meluluskan Era Budi Management Sdn. Bhd. sebagai *champion* pada Oktober 2009 dengan peruntukan berjumlah RM169,000 yang melibatkan 13 peserta dari Daerah Padang Terap, Kedah dengan tanah seluas 20 ekar. Semakan Audit mendapati perjanjian bertulis dimeterai antara pihak Kerajaan (PPPN Kedah) dan pihak mentor, bagaimanapun perjanjian ini tidak disetemkan. Dari segi kandungan perjanjiannya, didapati tidak ditetapkan kadar pembahagian untung dan rugi; hak penggunaan peralatan dan denda sekiranya mentor tidak mematuhi kontrak perjanjian. Kelemahan dalam penentuan obligasi mentor menyebabkan hasil tuaian yang sepatutnya dibeli oleh mentor tidak dilaksanakan dan tiada denda yang boleh dikenakan. Akibatnya peserta tidak mendapat pulangan dan seterusnya tidak berminat untuk meneruskan penglibatan menyebabkan projek terbengkalai selepas 8 bulan dilaksanakan seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.11



Padang Sanai, Padang Terap, Kedah - Keadaan Tapak Tanaman Serai (23.11.2010)

GAMBAR 5.12



Padang Sanai, Padang Terap, Kedah - Serai Yang Ditanam Tidak Dituai (23.11.2010)

- Semakan Audit mendapati peserta diberi elaun RM20 sehari sekiranya berkerja ditapak projek tersebut, bagaimanapun pemberian elaun ini tidak dinyatakan di dalam perjanjian. Selain itu, semakan lanjut mendapati pemberian elaun ini adalah diambil daripada tuntutan pembelian peralatan berjumlah RM46,800 oleh CT Petroukhwah Enterprise bertarikh 13 Disember 2009 yang tidak dibekalkan. Penggunaan dana bagi tujuan pemberian elaun tidak mendapat kelulusan dari PPPN Kedah.

- Serai sepatutnya ditanam selepas perjanjian ditandatangani, bagaimanapun, peserta memaklumkan bahawa serai telah ditanam oleh mentor sebelum projek dimulakan dan mereka diarahkan menjaga serai tersebut. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan bahawa bekalan benih dan hormon serai telah dibekalkan oleh Syarikat Faisuri Jaya

Trading. Nilai perolehan bagi bekalan benih dan hormon serai adalah sebanyak RM44,304.

ii. Projek *Champion* Di Daerah Selama, Perak

PPPN Perak telah meluluskan 4 syarikat sebagai mentor bagi 4 projek pada tahun 2009 dan 2010 dengan peruntukan berjumlah RM129,000 melibatkan 11 orang peserta dari Daerah Selama, Perak. Semakan Audit mendapati projek ini diusahakan oleh mentor tanpa penglibatan peserta walaupun peserta dibayar dividen. Semakan lanjut mendapati perjanjian yang dimeterai antara Pejabat Daerah dan mentor tidak menyatakan kadar dan tempoh pemberian dividen. Kelemahan ini menyebabkan pengagihan dividen tidak dibuat secara teratur. Mengikut makluman Penghulu, mentor akan menyerahkan RM70 dividen sebulan bagi setiap peserta kepadanya bagi tempoh 2 tahun sejak projek dimulakan. Bagaimanapun, penghulu akan menyerahkan wang tersebut kepada peserta apabila dirasakan sesuai. **Pemberian kadar dividen RM70 ini ditetapkan oleh Penghulu sendiri tanpa mendapat kelulusan Jawatankuasa Focus Group Daerah atau Negeri. Kaedah pelaksanaan ini hanya akan lebih menguntungkan mentor bukannya peserta kerana peralatan yang dibeli dengan peruntukan Kerajaan akan disimpan dan diguna oleh mentor secara berterusan.** Senarai projek-projek terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.9
PROJEK *CHAMPION* DI DAERAH SELAMA, PERAK

NAMA PROJEK	MENTOR	STATUS PROJEK	KOS PROJEK (RM)	ANGGARAN DIVIDEN 2 TAHUN (RM)	BIL. PESERTA
Projek Roti Dan Kek	Afija Bread	Masih diteruskan	29,000	6,720	4
Perkhidmatan Sewaan Khemah Dan Kelengkapan	Razis Foundry	Masih diteruskan	45,000	5,040	3
Tanaman Terung Melalui Kaedah Fertigasi	A.J.B.M Enterprise	Gagal diteruskan Sejak Bulan Mei 2010	45,000	5,040	3
Perkhidmatan Kerja-kerja Pembersihan Kebun	Abdullah Bin Zakaria	Masih diteruskan	10,000	1,680	1
JUMLAH			**129,000**	**18,480**	**11**

Berdasarkan maklum balas PPPN Perak, peserta juga sedia maklum berkenaan penerimaan dividen RM70 dan bersetuju dengan pelaksanaan projek tersebut. Bagaimanapun, pemberian dividen tidak dinyatakan dalam perjanjian yang disertakan.

iii. Projek Ternakan Ikan Tilapia Merah di Baling, Kedah

Syarikat Evolusi Tani Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai mentor bagi Projek Ikan Tilapia Di Negeri Kedah yang melibatkan seramai 8 orang peserta. Adalah didapati sejumlah RM120,000 telah dibayar pada bulan November 2009 bagi menjayakan projek ini. Berdasarkan perjanjian, mentor bersetuju untuk membeli hasil ikan tilapia daripada peserta dengan harga RM6.00 sekilogram atau mengikut harga pasaran semasa. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati mentor telah menjual lebih kurang 5 tan ikan tilapia bernilai RM31,085 setakat bulan November 2010 dan ikan tidak dibeli daripada peserta kerana mentor mengusahakan kolam ikan dan 3 peserta telah dibayar upah RM20 sehari bekerja. *Berdasarkan maklum balas PPPN Kedah, mentor bagi projek ini telah mengagihkan hasil jualan kepada semua peserta yang terlibat pada 26 Disember 2010 atas kadar RM580.75 seorang.*

Pada pendapat Audit, setiap projek *champion* perlu disediakan perjanjian yang lengkap dan jelas dengan mengambil kira peranan mentor dan peserta; kadar pembahagian keuntungan/kerugian; hak penggunaan peralatan yang dibekalkan; denda sekiranya pihak mentor ingkar; kadar dan tempoh agihan dividen serta pembayaran elaun.

5.4.3. Komitmen Peserta Rendah

Berdasarkan Garis Panduan Program Pembasmian Kemiskinan ICU, JPM pemilihan peserta perlu diberikan keutamaan kepada mereka yang masih belum menerima apa-apa projek di bawah program pembasmian kemiskinan. Senarai peserta yang dipilih akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fokus Group Negeri untuk dinilai dari segi minat, kemahiran dan logistik. Semakan Audit mendapati antara sebab komitmen peserta rendah ialah peserta yang dipilih uzur kerana lanjut umur; tidak berminat dengan projek; mempunyai pekerjaan lain; tidak mahu bekerjasama di antara peserta; mahukan keuntungan segera dan tiada kemahiran serta tidak diberi latihan. Maklumat lanjut adalah seperti berikut:

5.4.3.1. Pemilihan Peserta Uzur

Peserta yang dipilih tidak melaksanakan projek seperti sepatutnya kerana telah uzur akibat umur yang lanjut. Antara projek tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.10
PROJEK YANG TIDAK SESUAI DENGAN PROFIL PESERTA

NAMA PROJEK	UMUR PESERTA (Tahun)	KOS PROJEK (RM)	STATUS PELAKSANAAN PROJEK BERDASARKAN TEMUBUAL DENGAN PESERTA
Projek Ternak Ayam, Kota Marudu, Sabah	65	10,000	Peserta sudah berusia dan sering sakit. Reban ayam telah dirobohkan dan kayunya digunakan bagi membaiki rumah
Projek Kedai Runcit, Kota Marudu, Sabah	73	10,000	Peserta tidak mampu bekerja kerana masalah kesihatan. Stok barangan runcit habis digunakan untuk kegunaan harian
Projek Tanaman Halia, Kota Marudu, Sabah	80	10,000	Peserta mempunyai masalah kesihatan. Tiada sebarang hasil diperolehi dari projek. Peserta meneruskan pekerjaan sebagai penoreh getah yang lebih menguntungkan dan mudah
JUMLAH	**218**	**30,000**	

Mengikut maklum balas dari PPPN Sabah, projek ternakan ayam telah dipohon sendiri oleh peserta dengan bantuan AIR di mana anak-anak peserta telah bersetuju untuk sama-sama mengusahakan perniagaan ini. Sebab utama kegagalan ini ialah tiada kesungguhan dan sokongan anak-anak seperti yang dijanjikan di peringkat awal. Bagi projek kedai runcit Kota Marudu pula, peserta tersebut telah memohon sendiri program ini kerana beliau tidak mampu untuk melakukan aktiviti pertanian. Bagi projek tanaman halia, peserta juga telah memohon sendiri program ini walaupun telah dinasihatkan tentang faktor usia yang lanjut.

Pada pendapat Audit, kemampuan peserta perlu diambil kira sebelum sesuatu projek diluluskan kerana pemilihan peserta yang tidak bersesuaian mengakibatkan peralatan yang dibekalkan tidak dimanfaatkan dan projek tidak diteruskan.

5.4.3.2. Peserta Tidak Berminat/Berkemahiran

Pemilihan projek dan mentor ditentukan oleh pihak lain seperti penghulu/ketua kampung/Jawatankuasa Keselamatan Kampung. Di Selama, Perak pemilihan projek dan mentor yang melaksanakan projek ditentukan oleh penghulu mukim tersebut. Penamaan KIR/AIR miskin dan miskin tegar yang dihantar ke Pejabat Daerah juga dibuat oleh penghulu. Senarai projek yang terlibat adalah projek roti dan kek, perkhidmatan sewaan khemah dan kelengkapan, projek tanaman terung melalui kaedah fertigasi dan projek perkhidmatan kerja-kerja pembersihan kebun. PPPN tidak mengambil kira faktor minat, kemahiran dan pengalaman. Selain itu, pemilihan lokasi projek yang berjauhan dengan tempat tinggal peserta juga menjejaskan minat peserta untuk meneruskan penyertaan. Antara projek yang terletak jauh dari tempat tinggal peserta adalah projek Ikan Dalam Sangkar, Sungai Como, Tasik Kenyir; Projek Ternakan Kambing Jamnapari, Lembah Kaprima, Terengganu dan Projek Kambing Boer, Beris, Kedah.

Berdasarkan maklum balas PPPN Perak, projek ini telah dicadangkan oleh pihak pentadbiran pejabat mukim. Peserta sendiri telah bersetuju dengan kaedah pelaksanaan projek tersebut walaupun peserta tidak mempunyai kemahiran, minat dan lokasi yang sesuai.

Pada pendapat Audit pemilihan projek perlu dibuat berdasarkan kepada kemahiran dan minat peserta serta lokasi yang sesuai bagi memastikan projek berjaya dilaksanakan secara berterusan.

5.4.3.3. Peserta Ada Pekerjaan Lain

Temu bual Audit mendapati peserta yang sudah mempunyai pekerjaan sendiri seperti menoreh getah tidak berminat untuk melaksanakan projek yang telah diberikan. Mereka lebih selesa dengan pekerjaan semasa kerana ia lebih mudah dilaksanakan dan sudah mempunyai kemahiran mengenainya. Antara projek-projek yang tidak mendapat sambutan peserta kerana sudah mempunyai pekerjaan sendiri adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.11
SENARAI PROJEK YANG GAGAL KERANA PESERTA MEMPUNYAI PEKERJAAN LAIN

NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	JUMLAH PESERTA	BIL. PESERTA YANG BEKERJA	PUNCA TIDAK BEKERJA DENGAN PROJEK
Projek Ikan Tilapia Merah Dalam Sangkar di Beris, Kedah	50,000	5	2	Peserta tidak berminat kerana mempunyai pekerjaan lain sebagai penoreh getah
Projek Pembaikan Penyaman Udara Kenderaan di Baling, Kedah	10,000	1	Tiada	Anak peserta telah bekerja di tempat lain menyebabkan barang yang dibekalkan terbiar. (**Gambar 5.13** dan **Gambar 5.14**)
Projek Ikan Tilapia Merah Dalam Sangkar Baling, Kedah	120,000	8	3	Peserta tidak hadir bekerja kerana mempunyai kerja lain sebagai penoreh getah
Projek Ikan Siakap Dalam Sangkar, Beris Kedah	50,000	5	Tiada	Peserta tidak berminat kerana mempunyai pekerjaan lain sebagai penoreh getah
JUMLAH	**230,000**	**19**	**5**	

GAMBAR 5.13



GAMBAR 5.14



Kg. Seberang Ketil, Kupang, Baling, Kedah
- Peralatan Penyaman Udara Yang Terbiar
(25.11.2010)

Berdasarkan maklum balas PPPN Kedah, projek ternakan ikan tilapia dan ikan siakap yang dijalankan secara berkelompok, sistem giliran diadakan bagi para peserta bekerja kerana projek tersebut tidak memerlukan kesemua peserta bekerja pada masa yang sama. Peserta yang tidak bekerja pada hari terbabit boleh menjalankan kerja harian lain seperti menoreh getah. Manakala bagi projek penyaman udara kenderaan, maklum balas ICU, JPM bertarikh 25 April 2011 menyatakan peserta telah menjual kesemua peralatan penyaman udara dengan harga RM7,000. Hasil daripada jualan tersebut peserta telah membeli mesin jahit dan alat pertukangan bagi AIR.

Pada pendapat Audit, penilaian semula perlu dibuat sebelum bantuan disalurkan dengan mengambil kira pekerjaan dan status ekonomi semasa peserta.

5.4.3.4. Peserta Mahu Keuntungan Segera

Semakan Audit mendapati ada peserta berpuas hati setelah menjual ternakan yang diterima dan tidak berminat untuk meneruskan projek bagi mendapat keuntungan segera. Antara projek yang terlibat adalah seperti berikut:

JADUAL 5.12
SENARAI PROJEK YANG GAGAL KERANA PESERTA MAHU KEUNTUNGAN SEGERA

NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	BIL. PESERTA	ULASAN AUDIT DARI SAMPEL PENGAUDITAN
Projek Lembu Fidlot, Kedah	101,401	10	Kesemua lembu telah habis dijual. Wang hasil berjumlah RM84,350 daripada penjualan tersebut dibahagikan antara peserta
Projek Ayam Kampung Padang Terap, Kedah	220,000	22	Semakan terhadap 3 peserta mendapati, ayam yang dibekalkan telah dijual tetapi tidak dijadikan modal pusingan
JUMLAH	**321,401**	**32**	

Berdasarkan maklum balas PPPN Kedah, kesemua peserta telah mendapat tambahan pendapatan melalui penjualan lembu/ayam tersebut dan tidak bersedia untuk meneruskan projek bagi pusingan kedua kerana peserta berpuas hati dengan pendapatan tambahan yang diperolehi dari jualan tersebut.

Pada pendapat Audit, peserta yang telah diberikan projek tetapi telah gagal kerana mahukan keuntungan segera, tidak sepatutnya diberikan projek di masa hadapan. Peserta hendaklah diberi kesedaran mengenai kepentingan kesinambungan projek supaya peserta memperolehi pendapatan secara berterusan dan seterusnya terkeluar dari senarai miskin tegar.

5.4.3.5. Tiada Kerjasama Di Antara Peserta

Projek yang melibatkan ramai peserta sering menimbulkan masalah di antara peserta kerana kurang kerjasama dan komitmen terhadap projek yang dijalankan. Sebagai contoh, projek pertanian jangka pendek jagung dan cili

fertigasi di Perak yang bernilai RM35,000 dan melibatkan 5 orang peserta. Semakan Audit mendapati pam air yang digunakan telah rosak dan tidak dibaiki oleh mentor kerana perjanjian projek telah tamat. Kelima-lima peserta pula tidak mahu berkerjasama untuk membaiki pam tersebut. Akibatnya projek ini telah terhenti dan tidak dilaksanakan lagi menyebabkan peralatan dan bekas tanaman terbiar. *Berdasarkan maklum balas PPPN Perak, projek yang dilaksanakan terbengkalai kerana pam air yang rosak masih tidak diperbaiki berikutan sikap peserta yang tidak mahu bertanggungjawab dan menanggung kos pembaikan tersebut.* **Gambar 5.15** dan **Gambar 5.16** menunjukkan tanaman dan tangki air yang terbiar.

GAMBAR 5.15



Kg. Kuala Nor, Rantau Panjang, Selama, Perak - Tanaman Yang Dibiarkan Telah Rosak (13.10.2010)

GAMBAR 5.16



Kg. Kuala Nor, Rantau Panjang, Selama, Perak - Tangki Air Tidak Diguna Disebabkan Pam Rosak (13.10.2010)

5.4.3.6. Peserta Tidak Diberi Latihan

Antara punca kegagalan beberapa projek adalah kerana peserta kekurangan atau tidak menerima latihan berkaitan projek. Ini menyebabkan berlakunya kekurangan pengetahuan pelaksanaan projek secara moden dan ilmu perniagaan seperti pemasaran dan simpan kira. Senarai projek yang gagal kerana tiada latihan diberikan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.13
SENARAI PROJEK YANG GAGAL

NAMA PROJEK	PUNCA KEGAGALAN PROJEK	PENDAPATAN DARIPADA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
Projek Ternakan Lebah Madu, Kg Teradas, Sabah	Latihan pemindahan ratu dan sarang lebah yang telah digantung di hutan ke dalam haif tidak diberi. (**Gambar 5.17** dan **Gambar 5.18**).	Tiada	88,000
Projek Ternakan Lebah Madu, Mangkapon Darat, Sabah		Tiada	88,000
Projek Jahitan, Ijok, Perak	Peserta tidak mempunyai kemahiran jahitan. Hanya pernah diberi latihan selama 5 hari oleh MARA	Tiada	10,000
Projek Kedai Runcit, Sabah	Tiada pengetahuan berkaitan perniagaan yang meliputi pemasaran dan simpankira menyebabkan stok tidak dikawal dan tiada papan tanda perniagaan yang menunjukkan peserta terlibat dengan perniagaan runcit	Tiada	10,000
Pembinaan Perahu Nelayan, di Pitas, Sabah	Tiada latihan pemasaran menyebabkan projek kurang mendapat sambutan dan hanya tertumpu kepada penduduk sekitar	RM1,500 setahun	10,000
JUMLAH			**206,000**

GAMBAR 5.17



Kg. Teradas, Pitas, Sabah
- Tiada Lebah Yang Berjaya Diternak Di Dalam Haif
(16.12.2010)

GAMBAR 5.18



Kg. Teradas, Pitas, Sabah
- Perangkap Ratu Lebah Tidak Digunakan Kerana Tiada Latihan Pemindahan Ratu Lebah
(16.12.2010)

Pada pendapat Audit latihan perlu diberikan kepada peserta yang terpilih sama ada dalam bentuk teori ataupun praktikal. Antara bentuk latihan yang diperlukan adalah berkaitan pengurusan projek serta asas pengurusan perniagaan, simpan kira dan pemasaran.

5.4.4. Kelemahan Pemantauan

Agensi pelaksana bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan dan mengkaji keberkesanan projek yang dilaksanakan bagi memastikan objektif program tercapai dan tidak berlaku pembaziran wang awam. Agensi pelaksana juga perlu memastikan pematuhan terhadap terma perjanjian atau MOU yang telah ditandatangani dan perlu diperiksa secara teliti terutama faedah kepada peserta. Pemantauan di lapangan hendaklah dilakukan oleh PPPN secara berkala bagi melihat kemajuan fizikal projek serta membentangkan laporan kemajuan projek fizikal dan kewangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa *Focus Group* Daerah/Negeri. Satu salinan laporan tersebut perlu dikemukakan kepada ICU, JPM. Selain itu, pihak Agensi pelaksana bertanggungjawab untuk mengemas kini status peserta eKasih yang telah diberi bantuan dalam usaha untuk mengeluarkan mereka dari status miskin tegar. Semakan Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

5.4.4.1. Pihak Agensi pelaksana tidak menyediakan pelan pemantauan berkala ke atas setiap projek yang dilaksanakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati PPPN hanya mengambil tindakan susulan bagi mengkaji dan mencari jalan penyelesaian apabila adanya laporan agensi pelaksana mengenai status projek yang bermasalah.

5.4.4.2. Pihak Agensi pelaksana mengeluarkan nama peserta miskin tegar dari sistem eKasih apabila bantuan diberi tanpa mengambil kira kejayaan/kegagalan projek dalam meningkatkan pendapatan peserta menyebabkan status miskin tegar dalam sistem eKasih adalah tidak tepat.

Berdasarkan maklum balas PPPN Kedah, setiap projek dijalankan pemantauan oleh pegawai termasuk di peringkat daerah dan Pengurus Projek bagi memastikan projek yang diusahakan berjalan dengan lancar. Pegawai yang mengadakan lawatan pemantauan mengisi buku log lawatan bagi tujuan rekod dan menyediakan laporan pemantauan selain itu membentangkan dalam Forum Mesyuarat Focus Group yang diadakan sebulan sekali.

Pada pendapat Audit, pelantikan Pengurus Projek oleh Agensi pelaksana telah meningkatkan prestasi pemantauan projek. Bagaimanapun, pemantauan berjadual dan berterusan sehingga satu tempoh yang sesuai bagi memastikan semua projek yang dilaksanakan mencapai matlamat yang ditetapkan terutamanya bagi meningkatkan pendapatan peserta.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif program pembasmian kemiskinan dicapai, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

5.5.1. ICU, JPM perlu menjalankan kajian pengurusan projek peningkatan ekonomi golongan sasar dengan menyediakan satu garis panduan yang lengkap dan komprehensif dengan mengambil kira kepentingan dan penglibatan semua pihak.

5.5.2. ICU, JPM dengan kerjasama Penasihat Undang-undang perlu menyediakan *template* perjanjian yang mengandungi klausa yang penting antaranya kaedah pembahagian untung rugi projek, hak pemilikan peralatan projek, kadar dan tempoh agihan dividen serta denda/tuntutan sekiranya mentor/peserta melanggar perjanjian. Selain itu ICU, JPM hendaklah memastikan peserta juga menandatangani perjanjian projek bagi menjamin ketelusan.

5.5.3. PPPN perlu memeriksa dengan teliti semua dokumen sokongan yang dikemukakan sebelum pembayaran bagi mengelakkan penyelewengan. ICU, JPM/PPPN perlu melaksanakan siasatan ke atas pihak berkenaan yang terlibat dengan penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan mengambil tindakan sewajarnya.

5.5.4. PPPN hendaklah menilai kemampuan/minat peserta, tempoh pelaksanaan dan lokasi projek sebelum sesuatu projek diluluskan. Selain itu peserta hendaklah didedahkan dengan pengetahuan yang secukupnya mengikut projek yang disertai. Peserta hendaklah diberi kesedaran mengenai kepentingan kesinambungan projek supaya memperolehi pendapatan secara berterusan dan seterusnya terkeluar dari senarai miskin tegar.

5.5.5. ICU, JPM/PPPN perlu meningkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan projek secara berkesan dan berkala sehingga satu tempoh yang sesuai bagi memastikan semua projek yang dilaksanakan mencapai matlamat yang ditetapkan.

KEMENTERIAN KEWANGAN

6. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- **PENGURUSAN CUKAI PENDAPATAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)**

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Selaras dengan perkembangan ekonomi negara dan global yang pesat, pasaran pekerjaan kini memerlukan sumber tenaga manusia yang berteraskan kepada kepakaran dan berilmu pengetahuan. Ini merupakan antara faktor yang menyebabkan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia telah tumbuh bagai cendawan bagi menghasilkan graduan peringkat diploma, ijazah dan lepasan ijazah yang kompeten untuk memenuhi keperluan guna tenaga negara dan antarabangsa.

6.1.2. Sebagaimana bidang perniagaan lain, IPTS perlu melaporkan pendapatan dan perbelanjaannya serta dikenakan cukai pendapatan. Bagi memastikan pematuhan kepada keperluan ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menjalankan audit cukai sama ada melalui audit luar atau audit meja terhadap IPTS. Sebelum audit luar dijalankan, pembayar cukai akan dimaklumkan terlebih dahulu mengenai tarikh lawatan dan maklumat mengenai dokumen serta rekod yang perlu disediakan. Manakala audit meja dijalankan terhadap penyata dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pembayar cukai di pejabat LHDNM. Setakat bulan Disember 2010, terdapat 476 IPTS di seluruh Malaysia terdiri daripada 42 universiti (termasuk 19 kampus cawangan), 26 bertaraf kolej universiti (termasuk 5 kampus cawangan), 5 cawangan kampus universiti luar negara dan 403 kolej. Jumlah enrolmen di IPTS bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 adalah seramai 2.17 juta pelajar. Kedudukan IPTS mengikut negeri dan taraf adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.1
KEDUDUKAN IPTS MENGIKUT NEGERI DAN TARAF

NEGERI	TARAF/BILANGAN IPTS				
	UNIVERSITI*	KOLEJ UNIVERSITI*	CAWANGAN KAMPUS UNIVERSITI LUAR NEGARA	KOLEJ	JUMLAH
Selangor	17	11	2	92	122
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	8	6	-	97	111
Sarawak	1	-	2	32	35
Johor	1	1	1	29	32
Pulau Pinang	1	-	-	31	32
Perak	5	-	-	24	29
Negeri Sembilan	2	2	-	19	23

NEGERI	TARAF/BILANGAN IPTS				
	UNIVERSITI*	KOLEJ UNIVERSITI*	CAWANGAN KAMPUS UNIVERSITI LUAR NEGARA	KOLEJ	JUMLAH
Melaka	2	1	-	16	19
Sabah	-	1	-	20	21
Pahang	1	-	-	14	15
Terengganu	1	1	-	11	13
Kelantan	-	1	-	9	10
Kedah	3	2	-	7	12
Perlis	-	-	-	2	2
JUMLAH	**42**	**26**	**5**	**403**	**476**

Sumber : Kementerian Pengajian Tinggi
Nota : (*) - Bilangan Termasuk Kampus Cawangan

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada cukai pendapatan IPTS telah diuruskan dengan cekap, teratur dan mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Kajian ini merangkumi 68 IPTS yang telah selesai dijalankan audit luar/audit meja bagi tempoh tahun 2008 hingga bulan Mei 2010 oleh Jabatan Cukai Korporat Kuala Lumpur, Cawangan Kuching, Kuantan dan Kuala Terengganu. Tahun taksiran yang diliputi adalah sehingga tahun 2009. Semakan Audit telah dibuat terhadap data dalam Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC), *Case Management System* (CMS), *Revenue Management System* (ReMS) dan *Document Management System* (DMS) mengenai Borang C, maklumat taksiran dan pembayaran cukai pendapatan serta tindakan pemungutan tunggakan cukai pendapatan. Perbincangan juga diadakan dengan pegawai LHDNM di semua peringkat yang terlibat bagi mendapatkan penjelasan lanjut berhubung isu yang dibangkitkan.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 mendapati pengurusan cukai pendapatan IPTS mempunyai beberapa kelemahan yang boleh menyebabkan cukai pendapatan lewat/tidak/kurang dipungut. Antara kelemahan tersebut adalah ketidaktelusan kaedah pengenaan penalti terhadap kegagalan/ kelewatan IPTS mengemukakan Borang C; audit luar kurang diberi tumpuan di mana LHDNM hanya dapat selesai menjalankan audit luar terhadap satu IPTS (1.5%); taksiran anggaran dan penalti berjumlah RM0.16 juta tidak dikeluarkan kepada 4 IPTS yang tidak mengemukakan Borang C serta kenaikan cukai berjumlah RM49,567 tidak dikenakan terhadap 12 IPTS yang mengemukakan anggaran cukai terlalu rendah atau gagal mematuhi skim bayaran ansuran cukai. Selain itu, 2 IPTS mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM0.75 juta. Bagaimanapun, LHDNM telah mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan selepas teguran

Audit. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan LHDNM adalah seperti di perenggan berikut:

6.4.1. Ketidaktelusan Kaedah Pengenaan Penalti

6.4.1.1. LHDNM boleh mengenakan penalti kepada pembayar cukai yang lewat mengemukakan Borang C di bawah subseksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. Kadar penalti yang boleh dikenakan terhadap IPTS yang gagal/lewat mengemukaan Borang C adalah ditetapkan dalam Arahan Operasi Bil. 9 Tahun 2000 yang merangkumi kadar atas cukai yang dikenakan, kadar minimum, kadar maksimum dan pendekatan budi bicara seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.2
KADAR PENALTI TERHADAP KEGAGALAN/KELEWATAN MENGEMUKAKAN BORANG C

KESALAHAN	KADAR ATAS CUKAI YANG DIKENAKAN (%)	PENALTI MINIMUM (RM)	PENALTI MAKSIMUM (RM)
Pertama	5	200	2,000
Kedua	10	300	3,000
Ketiga	10	500	5,000
Keempat	15	600	6,000
Kelima	15	800	8,000
Keenam	15	1,000	10,000
Ketujuh	20	1,200	12,000
Kelapan	20	1,500	15,000
Kesembilan	20	1,800	18,000
Kesepuluh	20	2,000	20,000
Kesebelas Dan Seterusnya	Budi bicara Ketua Cawangan tetapi kadar dan jumlah penalti tidak boleh kurang daripada kadar dan jumlah penalti yang dikenakan ke atas kesalahan kesepuluh.		
Bagi Borang C yang dikembalikan selepas 2 tahun daripada tarikh yang dibenarkan, penalti adalah 2 kali ganda kadar yang ditetapkan di atas.			

6.4.1.2. Semakan Audit mendapati pelbagai kaedah telah digunakan untuk mengenakan penalti terhadap 15 IPTS yang gagal/lewat mengemukakan Borang C. Adalah didapati 6 IPTS melibatkan 9 kes telah dikenakan penalti berjumlah RM16,304 berdasarkan kadar atas cukai yang dikenakan; 6 IPTS lain melibatkan 8 kes dikenakan penalti minimum berjumlah RM4,200; dan 3 IPTS melibatkan 5 kes dikenakan penalti maksimum berjumlah RM18,000. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.3
PENGENAAN PENALTI TERHADAP IPTS
YANG GAGAL/LEWAT MENGEMUKAKAN BORANG C

JABATAN/ CAWANGAN LHDNM	KADAR ATAS CUKAI YANG DIKENAKAN			PENALTI MINIMUM			PENALTI MAKSIMUM		
	BIL. IPTS	BIL. KES (TAHUN TAKSIRAN)	JUMLAH PENALTI (RM)	BIL. IPTS	BIL. KES (TAHUN TAKSIRAN)	JUMLAH PENALTI (RM)	BIL. IPTS	BIL. KES (TAHUN TAKSIRAN)	JUMLAH PENALTI (RM)
Cukai Korporat	6	9	16,304	4	6	3,700	2	4	16,000
Kuantan	-	-	-	2	2	500	1	1	2,000
JUMLAH	**6**	**9**	**16,304**	**6**	**8**	**4,200**	**3**	**5**	**18,000**

Pada pendapat Audit, kaedah mengenakan penalti yang ditetapkan dalam Arahan Operasi Bil. 9 Tahun 2000 adalah kurang telus kepada semua pembayar cukai. Ini adalah kerana struktur dan kriteria penalti yang sedia ada tertakluk kepada jurang penalti yang ketara. Sehubungan ini, pihak Audit berpendapat struktur dan kriteria penalti wajar diselaraskan bagi mengelakkan jurang penalti berkenaan.

Mengikut maklum balas LHDNM, Arahan Operasi Bil. 6 Tahun 2011 yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2011 telah dikeluarkan untuk membatalkan Arahan Operasi Bil. 9 Tahun 2000. Ia bertujuan untuk menyeragamkan pengenaan penalti mengikut tempoh kelewatan pembayar cukai mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan.

6.4.2. Audit Luar Kurang Diberi Tumpuan

6.4.2.1. Semakan Audit mendapati LHDNM telah selesai menjalankan audit meja pada tahun 2008 hingga Mei 2010 terhadap 67 IPTS (98.5%) daripada 68 sampel Audit. Audit meja ini memberi fokus kepada pengesahan Borang R (Penyata Seksyen 108 ACP 1967) mengenai maklumat percukaian bagi pembayaran dividen, taksiran anggaran kerana Borang C tidak diterima dan pengesahan ketepatan taksiran cukai pendapatan. Bagaimanapun bagi tempoh yang sama, LHDNM hanya selesai menjalankan audit luar terhadap satu (1.5%) IPTS daripada 68 sampel Audit untuk mengesahkan kewajaran untung kasar dan rugi bersih IPTS tersebut.

6.4.2.2. Keadaan di atas menunjukkan IPTS tidak dijadikan fokus audit luar yang bertujuan mengesahkan dokumen sumber untuk menentukan ketepatan taksiran cukai pendapatan. Semakan Audit terhadap 47 (85.4%) IPTS daripada 55 IPTS yang selesai dijalankan audit meja oleh Jabatan Cukai Korporat LHDNM bagi tahun taksiran 2006 hingga 2009 mendapati peratusan untung/(rugi) kasar berbeza ketara antara (7.2%) hingga 100%. Manakala untung/(rugi) bersih berbeza ketara antara (11,025.5%) hingga 95.5%. Adalah didapati 6 daripada 47 IPTS tersebut mencatatkan kerugian bersih berturut-turut untuk 3 hingga 4 tahun.

Mengikut maklum balas LHDNM, kriteria kerugian kasar/bersih berturut-turut 3 tahun tidak diprogramkan dalam sistem bagi tujuan pemilihan kes oleh Jabatan Pematuhan Cukai di Ibu Pejabat. Bagaimanapun, Jabatan Cukai Korporat akan mencadangkan 37 daripada 47 IPTS (78.7%) kepada Jabatan Pematuhan Cukai di Ibu Pejabat untuk kelulusan menjalankan audit luar.

Pada pendapat Audit, Jabatan Pematuhan Cukai di Ibu Pejabat LHDNM perlu memberi perhatian terhadap IPTS yang untung/(rugi) kasar dan bersih berbeza ketara antara tahun serta IPTS yang melaporkan kerugian bersih berturut-turut

sebagai kriteria pemilihan kes audit luar. Audit luar amat penting dijalankan kerana ianya dapat mengesahkan dokumen sumber untuk memastikan IPTS melapor dan membayar cukai pendapatan dengan betul.

6.4.3. Kegagalan Mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (Borang C)

Taksiran anggaran cukai di bawah subseksyen 90(3) ACP 1967 perlu dikeluarkan sekiranya pembayar cukai tidak mengemukakan Borang C. Manakala penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 perlu dikenakan sekiranya Borang C bagi sesuatu tahun taksiran tidak dikemukakan selepas 7 bulan daripada tarikh penutupan akaun. Semakan Audit terhadap Borang C bagi 68 IPTS untuk tahun taksiran 2006 hingga 2009 mendapati Jabatan Cukai Korporat tidak mengeluarkan taksiran anggaran cukai dan penalti berjumlah RM0.16 juta terhadap 4 IPTS melibatkan 5 kes yang tidak mengemukakan Borang C. *Mengikut maklum balas LHDNM, taksiran anggaran cukai di bawah subseksyen 90(3) ACP 1967 tidak dikeluarkan kerana 5 kes tersebut tidak disenaraikan oleh sistem sebagai kes Borang C tidak diterima. Bagaimanapun selepas teguran Audit, LHDNM telah mengeluarkan taksiran anggaran berserta penalti terhadap 4 kes dan Notis Terakhir turut dikeluarkan menghendaki IPTS terlibat mengemukakan Borang C. Manakala bagi satu kes lain yang Borang C lewat diterima, Unit Audit Meja LHDNM telah mengeluarkan taksiran berserta penalti pada 9 Mac 2011. Selain itu, Unit Pungutan LHDNM juga telah mengenakan kenaikan cukai pada 17 Mac 2011 di bawah subseksyen 107C(9) ACP 1967 kerana tidak mematuhi skim bayaran ansuran cukai (Borang CP204).*

6.4.4. Cukai Sebenar Tidak Disahkan

6.4.4.1. LHDNM mempunyai kuasa mengeluarkan notis di bawah subseksyen 78(a) ACP 1967 untuk menghendaki pembayar cukai mengemukakan Borang C bagi sesuatu tahun taksiran. Ini bertujuan untuk menentukan jumlah cukai sebenar dan membuat pelarasan cukai dengan mengeluarkan taksiran tambahan atau taksiran kurangan sekiranya jumlah cukai sebenar mengikut pengiraan pembayar cukai berbeza dengan anggaran cukai yang dibuat oleh LHDNM.

6.4.4.2. Semakan Audit mendapati 3 IPTS melibatkan 7 kes di bawah Jabatan Cukai Korporat tidak mengemukakan Borang C. Ini menyebabkan jumlah cukai sebenar tidak dapat disahkan walaupun taksiran anggaran cukai berjumlah RM0.22 juta telah dikeluarkan oleh LHDNM.

Pada pendapat Audit, LHDNM perlu mengeluarkan notis di bawah subseksyen 78(a) ACP 1967 untuk memastikan pembayar cukai terlibat mengemukakan Borang C bagi mengesahkan cukai sebenar yang perlu dibayar. *Mengikut maklum balas LHDNM selepas teguran Audit, Notis Terakhir telah dikeluarkan kepada 3 IPTS terlibat yang menghendaki Borang C dikemukakan bagi 6 kes*

tersebut. Manakala Borang C yang lewat diterima bagi satu kes lain untuk salah satu IPTS tersebut, Unit Audit Meja LHDNM telah mengeluarkan taksiran tambahan berserta penalti berjumlah RM236,047 pada 4 Mei 2011.

6.4.5. Kelemahan Penguatkuasaan Pungutan Cukai

Unit Pungutan LHDNM perlu memastikan pembayar cukai mematuhi skim bayaran ansuran cukai dan menjelaskan tunggakan cukai mengikut tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap data pungutan cukai mendapati perkara berikut:

6.4.5.1. Ketidakpatuhan Skim Bayaran Ansuran Cukai

a. LHDNM perlu mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% di bawah subseksyen 107C(9) ACP 1967 terhadap ansuran cukai yang tidak dibayar/kurang dibayar/lewat dibayar oleh IPTS dalam tempoh 14 hari dari tarikh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati Cawangan Pungutan Kuala Lumpur tidak mengenakan kenaikan cukai berjumlah RM5,000 terhadap 4 IPTS melibatkan 4 kes yang tidak/kurang/lewat membayar ansuran cukai. *Mengikut maklum balas LHDNM, 4 kes tersebut tidak dipilih untuk semakan semasa pemeriksaan Audit. Bagaimanapun, LHDNM telah mengenakan kenaikan cukai terhadap 4 kes tersebut selepas teguran Audit.*

b. LHDNM juga perlu mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967 terhadap perbezaan amaun di antara cukai sebenar dengan anggaran cukai kena dibayar (Borang CP204) atau pindaan anggaran cukai kena dibayar (Borang CP204A) yang melebihi 30% dari cukai sebenar. Semakan Audit mendapati Cawangan Pungutan Kuala Lumpur tidak mengenakan kenaikan cukai berjumlah RM44,567 terhadap 9 IPTS melibatkan 10 kes yang melaporkan anggaran cukai yang terlalu rendah berbanding cukai sebenar. *Mengikut maklum balas LHDNM, kenaikan cukai telah dikenakan terhadap 10 kes tersebut selepas teguran Audit.*

6.4.5.2. Tunggakan Cukai

a. Semakan Audit setakat 30 Jun 2010 mendapati 2 IPTS melibatkan 8 kes di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur gagal menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM0.75 juta. Tempoh tunggakan cukai adalah sehingga 4 tahun.

b. *Mengikut maklum balas LHDNM, cukai tertunggak adalah disebabkan penjadualan semula bayaran cukai secara ansuran dan notis tuntutan tunggakan cukai tidak dikeluarkan*. *Bagaimanapun, tindakan saman telah diambil terhadap satu IPTS manakala surat tuntutan telah dikeluarkan kepada satu IPTS yang lain selepas teguran Audit.*

6.4.5.3. Kenaikan Cukai Tidak Dikenakan Terhadap Tunggakan Cukai

a. Sekiranya pembayar cukai gagal menjelaskan baki cukai dalam tempoh yang ditetapkan, Cawangan Pungutan LHDNM adalah dikehendaki menguatkuasakan seksyen 103 ACP 1967 dengan mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% atau maksimum 15% mengikut tempoh tunggakan cukai.

b. Semakan Audit mendapati Cawangan Pungutan Kuala Lumpur tidak mengenakan kenaikan cukai terhadap 4 IPTS melibatkan 8 kes berjumlah RM0.17 juta. *Mengikut maklum balas LHDNM, kenaikan cukai tidak dikenakan terhadap 3 IPTS melibatkan 6 kes kerana semasa semakan Audit, fail pungutan pembayar cukai masih tidak dipilih untuk dibuat pengiraan kenaikan cukai secara manual. Bagaimanapun, kenaikan cukai telah dikenakan terhadap 3 IPTS melibatkan 6 kes tersebut selepas teguran Audit. Selain itu, kenaikan cukai tidak dikenakan terhadap satu IPTS melibatkan 2 kes atas budi bicara Pengarah Cawangan Pungutan Kuala Lumpur.*

6.4.5.4. Tindakan Guaman Sivil Tidak Diambil Terhadap IPTS

Arahan Operasi Bil. 6 Tahun 2007 menetapkan sekiranya IPTS enggan menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM5,000 dan ke atas, LHDNM boleh mengambil tindakan guaman sivil di bawah seksyen 106 ACP 1967. Semakan Audit mendapati Cawangan Pungutan Kuala Lumpur tidak mengambil tindakan guaman sivil terhadap satu IPTS yang mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM0.21 juta. *Mengikut maklum balas LHDNM, surat pemberitahuan tindakan guaman sivil telah disediakan selepas teguran Audit.*

Pada pendapat Audit, bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDNM hendaklah menguatkuasakan pungutan cukai secara tegas melalui pengenaan kenaikan cukai dan tindakan guaman sivil terhadap IPTS selaras dengan kehendak Akta Cukai Pendapatan 1967. Sehubungan dengan ini, LHDNM perlu memastikan *Revenue Management System* (ReMS) yang telah dibangunkan berupaya mengenakan kenaikan cukai secara automatik terhadap pembayar cukai yang gagal mematuhi skim bayaran ansuran cukai dan gagal membayar tunggakan cukai.

6.5. SYOR AUDIT

Pengurusan cukai pendapatan IPTS boleh dipertingkatkan lagi sekiranya LHDNM mengambil tindakan seperti berikut:

6.5.1. Jabatan Pematuhan Cukai di Ibu Pejabat LHDNM perlu mengambil kira IPTS yang peratusan untung/rugi kasar dan bersih berbeza ketara antara tahun serta IPTS yang melaporkan kerugian bersih berturut-turut sebagai kriteria pemilihan kes audit luar.

6.5.2. Bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDNM perlu menguatkuasakan pungutan cukai secara tegas melalui pengenaan kenaikan cukai dan tindakan guaman sivil terhadap IPTS mengikut peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

6.5.3. LHDNM perlu membangunkan sistem berkomputer yang berupaya untuk mengeluarkan taksiran anggaran cukai pendapatan secara automatik terhadap IPTS yang tidak mengemukakan Borang C dan mengenakan penalti kerana lewat/tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan.

6.5.4. LHDNM juga perlu memastikan *Revenue Management System* (ReMS) yang dibangunkan berupaya untuk mengenakan kenaikan cukai secara automatik terhadap IPTS yang gagal mematuhi skim bayaran ansuran cukai dan mengenakan kenaikan cukai kerana gagal membayar tunggakan cukai.

KEMENTERIAN KEWANGAN

7. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
- PENGURUSAN GUAMAN SIVIL

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Seksyen 106(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Seksyen 23(1) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah menyatakan cukai yang terhutang dan kena dibayar boleh dipungut oleh pihak Kerajaan melalui prosiding sivil. Cawangan/Unit Pungutan di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menyediakan Penyata Kedudukan Tunggakan Cukai yang menunjukkan jumlah cukai tertunggak, tahun taksiran terlibat, jumlah denda yang dikenakan, bayaran yang telah dibuat serta tunggakan yang masih belum selesai dan mengemukakannya ke Unit Undang-undang LHDNM. Unit Undang-undang seterusnya akan mengeluarkan saman yang akan didaftarkan di Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Tinggi tertakluk kepada jumlah yang sedang dituntut. Perbicaraan akan dijalankan oleh mahkamah yang berkenaan. Setelah penghakiman diperolehi daripada mahkamah dan pembayar cukai masih gagal menjelaskan hutang cukainya, tindakan kebankrapan atau penggulungan syarikat akan diambil oleh LHDNM.

7.1.2. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, kedudukan tunggakan cukai dalam tindakan guaman sivil berbanding jumlah keseluruhan tunggakan cukai (jumlah bersih Akaun Belum Terima) adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.1
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI DALAM TINDAKAN GUAMAN SIVIL BERBANDING JUMLAH KESELURUHAN TUNGGAKAN CUKAI PADA AKHIR TAHUN 2008 HINGGA 2010

TAHUN	JUMLAH KESELURUHAN TUNGGAKAN CUKAI (RM Bilion)	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI DALAM TINDAKAN GUAMAN SIVIL (RM Bilion)	PERATUS (%)
2008	9.80	5.80	59.2
2009	9.25	3.75	40.5
2010	9.76	4.37	44.8

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan tunggakan cukai melalui tindakan undang-undang telah dilaksanakan dengan cekap dan mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap 750 kes undang-undang yang belum selesai dan telah selesai seperti pada 30 Mei 2010 melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM256.84 juta yang dikendalikan oleh 7 Unit Undang-undang di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Jalan Duta, Kota Bharu, Kangar, Sungai Petani, Bukit Mertajam dan Melaka yang merangkumi kes di pelbagai peringkat guaman sivil. Semakan Audit telah dilakukan terhadap lejar pembayar cukai serta fail dan dokumen yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai LHDNM yang terlibat juga telah dijalankan. Selain itu analisis juga telah dijalankan terhadap Laporan Statistik Guaman Sivil yang dikeluarkan oleh Jabatan Undang-undang.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati pada umumnya, pengurusan guaman sivil perlu dipertingkatkan memandangkan prestasi terhadap penyelesaian kes guaman sivil dan pungutan cukai tertunggak masih kurang memuaskan. Walaupun LHDNM mempunyai perundangan dan peraturan yang mencukupi tetapi pematuhan terhadapnya masih kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah kutipan bayaran balik tunggakan cukai berjumlah RM3.09 juta mengambil masa antara 56 hingga 5,193 hari (14 tahun). Di samping itu di peringkat sebelum penghakiman, berlaku kelewatan dalam mendaftar saman di mahkamah; kelewatan menyerahkan saman kepada pembayar cukai dan kelewatan memfailkan *afidavit* penyampaian saman di mahkamah. Manakala di peringkat selepas penghakiman diperolehi, wujud kelemahan seperti penghakiman bersih lewat dihantar ke mahkamah untuk dimeterai; tindakan lewat diambil serta tiada tindakan selepas surat tuntutan dan penghakiman bersih dihantar kepada pembayar cukai; perintah pelaksanaan tidak dapat dijalankan; Notis Kebankrapan tidak dapat diserahkan kepada pembayar cukai dan penyampaian ganti tidak dibuat; *afidavit* penyerahan Notis Kebankrapan lewat difailkan ke mahkamah serta tindakan penggulungan tidak dibuat walaupun Notis Tuntutan Bayaran telah diserahkan kepada pembayar cukai. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan LHDNM adalah seperti di perenggan berikut:

7.4.1. Prestasi Unit Undang-Undang Secara Keseluruhan

7.4.1.1. Analisis terhadap Laporan Statistik Guaman Sivil mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, Unit Guaman Sivil di 35 Cawangan LHDNM telah dapat menyelesaikan 38,097 saman dengan tunggakan cukai berjumlah RM3.54 bilion. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.2
PRESTASI PENGENDALIAN SAMAN OLEH UNIT UNDANG-UNDANG
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

TAHUN	SAMAN DALAM TANGAN (Kedudukan Akhir Tahun)		SAMAN SELESAI			SAMAN BELUM SELESAI (Kedudukan Akhir Tahun)	
	BIL.	JUMLAH TUNTUTAN (RM Juta)	BIL.	JUMLAH TUNTUTAN (RM Juta)	PERATUSAN KES SELESAI (%)	BIL.	JUMLAH TUNTUTAN (RM Juta)
2008	35,459	5,795.50	10,115	1,884.21	28.5	25,344	3,911.29
2009	31,858	3,753.94	13,225	674.91	41.5	18,633	3,079.03
2010	30,894	4,367.05	14,757	983.84	47.8	16,137	3,383.21
JUMLAH			**38,097**	**3,542.96**			

7.4.1.2. Analisis Audit selanjutnya terhadap laporan statistik kes guaman sivil di LHDNM mendapati perkara berikut:

a. Kategori Saman Selesai

Walaupun LHDNM telah dapat menyelesaikan 38,097 kes dengan tunggakan berjumlah RM3.54 bilion bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, namun ia hanya dapat mengutip balik tunggakan cukai berjumlah RM260.07 juta (7.3%) melalui 4,716 (12.4%) saman. Sebanyak 14,992 saman berjumlah RM646.69 juta telah ditarik balik kerana tindakan tidak dapat diteruskan disebabkan pembayar cukai telah meninggal dunia atau kesilapan rekod LHDNM pada nama pembayar cukai, amaun cukai terhutang dan amaun bayaran ansuran. Sebanyak 377 kes dengan tunggakan cukai berjumlah RM23.50 juta telah dihapus kira atau cukai dikurangkan kepada tiada selepas pembayar cukai membuat rayuan. Manakala 18,012 kes berjumlah RM2.61 bilion adalah di peringkat tindakan selepas penghakiman diperolehi iaitu kebankrapan atau penggulungan syarikat. Bagaimanapun tunggakan cukai berjumlah RM646.69 juta daripada kes ditarik balik dan RM2.61 bilion dari peringkat penghakiman diperolehi masih boleh dikutip balik oleh LHDNM. Butirannya adalah seperti di **Jadual 7.3**. *Mengikut maklum balas LHDNM, tunggakan cukai berjumlah RM260.07 juta tidak menggambarkan jumlah pungutan sebenar LHDNM kerana jumlah tersebut hanya merujuk kepada penyelesaian bayaran penuh sahaja. Apabila pembayar cukai hanya membuat pembayaran bagi sebahagian jumlah tuntutan, pembayaran ini tidak diambil kira sebagai satu penyelesaian yang termasuk dalam kategori "saman selesai". Selain itu, tunggakan saman juga berlaku kerana pembayar cukai mempertikai taksiran atau dalam proses merayu untuk bayaran secara ansuran. Penangguhan saman juga dibenarkan sekiranya skim bayaran secara ansuran dipersetujui oleh LHDNM.*

JADUAL 7.3
SAMAN SELESAI MENGIKUT KATEGORI
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

TAHUN	SAMAN SELESAI		SAMAN SELESAI MENGIKUT KATEGORI				
	BILANGAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)	KATEGORI	BAYARAN PENUH	CUKAI DIKURANGKAN KEPADA TIADA	KES DITARIK BALIK	PENGHAKIMAN DIPEROLEHI
2008	10,115	1,884.21	Bil. Saman	1,451	135	3,667	4,862
			Jumlah Tunggakan (RM Juta)	130.70	8.41	107.37	1,637.73
2009	13,225	674.91	Bil. Saman	1,564	134	5,495	6,032
			Jumlah Tunggakan (RM Juta)	79.47	6.79	142.84	445.81
2010	14,757	983.84	Bil. Saman	1,701	108	5,830	7,118
			Jumlah Tunggakan (RM Juta)	49.90	8.30	396.48	529.16
JUMLAH	**38,097**	**3,542.96**	**BIL. SAMAN**	**4,716 (12.4%)**	**377 (0.9%)**	**14,992 (39.4%)**	**18,012 (47.3%)**
			JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)	**260.07 (7.3%)**	**23.50 (0.7%)**	**646.69 (18.3%)**	**2,612.70 (73.7%)**

b. Kategori Saman Belum Selesai

i. Pada akhir bulan November 2010, terdapat 15,039 saman berjumlah RM3.32 bilion masih dalam tindakan guaman sivil. Daripada jumlah tersebut, 9,007 saman berjumlah RM2.70 bilion adalah dalam proses mendapatkan penghakiman manakala 6,032 saman berjumlah RM626.96 juta telah mendapat penghakiman dan sedang dalam proses mendapatkan bayaran balik cukai tertunggak seperti yang ditetapkan oleh mahkamah. Analisis Audit mendapati 929 saman berjumlah RM579.45 juta telah tertunggak melebihi 3 hingga 6 tahun dan 706 saman berjumlah RM296.06 juta tertunggak melebihi 6 tahun. Butirannya seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.4
SAMAN (KES) BELUM SELESAI MENGIKUT USIA
SETAKAT BULAN NOVEMBER 2010

PERKARA	TEMPOH (USIA) SAMAN								BAKI SAMAN PADA 30 NOV. 2010	
	< 1 TAHUN		1-3 TAHUN		> 3-6 TAHUN		> 6 TAHUN			
	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
Sebelum Penghakiman	6,009	1,193.39	2,079	805.04	524	417.05	395	282.21	9,007	2,697.69
Selepas Penghakiman	3,267	257.85	2,049	192.86	405	162.40	311	13.85	6,032	626.96
JUMLAH	**9,276**	**1,451.24**	**4,128**	**997.90**	**929**	**579.45**	**706**	**296.06**	**15,039**	**3,324.65**

ii. Analisis Audit selanjutnya mendapati Unit Undang-undang, Cawangan Pungutan Kuala Lumpur mengendalikan saman tertunggak yang tertinggi iaitu 2,960 saman (19.7% daripada bilangan keseluruhan saman tertunggak) berjumlah RM2.59 bilion (78.0% daripada jumlah keseluruhan amaun saman tertunggak). Unit Undang-undang, Cawangan Pungutan Kuala Lumpur juga mempunyai saman tertunggak melebihi 3 tahun yang tertinggi iaitu 392 saman berjumlah RM519.08 juta melebihi 3 hingga 6 tahun dan 428 saman berjumlah RM293.22 juta melebihi 6 tahun.

iii. *Berdasarkan maklum balas LHDNM, Unit Undang-undang Cawangan Pungutan Kuala Lumpur telah mengambil tindakan terhadap sebahagian besar kes tetapi tindakan tersebut tidak dikemaskinikan kerana kekangan pegawai dan tiada sistem pemantauan yang dibangunkan sebelum ini. Selain itu, tunggakan saman juga berlaku kerana pembayar cukai mempertikai taksiran atau dalam proses merayu untuk bayaran secara ansuran. Penangguhan saman juga dibenarkan sekiranya skim bayaran secara ansuran dipersetujui oleh LHDNM.*

7.4.2. Bayaran Tunggakan Cukai

7.4.2.1. Semakan Audit terhadap 750 saman dengan lejer pembayar cukai sehingga 31 Oktober 2010 mendapati 95 saman melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM5.74 juta telah diselesaikan sama ada melalui bayaran sekaligus, ansuran, kurangan yang diluluskan atau dihapus kira. Bagi 265 saman, didapati pembayar cukai telahpun menyelesaikan sebahagian tunggakan cukai berjumlah RM38.10 juta. Manakala bagi 390 saman pula, pembayar cukai tidak membuat bayaran tunggakan cukai sejumlah RM153.38 juta sejak kes didaftarkan di Unit Undang-undang. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.5
TUNGGAKAN CUKAI DAN BAYARAN BALIK

CAWANGAN LHDNM	KES DISEMAK			PEMBAYAR CUKAI TIADA MEMBUAT BAYARAN TUNGGAKAN CUKAI		PEMBAYAR CUKAI TELAH SELESAI SEBAHAGIAN TUNGGAKAN CUKAI		TUNGGAKAN CUKAI DISELESAIKAN	
	PERINGKAT	BIL. KES	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)	BIL. KES	(RM Juta)	BIL. KES	(RM Juta)	BIL. KES	(RM Juta)
Pungutan Kuala Lumpur	Sebelum Penghakiman	58	37.12	30	25.59	19	1.92	9	1.76
	Selepas Penghakiman	55	198.12	37	115.57	10	33.98	8	2.39
Jalan Duta	Sebelum Penghakiman	34	2.14	29	1.69	4	0.14	1	0.11
	Selepas Penghakiman	53	5.25	35	4.00	16	0.57	2	0.04
Kangar	Sebelum Penghakiman	24	0.96	8	0.24	6	0.23	10	0.27
	Selepas Penghakiman	26	0.19	7	0.03	18	0.04	1	0.01

CAWANGAN LHDNM	KES DISEMAK			PEMBAYAR CUKAI TIADA MEMBUAT BAYARAN TUNGGAKAN CUKAI		PEMBAYAR CUKAI TELAH SELESAI SEBAHAGIAN TUNGGAKAN CUKAI		TUNGGAKAN CUKAI DISELESAIKAN	
	PERINGKAT	BIL. KES	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI						
			(RM Juta)	BIL. KES	(RM Juta)	BIL. KES	(RM Juta)	BIL. KES	(RM Juta)
Sg. Petani	Sebelum Penghakiman	78	1.21	31	0.50	43	0.19	4	0.03
	Selepas Penghakiman	22	1.65	18	1.29	4	0.09	0	0.00
Bukit Mertajam	Sebelum Penghakiman	67	1.07	40	0.84	16	0.04	11	0.09
	Selepas Penghakiman	83	3.65	44	1.69	31	0.30	8	0.20
Melaka	Sebelum Penghakiman	30	0.37	16	0.21	9	0.04	5	0.05
	Selepas Penghakiman	70	1.13	31	0.34	32	0.25	7	0.10
Kota Bharu	Sebelum Penghakiman	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00
	Selepas Penghakiman	150	3.98	64	1.39	57	0.31	29	0.69
Jumlah	Sebelum Penghakiman	291	42.87	154	29.07	97	2.56	40	2.31
	Selepas Penghakiman	459	213.97	236	124.31	168	35.54	55	3.43
JUMLAH		**750**	**256.84**	**390**	**153.38**	**265**	**38.10**	**95**	**5.74**

7.4.2.2. Tempoh Penyelesaian Tunggakan

a. Semakan Audit terhadap tarikh pendaftaran saman hingga tarikh akhir bayaran setakat 31 Oktober 2010 mendapati sebanyak 55 kes tunggakan cukai berjumlah RM3.43 juta di peringkat selepas penghakiman diperolehi telah diselesaikan dalam masa antara 56 hingga 5,193 hari (14 tahun). Tunggakan cukai berjumlah RM3.09 juta telah dapat dikutip sepenuhnya daripada 52 pembayar cukai. Manakala taksiran kurangan telah dikeluarkan melibatkan 2 pembayar cukai berjumlah RM11,170. Selain itu, tunggakan cukai berjumlah RM0.33 juta telah dihapus kira daripada seorang pembayar cukai. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.6
TEMPOH PENYELESAIAN KESEMUA TUNGGAKAN CUKAI

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES	TEMPOH BAYARAN (Hari)	KATEGORI PENYELESAIAN TUNGGAKAN CUKAI			JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI DISELESAIKAN (RM Juta)
			BAYARAN PENUH (RM Juta)	TAKSIRAN KURANGAN (RM)	HAPUS KIRA (RM Juta)	
Pungutan Kuala Lumpur	8	226 - 5,193	2.06	-	0.33	2.39
Jalan Duta	2	718 - 1,839	0.04	-	-	0.04
Kangar	1	845	0.01	-	-	0.01

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES	TEMPOH BAYARAN (Hari)	KATEGORI PENYELESAIAN TUNGGAKAN CUKAI			JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI DISELESAIKAN (RM Juta)
			BAYARAN PENUH (RM Juta)	TAKSIRAN KURANGAN (RM)	HAPUS KIRA (RM Juta)	
Bukit Mertajam	8	360 - 2,716	0.20	5,012	-	0.20
Melaka	7	819 - 2,323	0.10	-	-	0.10
Kota Bharu	29	56 - 1,495	0.68	6,158	-	0.69
JUMLAH	**55**	**56 - 5,193**	**3.09**	**11,170**	**0.33**	**3.43**

b. Adalah didapati di peringkat selepas penghakiman diperolehi, seramai 168 pembayar cukai telah membayar sebahagian daripada tunggakan cukai mereka yang berjumlah RM35.54 juta. Tempoh bayaran adalah antara 33 hingga 7,357 hari (20 tahun). Butirannya adalah seperti di **Jadual 7.7**. Semakan Audit selanjutnya terhadap tindakan guaman sivil mendapati 4 pembayar cukai syarikat telah digulungkan manakala 12 pembayar cukai individu telah dibankrapkan.

JADUAL 7.7
TEMPOH PENYELESAIAN SEBAHAGIAN TUNGGAKAN CUKAI

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES	TEMPOH BAYARAN SEBAHAGIAN TUNGGAKAN CUKAI (Hari)	JUMLAH SEBAHAGIAN TUNGGAKAN CUKAI DISELESAIKAN (RM Juta)
Pungutan Kuala Lumpur	10	73 - 3,510	33.98
Jalan Duta	16	227 - 2,008	0.57
Kangar	18	120 - 1,693	0.04
Sg. Petani	4	155 - 1,619	0.09
Bukit Mertajam	31	194 - 2,988	0.30
Melaka	32	102 - 1,957	0.25
Kota Bharu	57	33 - 7,357	0.31
JUMLAH	**168**	**33 - 7,357**	**35.54**

c. Sebanyak 236 daripada 390 pembayar cukai tidak menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM124.31 juta sejak kes didaftarkan di Unit Undang-undang. Tempoh masa tunggakan cukai tersebut tidak dapat dipungut adalah antara 56 hingga 8,524 hari (23 tahun). Butirannya adalah seperti di **Jadual 7.8**. Semakan Audit selanjutnya mendapati 25 pembayar cukai syarikat telah digulungkan dan 56 pembayar cukai individu telah dibankrapkan oleh LHDNM dan pihak lain. Jumlah tunggakan cukai yang terlibat adalah RM57.71 juta.

JADUAL 7.8
TEMPOH TIADA BAYARAN

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES	TEMPOH TIADA BAYARAN (Hari)	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI BELUM DIJELASKAN (RM Juta)
Pungutan Kuala Lumpur	37	161 - 8,524	115.57
Jalan Duta	35	590 - 3,304	4.00
Kangar	7	483 - 966	0.03
Sg. Petani	18	466 - 4,202	1.29
Bukit Mertajam	44	251 - 2,987	1.69
Melaka	31	343 - 2,411	0.34
Kota Bharu	64	56 - 4,825	1.39
JUMLAH	**236**	**56 - 8,524**	**124.31**

d. *Berdasarkan maklum balas LHDNM, kelewatan bagi tempoh penyelesaian tunggakan adalah kerana proses kerja yang panjang di peringkat melaksanakan perintah pelaksanaan, saman penghutang penghakiman, notis kebankrapan, notis tuntutan bayaran, petisyen penggulungan dan bukti hutang.*

7.4.2.3. Kelewatan Mendaftar Saman Di Mahkamah

Mengikut Pekeliling Operasi Bil. 6 Tahun 1998 dalam Arahan Tindakan Guaman Sivil, Unit Guaman Sivil perlu mendaftar saman di mahkamah dalam tempoh 7 hari dari tarikh Penyata Kedudukan Tunggakan Cukai (Borang X/C/18) diterima. Mengikut Manual Prosedur Kerja Unit Undang-undang, Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, mulai Januari 2010, tempoh bagi mendaftar saman di mahkamah telah dilanjutkan sehingga 37 hari. Semakan Audit terhadap 750 saman mendapati 548 (73.1%) saman telah lewat didaftarkan di mahkamah antara 5 hingga 1,476 hari (4 tahun) di mana 26 saman mengambil masa antara 366 hingga 1,476 hari. Jumlah cukai yang tertunggak bagi saman ini adalah RM120.12 juta. Kelewatan mendaftar saman di mahkamah akan mengakibatkan kelewatan mengutip balik bayaran tunggakan cukai. Butirannya adalah seperti di **Jadual 7.9**. *Berdasarkan maklum balas LHDNM, antara faktor berlaku kelewatan pendaftaran saman di mahkamah ialah tindakan pemfailan saman ditangguhkan kerana rayuan pembayaran secara ansuran; rayuan penyelesaian secara global; rayuan taksiran melalui Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan/Kementerian Kewangan dan kekangan pegawai LHDNM. Selain itu, terdapat kes di mana berlaku pertukaran alamat syarikat menyebabkan saman baru perlu disediakan.*

JADUAL 7.9
KELEWATAN MENDAFTAR SAMAN DI MAHKAMAH

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES DISEMAK	BIL. KES LEWAT DIDAFTAR	BIL. KES MENGIKUT TEMPOH KELEWATAN				JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
			5 - 365 HARI	366 - 730 HARI	731 - 1,095 HARI	MELEBIHI 1,095 HARI	
Pungutan Kuala Lumpur	113	74	66 (10 - 331)	1 (632)	-	7 (1,117 - 1,476)	106.10
Jalan Duta	87	58	52 (7 - 315)	5 (374 - 501)	1 (1,090)	-	3.37
Kangar	50	21	20 (5 - 255)	1 (380)	-	-	0.70
Sg. Petani	100	86	79 (9 - 362)	6 (395 - 615)	1 (932)	-	2.31
Bukit Mertajam	150	130	128 (8 - 340)	2 (366 - 396)	-	-	3.98
Melaka	100	92	92 (5 - 354)	-	-	-	1.16
Kota Bharu	150	87	85 (6 - 336)	1 (386)	1 (928)	-	2.50
JUMLAH	**750**	**548**	**522**	**16**	**3**	**7**	**120.12**

7.4.2.4. Kelewatan Penyerahan Saman Kepada Pembayar Cukai

Mengikut Pekeliling Operasi Bil. 6 Tahun 1998 dalam Arahan Tindakan Guaman Sivil, saman perlu diserahkan kepada pembayar cukai sekurang-kurangnya 3 serahan percubaan termasuk temu duga bagi individu atau ke alamat syarikat berkenaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pendaftarannya di mahkamah. Semakan Audit terhadap 750 saman mendapati 151 (20.1%) saman yang melibatkan tunggakan cukai RM51.48 juta telah lewat diserahkan kepada pembayar cukai antara 5 hingga 972 hari. Antara sebab saman lewat diserahkan adalah kerana pembayar cukai telah berpindah ke alamat lain atau pembayar cukai tidak dapat dikesan. Kelewatan menyerahkan saman ini menyebabkan tunggakan cukai tidak dapat dipungut dengan lebih awal. Butirannya adalah seperti di **Jadual 7.10**. *Berdasarkan maklum balas LHDNM, kelewatan berlaku di peringkat mahkamah untuk mengembalikan saman bermeterai kepada LHDNM sebelum ianya boleh diserahkan kepada pembayar cukai.*

JADUAL 7.10
KELEWATAN PENYERAHAN SAMAN KEPADA PEMBAYAR CUKAI

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES SAMAN LEWAT DISERAH KEPADA PEMBAYAR CUKAI	BIL. KES MENGIKUT TEMPOH KELEWATAN			JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
		5 - 365 HARI	366 - 730 HARI	MELEBIHI 730 HARI	
Pungutan Kuala Lumpur	16	16 (6 - 199)	-	-	45.04
Jalan Duta	28	26 (13 - 329)	1 (141)	1 (972)	3.46
Sg. Petani	30	30 (15 - 239)	-	-	0.74
Bukit Mertajam	41	41 (5 - 280)	-	-	1.77

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES SAMAN LEWAT DISERAH KEPADA PEMBAYAR CUKAI	BIL. KES MENGIKUT TEMPOH KELEWATAN			JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
		5 - 365 HARI	366 - 730 HARI	MELEBIHI 730 HARI	
Melaka	17	17 (10 - 321)	-	-	0.19
Kota Bharu	19	18 (6 - 120)	1 (374)	-	0.28
JUMLAH	**151**	**148**	**2**	**1**	**51.48**

7.4.2.5. Kelewatan Memfailkan *Afidavit* Penyampaian Saman Di Mahkamah

Afidavit penyampaian saman hendaklah difailkan di mahkamah dalam tempoh 14 hari selepas saman diserahkan. Semakan Audit terhadap 750 saman mendapati berlaku kelewatan terhadap 164 saman dalam memfailkan *afidavit* penyampaian saman di mahkamah antara 5 hingga 385 hari. Jumlah cukai tertunggak adalah RM125.80 juta. Kelewatan memfailkan *afidavit* penyampaian saman di mahkamah akan melambatkan penyediaan bagi mendapatkan penghakiman. Butirannya adalah seperti di **Jadual 7.11**. *Berdasarkan maklum balas LHDNM, kelewatan adalah disebabkan kekangan pegawai LHDNM, pemantauan kes secara manual dan kelewatan dalam proses mengangkat sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah yang juga sibuk dengan tugasan lain iaitu mengendalikan tugas-tugas menyemak saman.*

JADUAL 7.11
KELEWATAN MEMFAILKAN *AFIDAVIT* PENYAMPAIAN SAMAN DI MAHKAMAH

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES *AFIDAVIT* LEWAT DIFAIL	BIL. KES MENGIKUT TEMPOH KELEWATAN		JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
		5 - 365 HARI	MELEBIHI 365 HARI	
Pungutan Kuala Lumpur	64	63 (5 - 341)	1 (385)	120.25
Jalan Duta	57	57 (7 - 270)	-	4.72
Sg. Petani	9	9 (15 - 45)	-	0.14
Bukit Mertajam	25	25 (5 - 82)	-	0.56
Melaka	6	6 (8 - 25)	-	0.08
Kota Bharu	3	3 (8 - 15)	-	0.05
JUMLAH	**164**	**163**	**1**	**125.80**

7.4.2.6. Penghakiman Bersih

a. Tempoh Masa Penghakiman Bersih Dihantar Ke Mahkamah Untuk Dimeterai

Fail Meja Tindakan Guaman Sivil tidak menetapkan tempoh masa untuk menghantar penghakiman bersih untuk dimeterai. Semakan Audit mendapati

4 cawangan yang melibatkan 87 kes mengambil masa antara 6 hingga 632 hari untuk menghantar penghakiman bersih ke mahkamah untuk dimeterai dari tarikh draf penghakiman diluluskan oleh mahkamah. Tunggakan cukai yang terlibat adalah berjumlah RM58.35 juta. Tempoh masa yang lama diambil boleh menyebabkan perintah penghakiman lewat diperolehi dan tindakan selepas hukuman akan lewat dilaksanakan. Ini seterusnya menyebabkan tunggakan cukai lewat dikutip balik. Butirannya adalah seperti di **Jadual 7.12**. *Berdasarkan maklum balas LHDNM, kelewatan adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti kekangan pegawai LHDNM; pemantauan kes yang dibuat secara manual dan berlaku kelewatan mengemaskini tindakan dalam Sistem Taksir Sendiri (STS) yang dibangunkan untuk pemantauan bagi kes syarikat.*

JADUAL 7.12
TEMPOH MASA PENGHAKIMAN BERSIH
DIHANTAR KE MAHKAMAH UNTUK DIMETERAI

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES	BIL. KES MENGIKUT TEMPOH MASA			JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM)
		6 - 365 HARI	366 - 730 HARI	MELEBIHI 730 HARI	
Pungutan Kuala Lumpur	10	10 (15 - 341)	-	-	55,297,648
Jalan Duta	18	16 (10 - 161)	2 (408 - 632)	-	1,340,737
Sg. Petani	1	1 (67)	-	-	7,167
Bukit Mertajam	58	57 (6 - 330)	1 (512)	-	1,699,981
JUMLAH	**87**	**84**	**3**	**1**	**58,345,533**

b. Tindakan Lewat Diambil Selepas Surat Tuntutan Dan Penghakiman Bersih Dihantar Kepada Pembayar Cukai

Fail Meja Tindakan Guaman Sivil telah menetapkan pembayar cukai individu diberi tempoh selama sebulan, manakala syarikat diberi tempoh selama 3 bulan untuk membuat bayaran selepas surat tuntutan dan penghakiman bersih dihantar. Selepas tempoh tersebut tamat, tindakan selepas penghakiman perlu diambil terhadap pembayar cukai yang gagal membayar balik tunggakan cukai. Semakan Audit mendapati 178 kes di mana pembayar cukai telah gagal membuat bayaran dalam tempoh yang diberi dan tindakan selepas penghakiman juga lewat diambil oleh pihak Unit Undang-undang. Tunggakan cukai terlibat berjumlah RM22.83 juta. Daripada jumlah saman tersebut, didapati 87 kes lewat diambil tindakan antara 371 hingga 3,212 hari (9 tahun). Butirannya adalah seperti di **Jadual 7.13**. *Berdasarkan maklum balas daripada LHDNM, antara sebab kelewatan adalah kekangan pegawai LHDNM, pembayar cukai telah berpindah/*

meninggal dunia, syarikat tidak lagi beroperasi, LHDNM memberi laluan bagi rayuan pembayaran cukai secara ansuran/rayuan penyelesaian secara global dan rayuan taksiran melalui Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan/ Kementerian Kewangan serta Perintah Penggulungan/Kebankrapan oleh pihak ketiga.

JADUAL 7.13
TINDAKAN LEWAT DIAMBIL SELEPAS SURAT TUNTUTAN DAN PENGHAKIMAN BERSIH DIHANTAR KEPADA PEMBAYAR CUKAI

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES TERLIBAT	BIL. KES MENGIKUT TEMPOH KELEWATAN				JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
		10 - 365 HARI	365 - 730 HARI	731 - 1,095 HARI	MELEBIHI 1,095 HARI	
Pungutan Kuala Lumpur	10	9 (6 - 326)	-	-	1 (3,212)	17.40
Jalan Duta	10	5 (78 - 243)	5 (389 - 596)	-	-	0.54
Sg. Petani	11	11 (62 - 337)	-	-	-	0.21
Bukit Mertajam	81	48 (5 - 360)	17 (377 - 721)	9 (734 - 1,039)	7 (1,181 - 1,824)	3.55
Melaka	60	16 (118 - 350)	21 (371 - 718)	7 (766 - 1,082)	16 (1,105 - 1,985)	1.01
Kota Bharu	6	2 (261 - 299)	4 (515 - 690)	-	-	0.12
JUMLAH	**178**	**91 (6 - 360)**	**47 (371 - 721)**	**16 (734 - 1,082)**	**24 (1,105 - 3, 212)**	**22.83**

c. Tiada Tindakan Diambil Selepas Surat Tuntutan Dan Penghakiman Bersih Dihantar Kepada Pembayar Cukai

Sehingga tarikh pengauditan, semakan Audit mendapati tiada tindakan diambil ke atas 44 kes selepas surat tuntutan dan penghakiman bersih dihantar kepada pembayar cukai yang melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM4.46 juta. Daripada 44 kes tersebut, sebanyak 18 kes telah melebihi 1 tahun iaitu antara 400 hingga 2,195 hari (6 tahun). Butirannya adalah seperti di **Jadual 7.14**. *Berdasarkan maklum balas LHDNM, antara sebab kelewatan adalah kerana kekangan pegawai LHDNM, pembayar cukai telah berpindah/meninggal dunia, syarikat tidak lagi beroperasi, memberi laluan bagi rayuan pembayaran cukai secara ansuran/rayuan penyelesaian secara global dan rayuan taksiran melalui Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan/Kementerian Kewangan dan Perintah Penggulungan/ Kebankrapan oleh pihak ketiga.*

JADUAL 7.14
TIADA TINDAKAN DIAMBIL SELEPAS SURAT TUNTUTAN DAN PENGHAKIMAN BERSIH DIHANTAR KEPADA PEMBAYAR CUKAI

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES TERLIBAT	BIL. KES DAN TEMPOH KELEWATAN HINGGA TARIKH PENGAUDITAN				JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
		64 - 365 HARI	366 - 730 HARI	731 - 1,095 HARI	MELEBIHI 1,095 HARI	
Pungutan Kuala Lumpur	1	-	1 (514)	-	-	3.59
Jalan Duta	9	2 (115 - 269)	4 (498 - 628)	2 (731 - 774)	1 (1,158)	0.19
Kangar	5	3 (121 - 152)	-	2 (758 - 780)	-	0.12
Sg. Petani	3	-	3 (444 - 548)	-	-	0.06
Bukit Mertajam	26	21 (64 - 347)	4 (400 - 647)	-	1 (2,195)	0.50
JUMLAH	**44**	**26 (64 - 347)**	**12 (400 - 647)**	**4 (731 - 780)**	**2 (1,158 - 2,195)**	**4.46**

7.4.2.7. Perintah Pelaksanaan Tidak Dapat Dijalankan

Selepas Perintah Pelaksanaan diperolehi daripada mahkamah, pelaksanaan *writ* penyitaan dan penjualan aset pembayar cukai perlu dijalankan mengikut tarikh yang ditetapkan dalam perintah pelaksanaan tersebut dengan bantuan pihak mahkamah. Menurut Fail Meja Tindakan Guaman Sivil, sekiranya bayaran masih tidak dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyitaan, maka aset tersebut akan dijual secara lelong. Semakan Audit mendapati Perintah Pelaksanaan bagi 33 kes tidak dapat dilaksanakan yang melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM0.76 juta. Butirannya adalah seperti di **Jadual 7.15**. *Berdasarkan maklum balas LHDNM, Perintah Pelaksanaan tidak dapat dijalankan kerana pembayar cukai tidak mempunyai aset bernilai untuk dilelong, telah meninggal dunia, tidak dapat dikesan dan permohonan rayuan ansuran oleh pembayar cukai sama ada di mahkamah atau LHDNM dipersetujui.*

JADUAL 7.15
PERINTAH PELAKSANAAN TIDAK DAPAT DIJALANKAN

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES TERLIBAT	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM)
Jalan Duta	7	127,257
Sg. Petani	9	168,269
Bukit Mertajam	13	429,773
Melaka	2	6,036
Kota Bharu	2	31,511
JUMLAH	**33**	**762,846**

7.4.2.8. Penyampaian Ganti Tidak Dibuat Bagi Kes Notis Kebankrapan

Mengikut Pekeliling Operasi Bil. 6 Tahun 1998 dalam Arahan Tindakan Guaman Sivil, Notis Kebankrapan yang telah dimeterai oleh mahkamah hendaklah diserahkan kepada pembayar cukai dalam tempoh sah laku notis iaitu 3 bulan. Sehingga tarikh pengauditan, semakan Audit mendapati Notis Kebankrapan untuk 12 kes tidak dapat diserahkan kepada pembayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan dan penyampaian ganti tidak dibuat. Jumlah tunggakan cukai terlibat adalah RM2.94 juta. Tempoh kelewatan adalah antara 118 hingga 1,104 hari. Butirannya adalah seperti di **Jadual 7.16**. *Berdasarkan maklum balas LHDNM, Notis Kebankrapan tidak dapat diserahkan kepada pembayar cukai dan penyampaian ganti tidak dibuat kerana pembayar cukai tiada di premis semasa serahan, Notis Kebankrapan sudah hampir tamat tempoh dan pemfailan semula notis tersebut perlu dibuat serta Notis Kebankrapan lewat diterima daripada mahkamah.*

JADUAL 7.16
PENYAMPAIAN GANTI TIDAK DIBUAT BAGI KES NOTIS KEBANKRAPAN

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES TERLIBAT	BIL. KES DAN TEMPOH KELEWATAN HINGGA TARIKH PENGAUDITAN				JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
		118 - 365 HARI	366 - 730 HARI	731 - 1,095 HARI	MELEBIHI 1,095 HARI	
Jalan Duta	1	1 (118)	-	-	-	1.36
Sg. Petani	1	-	-	1 (824)	-	0.03
Bukit Mertajam	10	3 (234 - 306)	1 (521)	5 (826 - 839)	1 (1,104)	1.55
JUMLAH	**12**	**4 (118 - 306)**	**1 (521)**	**6 (824 - 839)**	**1 (1,104)**	**2.94**

7.4.2.9. *Afidavit* Penyerahan Notis Kebankrapan Lewat Difailkan Ke Mahkamah

Mengikut Pekeliling Operasi Bil. 6 Tahun 1998 dalam Arahan Tindakan Guaman Sivil, *Afidavit* Penyerahan hendaklah difailkan di mahkamah dalam tempoh 7 hari dari tarikh serahan Notis Kebankrapan. *Afidavit* ini perlu disediakan bagi membuktikan bahawa serahan Notis Kebankrapan telah dilakukan pada tarikh yang dinyatakan dan disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah. *Afidavit* ini diperlukan sebagai dokumen bukti atau eksibit bagi tindakan yang selanjutnya. Semakan Audit mendapati 13 kes yang melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM1.11 juta tidak memfailkan *afidavit* di mahkamah dalam tempoh 7 hari dari tarikh serahan. Tempoh kelewatan adalah antara 7 hingga 48 hari. Butirannya adalah seperti di **Jadual 7.17**. *Berdasarkan maklum balas LHDNM, kelewatan adalah disebabkan oleh kekangan pegawai, pemantauan kes secara manual dan kelewatan dalam proses mengangkat sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah yang juga sibuk dengan tugasan lain iaitu mengendalikan tugas-tugas menyemak saman.*

JADUAL 7.17
***AFIDAVIT* PENYERAHAN NOTIS KEBANKRAPAN**
LEWAT DIFAILKAN KE MAHKAMAH

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES TERLIBAT	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
Jalan Duta	5	8 - 34	0.70
Bukit Mertajam	5	8 - 48	0.18
Kota Bharu	3	7 - 19	0.23
JUMLAH	**13**	**7 - 48**	**1.11**

7.4.2.10. Tindakan Penggulungan Tidak Dilaksanakan

Tindakan penggulungan hendaklah diteruskan terhadap pembayar cukai yang masih gagal menyelesaikan jumlah tunggakan cukai selepas Notis Tuntutan Bayaran dihantar kepada pembayar cukai. Sehingga tarikh pengauditan, semakan Audit mendapati daripada 6 kes pembayar cukai di Unit Undang-undang, Cawangan Pungutan Kuala Lumpur yang masih belum diambil tindakan penggulungan oleh LHDNM, 3 telah digulungkan oleh pihak ketiga. Tempoh kelewatan pihak LHDNM mengambil tindakan adalah antara 302 hingga 6,671 hari (18 tahun) melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM4.55 juta. *Berdasarkan maklum balas LHDNM, bagi 3 kes tersebut tindakan penggulungan tidak perlu diteruskan kerana syarikat telah digulungkan lebih awal oleh pihak ketiga. Selain itu, kelewatan disebabkan notis tuntutan kedua atau berulangan dikeluarkan kerana ada rundingan bayaran ansuran dan rayuan kepada Kementerian Kewangan. Bagi kes dalam 'receivership' tindakan susulan ditangguhkan sehingga pengesahan kes ditentukan.*

Pada pendapat Audit, kegagalan tindakan pemungutan yang segera telah menyumbang kepada tunggakan cukai yang tinggi dan lama serta perlu dilapor sebagai Akaun Belum Terima (ABT) dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Sehubungan ini, LHDNM perlu mempunyai mekanisme tindakan pemungutan yang segera untuk memastikan pembayar cukai membayar baki cukai mengikut sesuatu tahun taksiran selaras dengan konsep *'pay as you earn'* di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS) dan seterusnya mengurangkan kes tunggakan cukai yang memerlukan tindakan guaman sivil yang melibatkan sumber manusia, masa dan kos. Di samping itu, sungguhpun LHDNM mempunyai peraturan untuk menentukan tindakan yang patut diambil di setiap peringkat pengurusan guaman sivil, tetapi peraturan tersebut tidak dipatuhi sepenuhnya menyebabkan kelewatan mengutip balik tunggakan cukai. Bagi memastikan tidak berlakunya sebarang kelewatan di setiap peringkat pengurusan guaman sivil, adalah disyorkan supaya LHDNM mempertingkatkan mekanisme pemantauan.

Berdasarkan maklum balas LHDNM, kelewatan tindakan yang diambil oleh cawangan adalah disebabkan kekangan pegawai di Unit Undang-undang serta tiada sistem pemantauan yang dibangunkan sebelum ini. Sehubungan ini, LHDNM telah memohon pertambahan jawatan, membangunkan secara berperingkat modul guaman sivil di Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC) dan Sistem Taksir Sendiri Selain Syarikat (STSNC) serta menjalankan pemantauan kes guaman sivil dalam Sistem Pengurusan Hasil (Revenue Management System - ReMS).

7.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan keberkesanan pengurusan guaman sivil, LHDNM adalah disyorkan supaya memberi perhatian terhadap perkara berikut:

7.5.1. Mewujudkan satu sistem maklumat pelaporan pengurusan guaman sivil yang sistematik bagi merekod kedudukan prestasi tindakan guaman sivil yang sebenar di peringkat cawangan dan Ibu Pejabat.

7.5.2. Mempertingkatkan mekanisme pemantauan terhadap tunggakan cukai yang memerlukan tindakan guaman sivil bagi setiap peringkat yang terlibat supaya tidak berlaku sebarang kelewatan.

KEMENTERIAN KEWANGAN

8. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- **PENGURUSAN AKTIVITI AUDIT MEJA BAGI INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN (OG)**

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Sistem percukaian negara bagi individu berpendapatan perniagaan (OG) telah berubah daripada Sistem Taksiran Formal ke Sistem Taksir Sendiri (STS) mulai tahun 2004. STS adalah satu kaedah di mana pembayar cukai diberi tanggungjawab mengira dan membayar cukai sendiri. Manakala fungsi utama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk STS adalah melaksanakan pengauditan cukai. Pengauditan ini dijalankan oleh LHDNM melalui kaedah audit luar dan audit meja.

8.1.2. Audit meja adalah satu proses pengauditan yang dijalankan di pejabat LHDNM bertujuan untuk mengesahkan Borang Nyata Individu Berpendapatan Perniagaan (Borang B) yang diterima. Pengauditan ini dilakukan dengan menyemak dokumen yang diminta daripada pembayar cukai seperti penyata kewangan, penyata pengiraan cukai dan dokumen sokongan bagi memastikan cukai yang diisytiharkan oleh pembayar cukai adalah tepat dan betul. Ia melibatkan pelarasan cukai yang mudah dan dikendalikan melalui surat menyurat. Pembayar cukai terpilih boleh dipanggil ke pejabat LHDNM untuk tujuan temu duga, mendapatkan dokumen sokongan serta maklumat lanjut daripada pembayar cukai.

8.1.3. Secara amnya aktiviti audit meja meliputi pengendalian kes bayaran balik, kes rayuan yang melibatkan taksiran kurangan, taksiran pindaan berdasarkan maklumat yang diterima sama ada daripada pembayar cukai atau pihak ketiga, termasuk pindaan bagi tahun-tahun kebelakangan, taksiran anggaran di bawah seksyen 90(2)/90(2A)/90(3) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, pengeluaran Surat Penyelesaian Cukai bagi kes berhenti kerja, bersara dan sebagainya. Selain itu, ia juga melibatkan aktiviti menyemak dan membangkitkan taksiran tambahan dengan pengenaan penalti bagi kes kurang/gagal melaporkan pendapatan atau membuat tuntutan berlebihan berdasarkan pemeriksaan yang dilakukan terhadap Borang Nyata dan maklumat yang dikemukakan oleh pembayar cukai.

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti audit meja bagi individu berpendapatan perniagaan (OG) telah diuruskan dengan cekap, teratur dan mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini merangkumi 761 pembayar cukai di 6 cawangan iaitu Cawangan Jalan Duta; Ipoh; Seremban; Kota Kinabalu; Johor Bahru dan Wilayah Persekutuan Labuan yang telah dijalankan audit meja dan diselesaikan dalam tahun kalendar 2007 hingga 2009. Semakan Audit telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen yang berkaitan seperti fail audit meja OG, taksiran cukai dan lejar individu di Sistem Taksir Sendiri Selain Syarikat (STSNC) serta sistem aplikasi yang berkaitan seperti *Document Management System* (DMS), *Revenue Management System* (ReMS) dan *Case Management System* (CMS). Analisis terhadap statistik pengagihan dan penyelesaian kes audit meja juga telah dibuat. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai LHDNM di semua peringkat yang terlibat bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan aktiviti audit meja OG mempunyai beberapa kelemahan yang boleh menyebabkan cukai pendapatan lewat/tidak/kurang dipungut. Antara kelemahan tersebut adalah kelewatan dalam menyelesaikan kes audit; pembayar cukai yang masih mempunyai cukai tertunggak tidak dikenakan kenaikan cukai, tidak disekat perjalanan keluar negara dan tidak diambil tindakan guaman sivil serta ketidakpatuhan penggunaan Sistem Pengurusan Kes (Case Management System - CMS). Selain itu, pihak Audit tidak dapat membuat semakan dan analisis terhadap data bagi tahun kalendar 2007 kerana LHDNM gagal mengemukakan maklumat. Bagaimanapun, LHDNM telah mengambil tindakan pembetulan/ penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran daripada pihak Audit. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan LHDNM adalah seperti di perenggan berikut:

8.4.1. Pengurusan Unit Audit Meja OG

8.4.1.1. Prestasi Keseluruhan Audit Meja OG

a. Bagi tahun 2008 dan 2009, Unit Audit Meja OG LHDNM dikehendaki untuk menyelesaikan 608,360 kes cukai individu berpendapatan perniagaan (OG). Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Unit Audit Meja OG hanya berjaya menyelesaikan pengauditan terhadap 449,942 (74%) kes cukai di mana cukai tambahan termasuk penalti berjumlah RM309.44 juta telah dikenakan terhadap pembayar cukai individu berpendapatan perniagaan (OG) di 35 Cawangan LHDNM. Pihak Audit tidak dapat membuat semakan dan analisis terhadap data bagi tahun kalender 2007 kerana LHDNM gagal mengemukakan maklumat. Prestasi penyelesaian kes audit meja OG bagi tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.1
PENYELESAIAN KES UNIT AUDIT MEJA OG TERHADAP PEMBAYAR CUKAI INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN (OG) DI 35 CAWANGAN LHDNM BAGI TEMPOH TAHUN 2008 DAN 2009

TAHUN	BIL. KES PERLU DISELESAIKAN			BIL. KES SELESAI				
	DIAGIHKAN OLEH JABATAN PEMATUHAN	KES TAMBAHAN (Dicadangkan Oleh Cawangan)	JUMLAH	KES CUKAI TAMBAHAN	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN TERMASUK PENALTI (RM Juta)	KES KURANGAN/ BAYARAN BALIK	KES TANPA HASIL	JUMLAH KES SELESAI
	(a)	(b)	[c=(a)+(b)]	(d)	(e)	(f)	(g)	(h)=(d)+(f) + (g)
2008	95,955	14,377	110,332	8,249	41.53	2,514	10,054	20,817
2009	287,123	210,905	498,028	57,816	267.91	2,786	368,523	429,125
JUMLAH	**383,078**	**225,282**	**608,360**	**66,065**	**309.44**	**5,300**	**378,577**	**449,942**

Sumber : Statistik Jabatan Pematuhan

b. Analisis terhadap prestasi keseluruhan 35 cawangan LHDNM bagi tahun 2008 dan 2009 menunjukkan peratusan penyelesaian fail adalah 18.9% dan 110.2% daripada jumlah fail yang perlu diselesaikan. Mulai tahun 2009, LHDNM telah menetapkan 14% fail selesai berbanding fail aktif sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang perlu dicapai oleh LHDNM. Semakan Audit mendapati pencapaian KPI untuk LHDNM bagi tahun 2009 adalah 14.6% dan telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.2
PRESTASI KESELURUHAN PENYELESAIAN KES PEMBAYAR CUKAI INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN (OG) DI 35 CAWANGAN LHDNM BAGI TAHUN 2008 DAN 2009

TAHUN	PEMBAYAR CUKAI INDIVIDU KATEGORI OG AKTIF	BIL. FAIL PERLU DISELESAIKAN (SASARAN CAWANGAN)	BIL. FAIL SELESAI	PERATUSAN FAIL SELESAI (%)	PENCAPAIAN KPI (%)
2008	1,496,204	110,332	20,817	18.9	-
2009	1,771,239	234,301	258,205	110.2	14.6

c. KPI bagi setiap cawangan LHDNM ditentukan berdasarkan kepada bilangan fail aktif, bilangan pegawai dan sasaran minimum (KPI Cawangan). Bagi tahun 2009 sasaran minimum (KPI Cawangan) fail yang diaudit adalah antara 10.6% hingga 31.6%. Adalah didapati Unit Audit Meja OG di Cawangan Johor Bahru, Seremban, Ipoh dan Jalan Duta berjaya melepasi sasaran KPI minimum cawangan yang ditetapkan iaitu antara 12.8% hingga 16.1% manakala pencapaian KPI bagi 2 cawangan lain adalah antara 17.7% dan 22.4%. Selain itu, secara puratanya penyelesaian fail adalah sebanyak 751 fail bagi setiap pegawai dan di bawah paras norma kerja yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan prestasi di cawangan LHDNM yang terlibat adalah tidak memuaskan dari segi pencapaian norma kerja setahun. Butirannya adalah seperti di **Jadual 8.3**. *Mengikut maklum balas LHDNM,*

pengukuran KPI cawangan dalam tahun 2009 tidak mengambil kira faktor kehilangan masa bekerja pegawai audit LHDNM dalam melaksanakan tugas lain selain tugas hakiki. Tambahan pula sistem CMS belum stabil serta arahan Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) supaya kertas kerja audit tidak perlu diisi dengan lengkap mengakibatkan statistik yang dijana melalui CMS tidak begitu tepat. Bagaimanapun mulai tahun 2010, pengukuran KPI yang lebih teliti dan terperinci telah dibuat.

JADUAL 8.3
PRESTASI PENYELESAIAN FAIL AUDIT MEJA BAGI 6 CAWANGAN LHDNM BERBANDING BILANGAN PEGAWAI YANG TERLIBAT BAGI TAHUN 2009

CAWANGAN LHDNM	BILANGAN				NORMA KERJA SETAHUN (FAIL)	PURATA FAIL SELESAI BAGI SETIAP PEGAWAI AUDIT MEJA	SASARAN MINIMUM (KPI) CAWANGAN	PENCAPAIAN KPI
	PEMBAYAR CUKAI INDIVIDU KATEGORI OG /D AKTIF**	FAIL PERLU DISELESAIKAN (SASARAN CAWANGAN)	FAIL SELESAI	PEGAWAI AUDIT MEJA*				
	(a)	(b)	(c)	(d)		(e)=(c)/(d)	(%)	(%)
Jalan Duta	102,359	10,944	13,087	18	950	727	10.7	12.8
Kota Kinabalu	46,232	14,630	10,341	22	950	470	31.6	22.4
Labuan	3,332	843	590	1.25	950	472	25.3	17.7
Ipoh	85,946	9,120	13,076	12	950	1,090	10.6	15.2
Seremban	79,902	11,400	12,877	16	950	805	14.3	16.1
Johor Bahru	142,634	16,744	19,726	23.5	950	839	11.7	13.8
JUMLAH	**460,405**	**63,681**	**69,697**	**92.75**		**751.45*** **		

Sumber : ***Statistik Jabatan Pematuhan***
Nota: ***(*) - Maklumat Cawangan LHDNM***
(**) - Maklumat Jabatan Operasi Cukai
(***) - Purata

8.4.1.2. Kelewatan Penyelesaian Kes

Bagi kes yang diaudit sebelum Standard Kualiti Audit Meja dikeluarkan, Rangka Kerja Audit menyatakan dengan jelas bahawa setiap kes yang diaudit hendaklah diselesaikan dalam tempoh 3 bulan dari permulaan audit dan sekiranya melebihi tempoh tersebut, pembayar cukai hendaklah dimaklumkan. Manakala bagi kes audit yang dimulakan selepas Standard Kualiti Audit Meja dikeluarkan dan berkuat kuasa mulai 19 Ogos 2009, kes yang diaudit hendaklah diselesaikan dalam tempoh 104 hari. Semakan Audit mendapati 621 kes telah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan dengan penyelesaian cukai berjumlah RM12.73 juta. Manakala 49 kes diselesaikan melebihi tempoh yang ditetapkan dengan jumlah penyelesaian cukai RM1.38 juta. Daripada jumlah tersebut, 38 kes dengan jumlah penyelesaian cukai RM1.14 juta adalah tertakluk kepada tempoh yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Audit dengan kelewatan antara 8 hingga 154 hari dan 11 kes pula dengan jumlah penyelesaian RM0.24 juta tertakluk kepada Standard Kualiti Audit Meja dengan kelewatan antara 20 hingga 180 hari. Butirannya adalah seperti di **Jadual 8.4**. *Mengikut maklum*

balas LHDNM, kebanyakan kes yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan adalah melibatkan kes yang perlu diagihkan semula daripada pegawai yang telah bertukar/berpindah unit. Selain itu, ia juga disebabkan faktor lain seperti sistem CMS belum stabil, cawangan dalam proses perpindahan pejabat serta cawangan tidak mematuhi arahan dan polisi yang disediakan oleh JPC. JPC telah memberi teguran kepada cawangan dan pegawai yang terlibat semasa sesi lawatan pemantauan dilaksanakan.

JADUAL 8.4
TEMPOH PENYELESAIAN KES

CAWANGAN LHDNM	KES SELESAI DALAM TEMPOH		KES SELESAI MELEBIHI TEMPOH		
	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	JUMLAH (RM)
Jalan Duta	239	8.45	26 6*	9 - 154 34 - 180*	922,909 169,774*
Kota Kinabalu	56	1.58	3 5*	12 - 152 20 - 156*	115,819 67,840*
Labuan	50	0.32	- -	- -	- -
Ipoh	50	0.44	5 -	8 - 50 -	87,115 -
Seremban	79	0.49	1 -	30 -	45 -
Johor Bahru	147	1.45	3 -	29 - 52 -	11,893 -
JUMLAH	**621**	**12.73**	**38 11***	**8 -154 20 - 180***	**1,137,781 237,614***

Nota: ***(*) - Bagi Kes Yang Diselesaikan Selepas 19 Ogos 2009 Iaitu Setelah Standard Kualiti Audit Meja Mulai Berkuat kuasa***

Pada pendapat Audit, LHDNM hendaklah memastikan setiap kes yang diaudit dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Standard Kualiti Audit Meja bagi mengelak dari berlakunya tunggakan kerja serta kelewatan kutipan hasil Kerajaan.

8.4.2. Pungutan Cukai

8.4.2.1. Cukai Tertunggak Tidak Dikenakan Kenaikan Cukai

Seksyen 103 ACP 1967 menetapkan setiap cukai perlu dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan. Kelewatan atau kegagalan membuat bayaran cukai akan tertakluk kepada kenaikan cukai 10% atau maksimum 15% mengikut tempoh tunggakan cukai. Semakan Audit terhadap 761 lejar pembayar cukai setakat 30 Jun 2010 mendapati 301 (39.5%) pembayar cukai lewat membuat bayaran. Bagaimanapun, hanya 218 pembayar cukai telah dikenakan kenaikan yang ditetapkan. Manakala 83 pembayar cukai dengan amaun tertunggak berjumlah RM1.87 juta tidak dikenakan kenaikan cukai yang melibatkan kenaikan cukai antara RM4 hingga RM25,161. Ketidakpatuhan dalam mengenakan kenaikan

cukai ini secara tidak langsung menyebabkan kekurangan kutipan hasil. Butirannya adalah seperti di **Jadual 8.5**. *Mengikut maklum balas LHDNM, Sistem Pengurusan Hasil (Revenue Management System - ReMS) telah dibangun dan digunakan mulai tahun 2008 untuk pemantauan debit akhir tahun dan mulai bulan Ogos 2009 untuk pemantauan debit semasa. Bagi menjana kes untuk dikenakan tindakan kenaikan secara automatik, data akan di upload ke STS/STSNC untuk semakan kali kedua dan Notis Kenaikan dikeluarkan melalui STS. Pengenaan kenaikan cukai secara automatik dibuat melalui pengeluaran Notis Pemberitahuan cukai pendapatan yang dinaikkan di bawah Seksyen 103 ACP 1967 bagi kes syarikat, koperasi dan badan amanah yang dikenal pasti betul bagi taksiran disifatkan dan taksiran formal yang dibangkitkan dalam tahun 2009 dan kenaikan bagi tahun taksiran 2008 dan tahun taksiran 2009. Seterusnya bagi kes yang tidak dikenakan kenaikan cukai secara automatik, tindakan kenaikan cukai secara manual adalah berdasarkan senarai tunggakan hasil yang dikeluarkan setiap awal tahun. Arahan Operasi Bil. 6 Tahun 2010 telah dikeluarkan kepada cawangan untuk mengambil tindakan mengenakan kenaikan cukai atas baki cukai yang tidak dijelaskan dalam tempoh. Selepas teguran Audit, LHDNM telah mengambil tindakan terhadap kes yang sepatutnya dikenakan kenaikan cukai.*

JADUAL 8.5
KENAIKAN CUKAI TIDAK DIKENAKAN TERHADAP PEMBAYAR CUKAI YANG BELUM MENJELASKAN CUKAI DALAM TEMPOH DITETAPKAN

CAWANGAN LHDNM	BIL. PEMBAYAR CUKAI YANG LEWAT MENJELASKAN CUKAI	KENAIKAN CUKAI TIDAK DIBUAT			BIL. PEMBAYAR CUKAI DIKENAKAN KENAIKAN CUKAI
		BIL. PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH CUKAI BELUM DIJELASKAN (RM)	JULAT KENAIKAN CUKAI PATUT DIKENAKAN (RM)	
Jalan Duta	86	22	984,198	25 - 25,161	64
Kota Kinabalu	134	31	607,170	5 - 11,091	103
Labuan	2	2	2,014	40 -175	0
Ipoh	18	6	139,658	8 - 18,239	12
Seremban	23	9	30,974	4 - 1,877	14
Johor Bahru	38	13	107,420	12 - 1,608	25
JUMLAH	**301**	**83***	**1,871,434**	**4 - 25,161**	**218***

Nota : ***(*) - Terdapat Pembayar Cukai Yang Mempunyai Tunggakan Melebihi Satu Tahun Taksiran***

8.4.2.2. Sekatan Perjalanan Pembayar Cukai

Seksyen 104 ACP 1967 menetapkan Ketua Pengarah LHDNM boleh mengeluarkan perintah halangan keluar negara kepada pembayar cukai yang mempunyai cukai tertunggak melebihi RM500. LHDNM akan menghantar surat perakuan kepada Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia bagi menghalang pembayar cukai daripada keluar negara sebelum menjelaskan cukai tertunggak. Perkara ini adalah ditetapkan dalam Memo Pengarah Jabatan

Pengurusan Hasil bertarikh 15 Disember 2008. Bagaimanapun, penetapan had cukai tertunggak telah dinaikkan kepada RM2,000 melalui Pekeliling Operasi Bil. 9 Tahun 2010 yang berkuat kuasa mulai bulan Mei 2010. Semakan Audit terhadap 54 pembayar cukai yang mempunyai cukai tertunggak berjumlah antara RM576 hingga RM0.51 juta sebelum Pekeliling Operasi Bil. 9 tahun 2010 dikuatkuasakan mendapati tindakan menghalang pembayar cukai daripada keluar negara tidak dibuat terhadap 34 (63%) pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai melebihi RM500 dengan cukai tertunggak keseluruhan berjumlah RM1.73 juta. Manakala 19 pembayar cukai telah dikenakan sekatan perjalanan di bawah Seksyen 104 ACP 1967 dengan cukai tertunggak berjumlah RM0.98 juta. Kegagalan LHDNM menguatkuasakan perintah halangan ini antaranya boleh menyumbang kepada peningkatan tunggakan hasil. Butirannya adalah seperti di **Jadual 8.6**. *Mengikut maklum balas LHDNM, tindakan mengenakan sekatan perjalanan akan dilaksanakan apabila kaedah lain dalam memungut tunggakan cukai tidak berhasil. Bagi kes tunggakan cukai yang dibenarkan secara ansuran, tindakan sekatan mengikut Seksyen 104 ACP 1967 tidak diambil kecuali sekiranya pembayar cukai gagal mematuhi arahan tersebut. Manakala bagi kes yang tidak mempunyai ansuran cukai, surat tuntutan baki cukai telah dikeluarkan kepada pembayar cukai.*

JADUAL 8.6
TINDAKAN MENGHALANG PEMBAYAR CUKAI YANG MEMPUNYAI CUKAI TERTUNGGAK DARIPADA KELUAR NEGARA

CAWANGAN LHDNM	BIL. PEMBAYAR CUKAI BOLEH DIKENAKAN SEKATAN PERJALANAN	JUMLAH CUKAI TERTUNGGAK DAN JULAT (RM)	TINDAKAN SEKATAN KELUAR NEGARA			
			BELUM DIAMBIL TINDAKAN		TELAH DIAMBIL TINDAKAN	
			BIL. KES	JUMLAH TUNGGAKAN TERMASUK KENAIKAN CUKAI (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)
Jalan Duta	29	1,573,655 (4,784 - 208,076)	14	0.83	15	0.74
Kota Kinabalu	10	495,580 (2,122 - 89,552)	8	0.29	2	0.21
Labuan	1*	18,766 (18,766)	0	0.00	0	0.00
Ipoh	3	566,653 (7,613 - 507,084)	3	0.57	0	0.00
Seremban	7	22,959 (576 - 7,993)	7	0.02	0	0.00
Johor Bahru	4	44,560 (3,986 - 15,056)	2	0.02	2	0.03
JUMLAH	**54**	**2,722,173 (576 - 507,084)**	**34**	**1.73**	**19**	**0.98**

Nota : ***(*) - Pembayar Cukai Mempunyai Jadual Bayaran Ansuran***

8.4.2.3. Tindakan Guaman Sivil Terhadap Pembayar Cukai

Seksyen 106 ACP 1967 memperuntukkan apa-apa amaun yang perlu dibayar oleh pembayar cukai adalah merupakan satu hutang kepada Kerajaan dan boleh

dikutip oleh Kerajaan melalui kaedah tindakan guaman sivil. Seksyen ini jelas memberi kuasa kepada LHDNM selaku agen Kerajaan untuk mengutip cukai yang tertunggak melalui tindakan guaman sivil. Arahan Operasi Bil. 6 Tahun 2007 telah dikeluarkan untuk menyeragamkan tindakan guaman sivil dan menetapkan pembayar cukai yang mempunyai tunggakan berjumlah RM2,000 ke atas perlu diambil tindakan permulaan guaman sivil. Semakan Audit terhadap 761 lejar pembayar cukai setakat 30 Jun 2010 mendapati tindakan permulaan guaman sivil tidak diambil terhadap 31 pembayar cukai yang mempunyai cukai tertunggak berjumlah RM1.75 juta iaitu julat tunggakan cukai antara RM2,067 hingga RM0.51 juta termasuk kenaikan cukai. Butirannya adalah seperti di **Jadual 8.7**. *Mengikut maklum balas LHDNM, mulai bulan Oktober 2010, satu sistem komputer bagi kes selain syarikat telah dibangunkan di mana penyediaan penyata kedudukan tunggakan cukai dibuat melalui sistem komputer dan memudahkan penyediaan dokumen berbanding penyediaan secara manual. Manakala bagi kes yang telah dibangkitkan, tindakan mengeluarkan surat pemberitahuan tindakan mahkamah, surat tuntutan cukai tertunggak dan pengemukaan kes untuk tindakan guaman sivil telah dibuat.*

JADUAL 8.7
TINDAKAN PERMULAAN GUAMAN SIVIL TIDAK DIAMBIL TERHADAP PEMBAYAR CUKAI YANG MEMPUNYAI CUKAI TERTUNGGAK MELEBIHI RM2,000

CAWANGAN LHDNM	TINDAKAN GUAMAN SIVIL BELUM DIBUAT	
	BIL. PEMBAYAR CUKAI LAYAK DIKENAKAN TINDAKAN GUAMAN SIVIL	JUMLAH TUNGGAKAN TERMASUK KENAIKAN CUKAI DAN JULAT (RM)
Jalan Duta	10	574,423 (14,413 - 208,076)
Kota Kinabalu	11	553,547 (2,122 - 130,491)
Labuan	1*	18,766 (18,766)
Ipoh	3	566,653 (7,613 - 507,084)
Seremban	4	19,699 (2,067 - 57,993)
Johor Bahru	2	19,042 (3,987 - 15,056)
JUMLAH	**31**	**1,752,130 (2,067 - 507,084)**

Nota : ***(*) - Pembayar Cukai Mempunyai Jadual Bayaran Ansuran***

Pada pendapat Audit, bagi mengelakkan kehilangan hasil Kerajaan dan mengurangkan cukai tertunggak, tindakan pemungutan seperti kenaikan cukai, tindakan menghalang keluar negara dan tindakan pemungutan melalui guaman sivil hendaklah dilaksanakan terhadap pembayar cukai selaras dengan peraturan dan undang-undang cukai pendapatan.

8.4.3. Penggunaan Sistem Pengurusan Kes (Case Management System-CMS)

Sistem Pengurusan Kes (CMS) merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh LHDNM dan diaplikasikan sepenuhnya mulai bulan Januari 2009. Pembangunan sistem ini adalah bertujuan untuk mengagihkan kes untuk diaudit serta memantau penyelesaian kes yang dilaksanakan di peringkat cawangan. Selain itu ianya juga digunakan untuk menilai KPI LHDNM. Arahan dan memo telah dikeluarkan oleh Jabatan Pematuhan Cukai berkenaan dengan penggunaan CMS. Semakan Audit terhadap sampel pembayar cukai yang diaudit dan juga penggunaan sistem ini oleh cawangan mendapati perkara berikut:

8.4.3.1. Maklumat Kes Yang Telah Diaudit Tidak Diinput Ke Dalam CMS

Adalah didapati 429,125 kes selesai diaudit oleh Unit Audit Meja LHDNM pada tahun 2009. Semakan Audit terhadap 644 kes di 6 Cawangan LHDNM mendapati 642 (99.7%) maklumat kes dengan penyelesaian cukai berjumlah RM18.56 juta telah diinput ke dalam CMS. Manakala 2 maklumat kes pula tidak diinput dengan penyelesaian cukai berjumlah RM5,488. Selain itu, laporan manual kes selesai yang disediakan oleh cawangan tidak diterima oleh Jabatan Pematuhan Cukai mulai tahun 2009. Ini boleh memberi kesan kepada ketepatan Laporan KPI dan pelbagai laporan lain yang dijana melalui CMS. Butirannya adalah seperti di **Jadual 8.8**. *Mengikut maklum balas LHDNM, Jabatan Pematuhan Cukai telah mengedarkan beberapa siri Memo berkaitan dengan arahan supaya pegawai audit di cawangan menggunakan CMS dalam menyediakan laporan kerja audit masing-masing. Ketidaktepatan laporan KPI yang dijanakan oleh sistem adalah berpunca daripada ketidakpatuhan cawangan terhadap arahan yang dikeluarkan.*

JADUAL 8.8
KES YANG TELAH DIAUDIT TIDAK DIINPUT
KE DALAM CMS BAGI TAHUN PENGAUDITAN 2009

CAWANGAN LHDNM	BIL.			JUMLAH PENYELESAIAN CUKAI (STSNC) (RM Juta)	BIL. KES TIDAK DIINPUT KE CMS	JUMLAH PENYELESAIAN CUKAI (STSNC) (RM)
	KES SELESAI DIAUDIT OLEH UNIT AUDIT MEJA	KES DIAUDIT OLEH JAN	KES DIINPUT KE CMS			
Jalan Duta	13,087	250	250	12.22	0	0
Kota Kinabalu	10,341	83	82	3.54	1	4,901
Labuan	590	31	31	0.25	0	0
Ipoh	13,076	50	50	0.59	0	0
Seremban	12,877	80	80	0.49	0	0
Johor Bahru	19,726	150	149	1.47	1	587
JUMLAH	**69,697**	**644**	**642**	**18.56**	**2**	**5,488**

Nota : ***JAN - Jabatan Audit Negara*** ***CMS - Case Management System***
STSNC - Sistem Taksir Sendiri Bukan Syarikat

8.4.3.2. Perbezaan Penyelesaian Cukai

CMS mempunyai beberapa kertas kerja yang perlu dimasukkan oleh pegawai audit meja antaranya adalah kertas kerja E dan kertas kerja F. Kertas kerja E merupakan pengiraan cukai dan penentuan jumlah cukai yang perlu dijelaskan oleh pembayar cukai. Manakala kertas kerja F pula merupakan jumlah penyelesaian cukai yang perlu dijelaskan oleh pembayar cukai serta kelulusan penyelesaian kes dibuat. Kedua-dua kertas kerja ini sepatutnya menunjukkan jumlah penyelesaian cukai yang sama. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap kedua-dua kertas kerja ini mendapati perbezaan penyelesaian cukai berjumlah RM1.62 juta bagi 51 pembayar cukai dalam CMS. Butirannya adalah seperti di **Jadual 8.9**. *Mengikut maklum balas LHDNM, CMS tidak stabil dan tidak membenarkan kemasukan data pembetulan dibuat serta kesilapan pengisian data di peringkat perincian kes menyebabkan perbezaan dalam pengiraan cukai. Semakan semula oleh Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) LHDNM mendapati jumlah kes yang mempunyai jumlah penyelesaian yang berbeza adalah disebabkan oleh "bugs" dalam sistem dan pihak JTM sedang mengambil tindakan mengatasinya. Selain itu, maklumat kes diinputkan dalam kertas kerja audit di CMS tanpa maklumat lengkap menyebabkan perbezaan jumlah penyelesaian di kertas kerja audit.*

JADUAL 8.9
PERBEZAAN JUMLAH PENYELESAIAN CUKAI
ANTARA KERTAS KERJA E DAN F DALAM CMS

CAWANGAN LHDNM	BIL. KES DIAUDIT OLEH JAN	BIL. KES MEMPUNYAI PERBEZAAN	JUMLAH PENYELESAIAN CUKAI		
			KERTAS KERJA E (RM)	KERTAS KERJA F (RM)	JUMLAH PERBEZAAN (RM)
	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)=(c)-(d)
Jalan Duta	250	31	(327,153)	1,341,689	(1,668,842)
Kota Kinabalu	83	7	113,783	144,659	(30,876)
Labuan	31	9	2,294	(21,333)	23,627
Ipoh	50	1	TM	3,126	(3,126)
Seremban	80	1	(987)	53	(1,040)
Johor Bahru	150	2	65,042	0.00	65,042
JUMLAH	**644**	**51**	**(147,021)**	**1,468,194**	**(1,615,215)**

Nota : ***JAN - Jabatan Audit Negara*** ***TM - Tiada Maklumat***

8.4.3.3. Perbezaan Statistik Unit Audit Meja OG Di Cawangan LHDNM Dengan Jabatan Pematuhan Cukai

Jabatan Pematuhan Cukai adalah jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan audit di peringkat cawangan di mana statistik berkenaan dengan audit cukai hendaklah dikemukakan oleh cawangan. Dengan pengenalan Sistem Pengurusan Kes (CMS), setiap kes audit hendaklah dimasukkan ke dalam sistem ini dan laporan akan dijanakan oleh sistem

tersebut mengenai bilangan kes yang diagihkan dan bilangan kes yang diselesaikan. Mulai bulan Januari 2009, setiap pegawai audit meja dikehendaki menginput kes yang diaudit ke dalam CMS selaras dengan Arahan Operasi Bil. 3 Tahun 2009. Perbandingan antara statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pematuhan Cukai dan cawangan LHDNM yang terlibat mendapati wujud perbezaan yang ketara. Butirannya adalah seperti di **Jadual 8.10**. *Mengikut maklum balas yang diterima daripada cawangan LHDNM, jumlah kes yang dinyatakan di dalam statistik yang dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara adalah termasuk kes manual kerana bagi tempoh tahun 2009 sistem CMS kurang stabil dan kes tertentu perlu diambil tindakan segera tanpa menggunakan sistem CMS.*

JADUAL 8.10
PERBEZAAN STATISTIK ANTARA UNIT AUDIT OG DI CAWANGAN LHDNM DENGAN JABATAN PEMATUHAN CUKAI

CAWANGAN LHDNM	STATISTIK DIKEMUKAKAN OLEH JABATAN PEMATUHAN		STATISTIK DIKEMUKAKAN OLEH UNIT AUDIT MEJA OG DI CAWANGAN		PERBEZAAN BIL. KES PERLU DISELESAIKAN	PERBEZAAN BIL. KES SELESAI
	BIL. KES PERLU DISELESAIKAN	BIL. KES SELESAI	BIL. KES PERLU DISELESAIKAN (Sasaran Audit)	BIL. KES SELESAI (Pencapaian Audit)		
	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)=(a)-(c)	(f)=(b)-(d)
Jalan Duta	20,575	13,087	23,200	41,500	(2,625)	(28,413)
Kota Kinabalu	22,006	10,341	23,638	21,869	(1,632)	(11,528)
Labuan	671	590	1,184	750	(513)	(160)
Ipoh	26,420	13,076	9,120	12,935	17,300	141
Seremban	27,250	12,877	27,243	3,024	7	9,853
Johor Bahru	37,655	19,726	22,000	37,536	15,655	(17,810)
JUMLAH	**134,577**	**69,697**	**106,385**	**117,614**	**28,192**	**(47,917)**

8.4.3.4. Pengemaskinian Kes Yang Diaudit Dalam Sistem Taksir Sendiri Selain Syarikat (STSNC)

Setiap kes yang diaudit selain diinput ke CMS, ianya juga perlu diinput ke dalam Sistem Taksir Sendiri Selain Syarikat (STSNC) iaitu sistem *mainframe* LHDNM. Hasil penemuan pegawai audit meja yang melibatkan taksiran kurangan sebahagian, kurangan sepenuhnya, bayaran balik dan taksiran tambahan akan ditunjukkan di lejar pembayar cukai. Semakan Audit terhadap 644 kes pembayar cukai yang diinput ke dalam CMS mendapati 72 kes pembayar cukai di Cawangan Jalan Duta dan Kota Kinabalu mempunyai jumlah penyelesaian yang berbeza di antara kertas kerja E dan F dan di lejar pembayar cukai. Butirannya adalah seperti di **Jadual 8.11**. *Mengikut maklum balas LHDNM, perbezaan ini adalah disebabkan oleh penyelesaian kes tanpa mengisi kertas kerja audit dengan maklumat lengkap. Selain itu, ia juga disebabkan terdapat kesilapan*

pada kadar cukai di bahagian pengiraan cukai dalam CMS, kesilapan migrasi data dari sistem STSNC ke sistem CMS dan ketidakupayaan CMS membenarkan pembetulan dibuat apabila kes telah diinputkan di sistem.

JADUAL 8.11
PERBEZAAN JUMLAH PENYELESAIAN DI KERTAS KERJA E DAN F DALAM SISTEM PENGURUSAN KES (CMS) BERBANDING DENGAN JUMLAH YANG DINYATAKAN DI LEJAR STSNC

CAWANGAN LHDNM	BIL. PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH PENYELESAIAN DI KERTAS KERJA E (CMS) (RM Juta)	JUMLAH PENYELESAIAN DI KERTAS KERJA F (CMS) (RM Juta)	JUMLAH PENYELESAIAN DI LEJAR STSNC (RM Juta)
Jalan Duta	47	0.09	1.44	1.25
Kota Kinabalu	25	0.15	0.14	0.32
JUMLAH	**72**	**0.24**	**1.58**	**1.57**

Pada pendapat Audit, Cawangan LHDNM hendaklah memastikan semua kes diinput dengan lengkap ke dalam CMS agar statistik yang dijana oleh sistem adalah tepat bagi memastikan pemantauan pencapaian KPI dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sehubungan itu, pemantapan CMS perlu dilaksanakan.

8.5. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi pengurusan aktiviti audit meja bagi pembayar cukai berpendapatan perniagaan (OG), adalah disyorkan LHDNM meneliti dan mengambil tindakan seperti berikut:

8.5.1. Cawangan LHDNM hendaklah memastikan semua kes diinput dengan lengkap ke dalam CMS agar statistik yang dijana oleh sistem adalah tepat bagi memastikan pemantauan pencapaian KPI dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sehubungan itu, pemantapan CMS perlu dilaksanakan.

8.5.2. Memastikan setiap kes audit dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Standard Kualiti Audit Meja bagi mengelak dari berlakunya tunggakan kerja serta kelewatan kutipan hasil Kerajaan. Selain itu, butiran maklumat lengkap perlu disimpan agar tempoh penyelesaian kes dapat dipastikan.

8.5.3. Bagi mengelakkan kehilangan hasil Kerajaan dan mengurangkan cukai tertunggak, LHDNM hendaklah mengambil tindakan pemungutan melalui pengenaan kenaikan cukai, tindakan menghalang keluar negara dan guaman sivil terhadap pembayar cukai selaras dengan peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

KEMENTERIAN KEWANGAN

9. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

- AKTIVITI KUTIPAN CUKAI PERKHIDMATAN

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Jabatan Kastam) merupakan sebuah agensi percukaian yang bernaung di bawah Kementerian Kewangan yang mana fungsi utamanya adalah memungut hasil cukai tidak langsung antaranya ialah cukai perkhidmatan. Cukai perkhidmatan ialah sejenis cukai dalaman yang dikenakan dan didapatkan secara levi ke atas perkhidmatan yang kena dibayar cukai.

9.1.2. Kadar cukai yang dikenakan sebelum tahun 2011 ialah 5% daripada caj, premium atau nilai atas perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang ditetapkan mengikut Perintah Tetap Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2000. Kadar cukai perkhidmatan telah dinaikkan kepada 6% berkuat kuasa mulai 1 Januari 2011. Manakala perkhidmatan yang perlu dibayar cukai adalah seperti yang tersenarai di Jadual Kedua, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 1975. Antara perkhidmatan yang disenaraikan adalah hotel melebihi 25 bilik, telekomunikasi, perundangan dan pengurusan serta restoran luar hotel di mana *threshold* (jualan setahun) yang melebihi RM3 juta.

9.1.3. Undang-undang yang berkuat kuasa dalam melaksana dan mentadbir cukai perkhidmatan ialah Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 1975 dan Perintah Tetap Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2000. Undang-undang ini diguna pakai di seluruh Malaysia bagi perkhidmatan yang disediakan di Malaysia dan digunakan oleh mana-mana orang di Malaysia kecuali Langkawi, Labuan, Tioman, Zon Bebas dan Kawasan Pembangunan Bersama.

9.1.4. Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN) adalah bertanggungjawab untuk merancang, melaksana dan memantau aktiviti kutipan cukai perkhidmatan. Peranan Bahagian CDN di peringkat Ibu Pejabat lebih tertumpu kepada aspek perancangan dan pemantauan. Manakala pelaksanaan aktiviti pelesenan, pungutan dan penguatkuasaan cukai perkhidmatan dipertanggungjawabkan kepada Bahagian CDN di peringkat negeri. Cawangan Audit Syarikat pula bertanggungjawab untuk melaksanakan pemeriksaan akaun terhadap pemegang lesen sama ada secara berprogram atau *ad-hoc* atas sebab tertentu.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti kutipan cukai perkhidmatan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

9.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan aktiviti cukai perkhidmatan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Lima jenis perkhidmatan yang dipilih sebagai sampel Audit adalah perkhidmatan hotel; restoran luar hotel; telekomunikasi; perundangan dan pengurusan. Semakan Audit dijalankan terhadap fail pemegang lesen, rekod bayaran dan dokumen lain yang berkaitan seperti Borang JKED No.1, Penyata CJP No.1 dan Kad Lejar. Semakan Audit selanjutnya dijalankan di Bahagian CDN Ibu Pejabat, Putrajaya; Pusat Pelesenan Bersetempat, Bahagian CDN dan Cawangan Audit Syarikat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Perak, Kelantan dan Sabah. Selain itu, *walkthrough test* serta temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan aktiviti pengurusan cukai perkhidmatan juga dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat lanjut.

9.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2010 mendapati secara keseluruhannya, aktiviti kutipan cukai perkhidmatan telah diuruskan dengan memuaskan di mana jumlah kutipan cukai telah meningkat daripada RM3,338.06 juta pada tahun 2008 kepada RM3,809.91 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun, prestasi kutipan cukai perkhidmatan masih boleh dipertingkatkan sekiranya Jabatan Kastam meningkatkan bilangan operasi pelesenan; mengambil tindakan tegas terhadap pelesen yang mempunyai tunggakan cukai dan penalti serta menyelesaikan kelemahan yang wujud. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah pemeriksaan akaun belum dibuat terhadap pelesen yang tidak/lewat mengemukakan penyata CJP No.1; mengemukakan penyata tanpa bayaran atau mengikrarkan perkhidmatan *nil.* Selain itu, Cawangan Audit Syarikat di 5 negeri yang dilawati hanya dapat mengaudit 354 (14.9%) pelesen cukai perkhidmatan bagi tempoh tahun 2008 hingga bulan Jun 2010 daripada 2,374 yang dijadualkan. Bagaimanapun, Jabatan Kastam telah mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui serta ulasan Jabatan Kastam adalah seperti di perenggan berikut:

9.4.1. Prestasi Kutipan Cukai Perkhidmatan

Sehingga bulan Disember 2010, Jabatan Kastam telah berjaya menambah bilangan pemegang lesen cukai perkhidmatan kepada 37,893 jika dibandingkan dengan kedudukan pada tahun 2008 dan 2009 yang hanya mencatatkan sebanyak 35,862 dan 37,028 pemegang lesen masing-masingnya. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, Jabatan Kastam telah berjaya memungut cukai perkhidmatan berjumlah RM10.49 bilion. Bilangan pemegang lesen dan prestasi pungutan cukai bagi tempoh 3 tahun mengikut jenis perkhidmatan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.1
BILANGAN PEMEGANG LESEN DAN PRESTASI PUNGUTAN CUKAI PERKHIDMATAN BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

JENIS PERKHIDMATAN	2008		2009		2010		JUMLAH PUNGUTAN (RM Juta)
	BILANGAN PEMEGANG LESEN	PUNGUTAN CUKAI (RM Juta)	BILANGAN PEMEGANG LESEN	PUNGUTAN CUKAI (RM Juta)	BILANGAN PEMEGANG LESEN	PUNGUTAN CUKAI (RM Juta)	
Telekomunikasi	96	1,057.37	97	1,015.44	107	1,050.46	3,123.27
Restoran Luar Hotel	2,899	417.83	1,915	367.27	1,612	420.55	1,205.65
Hotel	1,122	217.20	1,200	206.56	1,339	233.94	657.70
Perundangan	5,074	126.03	5,370	124.64	5,538	145.20	395.87
Pengurusan	4,826	81.03	5,123	88.53	5,123	93.46	263.02
Jurutera Profesional	1,123	73.92	1,166	76.24	1,186	81.97	232.13
Akauntan	2,419	67.35	2,533	72.65	2,580	75.74	215.74
Juruukur/Penilai/ Agen Hartanah	1,670	55.22	1,736	54.37	1,789	62.87	172.46
Arkitek	1,163	50.86	1,218	50.59	1,251	51.97	153.42
Servis Kenderaan	2,302	39.24	2,317	42.21	2,359	44.81	126.26
Ruang Letak Kereta	342	35.41	348	37.73	352	42.26	115.40
Lain-lain Perkhidmatan	12,826	1,116.60	14,005	1,207.59	14,657	1,506.68	3,830.87
JUMLAH	**35,862**	**3,338.06**	**37,028**	**3,343.82**	**37,893**	**3,809.91**	**10,491.79**

Sumber : ***Laporan Pungutan Hasil Mengikut Komoditi Dan Penyata Pelesenan Cukai Perkhidmatan***

Pada pendapat Audit, aktiviti kutipan cukai perkhidmatan telah diuruskan dengan memuaskan di mana jumlah kutipan cukai perkhidmatan telah meningkat sebanyak RM5.76 juta (0.2%) iaitu daripada RM3,338.06 juta pada tahun 2008 kepada RM3,343.82 juta pada tahun 2009. Seterusnya meningkat sebanyak RM466.09 juta (13.9%) iaitu daripada RM3,343.82 juta pada tahun 2009 kepada RM3,809.91 juta pada tahun 2010.

9.4.2. Pengurusan Kutipan Cukai Perkhidmatan

Pelesen hendaklah menyerahkan kepada Jabatan Kastam jumlah kutipan cukai perkhidmatan bersama suatu penyata dalam bentuk yang ditetapkan (Penyata CJP No. 1) dalam tempoh 28 hari selepas tamat setiap satu tempoh yang kena dibayar cukai. Penyata ini perlu merekodkan amaun kesemua jumlah hasil yang diterima (nilai perkhidmatan) dalam tempoh yang kena dibayar cukai yang didapatkan secara levi atau dipungut bagi menyediakan perkhidmatan yang dikenakan cukai mengikut Seksyen 12(1) Akta Cukai Perkhidmatan. Semakan Audit terhadap 652 fail pemegang lesen bagi tempoh tahun 2008 hingga Jun 2010 di 5 negeri yang dilawati mendapati perkara seperti berikut:

9.4.2.1. Pelesen Tidak Mengemukakan Penyata CJP No.1

a. Adalah didapati 32 pelesen yang masih berstatus aktif tidak mengemukakan penyata CJP No.1 seperti mana yang ditetapkan. Semakan selanjutnya

mendapati 26 daripada 32 pelesen tersebut tidak mengemukakan Penyata CJP No.1 antara bulan Januari 2004 hingga Jun 2010, manakala 6 lagi pelesen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak mengemukakan penyata sejak dilesenkan iaitu antara bulan Ogos 1993 hingga Januari 2010. Butirannya adalah seperti di **Jadual 9.2**. *Berdasarkan maklum balas, Jabatan Kastam bersetuju bahawa wujudnya kelemahan dalam pemantauan ke atas syarikat yang tidak mengemukakan Penyata CJP No.1. Sehubungan itu, seorang pegawai kastam di Cawangan Kawalan Pungutan telah ditugaskan untuk memantau kad lejar syarikat bagi memastikan syarikat yang tidak mengemukakan penyata diambil tindakan segera.*

JADUAL 9.2
PELESEN TIDAK MENGEMUKAKAN PENYATA CJP NO.1

NEGERI	BILANGAN PELESEN		TEMPOH TIDAK MENGEMUKAKAN PENYATA CJP NO.1
	DISEMAK	TIDAK MENGEMUKAKAN PENYATA CJP NO.1	
Kelantan	121	2	Januari 2009 - Jun 2010
Melaka	64	1	Mac 2009 - April 2010
Perak	143	1	Oktober 2009 - April 2010
Sabah	150	3	Disember 2009 - Jun 2010
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	174	25	Ogos 1993 - Jun 2010
JUMLAH	**652**	**32**	

b. Bagi kes di mana permohonan lesen dibuat selepas bermula perniagaan atau atas siasatan oleh pihak Jabatan Kastam, Pusat Pelesenan Bersetempat (PPB) adalah bertanggungjawab untuk menentukan tarikh pemohon lesen tertakluk menjadi Orang Yang Kena Bayar Cukai (Taxable Person) dan mereka dikehendaki mengemukakan penyata CJP No.1 secara berasingan untuk mengikrarkan nilai perkhidmatan yang diperolehi sebelum dilesenkan. Surat arahan akan dikeluarkan oleh PPB kepada pelesen dan akan dipantau oleh Cawangan Kawalan Pungutan, Bahagian Cukai Dalam Negeri. Semakan Audit mendapati pelesen yang telah tertakluk sebagai *Taxable Person* tidak mengemukakan Penyata CJP No.1. Keadaan ini berlaku di Jabatan Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana 10 pelesen masih belum mengemukakan penyata CJP No.1 bagi tempoh mereka menjadi *Taxable Person* sejak tahun 2008 sehingga tarikh lawatan Audit pada 20 Ogos 2010. Butirannya adalah seperti di **Jadual 9.3**. Ini menyebabkan cukai perkhidmatan bagi tempoh sebelum dilesenkan yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan tidak dapat dipungut. *Berdasarkan maklum balas, Bahagian CDN di peringkat Ibu Pejabat telah melaksanakan penambahbaikan terhadap Perintah Tetap Cukai Perkhidmatan (PTCP) Bil.2 Tahun 2000 dengan mengeluarkan surat pindaan bertarikh 4 Mac 2011. Jabatan Kastam telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua syarikat berkaitan dan sekiranya penyata masih gagal dikemukakan, tindakan gesaan akan diambil. Sehubungan itu, Cawangan Audit Syarikat*

akan memeriksa akaun secara menyeluruh bagi membuat tuntutan cukai terlibat.

JADUAL 9.3
PELESEN BELUM MENGEMUKAKAN PENYATA CJP NO.1
BAGI TEMPOH SEBELUM DILESENKAN

PELESEN	TARIKH TERTAKLUK MENJADI *TAXABLE PERSON*	TEMPOH TIDAK MENGEMUKAKAN PENYATA CJP NO. 1 (*)
Salman Apandi, Mizi & Azmi	1 Januari 2008	2 tahun 7 bulan 22 hari
Muammar Gadafi & Co.	7 April 2009	1 tahun 4 bulan 15 hari
Ahmad Rosdi & Co.	1 Januari 2008	2 tahun 7 bulan 22 hari
Mazlinda, Azlina & Co.	1 Januari 2008	2 tahun 7 bulan 22 hari
Rofizi Mohamed & Co.	1 Januari 2008	2 tahun 7 bulan 22 hari
Wilson Leong, Ong & Lean	10 Februari 2010	6 bulan 11 hari
Mohd. Latip & Associates	1 Januari 2008	2 tahun 7 bulan 22 hari
Ephraim & Associates	1 Januari 2009	1 tahun 7 bulan 20 hari
XOX Com Sdn. Bhd.	1 Mac 2009	1 tahun 5 bulan 22 hari
Super Mortgage Reduction (M) Sdn. Bhd.	1 Januari 2008	2 tahun 7 bulan 22 hari

Nota : (*) - Tempoh Dikira Sehingga 20 Ogos 2010

9.4.2.2. Pelesen Lewat Mengemukakan Penyata CJP No.1

Adalah didapati 22 pelesen lewat menyerahkan Penyata CJP No.1 di mana tempoh kelewatan yang dikesan adalah antara 1 hingga 669 hari. Seksyen 16 Akta Cukai Perkhidmatan memperuntukkan bahawa pelesen yang lewat mengemukakan Penyata CJP No.1 boleh dikenakan penalti pada kadar 10% atas amaun cukai yang tidak dibayar dan akan bertambah pada kadar 10% bagi setiap 30 hari berikutnya sehingga maksimum 50%. Sehingga bulan Jun 2010, kesemua syarikat yang lewat mengemukakan Penyata CJP No.1 masih belum membayar tunggakan cukai/penalti berjumlah RM126,912. Butirannya adalah seperti di **Jadual 9.4**. *Berdasarkan maklum balas, Jabatan Kastam telah mengambil tindakan untuk mengutip balik tunggakan cukai dan penalti. Bagi syarikat yang gagal menjelaskan tunggakan cukai dan penalti, tindakan gesaan dan menyenaraihitamkan Pengarah Syarikat telah diambil.*

JADUAL 9.4
PELESEN LEWAT MENGEMUKAKAN PENYATA CJP NO.1

NEGERI	BILANGAN PELESEN		TEMPOH KELEWATAN (Hari)	TUNGGAKAN CUKAI DAN PENALTI (RM)
	DISEMAK	LEWAT MENGEMUKAKAN PENYATA CJP NO.1		
Kelantan	121	2	4 - 89	76,257
Melaka	64	7	1 - 669	29,124
Perak	143	5	2 - 307	2,164
Sabah	150	3	1 - 102	1,766
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	174	5	7 - 401	17,601
JUMLAH	**652**	**22**	**1 - 669**	**126,912**

9.4.2.3. Pelesen Mengemukakan Penyata CJP No.1 Tanpa Bayaran

Semakan Audit selanjutnya mendapati 9 pelesen telah mengemukakan Penyata CJP No.1 tanpa membuat bayaran cukai. Setakat bulan Jun 2010, tunggakan cukai pelesen tersebut adalah berjumlah RM399,283. Butirannya adalah seperti di **Jadual 9.5**. *Berdasarkan maklum balas, Jabatan Kastam telah mengambil tindakan untuk mengutip tunggakan cukai pelesen. Bagi syarikat yang gagal menjelaskan tunggakan cukai, tindakan gesaan dan menyenaraihitamkan Pengarah Syarikat telah diambil.*

JADUAL 9.5
PELESEN MENGEMUKAKAN PENYATA CJP NO.1 TANPA BAYARAN

PELESEN	TEMPOH MENGEMUKAKAN PENYATA CJP NO.1 TANPA BAYARAN	TUNGGAKAN CUKAI (RM)
KELANTAN		
Sky Room Cafe	Julai 2006 - Mei 2007 (Tuntutan dikemukakan pada tahun 2008)	26,152
Mohd. Nasir & Mohd. Haizal	Mei - Disember 2007 (Penyata diserah pada 13 Februari 2008)	3,188
Amir Ruhana & Khairuddin	Mei - Jun 2009 & September 2009 - April 2010	49,444
Perdana Resort Sdn. Bhd.	Mac - Disember 2008, Mac - April 2009, Julai - Disember 2009 & Mac - April 2010	209,369
Perunding Primakos Sdn. Bhd.	Januari - Februari 2009	2,049
MELAKA		
Juara Saji Sdn. Bhd.	Januari - Februari & Mei - Jun 2008	20,261
PERAK		
Restoran Bunga Raya	Januari - Februari 2008	16,016
Sivaji Oldiest Pub	April 2009 - Januari 2010	6,336
SABAH		
Restoran Seri Sempelang	Mac - Oktober 2007 (Tuntutan dikemukakan pada tahun 2008)	66,468
JUMLAH		**399,283**

Sumber: ***Laporan Akaun Belum Terima, Jabatan Kastam***

9.4.2.4. Pengikraran Nilai Perkhidmatan *Nil*

a. Analisis Audit terhadap 531 fail pelesen mendapati 52 pelesen telah mengikrarkan nilai perkhidmatan *nil* return. Adalah didapati 17 pelesen mengemukakan penyata *nil* sejak dilesenkan antara bulan Februari 1992 hingga Jun 2010. Manakala 35 pelesen lagi yang mana sebelum ini pernah mengikrarkan nilai perkhidmatan maksimum antara RM2,000 hingga RM3.07 juta telah mengikrarkan *nil* antara bulan Mac hingga Jun 2010. Analisis Audit selanjutnya mendapati tempoh pelesen ini mengikrarkan nilai perkhidmatan *nil* adalah antara 10 bulan hingga 18 tahun 4 bulan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 9.6**. *Berdasarkan maklum balas, senarai pelesen yang berkaitan telah dikemukakan kepada Cawangan Penguatkuasaan Pelesenan untuk tindakan selanjutnya.*

JADUAL 9.6
PELESEN MENGEMUKAKAN PENYATA *NIL*

NEGERI	BIL. PELESEN		TEMPOH MENGEMUKAKAN PENYATA *NIL*
	DISEMAK	MENGEMUKAKAN PENYATA *NIL*	
Melaka	64	14	1 tahun 4 bulan hingga 8 tahun 7 bulan
Perak	143	6	10 bulan hingga 2 tahun 5 bulan
Sabah	150	3	1 tahun 4 bulan hingga 2 tahun 5 bulan
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	174	29	10 bulan hingga 18 tahun 4 bulan
JUMLAH	**531**	**52**	**10 bulan hingga 18 tahun 4 bulan**

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara faktor yang menyebabkan kelemahan dalam aktiviti kutipan cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:

i. Kelemahan Cawangan Kawalan Pungutan dalam memantau akaun pelesen menyebabkan Cawangan ini gagal mengesyorkan pelesen yang sepatutnya disiasat oleh Cawangan Penguatkuasaan Pelesenan untuk memastikan status sebenar pelesen sama ada masih beroperasi dan mencapai *threshold* yang ditetapkan atau sebaliknya. Ini mengakibatkan Jabatan Kastam gagal mengesan dan mentaksirkan cukai yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan. *Berdasarkan maklum balas, Jabatan Kastam bersetuju bahawa wujudnya kelemahan pemantauan Cawangan Kawalan Pungutan dari segi melaporkan pelesen yang sepatutnya disiasat oleh Cawangan Penguatkuasaan Pelesenan. Sehubungan itu, senarai pelesen yang perlu disiasat telah dikemukakan kepada Cawangan Penguatkuasaan Pelesenan untuk tindakan lanjut.*

ii. Cawangan Kawalan Pungutan tidak menetapkan secara khusus unit yang bertanggungjawab untuk memantau dan membuat susulan terhadap pelesen yang belum mengemukakan Penyata CJP No.1 bagi tempoh sebelum dilesenkan. Ini menyebabkan pelesen masih belum mengikrarkan nilai perkhidmatan mereka walaupun surat arahan telah dikeluarkan. *Berdasarkan maklum balas, seorang pegawai kastam di Cawangan Kawalan Pungutan telah ditugaskan untuk memantau kad lejar syarikat bagi memastikan syarikat yang tidak mengemukakan penyata diambil tindakan segera.*

Pada pendapat Audit, Cawangan Kawalan Pungutan perlu menyediakan jadual pemantauan secara berkala terhadap pelesen yang masih aktif tetapi tidak mengemukakan Penyata CJP No.1. Ini adalah untuk memastikan siasatan dan pengemaskinian status dapat dilaksanakan oleh Cawangan Penguatkuasaan Pelesenan dan pungutan cukai dapat dibuat dengan sewajarnya. Selain itu, analisis *trend* pengikraran atau verifikasi perlu dilaksanakan di setiap negeri sebagai medium untuk mengenal pasti pelesen yang bermasalah, diragui atau disyaki membuat penyelewengan supaya dapat dikemukakan kepada Cawangan Audit Syarikat untuk pemeriksaan akaun.

iii. Tugas Cawangan Audit Syarikat (CAS) antara lainnya adalah menjalankan pengauditan yang sistematik dan terancang ke atas pelesen cukai perkhidmatan bagi memastikan cukai dipungut dengan tepat dan betul. Adalah didapati CAS di negeri yang dilawati hanya menjadualkan lawatan ke 2,374 pelesen cukai perkhidmatan untuk dibuat pemeriksaan akaun bagi tempoh tahun 2008 hingga bulan Jun 2010. Selain itu, CAS negeri Kelantan tidak menjadualkan lawatan atau menjalankan pengauditan terhadap pelesen untuk tahun 2008. Analisis Audit mendapati sasaran bilangan pelesen yang perlu diaudit bagi pengauditan berjadual pada setiap tahun hanya 1.6% hingga 14.6% daripada bilangan pelesen yang berdaftar di negeri berkenaan. Bagaimanapun sehingga bulan Jun 2010, CAS di 5 negeri berkenaan hanya dapat menjalankan pengauditan terhadap 354 (14.9%) pelesen cukai perkhidmatan. Manakala 746 pelesen lagi diaudit melalui operasi khas. Semakan Audit selanjutnya mendapati norma masa tidak ditetapkan bagi setiap pegawai yang menjalankan pemeriksaan akaun mengikut program. Butirannya adalah seperti di **Jadual 9.7**. *Berdasarkan maklum balas, CAS di 5 negeri yang diaudit telah diarah untuk menjalankan operasi khas pelesen cukai perkhidmatan, pengauditan khas yang diprogramkan oleh Bahagian Pengurusan Pematuhan Ibu Pejabat serta semakan fail pelesen yang dikemukakan oleh bahagian lain. Sehubungan itu, Perintah Tetap Pematuhan Bil.2-Mekanisme Pemantauan Tempoh Pengauditan/Siasatan telah dikeluarkan pada 5 Mei 2011 di mana menetapkan norma masa bagi semua pengauditan hendaklah disiapkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh terima fail. Sekiranya pengauditan tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan, pegawai perlu mengemukakan justifikasi kepada pegawai penyelia untuk kelulusan.*

JADUAL 9.7
PRESTASI PENGAUDITAN OLEH CAWANGAN AUDIT SYARIKAT

NEGERI	TAHUN	BIL. PELESEN	PELESEN					BILANGAN JAWATAN DIISI	BIL. PELESEN YANG DIAUDIT SEORANG PEGAWAI SETAHUN
			MENGIKUT JADUAL		DIAUDIT (JADUAL)		DIAUDIT (KHAS)		
			BIL.	(%)	BIL.	%	BIL.		
Kelantan	2008	404	-	-	-	-	53	3	-
	2009	438	34	7.8	19	55.9	5	3	< 7
	2010*	487	71	14.6	24	33.8	-	4	6
Melaka	2008	785	21	2.7	6	28.6	4	2	3
	2009	791	28	3.5	6	21.4	5	2	3
	2010*	823	22	2.7	2	9.1	1	2	1
Perak	2008	1,777	29	1.6	12	41.4	96	17	< 1
	2009	1,787	165	9.2	56	33.9	4	13	< 5
	2010*	1,858	53	2.9	21	39.6	2	21	1

NEGERI	TAHUN	BIL. PELESEN	PELESEN					BILANGAN JAWATAN DIISI	BIL. PELESEN YANG DIAUDIT SEORANG PEGAWAI SETAHUN
			MENGIKUT JADUAL		DIAUDIT (JADUAL)		DIAUDIT (KHAS)		
			BIL.	(%)	BIL.	%	BIL.		
Sabah	2008	2,236	96	4.3	29	30.2	24	3	< 10
	2009	2,267	100	4.4	44	44.0	30	5	< 9
	2010*	2,395	93	3.9	10	10.7	35	6	< 2
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2008	16,349	525	3.2	17	3.2	238	38	< 1
	2009	16,970	556	3.3	72	12.9	189	38	< 2
	2010*	17,161	581	3.4	36	6.2	60	35	< 1
JUMLAH			**2,374**		**354**	**14.9**	**746**		

Nota: ***(*) - Sehingga Bulan Jun 2010***

Pada pendapat Audit, Cawangan Audit Syarikat sepatutnya menetapkan norma masa dan sasaran tahunan berdasarkan bilangan pelesen yang berdaftar di negeri berkenaan. Sekiranya sasaran tahunan hanya ditetapkan 10% daripada bilangan pelesen berdaftar, CAS akan mengambil masa sehingga 10 tahun untuk mengaudit semua pelesen berdaftar.

9.4.3. Operasi Pelesenan

Semakan Audit mendapati operasi pelesenan telah dijalankan oleh negeri yang dilawati kecuali Sabah kerana maklumat/rekod mengenainya tidak diselenggarakan di negeri tersebut. Melalui operasi pelesenan yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2008 hingga Jun 2010, sebanyak 6,933 pelesen baru telah dapat dikesan. Adalah didapati jumlah cukai yang disumbangkan oleh pelesen baru ini bagi tahun 2008, 2009 dan sehingga bulan Jun 2010 bagi 4 negeri adalah RM215.52 juta, RM11.02 juta dan RM1.72 juta masing-masingnya. Jumlah kutipan cukai daripada pelesen baru telah turun mendadak pada tahun 2009 dan 2010 kerana kenaikan *threshold* restoran luar hotel. Selepas bulan Julai 2008, *threshold* bagi restoran luar hotel telah dinaikkan daripada RM300,000 kepada RM3 juta setahun. Butiran mengenai cukai yang disumbangkan oleh pelesen baru adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.8
CUKAI YANG DIPEROLEHI DARIPADA PELESEN BARU
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA JUN 2010

NEGERI	CUKAI PERKHIDMATAN		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010* (RM)
Kelantan	551,299	837,072	250,172
Melaka	989,572	246,390	256,092
Perak	181,162	764,835	475,940
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	213,799,193	9,174,581	738,039
JUMLAH	**215,521,226**	**11,022,878**	**1,720,243**

Nota : ***(*) - Sehingga Bulan Jun 2010***

Pada pendapat Audit, usaha yang dijalankan oleh Jabatan Kastam adalah memuaskan dan perlu dipertingkatkan lagi memandangkan operasi ini berjaya menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan.

9.4.4. Tunggakan Cukai Perkhidmatan

9.4.4.1. Tunggakan cukai perkhidmatan terdiri daripada tunggakan cukai dan penalti yang dikenakan terhadap pelesen yang mengemukakan Penyata CJP No.1 tanpa bayaran serta pengesanan cukai hasil daripada pemeriksaan akaun yang dijalankan oleh Cawangan Audit Syarikat. Selain itu, penalti yang dikenakan terhadap pelesen yang lewat mengemukakan Penyata CJP No.1 juga turut menyumbang kepada tunggakan hasil. Sehingga bulan Disember 2010, tunggakan cukai perkhidmatan dan penalti secara keseluruhannya adalah berjumlah RM88.68 juta. **Pada pendapat Audit, tunggakan berjumlah RM88.68 juta adalah munasabah kerana ia hanya 2.3% daripada jumlah kutipan cukai perkhidmatan berjumlah RM3,809.91 juta pada tahun 2010.**

9.4.4.2. Jabatan Kastam telah mengambil tindakan seperti mengeluarkan surat tuntutan, gesaan dan memberi kemudahan kepada pelesen untuk membayar tunggakan cukai perkhidmatan dan penalti secara ansuran. Bagi tempoh tahun 2008 hingga bulan Jun 2010, sejumlah RM32.22 juta telah berjaya dikutip di 5 negeri yang dilawati. Bagaimanapun, jumlah tunggakan cukai perkhidmatan dan penalti yang masih belum dapat dikutip bagi negeri berkenaan adalah RM64.18 juta di mana RM23.38 juta (36.4%) daripada jumlah tersebut telah melebihi tempoh 3 tahun. Butiran tunggakan cukai perkhidmatan dan penalti mengikut usia sehingga bulan Disember 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.9
TUNGGAKAN CUKAI PERKHIDMATAN DAN PENALTI
MENGIKUT USIA SEHINGGA BULAN DISEMBER 2010

NEGERI	USIA TUNGGAKAN				JUMLAH (RM)
	< 1 TAHUN (RM)	1 - 3 TAHUN (RM)	3 - 6 TAHUN (RM)	> 6 TAHUN (RM)	
Kelantan	531,659	123,224	37,700	348,652	1,041,235
Melaka	86,873	177,020	89,065	39,223	392,181
Perak	260,323	38,465	34,260	351,171	684,219
Sabah	1,012,757	761,557	96,036	247,230	2,117,580
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	18,561,253	19,247,518	11,215,208	10,918,085	59,942,064
JUMLAH	**20,452,865**	**20,347,784**	**11,472,269**	**11,904,361**	**64,177,279**

Pada pendapat Audit, usaha Jabatan Kastam dalam mengutip balik tunggakan cukai adalah baik. Bagaimanapun, Jabatan Kastam perlu meneruskan usaha dengan mengambil tindakan undang-undang terhadap pelesen berkenaan untuk mengutip balik tunggakan cukai dan penalti yang masih tertunggak.

9.4.5. Permohonan Dan Pengeluaran Lesen

9.4.5.1. Kaedah Permohonan Lesen

Sejak bulan November 2007, permohonan lesen cukai perkhidmatan boleh dibuat melalui 2 kaedah iaitu secara manual atau melalui *internet* (e-Lesen). Permohonan secara manual menggunakan Borang JKED No.1 disertakan dokumen sokongan yang lengkap untuk kelulusan dan pengeluaran lesen. Manakala bagi permohonan secara e-Lesen, pemohon mengemukakan permohonan melalui laman web *elesen.customs.gov.my* dan seterusnya mengemukakan salinan dokumen sokongan kepada Pusat Pelesenan Bersetempat. Bagaimanapun, permohonan secara e-Lesen kurang mendapat sambutan terutama di Melaka, Perak (kecuali tahun 2008), Kelantan dan Sabah walaupun ia telah dipromosikan secara meluas kerana pemohon masih perlu mengemukakan dokumen sokongan serta mereka lebih selesa berurusan secara terus di kaunter. Analisis permohonan lesen bagi tempoh tahun 2008 hingga bulan Jun 2010 di 5 negeri yang dilawati mendapati 3,554 (42.9%) daripada 8,278 permohonan lesen telah menggunakan kaedah e-Lesen. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.10
PRESTASI PENGGUNAAN e-LESEN BERBANDING MANUAL
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA BULAN JUN 2010

NEGERI	TAHUN	PERMOHONAN LESEN	
		MANUAL	e-LESEN
Kelantan	2008	142	-
	2009	46	-
	2010	28	-
Melaka	2008	136	14
	2009	64	4
	2010	38	-
Perak	2008	152	174
	2009	72	13
	2010	40	4
Sabah	2008	193	39
	2009	159	1
	2010	128	-
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2008	2,374	2,404
	2009	777	616
	2010	375	285
JUMLAH		**4,724**	**3,554**

Sumber : ***Laporan Bulanan Permohonan Cukai Perkhidmatan***

Pada pendapat Audit, permohonan secara e-Lesen kurang mendapat sambutan kerana pengguna masih perlu mengemukakan salinan dokumen sokongan kepada Pusat Pelesenan Bersetempat.

9.4.5.2. Laporan Siasatan

a. Perintah Tetap Cukai Perkhidmatan (PTCP) Bil. 2 Tahun 2000 menetapkan lawatan hendaklah dijalankan oleh Bahagian CDN dan Laporan Siasatan disediakan dalam tempoh sebulan selepas lesen dikeluarkan. Seterusnya, Laporan Siasatan, salinan JKED No.1 dan JKED No.3 (Lesen) dikemukakan kepada Bahagian CDN, Ibu Pejabat. Lawatan Audit ke 5 negeri mendapati lawatan ke premis perniagaan pemohon telah dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan kecuali bagi Jabatan Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati wujudnya ketidakseragaman dari segi pelaksanaan dan penyediaan Laporan Siasatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.11
PERBEZAAN PELAKSANAAN DAN PENYEDIAAN LAPORAN SIASATAN

NEGERI	KAEDAH PELAKSANAAN
Kelantan	Hasil lawatan tidak direkodkan dalam Laporan Siasatan, sebaliknya hanya diminitkan dalam fail pelesen.
Melaka	Laporan Siasatan, salinan JKED No.1 serta JKED No.3 dihantar ke Bahagian CDN, Ibu Pejabat.
Perak	Lawatan dinamakan sebagai Lawatan Khidmat Nasihat tidak direkodkan dalam Laporan Siasatan, sebaliknya direkodkan di Borang Lawatan Khidmat Nasihat.
Sabah	Lawatan dinamakan sebagai Pemeriksaan Akaun Tahun Pertama tidak direkodkan dalam Laporan Siasatan, sebaliknya direkodkan di Buku Daftar Laporan Pemeriksaan Akaun Tahun Pertama.
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Lawatan tidak dilaksanakan dan Laporan Siasatan tidak disediakan.

b. Ketidakseragaman ini berpunca daripada perbezaan situasi serta amalan/ proses kerja yang dipraktikkan di setiap negeri yang dilawati. Semakan Audit selanjutnya mendapati pegawai bertanggungjawab juga tidak merujuk dan kurang peka terhadap kehendak PTCP Bil. 2 Tahun 2000 dan ini menyebabkan Jabatan Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur gagal melaksanakan siasatan terhadap pelesen baru. Kegagalan dalam melaksanakan siasatan telah menyebabkan objektif utamanya iaitu mengesahkan maklumat yang dinyatakan oleh pemohon seperti tempoh perniagaan mula beroperasi tidak tercapai. *Berdasarkan maklum balas, Jabatan Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak menjalankan lawatan ke premis perniagaan pelesen selepas lesen dikeluarkan kerana kebanyakan pelesen baru adalah hasil daripada Operasi Pelesenan di mana lawatan telah dilakukan. Oleh itu, lawatan siasatan awal dianggap telah dilakukan. Bagaimanapun, Bahagian CDN Ibu Pejabat telah mengeluarkan satu surat pindaan bertarikh 4 Mac 2011 bagi menyeragamkan amalan di setiap negeri.*

Pada pendapat Audit, Bahagian CDN Ibu Pejabat perlu mengkaji semula kaedah pelaksanaan siasatan bagi pelesen baru supaya satu kaedah yang sesuai dan seragam dapat diamalkan di setiap negeri.

9.5. SYOR AUDIT

Cukai perkhidmatan merupakan salah satu sumber penting hasil Kerajaan. Bagi memastikan tidak berlaku ketirisan kutipan hasil dan seterusnya meningkatkan keberkesanan aktiviti kutipan cukai perkhidmatan, adalah disyorkan supaya Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengambil langkah seperti berikut:

9.5.1. Cawangan Kawalan Pungutan perlu menyediakan jadual pemantauan secara berkala terhadap pelesen yang masih aktif tetapi tidak mengemukakan Penyata CJP No.1. Ini adalah untuk memastikan siasatan dan pengemaskinian status dapat dilaksanakan oleh Cawangan Penguatkuasaan Pelesenan dan pungutan cukai dapat dibuat dengan sewajarnya. Selain itu, analisis *trend* pengikraran atau verifikasi perlu dilaksanakan di setiap negeri sebagai medium untuk mengenal pasti pelesen yang bermasalah, diragui atau disyaki membuat penyelewengan supaya dapat dikemukakan kepada Cawangan Audit Syarikat untuk pemeriksaan akaun.

9.5.2. Cawangan Audit Syarikat perlu menambahkan bilangan fail pelesen untuk diaudit oleh setiap pegawai dengan menetapkan norma kerja yang bersesuaian dengan beban tugas mereka.

9.5.3. Meningkatkan operasi pelesenan memandangkan operasi ini berjaya menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan. Selain itu, usaha perlu dipertingkatkan dengan mengambil tindakan undang-undang terhadap pelesen yang mempunyai tunggakan cukai dan penalti.

9.5.4. Bahagian CDN Ibu Pejabat perlu mengkaji semula kaedah pelaksanaan siasatan bagi pelesen baru supaya satu kaedah yang sesuai dan seragam dapat diamalkan di setiap negeri.

KEMENTERIAN KEWANGAN

10. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
- KAWALAN TERHADAP GUDANG BERLESEN

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Gudang berlesen adalah gudang yang menempatkan barang dagangan import yang ditangguhkan pembayaran duti kastam sehingga ianya dibawa keluar untuk dieksport atau dijual di pasaran tempatan. Lesen perlu diperolehi dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Jabatan Kastam) sebelum sesebuah gudang berlesen memulakan operasi. Seksyen 65, Akta Kastam 1967 memberi kuasa mutlak kepada Ketua Pengarah Kastam untuk mengeluarkan lesen bagi menyimpan barangan yang dikenakan duti kastam dan barangan lain yang dikawal pemindahan atau pergerakannya dalam sesuatu tempat atau tempat yang dinyatakan dalam lesen itu. Syarikat atau pengusaha yang mengendalikan gudang berlesen perlu menyerahkan jaminan bank kepada Jabatan Kastam sebagai cagaran bahawa tiada kehilangan hasil terhadap Kerajaan sekiranya terdapat barang dagangan yang disimpan di gudang tersebut dibawa keluar oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

10.1.2. Kemudahan gudang berlesen telah diperluaskan untuk membolehkan pengusaha menggunakan kemudahan ini sebagai pusat penyimpanan dan pengedaran dalam negara dan juga perdagangan antarabangsa. Antara aktiviti yang dibenarkan di dalam gudang berlesen kecuali Gudang Berlesen Persatuan Pengimport Dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (GB PEKEMA) adalah penggudangan barang yang dikenakan duti kastam dan barangan lain yang dikawal pemindahan/pergerakannya; pecah pukal; pembungkusan semula; penandaan semula; jual beli; penggabungan dan perdagangan *entreport*.

10.1.3. Bahagian Perkastaman, Jabatan Kastam adalah bertanggungjawab memproses permohonan lesen baru bagi penubuhan Gudang Berlesen Awam (GBA) dan Gudang Berlesen Persendirian (GBP) di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967. Manakala bagi GB PEKEMA dan urusan pembaharuan lesen adalah di bawah bidang kuasa Pengarah Kastam Negeri. Kadar bayaran lesen bagi setiap gudang adalah RM2,400 bagi tempoh 2 tahun. Sehingga bulan Disember 2010, Jabatan Kastam mengawal sebanyak 538 gudang berlesen yang aktif.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kawalan gudang berlesen dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

10.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap pengurusan kawalan gudang berlesen bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Semakan Audit telah dijalankan terhadap rekod, dokumen dan fail berkaitan pengurusan 96 gudang berlesen di Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan 5 Pejabat Kastam Negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Pahang dan Sarawak. Lawatan juga dilakukan ke 47 gudang berlesen. *Walkthrough test*, temu bual dan perbincangan dengan pegawai Jabatan Kastam dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat lanjut. Selain daripada itu, analisis data berkaitan dibuat untuk menilai keberkesanan kawalan dalaman yang diwujudkan dan tahap pematuhan pemegang lesen terhadap peraturan yang ditetapkan.

10.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati kawalan terhadap gudang berlesen adalah memuaskan. Bagaimanapun, wujud beberapa kelemahan antaranya adalah pematuhan syarat lesen yang lemah; kelewatan pengusaha memohon pembaharuan lesen; kelewatan memperbaharui lesen; kegagalan menghantar penyata stok bulanan dan penyata kesalahan gudang berlesen serta pemeriksaan fizikal secara berkala ke premis gudang berlesen tidak dijalankan. Bagaimanapun, Jabatan Kastam telah mengambil tindakan pembetulan/ penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui serta ulasan Jabatan Kastam adalah seperti di perenggan berikut:

10.4.1. Prestasi Kutipan Hasil Gudang Berlesen

Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, Jabatan Kastam telah berjaya memungut hasil berjumlah RM4.64 bilion melalui gudang berlesen (tidak termasuk Sarawak) iaitu RM1.39 bilion bagi tahun 2008, RM1.72 bilion bagi tahun 2009 dan RM1.53 bilion bagi tahun 2010. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memungut hasil paling tinggi iaitu RM2.54 bilion (54.7%) daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil bagi tempoh tersebut. Butirannya adalah seperti di **Jadual 10.1**. Bagi negeri Sarawak, pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah kutipan hasil melalui gudang berlesen kerana Pejabat Kastam Negeri Sarawak merekodkan prestasi kutipan hasil secara keseluruhan dan maklumat kutipan hasil melalui gudang berlesen tidak diasingkan.

JADUAL 10.1
PRESTASI PUNGUTAN HASIL MELALUI GUDANG BERLESEN
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

NEGERI	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	
Selangor	236.72	361.71	255.85	854.28
Melaka	1.88	4.90	7.83	14.61
Pulau Pinang	17.02	16.61	30.16	63.79

NEGERI	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	
Pahang	0.06	1.21	1.57	2.84
Sabah	83.40	119.15	103.71*	306.26
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	768.21	824.76	943.52	2,536.49
Perlis	0.01	0.004	0.01	0.02
Kedah	6.67	5.57	3.72*	15.96
Perak	7.66	5.86	5.90	19.42
Negeri Sembilan	201.56	311.23	75.23*	588.02
Johor	35.24	48.95	74.34	158.53
Terengganu	21.37	11.56	10.92*	43.85
Kelantan	7.06	11.55	12.96	31.57
JUMLAH	**1,386.86**	**1,723.06**	**1,525.72**	**4,635.64**

Nota : (*) - Kutipan Hasil Gudang Berlesen Sehingga Bulan Julai 2010

10.4.2. Kawalan Terhadap Pemindahan Barang

10.4.2.1. Bagi pemindahan keluar kesemua barangan berduti (full consignment), Borang Kastam No. 1 (Borang K1) hendaklah digunakan. Manakala bagi pengeluaran sebahagian sahaja barangan (part consignment) Borang Kastam No. 9 (Borang K9) digunakan. Setelah duti dibayar, Borang Kastam berkenaan hendaklah diendoskan sewajarnya dengan tarikh duti dibayar, amaun duti dibayar dan nombor resit.

10.4.2.2. Sekiranya melibatkan pemindahan dari gudang berlesen ke gudang berlesen lain di Semenanjung Malaysia atau untuk tujuan eksport semula, Borang Kastam No. 8 (Borang K8) hendaklah digunakan. Pegawai Kastam hendaklah menandatangani Borang K8 dan seterusnya memeteraikan lori/kontena yang digunakan untuk pemindahan barangan berduti dengan sil Kastam.

10.4.2.3. Semakan Audit mendapati kawalan terhadap pemindahan barang dari gudang berlesen adalah teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan kecuali kawalan terhadap penggunaan sil Kastam. Pemeriksaan Audit secara mengejut pada 3 November 2010 mendapati kawalan terhadap sil Kastam adalah sangat longgar di mana kakitangan GBA Tasco Berhad di Pelabuhan Utara, Klang, Selangor telah mengambil dan memeteraikan sendiri sil Kastam pada lori/kontena yang memindahkan barang keluar daripada gudang berlesen sebagaimana ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 10.1



GAMBAR 10.2



GBA Tasco Berhad, Pelabuhan Utara Klang, Selangor
- Kakitangan Gudang Memasang Sendiri Sil Kastam Pada Kontena
(03.11.2010)

10.4.2.4. *Berdasarkan maklum balas yang diterima, Jabatan Kastam bersetuju bahawa wujudnya ketidakpatuhan dan kelalaian terhadap kawalan penggunaan sil Kastam. Sehubungan itu, Jabatan Kastam telah mengeluarkan amaran secara bertulis kepada kakitangan gudang dan peringatan kepada pegawai kastam untuk mematuhi peraturan penggunaan sil Kastam.*

Pada pendapat Audit, kawalan terhadap penggunaan sil Kastam perlu diperketatkan supaya tidak wujud sebarang penyalahgunaan yang boleh mengakibatkan ketirisan hasil negara.

10.4.3. Pematuhan Terhadap Syarat Kelulusan Lesen Gudang

10.4.3.1. Barangan Berduti Tidak Ditandakan, Disusun Dan Dilabel

a. Peraturan 53, Peraturan-peraturan Kastam 1977 menghendaki bungkusan atau kontena yang dibawa masuk ke gudang berlesen ditandakan dengan tanda pengenalan dan ditempatkan atau disusun bertindih-tindih agar mudah untuk diperiksa. Pemegang lesen juga perlu menampalkan pada tiap-tiap lot, susunan tindih, karung, bandela, bungkusan atau kontena lain yang mengandungi barangan berduti yang disimpan olehnya di gudang berlesen suatu kad stok atau label seumpamanya. Kad stok atau label tersebut hendaklah menunjukkan suatu akaun penuh dan benar mengenai isi kandungan lot, susunan tindih, karung, bandela, atau kontena lain yang padanya ia ditampalkan.

b. Semakan Audit mendapati GBP Kahong Sdn. Bhd. di Kuching; Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd. di Miri dan GBA Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. di Selangor di mana stok yang dibawa masuk ke gudang berlesen tidak dilabelkan dengan tanda pengenalan untuk menunjukkan suatu akaun penuh dan benar mengenai isi kandungan lot. Contoh gudang berlesen yang mematuhi peraturan adalah seperti di **Gambar 10.3** dan **10.4** manakala contoh barangan yang tidak mempunyai label adalah seperti di **Gambar 10.5** dan **10.6**.

GAMBAR 10.3



GBA Cougar Logistic (M) Sdn. Bhd., Port Klang
- Barangan Dilabelkan
(25.05.2010)

GAMBAR 10.4



GBA Sankyu (Malaysia) Sdn. Bhd., Port Klang
- Barangan Dilabelkan
(25.05.2010)

GAMBAR 10.5



GBP Kahong Sdn. Bhd., Kuching
- Barangan Tidak Dilabelkan
(17.08.2010)

GAMBAR 10.6



GBP Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd., Miri
- Barangan Tidak Dilabelkan
(10.08.2010)

c. *Mengikut maklum balas, barangan berduti dalam GBA Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. dan Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd. tidak ditandakan dengan nombor lot kerana barangan tersebut disimpan dalam gudang hanya untuk jangka masa yang singkat sahaja iaitu antara 1 hingga 7 hari. Bagi GBP Kahong Sdn. Bhd., surat amaran telah dikeluarkan dan lawatan Jabatan Kastam pada bulan November 2010 mendapati semua barangan dalam gudang tersebut telah dilabelkan.*

10.4.3.2. Rekod Dan Penyata Stok Tidak Dikemukakan

a. Mengikut Peraturan 52, Peraturan-peraturan Kastam 1977, pemegang lesen dikehendaki menyimpan di gudang berlesennya apa-apa buku dan rekod sebagaimana diarah oleh Ketua Pengarah Kastam. Peraturan 36 pula, menghendaki pemegang lesen mana-mana gudang menyimpan rekod mengenai semua barang yang diterima masuk dan diserahkan dari gudangnya. Catatan dalam rekod hendaklah dibuat pada masa barang diterima dan diserahkan. Pemegang lesen juga hendaklah mengemukakan penyata stok sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kastam. Manakala PTK Bil. 53 Tahun 1994 menetapkan penyata stok tersebut perlu dikemukakan secara bulanan kepada Jabatan Kastam.

b. Semakan Audit mendapati 3 gudang berlesen di Sarawak iaitu Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (Mas Kargo) Sibu dan Bintulu serta Lembaga

Pelabuhan Rajang tidak mengemukakan penyata stok bulanan sebagaimana yang telah ditetapkan. *Berdasarkan maklum balas, syarikat yang dilesenkan di pintu keluar masuk utama melalui laut dan udara menghadapi masalah untuk mengemukakan penyata stok bulanan kerana pergerakan barangan agak cepat. Bagaimanapun, selepas teguran Audit, amaran secara bertulis telah dikeluarkan kepada syarikat berkenaan pada bulan November 2010.*

Pada pendapat Audit, Jabatan Kastam perlu memastikan penyata stok bulanan dikemukakan oleh gudang berlesen dan semakan dibuat dengan buku rekod Jabatan Kastam untuk mengawal pergerakan keluar masuk barangan dalam gudang berlesen.

10.4.4. Pembaharuan Lesen Gudang

10.4.4.1. Mengikut Peraturan 34, Peraturan-peraturan Kastam 1977, permohonan untuk memperbaharui lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengarah Kastam Negeri sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tamat tempoh lesen. Tempoh satu bulan ditetapkan bagi memastikan Jabatan Kastam mempunyai masa yang cukup untuk memproses setiap permohonan yang diterima. Selaras dengan Seksyen 138, Akta Kastam 1967, pelesen boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau hukuman penjara tidak melebihi tempoh 5 tahun atau kedua-duanya sekali jika ia tidak mengemukakan pembaharuan lesen pada tarikh yang ditetapkan. Pada 23 Januari 2007, Jabatan Kastam telah menetapkan suatu dasar pembaharuan lesen bagi gudang berlesen iaitu semua pembaharuan lesen boleh diluluskan dengan serta-merta oleh Pengarah Kastam Negeri dengan syarat pemohon menandatangani perakuan aku janji tidak pernah melanggar peruntukan di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976. Pemantauan akan dibuat selepas lesen dikeluarkan untuk memastikan syarat yang ditetapkan telah dipatuhi sepenuhnya. Sekiranya didapati pihak pemohon mempunyai sejarah pelanggaran akta, peraturan dan syarat yang dikenakan, Jabatan Kastam boleh membatalkan kemudahan tersebut pada bila-bila masa.

10.4.4.2. Proses pembaharuan lesen gudang dikendalikan oleh Cawangan Penggudangan atau Cawangan Perindustrian. Bagi negeri Melaka, pengeluaran pembaharuan lesen dikendalikan oleh Pusat Pelesenan Bersetempat tetapi proses pembaharuan lesen gudang dikendalikan oleh Cawangan Perindustrian. Semakan Audit terhadap pembaharuan lesen mendapati perkara berikut:

a. Kelewatan Permohonan Pembaharuan Lesen Oleh Syarikat

i. Daripada 70 permohonan pembaharuan lesen yang disemak, didapati 23 (32.9%) daripadanya lewat dikemukakan antara 3 hingga 79 hari dari tarikh permohonan pembaharuan sepatutnya dikemukakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati, 7 daripada 23 syarikat tersebut telah

mengemukakan permohonan pembaharuan lesen selepas tamat tempoh lesen asal. Adalah didapati Jabatan Kastam tidak mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap 20 syarikat yang lewat mengemukakan permohonan pembaharuan lesen. Hanya 2 syarikat dikenakan kompaun dan satu lagi diberi surat peringatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.2
PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN YANG LEWAT DIKEMUKAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA BULAN JULAI 2010

NEGERI	GUDANG BERLESEN	TARIKH PERMOHONAN	TARIKH TAMAT LESEN	KELEWATAN (Hari)	TINDAKAN YANG DIKENAKAN
Pahang	Kontena Nasional Berhad	23.12.2009	31.12.2009	23	Tiada
	Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd.	24.05.2010	31.05.2010	24	
Melaka	Ally Azran Holdings Sdn. Bhd.	20.03.2009	21.02.2009	58*	Dikenakan Kompaun Berjumlah RM200
	DTC Motors Sdn. Bhd.	03.03.2010	28.02.2010	34*	Dikeluarkan Surat Peringatan
	Sri Purnamas Sdn. Bhd.	03.05.2010	31.05.2010	3	Tiada
Selangor	Nippon Express (M) Sdn. Bhd.	10.11.2009	30.11.2009	10	Dikenakan Kompaun Berjumlah RM1,000
	Eminent Century Sdn. Bhd., LTSAAS Subang	24.02.2010	21.02.2010	33*	Tiada
	Mines International Exhibition Sdn. Bhd., LTSAAS Subang	11.11.2009	04.12.2009	7	
	Offshore CPI Supply Sdn. Bhd., LTSAAS Subang	14.12.2009	31.12.2009	14	
	Richbill Services Sdn. Bhd., LTSAAS Subang	27.07.2009	09.06.2009	79*	
	Shaz Dester ACS Sdn. Bhd., LTSAAS Subang	30.01.2009	16.02.2009	14	
	Tahb Auto Sdn. Bhd., LTSAAS Subang	13.04.2009	17.04.2009	27	
	Vinsprit Sdn. Bhd., LTSAAS Subang	15.10.2008	30.10.2008	15	
Pulau Pinang	Ceva Freight (M) Sdn. Bhd.	21.12.2009	04.01.2010	17	Tiada
	Danzasmal Domestic Logistic Sdn. Bhd.	04.03.2010	15.03.2010	18	
	Naza Motor Trading Sdn. Bhd.	09.07.2010	31.07.2010	9	
	SY Motorsports Sdn. Bhd.	18.01.2010	02.02.2010	16	
	Entro Development (M) Sdn. Bhd.	19.11.2009	16.12.2009	3	
	Sri Bayanaemas Warehousing Sdn. Bhd.	10.09.2009	06.10.2009	4	
Sarawak	Focusmax Services Sdn. Bhd., Bintulu	08.05.2009	01.05.2009	37*	Tiada
	Mas Kargo, Bintulu	17.02.2010	31.12.2009	79*	
	Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd., Miri	31.05.2010	27.06.2010	4	
	Syarikat Vogue Enterprise, Miri	09.02.2009	04.02.2009	36*	

Nota : ***LTSAAS - Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah***
(*) - Permohonan Pembaharuan Lesen Dikemukakan Selepas Tamat Tempoh Lesen Asal

ii. Kelewatan syarikat memohon pembaharuan lesen telah menyebabkan Jabatan Kastam tidak dapat meluluskan permohonan sebelum tamat tempoh lesen. Semakan selanjutnya mendapati 9 (39.1%) daripada 23 permohonan pembaharuan lesen yang lewat dikemukakan telah diluluskan selepas tamat tempoh lesen asal menyebabkan gudang beroperasi tanpa lesen antara 5 hingga 82 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.3
KELULUSAN PEMBAHARUAN LESEN SELEPAS TAMAT TEMPOH LESEN ASAL BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA BULAN JULAI 2010

NEGERI	GUDANG BERLESEN	TARIKH PERMOHONAN PEMBAHARUAN	TARIKH TAMAT LESEN	TARIKH LULUS	TEMPOH GUDANG BEROPERASI TANPA LESEN (Hari)
Pahang	Kontena Nasional Berhad	23.12.2009	31.12.2009	11.01.2010	11
Melaka	Ally Azran Holdings Sdn. Bhd.	20.03.2009	21.02.2009	31.03.2009	38
	DTC Motors Sdn. Bhd.	03.03.2010	28.02.2010	12.03.2010	12
Selangor – LTSAAS Subang	Eminent Century Sdn. Bhd.	24.02.2010	21.02.2010	10.03.2010	17
	Offshore CPI Supply Sdn. Bhd.	14.12.2009	31.12.2009	26.01.2010	26
	Richbill Services Sdn. Bhd.	27.07.2009	09.06.2009	31.07.2009	52
Sarawak	Focusmax Services Sdn. Bhd., Bintulu	08.05.2009	01.05.2009	16.06.2009	46
	Mas Kargo, Bintulu	17.02.2010	31.12.2009	23.03.2010	82
	Syarikat Vogue Enterprise, Miri	09.02.2009	04.02.2009	09.02.2009	5

Nota : ***LTSAAS - Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah***

iii. *Berdasarkan maklum balas, Jabatan Kastam bersetuju bahawa kelemahan wujud dalam pengurusan pembaharuan lesen. Bagi mengatasi masalah ini, Jabatan Kastam telah menyediakan senarai semak di mana surat peringatan akan dikeluarkan dalam tempoh 2 bulan sebelum tempoh tamat lesen dan kompaun yang sewajarnya dikenakan terhadap syarikat yang gagal mematuhi peraturan berkenaan.*

b. Kelewatan Memproses Pembaharuan Lesen

Bagi permohonan pembaharuan lesen yang dikemukakan oleh syarikat dalam tempoh yang ditetapkan, pihak Audit mendapati Jabatan Kastam dapat meluluskan permohonan sebelum tamat tempoh lesen asal kecuali 4 gudang berlesen di mana berlaku kelewatan antara 8 hingga 110 hari selepas tarikh tamat lesen asal. *Berdasarkan maklum balas Jabatan Kastam, punca kelewatan adalah disebabkan syarikat lewat menjelaskan kompaun, menyerahkan dokumen permohonan pembaharuan yang tidak lengkap atau menyerahkan permohonan mengubah struktur kawasan gudang bersekali dengan permohonan pembaharuan lesen yang melibatkan proses kerja yang berbeza. Sehubungan itu, surat peringatan telah dikeluarkan kepada syarikat berkenaan pada bulan Oktober 2010 supaya kes seumpama ini tidak berulang lagi.* Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.4
PERMOHONAN PEMBAHARUAN GUDANG BERLESEN
YANG LEWAT DILULUSKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA BULAN JULAI 2010

NEGERI	GUDANG BERLESEN	TARIKH PERMOHONAN	TARIKH TAMAT LESEN	TARIKH LULUS	KELEWATAN (Hari)
Pahang	Entro Development Sdn. Bhd.	10.11.2009	31.12.2009	08.01.2010	8
Sarawak	ISMACO Sdn. Bhd.	13.11.2009	14.12.2009	01.03.2010	76
	Mas Kargo, Sibu	10.02.2010	14.03.2010	02.07.2010	110
	Lembaga Pelabuhan Rajang	18.11.2008	31.12.2008	03.04.2009	93

Pada pendapat Audit, sungguhpun Jabatan Kastam telah mengambil tindakan penambahbaikan yang sewajarnya, namun pemantauan yang berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang di masa hadapan.

10.4.5. Pemantauan

10.4.5.1. Penyata Kesalahan Yang Dilakukan Oleh Gudang Berlesen

a. Bagi meningkatkan kawalan terhadap gudang berlesen, Jabatan Kastam telah menetapkan supaya setiap pejabat Kastam Negeri mengemukakan Penyata Mengenai Kesalahan Gudang Berlesen setiap bulan kepada Ibu Pejabat selewat-lewatnya pada 15 hari bulan berikutnya bagi mengenal pasti pengusaha gudang berlesen yang bermasalah dan memastikan tindakan yang bersesuaian diambil terhadap mereka berdasarkan peraturan dan ketetapan sedia ada. Ketetapan ini dikuatkuasakan mulai tahun 2008.

b. Semakan Audit mendapati hanya Cawangan Penggudangan Dan Perindustrian, Kuching dan Unit Perindustrian Stesen Kastam Miri, Sarawak serta Cawangan Penggudangan Pelabuhan Klang, Selangor menyediakan Penyata Kesalahan Yang Dilakukan Oleh Gudang Berlesen. Semakan Audit selanjutnya mendapati Ibu Pejabat Jabatan Kastam tidak pernah mengambil sebarang tindakan susulan terhadap pejabat Kastam Negeri yang gagal mengemukakan Penyata Kesalahan Yang Dilakukan Oleh Gudang Berlesen.

c. *Berdasarkan maklum balas, peruntukan untuk menyedia dan menghantar penyata tersebut merupakan satu penambahbaikan oleh Ibu Pejabat Jabatan Kastam. Penyata Mengenai Kesalahan Gudang Berlesen telah disediakan oleh semua negeri dan dimajukan ke Ibu Pejabat selepas teguran Audit.*

Pada pendapat Audit, penetapan Ibu Pejabat supaya semua pejabat Kastam Negeri mengemukakan Penyata Mengenai Kesalahan Gudang Berlesen tidak berfaedah sekiranya tiada tindakan susulan diambil untuk memastikan semua pejabat Kastam Negeri mematuhi ketetapan ini.

10.4.5.2. Pemeriksaan Fizikal

a. Mengikut Peraturan 54, Peraturan-peraturan Kastam 1977, mana-mana pegawai kanan kastam atau mana-mana pegawai yang diwakilkan oleh pegawai kanan tersebut boleh pada bila-bila masa memeriksa, menimbang atau menyukat stok barang berduti atau apa-apa barang lain yang disimpan di gudang berlesen dan boleh memeriksa tiap-tiap bungkusan atau kontena yang didapati pada mana-mana gudang itu dan juga isi kandungannya. Menurut Seksyen 65(4) Akta Kastam 1967 pula, mana-mana gudang berlesen atau mana-mana bahagiannya terdapat kekurangan kuantiti barang berduti yang sepatutnya berada di dalam gudang berlesen itu adalah dianggap telah memindahkannya dan dikehendaki membayar duti yang boleh dikenakan ke atas barang yang berkurangan itu.

b. Semakan Audit mendapati pemeriksaan fizikal secara berkala tidak dilakukan oleh Jabatan Kastam di semua gudang berlesen yang dilawati. *Jabatan Kastam memaklumkan bahawa program pemeriksaan fizikal berkala tidak disediakan kerana kekurangan pegawai di cawangan/unit yang berkaitan. Bagaimanapun, pemeriksaan untuk tujuan permohonan pembaharuan lesen gudang ada dijalankan sekali dalam tempoh 2 tahun.* Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya Cawangan Penggudangan Dan Perindustrian, Kuching; Cawangan Penggudangan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang dan Unit Industri, Stesen Kastam Bintulu yang mengalami kekurangan pegawai yang ketara berbanding dengan jumlah gudang berlesen yang perlu dikawal. Maklumat lanjut berkaitan bilangan pegawai dan jumlah gudang berlesen yang dikawal adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.5
PERBANDINGAN ANTARA BILANGAN PEGAWAI DAN JUMLAH GUDANG BERLESEN YANG DIKAWAL SETAKAT BULAN JULAI 2010

NEGERI	CAWANGAN/STESEN	BILANGAN PEGAWAI	BILANGAN GUDANG BERLESEN
Pahang	Cawangan Penggudangan	9	11
Melaka	Cawangan Penggudangan	9	8
Selangor	Cawangan Penggudangan Pelabuhan Klang	54	88
	Cawangan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang	4*	16
Pulau Pinang	Cawangan Penggudangan Pulau Pinang	25	17
	Cawangan Penggudangan Prai	46	32
Sarawak	Cawangan Penggudangan Dan Perindustrian, Kuching	7*	49
	Unit Industri Stesen Kastam Sibu	3	2
	Unit Industri Stesen Kastam Bintulu	2*	11
	Unit Industri Stesen Kastam Miri	3	7
JUMLAH		**162**	**241**

Nota: ***(*) - Cawangan Yang Kekurangan Pegawai***

Pada pendapat Audit, kawalan dan pemantauan yang lemah boleh menyebabkan pengeluaran barang tanpa dibayar duti/cukai kastam dan Kerajaan kehilangan hasil. Jabatan Kastam hendaklah merancang, melaksana dan memantau program pemeriksaan fizikal bagi memastikan setiap operasi penerimaan dan pemindahan stok serta rekod stok di gudang berlesen sentiasa dipantau secara menyeluruh. Selain itu, Jabatan Kastam perlu mengkaji semula perjawatan atau melaksanakan dasar *redeployment* di cawangan/unit yang mengalami kekurangan pegawai/kakitangan supaya pemeriksaan berkala terhadap gudang berlesen dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

10.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan lagi prestasi pengurusan kawalan gudang berlesen supaya undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dapat dipatuhi sepenuhnya di samping dapat **menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil**, adalah disyorkan supaya Jabatan Kastam Diraja Malaysia mempertimbangkan perkara seperti berikut:

10.5.1. Mengambil tindakan tegas dengan mengenakan kompaun atau denda yang sewajarnya mengikut peruntukan akta yang berkaitan terhadap syarikat yang gagal mengemukakan permohonan pembaharuan lesen dalam masa yang ditetapkan, tidak menyimpan barangan berduti dengan selamat atau menyalahgunakan kemudahan yang diberi dan menjalankan aktiviti yang tidak dibenarkan.

10.5.2. Merancang, melaksana dan memantau program pemeriksaan fizikal serta memastikan penyata stok bulanan dikemukakan oleh gudang berlesen bagi memastikan setiap operasi penerimaan dan pemindahan stok dan rekod stok di gudang berlesen sentiasa dipantau secara menyeluruh.

10.5.3. Memastikan permohonan pembaharuan lesen diluluskan sebelum tarikh luput lesen asal bagi mengelakkan sebarang aktiviti yang tidak sah berlaku di samping dapat menjaga imej dan nama baik Jabatan.

10.5.4. Mewujudkan sistem kawalan dalaman supaya semua pejabat Kastam Negeri mengemukakan Penyata Mengenai Kesalahan Gudang Berlesen setiap bulan bagi mengenal pasti pengusaha gudang berlesen yang bermasalah dan memastikan tindakan yang bersesuaian diambil terhadap mereka berdasarkan peraturan dan ketetapan sedia ada.

10.5.5. Mengkaji semula perjawatan atau melaksanakan dasar *redeployment* di cawangan/unit yang mengalami kekurangan pegawai/kakitangan pemeriksaan berkala terhadap gudang berlesen dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

11. PENGURUSAN SKIM INSENTIF PENINGKATAN HASIL PADI

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian) telah memperkenalkan 9 jenis bantuan dalam bentuk insentif, pemberian atau subsidi bagi industri padi/beras. Dalam tahun 2010, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM1.64 bilion bagi kesemua jenis bantuan ini. Salah satu daripada bantuan ini adalah Insentif Peningkatan Hasil Padi (IPH). Kementerian telah mencadangkan skim IPH ini kepada Jemaah Menteri pada 25 September 2006 ekoran dari keputusan Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran beras dalam negara hingga mencapai 90% tahap sara diri/*self sufficient level* menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9). Selain itu, cadangan ini juga berkaitan dengan peningkatan kos pengeluaran padi pada tahun 2006 yang telah mengakibatkan pendapatan bersih pesawah/pengusaha (pesawah) merosot antara 20.7% hingga 39.2%. Bagi memastikan pesawah terus menanam padi, mengurangkan bebanan kos yang ditanggung oleh mereka serta meningkatkan pengeluaran beras dalam negara pada tahun 2010, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 September 2006 telah bersetuju skim IPH dilaksanakan dan pembayarannya dibuat mulai bulan Mac 2007 dengan kadar/peruntukan seperti berikut:

a. RM650 satu tan metrik sehektar bagi pesawah yang mengusahakan tanaman padi melebihi 2 hektar.
b. Kadar minimum sebanyak RM200 bagi pesawah yang mengusahakan tanaman padi kurang dari 2 hektar.
c. Bonus sebanyak RM650 setiap hektar bagi pesawah yang mencapai hasil 10 tan metrik sehektar.
d. Anggaran peruntukan skim IPH adalah berjumlah RM29 juta setahun.

11.1.2. Objektif skim Insentif Peningkatan Hasil Padi adalah untuk memberi galakan kepada petani untuk meningkatkan hasil padi semasa dan mencapai hasrat Kerajaan meningkatkan tahap sara diri.

11.1.3. Jemaah Menteri juga meluluskan Dasar Jaminan Bekalan Makanan 2008 - 2010 pada 23 April 2008 berikutan peningkatan berterusan harga makanan di pasaran dunia. Dasar Jaminan Bekalan Makanan ini adalah terdiri daripada langkah jangka masa pendek yang akan dilakukan dengan serta merta dalam memastikan kecukupan dan keselamatan bahan makanan. Antara komponen Dasar Jaminan Bekalan Makanan ini ialah pemberian subsidi dan pembayaran insentif.

11.1.4. Sejak skim IPH dilaksanakan mulai tahun 2007 hingga 2010, sejumlah RM230.62 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan skim IPH berjumlah RM152 juta dan RM72 juta daripada peruntukan Dasar Jaminan Bekalan Makanan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SKIM INSENTIF PENINGKATAN HASIL PADI BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2010

TAHUN	PERUNTUKAN			PERBELANJAAN
	INSENTIF PENINGKATAN HASIL PADI	DASAR JAMINAN BEKALAN MAKANAN NEGARA	JUMLAH	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
2007	32	-	32	75.84
2008	40	27	67	110.36
2009	40	45	85	44.42
2010	40	-	40	-
JUMLAH	**152**	**72**	**224**	**230.62**

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada skim Insentif Peningkatan Hasil Padi telah diuruskan dengan teratur, cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.

11.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini tertumpu kepada aspek pengurusan skim Insentif Peningkatan Hasil Padi bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 (musim 1/2010). Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di Bahagian Industri Padi Dan Beras, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani; Jabatan Pengurusan Skim, Ibu Pejabat BERNAS dan 12 Pejabat Pangkalan Subsidi, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) di 4 negeri iaitu Kedah (Jerlun, Jitra dan Langgar); Perak (Cangkat Lada, Simpang Lima dan Sungai Manik); Sabah (Kota Belud, Papar dan Tuaran) dan Selangor (Sekinchan, Sungai Besar dan Tiram Jaya). Selain itu, temu bual dengan 106 pesawah juga diadakan.

11.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 mendapati objektif skim Insentif Peningkatan Hasil Padi iaitu menggalakkan petani untuk meningkatkan pengeluaran padi telah dapat dicapai. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan IPH seperti tiada perjanjian yang mengikat BERNAS yang dilantik sebagai agensi pelaksana skim; peruntukan tidak mencukupi mengakibatkan Kerajaan belum membayar insentif berjumlah RM110.67 juta kepada 73,291 pesawah; kadar insentif yang tidak munasabah bagi pesawah yang mengusahakan tanaman padi lebih 2 hektar; proses meluluskan permohonan pendaftaran baru tidak teratur; kelewatan BERNAS menyelesaikan siasatan terhadap

kes di mana peningkatan hasil padi melebihi 10% daripada anggaran hasil yang ditetapkan dan pemantauan terhadap pelaksanaan insentif yang kurang berkesan. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani adalah seperti di perenggan berikut:

11.4.1. Pencapaian Peningkatan Hasil Padi

Peningkatan/pengurangan hasil padi bergantung kepada pelbagai faktor seperti kesuburan tanah, cuaca, penyelidikan dan pembangunan, kos pengeluaran, keupayaan pesawah dan sikap pesawah. Namun demikian, Kerajaan dari semasa ke semasa telah memperkenalkan pelbagai skim/program untuk membantu meningkatkan hasil padi. Secara amnya, skim IPH yang telah diperkenalkan telah membantu dalam meningkatkan hasil padi negara. Sejak skim IPH dilaksanakan iaitu mulai tahun 2007 hingga 2009, didapati pengeluaran hasil padi telah dapat dipertingkatkan iaitu dari 2% pada tahun 2007 dan 3.8% pada tahun 2009. Bagi tahun 2010, berlaku penurunan hasil padi kerana masalah banjir di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan terdapat serangan penyakit bena perang, reput hawa seludang serta serangan tikus. Selain itu, masalah kekurangan bekalan air di Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (AIDA) turut menjejaskan pengeluaran hasil padi. Kedudukan pencapaian pengeluaran padi adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.2
KEDUDUKAN PENGELUARAN PADI BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2010

TAHUN	KELUASAN BERTANAM PADI	PENGELUARAN PADI	NILAI PENGELUARAN PADI	PURATA HASIL PADI	PERATUS PENINGKATAN HASIL PADI
	(Hektar)	('000 Tan Metrik)	(RM Juta)	(Tan/Hektar)	(%)
2007	676,111	2,375	1,543.75	3.513	-
2008	656,602	2,353	1,764.75	3.584	2.0
2009	674,928	2,511	1,883.25	3.720	3.8
2010*	677,884	2,465	1,848.62	3.636	(2.3)

Nota: ***(*) - Data Bagi Tahun 2010 Masih Belum Muktamad***

Pada pendapat Audit, skim Insentif Peningkatan Hasil Padi yang diperkenalkan telah menyumbang kepada peningkatan hasil padi negara.

11.4.2. Pelantikan Agensi Pelaksana

11.4.2.1. Semakan Audit terhadap surat maklum balas yang dikemukakan oleh Kementerian Kewangan kepada Kementerian pada 31 Disember 2007 mendapati Kementerian telah dibenarkan untuk mengeluarkan surat niat kepada BERNAS dan perlu memastikan perjanjian melantik BERNAS untuk mengurus skim IPH disemak dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Penswastaan [kini dinamakan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri. Kementerian telah mengeluarkan surat pelantikan BERNAS sebagai agensi

pelaksana skim IPH pada 4 Januari 2008. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan, perjanjian pelantikan BERNAS masih tidak dibuat antara Kerajaan dengan BERNAS.

11.4.2.2. *Berdasarkan maklum balas daripada UKAS pada 31 Januari 2011, draf perjanjian yang diterima daripada Kementerian pada 26 Februari 2008 telah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang (PUU), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 8 April 2008*. *PUU berpandangan bahawa perjanjian khusus dengan BERNAS tidak diperlukan bagi melaksanakan skim IPH kerana insentif ini boleh diliputi di bawah perjanjian konsesi sedia ada bagi skim subsidi harga padi yang juga diuruskan oleh BERNAS. Bagaimanapun, jika terdapat apa-apa perubahan atau tambahan kepada mekanisme, pusat pembayaran atau obligasi mana-mana pihak, sesuatu perjanjian tambahan mungkin diperlukan untuk menggambarkan hasrat tersebut.*

11.4.2.3. *Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian, cadangan draf perjanjian mengenai pengurusan pelaksanaan IPH telah disediakan oleh BERNAS dan telah dipanjangkan ke Bahagian Undang-undang, Kementerian pada 11 Mei 2011 untuk ulasan dan pandangan.*

Pada pendapat Audit, memandangkan skim IPH dan skim subsidi harga padi mempunyai prinsip, pendekatan dan klien yang berbeza, satu perjanjian penswastaan yang khusus mengenai skim IPH hendaklah dimeterai secepat mungkin bagi menjamin kepentingan Kerajaan serta melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan IPH.

11.4.3. Prestasi Pembayaran Insentif

11.4.3.1. Bayaran insentif akan dibuat kepada pesawah yang berjaya meningkatkan pengeluaran hasil padi melebihi 1% pada sesuatu musim. Sehubungan ini, pihak BERNAS akan membandingkan hasil padi musim semasa dengan musim asas. Hasil padi musim asas adalah berdasarkan purata hasil untuk 3 musim berturut-turut sebelum musim semasa. Bagi pesawah yang mengusahakan sawah kurang daripada 3 musim, musim asas akan dikira berdasarkan jumlah hasil musim sebelumnya.

11.4.3.2. Semakan Audit mendapati seramai 286,963 pesawah telah berjaya meningkatkan hasil padi melebihi 1% untuk musim 1/2007 hingga musim 1/2010. Berdasarkan rekod yang diselenggarakan oleh BERNAS, pesawah adalah layak dibayar insentif berjumlah RM341.29 juta. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2010, pihak BERNAS hanya dapat membayar insentif berjumlah RM230.62 juta kerana kekurangan peruntukan. Adalah didapati peruntukan yang disediakan untuk skim IPH hanya berjumlah RM152 juta untuk tempoh tahun 2007 hingga 2010, manakala sejumlah RM72 juta adalah peruntukan daripada Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara. Keadaan ini menyebabkan seramai 73,291 pesawah masih belum dibayar insentif sejumlah

RM110.67 juta. Butiran lanjut mengenai prestasi pembayaran IPH untuk musim 1/2007 hingga musim 1/2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.3
PRESTASI PEMBAYARAN INSENTIF
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2010

TAHUN	PESAWAH YANG LAYAK		PESAWAH YANG TELAH DIBAYAR		PERUNTUKAN YANG DISALURKAN KEPADA BERNAS	PESAWAH YANG BELUM DIBAYAR	
	BILANGAN (Orang)	INSENTIF (RM Juta)	BILANGAN (Orang)	INSENTIF (RM Juta)	(RM Juta)	BILANGAN (Orang)	INSENTIF (RM Juta)
2007	64,708	76.23	64,581	75.84	32.00	127	0.39
2008	98,691	117.65	95,726	110.36	67.00	2,965	7.29
2009	103,156	127.10	53,365	44.42	85.00	49,791	82.68
2010*	20,408	20.31	0	0.00	40.00	20,408	20.31
JUMLAH	**286,963**	**341.29**	**213,672**	**230.62**	**224.00**	**73,291**	**110.67**

Nota : ***(*) - Untuk Musim 1/2010 Sahaja***

11.4.3.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak BERNAS hanya memaklumkan kepada Kementerian berkaitan kekurangan peruntukan kewangan pada tahun 2010 iaitu semasa pengauditan dijalankan. Bagi menyelesaikan masalah ketidakcukupan peruntukan, Kementerian pada bulan Jun 2010 telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan berjumlah RM205 juta kepada Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, adalah didapati permohonan ini telah ditolak oleh Kementerian Kewangan pada 22 Julai 2010 dan Kementerian telah diminta oleh Kementerian Kewangan untuk menyemak semula keutamaan program sedia ada dan menyediakan peruntukan yang mencukupi. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, permohonan peruntukan tambahan bagi menyelesaikan tunggakan tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 15 April 2011 dan masih dalam tindakan Kementerian Kewangan. Selain itu, peruntukan berjumlah RM80 juta telah diluluskan oleh Jemaah Menteri bagi pembayaran IPH tahun 2011.*

Pada pendapat Audit, memandangkan kekurangan peruntukan kewangan telah berlaku sejak pelaksanaan skim IPH pada tahun 2007, Kementerian perlu mengambil tindakan segera untuk menyemak semula keutamaan program sedia ada bagi menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk membayar insentif kepada semua pesawah yang layak.

11.4.4. Kadar Insentif

11.4.4.1. Berdasarkan kadar insentif yang diluluskan oleh Jemaah Menteri bagi pesawah yang mengusahakan tanaman padi melebihi 2 hektar iaitu RM650 satu tan metrik sehektar, BERNAS telah menyediakan formula perkiraan insentif dengan mengambil kira hasil musim semasa dan hasil purata musim asas, luas usaha musim semasa dan kadar insentif.

11.4.4.2. Semakan Audit terhadap 360 rekod bayaran insentif untuk musim 2/2008 di 12 Pejabat Pangkalan Subsidi BERNAS di negeri Kedah, Perak,

Sabah dan Selangor mendapati bayaran insentif adalah mengikut kadar yang diluluskan oleh Jemaah Menteri dan formula yang disediakan oleh BERNAS seperti berikut:

a. Seramai 55 pesawah yang mana luas sawah yang diusahakan adalah kurang daripada 2 hektar dan berjaya meningkatkan hasil padi antara 1.1% hingga 39% telah dibayar insentif berjumlah RM11,000 mengikut kadar yang ditetapkan iaitu RM200 bagi setiap pesawah walaupun IPH yang sepatutnya dibayar jika mengikut kiraan sebenar (tanpa kadar minimum RM200) adalah RM6,401. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.4
PEMBAYARAN IPH BAGI PESAWAH
YANG MENGUSAHAKAN SAWAH KURANG DARI 2 HEKTAR

NEGERI	BILANGAN PESAWAH (Orang)	LUAS SAWAH (Hektar)		PENINGKATAN HASIL PADI		IPH TANPA KADAR MINIMUM
		KATEGORI KELUASAN	JUMLAH	(Kg./Hektar)	(%)	(RM)
Kedah	16	0.20 - 1.86	15.92	2,527.35	1.1 - 12.4	1,409
Perak	14	0.81 - 1.69	18.64	2,514.99	3.6 - 39	2,088
Sabah	10	0.60 - 1.69	11.05	1,891.73	2.2 - 18.9	1,139
Selangor	15	0.40 - 1.80	15.80	2,715.69	2 - 12.3	1,765
JUMLAH	**55**		**61.41**	**9,649.76**		**6,401**

b. Sebanyak 232 pesawah di mana luas sawah yang diusahakan adalah melebihi 2 hektar dan berjaya meningkatkan hasil padi antara 1% hingga 194.3% telah dibayar insentif berjumlah RM826,199 mengikut formula yang disediakan oleh BERNAS. Bagaimanapun didapati 73 daripada 232 pesawah tersebut di mana peningkatan hasil padi mereka adalah tidak begitu ketara telah dibayar insentif kurang daripada RM200. Ini adalah kerana mengikut formula tersebut, tahap peningkatan hasil padi adalah faktor utama dalam menentukan jumlah bayaran insentif. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.5
PEMBAYARAN IPH KURANG DARIPADA RM200 SEORANG

NEGERI	BILANGAN PESAWAH	LUAS SAWAH (Hektar)		PENINGKATAN HASIL PADI		JUMLAH DIBAYAR
		ANTARA	JUMLAH	(Kg./Hektar)	(%)	(RM)
Kedah	10	2.05 - 4.76	30.38	822.94	1.1 - 4.7	1,550
Perak	23	2.02 - 6.54	66.56	1,716.27	1 - 11.5	3,052
Sabah	13	2.03 - 2.97	30.64	922.02	1 - 6.8	1,366
Selangor	27	2.00 - 6.00	74.40	1,968.26	1 - 3.1	3,395
JUMLAH	**73**		**201.98**	**5,429.49**		**9,364**

Pada pendapat Audit, bayaran insentif yang kurang daripada RM200 bagi pesawah yang mengusahakan sawah melebihi 2 hektar adalah tidak munasabah jika dibandingkan dengan bayaran insentif kepada pesawah yang

mengusahakan sawah kurang dari 2 hektar. Ini adalah kerana pesawah daripada golongan ini tetap menerima insentif berjumlah RM200 sungguhpun peningkatan hasil padi tidak ketara. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya semua pesawah yang berjaya meningkatkan pengeluaran padi melebihi 1% dibayar RM200 sebagai insentif minimum.

11.4.5. Proses Pembayaran Insentif

11.4.5.1. Bagi memastikan skim IPH dapat dilaksanakan di seluruh negara, 52 Pangkalan Subsidi BERNAS di seluruh Malaysia dipertanggungjawabkan untuk urusan pendaftaran pesawah; pengesahan; siasatan dan pengiraan peningkatan hasil; penentuan musim awal dan musim akhir serta pemprosesan dan penyimpanan data dalam sistem *Domestic Operation Application*. Manakala pembayaran IPH hanya dibuat oleh Jabatan Pengurusan Skim yang berpejabat di Wilayah Utara, Alor Setar, Kedah dengan menggunakan kaedah *e-banking* melalui 3 bank iaitu Argobank, Bank Islam (M) Bhd. dan Bank Simpanan Nasional. Sehubungan ini, pihak BERNAS juga mengeluarkan Manual Prosedur Kerja Skim Subsidi Harga Padi (Manual) bagi mempertingkatkan kecekapan dalam urusan pemberian subsidi dan pembayaran insentif. Semakan Audit terhadap proses pembayaran insentif mendapati perkara berikut:

a. Mengikut Manual, setiap borang permohonan pendaftaran baru untuk menambah lot/saiz atau penukaran nama pesawah hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti surat akuan pemilik/penyewa dan surat hak milik tanah. Selepas permohonan disemak, ia hendaklah ditandatangani oleh Penolong Pengurus Subsidi/Ketua Pangkalan BERNAS sebagai bukti permohonan telah diluluskan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 360 sampel borang permohonan pendaftaran baru di 3 Pejabat Pangkalan Subsidi di setiap negeri yang dilawati. Semakan ini mendapati sebanyak 3 (0.8%) permohonan tidak disertakan dengan dokumen sokongan dan 78 (21.7%) tidak mempunyai tandatangan Penolong Pengurus Subsidi/Ketua Pangkalan BERNAS sebagai bukti permohonan telah diluluskan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.6
BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN YANG TIDAK MEMPUNYAI TANDATANGAN PEGAWAI DAN/ATAU TIDAK DISERTAKAN DENGAN DOKUMEN SOKONGAN

PEJABAT PANGKALAN SUBSIDI	NEGERI	BILANGAN SAMPEL	BORANG PERMOHONAN YANG TIDAK DITANDATANGANI (KELULUSAN)	SALINAN DOKUMEN SOKONGAN YANG TIDAK DISERTAKAN	
				SURAT AKUAN PEMILIK/PENYEWA	SURAT HAKMILIK TANAH
Kota Belud	Sabah	30	30	-	-
Papar		30	28	2	1
Tuaran		30	20	-	-
JUMLAH		**360**	**78**	**2**	**1**

b. Manual menetapkan bahawa pesawah perlu mendaftar di pangkalan BERNAS bagi melayakkan mereka menerima skim IPH. Data dan maklumat pesawah yang telah mendaftar akan diproses dan disimpan dalam sistem *Domestic Operation Application*. Pihak BERNAS akan menetapkan anggaran pengeluaran hasil mengikut kawasan/mukim/unit dan hasil padi pesawah akan dimasukkan dalam sistem bagi tujuan pembayaran IPH dan pemberian subsidi. Bagi peningkatan hasil padi yang melebihi 10% daripada anggaran hasil yang ditetapkan, IPH tidak akan dibayar sehingga proses siasatan selesai dijalankan di mana tempoh siasatan yang ditetapkan adalah satu tahun. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sehingga bulan September 2010, pihak BERNAS masih dalam proses menyiasat 11,713 kes peningkatan hasil padi yang melebihi 10% daripada anggaran hasil yang ditetapkan. Daripada 11,713 kes ini, sebanyak 4,457 (38.1%) adalah kes tahun 2007 hingga 2009, iaitu kes siasatan yang belum selesai selepas tempoh satu tahun. *Pihak Audit dimaklumkan bahawa antara punca kelewatan menyelesaikan kes tersebut adalah disebabkan tiada maklum balas dari pesawah dan pihak yang terlibat tidak dapat dihubungi kerana maklumatnya tidak lengkap.* Maklumat kes siasatan yang belum selesai adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.7
SIASATAN KES LEBIHAN ANGGARAN HASIL YANG MASIH BELUM SELESAI

NEGERI	BILANGAN PANGKALAN	SIASATAN KES LEBIHAN ANGGARAN HASIL YANG BELUM SELESAI				
		2007	2008	2009	2010	JUMLAH
Kedah	21	569	630	1,453	3,371	6,023
Perak	3	12	72	353	715	1,152
Melaka	1	23	69	192	793	1,077
Sabah	5	141	148	261	461	1,011
Pulau Pinang	1	10	5	35	528	578
Perlis	2	6	15	41	208	270
Terengganu	2	0	0	154	465	619
Kelantan	3	44	29	123	435	631
Pahang	1	6	7	38	87	138
Selangor	3	1	3	14	181	199
Sarawak	6	0	0	3	12	15
Johor	1	0	0	0	0	0
Negeri Sembilan	1	0	0	0	0	0
JUMLAH	**50**	**812**	**978**	**2,667**	**7,256**	**11,713**

Pada pendapat Audit, pihak BERNAS perlu memastikan setiap permohonan pendaftaran baru diluluskan dengan teratur dan disokong dengan dokumen yang berkaitan supaya kelulusan tersebut tidak dipertikaikan. Selain itu, BERNAS juga perlu menyelesaikan siasatan terhadap semua kes lebihan anggaran peningkatan hasil padi dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan ia berlanjutan dengan memastikan maklumat pesawah adalah

lengkap dan terkini. Kementerian hendaklah mengadakan mekanisme pemantauan yang berkesan supaya penyelesaian siasatan dapat dipercepatkan oleh BERNAS bagi menjamin objektif insentif ini tercapai.

11.4.6. Pemantauan Skim IPH

11.4.6.1. Apabila Jemaah Menteri meluluskan IPH pada tahun 2006, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian untuk memantau pelaksanaannya supaya ia dapat diuruskan dengan teratur serta mencapai matlamat yang ditetapkan. Malahan, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri semasa memberi ulasan terhadap kertas cadangan Kementerian untuk melaksanakan IPH kepada Jemaah Menteri telah menyatakan bahawa Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani hendaklah mewujudkan mekanisme pelaksanaan yang teratur dan terus dipantau secara kerap di peringkat akar umbi bagi memastikan pesawah menerima faedah yang maksimum dan tidak berlaku penyelewengan. Sehubungan ini, adalah penting juga semua pesawah dimaklumkan berkaitan insentif ini agar mereka akan lebih gigih dan berusaha untuk meningkatkan hasil padi bagi memastikan skim IPH mencapai matlamat yang ditetapkan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian memantau dan memastikan pihak BERNAS memainkan peranan untuk menyebar maklumat berkaitan skim IPH kepada pesawah.

11.4.6.2. Berdasarkan fail yang dikemukakan oleh Kementerian, adalah didapati hanya 2 surat panggilan mesyuarat dibuat iaitu pada tahun 2009 dan 2010. Mesyuarat ini telah diadakan bersama agensi terlibat dengan skim IPH seperti BERNAS, Lembaga Pertubuhan Peladang, Jabatan Pertanian, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) Seberang Perak. Bagaimanapun, hanya satu minit mesyuarat iaitu Bil. 1/2010 yang disediakan pada 2 Februari 2010 telah difailkan.

11.4.6.3. Bagi menentukan sama ada maklumat berkaitan skim IPH telah disebar kepada pesawah, pihak Audit telah menemu bual seramai 106 pesawah di 12 Pejabat Pangkalan Subsidi BERNAS yang dilawati. Berdasarkan maklum balas yang diterima, analisis mendapati kebanyakan pesawah tidak tahu kadar insentif yang layak diterima sekiranya hasil padi mereka meningkat dan juga terdapat pesawah yang tidak tahu bahawa mereka layak menerima insentif sekiranya mereka lebih gigih berusaha untuk meningkatkan hasil padi. Analisis maklum balas adalah seperti berikut:

a. Seramai 74 pesawah (69.8%) tidak mengetahui kadar yang mereka layak terima jika terdapat peningkatan hasil.

b. Seramai 56 pesawah (52.8%) tidak mengetahui tentang pemberian bonus berjumlah RM650 bagi setiap hektar yang diusahakan jika pengeluaran hasil padi melebihi 10 tan metrik sehektar.

c. Seramai 9 pesawah (8.5%) tidak mengetahui mengenai skim IPH.

Pada pendapat Audit, bagi meningkat pemantauan terhadap pelaksanaan skim IPH, Kementerian perlu mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap. Selain itu, setiap mesyuarat seharusnya mempunyai minit yang difailkan dengan teratur. Sehubungan ini, Kementerian perlu memastikan pihak BERNAS mempunyai suatu mekanisme yang lebih berkesan untuk mendedahkan dan mendidik pesawah mengenai insentif ini secara berterusan bagi memastikan pesawah berusaha untuk meningkatkan pengeluaran padi yang seterusnya dapat memberi manfaat kepada pesawah secara khusus dan negara secara amnya.

11.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan skim Insentif Peningkatan Hasil Padi dapat dilaksanakan secara berkesan dan Kerajaan mendapat nilai pulangan yang baik serta nilai tambah kepada pesawah, adalah disyorkan supaya pihak terlibat melaksanakan perkara berikut:

11.5.1. Bagi menjamin kepentingan Kerajaan serta melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan IPH, Kementerian perlu mengambil tindakan segera bagi memastikan perjanjian penswastaan antara Kerajaan dan BERNAS dimuktamadkan.

11.5.2. Kementerian perlu mengambil tindakan segera untuk menyemak semula keutamaan program sedia ada bagi menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk membayar insentif kepada semua pesawah yang layak.

11.5.3. Kementerian perlu memastikan semua pesawah yang berjaya meningkatkan pengeluaran padi melebihi 1% hendaklah dibayar RM200 sebagai insentif minimum tanpa mengambil kira keluasan sawah yang diusahakan.

11.5.4. BERNAS perlu memastikan setiap permohonan pendaftaran baru diluluskan dengan teratur dan disokong dengan dokumen yang berkaitan supaya kelulusan tersebut tidak dipertikaikan. Selain itu, BERNAS juga perlu menyelesaikan siasatan terhadap semua kes lebihan anggaran hasil dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan ia berlanjutan dengan memastikan maklumat pesawah adalah lengkap dan terkini.

11.5.5. Kementerian hendaklah mengadakan mekanisme pemantauan yang berkesan supaya penyelesaian siasatan dapat dipercepatkan oleh BERNAS. Bagi meningkat pemantauan terhadap pelaksanaan skim IPH, Kementerian perlu mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap dan mengambil tindakan terhadap masalah yang dihadapi oleh pesawah.

11.5.6. Kementerian perlu memastikan pihak BERNAS mempunyai suatu mekanisme yang lebih berkesan untuk memberi bimbingan kepada pesawah mengenai insentif ini secara berterusan bagi memastikan pesawah berusaha untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

12. PROJEK PUSAT FIDLOT NASIONAL

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian) telah menggubal Dasar Pengeluaran Daging Lembu Negara sebagai garis panduan dalam meningkatkan pengeluaran daging negara. Dua objektif utama dasar tersebut adalah untuk meningkatkan populasi ternakan lembu dan meningkatkan pengeluaran daging lembu. Dasar ini adalah selaras dengan *National Key Economic Area* yang telah ditetapkan iaitu pengukuhan syarikat penaung dalam ternakan lembu fidlot dan pelaburan luar negara dalam industri ternakan.

12.1.2. Dalam usaha menyokong hasrat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sembilan melalui Menteri Besar Negeri Sembilan Pemerbadanan (MBNS Inc.) bersetuju untuk membangunkan kawasan seluas 5,000 ekar di Daerah Gemas sebagai Ladang *Beef Valley* bagi mengusahakan aktiviti ternakan secara komersial agar dapat menyumbang kepada bekalan makanan negara. Pusat Fidlot Nasional (PFN) akan menjadi komponen utama di Ladang *Beef Valley* dan objektifnya adalah untuk dijadikan pusat penternakan lembu fidlot secara komersil dan bersepadu; mewujudkan sistem pengeluaran daging lembu secara perladangan kontrak dengan rantaian pemasaran produk yang kukuh dan bersepadu di seluruh negara serta mewujudkan rantaian bekalan (supply chain) dalam industri pengeluaran daging lembu secara bersepadu yang melibatkan aktiviti huluan dan hiliran.

12.1.3. Di bawah RMKe-9, Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM73.64 juta untuk melaksanakan projek PFN yang melibatkan kos pembangunan dan pengoperasian. Bagi pembangunan PFN, Kementerian pada bulan Disember 2006 telah menandatangani satu kontrak bernilai RM19.86 juta dengan APT Equity Sdn. Bhd. untuk kerja mereka bentuk, membina, membersihkan kawasan, menanam rumput dan membangunkan infrastruktur pengairan bagi 5,000 ekar tanah. Pada tahun 2007 pula, setelah MBNS Inc. memutuskan untuk mengambil balik 3,000 ekar tanah, Kementerian telah menandatangani satu lagi kontrak bernilai RM11.48 juta dengan syarikat yang sama untuk kerja pembinaan pagar berangkai dan jalan ladang bagi baki 2,000 ekar tanah.

12.1.4. Pada bulan Oktober 2006, Kementerian telah melantik Agroscience Industries Sdn. Bhd. sebagai syarikat peneraju untuk 1,500 ekar yang kemudiannya menubuhkan anak syarikat National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFCorp) sebagai *integrator* PFN. *Integrator* akan menaungi usahawan fidlot secara kontrak di kawasan ladang yang sama atau sekitarnya dengan membekalkan input utama seperti makanan ternakan dan anak lembu (feeder). Selain itu, Kementerian juga

melantik Lamberts Agricultural Trade (M) Sdn. Bhd. (Lamberts) sebagai operator utama penternakan lembu fidlot bagi kawasan seluas 500 ekar tanah.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada projek PFN telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

12.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek PFN. Semakan terhadap dokumen dan fail yang berkaitan telah dilaksanakan di Bahagian Industri Tanaman, Ternakan Dan Perikanan dan Bahagian Pengairan Dan Saliran Pertanian, Kementerian serta Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Di samping itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat serta lawatan ke tapak PFN juga dilakukan.

12.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2011 mendapati objektif projek PFN masih belum dicapai sepenuhnya disebabkan *Entrepreneur Development Programme* (EDP) bagi melahirkan 130 pengusaha ladang satelit belum dilaksanakan dan operator utama menarik diri pada tahun 2008. Selain itu, terdapat juga kelemahan dalam pengurusan projek seperti kelewatan/kegagalan menandatangani perjanjian pelaksanaan, pengurangan keluasan kawasan projek, infrastruktur tidak digunakan dan penyenggaraan infrastruktur yang kurang memuaskan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan pihak terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

12.4.1. Prestasi Pencapaian Projek

12.4.1.1. Sasaran Pengeluaran Lembu Tidak Tercapai

a. Projek PFN dibangunkan bertujuan untuk dijadikan kawasan penternakan lembu fidlot komersial dan bersepadu. Kementerian menjangkakan pengeluaran hasil ternakan lembu adalah sebanyak 60,000 ekor pada akhir tahun 2015. Pengeluaran ini dirancang berperingkat secara tahunan di mana Kementerian menetapkan sasaran pengeluaran sebanyak 8,000 ekor lembu pada tahun 2010. Semakan Audit mendapati pencapaian pengeluaran sebenar pada tahun 2010 hanyalah 3,289 ekor (41.1%). Antara sebab ketidakcapaian sasaran ini adalah seperti di perenggan berikut:

i. *Entrepreneur Development Programme* Belum Dilaksanakan

Berdasarkan perjanjian pelaksanaan, NFCorp perlu melaksanakan EDP bagi melahirkan 130 pengusaha ladang satelit. Sehubungan ini, NFCorp

perlu menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) sebagai panduan kepada pengusaha ladang satelit untuk menjalankan penternakan lembu fidlot. NFCorp juga perlu mengadakan perjanjian dengan pengusaha ladang satelit bagi membekal input lembu *feeder* dan makanan ternakan serta membeli balik lembu setelah digemukkan selama 100 hari oleh penternak. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2010, NFCorp masih belum melaksanakan EDP. Selain itu, draf SOP yang disediakan oleh NFCorp masih belum dimuktamadkan walaupun ia telah dipinda oleh JPV.

ii. Operator Utama Menarik Diri

Lamberts telah menerima tawaran Kementerian sebagai operator utama penternakan lembu fidlot bagi kawasan seluas 500 ekar. Bagaimanapun, didapati syarikat ini telah menarik diri pada 13 November 2008 kerana tidak mendapat sokongan daripada rakan kongsi syarikat yang membekalkan lembu.

iii. Kawasan Foder Dipenuhi *Acacia*

Mengikut kertas cadangan yang disediakan oleh JPV, dianggarkan 80% daripada keluasan kawasan PFN perlu digunakan untuk penanaman rumput sebagai makanan ternakan (foder). Kawasan ini sepatutnya ditanam dengan rumput yang bersesuaian seperti *napier* dan *guinea* untuk sistem penternakan intensif secara potong-angkut. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak PFN pada bulan Mac 2011 mendapati kebanyakan kawasan yang sepatutnya ditanam dengan rumput ditumbuhi dengan pokok *acacia* seperti di **Gambar 12.1** dan **12.2**. *Berdasarkan maklum balas JPV, pertumbuhan pokok acacia adalah terlalu cepat dan mengganggu kesuburan tanah yang ditanam dengan rumput walaupun pengapuran dan pembajaan telah dijalankan semasa peringkat pembersihan kawasan*.

GAMBAR 12.1



Kawasan NFCorp
- Kawasan Foder Ditumbuhi Acacia
(08.03.2011)

GAMBAR 12.2



Kawasan NFCorp
- Pokok Acacia Menutupi Rumput
(08.03.2011)

b. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, jumlah lembu yang sebenar dimasukkan ke ladang PFN adalah sebanyak 8,016 ekor bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,742 ekor telah disembelih sehingga akhir bulan November 2010. Oleh itu, sasaran 8,000 ekor lembu pada tahun 2010 sebenarnya telah dicapai.*

Pada pendapat Audit, sasaran pengeluaran sebanyak 8,000 ekor lembu bagi tahun 2010 masih belum dicapai kerana hanya sebanyak 5,742 ekor lembu disembelih untuk tempoh tahun 2008 hingga 2010. Bagi meningkatkan pengeluaran lembu, EDP dan sumber bekalan makanan hendaklah diberi keutamaan.

12.4.1.2. Prestasi Kewangan

a. Bagi tahun 2007 hingga 2010, sejumlah RM48.71 juta (66.1%) telah dibelanjakan daripada peruntukan keseluruhan berjumlah RM73.64 juta untuk membangunkan projek PFN. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK
PUSAT FIDLOT NASIONAL

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
2007	40.50	30.81	76.1
2008	11.50	10.16	88.3
2009	6.41	6.41	100.0
2010	15.23	1.33	8.7
JUMLAH	**73.64**	**48.71**	**66.1**

b. Kementerian Kewangan telah meluluskan geran pelancaran projek PFN berjumlah RM13 juta kepada NFCorp pada 3 Oktober 2007 bagi tujuan penyediaan infrastruktur. Adalah didapati sejumlah RM6.52 juta telah dibayar kepada NFCorp pada 25 Oktober 2007 dan Kementerian memutuskan baki geran pelancaran hanya akan dibayar setelah perjanjian pelaksanaan ditandatangani. Selain daripada geran pelancaran, Kementerian Kewangan juga telah meluluskan pinjaman mudah (soft loan) berjumlah RM250 juta kepada NFCorp dengan kadar faedah 2% setahun bagi tujuan membiayai kos pembangunan dan operasi PFN. Perjanjian pinjaman mudah telah ditandatangani di antara Kementerian Kewangan dan NFCorp pada 6 Disember 2007 dan sehingga akhir tahun 2010, sejumlah RM134.72 juta telah disalurkan kepada NFCorp.

c. Semakan Audit mendapati baki geran berjumlah RM6.48 juta masih belum dibayar kepada NFCorp walaupun perjanjian pelaksanaan telah ditandatangani pada 8 Mac 2010. Manakala pengeluaran baki wang pinjaman mudah berjumlah RM115.28 juta telah ditangguhkan pada bulan April 2009. Ini adalah disebabkan Kementerian Kewangan telah menangguhkan projek PFN sehingga kajian *Viability And Business Model Project* dilaksanakan.

d. *Berdasarkan maklum balas, kajian Viability And Business Model Project telah selesai dijalankan oleh UPM Holdings dan laporan dikemukakan kepada Kementerian pada 5 April 2011. Kementerian sedang mengkaji laporan tersebut dan akan mengemukakan laporan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat keputusan muktamad.*

Pada pendapat Audit, perbincangan untuk memutuskan pemberian bantuan kewangan, pengeluaran pinjaman mudah serta hala tuju projek perlu diadakan dengan segera untuk memastikan projek ini dapat dijayakan.

12.4.1.3. Prestasi Fizikal

a. Berdasarkan perjanjian pelaksanaan, Kerajaan perlu menyediakan infrastruktur asas seperti jalan masuk utama/ladang/sempadan, pemagaran perimeter/sempadan, kolam tadahan air, telaga tiub, sistem pengairan dan saliran serta bekalan elektrik dan air bersih. Selain itu, Kerajaan juga perlu melaksanakan pembersihan kawasan dan penanaman rumput sebagai foder. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

   i. Pada 14 Disember 2006, Kementerian telah melantik APT Equity Sdn. Bhd. melalui proses tender terbuka untuk melaksanakan kerja mereka bentuk, membina, membersihkan kawasan, menanam rumput dan membangunkan infrastruktur pengairan melibatkan keluasan tanah 5,000 ekar bagi tempoh 28 Disember 2006 hingga 27 Jun 2007. Adalah didapati kerja berkenaan hanya dapat disiapkan pada 17 Januari 2008 iaitu setelah 3 lanjutan masa melibatkan 204 hari diluluskan. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kementerian telah melantik syarikat yang sama secara rundingan terus (selepas mendapat kelulusan Perbendaharaan) pada 16 Julai 2007 untuk melaksanakan kerja pembinaan pagar berangkai dan jalan ladang melibatkan keluasan tanah 2,000 ekar. Tempoh kontrak ini adalah dari 1 Ogos 2007 hingga 30 November 2007. Bagaimanapun, kerja hanya dapat disiapkan pada 24 April 2008 iaitu setelah 2 lanjutan masa melibatkan 146 hari diluluskan. Sebab lanjutan masa diluluskan untuk kedua-dua kontrak adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.2
PERIHAL DAN SEBAB LANJUTAN MASA DILULUSKAN

PERIHAL KONTRAK	LANJUTAN MASA	TEMPOH	JUMLAH HARI	SEBAB LANJUTAN MASA
Kerja Mereka Bentuk, Membina Dan Menyiapkan Kerja Membersihkan Kawasan, Menanam Rumput Dan Membangunkan Infrastruktur Pengairan	Pertama	28.06.2007 hingga 28.09.2007	93	• Perubahan Skop Kerja Bagi Penanaman Rumput • Pembangunan Infrastruktur Bekalan Elektrik • Pembinaan Kolam Tambahan
	Kedua	29.09.2007 hingga 17.12.2007	80	• Pembangunan Infrastruktur Bekalan Elektrik
	Ketiga	18.12.2007 hingga 17.01.2008	31	• Pembangunan Infrastruktur Bekalan Elektrik
JUMLAH			**204**	
Pembinaan Pagar Berangkai Dan Jalan Ladang	Pertama	01.12.2007 hingga 31.01.2008	62	• Pembangunan Telaga Tiub
	Kedua	01.02.2008 hingga 24.04.2008	84	• Meroboh Dan Membina Semula Pintu Gerbang Kem Syed Sirajuddin • Tangki Rawatan Air Telaga Tiub • Perubahan Lokasi Tangki Air dan Sistem Perpaipan
JUMLAH			**146**	

ii. Nilai kontrak asal bagi kerja mereka bentuk, membina, membersihkan kawasan, menanam rumput dan membangunkan infrastruktur pengairan yang berjumlah RM19.86 juta telah meningkat sebanyak RM3.60 juta (18.1%) kepada RM23.46 juta. Ini disebabkan oleh 3 Arahan Perubahan Kerja (APK) dan satu Pelarasan Harga Kontrak (PHK) yang diluluskan. Selain itu, nilai kontrak asal bagi kerja pembinaan pagar berangkai dan jalan ladang yang berjumlah RM11.48 juta telah meningkat sebanyak RM2.12 juta (18.5%) kepada RM13.60 juta disebabkan 3 Arahan Perubahan Kerja dan satu Pelarasan Harga Kontrak. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.3
ARAHAN PERUBAHAN KERJA DAN PELARASAN HARGA KONTRAK

KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	ARAHAN PERUBAHAN KERJA DAN PELARASAN HARGA KONTRAK		NILAI KONTRAK SELEPAS APK DAN PHK (RM Juta)
		BIL.	NILAI (RM Juta)	
Kerja Mereka Bentuk, Membina Dan Menyiapkan Kerja Membersihkan Kawasan, Menanam Rumput Dan Membangunkan Infrastruktur Pengairan	19.86	APK 1	0.79	23.46
		APK2	6.54	
		APK3	(3.69)	
		PHK	(0.04)	
Pembinaan Pagar Berangkai Dan Jalan Ladang	11.48	APK 1	0.98	13.60
		APK 2	1.18	
		APK 3	0.24	
		PHK	(0.28)	

iii. Arahan Perbendaharaan menetapkan tempoh kontrak hendaklah masih berjalan semasa APK dipohon dan sekiranya jumlah keseluruhan APK melebihi 20% daripada nilai kontrak, kelulusan APK hendaklah diperolehi daripada Perbendaharaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

- Kelulusan APK bagi kontrak mereka bentuk, membina dan menyiapkan kerja membersihkan kawasan, menanam rumput dan membangunkan infrastruktur pengairan adalah teratur.

- Apabila APK 3 bagi kontrak pembinaan pagar berangkai dan jalan ladang menyebabkan perubahan jumlah kos keseluruhan menjadi 20.9%, kelulusan Perbendaharaan perlu diperolehi. Selain itu, didapati kontrak ini telah disahkan siap pada 24 April 2008, namun APK 3 dihantar kepada Perbendaharaan pada bulan Januari 2009, iaitu 8 bulan selepas kerja disahkan siap. Perbendaharaan telah meluluskan APK tersebut pada 29 April 2009 dengan mengingatkan Kementerian supaya kelulusan perubahan kerja hendaklah dipohon sebelum kerja disiapkan. *Mengikut ulasan Kementerian, kelewatan untuk mendapat kelulusan Perbendaharaan adalah disebabkan proses rundingan harga bagi APK 3 di mana kos keseluruhan APK telah melebihi 20%. Daripada tuntutan kontraktor berjumlah RM0.61 juta, yang diluluskan hanya berjumlah RM0.24 juta.*

iv. Perjanjian pelaksanaan juga menghendaki Kementerian membangunkan *abattoir* berkapasiti sembelihan 350 ekor sehari. Pelawaan tender telah dibuat pada 17 Disember 2008, namun Kementerian Kewangan pada 27 Mei 2009 telah mengarahkan supaya pembinaan *abattoir* dan semua pelaksanaan projek yang berkaitan dengan PFN ditangguhkan sehingga kajian *Viability and Business Model Project* dilaksanakan. Penangguhan pembinaan *abattoir* ini telah menyebabkan pihak NFCorp membina sendiri *mini abattoir* yang berkapasiti sembelihan 100 ekor sehari dan telah mula beroperasi pada 8 Mac 2009.

b. Berdasarkan perjanjian pelaksanaan, NFCorp mempunyai obligasi yang perlu dipenuhi untuk mencapai sasaran pengeluaran yang telah ditetapkan. Antaranya adalah seperti membangunkan kemudahan, menguruskan projek PFN, menyenggara infrastruktur dan mengeluarkan lembu fidlot. Semakan Audit mendapati beberapa obligasi yang dinyatakan dalam perjanjian tersebut masih belum dilaksanakan seperti berikut:

i. Kilang makanan ternakan untuk menyediakan makanan ternakan berasaskan sisa pertanian dan perindustrian kelapa sawit dengan campuran mineral dan nutrien sebagai tambahan kepada foder masih belum dibina.

ii. Kilang Bio Gas yang berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pemprosesan sisa pepejal dari *abattoir* dan fidlot untuk dijadikan *bio gas* bagi menjana kuasa elektrik di tapak NFCorp masih belum dibina.

c. *Berdasarkan maklum balas, perancangan projek telah dibuat dengan mengambil kira keperluan untuk mencapai objektif projek pada masa itu iaitu bagi menyediakan keperluan kemudahan asas dengan segera. Pembinaan pagar berangkai dan jalan ladang tidak dimasukkan dalam kontrak asal kerana kesuntukan masa yang mendesak pada masa itu. Sehubungan itu, perjanjian pelaksanaan masih belum dikuatkuasakan sepenuhnya kerana keputusan Kementerian Kewangan untuk menangguhkan projek PFN sehingga kajian Viability And Business Model Project dilaksanakan terlebih dahulu*.

Pada pendapat Audit, permohonan Arahan Perubahan Kerja selepas kerja disahkan siap sepenuhnya adalah tidak teratur dan dapat dielakkan sekiranya perancangan dibuat dengan teliti dan menyeluruh. Selain itu, Kementerian perlu memastikan *integrator* memenuhi obligasi selepas hala tuju projek mendapat keputusan muktamad Kerajaan.

12.4.2. Pengurusan Projek

Perancangan yang teliti dan menyeluruh hendaklah dibuat bagi memastikan sesuatu projek dapat dilaksanakan dengan lancar seperti mana yang dijadualkan. Selain itu, kepentingan Kerajaan perlu diambil kira sebelum melaksanakan projek. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

12.4.2.1. Kelewatan/Kegagalan Menandatangani Perjanjian Pelaksanaan

a. Walaupun NFCorp telah menerima tawaran sebagai integrator PFN pada 27 Oktober 2006, adalah didapati perjanjian pelaksanaan hanya ditandatangani pada 8 Mac 2010 iaitu selepas tempoh 3 tahun. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, kelewatan ini adalah disebabkan oleh masalah ketiadaan persetujuan yang dapat dicapai oleh kedua-dua pihak dalam menentukan obligasi Kerajaan dan NFCorp, program keusahawanan lembu fidlot, penamatan perjanjian atas kepentingan negara serta pandangan yang dikemukakan oleh Jabatan Peguam Negara. Untuk mendapat persetujuan kedua-dua pihak terlibat, sebanyak 32 mesyuarat telah diadakan.*

b. Lamberts telah menarik diri pada 13 November 2008 selepas infrastruktur kawasan dibangunkan oleh Kementerian. Memandangkan tiada perjanjian ditandatangani dengan syarikat, Kementerian tidak dapat mengenakan denda atau menuntut ganti rugi daripada syarikat tersebut. Lawatan Audit pada bulan Mac 2011 mendapati kawasan seluas 500 ekar serta kemudahan seperti kolam takungan air dan rumah pam masih belum digunakan (**Gambar 12.3** dan **12.4**). *Berdasarkan maklum balas, Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan beberapa agensi dan sektor swasta untuk mengambil alih tapak. Bagaimanapun, hasil perbincangan tidak mendapat maklum balas positif dan memuaskan. Di samping itu, Kementerian telah menyokong cadangan NFCorp untuk melaksanakan*

penanaman rumput di tapak berkenaan bagi menghasilkan foder. Bagaimanapun, keputusan pajakan tanah kepada NFCorp masih dalam pertimbangan dan kelulusan Kerajaan Negeri Sembilan.

GAMBAR 12.3



Kawasan Yang Sepatut Dipajak Kepada Lamberts - Kolam Takungan Yang Belum Digunakan (08.03.2011)

GAMBAR 12.4




Kawasan Yang Sepatut Dipajak Kepada Lamberts - Rumah Pam Air Yang Belum Digunakan (08.03.2011)

Pada pendapat Audit, kelewatan/kegagalan menandatangani perjanjian boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan. Selain itu, kawasan yang telah dibangunkan perlu dimajukan supaya pembaziran dapat dielakkan dan Kerajaan mendapat *value for money* bagi kos pembangunan yang telah dibelanjakan.

12.4.2.2. Pengurangan Keluasan Kawasan Projek

a. Pada asalnya keluasan kawasan bagi projek PFN adalah seluas 5,000 ekar yang terdiri daripada hutan simpan yang ditanam pokok *acacia.* Kerja pembersihan kawasan tersebut (5,000 ekar) telah dijalankan dengan kos RM4.8 juta. Bagaimanapun, sebanyak 3,000 ekar telah diambil semula oleh MBNS Inc pada tahun 2007 setelah kerja pembersihan dilaksanakan. Sehubungan itu, baki keluasan kawasan untuk projek PFN hanya 2,000 ekar seperti di peta berikut:

PETA 12.1
KELUASAN KAWASAN PFN



b. Adalah didapati Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM2.84 juta untuk kerja pembersihan kawasan seluas 3,000 ekar yang kemudiannya dipulangkan kepada MBNS Inc. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian tidak akan menuntut balik kos pembersihan kawasan seluas 3,000 ekar kerana kawasan tersebut akan digunakan untuk aktiviti penternakan di bawah program Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Di samping itu, MBNS Inc. telah menuntut bayaran yuran perunding berjumlah RM0.93 juta bagi menjalankan kajian Pelan Induk Pembangunan Beef Valley di Gemas dan Kementerian telah meminta MBNS Inc. untuk membiayai kos kajian tersebut.*

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan pelaksanaan rancangan MBNS Inc. untuk membangunkan tapak seluas 3,000 ekar di bawah program Taman Kekal Pengeluaran Makanan adalah selari dengan objektif projek PFN.

12.4.2.3. Infrastruktur Tidak Digunakan/Tidak Dapat Digunakan

Lawatan Audit ke tapak projek PFN pada bulan Mac 2011 mendapati beberapa infrastruktur yang dibangunkan tidak digunakan atau tidak dapat digunakan seperti berikut:

a. *Water Intake Outlet* (**Gambar 12.5**) untuk menyiram tanaman foder tidak pernah digunakan sejak ia dipasang.



GAMBAR 12.5

Kawasan NFCorp
- Water Intake Outlet Tidak Diguna
(08.03.2011)

b. Satu daripada 4 telaga tiub (**Gambar 12.6**) yang dibina tidak dapat digunakan atas sebab yang tidak dapat dipastikan.



GAMBAR 12.6

Kawasan NFCorp
- Telaga Tiub Tidak Dapat Digunakan
(08.03.2011)

c. *Berdasarkan maklum balas, semasa kontrak pembersihan kawasan, menanam rumput dan membangunkan infrastruktur pengairan disahkan siap pada bulan Januari 2008, kesemua infrastruktur telah diuji dan didapati berfungsi dengan baik.*

Pada pendapat Audit, pembinaan infrastruktur pengairan yang kemudiannya tidak digunakan oleh NFCorp merupakan pembaziran kepada Kerajaan.

12.4.2.4. Infrastruktur Tidak Disenggarakan Dengan Memuaskan

a. Mengikut perjanjian pelaksanaan, NFCorp adalah bertanggungjawab untuk menyenggara infrastruktur yang telah dibina oleh Kerajaan. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak PFN mendapati beberapa infrastruktur tidak disenggarakan dengan memuaskan oleh NFCorp. Antaranya ialah jalan masuk berlopak dan pagar berangkai telah tumbang. Selain itu, benteng salah satu kolam takungan telah runtuh ketika berlakunya banjir di kawasan Gemas pada bulan Januari 2011. Ini mengakibatkan paras air di kolam takungan berkenaan menjadi cetek. Contoh infrastruktur yang tidak disenggarakan dengan memuaskan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 12.7



Kawasan NFCorp
- Jalan Masuk Berlopak
(08.03.2011)

GAMBAR 12.8




Kawasan NFCorp
- Pagar Berangkai Tumbang
(08.03.2011)

GAMBAR 12.9



Kawasan NFCorp
- Benteng Runtuh Akibat Banjir
(08.03.2011)

GAMBAR 12.10



Kawasan NFCorp
- Paras Air Menjadi Cetek Di Kolam Takungan Akibat Benteng Runtuh
(08.03.2011)

b. Jalan perimeter sepanjang 14 km dan pagar berangkai telah dibina oleh Kerajaan untuk kawasan yang sepatutnya dipajak kepada Lamberts. Lawatan Audit mendapati jalan tersebut telah mendap, beralun terutama di bahagian yang berdekatan dengan sungai serta ditumbuhi pokok *acacia*. Ini menyebabkan jalan tersebut tidak boleh dilalui oleh kenderaan. Selain itu, pagar berangkai juga ditemui tumbang di beberapa tempat. Contoh keadaan jalan dan pagar berangkai adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 12.11




Kawasan Yang Sepatut Dipajak Kepada Lamberts - Jalan Perimeter Mendap (08.03.2011)

GAMBAR 12.12



Kawasan Yang Sepatut Dipajak Kepada Lamberts - Jalan Perimeter Ditumbuhi Pokok Acacia (08.03.2011)



GAMBAR 12.13

Kawasan Yang Sepatut Dipajak Kepada Lamberts - Pagar Berangkai Tumbang (08.03.2011)

c. *Berdasarkan maklum balas, infrastruktur yang dibina oleh Kerajaan dalam kawasan NFCorp perlu disenggarakan oleh syarikat berkenaan. Bagi jalan utama yang terletak di luar kawasan senggaraan NFCorp, permohonan peruntukan berjumlah RM10 juta bagi tujuan menaik taraf jalan telah ditolak oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Oleh itu, pada bulan Mac 2011, Kementerian telah memohon kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLBW) supaya KKLBW dapat mempertimbangkan cadangan menaik taraf jalan berkenaan. Bagi infrastruktur yang rosak/tumbang di kawasan yang sepatutnya dipajak kepada Lamberts, kerja pembaikan hanya akan dilaksanakan selepas syarikat baru dilantik untuk mengendalikan kawasan tersebut.*

Pada pendapat Audit, infrastruktur merupakan faktor yang penting bagi membantu memastikan objektif PFN tercapai. Dengan itu, kesemua infrastruktur yang telah dibina hendaklah disenggarakan dengan sempurna.

12.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif PFN dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan supaya Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani mengambil tindakan seperti berikut:

12.5.1. Mengamalkan strategi *Blue Ocean* dalam usaha meningkatkan pengeluaran daging lembu berkualiti supaya dapat mencapai sasaran pengeluaran sebanyak 60,000 ekor lembu menjelang tahun 2015.

12.5.2. Mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan dengan kadar segera untuk mendapat keputusan Kerajaan mengenai hala tuju projek.

12.5.3. Meningkatkan koordinasi dan komunikasi dengan Kementerian Kewangan, MBNS Inc dan NFCorp supaya isu/masalah pelaksanaan projek boleh diselesaikan dengan segera.

12.5.4. Meneruskan perbincangan dengan syarikat yang berminat untuk mengambil alih kawasan yang sepatutnya dipajak kepada Lamberts bagi mengelakkan pembaziran serta memastikan Kerajaan mencapai *value for money*.

12.5.5. Meningkatkan pemantauan supaya NFCorp menyempurnakan obligasinya seperti yang ditetapkan dalam perjanjian pelaksanaan. Antara lainnya, NFCorp perlu melaksanakan program bagi melahirkan 130 pengusaha ladang satelit dan menjalankan penyenggaraan terhadap infrastruktur yang dibina oleh Kerajaan.

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

13. JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)

- **PENGURUSAN PROGRAM MAKANAN TAMBAHAN UNTUK KANAK-KANAK TABIKA**

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. Program Makanan Tambahan (PMT) di Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) telah bermula sejak tahun 1970. Ia bertujuan untuk memberi makanan yang berkhasiat dan terancang kepada kanak-kanak pra-sekolah bagi meningkatkan status kesihatan dan perkembangan minda terutamanya kanak-kanak di kalangan keluarga yang berpendapatan rendah dan golongan termiskin.

13.1.2. Objektif PMT adalah untuk menyediakan makanan tambahan yang seimbang dan tetap semasa hari persekolahan, memberi pendidikan pemakanan kepada kanak-kanak dan ibu bapa/penjaga serta menggalakkan kanak-kanak dan ibu bapa/penjaga mengamalkan gaya hidup sihat. Antara aktiviti yang dilaksanakan di bawah program ini adalah pemberian makanan tambahan dan multivitamin serta pendidikan berkaitan pemakanan sihat dan penjagaan kesihatan. Kadar yang ditetapkan bagi PMT untuk seorang kanak-kanak Tabika ialah sebanyak RM1.50 sehari selama 210 hari bagi satu tahun persekolahan. Bagaimanapun, kadar ini telah dinaikkan kepada RM1.80 bagi Semenanjung Malaysia serta RM2.05 untuk Sabah, Sarawak dan Labuan mulai 1 Ogos 2010.

13.1.3. Perolehan bahan makanan bagi PMT dilaksanakan melalui 2 kaedah iaitu pembelian terus bagi bahan makanan basah oleh Tabika dan pembelian di peringkat Pejabat KEMAS Negeri bagi bahan makanan kering. Tabika yang membuat pembelian bahan makanan dikehendaki membuat tuntutan semula dari Pejabat KEMAS Negeri pada setiap bulan mengikut kadar perbelanjaan yang ditetapkan. Setiap Tabika perlu mempunyai Pemaju Masyarakat (PM) yang berperanan sebagai pentadbir dan mengajar kanak-kanak serta seorang Pembantu Pemaju Masyarakat (PPM) yang berperanan sebagai pengendali makanan (tukang masak). PM dilantik oleh pihak Ibu Pejabat KEMAS manakala jawatan PPM dilantik oleh KEMAS ataupun Jawatankuasa Tabika.

13.1.4. Makanan disediakan kepada kanak-kanak berdasarkan kepada senarai menu yang telah ditetapkan mengikut zon masing-masing iaitu Zon Utara (Pulau Pinang, Kedah dan Perlis), Zon Selatan (Melaka, Negeri Sembilan dan Johor), Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang), Zon Tengah (Selangor, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya) dan Zon Borneo (Sabah, Sarawak dan Labuan).

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program Makanan Tambahan di Tabika telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

13.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan PMT kepada kanak-kanak Tabika bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dilaksanakan di peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Ibu Pejabat KEMAS, 4 Pejabat KEMAS Negeri, 11 Pejabat KEMAS Daerah, serta 143 Tabika yang terpilih bagi 20 kawasan Parlimen. Temu bual juga telah diadakan dengan pegawai yang terlibat dalam pengurusan PMT ini. Senarai pejabat KEMAS dan tabika yang dilawati adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.1
SENARAI PEJABAT KEMAS NEGERI, PEJABAT KEMAS DAERAH DAN BILANGAN TABIKA YANG DILAWATI

NEGERI	DAERAH YANG DILAWATI	KAWASAN PARLIMEN YANG DILAWATI	BIL. TABIKA YANG DILAWATI
Johor	Johor Bahru, Kota Tinggi, Segamat dan Muar	Johor Bahru, Gelang Patah, Pengerang, Sekijang, Segamat dan Pagoh	36
Kedah	Kubang Pasu, Alor Setar dan Baling	Kubang Pasu, Jerlun, Alor Setar dan Baling	47
Kelantan	Kota Bharu	Kota Bharu, Pengkalan Chepa, Kubang Kerian dan Ketereh	23
Sabah	Tawau, Kota Kinabalu dan Penampang	Tawau, Kalabakan, Kota Kinabalu, Sepanggar, Penampang dan Putatan	37

13.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati pada keseluruhannya prestasi pengurusan PMT adalah memuaskan di mana program ini telah dapat menyediakan 99.5% bilangan kelas daripada yang disasarkan. Sejumlah 96.5% kanak-kanak daripada yang disasarkan juga telah mendapat manfaat daripada program ini. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan PMT yang boleh menjejaskan pencapaian objektif PMT dan menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* atas perbelanjaannya. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah penyediaan makanan tidak mengikut menu dan resipi yang ditetapkan, perolehan multivitamin tidak dibuat, perolehan dan pengurusan bahan makanan kering tidak teratur dan kelemahan dalam pengurusan perbelanjaan. Bagaimanapun, KEMAS telah mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan KEMAS adalah seperti di perenggan berikut:

13.4.1. Prestasi Pencapaian Program Makanan Tambahan

13.4.1.1. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, sejumlah 99.5% daripada bilangan kelas yang disasarkan dan sejumlah 96.5% daripada bilangan kanak-kanak yang disasarkan telah mendapat manfaat daripada program makanan tambahan. Bagi tempoh tersebut, sejumlah RM204.46 juta (95.9%) telah dibelanjakan berbanding RM213.17 juta peruntukan bagi membiayai program ini. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.2
JUMLAH TABIKA, KANAK-KANAK, PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM MAKANAN TAMBAHAN BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

TAHUN	BILANGAN KELAS TABIKA			BIL. KANAK-KANAK TABIKA (Orang)			PERUNTUKKAN DILULUSKAN	PERBELANJAAN	
	Sasaran	Sebenar	%	Sasaran	Sebenar	%	(RM Juta)	(RM Juta)	%
2008	8,411	8,346	99.3	186,497	187,024	100.3	79.72	76.11	95.5
2009	8,309	8,316	100.1	189,948	190,248	100.2	69.19	69.01	99.7
2010	8,886	8,816	99.3	222,787	200,813	90.1	64.26	59.34	92.3
JUMLAH	**25,606**	**25,478**	**99.5**	**599,232**	**578,085**	**96.5**	**213.17**	**204.46**	**95.9**

13.4.1.2. Menurut Manual Pengurusan Tabika Dan Taska KEMAS, PM perlu mengenal pasti pertumbuhan kanak-kanak yang terbantut, obes dan kurang berat badan. Satu laporan berkaitan status tumbesaran kanak-kanak Tabika perlu dikemukakan kepada KEMAS setiap bulan Januari, Mei dan Oktober. Semakan Audit terhadap laporan status tumbesaran kanak-kanak Tabika bagi tahun 2010 mendapati tumbesaran berdasarkan ketinggian kanak-kanak bagi kategori terbantut telah berkurangan dari 10.1% kepada 6.1% manakala kategori normal telah meningkat dari 88.7% kepada 92.4% dan kategori berlebihan telah meningkat dari 1.2% kepada 1.5%. Peratusan tumbesaran berdasarkan berat badan kanak-kanak pula menunjukkan penurunan bagi kategori terbantut dari 11% kepada 6.4% dan kategori normal menunjukkan peningkatan dari 86.2% kepada 90.6% manakala kategori berlebihan meningkat dari 2.8% kepada 3%. Secara keseluruhannya pencapaian tumbesaran kanak-kanak Tabika adalah baik. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.3
STATUS TUMBESARAN KANAK-KANAK TABIKA BAGI TAHUN 2010

BULAN	TINGGI MENGIKUT UMUR			BERAT MENGIKUT UMUR		
	Terbantut (%)	Normal (%)	Berlebihan (%)	Terbantut (%)	Normal (%)	Berlebihan (%)
Januari	10.1	88.7	1.2	11.0	86.2	2.8
Mei	7.6	91.0	1.4	8.0	89.0	3.0
Oktober	6.1	92.4	1.5	6.4	90.6	3.0

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian program makanan tambahan untuk kanak-kanak tabika dari segi perbelanjaan dan status tumbesaran kanak-kanak adalah baik.

13.4.2. Pematuhan Terhadap Panduan Menu Dan Resipi Makanan Tambahan

13.4.2.1. Panduan Menu Dan Resipi Makanan Tambahan untuk Tabika telah disediakan oleh Ibu Pejabat KEMAS mengikut zon seperti yang dicadangkan oleh Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan dijadikan sebagai panduan oleh pengurusan Tabika dalam penyediaan makanan. Panduan tersebut telah diedarkan dalam bentuk cakera keras ke semua Pejabat KEMAS Negeri untuk diedarkan kepada semua Tabika pada bulan Mac 2010. Menu makanan untuk sarapan pagi adalah ringkas manakala menu minum pagi perlu terdiri daripada makanan, buah-buahan dan minuman. Contoh jadual menu makanan untuk Zon Utara adalah seperti di **Jadual 13.4**. Semakan Audit mendapati sejumlah 79 (55.2%) daripada 143 (**Jadual 13.5**) Tabika yang dilawati tidak mematuhi panduan menu makanan yang ditetapkan iaitu menyediakan makanan yang tidak terdapat dalam menu yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat KEMAS (**Gambar 13.1** hingga **13.5**). Selain itu, adalah didapati makanan yang dihidangkan sewaktu minum pagi tidak mengikut resipi yang ditetapkan (**Gambar 13.6** hingga **13.10**). Peratus ketidakpatuhan menu yang tinggi di Negeri Kelantan adalah kerana menu yang diedarkan oleh Pejabat KEMAS Negeri adalah berbeza dengan menu yang diedarkan oleh Ibu Pejabat KEMAS.

JADUAL 13.4
CONTOH JADUAL MENU MAKANAN UNTUK ZON UTARA UNTUK MINGGU 1

HARI	SARAPAN PAGI MENU MAKANAN	SUKATAN	MINUM PAGI MENU MAKANAN	SUKATAN
ISNIN	Roti Berjem Minuman Susu Bercoklat Air Kosong	1 keping 1 cawan 1 cawan	Nasi Goreng Kampung + Tauhu Goreng Tembikai Air Kosong	1 1/2 senduk 1/2 keping 1 potong 1 cawan
SELASA	Jemput-jemput Pisang + Oat Susu Air Kosong	3 biji 1 cawan 1 cawan	Mi Bandung Belimbing Air Kosong	1 1/2 senduk 1 potong 1 cawan
RABU	Roti Bakar Bermajerin + Telur Hancur Minuman Bermalt Air Kosong	1 keping 1 cawan 1 cawan	Kuey Teow Goreng Telur Mata Kerbau Betik Air Kosong	1 1/2 senduk 1 biji 1 potong 1 cawan
KHAMIS	Lempeng Pisang Susu Air Kosong	2 keping 1 cawan 1 cawan	Laksa Pisang Susu Soya Air Kosong	1 1/2 senduk 1 biji 1 cawan 1 cawan
JUMAAT	Roti Sardin Minuman Susu Bercoklat Air Kosong	1 keping 1 cawan 1 cawan	Nasi Putih Ayam Masak Kicap Kacang Buncis Dan Lobak Merah Goreng Jus Epal Air Kosong	1 1/2 senduk 1 ketul 4 sudu makan 1 cawan 1 cawan

JADUAL 13.5
BILANGAN TABIKA YANG TIDAK MEMATUHI MENU

NEGERI	BIL. TABIKA YANG DILAWATI	BIL. TABIKA YANG TIDAK MEMATUHI MENU	% TIDAK MEMATUHI MENU
Johor	36	19	52.8
Kedah	47	16	34.0
Kelantan	23	19	82.6
Sabah	37	25	67.6
JUMLAH	**143**	**79**	**55.2**

GAMBAR 13.1



Tabika KEMAS Kg. Muhibbah Raya, Kalabakan, Sabah
- Menu Makanan Tidak Dipatuhi
Kuih Gelang Disediakan Sepatutnya Mi Goreng
(20.07.2010)

GAMBAR 13.2



Tabika KEMAS Taman Guru, Kota Bharu, Kelantan
- Menu Makanan Tidak Dipatuhi
Cucur Udang Disediakan Sepatutnya Kuey Teow Latna
(13.10.2010)

GAMBAR 13.3



Tabika KEMAS Kg. Jawa Kongsi 10, Tawau, Sabah
- Menu Makanan Tidak Dipatuhi
Bubur Nasi Disediakan Sepatutnya Nasi Putih,
Sup Daging Lembu, Brokoli Tumis Dan Oren
(19.07.2010)

GAMBAR 13.4



Tabika Bunut Payong, Kota Bharu, Kelantan
- Menu Makanan Tidak Dipatuhi
Puding Roti Disediakan Sepatutnya Kek Lapis
Masam Manis Dan Minuman Susu Berbijirin
(13.10.2010)

GAMBAR 13.5



Tabika Nur Ibra, Kg. Putih, Kota Bharu, Kelantan
- Menu Makanan Tidak Dipatuhi
Popcorn Dan Kismis Bersama Air Milo
Disediakan Sepatutnya Kek Lapis Masam
Manis Dan Minuman Susu Berbijirin
(13.10.2010)

GAMBAR 13.6



Tabika KEMAS Kg. Ulu, Putatan, Sabah
- Mi Goreng Tanpa Ramuan Yang Mencukupi
(23.07.2010)

GAMBAR 13.7



Tabika KEMAS Felda Umas 4, Kalabakan, Sabah
- Bihun Goreng Tanpa Ramuan Yang Mencukupi
(21.07.2010)

GAMBAR 13.8



Tabika KEMAS Kg. Ketiau, Putatan, Sabah
- Nasi Putih Bersama Sardin Tanpa Kubis Tumis
(14.10.2010)

GAMBAR 13.9



Tabika Kemas Al-Mustaqim, Pengkalan Chepa, Kelantan
- Nasi Lemak Tanpa Kacang Dan Telur
(14.10.2010)

GAMBAR 13.10



Tabika Kemas Felda Sening, Pengerang, Johor
- Laksa Tanpa Telur Rebus
(14.10.2010)

13.4.2.2. *Menurut maklum balas KEMAS, antara punca ketidakpatuhan adalah kerana Panduan Menu dan Resipi Makanan yang disediakan tidak diedarkan ke peringkat Tabika; kanak-kanak tidak menggemari makanan yang telah ditetapkan dalam menu; kesukaran mendapatkan bekalan bahan mentah seperti ikan, ayam dan buah-buahan; harga bekalan bahan mentah yang mahal serta PPM tidak mempunyai masa untuk memasak makanan terutamanya sewaktu sarapan pagi serta tiada pemantauan dilaksanakan oleh KEMAS terhadap Tabika. Perubahan pada menu/resipi yang disediakan boleh menyebabkan makanan yang disediakan tidak berkhasiat dan seimbang seperti yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Bagaimanapun selepas teguran Jabatan Audit Negara, KEMAS telah mengeluarkan arahan kepada semua pejabat KEMAS Negeri untuk mematuhi menu dan resipi yang ditetapkan dan Bengkel Uji Rasa Menu TABIKA telah diadakan pada bulan Februari dan Mac 2011 dan panduan telah diedarkan ketika bengkel tersebut diadakan.*

Pada pendapat Audit, walaupun panduan telah diedarkan ke Tabika namun pemantauan secara berkala perlu dilaksanakan oleh KEMAS. Sekiranya perubahan pada menu diperlukan ianya hendaklah mendapat persetujuan KEMAS serta pandangan KKM bagi memastikan menu yang disediakan adalah berkhasiat dan seimbang.

13.4.3. Perolehan Multivitamin Dan Pembekalan Bahan Makanan Kering

13.4.3.1. Perolehan Multivitamin

Pemberian multivitamin adalah merupakan salah satu komponen dalam Program Makanan Tambahan untuk kanak-kanak. Pemberian multivitamin bertujuan untuk membantu kanak-kanak mendapat vitamin yang cukup untuk keperluan pertumbuhan dan perkembangan mereka. Ianya boleh menampung kekurangan zat makanan di kalangan kanak-kanak daripada keluarga berstatus sosioekonomi rendah dan golongan miskin. Semakan Audit mendapati perolehan multivitamin tidak dilaksanakan bagi tahun 2009 dan 2010. Semakan Audit selanjutnya ke atas rekod pembelian multivitamin menunjukkan perolehan hanya dibuat 2 kali iaitu pada tahun 2006 dan 2008. Pada tahun 2009, perancangan perolehan multivitamin ada dibuat. Namun, urusan perolehan multivitamin bernilai RM2.77 juta terpaksa dibatalkan kerana KEMAS tidak mempunyai kepakaran bagi menguruskan perolehan secara e-Bidding. Pada tahun 2010, KEMAS telah menguruskan perolehan yang dianggarkan berjumlah RM3.68 juta secara e-Bidding dan telah menawarkan kepada sebuah syarikat pembekal. Bagaimanapun, pembekal yang berjaya telah menarik diri kerana tersilap memasukkan harga jauh lebih rendah daripada kos perolehan semasa proses e-Bidding diadakan. Lembaga Perolehan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah bersetuju untuk membatalkan perolehan ini dan tender ini dijangka diiklankan semula pada tahun 2011. Kegagalan perolehan tender bagi tahun 2009 dan 2010 telah mengakibatkan kesemua kanak-kanak Tabika tidak dibekalkan multivitamin dan ini boleh menyebabkan kanak-kanak tidak mendapat bekalan vitamin bagi pertumbuhan dan perkembangan minda mereka. *Mengikut maklum balas KEMAS, tender bagi perolehan multivitamin pada tahun 2011 telah dilaksanakan pada bulan Januari 2011 dan Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada bulan Mac 2011.*

Pada pendapat Audit, KKLW perlu membuat perancangan yang teliti serta merangka satu alternatif yang lain bagi memastikan setiap perolehan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik agar objektif program tercapai.

13.4.3.2. Pembekalan Bahan Makanan Kering

Pada tahun 2010, perolehan bahan makanan kering bagi negeri Johor, Kedah dan Kelantan dibuat sendiri oleh Pejabat KEMAS Negeri masing-masing. Perolehan bahan makanan kering dibuat dengan mengambil kira menu yang dihidangkan kepada kanak-kanak Tabika. Pembekal yang berjaya dikehendaki membekalkan bahan makanan ke setiap kawasan Parlimen. Setiap kawasan Parlimen pula mempunyai sebuah Pusat Terimaan Stok dan bertanggungjawab mengagihkan bekalan ke setiap Tabika di kawasan Parlimen masing-masing. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Perolehan Bahan Makanan Tidak Mengikut Menu Yang Ditetapkan

Di Pejabat KEMAS Negeri Johor dan Kedah, didapati bahan makanan kering bernilai RM462,040 seperti di **Jadual 13.6** diperolehi tidak mengikut menu yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana tiada pemantauan dari pejabat KEMAS dilakukan dari semasa ke semasa terhadap perolehan bahan makanan kering. Perubahan pada perolehan bahan makanan akan mengakibatkan menu dan resipi tidak disediakan mengikut cadangan KKM dan boleh menyebabkan menu yang disediakan tidak mempunyai nutrien yang secukupnya.

JADUAL 13.6
BAHAN MAKANAN KERING YANG DIBELI
TIDAK MENGIKUT MENU YANG DITETAPKAN

NEGERI	BAHAN MAKANAN	JUMLAH PEROLEHAN (RM)
Johor	Jus Kurma	133,380
	Coklat Masakan	122,094
	Buah Badam	123,120
Kedah	Buah Badam	83,446
JUMLAH		**462,040**

Pada pendapat Audit, sebarang perubahan pada perolehan bahan makanan kering perlu mendapat kelulusan daripada KEMAS bagi memastikan menu/resipi yang disediakan mengandungi khasiat dan nutrien yang dicadangkan oleh KKM.

b. Bahan Makanan Kering Lewat Diagihkan

Setiap bahan makanan kering yang diterima perlu diagihkan dengan segera untuk keperluan Tabika bagi mengelakkan bahan makanan kering tersebut rosak dan tamat tarikh luput. Lawatan Audit pada 12 Julai 2010 mendapati stok bahan makanan kering yang diterima oleh Pusat Kegiatan KEMAS Kampung Lalang, Baling, Kedah pada bulan April 2010 masih belum diagihkan sepenuhnya kepada Tabika yang berada di kawasan Parlimen Baling. *Menurut maklum balas daripada Pejabat KEMAS Daerah Baling, antara sebab berlakunya perkara ini adalah kerana lokasi Tabika jauh daripada Pusat Kegiatan KEMAS, ketiadaan jadual penerimaan dan penghantaran serta kurangnya penyeliaan dan pemantauan oleh pejabat KEMAS negeri/daerah*. Kelewatan mengagihkan bahan makanan kering boleh menyebabkan Tabika mengalami kekurangan stok seterusnya menjejaskan penyediaan menu makanan kepada kanak-kanak. *Maklum balas Ibu Pejabat KEMAS pula menyatakan bahawa semua bahan makanan telah selesai diagihkan pada 8 Ogos 2010.* Butiran dan keadaannya adalah seperti di **Jadual 13.7** dan **Gambar 13.11** hingga **13.14**.

JADUAL 13.7
SENARAI BAHAN MAKANAN KERING YANG MASIH BELUM DIAGIHKAN

BAHAN MAKANAN	TARIKH/BULAN BEKALAN DITERIMA	KUANTITI YANG DIBEKALKAN	KUANTITI YANG MASIH BELUM DIAGIHKAN	AMAUN (RM)
Buah Badam	12.04.2010	246 peket	161 peket (1 kg/peket)	5,619
Bihun	22.04.2010	1,245 peket	118 peket (400 gram/peket)	266
Kacang Panggang	April 2010	1,245 tin	146 tin (450 gram/tin)	547
Biskut Cream Crakers	April 2010	410 tin	55 tin (1 kg/tin)	852
Minyak Masak Cap Buruh	April 2010	249 botol	44 botol (5 kg/botol)	700
Susu Tepung Dutch Lady	21.04.2010	249 peket	49 peket (1.8 kg/peket)	2,592
Koko Crunch	April 2010	1,245 peket	114 peket (350 gram/peket)	1,129
Milo	12.04.2010	246 peket	40 peket (2 kg/peket)	1,380
Laksa	06.04.2010	1,245 peket	95 peket (450 gram/peket)	223
Kellog Cornflakes	April 2010	1,245 kotak	70 Kotak (275 gram/kotak)	623
Kismis	April 2010	328 peket	328 peket (1 kg/peket)	6,429
JUMLAH				**20,360**

GAMBAR 13.11



Pusat Kegiatan Kemas Kg. Lalang, Baling, Kedah - Bungkusan Bihun Yang Masih Belum Diagihkan (12.07.2010)

GAMBAR 13.12



Pusat Kegiatan Kemas Kg. Lalang, Baling, Kedah - Susu Tepung Yang Masih Belum Diagihkan (12.07.2010)

GAMBAR 13.13



Pusat Kegiatan KEMAS Kg. Lalang, Baling, Kedah - Kotak Yang Berisi Buah Badam Yang Masih Belum Diagihkan (12.07.2010)

GAMBAR 13.14



Pusat Kegiatan KEMAS Kg. Lalang, Baling, Kedah - Minyak Masak Yang Masih Belum Diagihkan (12.07.2010)

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penyeliaan perlu dilaksanakan secara berkala bagi memastikan semua bahan makanan diedarkan segera agar Tabika dapat menyediakan menu makanan yang ditetapkan.

13.4.4. Pengurusan Stok Bahan Makanan Kering


Garis Panduan Pengurusan Makanan dan Minuman melalui Pekeliling Bahagian Pengurusan Dan Pemakanan Jabatan Kemajuan Masyarakat Bil. 7 Tahun 2009 menyatakan bahawa satu daftar berkaitan stok bahan makanan kering perlu diselenggarakan dan dikemaskinikan di peringkat daerah/Parlimen dan di peringkat Tabika bagi menunjukkan transaksi penerimaan dan pengeluaran stok bahan makanan ini. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

13.4.4.1. Daftar Stok Bahan Makanan Kering di 8 daripada 20 Pejabat KEMAS Daerah (PKD)/Parlimen yang dilawati didapati tidak diselenggarakan dengan lengkap manakala Pejabat KEMAS Parlimen Gelang Patah tidak mengemukakan daftar untuk semakan Audit. Adalah didapati Tabika tidak mencatat bentuk bungkusan (botol/tin/bungkus/kotak), sukatan dan jenama bahan di daftar berkenaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati daftar tersebut berbeza antara satu sama lain dan tidak menggunakan format yang ditetapkan (**Jadual 13.8** dan **Gambar 13.15** hingga **13.20**). Daftar tersebut disediakan mengikut pemahaman PM Tabika berkenaan. Ini adalah kerana PM kurang mendapat latihan berkaitan prosedur perekodan yang betul serta kurangnya penyeliaan dan pemantauan di peringkat Pejabat KEMAS negeri dan daerah. Pihak Audit juga mendapati tiada bukti menunjukkan daftar stok dibuat pemeriksaan oleh pegawai kanan KEMAS. Ini boleh menyebabkan kedudukan stok bahan makanan tidak dapat diketahui dengan tepat dan ini boleh mengakibatkan Tabika terputus bekalan bahan makanan.

JADUAL 13.8
DAFTAR STOK BAHAN MAKANAN KERING
YANG DIGUNAKAN DI PERINGKAT PARLIMEN


NEGERI	KAWASAN PARLIMEN/ DAERAH	JENIS DAFTAR STOK YANG DIGUNAKAN	DAFTAR STOK BAHAN MAKANAN	
			DISEDIAKAN (Ya/Tidak)	LENGKAP (Ya/Tidak)
Kedah	Baling	Daftar Stok Bekalan Pejabat (KEW. 314)	Ya	Tidak
	Kubang Pasu	Daftar Stok Bekalan Pejabat (KEW. 314)	Ya	Tidak
Johor	Johor Bahru	Borang Agihan	Ya	Tidak
	Gelang Patah	Tidak Dikemukakan	Tidak	-
	Pengerang	Buku Tulis	Ya	Tidak
	Sekijang	Senarai Agihan	Ya	Tidak
	Segamat	Senarai Agihan	Ya	Tidak
	Pagoh	Daftar Stok Bekalan Pejabat (KEW. 314)	Ya	Tidak
Kelantan	Kubang Kerian	Buku Tulis Berkulit Keras	Ya	Tidak

GAMBAR 13.15




Tabika KEMAS Hang Tuah, Skudai, Johor
- Format Buku Stok Bahan Makanan Kering Yang Digunakan
(14.10.2010)

GAMBAR 13.16




Pejabat KEMAS Daerah Baling, Kedah
- Format Buku Stok Bahan Makanan Kering Yang Digunakan
(12.07.2010)

GAMBAR 13.17



Tabika KEMAS Felda Sening, Pengerang, Johor
- Format Buku Rekod Agihan Stok Makanan Ke Tabika
(16.10.2010)

GAMBAR 13.18



Tabika KEMAS Felda Tunggal 2&3, Pengerang, Johor
- Format Buku Stok Bahan Makanan Kering Yang Digunakan
(15.10.2010)

GAMBAR 13.19



Tabika KEMAS Bunot Payung, Kota Bharu, Kelantan
- Rekod Berbentuk Buku
(13.10.2010)

GAMBAR 13.20



Tabika KEMAS Perumahan Padang Tembak, Pengkalan Chepa, Kelantan
- Rekod Berbentuk Fail
(14.10.2010)

Pada pendapat Audit, Ibu Pejabat KEMAS perlu memastikan Pejabat KEMAS Daerah/Parlimen dan Tabika menyelenggarakan daftar yang seragam mengikut format yang telah ditetapkan bagi memastikan pengurusan penerimaan bahan makanan adalah teratur. Selain itu latihan juga perlu diberikan kepada pegawai KEMAS/Parlimen dan Tabika mengenai prosedur perekodan yang betul bagi memastikan semua stok bahan makanan kering diterima, dikeluarkan dan diagihkan kepada Tabika adalah teratur. Pemantauan dan penyeliaan juga perlu dijalankan secara berkala di peringkat Pejabat KEMAS Negeri/Tabika/Pusat Kawalan Stok.


13.4.4.2. Manual Pengurusan Tabika dan Taska yang dikeluarkan oleh KEMAS telah menggariskan bahawa bahan makanan perlu disimpan di tempat yang selamat, sesuai dan diuruskan dengan baik. Pemeriksaan Audit mendapati ada di antara bahan makanan kering di Kedah dan Kelantan disimpan di tempat yang tidak bersesuaian seperti di bilik air, laci, bekas tong dan stor barangan lain (**Gambar 13.21** hingga **13.26**). Terdapat juga bahan makanan kering yang telah disimpan terlalu lama sehingga tamat tarikh luput, terdedah kepada ancaman serangga perosak dan ditempatkan bersebelahan dengan bahan-bahan kimia seperti cat. Penyimpanan bahan makanan di tempat yang tidak sesuai boleh menyebabkan ianya mudah rosak dan tidak selamat digunakan. *Mengikut maklum balas daripada Pejabat KEMAS Negeri, antara punca ketidakpatuhan ini adalah kerana ketiadaan ruang stor di Tabika dan kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan stor. Pihak KEMAS telah membeli rak/perabot bagi tujuan penyimpanan bekalan makanan basah dan kering.* **Pada pendapat Audit, walaupun KEMAS telah membeli rak atau perabot untuk tujuan penyimpanan namun KEMAS perlu menjalankan pemantauan secara berkala serta memberi latihan pengurusan stor kepada semua PM dan PPM.**

GAMBAR 13.21



Tabika KEMAS Taman Mergong Jaya Fasa 2, Alor Setar, Kedah
- Bahan Makanan Kering Disimpan Di Dalam Kelas
(06.07.2010)

GAMBAR 13.22



Tabika KEMAS Kg. KEDA Kemangi, Baling, Kedah
- Biskut Disimpan Bersebelahan Penyembur Cat
(12.07.2010)

GAMBAR 13.23



Tabika KEMAS Al-Hijrah, Alor Setar, Kedah
- Bungkusan Bihun Disimpan Di Dalam Bilik Air
(06.07.2010)

GAMBAR 13.24



Tabika KEMAS Al-Hijrah, Alor Setar, Kedah
- Minyak Masak, Milo Dan Susu Tepung Disimpan Di Dalam Stor Barangan
(06.07.2010)

GAMBAR 13.25



Tabika KEMAS Taman Guru, Kota Bharu, Kelantan - Tempat Stok Bahan Makanan Kering Dipenuhi Dengan Najis Lipas (13.10.2010)

GAMBAR 13.26



Tabika KEMAS Nurhidayah, Ketereh, Kelantan - Tepung Yang Telah Tamat Tarikh Luput (18.10.2010)

13.4.5. Kelewatan Membuat Bayaran Tuntutan Tabika

13.4.5.1. Menurut Arahan Perbendaharaan 103 (a), semua bil atau tuntutan hendaklah dibayar dengan segera tidak lebih daripada 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna. Adalah didapati tuntutan daripada 30 Tabika di Johor, Kelantan dan Sabah telah lewat dibayar oleh KEMAS Negeri berkenaan. Analisis Audit mendapati tempoh pembayaran ini adalah antara 19 hingga 66 hari dari tarikh Bahagian Kewangan Pejabat KEMAS Negeri menerima tuntutan. Kelewatan membuat bayaran balik tuntutan boleh menjejaskan penyediaan makanan oleh Tabika yang tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menampung kos sajian makanan mengikut Garis Panduan yang ditetapkan oleh KEMAS. Butiran kelewatan membuat bayaran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.9
TUNTUTAN YANG LEWAT DIBAYAR OLEH KEMAS NEGERI

NEGERI	PARLIMEN	BIL. TABIKA TERLIBAT	BULAN TUNTUTAN (2010)	TARIKH DITERIMA OLEH BAHAGIAN KEWANGAN PEJABAT KEMAS NEGERI	TARIKH BAYARAN DIBUAT	TEMPOH YANG DIAMBIL (Hari)
Johor	Johor Bahru	5	Jun	01.07.2010	03.09.2010	65
	Gelang Patah	7	Jun	30.06.2010	03.09.2010	66
	Segamat	7	Jun	09.07.2010	07.09.2010	61
Kelantan	Pengkalan Chepa	4	Jun	19.07.2010	08.08.2010	20
	Kubang Kerian	5	Jun	20.07.2010	08.08.2010	19
Sabah	Tawau	2	April	30.06.2010	26.07.2010	26

13.4.5.2. *Menurut maklum balas KEMAS antara punca kelewatan membuat bayaran tuntutan Tabika adalah kerana kekurangan kakitangan; pegawai baru bekerja dan masih dalam proses pembelajaran; dan kadang kala terdapat gangguan sistem eSPKB.*

Pada pendapat Audit, KEMAS perlu memastikan bayaran bil atau tuntutan dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima selaras dengan peraturan kewangan.

13.4.6. Perolehan Bahan Makanan Basah

Semakan Audit mendapati bahan makanan basah seperti ikan, ayam, daging, telur, udang, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya dibeli oleh Pemaju Masyarakat berkenaan pada setiap hari atau 2 hari sekali. Pembelian bahan makanan basah ini dibuat bergantung kepada menu pada hari berkenaan yang akan dimasak oleh Pembantu Pemaju Masyarakat Tabika. Pada keseluruhannya pembelian dan penggunaan stok bahan makanan basah telah diuruskan dengan baik.

13.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pengurusan Program Makanan Tambahan supaya dapat mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya pihak terlibat melaksanakan perkara berikut:

13.5.1. Pejabat KEMAS Negeri dan Daerah perlu membuat pemantauan secara berkala bagi memastikan Tabika menggunakan menu dan resipi makanan yang disediakan oleh Ibu Pejabat KEMAS. Selain itu, sebarang perubahan pada menu/resipi perlu mendapat kelulusan daripada KEMAS.

13.5.2. Pejabat KEMAS Negeri perlu memastikan perolehan bahan makanan kering disesuaikan dengan menu/resipi yang ditetapkan bagi memastikan makanan yang disediakan mengandungi nutrien dan khasiat yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

13.5.3. KEMAS perlu mewujudkan satu daftar yang seragam untuk memastikan stok bahan makanan kering direkodkan dengan betul serta memantau dengan rapi pengagihan dan pengedaran bahan makanan ke Tabika dan setiap kakitangan yang terlibat dalam pengurusan stok bahan makanan perlu diberikan latihan yang secukupnya.

13.5.4. KEMAS perlu mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

14. JABATAN TAMAN LAUT MALAYSIA

- **PENGURUSAN PEROLEHAN BOT ALUMINIUM *ALL WEATHER* UNTUK AKTIVITI PENGUATKUASAAN**

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. Taman Laut Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1983 di bawah Jabatan Perikanan Malaysia. Mulai bulan Julai 2007, Taman Laut Malaysia telah diletakkan di bawah Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan dikenali sebagai Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM). JTLM ini bertanggungjawab untuk melindungi, memulihara dan mengurus secara berterusan ekosistem marin terutamanya terumbu karang serta flora dan fauna. Kawasan Taman Laut meliputi pulau-pulau yang telah diwartakan di negeri Terengganu, Pahang, Johor, Kedah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

14.1.2. Sehingga tahun 2008, JTLM mempunyai 10 bot peronda yang berusia di antara 14 hingga 16 tahun yang diterima secara pindahan daripada Jabatan Perikanan Malaysia. Bagaimanapun, bot ini telah usang untuk tujuan rondaan khususnya pada musim tengkujuh. Sehubungan itu, JTLM telah merancang membuat perolehan bot baru khususnya bot aluminium *all weather* untuk kegunaan musim tengkujuh bagi mengurangkan masalah pencerobohan. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), JTLM telah diluluskan peruntukan berjumlah RM13.15 juta untuk membeli bot aluminium *all weather* untuk menjalankan operasi penguatkuasaan pada musim tengkujuh serta bot peronda laju dan bot serba guna bagi menggantikan bot sedia ada.

14.1.3. Pada bulan Julai 2009, JTML telah melantik syarikat Kejuruteraan Kapal Masai Sdn. Bhd. untuk melaksanakan kerja mereka bentuk, membina, memasang, menguji serta menyerah sebuah bot aluminium *all weather* dengan kontrak bernilai RM7.51 juta. Bahagian Pembangunan dan Kejuruteraan, JTLM bertanggungjawab merancang perolehan dan memantau pentadbiran kontrak perolehan bot tersebut. Tempoh kontrak adalah 12 bulan iaitu dari 20 Julai 2009 hingga 20 Julai 2010 dan selepas 2 kali lanjutan masa diberi, bot telah diserahkan kepada JTLM pada 24 Disember 2010 dan dikenali sebagai KTL Permata 1 seperti di gambar berikut:



GAMBAR 14.1

Bot Aluminium All Weather KTL Permata 1
Di Jeti Tg. Gemok, Rompin
(11.04.2011)

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perolehan bot aluminium *all weather* oleh JTLM telah dirancang dan diuruskan dengan teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

14.3. SKOP DAN METODOLOGI

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap perolehan bot aluminium *all weather* KTL Permata 1. Pemeriksaan Audit dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan di Ibu Pejabat dan di JTLM Cawangan Rompin, Pahang. Selain itu, semakan fizikal juga dijalankan ke atas bot di Jeti Tanjung Gemok, Rompin untuk menentukan bot berkenaan menepati spesifikasi kontrak. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai di peringkat Ibu Pejabat dan JTLM Cawangan Rompin juga turut dilaksanakan.

14.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2010 hingga April 2011 mendapati pengurusan perolehan bot adalah tidak memuaskan dari segi pematuhan syarat tender dan kontrak, pentadbiran kontrak, pemantauan dan penyeliaan projek. Antara kelemahannya ialah kajian pasaran dan penilaian terhadap kewajaran kos bagi bekalan yang dinyatakan secara harga pukal dalam dokumen tender tidak dibuat; peraturan kewangan berkaitan keperluan membekalkan peralatan baru/keluaran semasa dan tulen tidak dinyatakan dalam dokumen tender; petender tidak mengemukakan maklumat jenama, model dan spesifikasi dalam dokumen tender; syarat kontrak berkaitan reka bentuk dan ujian kualiti tidak dipatuhi serta peralatan tidak dibekalkan mengikut spesifikasi, namun pembayaran telah dibuat sepenuhnya tanpa pelarasan harga. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan dan ulasan JTLM adalah seperti di perenggan berikut:

14.4.1. Prestasi Pencapaian Perolehan

14.4.1.1. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), JTLM telah diluluskan peruntukan berjumlah RM10 juta untuk membeli bot aluminium *all*

weather bagi menggantikan bot sedia ada. Kontrak bernilai RM7.51 juta telah ditandatangani dengan syarikat Kejuruteraan Kapal Masai Sdn. Bhd. dan sehingga bulan Disember 2010, sejumlah RM7.49 juta telah dibayar kepada kontraktor (sejumlah RM0.02 juta telah ditolak sebagai denda melalui bayaran kemajuan ke-6). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.1
PRESTASI PERBELANJAAN SETAKAT 31 DISEMBER 2010

BAYARAN KEMAJUAN	BUTIRAN	PERATUSAN KONTRAK (%)	JUMLAH MENGIKUT KONTRAK (RM Juta)	PERATUSAN BAYARAN (%)	JUMLAH SEBENAR DIBAYAR (RM Juta)
1	*Mobilisation and workshop preparation*	10	0.75	30	2.25
2	*Completion of drawing and order material*	25	1.88	20	1.54
3	*Progress of hull construction and deliverable material*	20	1.50	15	1.09
4	*Completion of hull construction and deliverable engine*	20	1.50	10	0.75
5	*Launching of craft*	10	0.75	10	0.75
6	*Successful of Pre Acceptance Tests and Trials of craft*	10	0.75	10	0.73
7	*Final Acceptance Trials of craft*	5	0.38	5	0.38
JUMLAH		**100**	**7.51**	**100**	**7.49**

14.4.1.2. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu menyiapkan sepenuhnya pembekalan bot pada 30 Julai 2010. Ketua Pengarah JTLM telah meluluskan 2 lanjutan masa iaitu lanjutan masa pertama sehingga 29 September 2010 dan lanjutan masa kedua sehingga 11 November 2010 atas alasan kelewatan dalam membekal *Waterjet Propulsion System* oleh sub kontraktor. Perjanjian kontrak telah menetapkan kadar denda adalah RM1,252.24 sehari dikenakan bagi bilangan hari kelewatan. Syarat kontrak juga menetapkan tarikh penyerahan bot adalah berdasarkan kepada tarikh sijil *Final Acceptence Trials* (FAT) ditandatangani iaitu selepas bot siap dibina dan ujian *Pre Acceptance Test and Trials* dijalankan. Semakan Audit mendapati sijil perakuan siap kerja telah dikeluarkan pada 30 November 2010, namun didapati ujian *Pre Acceptance Test And Trials* telah dijalankan sebanyak 2 kali iaitu pada 30 November 2010 dan 13 Disember 2010. Bot telah diambil hak milik pada 24 Disember 2010 iaitu pada tarikh FAT ditandatangani. Bagaimanapun, pihak JTLM hanya mengenakan denda berjumlah RM23,792 yang meliputi tempoh kelewatan dari 11 hingga 30 November 2010. Mengikut perkiraan Audit, denda yang sepatutnya dikenakan kepada kontraktor adalah berjumlah RM52,594 iaitu bagi tempoh 11 November 2010 hingga 23 Disember 2010. Ini menunjukkan denda telah terkurang kutip sejumlah RM28,801 yang meliputi tempoh 1 hingga 24 Disember 2010. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.2
PRESTASI PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2010

KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK ASAL (Hari)	LANJUTAN MASA	TARIKH *FINAL ACCEPTANCE TRIALS* DITANDATANGANI	KELEWATAN (Hari)	DENDA (RM)
Kejuruteraan Kapal Masai Sdn. Bhd.	20.07.2009 hingga 20.07.2010	**Pertama** 29.09.2010 **Kedua** 11.11.2010	24.12.2010	42	**Sepatutnya Kutip** RM52,594.08 **Sebenarnya Kutip** RM23,792.56 **Denda Terkurang Kutip** RM28,801.52

14.4.1.3. Semakan Audit mendapati bot tidak digunakan sejak ia diterima pada 24 Disember 2010 sehingga akhir bulan Februari 2011 untuk tujuan penguatkuasaan musim tengkujuh. Bagaimanapun, bagi tempoh bulan Mac hingga Mei 2011, sebanyak 22 rondaan telah dibuat dan 4 kes pencerobohan di kawasan taman laut telah ditangani.

Pada pendapat Audit, prestasi kemajuan kerja dan perbelanjaan bagi perolehan ini adalah memuaskan. Bagaimanapun, JTLM perlu mengutip balik denda berjumlah RM28,801 daripada kontraktor dengan segera.

14.4.2. Pengurusan Perolehan

14.4.2.1. Kajian Pasaran Tidak Dibuat

Arahan Perbendaharaan 169 mewajibkan setiap pegawai yang menguruskan perolehan hendaklah membuat kajian pasaran untuk memastikan perolehan yang dibuat adalah yang paling menguntungkan Kerajaan dengan mengambil kira aspek kualiti, harga, kegunaan, kos penyenggaraan dan faktor lain yang berkaitan. Semakan Audit mendapati tiada bukti JTLM telah membuat kajian pasaran sewajarnya. Bagaimanapun, pihak JTLM mempunyai anggaran harga jabatan yang tidak dapat dikenal pasti asas perkiraannya. Analisis Audit mendapati perbezaan harga yang ketara antara 177% hingga 2,805% terhadap kadar harga yang ditetapkan dalam kontrak berbanding anggaran harga pasaran. Butirannya adalah seperti di **Jadual 14.3**. Mengikut perkiraan Audit, perbezaan harga sejumlah RM172,501 sepatutnya boleh dijimatkan dalam menguruskan perolehan ini. Antara peralatan yang dibeli melebihi harga pasaran adalah seperti di **Gambar 14.2** dan **14.3**. *Mengikut maklum balas JLTM, kajian pasaran hanya dibuat berdasarkan pertanyaan lisan dengan Jabatan Perikanan Malaysia memandangkan pegawai yang menguruskan perolehan ini tidak mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang perolehan berkaitan bot.*

JADUAL 14.3
PERBEZAAN ANTARA HARGA PASARAN DENGAN HARGA KONTRAK

ITEM	JENAMA DAN MODEL DALAM KONTRAK	HARGA KONTRAK (RM)	ANGGARAN HARGA PASARAN (RM)	PERBEZAAN	
				(RM)	(%)
Laptop *Color Printer*	Acer Aspire 3935 , Intel Core2 Duo Processor2.4 GHz 1066MHz HP CP 1518in	11,845	3,428	8,417	246
LCD TV DVD *Player*	Toshiba 32AV615D Toshiba SD-580 SA	16,100	2,182	13,918	638
Colour Marine Radar (X-Band)	Furuno FR-8062	47,725	8,255	39,470	478
Marine Binocular *(Night Vision)*	Model tidak dinyatakan secara spesifik. Harga pasaran yang tertinggi telah dibandingkan.	56,350	1,940	54,410	2,805
Bushnell Binocular *(Night Vision)* **(Gambar 2)**	Model tidak dinyatakan secara spesifik. Harga pasaran yang tertinggi telah dibandingkan.	56,350	2,827	53,523	1,893
Hand Held Portable VHF Transceiver **(Gambar 3)**	Model tidak dinyatakan secara spesifik. Harga pasaran yang tertinggi telah dibandingkan.	4,324	1,561	2,763	177
JUMLAH		**192,694**	**20,193**	**172,501**	

***Sumber:** Appendix C - Specification, Bahagian 6 Perjanjian Kontrak; Appendix E - Schedule of Prices And Terms of Payment; Dan Kajian Harga Pasaran Melalui Laman Sesawang Pembekal Pada Bulan April 2011*

GAMBAR 14.2



- Bushnell Binocular
Harga Kontrak : RM56,350
Anggaran Harga Pasaran : RM2,827
Perbezaan Harga : RM53,523 (1,893%)
(11.01.2011)

GAMBAR 14.3



- Hand Held Portable VHF Transceiver
Harga Kontrak : RM4,324
Anggaran Harga Pasaran : RM1,561
Perbezaan Harga : RM2,763 (177%)
(11.01.2011)

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan perlu diuruskan dengan teratur oleh pegawai yang mempunyai kepakaran serta pengalaman dalam urusan perolehan Kerajaan. Selain itu, JTLM perlu memastikan kajian pasaran dijalankan dengan mendapatkan harga pasaran daripada pembekal seperti yang ditetapkan dalam peraturan kewangan.

14.4.2.2. Harga *Ship Inventory* Tidak Diperincikan Dalam Kontrak

Berdasarkan Garis Panduan Penilaian Secara Tender Kementerian Kewangan perenggan 23 (a)(i), Jawatankuasa Penilaian Harga perlu membuat analisis harga yang ditawarkan oleh petender berasaskan kesaksamaan dan harga

pasaran terbuka. Bagi tujuan perbandingan, harga perlu diperincikan mengikut pecahan harga yang dianggarkan. Semakan Audit mendapati harga bagi 9 jenis peralatan yang mengandungi 115 jenis item dan merangkumi 308 unit bernilai RM115,000 telah dinyatakan secara pukal. Ini termasuk peralatan memasak, kelengkapan kabin dan peralatan bukan elektrik. Butirannya adalah seperti di **Jadual 14.4** dan **Gambar 14.4** hingga **14.9**. Akibatnya kewajaran kos bagi setiap item *ship inventory* yang dibekalkan tidak dapat dinilai untuk memastikan Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaannya. Ketiadaan perincian harga juga telah menyebabkan pihak JTLM tidak dapat memperincikan maklumat kos ke dalam Daftar Inventori. *Mengikut maklum balas JTLM, penilaian harga tidak dibuat secara terperinci seperti yang ditetapkan dalam peraturan kewangan disebabkan pegawai yang menguruskan perolehan ini tidak mempunyai kepakaran dalam bidang perolehan bot serta kurang berpengalaman.*

JADUAL 14.4
***SHIP INVENTORY* TIDAK DIPERINCIKAN HARGANYA DALAM KONTRAK**

JENIS PERALATAN	BIL.	
	JENIS ITEM	UNIT
Cooking Utensils	24	61
Bedding Articles	4	48
General Tools Of Machinery	36	61
Supplementary Tools And Spare For Electrical Equipment	8	12
General Stores	8	15
Deck Machinery And Equipments	3	3
Life Saving Equipment	9	31
Damage Control Gear	12	53
Outfitting	11	24
JUMLAH	**115**	**308**

HARGA PERALATAN YANG DINYATAKAN SECARA PUKAL

GAMBAR 14.4



- Periuk Nasi Elektrik
(14.04.2011)

GAMBAR 14.5



- Life Jacket
(14.04.2011)

GAMBAR 14.6



- Boat Clock
(14.04.2011)

GAMBAR 14.7



- Cassette Recoder
(14.04.2011)

GAMBAR 14.8



- Life Raft
(14.04.2011)

GAMBAR 14.9




- CO_2 Fire Fighting
(14.04.2011)

Pada pendapat Audit, penetapan harga dalam dokumen kontrak hendaklah diperincikan bagi memastikan kewajaran kos setiap item barang dapat ditentukan. JTLM perlu mendapatkan maklumat terperinci kos bagi peralatan yang dibekalkan bagi membolehkan item tersebut direkodkan dalam Daftar Harta Modal/Inventori.

14.4.2.3. Klausa Peralatan Yang Ditawarkan Perlu Baru/Keluaran Semasa/Tulen Tidak Dinyatakan Dalam Dokumen Kontrak


Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1995 berkenaan dengan kontrak pembekalan menyatakan semua peralatan yang ditawarkan hendaklah baru, keluaran semasa dan tulen. Semakan Audit terhadap Laporan Ujian Penerimaan Enjin yang dikeluarkan oleh pengeluar dan pemeriksaan lanjut terhadap fizikal enjin mendapati 2 enjin utama bot tersebut adalah buatan Jerman yang mana tahun pengeluarannya adalah pada bulan Disember 2007 dan Februari 2008 (**Gambar 14.10** dan **14.11**). Kontraktor telah membekalkan enjin bukan keluaran semasa kerana dokumen tender yang disediakan oleh Bahagian Penguatkuasaan JTLM tidak menetapkan syarat berhubung keperluan membekalkan peralatan keluaran semasa, tulen dan baru. *Mengikut maklum balas JLTM, enjin yang dibekalkan adalah baru.* Bagaimanapun, pihak Audit tidak menemui bukti yang menunjukkan ia adalah keluaran semasa.

GAMBAR 14.10



- Enjin MAN V12 -1360 Keluaran Tahun 2007 (11.01.2011)

GAMBAR 14.11



- Enjin MAN V12 -1360 Keluaran Tahun 2008 (11.01.2011)

Pada pendapat Audit, JTLM perlu memastikan arahan yang ditetapkan dalam pekeliling dan peraturan kewangan diteliti dan dimasukkan ke dalam kontrak bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

14.4.2.4. Brosur dan Maklumat Jenama, Model dan Spesifikasi Terperinci Tidak Dikemukakan Bersama Dokumen Kontrak

Syarat dokumen tender telah mewajibkan petender mengemukakan brosur dan maklumat jenama, model dan spesifikasi terperinci bagi peralatan yang akan dibekalkan semasa mengemukakan tawaran. Semakan Audit terhadap laporan Jawatankuasa Penilaian Teknikal mendapati petender yang berjaya tidak mengemukakan maklumat mengenai beberapa peralatan yang akan dibekalkan. Analisis lanjut mendapati walaupun tender diputuskan namun maklumat mengenainya masih tidak dikemukakan kepada JTLM dan ini telah mengakibatkan maklumat penting mengenai jenama, model dan spesifikasi tidak dinyatakan dalam dokumen kontrak. Secara tidak langsung Kerajaan terpaksa menerima apa juga jenis peralatan yang dibekalkan oleh kontraktor. Kegagalan pihak Jawatankuasa Penilaian Teknikal memastikan maklumat terperinci dikemukakan sebelum tender dimuktamadkan telah mengakibatkan beberapa peralatan yang diterima adalah tidak berjenama serta tidak dapat diketahui kualiti serta kewajaran kos peralatan tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 14.5
ANTARA PERALATAN YANG TIDAK DINYATAKAN
JENAMA, MODEL DAN SPESIFIKASI DALAM KONTRAK

BUTIRAN PERALATAN	KUANTITI	JENAMA PERALATAN YANG DIBEKALKAN
Portable Loud Hailer	1	Transistor Megaphone ER66s
Marine Binocular Night Vision	1	Bushnell 260400
15 HP 4 Stroke Outboard Engine	1	Mercury Marine 1015213FL
Life Raft (10 persons)	1	Shang Hai Huaxiang Dacheng Rubber
Bulkhead-Mounted Clinometer	1	Barigo

BUTIRAN PERALATAN	KUANTITI	JENAMA PERALATAN YANG DIBEKALKAN
Mechanical Fog Horn	1	Marco
Portable Spotlight	1	Quartz Halogen CJ235
Stereo Radio Cassette Recorder	1	Philips AZ302
Electric Rice Cooker	1	Pensonic PSR
Freezer	1	Pensonic
Inflatable type fenders	8	Poly Foam USF3
Waterfilter	1	Tiada Maklumat
Swivel Electric Fan	1	Tidak Bekal
Wall mounted electrical Fan	4	Oshino

Sumber: ***Lampiran C, Perjanjian Kontrak***

MAKLUMAT JENAMA, MODEL DAN SPESIFIKASI TIDAK DINYATAKAN DALAM KONTRAK

GAMBAR 14.12



- Clinometer
(11.01.2011)

GAMBAR 14.13



- Outboard Engine
(11.01.2011)

GAMBAR 14.14



- Freezer
(11.01.2011)

GAMBAR 14.15



- Lift Raft
(11.01.2011)



GAMBAR 14.16

- Portable Loudhailer
(11.01.2011)

Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Teknikal yang telah diberi tanggungjawab untuk menilai aspek teknikal perlu membuat penilaian secara terperinci keperluan spesifikasi yang dinyatakan oleh petender. Ini bagi memastikan peralatan yang dibekalkan dapat memenuhi keperluan pengguna serta kos dan kualiti peralatan yang dibekalkan adalah munasabah.

14.4.3. Syarat Kontrak Tidak Dipatuhi

14.4.3.1. Reka Bentuk Kapal Tidak Mematuhi Spesifikasi Kontrak

a. Tangki Air Bersih

Objektif perolehan bot aluminium *all weather* ini adalah untuk menjalankan operasi penguatkuasaan selama 3 hari di laut. Sehubungan ini, bot tersebut perlu mempunyai keperluan air bersih mencukupi sepanjang tempoh itu. Kontrak juga menetapkan spesifikasi bagi tangki air bersih bagi bot ini hendaklah berkeupayaan minimum untuk menampung 1,000 liter air di samping disertakan alat penyuling (desalinator). Bagaimanapun, harga bagi tangki air bersih dan alat penyuling hanya dinyatakan secara pukal di bawah item sistem paip yang berjumlah RM345,000. Semakan Audit terhadap Laporan Pra Penerimaan Ujian bagi sistem paip bertarikh 13 Disember 2010 mendapati tangki hanya dapat membekalkan 600 liter air. Selain itu, alat penyuling yang boleh menukar air masin kepada air tawar/air bersih juga tidak dibekalkan, namun tiada bukti menunjukkan pelarasan harga telah dilakukan terhadap pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi ini. Pihak Audit menganggarkan harga pasaran bagi alat penyuling tersebut berjumlah RM200,000.

b. Pintu Kecemasan

Spesifikasi kontrak menetapkan laluan keluar pintu kecemasan bot hendaklah boleh dibuka dari kedua-dua belah iaitu luar dan dalam bot. Semakan fizikal terhadap pintu kecemasan bot mendapati pintu kecemasan di bilik enjin hanya boleh dibuka dari dalam manakala pintu kecemasan di *deck house* hanya boleh dibuka dari luar. Bagaimanapun, kedua-dua pintu kecemasan tersebut telah dipasang dengan 18 skru (**Gambar 14.17** dan **14.18**). Daripada pemeriksaan Audit bersama anak kapal, masa yang diambil untuk membuka pintu kecemasan di *deck house* adalah lebih kurang 20 minit (**Gambar 14.19**). Ini boleh meningkatkan risiko kehilangan nyawa anak kapal sekiranya berlaku kecemasan. Contoh pintu kecemasan yang boleh dibuka dari dalam adalah seperti di **Gambar 14.20**. *Mengikut maklum balas, JTLM telah mengarahkan kontraktor untuk menukar pintu kecemasan tersebut mengikut spesifikasi kontrak.*

GAMBAR 14.17



- Pintu Kecemasan Di Bilik Enjin Yang Diskru Dari Dalam (11.01.2011)

GAMBAR 14.18



- Pintu Kecemasan Di Deck House Yang Diskru Dari Luar (14.04.2011)

GAMBAR 14.19



- Anak Kapal Sedang Membuka Skru Pintu Kecemasan Di Deck House Dari Luar (14.04.2011)

GAMBAR 14.20



- Contoh Pintu Kecemasan Yang Boleh Dibuka Dari Dalam

c. Alat Penghawa Dingin

Kontraktor harus membekal 5 alat penghawa dingin di 5 lokasi yang telah ditetapkan yang mempunyai keupayaan 25,000 Btu/hr setiap unit dengan harga keseluruhan berjumlah RM299,000. Semakan Audit terhadap laporan ujian dan pemasangan alat penghawa dingin bertarikh 24 November 2010 mendapati kesemua alat penghawa dingin telah dipasang di lokasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, setiap unit penghawa dingin ini hanya mempunyai keupayaan 16,000 Btu/hr berbanding 25,000 Btu/hr yang sepatutnya. Ini mengakibatkan tahap keberkesanan sistem penyejukan berada di bawah tahap yang dikehendaki dan boleh menjejaskan peralatan yang sensitif kepada suhu.

14.4.3.2. Peralatan Yang Dibekalkan Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak Dan Pelarasan Harga Tidak Dibuat

a. Mengikut syarat kontrak, sebarang perubahan terhadap skop dan spesifikasi kontrak perlu mendapat kelulusan daripada pegawai Penguasa Projek (SO) iaitu Ketua Pengarah JTLM. Semakan Audit mendapati beberapa peralatan

yang dibekalkan tidak menepati jenama dan model yang ditetapkan dalam spesifikasi. Namun begitu, tiada bukti menunjukkan kelulusan telah diperolehi daripada SO kecuali perubahan jenama bagi enjin utama dan *gearbox* serta *Global Maritime Distress Safety System* (GMDSS). Bagi perubahan enjin utama yang telah mendapat kelulusan SO, pihak Audit tidak menemui bukti yang menunjukkan JTLM telah membuat penilaian terhadap perubahan spesifikasi dengan mengambil kira keupayaan enjin serta kos yang terlibat.

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati sungguhpun beberapa peralatan yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi, namun pembayaran telah dibuat sepenuhnya mengikut harga yang telah ditetapkan dalam kontrak. Ini kerana tiada sebarang pelarasan harga yang dibuat oleh JLTM. Mengikut perkiraan Audit, **Kerajaan telah terlebih bayar kepada kontraktor sejumlah RM100,517** (tidak termasuk enjin utama dan *gearbox*). Butirannya seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 14.6
PERALATAN YANG DIBEKAL TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI KONTRAK

BIL.	NAMA ITEM	JENAMA DAN HARGA PERALATAN MENGIKUT KONTRAK		JENAMA PERALATAN YANG SEBENARNYA DIBEKALKAN DAN ANGGARAN HARGA PASARAN	
		JENAMA	HARGA (RM)	JENAMA	HARGA (RM)
1	*Main engine*	MAN V10-1100	1,664,000	MAN V12-1360	TM
	Gearbox	MAN ZF 665		HITACHI MGX-662005C	
2	*Outboard Engine* bagi *Unsinkable Aluminium (6) person boat*	4 Stroke 15 Hp	11,553*	2 Stroke 15 Hp	6,549
3	*Refrigerator*	Panasonic NR B261M	1,299*	MITSUBISHI MR-18BA	629
4	*Stove*	Electrolux 60cm *induction stove*	6,955*	TAIYO	2,110
5	*LCD TV* *DVD Player*	Toshiba 32AV615D Toshiba SD-580 SA	16,100	PHILIPS DVP3560K	195
6	*Global Positioning System* (GPS)	SAMYUNG *NAVIS-700*	5,060	FURUNO GP320GPS WAAS *Sensor*	1,066
7	CCTV *system*	PARADOX	5,750	Belco	640
8	Marine Binocular *(Night Vision)*	Model Tidak Dinyatakan Secara Spesifik	56,350	Marine Binocular 137507 (Tanpa *Night Vision*)	1,069
9	*Laptop*	Acer Aspire 3935	11,845	Acer Travel Mate 4740	2,137
	Color Printer	HP CP 1518in		Canon Pixma MP258	
JUMLAH (Tidak Termasuk Enjin Utama Dan *Gearbox*)			**114,912**		**14,395**

Nota: ***(*) - Berdasarkan Anggaran Harga Pasaran Kerana Kontrak Tidak Menyatakan Harga Peralatan***
TM - Tiada Maklumat

PERALATAN YANG DIBEKALKAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

GAMBAR 14.21



- Outboard Engine 4 Stroke 15 Hp M844W2
Yang Sepatutnya Dibekalkan Bernilai RM11,553
(14.04.2011)

GAMBAR 14.22



- Outboard Engine 2 Stroke 15 Hp MERCURY
Yang Sebenarnya Dibekalkan Bernilai RM6,549
(14.04.2011)

GAMBAR 14.23




- Refrigerator PANASONIC NR B261M
Yang Sepatutnya Dibekalkan Bernilai RM1,299
(14.04.2011)

GAMBAR 14.24



- Refrigerator MITSUBISHI MR-18BA
Yang Sebenarnya Dibekalkan Bernilai RM629
(14.04.2011)

GAMBAR 14.25



- Stove ELECTROLUX 60cm Induction
Yang Sepatutnya Dibekalkan Bernilai RM6,955
(14.04.2011)

GAMBAR 14.26




- Stove TAIYO
Yang Sebenarnya Dibekalkan Bernilai RM2,110
(14.04.2011)

GAMBAR 14.27



- CCTV System PARADOX
Yang Sepatutnya Dibekalkan Bernilai RM5,750
(14.04.2011)

GAMBAR 14.28



- CCTV System BELCO
Yang Sebenarnya Dibekalkan Bernilai RM640
(14.04.2011)

Pada pendapat Audit, isu pertukaran jenama dan spesifikasi harus diteliti dari aspek ekonomi, kejuruteraan dan keselamatan bot dalam jangka masa panjang dan mendapat kelulusan daripada pihak yang berkaitan serta pelarasan harga perlu dibuat.

14.4.3.3. Ujian Kualiti Tidak Dijalankan

a. Tahap Bunyi Dan Gegaran

Syarat kontrak menetapkan bahawa tahap bunyi dan gegaran yang dihasilkan perlu dikawal pada tahap yang sesuai atau diterima. Syarat kontrak juga menyatakan sekiranya berlaku sesuatu keperluan asas tidak disebut dalam kontrak secara terperinci, *Best Practices* dalam bidang berkenaan perlulah dipatuhi. Standard piawaian yang diterima pakai dalam pembinaan bot ialah ISO 2631. Pihak Audit dimaklumkan bahawa standard piawaian tersebut tidak diterima pakai dan tiada bacaan atau data ujian bunyi dan gegaran yang diambil untuk memastikan standard piawaian dipatuhi.

b. Sijil Pengiktirafan Kualiti Pembinaan Bot, Pemasangan Peralatan Dan Pendawaian Elektrik

Lampiran C, perkara 1.5, perjanjian kontrak menetapkan bagi memastikan tahap kualiti pembinaan bot mengikut standard piawaian *Maritim Classification Society,* kontraktor disyaratkan melantik badan bebas yang diakui olehnya. Kos reka bentuk bot dan pelantikan penyeliaan badan bebas adalah berjumlah RM400,000. Skop kerja penyeliaan perlu meliputi peringkat pembinaan, pemasangan peralatan dan pendawaian elektrik. Hasil dari penyeliaan itu, satu sijil yang diiktiraf akan dikeluarkan kepada bot JTLM semasa penyerahan bot dilakukan. Semakan Audit mendapati kontraktor telah melantik Det Norske Veritas (DNV) sebagai badan penyelia bagi peringkat pembinaan *hull and superstructure* dengan kos perunding berjumlah RM38,600. Sijil bagi *hull and superstructure* telah dikeluarkan pada 1 Disember 2010. Bagaimanapun, didapati skop kerja perunding tidak termasuk penyeliaan di peringkat pemasangan peralatan dan pendawaian elektrik. Ini telah menyebabkan tiada pengesahan dibuat terhadap pemasangan peralatan dan pendawaian elektrik bagi bot tersebut. Oleh yang demikian, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada kualiti tahap keselamatan bot dari aspek pendawaian elektrik dan pemasangan peralatan telah memenuhi standard piawaian yang ditetapkan. Selain itu, tiada bukti menunjukkan pelarasan harga telah dibuat.

c. *Inclining Experiment* Dan *Stability Booklet*

Lampiran C, perkara 1.17, perjanjian kontrak menetapkan sebelum siapnya bot berkenaan, *Inclining Experiment* perlu dibuat untuk menentukan pusat graviti bot ini untuk tujuan keseimbangan semasa memuat atau menurunkan

kargo. Data yang diperolehi daripada ujian ini perlu disimpan dalam *stability booklet* untuk dijadikan panduan ketika pelayaran. Semakan Audit dan temu bual dengan pegawai JTLM mendapati ujian ini tidak dilakukan oleh kontraktor atas alasan terlepas pandang dan *stability booklet* tidak disediakan untuk rujukan anak kapal. Ketiadaan data daripada ujian ini boleh menjejaskan operasi bot semasa belayar khususnya untuk berlabuh ke jeti.

d. Sijil Pengesahan Sistem Pencegahan Kebakaran Dan Peralatan Keselamatan

Lampiran C, perkara 1.14, perjanjian kontrak menetapkan bahawa semasa penyerahan bot, kontraktor harus menyerahkan sijil pengesahan tentang keselamatan sistem pencegahan kebakaran dan peralatan keselamatan lain bagi bot berkenaan. Semakan Audit mendapati sijil pengesahan keselamatan sistem pencegahan kebakaran ada disediakan oleh subkontraktor yang dilantik. Bagaimanapun, tiada sijil pengesahan yang dikeluarkan bagi peralatan keselamatan.

JTLM dalam maklum balasnya menyatakan surat telah dikemukakan kepada pihak yang bertanggungjawab untuk menjalankan ujian-ujian berkaitan.

14.4.3.4. Secara keseluruhannya adalah didapati ketidakpatuhan terhadap syarat kontrak antara lainnya disebabkan oleh ketiadaan penyeliaan dan pemantauan yang rapi dan teliti ketika kerja pembinaan bot dan pemasangan peralatan dilaksanakan. Selain itu, jawatankuasa yang dilantik didapati tidak membuat pemeriksaan yang teliti dan telah menyebabkan beberapa peralatan yang tidak mengikut spesifikasi telah dibekalkan.

Pada pendapat Audit, JTLM perlu memberi perhatian yang serius terhadap aspek penyediaan dokumen kontrak dan penguatkuasaan terma kontrak untuk memastikan setiap syarat kontrak dipatuhi. JTLM juga perlu memastikan setiap jawatankuasa yang dilantik untuk menjalankan penyeliaan dan pemantauan terhadap sesuatu projek dipantau dengan rapi bagi memastikan perolehan yang dibuat mencapai objektif yang ditetapkan serta menghasilkan *outcome* yang dijangkakan.

14.4.4. Senarai Kecacatan Belum Dibaiki

Perjanjian kontrak antara lain menyatakan tanggungjawab kontraktor dalam tempoh jaminan (12 bulan dari tarikh serahan) untuk membaiki kekurangan yang dilaporkan kepadanya. JTLM telah mengemukakan senarai kecacatan/*defect list* kepada kontraktor pada 18 Mac 2011 yang melaporkan kecacatan bot berkenaan. Semakan Audit terhadap rekod penyenggaraan mendapati sehingga 14 April 2011, kecacatan yang dilaporkan masih belum dibaiki oleh kontraktor. Kecacatan yang telah

dilaporkan kepada kontraktor namun masih belum dibaiki adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.7
KECACATAN YANG TELAH DILAPORKAN MASIH BELUM DIBAIKI OLEH KONTRAKTOR SETAKAT 14 APRIL 2011

BIL.	JENIS KEROSAKAN
1	Sistem *waterjet* berada pada paras *water level*
2	Ekzos *starboard* bergegar terlalu kuat jika RPM melebihi 1,000
3	*Fuel separator* di sebelah port tidak berfungsi dengan sempurna (tersumbat)
4	Bahagian hidraulik *pump* berlaku kebocoran
5	Hos hidraulik mengalami kebocoran
6	Kanopi di *open bridge* bergegar terlalu kuat
7	*Water separator* bahagian *starboard* didapati mengecut/kemek
8	Generator bahagian *starboard* tidak berfungsi kerana kerosakan *empeller*

14.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak dapat dipertingkatkan di samping Kerajaan mendapat *value for money* daripada perbelanjaan yang dibuat, adalah disyorkan supaya Jabatan Taman Laut Malaysia melaksanakan perkara seperti berikut:

14.5.1. Pengurusan perolehan perlu diuruskan dengan teratur oleh pegawai yang mempunyai kepakaran serta berpengalaman dalam urusan perolehan Kerajaan. Jawatankuasa yang dilantik perlu menjalankan fungsinya dengan cekap dan berkesan.

14.5.2. Jawatankuasa Penilaian Harga perlu menilai setiap tender dengan teliti bagi memastikan harga yang ditawarkan dapat memberi *value for money* terhadap perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Jawatankuasa Penilaian Teknikal perlu memastikan setiap perubahan spesifikasi dinilai dari segi keupayaan keseluruhan sesuatu peralatan.

14.5.3. JTLM perlu menjalankan pemeriksaan semula terhadap semua syarat yang ditetapkan dalam kontrak secara terperinci serta melaraskan pembayaran yang terlebih bayar bagi peralatan yang tidak dibekalkan atau pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi.

14.5.4. JTLM perlu memastikan kontraktor membaik pulih semua kecacatan yang telah dikenal pasti dengan segera dan memastikan kontraktor mematuhi syarat kontrak berkaitan reka bentuk bot dan ujian kualiti agar keselamatan anak kapal terjamin serta bot dapat digunakan dengan selamat. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian, bon pelaksanaan perlu dirampas dan kontraktor perlu disenaraihitamkan.

14.5.5. JTLM diminta untuk mematuhi semua peraturan kewangan yang ditetapkan dari semasa ke semasa terutamanya daripada aspek pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

15. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN YANG DISWASTAKAN DI NEGERI SARAWAK

15.1. LATAR BELAKANG

15.1.1. Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) bertanggungjawab terhadap penyenggaraan jalan persekutuan di negeri Sarawak. Bagaimanapun, pelaksanaan dan pemantauannya adalah di bawah Cawangan Jalan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKRS) bersama 9 Jabatan Kerja Raya Bahagian (JKRB).

15.1.2. Penyenggaraan jalan persekutuan di negeri Sarawak telah diswastakan pada tahun 2003 dengan tempoh perjanjian penswastaan selama 15 tahun. Berdasarkan perjanjian, penyenggaraan jalan persekutuan dikategorikan sebagai penyenggaraan rutin dan penyenggaraan berkala dan kecemasan. Kerja penyenggaraan rutin adalah seperti memperbaiki *pavement* jalan dan memotong rumput manakala kerja berkala adalah seperti menurap semula jalan dan mengecat garisan jalan. Kadar bagi penyenggaraan rutin ialah RM2,050 sekilometer jalan sebulan pada bulan Julai 2003 hingga September 2008 dan disemak semula kepada RM2,514 sekilometer jalan sebulan mulai bulan Oktober 2008. Manakala kadar bayaran bagi kerja penyenggaraan berkala dan kecemasan adalah tertakluk kepada cadangan dan program kerja yang diluluskan mengikut kadar dalam perjanjian.

15.1.3. Program penswastaan penyenggaraan jalan persekutuan di negeri Sarawak dilaksanakan oleh 3 syarikat konsesi iaitu PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd., Endaya Construction Sdn. Bhd dan HCM Engineering Sdn. Bhd. Mengikut perjanjian penswastaan, jalan persekutuan yang perlu disenggarakan setakat 14 Julai 2003 ialah sepanjang 1,326 km dan telah meningkat kepada 1,566 km setakat 31 Disember 2009.

15.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan jalan persekutuan telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

15.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pemeriksaan terhadap pengurusan dan kerja penyenggaraan rutin, berkala dan kecemasan yang dilaksanakan oleh ketiga-tiga syarikat konsesi pada tahun 2005 hingga 2010. Pemeriksaan dijalankan terhadap kontrak, rekod dan dokumen yang berkaitan di Ibu Pejabat JKRS dan 8 JKRB (Kuching,

Kota Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Bintulu dan Miri). Lawatan fizikal bersama pegawai teknikal JKRS dan pegawai syarikat konsesi telah dibuat. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dalam pengurusan penyenggaraan jalan persekutuan telah dilakukan. Soal selidik juga telah diedarkan kepada 76 pengguna jalan persekutuan di 7 Bahagian berkenaan untuk mendapat maklum balas mengenai kepuasan pengguna terhadap penyenggaraan jalan persekutuan.

15.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati secara umumnya keadaan jalan persekutuan adalah kurang memuaskan walaupun sejumlah RM462.46 juta telah dibelanjakan untuk penyenggaraannya bagi tempoh tahun 2005 hingga 2010. Antara lainnya, keadaan ini adalah disebabkan oleh kekurangan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk penyenggaraan berkala. Selain itu, kelemahan yang ditemui dalam pelaksanaan kerja penyenggaraan adalah seperti kerja penurapan jalan tidak dibuat dan kerosakan *pavement* dibaiki; jentera yang digunakan untuk memampatkan kerja penurapan jalan tidak mengikut spesifikasi; penyenggaraan bahu/perabot/perparitan jalan tidak memuaskan dan pemotongan rumput tidak mengikut spesifikasi kontrak. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit serta ulasan JKRS adalah seperti di perenggan berikut:

15.4.1. Prestasi Penyenggaraan Jalan Persekutuan

15.4.1.1. Bagi mencapai tahap jalan raya yang baik dan selesa, jalan persekutuan di negeri Sarawak hendaklah disenggarakan secara berterusan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagi tujuan ini, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah RM462.46 juta bagi tempoh tahun 2005 hingga 2010. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.1
PERBELANJAAN PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN DI NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN 2005 HINGGA 2010

SYARIKAT KONSESI	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd.	20.23	26.55	34.97	25.41	28.11	31.48	166.75
HCM Engineering Sdn. Bhd.	17.21	17.65	27.03	23.10	27.19	28.88	141.06
Endaya Construction Sdn. Bhd.	10.91	22.01	21.28	31.08	28.19	41.18	154.65
JUMLAH	**48.35**	**66.21**	**83.28**	**79.59**	**83.49**	**101.54**	**462.46**

15.4.1.2. Semakan Audit mendapati secara umumnya keadaan jalan persekutuan yang diswastakan penyenggaraannya di beberapa tempat dari Sematan, Bahagian Kuching hingga ke Sungai Tujuh, Bahagian Miri adalah kurang memuaskan. Antara masalah yang ditemui adalah permukaan jalan yang tidak rata, berlubang besar (big potholes), permukaan jalan yang retak dan *pavement failure.* Selain itu, lawatan Audit juga mendapati Jalan Bakun telah

mengalami kegagalan struktur *pavement* yang tidak dapat diperbaiki dengan kerja penyenggaraan rutin. Oleh itu, penyenggaraan hanya dibuat dengan menaburkan batu tanpa dimampatkan dengan pengilis jalan. *Mengikut ulasan JKRS, keadaan ini berlaku disebabkan Jalan Bakun sepanjang hari dilalui oleh kenderaan berat dengan muatan lebih berat daripada muatan yang dibenarkan di bawah Weight Restriction (Federal Road) (Amendment) Order 2003. Pihak JKRS telah membaiki sebahagian daripada jalan bakun tersebut antara bulan Mac hingga Julai 2011.* Contoh keadaan jalan berkenaan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 15.1



Zon 2B, Jalan Bakun
-Permukaan Jalan Yang Tidak Rata
(20.08.2010)

GAMBAR 15.2



Zon 2B, Jalan Bakun
- Permukaan Jalan Yang Telah Dibaiki
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 09.06. 2011)



GAMBAR 15.3

Zon 2A, Jalan Sibu/Bintulu
- Permukaan Jalan Yang Retak
(19.08.2010)

GAMBAR 15.4



GAMBAR 15.5




Zon 2A, Jalan Sibu/Bintulu
- Permukaan Jalan Yang Retak, Berlubang Dan Menakung Air Selepas Hujan
(19.08.2010)

15.4.1.3. Maklum balas kepuasan pengguna jalan raya adalah penting untuk mendapatkan pandangan dan tahap kepuasan pengguna jalan persekutuan mengenai status penyenggaraan jalan persekutuan di negeri Sarawak yang telah dilaksanakan oleh 3 syarikat konsesi. Pihak Audit telah menjalankan kajian


kepuasan pelanggan melalui soal selidik dan temu bual dengan pelbagai kategori pengguna jalan persekutuan di negeri Sarawak. Daripada soal selidik yang diedarkan, seramai 76 responden dari Bahagian Kuching, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Bintulu dan Miri telah memberi maklum balas. Analisis Audit terhadap maklum balas yang diterima mendapati seramai 51 responden (67%) berpendapat keadaan jalan persekutuan di negeri Sarawak adalah tidak memuaskan, 15 responden (20%) memuaskan dan hanya 10 responden (13%) baik. Analisis pendapat pengguna jalan persekutuan di negeri Sarawak adalah seperti di carta pai berikut:

CARTA 15.1
PENDAPAT PENGGUNA TERHADAP KEADAAN JALAN PERSEKUTUAN DI NEGERI SARAWAK



15.4.1.4. Analisis Audit selanjutnya mendapati 71% responden berpendapat tampalan jalan adalah tidak rata, 61% responden berpendapat jalan raya berlubang, 45% responden berpendapat bahu jalan raya tidak rata, 40% responden berpendapat keadaan parit tidak memuaskan dan 17% responden berpendapat pemotongan rumput di tepi jalan persekutuan tidak memuaskan. Penjelasan lanjut adalah seperti di carta pai berikut:

CARTA 15.2
KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP KEADAAN JALAN PERSEKUTUAN DI NEGERI SARAWAK



15.4.1.5. Keadaan jalan persekutuan yang kurang memuaskan antaranya disebabkan oleh kekurangan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi penyenggaraan berkala. Semakan Audit mendapati 35 cadangan kerja berkala bernilai RM323.24 juta bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 tidak diluluskan oleh KKR kerana kekangan peruntukan. Analisis selanjutnya mendapati hanya 91 (72%) cadangan kerja berkala bernilai RM109.29 juta (25%) telah diluluskan bagi tempoh yang sama. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.2
KEDUDUKAN CADANGAN DAN KELULUSAN KERJA BERKALA
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

SYARIKAT KONSESI	CADANGAN		DILULUSKAN		TIDAK DILULUSKAN	
	BIL.	NILAI (RM Juta)	BIL.	NILAI (RM Juta)	BIL.	NILAI (RM Juta)
PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd.	41	33.32	41	33.32	-	-
HCM Engineering Sdn. Bhd.	49	208.73	17	32.50	32	176.23
Endaya Construction Sdn. Bhd.	36	190.48	33	43.47	3	147.01
JUMLAH	**126**	**432.53**	**91**	**109.29**	**35**	**323.24**

15.4.1.6. *Mengikut maklum balas, JKRS bersetuju keadaan semasa di beberapa jalan persekutuan terutamanya Jalan Sibu/Bintulu (32.49 km daripada panjang keseluruhan 207.68 km), Jalan Bintulu/Miri (25.33 km daripada panjang keseluruhan 236.22 km) dan Jalan Bakun (24.7 km daripada panjang keseluruhan 128.46 km) adalah tidak memuaskan dan perlu diperbaiki kerana jalan tersebut telah mengalami kegagalan struktur yang teruk. Sebab utama yang menyumbang kepada kegagalan tersebut adalah seperti berikut:*

a. *Muatan yang dibawa oleh banyak kenderaan berat melebihi had muatan maksimum yang dibenarkan.*

b. *Pembangunan ekonomi yang pesat telah menyebabkan peningkatan mendadak bilangan kenderaan dan kekerapan penggunaan jalan persekutuan yang merupakan laluan utama yang menghubungkan semua bahagian di Sarawak.*

c. *Usia jalan yang melebihi tempoh hayat reka bentuk sepatutnya diperkukuhkan selepas menjangkau tempoh 7 hingga 8 tahun.*

d. *Peruntukan penyenggaraan berkala tidak mencukupi.*

Pada pendapat Audit, keadaan jalan persekutuan di negeri Sarawak adalah kurang memuaskan walaupun sejumlah RM462.46 juta telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2010. Sehubungan itu, KKR perlu mempertimbangkan tambahan peruntukan kepada JKRS supaya penyenggaraan berkala jalan persekutuan dapat dilaksanakan serta mempertingkatkan tahap keselesaan dan keselamatan pengguna.

15.4.2. Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan

Kerja penyenggaraan rutin adalah kerja penyenggaraan jalan yang dijalankan oleh ketiga-tiga Syarikat Konsesi seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian penswastaan. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya kerja penyenggaraan rutin adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

15.4.2.1. Kerja Penurapan Jalan Tidak Dibuat Dan Kerosakan *Pavement* Dibiarkan

a. Semakan Audit mendapati terdapat keadaan di mana kerja penurapan jalan tidak dibuat dan kerosakan jalan dibiarkan sehingga keadaan jalan menjadi teruk kerana kerja penurapan jalan telah mencapai maksimum 1% setahun. Lawatan Audit telah mengesahkan bahawa keadaan permukaan jalan yang retak, bergelombang (rutting), berlubang dan terkopak. *Pavement* jalan berkenaan hanya akan disenggarakan secara kerja berkala jika diluluskan dan ada peruntukan disediakan oleh KKR. Contoh keadaan jalan yang dimaksudkan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 15.6



Zone 2A, Jalan Sibu/Bintulu
- Retakan Jalan
(19.08.2010)

GAMBAR 15.7



Zone 2A, Jalan Sibu/Bintulu
- Permukaan Jalan Terkopak
(19.08.2010)

Mengikut maklum balas JKRS, pada tahun ini Kementerian Kerja Raya telah meluluskan peruntukan sebanyak RM9 juta untuk memperbaiki jalan sepanjang 6.35 km di Jalan Sibu/Bintulu.

b. Di samping itu, lawatan Audit mendapati jentera yang digunakan untuk memampatkan kerja penurapan jalan oleh syarikat konsesi adalah berbeza. Syarikat konsesi telah menggunakan *vibrator* di Zon 2B, Jalan Bakun manakala pengilis jalan digunakan di Zon 1, Jalan Serian/Sri Aman seperti ditunjukkan di gambar berikut:

GAMBAR 15.8



Zon 2B, Jalan Bakun
- Penggunaan Vibrator Semasa Kerja Penurapan Jalan
(20.08.2010)

GAMBAR 15.9



Zon 1, Jalan Serian/Sri Aman
- Pengilis Jalan Digunakan Semasa Kerja Penurapan Jalan
(16.08.2010)

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati bayaran terhadap kerja penurapan jalan dibuat walaupun sebahagian jalan tersebut telah dibuat di bawah kerja berkala seperti penurapan semula permukaan jalan, pemasangan *guardrail* dan penggantian pembetungan yang masih dalam tempoh liabiliti.

d. *Pihak JKRS telah memberi maklum balas seperti berikut:*

   i. *Kegagalan struktur pavement akibat usia jalan yang telah melebihi tempoh hayat rekabentuk adalah sebab utama mengapa kerja pavement mencapai maksima 1% setahun. Untuk jalan tersebut, rawatan kerja berkala seperti Cold In Place Recycle dan penurapan semula perlu dilaksanakan untuk memanjangkan jangka hayat pavement. Bagaimanapun, rawatan kerja berkala tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan peruntukan. Oleh tu, syarikat konsesi masih lagi berusaha untuk menampal jalan sungguhpun nilai maksimum 1% telah dicapai.*

   ii. *Penggunaan vibrator untuk penurapan jalan adalah tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan pengilis jalan hendaklah digunakan untuk memampatkan kerja penurapan.*

   iii. *Bersetuju bahawa bayaran penyenggaraan terhadap kerja penurapan jalan yang telah dibuat di bawah penyenggaraan berkala dipotong daripada tuntutan bayaran penyenggaraan rutin syarikat konsesi semasa tempoh kecacatan.*

Pada pendapat Audit, kerja menampal jalan sungguhpun nilai maksimum 1% telah dicapai tanpa rawatan kerja berkala (penurapan semula) tidak akan melanjutkan jangka hayat jalan atau menyelesaikan masalah kegagalan struktur *pavement.* Sehubungan itu, pihak JKRS dan JKRB hendaklah menjalankan pemeriksaan berkala terhadap kerja penurapan jalan oleh syarikat konsesi khususnya semasa kerja penyenggaraan dilaksanakan. Bagi bayaran terhadap kerja penurapan jalan yang telah dibuat di bawah kerja penyenggaraan berkala, JKRS hendaklah memastikan jumlah tersebut dipotong daripada tuntutan bayaran penyenggaraan rutin sebelum tamatnya tempoh kecacatan.

15.4.2.2. Penyenggaraan Bahu Jalan Tidak Memuaskan

a. Mengikut *Guide on Geometric Design of Roads* yang dikeluarkan oleh Road Engineering Association of Malaysia, jalan jenis R3 hendaklah mempunyai bahu jalan di antara 2 hingga 2.5 meter mengikut rupa bumi (terrain) jalan. Antara fungsi bahu jalan adalah untuk kenderaan berhenti semasa kecemasan, keselesaan dan kelancaran memandu serta sokongan struktur *pavement* jalan. Lawatan Audit mendapati tidak ada bahu jalan atau bahu jalan sempit di beberapa lokasi sepanjang Jalan Serian/Tebedu. Di samping itu, terdapat bahu jalan di Jalan Bau/Lundu, Jalan Serian/Sri Aman, Jalan Matang/Politeknik dan Jalan Lubok Antu tidak disenggarakan dengan memuaskan. Keadaan permukaan bahu jalan berkenaan didapati tidak rata dan tidak dimampat semula setelah kerja pemasangan kabel/paip oleh pihak ketiga. Selain itu, terdapat juga tanaman jagung di bahu jalan dan runtuhan bahu jalan akibat kegagalan pembetungan seperti yang ditunjukkan di gambar berikut:

GAMBAR 15.10



Zon 1, Jalan Serian/Sri Aman
- Bahu Jalan Mengalami Runtuhan Disebabkan Kegagalan Pembentungan
(16.08.2010)

GAMBAR 15.11



Zon 1, Jalan Lubok Antu
- Pokok Jagung Ditanam Di Bahu Jalan
(17.08.2010)

b. *Pihak JKRS telah memberi maklum balas seperti berikut:*

i. Kebanyakan jalan persekutuan sedia ada sudah berusia melebihi 20 tahun dan pada masa pembinaan, tujuan utama jalan adalah untuk menghubungkan semua kawasan utama di Sarawak. Oleh kerana faktor seperti kekurangan peruntukan dan keadaan tapak yang kurang sesuai (site condition), struktur seperti bahu jalan tidak dapat dibina mengikut standard yang diingini. Kerja menaik taraf bahu jalan hanya dapat dilakukan sekiranya peruntukan tambahan disediakan. Syarikat Konsesi sebenarnya hanya menyenggara bahu jalan sedia ada.

ii. Untuk kerosakan yang telah disebabkan oleh kerja pemasangan kabel dan paip oleh pihak ketiga, pejabat ini sentiasa melakukan kerja pemantauan untuk memastikan bahawa bahu jalan yang telah dikorek tersebut diperbaiki oleh pihak syarikat kemudahan awam.

iii. Untuk penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran di bahu jalan, pihak JKRS mencadangkan supaya bahu jalan ditabur dengan batu selepas penuaian tanaman agar penduduk tempatan tidak menanam semula tanaman di bahu jalan tersebut.

Pada pendapat Audit, jalan persekutuan di negeri Sarawak hendaklah disediakan dengan bahu jalan yang sesuai dan mematuhi ketetapan panduan yang dikeluarkan oleh Road Engineering Association Of Malaysia. Di samping itu, JKRS hendaklah memastikan bahu jalan disenggarakan selepas aktiviti pemasangan kabel/paip serta tidak ditanam dengan buah-buahan dan sayur-sayuran bagi keselesaan dan kelancaran memandu serta sokongan struktur *pavement* jalan.

15.4.2.3. Penyenggaraan Perabot Jalan Tidak Memuaskan

a. Lawatan Audit mendapati terdapat papan tanda jalan yang tidak disenggarakan dengan memuaskan (tidak jelas, pudar, tidak dicat semula, tiang papan tanda yang telah berkarat dan tidak dicat semula) di KM 610 Jalan Sibu/Bintulu dan perabot jalan (kilometer post) yang tumbang tidak diperbaiki di Jalan Kuching/Serian. Di samping itu, terdapat juga *guardrails* dan *steel cable barriers* di Jalan Kuching/Serian yang telah rosak dan tidak diperbaiki. Masalah ini boleh menjejaskan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan persekutuan di negeri Sarawak. Keadaan masalah penyenggaraan perabot jalan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 15.12



Zon 2A, Jalan Sibu/Bintulu
- Tulisan Papan Tanda "AWAS" Telah Pudar Dan Tidak Dicat Semula
(19.08.2010)

GAMBAR 15.13



Zon 1, Jalan Kuching/Serian
- Perabot Jalan Yang Tumbang Dan Tidak Diperbaiki
(05.08.2010)



GAMBAR 15.14

Zon 1, Jalan Kuching/Serian
- Steel Cable Barriers Jalan Yang Rosak Dan Tidak Diperbaiki
(05.08.2010)

b. *Berdasarkan maklum balas, pada tahun lepas, kerja menukarkan steel cable barrier kepada guardrail telah dilaksanakan di Jalan Kuching/Serian. Guardrail sepanjang 10,200 meter telah dipasang dengan kos sebanyak RM1.41 juta. Selain itu, JKRS juga menjelaskan bahawa kadar*

penyenggaraan telah ditetapkan dengan mengambil kira purata perabot yang ada di jalan persekutuan dan hanya meliputi kerja membersihkan dan mengecat perabot jalan sahaja. Oleh itu, kerja menukar dan memperbaiki perabot jalan tidak termasuk dalam skop penyenggaraan rutin.

Pada pendapat Audit, perabot jalan hendaklah disenggarakan dan diperbaiki dengan kadar segera bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

15.4.2.4. Penyenggaraan Perparitan Kurang Memuaskan

a. Lawatan Audit mendapati parit tersumbat dan ditumbuhi rumput di sebahagian Jalan Lundu/Sematan dan Jalan Lubok Antu. Selain itu, terdapat parit konkrit yang pecah di Jalan Miri/Lapangan Terbang Miri dan keadaan air bertakung walaupun parit telah dibersihkan. Antara lainnya, masalah ini berlaku disebabkan tempoh pusingan kerja penyenggaraan parit terlalu lama (2 kali setahun seperti yang ditetapkan dalam perjanjian). Contoh keadaan parit yang tidak disenggarakan dengan memuaskan adalah seperti ditunjukkan di gambar berikut:

GAMBAR 15.15



Zon 2A, Jalan Bintulu/Miri -Air Masih Bertakung Walaupun Parit Telah Dibersihkan (21.08.2010)

GAMBAR 15.16



Zon 1, Jalan Lubok Antu. - Parit Ditumbuhi Rumput Dan Tersumbat (17.08.2010)

b. *Berdasarkan maklum balas, kerja pembaikan kerosakan struktur parit konkrit adalah kerja berkala dan bukannya kerja rutin. Manakala bagi kerja penyenggaraan rutin, JKRS akan memastikan syarikat konsesi menjalankan kerja penyenggaraan mengikut kekerapan yang ditetapkan.*

Pada pendapat Audit, parit konkrit hendaklah disenggarakan dan diperbaiki dengan kadar segera bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya dan mengelak daripada berlaku banjir.

15.4.3. Pemantauan

15.4.3.1. Mengikut perjanjian penswastaan, JKRB perlu menjalankan pemeriksaan bulanan bersama syarikat konsesi dan menyediakan laporan mengenainya. Manakala perjanjian juga memperuntukkan Kerajaan mempunyai

hak untuk membuat pemeriksaan secara berkala ke atas kawasan konsesi untuk memastikan kerja penyenggaraan rutin yang dilaksanakan mengikut syarat yang telah ditetapkan.

15.4.3.2. Adalah didapati pemeriksaan bulanan bersama syarikat konsesi telah dijalankan oleh JKRB dan laporan bulanan telah dikemukakan kepada KKR sebagai dokumen sokongan untuk pembayaran. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pemeriksaan berkala telah dijalankan atau sebaliknya kerana laporan mengenainya tidak dapat dikemukakan semasa pengauditan dijalankan. *Mengikut ulasan JKRB, pemeriksaan berkala ada dijalankan tetapi laporan mengenainya tidak disediakan. Pejabat JKRS dalam maklum balasnya bersetuju untuk menyediakan laporan untuk semua pemeriksaan berkala yang dilakukan.*

Pada pendapat Audit, selain daripada pemeriksaan bulanan, JKRB hendaklah menjalankan pemeriksaan berkala khususnya semasa kerja penyenggaraan dilaksanakan dan menyediakan laporan mengenainya selaras dengan kehendak perjanjian penswastaan.

15.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan penyenggaraan jalan persekutuan yang diswastakan di negeri Sarawak, adalah disyorkan supaya pihak terlibat mempertimbangkan perkara seperti berikut:

15.5.1. KKR hendaklah menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk memastikan semua cadangan kerja penyenggaraan berkala dapat dilaksanakan dan mempertingkatkan tahap keselesaan dan keselamatan pengguna**.**

15.5.2. JKRS dan JKRB hendaklah memastikan kerja penyenggaraan jalan persekutuan di negeri Sarawak dijalankan mengikut spesifikasi kontrak dan berkualiti supaya Kerajaan memperolehi *value for money* daripada perbelanjaan yang dilakukan.

15.5.3. JKRS dan JKRB perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap penyenggaraan jalan persekutuan dengan menjalankan pemeriksaan secara berkala khususnya semasa kerja penyenggaraan dilaksanakan oleh syarikat konsesi.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

16. PROJEK SISTEM PENGENDALIAN BAGASI DI *KUALA LUMPUR INTERNATIONAL AIRPORT* (KLIA) KE KERETAPI BERKELAJUAN TINGGI (ERL)

16.1. LATAR BELAKANG

16.1.1. *Kuala Lumpur City Air Terminal* (KL CAT) di Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral) yang dibangunkan sebagai terminal dalam bandar merupakan sambungan (extension) kepada *Kuala Lumpur International Airport* (KLIA). KL CAT diiktiraf secara rasmi oleh *International Air Transport Association* sebagai destinasi kota. Di KL CAT, penumpang kapal terbang boleh membuat pendaftaran masuk (check-in) penerbangan dan bagasi seperti di KLIA. Dari KL Sentral, penumpang dan bagasi akan dibawa ke KLIA dengan keretapi berkelajuan tinggi *Express Rail Link* (ERL) yang meliputi perjalanan sejauh 57 kilometer dalam tempoh masa 28 minit sahaja. Perkhidmatan ini disediakan oleh Syarikat Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERLSB) yang memulakan operasinya pada bulan April 2002. Daftar masuk di KL CAT ini adalah perkhidmatan tambah nilai dan boleh dinikmati oleh penumpang yang menaiki penerbangan Malaysia Airlines, Cathay Pacific Airways, Royal Brunei Airlines dan Emirates.

16.1.2. Pada 14 Mac 2006, Kementerian Pengangkutan (Kementerian) telah melantik Siemens (M) Sdn. Bhd. untuk melaksanakan Projek Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL dengan kos RM165.30 juta. Bagi memantau pelaksanaan projek, Minconsult Sdn. Bhd. telah dilantik pada 1 Mac 2006 sebagai perunding secara rundingan terus dengan kos RM5.61 juta. Projek ini dibangunkan untuk menyediakan infrastruktur bagi perkhidmatan pengendalian daftar keluar bagasi (check-out) untuk penumpang kapal terbang dari KLIA yang menggunakan perkhidmatan ERL. Objektif projek ini ialah seperti berikut:

16.1.2.1. Menampung keperluan perkhidmatan ERL yang mempunyai kemudahan *check-in* dan *check-out*.


16.1.2.2. Memenuhi hasrat Kerajaan yang ingin mengadakan perkhidmatan *check-out* di KL CAT tanpa melalui pemeriksaan di KLIA selaras dengan konsep *airport terminal in the city* yang merupakan kemudahan pertama dan terunggul di dunia.

16.1.2.3. Meningkatkan *ridership* ERL dan menjadikan projek swasta ERL lebih *viable.*

16.1.3. Projek ini merangkumi kerja merekabentuk, membina, memasang, menguji dan mentauliah Sistem Pengendalian Bagasi yang antara lain merangkumi kemudahan berikut:

16.1.3.1. Pemasangan 2 *conveyor trays* dari bangunan Satelit A ke platform ERL di bangunan terminal utama, KLIA untuk perkhidmatan *check-out* di KL CAT, KL Sentral. **Gambar 16.1** dan **16.2** menunjukkan perbezaan antara sistem *conventional conveyor belt* sedia ada di KLIA berbanding dengan sistem *high speed conveyor tray* yang baru dibangunkan.

GAMBAR 16.1



Kuala Lumpur International Airport
- Conventional Conveyor Belt Sedia Ada
(20.07.2010)

GAMBAR 16.2



Kuala Lumpur International Airport
- High Speed Conveyor Tray
(20.07.2010)

16.1.3.2. Pemasangan 2 *bi-directional conveyor belts* untuk pengaliran bagasi *out of gauge* dari tingkat bawah bangunan terminal utama ke platform ERL.

16.1.3.3. Perolehan dan pemasangan kamera litar tertutup.

16.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

16.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL bagi tempoh tahun 2001 hingga 2010. Semakan terhadap fail, dokumen dan rekod telah dijalankan di Kementerian Pengangkutan, Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri dan pejabat perunding pengurusan projek iaitu Minconsult Sdn. Bhd. Lawatan Audit juga telah dilakukan ke tapak projek di KLIA dan KL Sentral bagi mengesahkan kewujudan, keadaan dan aktiviti projek yang dilaksanakan. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab juga telah diadakan.

16.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati beberapa kelemahan pada peringkat perancangan dan pelaksanaan projek. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah peningkatan kos projek; pelantikan kontraktor

mengambil masa 5 tahun; projek siap tetapi tidak dimanfaatkan sepenuhnya; kajian kemungkinan tidak dilaksanakan dan kontrak lewat ditandatangani. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan pihak terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

16.4.1. Prestasi Projek

16.4.1.1. Peningkatan Kos Projek

a. *Statement Of Needs* yang disediakan oleh Kementerian telah menyatakan bahawa skop kerja antaranya perlu mengambil kira keperluan tambahan sumber tenaga elektrik termasuk perkakasannya seperti set janakuasa tambahan bagi membolehkan sistem beroperasi sepenuhnya. Kontraktor juga diminta menjalankan kajian mengenai kapasiti sumber tenaga elektrik sedia ada di KLIA. Semakan Audit mendapati kajian keperluan sumber tenaga elektrik telah dijalankan oleh Siemens (M) Sdn. Bhd. pada tahun 2001 dan menurut kajian tersebut, sumber tenaga elektrik adalah mencukupi pada ketika itu. Bagaimanapun, kertas cadangan yang dikemukakan oleh Siemens (M) Sdn. Bhd. pada bulan September 2005 (yang kemudiannya dijadikan sebahagian daripada dokumen kontrak) telah menyatakan keperluan sumber tenaga tambahan jika diperlukan akan dikira sebagai perubahan kerja.

b. Adalah didapati mesyuarat rundingan harga yang dibuat pada tahun 2005 juga tidak membincangkan mengenai keperluan sumber tenaga elektrik tambahan. Bagaimanapun, apabila projek hendak dimulakan iaitu semasa *kick off meeting* pada 1 Jun 2006, isu mengenai keperluan sumber tenaga elektrik tambahan telah dibangkitkan kerana sumber sedia ada perlu digunakan untuk menampung keperluan pesawat Airbus A380 yang akan diperolehi MAS pada tahun 2007 serta peningkatan aktiviti ruang niaga (outlet) di KLIA. *Kick off meeting* ini dipengerusikan oleh Pengarah Teknikal dari Minconsult Sdn. Bhd. (perunding projek) serta dihadiri oleh wakil daripada Siemens (M) Sdn. Bhd. dan MAHB. Seterusnya Kementerian telah mengangkat perkara ini kepada EPU pada 18 Disember 2006 memohon penambahan skop kerja. Pihak EPU bersetuju dengan syarat Kementerian membuat penjimatan daripada siling peruntukan projek sedia ada. Oleh itu, keperluan sumber tenaga elektrik tambahan telah dilaksanakan sebagai Arahan Perubahan Kerja yang menyebabkan kos asal kontrak bernilai RM165.30 juta meningkat 11.6% kepada RM184.46 juta. Secara keseluruhannya, kos pembinaan adalah RM186.03 juta akibat kerugian pertukaran kadar mata wang sejumlah RM1.57 juta.

c. *Mengikut maklum balas Kementerian, keperluan untuk menambah sumber tenaga elektrik adalah di luar kawalan dan perancangan Kementerian. Kajian yang dilakukan pada tahun 2001 mendapati keperluan sumber tenaga elektrik adalah mencukupi berdasarkan kepada kemudahan yang terdapat di*

KLIA pada ketika itu. Kajian ini telah dilakukan tanpa mengambil kira keperluan ubah suai bangunan untuk operasi pesawat jenis Airbus A380 yang masih belum diperkenalkan lagi di dalam industri penerbangan. Namun setelah pesawat Airbus A380 diperkenalkan pada tahun 2005 dan pembesaran ruangan komersil di bangunan satelit, Siemens (M) Sdn. Bhd. mendapati bahawa kapasiti sumber tenaga elektrik seperti yang dirancang pada tahun 2001 tidak mencukupi untuk menampung keperluan bagasi baru yang dibina untuk sistem ERL check-out yang menggunakan kaedah high speed conveyor tray. Ini mengakibatkan tambahan sumber tenaga elektrik diperlukan. Oleh kerana Projek Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL merupakan projek Kementerian, maka sebarang keperluan pemasangan set janakuasa tambahan dan transformers bagi sumber kuasa elektrik adalah merupakan tanggungjawab Kementerian kerana ia adalah merupakan capital expenditure (CAPEX) bagi projek pembangunan lapangan terbang yang perlu ditanggung oleh Kerajaan. Berdasarkan maklum balas Kementerian juga, Perjanjian Operasi di antara Kerajaan dan MAHB menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk membiayai segala projek pembangunan di KLIA. Menurut Perjanjian tersebut juga, Kerajaan memperolehi bayaran daripada MAHB secara tahunan melalui kaedah revenue share (berasaskan kepada dividen yang dibiayai oleh MAHB secara tahunan). Selain itu, kos bagi kerja menambah sumber tenaga elektrik ini atau sebahagiannya tidak perlu ditanggung oleh MAS atau syarikat penerbangan lain kerana kos CAPEX perlu dibiayai oleh Kerajaan/MAHB. Syarikat penerbangan hanya membayar kepada MAHB melalui pelbagai caj di lapangan terbang seperti caj pendaratan dan permarkiran bagi setiap penerbangan yang dilakukan.

16.4.2. Pelantikan Kontraktor Mengambil Masa 5 Tahun

16.4.2.1. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri melalui suratnya bertarikh 8 Ogos 2001 telah bersetuju dengan pelaksanaan 2 projek iaitu Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL dan Menaik Taraf Sistem Pengendalian Bagasi Sedia Ada di mana siling peruntukan berjumlah RM184.75 juta telah diluluskan di bawah RMKe-8. Pada 14 Ogos 2001, Kementerian Kewangan bersetuju meluluskan kedua projek ini dilaksanakan secara rundingan terus oleh Siemens Dematic, Jerman dengan anggaran kos tidak melebihi RM184.75 juta. Namun begitu, selepas *Planning and Pre-project Engineering Studies* dilaksanakan pada bulan September hingga Oktober 2001, Siemens Dematic telah mengemukakan cadangan kewangan baru bagi projek ini bernilai RM345.90 juta iaitu 87% melebihi anggaran asalnya.

16.4.2.2. Sehubungan itu, Kementerian melalui surat bertarikh 11 Julai 2002 telah memaklumkan kedudukan tersebut kepada Kementerian Kewangan serta memohon pertimbangan dan kelulusan berkaitan cadangan berikut:

a. Pelaksanaan projek ini dilakukan melalui 2 pakej memandangkan cadangan kewangan baru oleh Siemens Dematic telah melebihi anggaran asalnya.

b. Projek Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL dibuat secara rundingan terus dengan Siemens Dematic kerana cadangan kewangan baru adalah dalam lingkungan anggaran kos asal iaitu RM92.40 juta.

c. Melaksanakan Projek Menaik Taraf Sistem Pengendalian Bagasi Sedia Ada melalui tender terhad dengan menjemput 5 syarikat yang dicadangkan oleh Kementerian Pengangkutan.

16.4.2.3. Kementerian Kewangan pada 25 Julai 2002 bersetuju dengan cadangan Kementerian dan menetapkan syarat supaya rundingan harga bagi Projek Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL dibuat dengan Siemens Dematic untuk kelulusan muktamad Kementerian Kewangan. Sehubungan itu, mesyuarat rundingan harga yang dibuat oleh Kementerian pada 23 Oktober 2002 dan 21 November 2002 telah bersetuju harga pada tahap RM118 juta (tidak termasuk *provisional sum* untuk kerja tambahan seperti *piling* berjumlah RM13 juta) dengan tempoh siap projek selama 18 bulan. Peningkatan kos berlaku disebabkan oleh tambahan dan perubahan skop kerja; perubahan/peningkatan kadar tukaran mata wang *Euro Dollar* dan tempoh tanggungan kecacatan yang dipanjangkan dari 1 tahun kepada 2 tahun. Namun begitu, harga ini tidak dipersetujui oleh Kementerian Kewangan yang mana melalui suratnya bertarikh 21 Februari 2003 menghendaki supaya projek ini dilaksanakan secara tender terhad. Semakan Audit selanjutnya terhadap fail yang dikemukakan tidak menemui bukti menunjukkan tindakan diambil terhadap keputusan Kementerian Kewangan tersebut kecuali surat bertarikh 30 April 2003 daripada Pejabat Timbalan Perdana Menteri kepada Menteri Pengangkutan yang menyatakan persetujuan supaya Projek Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL dengan nilai RM131 juta dilaksanakan oleh Siemens Dematic. Mengikut surat tersebut, *Memorandum of Understanding* (MoU) akan ditandatangani semasa lawatan rasmi *Chancellor* Jerman ke Malaysia. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada MoU tersebut telah sebenarnya ditandatangani kerana tiada dokumen berkaitan dikemukakan untuk pengesahan Audit.

16.4.2.4. Semakan Audit selanjutnya tidak menemui bukti mengenai sebarang perkembangan projek bagi tempoh bulan Mac 2003 hingga April 2005 sama ada mengambil tindakan melaksanakan projek secara tender terhad atau mengambil tindakan terhadap surat yang dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Perdana Menteri. Tindakan hanya diambil pada 3 Mei 2005 apabila Menteri Pengangkutan memohon semula pertimbangan YAB Perdana Menteri untuk menawarkan projek ini kepada Siemens (M) Sdn. Bhd. YAB Perdana Menteri seterusnya bersetuju terhadap cadangan Menteri Pengangkutan tersebut pada 17 Mei 2005. Setelah mendapat persetujuan YAB Perdana Menteri, Kementerian selanjutnya pada 27 Jun 2005 memohon semula pertimbangan

dan kelulusan Kementerian Kewangan untuk merunding harga projek dengan kontraktor memandangkan anggaran harga telah disediakan pada 2 tahun lalu. Sehubungan itu pada 8 Mac 2006, Kementerian Kewangan telah meluluskan harga projek berjumlah RM165.30 juta termasuk kos bagi kerja memasang 10 kamera litar tertutup. Tempoh projek yang diluluskan ialah selama 18 bulan. Kementerian kemudiannya telah mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada Siemens (M) Sdn. Bhd. pada 14 Mac 2006. Adalah didapati proses pelantikan kontraktor yang mengambil masa selama 5 tahun telah menyebabkan peningkatan kos projek yang ketara seperti perincian di jadual berikut:

JADUAL 16.1
PENINGKATAN ANGGARAN KOS PROJEK DARI TAHUN 2001 HINGGA 2006

TAHUN	PERKARA	CADANGAN KOS (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN) KOS BERBANDING ANGGARAN ASAL (%)
2001	Anggaran Asal Awal	92.40	-
2002	Anggaran Selepas *Planning And Pre-Project Engineering Studies*	85.00	(8.0)
2002	Mesyuarat Rundingan Harga Pada Bulan Oktober Dan November 2002	131.00	41.8
2005	Mesyuarat Rundingan Harga Pada Bulan Oktober 2005	165.30	78.9
2006	Kos Projek Seperti Surat Setuju Terima Bertarikh 14 Mac 2006	165.30	78.9

16.4.2.5. *Mengikut maklum balas Kementerian, peningkatan kos projek bukan disebabkan oleh pelantikan kontraktor yang mengambil masa dari tahun 2001 hingga tahun 2006. Sebaliknya ia disebabkan oleh perubahan skop kerja terutamanya saiz baru untuk trays bagi mengendalikan bagasi umum dan bag golf, keperluan untuk sistem bagasi out-of-gauge bagi kedua-dua inbound and outbound, kerja modifikasi tambahan kepada steel bridge, disaster recovery system, flexible unloading system dan sebagainya. Penambahan kos projek juga adalah disebabkan penambahan Defect Liability Period dari 1 tahun kepada 2 tahun serta perubahan kadar pertukaran wang asing EURO yang berubah mengikut masa.*

Pada pendapat Audit, sekiranya Kementerian mengambil tindakan melaksanakan projek selaras dengan keputusan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 21 Februari 2003 atau mengambil tindakan terhadap surat persetujuan daripada Pejabat Timbalan Perdana Menteri, kos projek yang perlu dibelanjakan ialah RM131 juta sahaja. Bagaimanapun, Kementerian tidak mengambil sebarang tindakan untuk tempoh 2 tahun iaitu dari bulan April 2003 hingga bulan Mei 2005 dan hanya bertindak memohon kelulusan Kementerian Kewangan pada 27 Jun 2005 untuk melaksanakan projek dengan kos RM165.30 juta. Oleh itu, sekiranya pelantikan kontraktor tidak mengambil masa yang terlalu lama, peningkatan kos projek yang ketara dapat dielakkan.

16.4.3. Projek Tidak Dimanfaatkan Sepenuhnya

16.4.3.1. Projek ini telah siap sepenuhnya pada bulan Mac 2008. Menurut rekod, ujian dan pentauliahan (testing and commissioning) bagi projek ini telah dilakukan dan projek diserahkan kepada Kementerian pada 11 Mac 2008. Namun begitu, sehingga pengauditan selesai dijalankan pada bulan Oktober 2010 iaitu 32 bulan selepas projek disiapkan, Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL ini masih belum beroperasi seperti objektif yang ditetapkan iaitu menyediakan kemudahan *check-out* di *KL City Airport Terminal* (KL CAT), KL Sentral tanpa melalui pemeriksaan di KLIA bagi penumpang kapal terbang yang menggunakan perkhidmatan ERL. Oleh itu, hasrat Kerajaan melaksanakan konsep *airport terminal in the city* yang merupakan kemudahan pertama dan terunggul di dunia masih tidak dapat direalisasikan. Semakan Audit mendapati bahawa semasa dalam tempoh tanggungan kecacatan, Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL ini telah beroperasi secara berperingkat-peringkat bagi tempoh tertentu tetapi tanpa aliran bagasi seperti sepatutnya.

16.4.3.2. *Mengikut maklum balas Kementerian, walaupun projek ini tidak dapat mencapai matlamat asal iaitu pelaksanaan sistem check-out di KL Sentral namun ia dapat meningkatkan tahap kecekapan sistem pengendalian bagasi di KLIA bagi penumpang yang membuat check-in di KL Sentral. Ini kerana bagasi penumpang yang tiba di Platform KLIA dapat dihantar secara terus ke Bangunan Satelit tanpa melalui sistem sorter di Bangunan Terminal Utama KLIA. Sistem ini telah memendekkan masa perjalanan (journey time) bagasi kerana kemampuan sistem pengendalian bagasi bertambah dari 120 meter-per-minit ke 600 meter-per-minit.*

Pada pendapat Audit, kegagalan Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL melaksanakan operasi *check-out* di KL Sentral telah menyebabkan ujian dalam keadaan operasi sebenar tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu, kemungkinan wujudnya kecacatan tidak dapat dipastikan.

16.4.3.3. Semakan Audit mendapati Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL bagi perkhidmatan *check-out* masih belum beroperasi disebabkan oleh isu komersial dan perundangan yang belum diselesaikan antara pengendali lapangan terbang iaitu MAHB, Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan ERLSB seperti berikut:

a. MAS atau ERLSB enggan bertanggungjawab terhadap bayaran premium tambahan berjumlah RM18.5 juta bagi *insurance coverage* bernilai RM1 bilion untuk meliputi tuntutan kehilangan/kerosakan bagasi semasa dalam perjalanan dari KLIA ke Stesen ERL di KL CAT. Tambahan premium diperlukan supaya perkhidmatan ERL boleh disenaraikan di bawah segmen MH (MAS) *code-share*.

b. Permintaan MAS supaya ERLSB membayar antara RM45 hingga RM55 sebagai *distribution cost* kepada *Global Distribution System* (GDS) bagi setiap penumpang yang menggunakan perkhidmatan *check-out* di KL CAT. GDS merupakan rangkaian tempahan berkomputer *worldwide* yang digunakan sebagai titik akses tunggal untuk tempahan kerusi penerbangan, bilik hotel, sewa kereta dan item perjalanan lain yang berkaitan dengan agen perjalanan, halaman tempahan dalam talian dan syarikat korporat. GDS juga dikenali sebagai sistem tempahan automatik atau sistem tempahan berkomputer. Adalah didapati 80% daripada jualan tiket MAS dibuat melalui GDS. Oleh itu sekiranya permintaan MAS diambil kira, ERLSB perlu menaikkan harga tiket ERL untuk menampung *distribution cost* berkaitan. Tindakan ini akan menyebabkan harga tiket ERL menjadi lebih mahal dan tidak menarik. Pada masa kini, harga tiket ERL bagi perjalanan ekspres sehala dari KL CAT ke KLIA ialah RM35.

c. ERLSB tidak dapat menjamin ketepatan masa ketibaan bagasi di KL CAT iaitu tidak melebihi 24 minit bagi menjamin imej dan perkhidmatan MAS. *Mengikut maklum balas ERLSB, ketepatan masa ketibaan bagasi tidak dapat dijamin kerana pengurusan bagasi melibat 3 pihak iaitu syarikat penerbangan, MAHB dan ERLSB.*

16.4.3.4. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian telah mengadakan 4 mesyuarat dengan pihak terlibat iaitu Jabatan Penerbangan Awam, MAHB, MAS dan ERLSB pada 20 Januari 2009, 17 Mac 2009, 9 Februari 2010 dan 8 Jun 2010. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan)/Setiausaha Bahagian Udara, Kementerian Pengangkutan. Mesyuarat terakhir pada 8 Jun 2010 telah mencadangkan supaya pengoperasian projek dijalankan melalui 3 fasa seperti berikut:

a. Fasa Pertama

MAS akan melaksanakan penjualan tiket ERL secara atas talian di laman webnya tanpa menyatakan wujudnya kemudahan *check out* bagasi di KL CAT. Fasa ini ialah untuk mendapatkan statistik penumpang yang membeli tiket ERL melalui laman web MAS dan fasa ini akan dilaksanakan selama 6 bulan. Semakan Audit mendapati jualan tiket secara atas talian melalui laman web MAS telah mula dilaksanakan pada 3 September 2010. Hasil penjualan tiket secara *online* dari bulan September hingga Disember 2010 adalah berjumlah RM56,190.

b. Fasa Kedua

Penjualan tiket secara atas talian di laman web MAS akan diteruskan dan ditambah dengan perkhidmatan *check out* bagasi di KL CAT. Pada fasa ini, hanya bagasi sahaja (tanpa penumpang) akan dipindahkan ke KL CAT menggunakan kemudahan yang telah dibangunkan dan ini akan melibatkan

isu mengenai tanggungan insurans, kos tambahan serta komisen kepada MAS. Oleh itu, MAS dan ERLSB perlu mengadakan perbincangan lanjut berkaitan isu kos insurans/komisen berkaitan.

c. Fasa Ketiga

Kemudahan Sistem Pengendalian Bagasi c*heck out* bagi penumpang penerbangan yang menggunakan ERL akan beroperasi sepenuhnya, di mana penumpang dan bagasi akan dipindahkan bersekali pada masa yang sama dan urusan *check-out* akan dilakukan di KL CAT.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pengoperasian projek mengikut 3 fasa ini sepatutnya mempunyai *time frame* bagi setiap fasa dan perancangan strategik dibuat bagi memastikan setiap fasa dapat dilaksanakan dengan berkesan.

16.4.3.5. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, untuk melaksanakan sistem check-out, satu Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan di peringkat Kementerian yang melibatkan pihak MAHB, MAS dan ERLSB. Jawatankuasa ini telah menetapkan sasaran untuk melaksanakan sistem check-out pada tahun 2012. Berdasarkan mesyuarat yang telah diadakan pada 30 Mei 2011, antara keputusan yang telah dicapai adalah seperti berikut:*

a. *Penempahan tiket elektronik ERL ke KL Sentral akan disatukan dengan sistem penempahan tiket elektronik MAS (single-tier transaction system). Melalui sistem ini, penumpang boleh menempah tiket penerbangan MAS berserta dengan tiket ERL di laman web yang sama;*

b. *Sekiranya sistem single-tier transaction dilaksanakan, bayaran premium tambahan bagi perlindungan insurans bagasi sepanjang laluan ERL dari KLIA ke KL Sentral tidak lagi diperlukan;*

c. *MAS bersetuju dengan cadangan sistem single-tier transaction dengan syarat satu klausa berkenaan dengan tanggungjawab ERLSB ke atas perlindungan insurans bagasi sepanjang laluan KLIA ke KL Sentral bagi perkhidmatan rel dimasukkan ke dalam dokumen perjanjian kelak; dan*

d. *ERLSB mencadangkan agar masa ketibaan bagasi penumpang di KL Sentral ditetapkan berdasarkan masa ketibaan pesawat di KLIA dan bukannya masa ketibaan penumpang di KL Sentral.*

16.4.3.6. Berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1992, kajian kemungkinan yang meliputi analisis bagi menunjukkan sama ada sesuatu projek itu berdaya maju hendaklah dilakukan sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Analisis tersebut antaranya hendaklah merangkumi analisis pasaran, kewangan, ekonomi, sosial dan teknikal serta kesan terhadap alam

sekitar. Semakan Audit mendapati Kementerian tidak menjalankan kajian kemungkinan sebelum projek ini dilaksanakan, sebaliknya pelaksanaan projek adalah berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh Siemens Demantic pada bulan Mei 2001.

Pada pendapat Audit, pertikaian perundangan dan masalah komersial antara ERLSB, MAS dan MAHB yang belum diselesaikan sejak projek siap pada bulan Mac 2008 telah menyebabkan kemudahan yang dibangunkan dengan kos RM186.03 juta belum dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Tiadanya kajian kemungkinan telah menyumbang kepada masalah ini kerana isu operasi tidak dapat dikenal pasti lebih awal dan menimbulkan implikasi yang rumit untuk diselesaikan setelah projek disiapkan. Sehubungan ini, disyorkan supaya Kementerian mengambil langkah segera untuk memastikan Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan memantau perkembangan sistem *check-out* di KL Sentral supaya dapat dilaksanakan dan dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai sasarannya pada tahun 2012 agar tidak berlaku pembaziran wang awam.

16.4.4. Penyenggaraan Terhadap Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL

MAHB telah melantik Siemens (M) Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja penyenggaraan terhadap kemudahan Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL yang telah dibangunkan. *Menurut makluman MAHB, kos penyenggaraan tahunan tidak termasuk alat ganti yang dianggarkan berjumlah RM1.60 juta sekiranya kemudahan ini beroperasi sepenuhnya*. Namun bagi kerja penyenggaraan minimum dan tidak termasuk alat ganti, kos yang perlu ditanggung oleh MAHB dan dipersetujui oleh Siemens (M) Sdn. Bhd. ialah RM0.35 juta setahun. Selain itu, kos elektrik yang perlu dibayar adalah dianggarkan RM1,000 sebulan untuk operasi berperingkat selama 8 jam (2 jam seminggu). Oleh itu, keseluruhan kos penyenggaraan hampir RM0.03 juta sebulan perlu ditanggung oleh MAHB walaupun kemudahan sistem *check-out* tidak beroperasi sepenuhnya. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, kerja penyenggaraan yang telah dilakukan oleh pihak MAHB sejak sistem ini ditauliahkan pada tahun 2008 kerana ia sedang digunakan untuk check-in pada masa ini dan sasaran telah ditetapkan untuk menggunakan sistem check-out pada tahun 2012.*

Pada pendapat Audit, tindakan penyenggaraan oleh MAHB merupakan langkah yang wajar. Namun begitu, sekiranya Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL untuk sistem *check out* masih belum beroperasi dalam tempoh yang panjang, perbelanjaan ini akan menjadi satu kerugian kepada MAHB.

16.4.5. Pengubahsuaian Terhadap Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL

Pada 17 Februari 2009, MAHB telah memohon kepada Kementerian untuk mengubah suai Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL bagi menggabungkannya dengan sistem bagasi sedia ada di KLIA. Pengubahsuaian ini bertujuan meningkatkan keupayaan sistem bagasi sedia ada dari Terminal Satelit ke Terminal Utama KLIA serta untuk mengelakkan Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL daripada terbiar begitu sahaja tanpa dimanfaatkan. Kementerian Pengangkutan telah bersetuju supaya MAHB menjalankan kerja pengubahsuaian kepada sistem ini bagi meningkatkan keupayaan sistem bagasi sedia ada di KLIA tanpa menjejaskan Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL untuk operasi *check out* ERL kelak. Sehubungan itu, MAHB telah mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada Siemens (M) Sdn. Bhd. pada 15 Januari 2010 untuk melaksanakan kerja pengubahsuaian. Kos kontrak bernilai RM39.43 juta ditanggung oleh MAHB. Kerja pengubahsuaian ini telah dimulakan pada 8 Februari 2010 dan dijangka siap pada 7 Julai 2011. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, pengubahsuaian sistem tersebut tidak akan menjejaskan fungsi asal Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL secara keseluruhannya.*

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan pemantauan terhadap kerja pengubahsuaian ini dilakukan supaya Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL beroperasi seperti yang dirancangkan.

16.4.6. Kelewatan Menandatangani Perjanjian Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan perjanjian kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST telah dikeluarkan kepada Siemens (M) Sdn. Bhd. pada 14 Mac 2006 dan diakui terima oleh kontraktor pada 15 Mac 2006. Bagaimanapun, perjanjian kontrak hanya ditandatangani pada 20 November 2006 iaitu lewat 96 hari selepas tempoh 4 bulan yang dibenarkan. **Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan perjanjian kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan supaya kepentingan Kerajaan terpelihara dan tidak menimbulkan sebarang implikasi sekiranya berlaku sebarang ketidakaturan terhadap syarat kontrak.**

16.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money,* objektif pelaksanaan projek tercapai sepenuhnya dan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini tidak berulang di masa hadapan, adalah disyorkan supaya Kementerian Pengangkutan melaksanakan perkara seperti berikut:

16.5.1. Memastikan Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan memantau perkembangan Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya iaitu mencapai sasaran sistem *check-out* di Kuala Lumpur Sentral pada tahun 2012 agar tidak berlaku pembaziran wang awam.

16.5.2. Mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan pemantauan terhadap kerja pengubahsuaian Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL dilakukan supaya projek dapat beroperasi seperti yang dirancang.

16.5.3. Pentadbiran kontrak perlu dibuat dengan teratur bagi mengelakkan berlakunya kelewatan dalam menandatangani kontrak pada masa hadapan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

17. JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

- PROJEK PEMBINAAN PEJABAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DI CYBERJAYA


17.1. LATAR BELAKANG

17.1.1. Pejabat Teknologi Maklumat Jabatan Pengangkutan Jalan (PTM JPJ) adalah sebuah bangunan khusus yang dibina di atas 4 ekar tanah di Cyberjaya di bawah RMKe-9. PTM JPJ dijadikan Pusat Data JPJ untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatannya. Ia juga bertujuan untuk menempatkan perkakasan seperti kerangka utama, *server* serta peralatan sokongan lain bagi memastikan sistem komputer baru yang dibangunkan dapat berfungsi dengan baik; mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan JPJ dengan mewujudkan suasana dan persekitaran kerja yang selesa serta kondusif kepada kakitangan JPJ yang perlu menjalankan operasi selama 24 jam setiap hari.

17.1.2. Projek PTM JPJ merangkumi pembinaan 2 blok bangunan di mana Blok A di bahagian hadapan merupakan bangunan 4 tingkat yang menempatkan ruang pejabat am. Blok B di bahagian belakang terdiri daripada bangunan 3 tingkat adalah dikhususkan bagi Pusat Data dan *Command Centre/Helpdesk*. Konsep 2 blok yang dibina berasingan ini bertujuan memberikan tahap keselamatan yang berbeza antara kedua-dua blok. Ciri-ciri keselamatan ketat akan dilaksanakan sepenuhnya di Blok B yang beroperasi sebagai Pusat Data dan *Command Centre/Helpdesk*. Kedua-dua blok ini disambung dengan sebuah *walk way.*

17.1.3. Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah agensi pelaksana dan Pengarah Projek (PP) bagi projek ini adalah Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am, JKR. Bagi melicinkan lagi pengurusan dan pelaksanaan projek, kuasa dan tanggungjawab ini telah diturunkan oleh PP kepada 6 wakil PP iaitu *Head of Project Team* (HOPT), elektrik, mekanikal, ukur bahan, seni bina dan Pasukan Penyelia Projek (PPP). JKR bertanggungjawab mentadbir kontrak dan mengawas pelaksanaan projek bagi memastikan kontraktor utama mematuhi syarat kontrak serta kepentingan Kerajaan/JPJ terjaga. Struktur pengurusan projek ini adalah seperti di **Carta 17.1**.

CARTA 17.1
STRUKTUR PENGURUSAN PROJEK



Nota : CKBA - Cawangan Kerja Bangunan Am

17.1.4. Projek PTM JPJ ini dilaksanakan secara reka dan bina di bawah inisiatif pembiayaan swasta (Private Finance Initiatives). Kontraktor yang dilantik secara rundingan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan ialah Syarikat Setia Haruman Sdn. Bhd. (SHSB). Kontrak terlibat bernilai RM49.50 juta dan tempoh kontrak adalah selama 64 minggu (dari 1 Oktober 2007 sehingga 21 Disember 2008). JKR telah mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada kontraktor ini pada 24 September 2007. SHSB merupakan pemaju induk bagi pembangunan *Cyberjaya Flagship Zone* yang bertanggungjawab sepenuhnya atas pembangunan infrastruktur fizikal dan kemudahan asas di Cyberjaya. Selain itu, SHSB juga mendapat pengiktirafan Kerajaan untuk membangunkan Cyberjaya sebagai Bandar Pintar. Projek ini telah siap dibina pada 13 Mac 2009 dengan satu lanjutan masa selama 89 hari.

17.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan Pejabat Teknologi Maklumat Jabatan Pengangkutan Jalan telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mencapai objektifnya.

17.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, dokumen dan rekod yang berkaitan di Ibu Pejabat JPJ, PTM JPJ di Cyberjaya, JKR dan Kementerian Pengangkutan. Maklumat tambahan berkaitan keselamatan pejabat juga diperolehi dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia. Di samping itu, pemeriksaan fizikal terhadap PTM JPJ serta temu bual dengan pegawai JPJ dan JKR yang bertanggungjawab juga telah dijalankan.

17.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah kualiti kerja pembinaan dan bekalan peralatan kurang memuaskan; pemantauan semasa pembinaan dan tempoh tanggungan kecacatan kurang memuaskan; pemantauan terhadap kerja elektrik oleh perunding tidak memuaskan; bangunan lewat diduduki dan lanjutan masa diluluskan setelah tempoh kontrak tamat. Selain itu, keselamatan bangunan PTM sebagai Pusat Data JPJ didapati kurang memuaskan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan serta ulasan Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Kerja Raya adalah seperti berikut:

17.4.1. Prestasi Projek

17.4.1.1. Peningkatan Kos Projek

Semakan Audit mendapati tuntutan bayaran yang dikemukakan oleh SHSB merangkumi satu Arahan Perubahan Kerja dan 6 Pelarasan Harga Kontrak. Bagaimanapun, semua tuntutan tersebut masih belum dimuktamadkan kerana Akaun Muktamad sedang disediakan oleh JKR. Memandangkan hampir semua tuntutan ini telah diluluskan, maka dijangkakan kos keseluruhan projek ini akan meningkat sejumlah RM0.53 juta (1.1%) kepada RM50.03 juta berbanding kos asal RM49.50 juta. Butiran mengenai Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.1
ARAHAN PERUBAHAN KERJA DAN PELARASAN HARGA KONTRAK


RUJUKAN	BUTIRAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA/ PELARASAN HARGA KONTRAK	STATUS PERMOHONAN	KENAIKAN/ (PENURUNAN) (RM)
APK No. 1	Pengurangan kerja elektrik, perubahan reka bentuk daripada diesel enjin *Uninterrupted Power Supply* (UPS) kepada *active power UPS* dan daripada *2000a UPS output* kepada *1200a UPS output board.*	Lulus	(9,621)
PHK No. 1	Pelarasan wang peruntukan sementara bagi kerja landskap.	Lulus	160,000
PHK No. 2	Pelarasan harga kontrak kerja elektrik.	Lulus	0
PHK No. 3	Pelarasan pelaksanaan syarat turun naik harga bagi kerja mekanikal.	Lulus	4,458
PHK No. 4	Pelarasan pelaksanaan syarat turun naik harga bagi kerja elektrik.	Lulus	77,994
PHK No. 5	Pelarasan pelaksanaan syarat turun naik harga bagi kerja bangunan dan kerja luar.	Dalam Proses	301,551
PHK No. 6	Pelarasan wang peruntukan sementara bagi kerja ICT.	Lulus	0
JUMLAH			**534,382**

Nota: ***APK - Arahan Perubahan Kerja*** ***PHK - Pelarasan Harga Kontrak***

17.4.1.2. Kualiti Kerja Yang Kurang Memuaskan

a. Semakan Audit terhadap Laporan Ringkas Jadual Kerosakan/Kecacatan Terkumpul yang dikemukakan oleh JPJ pada bulan Ogos 2010 mendapati banyak kerja pembinaan yang tidak sempurna dan tidak memuaskan. Keadaan ini telah menjejaskan keselesaan pengguna. Kategori kecacatan dan contoh kecacatan ketara yang dilaporkan oleh JPJ dipaparkan seperti di carta dan jadual berikut:

CARTA 17.2
ANALISIS KEROSAKAN/KECACATAN TERKUMPUL



Sumber : Senarai Kecacatan Bulan Ogos 2010 JPJ


JADUAL 17.2
CONTOH KECACATAN/KEROSAKAN YANG DILAPORKAN OLEH JPJ

JENIS KECACATAN/KEROSAKAN DILAPOR PADA 16 OGOS 2010	LOKASI
Keretakan dinding di luar bangunan.	Hadapan Blok A dan Blok B
Keretakan pada dinding di bahagian antara dinding.	Kebanyakan tempat
Keretakan dinding.	Blok B, Tingkat 1- B 105
	Blok A, Tingkat 2
	Blok A, Tingkat 3 - Bilik Pembantu Am Pengarah
	Blok A, Tingkat 3 - Bilik A300
	Blok A - Bilik Persidangan
Keretakan lantai.	Hadapan dan Belakang Blok B
	Blok B, Tingkat 2 (Bahagian Bumbung)
	Blok B, Tingkat 2 - Bilik Inovasi
Sambungan antara *gypsum board* dengan tiang konkrit bermasalah.	Blok A, Tingkat 3 - Hadapan Bilik Pembantu Am Pengarah
Air bertakung di tangki air atas bumbung.	Blok B, Aras Bumbung
Water mark pada dinding (kebocoran).	Blok B, Aras Bumbung
Air menitik di laluan *installation copper pipe.*	Belakang bangunan Blok B, Bilik *main intake income*
Siling bocor.	Blok A, Tingkat 2 - Bilik Mesyuarat
	Blok A, Tingkat 2 - Tandas (Perempuan)
	Blok B, Aras Bawah - *Pantry*
Air masuk di sepanjang dinding bawah sewaktu hujan lebat.	Blok A, Tingkat 1 - Bilik A107
Air mengalir keluar dari dinding tandas lelaki.	Blok A, Tingkat 3
Air bertakung kerana lantai tidak sekata.	Blok A, Tempat Letak Kereta Berbumbung
Terdapat takungan air selepas hujan di tempat letak kereta.	Blok B, hadapan
Dinding tidak dicat dengan baik.	Luar bangunan

b. Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Ogos 2010 dan lawatan susulan pada 3 Mei 2011 untuk melihat kualiti kerja pembinaan mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

i. Terdapat keretakan pada permukaan tiang dan dinding di luar dan dalam bangunan. Menurut Pasukan Penyelia Projek JKR, keretakan tersebut hanyalah pada bahagian kemasan sahaja dan tidak melibatkan bahagian struktur bangunan dan tindakan membaiki telah diambil oleh kontraktor. Keadaan kecacatan kerja pembinaan dan tindakan yang telah diambil adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 17.1




Bahagian Luar Blok A
- Keretakan Pada Dinding Di Luar Bangunan
(Sumber Gambar: Jabatan Pengangkutan Jalan
- Bulan April 2010)

GAMBAR 17.2



Bahagian Luar Blok A
- Keretakan Pada Dinding Di Luar
Bangunan Telah Dibaiki
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 25.03.2011)

GAMBAR 17.3



Bahagian Luar Blok A
- Keretakan Dinding Luar Bangunan
(Sumber Gambar: Jabatan Pengangkutan Jalan
- Bulan April 2010)

GAMBAR 17.4




Bahagian Luar Blok A
- Keretakan Dinding Luar Bangunan Telah Dibaiki
(03.05.2011)

GAMBAR 17.5



Koridor Belakang Blok B
- Keretakan Lantai
(Sumber Gambar: Jabatan Pengangkutan Jalan
- Bulan April 2010)

GAMBAR 17.6



Koridor Belakang Blok B
- Keretakan Lantai Telah Dibaiki
(03.05.2011)

GAMBAR 17.7



Hadapan Blok A
- Keretakan Pada Tiang Sebelum Dibaiki
(Sumber Gambar: Jabatan Pengangkutan Jalan
- Bulan April 2010)

GAMBAR 17.8



Hadapan Blok A
- Keretakan Pada Tiang Telah Dibaiki
(03.05.2011)

GAMBAR 17.9



Hadapan Blok A
- Keretakan Dalam Pembaikan
(22.07.2010)

GAMBAR 17.10



Hadapan Blok A
- Keretakan Telah Dibaiki
(26.08.2010)

GAMBAR 17.11



Sudut Belakang Blok B
- Kesan Keretakan Pada Tiang Dalam Pembaikan
(22.07.2010)

GAMBAR 17.12



Sudut Belakang Blok B
- Kesan Keretakan Pada Tiang Telah Dibaiki
(03.05.2011)

GAMBAR 17.13




Kawasan Bumbung Blok B
- Keretakan Dalam Pembaikan
(26.08.2010)

GAMBAR 17.14



Kawasan Bumbung Blok B
- Keretakan Telah Dibaiki
(03.05.2011)

GAMBAR 17.15



Bilik Kebal, Blok B
- Keretakan Dinding
(26.08.2010)

GAMBAR 17.16




Bilik Kebal, Blok B
- Keretakan Dinding Telah Dibaiki
(03.05.2011)

GAMBAR 17.17



Dinding Di Luar Blok B Antara Laluan Ke Blok A
- Keretakan Pada Dinding Yang Dalam Pembaikan
(26.08.2010)

GAMBAR 17.18



Dinding Di Luar Blok B Antara Laluan Ke Blok A
- Keretakan Pada Dinding Yang Telah Dibaiki
(Sumber Gambar: JKR - 25.03. 2011)

GAMBAR 17.19




Pusat Sumber, Tingkat 3, Blok A
- Kesan Keretakan Pada Dinding Yang Sedang Dibaiki Kelihatan Seperti Corak Pada Dinding
(26.08.2010)

GAMBAR 17.20



Pusat Sumber, Tingkat 3, Blok A
- Keretakan Pada Dinding Yang Telah Dibaiki
(03.05.2011)

GAMBAR 17.21



Bilik Kawalan CCTV
- Keretakan Di Antara Dua Belah Dinding
(26.08.2010)


GAMBAR 17.22



Bilik Kawalan CCTV
- Keretakan Di Antara Dua Belah Dinding Yang Telah Dibaiki
(03.05.2011)

ii. Kesan keretakan diperhatikan pada lantai di beberapa tempat seperti kawasan tangki air di bumbung serta tindakan pembaikan yang diambil seperti di gambar berikut:

GAMBAR 17.23




Lantai Kawasan Tangki Air (Bumbung), Blok B
- Kesan Keretakan
(26.08.2010)

GAMBAR 17.24




Lantai Kawasan Tangki Air (Bumbung), Blok B
- Kesan Keretakan Yang Telah Dibaiki
(03.05.2011)

GAMBAR 17.25



Lantai Kawasan Tangki Air (Bumbung), Blok B
- Kesan Keretakan Yang Belum Dibaiki
(26.08.2010)


GAMBAR 17.26



Lantai Kawasan Tangki Air (Bumbung), Blok B
- Kesan Keretakan Yang Telah Dibaiki
(03.05.2011)


iii. Kesan resapan air diperhatikan di sekitar kawasan tangki air seperti di dinding dan lantai. Air yang bertakung di lantai telah mengakibatkan kaki tangki yang diperbuat dari besi berkarat. Bagaimanapun setelah teguran Audit, kaki tangki telah ditukar kepada jenis konkrit. Keadaan yang dimaksudkan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 17.27



Kawasan Penempatan Tangki Air, Blok B
- Kesan Resapan Air Di Dinding
(26.08.2010)

GAMBAR 17.28



Kawasan Penempatan Tangki Air, Blok B
- Dinding Yang Telah Dibaiki
(03.05.2011)

GAMBAR 17.29



Kawasan Penempatan Tangki Air, Blok B
- Kesan Resapan Di Lantai, Kesan Karat Pada Besi Kaki Tangki Air
(26.08.2010)


GAMBAR 17.30



Kawasan Penempatan Tangki Air, Blok B
- Kaki Tangki Air Ditukar Kepada Konkrit
(03.05.2011)

iv. Terdapat juga kesan resapan air pada siling bilik mesyuarat serta siling dan dinding tandas. Ini menyebabkan keadaan siling dan dinding tersebut kelihatan tidak kemas serta menjejaskan keselesaan pengguna. Pihak JPJ telah melaporkan kecacatan tersebut pada 16 Ogos 2010. Semasa lawatan Audit pada 26 Ogos 2010, tindakan pembaikan masih belum diambil oleh kontraktor. Lawatan susulan Audit pada 3 Mei 2011 mendapati tindakan membaiki masalah resapan air sedang diambil. Antara contoh yang menunjukkan keadaan tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 17.31



Bilik Mesyuarat Di Tingkat 2, Blok A
- Kesan Resapan Air Pada Siling Bilik Mesyuarat
(26.08.2010)

GAMBAR 17.32



Bilik Mesyuarat Di Tingkat 2, Blok A
- Kesan Resapan Air Pada Siling Bilik Mesyuarat Tidak Lagi Kelihatan
(03.05.2011)

17.4.1.3. Bekalan Peralatan/Kemudahan Yang Tidak Sempurna/ Rosak/Tidak Berfungsi


Selain daripada kualiti kerja pembinaan yang tidak memuaskan, terdapat juga kelengkapan/peralatan mekanikal dan elektrik yang tidak dibekalkan. Daripada kecacatan yang dilaporkan oleh JPJ, 29% adalah berkaitan dengan pembekalan peralatan/kemudahan yang tidak lengkap atau jika dibekalkan ianya adalah rosak/tidak berfungsi di mana semasa pengauditan ini dijalankan pada bulan Julai hingga Oktober 2010, tindakan masih belum diambil. Selepas teguran Audit tindakan pembaikan telah diambil oleh kontraktor. Antara contoh bekalan peralatan/kemudahan yang tidak sempurna/rosak/tidak berfungsi adalah seperti di jadual dan perenggan berikut:

JADUAL 17.3
BEKALAN PERALATAN/KEMUDAHAN YANG TIDAK SEMPURNA

JENIS KECACATAN/KEROSAKAN	LOKASI
CCTV yang dibekalkan tidak berfungsi.	Di keseluruhan Blok A dan B
UPS system 5 dan *6 overheating.*	Blok B, Tingkat Bawah – *low voltage room*
Masalah *power factor main switch board 1*.	Blok B, Tingkat Bawah – *low voltage room*
Emergency light tidak berfungsi.	Blok A dan B
Mentol lampu *fluorescent* tidak menyala.	Blok A dan B
Emergency door release (break glass) rosak.	Blok A dan B
Pemegang (railing) yang rosak tidak dibaiki dengan sempurna.	Belakang Blok B
Pemasangan pelapik getah di tingkap dan pintu yang tidak sempurna.	Di hadapan ruang utama
Pintu bilik mesyuarat rosak dan tidak boleh digunakan.	Bilik mesyuarat tingkat 2
Pemasangan *wiring* di papan tanda utama tidak dikemas.	Di luar bangunan, depan pondok pengawal keselamatan


a. Susur tangan (railing) di pintu belakang Blok B telah dilaporkan patah oleh pihak JPJ pada 1 Jun 2009 dan 3 September 2009. Tindakan telah diambil oleh kontraktor tetapi semasa pemeriksaan Audit pada 26 Ogos 2010, adalah didapati susur tangan tersebut tidak dibaiki dengan sempurna dan dalam keadaan berkarat. Semasa lawatan susulan Audit pada 3 Mei 2011, adalah diperhatikan kerja pembaikan telah dijalankan sekali lagi tetapi kerja pembaikan ini masih tidak kemas seperti di gambar berikut:

GAMBAR 17.33



Bahagian Belakang Blok B
- Kerja Pembaikan Susur Tangan Tidak Sempurna
(26.08.2010)

GAMBAR 17.34



Bahagian Belakang Blok B
- Kerja Pembaikan Susur Tangan
Tidak Dibaiki Dengan Kemas
(03.05.2011)

b. Semasa lawatan Audit pada bulan Ogos 2010, adalah diperhatikan pintu bilik mesyuarat di Tingkat 2, Blok A tidak boleh digunakan kerana pintu cermin tidak boleh ditutup dengan sempurna dan jika digunakan boleh mengakibatkannya pecah. Selepas teguran Audit tindakan pembaikan telah diambil seperti di gambar berikut:

GAMBAR 17.35



Bilik Mesyuarat Di Tingkat 2
- Pintu Rosak Dan Tidak Boleh Digunakan
(26.08.2010)

GAMBAR 17.36



Bilik Mesyuarat Di Tingkat 2
- Pintu Telah Dibaiki
(03.05.2011)

c. Semakan Audit mendapati beberapa *emergency door release/emergency break glass* di pintu keluar/masuk di Blok A dan B, dilaporkan rosak oleh JPJ pada bulan Ogos 2010 tetapi pihak kontraktor tidak menggantikannya dengan segera. Selain itu, alat tersebut juga tidak dipasang dengan sempurna. Memandangkan alat ini dikategorikan sebagai kelengkapan yang berkaitan dengan aspek keselamatan, JPJ terpaksa memperoleh dan menggantikan sebanyak 18 alat yang rosak dengan menggunakan peruntukan mengurus sedia ada. Contoh alat yang rosak dan tidak dipasang dengan sempurna serta tindakan pembaikan selepas teguran Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 17.37



Bilik Gimnasium
- Emergency Door Release Tidak Dipasang Dengan Kemas
(22.07.2010)

GAMBAR 17.38



Bilik Gimnasium
- Emergency Door Release Telah Dipasang Dengan Kemas
(03.05.2011)

GAMBAR 17.39



Emergency Door Release Blok A Dan B
- Penutup Kaca Tidak Dipasang
(22.07.2010)


GAMBAR 17.40



Emergency Door Release Blok A Dan B
- Penutup Kaca Telah Dipasang
(03.05.2011)

d. Adalah didapati kerja pendawaian elektrik (wiring) tidak disiapkan dengan kemas. Wayar yang sepatutnya dipasang pada papan tanda utama tidak dipasang dengan sempurna dan dibiarkan berselerak atas tanah. Keadaan ini boleh membahayakan pekerja penyenggara/orang awam. Keadaan yang dimaksudkan dan tindakan pembaikan selepas teguran Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 17.41



Papan Tanda Utama Bersebelahan Pondok Pengawal Wayar - Pendawaian Elektrik Tidak Dipasang Dengan Sempurna/Dibiarkan Atas Tanah (26.08.2010)

GAMBAR 17.42



Papan Tanda Utama Bersebelahan Pondok Pengawal - Wayar Pendawaian Telah Dipasang Dengan Sempurna (Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 25.03.2011)

Pada pendapat Audit, JKR perlu menjalankan pemeriksaan dengan lebih rapi dan memastikan semua kerja pembinaan dan kecacatan yang berlaku diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor dalam tempoh masa yang lebih munasabah. Pembaikan juga hendaklah dilakukan dalam tempoh tanggungan kecacatan bagi mengelakkan Kerajaan mengalami kerugian kerana perlu menanggung kos pembaikan berkaitan. Ini bagi memastikan keselesaan pengguna tidak terjejas. Di samping itu, JKR juga perlu memastikan pembekalan peralatan/kemudahan adalah sempurna dan berfungsi.

17.4.2. Pemantauan Projek Yang Kurang Memuaskan

Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Pembinaan Projek Reka Dan Bina JKR yang dikeluarkan pada 5 Mac 2007, peranan dan tanggungjawab JKR dalam kaedah projek reka bina adalah lebih tertumpu pada pengurusan dan kawal selia projek dari aspek teknikal, kewangan dan keperluan jabatan pelanggan (JPJ). Dalam setiap peringkat aktiviti pembinaan projek reka bina, JKR khususnya PP dan PPP perlu memberi penekanan terhadap aspek pemantauan pelaksanaan mengikut program kerja dan kawalan kualiti produk bagi memastikan projek yang disiapkan oleh kontraktor mencapai objektif yang ditetapkan dan memberi kepuasan pelanggan. Fungsi utama PP dan PPP dalam pengurusan pembinaan projek reka bina antaranya adalah menyelaras, memantau, mengaudit, mengawal dan mentadbir kontrak. Sehubungan ini, semakan Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

17.4.2.1. Tiada Bukti Lawatan Tapak Dijalankan

Semakan Audit terhadap buku harian di tapak dan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab mendapati tiada bukti/catatan yang menunjukkan ahli PPP telah menjalankan lawatan tapak sepanjang tempoh pembinaan. Tanpa lawatan tapak dan pemantauan/pengauditan berkala seperti diperlukan, adalah dikhuatiri kualiti kerja pembinaan oleh kontraktor tidak mematuhi spesifikasi yang ditentukan seperti *mock-up* yang diluluskan. Kelemahan pemantauan ini memberi kesan kepada pihak pelanggan yang terpaksa menerima hasil pembinaan yang kurang berkualiti seperti yang dibangkitkan di perenggan 17.4.1.2. dan 17.4.1.3.

17.4.2.2. Kecacatan Lewat Dibaiki

a. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu membuat pembaikan dan penyenggaraan bagi semua kerja sivil, kemudahan mekanikal dan elektrik dalam tempoh tanggungan kecacatan selama 24 bulan dari tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan. Kos bagi kerja pembaikan ditanggung oleh kontraktor dan pihak JKR perlu memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor berkenaan. Bagaimanapun, syarat kontrak tidak menetapkan tempoh untuk mengambil tindakan ke atas setiap aduan kerosakan yang dilaporkan oleh JPJ/JKR. Sebaliknya kontrak hanya menetapkan kontraktor perlu memperbaiki kecacatan dalam satu masa yang munasabah. Bagi tempoh antara bulan Jun 2009 hingga 22 September 2010, sebanyak 129 aduan kerosakan telah dilaporkan. Semakan Audit mendapati kontraktor mengambil tempoh yang lama antara 51 hingga 501 hari untuk membaiki kecacatan seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

JADUAL 17.4
CONTOH KEROSAKAN YANG LEWAT DIAMBIL TINDAKAN

BUTIRAN KEROSAKAN	LOKASI	TARIKH DILAPORKAN	TINDAKAN TELAH DIAMBIL		TEMPOH		ULASAN
			14.10.10	12.11.10	14.10.10	12.11.10	
Keretakan lantai	Hadapan Blok B	01.06.2009	X	✓	501	TB	Tindakan telah diambil
Keretakan lantai	Belakang Blok B	03.09.2009	X	✓	406	TB	Tindakan telah diambil
Masalah *power factor* MSB 1	Blok B – Tingkat Bawah – LV Room	28.01.2010	X	X	-	288	Sedang dibaiki
Pokok mati/rosak	Hadapan Blok A	16.08.2010	X	✓	59	TB	Tindakan telah diambil
Pokok pagar rosak di sekitar bangunan	Sekitar bangunan	16.08.2010	X	X	-	88	Telah dilaporkan
Mentol lampu *flourecent* tidak menyala	Blok A dan B	16.08.2010	X	X	-	88	Sedang dibaiki
CCTV tidak berfungsi	Keseluruhan Blok	16.08.2010	X	✓	59	TB	Tindakan telah diambil
Exit light di *command center* tidak diletak	Blok B Tingkat 1	16.08.2010	X	X	-	88	Telah dilaporkan
Kabel sambungan TV ke komputer tidak disediakan	Blok A Aras Bawah	16.08.2010	X	X	-	88	Telah dilaporkan
Jubin lif rosak	Lif Blok A	16.08.2010	X	X	-	88	Telah dilaporkan

BUTIRAN KEROSAKAN	LOKASI	TARIKH DILAPORKAN	TINDAKAN TELAH DIAMBIL		TEMPOH		ULASAN
			14.10.10	12.11.10	14.10.10	12.11.10	
Break glass (emergency door release) rosak	Blok A & B	16.08.2010	X	✓	59	TB	Telah diganti sendiri oleh JPJ
Penyangkut hos air tertanggal	Blok A Tingkat 3 - Tandas	16.08.2010	X	X	-	88	Telah dilaporkan
Lantai retak	Blok B Tingkat 2 (Bahagian bumbung)	16.08.2010	X	X	-	88	Telah dilaporkan
Terdapat takungan air selepas hujan di parkir kereta	Parkir kereta	16.08.2010	X	✓	59	TB	Tindakan telah diambil
Karpet rosak/berbulu	Keseluruhan pintu utama	22.09.2010	X	X	-	51	Sedang dibaiki
Rantai *blind* putus	Rantai *blind* putus	22.09.2010	X	X	-	51	Telah dilaporkan

Nota: ***TB - Tidak Berkenaan***

b. Adalah didapati satu kes kerosakan elektrik telah melampaui 288 hari iaitu masalah *power factor main switch board 1* di Bilik *Low Voltage* Blok B (**Gambar 17.43** dan **17.44**). *Menurut JPJ, semasa permohonan untuk pembekalan elektrik dari Tenaga Nasional Berhad (TNB), persetujuan untuk sesuatu tahap penggunaan telah dipersetujui antara pengguna dan pembekal.* Bayaran surcaj akan dikenakan oleh TNB jika tahap penggunaan yang telah ditetapkan tidak dapat dicapai. Semakan Audit mendapati akibat pemasangan kapasitor yang tidak sesuai, JPJ terpaksa membayar *power factor surcharge* berjumlah RM37,346 bagi bil elektrik untuk tempoh bulan Mac 2009 sehingga Oktober 2009. *Mengikut maklum balas JKR, kontraktor telah mengambil tindakan pada bulan April 2011 dengan memasang kapasitor 10kVAR yang bernilai RM300.*

GAMBAR 17.43



GAMBAR 17.44



Bilik LV, Blok B
- Power Factor Main Switch Board 1 Bermasalah
(28.01.2010)

Pada pendapat Audit, PPP JKR perlu memainkan peranannya seperti ditetapkan dan dengan lebih pro-aktif dalam memantau dan menangani isu pelaksanaan pembaikan kecacatan yang telah dilaporkan oleh JPJ. Tanggungjawab dan peranan agensi pelaksana yang kurang berkesan telah menyumbang kepada kelewatan dalam membaiki kecacatan yang dilaporkan.

17.4.3. Pemantauan Terhadap Kerja Elektrik Oleh Perunding

17.4.3.1. Berdasarkan pada konsep reka dan bina, perunding yang dilantik oleh kontraktor adalah bertanggungjawab untuk menyelia pelaksanaan kerja pembinaan dan mengemukakan laporan ketidakpatuhan (NCR) sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan kepada peraturan dan skop kerja. Semakan Audit mendapati tiada sebarang NCR bagi kerja elektrik telah dikeluarkan oleh perunding elektrik iaitu Jurutera Perunding Kuasa Tenaga Sdn. Bhd. yang dilantik oleh kontraktor. Bagaimanapun, pemantauan dan pengauditan yang dijalankan oleh Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE), JKR mendapati sebanyak 30 NCR telah dikeluarkan sejak 18 Februari 2008. Sebanyak 18 (60%) daripada 30 NCR ini adalah berkaitan ketidakpatuhan yang diklasifikasikan sebagai kes *major* tetapi tidak dianggap sebagai NCR oleh perunding yang dilantik oleh kontraktor. Walaupun kesemua NCR ini telah diambil tindakan oleh pihak kontraktor tetapi ini jelas menunjukkan tanggungjawab penyeliaan dan pemantauan daripada perunding elektrik terlibat kurang memuaskan dan diragui. Semakan Audit selanjutnya juga mendapati pihak CKE, JKR pernah mengeluarkan peringatan kepada Cawangan Kerja Bangunan Am, JKR selaku *Head of Project Team* pada 21 Januari 2009 untuk menahan bayaran kepada perunding sehingga semua ketidakpatuhan telah diperbaiki. Antara *major* NCR yang dikeluarkan oleh CKE, JKR dan gagal dikenal pasti sebagai NCR oleh perunding adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.5
NCR YANG DIKLASIFIKASI SEBAGAI *MAJOR*

NO. NCR	BUTIRAN NCR
9	Susunatur peranti perlindungan dalam *distributor board* (DB) bercampur-aduk termasuk pemasangan *neutral* dan *earth* terminal.
10	Kabel luka dibalut dengan pita pelekat.
13	Pendawaian dalam *flexible conduit* yang tidak boleh diterima.
14	Pendawaian yang tidak boleh diterima dan merbahaya serta pendawaian dalam *partition* dalam *conduit* UPVC.
15	Pendawaian yang tidak boleh diterima.
17	
27	
18	i. Pendawaian dalam UPVC *conduit* yang terdedah dalam ruang siling. ii. Penyambungan di antara *flexible conduit* dengan *rigid conduit* tanpa aksesori. iii. Pendawaian dalam *light weight partition* menggunakan *conduit* UPVC.
19	Pemasangan *conduit* fleksibel ke lampu tiada aksesori dan pendawaian terdedah serta merbahaya.
23	Kabel luka dan *shorting* apabila tersentuh *body* (pemasangan dalam DB).
24	Pemasangan kabel bumi untuk semua soket dan suis lampu tidak sempurna (tidak menggunakan kabel *lug*).
28	*Internal wiring* dalam DB tidak sempurna dan tidak kemas dan didapati penggunaan *jumper wire* di antara dua *busbar.*
29	Pendawaian terbenam dalam dinding bata menggunakan *flexible conduit.*

Nota : NCR - Non Conformance Report

17.4.3.2. *Mengikut maklum balas JKR, laporan prestasi Jurutera Perunding Kuasa Tenaga Sdn. Bhd. telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan Lembaga Jurutera Malaysia untuk tindakan selanjutnya.*

Pada pendapat Audit, laporan yang dikeluarkan oleh CKE, JKR membuktikan pihak perunding tidak peka dengan peraturan/standard/spesifikasi yang perlu dipatuhi dan perlu diguna pakai dalam bidang kejuruteraan elektrik. Perunding elektrik tidak menunjukkan sikap profesional dalam melaksanakan tugas penyeliaan dan pemantauan dengan sempurna.

17.4.4. Bangunan PTM JPJ Lewat Diduduki

Sebelum PTM JPJ Cyberjaya dibina, pejabat Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) JPJ ditempatkan di premis sewaan di Pusat Bandar Damansara, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mengikut perjanjian asal dengan pemilik premis Syarikat Bukit Damansara Development Sdn. Bhd., tempoh kontrak penyewaan adalah 24 bulan iaitu bagi tempoh 1 September 2007 hingga 31 Ogos 2009 dengan kadar sewa RM78,999 sebulan. Sungguhpun bangunan baru PTM di Cyberjaya telah siap dibina pada 13 Mac 2009 berdasarkan Sijil Perakuan Siap Kerja, namun JPJ hanya berpindah pada 7 Disember 2009 iaitu 8 bulan kemudian. Antara sebab yang mengakibatkan kelewatan perpindahan ini adalah:

17.4.4.1. Kelewatan Pelantikan Kontraktor

a. Semakan Audit mendapati permohonan dan pelan perpindahan untuk perkakasan dan peralatan ICT dari pejabat lama di Pusat Bandar Damansara dan Blok D4, Parcel D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya ke PTM JPJ, Cyberjaya telah dirancang oleh BTM JPJ dan dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan sejak bulan Januari 2009. Dalam permohonan tersebut, JPJ mencadangkan supaya Syarikat HeiTech Padu Berhad (HTP) dilantik secara rundingan terus untuk menguruskan perpindahan ini yang memerlukan kepakaran bagi memastikan tiada gangguan terhadap sistem pengkomputeran JPJ sedia ada. Tempoh masa yang diambil untuk menguruskan perpindahan ini ialah selama 336 hari (48 minggu). Semakan Audit mendapati daripada 336 hari tersebut, Kementerian Kewangan mengambil masa selama 155 hari untuk meluluskan pelantikan HTP secara rundingan terus. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.6
TEMPOH YANG DIAMBIL UNTUK MENGURUSKAN KONTRAK PERPINDAHAN

PROSES	TARIKH	TEMPOH (Hari)
Permohonan JPJ kepada MOT - Melantik HTP secara rundingan terus	14.01.2009	-
MOT mengemukakan permohonan JPJ kepada MOF	25.02.2009	41
Kelulusan MOF - Pelantikan HTP secara rundingan terus dengan kos RM3 juta	31.07.2009	155
Surat Niat dikeluarkan oleh MOT kepada HTP	24.08.2009	23
Rundingan Harga antara MOT/JPJ dengan HTP selesai	15.09.2009	21
Kelulusan Muktamad mengenai harga oleh MOF	17.11.2009	62
Tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan oleh MOT kepada HTP	22.12.2009	34
JUMLAH		**336**

Nota: ***MOF - Kementerian Kewangan*** ***MOT- Kementerian Pengangkutan***
JPJ - Jabatan Pengangkutan Jalan ***HTP - HeiTech Padu Berhad***

b. Kelewatan pelantikan kontraktor dan pengurusan kontrak perpindahan menyebabkan JPJ melanjutkan tempoh penyewaan pejabat di Pusat Bandar Damansara pada kali pertama untuk tempoh 7 bulan mulai 1 September 2009 hingga 31 Mac 2010. Namun, selepas berpindah ke pejabat baru pada bulan Disember 2009, JPJ masih lagi melanjutkan tempoh penyewaan untuk 4 bulan dari bulan April hingga Julai 2010 kerana dikhuatiri proses perpindahan tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh. Akibat kelewatan perpindahan tersebut, JPJ telah menanggung tambahan kos sewa berjumlah RM0.87 juta bagi tempoh sewaan selama 11 bulan di mana RM0.55 juta daripadanya adalah bagi tempoh premis pejabat lama sudah tidak diduduki kerana telah berpindah ke Cyberjaya. *Mengikut maklum balas JPJ, pelanjutan penyewaan bagi tempoh 4 bulan adalah untuk menjalankan kerja mengubahsuai premis sewaan kepada asal seperti sebelum disewa dan juga untuk pelupusan aset JPJ yang tidak diperlukan.*

17.4.4.2. Kelewatan Bekalan Elektrik

Permohonan untuk perkhidmatan bekalan elektrik daripada TNB telah diuruskan oleh perunding elektrik iaitu Jurutera Perunding Kuasa Tenaga Sdn. Bhd. pada 15 Mei 2008. Namun, pihak JPJ hanya menerima surat arahan bayaran caj sambungan pada 23 Oktober 2008 iaitu 5 bulan selepas permohonan dan bayaran berjumlah RM105,366 dijelaskan oleh JPJ pada 4 November 2008. Berdasarkan peraturan TNB, anggaran jangka masa minima 1 hingga 3 bulan diperlukan untuk pemberian perkhidmatan bekalan elektrik selepas caj sambungan pengguna dijelaskan. Perkhidmatan bekalan elektrik dimulakan pada bulan Mac 2009. Kelewatan mendapatkan bekalan elektrik dari TNB secara langsung telah mengakibatkan rancangan kerja *testing and commissioning* terhadap jentera yang siap dipasang terkandas dan juga menjejaskan perkhidmatan Pendinginan Megajana Sdn. Bhd. untuk membekal pendingin udara (chilled water) serta perpindahan BTM JPJ ke Cyberjaya.

17.4.4.3. Kelewatan Kontrak Bekalan *Chilled Water*

Pada 9 Julai 2008, Jurutera Perunding Kuasa Tenaga Sdn. Bhd. telah menguruskan permohonan bekalan/sambungan *chilled water* ke PTM JPJ daripada Pendinginan Megajana Sdn. Bhd. (PMSB). Pemilik bangunan perlu menjelaskan caj sambungan sebelum sebarang kerja berkaitan dengan sambungan *chilled water* dapat dilaksanakan. Pada 28 November 2008, JPJ telah menjelaskan pembayaran caj sambungan termasuk alat kelengkapan berjumlah RM165,191 kepada PMSB. Pada 26 Februari 2009, Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk melaksanakan pembekalan *chilled water* secara rundingan terus dengan PMSB selama 5 tahun dengan anggaran harga RM10.81 juta dan Kementerian Kewangan meluluskan permohonan ini pada 22 Oktober 2009. Rundingan harga bagi perolehan pembekalan *chilled water* bersama PMSB oleh Lembaga Perolehan B Kementerian Pengangkutan Bil. 10 Tahun 2009 hanya diperakukan pada 16 November 2009 dan bekalan *chilled water* untuk udara dingin mula dibekalkan pada bulan November 2009. Oleh kerana fungsi peralatan sistem JPJ memerlukan penjanaan udara dingin, kelewatan dalam pengurusan kontrak pembekalan *chilled water* telah secara langsung melewatkan kerja perpindahan.

17.4.5. Program Kajian Semula Sistem Pengkomputeran JPJ Tidak Selaras Dengan Pelaksanaan Projek Pembinaan Pejabat Teknologi Maklumat JPJ

17.4.5.1. Sistem Pengkomputeran JPJ sedia ada telah dibangunkan sejak tahun 1992 yang menggunakan sistem pengoperasian IBM OS2 dan DOS. Berdasarkan kertas kerja yang disediakan oleh JPJ pada tahun 2007, setelah 15 tahun, sistem ICT Jabatan menghadapi masalah teknologi yang telah usang, terdedah kepada risiko keselamatan dan sering menghadapi masalah kegagalan berfungsi. Kapasiti semasa sistem ini telah tepu dengan purata penggunaan harian melebihi 85%. Purata peratusan ini melebihi paras penggunaan normal (threshold) yang ditetapkan pada 65%. Bebanan tugas yang meningkat seiring dengan pertambahan urus niaga tidak lagi mampu dilaksanakan oleh sistem lama ini. Sejajar dengan hasil kajian MAMPU yang dijalankan pada bulan Mac 2003, Mesyuarat Panel Memajukan Perkhidmatan Awam Bil. 3 Tahun 2003 pada 17 Jun 2003 telah memutuskan pelaksanaan kajian sistem ICT JPJ secara menyeluruh melalui Projek Kajian Semula Sistem Pengkomputeran Jabatan (revamp). Kajian ini telah dilaksanakan sejak tahun 2004 di antara JPJ dan perunding Syarikat NTH Technology Sdn. Bhd. Kajian ini telah diselesaikan pada tahun 2005 dengan kos RM4.2 juta. Justeru itu, projek pembinaan PTM JPJ telah dirancang supaya selari serta berhubungkait dengan *milestone* pembangunan sistem *revamp* pengkomputeran bagi membolehkan sistem kelengkapan serta peralatan ICT baru dapat ditempatkan terus di PTM JPJ pada

penghujung tahun 2007. Bagaimanapun sehingga tamat pengauditan, pengurusan kontrak pembangunan sistem *revamp* masih dalam peringkat memuktamadkan kontrak dengan pembekal walaupun bangunan PTM JPJ telah siap dibina pada 13 Mac 2009.

17.4.5.2. JPJ telah mengambil tindakan untuk melaksanakan pembangunan sistem *revamp* melalui tender terbuka pada 29 Ogos 2007. Bagaimanapun, tender ini telah dibatalkan oleh Lembaga Perolehan A, Kementerian Pengangkutan pada 14 November 2008 atas alasan tidak semua petender bersetuju untuk melanjutkan tempoh sah laku tender iaitu selepas 24 Oktober 2008 dan harga yang ditawarkan agak mengelirukan disebabkan oleh kos penyenggaraan yang tidak ditetapkan serta sukar untuk membuat perbandingan yang adil dan munasabah. Keputusan pembatalan tersebut diperakukan oleh Kementerian Kewangan pada 12 Mei 2009. Tempoh masa melebihi dari setahun diambil untuk membuat keputusan membatalkan tender terbuka dengan menendernya semula secara tender terhad. Pihak Audit tidak dapat menentukan sebab kelewatan tersebut berlaku. Kelewatan ini telah menjejaskan pencapaian *milestone* yang telah dirancang.

17.4.5.3. Proses tender semula telah dibuat pada bulan Julai 2009 dan selesai dengan Surat Setuju Terima dihantar kepada kontraktor yang berjaya iatu Syarikat HeiTech Padu Berhad (HTP) pada 26 Julai 2010. Pada keseluruhannya, proses untuk menender pembangunan sistem *revamp* telah mengambil masa sehingga 140 minggu (35 bulan) manakala bangunan PTM JPJ telah siap dibina dalam masa 86 minggu (termasuk masa lanjutan). Tempoh masa yang diambil untuk pengurusan tender ini adalah terlalu lama dan telah menjejaskan *milestone* pada asalnya yang dirancang supaya selari dan berhubungkait rapat dengan pembinaan infrastruktur PTM JPJ secara reka dan bina. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.7
KRONOLOGI KELEWATAN DALAM MENENDER PEMBANGUNAN SISTEM *REVAMP*

PROSES TENDER	TARIKH/TEMPOH	TEMPOH (Minggu)
Tender Bil.3/2007 diiklankan dan ditutup (tender terbuka).	29.08.2007 hingga 25.10.2007	140
Mesyuarat Lembaga Perolehan A (MOT) membatalkan tender Bil.3/2007.	14.11.2008	
Kementerian Kewangan memutuskan untuk ditender semula.	12.05.2009	
Tender semula (tender terhad) secara e-perolehan dan ditutup.	22.07.2009 hingga 20.08.2009	
Kelulusan Kementerian Kewangan memperakukan Syarikat Hei Tech Padu Berhad (HTP) dilantik.	11.06.2010	
Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada HTP.	26.07.2010	
Kontrak ditandatangani.	22.12.2010	

17.4.5.4. Sementara menunggu tender projek sistem *revamp* dilaksanakan, sistem sedia ada telah mengalami gangguan menyeluruh yang serius pada 1 Jun hingga 26 Jun 2009 kerana tidak mampu menampung keperluan urus niaga JPJ di seluruh negara yang telah mencapai 100% tahap penggunaan CPU. Dengan mengambil kira kedudukan sistem komputer JPJ, *Disaster Declaration* telah dibuat pada 25 Jun 2009. Syarikat penyenggara sedia ada, iaitu HTP telah menyediakan kemudahan dan perkhidmatan *Disaster Recovery* tetapi hanya untuk tempoh 3 bulan sahaja seperti dalam syarat kontrak, sehingga kerangka utama baru di bawah sistem *revamp* diperolehi. Berasaskan keadaan yang kritikal dan mendesak serta selaras dengan Arahan Perbendaharaan 173.2, satu perolehan darurat bagi kerangka utama jenis IBM System bernilai RM14 juta telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 12 Ogos 2009. Perolehan ini dibuat secara rundingan terus dengan HTP bagi mengatasi gangguan sistem komputer JPJ.

Pada pendapat Audit, berdasarkan keadaan dan keperluan urus niaga JPJ yang kritikal dan mendesak, pengurusan tender projek sistem *revamp* sepatutnya diurus dengan lebih cekap dan dalam tempoh yang lebih munasabah. Keperluan dan kekangan sistem yang dihadapi oleh JPJ sepatutnya diambil berat supaya objektif pembinaan PTM JPJ ini dapat diselaraskan dengan pembangunan sistem agar penggunaan ruang bangunan yang telah dibina adalah pada tahap optimum dan mendapat *value for money.*

17.4.6. Keselamatan Pusat Data

17.4.6.1. JPJ telah menggariskan dalam Ringkasan Projek yang menetapkan bahawa tahap keselamatan tertinggi diperlukan khas bagi Blok B yang merupakan Pusat Data JPJ. Salah satu ciri keselamatan yang ditetapkan ialah *buffer zoning* sekeliling Blok B dilapangkan 3 meter bagi memastikan dan mengelakkan dari pencerobohan. Satu mesyuarat yang diadakan pada 26 Disember 2006 juga telah memutuskan *a minimum 6 feet perimeter metal fencing for Blok B shall be erected to provide additional security*. Daripada *contract sum analysis* yang dikemukakan oleh kontraktor, sejumlah RM93,246 telah diperuntukkan untuk *fencing*, *gates* dan *boom gates*. Namun, berdasarkan peraturan Majlis Perbandaran Sepang, pemasangan pagar tidak dibenarkan di sekeliling bangunan sekitar kawasan Cyberjaya. Sehubungan itu, pagar keselamatan yang sepatutnya didirikan seperti diperuntukkan dalam kontrak tidak dapat dilaksanakan sebaliknya pokok telah ditanam di sekeliling PTM JPJ (Blok A) dan Pusat Data (Blok B). Bagaimanapun, jenis pokok yang ditanam sekeliling bangunan Blok B adalah terdiri dari jenis renek (shrub) dan terdapat kawasan yang tidak ditanam langsung dengan sebarang pokok seperti di gambar berikut:

GAMBAR 17.45



Sekitar Kawasan PTM, JPJ
- Tiada Tanaman Pokok
(26.08.2010)

GAMBAR 17.46



Sekitar Kawasan PTM, JPJ
- Pokok Renek Ditanam Sebagai Pagar
Di Keliling Sebahagian Belakang Pejabat
(26.08.2010)

17.4.6.2. Selain daripada keadaan keselamatan yang tidak memuaskan, adalah diperhatikan pintu keluar/masuk ke koridor perkhidmatan utiliti (service corridors) seperti Tenaga Nasional, Telekom Malaysia dan semua penempatan alat kelengkapan mekanikal dan elektrik adalah tidak kukuh yang diperbuat dari aluminium yang nipis **(Gambar 17.47** dan **17.48)**. Kualiti pintu yang dibekalkan tidak setanding dengan sebuah bangunan yang berkemungkinan akan diwartakan sebagai kawasan/tempat larangan.

GAMBAR 17.47



GAMBAR 17.48



Bahagian Belakang, Blok B
- Pintu Keluar/Masuk Yang Diperbuat Daripada Aluminium Yang Nipis
(26.08.2010)

17.4.6.3. Memandangkan Pusat Data JPJ adalah bangunan khas yang menempatkan sistem komputer kerangka utama JPJ yang berfungsi sebagai penyimpan dan pusat maklumat Jabatan, JPJ berhasrat menjadikannya sebagai kawasan larangan atau tempat larangan atau kedua-duanya sekali mengikut Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298). Tindakan telah diambil oleh JPJ dengan mengemukakan cadangan tersebut kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) pada 3 September 2008. *Mengikut maklum balas KPKK, Pusat Data ini boleh dikategorikan sebagai tempat larangan sekiranya JPJ berhasrat mengisytiharkannya di bawah Seksyen 5, Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959. Mengikut maklum balas JPJ, satu mesyuarat bersama KPKK dan Majlis Perbandaran Sepang telah diadakan pada 20 April 2011 bagi membincangkan prosedur dan tindakan serta kerjasama antara agensi bagi mewartakan bangunan PTM JPJ sebagai*

kawasan dan tempat larangan serta mendapatkan spesifikasi yang dibenarkan bagi pembinaan pagar keselamatan. Manakala JKR telah memberi maklum balas sejumlah RM93,246 yang diperuntukkan dalam kontrak untuk fencing, gates dan boom gates akan dibuat pelarasan bagi item tidak dibekalkan/dipasang semasa penyediaan Akaun Muktamad.

Pada pendapat Audit memandangkan PTM JPJ menempatkan Pusat Data JPJ yang mana aspek keselamatan perlu di tahap tertinggi, langkah mengisytiharkan PTM JPJ sebagai tempat larangan hendaklah dilakukan segera supaya tahap keselamatan yang sewajarnya boleh dilaksanakan termasuk membina pagar keselamatan.

17.4.7. Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa Diluluskan Setelah Tamat Tempoh Kontrak

17.4.7.1. Mengikut syarat kontrak, projek ini perlu disiapkan dalam tempoh 64 minggu mulai 1 Oktober 2007 hingga 21 Disember 2008. Bagaimanapun, kontraktor tidak dapat menyiapkan projek pada tarikh tersebut dan telah memohon lanjutan masa pada 4 November 2008. Antara alasan permohonan lanjutan masa adalah kerana kesukaran untuk mendapatkan bekalan bahan binaan akibat kenaikan harga bahan binaan di pasaran dan kelewatan sambungan perkhidmatan elektrik oleh TNB yang secara langsung telah mengakibatkan rancangan kerja *testing and commissioning* terhadap jentera yang siap dipasang pada bulan September 2008 terkandas.

17.4.7.2. Berdasarkan faktor di atas, SHSB telah diluluskan lanjutan masa selama 89 hari mulai dari 22 Disember 2008 hingga 20 Mac 2009. Bagaimanapun, Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa hanya diluluskan oleh PP pada 17 Februari 2009 iaitu setelah tamat tempoh kontrak pada 21 Disember 2008.

Pada pendapat Audit, kelewatan dalam pemberian kelulusan ini menyebabkan kepentingan Kerajaan dalam projek ini tidak dilindungi selama 59 hari (22 Disember 2008 hingga 16 Februari 2009) sekiranya berlaku sebarang masalah.

17.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang di masa hadapan dan Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan supaya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

17.5.1. JKR perlu memainkan peranan yang lebih berkesan untuk memantau kerja pembaikan kecacatan supaya dapat disiapkan dalam tempoh tanggungan kecacatan.

17.5.2. JKR perlu memastikan kontraktor diberi surat amaran berdasarkan penyeliaan kerja perunding elektrik yang tidak berkesan.

17.5.3. JPJ perlu memastikan langkah mengisytiharkan PTM JPJ sebagai tempat larangan dilakukan segera supaya tahap keselamatan yang sewajarnya boleh dilaksanakan termasuk membina pagar keselamatan.

17.5.4. JPJ dan JKR perlu memastikan perancangan dan penyelarasan dalam pengurusan kontrak antara agensi terlibat seperti Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan dan TNB perlu dipertingkatkan. Ini bagi memastikan masalah seperti kelewatan memberi kelulusan yang menyebabkan tempoh penyerahan bangunan terjejas serta penggunaan bangunan yang siap tidak dapat dimanfaatkan secara optimum dapat dielakkan.

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

18. PROJEK BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR YANG DIBIAYAI DARIPADA DANA AKAUN AMANAH INDUSTRI BEKALAN ELEKTRIK

18.1. LATAR BELAKANG

18.1.1. Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dilaksanakan dengan tujuan untuk menyediakan kemudahan bekalan elektrik kepada rumah di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); kampung tradisional dan perkampungan Orang Asli tetapi tidak termasuk kawasan perumahan yang dimajukan oleh pihak swasta. BELB merupakan salah satu KPI yang ditetapkan di bawah teras kelima **Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)** iaitu untuk mempertingkatkan kemudahan asas di luar bandar dan pedalaman. Sungguhpun keberhasilan teras ini merupakan tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW), namun Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) juga ada melaksanakan projek-projek BELB dengan menggunakan dana daripada Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE).

18.1.2. Dana AAIBE disumbangkan oleh Penjana Tenaga Bebas (PTB) yang merupakan penjana dan pembekal tenaga kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) bagi negeri Sabah. Sejumlah 60% (dipinda kepada 30% mulai tahun 2011) daripada dana AAIBE diperuntukkan untuk melaksanakan projek BELB manakala bakinya diperuntukkan bagi program lain seperti program promosi penggunaan tenaga elektrik, kecekapan tenaga, penyelidikan dan pembangunan serta pendidikan dan latihan. Projek BELB dilaksanakan melalui 2 kaedah iaitu sambungan talian grid atau solar hibrid. Punca bekalan elektrik bagi kaedah talian grid diperolehi daripada TNB dan SESB. Kaedah talian grid digunakan bagi kawasan yang berhampiran dengan punca bekalan elektrik, manakala solar hibrid digunakan bagi menyalurkan bekalan elektrik ke kawasan pedalaman yang tidak ekonomik untuk disambung menggunakan talian grid.

18.1.3. Jawatankuasa AAIBE dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, KeTTHA dan dianggotai oleh wakil daripada Perbendaharaan Malaysia; Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri; KKLW; Suruhanjaya Tenaga; TNB dan Penjana Tenaga Bebas. Jawatankuasa AAIBE perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun dan dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga) KeTTHA. Jawatankuasa Teknikal berperanan untuk menilai dan memperakukan permohonan yang layak kepada Jawatankuasa AAIBE untuk kelulusan.

18.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar yang dibiayai daripada dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

18.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek BELB daripada dana AAIBE yang dilaksanakan antara tahun 2008 hingga 2010. Semakan telah dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen berkaitan di Bahagian Pengurusan Dana AAIBE, KeTTHA selaku pengawal selia AAIBE dan Bahagian Infrastruktur, KKLW selaku agensi pelaksana yang menguruskan projek BELB. Sebanyak 18 projek BELB di Pahang, Sabah, dan Selangor telah diaudit/dilawati. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mendapatkan penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan. Senarai projek yang diaudit/dilawati adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 18.1
PROJEK BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR YANG DIAUDIT/DILAWATI

LOKASI PROJEK	DAERAH	STATUS PROJEK SETAKAT LAWATAN AUDIT
PAHANG		
Kampung Baru (Alor Batu)	Indera Mahkota	Siap
Rancangan Tanah Kelompok Gelugor	Paya Besar	Siap
Rancangan Tanah Kelompok Tanjung Putus		Dalam Pelaksanaan
Kampung Kuala Serting	Bera	Dalam Pelaksanaan
Kampung Mengkuang Ladang, Charuk Puling		Siap
Kampung Lubuk Mahang		Dalam Pelaksanaan
SABAH		
Kampung Monsok Tengah	Tambunan	Siap
Kampung Monsok Hulu		Siap
Kampung Sinulihan	Tuaran	Siap
Kampung Meligan	Sipitang	Siap
SELANGOR		
Kampung Orang Asli Sungai Garing	Rawang	Siap
Kampung Orang Asli Kolam Air		Siap
Kampung Orang Asli Batu 28, Jenderam Hilir	Bangi	Dalam Pelaksanaan
Pulau Meranti	Sepang	Siap
Kampung Orang Asli Bukit Bangkong, Sungai Pelek	Banting	Siap
Kampung Orang Asli Kachau (Dalam)	Kuala Langat	Siap
Kampung Orang Asli Kechik		Siap
Kampung Orang Asli Pulau Ketam	Klang	Siap

18.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati secara keseluruhannya prestasi pelaksanaan projek BELB bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah kurang memuaskan memandangkan hanya 16 projek (43.2%) sahaja telah disiapkan setakat akhir tahun 2010 berbanding 37 projek yang diluluskan. Selain itu, semakan Audit terhadap 18 projek BELB mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan projek ini seperti surat kelulusan pelaksanaan projek lewat dikeluarkan kepada TNB; laporan semakan tapak lewat dikemukakan kepada Jawatankuasa AAIBE; pemilihan lokasi yang tidak memenuhi kriteria serta projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Kelemahan ini antara lainnya berpunca daripada ketiadaan perjanjian bertulis yang ditandatangani dengan pihak TNB; ketiadaan garis panduan yang jelas dan terperinci serta pemantauan yang kurang memuaskan di peringkat Jawatankuasa AAIBE dan Bahagian Pengurusan Dana AAIBE. Bagaimanapun, KeTTHA telah mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran daripada pihak Audit. Penjelasan lanjut berhubung dengan kelemahan yang ditemui serta ulasan KeTTHA dan agensi terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

18.4.1. Prestasi Projek

18.4.1.1. Setakat 31 Disember 2010, baki terkumpul AAIBE berjumlah RM444.02 juta. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, penerimaan sumbangan berserta faedah berjumlah RM257.58 juta dan pembayaran yang telah dilakukan berjumlah RM138.83 juta di mana sejumlah RM123.49 juta (88.9%) adalah untuk projek BELB. Kedudukan dana AAIBE bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 18.2
KEDUDUKAN DANA AAIBE BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

TAHUN	TAHUN SEMASA			BAKI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER (RM Juta)
	PENERIMAAN (RM Juta)	PEMBAYARAN (RM Juta)		
		KESELURUHAN	PROJEK BELB	
2008	98.85	46.19	46.19	375.93*
2009	81.61	41.51	36.96	416.03
2010	77.12	51.13	40.34	442.02
JUMLAH	**257.58**	**138.83**	**123.49**	

Nota: (*) - Baki Terkumpul Pada 31.12.2008 Adalah Termasuk Pelarasan Berjumlah RM2.11 Juta (Pelarasan Dibuat Pada Tahun 2009 Dengan Mengambil Kira Kesilapan/Ketinggalan Dalam Penyata Terimaan Dan Bayaran Tahun 2008 Yang Dibangkitkan Oleh Pihak Audit)

18.4.1.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, Jawatankuasa AAIBE telah meluluskan sejumlah RM16.70 juta untuk melaksanakan 37 projek BELB di kawasan yang dipilih. Bagaimanapun setakat akhir tahun 2010, hanya 16 projek bernilai RM4 juta telah disiapkan di mana sebahagiannya merupakan projek yang diluluskan pada tahun 2008; 8 projek sedang dilaksanakan manakala 13 projek yang lain masih belum dimulakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 18.3
PROJEK BELB YANG DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA AAIBE

NEGERI	2008		2009		2010	
	BIL. PROJEK LULUS	KOS PELAKSANAAN (RM Juta)	BIL. PROJEK LULUS	KOS PELAKSANAAN (RM Juta)	BIL. PROJEK LULUS	KOS PELAKSANAAN (RM Juta)
Johor	-	-	-	-	2	1.75
Kedah	1	0.05	-	-	1	0.06
Melaka	-	-	1	1.37	-	-
Negeri Sembilan	1	0.68	3	0.41	-	-
Pahang	1	0.09	4	5.75	1	0.30
Perak	4	0.69	6	1.61	3	1.30
Selangor	7	2.40	1	0.11	1	0.12
JUMLAH	**14**	**3.91**	**15**	**9.25**	**8**	**3.53**

JADUAL 18.4
STATUS PROJEK BELB YANG TELAH DILULUSKAN
ANTARA TAHUN 2008 HINGGA 2010

NEGERI	2008				2009				2010			
	LULUS JAAIBE	STATUS PELAKSANAAN			LULUS JAAIBE	STATUS PELAKSANAAN			LULUS JAAIBE	STATUS PELAKSANAAN		
		BELUM MULA	SEDANG LAKSANA	SIAP		BELUM MULA	SEDANG LAKSANA	SIAP		BELUM MULA	SEDANG LAKSANA	SIAP
Johor	-				-	-	-	-	2	2	0	0
Kedah	1	0	1	0	-	-	-	-	1	1	0	0
Melaka	-	-	-	-	1	1	0	0	-	-	-	-
Negeri Sembilan	1	0	0	1	3	2	0	1	-	-	-	-
Pahang	1	0	0	1	4	2	2	0	1	1	0	0
Perak	4	0	1	3	6	0	3	3	3	3	0	0
Selangor	7	0	1	6	1	0	0	1	1	1	0	0
JUMLAH	**14**	**0**	**3**	**11**	**15**	**5**	**5**	**5**	**8**	**8**	**0**	**0**

Nota: ***JAAIBE - Jawatankuasa AAIBE***

18.4.1.3. *Mengikut maklum balas KKLW selaku agensi pelaksana projek BELB, antara faktor projek lewat dimulakan/projek yang diluluskan pada tahun 2010 belum dimulakan adalah seperti berikut:*

a. *Masalah izin lalu tanah yang sukar diselesaikan kerana melibatkan pelbagai pihak dan prosedur.*

b. *Peningkatan kos pelaksanaan projek BELB kerana kenaikan kos bahan dan pampasan izin lalu tanah menyebabkan projek perlu diangkat semula kepada Jawatankuasa AAIBE untuk kelulusan sebelum pelaksanaannya diteruskan.*

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek BELB adalah kurang memuaskan memandangkan hanya 16 projek (43.2%) dapat disiapkan berbanding 37 projek yang diluluskan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010.

Sehubungan ini, KeTTHA dan KKLW perlu menambah baik kaedah pelaksanaannya supaya projek dapat disiapkan dengan lebih awal untuk manfaat golongan sasaran. Selain itu, KeTTHA juga perlu menggunakan peruntukan AAIBE untuk projek BELB dengan sepenuhnya supaya lebih banyak kemudahan bekalan elektrik dapat diberikan kepada kampung yang layak. Tindakan sedemikian secara tidak langsung menyumbang ke arah Program Transformasi Negara bagi memenuhi slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Berdasarkan maklum balas KeTTHA, daripada baki dana berjumlah RM444.02 juta, sejumlah RM144.50 juta merupakan bayaran untuk projek komited yang telah diluluskan setakat bulan Disember 2010. Ini menjadikan baki dana boleh guna untuk aktiviti yang dibenarkan di bawah AAIBE hanya berjumlah RM299.52 juta. Berdasarkan Arahan Amanah AAIBE, sebanyak 30% daripada dana ini diperuntukkan untuk projek BELB. Oleh itu, sejumlah RM90 juta (mengambil kira baki dana berjumlah RM299.52 juta) akan digunakan sepenuhnya bagi meningkatkan lagi kemudahan elektrik kepada kampung yang layak.

18.4.2. Garis Panduan Pelaksanaan Projek BELB

18.4.2.1. Arahan Amanah AAIBE menetapkan bahawa tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa AAIBE, dana ini boleh digunakan bagi tujuan projek bekalan elektrik luar bandar. Selaras dengan peraturan tersebut, jawatankuasa telah memutuskan kos maksimum untuk melaksanakan projek bekalan elektrik bagi sebuah rumah (kos sepengguna) hendaklah tidak melebihi RM25,000. Selain itu, jawatankuasa turut mengguna pakai kriteria pemilihan kawasan yang ditetapkan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Infrastruktur, KKLW seperti berikut:

a. Lokasi projek adalah di luar kawasan operasi atau tidak mendapat perkhidmatan PBT.
b. Pembekalan hendaklah ke kampung-kampung tradisional bagi kegunaan rumah kediaman atau perkampungan Orang Asli.
c. Jenis rumah hendaklah rumah kekal dan didiami serta sesuai dibuat pendawaian dalam rumah.
d. Bilangan rumah kekal yang telah didiami hendaklah sekurang-kurangnya 30% daripada lot yang sedia ada bagi kawasan-kawasan penyusunan semula.
e. Bagi perkampungan Orang Asli, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli hendaklah memastikan penerima membayar bil bulanan secara berterusan.
f. Kawasan perumahan yang dimajukan oleh pihak swasta atau agensi-agensi Kerajaan tidak termasuk dalam kriteria ini.

18.4.2.2. Sungguhpun Jawatankuasa AAIBE telah menetapkan kriteria pemilihan kawasan dan kos maksimum sepengguna, namun didapati tiada ketetapan dibuat berhubung perkara penting yang lain seperti tatacara pelaksanaan projek, proses semakan tapak dan kaedah pembayaran. Bagi perkara tertentu seperti tempoh mengemukakan laporan semakan tapak dan tempoh siap projek, Bahagian Pengurusan Dana AAIBE telah mengguna pakai garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Infrastruktur KKLW. Akibat daripada ketiadaan garis panduan yang khusus berhubung pelaksanaan projek BELB, pihak Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Selepas sesuatu projek BELB diluluskan oleh Jawatankuasa AAIBE, KKLW perlu mengeluarkan surat kelulusan kepada TNB bagi memulakan pelaksanaan projek. Bagaimanapun, tiada norma masa yang ditetapkan berhubung tempoh yang perlu diambil oleh KKLW untuk mengeluarkan surat kelulusan pelaksanaan kepada TNB. Adalah didapati surat kelulusan pelaksanaan projek BELB bagi 11 kampung di Selangor dan Pahang (**Jadual 18.5**) hanya dikeluarkan kepada TNB pada 3 Mac 2008 walaupun Jawatankuasa AAIBE telah memberi kelulusannya pada 29 Januari 2007. Pengeluaran surat kelulusan pelaksanaan bagi 11 kampung tersebut telah mengambil masa sehingga 399 hari dari tarikh kelulusan diberi oleh Jawatankuasa AAIBE.

JADUAL 18.5
PROJEK YANG DILULUSKAN PADA 29 JANUARI 2007

LOKASI PROJEK	DAERAH	BILANGAN RUMAH	ANGGARAN KOS (RM)
Kg. Orang Asli Kachau (Dalam)	Kuala Langat	28	700,000
Kg. Orang Asli Padang (Kg. Pendik)		4	23,405
Kg. Orang Asli Kechik		20	423,141
Kg. Orang Asli Bukit Bangkong, Sg. Pelek		10	7,300
Kg. Orang Asli Batu 28, Jenderam Hilir	Bangi	44	378,039
Kg. Orang Asli Bukit Jenuk		18	242,983
Kg. Orang Asli Sg. Buah		4	51,257
Kg. Orang Asli Pulau Ketam	Klang	12	200,000
Kg. Orang Asli Sg. Garing	Rawang	10	158,364
Kg. Orang Asli Kolam Air		12	134,196
Kg. Orang Asli Tok Machang	Raub	10	85,000
JUMLAH		**172**	**2,403,685**

b. *KKLW dalam maklum balasnya kepada pihak Audit menyatakan kelewatan ini disebabkan minit mesyuarat Jawatankuasa AAIBE lewat diedarkan oleh Bahagian Pengurusan Dana AAIBE, KeTTHA kepada KKLW.* Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh sebenar minit mesyuarat tersebut diedarkan kerana rekod berkaitan tidak dikemukakan untuk diaudit.

18.4.2.3. *Berdasarkan maklum balas yang diterima, adalah didapati KeTTHA telah mengambil tindakan segera terhadap teguran Audit yang dibangkitkan di mana garis panduan pelaksanaan projek BELB telah disediakan. Garis panduan tersebut telah mengambil kira cadangan daripada pihak Audit termasuk memperincikan proses semakan tapak sebelum kelulusan diberikan; tatacara pengurusan kerja di peringkat KeTTHA dan KKLW; tempoh siap projek dan kaedah pembayaran. Jawatankuasa AAIBE telah memperakui dan meluluskan garis panduan tersebut untuk digunakan mulai tahun 2011.*

Pada pendapat Audit, sungguhpun garis panduan pelaksanaan projek BELB telah disediakan, namun KeTTHA perlu memastikan maklumat berhubung pelaksanaan projek BELB diselenggara dengan teratur supaya pihak yang bertanggungjawab dapat dikenal pasti jika berlakunya kelewatan dalam sesuatu proses kerja.

18.4.3. Pemilihan Kawasan Bagi Projek BELB

Surat permohonan bagi mendapatkan bekalan elektrik telah diterima daripada pelbagai pihak seperti Pejabat Pembangunan Negeri; Jabatan Hal Ehwal Orang Asli; Pejabat Daerah; Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan orang perseorangan. Bahagian Infrastruktur KKLW yang menerima permohonan tersebut perlu membuat tapisan awal berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan mengeluarkan surat arahan semakan tapak kepada TNB bagi permohonan yang melepasi tapisan awal. Apabila semakan tapak telah diselesaikan, TNB perlu menyerahkan laporan semakan tapak kepada KKLW untuk diperakukan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa AAIBE bagi mendapatkan kelulusan. Semakan Audit mendapati secara umumnya proses semakan tapak dan kelulusan pemberian dana AAIBE bagi 18 projek BELB yang diaudit telah dibuat dengan memuaskan kecuali bagi perkara berikut:

18.4.3.1. Laporan Semakan Tapak Lewat Dikemukakan

a. Mengikut garis panduan KKLW, TNB perlu mengemukakan laporan semakan tapak kepada Bahagian Infrastruktur, KKLW dalam tempoh 2 minggu dari tarikh surat arahan semakan tapak dikeluarkan (tempoh mengemukakan hasil semakan tapak telah dilanjutkan kepada 4 minggu mulai bulan April 2010). Bagaimanapun, adalah didapati TNB lewat mengemukakan laporan semakan tapak bagi 8 kampung di Selangor dan Pahang bagi tahun 2008 hingga 2010. Tempoh kelewatan adalah antara 29 hingga 407 hari (**Jadual 18.6**). Kelewatan ini menyebabkan KKLW tidak dapat mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa AAIBE dengan lebih awal.

JADUAL 18.6
KELEWATAN MENGEMUKAKAN LAPORAN SEMAKAN TAPAK

NEGERI	LOKASI PROJEK	TARIKH SURAT ARAHAN DIKELUARKAN KKLW	TARIKH TERIMA LAPORAN DARIPADA TNB	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Pahang	Kg. Paya Lintah	25.06.2008	13.10.2008	97
	Kg. Semangat Bak-Bak, Kuantan	11.01.2008	20.06.2008	148
	Kg. Pasal Bera	19.01.2009	20.06.2009	139
	Kg. Pantos, Ulu Jelai, Lipis	07.04.2009	12.02.2010	270
	Kg. Aur, Muadzam Shah	14.09.2009	26.10.2009	29
Selangor	Kg. Orang Asli Songkok, Batang Kali, Hulu Selangor	09.06.2008	07.07.2009	380
	Kg. Orang Asli Sungai Tamu, Hulu Selangor	09.06.2008	03.08.2009	407
	Kg. Pulau Meranti Tambahan, Dengkil	05.05.2008	23.02.2009	281

b. *TNB memberi penjelasan bahawa kelewatan mengemukakan laporan semakan tapak antaranya disebabkan maklumat kawasan terlibat tidak diberikan dengan lengkap oleh KKLW di mana nama dan nombor telefon pegawai untuk dihubungi serta pelan lokasi tapak tidak disertakan bersama. Bagaimanapun bagi tujuan penambahbaikan, pihak TNB telah mewujudkan database bagi membolehkan pemantauan terhadap urusan semakan tapak dilakukan dengan lebih berkesan.*

18.4.3.2. Pemilihan Kawasan Yang Tidak Memenuhi Kriteria

Adalah didapati Jawatankuasa AAIBE telah meluluskan 3 projek BELB di negeri Selangor dan Pahang walaupun tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Butirannya adalah seperti berikut:

a. Pada tahun 2007, Jawatankuasa AAIBE telah meluluskan projek BELB bernilai RM0.77 juta bagi membekalkan elektrik kepada 17 buah rumah di Kampung Baru Alor Batu, Indera Mahkota, Pahang. Lawatan Audit pada 5 Julai 2010 mendapati pembinaan pencawang elektrik dan pemasangan talian grid telah dilaksanakan oleh TNB bagi menyalurkan bekalan elektrik ke kawasan tersebut. **Gambar 18.1** dan **18.2** menunjukkan pembinaan pencawang elektrik dan pemasangan talian grid di kampung tersebut. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati hanya terdapat satu rumah yang telah didirikan di kawasan itu berbanding 17 rumah yang dinyatakan dalam laporan semakan tapak. *Mengikut maklum balas TNB, pemohon projek BELB memaklumkan kepada TNB/wakil Pejabat Daerah sewaktu semakan tapak dijalankan bahawa 17 rumah sedang dalam proses untuk didirikan seiringan dengan projek BELB ini. Bagaimanapun, setelah projek siap sepenuhnya, hanya sebuah rumah berjaya disiapkan.* **Pada pendapat Audit, kelulusan projek BELB di kawasan ini tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu jenis rumah di kawasan berkenaan hendaklah merupakan rumah kekal dan didiami serta sesuai dibuat pendawaian elektrik. Ini mengakibatkan Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan berjumlah RM0.77 juta bagi membekalkan elektrik untuk sebuah rumah sahaja di kampung ini.**

GAMBAR 18.1



GAMBAR 18.2



Kg. Alor Batu, Indera Mahkota, Pahang
- Projek BELB Bernilai RM0.77 Juta Telah Siap Dilaksanakan
Namun Hanya Memberi Manfaat Kepada Sebuah Rumah
(05.07.2010)

b. Sejumlah RM65,193 telah diluluskan oleh Jawatankuasa AAIBE pada 29 Januari 2007 untuk membiayai projek BELB bagi 5 rumah di Kampung Mengkuang Ladang, Charuk Puling, Bera, Pahang. Lawatan Audit pada 7 Julai 2010 mendapati kesemua rumah tersebut tidak berpenghuni dan terbiar. Contoh rumah terbiar adalah seperti di **Gambar 18.3** dan **18.4.** *Berdasarkan maklum balas, TNB menjelaskan bahawa 5 rumah tersebut mempunyai penghuni semasa semakan tapak dijalankan, namun sekiranya penghuni berpindah ke tempat lain yang lebih selesa, perkara tersebut adalah di luar bidang kuasanya.*

GAMBAR 18.3



GAMBAR 18.4



Kg. Mengkuang Ladang, Charuk Puling, Bera, Pahang
- Projek BELB bernilai RM65,193 Telah Siap Dilaksanakan Walaupun
Rumah Di Kawasan Tersebut Tidak Berpenghuni Dan Terbiar
(07.07.2010)

c. Jawatankuasa AAIBE telah meluluskan pembekalan elektrik bagi 15 rumah di Rancangan Tanah Kelompok (RTK) Tanjung Putus, Kuantan, Pahang pada tahun 2007 yang melibatkan kos berjumlah RM0.38 juta. Lawatan Audit di RTK tersebut pada 5 Julai 2010 mendapati projek yang diluluskan masih belum dilaksanakan. Selain itu, struktur binaan yang terdapat di RTK tersebut merupakan rumah dan pondok yang ditinggalkan serta binaan yang telah roboh. *Berdasarkan maklum balas TNB, projek ini telah dicadangkan untuk dibatalkan memandangkan tiada tindakan untuk mendirikan rumah oleh pemilik tanah.* Contoh rumah tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 18.5



GAMBAR 18.6



RTK Tanjung Putus, Paya Besar, Pahang
- Kerja Membekalkan Elektrik Berjumlah RM0.38 Juta Ditangguhkan Kerana Struktur Binaan Merupakan Rumah Dan Pondok Yang Ditinggalkan Serta Binaan Yang Telah Roboh (05.07.2010)

Pada pendapat Audit, pemeriksaan yang teliti dan pertimbangan yang wajar perlu dibuat bagi memastikan penggunaan dana AAIBE dapat memberi manfaat kepada ramai penduduk. Selain itu, KeTTHA juga perlu memastikan kelulusan pelaksanaan projek dibuat di kawasan yang memerlukan sahaja dan membatalkan projek di kawasan yang tidak mempunyai penduduk.

18.4.4. Tempoh Siap Projek

Mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Infrastruktur KKLW, TNB perlu menyiapkan projek BELB dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh surat kelulusan. Sebarang perlanjutan masa perlu dirujuk kepada KKLW. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 18 projek BELB mendapati hanya satu projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Surat kelulusan untuk melaksanakan projek ini telah dikeluarkan pada 3 Mac 2008, namun lawatan Audit pada bulan Jun 2010 (iaitu 27 bulan selepas tarikh surat kelulusan dikeluarkan) mendapati projek masih belum disiapkan. Projek ini yang bernilai RM0.38 juta dilaksanakan bagi membekalkan elektrik kepada 44 buah rumah di Kampung Orang Asli Batu 28, Jenderam Hilir, Selangor. Semakan Audit selanjutnya mendapati pencawang elektrik telah siap dibina manakala tiang elektrik telah dipacakkan bagi menyambung talian grid dari punca bekalan TNB, namun pembinaan tersebut yang dibuat di atas tanah persendirian tidak dapat diteruskan kerana tidak mendapat keizinan daripada pemilik tanah. **Gambar 18.7** dan **18.8** menunjukkan pencawang elektrik dan talian grid di kampung tersebut yang telah siap dipasang. *Bagaimanapun, TNB dalam maklum balasnya menyatakan bahawa Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah memberi persetujuan untuk TNB mengalihkan tiang elektrik tersebut ke tanah rizab sungai. Lanjutan daripada persetujuan tersebut, kerja-kerja projek disambung semula dan projek telah siap dilaksanakan pada bulan Disember 2010.*

GAMBAR 18.7



GAMBAR 18.8



Kg. Orang Asli Batu 28, Jenderam Hilir, Selangor
- Projek BELB Bernilai RM0.38 Juta Tidak Dapat Disiapkan Kerana Masalah Izin Lalu Tanah (23.06.2010)

Pada pendapat Audit, TNB perlu mengambil kira aspek penting yang lain seperti izin lalu tanah dan bayaran pampasan tanah semasa menyediakan laporan semakan tapak selain melaporkan perkara asas seperti bilangan rumah di sesuatu kawasan, anggaran kos pelaksanaan, skop dan kesesuaian sistem penyaluran elektrik.

18.4.5. Kontrak Kerja

18.4.5.1. Kontrak merupakan perjanjian yang mengikat kedua-dua pihak dari segi undang-undang. Semua kerja yang dibuat bagi pihak Kerajaan oleh kontraktor perlu dibuat perjanjian secara bertulis bagi memastikan syarat perjanjian dipatuhi sepenuhnya dan menjamin kepentingan Kerajaan. Dengan adanya suatu perjanjian, proses pembayaran juga dapat dibuat dengan lebih teratur. Semakan Audit mendapati KeTTHA tidak mempunyai sebarang kontrak atau perjanjian bertulis dengan pihak TNB bagi semua projek BELB yang dilaksanakan melalui pembiayaan dana AAIBE. Menurut pihak KeTTHA, perjanjian tidak dapat dibuat kerana Ketua Setiausaha (KSU) KeTTHA tidak mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk menandatangani perjanjian dengan penerima pembiayaan kerana KSU merupakan suatu jawatan dan bukan merupakan suatu *legal entity*. Bagaimanapun, berdasarkan memo yang dikeluarkan oleh Penasihat Kanan Persekutuan pada 5 Ogos 1999, Jabatan Peguam Negara memaklumkan bahawa perjanjian bertulis boleh dimeterai sekiranya penurunan kuasa secara bertulis diberi oleh Menteri Kewangan selaku menteri yang bertanggungjawab bagi Akta Tatacara Kewangan 1957.

18.4.5.2. Selaras dengan cadangan pihak Audit dan pandangan daripada Jabatan Peguam Negara tersebut, KeTTHA telah mengemukakan surat pada bulan November 2010 kepada Menteri Kewangan untuk mendapatkan penurunan kuasa secara bertulis bagi membolehkan perjanjian dimeterai demi menjamin kepentingan Kerajaan. Namun setakat bulan Mac 2011, penurunan kuasa secara bertulis daripada Menteri Kewangan masih belum diterima.

18.4.6. Sambutan Penduduk

Projek BELB bertujuan untuk menyediakan kemudahan bekalan elektrik ke kawasan luar bandar iaitu di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. Bagaimanapun, pembiayaan dari dana AAIBE hanya melibatkan penyambungan elektrik ke setiap rumah dan tidak termasuk pendawaian elektrik di dalam rumah. Lawatan Audit ke 18 projek di Pahang, Sabah dan Selangor mendapati secara amnya sambutan penduduk terhadap program ini adalah baik di mana 321 (74.1%) daripada 433 pemilik rumah telah membuat pendawaian elektrik dalam rumah setelah bekalan elektrik disambungkan seperti contoh yang ditunjukkan dalam **Gambar 18.9** dan **18.10**. Manakala baki sebanyak 112 rumah masih tidak membuat pendawaian dalam rumah seperti contoh yang ditunjukkan dalam **Gambar 18.11** dan **18.12** disebabkan faktor kewangan pemilik rumah. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 18.7
BILANGAN PENDAWAIAN ELEKTRIK DIBUAT DALAM RUMAH

NEGERI	BILANGAN PROJEK	BILANGAN RUMAH	BILANGAN RUMAH MEMBUAT PENDAWAIAN ELEKTRIK
Pahang	6	80	21
Sabah	4	219	219
Selangor	8	134	81
JUMLAH	**18**	**433**	**321**

GAMBAR 18.9



RTK Gelugor, Paya Besar, Pahang
- Pemilik Rumah Yang Telah Membuat Pendawaian Dalaman
(05.07.2010)

GAMBAR 18.10



Kg. Sinulihan, Tuaran, Sabah
- Pemilik Rumah Yang Telah Membuat Pendawaian Dalaman
(19.07.2010)

GAMBAR 18.11



Kg. Orang Asli Kolam Air, Kuala Kubu Baru, Selangor
- Pemilik Rumah Belum Membuat Pendawaian Dalaman Walaupun Kabel Elektrik Telah Disambungkan Ke Rumah
(22.06.2010)

GAMBAR 18.12



Kg. Orang Asli Sg. Garing, Rawang, Selangor
- Pemilik Rumah Belum Membuat Pendawaian Dalaman Walaupun Kabel Elektrik Telah Disambungkan Ke Rumah
(22.06.2010)

Pada pendapat Audit, KeTTHA perlu mempertimbangkan agar kos pendawaian elektrik dalam rumah dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos projek bagi kawasan yang penduduknya tidak mempunyai kemampuan kewangan. Ini adalah untuk memastikan bekalan elektrik yang dibekalkan dapat dinikmati oleh penduduk.

18.4.7. Pemantauan

Arahan Amanah AAIBE tidak menetapkan kaedah pemantauan yang perlu dilaksanakan oleh Jawatankuasa AAIBE terhadap projek yang dibiayai daripada dana AAIBE. Sungguhpun demikian, didapati Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa AAIBE telah diadakan 2 kali setahun bagi menilai dan meluluskan permohonan yang diterima. Mesyuarat ini juga ada membincangkan masalah yang dihadapi oleh TNB semasa melaksanakan projek BELB. Bagi mempertingkatkan kecekapan pengurusan projek BELB dan mengelakkan kelemahan yang dibangkitkan oleh pihak Audit berulang di masa hadapan, *KeTTHA dalam maklum balasnya kepada pihak Audit menjelaskan bahawa Jawatankuasa AAIBE telah memutuskan mekanisme pemantauan seperti berikut:*

18.4.7.1. *Menubuhkan Jawatankuasa Kecil Pemantauan Projek AAIBE yang akan bermesyuarat secara berkala bagi membincangkan kemajuan pelaksanaan projek dan masalah-masalah yang dihadapi oleh TNB.*

18.4.7.2. *Menetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Projek BELB supaya TNB melaksanakan semakan tapak dengan pengawasan pihak KKLW dan mengemukakan laporan bergambar kepada Jawatankuasa AAIBE hasil daripada semakan tapak yang dijalankan.*

18.5. SYOR AUDIT

Sungguhpun sebahagian daripada teguran Audit yang dibangkitkan telah diambil tindakan pembetulan, namun pihak yang terlibat disyorkan supaya mempertimbangkan perkara berikut untuk tujuan penambahbaikan yang berterusan:

18.5.1. KeTTHA dan KKLW perlu menambah baik kaedah pelaksanaannya supaya projek dapat disiapkan dengan lebih awal untuk manfaat golongan sasaran. Selain itu, KeTTHA juga perlu menggunakan peruntukan AAIBE untuk projek BELB dengan sepenuhnya supaya lebih banyak kemudahan bekalan elektrik dapat diberikan kepada kampung yang layak. Tindakan sedemikian secara tidak langsung menyumbang ke arah Program Transformasi Negara bagi memenuhi slogan “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

18.5.2. KeTTHA perlu memastikan kelulusan pelaksanaan projek dibuat di kawasan yang memerlukan sahaja dan membatalkan projek di kawasan yang tidak mempunyai penduduk. Dalam hubungan ini, KeTTHA juga perlu memastikan satu sistem penyelenggaraan maklumat yang teratur dan kemas kini diwujudkan.

18.5.3. Sungguhpun garis panduan pelaksanaan projek BELB telah disediakan, namun KeTTHA perlu memastikan maklumat berhubung pelaksanaan projek BELB diselenggara dengan teratur supaya pihak yang bertanggungjawab dapat dikenal pasti jika berlakunya kelewatan dalam sesuatu proses kerja.

18.5.4. TNB perlu mengambil kira aspek penting yang lain seperti izin lalu tanah dan bayaran pampasan tanah semasa menyediakan laporan semakan tapak selain melaporkan perkara asas seperti bilangan rumah di sesuatu kawasan, anggaran kos pelaksanaan, skop dan kesesuaian sistem penyaluran elektrik.

18.5.5. KeTTHA perlu mempertimbangkan agar kos pendawaian elektrik dalam rumah dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos projek bagi kawasan yang penduduknya tidak mempunyai kemampuan kewangan. Ini adalah untuk memastikan bekalan elektrik yang dibekalkan dapat dinikmati oleh penduduk.

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

19. PUSAT ANGKASA NEGARA

- **PENGURUSAN PEROLEHAN PERALATAN MAKMAL *ASSEMBLY, INTEGRATION AND TEST* (AIT) DI PUSAT ANGKASA NEGARA, BANTING**

19.1. LATAR BELAKANG

19.1.1. Projek pembinaan bangunan makmal *Assembly, Integration And Test* (AIT) berserta perolehan peralatannya adalah satu daripada projek pembangunan Konstelasi Satelit yang diluluskan oleh Kerajaan. Konstelasi Satelit melibatkan 2 bahagian iaitu pembangunan infrastruktur segmen bumi dan infrastruktur segmen angkasa. Projek pembinaan bangunan makmal AIT berserta peralatannya ini merupakan satu projek pembangunan infrastruktur segmen angkasa yang dikendalikan oleh Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (Kementerian). Makmal ini dibina khas bagi tujuan menguji satelit sebelum ia dilancarkan ke angkasa lepas. Selain itu, fasiliti makmal AIT ini juga bertujuan untuk dimanfaatkan oleh universiti, syarikat swasta dan industri dalam pembelajaran serta pengujian komponen satelit. Makmal yang terletak di Pusat Angkasa Negara, Sg. Lang, Banting, Selangor merupakan yang pertama seumpamanya di Rantau Asia Tenggara. Pengujian satelit sebelum ini dilakukan di luar negara seperti di Korea Selatan, Jepun atau China.

19.1.2. Di bawah RMKe-9 dan RMKe-10, sejumlah RM167.71 juta diperuntukkan untuk pembangunan Konstelasi Satelit yang meliputi projek seperti berikut:

a. Satelit Komunikasi dan Agumentasi Navigasi
b. Satelit Pencerapan Bumi
c. Makmal *Assembly, Integration And Test* (AIT), Kejuruteraan dan Teknologi Satelit
d. Pusat Kawalan dan Penerimaan Serta Kuarters Kediaman
e. Pelancaran Satelit dan Insurans Satelit

Daripada jumlah tersebut, RM161.46 juta (96.2%) telah diperuntukkan di bawah Fasa 3A untuk pembinaan bangunan makmal, pusat pentadbiran dan arkib serta perolehan peralatan makmal AIT. Setakat 31 Disember 2010, sejumlah RM129.93 juta (80.5%) telah dibelanjakan untuk projek berkenaan.

19.1.3. **SIRIM Bhd. dilantik sebagai kontraktor bagi peralatan makmal secara rundingan terus dengan nilai kontrak RM81.54 juta bagi tempoh 3 tahun 5 bulan iaitu mulai 24 Ogos 2005 hingga 23 Januari 2009**. Skop kontrak meliputi kerja mereka bentuk, membekal, memasang, mengintegrasi, menguji, mentauliah dan mengurus waranti, penyenggaraan dan latihan penggunaan sistem dan peralatan AIT. Pemilihan SIRIM Bhd. adalah kerana peralatan AIT memerlukan pengintegrasian yang teliti sebelum ia dapat berfungsi dengan berkesan. Selain itu,

SIRIM Bhd. juga mempunyai kepakaran dan pengalaman yang diperlukan. Butiran kontrak adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.1
PECAHAN NILAI KONTRAK

PERKARA	AMAUN (RM Juta)
Electro Magnetic Compatibility (EMC) *Chamber And Equipment*	11.90
Thermal Vacuum Chamber (TVC) *And Equipment*	20.21
Reverberation Chamber And Equipment - Reverberation Acoustic Test Facility (RATF)	14.50
Vibration Test Facility - Vibration Test System (VTS)	21.60
Mass Property Measurement System (MPMS)	3.92
Alignment Measurement System (AMS)	3.11
Specialist Mechanical And Electrical Works	3.30
Training	3.00
JUMLAH	**81.54**

19.1.4. Mengikut perancangan ANGKASA, pembinaan bangunan makmal AIT akan dibuat selari dengan perolehan peralatan makmal AIT kerana peralatan tersebut perlu diintegrasikan dengan bangunan.

19.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan peralatan makmal AIT ANGKASA telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat selaras dengan objektif yang ditetapkan.

19.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat ANGKASA, Kuala Lumpur dan di Pusat Angkasa Negara, Kg. Sungai Lang, Banting, Selangor dengan menyemak fail, rekod, dokumen yang berkaitan serta temu bual pegawai yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pengurusan perolehan peralatan makmal AIT. Semakan Audit merangkumi aspek perolehan, penerimaan, penyimpanan, penggunaan dan penyenggaraan peralatan. Selain itu, lawatan fizikal juga telah dijalankan ke tempat penyimpanan sementara peralatan makmal AIT.

19.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2010 hingga Februari 2011 mendapati perolehan peralatan makmal AIT belum dapat diintegrasikan dengan bangunan bagi mencapai objektifnya kerana kelewatan dalam menyiapkan bangunan makmal. Keputusan Kementerian menangguhkan projek pembinaan makmal AIT di bawah Fasa 3A telah menyebabkan peralatan makmal yang diterima antara tahun 2008 hingga 2010 bernilai RM64.69 juta tidak dapat digunakan. Pihak ANGKASA juga terpaksa menanggung kos tambahan berjumlah RM0.44 juta yang terdiri daripada kos pengangkutan, penyimpanan dan insurans serta bakal menanggung kos tambahan sekiranya Kementerian Kewangan meluluskan pelanjutan tempoh kontrak yang dipohon

oleh pihak SIRIM Bhd. berjumlah RM17.83 juta terhadap lanjutan tempoh jaminan peralatan, perubahan dan penambahan spesifikasi peralatan AIT. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan yang lain berhubung perolehan peralatan antaranya seperti ketidakpatuhan terhadap beberapa klausa kontrak dan kelewatan pembekalan peralatan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan dan ulasan ANGKASA adalah seperti di perenggan berikut:

19.4.1. Prestasi Perolehan Peralatan

Setakat bulan Disember 2010, sejumlah RM67.69 juta (83.1%) termasuk latihan berjumlah RM3 juta daripada nilai kontrak berjumlah RM81.54 juta telah dibelanjakan. Manakala tambahan skop perolehan bagi peralatan *Alignment Measurement System* dan kerja struktur *external enclosure* untuk peralatan *Reverberation Acoustic Test Facility* telah dimuktamadkan. Bagaimanapun, kos-kos tambahan yang terlibat masih menunggu kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Setakat tarikh pengauditan, kerja pemasangan, pengujian, pentauliahan dan pengambilalihan projek AIT belum dilaksanakan. *Pihak ANGKASA memaklumkan kerja tersebut akan dilaksanakan setelah bangunan makmal AIT siap dibina.*

19.4.2. Peralatan Makmal AIT Yang Diterima Belum Digunakan

19.4.2.1. Mengikut perancangan, pembekalan dan pemasangan peralatan AIT sepatutnya disiapkan pada bulan Disember 2007, iaitu selari dengan projek pembinaan bangunan makmal AIT. Memandangkan ANGKASA dan SIRIM Bhd. telah menandatangani kontrak untuk perolehan peralatan makmal AIT terlebih dahulu pada tahun 2005, proses pembekalan peralatan berkaitan perlu diteruskan mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2010, peralatan makmal AIT yang diterima antara 17 Oktober 2008 hingga 22 November 2010 masih belum digunakan lagi kerana pembinaan makmal belum disiapkan. Bagaimanapun bayaran perolehan peralatan berjumlah RM64.69 juta telah dijelaskan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.2
BAYARAN BAGI PEROLEHAN PERALATAN MAKMAL AIT

NOMBOR/ TARIKH INVOIS	NOMBOR/ TARIKH BAUCAR	BUTIR PERBELANJAAN	AMAUN (RM Juta)
GB0008/ 31.12.2005	EB88/ 27.01.2006	*Upon Signing Of The Contract*	12.23
GB0009/ 29.12.2005	EB88/ 27.01.2006	*Preliminary And System Design Review*	20.39
GB0011/ 18.12.2006	2389N/ 19.01.2007	*Critical Design Review*	7.55
GB0013/ 14.12.2007	4541D/ 28.12.2007	*Factory Acceptance - MPMS*	1.23
H00848 08.09.2008	Q2711/ 20.11.2008	*Critical Design Review - EMC Test System* *Delivery To Site - Mass Property Measurement System*	2.74
H00877 15.12.2008	Q3126 08.01.2009	*Factory Acceptance - EMC Test System*	2.54

NOMBOR/ TARIKH INVOIS	NOMBOR/ TARIKH BAUCAR	BUTIR PERBELANJAAN	AMAUN (RM Juta)
H00921 20.05.2009	B1003/ 29.07.2009	*Critical Design Review - RATF, TVC, EMC Test System*	2.95
H01003/ 01.12.2009	B2357/ 06.01.2010	*Factory Acceptance - RATF*	1.87
H01064/ 18.03.2010	C0369/ 25.03.2010	*Delivery To Site - RATF*	0.94
H01116 21.05.2010	C0794 03.08.2010	*Factory Acceptance - VTS*	4.95
H01230/ 23.10.2010	C2038 22.11.2010	*Delivery To Site - TVC*	0.74
H01279/ 15.12.2010	C2489/ 27.12.2010	*Delivery To Site - VTS*	2.48
H01280/ 15.12.2010	E0080/ 07.01.2011	*Final Design Review*	4.08
JUMLAH			**64.69**

19.4.2.2. Kelewatan ini disebabkan oleh kelulusan projek pembinaan bangunan makmal AIT lewat diterima dari Kementerian. Adalah didapati pihak ANGKASA telah menghantar surat permohonan kelulusan tender pada bulan April 2007 bagi mendapatkan kelulusan Kementerian, namun tiada jawapan diperolehi. Ini disusuli oleh surat kedua dan ketiga pada bulan Julai dan Disember 2007. Kementerian telah bersetuju untuk meneruskan projek pembinaan bangunan makmal AIT hanya pada bulan Mei 2008 dengan pengecilan skop projek akibat daripada peningkatan kos. Lanjutan daripada itu, proses tender dimulakan pada bulan November 2008 dan surat setuju terima dimuktamadkan pada 17 September 2009. Manakala tarikh pemilikan tapak projek pembinaan bangunan makmal tersebut adalah pada 12 Oktober 2009. Secara umumnya, tempoh permohonan kelulusan tender sehingga tarikh pemilikan tapak untuk projek pembinaan makmal AIT mengambil masa selama 30 bulan. Selain itu, adalah didapati Kementerian mengambil masa sehingga 13 bulan untuk membuat keputusan bagi meneruskan pembinaan bangunan makmal tersebut. Setakat bulan Februari 2011, kemajuan fizikal sebenar projek pembinaan bangunan makmal adalah 82.3% berbanding 91.9% yang dijadualkan. Kesan daripada kelewatan pembinaan makmal tersebut juga telah menyebabkan beberapa perkara seperti berikut:

a. Kos Tambahan Yang Ditanggung Oleh ANGKASA

Klausa 8.3 perjanjian menyatakan adalah menjadi tanggungjawab ANGKASA untuk menyediakan tempat yang sesuai bagi membolehkan SIRIM Bhd. melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya seperti dalam kontrak. Klausa 39.3 pula menyatakan ANGKASA akan menanggung keseluruhan kos termasuk pengangkutan (Multimodal Transport Operator), penyimpanan, insurans penyimpanan sementara dan insurans penghantaran dari tempat penyimpanan sementara ke makmal AIT. Semakan Audit mendapati ANGKASA telah membelanjakan sejumlah RM0.44 juta untuk kos tambahan pengangkutan peralatan dari tempat penyimpanan sementara ke makmal AIT, penyimpanan dan insurans perlindungan seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.3
KOS TAMBAHAN YANG DITANGGUNG OLEH ANGKASA

KOS TAMBAHAN YANG TERLIBAT	JUMLAH (RM Juta)
Pengangkutan peralatan	0.07
Penyimpanan peralatan	0.11
Bayaran insurans perlindungan peralatan	0.26
JUMLAH	**0.44**

b. Kos Tambahan Yang Dituntut Oleh SIRIM Bhd.

i. Klausa 25.1 perjanjian menyatakan bahawa sekiranya berlaku keadaan fizikal (selain daripada keadaan cuaca) atau halangan yang tidak dijangka sebelum perjanjian tersebut ditandatangani, pihak SIRIM Bhd. perlu memaklumkan kepada pihak Kerajaan tentang kos tambahan dan perbelanjaan yang mungkin dilibatkan secara bertulis. Klausa 25.1 dan 25.2 pula menyatakan bahawa mana-mana tambahan kos dan perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh SIRIM Bhd. akan dibayar oleh Kerajaan sebagai tambahan kepada nilai kontrak. Semakan Audit mendapati antara bulan Disember 2008 hingga Mac 2011, SIRIM Bhd. telah mengemukakan 8 tuntutan kos tambahan berjumlah RM17.83 juta disebabkan oleh kelewatan menyiapkan bangunan makmal, perubahan spesifikasi dan pertambahan skop kerja AIT yang meliputi sejumlah RM10.64 juta untuk pelanjutan tempoh kontrak pertama dan RM7.19 juta untuk pelanjutan tempoh kontrak yang kedua. **Permohonan tersebut telah dikemukakan oleh ANGKASA kepada Kementerian untuk pertimbangan dan seterusnya ke Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Bagaimanapun tuntutan tersebut masih belum dibayar kerana belum mendapat kelulusan.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.4
KOS TAMBAHAN YANG DITUNTUT OLEH SIRIM BHD. UNTUK PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK

PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK	JENIS TUNTUTAN	JUMLAH (RM Juta)
Pertama	*Re-Calibration of EMC Test Facilities - Data Acquisition System*	0.58
	Lanjutan tempoh jaminan peralatan	8.77
	Lanjutan tempoh jaminan bon	0.15
	Lanjutan tempoh insurans	0.07
	Kos pengurusan	0.24
	Tambahan 1 unit *Theodolite* dan 1 unit *Vertical Tooling Stand* untuk peralatan AMS	0.24
	Pembekalan semula sensor statik dan dinamik untuk peralatan *MPMS*	0.24
	Kerja-kerja Sub Struktur *External Enclosure* untuk peralatan *RATF*	0.35
JUMLAH KECIL		**10.64**

PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK	JENIS TUNTUTAN	JUMLAH (RM Juta)
Kedua	Lanjutan tempoh jaminan peralatan	6.93
	Lanjutan tempoh jaminan bon	0.14
	Lanjutan tempoh insurans	0.07
	Kos pengurusan	0.05
JUMLAH KECIL		**7.19**
JUMLAH KESELURUHAN		**17.83**

ii. Daripada kos tambahan yang berjumlah RM17.83 juta, sejumlah RM15.70 juta merupakan kos tambahan bagi tuntutan lanjutan tempoh jaminan peralatan. Tuntutan tersebut adalah bagi menjamin peralatan yang dibekalkan antara bulan Oktober 2008 hingga November 2010 sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan apabila dipasang kelak.

19.4.2.3. Adalah didapati peralatan makmal AIT disimpan sementara di beberapa lokasi penyimpanan di Tapak Makmal AIT, Makmal Kalibrasi, Mes Pegawai, Pusat Angkasa Negara (tiada caj sewaan); Westport Distripark (M) Sdn. Bhd., Pulau Indah, Pelabuhan Klang (dengan caj sewaan) dan SIRIM Bhd., Shah Alam (tiada caj sewaan).

Pada pendapat Audit, kos tambahan berjumlah RM18.27 juta iaitu kos yang ditanggung oleh ANGKASA dan tuntutan oleh SIRIM Bhd. dapat dielakkan sekiranya bangunan makmal dibina mengikut perancangan awal.

19.4.3. Kelemahan Pengurusan Kontrak Perolehan Peralatan AIT

19.4.3.1. Jaminan Bank Tidak Diperbaharui

Mengikut Klausa 9 perjanjian, pihak SIRIM Bhd. dikehendaki mengemukakan bon pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank bersamaan 5% daripada nilai kontrak kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati pihak SIRIM Bhd. ada mengemukakan jaminan bank berjumlah RM4.08 juta bagi tempoh bermula 25 Oktober 2005 hingga 29 Disember 2008. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti jaminan bank tersebut diperbaharui bagi tempoh bermula 30 Disember 2008 hingga 30 April 2010. Bagaimanapun selaras dengan lanjutan tempoh kontrak yang telah diluluskan, jaminan bank tersebut telah diperbaharui berkuat kuasa 1 Mei 2010 hingga 23 Mei 2011. *Berdasarkan maklum balas yang diterima, SIRIM Bhd. tidak memperbaharui jaminan bank kerana tidak ada sebarang kerja yang dilakukan dalam tempoh tersebut.*

19.4.3.2. Pelanjutan Tempoh Kontrak

Berdasarkan klausa 4 perjanjian, syarikat perlu memohon pelanjutan tempoh tidak kurang dari 4 bulan sebelum Sijil Penerimaan Bersyarat dikeluarkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati SIRIM Bhd. hanya mengemukakan

permohonan pelanjutan masa pada 26 November 2008 iaitu 2 bulan sebelum tempoh kontrak asal tamat. Pelanjutan tempoh kontrak tersebut telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan selama 2 tahun 4 bulan mulai 24 Januari 2009 hingga 23 Mei 2011. Permohonan lanjutan tempoh kontrak kedua dikemukakan pada 23 Februari 2011 bagi tempoh satu tahun 8 bulan mulai 24 Mei 2011 sehingga 13 Januari 2013. Keputusan Mesyuarat Khas antara Kementerian, ANGKASA dan SIRIM Bhd. pada 16 Mac 2011 telah bersetuju untuk meluluskan pelanjutan tempoh kontrak mulai 24 Mei 2011 sehingga 31 Disember 2012. Permohonan pelanjutan tempoh kontrak yang kedua telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan.

19.4.3.3. Penyenggaraan Peralatan Tidak Diperincikan

Mengikut Lampiran D-Terma Bayaran Syarat-syarat Kontrak, sebanyak 5% atau RM4.08 juta daripada nilai kontrak telah diperuntukkan untuk kerja-kerja penyenggaraan peralatan AIT bagi tempoh jaminan waranti. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada klausa dalam kontrak yang menyatakan kekerapan atau jadual penyenggaraan yang terperinci yang perlu dilaksanakan oleh SIRIM Bhd. dalam tempoh tersebut. Bagaimanapun penyenggaraan separuh pertama dan kedua dalam tempoh waranti ada menyatakan di dalam Lampiran D kontrak tersebut. *Berdasarkan maklum balas yang diterima, ANGKASA telah memohon kepada SIRIM Bhd. untuk mengemukakan pelan penyenggaraan bagi setiap peralatan AIT.*

Pada pendapat Audit, ANGKASA hendaklah memastikan SIRIM Bhd. mematuhi sepenuhnya klausa yang ditetapkan dalam kontrak termasuklah memperbaharui jaminan bank sepanjang tempoh kontrak bagi melindungi kepentingan Kerajaan. ANGKASA juga perlu menyemak dengan teliti pelanjutan tempoh kontrak yang dikemukakan oleh SIRIM Bhd. kerana setiap pelanjutan tempoh yang diluluskan melibatkan kos tambahan kepada Kerajaan, seterusnya memastikan SIRIM Bhd. menyediakan jadual penyenggaraan yang terperinci untuk tujuan pemantauan.

19.4.4. Kelewatan Penghantaran Peralatan

Mengikut syarat kontrak dan pelan pengurusan, penghantaran peralatan sepatutnya dibuat selewat-lewatnya pada 27 Disember 2007. Semakan Audit dan temu bual dengan pegawai di Bahagian Operasi mendapati kesemua peralatan makmal AIT lewat dibekalkan. Kelewatan tersebut disebabkan ANGKASA terpaksa mengkaji semula pelan pengurusan projek seiring dengan projek pembinaan bangunan makmal AIT. Bagaimanapun, kelewatan tersebut membolehkan ANGKASA menjimatkan kos dari segi penyewaan tempat penyimpanan sementara dan insurans penyimpanan. Setakat tarikh pengauditan, semakan Audit mendapati 5 peralatan lewat dibekalkan sehingga 30 bulan manakala satu peralatan masih belum dibekalkan. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.5
KELEWATAN PENGHANTARAN PERALATAN AIT

PERALATAN	TARIKH SEPATUT DITERIMA	TARIKH SEBENAR DITERIMA	TEMPOH KELEWATAN
Thermal Vacuum Chamber (TVC) *& Equipment*	19.04.2006 hingga 27.12.2007	17.10.2008 hingga 22.11.2010	6 hingga 30 bulan
Reverberation Chamber & Equipment - Reverberation Acoustic Test Facility (RATF)			
Vibration Test System (VTS)			
Electro Magnetic Compatibility (EMC) *Chamber & Equipment - Data Acquisition System* (DAQ)			
Mass Properties Measurement System (MPMS)			
Alignment Measurement System (AMS)		Belum diterima. Dijadualkan akan diterima pada 28.04.2011 hingga 26.05.2011	

19.4.5. Penyimpanan Peralatan Yang Belum Digunakan

Pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap peralatan makmal pada bulan Februari 2011 di lokasi penyimpanan sementara dan mendapati peralatan tersebut masih disimpan di dalam kotak kerana masih dalam waranti oleh pembekal. Bagaimanapun, disebabkan peralatan tersebut telah diterima antara bulan Oktober 2008 hingga November 2010, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada peralatan tersebut masih boleh berfungsi dengan baik. Sungguhpun demikian, pihak Audit berpuas hati dengan kawalan keselamatan yang terjamin dengan pintu berkunci di tempat penyimpanan tersebut. Manakala peralatan elektronik ditempatkan di bilik yang berhawa dingin dengan penjagaan yang rapi dan bersih. Butiran peralatan di lokasi penyimpanan sementara dan gambar adalah seperti berikut:

JADUAL 19.6
PEMERIKSAAN FIZIKAL PERALATAN MAKMAL AIT

JENIS PERALATAN	LOKASI PENYIMPANAN	KOS PERALATAN (RM Juta)
Thermal Vacuum Chamber (TVC) *And Equipment* **(Gambar 19.1** dan **19.2)**	Makmal AIT, Banting dan Westport Distripark (M) Sdn. Bhd., Pelabuhan Klang	19.75
Thermal Vacuum Chamber (TVC) *And Equipment - Data Acquisition System* **(Gambar 19.3)**	Makmal Kalibrasi Pusat Angkasa Negara	2.31
Reverberation Chamber And Equipment - Reverberation Acoustic Test Facility (RATF) ** Data Acquisition System* **(Gambar 19.4)**	Tapak Makmal AIT, Banting dan Westport Distripark (M) Sdn. Bhd., Pelabuhan Klang	13.11
Electro Magnetic Compatibility (EMC) *Chamber And Equipment - Data Acquisition System* **(Gambar 19.5)**	Makmal Kalibrasi dan Mes Pegawai	7.00
Mass Properties Measurement System (MPMS) **(Gambar 19.6)**	Makmal Kalibrasi	3.92
Vibration Test System (VTS)	SIRIM Bhd. dan Tapak Makmal AIT	21.60
JUMLAH		**67.69**

GAMBAR 19.1



Thermal Vacuum Chamber (TVC) & Equipment
- Ditutup Dengan Kanvas Bagi Melindunginya Daripada Habuk Dan Keselamatan Peralatan

Kos : RM7.50 Juta
Lokasi : Tapak Makmal AIT, Banting
Tarikh Diterima : 17.10.2008 & 20.10.2008
(07.02.2011)

GAMBAR 19.2



Thermal Vacuum Chamber (TVC) & Equipment
- Masih Disimpan Di Dalam Kotak

Kos : RM12.25 Juta
Lokasi : Westport Distripark, Pelabuhan Klang
Tarikh Diterima : 17.10.2008 & 20.10.2008
(07.02.2011)

GAMBAR 19.3



Thermal Vacuum Chamber (TVC) & Equipment
- Data Acquisition System
- Masih Disimpan Di Dalam Kotak

Kos : RM2.31 Juta
Lokasi : Makmal Kalibrasi Pusat Angkasa Negara
Tarikh Diterima : 17.10.2008 & 20.10.2008
(07.02.2011)

GAMBAR 19.4



Reverberation Chamber & Equipment
- Reverberation Acoustic Test Facility (RATF)
**** Data Acquisition System***
- Masih Disimpan Di Dalam Kotak

Kos : RM1.60 Juta
Lokasi : Westport Distripark, Pelabuhan Klang
Tarikh Diterima : 18.03.2010
(07.02.2011)

GAMBAR 19.5



Electro Magnetic Compatibility (EMC)
Chamber And Equipment
- Data Acquisition System
- Masih Disimpan Di Dalam Kotak

Kos : RM7 Juta
Lokasi : Bilik Mes Pegawai, Pusat Angkasa Negara
Tarikh Diterima : 18.04.2009
(07.02.2011)

GAMBAR 19.6



Mass Properties Measurement System (MPMS)
- Masih Disimpan Di Dalam Kotak

Kos : RM3.92 Juta
Lokasi : Makmal Kalibrasi, Pusat Angkasa Negara
Tarikh Diterima : Februari 2008
(07.02.2011)

Pada pendapat Audit, aspek perancangan dan pelaksanaan projek pembinaan makmal AIT dan perolehan peralatan makmal AIT perlu berjalan seiring bagi mengelak pembaziran wang Kerajaan dan perbelanjaan yang tidak berhemat.

19.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang dibuat, adalah disyorkan ANGKASA mengambil tindakan berikut:

19.5.1. Membuat pemantauan yang lebih rapi bagi memastikan pembinaan bangunan makmal AIT disiapkan mengikut jadual agar dapat mengelakkan kos tambahan terus meningkat dan memastikan peralatan makmal AIT dapat digunakan sebagaimana tujuan perolehannya.

19.5.2. Memastikan SIRIM Bhd. memperbaharui jaminan bank sepanjang tempoh kontrak bagi melindungi kepentingan Kerajaan.

19.5.3. Menyemak dengan teliti pelanjutan tempoh kontrak yang dikemukakan oleh SIRIM Bhd. kerana setiap pelanjutan tempoh yang diluluskan melibatkan kos tambahan kepada Kerajaan.

19.5.4. Memastikan SIRIM Bhd. menyediakan jadual penyenggaraan yang terperinci bagi setiap peralatan AIT untuk tujuan pemantauan.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

20. PENGURUSAN KUTIPAN HASIL CUKAI TANAH DI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

20.1. LATAR BELAKANG

20.1.1. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL) bertanggungjawab menguruskan semua urusan pentadbiran tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merangkumi urusan memungut hasil tanah, pendaftaran, pembangunan dan penguatkuasaan. Dalam menjalankan urusan kutipan cukai tanah, pihak PPTGWPKL mengguna pakai 3 undang-undang utama iaitu Kanun Tanah Negara 1965, Kaedah-kaedah Tanah Wilayah Persekutuan 1995 (Pindaan) Penyemakan Cukai 1975, 1984, 1994 dan 2006 serta Akta Hak Milik Strata 1985 di samping peraturan lain dan prosedur jabatan. Bagi menguruskan pentadbiran tanah PPTGWPKL menggunakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) untuk urusan mendaftarkan hak milik tanah dan Sistem Pungutan Hasil Cukai Tanah Berkomputer (SPHTB) untuk urusan pungutan cukai.

20.1.2. Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), mentakrifkan cukai tanah sebagai apa-apa jumlah wang yang kena dibayar setiap tahun kepada pihak berkuasa negeri sebagai sewa. Segala pembayaran tahunan lain yang terhutang kepada pihak berkuasa negeri yang mana menurut undang-undang bertulis hendaklah dipungut seolah-olah ia adalah cukai tanah atau hasil tanah dan segala bayaran yang terhutang kepada pihak berkuasa negeri sebagai tunggakan cukai tanah menurut kaedah-kaedah tanah negeri. Berdasarkan KTN, cukai tanah yang kena dibayar adalah bermula dari awal tahun kalendar pada tarikh tanah itu diberi milik, atau jika ia diberi milik selepas bulan September dalam tahun itu, cukai tanah dikira bermula dari awal tahun kalendar yang berikutnya. Selepas itu, mana-mana cukai tanah yang perlu dibayar hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum akhir bulan Mei tahun berikutnya. Jika tidak dibayar, ia akan dianggap sebagai tunggakan pada hari pertama bulan Jun tahun tersebut.

20.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kutipan hasil cukai tanah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

20.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aktiviti pengurusan hasil cukai tanah bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010. Pengauditan ini dijalankan di PPTGWPKL dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan kutipan hasil cukai tanah terhadap hak milik tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Analisis menggunakan *Audit Command Language* (ACL) telah dijalankan terhadap data rekod SPTB dan SPHTB. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat turut dilaksanakan. Lawatan fizikal juga dijalankan ke 10 lokasi tanah iaitu 4 di Petaling Jaya, 3 di Kuala Lumpur dan 3 di Sungai Besi.

20.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei 2010 hingga September 2010 dan bulan April 2011 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan kutipan hasil cukai tanah di PPTGWPKL adalah kurang memuaskan. Prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai tanah adalah kurang daripada 60% berbanding dengan unjuran yang ditetapkan serta terdapat kes tunggakan cukai tanah yang berusia sehingga 40 tahun. Ini disebabkan antaranya oleh kelemahan sistem pengurusan maklumat cukai tanah; penguatkuasaan yang tidak berkesan; bil cukai tidak sampai kepada pemilik; permohonan serah balik tanah tidak dibuat terhadap tanah yang telah menjadi tempat kegunaan awam dan kelemahan kawalan terhadap cukai yang dikutip oleh agen yang dilantik. Bagaimanapun, PPTGWPKL telah mengambil tindakan pembetulan/ penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

20.4.1. Prestasi Kutipan Cukai Tanah

20.4.1.1. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010, PPTGWPKL telah menetapkan unjuran kutipan cukai tanah berjumlah RM744.78 juta. Unjuran ini ditetapkan setelah mengambil kira bilangan hak milik bayar cukai, jumlah penyelesaian dan cukai tanah yang tidak dapat dikutip. Semakan Audit mendapati amaun sebenar dikutip bagi tempoh tersebut hanya berjumlah RM440.29 juta atau 59.1% daripada unjuran yang ditetapkan. Daripada RM440.29 juta tersebut, sejumlah RM82.68 juta (18.8%) adalah merupakan kutipan bagi tunggakan cukai tanah. Prestasi kutipan hasil cukai tanah adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.1
KEDUDUKAN PENCAPAIAN SASARAN KUTIPAN CUKAI TANAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA TAHUN 2010

TAHUN	PERKARA					
	TUNGGAKAN			SEMASA		
	UNJURAN KUTIPAN (RM Juta)	KUTIPAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS SEBENAR/ UNJURAN (%)	UNJURAN KUTIPAN (RM Juta)	KUTIPAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS SEBENAR/ UNJURAN (%)
2007	87.72	27.85	31.8	111.84	89.61	80.1
2008	81.19	32.58	40.1	115.79	87.09	75.2

TAHUN	PERKARA					
	TUNGGAKAN			SEMASA		
	UNJURAN KUTIPAN (RM Juta)	KUTIPAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS SEBENAR/ UNJURAN (%)	UNJURAN KUTIPAN (RM Juta)	KUTIPAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS SEBENAR/ UNJURAN (%)
2009	62.05	11.62	18.7	111.58	90.79	81.4
2010	62.37	10.63	17.1	112.24	90.12	80.3
JUMLAH	**293.33**	**82.68**	**28.2**	**451.45**	**357.61**	**79.2**

***Nota:** Unjuran Kutipan Dan Kutipan Sebenar Adalah Meliputi Tunggakan Cukai Tanah Dan Denda Lewat Kecuali Bagi Tahun 2007 Di Mana Ia Hanya Meliputi Tunggakan Cukai Tanah Sahaja*

20.4.1.2. Mengikut Seksyen 94 (2) KTN 1965, cukai tanah yang tidak dibayar pada hari pertama bulan Jun tahun berkenaan akan dianggap sebagai tunggakan. Semakan Audit terhadap tunggakan cukai tanah bagi 1,835 hak milik individu yang berjumlah RM21.94 juta dan 721 hak milik syarikat yang berjumlah RM14.19 juta mendapati hak milik tersebut mempunyai tunggakan cukai tanah antara 10 hingga 40 tahun seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.2
TEMPOH TUNGGAKAN CUKAI TANAH BAGI HAK MILIK INDIVIDU DAN SYARIKAT

TEMPOH TUNGGAKAN (TAHUN)	HAK MILIK TERLIBAT				INDIVIDU DAN SYARIKAT	
	INDIVIDU		SYARIKAT			
	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)
10 hingga 14	1,107	9.30	491	9.06	1,598	18.36
15 hingga 19	494	4.56	148	2.83	642	7.39
20 hingga 24	123	1.50	80	1.51	203	3.01
25 hingga 29	24	4.08	1	0.20	25	4.28
30 hingga 34	84	2.27	1	0.59	85	2.86
35 hingga 40	3	0.23	-	-	3	0.23
JUMLAH	**1,835**	**21.94**	**721**	**14.19**	**2,556**	**36.13**

20.4.1.3. Pihak Audit mendapati antara sebab perkara di atas berlaku adalah kerana maklumat pemilik dan hak milik tanah tidak dikemas kini menyebabkan bil cukai tanah dikembalikan. Selain itu kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang terhadap pemilik tanah turut menyumbang kepada jumlah tunggakan cukai tersebut. Keadaan ini boleh menyebabkan kehilangan hasil Kerajaan.

20.4.2. Kelemahan Sistem Pengurusan Maklumat Cukai Tanah

20.4.2.1. PPTGWPKL melaksanakan urusan kutipan hasil cukai tanah menggunakan SPHTB sejak tahun 1997. Sistem ini berupaya mencapai pangkalan data SPTB yang menyimpan segala rekod pemilik tanah. Sistem SPHTB telah melalui beberapa penambahbaikan dan mempunyai 6 menu utama iaitu Menu Pertanyaan dan Semakan, Menu Bayaran, Menu Akaun, Menu Kemas Kini, Menu Laporan dan Menu Penyelenggaraan. Selain itu, PPTGWPKL

turut menyelenggarakan rekod fizikal (fail) pemilik tanah bagi tujuan penyimpanan dokumentasi berkaitan cukai tanah. Analisis data keseluruhan melibatkan sistem SPTB sehingga bulan April 2011 mendapati sebanyak 169,137 hak milik dengan cukai berjumlah RM109.38 juta yang berstatus daftar dan provisional, manakala data bagi sistem SPHTB adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.3
DATA SISTEM SPHTB

TAHUN	BIL. HAK MILIK	STATUS HAK MILIK	KUTIPAN CUKAI (RM Juta)
2009	167,618	Daftar dan Provisional	64.72
2010	168,018	Daftar dan Provisional	61.26
JUMLAH			**125.98**

20.4.2.2. Analisis data tersebut serta semakan rekod di Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Pendaftaran PPTGWPKL mendapati beberapa perkara seperti berikut:

a. Data di SPTB dan SPHTB diragui kerana pembersihan dan pengemaskinian data tidak dilakukan. Semakan terhadap rekod hak milik lama (hak milik sebelum KTN 1965) berstatus daftar sejak tahun 1965 mendapati sebanyak 384 rekod bagi tahun 2009 berjumlah RM1.65 juta dan 378 rekod hak milik lama tahun 2010 berjumlah RM1.71 juta masih wujud di SPHTB sedangkan data hak milik tersebut telah dibatalkan serta didaftarkan dengan nama pemilik baru di SPTB. Keadaan ini berlaku disebabkan hak milik lama yang wujud tidak dibuat Pindaan Cukai Tanah pada tahun 2005. *Berdasarkan maklum balas daripada PPTGWPKL, pihak PPTGWPKL sedang menyelesaikan masalah ini dengan membuat pengemaskinian.*

b. Pembersihan data masih belum dibuat sepenuhnya di SPTB. Semakan Audit mendapati 16 hak milik telah dibatalkan tetapi tidak mempunyai tarikh batal hak milik. Hak milik tersebut melibatkan cukai berjumlah RM7,331 wujud semenjak tahun 1966. Semakan seterusnya untuk satu rekod hak milik tersebut mendapati hak milik sementara telah ditukar kepada hak milik kekal. Bagaimanapun, hak milik sementara tersebut masih belum dibatalkan dalam sistem SPTB. *Berdasarkan maklum balas PPTGWPKL, keadaan ini berlaku kerana kerja kemasukan data manual ke sistem SPTB tidak dilakukan dengan teliti.*

c. Pengemaskinian data di SPTB dan SPHTB masih belum dibuat sepenuhnya. Berdasarkan analisis Audit menggunakan ACL, data yang masih belum dikemas kini di SPTB adalah melibatkan kadar cukai tanah yang tidak tepat, ketiadaan alamat pemilik dan hak milik yang telah luput tempoh pajak tidak dibatalkan. Manakala data yang masih belum dikemas kini di SPHTB antaranya melibatkan hak milik yang tidak dibuat pindaan cukai tanah dan ruangan nombor resit tidak diisi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.4
HASIL ANALISIS AUDIT TERHADAP DATA SPTB
MENGGUNAKAN PERISIAN ACL

ISU DAN KETERANGAN	BILANGAN KES	JUMLAH (RM Juta)	ULASAN PPTGWPKL
Hak Milik Mempunyai Hasil Cukai Tanah RM0 Semakan Audit terhadap 50 sampel mendapati 36 hak milik berstatus *Approved Application* (AA) iaitu hak milik lama yang dikeluarkan dalam bentuk kertas sebelum wujudnya KTN 1965 manakala 14 hak milik lain yang berstatus *Qualified Title Mukim* (*QTM), Grant* (GRT), *Entry Mukim Register* (EMR) dan *Certificate Of Title* (CT) mempunyai hasil cukai tanah RM0.	481	TM	Adalah sukar untuk mengesan pemegang AA tersebut kerana PPTGWPKL tidak mempunyai rekod alamat dan nombor kad pengenalan pemilik. Kutipan dan caj cukai tanah juga tidak dapat dibuat berikutan geran pemilik masih belum dikeluarkan sehingga pemilik tersebut datang ke PTGWPKL untuk membuat tuntutan atau pengesahan maklumat pemilik AA.
Kadar Cukai Tidak Diisi Bagi Hak Milik Syarikat Semakan Audit terhadap semua kes mendapati ruangan kadar cukai hak milik tidak diisi.	46	TM	Ruangan kadar cukai adalah tidak mandatori. Ini disebabkan pengiraan cukai dalam sistem bagi lot yang mempunyai keluasan dan kadar cukai yang tinggi dalam SPTB tidak dapat digenapkan. Pengiraan kadar hasil cukai dibuat secara manual oleh pegawai yang telah dipertanggungjawabkan.
Alamat Pemilik Tidak Diisi Hak milik tidak dicatatkan alamat pemilik asal tanah.	49,144 (2009) 48,437 (2010)	TM	Keadaan ini berlaku disebabkan alamat pemilik asal yang tercatat di dalam dokumen pindah milik tanah tidak dikemas kini dalam sistem. Selain itu, mengikut Kaedah-kaedah Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1995 (Borang 26A), pemilik tanah yang mengemas kini alamat mereka akan dikenakan fi RM100. Ini menyebabkan pemilik tanah tidak mengemas kini alamat mereka.
Pindaan Cukai Tahunan Tidak Dikemas Kini Rekod pemilik tanah yang tidak dibuat pelarasan cukai tanah sejak tahun 2004 mempunyai tunggakan cukai antara 10 hingga 40 tahun.	211	0.94	Masalah ini sedang diselesaikan dengan membuat pengemaskinian secara manual.

Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

JADUAL 20.5
HASIL ANALISIS TERHADAP DATA SPHTB
MENGGUNAKAN PERISIAN ACL

ISU DAN KETERANGAN	BILANGAN KES/TAHUN	JUMLAH (RM)	ULASAN PPTGWPKL
Ruangan Bayaran No. Resit Tiada Ruangan nombor resit tidak diisi sedangkan ada bayaran di medan bayaran.	28 (2009)	29,819	Cukai tanah dibayar di cawangan DBKL dan bayaran secara *online* yang tidak dapat dikesan oleh PPTGWPKL.
	3 (2010)	1,499	
Tarikh Luput Tidak Diisi Ruangan tarikh luput pajakan tanah tidak diisi sedangkan medan tempoh pajakan ada dicatatkan maklumat.	8 (2010)	51,951	Ruangan tersebut tidak diisi kerana kesilapan kemasukan data dari manual kepada sistem. Selain itu masalah *Y2K bugs* selepas tahun 2000 turut menyumbang ketidaktepatan maklumat tarikh luput.
Tunggakan Denda Melebihi RM100,000 Tunggakan denda adalah tinggi di mana ada yang mencecah sehingga RM1.08 juta.	38 (2009)	12,528,449	PPTGWPKL berusaha mengeluarkan surat peringatan dan turut menawarkan pemberian insentif antaranya cabutan bertuah kepada pembayar.
	41 (2010)	12,137,299	

20.4.2.3. Bagi memastikan ketepatan maklumat dalam sistem SPTB, pihak Audit telah memilih 50 sampel fail hak milik yang mempunyai tunggakan antara 17 hingga 35 tahun untuk semakan lanjut. Bagaimanapun, PPTGWPKL hanya dapat mengemukakan 10 (20%) fail hak milik sahaja. Ini kerana maklumat nombor fail adalah tidak mandatori semasa sistem SPTB dikuatkuasakan dan tiada mekanisme untuk mengesan pergerakan fail. *Pegawai PPTGWPKL memaklumkan bahawa ada antara fail tersebut telah musnah dan rosak akibat tidak dijaga.*

Pada pendapat Audit, penambahbaikan sistem SPTB dan SPHTB perlu dibuat segera bagi memastikan ketepatan, kesahihan dan integriti data di dalam sistem tersebut. PPTGWPKL perlu mewujudkan 'task force' dalam proses pembersihan data yang tidak diperlukan secara lebih agresif. Selain itu, PPTGWPKL juga hendaklah memastikan fail pemilik tanah disimpan dengan selamat untuk memudahkan rujukan dibuat.

20.4.3. Kelemahan Aktiviti Penguatkuasaan

20.4.3.1. Pada bulan Januari 2010, Bahagian Hasil telah melancarkan penguatkuasaan melalui Ops Ketuk melibatkan 3,175 hak milik dengan tunggakan cukai melebihi 5 tahun. Adalah didapati Bahagian Hasil hanya mempunyai 3 orang pegawai untuk menjalankan penguatkuasaan tersebut. Setakat bulan April 2010, Bahagian Hasil berjaya menjalankan penguatkuasaan terhadap 437 (13.8%) hak milik. Pihak Audit selanjutnya telah menjalankan lawatan fizikal ke 10 lokasi pemilik tanah terpilih yang mempunyai tunggakan cukai antara RM0.01 juta hingga RM1.97 juta serta tempoh tunggakan antara 15 hingga 32 tahun. Adalah didapati 2 daripadanya merupakan rumah ibadat, 2 rumah kediaman, 1 flat kediaman 4 tingkat, 1 stesen pencawang TNB dan 4 merupakan tanah kosong yang ditumbuhi dengan semak samun dan jalan keluar masuk bagi penduduk setempat. Butirannya adalah seperti di **Jadual 20.6** dan **Gambar 20.1** hingga **20.5**.

JADUAL 20.6
RINGKASAN PEMERIKSAAN FIZIKAL BAGI PEMILIK YANG MEMPUNYAI CUKAI TANAH TERTUNGGAK

NOMBOR HAK MILIK	NO. LOT	TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM Juta)	TEMPOH TUNGGAKAN (Tahun)	KEADAAN LOKASI TANAH
44 GRN 371	L/37	1.97	20	Rumah Ibadat
44 GRN 25251	L/41	0.47	15	Rumah Ibadat
06 PN 34866	L/24620	0.01	18	Rumah Kediaman
06 PN 34784 **(Gambar 20.1)**	L/24510	0.01	19	Rumah Kediaman Yang Dijadikan Tadika
05 GM 2684 **(Gambar 20.2)**	L/43288	0.19	24	Flat Kediaman 4 Tingkat
44 HSD 49281 **(Gambar 20.3)**	PT/47	0.06	19	Stesen Pencawang TNB

NOMBOR HAK MILIK	NO. LOT	TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM Juta)	TEMPOH TUNGGAKAN (Tahun)	KEADAAN LOKASI TANAH
06 HSM 1980	PT/2	0.03	30	Tanah Kosong Ditumbuhi Semak Samun
06 HSM 2028 **(Gambar 20.4)**	PT/3	0.03	29	Tanah Kosong Ditumbuhi Semak Samun
06 PN 923	L/20170	0.02	19	Jalan Keluar Masuk Penduduk Kampung Petaling Bahagia
06 PN 923 **(Gambar 20.5)**	L/20170	0.04	32	Jalan Keluar Masuk Penduduk Kampung Petaling Bahagia
JUMLAH		**2.83**		

GAMBAR 20.1



No. Hak Milik: 06 PN 34784
Sungai Besi, Kuala Lumpur
- Rumah Kediaman Dijadikan Tadika
Tempoh Cukai Tertunggak: 19 Tahun
(07.08.2010)

GAMBAR 20.2



No. Hak Milik: 05 GM 2684
Taman Desa Aman, Kuala Lumpur
- Lot Tanah Dibina Flat Kediaman 4 Tingkat
Tempoh Cukai Tertunggak: 24 Tahun
(07.08.2010)

GAMBAR 20.3



No. Hak Milik: 44 HSD 49281
Pejabat Pos Besar, Kuala Lumpur
- Lot Tanah Dibina Stesen Pencawang TNB
Tempoh Cukai Tertunggak: 19 Tahun
(23.02.2011)

GAMBAR 20.4



No. Hak Milik: 06 HSM 2028
Sungai Besi, Kuala Lumpur
- Tanah Kosong Ditumbuhi Semak Samun
Tempoh Cukai Tertunggak: 19 Tahun
(07.08.2010)



GAMBAR 20.5

No. Hak Milik: 06 PN 923
Kg. Petaling Bahagia, Jalan Klang Lama,
Kuala Lumpur
- Jalan Keluar Masuk Penduduk
Tempoh Cukai Tertunggak: 32 Tahun
(07.08.2010)

20.4.3.2. Seksyen 379 (1) KTN menghendaki pemilik tanah memaklumkan kepada pihak PPTGWPKL berkaitan pertukaran alamat terkini untuk dikemaskinikan di dalam rekod PPTGWPKL. Seksyen 429(d) pula menetapkan pemilik yang tidak memaklumkan sebarang pertukaran alamat, pemilik boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam (6) bulan. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan dijalankan, pihak PPTGWPKL masih belum menguatkuasakan undang-undang tersebut sungguhpun terdapat kes di mana pemilik tanah tidak memaklumkan alamat terkini.

20.4.3.3. Seksyen 97 (1) KTN menyatakan bahawa sekiranya apa-apa sewa berkaitan dengan mana-mana tanah beri milik yang kena dibayar telah tertunggak, Pentadbir Tanah boleh menyebabkan supaya disampaikan kepada pemilik tanah itu suatu notis tuntutan dalam Borang 6A. Berdasarkan Notis 6A tersebut, pemilik tanah dikehendaki menjelaskan segala tunggakan cukai dalam tempoh 3 bulan dari tarikh notis tersebut dikeluarkan. Manakala Seksyen 100 pula menjelaskan bahawa sekiranya kesemua jumlah wang tersebut masih belum dibayar kepada Pentadbir Tanah, maka tanah itu hendaklah diisytiharkan dilucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan cara mewartakannya di dalam Borang 8A (Seksyen 130) dan tindakan perampasan tanah perlu dibuat. Daripada 1,835 data pemilik tanah individu dan 721 syarikat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mempunyai tunggakan antara 10 hingga 40 tahun yang diaudit, adalah didapati Notis 6A telah dikeluarkan oleh PPTGWPKL kepada hanya 5 pemilik tanah tersebut bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010. Selain itu, 5 pemilik tersebut didapati masih belum menjelaskan tunggakan cukai mereka sama ada bayaran secara penuh atau ansuran. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan, adalah diperhatikan juga masih tiada sebarang rampasan tanah melalui borang 8A dibuat. *Mengikut maklum balas, PPTGWPKL telah mengakui kelemahan dalam mengambil tindakan penguatkuasaan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Namun pada pertengahan tahun 2009, Jawatankuasa Kerja Tanah WPKL melalui mesyuaratnya pada bulan Jun 2009 telah meluluskan sebanyak 36 hak milik tanah untuk diambil tindakan perampasan. Ia terdiri daripada 27 hak milik individu yang mempunyai tunggakan cukai melebihi RM50,000 dan 9 hak milik syarikat yang mempunyai tunggakan melebihi RM100,000. Setakat 31 Disember 2010, kedudukan tindakan perampasan hak milik adalah seperti berikut:*

JADUAL 20.7
KEDUDUKAN TINDAKAN PERAMPASAN HAK MILIK
SEHINGGA 31 DISEMBER 2010

KEDUDUKAN KES	BILANGAN KES	AMAUN TUNGGAKAN (RM Juta)
Selesai dibayar	16	1.13
Notis 6A/Notis 8A	12	2.31
Tangguh Notis 6A	6	2.35

KEDUDUKAN KES	BILANGAN KES	AMAUN TUNGGAKAN (RM Juta)
Kes Polis/Mahkamah	2	0.89
JUMLAH	**36**	**6.68**

Pada pendapat Audit, PPTGWPKL perlu mengkaji semula keperluan perjawatan yang bersesuaian dan mengambil tindakan proaktif bagi memastikan pengisiannya supaya aktiviti penguatkuasaan khususnya terhadap tunggakan cukai tanah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

20.4.4. Bil Cukai Tidak Sampai Kepada Pemilik Tanah

Bagi tujuan peringatan, bil cukai akan dihantar secara tahunan kepada pemilik tanah yang berkenaan. Data sistem SPHTB menunjukkan bilangan hak milik tanah pada tahun 2010 adalah sebanyak 168,018. Bagaimanapun, hanya sebanyak 163,549 (97.4%) bil cukai yang dapat dihantar kepada pemilik tanah dan selebihnya tidak dapat dihantar disebabkan oleh kes *flag* seperti hak milik bermasalah, hak milik kedutaan, bayaran berlebihan dan bayaran atas hak milik yang telah dibatalkan. Semakan Audit mendapati daripada jumlah bil cukai yang dihantar, sebanyak 2,382 (1.5%) telah dikembalikan kerana pemilik tanah tidak dapat dikesan. Antara sebab bil tidak sampai ke tangan pemilik adalah kerana pemilik sudah berpindah, pemilik telah meninggal dunia dan alamat tidak lengkap serta tepat. *Berdasarkan maklum balas PPTGWPKL, usaha untuk mengenal pasti alamat pemilik terbabit sedang dilaksanakan termasuklah mendapatkan kerjasama dengan beberapa agensi seperti DBKL, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara serta melakukan lawatan tapak ke alamat harta melalui Operasi Ketuk dan Operasi Jejak.* Butiran bilangan bil cukai tanah yang dikembalikan bagi tempoh tahun 2007 dan 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.8
SENARAI BIL CUKAI TANAH YANG TELAH DIKEMBALIKAN KE PPTGWPKL BAGI TEMPOH TAHUN 2007 DAN 2010*

NO. MUKIM	NAMA MUKIM	BILANGAN BIL CUKAI TANAH DIKEMBALIKAN	
		2007	2010
01	Ampang	39	54
02	Batu	498	616
03	Cheras	28	19
04	Ulu Kelang	25	23
05	Kuala Lumpur	420	489
06	Petaling	326	425
07	Setapak	325	386
44	Bandar Kuala Lumpur	211	359
55	Bandar Petaling	1	1
70	Pekan Batu	1	2
71	Batu Caves	5	4
72	Kepong	2	4
JUMLAH		**1,881**	**2,382**

Nota: (*) - Tiada Maklumat Dikemukakan Bagi Bil Cukai Tanah Yang Dikembalikan Bagi Tahun 2008 Dan 2009

Pada pendapat Audit, PPTGWPKL hendaklah mewujudkan pasukan petugas untuk menyelesaikan masalah tersebut.

20.4.5. Permohonan Serah Balik Tanah Tidak Dibuat Terhadap Tanah Yang Telah Menjadi Tempat Kegunaan Awam

20.4.5.1. Bahagian Dua Belas, Seksyen 195 hingga 204 Kanun Tanah Negara menerangkan penyerahan balik hak milik keseluruhan atau sebahagian tanah dengan kelulusan dari Pengarah Negeri atau Pentadbir Tanah. Berdasarkan peruntukan tersebut, tanah yang telah menjadi tempat kegunaan awam seperti kawasan pencawang elektrik, loji kumbahan, rumah pam air dan tempat letak kereta sepatutnya dipindah milik kepada pihak yang bertanggungjawab menguruskan tanah tersebut seperti Tenaga Nasional Berhad dan Indah Water Konsortium Berhad. Melalui pemeriksaan fizikal, pihak PPTGWPKL telah mengenal pasti 45 hak milik tanah di mana seluruh atau sebahagian tanah tersebut telah bertukar menjadi jalan raya, pencawang elektrik, tempat letak kereta, padang permainan, rumah pam air, siar kaki dan sistem pembetungan tetapi belum diserah balik kepada pihak terlibat. Jumlah tunggakan cukai yang terlibat adalah RM2.89 juta dengan tunggakan antara 7 hingga 35 tahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.9
SENARAI HAK MILIK YANG TELAH MENJADI KEGUNAAN AWAM

KEADAAN TANAH	BIL. HAK MILIK TERLIBAT	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI* (RM Juta)
Jalan Raya	26	1.34
Tangki Najis & Kolam Oksidasi	8	0.37
Pencawang Elektrik	3	0.04
Siar Kaki	1	0.01
Tempat Letak Kereta	4	0.25
Padang Permainan	2	0.86
Rumah Pam Air	1	0.02
JUMLAH	**45**	**2.89**

Nota: ***(*) - Data setakat 17 Disember 2009***

20.4.5.2. *Berdasarkan maklum balas daripada pegawai PPTGWPKL, perkara ini terjadi kerana kegagalan pemilik memaklumkan penyerahan pemilikan kawasan tanah tersebut. PPTGWPKL juga memaklumkan bahawa perubahan tersebut tidak pernah dirujuk kepada mereka. Bagaimanapun, PPTGWPKL telah mewajibkan semua pemaju dan pemilik tanah yang ingin membuat pembangunan di atas tanah masing-masing perlu menyediakan pelan pra hitungan yang diluluskan oleh DBKL untuk tujuan pewartaan dan pengeluaran hak milik.*

Pada pendapat Audit, satu mekanisme perlu diwujudkan bagi tujuan penyelarasan di antara DBKL dengan PPTGWPKL supaya kesemua

penyerahan balik tanah dapat diproses dan dikemaskinikan oleh kedua-dua pihak dalam masa yang sama.

20.4.6. Kelemahan Pembayaran Cukai Tanah Melalui Agen Yang Dilantik

20.4.6.1. Dalam menjalankan urusan kutipan hasil termasuklah cukai tanah, pihak PPTGWPKL telah mendapatkan khidmat daripada beberapa agen yang dilantik sejak tahun 2008 bertujuan membantu mempercepatkan urusan terimaan kutipan cukai tanah. Agen yang terlibat ialah Pos Malaysia Berhad, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Bank Islam (M) Berhad (BIMB), Maybank Berhad dan CIMB Bank Berhad. Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh agen berkenaan ialah kutipan cukai tanah secara tunai di kaunter dan secara debit terus (direct debit) melalui portal bank atau PosOnline. Butiran mengenai agen dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.10
SENARAI AGEN KUTIPAN BAGI PUNGUTAN HASIL CUKAI TANAH DI PPTGWPKL

SENARAI AGEN	PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN ADA (/)/TIADA (X)	
	PEMBAYARAN TUNAI/ BANK DRAF DI KAUNTER	*ONLINE* MELALUI PORTAL
Pos Malaysia Berhad	/	/
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	/	X
Bank Islam Malaysia Berhad	X	/
Maybank Berhad	X	/
CIMB Berhad	X	/

20.4.6.2. Semakan Audit terhadap pembayaran cukai tanah melalui agen yang dilantik mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Pada 30 Oktober 2007, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah meluluskan pelaksanaan sistem penerimaan pembayaran cukai tanah secara *online* bagi PPTGWPKL. Antara syarat yang perlu dipatuhi ialah pihak PPTGWPKL perlu mendapatkan kelulusan daripada Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA) untuk membuka akaun *Acquiring Bank* dan menandatangani satu perjanjian dengan *Acquiring Bank* (agen) mengikut format perjanjian yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2007. Selain itu juga, Ketua Setiausaha Negara telah mengeluarkan arahan pada 17 Mac 2008 supaya cawangan PPTGWPKL di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Perbadanan Putrajaya menggunakan perkhidmatan *Internet Banking* bagi terimaan hasil. Semakan Audit mendapati hanya satu perjanjian yang telah dimeterai antara PPTGWPKL dengan BIMB. Manakala bagi agen yang lain pihak PPTGWPKL memaklumkan perjanjian masih di peringkat perincian dan semakan Bahagian Hasil serta Penasihat Undang-undang PPTGWPKL. Semakan Audit selanjutnya terhadap perjanjian yang telah ditandatangani dengan BIMB mendapati *Liquidated And Ascertained*

Damages hanya boleh dikenakan terhadap agen yang gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.

b. Bagi tujuan pengesahan terimaan kutipan cukai tanah, JANM telah melaksanakan Korporat ID Terimaan untuk pindahan dana secara elektronik oleh *Acquiring Bank*/Ejen yang dilantik oleh Kerajaan. Korporat ID Terimaan tersebut perlu mengandungi 14 aksara manakala nama akaun *e-payment* bank berkenaan akan dijadikan sebahagian perihal Korporat ID Terimaan berkenaan. Semakan Audit mendapati masih terdapat agen yang tidak menggunakan Korporat ID Terimaan yang telah ditetapkan oleh JANM. Ini menyukarkan pihak Perbendaharaan untuk mengenal pasti terimaan yang dilaporkan sama ada merupakan terimaan untuk kutipan cukai tanah atau sebaliknya. Pihak Audit dimaklumkan, terdapat agen yang lewat menghantar dokumen terimaan hasil setiap hari kepada PPTGWPKL. Ini menyebabkan pihak PPTGWPKL sukar untuk mengesahkan jumlah kutipan sebenar yang diterima setiap hari terutamanya kutipan hasil yang dibuat melalui DBKL dan Pos Malaysia Berhad. Selain itu, kelewatan tersebut menyukarkan pihak PPTGWPKL menyediakan penyata pemungut serta menyebabkan kelewatan mengemukakan Penyata Kira-kira ke JANM.

c. Bagi kutipan untuk tempoh tahun 2008 hingga Jun 2010, terdapat 437 transaksi yang tidak dikenal pasti berjumlah RM49,289 dan belum dapat dipindahkan ke akaun pemilik. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 255 transaksi (58.4%) berjumlah RM29,152 yang tidak dapat dibuat pelarasan atas faktor seperti tiada hak milik, hak milik tidak dapat dikesan dan hak milik luar (masalah persempadanan antara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri Selangor). Pihak Audit dimaklumkan, tidak banyak tindakan susulan dapat dibuat oleh PPTGWPKL bagi menyelaraskan semula bayaran yang tidak dikenal pasti ini kerana pemilik tidak melengkapkan maklumat yang sepatutnya seperti nombor akaun dan nombor telefon untuk dihubungi di ruang yang disediakan semasa membuat pembayaran secara *online*. Butiran mengenai transaksi yang tidak dikenal pasti dan belum diselaraskan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.11
SENARAI TRANSAKSI TIDAK DIKENAL PASTI DAN BELUM DISELARASKAN

MOD BAYARAN	TRANSAKSI TIDAK DIKENAL PASTI						TRANSAKSI BELUM DILARASKAN	
	2008		2009		2010		BIL.	(RM)
	BIL.	(RM)	BIL.	(RM)	BIL.	(RM)		
Internet Banking	44	5,555	313	31,761	10	717	186	17,559
DBKL	-	-	14	1,103	27	7,594	43	8,753
Pos Malaysia Berhad	3	247	7	447	19	1,954	26	2,840
JUMLAH	**47**	**5,802**	**334**	**33,311**	**56**	**10,265**	**255**	**29,152**

Pada pendapat Audit, PPTGWPKL perlu memastikan perjanjian yang ditandatangani memperuntukkan klausa mengenai tindakan yang boleh diambil terhadap agen yang gagal melaksanakan arahan JANM. Selain itu, PPTGWPKL juga hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan dengan segera terhadap urusan terimaan melalui agen dan mengenal pasti amaun yang belum dipindahkan ke akaun pemilik memandangkan ianya memberi kesan terhadap kutipan hasil Kerajaan.

20.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan dan mempertingkatkan lagi pengurusan kutipan hasil cukai tanah, adalah disyorkan supaya PPTGWPKL memberikan pertimbangan dan mengambil tindakan berikut:

20.5.1. Penambahbaikan sistem SPTB dan SPHTB perlu dilaksanakan segera bagi memastikan ketepatan, kesahihan dan integriti data di dalam sistem ini. PPTGWPKL perlu mewujudkan pasukan petugas dalam proses pembersihan data yang tidak diperlukan secara lebih agresif. Selain itu, PPTGWPKL juga hendaklah memastikan fail pemilik tanah disimpan dengan selamat untuk memudahkan rujukan dibuat.

20.5.2. Kajian semula keperluan perjawatan yang bersesuaian perlu dilaksanakan dan PPTGWPKL perlu mengambil tindakan proaktif bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan khususnya terhadap tunggakan cukai tanah dapat dibuat dengan lebih berkesan.

20.5.3. Memandangkan banyak bil cukai tanah dikembalikan, PPTGWPKL disyorkan mewujudkan pasukan petugas untuk menyelesaikan masalah tersebut.

20.5.4. Perjanjian yang ditandatangani perlu memperuntukkan klausa mengenai tindakan yang boleh diambil terhadap agen yang gagal melaksanakan arahan JANM. Selain itu, PPTGWPKL juga hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan dengan segera terhadap urusan terimaan cukai tanah melalui agen dan mengenal pasti amaun yang belum dipindahkan ke akaun pemilik memandangkan ianya memberi kesan terhadap kutipan hasil Kerajaan.

21. PROJEK SISTEM PEMBEKALAN AIR BERSIH UNTUK SEKOLAH LUAR BANDAR DI SEMENANJUNG MALAYSIA

21.1. LATAR BELAKANG

21.1.1. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) bertanggungjawab memastikan sekolah di luar bandar menikmati kemudahan asas yang mencukupi bagi mewujudkan keadaan yang kondusif untuk proses pembelajaran antaranya mendapat bekalan air bersih. Pada masa kini, masih terdapat sekolah luar bandar di Semenanjung Malaysia tidak mendapat kemudahan bekalan air bersih kerana faktor geografi, kedudukan sekolah yang jauh dari kemudahan tersebut dan memerlukan kos yang tinggi untuk mendapatkan bekalan air bersih. Bermula pada tahun 2007, Kementerian merancang untuk melaksanakan Projek Sistem Pembekalan Air Bersih di 252 sekolah luar bandar di Semenanjung Malaysia. Objektif projek ini adalah untuk menangani masalah bekalan air bersih ke sekolah luar bandar di Semenanjung Malaysia yang tiada bekalan air bersih daripada sistem retikulasi awam. Selain itu, projek ini juga adalah untuk memastikan guru dan murid mendapat bekalan air yang dirawat dan selamat digunakan.

21.1.2. Pada tahun 2008, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan Kementerian bagi melaksanakan projek secara rundingan terus dengan kos siling sebanyak RM83 juta. Dua kontraktor telah dilantik iaitu Duta Sierra Development Sdn. Bhd. (Duta Sierra) dan Rossington Consolidated Sdn. Bhd. (Rossington) dengan kos masing-masingnya berjumlah RM32.22 juta bagi 119 projek dan RM38 juta untuk 133 projek. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina (design and build) yang perlu disiapkan dalam tempoh 12 bulan bagi Duta Sierra dan 14 bulan bagi Rossington. Bagaimanapun, bilangan projek yang dilaksanakan telah berubah kepada 237 sekolah disebabkan sama ada sekolah yang dipilih pada asalnya telah mendapat bekalan air bersih melalui retikulasi awam atau terdapat pertambahan bilangan sekolah yang tidak tersenarai pada kontrak asal. Bilangan projek yang perlu dilaksanakan oleh Duta Sierra dan Rossington adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.1
BILANGAN PROJEK SISTEM PEMBEKALAN AIR BERSIH MENGIKUT NEGERI DAN SEKOLAH

SYARIKAT	NEGERI	SEKOLAH KEBANGSAAN		SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN		JUMLAH
		RENDAH	MENENGAH	TAMIL	CINA	
Duta Sierra Development Sdn. Bhd.	Johor	20	1	20	3	44
	Terengganu	4	-	-	-	4
	Kelantan	70	9	-	-	79
Rossington Consolidated Sdn. Bhd.	Kelantan	11	1	-	-	12
	Perak	28	1	10	2	41

SYARIKAT	NEGERI	SEKOLAH KEBANGSAAN		SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN		JUMLAH
		RENDAH	MENENGAH	TAMIL	CINA	
Rossington Consolidated Sdn. Bhd.	Selangor	-	-	10	1	11
	Pahang	19	1	7	3	30
	Kedah	1	-	5	-	6
	Melaka	-	-	1	-	1
	N.Sembilan	1	-	7	1	9
	JUMLAH	**154**	**13**	**60**	**10**	**237**

21.1.3. Projek sistem pembekalan air bersih ini menggunakan 3 kaedah iaitu melalui sistem Telaga Tiub, Air Graviti dan Osmosis Berbalik. Pemilihan kaedah tersebut adalah berdasarkan faktor geologi dan punca/sumber air di setiap sekolah. Mengikut kontrak, kontraktor bertanggungjawab menjalankan penyenggaraan selama 2 tahun bermula dari tarikh penyerahan projek kepada Kementerian.

21.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Projek Sistem Pembekalan Air Bersih Untuk Sekolah Luar Bandar Di Semenanjung Malaysia telah dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

21.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek sistem pembekalan air bersih untuk sekolah luar bandar di Semenanjung Malaysia termasuk penyenggaraannya bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Kajian ini dijalankan dengan menyemak dokumen berkaitan kontrak dan projek serta menganalisis maklumat di peringkat Kementerian dan 4 Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Pihak Audit juga mendapat bantuan kepakaran daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kimia di negeri bagi tujuan persampelan air, pengujian dan analisis. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dan pihak pengurusan sekolah serta lawatan tapak dan pemeriksaan fizikal projek juga dilakukan di 30 sekolah yang dipilih.

21.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati pada umumnya terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan projek ini yang menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* dan menjejaskan objektif asal projek. Antara kelemahan ketara yang dikenal pasti ialah kelewatan menyiapkan projek; projek siap dan diserah tetapi tidak beroperasi/jarang digunakan; perubahan skop kerja tanpa kelulusan; reka bentuk pakej sistem pembekalan air kurang berkesan; spesifikasi kontrak tidak dipatuhi/kualiti kerja kurang memuaskan; lokasi sistem pembekalan air tidak dijaga dengan sewajarnya/tidak sesuai; penyenggaraan berkala tidak dijalankan dan kerosakan lewat diperbaiki; latihan kepada pegawai operasi dan

manual operasi pengguna belum diberikan serta kualiti air terawat tidak mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan pihak terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

21.4.1. Prestasi Projek

21.4.1.1. Kelewatan Menyiapkan Projek

a. Mengikut syarat kontrak, Duta Sierra dan Rossington hendaklah menyiap dan menyerahkan kepada pihak pengurusan sekolah sebanyak 237 projek bernilai RM73.05 juta masing-masingnya pada 9 Julai 2009 dan 2 September 2009. Bagaimanapun, kedua-dua kontraktor tersebut gagal berbuat demikian pada tarikh yang ditetapkan. Sehubungan ini, Duta Sierra dan Rossington telah diluluskan lanjutan masa (EOT) selama 170 hari dan 120 hari masing-masingnya iaitu sehingga 31 Disember 2009. Pada tarikh akhir lanjutan masa, Duta Sierra telah menyiap dan menyerahkan kesemua 127 projek mengikut syarat kontrak manakala Rossington hanya mencapai 99% prestasi fizikal secara keseluruhan untuk 110 projek yang dilaksanakannya. Walaupun prestasi projek secara keseluruhannya telah mencapai 99%, Rossington masih belum menyerahkan 46 projek (41.8%) kepada pihak pengurusan sekolah. Setakat bulan Disember 2010, prestasi kemajuan kerja Rossington masih tidak berubah manakala prestasi perbelanjaan secara keseluruhannya telah mencapai 83.4% (**Jadual 21.2**). Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada Rossington telah diberikan lanjutan masa tambahan atau dikenakan denda kerana surat/dokumen berkaitan tidak diserahkan untuk diaudit.

JADUAL 21.2
PRESTASI KEMAJUAN KERJA DAN PERBELANJAAN
PADA AKHIR BULAN DISEMBER 2010

SYARIKAT	NILAI KONTRAK (RM Juta)	BIL. PROJEK	PRESTASI KEMAJUAN KERJA (%)	PERBELANJAAN	
				(RM Juta)	(%)
Duta Sierra Development Sdn. Bhd.	35.05*	127	100	33.13	94.5
Rossington Consolidated Sdn. Bhd.	38.00	110	99	27.77	73.1
JUMLAH	**73.05**	**237**		60.90	83.4

Nota : (*) - Kos Projek Bagi Duta Sierra Setelah Mengambil Kira Arahan Perubahan Kerja Yang Melibatkan Pertambahan Bilangan Projek

b. Lawatan Audit pada bulan Oktober dan November 2010 di 20 tapak projek yang dilaksanakan oleh Rossington mendapati 9 projek masih belum diserah kerana terdapat beberapa kerja yang belum disempurnakan. Antaranya ialah sambungan elektrik ke punca kuasa belum dibuat dan kerosakan pam belum dibaiki. *Kementerian dalam maklum balasnya menjelaskan bahawa*

6 daripada 9 projek bekalan air bersih ini telah dilaksanakan serentak dengan projek bekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB). Projek bekalan air bersih telah disiapkan mengikut jadual, namun projek bekalan elektrik masih belum disiapkan menyebabkan sistem pembekalan air bersih yang telah dibangunkan tidak boleh beroperasi. Sehubungan ini, Kementerian telah meminta TNB mempercepatkan penyambungan elektrik melalui Mesyuarat Tapak pada 27 April 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.3
PROJEK YANG BELUM DISERAH OLEH ROSSINGTON

SEKOLAH	SISTEM	TARIKH LAWATAN AUDIT	SEBAB
SK Pos Blau, Gua Musang	Telaga Tiub	20.10.2010	Kerja-kerja Pembinaan *Well Head* & *Cap* Dan Sambungan Elektrik Tidak Disiapkan **(Gambar 21.1** dan **21.2)**
SK Sungai Terah, Gua Musang	Telaga Tiub	20.10.2010	Sambungan Ke Punca Kuasa Elektrik Belum Dibuat
SK Kuala Lah, Gua Musang	Telaga Tiub	20.10.2010	Penyambungan Saluran Paip Dan Tekanan Air Rendah
SMK Jubli Perak, Jerantut	Telaga Tiub	09.11.2010	Kerja Penyambungan Wayar Elektrik Belum Disiapkan **(Gambar 21.3** dan **21.4)**
SK RPS Betau, Kuala Lipis	Telaga Tiub	10.11.2010	Pam Yang Rosak Belum Dibaiki Dan Dipasang **(Gambar 21.5** dan **21.6)**
SK Menson, Cameron Highlands	Graviti	10.11.2010	Sambungan Ke Punca Kuasa Elektrik Belum Dibuat
SK Pos Raya, Kg. Kepayang	Telaga Tiub	24.11.2010	Sambungan Ke Punca Kuasa Elektrik Belum Dibuat
SK Pos Poi, Sungai Siput	Telaga Tiub	25.11.2010	Sambungan Ke Punca Kuasa Elektrik Belum Dibuat
SK Chepor, Lenggong	Graviti	26.11.2010	Terdapat Saluran Paip *Intake* Yang Terbakar Dan Kerja Pendawaian Terpaksa Dilakukan Semula Kerana Wayar Elektrik Telah Usang **(Gambar 21.7** dan **21.8)**

GAMBAR 21.1



SK Pos Blau, Gua Musang, Kelantan
- Well Head Dan Cap Tidak Disiapkan
(20.10.2010)

GAMBAR 21.2



SK Pos Blau, Gua Musang, Kelantan
- Kerja Penyambungan Wayar Elektrik
Di Sistem Tidak Disiapkan
(20.10.2010)

GAMBAR 21.3



SMK Jubli Perak, Jerantut, Pahang
- Kerja Penyambungan Wayar Elektrik Pada Pam Belum Disiapkan
(09.11.2010)

GAMBAR 21.4



SMK Jubli Perak, Jerantut, Pahang
- Kerja Penyambungan Wayar Elektrik Belum Disiapkan
(09.11.2010)

GAMBAR 21.5



GAMBAR 21.6



SK RPS Betau, Kuala Lipis, Pahang
- Pam Yang Rosak Belum Diperbaiki Dan Dipasang
(10.11.2010)

GAMBAR 21.7



GAMBAR 21.8



SK Chepor, Lenggong, Perak
- Kerja Pendawaian Terpaksa Dilakukan Semula Kerana Wayar Elektrik Telah Usang
(26.11.2010)

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati 3 daripada 20 projek yang dilawati telah disiapkan selepas tempoh lanjutan masa yang diluluskan (31 Disember 2009) iaitu kelewatan antara 8 hingga 9 bulan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.4
PROJEK YANG DISIAPKAN MELEBIHI TEMPOH
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

SEKOLAH	SISTEM	TARIKH		TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
		LANJUTAN MASA	SIAP	
SK Juara, Rompin	Osmosis Berbalik	31.12.2009	01.09.2010	8
SK Mukut, Rompin	Osmosis Berbalik	31.12.2009	07.09.2010	8
SK Luat, Lenggong	Telaga Tiub	31.12.2009	18.10.2010	9

Pada pendapat Audit, prestasi projek yang dilaksanakan oleh Duta Sierra adalah baik. Manakala prestasi projek yang dilaksanakan oleh Rossington tidak memuaskan kerana masih terdapat 46 projek (41.8%) yang belum diserah selepas satu tahun dari tarikh akhir lanjutan masa diluluskan.

21.4.1.2. Projek Siap Dan Diserah Tetapi Tidak Beroperasi/Jarang Digunakan

Semua projek Kerajaan hendaklah digunakan supaya objektif projek dapat dicapai serta bagi mengelakkan pembaziran. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap penggunaan sistem pembekalan air bersih yang telah disiap/diserah mendapati perkara berikut:

a. Sebanyak 4 projek sistem pembekalan air bersih tidak beroperasi untuk tempoh 7 hingga 18 bulan kerana projek pembinaan blok bangunan gantian/tambahan sedang dilaksanakan. Ini menunjukkan projek sistem pembekalan air bersih dan projek pembinaan blok bangunan gantian tidak diselaraskan dengan baik. Selain itu, lawatan Audit mendapati air yang dirawat melalui sistem tidak disalurkan ke bangunan sementara sekolah untuk kegunaan harian guru/murid dan mereka terpaksa menggunakan air daripada sistem alternatif asal (tadahan bukit) yang tidak dirawat. Terdapat juga kerosakan pada struktur rumah pam, tangki, saluran paip bocor dan wayar elektrik yang dipotong akibat kerja pembinaan blok gantian dan tambahan tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 21.5**. *Mengikut maklum balas Kementerian, pihak sekolah menghentikan operasi sistem pembekalan air bersih tersebut kerana bimbang kerja pembinaan blok gantian akan merosakkan sistem paip kerana projek sistem pembekalan air bersih ini terlebih dahulu siap daripada blok gantian*.

JADUAL 21.5
SISTEM PEMBEKALAN AIR BERSIH YANG TIDAK BEROPERASI KERANA PROJEK PEMBINAAN BLOK BANGUNAN GANTIAN/ TAMBAHAN SEDANG DILAKSANAKAN

SEKOLAH	KONTRAKTOR /SISTEM	TARIKH PROJEK DISERAH	TIDAK BEROPERASI SEJAK	TEMPOH TIDAK BEROPERASI* (Bulan)	CATATAN
SK Kg. Kudong, Segamat	Duta Sierra (Telaga Tiub)	13.06.2009	Julai 2009	18	Operasi Sistem Pembekalan Air Bersih Diberhentikan (**Gambar 21.9**)
SK Pulau Tinggi, Mersing	Duta Sierra (Osmosis Berbalik)	10.09.2009	September 2009	16	Wayar Elektrik, Tangki Air Dan Struktur Rumah Pam Rosak Akibat Projek Pembinaan Blok Bangunan Gantian/Tambahan (**Gambar 21.10** hingga **21.14**)
SK Pulau Sibu, Mersing	Duta Sierra (Osmosis Berbalik)	10.09.2009	September 2009	16	Saluran Paip Bocor Akibat Projek Pembinaan Blok Bangunan Gantian/Tambahan (**Gambar 21.15** dan **21.16**)
SJK(T) Ladang Boh (2), Cameron Highlands	Rossington (Graviti)	05.10.2009	Jun 2010	7	Operasi Sistem Pembekalan Air Bersih Diberhentikan

Nota: (*) – Tempoh Dikira Sehingga 31 Disember 2010

GAMBAR 21.9



SK Kg. Kudong, Segamat, Johor
- Sistem Pembekalan Air Bersih Tidak Digunakan
(11.10.2010)

GAMBAR 21.10



SK Pulau Tinggi, Mersing, Johor
- Wayar Elektrik Sistem Pembekalan Air Bersih Dipotong
(14.10.2010)

GAMBAR 21.11




SK Pulau Tinggi, Mersing, Johor
- Penutup Tangki Air Mentah Pecah
(14.10.2010)

GAMBAR 21.12



SK Pulau Tinggi, Mersing, Johor
- Bumbung Rumah Pam Pecah
(14.10.2010)

GAMBAR 21.13



GAMBAR 21.14



SK Pulau Tinggi, Mersing, Johor
- Keretakan Pada Rumah Pam
(14.10.2010)

GAMBAR 21.15



SK Pulau Sibu, Mersing, Johor
- Pembinaan Blok Bangunan Tambahan
(14.10.2010)

GAMBAR 21.16



SK Pulau Sibu, Mersing, Johor
- Saluran Paip Tidak Ditanam Dan Bocor
(14.10.2010)

b. Projek sistem pembekalan air bersih melalui kaedah telaga tiub di SK Sejagong, Batu Pahat tidak digunakan sejak bulan Julai 2010 (projek diserahkan kepada pihak sekolah pada 13 Jun 2009) kerana kualiti air yang dirawat meninggalkan kesan warna kuning seperti di gambar berikut:

GAMBAR 21.17



SK Sejagong, Batu Pahat Johor
- Penapis Yang Kerap Kali Perlu Ditukar
(11.10.2010)

GAMBAR 21.18



SK Sejagong, Batu Pahat Johor
- Permukaan Air Kekuningan
Di Dalam Tangki Air Terawat
(11.10.2010)

c. Projek sistem pembekalan air bersih melalui kaedah graviti di SK Peta, Mersing tidak beroperasi sejak diserahkan oleh Duta Sierra kepada pihak sekolah pada 9 September 2009 kerana masalah kerosakan pam dan punca kuasa elektrik. Setakat bulan Disember 2010, tempoh sistem pembekalan air bersih ini tidak beroperasi adalah selama 16 bulan.

d. Dua projek pembekalan air bersih melalui kaedah telaga tiub jarang digunakan sejak projek disiap/diserahkan kepada pihak sekolah. *Mengikut Guru Besar sekolah berkenaan, sistem pembekalan air bersih jarang digunakan kerana pihak sekolah meragui tahap kualiti air yang dirawat atau hanya menggunakannya apabila air tadahan bukit kering disebabkan kos elektrik untuk operasi sistem adalah tinggi*. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.6
PROJEK YANG TELAH DISERAH JARANG DIGUNAKAN

SEKOLAH	KONTRAKTOR	TARIKH PROJEK DISERAH	SEBAB JARANG DIGUNAKAN
SJK(T) Ladang Reyla, Sg. Siput (U)	Rossington	29.07.2009	Pihak Sekolah Tidak Yakin Dengan Kualiti Air Yang Dirawat
SK Kuala Tahan, Kuala Tahan		22.12.2009	Pihak Sekolah Tidak Mahu Menanggung Kos Elektrik Yang Tinggi

Pada pendapat Audit, kelemahan Kementerian dalam merancang dan menyelaraskan projek sistem pembekalan air bersih dengan projek pembinaan bangunan gantian/tambahan telah mengakibatkan beberapa projek tidak dapat dimanfaatkan oleh guru/murid. Sehubungan ini, Kementerian perlu memastikan sebarang kerosakan ke atas sistem pembekalan air bersih dibaiki dengan segera oleh kontraktor memandangkan tempoh tanggungan kecacatan dan penyenggaraannya masih berkuat kuasa. Selain itu, pengurusan sekolah juga perlu diberi penjelasan mengenai tujuan dan kebaikan projek ini supaya sistem yang dibangunkan diguna secara optima.

21.4.1.3. Perubahan Skop Kerja Tanpa Kelulusan

Mengikut kontrak, sebarang perubahan dalam skop projek perlu mendapat kelulusan daripada Penguasa Projek. Lawatan Audit mendapati ada beberapa kes di mana pembekalan peralatan oleh kontraktor tidak mematuhi skop kerja yang ditetapkan. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan kelulusan daripada Penguasa Projek telah diperolehi. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. Projek Sistem Pembekalan Air Bersih Yang Dilaksanakan Berbeza Daripada Kontrak Asal

i. Lawatan Audit mendapati 5 daripada 30 sekolah telah dibekalkan dengan sistem pembekalan air bersih yang berbeza daripada kontrak asal. Kontraktor sepatutnya membekalkan sistem air graviti di 4 sekolah dan sistem telaga tiub di sebuah sekolah, namun pihak Audit mendapati kontraktor telah membina 4 sistem telaga tiub dan satu sistem air graviti. *Kementerian dalam maklum balasnya menyatakan pertukaran sistem pembekalan air bersih ini terpaksa dibuat berdasarkan lokasi tapak,*

masalah logisitik dan punca air. Sistem telaga tiub ditukar kepada sistem graviti kerana laluan masuk yang sukar dan laluan sementara yang ada tidak boleh dilalui oleh lori 20 tan yang membawa drilling machine. Manakala sistem graviti ditukar kepada sistem telaga tiub kerana bentuk mukabumi dan punca pengaliran sumber air yang memerlukan perubahan reka bentuk. Sunggupun perubahan sistem pembekalan air bersih mempunyai justifikasi yang sewajarnya sepertimana maklum balas Kementerian, namun tiada bukti menunjukkan perubahan sistem ini diluluskan oleh Penguasa Projek.

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati kontraktor telah dibayar berdasarkan jenis sistem yang sebenarnya dibekalkan kecuali bagi SJK (T) Ladang Reyla, Sungai Siput di mana pembayaran dibuat mengikut skop projek yang asal. Perubahan sistem pembekalan air bersih ini telah mengakibatkan peningkatan kos projek berjumlah RM47,070 memandangkan harga bagi pakej sistem telaga tiub adalah RM297,825 iaitu lebih tinggi berbanding harga pakej sistem air graviti iaitu RM274,290. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.7
SKOP PROJEK BERBEZA DARIPADA KONTRAK ASAL

SEKOLAH	JENIS SISTEM			BAYARAN SEBENAR		PERBEZAAN (RM)
	KONTRAK ASAL	HARGA (RM)	SEBENAR	JENIS SISTEM	HARGA (RM)	
SK Menson, Cameron Highlands	Telaga Tiub	297,825	Graviti	Graviti	274,290	(23,535)
SK RPS Betau, Kuala Lipis	Graviti	274,290	Telaga Tiub	Telaga Tiub	297,825	23,535
SK Pos Raya, Kg. Kepayang	Graviti	274,290	Telaga Tiub	Telaga Tiub	297,825	23,535
SJK (T) Ladang Reyla, Sungai Siput	Graviti	274,290	Telaga Tiub	Graviti	274,290	-
SK Pos Poi, Sungai Siput	Graviti	274,290	Telaga Tiub	Telaga Tiub	297,825	23,535
JUMLAH		**1,394,985**			**1,442,055**	**47,070**

b. Pembekalan Genset Tanpa Kelulusan

i. Rossington telah membekalkan sebuah genset baru kepada 5 sekolah walaupun pembekalan genset ini tidak termasuk dalam kontrak asal. Pembekalan genset dibuat memandangkan projek pembersihan air bersih yang telah dilaksanakan oleh di sekolah berkenaan tidak dapat beroperasi kerana tiada punca kuasa elektrik ataupun punca kuasa elektrik sedia ada di sekolah tersebut tidak mencukupi. Bagaimanapun sehingga tarikh lawatan Audit, kelulusan daripada Penguasa Projek berhubung pembekalan genset ini masih belum diperolehi. Kementerian

juga belum membuat pembayaran kepada kontraktor setakat akhir tahun 2010. Senarai sekolah yang dibekalkan genset oleh kontraktor adalah seperti di **Jadual 21.8**. Semakan Audit selanjutnya mendapati SK Betau, Kuala Lipis dan SK Pos Raya, Kg. Kepayang telah mempunyai bekalan elektrik sedia ada yang mencukupi untuk mengoperasi sistem pembekalan air bersih (**Gambar 21.19** hingga **21.22**). Bagaimanapun, kontraktor tidak menggunakan bekalan elektrik yang sedia ada sebaliknya membekalkan genset baru. Walaupun genset baru dibekalkan, sistem pembekalan air bersih ini masih tidak boleh beroperasi memandangkan kontraktor belum membuat penyambungan ke genset tersebut kerana masih menunggu kelulusan daripada Kementerian. Disebabkan oleh kelewatan dan masalah ini, pihak sekolah tidak dapat menikmati air bersih yang sepatutnya mereka terima. Selain itu, tiga sekolah yang telah dibekalkan genset baru bakal mendapat bekalan elektrik melalui talian grid daripada TNB (**Gambar 21.23** hingga **21.25**). Berdasarkan pengesahan TNB di daerah berkenaan, elektrik akan dibekalkan di SK Menson pada bulan Januari 2011, SK Pos Raya pada bulan Februari 2011 dan SK Pos Poi pada bulan April 2011.

JADUAL 21.8
SEKOLAH YANG DIBEKALKAN GENSET

SEKOLAH	SISTEM	STATUS PUNCA ELEKTRIK		CATATAN
		SEDIA ADA	MENCUKUPI	
SK Menson, Cameron Highlands	Graviti	2 Genset	✓	Bakal Mendapat Bekalan Elektrik Daripada TNB
SK Pos Raya, Kg. Kepayang	Telaga Tiub	Genset dan Panel Tenaga Solar	✓	Bakal Mendapat Bekalan Elektrik Daripada TNB
SK Pos Poi, Sungai Siput (U)	Telaga Tiub	1 Genset	x	Bakal Mendapat Bekalan Elektrik Daripada TNB
SK RPS Betau, Kuala Lipis	Telaga Tiub	2 Genset	✓	Punca Kuasa Elektrik Sedia Ada Mencukupi
SK Pos Blau, Gua Musang	Telaga Tiub	2 Genset	x	Sebuah Genset Telah Rosak

Nota : ***(✓) - Mencukupi*** ***(x) - Tidak Mencukupi***

GAMBAR 21.19



SK Betau, Kuala Lipis, Pahang
- Sekolah Mempunyai Dua Genset Sedia Ada
(10.11.2010)

GAMBAR 21.20



SK Betau, Kuala Lipis, Pahang
- Genset Baru Yang Dibekalkan Oleh Kontraktor
(10.11.2010)

GAMBAR 21.21



SK Pos Raya, Kg. Kepayang, Perak
- Sekolah Mempunyai Dua Genset Sedia Ada
(24.11.2010)

GAMBAR 21.22



SK Pos Raya, Kg. Kepayang, Perak
- Genset Baru Yang Dibekalkan Oleh Kontraktor
(24.11.2010)

GAMBAR 21.23



SK Menson, Cameron Highlands, Pahang
- Talian Grid Elektrik Sedang Dibina Oleh TNB
(10.11.2010)

GAMBAR 21.24



SK Pos Raya, Kg. Kepayang, Perak
- Talian Grid Elektrik Sedang Dibina TNB
(24.11.2010)



GAMBAR 21.25

SK Pos Poi, Sungai Siput, Perak
- Pencawang Jana Kuasa Elektrik TNB Telah Dibina
(25.11.2010)

ii. *Kementerian dalam maklum balasnya menyatakan bahawa mengikut kontrak, kontraktor perlu membekalkan tenaga elektrik melalui solar sekiranya bekalan elektrik di sekolah tidak efisyen dan konsisten. Memandangkan kontraktor tidak mematuhi syarat kontrak, Kementerian akan meneliti perkara ini dari sudut undang-undang sebelum bulan Jun 2011. Bagi 3 sekolah yang bakal mendapat bekalan elektrik daripada TNB, Kementerian memaklumkan bahawa keperluan genset adalah untuk menjana kuasa bagi sistem rawatan air dan telah disediakan sebelum bekalan elektrik melalui talian grid dibekalkan oleh TNB.*


Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek hendaklah berdasarkan kepada skop kerja yang ditetapkan dalam kontrak. Sebarang perubahan dalam skop kerja hendaklah mempunyai justifikasi yang munasabah dan mendapat kelulusan daripada Penguasa Projek. Selain itu, Kementerian perlu

memindahkan genset sedia ada di 3 sekolah yang bakal mendapat bekalan elektrik daripada TNB kepada sekolah lain yang memerlukan, sekiranya pembekalan genset yang telah dibuat oleh kontraktor diluluskan oleh Kementerian.

21.4.2. Reka Bentuk Sistem Pembekalan Air Bersih Kurang Berkesan


21.4.2.1. Berdasarkan kontrak, Duta Sierra dan Rossington perlu menyediakan pelan reka bentuk bagi projek sistem pembekalan air bersih dan mendapatkan kelulusan daripada Unit Teknikal Bahagian Pembangunan Kementerian sebelum menandatangani kontrak. Syarikat juga perlu mendapatkan khidmat perunding untuk menyediakan pelan reka bentuk sistem pembekalan air bersih. Adalah didapati kedua-dua syarikat telah menyediakan pelan reka bentuk dan telah mendapat kelulusan daripada Kementerian seperti di rajah berikut:

RAJAH 21.1




Pelan Skematik Tipikal Sistem Pembekalan Air Bersih Disediakan Oleh Syarikat Duta Sierra Sdn. Bhd.

RAJAH 21.2



Pelan Skematik Tipikal Sistem Pembekalan Air Bersih Bagi Kaedah Air Graviti/Tadahan Bukit Disediakan Oleh Syarikat Duta Sierra Sdn. Bhd.



RAJAH 21.3

Pelan Skematik Tipikal Sistem Pembekalan Air Bersih Disediakan Oleh Syarikat Rossington Consolidated Sdn. Bhd. Yang Terdiri Daripada Tangki Air Mentah, Tangki Air Terawat, Komponen Rawatan Air Dan Tangki Servis

21.4.2.2. Semakan Audit selanjutnya terhadap pelaksanaan projek di tapak mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Reka Bentuk Dan Pembinaan Muka Sauk (*Intake*) Kurang Berkesan

i. Bagi projek di SJK(T) Sungai Palas, Cameron Highlands, bekalan air mentah diperolehi daripada sumber air bukit melalui muka sauk yang

dibina oleh Rossington. *Bagaimanapun, pihak sekolah* memaklumkan *muka sauk yang baru dibina sering tersumbat dan secara tidak langsung sumber air mentah tidak dapat dibekalkan*. Pemeriksaan lanjut mendapati reka bentuk muka sauk tersebut gagal kerana pembinaan kompartmen *inlet* aliran air masuk terlalu tinggi (0.7 meter) untuk pengambilan air seperti di **Gambar 21.26**. Selain itu, adalah diperhatikan muka sauk baru tersebut dibina di bawah (downstream) muka sauk sedia ada seperti ditunjukkan di **Gambar 21.27**. Muka sauk baru hanya akan dapat mengumpul air sekiranya muka sauk lama telah penuh dengan air dan melimpah. Bagi reka bentuk ini, pihak kontraktor memasang paip *High Density Polyethelene* (HDPE) untuk dijadikan penapis (strainer) pengambilan air mentah dan didapati lubang di saluran penapis tersebut kecil dan sering tersumbat kesan dari pengumpulan pasir dan enapan. **(Gambar 21.28)**.

GAMBAR 21.26



SJK(T) Sg. Palas, Cameron Highlands, Pahang - Keadaan Muka Sauk Baru Yang Kering Kerana Kompartmen Terlalu Tinggi (21.10.2010)

GAMBAR 21.27



SJK(T) Sg. Palas, Cameron Highlands, Pahang - Kedudukan Muka Sauk Baru Di Bawah Muka Sauk Lama Hanya Dapat Mengumpul Air Setelah Muka Sauk Lama Penuh Dan Melimpah (21.10.2010)



GAMBAR 21.28

SJK(T) Sg. Palas, Cameron Highlands, Pahang - Lubang Di Saluran Penapis Kecil Dan Sering Tersumbat (21.10.2010)

ii. Bagi SK Peta, Mersing, kaedah air graviti telah dilaksanakan oleh Duta Sierra dengan kos RM238,000 dan disiapkan pada 25 Jun 2009. Adalah didapati sekolah juga menggunakan air tadahan bukit dan berkongsi muka sauk yang sedia ada dengan penduduk kampung dan Taman Negara seperti di **Gambar 21.29**. Kontraktor telah membina satu muka sauk yang baru dan berasingan dengan muka sauk asal. Sumber air mentah dari tadahan bukit tersebut disalurkan ke Tangki Simpanan (buffer tank) berhampiran sebelum disalurkan ke Tangki Air Mentah di dalam kawasan sekolah untuk dirawat. Lawatan Audit ke tapak muka

sauk yang dibina oleh kontraktor mendapati muka sauk tersebut kering dan gagal mengumpul sumber air mentah kerana kuantiti air bukit yang mengalir ke muka sauk tersebut terlalu sedikit **(Gambar 21.30** hingga **21.32).** *Kementerian dalam maklum balasnya menjelaskan bahawa semasa pihak kontraktor menjalankan kajian, didapati paras air bukit di tahap yang memuaskan dan cukup untuk menampung keperluan sekolah. Tetapi pada musim kekurangan hujan, air dari anak sungai menjadi terhad dan menyebabkan muka sauk kekurangan air.*

GAMBAR 21.29



SK Peta, Mersing Johor
- Sekolah Berkongsi Muka Sauk Asal Dengan Penduduk Kampung Dan Taman Negara
(12.10.2010)

GAMBAR 21.30



SK Peta, Mersing Johor
- Kuantiti Air Yang Mengalir Ke Muka Sauk Yang Dibina Oleh Kontraktor Adalah Sedikit
(12.10.2010)

GAMBAR 21.31



GAMBAR 21.32



SK Peta, Mersing, Johor
- Keadaan Di Ruang Dalam Muka Sauk Yang Kering
(12.10.2010)


Pada pendapat Audit, memandangkan projek ini masih dalam tempoh tanggungan kecacatan, kontraktor perlu menaik taraf muka sauk yang dibina bagi memastikan sumber air mentah dapat dikumpulkan dan sentiasa mencukupi untuk kegunaan sekolah.

b. Sangkar Yang Dipasang Melebihi Tapak Konkrit

Sangkar yang dipasang oleh Rossington bertujuan sebagai langkah keselamatan untuk mengelakkan telaga tiub yang dibina terdedah kepada risiko kecurian dan kerosakan. Bagaimanapun, sangkar tersebut telah dipasang melebihi asas tapak konkrit dan bucunya mendatangkan bahaya kepada murid seperti ditunjukkan di **Gambar 21.33** dan **21.34.** *Berdasarkan maklum balas yang diterima, Kementerian semasa mesyuarat pemantauan*

pada 12 April 2011 telah mengarahkan kontraktor mengubah suai dan membaik pulih sangkar berkenaan selewat-lewatnya penghujung bulan Julai 2011.

GAMBAR 21.33



SK Betau, Kuala Lipis, Pahang
- Bucu Sangkar Melebihi Tapak Konkrit
(10.11.2010)

GAMBAR 21.34



SK Pos Poi, Sungai Siput, Perak
- Bucu Sangkar Melebihi Tapak Konkrit
(25.11.2010)

c. Ruang Dalam Rumah Pam Terlalu Sempit

Adalah didapati ruang dalam rumah pam yang dibina di SK Pulau Tinggi, Mersing bagi menempatkan pam dan sistem penapisan air Osmosis Berbalik adalah sempit menyebabkan kerja penyenggaraan dan *backwash* sukar dilakukan (**Gambar 21.35** dan **21.36**). *Backwash* perlu dijalankan secara manual bagi pakej rawatan air yang dibekalkan oleh Duta Sierra. Salah satu langkah untuk menjalankan *backwash* adalah dengan memutar *handwheel* di penapis kedua-dua tangki supaya air yang berada dalam penapis tersebut dikeluarkan. *Menurut wakil daripada Duta Sierra, keadaan ruang yang sempit adalah disebabkan sistem penapisan penuh Osmosis Berbalik perlu dipasang kerana kualiti sumber air mentah di sekolah ini terlalu payau*.

GAMBAR 21.35



GAMBAR 21.36



SK Pulau Tinggi, Mersing, Johor
- Ruang Yang Sempit Menyukarkan Kerja Penyenggaraan Dan Penyenggara Terpaksa Memanjat Untuk Memutar Handwheel (Backwash)
(14.10.2010)

Memandangkan projek ini adalah secara reka dan bina, pihak Audit berpendapat kontraktor sepatutnya membina rumah pam yang lebih besar dan sesuai bagi menempatkan sistem penapisan penuh osmosis berbalik supaya kerja penyenggaraan dapat dilakukan dengan lancar.

21.4.3. Spesifikasi Kontrak Tidak Dipatuhi/Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

21.4.3.1. Set Tangki Tidak Dibekalkan Dengan Lengkap

Mengikut pelan reka bentuk dan spesifikasi kerja kontrak, pembinaan sistem pembekalan air bersih oleh Rossington mengandungi komponen asas terdiri daripada Tangki Air Mentah (800 gelen); komponen rawatan air; Tangki Air Terawat (500 gelen) dan Tangki Air Menara/Servis (500 gelen). Tangki Air Mentah berfungsi sebagai tangki pengumpulan air mentah bagi memastikan bekalan yang mencukupi dan berterusan untuk tujuan pengepaman. Tangki Air Terawat berperanan sebagai tangki pengumpulan air bersih bagi memastikan bekalan mencukupi dan berterusan bagi tujuan pengepaman ke Tangki Servis. Tangki Servis pula berperanan sebagai tangki perkhidmatan yang membekalkan air kepada pengguna (sekolah) dan dibina tinggi dari aras tanah bertujuan untuk proses *built up pressure* dan membekalkan air secara graviti ke bangunan sekolah. Pemeriksaan Audit mendapati Rossington tidak membekalkan set tangki yang lengkap di 4 sekolah. Menurut Rossington, *sebahagian tangki tidak dibekalkan kerana air yang dirawat disalurkan terus ke tangki sekolah yang sedia ada dan memudahkan agihan air ke bangunan sekolah*. Senarai sekolah yang tidak dibekalkan dengan set tangki yang lengkap adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.9
SEKOLAH YANG TIDAK DIBEKALKAN DENGAN SET TANGKI YANG LENGKAP

SEKOLAH	TANGKI YANG TIDAK DIBEKALKAN
SK Pos Blau, Gua Musang	Tangki Air Terawat dan Tangki Servis **(Gambar 21.37)**
SK Sungai Terah, Gua Musang	Tangki Air Terawat dan Tangki Servis **(Gambar 21.38)**
SK Pos Raya, Kg. Kepayang	Tangki Servis **(Gambar 21.39)**
SK RPS Betau, Kuala Lipis	Tangki Servis **(Gambar 21.40)**

GAMBAR 21.37



SK Pos Blau, Gua Musang, Kelantan - Hanya Tangki Air Mentah Dibekalkan (20.10.2010)

GAMBAR 21.38




SK Sg. Terah, Gua Musang, Kelantan - Hanya Tangki Air Mentah Dibekalkan (20.10.2010)

GAMBAR 21.39



SK Pos Raya, Kg. Kepayang, Perak
- Hanya Tangki Air Mentah Dan Tangki Air Terawat Dibekalkan
(24.11.2010)

GAMBAR 21.40



SK Betau, Kuala Lipis, Pahang
- Hanya Tangki Air Mentah Dan Tangki Air Terawat Dibekalkan
(10.11.2010)

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan pembayaran dibuat berdasarkan kerja sebenar yang dilaksanakan di tapak. Selain itu, sebarang perubahan kerja perlu didokumenkan dan mendapat kelulusan daripada Penguasa Projek.

21.4.3.2. Paip Air Lebihan Dan Cucian Tidak Dihalakan Ke Longkang

Antara komponen pakej rawatan air yang direka bentuk adalah termasuk Tangki Air Mentah dan Tangki Air Terawat. Setiap tangki tersebut direka bentuk bagi menyalurkan paip air lebihan (overflow) dan paip air cucian (scouring). Paip tersebut hendaklah disalurkan ke tempat yang sesuai atau ke longkang supaya air buangan tidak bertakung di kawasan sekitar. Bagaimanapun, hasil pemerhatian Audit mendapati kebanyakan paip air lebihan dan paip air cucian yang dibina tidak disalurkan ke longkang atau tempat yang sesuai. Ia memberi kesan kepada komponen pakej rawatan yang lain seperti tiang besi berkarat, kawasan menjadi becak, lantai konkrit yang berlumut dan licin serta motor pam elektrik yang berdekatan terdedah kepada air yang melimpah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 21.41



SJK(T) Ladang Reyla, Sg. Siput, Perak
- Scour Pipe Menghala Ke Motor Pam Elektrik
(25.11.2010)

GAMBAR 21.42



SK Lata Rek,Kuala Krai, Kelantan
- *Scour Pipe* Tidak Disalurkan Ke Longkang
(27.10.2010)

GAMBAR 21.43



SK Luat, Lenggong, Perak
- Air Bertakung Menyebabkan Tiang Tangki Berkarat dan Lantai Berlumut
(26.11.2010)

GAMBAR 21.44



SK Sg. Mengkuang, Kuala Krai, Kelantan
- Air Buangan Mengalir Menyebabkan Sekitar Kawasan Menjadi Becak
(27.10.2010)

GAMBAR 21.45



SJK(T) Ladang Bee Yong, Mentakab, Pahang
- Air Buangan Mengalir Menyebabkan Sekitar Kawasan Menjadi Becak
(09.11.2010)

GAMBAR 21.46



SK Pulau Sibu, Mersing, Johor
- Paip Overflow Dan Scouring Tidak Disalurkan Ke Longkang
(14.10.2010)

Pada pendapat Audit, kaedah pemasangan paip air lebihan dan cucian adalah tidak praktikal dan boleh menjejaskan keselamatan motor pam elektrik serta menyebabkan persekitaran tapak sistem becak dan berlumut. Kementerian hendaklah mengarahkan kontraktor memperbaiki pemasangan ini supaya peralatan dan persekitaran tapak sistem pembekalan air sentiasa selamat dan bersih.

21.4.3.3. Saluran Paip Air Dan Elektrik Tidak Ditanam Dan Sambungan Paip Tidak Kemas

a. Saluran paip air perhubungan dan elektrik hendaklah ditanam dengan kemas ke dalam tanah sedalam satu kaki dan penyambungan paip juga hendaklah dibuat dengan kemas supaya tidak berlaku kebocoran dan tahan lama. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati kebanyakan saluran paip air dan elektrik bagi projek sistem pembekalan air bersih terdedah dan tidak ditanam dengan sempurna oleh kontraktor **(Gambar 21.47** hingga **21.50)**. Paip yang terdedah ini mendatangkan risiko kerosakan, kebocoran dan vandalisme serta menggangu kelancaran bekalan air. Semasa lawatan Audit, terdapat saluran paip dan elektrik yang telah bocor akibat tidak ditanam dengan sempurna.

GAMBAR 21.47




SK Sg. Terah, Gua Musang, Kelantan
- Saluran Paip Sumber Air Mentah Daripada Telaga Tiub Dihubungkan Melalui Parit
(20.10.2010)

GAMBAR 21.48



SK Lata Rek, Kuala Krai, Kelantan
- Saluran Paip Air Melalui Longkang Terkena Air Buangan Dewan Makan
(27.10.2010)

GAMBAR 21.49



SK Seri Tanjung, Tg. Rambutan, Perak
- Saluran Kabel Elektrik Pecah Akibat Tidak Ditanam
(24.11.2010)


GAMBAR 21.50




SK Seri Tanjung, Tg. Rambutan, Perak
- Saluran Paip Air Yang Bocor Ditampal Dengan Tiub Getah Oleh Pihak Sekolah
(24.11.2010)

b. Selain itu, sambungan paip pada pam yang dipasang oleh Rossington kurang kemas sehingga menyebabkan kebocoran air di SJK(T) Ladang Bee Yong, Mentakab dan SK Betau, Kuala Lipis (**Gambar 21.51** hingga **21.53**). Terdapat juga kerja sambungan paip pada tangki air mentah oleh Duta Sierra yang kurang kemas di SK Sungai Mengkuang, Kuala Krai dan SMK Alor Pasir, Tanah Merah (**Gambar 21.54** dan **21.55**).

GAMBAR 21.51



GAMBAR 21.52



SJK(T) Ladang Bee Yong, Mentakab, Pahang
- Sambungan Paip Pada Pam Kurang Kemas Dan Menyebabkan Kebocoran
(09.11.2010)

GAMBAR 21.53



SK Betau, Kuala Lipis, Pahang
- Sambungan Paip Pada Pam Kurang Kemas Dan Menyebabkan Kebocoran
(10.11.2010)

GAMBAR 21.54



SK Sungai Mengkuang, Kuala Krai, Kelantan
- Sambungan Paip Pada Tangki Air Mentah Kurang Kemas
(27.10.2010)



GAMBAR 21.55

SMK Alor, Tanah Merah, Kelantan
- Sambungan Paip Pada Tangki Air Mentah Kurang Kemas
(27.10.2010)

c. *Kementerian dalam maklum balasnya menyatakan bahawa semasa mesyuarat pemantauan pada 12 April 2011, kontraktor memaklumkan bahawa kesemua saluran paip air dan elektrik telah dibaik pulih dan ditanam. Sehubungan itu, Kementerian akan membuat semakan semula secara berperingkat ke atas kerja tersebut dan dijangka dapat diselesaikan sebelum akhir bulan November 2011.*

Pada pendapat Audit, kontraktor yang berkenaan hendaklah memperkemaskan kerja perpaipan dengan segera supaya tidak berlaku sebarang kerosakan seperti kebocoran dan bekalan elektrik terputus sehingga menjejaskan operasi sistem pembekalan air bersih ke sekolah serta membahayakan murid dan guru.

21.4.4. Lokasi Sistem Pembekalan Air Bersih

21.4.4.1. Lokasi Sistem Pembekalan Air Bersih Tidak Dijaga Dengan Sewajarnya

a. Penetapan sesuatu lokasi pengambilan air mentah adalah berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan. Lokasi tersebut perlu dipagar, diletak papan tanda amaran dan dipelihara dari gangguan pencemaran seperti pembuangan sampah atau bahan buangan yang merbahaya, kerja pengorekan tanah untuk pembangunan dan sebagainya yang akan

mengganggu kualiti air di bawah tanah. Semasa lawatan Audit, terdapat lokasi pengambilan air mentah/sistem pembekalan air bersih yang tidak dijaga dengan baik seperti tiada pagar; papan tanda amaran tidak dipamerkan; kawasan sekitar diliputi semak samun; penutup tangki dipenuhi semut; rumah pam menjadi tempat tinggal kelawar serta garaj kereta dibina bersebelahan sistem pembekalan air bersih (**Gambar 21.56** hingga **21.67**). Antara lokasi pengambilan air mentah yang tidak dijaga dengan baik adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.10
LOKASI SISTEM PEMBEKALAN AIR BERSIH
YANG TIDAK DIJAGA DENGAN SEWAJARNYA

SEKOLAH	PERIHAL LOKASI PENGAMBILAN AIR MENTAH			
	PAPAN TANDA	PAGAR	SEMAK SAMUN/ SAMPAH	SERANGGA/ HAIWAN/LAIN-LAIN
SK Pos Blau, Gua Musang	x	✓	✓	x
SK Lata Rek, Kuala Krai	x	x	✓	x
SK Pulau Tinggi, Mersing	x	x	x	✓ (Kelawar)
SK Banggol Petai, Pasir Mas	x	x	x	x
SK Tanjung Gahai, Kuala Lipis	x	✓	✓	x
SK Sg. Mengkuang, Kuala Krai	✓	x	✓	x
SMK Alor Pasir, Tanah Merah	x	x	x	✓ (Sarang Semut)
SK Peta, Mersing	x	x	x	x
SK Kuala Lah, Gua Musang	✓	✓	x	✓ (Garaj Kereta)

Nota: ***(✓) – Ada*** ***(x) – Tiada***

GAMBAR 21.56



SK Pos Blau, Gua Musang, Kelantan
- Sistem Pembekalan Air Bersih
Diliputi Semak Samun
(20.10.2010)

GAMBAR 21.57



SK Lata Rek, Kuala Krai, Kelantan
- Kawasan Sekitar Telaga Tiub
Tidak Berpagar Dan Diliputi Semak
(27.10.2010)

GAMBAR 21.58



GAMBAR 21.59



SK Pulau Tinggi, Mersing, Johor
- Najis Kelawar Pada Panel Suis
(14.10.2010)

GAMBAR 21.60



SK Banggol Petai, Kelantan
- Kawasan Sekitar Telaga Tiub Tidak Dijaga
(27.10.2010)

GAMBAR 21.61



SK Tanjong Gahai, Kuala Lipis
- Telaga Tiub Di Dalam Sangkar Diliputi Semak
(10.11.2010)

GAMBAR 21.62



GAMBAR 21.63



SK Sg. Mengkuang, Kuala Krai
- Lokasi Sistem Pembekalan Air Bersih Berhampiran Tapak Pelupusan Sampah
(27.10.2010)

GAMBAR 21.64



SK Alor Pasir, Tanah Merah, Kelantan
- Penutup Tangki Dipenuhi Semut
(27.10.2010)

GAMBAR 21.65



SK Peta, Mersing, Johor
- Sekitar Lokasi Sistem Pembekalan Air Bersih Tidak Berpagar Dan Tanda Amaran Tidak Dipamerkan
(12.10.2010)

GAMBAR 21.66



GAMBAR 21.67



SK Kuala Lah, Gua Musang
- Garaj Dibina Bersebelahan Tapak Sistem Pembekalan Air Bersih Dan Pintu Masuk Ditanggalkan (20.10.2010)

b. Lawatan Audit juga mendapati semburan racun ke atas rumput di sekitar lokasi pengambilan air mentah dilakukan oleh tukang kebun sekolah seperti di **Gambar 21.68**. Tindakan tersebut mengundang risiko kepada sumber air yang dirawat kerana dikhuatiri terdapat saluran paip yang bocor dan racun tersebut memasuki saluran paip ataupun racun yang disemburkan akan meresap ke dalam tanah dan bercampur dengan sumber air mentah.




GAMBAR 21.68

SK Sungai Terah, Gua Musang, Kelantan
- Tukang Kebun Sekolah Menyembur Racun Di Sekitar Lokasi Sistem Pembekalan Air Bersih (20.10.2010)

21.4.4.2. Lokasi Sistem Pembekalan Air Bersih Tidak Sesuai

Lawatan Audit mendapati lokasi sistem pembekalan air bersih di SJK(T) Sungai Palas, Cameron Highlands dan SK Pulau Mukut, Rompin terlalu hampir dengan bangunan sekolah dan rumah guru (**Gambar 21.69** hingga **21.72**). Guru yang ditemu bual oleh pihak Audit memaklukan bahawa bunyi bising daripada mesin *air compressor* mengganggu suasana pembelajaran di sekolah. Mesin *air compressor* berfungsi secara automatik bagi memastikan tekanan operasi di pakej rawatan air sentiasa dalam keadaan stabil. Mesin *air compressor* terdiri dari 3 komponen utama iaitu pam, motor dan *pully belt.*

GAMBAR 21.69



SJK(T) Sungai Palas, Cameron Highlands, Pahang
- Jarak Di Antara Kelas Dan Sistem Pembekalan Air Bersih Terlalu Hampir
(21.10.2010)

GAMBAR 21.70




SJK(T) Sungai Palas, Cameron Highlands, Pahang
- Bunyi Bising Daripada Mesin Compressor Mengganggu Suasana Pembelajaran
(21.10.2010)

GAMBAR 21.71



SK Pulau Mukut, Rompin, Pahang
- Sistem Pembekalan Air Bersih Dibina Bersebelahan Rumah Guru
(13.10.2010)

GAMBAR 21.72



SK Pulau Mukut, Rompin, Pahang
- Jarak Di Antara Rumah Guru Dan Sistem Pembekalan Air Bersih Terlalu Hampir
(13.10.2010)

Pada pendapat Audit, lokasi sistem pembekalan air bersih ini hendaklah diberi kawalan dan pengawasan supaya ia tidak sewenang-wenangnya dicerobohi dan menghalang daripada aktiviti pencemaran dan vandalisme. Kementerian juga sepatutnya menetapkan jarak yang munasabah bagi menempatkan sistem pembekalan air bersih daripada bangunan utama sekolah dan laluan murid sekolah bagi mengelakkan kesan sampingan seperti bunyi bising dan risiko keselamatan.

21.4.5. Penyenggaraan Berkala Tidak Dijalankan Dan Kerosakan Lewat Dibaiki

21.4.5.1. Mengikut kontrak, kontraktor dikehendaki menjalankan penyenggaraan pencegahan secara berkala dan penyenggaraan pembaikan. Bagaimanapun, kontrak tidak menyatakan secara spesifik berhubung tempoh penyenggaraan yang perlu dijalankan. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, mesyuarat pemantauan bersama kontraktor telah memutuskan penyenggaraan berkala dijalankan setiap 3 bulan sekali manakala penyenggaraan pembaikan perlu dilaksanakan dalam tempoh 48 jam bagi kerosakan biasa dan 24 jam bagi kes kecemasan selepas aduan diterima.* Sungguhpun demikian, minit mesyuarat berhubung keputusan ini tidak dikemukakan kepada pihak Audit untuk semakan.

Lawatan Audit mendapati tiada bukti kontraktor telah melaksanakan penyenggaraan berkala di 9 daripada 21 sekolah yang telah disiap/serah. Berdasarkan perakuan guru besar di sekolah berkenaan, kontraktor juga lewat melaksanakan pembaikan apabila sekolah melaporkan kerosakan iaitu mengambil masa antara 3 hari hingga 2 bulan seperti dinyatakan di **Jadual 21.11**. Semakan Audit selanjutnya terhadap kontrak dan baucar bayaran mendapati kos penyenggaraan dan pembaikan telah ditetapkan antara 5% hingga 7% dari keseluruhan kos pakej sistem bekalan air bersih. Namun setakat akhir tahun 2010, kos ini masih belum dituntut oleh kontraktor.

JADUAL 21.11
PENYENGGARAAN BERKALA TIDAK DIJALANKAN DAN KELEWATAN KONTRAKTOR MEMPERBAIKI KEROSAKAN

SEKOLAH	KONTRAKTOR/ SISTEM	JENIS KEROSAKAN	TEMPOH MASA PEMBAIKAN SELEPAS MENERIMA ADUAN (PERAKUAN GURU BESAR)
SK Peta, Mersing	Duta Sierra Graviti	Pam Rosak	2 Bulan
SK Sejagong, Batu Pahat	Duta Sierra Telaga Tiub	Peralatan Mekanikal	3 Minggu
SK Tanjung Gahai, Kuala Lipis	Rossington Telaga Tiub	Kerosakan Sensor Di Tangki Servis (*Overflow*)	Tindakan belum diambil
SK Kuala Tahan, Jerantut	Rossington Telaga Tiub	Tiada	TB
SJK(T) Ladang Boh (2), Cameron Highlands	Rossington Graviti	Tiada	TB
SJK(T) Sungai Palas, Cameron Highlands	Rossington Graviti	Peralatan Mekanikal	2 Bulan
SJK(T) Ladang Boh (1), Cameron Highlands	Rossington Graviti	Paip Bocor Dan *Overflow*	2 – 3 Minggu
SK Seri Tanjung, Tg. Rambutan	Rossington Graviti	Sambungan Elektrik	Tindakan belum diambil
SJK (T) Ladang Reyla, Sungai Siput	Rossington Telaga Tiub	Tali Putus	3 hari

Nota: ***TB - Tidak Berkaitan***

21.4.5.2. Selain itu, didapati kesemua sekolah tidak menyenggara rekod aduan kerosakan. Bagaimanapun pihak Audit dimaklumkan pihak sekolah ada membuat aduan melalui telefon atau melalui surat tetapi tidak merekodkannya secara teratur. Oleh itu, tidak dapat ditentukan sama ada aduan berkenaan telah diambil tindakan oleh kontraktor dan dalam tempoh yang ditetapkan. Dengan itu prestasi kontraktor terhadap respons aduan kerosakan tidak dapat dinilai. *Mengikut Kementerian, sebagai langkah susulan pihaknya telah meminta pihak JPN untuk memberikan laporan mengenai kerosakan sistem ini pada setiap bulan sebagai rekod.*

Pada pendapat Audit, penyenggaraan berkala perlu dijalankan oleh kontraktor seperti yang disyaratkan dalam kontrak supaya kualiti air dan sistem pembekalan air bersih ini sentiasa berada di tahap yang memuaskan. Selain itu, Kementerian sepatutnya menyediakan satu daftar penyenggaraan dan aduan kerosakan yang seragam untuk kegunaan sekolah. Dengan menyediakan daftar berkenaan, segala penyenggaraan dan aduan dapat direkodkan dengan kemas dan teratur serta prestasi kontraktor terhadap kerja penyenggaraan dan respons aduan kerosakan dapat dinilai. Bagi 9 sekolah yang tidak mempunyai bukti penyenggaraan berkala dijalankan, Kementerian perlu menolak tuntutan kos penyenggaraan oleh kontraktor.

21.4.6. Latihan Kepada Pegawai Operasi Dan Manual Operasi Pengguna

21.4.6.1. Bagi sistem pembekalan air bersih yang telah siap dan diserahkan kepada sekolah, pihak kontraktor perlu memberi latihan dan pentauliahan kepada pegawai/kakitangan yang terdiri sama ada guru, kerani dan pekerja rendah awam bagi tujuan pengambilalihan operasinya kelak. Selain itu, Manual Operasi Pengguna (MOP) juga perlu diserah kepada pihak sekolah sebagai rujukan. *Bagaimanapun berdasarkan maklum balas daripada Kementerian dan sekolah, latihan masih belum diberi oleh pihak kontraktor di 21 sekolah yang mana sistem pembekalan air bersih telah pun beroperasi sejak setahun yang lalu. Selain itu, terdapat juga 13 sekolah yang tidak diberikan MOP* seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.12
SEKOLAH YANG BELUM DIBERIKAN LATIHAN DAN MANUAL OPERASI PENGGUNA SETELAH PROJEK DISERAH

SEKOLAH	KONTRAKTOR/ SISTEM	TARIKH DISERAH	LATIHAN DIBERIKAN	MOP DIBERIKAN
SK Kg. Kudong, Segamat	Duta Sierra Telaga Tiub	13.06.2009	X	X
SK Sejagong, Batu Pahat	Duta Sierra Telaga Tiub	13.06.2009	X	✓
SJK(T) Ladang Lambak, Kluang	Duta Sierra Telaga Tiub	13.06.2009	X	✓
SK Peta, Mersing	Duta Sierra Graviti	09.09.2009	X	✓
SK Pulau Tinggi, Mersing	Duta Sierra Osmosis Berbalik	10.09.2009	X	X
SK Pulau Sibu, Mersing	Duta Sierra Osmosis Berbalik	10.09.2009	X	X
SK Lata Rek, Kuala Krai	Duta Sierra Telaga Tiub	19.08.2009	X	✓
SK Sg Mengkuang, Kuala Krai	Duta Sierra Telaga Tiub	18.08.2009	X	✓
SMK Alor Pasir, Tanah Merah	Duta Sierra Telaga Tiub	18.08.2009	X	X
SK Banggol Petai, Pasir Mas	Duta Sierra Telaga Tiub	18.08.2009	X	X

SEKOLAH	KONTRAKTOR/ SISTEM	TARIKH DISERAH	LATIHAN DIBERIKAN	MOP DIBERIKAN
SK Mukut, Rompin	Rossington Osmosis Berbalik	05.10.2010	X	X
SK Juara, Rompin	Rossington Osmosis Berbalik	05.10.2010	X	✓
SJK(T) Ladang Boh (1), Cameron Highland	Rossington Graviti	05.10.2009	X	X
SJK(T) Sungai Palas, Cameron Highland	Rossington Graviti	22.12.2009	X	X
SJK (T) Ladang Bee Yong, Mentakab	Rossington Telaga Tiub	12.08.2009	X	X
SK Kuala Tahan, Jerantut	Rossington Telaga Tiub	22.12.2009	X	✓
SK Tanjong Gahai, Kuala Lipis	Rossington Telaga Tiub	12.08.2009	X	X
SJK(T) Ladang Boh (2), Cameron Highland	Rossington Graviti	05.10.2009	X	X
SK Seri Tanjung, Tg. Rambutan	Rossington Graviti	13.01.2010	X	X
SJK (T) Ladang Reyla, Sungai Siput	Rossington Telaga Tiub	29.07.2009	X	✓
SK Luat, Lenggong	Rossington Telaga Tiub	21.10.2010	X	X

Nota: ***(X) - Tidak*** ***(✓) - Ya***

21.4.6.2. *Kementerian dalam maklum balasnya menjelaskan bahawa mesyuarat pemantauan pada bulan April 2011 telah memutuskan supaya 2 juruteknik dari setiap Pejabat Pelajaran Daerah dilatih oleh kontraktor bagi menyelia sistem pembekalan air bersih ini. Juruteknik yang telah dilatih akan ke setiap sekolah yang terlibat untuk melatih guru mengendalikan sistem ini kelak.*

Pada pendapat Audit, latihan bagi mengoperasi sistem pembekalan air bersih dan Manual Operasi Pengguna hendaklah diberikan pada masa penyerahan projek supaya mereka yang bertanggungjawab mengoperasi sistem ini dapat melaksanakan tugas dengan berkesan serta mematuhi tatacara yang betul.

21.4.7. Kualiti Air Terawat

21.4.7.1. Air Terawat Disalurkan Ke Tangki Lama Dan Usang/Bercampur Dengan Air Tidak Dirawat/Pengagihan Air Terawat Tidak Menyeluruh

a. Air terawat hendaklah disalurkan ke paip pengguna sedia ada di setiap sekolah dan secara menyeluruh. Lawatan Audit di 7 sekolah mendapati air yang telah dirawat melalui sistem pembekalan air bersih ini disalurkan ke sistem pembekalan air sedia ada iaitu disalurkan ke Tangki Sedutan dan Tangki Servis dan kemudiannya disalurkan ke paip pengguna. Bagaimanapun, sistem pembekalan air bersih hanya beroperasi di 2 sekolah

manakala 5 sekolah lagi masih menggunakan bekalan air sedia ada disebabkan sistem pembekalan air bersih yang baru tidak boleh beroperasi kerana masalah penyambungan elektrik. Adalah didapati di 2 sekolah tersebut iaitu SK Lata Rek dan SK Sg. Mengkuang, Kuala Krai, air yang telah dirawat daripada sistem pembekalan air bersih disalurkan ke dalam tangki lama (Tangki Sedutan) sekolah. Ini menyebabkan air yang telah dirawat bercampur dengan bekalan air asal (air tadahan bukit/telaga tiub) yang tidak dirawat dan menyebabkan kualiti air tidak mencapai piawaian yang ditetapkan oleh KKM sepertimana hasil ujian Jabatan Kimia pada 2 November 2010 yang menunjukkan adanya pelanggaran parameter bakteria.

b. *Pihak sekolah memaklumkan bahawa jika hanya bergantung kepada air daripada sistem pembekalan air bersih yang baru, ianya tidak mencukupi untuk menampung kegunaan harian sekolah dan asrama. Oleh itu, pihak sekolah masih terus menggunakan air dari tadahan bukit/telaga tiub asal untuk memastikan bekalan air sentiasa mencukupi.* Bagaimanapun perkara ini menyebabkan air yang telah dirawat bercampur dengan air tadahan bukit yang belum dirawat menyebabkan objektif membekalkan air bersih tidak tercapai. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.13
SAMBUNGAN PAIP AIR YANG DIRAWAT DISALURKAN KE TANGKI LAMA/ BERCAMPUR DENGAN AIR YANG TIDAK DIRAWAT

SEKOLAH / DAERAH	KONTRAKTOR	SISTEM PEMBEKALAN AIR		BERCAMPUR DENGAN AIR TIDAK DIRAWAT
		ASAL	SEKARANG	
SK Peta, Mersing	Duta Sierra	Air Tadahan Bukit	Graviti (Tidak Berfungsi)	Tidak
SK Sg. Terah, Gua Musang	Rossington	Telaga Tiub	Telaga Tiub (Tidak Berfungsi)	Tidak
SK Pos Blau, Gua Musang	Rossington	Telaga Tiub	Telaga Tiub (Tidak Berfungsi)	Tidak
SK Lata Rek, Kuala Krai	Duta Sierra	Telaga Tiub	Telaga Tiub	Ya
SK Sg. Mengkuang, Kuala Krai	Duta Sierra	Air Tadahan Bukit	Telaga Tiub	Ya
SK RPS Betau, Kuala Lipis	Rossington	Air Tadahan Bukit	Telaga Tiub (Tidak Berfungsi)	Tidak
SK Pos Raya, Kg. Kepayang	Rossington	Air Tadahan Bukit	Telaga Tiub (Tidak Berfungsi)	Tidak


c. Pemeriksaan Audit pada Tangki Sedutan (Tangki Air Mentah) Dan Tangki Servis di 7 sekolah tersebut mendapati ia tidak pernah disenggarakan dan usang serta berkarat dan *bulging* (kegemukan) seperti di **Gambar 21.73** hingga **21.76.** Kesemua tangki ini adalah seusia dengan bangunan sekolah yang sudah wujud semenjak puluhan tahun yang lalu. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian telah mengarahkan semua JPN agar membuat anggaran kos untuk penggantian tangki lama dan usang secara berperingkat.*

GAMBAR 21.73



SK Pos Blau, Gua Musang, Kelantan
- Air Yang Dirawat Disalurkan Ke
Tangki Sedutan Yang Usang
(20.10.2010)

GAMBAR 21.74



SK Pos Blau, Gua Musang, Kelantan
- Keadaan Luar Tangki Sedutan
Yang Berkarat Dan Bulging
(20.10.2010)

GAMBAR 21.75



SK Lata Rek, Kuala Krai, Kelantan
- Air Yang Dirawat Disalurkan Ke
Tangki Sedutan Yang Usang
(27.10.2010)

GAMBAR 21.76



SK Lata Rek, Kuala Krai, Kelantan
- Keadaan Dalam Tangki
Yang Sudah Berkarat
(27.10.2010)

d. Selain itu, pengagihan air yang dirawat bagi SK Chepor, Lenggong dan SK Kuala Lah, Gua Musang tidak diagih secara menyeluruh ke bangunan dalam sekolah, sebaliknya hanya diagih ke kantin, bangunan pra sekolah dan asrama atau ke bangunan sekolah sahaja. Bangunan yang tidak mendapat agihan air yang dirawat menggunakan air dari sistem sedia ada iaitu air tadahan bukit. *Pihak sekolah memaklumkan bangunan yang tidak memperolehi bekalan air dari sistem pembekalan air bersih secara graviti adalah disebabkan paras tanah yang lebih tinggi dari Tangki Servis*.

Pada pendapat Audit, tujuan membekalkan sistem air bersih ke sekolah terlibat tidak tercapai kerana pembekalan air terawat tidak menyeluruh dan tidak mencapai piawaian yang ditetapkan oleh KKM. Kementerian sepatutnya meningkatkan mutu infrastruktur sistem bekalan air yang sedia ada khususnya tangki dan paip yang usang sama ada menggantikannya dengan yang baru atau menyenggara secara berkala. Kementerian dan kontraktor perlu menentukan kapasiti bekalan air terawat pada ketika ini mencukupi untuk menampung kegunaan sekolah dan asrama. Selain itu, sumber air sedia ada hendaklah disalurkan ke sistem pembekalan air bersih supaya dapat dirawat bagi meningkatkan kapasiti bekalan air bersih.

21.4.7.2. Pelanggaran Parameter Piawaian Yang Ditetapkan Oleh Pihak Berkuasa Kesihatan

a. Pengujian kepada bekalan air yang dirawat perlu dilakukan bagi memastikan air bersih yang dibekalkan menepati piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khususnya dan badan antarabangsa amnya. Mengikut syarat yang ditetapkan oleh KKM, pengujian terhadap air terawat hendaklah dijalankan secara berkala seperti di **Jadual 21.14**. Semakan Audit mendapati kesemua sistem pembekalan air bersih di sekolah tidak dilaksanakan persampelan air oleh pihak KKM kerana tiada di dalam skop KKM. Bagi tujuan ini, pihak Audit telah bekerjasama dan menggunakan khidmat kepakaran Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM untuk menjalankan persampelan air di sekolah yang dipilih bagi menentukan kualiti air bersih yang dirawat melalui sistem yang dibekalkan oleh kontraktor.

JADUAL 21.14
KEKERAPAN PERSAMPELAN AIR SISTEM BEKALAN AIR LUAR BANDAR

JENIS SISTEM	KEKERAPAN PERSAMPELAN AIR		
	FIZIKAL	BAKTERIA	KIMIA
Sistem *Graviti Feed* (GFS)	Y/2	Y/2	Y
Telaga Sambungan	Y/2	Y/2	Y
Telaga Terkawal	Y/2	Y/2	Y
Sistem Tadahan Air Hujan (STAH)	Y/2	Y/2	Y

Sumber: ***Kementerian Kesihatan Malaysia***
Nota: Y - Sekali Setahun Y/2 - 2 Kali Setahun

b. Persampelan air diambil di 13 sekolah melibatkan 3 tempat iaitu tangki air mentah, tangki air terawat dan paip agihan iaitu di kantin sekolah. Sampel air yang telah diambil oleh KKM terus dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia yang berhampiran untuk dianalisis. Berdasarkan keputusan analisis Jabatan Kimia Malaysia ke atas parameter fizikal dan bakteria (Kumpulan 1), terdapat pelanggaran parameter pH dan bakteria (Total Coliform dan E.Coli). Keputusan analisis ini juga telah dibandingkan dengan Piawaian Kebangsaan Bagi Kualiti Air Minum yang dikeluarkan oleh KKM. Pihak KKM memandang berat pelanggaran parameter bakteria dalam air terawat yang dikesan dalam kajian ini kerana kehadiran bakteria seperti *Total Coliform* dan *E.Coli* dalam air minum boleh menyebabkan wabak penyakit bawaan air seperti kolera, tifoid dan hepatitis A sekiranya air yang tercemar diminum secara terus dan berterusan. Keputusan analisis persampelan air oleh Jabatan Kimia adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.15
KEPUTUSAN ANALISIS PERSAMPELAN AIR OLEH JABATAN KIMIA DAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (PARAMETER FIZIKAL DAN BAKTERIA)

SEKOLAH / DAERAH	PERSAMPELAN AIR		pH	KEKERUHAN (N.T.U)	KOLIFORM CFU/100ml	E.Coli CFU/100ml
			5.5-9.0	1000.00	5000.00	5000.00
	TEMPAT	TARIKH	6.5-9.0	5.00	0.00	0.00
SJK(T) Ladang Lambak, Kluang	Tangki Air Mentah	11.10.2010	6.69	3.30	23	23
	Tangki Air Terawat	11.10.2010	6.64	2.08	3	3
	Paip Agihan	11.10.2010	6.94	1.69	3	3
SK Kg. Kudong, Segamat	Tangki Air Mentah	11.10.2010	8.00	20.8	33	33
	Tangki Air Terawat	11.10.2010	7.90	1.61	<1	<1
	Paip Agihan	11.10.2010	8.00	1.70	TNTC	TNTC
SK Sejagong, Batu Pahat	Tangki Air Mentah	11.10.2010	5.46	54.8	79	79
	Tangki Air Terawat	11.10.2010	4.46	0.34	3	3
	Paip Agihan	11.10.2010	4.04	0.65	TNTC	TNTC
SMK Alor Pasir, Tanah Merah	Tangki Air Mentah	24.10.2010	6.88	0.56	17	13
	Tangki Air Terawat	24.10.2010	7.03	0.24	61	<1
	Paip Agihan	24.10.2010	7.33	0.23	66	<1
SK Banggol Petai, Pasir Mas	Tangki Air Mentah	24.10.2010	7.05	94	348	240
	Tangki Air Terawat	24.10.2010	6.99	1.03	TNTC	5
	Paip Agihan	24.10.2010	6.98	1.31	TNTC	<1
SK Lata Rek, Kuala Krai	Tangki Air Mentah	27.10.2010	6.99	1.18	<2	<2
	Tangki Air Terawat	27.10.2010	6.99	0.45	<1	<1
	Paip Agihan	27.10.2010	7.38	0.27	8	<1
SK Juara, Rompin	Tangki Air Mentah	13.10.2010	8.20	0.80	<20	<20
	Tangki Air Terawat	13.10.2010	7.60	0.40	<20	<20
	Paip Agihan	13.10.2010	8.30	1.80	130	80
SJK(T) Ladang Bee Yong, Mentakab	Tangki Air Mentah	09.11.2010	6.70	11.90	2	<1
	Tangki Air Terawat	09.11.2010	6.83	0.54	16	<1
	Paip Agihan	09.11.2010	6.99	0.17	<1	<2
SK Kuala Tahan, Kuala Tahan	Tangki Air Mentah	09.11.2010	5.20	17.10	<2	<2
	Tangki Air Terawat	09.11.2010	6.30	0.60	<1	<1
	Paip Agihan	-	-	-	-	-
SK Kuala Koyan, Kuala Lipis	Tangki Air Mentah	10.11.2010	7.30	18.80	<2	<2
	Tangki Air Terawat	10.11.2010	7.64	2.28	7	<1
	Paip Agihan	10.11.2010	7.60	0.95	TNTC	<1
SJK(T) Ladang Boh 1, Cameron Highlands	Tangki Air Mentah	10.11.2010	7.40	2.31	800	80
	Tangki Air Terawat	10.11.2010	6.80	0.60	500	170
	Paip Agihan	10.11.2010	7.20	1.80	700	500
SJK(T) Ladang Reyla, Sungai Siput (U)	Tangki Air Mentah	25.11.2010	7.40	0.62	90	90
	Tangki Air Terawat	25.11.2010	7.50	0.16	<2	<2
	Paip Agihan	25.11.2010	7.40	0.88	<2	<2
SK Luat, Lenggong	Tangki Air Mentah	25.11.2010	6.63	0.61	30	4
	Tangki Air Terawat	25.11.2010	7.13	0.31	2	<2
	Paip Agihan	25.11.2010	7.43	0.30	8	<2

Sumber: Jabatan Kimia Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota : TNTC - Too Numerous To Count

Piawaian Yang Dibenarkan Bagi Air Mentah

Piawaian Yang Dibenarkan Bagi Air Terawat

Sampel Air Yang Melanggar Parameter

c. Selain itu, hasil keputusan analisis Jabatan Kimia ke atas **parameter kimia** (Kumpulan 2 dan 3) menunjukkan 2 sekolah telah melanggar parameter tersebut di mana kandungan air mentah dan terawat mengandungi mangan dan arsenik melebihi daripada jumlah yang ditetapkan oleh piawaian KKM. Pelanggaran parameter ini boleh menyebabkan penyakit kanser jika air diminum secara berterusan dengan kuantiti yang banyak. Bagaimanapun, ujian parameter racun perosak (Kumpulan 4) bagi 13 sekolah yang sama menunjukkan tidak berlaku pelanggaran parameter. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.16
PELANGGARAN PARAMETER KIMIA (KUMPULAN 2 DAN 3)

SEKOLAH / DAERAH	TEMPAT PERSAMPELAN	TARIKH SAMPEL	Keperluan Oksigen Kimia (COD) mg/l	Mangan (Mn) mg/l	Arsenik (As) mg/l
			10.00	0.20	0.010
			-	0.10	0.010
SK Banggol Petai, Pasir Mas	Tangki Air Mentah	24.10.2010	37.20	0.15	0.014
	Tangki Air Terawat	24.10.2010	-	0.20	0.019
	Paip Agihan	24.10.2010	-	0.19	0.019
SK Luat, Lenggong	Tangki Air Mentah	25.11.2010	<4	0.56	0.002
	Tangki Air Terawat	25.11.2010	-	0.30	<0.001
	Paip Agihan	25.11.2010	-	0.30	<0.001

Sumber: Jabatan Kimia Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia
Nota:

Piawaian Yang Dibenarkan Bagi Air Mentah

Piawaian Yang Dibenarkan Bagi Air Terawat

Sampel Air Yang Melanggar Parameter

d. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, mesyuarat pemantauan pada 12 April 2011 memutuskan sijil rawatan air dikemas kini bagi mengelak berlakunya pelanggaran parameter pH dan bakteria serta parameter kimia.*

Pada pendapat Audit, ujian persampelan air perlu dijalankan secara berkala bagi memastikan kualiti air terawat adalah terjamin dan menepati piawaian yang ditetapkan oleh KKM. Kementerian disarankan untuk menghentikan serta-merta sistem pembekalan air bersih yang melanggar parameter dan melaksanakan pemulihannya bagi mencegah wabak penyakit bawaan air dan memudaratkan kesihatan pengguna. Kementerian juga disaran mengadakan perbincangan susulan bersama KKM untuk cadangan persampelan air dan pemantauan berterusan terhadap bekalan air ke sekolah.

21.4.8. Pemantauan Terhadap Kerja Pembinaan

Pemantauan terhadap kerja pembinaan sistem pembekalan air bersih di sekolah hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Adalah didapati Kementerian telah mengadakan mesyuarat tapak sebulan sekali di antara Unit Teknikal Bahagian Pembangunan, wakil syarikat dan Wakil JPN bagi membincangkan status projek, laporan dan bayaran kemajuan serta masalah berbangkit. Unit berkenaan juga mengadakan lawatan tapak bersama kontraktor bagi membuat pengesahan dan ujian sebelum penyerahan projek kepada sekolah. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat menyemak kesemua minit mesyuarat yang telah diadakan kerana minit tersebut tidak dikemukakan untuk diaudit.

Pada pendapat Audit, pemantauan melalui mesyuarat tapak yang diadakan kurang berkesan. Ini kerana masih terdapat kerja pembinaan dan penyenggaraan yang kurang memuaskan, peralatan tidak dibekalkan, pelanggaran parameter piawaian yang ditetapkan oleh KKM, air yang dirawat bercampur dengan air yang tidak dirawat serta latihan dan Manual Operasi Pengguna tidak diberikan kepada pihak sekolah.

21.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi prestasi pengurusan projek sistem pembekalan air bersih ke sekolah luar bandar di Semenanjung Malaysia dan memastikan pengguna menikmati minuman air bersih yang menepati piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

21.5.1. Menguatkuasakan syarat kontrak dengan mengenakan denda atas kelewatan kontraktor menyiapkan projek supaya dapat meningkatkan prestasi kontraktor yang lembap.

21.5.2. Memastikan sebarang kerosakan ke atas sistem pembekalan air bersih dibaiki dengan segera oleh kontraktor memandangkan tempoh tanggungan kecacatan dan penyenggaraannya masih berkuat kuasa. Selain itu, pengurusan sekolah juga perlu diberi penjelasan mengenai tujuan dan kebaikan projek ini supaya sistem yang dibangunkan diguna secara optimum.

21.5.3. Memastikan pelaksanaan projek hendaklah berdasarkan kepada skop kerja yang ditetapkan dalam kontrak. Sebarang perubahan dalam skop kerja hendaklah mempunyai justifikasi yang munasabah dan mendapat kelulusan daripada Penguasa Projek.

21.5.4. Menyemak dengan teliti reka bentuk yang dicadangkan oleh kontraktor supaya setiap sistem pembekalan air bersih yang dibina adalah praktikal dan boleh berfungsi secara optimum.

21.5.5. Memastikan pembayaran dibuat berdasarkan kerja sebenar yang dilaksanakan di tapak.

21.5.6. Mengarahkan kontraktor untuk mengambil tindakan segera bagi memperbaiki setiap kerja yang tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti sebelum tamatnya tempoh tanggungan kecacatan dan penyenggaraannya masih berkuat kuasa.

21.5.7. Mengarahkan semua sekolah terlibat untuk mengawal dan memastikan lokasi sistem pembekalan air bersih sentiasa selamat supaya ia tidak sewenang-wenangnya dicerobohi dan menghalang daripada aktiviti pencemaran dan vandalisme.

21.5.8. Memastikan kontraktor menjalankan penyenggaraan berkala seperti yang disyaratkan dalam kontrak/diputuskan dalam mesyuarat pemantauan supaya kualiti air dan sistem pembekalan air bersih ini sentiasa berada di tahap yang memuaskan. Selain itu, Kementerian sepatutnya menyediakan satu daftar penyenggaraan dan aduan kerosakan yang seragam untuk kegunaan sekolah.

21.5.9. Memastikan latihan bagi mengoperasi sistem pembekalan air bersih dan Manual Operasi Pengguna diberikan pada masa penyerahan projek supaya mereka yang mengoperasi sistem ini dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan serta mematuhi tatacara yang betul.

21.5.10. Memastikan ujian persampelan air dijalankan secara berkala bagi memastikan kualiti air terawat adalah terjamin dan menepati piawaian yang ditetapkan oleh KKM. Kementerian disarankan untuk menghentikan serta-merta sistem pembekalan air bersih yang melanggar parameter dan melaksanakan pemulihannya bagi mencegah wabak penyakit bawaan air dan memudaratkan kesihatan pengguna. Kementerian juga disaran mengadakan perbincangan susulan bersama KKM untuk cadangan persampelan air dan pemantauan berterusan terhadap bekalan air ke sekolah.

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

22. PEMBINAAN BILIK DARJAH PASANG SIAP (KABIN) DAN PEROLEHAN PERABOT BERKAITAN DI SEKOLAH

22.1. LATAR BELAKANG

22.1.1. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) telah merancang untuk membina bilik darjah melalui konsep pasang siap (kabin) supaya kaedah pembinaan yang cepat dapat menyelesaikan masalah kekurangan bilik darjah yang mendesak dan kesukaran akses/jalan masuk ke tapak bina. Projek pembinaan kabin ini melibatkan pembinaan bilik darjah khususnya bagi sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Manakala di Sarawak ianya juga meliputi pembinaan makmal sains, makmal komputer, pusat sumber, asrama, kuarters guru, dewan makan dan tandas luar. Pembekalan dan pemasangan kabin ini menggunakan konsep *Industrial Building System*. Ianya ringan, cepat dan mudah diangkut untuk dipasang dan telah mengambil kira piawaian Kementerian. Kos bagi setiap modul kabin antara RM38,000 (tandas luar) hingga RM671,000 (asrama).

22.1.2. Kementerian telah melaksanakan 2 pakej projek pembinaan bilik darjah pasang siap di bawah peruntukan pembangunan (iaitu Program Pembangunan Luar Bandar, Sabah dan Sarawak) dan 2 pakej lagi di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE 2). Bagi pakej projek di bawah PRE 2, kontrak pembinaan kabin adalah juga termasuk pembekalan perabot seperti kerusi/meja pelajar dan guru, *soft board* dan *white board*. Manakala bagi pakej projek di bawah peruntukan pembangunan pula, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) akan mengemukakan permohonan bagi perolehan perabot berdasarkan jumlah modul kabin yang dibina dan Kementerian akan mengeluarkan waran peruntukan berasingan ke JPN bagi melaksanakan projek tersebut.

22.1.3. Daripada 4 pakej, Bahagian Pembangunan adalah bertanggungjawab untuk menyelia dan memantau Pakej 2 (Merekabentuk, Membekal, Membina Dan Menyiapkan 2 Bilik Darjah Menggunakan Binaan Pasang Siap Bagi Projek Luar Bandar Dan Pedalaman Serta Keperluan Mendesak Untuk Kementerian Pelajaran Malaysia). Manakala sebanyak 11 perunding swasta (dengan kos perkhidmatan berjumlah RM22.02 juta) telah dilantik bagi memantau dan menyelia 3 pakej projek pembinaan kabin yang lain. Butiran pakej projek pembinaan kabin adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.1
BILANGAN DAN NILAI KONTRAK PEMBINAAN KABIN
SETAKAT AKHIR TAHUN 2010

PERUNTUKAN	PAKEJ	KONTRAK		BIL. SEKOLAH
		BIL.	NILAI (RM Juta)	
Pembangunan	Cadangan Projek Menaiktaraf Bangunan Sekolah Dan Asrama Kawasan Luar Bandar Sabah	3	189.08	174
	Cadangan Merekabentuk, Membekal, Membina Dan Menyiapkan 2 Bilik Darjah Menggunakan Binaan Pasang Siap Bagi Projek Luar Bandar Dan Pedalaman Serta Keperluan Mendesak Untuk Kementerian Pelajaran Malaysia	5	25.00	66
PRE 2	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Kabin Bilik Darjah, Perabot Dan Peralatan Di Sarawak	10	117.80	70
	Cadangan Membekal, Membina Dan Menyiapkan Satu Modul Bersamaan Bilik Darjah Menggunakan Binaan Pasang Siap Bagi Sekolah-Sekolah Di Semenanjung Malaysia Untuk Kementerian Pelajaran Malaysia	9	40.47	160
JUMLAH		**27**	**372.35**	**470**

22.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada projek pembinaan bilik darjah pasang siap (kabin) dan perolehan perabot berkaitan telah dirancang dan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

22.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan bilik darjah pasang siap (kabin) dan perolehan perabot berkaitan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Kajian ini dijalankan dengan menyemak dokumen berkaitan 14 kontrak bernilai RM216.84 juta di peringkat Kementerian dan 5 JPN. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dan pihak pengurusan sekolah serta lawatan ke tapak projek juga dilakukan ke 59 sekolah yang dipilih iaitu 10 sekolah di Terengganu, 11 sekolah di Selangor, 15 sekolah di Sarawak, 10 sekolah di Sabah dan 13 sekolah di Pulau Pinang. Selain itu, borang soal selidik juga telah diedarkan kepada guru dan pelajar di sekolah berkenaan untuk mendapatkan maklum balas berhubung dengan keberkesanan projek ini.

22.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati prestasi projek pembinaan kabin dan perolehan perabot adalah baik memandangkan sebanyak 446 daripada 470 projek yang dilaksanakan telah dapat disiapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan projek seperti bayaran telah dibuat untuk kerja pembinaan/bekalan yang tidak dilaksana/dibekalkan; kerja pembinaan dan bekalan tidak mengikut spesifikasi, tidak berkualiti atau tidak menyeluruh; perkhidmatan selepas kerja siap tidak dilaksanakan; kerosakan oleh kontraktor tidak dibaiki serta pemantauan oleh perunding adalah kurang berkesan. Penjelasan lanjut berhubung dengan kelemahan pelaksanaan projek kabin serta ulasan pihak yang terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

22.4.1. Prestasi Projek

22.4.1.1. Prestasi Kewangan

Adalah didapati Kementerian telah membelanjakan RM280.73 juta (71.8%) daripada jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Bagaimanapun, hanya RM110.77 juta (55.2%) telah dibelanjakan daripada peruntukan PRE 2 yang berjumlah RM200.72 juta. Butiran peruntukan dan perbelanjaan untuk tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 22.2**. Semakan Audit selanjutnya mendapati prestasi kewangan bagi peruntukan PRE 2 antara lainnya adalah disebabkan masalah kelewatan di bawah pakej 3 (Cadangan Membina Dan Menyiapkan Kabin Bilik Darjah, Perabot Dan Peralatan Di Sarawak) di mana 24 daripada 70 projek tidak dapat disiapkan pada akhir tahun 2010.

JADUAL 22.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBINAAN KABIN
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

TAHUN	PERUNTUKAN			PERBELANJAAN		
	PROGRAM PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, SABAH DAN SARAWAK (RM Juta)	PRE 2 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	PROGRAM PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, SABAH DAN SARAWAK (RM Juta)	PRE 2 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
2008	190.00	-	-	8.10	-	8.10
2009		200.72	-	122.01	-	122.01
2010		-	-	39.85	110.77	150.62
JUMLAH	**190.00**	**200.72**	**390.72**	**169.96**	**110.77**	**280.73**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek pembinaan kabin melalui peruntukan PRE 2 tidak dapat mendorong pencapaian objektif PRE 2 iaitu bagi merangsangkan ekonomi negara kerana hanya RM110.77 juta atau 55.2% sahaja daripada peruntukan yang diluluskan dapat dibelanjakan.

22.4.1.2. Prestasi Fizikal

a. Kementerian telah merancang untuk melaksanakan projek pembinaan kabin di 415 sekolah. Bagaimanapun selepas semakan semula, sebanyak 470 projek telah dilaksanakan. Berdasarkan rekod Bahagian Pembangunan Kementerian, sebanyak 446 projek telah disiapkan manakala baki 24 projek masih belum dapat disiapkan pada akhir tahun 2010. Adalah didapati kesemua 24 projek ini adalah di bawah peruntukan PRE 2 serta dilaksanakan di negeri Sarawak. Prestasi fizikal projek bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.3
PRESTASI FIZIKAL PROJEK PEMBINAAN KABIN
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

NO. PAKEJ	SYARIKAT	NILAI KONTRAK (RM Juta)	BIL. SEKOLAH		STATUS	
			RANCANG	LAKSANA	SIAP	BELUM SIAP
1	Perwira Progresif Construction Sdn. Bhd.	89.54	61	91	91	-
	Perwira Indah Jaya Sdn. Bhd.	49.82	32	42	42	-
	Syarikat Putra Jaya Sdn. Bhd.	49.72	34	41	41	-
JUMLAH (A)		**189.08**	**127**	**174**	**174**	**-**
2	Edaran Komputer Sdn. Bhd.	5.00	8	8	8	-
	Krafedge Sdn. Bhd.	5.00	13	14	14	-
	Venture Makers Sdn. Bhd.	5.00	14	14	14	-
	Cinta Bina Sdn. Bhd.	5.00	16	16	16	-
	Dekon Sdn. Bhd.	5.00	13	14	14	-
JUMLAH (B)		**25.00**	**64**	**66**	**66**	**-**
JUMLAH PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (A) + (B)		**214.08**	**191**	**240**	**240**	**-**
3	Arudaya Sdn. Bhd.	9.39	5	5	5	-
	Auxicorp Construction And Engineering Sdn. Bhd.	8.58	3	3	3	-
	Irok Industries Sdn. Bhd.	10.04	7	7	7	-
	Marakon Sdn. Bhd.	15.04	5	10	4	6
	Incorp Construction Sdn. Bhd.	12.17	6	6	6	-
	Untang Jaya Sdn. Bhd.	13.25	13	13	13	-
	Jurudaya Construction Sdn. Bhd.	11.40	4	4	4	-
	Semaring Enterprise Sdn. Bhd.	12.83	1	1	0	1
	BWS Engineering Sdn. Bhd.	11.73	3	3	3	-
	Pembinaan Masrafan Sdn. Bhd.	13.37	17	18	1	17
JUMLAH (C)		**117.80**	**64***	**70**	**46**	**24**
4	Arash Osrah Sdn. Bhd.	4.96	18	18	18	-
	Krafedge Sdn. Bhd.	4.61	19	19	19	-
	Mega PJ Sdn. Bhd.	4.97	19	19	19	-
	Merge Matrix Sdn. Bhd.	4.41	17	17	17	-
	Jasa Muafakat Sdn. Bhd.	4.12	17	17	17	-
	Teamcoat Metalcare Development Sdn. Bhd.	4.15	16	16	16	-
	BS Mutiara Engineering Sdn. Bhd.	4.25	18	18	18	-
	Amasteg Sdn. Bhd.	4.39	18	18	18	-
	Nur Karisma Enterprise Sdn. Bhd.	4.61	18	18	18	-
JUMLAH (D)		**40.47**	**160**	**160**	**160**	**-**
JUMLAH PERUNTUKAN PRE 2 (C) + (D)		**158.27**	**224**	**230**	**206**	**24**
JUMLAH KESELURUHAN (A) + (B) + (C) + (D)		**372.35**	**415***	**470**	**446**	**24**

Nota: ***(*) - Jumlah Ini Termasuk Pembinaan Semua Modul Kabin***

b. Semakan Audit terhadap 59 projek pembinaan kabin mendapati projek di 8 sekolah (diselia oleh perunding) tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu kelewatan antara 14 hingga 161 hari. Sehubungan itu, Kementerian telah mengenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM54,365 terhadap 4 kontraktor yang terlibat. Disebabkan kelewatan ini, pihak sekolah terpaksa menyusun semula penempatan pelajar dan kelas; masih menggunakan infrastruktur yang sedia ada; menggunakan

bilik perpustakaan, makmal komputer/sains, kantin dan surau untuk menampung lebihan pelajar dan pembelajaran. Kerja pembinaan kabin yang lewat disiapkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.4
KERJA PEMBINAAN KABIN YANG TIDAK DAPAT DISIAPKAN MENGIKUT TEMPOH SEHINGGA BULAN DISEMBER 2010

SEKOLAH	KONTRAKTOR	TARIKH		BIL. HARI LEWAT	LAD YANG DIKENAKAN (RM)
		SEPATUT SIAP	SEBENAR SIAP		
SMK Kidurong, Bintulu, Sarawak	Jurudaya Contruction Sdn. Bhd.	29.08.2010	26.09.2010	22	8,456
SMK Tatau, Bintulu, Sarawak		30.07.2010	27.09.2010	59	8,850
SK Lapasan, Kota Kinabalu, Sabah	Perwira Progresif Construction Sdn. Bhd.	10.12.2009	06.01.2010	28	6,080
SK Gudon, Kota Kinabalu, Sabah		10.12.2009	06.01.2010	28	6,080
SK Kokol, Kota Kinabalu, Sabah		10.12.2009	06.01.2010	28	6,080
SK Merbau Menyusut, Setiu, Terengganu	Nur Karisma Enterprise Sdn. Bhd.	23.09.2010	07.10.2010	14	3,227
SMK Seksyen 24(2), Shah Alam, Selangor	Mega PJ Sdn. Bhd.	24.03.2010	30.08.2010	161	7,796
SMK Bandar Baru Bangi, Bangi, Selangor		24.03.2010	30.08.2010	161	7,796
JUMLAH					**54,365**

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek adalah baik memandangkan sebanyak 446 (94.9%) daripada 470 projek yang dilaksanakan telah disiapkan dan hanya 8 (13.6%) daripada 59 projek yang diaudit mengalami kelewatan.

22.4.2. Pengurusan Projek Pembinaan

22.4.2.1. Kerja Pembinaan/Bekalan Tidak Dilaksana/Dibekalkan

Kerja pembinaan kabin dan bekalan perabot boleh dibayar apabila ianya telah dilaksanakan dengan sempurna mengikut spesifikasi serta diperakui oleh pegawai yang berkenaan atau perunding yang dilantik. Bagaimanapun, semakan dan lawatan Audit ke 59 sekolah mendapati perkara berikut:

a. Kerja dan perabot bernilai RM90,028 tidak dilaksana/dibekalkan walaupun bayaran sepenuhnya telah dilakukan oleh Kementerian. Sehubungan itu, terdapat juga kerja dan perabot yang tidak dilaksana/dibekalkan dan dibayar penuh tetapi nilainya tidak dapat ditentukan kerana kos kerja dan kos perabot tidak dinyatakan secara terperinci dalam kontrak. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 22.5
KOS KERJA/PERABOT YANG TIDAK DILAKSANA/DIBEKALKAN TETAPI DIBAYAR PENUH

KERJA/PERALATAN YANG TIDAK DILAKSANA/BEKALKAN	HARGA /UNIT (RM)	KUANTITI TIDAK DILAKSANA /DIBEKAL	KONTRAKTOR	BIL. SEKOLAH TERLIBAT	JUMLAH (RM)
2 Unit *Socket Outlet Points* Daripada 10 Unit Yang Ditetapkan	105	10 Unit	Amasteg Sdn. Bhd.	5	1,050
	120	10 Unit	Nur Karisma Enterprise Sdn. Bhd.	5	1,200
Soft Board	214	3 Unit	Arash Osrah Sdn. Bhd.	3	642
Alat Pemadam Api	250	2 Unit	Amasteg Sdn. Bhd.	1	500
	200	6 Unit	Nur Karisma Enterprise Sdn. Bhd.	3	1,200
Jeriji Keselamatan Untuk Pintu Jenis D1 **(Gambar 22.1)**	378	4 Unit	Teamcoat Metalcare Development Sdn. Bhd.	1	1,512
	320	8 Unit	Mega PJ Sdn. Bhd.	2	2,560
	320	32 Unit	Arash Osrah Sdn. Bhd.	8	10,240
Tapak Kabin (Hanya Dibina Di Atas Dataran Bertar) **(Gambar 22.2)**	35,382	2 Unit	Arash Osrah Sdn. Bhd.	2	70,764
Kerusi Guru	180	2 Unit	Arash Osrah Sdn. Bhd.	1	360
Polyurethane Foam (Penebat Haba) Tidak Dipasang Di Bumbung **(Gambar 22.3)**	*	1,000 m^2	Nur Karisma Enterprise Sdn. Bhd.	5	-
JUMLAH					**90,028**

Nota: ***(*) - Kos Kerja Tidak Dapat Ditentukan Kerana Termasuk Kos Pemasangan Bumbung***

GAMBAR 22.1



SK Batu Lanchang, Batu Lanchang, Pulau Pinang
- Jeriji Pintu Jenis D1 Tidak Dipasang
(17.12.2010)

GAMBAR 22.2



SK Jelutong, Jelutong, Pulau Pinang
- Kabin Dibina Di Atas Dataran Bertar Tanpa Pembinaan Tapak Kabin
(15.12.2010)



GAMBAR 22.3

SK Ladang Gajah Mati, Dungun, Terengganu
- Polyurethane Foam Tidak Dipasang
(03.11.2010)

b. Selain itu, terdapat kerja bernilai RM0.44 juta yang tidak dilaksana/dibekalkan, namun pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada bayaran untuk kerja telah dibuat atau sebaliknya kerana bayaran kepada kontraktor adalah berdasarkan peratusan kemajuan kerja secara keseluruhan di mana setiap butiran kerja tidak dinyatakan dalam tuntutan kontraktor. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 22.6
KERJA YANG TIDAK DILAKSANA/DIBEKALKAN
TETAPI TIDAK DAPAT DISAHKAN SAMA ADA TELAH DIBAYAR

KERJA YANG TIDAK DILAKSANA/ DIBEKALKAN	HARGA/ UNIT (RM)	KUANTITI TIDAK DILAKSANA /DIBEKAL (Unit)	KONTRAKTOR	BIL. SEKOLAH TERLIBAT	JUMLAH (RM)
Jeriji Keselamatan Untuk Pintu Jenis D1 **(Gambar 22.4)**	945	96	Irok Industries Sdn. Bhd.	4	90,720
	945	72	Arudaya Sdn. Bhd.	3	68,040
	945	48	Auxicorp Construction And Engineering Sdn. Bhd.	2	45,360
	945	60	Jurudaya Construction Sdn. Bhd.	3	56,700
Tingkap Jenis W2 (Top Hung Window) **(Gambar 22.4)**	250	112	Perwira Indah Sdn. Bhd.	5	28,000
	250	104	Perwira Progresif Construction Sdn. Bhd.	5	26,000
Jeriji Keselamatan Untuk Tingkap Jenis W1 **(Gambar 22.4)**	300	112	Perwira Indah Sdn. Bhd.	5	33,600
	300	104	Perwira Progresif Construction Sdn. Bhd.	5	31,200
Jeriji Keselamatan Untuk Tingkap Jenis W2 **(Gambar 22.4)**	100	112	Perwira Indah Sdn. Bhd.	5	11,200
	100	104	Perwira Progresif Construction Sdn. Bhd.	5	10,400
Jeriji Keselamatan Untuk Tingkap Jenis W4	150	14	Perwira Indah Sdn. Bhd.	5	2,100
	150	13	Perwira Progresif Construction Sdn. Bhd.	5	1,950
Tangki Septik	2,500	1	Irok Industries Sdn. Bhd.	1	2,500
Tangki Air Dan Penyokong Tangki Air	5,216	2	Irok Industries Sdn. Bhd.	2	10,432
Rain Water Harvesting System (RWHS)	20,086	1	Arudaya Sdn. Bhd.	1	20,086
Penapis *Rain Water Harvesting System* (**Gambar 22.5**)	*	1	Arudaya Sdn. Bhd.	1	-
	*	1	Auxicorp Construction And Engineering Sdn. Bhd.	1	-
Bekalan Elektrik Belum Disambung **(Gambar 22.6)**	*	2	Perwira Progresif Construction Sdn. Bhd	2	-
JUMLAH					**438,288**

Nota: ***(*) - Nilai Tidak Dapat Ditentukan Kerana Kos Kerja Tidak Dinyatakan Secara Terperinci Dalam Kontrak***

GAMBAR 22.4



SK Bundu, Keningau, Sabah
- Tingkap Jenis W2 Dan Jeriji Keselamatan Untuk Pintu Dan Tingkap Tidak Dipasang
(28.10.2010)

GAMBAR 22.5



SMK Simunjan No. 1, Simunjan, Sarawak
- Filter Tidak Dipasang
(13.10.2010)



GAMBAR 22.6

SK Lapasan, Kota Kinabalu, Sabah
- Bekalan Elektrik Belum Disambung
(18.10.2010)

c. Adalah didapati Bahagian Pembangunan, Kementerian akan memproses bayaran atas pengesahan siap kerja yang ditandatangani oleh pihak perunding serta Sijil Akuan Penerimaan dan Sijil Pemasangan Dan Pengujian yang ditandatangani oleh pihak sekolah. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati pihak sekolah telah menandatangani Sijil Akuan Penerimaan dan Sijil Pemasangan Dan Pengujian tanpa dibekalkan spesifikasi sebagai rujukan. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian telah membuat pembayaran mengikut kaedah bagi memudahkan penilaian interim oleh perunding di mana item yang melibatkan kos yang kecil akan dianggap sebagai telah dilaksana/dibekalkan. Sehubungan itu, perubahan kos yang berlaku akan dibuat pelarasan harga semasa menyediakan Akaun Muktamad.*

Pada pendapat Audit, bayaran terhadap kerja yang tidak dilaksana/dibekalkan adalah satu kesalahan yang nyata dan bertentangan dengan peraturan yang sedia ada walaupun ia adalah bagi memudahkan kerja penilaian interim oleh perunding.

22.4.2.2. Kerja Pembinaan/Bekalan Tidak Mengikut Spesifikasi

a. Skop dan spesifikasi kerja yang ditetapkan dalam kontrak pada asasnya adalah muktamad. Ini adalah kerana sebelum menyediakan suatu skop kerja, semua perkara yang berkaitan perlu diambil kira dan seterusnya bagi mendapatkan anggaran kos pembinaan yang tepat. Bagaimanapun, jika sesuatu kerja perlu diubah berbanding dengan skop kerja yang telah disediakan, kelulusan perlu diperolehi daripada Pegawai Penguasa berkenaan dan perkiraan semula kos kerja dibuat supaya tiada pihak yang mengalami kerugian termasuk Kerajaan.

b. Semakan Audit mendapati kerja pembinaan kabin yang dilaksanakan di 17 sekolah tidak mengikut skop/spesifikasi kerja yang ditetapkan dan tiada bukti pelaksanaan kerja mendapat kelulusan Pegawai Penguasa. Contoh kerja yang tidak mengikut skop/spesifikasi adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 22.7
KERJA/BEKALAN TIDAK MENGIKUT SKOP/SPESIFIKASI KERJA


PERIHAL KERJA/BEKALAN MENGIKUT SKOP	KONTRAKTOR	SEKOLAH TERLIBAT	KERJA/BEKALAN SEBENAR
Pintu Kelas Jenis *Solid Wood*	Perwira Indah Sdn. Bhd.	SK Magatang, Keningau, Sabah **(Gambar 22.7)**	Pintu Kelas Daripada Papan Lapis
		SK Binaong, Keningau, Sabah	
Kipas Siling	Jurudaya Construction Sdn. Bhd.	SMK Tatau, Bintulu, Sarawak	*Ceiling Mounted Oscillating Fan*
	Teamcoat Metalcare Development Sdn. Bhd.	SMK Seri Gombak, Batu Caves, Selangor **(Gambar 22.8)**	
Keluasan Tapak Kabin (12,000mm x 21,000mm)	Arash Osrah Sdn. Bhd.	SK Minden Height, Gelugor, Pulau Pinang **(Gambar 22.9)**	Keluasan Dibina: 11,100mm x 21,000mm (anggaran)
		SMK Taman Perwira, Simpang Ampat, Pulau Pinang	Keluasan Dibina: 10,900mm x 21,000mm (anggaran)
		SK Bertam Indah, Kepala Batas, Pulau Pinang	Keluasan Dibina: 10,000mm x 19,000mm (anggaran)
		SMK Penanti, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Keluasan Dibina: 10,900mm x 21,000mm (anggaran)
Pemasangan Ruang Udara *(*Air Ventilation) Yang Mempunyai 4 Liang	Arash Osrah Sdn. Bhd.	SK Minden Height, Gelugor, Pulau Pinang	Dipasang Dengan 2 Liang Sahaja
		SMK Taman Perwira, Simpang Ampat, Pulau Pinang	
		SK Sungai Ara, Bayan Lepas, Pulau Pinang	
Kerangka Bumbung Disambung Dengan Menggunakan *Bolt And Nut*	Teamcoat Metalcare Development Sdn. Bhd.	SMK Seri Gombak, Batu Caves, Selangor **(Gambar 22.10)**	Kerangka Bumbung Dikimpal Sepenuhnya
Kabinet (Bertingkat Terbuka) Dengan Saiz 1,000mm x 2,100mm	Amasteg Sdn. Bhd.	SK Tengku Mahmud II, Besut, Terengganu **(Gambar 22.11)**	Dibekalkan Rak Terbuka Saiz 700mm x 500mm x 750mm
		SMK Seri Nering, Besut, Terengganu	
	Nur Karisma Enterprise Sdn. Bhd.	SK Darat Batu Rakit, Kuala Terengganu, Terengganu	Dibekalkan *Pedestal* Saiz 450mm x 500mm x 680mm
		SK Ladang Gajah Mati, Dungun, Terengganu	
		SK Lintang, Dungun, Terengganu	
		SMK Kompleks Mengabang Telipot, Kuala Terengganu, Terengganu	
	Amasteg Sdn. Bhd.	SK Oh, Besut, Terengganu	
		SK Tempinis, Besut, Terengganu	

GAMBAR 22.7



SK Magatang, Keningau, Sabah
- Pintu Kabin Jenis Papan Lapis
(06.10.2010)

GAMBAR 22.8



SMK Seri Gombak, Batu Caves, Selangor
- "Ceiling Mounted Oscillating Fan" Dipasang
(25.08.2010)

GAMBAR 22.9




SK Minden Height, Gelugor, Pulau Pinang
- Tapak Kabin Yang Dibina Hanya Berukuran 11,000mm X 21,000mm (Anggaran)
(13.12.2010)

GAMBAR 22.10



SMK Seri Gombak, Batu Caves, Selangor
- Kerangka Bumbung Telah Dikimpal
(25.08.2010)



GAMBAR 22.11

SK Tengku Mahmud II, Besut,Terengganu
- Telah Membekalkan 2 Unit Rak Terbuka (2 Laci) Saiz 700mm X 500mm X 750mm
(02.11.2010)

c. *Mengikut ulasan perunding/kontraktor, spesifikasi/skop kerja telah diubah setelah berbincang dengan pihak sekolah.* Bagaimanapun, persetujuan pihak sekolah tidak dapat dibuktikan kerana tiada bukti dokumen mengenai perubahan skop/spesifikasi kerja ini dapat dikemukakan semasa pengauditan dijalankan.

d. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian telah mengarahkan kontraktor untuk mengambil tindakan pembaikan dan sekiranya terdapat spesifikasi dan skop kerja yang tidak sesuai, pelarasan harga akan dibuat semasa menyediakan Akaun Muktamad.*

Pada pendapat Audit, spesifikasi/skop kerja yang disediakan hendaklah mengambil kira pandangan pihak sekolah dan sebarang perubahan spesifikasi/skop kerja asal hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa sebelum kontrakor melaksanakan kerja.

22.4.2.3. Kerja Pembinaan Tidak Berkualiti

a. Kerja pembinaan kabin perlu berkualiti selaras dengan objektif Kementerian untuk menyediakan prasarana kemudahan pembelajaran yang kondusif serta mendapat *value for money*. Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima pakai supaya bangunan yang diduduki boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif.

b. Lawatan Audit ke 59 sekolah mendapati hasil kualiti kerja pembinaan di 32 (54.2%) sekolah adalah tidak memuaskan. Antara kerja pembinaan yang tidak berkualiti adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 22.8
CONTOH KERJA PEMBINAAN TIDAK BERKUALITI

PERIHAL KERJA	SEKOLAH TERLIBAT	
Tuku/*Pad Footing* Pecah, Merekah Dan Tidak Rapat Dengan Kabin Atau Tuku Dialaskan Dengan Kepingan Besi/Simen Yang Tidak Dilepa	1) SK Tengku Mahmud II, Besut, Terengganu 2) SK Tempinis, Besut, Terengganu 3) SMK Seri Nering, Besut,Terengganu (**Gambar 22.12**) 4) SMK Seksyen 24(2), Shah Alam, Selangor 5) SK Minden Height, Gelugor, Pulau Pinang 6) SMK Taman Perwira, Simpang Ampat, Pulau Pinang 7) SK Sungai Ara, Bayan Lepas, Pulau Pinang	8) SMK Penanti, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang 9) SK Jelutong, Jelutong, Pulau Pinang (**Gambar 22.13**) 10) SK Oh, Besut, Terengganu 11) SMK Bandar Baru Sg. Long, Kajang, Selangor 12) SMK Bandar Baru Bangi, Bangi, Selangor 13) SMK Permatang Pasir, Permatang Pauh, Pulau Pinang 14) SK Bertam Indah, Kepala Batas, Pulau Pinang 15) SK Batu Lanchang, Batu Lanchang, Pulau Pinang
Kerja Tapak Kabin Tidak Dilaksanakan Dengan Memuaskan (Berpasir) Atau *Pad Footing* Mengandungi Cebisan Beg Simen Dan Kayu	1) SK Tengku Mahmud II, Besut, Terengganu 2) SMK Seri Nering, Besut, Terengganu	3) SK Tempinis, Besut, Terengganu 4) SK Kampung Bukit (HN), Setiu, Terengganu (**Gambar 22.14** dan **22.15**)
Kerangka Lantai Kabin Telah Berkarat Kerana Tidak Dicat Dengan Sempurna	1) SMK Kompleks Megabang Telipot, Kuala Terengganu, Terengganu (**Gambar 22.16**) 2) SMK Lundu, Lundu, Sarawak 3) SK Minden Height, Gelugor, Pulau Pinang 4) SMK Permatang Pasir, Permatang Pauh, Pulau Pinang	5) SK Bertam Indah, Kepala Batas, Pulau Pinang 6) SK Jelutong, Jelutong, Pulau Pinang 7) SK Batu Lanchang, Batu Lanchang, Pulau Pinang 8) SMK Penanti, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
Lantai Bilik Darjah Renggang/ Pecah Atau Pemasangannya Tidak Sempurna	1) SMK Seri Garing, Rawang, Selangor (**Gambar 22.17**)	2) SMK Tatau, Bintulu, Sarawak
Pintu Kabin Tidak Berkualiti Atau Pintu Tidak Boleh Dibuka Sepenuhnya Akibat Pemasangan Jeriji	1) SK Ladang Gajah Mati, Dungun, Terengganu 2) SK Lintang, Dungun, Terengganu 3) SK Merbau Menyusut, Setiu, Terengganu 4) SK Darat Batu Rakit, Kuala Terengganu, Terengganu (**Gambar 22.18**)	5) SMK Kompleks Megabang Telipot, Kuala Terengganu, Terengganu 6) SK Minden Height, Gelugor, Pulau Pinang (**Gambar 22.19**) 7) SMK Taman Perwira, Simpang Ampat, Pulau Pinang 8) SK Sungai Ara, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Dahan Pokok Berhampiran Kabin Tidak Dipotong Sepenuhnya	1) SK Minden Height, Gelugor, Pulau Pinang	2) SK Sungai Ara, Bayan Lepas, Pulau Pinang (**Gambar 22.20**)
Aluminium Louvres And Roof Covering Di Bumbung Dipasang Terbalik Menyebabkan Air Hujan Merecik Ke Arah Kabin	1) SK Minden Height, Gelugor, Pulau Pinang 2) SK Sungai Ara, Bayan Lepas, Pulau Pinang	3) SMK Taman Perwira, Simpang Ampat, Pulau Pinang
Penyambungan Bekalan Elektrik Tidak Kemas / Gangguan Bekalan Elektrik	1) SK Menawo, Keningau, Sabah 2) SK Binaong, Keningau, Sabah 3) SK Taman Putra Perdana, Puchong, Selangor 4) SMK Seri Garing, Rawang, Selangor 5) SK Minden Height, Gelugor, Pulau Pinang	6) SK Seri Permai, Bayan Baru, Pulau Pinang 7) SK Tebakang, Serian, Sarawak 8) SMK Taee, Serian, Sarawak 9) SMK Saribas, Betong, Sarawak 10) SMK Gedong, Serian, Sarawak

GAMBAR 22.12



SMK Seri Nering, Besut, Terengganu
- Pad Footing Tidak Rapat Dengan Tiang Lantai Kabin
(02.11.2010)

GAMBAR 22.13



SK Jelutong, Jelutong, Pulau Pinang
- Tuku Tidak Disusun Dengan Teratur
(15.12.2010)

GAMBAR 22.14



SK Kampung Bukit (HN), Setiu, Terengganu
- Kerja Pad Footing Tidak Dilaksanakan Dengan Memuaskan (Mengandungi Cebisan Beg Simen)
(31.10.2010)

GAMBAR 22.15



SK Kampung Bukit (HN), Setiu, Terengganu
- Kerja Floor Slabs Tidak Dilaksanakan Dengan Memuaskan (Berpasir)
(31.10.2010)

GAMBAR 22.16



SMK Kompleks Megabang Telipot,
Kuala Terengganu, Terengganu
- Kerangka Lantai Telah Berkarat
(01.11.2010)

GAMBAR 22.17



SMK Seri Garing, Rawang, Selangor
- Lantai Bilik Darjah Renggang
(25.08.2010)

GAMBAR 22.18



SK Darat Batu Rakit,
Kuala Terengganu, Terengganu
- Pintu Tidak Boleh Dibuka Sepenuhnya
(31.10.2010)

GAMBAR 22.19



SK Minden Height, Gelugor, Pulau Pinang
- Pintu Kabin Tidak Berkualiti
(13.12.2010)



GAMBAR 22.20

SK Sungai Ara, Bayan Lepas, Pulau Pinang
- Dahan Pokok Di Atas Kabin
Tidak Dipotong Sepenuhnya
(13.12.2010)

c. Kerja-kerja pembinaan kabin yang tidak berkualiti telah menimbulkan ketidakselesaan kepada pelajar dan guru yang menggunakan kabin tersebut. Selain itu, tempoh hayat kabin tidak akan mencapai tahap yang ditetapkan dan Kerajaan akan menanggung kos yang tinggi bagi membaik pulih atau menyenggarakan asetnya. Ianya juga memberi imej yang tidak baik terhadap projek yang dilaksanakan oleh Kementerian.

d. Pihak Audit difahamkan kerja pembinaan yang tidak berkualiti dan tidak kemas adalah disebabkan antara lain kontraktor tidak melaksanakan kerja dengan teliti dan menyelia pekerjanya dengan berkesan. Selain itu, ianya juga berpunca daripada ketiadaan pemantauan dan penyeliaan yang berkesan oleh perunding/pegawai Bahagian Pembangunan.

e. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian telah mengarahkan kontraktor terlibat untuk membaiki semua kerosakan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan dan siap sebelum 8 Mei 2011 serta laporan mengenainya akan diserah kepada pihak Audit sebelum akhir bulan Mei 2011.*

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memberi penekanan ke atas mutu kerja kontraktor bagi setiap projeknya. Sehubungan itu, Kementerian disaran untuk mempertingkatkan pemantauan ke atas pengesahan kerja yang dilakukan oleh perunding serta memastikan segala kerja yang tidak berkualiti dibaiki tanpa tambahan kos.

22.4.2.4. Skop Dan Spesifikasi Kerja Tidak Menyeluruh

a. Kerja pembinaan kabin hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan kabin yang dibina dapat diguna secara optimum dan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan serta tidak memerlukan kerja tambahan pada masa akan datang.

b. Semakan Audit mendapati spesifikasi/skop kerja yang dilaksanakan di 51 (86.4%) daripada 59 sekolah yang dilawati adalah tidak menyeluruh kerana terdapat beberapa kerja yang perlu tidak dimasukkan dalam skop/spesifikasi kerja. Antara skop/spesifikasi kerja yang tidak menyeluruh serta kesan daripadanya adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 22.9
SKOP/SPESIFIKASI KERJA TIDAK MENYELURUH

KERJA TIDAK MENYELURUH	KESAN	SEKOLAH
Pemasangan UPVC *Rainwater Downpipe* Tidak Ditanam Dalam *Apron* (Kaki Lima)/ Tidak Disalurkan Hingga Ke Tanah/ Longkang	Paip Mudah Pecah Dipijak Oleh Pelajar Dan Air Melimpah Di Sekitar Kaki Lima Kabin Menyebabkan Air Bertakung. Keadaan Ini Menimbulkan Ketidakselesaan Kepada Pelajar Dan Guru Khususnya Semasa Hari Hujan Serta Menjadi Tempat Pembiakan Nyamuk	1) SK Tengku Mahmud II, Besut, Terengganu 2) SMK Seri Nering, Besut, Terengganu 3) SK Tempinis, Besut, Terengganu 4) SK Oh, Besut, Terengganu 5) SK Kampung Bukit (HN), Setiu, Terengganu **(Gambar 22.21)** 6) SK Ladang Gajah Mati, Dungun, Terengganu 7) SK Lintang, Dungun, Terengganu 8) SK Minden Hight, Gelugor, Pulau Pinang 9) SMK Taman Perwira, Simpang Ampat, Pulau Pinang 10) SK Sungai Ara, Bayan Lepas, Pulau Pinang 11) SK Batu Lanchang, Batu Lanchang, Pulau Pinang 12) SMK Permatang Pasir, Permatang Pauh, Pulau Pinang 13) SMK Bandar Baru Bangi, Bangi, Selangor 14) SMK Seri Gombak, Batu Caves, Selangor 15) SMK Bandar Baru Sg. Long, Kajang, Selangor 16) SK Taman Putra Perdana, Puchong, Selangor 17) SMK Seri Garing, Rawang, Selangor 18) SMK Seri Serdang, Serdang, Selangor 19) SMK USJ4, Subang Jaya, Selangor 20) SMK Seksyen 24(2), Shah Alam, Selangor 21) SK Binaong, Keningau, Sabah
Longkang Tidak Dimasukan Dalam Skop Kerja/Tidak Dibina Di Sekeliling Kabin/Air Bertakung/ Tapak Kabin Lebih Rendah Dari Aras Longkang	Air Hujan Tidak Dapat Mengalir Keluar Kawasan Kabin Menyebabkan Air Bertakung. Selain Itu,Terdapat Kes Di Mana Tapak Kabin Adalah Lebih Rendah Dari Aras Longkang Yang Menyebabkan Air Bertakung	1) SK Kampung Bukit (HN), Setiu, Terengganu **(Gambar 22.21)** 2) SK Bundu, Keningau, Sabah 3) SK Magatang, Keningau, Sabah 4) SK Ulu Liawan, Keningau, Sabah 5) SK Lapasan, Kota Kinabalu, Sabah 6) SK Kitobu, Kota Kinabalu, Sabah 7) SK Tombovo, Kota Kinabalu, Sabah 8) SK Permatang Damar Laut, Bayan Lepas, Pulau Pinang 9) SK Permatang Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang 10) SK Sungai Rusa, Balik Pulau, Pulau Pinang 11) SK Tebakang, Serian, Sarawak 12) SMK Taee, Serian, Sarawak 13) SMK Pusa, Betong, Sarawak 14) SMK Asajaya, Samarahan, Sarawak 15) SMK Gedong, Serian, Sarawak 16) SMK Simunjan No. 1, Simunjan, Sarawak 17) SK Tuanku Bagus, Sebuyau, Sarawak **(Gambar 22)** 18) SMK Tatau, Bintulu, Sarawak 19) SMK Baru, Bintulu, Sarawak 20) SMK Saribas, Betong, Sarawak
Bahagian Bawah Kabin Tidak Ditutup	Sukar Membersihkan Bahagian Bawah Kabin Menyebabkan Bahagian Bawah Kabin Boleh Dimasuki Binatang Liar Dan Diliputi Sampah Sarap	1) SMK Puchong Utama (1), Petaling, Selangor 2) SMK Bandar Baru Sg. Long, Kajang, Selangor 3) SMK Seri Garing, Rawang, Selangor 4) SMK Seksyen 24(2), Shah Alam, Selangor 5) SMK Bandar Baru Bangi, Bangi, Selangor 6) SK Minden Hight, Gelugor, Pulau Pinang 7) SMK Taman Perwira, Simpang Ampat, Pulau Pinang **(Gambar 22.23)** 8) SK Sungai Ara, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Kawasan Kabin Tidak Berpagar	Keseluruhan Kawasan Kabin Terdedah Kepada Pencerobohan	1) SK Gudon, Kota Kinabalu, Sabah 2) SK Baru, Bintulu, Sarawak **(Gambar 22.24)**

GAMBAR 22.21



SK Kampung Bukit (HN), Setiu, Terengganu
- UPVC Rainwater Downpipe Tidak Ditanam Dalam Apron Dan Tiada Longkang Dibina Menyebabkan Air Bertakung
(31.10.2010)

GAMBAR 22.22



SK Tuanku Bagus, Sebuyau, Sarawak
- Longkang Tidak Dimasukkan Dalam Skop Kerja Menyebabkan Air Bertakung
(13.10.2010)

GAMBAR 22.23



SMK Taman Perwira, Simpang Ampat, Pulau Pinang
- Bahagian Bawah Kabin Tidak Ditutup Menyebabkan Ia Dipenuhi Sampah Sarap
(14.12.2010)

GAMBAR 22.24



SK Baru, Bintulu, Sarawak
- Pembinaan Pagar Baru Tidak Meliputi Keseluruhan Kawasan Kabin/Sekolah
(15.10.2010)

c. Kerja yang tidak menyeluruh boleh menjejaskan sesi pembelajaran dan pengajaran. Berdasarkan maklum balas daripada soal selidik, sebanyak 12.8% pelajar dan 17.1% guru tidak berpuas hati terhadap persekitaran dan keselesaan bilik darjah (kabin) yang dibina antaranya disebabkan oleh pengudaraan kabin yang panas dan reka bentuk yang kurang sesuai dengan pelajar yang agresif.

d. *Berdasarkan maklum balas, Bahagian Pembangunan telah menyediakan Arahan Perubahan Kerja (APK) yang diangkat kepada Jawatankuasa di peringkat Kementerian bagi memutuskan sama ada skop kerja yang tiada dalam kontrak perlu dilaksanakan atau tidak.*

Pada pendapat Audit, skop/spesifikasi kerja pembinaan kabin hendaklah disediakan secara menyeluruh supaya pembinaan kabin mencapai objektif serta dapat digunakan dengan sempurna, selamat dan Kerajaan mendapat *value for money*. Sehubungan itu, pihak pengurusan sekolah perlu dilibatkan semasa menyediakan butiran kerja supaya ia lebih memenuhi kehendak pengguna.

22.4.2.5. Perkhidmatan Selepas Kerja Siap


a. Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk memastikan apa-apa kecacatan yang berlaku dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan diperbaiki tanpa melibatkan kos tambahan kepada Kerajaan. Kecacatan yang berlaku dalam tempoh jaminan ini perlu direkod mengenai tarikh dan jenis kerosakan berlaku serta melaporkan kepada pihak kontraktor untuk tujuan pembaikan.

b. Lawatan Audit mendapati beberapa kecacatan yang berlaku dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan namun kontraktor belum melaksanakan kerja pembaikan. Antara kecacatan yang ditemui adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 22.10
PERKHIDMATAN SELEPAS KERJA SIAP TIDAK DILAKSANAKAN

KECACATAN KERJA	KONTRAKTOR	BIL. SEKOLAH TERLIBAT
Soft Board Telah Berkulat (**Gambar 22.25**)	Amasteg Sdn. Bhd.	4
	Arash Osrah Sdn. Bhd.	8
Siling Melendut/Tercabut/Jatuh (**Gambar 22.26**)	Amasteg Sdn. Bhd.	3
	Perwira Progresif Construction Sdn. Bhd.	3
	Perwira Indah Sdn. Bhd.	4
	Auxicorp Construction And Engineering Sdn. Bhd.	2
	Jurudaya Construction Sdn. Bhd.	2
	Arash Osrah Sdn. Bhd.	3
Bumbung Bocor Dan Berlaku Resapan Air Pada Siling (**Gambar 22.27**)	Nur Karisma Enterprise Sdn. Bhd.	2
	Perwira Progresif Construction Sdn. Bhd.	3
	Perwira Indah Sdn. Bhd.	1
	Arudaya Sdn. Bhd.	1
	Jurudaya Construction Sdn. Bhd.	2
	Arash Osrah Sdn. Bhd.	1
Dinding Diresapi Air (Bocor); Kemasan Dinding Rosak; Cat Di Bahagian Dinding Luar Telah Terkopek (**Gambar 22.28**)	Nur Karisma Enterprise Sdn. Bhd.	2
	Perwira Indah Sdn. Bhd.	1
	Mega PJ Sdn. Bhd.	1
Pemasangan *Rolled Non-Slip Vinyl Sheet* Di Lantai Tidak Kemas Dan Telah Merekah; *Cement Board* Telah Tercabut/Pecah (**Gambar 22.29** dan **22.30**); Kemasan Lantai Telah Rosak/Tercabut	Amasteg Sdn. Bhd.	3
	Perwira Progresif Construction Sdn. Bhd.	3
	Mega PJ Sdn. Bhd.	1
	Arash Osrah Sdn. Bhd.	1
Sebahagian Kerusi Dan Meja Pelajar Telah Dimakan Bubuk (**Gambar 22.31**)	Arash Osrah Sdn. Bhd.	7

GAMBAR 22.25



SK Tengku Mahmud II, Besut, Terengganu
- Soft Board Berkulat
(2.11.2010)

GAMBAR 22.26



SMK Gedong, Serian, Sarawak
- Siling Melendut
(13.10.2010)

GAMBAR 22.27



SMK Asajaya, Samarahan, Sarawak
- Berlaku Resapan Air Pada Siling
Akibat Bumbung Bocor
(11.10.2010)

GAMBAR 22.28



SMK Bandar Baru Bangi, Bangi, Selangor
- Cat Bahagian Dinding Luar Telah Terkopek
(28.10.2010)

GAMBAR 22.29



GAMBAR 22.30



SK Tombovo, Kota Kinabalu, Sabah
- Cement Board Di Koridor Telah Tercabut Dan Merekah
(19.10.2010)



GAMBAR 22.31

SK Sungai Ara, Bayan Lepas, Pulau Pinang
- Meja Pelajar Dimakan Bubuk
(13.12.2010)

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti mengenai laporan kerosakan yang telah dibuat kepada perunding/kontraktor. Ada juga pihak sekolah yang tidak mengetahui berkenaan Tempoh Tanggungan Kecacatan projek kabin dan tatacara pelaksanaan aduan selepas Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Ini adalah kerana tiada taklimat ataupun panduan diberikan kepada mereka tentang langkah yang perlu diambil apabila berlakunya kerosakan.

d. Keengganan kontraktor membaiki dengan segera kerosakan ini akan menyebabkan kerosakan bertambah serius yang boleh mencacatkan struktur kabin dan mengganggu tumpuan guru/pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, sekiranya pihak sekolah tidak melaporkan kerosakan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan maka ia akan merugikan Kerajaan kerana kos pembaikan akan ditanggung oleh Kerajaan walaupun sebenarnya kerosakan tersebut berlaku dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Sehubungan itu, maklum balas daripada soal selidik yang diedarkan mendapati 16.1% pelajar dan 55.7% guru tidak berpuas hati terhadap perkhidmatan kontraktor selepas kerja siap.

e. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian telah mengarahkan kontraktor untuk melaksanakan pembaikan dengan kadar segera kecuali bagi kerosakan yang disebabkan oleh faktor vandalisme. Dengan itu, satu siasatan akan dilakukan pada bulan April 2011 untuk mengenal pasti semua kecacatan selepas kerja siap dan seterusnya menentukan sama ada kontraktor perlu mengambil tindakan pembaikan atau sebaliknya.*

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memberi perhatian terhadap pengurusan Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi memastikan kerosakan yang berlaku dalam tempoh tersebut dapat dikenal pasti dan dibaiki segera melalui satu sistem pelaporan berkala yang berkesan. Panduan untuk meningkatkan pengetahuan pihak sekolah mengenai tatacara melaporkan kecacatan perlu diadakan dengan memberi penjelasan terperinci mengenai tanggungjawabnya.

22.4.2.6. Kerosakan Infrastruktur Akibat Kerja Pembinaan Oleh Kontraktor Belum/Tidak Dibaiki Dengan Sempurna

a. Mengikut fasal 32 syarat kontrak, kontraktor adalah bertanggungjawab terhadap apa jua kerosakan lain di bangunan/tempat yang berkaitan yang diakibatkan oleh kecuaian kontraktor semasa melaksanakan kerja pembinaan. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati berlaku kerosakan infrastruktur di 4 sekolah yang disebabkan kerja pembinaan kabin yang belum dibaiki oleh kontraktor. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 22.11
KEROSAKAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH YANG BELUM DIBAIKI OLEH KONTRAKTOR

SEKOLAH	KEROSAKAN KERJA
SMK Bandar Baru Bangi, Bangi, Selangor	Longkang Dan Susur Gajah Pecah (**Gambar 22.32** dan **22.33**)
SMK Gedong, Serian, Sarawak	Laluan Masuk Ke Tapak Bina (**Gambar 22.34**)
SMK Kidurong, Bintulu, Sarawak	Padang Digunakan Sebagai Jalan Masuk Ke Tapak Bina (**Gambar 22.35**)
SMK Penanti, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Satu Tiang Pagar Tidak Dipasang Semula Selepas Pagar Dibuka Dan Longkang Pecah (**Gambar 22.36**)

GAMBAR 22.32



SMK Bandar Baru Bangi, Bangi, Selangor
- Longkang Pecah Masih Belum Dibaiki Dengan Sempurna
(28.10.2010)

GAMBAR 22.33



SMK Bandar Baru Bangi, Bangi, Selangor
- Susur Gajah Masih Belum Dibaiki
(28.10.2010)

GAMBAR 22.34



SMK Gedong, Serian, Sarawak
- Kerosakan Di Laluan Masuk Masih Belum Dibaiki
(13.10.2010)

GAMBAR 22.35



SMK Kidurong, Bintulu, Sarawak
- Padang Digunakan Sebagai Jalan Masuk Ke Tapak Bina Masih Belum Dibaiki Mengakibatkan Air Bertakung
(13.10.2010)



GAMBAR 22.36

SMK Penanti, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- Satu Tiang Pagar Tidak Dipasang Semula Selepas Pagar Dibuka Dan Longkang Pecah Tidak Dibaiki Dengan Sempurna
(14.12.2010)

b. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian telah mengarahkan kontraktor terlibat untuk membaiki kerosakan dan mengesahkan bahawa kerosakan yang ditemui telah dibaiki dengan memuaskan.* Bagaimanapun, maklum balas ini tidak disokong dengan bukti bergambar untuk pengesahan pihak Audit.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah mengarahkan kontraktor membaiki segera kerosakan tersebut dan memastikan kejadian sedemikian tidak berlaku di sekolah lain yang tidak dilawati oleh pihak Audit.

22.4.3. Pemantauan Terhadap Kerja Pembinaan Kabin

Pemantauan terhadap kerja-kerja pembinaan kabin di sekolah hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap pemantauan yang dijalankan adalah seperti berikut:

22.4.3.1. Pemantauan Oleh Kementerian

Bahagian Pembangunan adalah bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan pembinaan kabin dan perolehan perabot. Adalah didapati Bahagian Pembangunan mengadakan mesyuarat bagi tujuan menyelaras dan memantau projek berkenaan. Antara mesyuarat yang diadakan setiap bulan di peringkat Kementerian adalah Mesyuarat Pemantauan Projek Pembangunan dan Mesyuarat Bersama Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan Perunding Projek Kabin. Selain itu, Mesyuarat Khas Penyelarasan Pelaksanaan Projek Pembangunan Pendidikan Sabah juga telah diadakan setiap suku tahun.

22.4.3.2. Pemantauan Oleh Perunding

Selain Bahagian Pembangunan, pemantauan terhadap kerja projek pembinaan kabin juga dilaksanakan oleh perunding. Tugas utama perunding ini adalah untuk menyedia skop kerja dan menyelia/memantau pelaksanaan kerja pembinaan sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Perunding juga bertanggungjawab mengesahkan kerja telah siap dilaksanakan sebelum Bahagian Pembangunan meluluskan bayaran kepada kontraktor. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya pemantauan kerja pembinaan kabin oleh perunding adalah kurang berkesan. Ini kerana terdapat kes di mana perunding telah mengesahkan kerja dilaksana dengan sempurna tetapi kerja tersebut tidak dilaksanakan langsung/tidak dilaksanakan dengan sempurna. Selain itu, perunding juga tidak menyediakan laporan dan arahan mengenai kerosakan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan yang perlu dibaiki oleh kontraktor, serta gagal memastikan kontraktor membaiki kerosakan infrastruktur sedia ada.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mempertingkatkan penyeliaan terhadap perunding yang dilantik. Tindakan perlu diambil terhadap perunding yang gagal melaksanakan tugas dengan teratur dan berkesan khususnya terhadap pengesahan siap kerja.

22.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil tindakan seperti berikut:

22.5.1. Memastikan projek pembinaan melalui peruntukan PRE 2 dilaksanakan dan peruntukan dibelanjakan dengan cekap supaya dapat mendorong pencapaian objektif PRE 2 iaitu bagi merangsangkan ekonomi negara.

22.5.2. Memastikan pembayaran hanya dilakukan ke atas kerja yang telah dilaksanakan sepenuhnya dengan mendapatkan bantuan pihak PPD/sekolah dalam mengesahkan perakuan siap kerja oleh perunding. Sehubungan itu, Kementerian hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap semua sekolah terlibat bagi memastikan segala kerja pembinaan dan bekalan perabot yang dilaksana/dibekalkan oleh kontraktor dengan kadar segera.

22.5.3. Memastikan spesifikasi/skop kerja yang disediakan mengambil kira pandangan pihak sekolah dan sebarang perubahan spesifikasi/skop kerja asal hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa.

22.5.4. Mempertingkatkan pemantauan ke atas pengesahan kerja yang dilakukan oleh perunding yang dilantik serta mengarahkan kontraktor membaiki kerja pembinaan/bekalan yang tidak berkualiti serta kecacatan tanpa tambahan kos. Selain itu, Kementerian juga perlu mengambil tindakan terhadap perunding yang gagal melaksanakan tugas dengan teratur dan berkesan khususnya terhadap pengesahan siap kerja.

22.5.5. Memastikan spesifikasi/skop kerja pembinaan disediakan secara menyeluruh supaya projek pembinan mencapai objektif serta Kerajaan mendapat *value for money*. Selain itu, pengurusan sekolah perlu dilibatkan semasa menyediakan butiran kerja supaya ia lebih memenuhi kehendak pengguna.

22.5.6. Memberi perhatian terhadap pengurusan Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi memastikan kerosakan yang berlaku di semua sekolah dapat dikenal pasti dan dibaiki segera. Selain itu, Kementerian juga hendaklah memastikan kerosakan terhadap infrastruktur sedia ada di sekolah lain yang tidak dilawati oleh pihak Audit diperbaiki dengan segera. Panduan untuk meningkatkan pengetahuan pihak sekolah mengenai tatacara melaporkan kecacatan perlu diadakan dengan memberi penjelasan terperinci mengenai tanggungjawabnya.

23. PROJEK MAKMAL KOMPUTER SEKOLAH

23.1. LATAR BELAKANG

23.1.1. Projek makmal komputer sekolah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran murid dalam mencapai maklumat melalui kemudahan ICT dan menggalakkan penyertaan murid sekolah yang celik IT di bandar dan luar bandar. Kaedah pelaksanaan projek adalah melalui pembinaan makmal komputer baru atau naik taraf bilik sedia ada kepada makmal komputer serta perolehan peralatan ICT dan perabot.

23.1.2. Di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian), Bahagian Pembangunan (BP) bertanggungjawab merancang pembinaan/naik taraf infrastruktur (Fasa 4) bagi makmal komputer sekolah dengan kos projek RM302.14 juta. Manakala Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset (BPPA) bertanggungjawab bagi perolehan peralatan ICT/perabot untuk semua negeri kecuali Sabah. Peralatan ICT dan perabot meliputi Komputer Peribadi (PC), Pelayan (Server) dan komponen berkaitan, peralatan ICT sokongan, kemudahan sistem rangkaian dan *SchoolNet.* Kementerian telah menawarkan pembekalan peralatan ICT/perabot kepada 8 syarikat mengikut zon dengan nilai kontrak RM215.12 juta. Selain itu, terdapat lain-lain bahagian di Kementerian yang terlibat bersama membantu dalam melengkapkan spesifikasi makmal komputer. Cawangan Kerja Pendidikan, Jabatan Kerja Raya (JKR) menyediakan pelan bangunan makmal komputer semua negeri kecuali di Sabah. Manakala JKR Daerah pula bertanggungjawab sebagai Penguasa Projek yang juga menguruskan perolehan pembinaan makmal kecuali bagi Sekolah Bestari.

23.1.3. Bagi negeri Sabah, Syarikat TimeCom Holdings Sdn. Bhd. (kontraktor) telah dilantik secara rundingan terus dengan nilai kontrak RM160.73 juta. Kontrak ini adalah untuk mereka bentuk, membina dan menyiapkan serta membekal peralatan ICT bagi 300 makmal komputer. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina (Design And Build) dan kontraktor tersebut pula telah melantik beberapa perunding mengikut bidang profesion binaan. JKR Negeri bertindak sebagai Pengurus Projek.

23.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada projek makmal komputer sekolah telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

22.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan makmal komputer sekolah serta perolehan peralatan ICT dan perabot bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan serta lawatan Audit dilaksanakan di peringkat Kementerian, 5 JKR Negeri, 20 JKR Daerah dan 68 sekolah.

23.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya objektif pembinaan makmal komputer telah tercapai kecuali di Sekolah Harian di Sabah dan Sekolah Bestari. Kelemahan yang ditemui adalah seperti prestasi pembinaan projek di Sekolah Harian di Sabah dan Sekolah Bestari tidak memuaskan; kerja pembinaan tidak sempurna dan peralatan ICT tidak dibekalkan sepenuhnya; skop kerja tidak praktikal/tidak sesuai; pemantauan projek kurang memuaskan dan latihan tidak berterusan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan pihak terlibat adalah seperti di perenggan berikut:

23.4.1. Prestasi Pencapaian Projek

a. Kementerian merancang untuk membina/naik taraf infrastruktur bagi 756 makmal komputer dengan kos RM302.14 juta. Sehingga bulan Disember 2010, sebanyak 428 makmal komputer (56.6%) telah siap dibina dan jumlah keseluruhan kos projek yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM252.68 juta (83.6%). Manakala bagi perolehan peralatan ICT yang melibatkan kontrak berjumlah RM215.12 juta, adalah didapati sebanyak RM116.94 juta (54.4%) telah dibelanjakan sehingga bulan Disember 2010. Butiran lanjut prestasi pencapaian projek bagi makmal komputer dan peralatan ICT adalah seperti di **Jadual 23.1** dan **23.2**. Bagi makmal Sekolah Bestari, Bahagian Pembangunan Kementerian bertanggungjawab menguruskan perolehan dan pembinaannya, manakala Sekolah Harian adalah di bawah tanggungjawab JKR Daerah. Bagaimanapun semua perolehan perabot dan peralatan ICT diuruskan oleh Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset, Kementerian.

JADUAL 23.1
PRESTASI PROJEK MAKMAL KOMPUTER (FASA 4) SETAKAT BULAN DISEMBER 2010

NEGERI/ AGENSI	KEMENTERIAN (SEKOLAH BESTARI)				JKR			
	BIL. PROJEK		KOS PROJEK (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	BIL. PROJEK		KOS PROJEK (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)
	RANCANG	SIAP			RANCANG	SIAP		
Perlis	-	-	-	-	2	2	0.70	0.52
Kedah	-	-	-	-	9	9	2.32	1.25
Pulau Pinang	-	-	-	-	9	9	2.70	2.29
Perak	6	0	4.96	1.16	41	41	10.40	8.13
Kelantan	-	-	-	-	14	14	4.56	3.77

NEGERI/ AGENSI	KEMENTERIAN (SEKOLAH BESTARI)				JKR			
	BIL. PROJEK		KOS PROJEK (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	BIL. PROJEK		KOS PROJEK (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)
	RANCANG	SIAP			RANCANG	SIAP		
KESEDAR	-	-	-	-	2	2	0.37	0.23
Terengganu	-	-	-	-	16	16	6.02	4.30
Pahang	-	-	-	-	16	16	2.74	3.37
Selangor	6	0	4.11	0.30	31	31	11.95	11.14
Negeri Sembilan	-	-	-	-	27	27	6.52	5.42
Melaka	-	-	-	-	29	29	6.86	6.61
Johor	8	0	5.90	0.05	34	34	10.88	7.52
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	7	0	5.62	0.82	17	17	5.80	5.36
Wilayah Persekutuan Putrajaya	-	-	-	-	0	0	0.00	0.00
Wilayah Persekutuan Labuan	-	-	-	-	0	0	0.00	0.00
Sarawak	-	-	-	-	182	179	49.00	58.55
Sabah	-	-	-	-	300	2	160.73 *	131.89 *
JUMLAH	**27**	**0**	**20.59**	**2.33**	**729**	**428**	**281.55**	**250.35**

Nota:(*) – Angka Ini Termasuk Peralatan ICT

JADUAL 23.2
PRESTASI PERBELANJAAN PERALATAN ICT BAGI MAKMAL KOMPUTER (FASA 4)
SETAKAT BULAN DISEMBER 2010

SYARIKAT/NEGERI/ZON	NILAI KONTRAK (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)
Iter Niaga Sdn. Bhd. (Perlis, Kedah Dan Pulau Pinang)	26.97	18.51
Megahtron Unik Sdn. Bhd. (Perak, Kelantan Dan Terengganu)	20.17	18.61
Precision Portal Sdn. Bhd. (Pahang)	22.66	2.27
Emprical Systems (M) Sdn. Bhd. (Selangor)	28.30	27.94
Naluri Pintar Sdn. Bhd. (Negeri Sembilan, Melaka, Johor, W.P. Kuala Lumpur Dan W.P. Putrajaya)	21.70	21.16
Tech Innovasi Sdn. Bhd. (Zon 1 (A) - Sabah, Sarawak Dan W.P. Labuan)	34.36	6.50
Kaypi Technologies (M) Sdn. Bhd. (Zon 1 (B) - Sabah, Sarawak Dan W.P. Labuan)	30.75	9.34
Thames Technology Sdn. Bhd. (Zon 1 (C) - Sabah, Sarawak Dan W.P. Labuan)	30.21	12.61
JUMLAH	**215.12**	**116.94**

b. Semakan Audit mendapati kesemua 27 makmal komputer Sekolah Bestari yang diuruskan oleh Kementerian telah gagal disiapkan sepenuhnya dan diserahkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Manakala bagi projek makmal komputer Sekolah Harian di Sabah, hanya 2 daripada 300 makmal komputer siap/diserahkan dan digunakan. Bagi kedua-dua projek ini, perbelanjaannya masing-masing mencapai 11.3% dan 82.1%. Bagi perolehan peralatan ICT pula, prestasi perbelanjaannya adalah memuaskan iaitu mencapai 54.4%.

Pada pendapat Audit, prestasi kemajuan kerja dan perbelanjaan projek makmal komputer yang diuruskan oleh JKR adalah baik. Bagaimanapun, projek makmal komputer Sekolah Harian di Sabah dan Sekolah Bestari tidak mencapai objektifnya kerana kontraktor gagal menyiapkan dan menyerahkan projek mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

23.4.2. Projek Makmal Komputer Sekolah Harian Di Sabah

Kontrak (No. Kontrak: KP/BPP/PEM/1/2007) bagi Projek Mereka Bentuk, Membina Dan Menyiapkan 300 Projek Makmal Komputer Di Sekolah Rendah Dan Menengah Zon Sabah telah ditandatangani pada 15 Jun 2007 di antara Kementerian dengan Syarikat TimeCom Holdings Sdn. Bhd. (kontraktor) berjumlah RM160.73 juta dan JKR Sabah dilantik sebagai Pengurus Projek. Kontrak ini meliputi kerja pembinaan bangunan dan bekalan perabot berjumlah RM113.73 juta serta bekalan dan pemasangan peralatan ICT berjumlah RM47 juta. Tempoh siap projek adalah 18 bulan iaitu mulai 31 Oktober 2006 hingga 30 April 2008. Semakan Audit terhadap perolehan dan pelaksanaan projek makmal komputer di Sabah mendapati perkara seperti berikut:

23.4.2.1. Pelantikan Kontraktor

a. Bagi memastikan hanya kontraktor yang layak menyertai kerja pembinaan, Arahan Perbendaharaan 184.1(d) menghendaki jabatan mempelawa hanya kontraktor kerja awam dan kerja elektrik yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Manakala Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995 menyatakan agensi yang mengambil bahagian di dalam perolehan hendaklah berdaftar di bawah kelas/kod bidang, kepala dan sub-kepala yang bertepatan dengan perolehan yang dibuat dan pendaftarannya masih berkuat kuasa dengan Kementerian Kewangan/PKK. Selain itu, kontrak perlu ditandatangani secepat mungkin dan selewat-lewatnya 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontraktor tidak berdaftar dengan PKK dan merupakan kontraktor dalam pengkhususan Kerja Am Elektrik dan bukannya dalam pengkhususan pembinaan. Adalah juga didapati SST telah dikeluarkan pada 20 Oktober 2006 dan dipersetujui pada 30 Oktober 2006. Bagaimanapun, kontrak hanya ditandatangani selepas 8 bulan dari tarikh SST dikeluarkan iaitu pada 15 Jun 2007.

b. Selain itu, semakan terhadap fail projek makmal komputer di Kementerian mendapati syarikat ini telah pun melaksanakan projek makmal komputer sekolah dalam Fasa 1 bagi membina 200 makmal komputer di Sabah. Projek ini meliputi tempoh 6 bulan bermula 2 November 2001 hingga 1 Mei 2002 melalui kontrak Projek Penyediaan Infrastruktur Fizikal dan Pengkomputeran di Sekolah Rendah dan Menengah di seluruh Sabah. Projek ini telah gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan

dengan itu, telah dilanjutkan tempoh kontrak selama 3 bulan iaitu dari 2 Mei 2002 hingga 1 Ogos 2002. Bagaimanapun, kontraktor masih tidak dapat menyiapkan projek dan memohon lanjutan masa yang kedua tetapi ianya tidak diluluskan. Setakat 31 Ogos 2003, sebanyak 168 makmal (84%) sahaja yang telah diserahkan. Di samping itu, JKR telah melaporkan 6 daripada 168 makmal tersebut tidak selamat digunakan.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan kontraktor mematuhi syarat dan menandatangani kontrak dalam masa yang ditetapkan. Ini bagi memastikan suatu kontrak formal diwujudkan bagi menguatkuasakan syarat kontrak dan menjaga kepentingan Kerajaan serta memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar. Selain itu, Kerajaan hendaklah memastikan hanya kontraktor yang berwibawa dilantik bagi memperolehi *value for money.*

23.4.2.2. Prestasi Pembinaan Makmal Komputer Di Sabah

Kontrak yang ditandatangani merupakan Kontrak *Design And Build* yang mana kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyedia skop kerja (berdasarkan input rekaan JKR Sabah). Kontraktor telah melantik 4 perunding mengikut skop bidang binaan bagi menyelia, memantau dan memperakui kerja yang dilaksanakan, kemudian dihantar kepada JKR Daerah untuk disahkan sebelum dikemukakan ke JKR Negeri untuk bayaran. Semakan Audit mendapati pembinaan projek makmal komputer sekolah di Sabah telah gagal kerana sehingga akhir tahun 2010, hanya 2 (0.7%) daripada 300 makmal komputer sekolah telah diserahkan kepada Kementerian walaupun telah diluluskan lanjutan masa selama 6 bulan sehingga 30 Oktober 2008 dan sejumlah RM98.90 juta (87%) daripada RM113.73 juta kos pembinaan telah dibayar. Kegagalan ini menyebabkan Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan [Liquidated and Ascertained Damages (LAD)] sebanyak RM3.17 juta bagi tempoh 1 November 2008 sehingga 11 Mei 2009 telah dikenakan. Status fizikal pelaksanaan projek semasa penamatan kontrak adalah seperti di **Jadual 23.3** dan **Gambar 23.1** hingga **23.4** adalah contoh makmal komputer yang belum disiapkan.

JADUAL 23.3
STATUS PENCAPAIAN PEMBINAAN MAKMAL KOMPUTER SEKOLAH DI SABAH

STATUS PENYIAPAN FIZIKAL	BILANGAN MAKMAL KOMPUTER
Siap	2
Melebihi 90%	137
80% Hingga 89%	110
30% Hingga 79%	8
0% Hingga 29%	40
Belum Mula	2
Dibatalkan	1
JUMLAH	**300**

GAMBAR 23.1



SK Bangau-Bangau, Semporna, Sabah
- Hanya Kerja Awal Tapak Sahaja Dilaksanakan
(09.10.2010)

GAMBAR 23.2



SK Nongkolud, Tuaran, Sabah
- Kerja Belum Dimulakan Di Tapak Bina
(04.10.2010)

GAMBAR 23.3



GAMBAR 23.4



SK Sulabayan, Semporna, Sabah
- Kerja Pembinaan Hanya Setakat Dinding Bangunan
(09.10.2010)

Berdasarkan maklum balas Kementerian, kontrak ini telah ditamatkan oleh Kementerian pada bulan Mac 2010. Kementerian telah membuat penilaian semula ke atas baki kerja yang tidak disiapkan dan melaksanakan sebut harga bagi menyiapkan projek yang mempunyai peratus siap fizikal melebihi 80% iaitu 251 buah. Status semasa adalah 93 buah projek telah disiapkan, 158 buah projek sedang dalam proses tender dan jangka siap pada November 2011. Baki 46 buah projek yang mempunyai peratus siap fizikal kurang daripada 50% dihentikan kerana kos kerja-kerja penyiapan akan menelan belanja yang tinggi. Walau bagaimanapun, Kementerian akan menyediakan makmal komputer alternatif dengan mengguna pakai bilik kelas yang kosong di sekolah. Ini adalah supaya proses pengajaran dan pembelajaran ICT dapat dipraktikkan di sekolah.

Pada pendapat Audit, projek makmal komputer Sekolah Harian di Sabah telah gagal mencapai objektifnya kerana hanya 2 daripada 300 makmal komputer sahaja dapat digunakan. Ini disebabkan kontraktor yang dilantik tidak berwibawa menyiapkan projek mengikut tempoh ditetapkan menyebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran ICT tidak dapat dilaksanakan.

23.4.2.3. Perolehan Peralatan ICT/Perabot

Bagi memastikan peralatan tidak dibeli terlalu awal atau lewat, Bahagian Pembangunan Kementerian telah menetapkan proses pembelian peralatan untuk bangunan baru hendaklah bermula apabila sesebuah projek bangunan mencapai tahap pembinaan sehingga 75%. Ini bagi memastikan peralatan dapat

dibekalkan tepat pada waktunya/serentak dengan penyiapan bangunan baru. Semakan Audit mendapati ketetapan ini tidak dipatuhi dan semasa lawatan Audit pada akhir tahun 2010 di bangunan makmal komputer SK Kepayan, Kota Kinabalu, stok peralatan ICT yang dibekalkan hampir 3 tahun lepas masih tidak digunakan. Peralatan ICT disimpan dalam kotak asalnya dan tidak diagih seperti di **Gambar 23.5** dan **23.6**. Keadaan ini berlaku kerana 99.3% makmal yang dibina gagal disiap dan diserahkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Adalah didapati juga sebahagiannya telah mengalami kerosakan fizikal akibat dari serangan anai-anai seperti di **Gambar 23.7** dan **23.8**.

GAMBAR 23.5



GAMBAR 23.6



SK Kepayan, Kota Kinabalu, Sabah
- Peralatan ICT Yang Disimpan Di Makmal Sekolah Yang Dijadikan Stor Sementara
(06.10.2010)

GAMBAR 23.7



GAMBAR 23.8



SK Kepayan, Kota Kinabalu, Sabah
- Peralatan ICT (Monitor) Yang Telah Diserang Anai-Anai
(06.10.2010)

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk menyiasat dan mengenal pasti tahap kerosakan perabot dan peralatan ICT supaya peralatan yang masih elok dapat diagih dengan segera dan yang rosak dibaik pulih/diganti.

23.4.3. Pembinaan Makmal Komputer Sekolah Di Semenanjung

Selain di Sabah, projek makmal komputer juga merangkumi pembinaan 274 makmal di Semenanjung dan 182 di Sarawak melibatkan Sekolah Harian dan Sekolah Bestari. Pemeriksaan terhadap projek makmal komputer sekolah bagi Semenanjung mendapati perkara seperti berikut:

23.4.3.1. Kos Pembinaan Makmal Komputer Sekolah Bestari Tinggi

Kementerian merancang melaksanakan 27 makmal komputer Sekolah Bestari melibatkan 4 negeri dengan kos berjumlah RM20.59 juta. Pemeriksaan Audit terhadap 8 makmal komputer mendapati perkara berikut:

a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1999 dan Bil. 7 Tahun 2008, Kerajaan perlu mengamalkan pengurusan kewangan dan berbelanja secara berhemat serta mementingkan *value for money* bagi mengawal perbelanjaannya serta mendapat faedah yang maksimum. Adalah didapati kos pembinaan bagi 27 bangunan makmal komputer Sekolah Bestari yang dibuat secara tender terbuka adalah dalam lingkungan RM700,000 hingga RM980,000 sebuah. Manakala bagi makmal Sekolah Harian yang juga dibuat secara tender terbuka hanya melibatkan kos dalam lingkungan RM350,000 hingga RM500,000 walaupun keluasan, bilangan bilik makmal dan kapasiti pelajar adalah sama dengan makmal Sekolah Bestari. Perbandingan kos projek pembinaan makmal komputer 2 tingkat Sekolah Bestari dan Sekolah Harian bagi 8 makmal yang dilawati oleh pihak Audit bagi setiap kategori adalah seperti di **Jadual 23.4** dan di **Gambar 23.9** hingga **23.18**.

JADUAL 23.4
PERBANDINGAN KOS PROJEK PEMBINAAN MAKMAL SEKOLAH BESTARI DAN MAKMAL 2 TINGKAT SEKOLAH HARIAN

NAMA SEKOLAH	KOS PEMBINAAN SEBUAH MAKMAL KOMPUTER (RM)
A. SEKOLAH BESTARI	
SK Seri Bintang Selatan Dan SMK Seri Bintang Utara, Kuala Lumpur	802,965
Kolej Melayu Kuala Kangsar, Kuala Kangsar Dan Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak	775,002
SMK (P) Temenggung Ibrahim, Batu Pahat, Johor	980,865
SM Sains Johor, Kluang; Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru Dan SM Sains, Kota Tinggi, Johor	701,751
B. SEKOLAH HARIAN	
SMK Convent, Jalan Peel, Kuala Lumpur	487,323
SM Teknik, Kuala Lumpur	335,206
SMK Syeikh Abdul Ghani, Batang Padang, Perak	398,018
SMK Trolak, Batang Padang, Perak	369,900
SMK Skudai, Johor Bahru, Johor	382,448
SMK Senai, Johor Bahru, Johor	377,275
SK Senai, Johor Bahru, Johor	348,429
SK Perumahan SEDC, Johor Bahru, Johor	366,782

GAMBAR MAKMAL KOMPUTER SEKOLAH
- SEKOLAH TUN FATIMAH, JOHOR BAHRU, JOHOR (RM701,751) (BESTARI)
- SMK SKUDAI (RM382,448) DAN SMK SENAI (RM377,275) JOHOR BAHRU, JOHOR (HARIAN)

GAMBAR 23.9



Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor

GAMBAR 23.10



SMK Senai, Johor Bahru, Johor

GAMBAR 23.11



Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor
- Mempunyai 2 Tangga, 1 Sebagai
Tangga Laluan Kecemasan

GAMBAR 23.12



SMK Skudai, Johor Bahru, Johor
- Hanya Mempunyai 1 Tangga Laluan
Ke Tingkat Atas

GAMBAR 23.13



Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor
- Longkang Ditutupi Dengan Pebble Stone

GAMBAR 23.14



SMK Senai, Johor Bahru, Johor
- Longkang Dibina Tanpa Penutup

GAMBAR 23.15



Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor
- Rekabentuk Koridor Yang Dipagari
Dinding Konkrit

GAMBAR 23.16




SMK Senai, Johor Bahru, Johor
- Rekabentuk Koridor Yang Dipagari
Dengan Jenis Besi

GAMBAR 23.17



Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor - Dilengkapi Siling Suspended Gypsum Plasterboard

GAMBAR 23.18



SMK Skudai, Johor Bahru, Johor - Dilengkapi Siling Konkrit Sahaja

Mengikut maklum balas Kementerian, kos pembinaan makmal komputer Sekolah Bestari adalah lebih tinggi daripada makmal Sekolah Harian kerana untuk memenuhi keperluan Sekolah Bestari sesuai dengan imej dan status sekolah berkenaan.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan perbelanjaan berhemat sentiasa diterapkan dalam perolehan Kerajaan dan keutamaan perolehan dikaji dari segi keberkesanannya kepada pengguna secara keseluruhan.

b. Makmal Komputer Tidak Siap/Sempurna/Tidak Praktikal Pembinaannya

i. Mengikut kontrak, tempoh penyiapan adalah selama 9 bulan bermula dari 15 September 2008 hingga 15 Jun 2009 dan kemudiannya dilanjutkan antara 1 Disember 2008 hingga 23 Mei 2010 disebabkan masalah kelewatan dalam Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Bagaimanapun, didapati kesemua makmal komputer tersebut masih tidak dapat disiapkan sepenuhnya atau diserah setakat bulan Disember 2010.

ii. Lawatan Audit ke 8 Sekolah Bestari di 3 negeri iaitu Perak, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati pembinaan makmal masih belum dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan satu daripadanya belum dimulakan. Kontraktor bagi negeri Johor telah ditamatkan perkhidmatannya kerana gagal menyiapkan projek. Pembinaan makmal komputer di Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak pula tidak siap.

iii. Selain itu, terdapat juga kerja pembinaan makmal komputer kurang memuaskan seperti pengalas *trunking* tidak dipasang, *cement render* tidak sekata dan bingkai tingkap tidak lurus. Reka bentuk makmal Sekolah Bestari adalah tidak praktikal yang mana skrin tingkap dibuat daripada *polycarbonate* dengan *mild steel* yang mudah pecah dan tidak tahan lama. Manakala *pebble stone* bernilai RM3,553 diletak atas

longkang sebagai penutup yang memerlukan kerja penyenggaraan tambahan bagi membersihkan rumput dan daun-daun. Pemasangan *suspended gypsum plasterboard ceiling* di bahagian luar bernilai RM12,028 tidak praktikal. Adalah diperhatikan juga tiada bumbung bagi tangga kecemasan di luar bangunan menyebabkan lantai basah dan mudah tergelincir apabila hujan. Bagi kesemua 8 sekolah yang dilawati, pihak Audit mendapati peralatan ICT dan perabot masih belum dibekalkan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 23.5** dan **Gambar 23.19** hingga **23.36**.

JADUAL 23.5
MAKMAL KOMPUTER YANG TIDAK SIAP/TIDAK SEMPURNA/ TIDAK PRAKTIKAL PEMBINAANNYA

SEKOLAH	KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN/ISU LAIN
SMK Seri Bintang Utara, SK Seri Bintang Selatan, Kuala Lumpur, SM Sains Kota Tinggi, Bandar Penawar, Kota Tinggi dan SM Sains Johor, Kluang Johor	Pembinaan bangunan belum siap dan peralatan belum dibekalkan. **(Gambar 23.19** dan **23.20)**
Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor	- Pengalas *trunking* tidak dipasang menyebabkan wap air yang boleh merosakkan wayar elektrik dan kabel. **(Gambar 23.21** dan **23.22)** - Kedalaman *trunking* tidak mencukupi untuk memasang plug menyebabkan *cover* tidak dapat ditutup rapat. **(Gambar 23.23)** - Plaster siling tertanggal. **(Gambar 23.24)** - Jarak siling dari tangga rendah. **(Gambar 23.25** dan **23.26)** - Kesan resapan air di dinding akibat dari kebocoran di kebanyakan tempat. **(Gambar 23.27** dan **23.28)** - Sisa simen dan pasir dalam *trunking* di tingkat atas belum dibersihkan. - Peralatan ICT dan perabot belum dibekalkan
Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak	- Bingkai tingkap tidak lurus dan peralatan belum dibekalkan. - Permukaan luar bangunan makmal tidak kemas di mana kebanyakan bahagian kelihatan cacat dan tidak sekata. **(Gambar 23.29** dan **23.30)**
SMK (P) Temenggong Ibrahim, Batu Pahat, Johor	Sebahagian kerja belum dimulakan, pembersihan tapak belum dibuat dan papan tanda projek tidak dipasang. **(Gambar 23.31** dan **23.32)**
SM Sains Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor	Besi *beam* terdedah dan berkarat boleh menjejaskan ketahanan *beam.* **(Gambar 23.33** dan **23.34)**
Kolej Melayu Kuala Kangsar, Kuala Kangsar, Perak	- Sambungan kabel elektrik dari tiang ke bangunan melalui dahan pokok besar. **(Gambar 23.35)** - Pintu ke ruangan tempat letak kompresor penghawa dingin tidak dapat ditutup. **(Gambar 23.36)**

GAMBAR 23.19




GAMBAR 23.20




SK Seri Bintang Selatan, Kuala Lumpur
- Pembinaan Belum Siap Dan Peralatan Belum Dibekalkan
(21.12.2010)

GAMBAR 23.21




GAMBAR 23.22



Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor
- Tiada Pengalas Trunking Di Bawah Lantai (Under Floor Ducting) Menyebabkan Wap Air Boleh Merosakkan Wayar Elektrik Dan Kabel
(24.11.2010)

GAMBAR 23.23



Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor
- Kedalaman Trunking Tidak Mencukupi Menyebabkan Cover Tidak Boleh Ditutup
(24.11.2010)

GAMBAR 23.24




Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor
- Plaster Siling Tertanggal
(24.11.2010)

GAMBAR 23.25



GAMBAR 23.26



Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor
- Jarak Siling Dari Tangga Adalah Rendah Dan Merbahaya
(24.11.2010)

GAMBAR 23.27



GAMBAR 23.28




Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor
- Kesan Resapan Air Di Dinding
(24.11.2010)

GAMBAR 23.29



Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak
- Bingkai Tingkap Tidak Lurus
(18.10.2010)

GAMBAR 23.30



Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak
- Tepi Cement Render Tidak Sekata
(18.10.2010)

GAMBAR 23.31



GAMBAR 23.32




SMK (P) Temenggong Ibrahim, Batu Pahat, Johor
- Sebahagian Kerja Belum Dimulakan
(25.11.2010)

GAMBAR 23.33




GAMBAR 23.34



SM Sains Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor
- Besi Beam Terdedah Dan Berkarat Boleh Menjejaskan Ketahanan Beam
(24.11.2010)

GAMBAR 23.35



Kolej Melayu Kuala Kangsar, Kuala Kangsar,Perak
- Kabel Elektrik Melalui Dahan Pokok Besar
(18.10.2010)

GAMBAR 23.36



Kolej Melayu Kuala Kangsar, Kuala Kangsar, Perak
- Pintu ke Ruangan Tempat Letak Kompresor
Penghawa Dingin Tidak Dapat Ditutup
(18.10.2010)

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu meningkatkan pemantauan terhadap status pembinaan serta kualiti projek. Selain itu, Kementerian hendaklah memastikan kontraktor membaik pulih kerja yang tidak sempurna dan menyiapkan kerja yang belum dilaksanakan.

23.4.3.2. Kerja Tidak Dilaksanakan Tetapi Telah Dibayar

Mengikut Arahan Perbendaharaan 99(e)(i), setiap bayaran mengandungi perakuan bahawa kerja atau bekalan/perkhidmatan itu telah dilaksanakan dengan sepatutnya. Semakan Audit terhadap kontrak, baucar bayaran dan pemeriksaan fizikal ke atas kerja pembinaan makmal komputer di SM Sultan Badlishah, Kulim, Kedah (kos projek pembinaan RM380,013) mendapati penebat haba gentian bulu kaca 50 mm tebal tidak dipasang pada keseluruhan bumbung makmal seperti di **Gambar 23.37** dan **23.38**. Kos penebat haba gentian bulu kaca tidak dapat ditentukan kerana projek pembinaan makmal merupakan jenis reka dan bina yang mana kosnya ditetapkan secara *lump-sum*.

GAMBAR 23.37



GAMBAR 23.38



SM Sultan Badlishah, Kulim, Kedah
- Penebat Haba Gentian Bulu Kaca Tidak Dipasang Di Keseluruhan Bumbung Makmal Komputer (15.12.2010)

Pada pendapat Audit, perkara ini berlaku adalah disebabkan kurang pemantauan. Pihak Kementerian hendaklah mengambil tindakan terhadap pegawai terlibat dan melaporkan kepada pihak berkenaan supaya kontraktor terlibat disenaraihitamkan.

23.4.4. Kerja Pembinaan Tidak Sempurna, Bekalan Peralatan Tidak Sepenuhnya Dan Penyenggaraan/Pembaikan Tidak Dilakukan


Kerja yang dilaksanakan perlu sempurna mengikut syarat kontrak selaras dengan objektif Kementerian untuk menyediakan prasarana kemudahan pembelajaran yang kondusif. Adalah didapati pembinaan makmal dan pembekalan peralatan ICT/perabot di kesemua 60 sekolah harian tidak dilaksanakan dengan sempurna/tidak sepenuhnya. Selain itu, kerja penyenggaraan dan pembaikan tidak dilakukan oleh pihak kontraktor walaupun aduan kerosakan telah dibuat dalam tempoh jaminan. Perihal kerja dan pembekalan tersebut seperti di **Jadual 23.6** dan **Gambar 23.39** hingga **23.62**.

JADUAL 23.6
KERJA PEMBINAAN MAKMAL TIDAK SEMPURNA DAN PEMBEKALAN PERALATAN ICT/PERABOT ADALAH TIDAK SEPENUHNYA

PERIHAL KERJA/BEKALAN	BIL. SEKOLAH TERLIBAT
KERJA YANG DILAKSANAKAN TIDAK MEMUASKAN/TIDAK BERKUALITI	
Ruang saluran asal kabel *networking* ke server kecil menyebabkan kabel terpaksa dipasang di permukaan lantai dan dinding serta tidak kemas. **(Gambar 23.39** hingga **23.42)**	6
Sistem penggera terlalu sensitif menyebabkan penggera kerap berbunyi. Ini menyebabkan pihak sekolah terpaksa menutup sistem tersebut.	2
Sistem penggera tidak berfungsi kerana pihak sekolah tidak mengetahui kata laluan.	4
Terdapat retakan/rekahan pada bahagian dinding luar dan dalam keseluruhan bangunan. **(Gambar 23.43)**	3
Sambungan wayar elektrik tidak mengikut warna yang sama (mengelirukan dan merbahaya). **(Gambar 23.44)**	1
Pintu bergesel dengan lantai dan tidak boleh ditutup rapat menyebabkan sistem penggera tidak dapat dihidupkan (switch on). **(Gambar 23.45)**	1
Pengalas *Trunking* berkarat. **(Gambar 23.46)**	1
Ada titisan air dari penghawa dingin apabila dihidupkan (switch on) menyebabkan kabel basah. **(Gambar 23.47** dan **23.48)**	3
Lantai simen di kaki lima bangunan makmal terkopak dan berpasir. **(Gambar 23.49)**	1
Keseluruhan permukaan dinding bahagian dalam kasar. **(Gambar 23.50)**	1
Lapan komputer akan *trip* serta projektor dan *speaker* tidak berfungsi apabila suis *electronic board* untuk *projector*, *speaker* dan lain-lain dihidupkan (switch on).	1
CCTV masih tidak berfungsi walaupun kerja pembaikan telah dibuat oleh kontraktor.	2
- Terdapat keretakan serius di semua bahagian sudut dalam dan luar tingkap hingga ke lantai, sebahagian sisi pintu dan di sekeliling bangunan. - Tiada saliran keluar air hujan. - Tiada saluran air dibina untuk pengaliran air keluar dari longkang menyebabkan longkang tersumbat. **(Gambar 23.51)** - Jeriji yang dipasang di keseluruhan bangunan adalah tidak kemas.	1
- Penghujung *rainwater downpipes* dipasang ke dalam tanah.	1
- Kedudukan sebahagian lantai jubin tidak sekata. **(Gambar 23.52)** - Tumbuhan/rumput tumbuh di dalam *gutter.*	1
- Skru jeriji tingkap dipasang terlalu dekat dengan *edge* menyebabkan dinding berdekatannya pecah dan mudah tanggal. - Tanah bawah bangunan tidak diratakan di mana terdapat banyak lopak yang besar.	1
Daun pintu terkopak di bahagian bawah. **(Gambar 23.53)**	1
- Terdapat kebocoran di bumbung. - Penebat yang dipasang tidak kemas dan jaring tidak dipasang dengan betul.	1
Laluan ke makmal adalah sempit dan tangki septik yang sedia ada di laluan tersebut lebih tinggi dari aras tanah yang boleh membahayakan. **(Gambar 23.54)**	1
- Besi dalam *beam* terdedah dan berkarat. **(Gambar 23.55** dan **23.56)**	3
- Terdapat kebocoran di siling tingkat atas makmal. - Terdapat retakan pada dinding bilik *server.*	1
- Menurut maklum balas jabatan, makmal komputer telah dibina di atas tangki septik yang lama. **(Gambar 23.57)** - Pihak sekolah terpaksa menutup *main hole* yang dibina oleh kontraktor dengan papan. **(Gambar 23.58)**	1
- Bumbung bocor di sekitar kaki lima bangunan makmal komputer. - *Gutter* hampir roboh.	1
Gutter dan *rainwater downpipes* tidak disambung dengan betul dan telah rosak.	1

PERIHAL KERJA/BEKALAN	BIL. SEKOLAH TERLIBAT
BEKALAN PERALATAN ICT	
- ***INET Version 2.5E*** - Dibekalkan dalam versi yang berbeza tidak seperti dalam kontrak. Apabila ikon INET diklik di desktop, paparan menunjukkan versi yang di *install* adalah versi 2.5 tetapi apabila dilihat di *control panel* versi sebenar yang di *install* adalah versi 1.1. - **Dewan Eja Dewan Eja Pro (Spell checker For Bahasa Malaysia) -** Pihak kontraktor hanya *install* dalam bentuk tempoh percubaan (Trial Version) bukan *Full Version* seperti dinyatakan dalam kontrak. Tidak dapat digunakan selepas tempoh percubaan tamat.	Semua Sekolah Harian yang dilawati di Semenanjung
PENYENGGARAAN/PEMBAIKAN BELUM DILAKSANAKAN	
Sepuluh komputer rosak masih belum dibaiki.	4
Server rosak belum dibaiki.	1
LCD Projektor rosak.	1
Scanner dan *magnetic whiteboard* rosak.	1
KERJA YANG DILAKSANAKAN TIDAK SEPENUHNYA	
Masih terdapat bahan buangan sisa yang belum dibersihkan.	5
Bekalan elektrik dari SESB belum disambung.	6
Gutter/Rainwater downpipes tidak dipasang.	6
KERJA/PERALATAN YANG DILAKSANAKAN/DIBEKALKAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI	
Layout berkenaan susunan penempatan meja pelajar di tingkat atas tidak sesuai untuk sesi pengajaran dan pembelajaran. **(Gambar 23.59)**	1
Penggunaan PVC sebagai *cover* bagi *fiber cabling* tidak tahan lama dan *fiber cable* terdedah kepada panas dan hujan menyebabkan kebanyakannya telah reput.	9
Fiber optik yang dipasang di setengah tempat telah dibengkokkan hingga bersudut 90 darjah.	8
Kerusi pelajar yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi kontrak iaitu tanpa roda.	Semua sekolah di Semenanjung dan 1 di Sabah
PERALATAN TIDAK BERFUNGSI	
Lima daripada 8 CCTV tidak berfungsi iaitu 3 tingkat bawah, 1 bilik *server* dan 1 di kelas tingkat atas.	1
Tiga daripada 4 *Central Processing Unit* (CPU) yang diperiksa tidak berfungsi.	1
Satu daripada 2 CPU yang diperiksa tidak berfungsi.	1
- Tiga daripada 5 CPU yang diperiksa tidak berfungsi. - *AV control box* tidak dapat digunakan kerana telah rosak.	1
Tiga unit penghawa dingin tidak berfungsi dengan baik.	1

GAMBAR 23.39




SMK Convent, Jalan Peel, Kuala Lumpur
- Saluran Kabel Networking Ke Server Kecil Terpaksa Dibuat Semula Dan Dipasang Dengan Kabel Di Atas Lantai Dan Dinding
(22.09.2010)

GAMBAR 23.40




SK Convent, Jalan Peel, Kuala Lumpur
- Lubang Trunking Kecil, Kontraktor Terpaksa Pasang Trunking Cover Di Atas Lantai Dan Dinding
(22.09.2010)

GAMBAR 23.41




Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah
- Pembekal Peralatan Mengubahsuai Sambungan Kabel Elektrik Dan ICT Yang Menyebabkan Risiko Keselamatan Dan Tidak Kemas
(13.12.2010)

GAMBAR 23.42




SM Sultan Badlishah, Kulim, Kedah
- Trunking Dibuat Di Atas Lantai Dari Belakang Hingga Ke Meja Guru
(15.12.2010)

GAMBAR 23.43



SK Pos Bersih, Slim River, Perak
- Terdapat Keretakan/Rekahan Di Dinding Dalam Dan Luar Bangunan
(21.10.2010)

GAMBAR 23.44



SM Sains Mohamad Jiwa, Sg. Petani, Kedah
- Sambungan Kabel Elektrik Tidak Sempurna/ Memuaskan (Warna Wayar Bercampur-campur)
(14.12.2010)

GAMBAR 23.45




SMK Agama Kuala Lumpur, Kuala Lumpur
- Pintu Tidak Boleh Ditutup Dengan Sempurna, Bergesel Dengan Lantai
(22.09.2010)

GAMBAR 23.46




SJKC Bagan Pasir Laut, Hilir Perak, Perak
- Pengalas Trunking Berkarat
(19.10.2010)

GAMBAR 23.47



GAMBAR 23.48




SMK Skudai Johor Bahru, Johor
- Titisan Air Dari Penghawa Dingin Di Bilik Server Menyebabkan Kabel Basah
(23.11.2010)

GAMBAR 23.49



SK Jernang, Batang Padang, Perak
- Lantai Simen Di Kaki Lima Bangunan Makmal Terkopak Dan Berpasir
(21.10.2010)

GAMBAR 23.50



SK Permatang Pasir, Kulim, Kedah
- Permukaan Dinding Dalam Bilik Makmal Kasar
(15.12.2010)

GAMBAR 23.51




SK Egang-Egang, Semporna, Sabah
- Pembinaan Longkang Tidak Sempurna Menyebabkan Air Bertakung
(09.10.2010)

GAMBAR 23.52



SK Paguokon, Tenom, Sabah
- Kedudukan Sebahagian Lantai Jubin Yang Tidak Sekata
(06.10.2010)

GAMBAR 23.53



SK Promotodon, Inanam, Sabah
- Daun Pintu Terkopak Di Bahagian Bawah
(05.10.2010)

GAMBAR 23.54



SK Kalabakan, Tawau, Sabah
- Tangki Septik Dibina Tinggi Dari Aras Tanah Yang Boleh Membahayakan
(08.10.2010)

GAMBAR 23.55



GAMBAR 23.56



SK Ladang Sandak, Sandakan, Sabah
- Besi Dalam Beam/Column Terdedah Dan Berkarat
(10.10.2010)

GAMBAR 23.57



SK Merotai Besar,Tawau, Sabah
- Makmal Komputer Dibina Di Atas Tangki Septik Sedia Ada
(08.10.2010)

GAMBAR 23.58



SK Merotai Besar,Tawau,Sabah
- Main Hole Untuk Tangki Septik Baru Tidak Disediakan Penutup
(08.10.2010)



GAMBAR 23.59

SM Teknik Kuala Lumpur, Kuala Lumpur
- Susunan Penempatan Meja Pelajar Tidak Sesuai Untuk Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran Berkumpulan
(20.12.2010)

Pada pendapat Audit, berlakunya kerja pembinaan tidak sempurna dan pembekalan peralatan ICT yang tidak sepenuhnya adalah disebabkan pemantauan yang lemah. Kontraktor dan perunding terlibat hendaklah disenaraihitamkan. Pandangan dan perakuan JPN/PPD/Sekolah perlu diambil kira bagi membantu memastikan kerja yang dilaksanakan lebih berkualiti.

23.4.5. Skop Kerja Tidak Praktikal/Tidak Sesuai

Skop kerja hendaklah disediakan dengan praktikal, sesuai dan mudah difahami. Bagi tujuan tersebut, lawatan tapak perlu dibuat bagi mengambil kira keadaan tapak bina. Pandangan pihak sekolah juga perlu diambil kira bagi memastikan setiap kerja yang akan dilaksanakan mengikut keperluan dan keutamaan. Adalah didapati skop kerja yang disediakan bagi beberapa kerja pembinaan makmal komputer sekolah adalah tidak praktikal/tidak sesuai yang boleh menjejaskan keselamatan. Contoh skop kerja terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 23.7
SKOP KERJA TIDAK PRAKTIKAL/TIDAK SESUAI

JENIS KERJA	BIL. SEKOLAH TERLIBAT
Tiada *gutter* dipasang menyebabkan air hujan membasahi *corridor.*	2
Hanya satu unit penghawa dingin dipasang di bilik server menyebabkan giliran penggunaan penghawa dingin tidak dapat dilakukan.	Semua makmal bagi sekolah Semenanjung
Longkang tidak dibina di sekeliling bangunan makmal komputer menyebabkan air bertakung apabila hujan dan keadaan tanah di sekitar bangunan berlopak. **(Gambar 23.60** dan **23.61)**	8
Suspended siling dipasang di luar sekeliling bangunan makmal komputer menyebabkan siling terlerai/terbuka akibat tiupan angin. **(Gambar 23.62)**	10

JENIS KERJA	BIL. SEKOLAH TERLIBAT
Edraw Ver 3.3 (Graphic Tools and Image) - Kebanyakan sekolah tidak menggunakannya kerana tiada keperluan untuk guru mengajar dan pelajar menggunakannya. ***Adobe Presenter Version 6*** - Kebanyakan sekolah tidak menggunakannya kerana tiada keperluan untuk guru mengajar dan pelajar menggunakannya	Semua Sekolah Harian yang dilawati di Semenanjung

GAMBAR 23.60



GAMBAR 23.61



SK Ladang Sandak, Sandakan, Sabah
- Longkang Tidak Dibina Di Sekeliling Bangunan Makmal Komputer Dan Rainwater Downpipes Dipasang Menghala Ke Tanah
(10.10.2010)



GAMBAR 23.62

SK Jernang, Batang Padang, Perak
- Siling Di Luar Keseluruhan Bangunan Adalah Jenis Suspended Siling Menyebabkan Siling Terkeluar Apabila Ditiup Angin
(21.10.2010)

Pada pendapat Audit, penyediaan skop kerja yang tidak praktikal/tidak sesuai boleh menyebabkan kerugian kerana Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan tambahan bagi tujuan penyenggaraan atau pengubahsuaian.

23.4.6. Latihan Pengendalian/Penggunaan Makmal

Berdasarkan syarat kontrak pembekalan peralatan ICT dan perabot makmal komputer, pihak kontraktor dikehendaki memberi latihan kepada pihak sekolah mengenai penggunaan, penyenggaraan dan membaiki peralatan makmal komputer tanpa mengenakan bayaran tambahan. Melalui temu bual di 39 sekolah di Semenanjung, didapati kontraktor telah memberi latihan kepada guru terlibat semasa serahan peralatan ICT. Bagaimanapun, di beberapa sekolah didapati apabila guru yang dilatih bertukar, guru pengganti tidak didedahkan dengan pengetahuan berkaitan dari guru sebelumnya. Oleh itu, tiada kesinambungan pemindahan pengetahuan teknologi antara guru menyebabkan ada guru yang tidak tahu/tidak mahir berkenaan perisian yang dibekalkan seperti perisian INET, EDRAW, DEWAN EJA dan ADOBE PRESENTER. Perkara ini juga menyebabkan

perisian tersebut tidak digunakan sepenuhnya serta pelajar tidak mendapat manfaat.

Pada pendapat Audit, kemudahan perisian yang tidak diguna adalah satu kerugian kepada pelajar kerana tidak didedahkan dengan teknologi perisian berkaitan, di samping itu Kerajaan tidak memperolehi *value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan. Sehubungan itu, aspek latihan yang berterusan amat penting bagi membolehkan guru terlibat mengendalikan peralatan ICT dengan berkesan dan sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan sempurna. Satu perisian perlu dibangunkan bagi tujuan merekod tahap penggunaan makmal komputer secara elektronik bagi menggantikan rekod secara manual yang sedang diguna pakai.

23.4.7. Pemantauan Projek Makmal Komputer

23.4.7.1. Pemantauan terhadap kerja pembinaan makmal komputer hendaklah dilakukan secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual, menepati skop dan spesifikasi kerja. Pemantauan yang berkesan dapat membantu meningkatkan kualiti kerja yang dilaksanakan dan menyelesaikan masalah yang berbangkit semasa pelaksanaan kerja di tapak. Bahagian Pembangunan Kementerian dan perunding bertanggungjawab memantau projek makmal komputer Sekolah Bestari manakala bagi makmal komputer Sekolah Harian, pemantauannya dilakukan oleh pihak JKR Negeri/Daerah. Bagi makmal komputer di Sabah, pemantauan kerja pembinaan dilaksanakan oleh pihak JKR Negeri/Daerah, Sabah dan perunding yang dilantik oleh kontraktor. Kementerian juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pelaksanaan Projek Makmal Komputer dan Jawatankuasa Penyelarasan Projek Makmal Komputer untuk pengawalan, pemantauan dan penyelarasan. Selain itu, Mesyuarat Penyelarasan Projek, Mesyuarat Pra EOT dan EOT, Mesyuarat Tapak, Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit juga telah diadakan di samping lawatan pemantauan.

23.4.7.2. Adalah didapati projek makmal komputer yang diuruskan oleh JKR Negeri/Daerah kecuali Sabah telah dapat disiapkan dengan memuaskan. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak JKR Negeri bahawa kelewatan penyiapan makmal komputer di Sabah disebabkan mereka menyerahkan sepenuhnya urusan pemantauan kepada perunding yang dilantik. Penglibatan JKR Negeri/Kementerian dalam pemantauan projek hanya setelah projek mengalami kelewatan. Akibatnya, hampir keseluruhan projek makmal komputer Sekolah Harian di Sabah gagal disiapkan dan digunakan.

Pada pendapat Audit, pemantauan oleh pihak Kementerian/JKR Negeri adalah kurang memuaskan. Di samping itu, perunding yang dilantik oleh Kementerian tidak memberi komitmen yang sepenuhnya dalam pemantauan projek makmal komputer Sekolah Bestari. Manakala bagi pembinaan makmal komputer Sekolah Harian di Sabah, perunding yang dilantik oleh kontraktor gagal

menjaga kepentingan Kerajaan. Mekanisme pemantauan hendaklah diperkemas supaya ianya lebih efisien bagi mencapai objektif pembinaan projek makmal komputer sekolah.

23.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan makmal komputer dapat digunakan dengan cekap dan berkesan serta Kerajaan mendapat *value for money* adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil langkah seperti berikut:

23.5.1. Kementerian perlu memastikan kontraktor mematuhi syarat dan menandatangani kontrak dalam masa yang ditetapkan. Ini bagi memastikan suatu kontrak formal diwujudkan bagi membolehkan syarat kontrak dikuatkuasakan dan menjaga kepentingan Kerajaan serta memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar.

23.5.2. Kementerian perlu menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk menyiasat dan mengenal pasti tahap kerosakan perabot dan peralatan ICT supaya peralatan yang masih elok dapat diagih ke sekolah berkenaan dengan segera dan yang rosak dibaikpulih/diganti.

23.5.3. Kerajaan perlu memastikan perbelanjaan berhemat diterapkan dalam pelaksanaan perolehan, melantik syarikat yang berwibawa dan *urgency/needs of procurement* dikaji dari segi keutamaan sebenarnya kepada pengguna. Pandangan dan perakuan JPN/PPD/Sekolah perlu diambil kira bagi membantu memastikan kerja yang dilaksanakan lebih berkualiti.

23.5.4. Pihak Kementerian/JKR hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawainya atas kecuaian manakala kontraktor dan perunding terlibat hendaklah disenaraihitamkan. Selain itu, denda hendaklah dikenakan terhadap kontraktor atas kelewatan menyiapkan projek dan memastikan kontraktor membaik pulih kerja yang tidak sempurna dan tidak dilaksanakan.

23.5.5. Penyedia skop kerja perlu melawat tapak dan mengambil kira pandangan pihak sekolah agar setiap pengguna memahaminya dengan tepat dan menyeluruh.

23.5.6. Kementerian hendaklah memperkemas mekanisme pemantauan supaya ianya lebih efisien dan projek dapat dilaksanakan mengikut jadual dan digunakan dengan sempurna bagi mencapai objektif projek makmal komputer sekolah tanpa kelewatan.

23.5.7. Kementerian disarankan membangunkan satu aplikasi bagi tujuan merekod tahap penggunaan makmal komputer secara elektronik bagi menggantikan rekod secara manual yang sedang diguna pakai. Ini memandangkan makmal komputer yang sedia ada telah dilengkapi dengan prasarana pengkomputeran. Aspek latihan yang berterusan hendaklah sentiasa dijalankan dan pendedahan pengendalian makmal oleh guru yang mengambil alih hendaklah dilaksanakan.

24. PENGURUSAN KUARTERS

24.1. LATAR BELAKANG

Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) menyediakan rumah kediaman (kuarters) di dalam kawasan hospital dan klinik kesihatan untuk memudahkan mobilisasi anggotanya seperti Pegawai Perubatan, Pegawai Kesihatan, Pegawai Pergigian, Jururawat dan Pembantu Perubatan, khususnya bagi anggota yang bertugas atas panggilan (on call) dan pada waktu kecemasan. Kuarters yang disediakan juga dapat mengurangkan beban kewangan anggota yang berpendapatan rendah, di samping dapat memastikan tugas dan tanggungjawab rasmi dapat dilaksanakan dengan baik, cekap dan sempurna.

24.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kuarters Kementerian telah dirancang dan diuruskan dengan teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

24.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 serta mengadakan lawatan ke kuarters di 10 daerah di Negeri Selangor, Pahang, Kedah dan Negeri Sembilan. Daerah terlibat ialah Gombak, Kuala Langat, Hulu Langat dan Klang di Selangor; Pekan dan Kuantan di Pahang; Kubang Pasu dan Kota Setar di Kedah serta Jempol dan Kuala Pilah di Negeri Sembilan. Di samping itu, soal selidik diedarkan kepada penghuni kuarters untuk mendapat maklum balas berhubung dengan kepuasan mereka terhadap kuarters yang disediakan.

24.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2010 mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pengurusan kuarters Kementerian. Antara kelemahan yang ditemui ialah tanggungjawab pihak pengurusan dan penghuni terhadap kuarters kurang diberi perhatian; penyenggaraan berjadual tidak dilaksanakan; pembayaran dan potongan elaun perumahan dan sara hidup tidak dibuat secara teratur; klasifikasi Rumah Khas Jabatan tidak mengikut pekeliling berkaitan; penyelenggaraan rekod tidak dibuat secara terurus; prosedur keluar/masuk kuarters tidak teratur; tiada peruntukan kewangan bagi tujuan penyenggaraan pencegahan (preventive maintenance) dan garis panduan serta prosedur kerja kurang lengkap. Bagaimanapun, Kementerian telah

mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

24.4.1. Prestasi Pengurusan Kuarters

Penyediaan kuarters Kementerian dilaksanakan mengikut pangkat dan kelayakan yang terdiri daripada Kelas C hingga I. Sehingga bulan November 2009, Kementerian memiliki sebanyak 19,270 unit kuarters di seluruh negara, di mana 86.5% atau 16,662 telah diduduki oleh pegawai yang berkelayakan. Namun bilangan kuarters sehingga tahun 2010 tidak dapat ditentukan disebabkan maklumat tidak dikemas kini oleh Kementerian. Manakala baki 2,608 kuarters tidak diduduki kerana pegawai telah memiliki rumah sendiri; kuarters yang sedia ada uzur, rosak serta usang atau doktor yang bertugas tidak sepenuh masa yang tidak memerlukan kuarters. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, sejumlah RM1.22 juta telah dibelanjakan melalui peruntukan mengurus bagi tujuan penyenggaraan dan baik pulih kuarters di 10 daerah di negeri Pahang, Kedah, Selangor dan Negeri Sembilan. Bagaimanapun, perbelanjaan keseluruhan setiap negeri tidak dapat dikenal pasti disebabkan tiada kod khas disediakan. Semakan lanjut terhadap prestasi pengurusan kuarters di 10 daerah mendapati perkara seperti berikut:

24.4.1.1. Kuarters Tidak Diduduki

a. Setakat bulan Ogos 2010, daripada 1,148 unit kuarters di 10 daerah, sebanyak 134 (11.7%) unit kuarters tidak diduduki. Semakan Audit mendapati sebanyak 73 unit (6.4%) tidak diduduki antara satu hingga 5 tahun, 22 unit (1.9%) untuk 6 hingga 11 tahun dan 15 (1.3%) unit tidak diduduki bagi tempoh melebihi 12 tahun. Manakala maklumat tempoh tidak diduduki tidak diperolehi bagi baki 24 (2.1%) unit kuarters. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 24.1**. Daripada 134 unit tersebut, sebanyak 28 (20.9%) unit adalah kuarters yang dikhaskan untuk Pegawai Perubatan/Pergigian (Rumah Khas Jabatan) dan **Jadual 24.2** adalah berkaitan. Keadaan ini berlaku disebabkan kebanyakan pegawai telahpun memiliki rumah sendiri; kuarters yang sedia ada uzur, rosak serta usang atau doktor bertugas tidak sepenuh masa yang tidak memerlukan kuarters.

JADUAL 24.1
KUARTERS TIDAK DIDUDUKI MENGIKUT LOKASI
SETAKAT BULAN OGOS 2010

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	UNIT KUARTERS	TEMPOH TIDAK DIDUDUKI (TAHUN)				
		1 - 5	6 - 11	≥ 12	TM	JUMLAH
Gombak, Selangor	78	6	4	1	-	11
Hulu Langat, Selangor	136	5	1	1	3	10
Klang, Selangor	79	7	2	-	7	16
Kuala Langat, Selangor	100	10	3	-	-	13

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	UNIT KUARTERS	TEMPOH TIDAK DIDUDUKI (TAHUN)				
		1 - 5	6 - 11	≥ 12	TM	JUMLAH
Pekan, Pahang	138	2	-	-	2	4
Kuantan, Pahang	150	8	2	2	6	18
Kuala Pilah, Negeri Sembilan	93	5	-	8	1	14
Jempol, Negeri Sembilan	132	8	-	-	2	10
Kota Setar, Kedah	122	14	3	2	3	22
Kubang Pasu, Kedah	120	8	7	1	-	16
JUMLAH	**1,148**	**73**	**22**	**15**	**24**	**134**

Nota : ***TM - Tiada Maklumat***

JADUAL 24.2
KUARTERS TIDAK DIDUDUKI MENGIKUT KELAS
SETAKAT BULAN OGOS 2010

KELAS	UNIT KUARTERS	KUARTERS TIDAK DIDUDUKI	
		UNIT	%
C (Rumah Khas Jabatan)	35	16	45.7
D (Rumah Khas Jabatan)	28	12	42.9
F	227	28	12.3
G	576	32	5.6
H	264	38	14.4
I	18	8	44.4
JUMLAH	**1,148**	**134**	**11.7**

Mengikut maklum balas Kementerian, beberapa tindakan telah diambil bagi menangani masalah ini, antaranya Surat Arahan menduduki kuarters telah dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuantan dan Pekan; tindakan mewajibkan kuarters kosong diduduki (rumah khas jabatan) akan dibawa ke Mesyuarat Ketua Jabatan PKD Kota Setar; kuarters kosong akan ditawarkan oleh PKD Kota Setar kepada jabatan lain untuk diduduki; kuarters kosong yang rosak dan uzur akan dibaikpulih oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor dan JKN Negeri Sembilan bagi membolehkan ia diduduki.

b. Lawatan Audit pada bulan Julai 2010 mendapati kuarters yang tidak diduduki tanpa pengawasan dan pemantauan di Klinik Kesihatan (KK) Sg. Lembing dan KK P. Rumbia Pekan, Pahang dan KK Beranang, Selangor menyebabkan struktur, lengkapan dalaman kuarters seperti pintu, tingkap dan cermin rosak dan ada yang dicuri oleh pihak tidak bertanggungjawab **(Gambar 24.1** hingga **24.3)**. Selain itu, berlaku kes kehilangan kunci dan kuarters kosong tidak berkunci seperti di **Jadual 24.3**.

GAMBAR 24.1



Kuarters KK Sg.Lembing Pahang
- Pintu Dan Bingkai Telah Dicuri
(08.07.2010)

GAMBAR 24.2



Kuarters KK P.Rumbia, Pekan Pahang
- Pintu Dan Tingkap Kuarters Telah Dicuri
(07.07.2010)



GAMBAR 24.3

Kuarters KK Beranang, Selangor
- Kuarters Tidak Terurus Dan Terbiar Dengan Peninggalan Barang-barang Penghuni Lama
(01.07.2010)

JADUAL 24.3
KUARTERS KOSONG TIDAK DIKUNCI/KUNCI HILANG

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	MASALAH
Gombak, Selangor	Kuarters kosong tidak berkunci di KK Batu Arang dan di KK Kuang.
Kuala Langat, Selangor	- Kunci bagi kuarters kosong di KK Telok Datok telah hilang. - Kunci kuarters bertaburan/berselerak di kuarters kosong di KK Tanjung Sepat. - Kuarters kosong tidak berkunci di KK Kanchong Darat.
Kuantan, Pahang	- Kunci bagi kuarters kosong di KK Sungai Lembing telah hilang. - Kuarters kosong tidak berkunci di KK Sungai Lembing.
Kuala Pilah, Negeri Sembilan	Kuarters kosong tidak berkunci di KK Padang Lebar.
Kota Setar, Kedah	Kuarters kosong tidak berkunci di KK Kota Sarang Semut dan di KK Simpang Empat.

Nota : KK : Klinik Kesihatan

Mengikut maklum balas Kementerian, PKD Kuantan telah mencadangkan supaya kuarters kosong di KK Sg. Lembing, Kuantan, Pahang dirobohkan dan perkara ini telah di bawa kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk tindakan lanjut. Di samping itu, PKD Kuantan telah mengarahkan pegawai yang menjaga klinik agar memastikan semua kuarters kosong dikunci melalui surat bertarikh 24 Disember 2010. Manakala Buku Daftar bagi mengawal pergerakan kunci telah diwujudkan mulai bulan Januari 2011 di PKD Kuala Langat.

24.4.1.2. Kuarters Diubah Suai Tanpa Kelulusan

a. Kuarters Kerajaan adalah merupakan aset tidak alih dan hendaklah diuruskan dengan sempurna sebagaimana yang telah ditetapkan oleh peraturan Kerajaan. Oleh itu, sebarang pengubahsuaian terhadap kuarters

perlu mendapat kelulusan pihak pengurusan tertinggi dan sekiranya pengubahsuaian tersebut melibatkan tambahan dan pindaan kepada mana-mana bahagian dalam atau luar rumah, kelulusan daripada JKR tempatan perlu diperolehi seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Am Bab E.


b. Lawatan Audit ke kuarters KK Rawang, Selangor, KK Kubang Pasu dan KK Kota Sarang Semut, Kedah mendapati pihak KK telah mengambil inisiatif memanfaatkan kuarters yang kosong dengan menjadikan kuarters tersebut sebagai stor, Pusat Hemodialisis atau Unit Rehabilitasi. Bagaimanapun, pengubahsuaian tersebut dibuat tanpa pengetahuan, makluman dan kelulusan pihak pengurusan tertinggi/JKR. Menurut pihak terlibat, ruang pejabat dan stor yang terhad di samping tiada anggota yang berminat untuk tinggal di kuarters tersebut menyebabkan ia diubah suai. Pengubahsuaian yang telah dijalankan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 24.4



Kuarters KK Rawang, Selangor
- Kuarters Dijadikan Stor Simpanan Fail Lama
(25.06.2010)

GAMBAR 24.5



Kuarters KK Kubang Pasu, Kedah
- Kuarters Diubah Status Sebagai Pusat Hemodialisis
(05.08.2010)



GAMBAR 24.6

Kuarters KK Kota Sarang Semut, Kedah
- Kuarters Diubah Suai Sebagai Unit Rehabilitasi
(04.08.2010)

Mengikut maklum balas daripada Kementerian, penukaran status kuarters untuk dijadikan stor oleh KK Rawang, Selangor sedang dalam tindakan; permohonan pertukaran status kuarters kepada Pusat Hemodialisis di KK Kubang Pasu, Kedah telah dikemukakan ke JKR Daerah Kubang Pasu pada 22 Ogos 2010 dan permohonan pertukaran status kuarters kepada Unit Rehabilitasi di KK Kota Sarang Semut, Kedah telah dihantar kepada Pengarah Kesihatan Negeri untuk persetujuan.

c. Lawatan Audit juga mendapati tambahan struktur luaran terhadap kuarters seperti tambahan binaan di bahagian dapur dan anjung telah dilakukan oleh penghuni tanpa kelulusan dari pihak berkaitan. Menurut penghuni, keadaan

ini berlaku disebabkan kuarters yang disediakan terutamanya bagi Kelas F adalah agak sempit bagi menampung isi rumah antara 5 hingga 7 orang terutamanya di bahagian dapur dan anjung rumah. Binaan tambahan tanpa kelulusan berkemungkinan menyebabkan risiko kebakaran dan ketidakseragaman, malah menjejas kelas rumah berkaitan. Contoh binaan tambahan yang dibuat tanpa kelulusan adalah seperti di kuarters KK Bt. 14 Hulu Langat, Selangor dan KK Ibu Dan Anak Gombak Setia, Selangor seperti di gambar berikut:

GAMBAR 24.7



Kuarters KK Bt. 14 Hulu Langat, Selangor - Tambahan Bahagian Dapur Oleh Penghuni (02.07.2010)

GAMBAR 24.8



Kuarters KK Ibu Dan Anak Gombak Setia, Selangor - Tambahan Bahagian Dapur Rumah Oleh Penghuni (25.06.2010)

Mengikut maklum balas Kementerian, PKD Hulu Langat telah memohon kelulusan tambahan daripada JKR melalui surat bertarikh 21 Januari 2011 manakala permohonan kelulusan JKR sedang dalam tindakan PKD Gombak.

24.4.1.3. Keselamatan Dan Persekitaran Kuarters

a. Aspek keselamatan hendaklah diberi perhatian yang serius oleh penghuni dan pihak pengurusan bagi memastikan kuarters Kerajaan sentiasa berada dalam keadaan selamat dari kecurian serta bencana seperti kebakaran dan banjir. Semakan Audit di KK Chini Pekan, Pahang mendapati hampir 20 tong gas diletakkan di luar rumah (**Gambar 24.9**). Keadaan ini boleh mengundang malapetaka terutamanya bahaya letupan dan kebakaran sekiranya tindakan sewajarnya tidak diambil oleh pihak pengurusan. *Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima, PKD Kuantan telah mengeluarkan surat arahan pada 2 Ogos 2010 kepada penghuni bagi mengeluarkan tong gas tersebut.*



GAMBAR 24.9

Kuarters KK Chini Pekan, Pahang - Tong Gas Yang Diletakkan Di Luar Rumah Boleh Mendatangkan Bahaya Kebakaran (07.07.2010)

b. Adalah menjadi tanggungjawab pegawai yang menduduki kuarters Kerajaan memastikan keadaan di dalam dan di luar kediaman sentiasa bersih, termasuk kerja-kerja memotong rumput dan membuang sampah sarap seperti tin kosong dan botol. Semakan Audit mendapati keadaan kebersihan kawasan persekitaran kuarters tidak memuaskan di mana longkang tersumbat, sampah sarap dan tin kosong dibiarkan tanpa dibersihkan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh sikap penghuni yang tidak mementingkan kebersihan dan juga kurangnya penyeliaan dan pengawasan daripada pihak bertanggungjawab. Keadaan ini boleh menjejaskan imej jabatan di samping mengundang kepada masalah lain seperti penularan wabak malaria dan denggi serta menggalakkan kehadiran binatang liar seperti serangga berbisa, ular dan anjing. **Gambar 24.10** hingga **24.13** menunjukkan keadaan persekitaran kuarters di KK Ibu Dan Anak Gombak Setia, Selangor, KK Sg. Lembing, Pahang dan KK Kepala Batas, Kedah.

GAMBAR 24.10



Kuarters KK Ibu Dan Anak Gombak Setia, Selangor
- Kawasan Sekitar Yang Dipenuhi Semak Samun
(25.06.2010)

GAMBAR 24.11



Kuarters KK Sg. Lembing, Pahang
- Tayar Buruk Di Rumah Kosong
(08.07.2010)

GAMBAR 24.12



Kuarters KK Sg. Lembing, Pahang
- Kawasan Sekitar Yang Dipenuhi Semak Samun
(08.07.2010)

GAMBAR 24.13



Kuarters KK Kepala Batas, Kedah
- Kawasan Sekitar Dipenuhi Sampah Sarap
Walaupun Tong Sampah Disediakan
(04.08.2010)

Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima, Pejabat Kesihatan Daerah telah mengambil tindakan pembersihan terhadap persekitaran kuarters terlibat.

Pada pendapat Audit, penghuni kuarters hendaklah mematuhi arahan dan peraturan yang telah ditetapkan dalam Perintah Am Bab E berkaitan tugas dan tanggungjawab pegawai yang menduduki rumah Kerajaan. Manakala pihak

pengurusan hendaklah mengambil tindakan proaktif bagi memastikan status kuarters dikemas kini dan sebarang perubahan perlu dimaklumkan kepada peringkat atasan; tindakan segera diambil bagi mengisi kuarters kosong dan memelihara kebersihan/keselamatan kuarters; sentiasa menjalankan pemantauan serta pengawasan melalui pemeriksaan mengejut, mesyuarat dan sebagainya bagi memastikan pegawai yang menduduki kuarters mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

24.4.2. Penyewaan Kuarters

24.4.2.1. Prosedur Menduduki Kuarters

Pegawai yang berhasrat untuk memohon kuarters atau diarahkan oleh Ketua Jabatannya untuk tinggal di kuarters adalah dikehendaki melengkapkan borang permohonan kuarters/sijil masuk kuarters dan menandatangani surat perjanjian atau aku janji menduduki kuarters seperti yang ditetapkan di dalam Perintah Am Bab E. Melalui perjanjian tersebut, tugas dan tanggungjawab pegawai yang menduduki kuarters dinyatakan. Semakan Audit mendapati surat perjanjian tidak pernah disediakan bagi pegawai yang menduduki kuarters di semua daerah yang dilawati kecuali di PKD Gombak. Manakala Borang permohonan menduduki kuarters atau arahan kepada pegawai untuk tinggal di kuarters (Rumah Khas Jabatan) tidak disediakan oleh pihak pengurusan di PKD Kuantan, Jempol, Kubang Pasu, Kota Setar dan Klang sebaliknya kebenaran menduduki kuarters hanya dibuat secara lisan. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian bercadang menggunakan format perjanjian yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri untuk pegawai yang menduduki kuarters.*

24.4.2.2. Pembayaran Bil Utiliti

a. Perintah Am Bab E menetapkan setiap pegawai yang menduduki kuarters adalah bertanggungjawab untuk membayar sendiri semua deposit dan bil utiliti seperti perkhidmatan sampah, pembetungan, elektrik dan air. Semakan Audit di kuarters KK Kajang dan Bangi di Daerah Hulu Langat, Selangor mendapati bil air yang dibayar oleh Kerajaan berjumlah RM48,863 dan RM42,045 bagi tahun 2009 dan 2010 tidak dikutip balik daripada penghuni kuarters. Perkara ini berlaku disebabkan setiap kuarters tidak mempunyai meter individu sebaliknya meter dikongsi bersama dengan klinik kesihatan menyebabkan pihak pengurusan sukar menentukan kadar penggunaan bulanan air bagi setiap kuarters. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebelum tahun 2009, kutipan balik bil air adalah berdasarkan bilangan isi rumah setiap kuarters. Oleh kerana ia menimbulkan keraguan, kaedah ini telah dihentikan mulai bulan Mei 2008 bagi KK Kajang dan bulan Disember 2008 bagi KK Bangi.

b. *Mengikut maklum balas Kementerian, PKD Hulu Langat sedang dalam proses untuk memasang meter berasingan bagi setiap unit kuarters di KK Kajang dan KK Bangi; pegawai telah dilantik bagi membuat pengiraan dan mengutip tunggakan bil air terhadap penghuni dan surat arahan kepada semua Pengarah Kesihatan Negeri telah dikeluarkan oleh Kementerian supaya membuat semakan dan memastikan perkara ini diatasi.*

Pada pendapat Audit, PKD Hulu Langat, Selangor hendaklah menggunakan kaedah bersesuaian bagi mengutip balik tunggakan bil air yang tidak dikenakan kepada penghuni semenjak tahun 2008.

24.4.2.3. Imbuhan Tetap Perumahan Dan Bayaran Perumahan Khas

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1996 menetapkan mulai 1 Januari 1995, anggota yang menikmati kemudahan perumahan yang disediakan oleh Kerajaan tidak layak menerima Imbuhan Tetap Perumahan (ITP). Bagaimanapun, bagi menggalakkan anggota yang bertugas atas panggilan (on call) tinggal di kuarters, Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2002 telah bersetuju untuk memberi Bayaran Perumahan Khas (BPK) sebanyak 50% daripada ITP kepada pegawai yang menduduki Rumah Khas Jabatan. Semakan Audit mendapati 13 pegawai menduduki kuarters yang diklasifikasikan sebagai Rumah Khas Jabatan telah menerima BPK melebihi kadar 50% daripada ITP. Ini menyebabkan berlaku lebihan bayaran berjumlah RM23,000. Manakala 11 pegawai yang menduduki rumah biasa Kerajaan masih menerima bayaran ITP menyebabkan berlaku lebihan bayaran ITP berjumlah RM24,750 di PKD Pekan, Pahang; RM1,800 di PKD Gombak dan RM4,500 di PKD Hulu Langat, Selangor. Maklumat terperinci mengenai lebihan bayaran BPK dan ITP adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.4
BAYARAN PERUMAHAN KHAS DAN IMBUHAN TETAP PERUMAHAN LEBIH DIBAYAR

LOKASI	BILANGAN PEGAWAI	LEBIHAN BAYARAN (RM)
BPK MELEBIHI HAD DIBENARKAN		
PKD Gombak, Selangor	6	14,850
PKD Hulu Langat, Selangor	4	3,830
PKD Kuala Pilah, Negeri Sembilan	1	450
PKD Kuantan, Pahang	2	3,870
JUMLAH	**13**	**23,000**
ITP TIDAK LAYAK DITERIMA		
PKD Pekan, Pahang	8	24,750
PKD Gombak, Selangor	2	1,800
PKD Hulu Langat, Selangor	1	4,500
JUMLAH	**11**	**31,050**

Nota: ***PKD - Pejabat Kesihatan Daerah*** ***BPK - Bayaran Perumahan Khas***
ITP - Imbuhan Tetap Perumahan

24.4.2.4. Bantuan Sara Hidup

a. Mulai bulan September 2006, Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2006 telah bersetuju membayar Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada pegawai yang diperuntukkan rumah Kerajaan dalam lingkungan 25 km dari tempat kerja pada kadar 50% daripada kelayakan pegawai yang tidak diperuntukkan rumah Kerajaan mengikut kawasan/tempat yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati 24 pegawai yang diperuntukkan rumah Kerajaan telah menerima BSH melebihi had yang ditetapkan menyebabkan sejumlah RM45,900 terlebih dibayar. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.5
PENGHUNI KUARTERS MENERIMA BANTUAN SARA HIDUP MELEBIHI HAD DITETAPKAN

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	BILANGAN PEGAWAI	JUMLAH MELEBIHI HAD (RM)
Gombak, Selangor	9	25,800
Hulu Langat, Selangor	5	8,150
Pekan, Pahang	8	8,150
Kuantan, Pahang	1	3,300
Kuala Pilah, N. Sembilan	1	500
JUMLAH	**24**	**45,900**

b. *Mengikut maklum balas Kementerian, tindakan bagi mengutip kembali lebihan bayaran telah dilakukan oleh PKD yang terlibat dan Kementerian juga telah mengeluarkan arahan kepada semua Pengarah Kesihatan Negeri untuk membuat semakan terhadap semua pegawai yang menduduki kuarters bagi memastikan bayaran dibuat dengan betul.*

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah menjalankan semakan secara menyeluruh untuk memastikan tidak berlaku sebarang lebihan bayaran ITP, BPK dan BSH kepada pegawai yang menduduki kuarters. Pihak Kementerian juga hendaklah mewujudkan mekanisme untuk memastikan bayaran ITP diberhentikan sebaik sahaja pegawai mendiami kuarters serta BPK dan BSH dibayar mengikut kadar yang ditetapkan.

24.4.3. Rumah Khas Jabatan

24.4.3.1. Peruntukan Rumah Khas Melebihi Had Ditetapkan

a. Bilangan kuarters yang boleh diklasifikasikan sebagai Rumah Khas Jabatan bagi sesebuah klinik kesihatan adalah terhad mengikut jenis/kategori klinik seperti yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 1 Tahun 2003. Ia bertujuan untuk mengawal pengagihan Rumah Khas Jabatan berdasarkan kepada keperluan anggota bertugas di sesebuah klinik. Semakan Audit mendapati kuarters yang diklasifikasikan sebagai Rumah Khas Jabatan adalah melebihi had maksima

yang ditetapkan. Ini adalah kerana penukaran status kuarters biasa kepada Rumah Khas Jabatan tidak dibincangkan dan ditetapkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengagihan. Kesan daripada peruntukan Rumah Khas Jabatan melebihi had yang ditetapkan telah menyebabkan berlaku lebihan Bayaran Perumahan Khas yang dianggarkan berjumlah RM86,400 seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.6
KUARTERS DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI
RUMAH KHAS JABATAN MELEBIHI HAD MAKSIMA

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	BIL. RUMAH KHAS JABATAN (UNIT)	BIL. SEPATUTNYA MENGIKUT PEKELILING (UNIT)	LEBIHAN (UNIT)	*ANGGARAN LEBIHAN BAYARAN BPK (RM)
Gombak, Selangor	41	40	1	2,880
Kuala Langat, Selangor	53	52	1	2,880
Kuantan, Pahang	76	68	8	23,040
Kuala Pilah, N. Sembilan	41	38	3	8,640
Jempol, N. Sembilan	63	55	8	23,040
Kota Setar, Kedah	56	47	9	25,920
JUMLAH	**330**	**300**	**30**	**86,400**

Nota : ***(*) - Pengiraan Bayaran BPK Berjumlah RM90 Sebulan Adalah Berdasarkan Anggaran Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga bulan Ogos 2010 (32 Bulan).***

b. *Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima, PKD Kota Setar Kedah, Gombak Selangor, Kuala Pilah dan Jempol Negeri Sembilan telah menyelaras semula klasifikasi Rumah Khas Jabatan berdasarkan Pekeliling Sumber Manusia KKM Bil.1 Tahun 2003.*

24.4.3.2. Potongan Imbuhan Tetap Perumahan

a. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2002 menetapkan pegawai yang diperuntukkan Rumah Khas Jabatan wajib tinggal di rumah yang diperuntukkan kepadanya. Pegawai yang memilih untuk tidak tinggal di Rumah Khas Jabatan tidak layak menerima Imbuhan Tetap Perumahan (ITP). Semakan Audit mendapati ada pegawai perubatan yang diperuntukkan Rumah Khas Jabatan tetapi tidak tinggal di kuarters yang diperuntukkan kepadanya dan potongan ITP juga tidak dibuat terhadap pegawai terbabit. Keadaan ini berlaku disebabkan Pegawai Perubatan berkaitan tidak dimaklumkan secara bertulis oleh pihak pengurusan tentang perlunya mereka tinggal di kuarters dan kurangnya pengetahuan pegawai terhadap pekeliling berkaitan. Jumlah potongan ITP yang tidak dibuat kerana gagal menduduki Rumah Khas Jabatan adalah dianggarkan berjumlah RM153,000 seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.7
POTONGAN IMBUHAN TETAP PERUMAHAN
TIDAK DIBUAT TERHADAP PEGAWAI PERUBATAN

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	KUARTERS KOSONG (KELAS C DAN D) (UNIT)	TEMPOH KOSONG (TAHUN)	IMBUHAN TETAP PERUMAHAN TIDAK LAYAK DITERIMA (RM)
Gombak, Selangor	2	4 - 6	12,500
Hulu Langat, Selangor	4	1 - 12	26,000
Klang, Selangor	2	2	7,250
Kuala Langat, Selangor	3	3 - 8	14,500
Kuantan, Pahang	2	3 - 4	13,250
Kuala Pilah, Negeri Sembilan	3	5 - 23	7,250
Jempol, Negeri Sembilan	3	1 - 2	14,500
Kota Setar, Kedah	8	2 - 8	52,000
Kubang Pasu, Kedah	1	7	5,750
JUMLAH	**28**		**153,000**

Nota : ***Pengiraan Imbuhan Tetap Perumahan Adalah Dari Tahun 2008 Hingga Mei 2010. Potongan Imbuhan Tetap Perumahan Adalah Berdasarkan Gred UD41 Berjumlah RM250 Sebulan Disebabkan Jabatan Tidak Menetapkan Gred Pegawai Perubatan Secara Khusus Yang Wajib Menduduki Kuarters.***

b. *Kementerian memaklumkan bahawa keadaan kuarters yang rosak, uzur dan usang menyebabkan Pegawai Perubatan tidak dapat menduduki kuarters tersebut. Manakala surat arahan dan makluman bayaran balik elaun yang tidak layak diterima telah dikeluarkan kepada Pegawai Perubatan terlibat.*

Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu menyediakan garis panduan yang jelas mengenai perjawatan dan gred pegawai yang perlu menduduki Rumah Khas Jabatan. Sehubungan itu, arahan secara bertulis perlu dikeluarkan kepada pegawai yang berkaitan untuk menduduki rumah berkenaan. Selain itu, tindakan sewajarnya perlu diambil untuk mengutip balik lebihan bayaran ITP.

24.4.4. Penyenggaraan Pencegahan Dan Pemulihan

24.4.4.1. Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 menetapkan jabatan/agensi hendaklah melaksanakan sistem penyenggaraan terancang yang dibahagikan kepada 2 jenis iaitu penyenggaraan pemulihan (corrrective maintenance) dan penyenggaraan pencegahan (preventive maintenance). Empat aspek penting iaitu struktur, mekanikal, elektrikal dan persekitaran termasuk kawalan keselamatan, kawalan serangan anai-anai dan serangga perlu diberi perhatian. Semakan Audit mendapati penyenggaraan berjadual dan pelan operasi secara keseluruhan terhadap kuarters tidak disediakan sama ada di peringkat Kementerian, negeri atau daerah. Adalah diperhatikan juga kawalan serangga perosak seperti anai-anai tidak dijalankan secara berjadual dan menyeluruh di semua kuarters yang dilawati khususnya yang dibina daripada kayu yang

sememangnya memerlukan penjagaan rapi. Baik pulih dan penyenggaraan hanya dilakukan secara *ad hoc* atau setelah mendapat aduan daripada penghuni. Tanpa penyenggaraan berjadual menyebabkan struktur kuarters rosak seperti keretakan pada bangunan, kerosakan pada pagar, kebocoran saluran paip dan tangki air serta sistem pendawaian elektrik yang uzur. Contohnya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 24.8
KUARTERS KLINIK KESIHATAN YANG MEMERLUKAN PENYENGGARAAN

LOKASI	KEADAAN BANGUNAN/PERSEKITARAN
KEDAH	
KK Kepala Batas	Struktur lantai telah dirosakkan oleh anai-anai **(Gambar 24.14)**.
KK Kota Sarang Semut	Bahagian atas tingkap rumah telah diserang anai-anai.
SELANGOR	
KK Beranang	Sarang anai-anai masih aktif di tandas **(Gambar 24.15)**.
KK Bt. 9, Hulu Langat	Bahagian bawah pintu diserang anai-anai.
KK Kanchong Darat Kuala Langat	Struktur dinding kuarters telah renggang. Bagaimanapun, penghuni enggan berpindah **(Gambar 24.16)**.
KK Bt. 14	Suis lampu yang rosak disebabkan sistem pendawaian yang uzur **(Gambar 24.17)**.
KK Kanchong Darat Kuala Langat	Suis elektrik utama tidak berfungsi.
KK Pulau Ketam	Pagar sekitar kuarters telah uzur **(Gambar 24.18)**.
KK Rawang	Saluran air hujan yang uzur.
KK Bt. 9 Cheras	Tangki air kuarters bocor telah menyebabkan air meresap ke permukaan siling kuarters **(Gambar 24.19)**.
PAHANG	
KK Chini Pekan	Saluran paip utama tidak berfungsi menyebabkan sambungan air terpaksa dibuat di luar rumah.
KK Peramu Jaya Pekan	Serangan anai-anai di bingkai pintu menyebabkan struktur utama pintu rosak.

Nota : KK – Klinik Kesihatan

GAMBAR 24.14



Kuarters KK Kepala Batas, Kedah
- Struktur Lantai Dirosakkan Oleh Anai-anai
(04.08.2010)

GAMBAR 24.15



Kuarters KK Beranang, Selangor
- Sarang Anai-anai Di Tandas
(01.07.2010)

GAMBAR 24.16



Kuarters KK Kanchong Darat Kuala Langat, Selangor
- Struktur Dinding Kuarters Yang Renggang
(25.06.2010)

GAMBAR 24.17



Kuarters KK Bt. 14, Selangor
- Suis Lampu Yang Rosak Disebabkan
Sistem Pendawaian Yang Uzur
(02.07.2010)

GAMBAR 24.18



Kuarters KK Pulau Ketam, Selangor
- Pagar Sekitar Kuarters Telah Uzur
(23.06.2010)

GAMBAR 24.19



Kuarters KK Bt. 9 Cheras, Selangor
- Tangki Air Bocor Menyebabkan Air Meresap
Ke Permukaan Siling Kuarters
(02.07.2010)

24.4.4.2. Kerosakan yang berlaku di kuarters antaranya disebabkan oleh peruntukan khusus bagi tujuan penyenggaraan tidak disediakan. Selain daripada penyenggaraan kuarters, peruntukan penyenggaraan yang diluluskan juga perlu digunakan untuk penyenggaraan klinik dan kenderaan. Perbelanjaan bagi penyenggaraan dan baik pulih kuarters bagi tahun 2008 hingga Mei 2010 bagi daerah yang dilawati adalah seperti di **Jadual 24.9**. Adalah juga didapati pihak pengurusan tidak sedar tentang perlunya penyenggaraan berjadual dan pelan operasi disediakan. Selain itu, pegawai yang ditugaskan mengurus aktiviti berkaitan dengan baik pulih dan penyenggaraan kuarters adalah terdiri dari Pembantu Tadbir dari Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan yang kurang pengetahuan dan tidak pernah didedahkan dengan aspek penyenggaraan bangunan sama ada melalui kursus atau latihan.

JADUAL 24.9
PERBELANJAN PENYENGGARAAN KUARTERS BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2010

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	TAHUN 2008		(%)	TAHUN 2009		(%)	TAHUN 2010 Sehingga Mei 2010		(%)
	28000*	28101**		28000*	28101**		28000*	28101*	
Gombak	363,909	0.00	0.0	221,854	39,942	18.0	45,151	0.00	0.0
Hulu Langat	831,988	47,853	5.8	889,409	38,605	4.3	293,373	42,120	14.4
Klang	896,177	3,350	0.4	672,827	2,820	0.4	481,285	16,855	3.5
Kuala Langat	TM	TM	TM	599,344	0.00	0.0	86,392	0.00	0.0

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	TAHUN 2008		(%)	TAHUN 2009		(%)	TAHUN 2010 Sehingga Mei 2010		(%)
	28000*	28101**		28000*	28101**		28000*	28101*	
Pekan	671,355	29,560	4.4	451,097	45,739	10.1	168,789	8,660	5.1
Kuantan	969,310	282,605	29.2	905,855	86,600	9.6	154,699	0.00	0.0
Kuala Pilah	468,589	274,095	58.5	324,344	57,085	17.6	190,801	40,894	21.4
Jempol	445,780	34,970	7.8	476,961	21,726	4.6	141,005	0.00	0.0
Kota Setar	1,026,886	TM	-	1,084,948	15,964	1.5	278,498	52,495	18.8
Kubang Pasu	647,228	49,458	7.6	1,045,134	26,611	2.5	178,750	0.00	-
JUMLAH	**6,321,222**	**721,891**		**6,671,773**	**335,092**		**2,018,743**	**161,024**	

Nota : ***TM - Tiada Maklumat***
(*) - Jumlah Keseluruhan Yang Dibelanjakan Untuk Penyenggaraan Dan Baik Pulih Termasuk Klinik, Kuarters Dan Kenderaan.
(**) - Perbelanjaan Bagi Penyenggaraan Dan Baik Pulih Kuarters

24.4.4.3. *Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima, PKD yang terlibat akan membaik pulih kuarters yang rosak. Anggaran perbelanjaan tahun 2012 dan 2013 yang dicadangkan kepada Kerajaan telah mengambil kira kos penyenggaraan bangunan. Selain itu, Kementerian melalui Bahagian Kejuruteraan akan menyelaraskan kursus dan latihan berkaitan aktiviti penyenggaraan serta baik pulih bangunan dengan Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) bagi semua pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam menguruskan penyenggaraan dan baik pulih kuarters.*

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah melaksanakan sistem penyenggaraan yang dirancang secara berkala dengan memberi perhatian terhadap penyenggaraan pemulihan dan penyenggaraan pencegahan seperti yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995. Langkah ini dapat memelihara harta Kerajaan daripada mengalami kerosakan dan memastikan keadaan rumah sentiasa baik dan selamat.

24.4.5. Penyelenggaraan Rekod Dan Dokumen

Pengurusan kuarters yang baik, cekap dan teratur memerlukan penyelenggaraan rekod dan dokumen berkaitan dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

24.4.5.1. Daftar Kuarters Jabatan

a. Daftar Kuarters Jabatan perlu mengandungi maklumat seperti nama penghuni, tarikh masuk/keluar kuarters dan juga rekod berkaitan kerja pembaikan/ penyenggaraan kuarters yang telah dijalankan. Semakan Audit mendapati Daftar Kuarters bagi penghuni semasa telah diwujudkan di semua daerah yang dilawati, namun Daftar yang diselenggarakan di PKD Kuantan, Jempol, Kubang Pasu dan Gombak tidak dikemas kini. Manakala bagi maklumat penghuni terdahulu, Daftar hanya disediakan di PKD Klang, Kuala Langat, Jempol, Kubang Pasu dan Hulu Langat. Daftar tersebut juga didapati tidak kemas kini. Selain itu, daftar/rekod mengenai sejarah penyenggaraan

dan pembaikan tidak diselenggarakan kecuali di PKD Gombak. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.10
DAFTAR KUARTERS JABATAN YANG TIDAK LENGKAP DAN KEMAS KINI

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	PENGHUNI SEMASA		PENGHUNI TERDAHULU		DAFTAR PENYENGGARAAN	
	DISEDIAKAN (✓ / X)	KEMAS KINI (✓ / X)	DISEDIAKAN (✓ / X)	KEMAS KINI (✓ / X)	DISEDIAKAN (✓ / X)	KEMAS KINI (✓ / X)
Klang, Selangor	✓	✓	✓	X	X	TB
Kuala Langat, Selangor	✓	✓	✓	X	X	TB
Gombak, Selangor	✓	X	X	TB	✓	✓
Hulu Langat, Selangor	✓	✓	✓	X	X	TB
Kuantan, Pahang	✓	X	X	TB	X	TB
Pekan, Pahang	✓	✓	X	TB	X	TB
Jempol, N. Sembilan	✓	X	✓	X	X	TB
Kuala Pilah, N. Sembilan	✓	✓	X	TB	X	TB
Kubang Pasu, Kedah	✓	X	✓	X	X	TB
Kota Setar, Kedah	✓	✓	X	TB	X	TB

Nota : ***(✓) - Ya*** ***(X) - Tidak*** ***TB - Tidak Berkenaan***

b. *Mengikut maklum balas Kementerian, Daftar Kuarters yang mengandungi maklumat berkaitan penghuni dan penyenggaraan telah diwujudkan di PKD yang terlibat mulai bulan Januari 2011.*

24.4.5.2. Daftar Harta Modal Dan Inventori

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua perolehan aset Kerajaan sama ada dibeli atau disewa beli dengan wang Kerajaan, yang diterima melalui sumbangan/hadiah atau diperolehi melalui proses perundangan hendaklah didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Semakan Audit di KK Pulau Ketam, Klang, Selangor dan KK Juasseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan mendapati kesemua 253 unit perabot dan perkakasan elektrik tidak didaftarkan sebagai harta modal atau inventori. Selain itu, maklumat mengenai usia dan nilai aset tersebut juga tidak dapat dipastikan. *Berdasarkan maklum balas yang diterima, semua aset di KK Pulau Ketam, Klang, Selangor telah didaftarkan seperti kehendak pekeliling dan tindakan sedang diambil bagi mendaftar aset kuarters KK Juaseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.*

Pada pendapat Audit, Daftar Kuarters yang mengandungi maklumat berkaitan penghuni, sejarah penyenggaraan serta daftar harta modal dan inventori hendaklah diwujudkan dan disediakan dengan lengkap serta kemas kini. Penyelenggaraan daftar ini akan memudahkan pihak pengurusan memantau rekod keluar/masuk kuarters, meneliti kos yang telah diperuntukkan bagi kerja pembaikan dan penyenggaraan serta memudahkan perancangan pembaikan atau pelupusan pada masa hadapan.

24.4.6. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

24.4.6.1. Aktiviti pengurusan kuarters Kementerian tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Perintah Am Bab E (Rumah dan Bangunan Pejabat) di samping pekeliling lain yang berkaitan seperti Surat Pekeliling Bahagian Sumber Manusia KKM Bil. 1 Tahun 2003 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2002 mengenai Bayaran Perumahan Khas dan juga Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2007 berkenaan dengan Pengosongan Rumah Biasa Kerajaan. Semakan Audit mendapati garis panduan dan prosedur dalaman berkaitan dengan proses pembaikan, naik taraf, baik pulih, permohonan/kelulusan, pengagihan, penyenggaraan, pengawasan dan pemantauan kuarters tidak disediakan.

24.4.6.2. *Kementerian memaklumkan Surat Pekeliling Bahagian Sumber Manusia KKM Bil. 1 Tahun 2003 sedang dikaji semula untuk dimasukkan perkara yang berkaitan dengan keperluan naik taraf, baik pulih, penyenggaraan dan perkara lain berkaitan pengurusan kuarters supaya ianya lebih lengkap seperti yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 1 Tahun 2011 pada 16 Januari 2011. Kementerian juga sedang menyediakan garis panduan dan peraturan menduduki kuarters berdasarkan garis panduan/peraturan yang telah disediakan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri. Garis panduan ini akan diedarkan kepada semua PTJ.*

Pada pendapat Audit, garis panduan dan prosedur dalaman yang lengkap berkaitan pengurusan kuarters perlu disediakan serta diguna pakai di semua peringkat secara seragam, agar pelaksanaannya dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

24.4.7. Analisis Maklum Balas Penghuni Kuarters

Bagi mengukur sejauh mana kepuasan penghuni kuarters terhadap pengurusan kuarters, sebanyak 585 borang soal selidik telah diedarkan di 4 PKD yang dilawati. Sebanyak 420 atau 71.8% borang soal selidik telah dikembalikan dan analisis terhadap maklum balas mendapati 64.3% penghuni memohon pihak pengurusan menyediakan kemudahan asas. Manakala 61.7% penghuni mengadu bahan/alat ganti kurang berkualiti digunakan semasa baik pulih menyebabkan kerosakan yang sama berulang. Butirannya adalah seperti di **Jadual 24.11**. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian menyatakan pihaknya mengambil maklum pandangan pihak Audit dan akan memastikan pemantauan yang lebih berkesan ke atas kuarters dilakukan di masa hadapan.*

JADUAL 24.11
MAKLUM BALAS DAN CADANGAN PENGHUNI KUARTERS

PERKARA	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Kurang berpuas hati dengan cara pengagihan kuarters	95	22.6
Bahan/alat ganti kurang berkualiti digunakan semasa baik pulih menyebabkan kerosakan yang sama berulang	259	61.7
Kerja baik pulih tidak dilakukan dengan baik	194	46.2
Baik pulih lewat dilaksanakan (melebihi satu bulan dari tarikh aduan)	194	46.2
Aduan kerosakan kuarters diabaikan oleh pihak pengurusan	102	24.3
Pengawasan dan pemantauan tidak dilakukan ketika kerja baik pulih dijalankan oleh kontraktor	164	39.3
Kuarters uzur dan usang, sempit dan tidak selamat untuk diduduki	198	47.1
Memohon pihak pengurusan menyediakan kemudahan asas seperti dewan, surau, perkhidmatan pembersihan, pengawal keselamatan, taman permainan, taska, gelanggang futsal, tong sampah dan telefon awam	270	64.3

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap permasalahan dan syor penghuni kuarters bagi menjamin perkhidmatan berkualiti terus dapat diberikan kepada staf Kementerian.

24.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan meningkatkan pengurusan kuarters, adalah disyorkan supaya Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil tindakan seperti berikut:

24.5.1. Memastikan penghuni kuarters mematuhi Perintah Am Bab E dan kuarters sentiasa dalam keadaan sempurna.

24.5.2. Memastikan meter individu dipasang di setiap unit kuarters dan tunggakan bil air dikutip daripada penghuni kuarters.

24.5.3. Mengadakan pemeriksaan menyeluruh bagi memastikan tidak berlaku lebihan bayaran ITP, BPK dan BSH dan mengutip balik semua lebihan bayaran.

24.5.4. Mewujudkan mekanisme bagi memastikan bayaran ITP diberhentikan dengan kadar segera apabila pegawai menduduki kuarters serta BPK dan BSH dibayar mengikut kadar yang ditetapkan.

24.5.5. Memastikan daftar berkaitan pengurusan kuarters diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

24.5.6. Melaksanakan sistem penyenggaraan yang dirancang dan menyediakan jadual Penyenggaraan Pemulihan dan Penyenggaraan Pencegahan secara berkala. Sehubungan itu, pegawai yang ditugaskan mengurus aktiviti penyenggaraan dan baik pulih bangunan perlu dihantar menghadiri latihan agar tindakan menjadi lebih cekap dan berkesan.

24.5.7. Mengambil tindakan sewajarnya terhadap permasalahan dan syor penghuni kuarters bagi menjamin perkhidmatan berkualiti dapat terus diberikan kepada staf Kementerian.

25. AKTIVITI RAWATAN REHABILITASI

25.1. LATAR BELAKANG

25.1.1. Jabatan Perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi ditubuhkan secara rasmi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) pada tahun 1996 bagi melaksanakan aktiviti rawatan rehabilitasi. Rehabilitasi atau pemulihan di dalam bidang perubatan merujuk kepada satu proses berterusan untuk mengembalikan keupayaan seseorang pesakit kepada tahap berdikari dan integrasi sosial yang optimum dengan mengurangkan ketidakupayaan fizikal dan mental akibat dari sesuatu penyakit, kecederaan ataupun peristiwa yang berlaku.

25.1.2. Aktiviti rawatan rehabilitasi berperanan untuk meningkatkan kualiti hidup dengan menyediakan perkhidmatan perubatan pemulihan. Skop utama rawatan rehabilitasi adalah pemulihan anggota (fisioterapi), pemulihan cara kerja dan terapi pertuturan.

25.1.3. Kementerian memperuntukkan sejumlah lebih RM20 juta setahun bagi perbelanjaan mengurus untuk pelaksanaan aktiviti rawatan rehabilitasi. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, perbelanjaan berjumlah RM80.81 juta telah dibelanjakan.

25.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti rawatan rehabilitasi telah dirancang dan dilaksanakan secara cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

25.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan aktiviti rawatan rehabilitasi. Semakan telah dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 melibatkan Bahagian Amalan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan dan Bahagian Kewangan di Kementerian Kesihatan Malaysia. Lawatan fizikal ke Jabatan Perubatan Rehabilitasi dan temu bual dengan pegawai serta kakitangan telah dilakukan di 6 buah hospital iaitu Hospital Kuala Lumpur; Hospital Serdang; Hospital Sungai Buloh, Selangor; Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah; Hospital Queen Elizabeth, Sabah dan Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan. Lawatan Audit juga dilakukan ke 6 buah Klinik Kesihatan iaitu Poliklinik Seri Kembangan, Selangor; Klinik Kesihatan Serendah, Selangor; Klinik Kesihatan Pendang, Kedah; Klinik Kesihatan Padang Besar, Perlis; Klinik Kesihatan Beseri, Perlis dan Klinik Kesihatan Putatan, Sabah.

25.4. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2010 mendapati pelaksanaan aktiviti rehabilitasi adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui ialah ruang rawatan sempit; perolehan tidak teratur; bayaran berjumlah RM708,220 dibuat sebelum perolehan diterima; aset bernilai melebihi RM108,314 tidak digunakan; pengurusan hasil yang tidak mematuhi peraturan; pengurusan aset yang tidak teratur serta pengisian dan penempatan perjawatan yang tidak teratur. Bagaimanapun, Kementerian telah mengambil tindakan pembetulan/ penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut berhubung kelemahan pelaksanaan aktiviti berkenaan serta ulasan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti di perenggan berikut:

25.4.1. Aktiviti Rawatan Pesakit

25.4.1.1. Prestasi Rawatan

Pada tahun 2008, terdapat seramai 2,458,305 pesakit dan sebanyak 5,246,420 rawatan telah diberikan kepada mereka di hospital dan klinik kesihatan seluruh negara. Jumlah pesakit dan rawatan bagi tahun 2009 pula telah meningkat seramai 12,916 pesakit (0.5%) kepada 2,471,221 pesakit dan sebanyak 8,799,542 rawatan telah diberikan iaitu peningkatan sebanyak 3,553,122 rawatan (67.7%). Manakala maklumat jumlah pesakit dan rawatan bagi tahun 2010 sedang dalam proses pengumpulan oleh Kementerian.

25.4.1.2. Kemudahan Dan Peralatan Untuk Rawatan

a. Lawatan Audit ke Unit Rehabilitasi, Poliklinik Seri Kembangan mendapati ruang rawatan bagi aktiviti rawatan rehabilitasi sempit kerana Unit ini ditempatkan di bangunan yang dikongsi bersama dengan Unit Pergigian Sekolah dan Stor Pergigian. Kedudukan meja di ruang pendaftaran sentiasa diubah suai bagi menyesuaikan dengan rawatan yang dijalankan di ruang terbuka. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, ruang di Poliklinik berkenaan memang terhad dan perlu dikongsi untuk pelbagai aktiviti. Bagi mengatasi masalah ini, permohonan untuk menaik taraf telah dibuat pada tahun 2011.* Keadaan bilik rawatan tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 25.1



Unit Rehabilitasi Poliklinik Seri Kembangan - Bilik Rawatan Terbuka (26.05.2010)

GAMBAR 25.2



Unit Rehabilitasi Poliklinik Seri Kembangan - Stor Dan Bilik Rawatan Yang Sempit (26.05.2010)

b. Lawatan Audit ke Hospital Queen Elizabeth mendapati berlaku kebocoran yang berterusan di kolam hidroterapi. Pihak hospital memaklumkan ia telah dikesan semenjak bangunan klinik pakar ini diserahkan kepada Jabatan Perubatan Rehabilitasi pada 23 Mac 2008. Semakan Audit mendapati sebanyak 7 kali kebocoran dan kerosakan yang sama telah dilaporkan kepada kontraktor sehingga bulan Ogos 2009. Dalam tempoh tersebut, rawatan pesakit di kolam hidroterapi tidak dapat dijalankan. **Pada pendapat Audit, Kementerian sewajarnya menyemak kembali kedudukan tempoh tanggungan kecacatan (DLP) di mana kebocoran pada kolam telah dikesan sejak mula bangunan diserahkan dan mengkaji untuk mendapatkan ganti rugi bagi tempoh kolam hidroterapi tidak boleh digunakan.**

c. Di Hospital Tuanku Ja'afar, kolam hidroterapi tidak digunakan akibat kerosakan alat pemanas air semenjak tahun 2003. Memandangkan kos untuk membaiki kerosakan adalah tinggi iaitu RM800,000, syarikat konsesi yang bertanggungjawab menyenggara bangunan dan peralatan hospital ini telah mengesyorkan kolam hidroterapi tersebut ditutup. Sijil Perakuan Pelupusan Peralatan telah dikeluarkan oleh Kementerian pada 27 Julai 2009.

d. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, kebocoran kolam hidroterapi di Hospital Queen Elizabeth ini telah dapat diatasi, manakala tindakan menaik taraf kemudahan peralatan yang rosak di Hospital Tuanku Ja'afar tidak diambil kerana peruntukan kewangan yang terhad.*

Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu memandang serius kemudahan yang ada dengan menaik taraf kepada peralatan yang lebih baik dan menyediakan ruang rawatan yang lebih luas dan selesa. Selain itu, bagi memastikan aktiviti rawatan rehabilitasi dapat dilaksanakan dengan lebih baik, Kementerian perlu mengambil tindakan segera untuk menggantikan peralatan yang rosak.

25.4.2. Perolehan Tidak Teratur

25.4.2.1. Pecah Kecil Perolehan

Arahan Perbendaharaan 173.1 antaranya menetapkan perolehan bekalan bagi setiap jenis item sehingga RM50,000 setahun boleh dibuat secara pembelian terus manakala AP 170 menetapkan perolehan bekalan yang bernilai melebihi RM50,000 sehingga RM100,000 setahun hendaklah dipelawa secara sebut harga. Kementerian dilarang memecah kecil nilai perkhidmatan bagi mengelakkan pelawaan sebut harga. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Perolehan bagi naik taraf bilik *activities of daily living* (ADL) di Hospital Sungai Buloh bernilai RM78,000 telah dipecahkecilkan melalui pembelian terus kepada syarikat yang sama. Perolehan ini sepatutnya dibuat melalui

sebut harga memandangkan nilainya melebihi RM50,000. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.1
PECAH KECIL PEROLEHAN DI HOSPITAL SUNGAI BULOH

PERIHAL	NO. PESANAN	TARIKH	AMAUN (RM)
L-Shaped Design ADL Kitchen Cabinet	L0251062401080346	27.08.2008	30,000
ADL Wheelchair Accessible with Adjustablework Table, Wash Counter And Cooking Range Counter Solid Top	L0251062401080347	27.08.2008	48,000

b. Perolehan prostesis (alat yang dipasang pada bahagian luar anggota badan bagi menggantikan sebahagian atau seluruh anggota yang tiada) di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Tuanku Ja'afar adalah tidak teratur apabila Arahan Perbendaharaan 170 tidak dipatuhi. Butiran lanjut perolehan prostesis adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.2
PEROLEHAN PROSTESIS DI HOSPITAL KUALA LUMPUR DAN HOSPITAL TUANKU JA'AFAR

HOSPITAL/BAHAGIAN	*BELOW KNEE PROSTHESIS* (RM)	*ABOVE KNEE PROSTHESIS* (RM)
Kuala Lumpur	60,280	58,850
Tuanku Jaafar	112,500	69,310

c. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, perolehan L-Shaped Design ADL Kitchen Cabinet perlu dibuat berasingan kerana ia merupakan produk tempatan manakala ADL Wheelchair Accessible with Adjustablework Table perlu diimport daripada luar negara. Manakala perolehan bagi prostesis adalah berbeza antara seseorang pesakit dengan pesakit lain dari segi bentuk, sensitiviti kulit, saiz slump, aktiviti harian dan penyakit yang dihadapi. Spesifikasi secara umum dikhuatiri akan menjejaskan keperluan pesakit.*

25.4.2.2. Perolehan Prostesis Melebihi Nilai yang Ditetapkan

Berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 5/2004 mengenai Garis Panduan Bekalan Alat Implan/Prostesis Di Hospital Kementerian Kesihatan, kos setiap item bagi *above knee prosthesis* adalah antara RM5,250 hingga RM8,500. Semakan Audit di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh dan Hospital Tuanku Ja'afar mendapati terdapat 18 kes pesakit diberi kelulusan melebihi kadar yang ditetapkan iaitu antara RM8,800 hingga RM13,500 dengan lebihan sebanyak RM17,010. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, Garis Panduan Bekalan Alat menetapkan harga asas sahaja dan kelulusan harga item yang lebih tinggi adalah bagi memenuhi keperluan pesakit dalam menjalankan aktiviti harian termasuk perkhidmatan selepas jualan.*

25.4.2.3. Bayaran Dibuat Sebelum Peralatan Diterima

a. Pengurusan perolehan bagi peralatan Jabatan Rehabilitasi, Hospital Queen Elizabeth adalah tidak teratur apabila bayaran bagi perolehan tahun 2007 dibuat sebelum peralatan diterima melibatkan bayaran berjumlah RM708,220. Bayaran dibuat lebih awal iaitu antara 6 hingga 205 hari daripada tarikh penerimaan di mana tarikh sebenar penerimaan berbeza dengan tarikh yang dinyatakan dalam perakuan terimaan. Berdasarkan rekod, bayaran dibuat oleh Bahagian Kewangan Hospital Queen Elizabeth dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah setelah perakuan penghantaran dan penerimaan pada Pesanan Kerajaan ditandatangani oleh pembekal dan pegawai Unit Aset Hospital Queen Elizabeth. Butiran lanjut bayaran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.3
BAYARAN DIBUAT SEBELUM PERALATAN DITERIMA

PERIHAL	TARIKH BAYARAN	TARIKH TERIMA		BEZA TARIKH TERIMA SEBENAR DAN BAYAR (Hari)	RUJUKAN TARIKH SEBENAR PENERIMAAN	NILAI (RM)
		PESANAN KERAJAAN	SEBENAR			
Bayaran Oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah						
Peralatan Perubatan	07.01.2008	04.01.2008	28.07.2008	205	Daftar Harta Modal	48,428
Peralatan Perubatan	05.01.2008	04.01.2008	10.04.2008	95	Surat Jaminan	39,930
Neoro-Biofeedback	08.01.2008	03.01.2008	18.01.2008	10	Sijil T&C	39,900
Peralatan Perubatan	13.01.2008	31.12.2007	31.01.2008	18	Surat Jaminan	27,300
BTE Work Simulator	03.01.2008	31.12.2007	08.07.2008	186	Sijil T&C	190,000
Pulley Lateral	28.03.2008	26.12.2007	03.04.2008	6	Sijil T&C	13,300
Couch Treatment	12.01.2008	08.01.2008	28.02.2008	47	Surat Jaminan	21,620
X-Sensor Mapping	12.01.2008	31.12.2007	28.07.2008	197	Sijil T&C	146,000
Step Exercise Corner	12.01.2008	31.12.2007	11.06.2008	140	Nota Hantaran	3,500
Couch Treatment	13.01.2008	12.01.2008	21.01.2008	8	Nota Hantaran	38,600
Bayaran Oleh Hospital Queen Elizabeth						
Kabinet Besi	13.01.2008	31.12.2007	18.02.2008	36	Nota Hantaran	51,520
Peralatan Perubatan	13.01.2008	26.12.2007	31.01.2008	18	Surat Jaminan	88,122
JUMLAH						**708,220**

Nota: ***T&C - Testing And Commissioning***

b. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, pihak pengurusan hospital telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua jabatan agar mematuhi peraturan perolehan. Kementerian juga telah mengeluarkan arahan supaya siasatan menyeluruh dilakukan.*

25.4.2.4. Peralatan Tidak Digunakan

a. Semakan Audit terhadap peralatan yang diperolehi oleh Hospital Sultanah Bahiyah, Hospital Sungai Buloh, Hospital Serdang dan Hospital Queen Elizabeth melalui pakej pembinaan hospital baru mendapati peralatan yang diterima sejak hospital dibuka antara bulan Januari 2005 hingga Disember 2007 masih belum digunakan. Peralatan yang dibeli oleh Hospital Tuanku Ja'afar, Klinik Kesihatan Beseri, Klinik Kesihatan Padang Besar dan Poliklinik Sri Kembangan antara bulan Disember 1997 hingga Mei 2010 juga masih belum digunakan. Antara sebab 129 unit peralatan bernilai melebihi RM108,314 tersebut tidak digunakan adalah kerana peralatan sedia ada mencukupi; tiada kepakaran menggunakan peralatan; peralatan tidak sesuai dan peralatan untuk keperluan pesakit dalam. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 25.4
SENARAI PERALATAN YANG TIDAK DIGUNAKAN

HOSPITAL/KLINIK KESIHATAN/ NAMA PERALATAN	TARIKH DITERIMA	BILANGAN (Unit)	JUMLAH (RM)	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN
Hospital Sultanah Bahiyah				
Sphygmomanometer (Digital)	13.05.2007	1	380	Peralatan Sedia Ada Mencukupi
Sphygmomanometer (Manual)		3	509	
Seca Weighing Scale		1	120	
Exercise Weights		2	300	
Televisyen		2	1,000	
Overhead Projector		1	2,000	
Mesin Short Wave Diathermy		1	13,000	
Bedpan Perfection		9	432	Peralatan Untuk Keperluan Pesakit Dalam
Bowl Vomit		4	136	
Urinal Male		4	Tiada Maklumat	
Dish Kidney		5		
Bowl		4		
Jug Graduated Measuring		1		
Hospital Serdang				
Wheelchair	15.01.2005	3	Tiada Maklumat	Peralatan Sedia Ada Mencukupi
Walker		12		
Crutch		8		
Underarm Crutch		2		
Katil Rawatan		2		
Troli Pesakit		4		

HOSPITAL/KLINIK KESIHATAN/ NAMA PERALATAN	TARIKH DITERIMA	BILANGAN (Unit)	JUMLAH (RM)	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN
Hospital Sungai Buloh				
Mesin Jahit	01.12.2007	1	Tiada Maklumat	Peralatan Sedia Ada Mencukupi
Single Bobath		1		
Work Stimulator		1		
Mesin Pengering		2		Program ADL Tidak Aktif
Dapur Gas		1		
Set Peralatan Dapur ADL	27.08.2008	1	78,000	Tiada Cerobong Asap
Hospital Tuanku Ja'afar				
Urinal Plate	Tiada Maklumat	15	Tiada Maklumat	Peralatan Untuk Keperluan Pesakit Dalam
Couch		1		
Walker		8		
Kerusi Roda		1		
Crutch		8		
Hospital Queen Elizabeth				
DVD Player	2007	2	1,500	Peralatan Sedia Ada Mencukupi
Klinik Kesihatan Beseri				
Complete Dressing Set	20.12.1997	1	1,017	Tiada Kepakaran Menggunakan Peralatan
Geometric Shaped Board		3	2,667	
Multisensory Motivator		1	1,713	
Theraputic Ball Set	23.12.1997	1	800	
Multi Sensory Motivator (Toys)	26.02.1998	1	1,400	
Pediatric Puzzle Set	21.04.1998	1	1,375	
Bean Bag Set	12.05.1998	1	600	
Tumble Form Delux	26.12.1998	1	560	
Klinik Kesihatan Padang Besar				
Perceptual Motor Program	22.07.1998	1	805	Tiada Kepakaran Menggunakan Peralatan
Hand Exercise Set		1	Tiada Maklumat	
Exercise Mat	25.10.2005	2		
Poliklinik Seri Kembangan				
Walker	Tiada Maklumat	2	Tiada Maklumat	Peralatan Sedia Ada Mencukupi
Kerusi Roda		2		
JUMLAH		**129**	**108,314**	

GAMBAR 25.3



Jabatan Rehabilitasi Hospital Serdang
- 2 Unit Katil Rawatan Disimpan Dalam Stor
(Tarikh Peralatan Diterima - 15.01.2005)
(13.05.2010)

GAMBAR 25.4



Jabatan Rehabilitasi Hospital Serdang
- Peralatan Rehabilitasi Masih Dalam Sampul
(Tarikh Peralatan Diterima - 15.01.2005)
(13.05.2010)



GAMBAR 25.5

Jabatan Rehabilitasi Hospital Serdang
- Troli Pesakit Masih Bersampul Plastik
(Tarikh Peralatan Diterima - 15.01.2005)
(13.05.2010)

GAMBAR 25.6



Jabatan Perubatan Rehabilitasi Hospital Sungai Buloh
- Mesin Pengering Masih Di Dalam Kotak
(Tarikh Peralatan Diterima - 01.12.2007)
(31.05.2010)

GAMBAR 25.7



Jabatan Perubatan Rehabilitasi Hospital Sungai Buloh
- 2 Unit Single Bobath Tidak Digunakan
(Tarikh Peralatan Diterima - 01.12.2007)
(31.05.2010)

GAMBAR 25.8



Unit Rehabilitasi Klinik Kesihatan Beseri
- Pelbagai Peralatan Rehabilitasi Tidak Digunakan
(Tarikh Peralatan Diterima
Antara Tahun 1997 Dan 1998)
(30.06.2010)

GAMBAR 25.9



Unit Rehabilitasi Klinik Kesihatan Beseri
- Geometric Shaped Board
(Tarikh Peralatan Diterima - 20.12.1997)
(30.06.2010)

b. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, semua alat telah mula digunakan atau diagihkan ke bahagian lain yang memerlukannya selepas mendapat teguran daripada pihak Audit. Bagi klinik yang tidak mempunyai kepakaran, bimbingan daripada pakar berkaitan akan dibuat bagi memastikan peralatan berkaitan digunakan.*

25.4.2.5. Bayaran Di Luar Skop Aktiviti Rawatan Rehabilitasi

Semakan Audit di Hospital Tuanku Ja'afar mendapati perbelanjaan berjumlah RM301,539 telah dibuat pada 19 November 2009 bagi bayaran *reagent* di bawah aktiviti patologi dengan menggunakan peruntukan aktiviti rawatan rehabilitasi. Bagaimanapun, tiada pindah peruntukan dibuat bagi tujuan tersebut.

Berdasarkan maklum balas Kementerian, pembelian reagent terpaksa dibuat kerana keperluan mendesak dan ketiadaan peruntukan. Peringatan telah dikeluarkan kepada hospital terlibat agar pindah peruntukan dilakukan mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan pegawai terlibat dalam perolehan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Penyimpangan daripada prosedur perolehan biasa perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Siasatan lanjut perlu dibuat dan tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap pegawai yang melanggar peraturan kewangan. Kementerian juga perlu mengagihkan semua peralatan yang tidak diperlukan ke hospital/klinik kesihatan yang memerlukan bagi memastikan semua peralatan yang dibeli dapat dimanfaatkan.

25.4.3. Pengurusan Caj Rawatan/Peralatan Tidak Teratur

Caj hospital ditentukan melalui Perintah Fi (Perubatan) 1982 yang merupakan Perintah di bawah Akta Fi 1951. Caj berkaitan aktiviti rawatan rehabilitasi dinyatakan dalam Jadual C, Bahagian 3 (Rawatan Fisioterapi) dan Jadual G (Caj Anggota Tiruan) manakala caj umum bagi pesakit luar ditentukan dalam Jadual A, Bahagian 1 dan 2. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

25.4.3.1. Garis Panduan Bercanggah Dengan Perintah Fi (Perubatan) 1982

Perintah 16.(7) kepada Perintah Fi (Perubatan) 1982 memberi kuasa kepada ketua hospital (pengarah) atau pegawai yang dilantik olehnya untuk mengecualikan kesemua atau sebahagian daripada caj bagi pesakit yang mengisytiharkan dirinya sebagai seorang miskin. Manakala Perintah 16.(13) pula menjelaskan bahawa Ketua Setiausaha Perbendaharaan boleh mengecualikan sebarang caj yang dikenakan di bawah perintah tersebut kepada mana-mana kelas atau kumpulan orang. Semakan Audit mendapati Ketua Pengarah Kesihatan pada 9 Mac 2004 telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 5/2004 mengenai Garis Panduan Pembiayaan Alat-alat Implan/Prostesis Untuk Pesakit-pesakit Di Hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia. Perenggan 4.4.2 Garis Panduan tersebut menetapkan bahawa peralatan implan dan prostesis yang berharga kurang dari RM10,000 boleh diluluskan pembiayaan dengan pengesahan dari Pegawai Kerja Sosial Perubatan. Adalah didapati perkara ini bercanggah dengan Perintah Fi (Perubatan) 1982 apabila membenarkan Pegawai Kerja Sosial Perubatan membuat pengecualian pembayaran caj hospital kepada pesakit tanpa terlebih dahulu mendapat pengesahan daripada pegawai diberi kuasa di bawah Perintah 16.(7) dan (13).

25.4.3.2. Perkhidmatan Tanpa Caj Dan Pengecualian Bayaran Tanpa Pengesahan Pegawai Diberi Kuasa

Caj Anggota Tiruan ditetapkan dalam Jadual G kepada Perintah Fi (Perubatan) 1982. Caj tersebut terpakai bagi semua pesakit yang menerima bekalan prostesis dan ortotik sama ada melalui bengkel hospital atau secara *outsource*. Semakan audit mendapati perkara berikut:

a. Caj ortotik sebanyak RM14,870 langsung tidak dikenakan kepada pesakit di Hospital Serdang kerana caj tersebut tiada dalam sistem bil hospital. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, tindakan pembetulan telah diambil dengan memasukkan caj tersebut di dalam sistem.* Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.5
ORTOTIK YANG DIBEKALKAN TIDAK DIKENAKAN CAJ

JENIS ORTOTIK	* CAJ SEUNIT (RM)	JUMLAH (Unit)	CAJ (RM)
Medial Arch	30	150	4,490
Insole	30	212	6,360
Shoe Modification	20	84	1,680
Shoe Raise	20	59	1,180
AFO	100	3	300
Strap	5	56	280
UCBL	40	6	240
TLSO/LSO	200	9	320
Soft Collar	20	1	20
JUMLAH		**580**	**14,870**

Nota : ***(*) - Caj Seunit Berdasarkan Perintah Fi (Perubatan)***

b. Caj ortotik dan prostesis sebanyak RM80,050 telah diberi pengecualian dengan tiada sebarang bayaran oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan tanpa mendapat pengesahan daripada Pengarah Hospital atau pegawai yang diberi kuasa seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.6
SENARAI ORTOTIK DAN PROSTESIS YANG DIBEKALKAN PADA TAHUN 2008 DAN 2009 TETAPI DIKECUALIKAN BAYARAN

JENIS ORTOTIK	* CAJ SEUNIT (RM)	HOSPITAL								JUMLAH (RM)
		KUALA LUMPUR		SERDANG		SUNGAI BULOH		TUANKU JAAFAR		
		JUMLAH (UNIT)	CAJ (RM)	JUMLAH (UNIT)	CAJ (RM)	JUMLAH (UNIT)	CAJ (RM)	JUMLAH (UNIT)	CAJ (RM)	
Ortotik										
Medial Arch	30	-	-	-	-	5	150	-	-	150
Insole	30	3	60	-	-	2	60	-	-	120
Shoe Modification	20	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Shoe Raise	20	-	-	-	-	1	20	3	60	80
AFO	100	25	2,500	-	-	59	5,900	48	4,800	13,200

JENIS ORTOTIK	* CAJ SEUNIT (RM)	HOSPITAL								JUMLAH (RM)
		KUALA LUMPUR		SERDANG		SUNGAI BULOH		TUANKU JAAFAR		
		JUMLAH (UNIT)	CAJ (RM)	JUMLAH (UNIT)	CAJ (RM)	JUMLAH (UNIT)	CAJ (RM)	JUMLAH (UNIT)	CAJ (RM)	
Strap	5	-	-	-	-	-	-	-	-	-
UCBL	40	-	-	-	-	-	-	-	-	-
TLSO/LSO	200	2	400	-	-	3	600	1	200	1,200
Soft Collar	20	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah		**30**	**2,960**	**-**	**-**	**70**	**6,730**	**52**	**5,060**	**14,750**
Prostesis										
Below Knee	400	15	6,000	23	9,200	19	7,600	49	19,600	42,400
Above Knee	550	7	3,850	10	5,500	11	6,050	10	5,500	20,900
Below Elbow	500	-	-	2	1,000	-	-	-	-	1,000
Above Elbow	300	-	-	2	1,000	-	-	-	-	1,000
Jumlah		**22**	**9,850**	**37**	**16,700**	**30**	**13,650**	**59**	**25,100**	**65,300**
JUMLAH BESAR		**52**	**12,810**	**37**	**16,700**	**100**	**20,380**	**111**	**30,160**	**80,050**

Nota : ***(*) - Caj Seunit Berdasarkan Perintah Fi (Perubatan)***

25.4.3.3. Perkhidmatan Tidak Dicaj

Caj rawatan bagi aktiviti pemulihan carakerja dan pertuturan tidak dinyatakan dalam penentuan caj dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 seperti perkhidmatan *splint* dan *pressure garment*. Semakan Audit mendapati sebanyak 26,534 unit *splint* dan 14,148 unit *pressure garment* telah dibekalkan oleh Unit Pemulihan Carakerja sepanjang tahun 2008 hingga 2010 kepada pesakit tanpa dikenakan sebarang caj. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.7
BILANGAN PERKHIDMATAN SPLINT DAN PRESSURE GARMENT DI 4 HOSPITAL

TAHUN	HOSPITAL								JUMLAH (UNIT)	
	KUALA LUMPUR		SULTANAH BAHIYAH		SUNGAI BULOH		TUANKU JA'AFAR			
	A	B	A	B	A	B	A	B	A	B
2008	1,455	2,836	909	1,452	148	97	6,643	855	9,155	5,240
2009	1,057	2,174	1,152	997	192	40	6,672	2,084	9,073	5,295
2010	1,339	1,093	521	903	240	108	6,206	1,509	8,306	3,613
JUMLAH	**3,851**	**6,103**	**2,582**	**3,352**	**580**	**245**	**19,521**	**4,448**	**26,534**	**14,148**

Nota : ***A - Splint*** ***B - Pressure Garment***

25.4.3.4. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, proses meminda Perintah Fi (Perubatan) sedang diambil dan Garis Panduan Pembiayaan Alat-alat Implan/Prostesis baru akan dikemas kini bagi menjelaskan percanggahan di antara kedua-dua peraturan ini.*

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menyeragamkan kutipan hasil bagi semua hospital dan klinik kesihatan. Kelemahan sedia ada perlu diatasi dengan pemantauan yang berkesan. Pegawai di Unit Hasil, Bahagian Kewangan, Kementerian perlu diberi pendedahan dengan amalan kutipan

hasil di peringkat hospital dan klinik kesihatan. Semakan berterusan dan berkala perlu dibuat terhadap Perintah Fi (Perubatan) bagi memastikan caj yang dikenakan seiring dengan perkembangan teknologi perubatan. Kementerian juga perlu memantau pengeluaran peraturan yang berkaitan dengan pengurangan/pertambahan/pengecualian caj bagi memastikan garis panduan/peraturan yang dikeluarkan tidak menyalahi undang-undang yang berkuat kuasa.

25.4.4. Pusat Anggota Tiruan

Sebuah Pusat Anggota Tiruan (PAT) telah ditubuhkan di Hospital Kuala Lumpur pada tahun 1970-an. Pusat ini beroperasi bagi membekalkan (handmade) sendiri anggota tiruan kepada pesakit. Unit Perancangan Ekonomi (EPU) melalui mesyuarat bersama Kementerian pada 30 Januari 1991 telah memutuskan Pusat Anggota Tiruan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) ditutup memandangkan anggota tiruan boleh diperolehi dengan harga yang lebih murah daripada pihak swasta dan bukan tanggungjawab pihak hospital untuk membekalkan anggota tiruan. Mesyuarat juga telah memutuskan agar kakitangan PAT ditukarkan dan perbincangan lanjut dibuat dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) manakala peralatan sedia ada dijual. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

25.4.4.1. Pusat Anggota Tiruan Masih Belum Ditutup

Kementerian melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPPKK) Bil. 8/1998 pada 25 November 1998 iaitu setelah 8 tahun keputusan EPU dibuat, telah mengambil ketetapan yang sama untuk menutup PAT manakala anggota yang terlibat diserapkan ke perkhidmatan yang bersesuaian. Hospital Kuala Lumpur pada 23 Mac 1999, telah mengadakan mesyuarat bagi pelaksanaan arahan penutupan PAT. Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2010 tindakan untuk menutup PAT masih belum diambil dan pusat ini masih terus beroperasi. Semakan Audit mendapati bekalan bagi peralatan prostesis telah diperolehi melalui pembelian terus manakala bagi peralatan ortotik bekalan dibuat sendiri (handmade) melalui bengkel yang masih beroperasi di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Serdang dan Hospital Sungai Buloh. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, pembuatan ortortik masih diteruskan kerana harga untuk peralatan ini lebih murah jika dibuat sendiri berbanding dibeli.*

25.4.4.2. Perjawatan Juruteknik Perubatan Terus Diwujudkan

Perjawatan Juruteknik Perubatan (Prostetik/Ortotik) masih kekal dengan 12 jawatan (1 Gred U26, 2 Gred U22 dan 9 Gred U19) dengan pengisian seramai 8 orang (1 Gred U26, 1 Gred U22 dan 6 Gred U19). Berdasarkan rekod, terdapat pengambilan 6 anggota baru bagi mengisi kekosongan perjawatan Gred U19 pada tahun 2007. Kakitangan tersebut ditempatkan di Hospital Kuala

Lumpur, Hospital Serdang dan Hospital Sultanah Aminah. Semua 6 orang Juruteknik Perubatan (Prostetik/Ortetik) U19 tersebut masih belum disahkan dalam jawatan disebabkan tidak memenuhi syarat pelantikan yang antaranya dikehendaki lulus Peperiksaan Jabatan. Bagaimanapun, Kementerian masih belum menyediakan modul bagi peperiksaan tersebut. Pihak Audit juga dimaklumkan anggota yang ditempatkan di Hospital Sultanah Aminah hanya membantu dalam penyediaan *plaster of paris (POP) bandage*. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, pengisian jawatan tersebut dibuat disebabkan wujudnya kekosongan jawatan sedia ada dan keperluan untuk mewujudkan bengkel ortotik di masa akan datang. Semua 6 orang Juruteknik Perubatan telah menjalani peperiksaan jabatan pada bulan April 2011.*

25.4.4.3. Perolehan Anggota Tiruan Tanpa Kelulusan

Lawatan Audit di Stor Jabatan Perubatan Rehabilitasi Hospital Kuala Lumpur mendapati wujud stok komponen peralatan anggota tiruan bagi menghasilkan kaki palsu. Berdasarkan rekod, perolehan peralatan anggota tiruan berjumlah RM310,659 telah dibuat pada tahun 1992 hingga 1998 sedangkan keputusan penutupan PAT telah dibuat pada tahun 1991. Antara komponen yang disimpan seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 25.8
SENARAI KOMPONEN ANGGOTA TIRUAN

PERALATAN	UNIT
4Bar Tube Assembly	3
4BKD 019126	4
AK Aligment	1
Atlas TS - Set	4
Foot Fearing	91
Multiflex Ankle	90
Multiflex Foot	75
Sach Foot	54
Sach Foot Adaptor	1
Shin Fearing	55
Shin Module	43
Symes Foot	37
Trans-Tibial Adaptors	6
TTA 35mm Shin Kit	18

GAMBAR 25.10



Unit Rehabilitasi, Hospital Kuala Lumpur - Sebahagian Stok Komponen Anggota Tiruan (24.06.2010)

GAMBAR 25.11



Unit Rehabilitasi, Hospital Kuala Lumpur - Sebahagian Stok Komponen Anggota Tiruan (24.06.2010)

GAMBAR 25.12



Unit Rehabilitasi, Hospital Kuala Lumpur - Sebahagian Stok Komponen Anggota Tiruan (24.06.2010)

GAMBAR 25.13



Unit Rehabilitasi, Hospital Kuala Lumpur - Sebahagian Stok Komponen Anggota Tiruan (24.06.2010)

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu membuat keputusan berhubung dengan status keperluan Pusat Anggota Tiruan dan perjawatan Juruteknik Perubatan. Sekiranya diperlukan, penstrukturan semula perlu dibuat berdasarkan keperluan perkhidmatan. Kementerian juga perlu menyiasat bagaimana perolehan anggota tiruan terus dibuat sedangkan arahan pemberhentian operasi telah diputuskan oleh EPU pada tahun 1991 dan melupuskan stok sedia ada bagi menjimatkan ruang simpanan dan mendapat *value for money* stok tersebut.

25.4.5. Kerjasama Dengan Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan

Kementerian Kesihatan pada bulan Jun 2000 telah mengadakan kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk membuka klinik bagi pelatih di Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan (PLPP) Bangi. Klinik tersebut dikendalikan oleh Jabatan Perubatan Rehabilitasi Hospital Putrajaya. Pada peringkat awal, sejumlah RM318,570 telah diperuntukkan bagi mengubahsuai bangunan dan perolehan peralatan bagi kegunaan pusat rawatan tersebut yang melibatkan perkhidmatan pesakit luar dan perkhidmatan pesakit dalam. Pada bulan Jun 2006, Jabatan Perubatan Rehabilitasi Hospital Putrajaya telah berpindah ke Hospital Kuala Lumpur dan perkhidmatan klinik rehabilitasi di PLPP Bangi telah dihentikan. Perkhidmatan tersebut telah diambil alih oleh Jabatan Perubatan Rehabilitasi Hospital Serdang pada bulan Ogos 2007 dan beroperasi secara mingguan serta

mendapat peruntukan berjumlah RM353,264 daripada Peruntukan Khas Perbendaharaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:

25.4.5.1. Peralatan Ditinggalkan Dan Tidak Digunakan

Perpindahan Jabatan Perubatan Rehabilitasi Hospital Putrajaya ke Hospital Kuala Lumpur pada bulan Jun 2006 telah menyebabkan perkhidmatan rawatan rehabilitasi di PLPP Bangi dihentikan. Bagaimanapun, proses perpindahan peralatan tidak dibuat dengan teratur menyebabkan sebahagian besar peralatan perubatan ditinggalkan dan tidak digunakan. Pada tahun 2006, pihak Audit pernah membuat teguran kepada Hospital Putrajaya dan pihak hospital memberi maklum balas bahawa tindakan telah diambil dengan memindahkan peralatan tersebut kepada Jabatan Perubatan Rehabilitasi Hospital Serdang. Bagaimanapun, lawatan Audit pada bulan Jun 2010 ke PLPP Bangi mendapati sebanyak 35 jenis peralatan perubatan/perabot masih tersimpan dan tidak digunakan. Nilai aset berkenaan tidak dapat dipastikan kerana daftar harta modal dan inventori tidak diperoleh. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, aset tersebut telah dipindahkan ke Hospital Serdang dan hospital lain di negeri Selangor.* Butiran jenis peralatan seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 25.9
PERALATAN YANG DITINGGALKAN DAN TIDAK DIGUNAKAN SEJAK TAHUN 2006

PERKARA	JUMLAH (Unit)
Peralatan Perubatan	
Katil - HC IODOE (*Yellow*) Dan Tilam	14
Katil - Huntleigh Wesbit Evan (*Brown*) Dan Tilam	12
Kerusi Roda	15
Walking Frame	6
Bobath Electric 49"	2
Examination/Electric Couch	4
Sponging Trolley	2
Mesin Nebulizer - Omron	1
Snellen Chart	1
Drip Stand	10
Weighing Bar With Stand (Set)	2
Mini Gymnasium (Set)	1
Cardic Table	2
X-ray Illuminator	1
Flux Air- Air Mattress And Pump System	2
Perabot	
Almari 4 Laci (Metal Cabinet)	1
Cermin Berdiri	1
Kerusi Merah (cherry)	10
Kerusi Doktor	8
Kerusi Banquet	6
Kerusi Plastik	4
Kerusi 3 Seaters Fabric	9
Meja Doktor	6

PERKARA	JUMLAH (Unit)
Meja Makan Berkerusi 6	1
Tissue Container	11
Soap Dispenser	13
Kaunter Pertanyaan	1
White Board	2
Almari Kayu	2
Rak Kasut	1
Hanger Towel	2
Rak Fail Terbuka	1
TV SONY	1
Kipas Dinding	11
Mesin Basuh - Daewoo dan National	2

GAMBAR 25.14



Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan - Sebahagian Peralatan Mini Gymnasium (14.05.2010)

GAMBAR 25.15



Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan - Kerusi Roda Tidak Digunakan (14.05.2010)

GAMBAR 25.16



Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan - Air Pump (14.05.2010)

GAMBAR 25.17



Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan - Television, Walker, Hand Exercise (14.05.2010)

GAMBAR 25.18



Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan - Compressor Nebulizer (14.05.2010)

GAMBAR 25.19



Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan - Hydraulic Bobath (14.05.2010)

GAMBAR 25.20



Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan - Katil Pesakit Dan Bath Trolley (14.05.2010)

GAMBAR 25.21



Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan - Katil Pesakit (14.05.2010)

25.4.5.2. Perancangan Tidak Teratur

a. Perkhidmatan rawatan rehabilitasi di PLPP Bangi telah dibuat tanpa perancangan yang rapi. Perkhidmatan antara tahun 2000 hingga 2006 hanya melibatkan perkhidmatan pesakit luar manakala perkhidmatan pesakit dalam tidak dapat dijalankan sehingga kini. Perbelanjaan pembaikan bilik bedah berjumlah RM67,320 tidak dapat dimanfaatkan kerana prosedur pembedahan tidak boleh dijalankan dengan kemudahan yang terhad. Bagaimanapun, Kementerian pada tahun 2007 terus menyalurkan peruntukan melalui Jabatan Perubatan Rehabilitasi Hospital Serdang berjumlah RM353,264 khusus bagi perkhidmatan di PLPP Bangi.

b. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, memandangkan tiada perkhidmatan pesakit dalam yang boleh dimulakan di PLPP, peralatan untuk rawatan ini telah ditempatkan di Jabatan Perubatan Rehabilitasi Hospital Serdang. Di samping itu, mesyuarat bersama dengan PLPP telah diadakan dan memutuskan perkhidmatan pesakit luar diteruskan tetapi satu perjanjian bertulis perlu dimeterai.*

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu membuat keputusan sama ada meneruskan perkhidmatan di PLPP Bangi atau sebaliknya. Memandangkan jarak PLPP Bangi hanya 8 kilometer daripada Hospital Serdang, dicadangkan agar pesakit yang memerlukan rawatan dirujuk terus ke Hospital Serdang. Pada masa akan datang, Kementerian perlu membuat kajian rapi sebelum sesuatu aktiviti diadakan di luar daripada premis Kementerian. Perbelanjaan berjumlah RM671,834 sepatutnya digunakan dengan maksimum kerana perbelanjaan tersebut menyamai dengan nilai pembinaan sebuah Klinik Desa berserta kuarters.

25.4.6. Pengurusan Aset Tidak Teratur

25.4.6.1. Aset Tidak Dilabel Hak Kerajaan Malaysia Dan Belum Didaftarkan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 juga menetapkan bahawa semua aset hendaklah diberi tanda pengenalan dengan cara melabel/mengecat/

emboss bagi menunjukkan tanda **'Hak Kerajaan Malaysia'** dan nama Kementerian/Jabatan berkenaan di tempat yang mudah dilihat dan sesuai pada aset berkenaan. Aset yang dibeli juga hendaklah didaftar dalam Daftar Harta Modal-KEW.PA-2. Semakan Audit mendapati sebanyak 12 aset berjumlah RM96,312 yang diterima antara bulan Oktober 2006 hingga bulan Julai 2009 di Hospital Serdang masih belum ditandakan '**Hak Kerajaan Malaysia'** dan belum didaftarkan.

25.4.6.2. Pemeriksaan Aset Tidak Dijalankan

Pemeriksaan Aset hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun ke atas fizikal, rekod dan penempatan bagi mengetahui keadaan dan prestasi aset; memastikan setiap aset mempunyai daftar/rekod yang lengkap dan memastikan aset berada di lokasi yang sama seperti tercatat dalam daftar. Semakan mendapati 154 aset bernilai RM1.87 juta yang diterima antara bulan Jun 1993 hingga bulan Januari 2010 tidak pernah diperiksa oleh pihak hospital. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, tindakan mendaftar dan memeriksa aset tersebut telah dibuat di hospital terlibat.*

Pada pendapat Audit, tindakan mendaftar, melabel dan memeriksa aset Kerajaan perlu dilakukan dengan teratur bagi memastikan kewujudan dan keadaan aset dapat dikenal pasti serta salah guna harta Kerajaan dapat dielakkan.

25.4.7. Pengisian Perjawatan

Perjawatan di Jabatan Perubatan Rehabilitasi melibatkan beberapa jawatan utama terdiri daripada Pegawai Perubatan, Pegawai Pemulihan, Jurupulih Perubatan, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Juruteknik Perubatan, Pembantu Tadbir dan Pembantu Perawat Kesihatan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

25.4.7.1. Bagi 6 hospital yang dilawati, sebanyak 375 gred pelbagai jawatan telah diluluskan bagi Jabatan Perubatan Rehabilitasi. Daripada jumlah tersebut sebanyak 85 jawatan masih belum diisi khususnya Pakar Perubatan Pemulihan, Pegawai Pemulihan Perubatan dan Jurupulih Perubatan. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, penempatan Jurupulih Perubatan akan diberi perhatian manakala kekurangan Pakar Perubatan Rehabilitasi akan diatasi melalui perkhidmatan rehabilitasi secara zon dan lawatan pakar secara berkala.*

25.4.7.2. Penempatan pegawai awam ditentukan mengikut waran perjawatan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan berdasarkan prinsip *rate for the job*. Penempatan tanpa mengikut waran perjawatan yang diluluskan adalah tidak teratur, menjejaskan struktur organisasi sedia ada serta turut memberikan implikasi dalam aspek pengurusan kewangan. Semakan Audit mendapati

lebihan jawatan diisi bagi Pakar Perubatan Pemulihan Gred Khas C (seorang) dan Gred UD53/54 (5 orang) di semua hospital yang dilawati kecuali Hospital Sultanah Bahiyah. Di Hospital Kuala Lumpur, 9 pegawai pelbagai gred bagi Skim Sosial Perubatan yang diisi berdasarkan waran perjawatan Aktiviti Perubatan Rehabilitasi ditempatkan di bawah Jabatan Kerja Sosial. Bagaimanapun, pengisian tanpa mengikut waran perjawatan ini tidak dimaklumkan oleh Kementerian kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

25.4.7.3. Sebanyak 22 jawatan Jururawat Terlatih (U29/31/32) diluluskan di Hospital Serdang, bagaimanapun tiada Wad Perubatan Rehabilitasi dikhususkan di Hospital Serdang berbanding 7 jawatan yang sama di Hospital Kuala Lumpur yang mempunyai 2 Wad Perubatan Rehabilitasi dengan kapasiti 25 katil manakala di Hospital Sungai Buloh, terdapat Wad Perubatan Rehabilitasi dengan 10 katil tetapi tiada jawatan Jururawat Terlatih diwujudkan.

25.4.7.4. Di semua hospital yang dilawati kecuali Hospital Queen Elizabeth, aktiviti bagi Pemulihan Pertuturan dan Pemulihan Pendengaran telah diletakkan di bawah Aktiviti Otorinolaringologi (Telinga, Hidung dan Tekak). Bagaimanapun 15 jawatan bagi Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran) dan Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) masih berada dalam waran perjawatan Aktiviti Perubatan Rehabilitasi.

25.4.7.5. Penempatan Pakar Perubatan Pemulihan ditentukan berdasarkan keperluan rawatan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pecahan kedudukan pakar adalah tidak seragam di mana kedudukan pakar lebih tertumpu di kawasan Lembah Kelang dengan penempatan seramai 12 orang iaitu 54.5% daripada jumlah Pakar Perubatan Pemulihan sedia ada seramai 22 orang. Semakan Audit juga mendapati tiada pakar ditempatkan di Hospital Sultanah Bahiyah sedangkan jumlah pesakit yang mendapat rawatan di Jabatan Perubatan Rehabilitasi adalah lebih tinggi berbanding Hospital Serdang dan Hospital Sungai Buloh. Nisbah bilangan pakar berbanding pesakit yang sangat ketara juga dapat dilihat seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.10
BILANGAN PESAKIT DAN NISBAH PAKAR DI JABATAN PERUBATAN REHABILITASI

HOSPITAL	BILANGAN PESAKIT DI JABATAN PERUBATAN REHABILITASI BAGI TAHUN 2008 HINGGA MEI 2010 (Orang)				PAKAR PERUBATAN PEMULIHAN	
	UNIT REHABILITASI	UNIT CARAKERJA	UNIT FISIOTERAPI	JUMLAH	BILANGAN	NISBAH PAKAR
Kuala Lumpur	12,977	98,060	1,126,064	1,237,121	4	1 : 309,280
Serdang	7,763	13,609	50,559	71,931	3	1 : 23,977
Sultanah Bahiyah	-	40,330	72,114	112,444	-	-
Sungai Buloh	3,422	18,329	68,974	90,725	2	1 : 45,362
Tuanku Ja'afar	5,575	60,513	81,493	147,581	4	1 : 36,895
Queen Elizabeth*	503	39,131	92,529	132,160	1	1 : 132,160

Nota : (*) - Pakar Perubatan Rehabilitasi, Hospital Queen Elizabeth Ditempatkan Pada Bulan Oktober 2009

25.4.7.6. Selaras dengan cadangan pembukaan Hospital Rehabilitasi, Cheras yang mula beroperasi pada tahun 2011, kedudukan jawatan bagi aktiviti Perubatan Rehabilitasi bagi hospital di Lembah Kelang (Hospital Kuala Lumpur, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah) perlu disemak semula kerana Unit Rehabilitasi perlu disatukan di bawah satu bumbung bagi menjimatkan kos serta memaksimumkan penggunaan Hospital Rehabilitasi. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, kes akut masih perlu dikendalikan oleh Pakar Perubatan Rehabilitasi dan hanya kes tertentu sahaja dirujuk ke Hospital Rehabilitasi Cheras.*

25.4.7.7. Semua Unit Rehabilitasi di klinik yang dilawati kecuali di Klinik Kesihatan Padang Besar dan Klinik Kesihatan Beseri di Perlis telah beroperasi dengan kehadiran dan pemantauan daripada Pegawai Pemulihan Perubatan/Jurupulih Perubatan hospital berhampiran. Unit Rehabilitasi di Klinik Kesihatan Padang Besar dan Klinik Kesihatan Beseri telah diuruskan oleh Jururawat Terlatih U29 yang tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam aktiviti rehabilitasi. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, lawatan berkala oleh Jurupulih Perubatan telah dijalankan mulai tahun 2011.*

Pada pendapat Audit, bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan aktiviti rawatan rehabilitasi, Kementerian hendaklah menilai kembali kedudukan perjawatan sedia ada. Kekosongan yang melibatkan gred kenaikan pangkat perlu diisi segera manakala bagi jawatan baru, makluman bagi pengisian jawatan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam perlu dibuat. Jawatan Jurupulih Perubatan di klinik kesihatan juga perlu diwujudkan bagi memastikan perkhidmatan rehabilitasi di peringkat komuniti dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Kementerian juga perlu menempatkan pegawai selaras dengan peraturan semasa dan berdasarkan prinsip *rate for the job.* Semakan semula kedudukan dan kesesuaian jawatan di bawah Aktiviti Perubatan Rehabilitasi juga perlu dibuat bagi memastikan jawatan yang telah diwujudkan tidak dipindahkan ke aktiviti lain.

25.4.8. Latihan *Post Basic* Rehabilitasi

Bagi meningkatkan pengetahuan Jururawat Terlatih dan memberikan penekanan dalam rawatan perubatan rehabilitasi, Kementerian telah menganjurkan program *Post Basic* Rehabilitasi semenjak tahun 2008 yang mengambil masa selama 6 bulan bagi sesuatu sesi latihan. Program tersebut telah diadakan di Hospital Tuanku Ja'afar di bawah seliaan Pakar Perubatan Rehabilitasi. Sehingga bulan Julai 2010, seramai 75 Jururawat Terlatih telah mengikuti program tersebut. Pegawai yang mempunyai sijil *post basic* akan diberi elaun khas sekiranya bertugas di bawah aktiviti yang sama di hospital. Sementara itu, Jabatan Perubatan Rehabilitasi di Hospital Kuala Lumpur telah menganjurkan kursus *Spinal Rehab* bagi Jururawat Terlatih untuk tempoh 6 minggu di bawah seliaan Pakar Perubatan Rehabilitasi.

Seramai 32 orang Jururawat Terlatih telah menghadiri kursus tersebut yang dianjurkan sejak tahun 2008. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, kandungan kursus Spinal Rehabilitasi akan diserapkan dalam kursus Post Basic Rehabilitasi bagi memastikan ia menyeluruh dan relevan.*

Pada pendapat Audit, selaras dengan hasrat Kementerian untuk menubuhkan Hospital Rehabilitasi yang akan beroperasi pada tahun 2011, keperluan untuk mewujudkan pasukan Jururawat Terlatih yang mempunyai latihan *Post Basic* Rehabilitasi perlu dipertingkatkan. Penilaian dan penambahbaikan perlu dibuat terhadap kursus yang dijalankan di Hospital Kuala Lumpur bagi memastikan kursus tersebut diiktiraf oleh Kementerian sebagai latihan *Post Basic.*

25.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak yang terlibat mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

25.5.1. Memandang serius kemudahan peralatan yang ada dengan menaik taraf kepada peralatan yang lebih baik. Kementerian juga perlu mengagihkan semua peralatan yang tidak diperlukan ke Hospital/Klinik Kesihatan yang memerlukan bagi memastikan semua peralatan yang dibeli dapat dimanfaatkan.

25.5.2. Memastikan penyimpangan daripada prosedur perolehan biasa perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang melanggar peraturan kewangan atau melakukan *improper payment.*

25.5.3. Memastikan tindakan penyeragaman kutipan hasil bagi semua hospital dan klinik kesihatan. Semakan berterusan dan berkala perlu dibuat terhadap Perintah Fi (Perubatan) bagi memastikan caj yang dikenakan seiring dengan perkembangan teknologi perubatan. Kementerian juga perlu memantau pengeluaran peraturan yang berkaitan dengan pengurangan/pertambahan/ pengecualian caj bagi memastikan peraturan yang dikeluarkan tidak menyalahi Undang-undang yang berkuat kuasa.

25.5.4. Memastikan jawatan Jurupulih Perubatan di Klinik Kesihatan diwujudkan bagi memastikan perkhidmatan rehabilitasi di peringkat komuniti dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

25.5.5. Selaras dengan hasrat Kementerian untuk menubuhkan Hospital Rehabilitasi yang akan beroperasi pada tahun 2011, keperluan untuk mewujudkan pasukan Jururawat Terlatih yang mempunyai latihan *Post Basic* Rehabilitasi perlu dipertingkatkan. Kedudukan jawatan bagi aktiviti Perubatan Rehabilitasi bagi hospital di Lembah Kelang juga perlu disemak kerana Unit Rehabilitasi perlu disatukan di bawah satu bumbung bagi menjimatkan kos serta memaksimumkan penggunaan Hospital Rehabilitasi.

26. PEMBINAAN KLINIK DESA DAN 2 UNIT KUARTERS KELAS G (KD2G)

26.1. LATAR BELAKANG

26.1.1. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) pada bulan November 2007 telah menandatangani perjanjian bernilai RM92.04 juta dengan 6 kontraktor bagi Pelaksanaan Projek-projek RMKe-9 Yang Bernilai Tidak Melebihi RM5 Juta. Projek ini adalah bagi membina klinik desa dan 2 unit kuarters kelas G (KD2G) meliputi 87 lokasi di seluruh negara. Enam kontraktor telah dilantik secara tender terhad untuk melaksanakan pembinaan di 6 zon iaitu Zon Utara (Perlis, Pulau Pinang dan Kedah), Zon Tengah (Perak dan Selangor), Zon Selatan (Johor dan Negeri Sembilan), Zon Timur (Kelantan, Pahang dan Terengganu), Zon Sabah dan Zon Sarawak. Tempoh pelaksanaan kontrak adalah 10 hingga 15 bulan mulai bulan Disember 2007 hingga April 2009. Butiran berkenaan kontrak adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.1
SENARAI KONTRAKTOR, TEMPOH DAN NILAI KONTRAK

ZON	NAMA KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	BIL. PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Utara	Abad Sentosa Sdn. Bhd.	04.12.2007 - 04.10.2008	20	15.69
Tengah	I.Z.A. Construction Sdn. Bhd.	04.12.2007 - 04.10.2008	21	19.13
Selatan	Syarikat Technochase Sdn. Bhd.	04.12.2007 - 09.09.2008	16	19.60
Timur	Nukima Sdn. Bhd.	04.12.2007 - 30.09.2008	21	14.49
Sabah	Akif Jaya Sdn. Bhd.	16.01.2008 - 16.04.2009	7	14.33
Sarawak	Kurnia Setegas Sdn. Bhd.	04.12.2007 - 04.10.2008	2	8.81
JUMLAH			**87**	**92.04**

26.1.2. Kementerian telah menetapkan projek ini dijalankan secara konvensional di mana reka bentuk dan penyeliaan dilakukan oleh perunding. Sebanyak 24 perunding terdiri daripada perunding arkitek; sivil dan struktur; mekanikal dan elektrik; dan juruukur bahan telah dilantik dengan kos perunding sebanyak RM19.19 juta. Ketua Setiausaha Kementerian telah bertindak sebagai Pegawai Penguasa, manakala Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa.

26.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan KD2G telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

26.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan KD2G dengan melihat kepada beberapa aspek antaranya seperti pematuhan syarat kontrak, spesifikasi kerja dan kualiti kerja. Bagi tujuan ini, semakan terhadap fail, rekod dan dokumen serta temu bual telah dibuat di Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan; Bahagian Perancangan Dan Pembangunan; dan Bahagian Perolehan Dan Penswastaan di Kementerian. Selain itu, pihak Audit juga membuat lawatan tapak dan menemu bual mereka yang berkenaan di 29 KD2G di tiga negeri iaitu Johor, Kelantan dan Perak.

26.4. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati pelaksanaan pembinaan KD2G adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah 68 projek (80%) gagal diserahkan sehingga tamat lanjutan masa; projek lewat disiapkan dengan lanjutan masa antara 150 hingga 602 hari iaitu sehingga 197% dari tempoh asal; lanjutan masa tersebut diluluskan selepas 34 hingga 413 hari dari tarikh akhir kontrak; ganti rugi sebanyak RM3.29 juta tidak dapat dikenakan ke atas kontraktor; kos projek meningkat RM11.27 juta; kerja tidak mengikut spesifikasi; klinik dan peralatan masing-masing bernilai RM1.04 juta dan RM0.69 juta tidak digunakan akibat kelewatan projek; arahan bayaran sebanyak RM0.54 juta kepada syarikat tanpa kontrak perjanjian; penempatan klinik sementara yang tidak terancang; kelewatan menandatangani kontrak antara 81 hingga 171 hari; perwakilan kuasa yang tidak sah dan kontrak tidak dilindungi insurans antara 8 hingga 615 hari serta pelantikan perunding tidak teratur. Bagaimanapun, Kementerian telah mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan dan maklum balas dari pihak Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

26.4.1. Prestasi Pencapaian Projek

26.4.1.1. Kelewatan Menyiapkan Projek

Mengikut kontrak, tarikh penyiapan projek KD2G ialah 4 Oktober 2008, manakala zon Sabah pada 16 April 2009. Semakan Audit mendapati kesemua 87 projek gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, 2 projek iaitu KD2G Basong, Hulu Terengganu dan KD2G Terisu, Cameron Highland telah dibatalkan pada 22 Januari 2009 dan 13 Mei 2009 masing-masingnya kerana masalah status tanah. Adalah didapati sehingga tarikh akhir EOT 2 hanya 17 projek atau 20% telah diserahkan kepada Kementerian. Sehingga 31 Disember 2010 sebanyak 72 projek atau 84.7% telah berjaya diserahkan, manakala baki 13 projek atau 15.3% masih belum diserahkan kepada Kementerian. Butiran bagi penyerahan projek adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.2
BILANGAN PROJEK YANG TELAH DISERAHKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2010

ZON	BIL. PROJEK	PROJEK DISERAHKAN MENGIKUT TEMPOH						TARIKH PENYERAHAN
		KONTRAK ASAL	AKHIR EOT 1	AKHIR EOT 2	SEHINGGA 30.06.2010	SEHINGGA 31.12.2010		
						SERAH	BELUM	
Utara	20	-	-	3	7	10	-	19.01.2010 - 01.09.2010
Tengah	21	-	-	10	3	7	1	21.10.2009 - 30.11.2010
Selatan	16	-	-	1	-	10	5	19.11.2009 - 17.12.2010
Timur	19*	-	-	1	7	8	3	11.03.2010 - 25.10.2010
Sabah	7	-	-	TB	3	-	4	16.06.2010 - 03.11.2010
Sarawak	2	-	2	TB	-	-	-	03.03.2009
JUMLAH/(%)	**85 (100)**	**0 (0)**	**2 (2.4)**	**15 (17.7)**	**20 (23.5)**	**35 (41.2)**	**13 (15.3)**	**03.03.2009 - 17.12.2010**

Nota: ***(*) - 2 Projek Telah Dibatalkan Daripada Kontrak Bagi Zon Timur***
TB - Tidak Berkenaan

26.4.1.2. Lanjutan Masa

Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor memastikan projek dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam kontrak. Kontraktor akan diberikan lanjutan masa sekiranya sebab kelewatan penyiapan projek di luar kawalannya. Lanjutan tempoh penyiapan diluluskan melalui Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (PKLM)/EOT. Semua kontraktor telah diluluskan sehingga dua EOT (kecuali 1 EOT di Zon Sabah dan Sarawak) antara 150 hingga 602 hari iaitu antara 32.9% hingga 197.4% dari tempoh asal projek. Semakan Audit juga mendapati EOT 1 dan EOT 2 bagi semua zon diluluskan antara 34 hingga 413 hari selepas tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Manakala EOT 2 bagi Zon Utara dan Zon Tengah telah dibuat selepas 16 dan 11 hari dari tarikh lanjutan masa tersebut tamat. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.3
TEMPOH PROJEK DAN LANJUTAN MASA DILULUSKAN

ZON	KONTRAK ASAL (Hari)	LANJUTAN MASA		KESELURUHAN (Hari)
		(Hari)	(%)	
Utara	305	548	179.7	853
Tengah	305	602	197.4	907
Selatan	270	511	189.3	781
Timur	295	539	182.7	834
Sabah	456	150	32.9	606
Sarawak	305	151	49.5	456

26.4.1.3. Perakuan Kerja Tidak Siap

Mengikut kontrak apabila kontraktor gagal menyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan, Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan/*Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) boleh dikenakan terhadap kontraktor. Bagi menguatkuasakan LAD, Perakuan Kerja Tidak Siap/*Certificate of Non Completion* (CNC) hendaklah dikeluarkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Semua CNC telah dikeluarkan antara 16 hingga 60 hari selepas tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Butiran lanjut pengeluaran CNC seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.4
LANJUTAN MASA DAN PERAKUAN KERJA TIDAK SIAP

ZON	EOT			CNC	
	TEMPOH	TARIKH LULUS	LEWAT (Hari)	TARIKH PERAKUAN	LEWAT (Hari)
Utara	E1 : 04.10.2008 - 02.04.2009 E2 : 02.04.2009 - 05.04.2010	07.11.2008 21.04.2010	34 384	C1 : 05.05.2009 C2 : 21.04.2010	33 16
Tengah	E1 : 04.10.2008 - 24.04.2009 E2 : 24.04.2009 - 31.05.2010	07.11.2008 11.06.2010	34 413	C1 : 25.05.2009 C2 : 05.07.2010	31 35
Selatan	E1 : 09.09.2008 - 19.07.2009 E2 : 19.07.2009 - 03.02.2010	22.01.2009 16.01.2010	135 181	C1 : 07.11.2008 C2 : 07.08.2009	59 19
Timur	E1 : 30.09.2008 - 01.06.2009 E2 : 01.06.2009 - 23.03.2010	07.11.2008 26.01.2010	37 239	C1 : 31.07.2009 C2 : 16.04.2010	60 24
Sabah	E1 : 16.04.2009 - 13.09.2009	15.06.2009	61	C1 : 25.05.2009	39
Sarawak	E1 : 04.10.2008 - 03.03.2009	07.11.2008	34	C1 : 30.03.2009	27

Nota: ***CNC - Certificate of Non Completion*** ***E1 - EOT1*** ***E2 - EOT2*** ***C1 - CNC1*** ***C2 - CNC2***
EOT - Extension of Time

b. Bagi kontrak Zon Sarawak, Pegawai Penguasa pada 30 Mac 2009 telah mengeluarkan CNC kepada kontraktor bagi tujuan mengenakan LAD sebanyak RM1,585.40 sehari. Bagaimanapun pada 30 April 2009, Wakil Pegawai Penguasa telah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja dan memperakukan bahawa kerja-kerja bagi Zon Sarawak telah siap pada 3 Mac 2009. Dengan itu, LAD tidak boleh dikenakan kepada kontraktor sungguhpun CNC telah dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa. Berdasarkan perkiraan Audit LAD yang boleh dikenakan sehingga 30 Mac 2009 adalah berjumlah RM42,805. *Mengikut maklum balas Kementerian, kelewatan menyiapkan kerja disebabkan oleh pihak ketiga dan jawatankuasa siasatan telah ditubuhkan bagi menyiasat perkara tersebut.*

c. Berdasarkan minit Mesyuarat Pembangunan Bil. 12 Tahun 2010, sehingga 14 Januari 2011 semua kontraktor kecuali Zon Sarawak boleh dikenakan LAD berjumlah RM3.29 juta kerana lewat menyiapkan projek. Bagaimanapun Kementerian lewat mengeluarkan EOT atau CNC kepada kontraktor menyebabkan ia tidak lagi boleh dikuatkuasakan kerana masa bukan lagi menjadi teras kepada kontrak. Kontraktor hanya bertanggungjawab untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang munasabah

(*time is at large*). LAD yang sepatutnya dikenakan kepada kontraktor terlibat adalah seperti di **Jadual 26.5**. *Mengikut maklum balas Kementerian sehingga 29 Jun 2011, LAD sebanyak RM3.45 juta telah dikenakan ke atas kontraktor.*

JADUAL 26.5
LAD SEHINGGA 14 JANUARI 2011

ZON	KONTRAKTOR	JUMLAH LAD (RM)
Utara	Abad Sentosa Sdn. Bhd.	210,469
Tengah	I.Z.A. Construction Sdn. Bhd.	315,760
Selatan	Syarikat Technochase Sdn. Bhd.	1,029,485
Timur	Nukima Sdn. Bhd.	496,623
Sabah	Akif Jaya Sdn. Bhd.	1,235,774
JUMLAH		**3,288,111**

26.4.1.4. Peningkatan Kos Projek Dan Arahan Perubahan Kerja

Mengikut Arahan Perbendaharaan 202, Arahan Perubahan Kerja (APK) yang melebihi 10% daripada nilai kontrak atau melebihi RM1 juta perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Perolehan Kementerian. APK hendaklah dikeluarkan dalam tempoh kontrak dan dilaksanakan di kawasan tapak bina. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Kos pembinaan bagi keseluruhan projek telah meningkat sebanyak RM11.26 juta (12.2%) iaitu daripada RM92.04 juta menjadi RM103.30 juta. Peningkatan kos projek tersebut adalah disebabkan oleh 19 APK yang telah diluluskan termasuk APK bagi 2 projek yang dibatalkan iaitu KD2G Basong, Hulu Terengganu (RM0.65 juta) dan KD2G Terisu, Cameron Highland (RM0.67 juta) seperti di **Jadual 26.6**.

b. Enam APK berjumlah RM3.42 juta telah diluluskan selepas tamat tempoh kontrak. Manakala APK melebihi RM1 juta bagi Zon Utara, Zon Tengah, Zon Timur dan Zon Sabah diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja tanpa kelulusan daripada Lembaga Perolehan Kementerian.

JADUAL 26.6
ARAHAN PERUBAHAN KERJA

TARIKH TAMAT KONTRAK	APK	TARIKH APK	TARIKH LULUS	NILAI (RM)	NILAI KONTRAK (RM Juta)		APK (%)
					ASAL	SEMASA	
Zon Utara							
05.04.2010	APK 1	22.04.2010	22.01.2009	265,639	15.69	17.11	9.1
	APK 2	05.03.2010	23.12.2009	342,093			
	APK 3	14.04.2010	25.02.2010	167,815			
	APK 4	24.01.2011	24.01.2011	649,489			
	Jumlah Kecil			**1,425,036**			

TARIKH TAMAT KONTRAK	APK	TARIKH APK	TARIKH LULUS	NILAI (RM)	NILAI KONTRAK (RM Juta)		APK (%)
					ASAL	SEMASA	
Zon Tengah							
31.05.2010	APK 1	18.06.2009	22.01.2009	(100,009)	19.13	21.03	9.9
	APK 2	11.06.2010	07.04.2010	2,000,770			
	Jumlah Kecil			**1,900,761**			
Zon Selatan							
03.02.2010	APK 1	05.03.2010	23.12.2009	882,179	19.60	23.11	17.9
	APK 2*	06.12.2010	06.12.2010	1,002,540			
	APK 3*	07.01.2011	23.12.2010	990,340			
	APK 4*	24.01.2011	12.01.2011	636,493			
	Jumlah Kecil			**3,511,552**			
Zon Timur							
23.03.2010	APK 1	22.04.2009	22.01.2009	233,056	14.49	17.20	18.8
	APK 2	18.06.2009	13.05.2009	158,571			
	APK 3	17.09.2009	13.08.2009	217,326			
	APK 4	05.03.2010	23.12.2009	2,109,326			
	Jumlah Kecil			**2,718,279**			
Zon Sabah							
13.09.2009	APK 1	22.04.2009	22.01.2009	573,617	14.33	15.44	7.7
	APK 2	21.05.2009	30.04.2009	389,561			
	APK 3	17.05.2010	17.03.2010	142,868			
	Jumlah Kecil			**1,106,046**			
Zon Sarawak							
03.03.2009	APK 1	02.03.2009	22.01.2009	605,200	8.80	9.41	6.8
	APK 2	09.07.2009	13.05.2009	(2,529)			
	Jumlah Kecil			**602,671**			
JUMLAH BESAR				**11,264,345**	**92.04**	**103.30**	**12.2**

Nota: ***(*) - Pengukuran Kuantiti Sementara***
APK - Arahan Perubahan Kerja

26.4.1.5. Kerja Tidak Sesuai/Tidak Lengkap, Tidak Mengikut Spesifikasi Dan Tidak Berkualiti

Lawatan Audit mendapati beberapa kerja tidak sesuai/tidak lengkap di semua 29 projek yang boleh mengganggu keselesaan pesakit dan kakitangan. Manakala terdapat beberapa kerja tidak menepati spesifikasi (4 projek) dan tidak berkualiti (22 projek). Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.7
KERJA TIDAK SESUAI/TIDAK LENGKAP,
TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI DAN TIDAK BERKUALITI

KLINIK DESA	KERJA TIDAK SESUAI/TIDAK LENGKAP
Zon Tengah - Perak : Lawatan Audit Pada 06 - 10.12.2010	
Kg. Perak, Kg. Kedah, Pos Poi, Kg. Air Gandah, Pengkalan Baru, Buluh Akar, Tepus, Bagan Pasir Selekoh, Rungkup dan Batu 20.	• Semua permukaan meja di bilik-bilik makmal, utiliti kotor, masakan dan penyusuan menggunakan material *chipboard* yang mudah rosak apabila terdedah kepada air. **(Gambar 26.1)** • Semua jeriji besi yang dipasang di kuarters tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan kebakaran - tiada jeriji yang boleh dibuka. • Kemasan lantai jenis *self leveling epoxy* di klinik desa tidak sesuai kerana terdapat gelembung udara/yang akan menyebabkan kerosakan pada lantai.

KLINIK DESA	KERJA TIDAK SESUAI/TIDAK LENGKAP
	• KD Buluh Akar - Kedudukan *outlet socket* di hadapan meja masak. • KD Rungkup dan KD Batu 20 - Kedudukan kipas dinding terlalu tinggi dan sukar untuk dicapai. **(Gambar 26.2)** • KD Rungkup dan KD Bagan Pasir Selekoh - Tangga tidak dibuat untuk memudahkan akses ke bangunan tangki air. **(Gambar 26.3)** • KD Buluh Akar dan KD Batu 20 - Ruang meletakkan kenderaan adalah terhad (kurang dari 10 buah kereta).
Zon Timur - Kelantan : Lawatan Audit Pada 28 - 30.11.2010	
But, Kg. Bandar, Bukit Bakar, Baroh Pial, Kampung Rahmat, Alor Pasir, Kulim dan Aring 10.	• Pemasangan cermin cerah di bilik penyusuan. • Pemasangan *awning* tambahan dan *gutter* perlu bagi mengelakkan tempias air hujan di anjung pintu masuk. • Stor ubat tidak dipasang penyaman udara/kipas. • Kuarters tidak dilengkapi ruang/bilik stor. • Ruang tandas yang kecil dan sempit di unit kuarters. **(Gambar 26.4)** • KD Kulim - Laluan masuk tidak sesuai untuk pesakit yang menggunakan kerusi roda. **(Gambar 26.5)**
KLINIK DESA	**KERJA YANG TIDAK SESUAI/TIDAK LENGKAP**
Zon Selatan - Johor : Lawatan Audit Pada 18 – 22.10.2010	
Kahang Batu 28, Pt. Ibrahim Majid, Teluk Ramunia, Sg. Kapal, Pt. Abd. Rahman, Permas, Linau, Pt. Basri, Patah Pedang dan Peserai.	• Bilik makmal tidak dilengkapi dengan *exzos fan.* • Bilik *generator set* sempit. Keluasan bilik hampir menyamai saiz *generator set* dan sukar untuk mengeluar/memasuk bagi tujuan penyenggaraan. **(Gambar 26.6)**
KLINIK DESA	**KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI**
Zon Tengah - Perak : Lawatan Audit Pada 06 - 10.12.2010	
Pos Poi	• Ketinggian pintu masuk (ms steel gate) adalah 1.45m iaitu kurang 0.65m. • Ketinggian pagar yang mengelilingi kawasan klinik desa kurang 0.14m daripada 1.51m. • Pemasangan cermin gelap telah digantikan dengan cermin cerah bagi keseluruhan bangunan klinik desa. **(Gambar 26.7)** • Bilik air di kuarters tidak dilengkapi dengan tempat letak sabun, tisu dan penyangkut tuala.
Buluh Akar	Ketinggian pintu masuk (ms steel gate) adalah 1.53m iaitu kurang 0.57m.
Tepus	Unit kuarters dilengkapkan dengan kipas dinding sepatutnya kipas siling.
Zon Timur - Kelantan : Lawatan Audit Pada 28 - 30.11.2010	
Aring 10	Bilik generator set tiada pintu dan tingkap. **(Gambar 26.8)**
KLINIK DESA	**KERJA TIDAK BERKUALITI**
Zon Tengah - Perak : Lawatan Audit Pada 06 - 10.12.2010	
Lubuk Merbau, Buluh Akar, Batu 20, Pos Poi	• KD Lubuk Merbau - Siling bocor di bahagian ruang menunggu klinik. • KD Buluh Akar - Siling bocor yang menyebabkan bilik tidur utama banjir. • KD Batu 20 - Siling berkulat. • KD Pos Poi - Rumput tidak ditanam sepenuhnya, peralatan pembinaan ditinggalkan, longkang dibina sehingga pintu masuk klinik. **(Gambar 26.9)**
Zon Timur - Kelantan : Lawatan Audit Pada 28 - 30.11.2010	
But, Kg. Bandar, Bukit Bakar, Baroh Pial, Kg. Rahmat, Alor Pasir, Kulim dan Aring 10.	• Ruang kosong antara almari dan dinding di semua unit kuarters. **(Gambar 26.10)** • KD Aring 10 - Premix tidak diturap dengan betul. • KD Bukit Bakar - Permukaan bilik air yang tidak sama - air bertakung. • KD Baroh Pial - Tangki kumbahan akan melimpah dan mengeluarkan bau setiap kali penghuni kuarters menggunakan bilik air. **(Gambar 26.11)** • KD Kg. Rahmat - Siling berkulat di kuarters. • KD Kulim - Siling yang bocor dan berkulat di anjung klinik. • KD But - Kemasan jubin pada dinding tertanggal.

KLINIK DESA	KERJA TIDAK SESUAI/TIDAK LENGKAP
Zon Selatan - Johor : Lawatan Audit Pada 18 - 22.10.2010	
Kahang Bt. 28, Pt. Ibrahim Majid, Teluk Ramunia, Sg. Kapal, Pt. Abd. Rahman, Permas, Linau, Pt. Basri, Patah Pedang dan Peserai.	• Singki berkarat di KD Teluk Ramunia, KD Sg. Kapal, KD Permas dan KD Pt. Abd. Rahman. • KD Kahang Bt. 28 - Premix tidak diturap dengan betul. **(Gambar 26.12)** • KD Pt. Ibrahim Majid - Sisa pembinaan dibuang di belakang klinik, air bertakung dalam longkang. • KD Sg. Kapal - Premix tidak diturap dengan betul. • KD Teluk Ramunia - Landskap pokok pinang telah mati, sisa pembinaan ditinggalkan dalam kawasan klinik. • KD Permas - Dinding singki basah di bilik rawatan, sisa pembinaan ditinggalkan dalam kawasan klinik. • KD Pt. Abd. Rahman - Sisa pembinaan ditinggalkan dalam kawasan klinik. • KD Linau - Tanah mendap di seluruh bangunan klinik.

GAMBAR 26.1



KD Lubuk Merbau, Perak
- Permukaan Meja Dibuat Daripada Chipboard Yang Mudah Rosak Apabila Terkena Air
(06.12.2010)

GAMBAR 26.2



KD Rungkup, Bagan Datoh, Perak
- Kedudukan Kipas Terlalu Tinggi Dan Sukar Untuk Dicapai
(09.12.2010)

GAMBAR 26.3



KD Rungkup, Bagan Datoh, Perak
- Tiada Tangga Untuk Akses Ke Bilik Tangki Air
(09.12.2010)

GAMBAR 26.4



KD Aring 10, Gua Musang, Kelantan
- Ruang Tandas Yang Sempit
(28.11.2010)

GAMBAR 26.5



KD Kulim, Tanah Merah, Kelantan
- Tiada Laluan Masuk Pesakit Berkerusi Roda
(30.11.2010)

GAMBAR 26.6



KD Pt. Abdul Rahman, Benut, Johor
- Bilik Generator Set Yang Sempit
(20.10.2010)

GAMBAR 26.7




KD Pos Poi, Kuala Kangsar, Perak
- Cermin Tingkap Cerah Di Seluruh Bangunan
(08.12.2010)

GAMBAR 26.8



KD Aring, Gua Musang, Kelantan
- Bilik Generator Set Tiada Pintu Dan Tingkap
(28.11.2010)

GAMBAR 26.9



KD Pos Poi, Kuala Kangsar, Perak
- Peralatan Ditinggalkan, Longkang Tidak Sempurna
(08.12.2010)

GAMBAR 26.10



KD Aring, Gua Musang, Kelantan
- Ruang Kosong Antara Almari Dan Dinding
(28.11.2010)

GAMBAR 26.11



KD Baroh Pial, Pasir Mas, Kelantan
- Tangki Kumbahan Melimpah Setiap Kali Bilik Air Digunakan
(29.11.2010)

GAMBAR 26.12



KD Kahang Bt. 28, Kluang, Johor
- Premix Tidak Diturap Dengan Betul
(18.10.2010)

Mengikut maklum balas Kementerian, tindakan penambahbaikan/pembetulan telah diambil di semua klinik desa terlibat.

26.4.1.6. Peralatan Dan Rumah Sampah Di Klinik

a. Mengikut garis panduan *Medical Brief For Requirement KD2G* yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, peralatan seperti *generator set, digital call system* dan *MATV system* adalah keperluan

di sesebuah KD2G. Lawatan Audit ke 3 negeri yang melibatkan 3 zon mendapati peralatan ini hanya disediakan di negeri Johor sahaja dan dikeluarkan dari senarai keperluan untuk negeri Kelantan dan Perak. Peralatan yang disediakan di KD2G di negeri Johor seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.8
PERALATAN KLINIK DI JOHOR

PERALATAN	BILANGAN (Unit)	KOS / UNIT (RM)	JUMLAH (RM)
Generator Set	11	16,000	176,000
Digital Call System	11	10,500	115,500
MATV System	11	7,500	82,500
JUMLAH			**374,000**

b. Keperluan untuk mengadakan rumah sampah di setiap KD2G ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Rumah sampah perlu disediakan bagi memastikan proses pelupusan sampah dibuat dengan teratur di mana sampah disimpan sementara sebelum sampah dilupuskan di tapak pelupusan. Semakan Audit mendapati:

i. Keluasan rumah sampah yang dibina di KD2G berbeza bagi setiap zon **(Gambar 26.13** hingga **26.15)** seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.9
KELUASAN RUMAH SAMPAH YANG TIDAK SERAGAM

ZON	KELUASAN TAPAK (M^2)	KOS/UNIT (RM)	BILANGAN	JUMLAH (RM)
Tengah (Perak)	9.00	23,000	11	253,000
Timur (Kelantan)	5.76	4,625	17	80,229
Selatan (Johor)	2.25	11,410	11	125,510

ii. Kesemua lokasi KD2G berada di luar kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan menyebabkan sampah tidak diambil untuk dilupuskan secara berjadual kecuali sisa klinikal yang dilupuskan secara berjadual oleh Pejabat Kesihatan Daerah. Ini mengakibatkan terdapat KD2G yang melupuskan sampah secara pembakaran terbuka di kawasan klinik **(Gambar 26.16)**.

iii. Rumah sampah klinik desa di Kelantan dibuat tanpa bumbung yang boleh mendatangkan bau kurang selesa serta terdedah kepada hujan dan panas.

iv. Rumah sampah KD2G Air Ganda, Gerik dijadikan stor penyimpanan peralatan **(Gambar 26.17)** manakala di KD2G Pos Poi, Kuala Kangsar tidak digunakan **(Gambar 26.18)**.

GAMBAR 26.13



KD Kahang Batu 28, Kluang, Johor
- Keluasan Tapak 2.25M^2
(18.10.2010)

GAMBAR 26.14



KD Kg. Air Ganda, Gerik, Perak
- Keluasan Tapak 9M^2
(07.12.2010)

GAMBAR 26.15



KD But, Kota Baharu, Kelantan
- Keluasan Tapak 5.76M^2 Dan Tiada Bumbung
(30.11.2010)

GAMBAR 26.16



KD Kg. Kedah, Bagan Serai, Perak
- Sampah Dibuang Dan Dibakar Di Sebelah Klinik
(07.12.2010)

GAMBAR 26.17



KD Air Ganda, Gerik, Perak
- Rumah Sampah Dijadikan Stor
(07.12.2010)

GAMBAR 26.18



KD Pos Poi, Kuala Kangsar, Perak
- Rumah Sampah Yang Tidak Digunakan
(08.12.2010)

c. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, kepelbagaian rumah sampah adalah disebabkan oleh tiada garis panduan piawai dari PBT berkaitan keperluan rumah sampah. Pembinaan rumah sampah telah dibuat berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Syarikat Alam Flora bagi Zon Tengah, mengikut keperluan saiz yang dirasakan bersesuaian bagi Zon Selatan dan berdasarkan reka bentuk seperti di dalam kontrak dan diluluskan PBT bagi Zon Timur.*

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memantau perunding yang bertanggungjawab menyelia kemajuan kerja kontraktor dan memastikan pengeluaran EOT, CNC dan APK dibuat dengan teratur. Kelewatan mengeluarkan EOT dan CNC menyebabkan LAD tidak boleh dikenakan ke atas kontraktor. Selain itu, kelulusan APK selepas kerja dijalankan dan tanpa melalui Lembaga Perolehan adalah tidak teratur. Kerja yang tidak mematuhi spesifikasi, tidak sesuai dan tidak berkualiti perlu diambil tindakan pembaikan. Kementerian perlu menyeragamkan kemudahan peralatan dan rumah sampah di setiap klinik desa.

26.4.2. Perancangan Projek Tidak Berkesan

Projek hendaklah dirancang dengan teliti supaya pelaksanaannya mencapai objektif yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan semasa merancang projek KD2G seperti berikut:

26.4.2.1. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Kangsar telah memohon kepada Kementerian untuk mendirikan sebuah rumah transit di Pos Poi bagi memudahkan pegawai dan kakitangannya melaksanakan tugas semasa lawatan ke kampung tersebut yang diadakan sebulan sekali. Lanjutan dari itu Kementerian telah mendirikan KD2G yang berharga RM1.04 juta dan telah disiapkan pada 30 November 2010. Lawatan Audit mendapati klinik ini tidak digunakan sepenuhnya sebagai Klinik Desa dan hanya dijadikan rumah transit sahaja **(Gambar 26.19)**. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, KD2G Pos Poi telah diserahkan kepada PKD Kuala Kangsar pada tarikh 30 November 2010. Selepas itu, KD2G telah digunakan untuk beberapa aktiviti di bawah PKD dan kegunaan pegawai yang kerap berulang-alik ke kawasan pendalaman orang asli termasuk aktiviti Klinik Ibu dan Anak, Kawalan Malaria, Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekitar (BAKAS) dan Pasukan Bergerak Orang Asli.*



GAMBAR 26.19

KD Pos Poi, Kuala Kangsar, Perak - Klinik Desa RM1.04 Juta Yang Hanya Dijadikan Rumah Transit (08.12.2010)

26.4.2.2. Kementerian pada 17 Oktober 2005 telah membeli lot tanah seluas 0.5 ekar di belakang Klinik Desa Patah Pedang, Batu Pahat dengan harga RM25,000 bagi menambah ruang kawasan klinik yang hendak dibangunkan. Bagaimanapun semasa membangunkan KD2G, lot tanah yang baru dibeli ini tidak diambil kira dalam projek tersebut menyebabkan kawasan ruang bangunan

KD2G sempit dan tiada ruang parkir kereta awam. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian hanya menyedari kesilapan kontraktor tidak menggunakan keseluruhan tapak setelah kerja piling dilaksanakan di tapak. Bagaimanapun, Kementerian tidak mengambil sebarang tindakan untuk mengubah kerja piling yang telah dibuat kerana ianya akan melibatkan pertambahan kos projek*.

26.4.2.3. Waran peruntukan berjumlah RM0.41 juta bagi perolehan peralatan di negeri Kelantan telah lewat dikeluarkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) iaitu antara bulan September hingga Oktober 2010 mengakibatkan perolehan peralatan lewat dibuat. Lawatan Audit ke 8 KD2G di bawah 3 PKD mendapati KD2G tidak dilengkapi perabot dan peralatan yang mencukupi contohnya tiada kemudahan kerusi. Pesakit yang memerlukan rawatan terpaksa duduk di atas lantai beralaskan tikar. Butiran lanjut waran yang diterima dan perolehan peralatan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.10
WARAN PERUNTUKAN LEWAT DIKELUARKAN

PKD	TERIMA WARAN PERUNTUKAN	PEROLEHAN PERALATAN	PENYERAHAN KLINIK DESA	JUMLAH (RM)
Machang	Okt. 2010	Nov. - Dis. 2010	Okt. 2010	139,908
Pasir Mas	Okt. 2010	Nov. - Dis. 2010	Jun - Okt. 2010	132,940
Tanah Merah	Sep. 2010	Nov. - Dis. 2010	Jun 2010	137,662
JUMLAH				**410,510**

26.4.2.4. Peralatan untuk kegunaan KD2G berjumlah RM0.69 juta yang dibeli pada tahun 2009 dan 2010 oleh PKD di negeri Johor tidak digunakan akibat projek gagal disiapkan mengikut jadual. Peralatan tersebut disimpan di klinik kesihatan yang berhampiran dengan klinik desa seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 26.11
PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN AKIBAT KELEWATAN PROJEK

PKD	TERIMA WARAN PERUNTUKAN	PEROLEHAN PERALATAN	PENYERAHAN KLINIK DESA	JUMLAH (RM)
Batu Pahat	Mei Dan Ogos 2010	Jul. - Okt. 2010	Belum Serah	280,000
Kluang	Sept. 2009 Dan Mei 2010	Dis. 2009 - Jan. 2011	Oktober 2010	133,642
Kota Tinggi	Ogos 2009	Sep. - Nov. 2009	November 2010	139,936
Pontian	Ogos 2009	Okt. - Nov. 2009	November 2010	132,261
JUMLAH				**685,839**

GAMBAR 26.20



PKD Kluang
- Peralatan Yang Telah Dibeli Sejak Bulan Disember 2009 Tidak Digunakan (18.10.2010)

GAMBAR 26.21



PKD Pontian
- Peralatan Yang Telah Dibeli Sejak Bulan November 2009 Tidak Digunakan (20.10.2010)

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu lebih teliti dalam merancang dan mengenal pasti tapak projek supaya projek dapat dibina mengikut perancangan asal dan digunakan sebaik mungkin. Selain itu perolehan peralatan yang tepat pada waktunya adalah penting bagi mengelakkan perolehan terlalu awal/lewat menyebabkan peralatan tidak digunakan/tidak dapat diguna.

26.4.3. Sistem *Executive Dashboard*

Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian pada 30 Mac 2007 telah melantik Syarikat Insynchro (M) Sdn. Bhd. (Insynchro) melalui sebut harga bernilai RM190,000 bagi membangunkan sistem *Executive Dashboard* (ED). Sistem ini digunakan secara dalaman oleh Kementerian bagi membolehkan pihak pengurusan memantau projek pembinaannya. Sistem ED mempunyai *Document Management System* yang berkapasiti menyimpan dokumen projek; *drawings*, BQ, perakuan bayaran dan sebagainya secara *centrally*. Selaras dengan itu, kontraktor yang dilantik bagi melaksanakan projek KD2G dikehendaki menggunakan sistem ED tersebut dan membayar sebanyak RM6,500/lesen bagi setiap projek kepada Insynchro sebagaimana dinyatakan dalam kontrak. Semakan Audit mendapati Kementerian telah memasukkan keperluan pembayaran lesen ini dalam item awalan dalam kontrak projek KD2G di mana sejumlah RM0.54 juta telah diperuntukkan seperti di **Jadual 26.12**. Memandangkan Kementerian tidak mempunyai sebarang perjanjian dengan Insynchro bagi penggunaan sistem ED tersebut, tindakan Kementerian memperuntukkan bayaran lesen kepada Insynchro adalah diragui. Selain itu, di zon selatan, timur dan Sarawak, kontraktor juga dibenarkan mengenakan caj bagi *profit attendance* sebanyak RM10,195 untuk memasukkan data projek di dalam sistem ED. Butiran bayaran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.12
BAYARAN SISTEM *EXECUTIVE DASHBOARD*

ZON	JUMLAH LESEN	JUMLAH BAYARAN (RM)		
		INSYNCHRO	KONTRAKTOR	JUMLAH
Utara	20	130,000	-	130,000
Tengah	21	136,500	-	136,500

ZON	JUMLAH LESEN	JUMLAH BAYARAN (RM)		
		INSYNCHRO	KONTRAKTOR	JUMLAH
Selatan	15	97,500	5,850	103,350
Timur	21	136,500	4,095	140,595
Sabah	7	36,000	-	36,000
Sarawak	1	6,500	250	7,750
JUMLAH	**85**	**543,000**	**10,195**	**554,195**

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu meneliti semula penetapan bayaran RM0.54 juta kepada Insynchro bagi penggunaan sistem ED memandangkan tiada ikatan perjanjian dengan syarikat tersebut.

26.4.4. Impak Kegagalan Menyiapkan Projek

Kegagalan menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan telah menimbulkan implikasi kewangan dan menjejaskan imej Kerajaan serta prestasi KD2G seperti berikut:

26.4.4.1. Objektif pembinaan projek ini iaitu untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan Klinik Desa yang lebih selesa kepada pesakit dan kakitangan tidak tercapai. Sekiranya projek ini siap mengikut jadual, lebih 140 keluarga kakitangan dapat menikmati kemudahan kuarters yang lebih luas dan selesa.

26.4.4.2. Pesakit dan jururawat terpaksa berkongsi kemudahan ruang yang disewa/ditumpanginya sejak bulan Julai 2007 iaitu di balai raya, dewan orang ramai, kompleks penghulu dan rumah kediaman yang dijadikan bilik rawatan dan pemeriksaan ibu mengandung dalam keadaan yang tidak selesa, sesuai dan setaraf dengan kemudahan yang sepatutnya dinikmati oleh pesakit dan jururawat. Lawatan Audit mendapati operasi klinik sementara di KD Rungkup telah dijalankan di bawah kolong rumah berlantaikan tikar getah dan bersiling kanvas. Kementerian sepatutnya mencari tempat yang sesuai supaya dapat memberi perkhidmatan yang selesa kepada pelanggan selain menjaga imej Kementerian dan Kerajaan. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 26.22



KD Rungkup, Bagan Datoh, Perak
- Klinik Sementara Di Bawah Kolong Rumah Yang Disewa Oleh Jururawat Masyarakat
(09.12.2010)

GAMBAR 26.23



KD Rungkup, Bagan Datoh, Perak
- Kolong Rumah Berlantaikan Tikar Getah Dan Bersiling Kanvas Yang Dijadikan Klinik Sementara
(09.12.2010)

GAMBAR 26.24



KD But, Kota Bharu, Kelantan
- Klinik Sementara Di Rumah Kedai
(30.11.2010)

GAMBAR 26.25



KD Peserai, Batu Pahat, Johor
- Klinik Sementara Di Balai Raya
(21.10.2010)

26.4.4.3. Pejabat Kesihatan Daerah yang mengawal selia klinik desa juga terpaksa menyewa beberapa bangunan untuk dijadikan klinik desa sejak bulan November 2007 sehingga projek diserahkan. Sehingga bulan Disember 2010, kos sewaan adalah berjumlah RM28,200. Semakan Audit mendapati penyewaan 2 buah bangunan untuk menempatkan klinik sementara iaitu KD Kulim dan KD Kg. Bandar dibuat tanpa penilaian daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta yang bertanggungjawab menentukan kadar sewa bagi penyewaan premis agensi Kerajaan. Selain itu, bagi KD Rungkup didapati sewa rumah sebanyak RM120 sebulan telah dibayar sendiri oleh jururawat masyarakat terlibat. Butiran lokasi sementara klinik desa dan penyewaan adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 26.13
LOKASI PENEMPATAN SEMENTARA KLINIK DESA

KLINIK DESA (KD)	LOKASI PENEMPATAN SEMENTARA	TARIKH KELUAR DARI KD	TARIKH MASUK KE KD2G	TEMPOH MENUMPANG/ MENYEWA (Bulan)	KADAR SEWA SEBULAN (RM)
Zon Tengah - Perak					
Lubuk Merbau	Balai Penghulu	02.12.2007	14.12.2009	24	Tiada
Kg. Kedah	Surau Kg. Kedah	15.01.2008	04.06.2010	29	
Kg. Perak	KK Batu Kurau	10.12.2007	25.05.2010	29	
Tepus	Sekolah Agama Rakyat	11.12.2007	08.09.2010	33	
Buluh Akar	Dewan Orang Ramai	23.11.2007	01.02.2010	26	
Batu 20	Rumah JM Bertugas	31.12.2007	01.11.2010	33	
Rungkup	Rumah Sewa JM Bertugas*	31.12.2007	01.11.2010	33	
Air Ganda	Rumah Sewa	01.12.2007	26.08.2010	33	200
Zon Timur - Kelantan					
Bukit Bakar	KK Batu 30	02.11.2007	24.11.2010	36	Tiada
Alor Pasir	KD Mata Ayer	02.01.2008	15.12.2010	36	
Baroh Pial	KK Bukit Gading	30.12.2007	05.07.2010	30	
Kg. Rahmat	KK Gual Ipoh	30.12.2007	20.06.2010	30	
Kulim	Rumah Sewa, Kulim	01.11.2007	01.07.2010	32	250
Kg. Bandar	Rumah Sewa, Kg. Bandar	02.11.2007	15.12.2010	32	200
Kg. But	Rumah Kedai, Kg. Belukar	01.11.2007	31.10.2010	36	300

KLINIK DESA (KD)	LOKASI PENEMPATAN SEMENTARA	TARIKH KELUAR DARI KD	TARIKH MASUK KE KD2G	TEMPOH MENUMPANG/ MENYEWA (Bulan)	KADAR SEWA SEBULAN (RM)
Zon Selatan - Johor					
Parit Ibrahim Majid	Kompleks Penghulu	16.07.2007	15.10.2010	39	Tiada
Teluk Ramunia	Balai Raya Teluk Ramunia	01.07.2007	03.11.2010	40	
Sg. Kapal	Balai Raya Sg. Kapal	01.07.2007	03.11.2010	40	
Linau	Balai Raya Kg. Linau Kecil	01.09.2007	Belum Serah Sehingga 28.02.2011	42	
Parit Basri	Balai Raya Parit Basri	01.09.2007		42	
Patah Pedang	KD Minyak Beku	05.09.2007		42	
Peserai	Balai Raya Masjid Peserai	05.09.2007		42	
Parit Abd. Rahman	RK 3-3,TBP15, Benut	01.01.2008		38	300

Nota: ***(*) - Dibayar Sendiri Oleh Jururawat Masyarakat (JM) Yang Bertugas Sebanyak RM120 Sebulan***
KK - Klinik Kesihatan

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu merancang dengan teliti penempatan klinik sementara bagi menjaga imej Kementerian dan keselesaan kakitangan pesakit serta memastikan semua peraturan yang berkuat kuasa dipatuhi.

26.4.5. Perjanjian Kontrak

26.4.5.1. Perwakilan Kuasa Yang Tidak Teratur

Menurut sub-fasal 2(c) di dalam Syarat Kontrak (Borang JKR 203), Pegawai Penguasa boleh secara bertulis mewakilkan kepada Wakil Pegawai Penguasa sebarang kuasa dan kebenaran yang ada padanya dan sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Wakil Pegawai Penguasa mengikut syarat perwakilan adalah mengikat antara kontraktor dan Kerajaan. Semakan Audit mendapati Pegawai Penguasa telah mewakilkan kuasa kepada Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan sebagai Wakil Pegawai Penguasa. Bagaimanapun, Wakil Pegawai Penguasa pada 28 Februari 2008 telah mengeluarkan Surat Perwakilan Kuasa kepada 12 arkitek dan juruukur bahan bagi mewakilkan tugasnya yang bertentangan dengan Panduan Pentadbiran Kontrak yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya pada tahun 1988 iaitu hanya Pegawai Penguasa boleh melantik Wakil Pegawai Penguasa dan wakil tersebut tidak boleh mewakilkan lagi kuasa-kuasa yang diwakilkan kepadanya.

26.4.5.2. Bon Pelaksanaan, Polisi Insurans Dan Insurans Pekerja

Perjanjian kontrak yang ditandatangani antara lainnya menetapkan kontraktor perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank atau jaminan insurans yang diluluskan serta Polisi Insurans Tanggungan Awam dan Insurans Kerja yang mana nilainya tidak kurang daripada harga kontrak. Jika berlaku kelewatan dalam penyiapan projek, tindakan serta merta hendaklah diambil untuk memastikan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan dan Polisi Insurans tersebut dilanjutkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Tempoh jaminan Bon Pelaksanaan bagi projek KD2G untuk Zon Timur dan Zon Selatan adalah tidak meliputi tempoh kontrak di mana tempoh jaminan tersebut hanya bermula pada 13 Februari 2008 sedangkan tarikh milik tapak pada 4 Disember 2007 iaitu lewat selama 71 hari daripada tarikh milik tapak.

b. Tempoh sahlaku Insurans Tanggungan Awam dan Insurans Kerja lewat diperbaharui oleh kontraktor menyebabkan kawasan projek dan pekerja tidak dilindungi *Contractor's All Risk* antara 8 hingga 615 hari dan *Workmen Compensation* antara 11 hingga 558 hari. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.14
CONTRACTOR'S ALL RISK

ZON	NILAI (RM)	TARIKH INSURANS	TEMPOH INSURANS	TEMPOH TIDAK DILINDUNGI INSURANS	JUMLAH (Hari)
Utara	15,689,689	04.12.2007 14.10.2008 09.12.2010	04.12.2007 - 04.10.2008 04.12.2007 - 02.04.2009 30.09.2010 - 14.01.2012	- 05.10.2008 - 14.10.2008 03.04.2009 - 09.12.2010	- 10 615
Tengah	19,127,407	15.04.2008 31.10.2008 06.04.2010	04.12.2007 - 04.10.2008 04.12.2007 - 24.04.2009 04.12.2007 - 24.10.2010	04.12.2007 - 15.04.2008 05.10.2008 - 31.10.2008 25.04.2009 - 06.04.2010	133 27 346
Timur	14,487,532	11.12.2007 03.11.2008 19.05.2010 10.08.2010	04.12.2007 - 30.09.2008 01.10.2008 - 01.06.2009 01.05.2010 - 30.07.2010 31.07.2010 - 30.11.2010	04.12.2007 - 11.12.2007 01.10.2008 - 03.11.2008 02.06.2009 - 19.05.2010 31.07.2010 - 10.08.2010	8 34 351 11
Selatan	19,600,995	02.01.2008 10.08.2009 22.03.2010 28.07.2010	04.12.2007 - 09.09.2008 20.07.2009 - 31.12.2009 01.01.2010 - 30.06.2010 01.07.2010 - 30.09.2010	04.12.2007 - 02.01.2008 10.09.2008 - 10.08.2009 01.01.2010 - 22.03.2010 30.06.2010 - 28.07.2010	30 334 81 29
Sarawak	9,607,764	04.12.2007 Tiada Maklumat 26.03.2009	04.12.2007 - 04.10.2008 04.12.2007 - 04.03.2009 24.12.2007 - 03.06.2009	- 04.10.2008 - 04.03.2009 04.03.2009 - 26.03.2009	- 151 23
Sabah	14,330,224	11.01.2008 17.06.2009	16.01.2008 - 16.04.2010 16.01.2008 - 13.10.2009	- 17.04.2009 - 16.06.2009	- 60

JADUAL 26.15
WORKMEN COMPENSATION

ZON	NILAI (RM)	TARIKH INSURANS	TEMPOH INSURANS	TEMPOH TIDAK DILINDUNGI INSURANS	JUMLAH (Hari)
Tengah	1,912,740	15.04.2008 31.10.2008 06.04.2010	04.12.2007 - 04.10.2008 04.12.2007 - 24.04.2009 04.12.2007 - 24.10.2010	04.12.2007 - 15.04.2008 05.10.2008 - 31.10.2008 25.04.2009 - 06.04.2010	133 27 346
Timur	1,448,753	11.12.2007 03.11.2008 19.05.2010 10.08.2010	04.12.2007 - 30.09.2008 01.10.2008 - 01.06.2009 01.05.2010 - 30.07.2010 31.07.2010 - 30.11.2010	04.12.2007 - 11.12.2007 01.10.2008 - 03.11.2008 02.06.2009 - 19.05.2010 31.07.2010 - 10.08.2010	8 34 351 11
Selatan	1,960,099	02.01.2008 22.03.2010 28.07.2010	04.12.2007 - 09.09.2008 01.01.2010 - 30.06.2010 01.07.2010 - 30.09.2010	04.12.2007 - 02.01.2008 10.09.2008 - 22.03.2010 01.07.2010 - 28.07.2010	30 558 28
Sarawak	880,776	04.12.2007 Tiada Maklumat 26.02.2009	04.12.2007 - 04.10.2008 04.12.2007 - 04.03.2009 04.12.2007 - 03.06.2010	- 05.10.2008 - 04.03.2009 -	- 150 -
Sabah	1,433,022	11.01.2008 16.06.2009	16.01.2008 - 16.04.2009 16.01.2008 - 13.10.2009	- 17.04.2009 - 16.06.2009	- 60

c. Berdasarkan rekod Kementerian, sepanjang tempoh kontrak Polisi Perlindungan Pekerja bagi zon utara tidak dikemukakan oleh pihak kontraktor menyebabkan keselamatan pekerja di tapak bina tidak dilindungi insurans. Semakan Audit mendapati Kementerian juga tidak mengeluarkan sebarang peringatan kepada kontraktor untuk menyerahkan polisi tersebut.

Pada pendapat Audit, perwakilan kuasa perlu dibuat secara teratur oleh pegawai yang berkuasa, manakala Kementerian perlu memastikan kontraktor memperbaharui polisi insurans yang telah tamat tempoh bagi mengelakkan risiko kepada pekerja dan keseluruhan kawasan projek sekiranya berlaku kemalangan. Selain itu, Kementerian perlu mengambil tindakan terhadap kontraktor yang lewat mengemukakan/memperbaharui bon pelaksanaan dan polisi insurans dalam tempoh yang ditetapkan.

26.4.6. Bayaran Kepada Kontraktor

26.4.6.1. Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 2008, pegawai yang memperakukan pembayaran yang tidak dibuat dengan sewajarnya yang bertentangan dengan peruntukan undang-undang atau tidak mengikut peraturan boleh dikenakan tindakan surcaj atau tatatertib. Lawatan Audit ke 17 KD2G di Johor dan Perak seperti di **Jadual 26.16** mendapati bayaran berjumlah RM99,304 telah dibuat bagi 27 butiran kerja yang tidak dilaksanakan antaranya *Rubbish Compartment*, *Site Clearance & Demolition Existing Structure, Windows for Rubbish Compartment* dan *P.C channel kerb.* Bayaran tersebut telah dijelaskan berdasarkan perakuan siap kerja yang disediakan perunding dan Wakil Pegawai Pengawal. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 26.16
KERJA YANG TIDAK DIBUAT TETAPI TELAH DIPERAKUKAN DAN DIBAYAR

KLINIK DESA	KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN	NILAI KERJA (RM)
Zon Tengah - Perak : Lawatan Audit Pada 06 -10.12.2010		
Kg. Perak	*Traffic Signboard*	750
Pos Poi	*P.C Channel Kerb*	1,188
Tepus	*Traffic Signboard*	750
Buluh Akar	*Road Line*	38
	Traffic Signboard	1,000
Rungkup	*P.C Channel Kerb*	3,286
	Water Meter	1,000
Bt. 20	*P.C Channel Kerb*	2,610
	Traffic Signboard	750
	Water Meter	1,000
	Connection To Existing Water Line	4,800
Bt. 17	*Demolition Existing Concrete Frame Building*	4,000
	Relocate Existing Tokong Cina	2,000
	P.C Channel Kerb	8,587
	Road Line	120
	Traffic Signboard	750
Jumlah Kecil		**32,629**

KLINIK DESA	KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN	NILAI KERJA (RM)
Zon Selatan - Johor : Lawatan Audit Pada 18 - 22.10.2010		
Teluk Ramunia	*Rubbish Compartment*	11,410
Sungai Kapal	*Rubbish Compartment*	11,410
Pt. Abdul Rahman	*Rubbish Compartment*	11,410
Permas	*Site Clearance And Demolition Existing Structure*	20,300
	Windows for Rubbish Compartment	1,735
Kahang Batu 28	*Windows for Rubbish Compartment*	1,735
Pt. Ibrahim Majid	*Windows for Rubbish Compartment*	1,735
Linau	*Windows for Rubbish Compartment*	1,735
Pt. Basri	*Windows for Rubbish Compartment*	1,735
Patah Pedang	*Windows for Rubbish Compartment*	1,735
Peserai	*Windows for Rubbish Compartment*	1,735
Jumlah Kecil		**66,675**
JUMLAH BESAR		**99,304**

26.4.6.2. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, bayaran interim adalah bukan muktamad dan ada perakuan yang tidak tepat. Bagaimanapun, bayaran interim ini masih boleh dipinda melalui Perakuan Bayaran Interim dan pihak Kementerian akan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan untuk menjalankan siasatan ke atas improper payment yang telah dibuat.*

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menjalankan siasatan terhadap *improper payment* yang berlaku dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai awam, perunding dan kontraktor yang terlibat serta melaporkan kepada pihak berkuasa berkenaan.

26.4.7. Pelantikan Perunding

Pelantikan perunding untuk melaksanakan projek ini telah diluluskan secara tender terhad oleh Kementerian Kewangan. Kementerian telah mengeluarkan surat tawaran perunding kepada 24 perunding yang terdiri daripada perunding Arkitek; Sivil dan Struktur; Mekanikal dan Elektrik; dan Juruukur Bahan dengan kontrak bernilai RM19.19 juta. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

26.4.7.1. Kementerian pada 21 Mac 2007 telah mengeluarkan Surat Niat kepada 24 perunding bagi menyatakan hasrat menerima tawaran perunding. Adalah didapati proses rundingan mengambil masa yang lama menyebabkan Surat Pelantikan Perunding hanya dikeluarkan selepas 12 bulan daripada Surat Niat iaitu pada 27 Mac 2008. Kerja dan pemantauan oleh perunding telah bermula sebelum kontraktor memasuki tapak projek dan memulakan kerja sejak 4 Disember 2007.

26.4.7.2. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2006 menetapkan perjanjian perkhidmatan perunding perlu ditandatangani dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh pelantikan perunding diluluskan. Bagaimanapun semua

24 perjanjian yang telah ditandatangani tidak direkodkan tarikh perjanjian. Berdasarkan rekod, permohonan untuk menandatangani perjanjian oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaan kepada Ketua Setiausaha Kementerian telah dibuat pada 2 Julai 2008 untuk semua zon kecuali Zon Sarawak yang dihantar pada 21 Ogos 2008, oleh itu proses menandatangani perjanjian hanya dibuat selepas 3 hingga 4 bulan daripada tarikh surat pelantikan perunding.

26.4.7.3. Keperluan pembayaran duti setem dinyatakan di bawah Akta Setem 1949 (Akta 378) bagi membolehkan dokumen berkenaan diterima sebagai keterangan di mahkamah. Menurut peruntukan seksyen 52 Akta Setem, dokumen yang tidak disetemkan sewajarnya tidak boleh diterima sebagai keterangan kecuali di dalam kes-kes jenayah atau apabila dokumen berkenaan disetemkan kemudiannya setelah membayar penalti. Semakan Audit mendapati 24 perjanjian di antara Kementerian dengan perunding yang bernilai RM19.19 juta tidak dibayar duti setem atau tidak mendapat pengecualian duti setem daripada Menteri Kewangan.

26.4.7.4. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, kelewatan menandatangani perjanjian antara 3 hingga 4 bulan bagi semua zon berlaku kerana pihak perunding telah lewat mengemukakan Memorandum Of Agreement (MOA) kepada pihak Kementerian dan kesemua 24 perjanjian tersebut telah disetemkan pada 22 April 2011.*

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menyiasat sekiranya terdapat unsur kecuaian sehingga menyebabkan Surat Pelantikan Perunding dan perjanjian lewat dikeluarkan/ditandatangani. Tindakan sewajarnya perlu diambil ke atas kecuaian berkenaan kerana kelewatan tersebut memberi implikasi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh perunding.

26.4.8. Kontrak Lewat Ditandatangani

26.4.8.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Adalah didapati semua kontrak bagi 6 zon telah lewat ditandatangani antara 81 hingga 171 hari. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 26.17
KELEWATAN MENANDATANGANI KONTRAK

ZON	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	TEMPOH LEWAT (Hari)
Utara	20.11.2007	22.07.2008	123
Tengah	20.11.2007	13.08.2008	145
Selatan	20.11.2007	08.09.2008	171
Timur	20.11.2007	13.08.2008	145
Sabah	02.01.2008	22.07.2008	81
Sarawak	20.11.2007	22.07.2008	123

26.4.8.2. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, berlaku kelewatan menandatangani kontrak disebabkan pihak kontraktor lewat mengemukakan dokumen kontrak yang lengkap kepada pihak Kementerian.*

Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya mempercepatkan proses menandatangani kontrak untuk tujuan penguatkuasaan syarat dan spesifikasi kontrak demi menjaga kepentingan Kerajaan.

26.5. SYOR AUDIT

Berdasarkan kelemahan yang dibangkitkan, Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) adalah disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

26.5.1 Kementerian hendaklah memantau kerja yang dilaksanakan oleh perunding yang bertanggungjawab untuk memastikan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor mengikut tempoh yang ditetapkan, mematuhi spesifikasi kerja dan memastikan lawatan fizikal sebenarnya dijalankan oleh perunding.

26.5.2. Melaporkan kepada pihak berkuasa dan lembaga profesional berkaitan mengenai perakuan palsu yang dibuat oleh perunding sehingga menyebabkan bayaran telah dibuat walaupun tiada kerja dilaksanakan.

26.5.3. Kementerian perlu mengadakan garis panduan yang standard dalam melaksanakan kontrak kerja bagi memastikan pegawai terlibat memahami prosedur kerja dalam projek pembangunan.

26.5.4. Projek hendaklah dirancang dan dilaksanakan di dalam jangka masa yang munasabah. Kementerian perlu mengkaji kemunasabahan program kerja kontraktor dari segi tempoh dan aktiviti.

26.5.5. Penyiasatan tapak bina dan tanah yang lengkap mesti dijalankan untuk mendapatkan data yang terkini dan tepat untuk membolehkan kerja reka bentuk dibuat dengan tepat. Keperluan utiliti berkaitan pihak berkuasa tempatan mesti disiasat sepenuhnya dan dipastikan dengan jelas.

26.5.6. Mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang cuai dalam pelaksanaan dan pengurusan kontrak sehingga menyebabkan peraturan mengenai kontrak kerja terabai dan bayaran yang tidak teratur dibuat.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

27. PEMBANGUNAN SEMULA HOSPITAL QUEEN ELIZABETH, SABAH

27.1. LATAR BELAKANG

27.1.1. Hospital Queen Elizabeth (HQE) yang berkapasiti 589 katil telah dibina pada awal tahun 1980an merupakan hospital rujukan bagi hospital di seluruh Sabah. Pembangunan semula HQE adalah bagi tujuan meningkatkan kemudahan dan keupayaan hospital dalam memberi perkhidmatan kepada penduduk di Sabah. Projek pembangunan ini melibatkan pembinaan Klinik Pakar dan bangunan tambahan yang dilaksanakan secara berperingkat melalui 4 pakej bernilai RM459.45 juta yang dilaksanakan oleh 2 kontraktor secara rundingan terus (Pakej I hingga III) dan tender terhad (Pakej IV). Projek ini dijangka dapat meningkatkan kapasiti kemudahan HQE dengan pertambahan bilangan katil sebanyak 409.

27.1.2. Projek pembangunan semula HQE dilaksanakan dalam 4 pakej bermula pada bulan Mac 2002 dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2012. Bagaimanapun semasa pelaksanaan projek tersebut (Pakej III), Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) pada bulan November 2008 telah mengeluarkan arahan supaya Blok Menara 10 tingkat HQE sedia ada yang menempatkan kemudahan wad pesakit sebanyak 252 katil, ICU (8 katil), 8 dewan bedah dan Jabatan Radiologi dikosongkan kerana tidak selamat diduduki. Arahan pengosongan tersebut dibuat setelah Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah menerima laporan daripada Syarikat IKRAM Sdn. Bhd. (IKRAM) pada 16 Oktober 2008 yang mengesahkan bahawa struktur konkrit Blok Menara HQE amat lemah kerana mutu campuran konkrit yang rendah.

27.1.3. Implikasi pengosongan blok menara menyebabkan HQE mengalami kekurangan katil dan dewan bedah. Akibatnya, JKNS terpaksa memindahkan pesakit, kakitangan dan peralatan ke beberapa hospital Kerajaan berhampiran dan menyewa Sabah Medical Centre (SMC) bagi kemudahan wad, ICU dan dewan bedah serta menyewa Bangunan *Lingzhi Senior Citizen* bagi menempatkan pesakit penyakit berjangkit. Lanjutan daripada itu, Perbendaharaan Malaysia pada bulan Mac dan November 2010 telah meluluskan 4 projek untuk dilaksanakan oleh JKNS secara darurat iaitu kerja membina, ubahsuai dan menaik taraf bernilai RM25.75 juta kepada Imej Warisan Sdn. Bhd. secara rundingan terus bagi mengatasi masalah tersebut.

27.1.4. Sebagai jalan penyelesaian jangka pendek untuk menyediakan kemudahan kesihatan yang mendesak pada waktu itu, Jemaah Menteri pada 29 April 2009 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM280 juta bagi perolehan

bangunan SMC serta bersetuju dengan cadangan sebahagian ruang bangunan SMC disewakan semula kepada Syarikat SMC Property Sdn. Bhd. (SMCSB) bagi tempoh 24 bulan. Selain itu, peruntukan sebanyak RM90 juta telah diluluskan untuk menaik taraf bangunan SMC.

27.1.5. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) diperuntukkan sebanyak RM219.90 juta di bawah RMKe-8 dan RM716 juta di bawah RMKe-9 untuk melaksanakan projek pembangunan semula HQE. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM363.77 juta atau 39% telah dibelanjakan sehingga Disember 2010. Bagi peruntukan darurat, sebanyak RM25.75 juta telah diluluskan dan sehingga bulan Disember 2010 semuanya telah dibelanjakan. Butiran lanjut kos projek terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.1
KOS PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA HQE DAN PROJEK DARURAT

PROJEK	KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)
PEMBANGUNAN SEMULA HQE			
Pakej I *- Piling & Substructure For Specialist Clinic*	Panji Keagungan Berhad	5.17	5.17
Pakej II - Pembinaan Klinik Pakar		55.16	55.16
Pakej III *- Piling & Substructure For Tower Block*		12.29	12.29
Pakej IV - Pembinaan Blok Menara	Techbay Sdn. Bhd.	364.85	11.15
Perolehan Bangunan SMC	SMC Property Sdn. Bhd.	280.00	280.00
Naik Taraf Bangunan SMC	Malaysian Resources Corporation Berhad	76.20	-
JUMLAH		**793.67**	**363.77**
PROJEK DARURAT			
Pembinaan Bangunan Jabatan Radiologi HQE dan Pemindahan MRI, X-Ray Dan Lain-lain Peralatan Berkaitan	Imej Warisan	12.00	12.00
Naik Taraf Dan Pengubahsuaian 6 ICU Dan 2 Isolation Serta Kerja-kerja Pemasangan Paip Gas		3.40	3.40
Ubahsuai Bilik Rawatan Penyakit Berjangkit Di Bangunan *Lingzhi Senior Citizen*		1.30	1.30
Memindahkan 3 Modular OT Dari Blok Menara HQE ke Faber Garden		9.05	9.05
JUMLAH		**25.75**	**25.75**
JUMLAH KESELURUHAN		**819.42**	**389.52**

27.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pembangunan semula HQE telah dirancang dan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

27.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembangunan semula HQE. Tumpuan pengauditan adalah terhadap aspek pematuhan syarat kontrak, kualiti pembinaan serta pembelian dan kontrak penyewaan bangunan SMC. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, JKNS, JKR Cawangan Kerja Kesihatan dan HQE. Di samping itu, lawatan ke tapak projek turut dijalankan untuk meninjau pelaksanaan projek secara fizikal dan menemubual pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab.

27.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan pembangunan semula HQE adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah projek lewat disiapkan, Sijil Lanjutan Masa (Extention of Time - EOT) diluluskan dan dikeluarkan selepas tarikh siap asal/semasa, Perakuan Kerja Tidak Siap (Certificate of Non Completion - CNC) tidak dikeluarkan walaupun kerja gagal disiapkan, EOT dikeluarkan selepas CNC dikeluarkan, Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (Liquidated and Ascertained Damages - LAD*)* tidak dikenakan walaupun kerja lewat disiapkan, LAD dikenakan tetapi CNC tidak dikeluarkan, akaun muktamad lewat disediakan, jaminan rekabentuk tidak dikemukakan, kecacatan kerja di Klinik Pakar yang belum dibaiki sehingga tempoh tanggungan kecacatan tamat, pembinaan tidak berkualiti/tidak sesuai, pengurusan Surat Setuju Terima dan perwakilan kuasa tidak teratur, bon pelaksanaan pembelian bangunan SMC tidak dikemukakan dan peralatan tidak dapat dikesan. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

27.4.1. Prestasi Projek

27.4.1.1. Kerja Pembinaan

a. Mengikut syarat kontrak, projek perlu disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati secara umumnya semua projek pembinaan pembangunan semula HQE menghadapi masalah kelewatan. Daripada 9 projek pembinaan, sebanyak 7 projek telah lewat disiapkan antara 10 hingga 793 hari manakala bagi 2 projek yang sedang dilaksanakan, kemajuan projek adalah lewat jadual sebanyak 0.5% dan 16.9% setakat akhir tahun 2010. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.2
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBINAAN PEMBANGUNAN SEMULA HQE

PROJEK	TEMPOH KONTRAK (Hari)	TARIKH			KELEWATAN (HARI)	KEMAJUAN PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2010
		MULA	SIAP ASAL	SIAP SEBENAR		
Pakej I - *Piling & Substructure For Specialist Clinic*	180	06.03.2002	05.09.2002	06.11.2002	60	-
Pakej II - Pembinaan Klinik Pakar	540	19.08.2004	19.02.2006	22.04.2008	793	-
Pakej III - *Piling & Substructure For Tower Block*	300	01.09.2005	01.07.2006	23.07.2007	387	-
Pakej IV - Pembinaan Blok Menara	900	07.06.2010	07.12.2012	TB	TB	Lewat Jadual Sebanyak 0.5%
Naik Taraf Bangunan SMC	240	22.06.10	22.02.2011	TB	TB	Lewat Jadual Sebanyak 16.9%
Pembinaan Bangunan Jabatan Radiologi HQE Dan Pemindahan MRI, X-Ray dan Lain-lain Peralatan Berkaitan	270	28.09.2009	27.06.2010	07.07.2010	10	-
Naik Taraf Dan Pengubahsuaian 6 ICU Dan 2 Isolation Serta Kerja-kerja Pemasangan Paip Gas	120	28.09.2009	27.01.2010	27.02.2010	30	-
Ubahsuai Bilik Rawatan Penyakit Berjangkit Di Bangunan Lingzhi *Senior Citizen*	120	28.09.09	27.01.2010	29.01.2010	-	-
Memindahkan 3 Modular OT Dari Blok Menara HQE ke Faber Garden	180	23.04.2010	22.10.2010	15.12.2010	54	

b. Tempoh masa yang lama telah diambil untuk memulakan pembinaan Klinik Pakar (Pakej II) iaitu pada bulan Ogos 2004 sungguhpun kerja-kerja cerucuk dan sub-strukturnya (Pakej I) telah siap pada bulan November 2002 iaitu selama 650 hari. Sementara pembinaan Blok Menara (Pakej IV) pula dimulakan pada bulan Jun 2010 iaitu 1,050 hari selepas kerja-kerja cerucuk dan sub-struktur (Pakej III) disiapkan. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, kelewatan melaksanakan Pakej IV adalah disebabkan pembatalan pelantikan kontraktor asal dan tambahan skop meroboh Blok Menara.*

Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya memantau pelaksanaan projek dengan lebih rapi bagi mengelakkan kelewatan. Pembinaan Klinik Pakar dan Blok Menara perlu mengikut jadual sebaik sahaja kerja-kerja cerucuk dan sub-struktur siap bagi memastikan kemudahan hospital dapat digunakan tepat pada masanya dan pembaziran wang awam dapat dielakkan.

27.4.1.2. Lanjutan Masa

a. Panji Keagungan Berhad telah diluluskan EOT untuk 3 projek yang dilaksanakan iaitu antara 28 hingga 794 hari. Maklumat lanjut adalah seperti berikut:

i. Bagi Pakej I, EOT diluluskan pada 18 Oktober 2002 dengan lanjutan masa selama 28 hari kepada 3 Oktober 2002. Kelulusan EOT tersebut diberi 15 hari selepas tempoh EOT berkenaan tamat dan selepas 43 hari dari tarikh siap asal iaitu pada 5 September 2002.

ii. Bagi Pakej II, 2 EOT selama 793 hari iaitu sehingga 22 April 2008 telah diluluskan. EOT 1 telah diluluskan pada 30 April 2007 dengan kelewatan selama 435 hari selepas tarikh siap asal kontrak. Manakala EOT 2 diluluskan pada 27 Mac 2009 iaitu lewat 727 hari selepas tarikh siap semasa (EOT 1). Selain itu, pihak Kementerian juga lewat meluluskan permohonan EOT iaitu selama 605 hari bagi EOT I dan 360 hari bagi EOT 2.

iii. Bagi Pakej III, EOT selama 197 hari iaitu sehingga 14 Januari 2007 telah diluluskan pada 30 April 2007 dengan kelewatan selama 305 hari selepas tarikh siap asal.

b. Kerja Memindahkan 3 *Modular Operation Theatre* (OT) Dari Blok Menara HQE Ke Faber Garden yang dilaksanakan secara darurat juga tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Pada 27 Oktober 2010, kontraktor telah diluluskan EOT selama 9 minggu atau 63 hari sehingga 15 Disember 2010.

Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.3
LANJUTAN MASA YANG LEWAT DIKELUARKAN

PERKARA	TARIKH MOHON EOT	TEMPOH EOT (Hari)	TEMPOH DILIPUTI	TARIKH KELULUSAN	TEMPOH LEWAT * (Hari)	SEBAB LANJUTAN MASA
PAKEJ I : KERJA CERUCUK DAN SUB-STRUKTUR BAGI KLINIK PAKAR						
EOT 1	TM	28	05.09.2002 hingga 03.10.2002	18.10.2002	43	• Kerja-kerja meroboh. • Keadaan cuaca tidak menentu dan sentiasa hujan.
PAKEJ II : PEMBINAAN KLINIK PAKAR						
EOT 1	01.10.2005	406	18.02.2006 hingga 31.03.2007	30.04.2007	435	• Kelewatan pemindahan tiang dan kabel Telekom. • Perkhidmatan M&E yang baru untuk Pakej II (Klinik Pakar) yang pada asalnya dijadualkan untuk dijalankan di Blok Menara. • Perubahan susun atur blok Klinik Pakar.
EOT 2	30.04.2008	387	31.03.2007 hingga 22.04.2008	27.03.2009	727	• Kolam tahanan. • Penukaran jenis lantai dari *Marmoleum* kepada *Vinly Sheet.* • Tambahan kerja *Acoustic Treatment* di *Compressor Room* Klinik Gigi. • Kerja-kerja kecemasan pengagihan paip air.

PERKARA	TARIKH MOHON EOT	TEMPOH EOT (Hari)	TEMPOH DILIPUTI	TARIKH KELULUSAN	TEMPOH LEWAT * (Hari)	SEBAB LANJUTAN MASA
PAKEJ III : KERJA CERUCUK DAN SUB-STRUKTUR BAGI BLOK MENARA						
EOT 1	TM	197	01.07.2006 hingga 14.01.2007	30.04.2007	303	• Kelewatan Serah Milik tapak untuk kerja-kerja pembinaan. • Kelewatan Pihak Berkuasa atau *client* mengalihkan kenderaan sedia ada di tapak.
PROJEK DARURAT : KERJA-KERJA MEMINDAHKAN 3 MODULAR OT DARI BLOK MENARA HQE KE FABER GARDEN						
EOT 1	20.09.2010	63	23.10.2010 hingga 15.12.2010	27.10.2010	5	• Faktor cuaca. • Kelewatan melantik kontraktor untuk penggantian AHU.

Nota: TM - Tiada Maklumat
(*) - Tempoh Kelewatan Dikira Daripada Tarikh Siap Asal/Semasa Sehingga Tarikh EOT Diluluskan

Mengikut maklum balas Kementerian, syarat kontrak tidak memperuntukkan masa yang khusus yang mewajibkan Pegawai Penguasa membuat keputusan mengenai kelulusan lanjutan masa. **Pada pendapat Audit, Pegawai Penguasa sepatutnya meluluskan EOT sebelum tarikh siap asal/semasa kerana ketidakpatuhan syarat kontrak akan menyebabkan berlakunya *time is at large* dan Kerajaan hilang hak ke atas kontraktor untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan.**

27.4.1.3. Perakuan Kerja Tidak Siap Dan Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan

Mengikut Syarat Kontrak, Perakuan Siap Kerja (Certificate of Practical Completion - CPC) perlu dikeluarkan apabila kerja disempurnakan. Sekiranya kerja gagal disiapkan, Perakuan Kerja Tidak Siap (Certificate Of Non Completion - CNC) akan dikeluarkan dan kontraktor boleh dikenakan LAD mengikut kadar yang ditetapkan. Sekiranya kelewatan adalah di luar kawalan kontraktor, Pegawai Penguasa boleh meluluskan EOT sebelum tarikh siap asal kontrak. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Projek Pakej I sepatutnya disiapkan pada 3 Oktober 2002 selepas mengambil kira EOT yang diluluskan. Bagaimanapun, ia hanya disiapkan pada 6 November 2002 iaitu lewat 33 hari tanpa dikenakan LAD berjumlah RM43,035. Selain itu, CNC bagi projek ini juga tidak dikeluarkan.

b. Projek Pakej II yang sepatutnya disiapkan pada 19 Februari 2006 hanya disiapkan pada 22 April 2008 dan CNC telah dikeluarkan pada 29 Mac 2006. Bagaimanapun, dua EOT diluluskan selepas CNC dikeluarkan iaitu EOT 1 pada 30 April 2007 dan EOT 2 pada 27 Mac 2009. Pengeluaran EOT 1 selepas 435 hari dari tarikh siap asal menyebabkan LAD sebanyak RM6.03 juta (RM13,861 sehari) tidak dapat dikenakan.

c. Projek Pakej III gagal disiapkan pada 14 Januari 2007 dan CPC telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 23 Julai 2007 dengan kelewatan selama 190 hari. Selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1995, Kementerian pada 27 Mac 2009 telah meluluskan pengecualian 90 hari bayaran LAD dan hanya sebanyak RM246,000 LAD dikenakan. Bagaimanapun denda dikenakan tanpa mengeluarkan CNC.

d. Pembinaan Bangunan Jabatan Radiologi dijadualkan siap pada 27 Jun 2010 tetapi hanya disiapkan pada 7 Julai 2010 iaitu lewat 10 hari. Bagaimanapun, CNC tidak dikeluarkan dan LAD berjumlah RM18,240 tidak dikenakan.

e. Kerja-kerja Naik Taraf Dan Pengubahsuaian 6 ICU dan 2 Isolation serta Kerja-kerja Pemasangan Paip Gas Di Bangunan Lama HQE perlu disiapkan pada 27 Januari 2010 tetapi hanya disiapkan pada 27 Februari 2010 iaitu lewat 30 hari. Bagaimanapun CNC tidak dikeluarkan dan LAD berjumlah RM15,504 tidak dikenakan.

Mengikut maklum balas Kementerian, Pakej I telah dikecualikan daripada denda LAD selama 3 bulan kerana syarikat Bumiputra. Bagi Pakej II, denda LAD telah dikenakan semasa proses pembayaran interim selepas CNC dikeluarkan. Bagaimanapun, LAD ini bersifat sementara dan pelepasan wang LAD dibuat selepas kelulusan EOT. Manakala bagi Projek Pembinaan Bangunan Jabatan Radiologi dan Kerja Naik Taraf Dan Pengubahsuaian 6 ICU dan 2 Isolation serta Kerja-kerja Pemasangan Paip Gas Di Bangunan Lama HQE, Jawatankuasa Siasatan akan ditubuhkan untuk menyiasat perkara tersebut. **Pada pendapat Audit, mengenakan LAD tanpa CNC adalah tidak mematuhi peraturan. Selain itu kelewatan mengenakan LAD dan meluluskan EOT selepas CNC dikeluarkan adalah tidak teratur.**

27.4.1.4. Pelarasan Harga Kontrak

a. Bagi menyesuaikan dengan keadaan tapak bina, perubahan atau pengubahsuaian reka bentuk, Arahan Perubahan Kerja (APK) boleh dikeluarkan. Perubahan tersebut perlu dinilai dari segi kosnya dan Perakuan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati bagi Pakej I, terdapat pengurangan kos bersih sebanyak RM1.83 juta manakala bagi Pakej III, sebanyak RM0.90 juta. Bagi Pakej II, akaun muktamad masih belum disediakan dan sehingga Januari 2011 pengurangan kos adalah dianggarkan sebanyak RM8.82 juta. Butiran terperinci bagi PHK dan kos yang terlibat bagi Pakej I, II dan III adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.4
PELARASAN HARGA KONTRAK

KONTRAK	HARGA ASAL (RM Juta)	TAMBAH (RM Juta)	KURANG (RM Juta)	HARGA MUKTAMAD (RM Juta)
Pakej I	7.00	0.19	2.02	5.17
Pakej II	74.40	-	8.82	65.58*
Pakej III	13.20	2.20	3.10	12.30
JUMLAH	**94.60**			**83.05**

Nota: (*) Baki belum bayar sebanyak RM0.42 juta

b. Mengikut Arahan Perbendaharaan 202, sesuatu perubahan kerja hendaklah dilaksanakan di tapak bina kontrak dan perubahan tidak menukar sebahagian besar skop kerja asal. Semakan Audit mendapati APK 1 yang melibatkan kerja tambahan bernilai RM1.49 juta bagi *emergency repairing works to the existing Tower Block Level 8* bagi Pakej III adalah di luar daripada tapak bina kontrak. *Kementerian telah memberi maklum balas bahawa kerja tambahan tersebut dilaksanakan di dalam kawasan tapak bina kontrak yang meliputi sebahagian besar kawasan HQE dan bukan tertumpu hanya kepada kawasan kerja-kerja cerucuk sahaja.* **Pada pendapat Audit, APK terlibat adalah tidak berkaitan kerja cerucuk dan di luar daripada skop tapak bina kontrak yang sepatutnya dibuat secara tender berasingan.**

27.4.1.5. Akaun Muktamad

Mengikut syarat Kontrak, kontraktor perlu mengemukakan akaun muktamad 3 bulan selepas dikeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (Certificate of Making Good Defect – *CMGD*). Semakan Audit mendapati tempoh tanggungan kecacatan bagi projek Pakej I berakhir pada 6 November 2003 dan akaun muktamad dikeluarkan pada 20 Mac 2007 iaitu kelewatan selama 1,229 hari. Walaupun tempoh tanggungan kecacatan bagi projek Pakej II telah tamat pada 22 April 2010 tetapi sehingga akhir bulan Disember 2010 akaun muktamad masih belum disediakan dengan kelewatan melebihi 248 hari. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, akaun muktamad bagi Pakej II masih belum disediakan kerana CMGD masih belum dikeluarkan.* **Pada pendapat Audit, akaun muktamad hendaklah disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan agar kos kontrak sebenar dapat dikenal pasti dan kelewatan mengeluarkan CMGD perlu diambil perhatian.**

27.4.1.6. Jaminan Rekabentuk

Mengikut klausa 14.3 kepada syarat kontrak, pihak kontraktor adalah bertanggungjawab mengemukakan jaminan rekabentuk dalam bentuk Jaminan Bank mengikut nilai yang ditetapkan kepada Kerajaan untuk tempoh 5 tahun selepas CPC dikeluarkan bernilai RM1.29 juta. Semakan Audit mendapati 4

projek darurat yang dilaksanakan secara reka dan bina telah siap dibina dan CPC telah dikeluarkan. Bagaimanapun, kontraktor terlibat masih belum mengemukakan bon jaminan rekabentuk. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.5
NILAI BON JAMINAN REKABENTUK

PROJEK	TARIKH CPC DIKELUARKAN	NILAI BON JAMINAN REKABENTUK (RM)
Pembinaan Bangunan Jabatan Radiologi	07.7.2010	600,000
Naik Taraf Dan Pengubahsuaian 6 ICU dan 2 Isolation Serta Kerja-Kerja Pemasangan Paip Gas	27.2.2010	170,000
Ubahsuai Bilik Rawatan Penyakit Berjangkit Di Bangunan *Lingzhi Senior Citizen*	29.1.2010	65,000
Kerja-kerja Memindahkan 3 Modular OT Dari Blok Menara HQE ke Faber Garden	15.12.2010	452,550
JUMLAH		**1,287,550**

Maklum balas yang diberikan oleh Kementerian menyatakan keperluan bon jaminan rekabentuk telah dimansuhkan berdasarkan surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertarikh 26 Mac 2002. **Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah menguatkuasakan perjanjian yang ditandatangani pada tahun 2009/2010 dengan menuntut segera jaminan rekabentuk tersebut bagi mengelakkan risiko kerugian.**

27.4.2. Pembinaan Tidak Berkualiti/Tidak Sesuai

Semakan Audit terhadap projek Pembinaan Klinik Pakar (Pakej II) mendapati kerja pembinaan yang tidak berkualiti/tidak sesuai dan boleh menjejaskan keselesaan pengguna seperti berikut:

27.4.2.1. Kemasan lantai di laluan pejalan kaki yang menghubungkan Klinik Pakar dengan jejantas ke tempat letak kereta bertingkat tidak sesuai kerana kemasan lantai yang digunakan adalah dari jenis jubin seramik yang licin. Memandangkan laluan tersebut sedikit curam ia boleh mengundang bahaya kepada pejalan kaki yang menggunakannya terutama pada hari hujan. Walaupun laluan tersebut berbumbung, tempias air hujan yang membasahi kawasan tersebut boleh menyebabkan laluan berkenaan menjadi licin seperti **Gambar 27.1** dan **27.2**. *Mengikut maklum balas Kementerian, kemasan lantai yang telah dipasang adalah daripada jenis Homogeneous Tiles. Jenis dan warna kemasan tersebut dipilih bagi tujuan menyeragamkan kemasan lantai sedia ada dengan jejantas berkenaan.*

GAMBAR 27.1



Laluan Pejalan Kaki, HQE
- Jubin Seramik Yang Tidak Sesuai
Di Laluan Pejalan Kaki
(08.11.2010)

GAMBAR 27.2



Laluan Pejalan Kaki, HQE
- Laluan Sedikit Curam Dan Ditutup
Dengan Karpet Untuk Mengurangkan
Bahaya Kepada Pejalan Kaki
(08.11.2010)

27.4.2.2. Pemasangan kabinet di Klinik Pakar Bedah Mulut dan Klinik Telinga, Hidung Dan Tekak adalah tidak sesuai kerana dipasang terus ke dinding *gypsum board* tanpa sokongan dan kekuatan kabinet hanya bergantung kepada skru yang dipasang ke dinding sahaja. Kekuatan skru tersebut tidak dapat menampung kabinet yang besar dan berat menyebabkan kabinet tersebut berisiko untuk runtuh **(Gambar 27.3)** dan pihak hospital terpaksa menggunakan kayu bagi mengelakkan kabinet daripada runtuh **(Gambar 27.4)**. *Mengikut maklum balas Kementerian, cara pemasangan adalah mengikut perincian pihak arkitek di mana skru disokong oleh kayu (hardwood) di dalam dinding gypsum terlibat.*

GAMBAR 27.3



Bilik Rehat kakitangan di Terapi Hidro Area (Aras 1)
- Kabinet Diskru Ke Dinding Gypsum Board
Tanpa Sokongan Di Bahagian Bawah
(08.11.2010)

GAMBAR 27.4



Klinik Telinga, Hidung dan Tekak (Aras 2)
- Kabinet Terpaksa Disokong Menggunakan
Kayu Bagi Mengelakkan Daripada Runtuh
(08.11.2010)

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menilai semula kesesuaian kemasan lantai yang dipasang di laluan pejalan kaki yang menghubungkan jejantas dan Klinik Pakar dan juga kaedah pemasangan kabinet di Klinik Pakar.

27.4.2.3. Mengikut Syarat Kontrak, selepas tempoh tanggungan kecacatan (Defects Liability Period - DLP) tamat, pemeriksaan perlu dibuat untuk memastikan kerja-kerja membaiki kecacatan telah dijalankan dengan sempurna. Sekiranya belum sempurna, kontraktor diberi masa tidak melebihi

3 bulan 14 hari (105 hari) untuk membaiki kerja tersebut. Jika gagal, Kementerian boleh melantik pihak ketiga untuk membaikinya dan kos terlibat boleh dikenakan kepada bon pelaksanaan atau tuntutan yang belum dijelaskan. Semakan Audit mendapati CPC projek Pembinaan Klinik Pakar (Pakej II) telah dikeluarkan pada 22 April 2008 dan DLP selama 2 tahun telah diberikan sehingga 21 April 2010. Selaras dengan syarat kontrak, pihak kontraktor telah diberi masa selama 105 hari sehingga 5 Ogos 2010 untuk membaiki kecacatan. Bagaimanapun berdasarkan Laporan Tanggungan Kecacatan Akhir oleh QSC Projects Sdn. Bhd. (perunding pengurusan projek), sebanyak 1,030 kecacatan belum dibaiki sehingga 6 Ogos 2010 seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.6
RINGKASAN LAPORAN KECACATAN AKHIR
DALAM TEMPOH LIABILITI SETAKAT 6 OGOS 2010

UNIT / LOKASI / LAPORAN	JUMLAH KECACATAN BELUM DIAMBIL TINDAKAN PEMBAIKAN
External Building	23
General Medical Clinic	84
Education And Special Protocol And Physiotherapy Unit	32
Physioterapy Unit	251
General Surgery Clinic	39
Orthopedic Clinic	44
Cardiac Clinic	13
Medical Record Unit	12
Tunnel	31
M & E	96
BEMS	11
March 2010	59
April 2010	49
List Of Defect Per Meeting 01.04.2010	3
Hospital Defects	26
Pending Repair Works	97
Work Order From Hospital (Civil, Mechanical and Electrical)	160
JUMLAH	**1,030**

***Sumber:** Laporan Tanggungan Kecacatan Akhir dalam tempoh liabiliti setakat 6 Ogos 2010 daripada QSC Projects Sdn. Bhd.*

27.4.2.4. Pemeriksaan Audit pada 7 dan 8 November 2010 terhadap beberapa kecacatan yang disenaraikan mendapati kerja pembaikan kecacatan masih belum diambil tindakan seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 27.7
HASIL PENGESAHAN AUDIT TERHADAP KERJA PEMBAIKAN KECACATAN PADA 7 DAN 8 NOVEMBER 2010

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL
Bilik Fail, Aras 4	Kesan kebocoran pada siling. **(Gambar 27.5)**
Klinik Telinga, Hidung Dan Tekak	Keretakan dinding bangunan. **(Gambar 27.6)**
Dinding luar bangunan	*Glass Block* pecah. **(Gambar 27.7)**
Penghubung di antara Laluan Pejalan Kaki dan jejantas	Terdapat *gap* di antara *floor tiles* dan *joint area* dan terpaksa menggunakan kayu dan karpet untuk menutup *gap* tersebut. **(Gambar 27.8)**
Bumbung Bangunan Klinik Pakar	*Roof tile* tidak dipasang dengan sempurna. **(Gambar 27.9)**
Bahagian luar bangunan	Air dari *gutter* tidak mengalir dengan lancar ke salur tegak air hujan. **(Gambar 27.10)**

GAMBAR 27.5



Bilik Fail, Aras 4
- Kebocoran Pada Siling
(08.11.2010)

GAMBAR 27.6



Klinik Telinga, Hidung dan Tekak
- Keretakan Pada Dinding
(08.11.2010)

GAMBAR 27.7



Bahagian Luar Bangunan
- Glass Block Pecah
(08.11.2010)

GAMBAR 27.8



Penghubung Di Antara Laluan
Pejalan Kaki Dan Jejantas
- Sambungan Tidak Dibuat Dengan Sempurna,
Hanya Ditutup Dengan Papan Dan Karpet
(08.11.2010)

GAMBAR 27.9



Bumbung Bangunan Klinik Pakar -Roof Tile Tidak Dipasang Dengan Sempurna (08.11.2010)

GAMBAR 27.10



Bahagian Luar Bangunan - Air Dari Gutter Tidak Mengalir Dengan Lancar Ke Salur Tegak Air Hujan Sebaliknya Mengalir Ke Dinding (08.11.2010)

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah menguatkuasakan hak untuk meminta pihak ketiga menjalankan kerja membaiki kecacatan yang telah dikenal pasti dengan kos pembaikan ditanggung oleh kontraktor asal kerana ia telah berlarutan melebihi 2 tahun.

27.4.3. Pengeluaran Surat Setuju Terima Dan Perwakilan Kuasa Tidak Teratur

27.4.3.1. Menurut Seksyen 2, Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua kontrak dan Surat Setuju Terima (SST) hendaklah dibuat atas nama Kerajaan dan ditandatangani oleh Menteri atau pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri. Bagi tujuan tersebut, Menteri Kesihatan pada 5 Mei 2008 telah menurunkan kuasa kepada Pengarah JKNS untuk menandatangani SST bernilai sehingga RM1 juta. Bagaimanapun, didapati Pengarah JKNS telah menandatangani SST bernilai RM1.30 juta hingga RM12 juta setiap satu bagi 4 kontrak darurat yang ditawarkan kepada Imej Warisan Sdn. Bhd.

27.4.3.2. Mengikut klausa 1.1(p) kontrak bagi kerja-kerja di bawah Projek Darurat, Pengarah JKNS adalah Pengarah Projek bagi tujuan penyeliaan dan arahan keseluruhan kerja. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pada 3 September 2009, Timbalan Pengarah JKNS telah melantik Ketua Unit Kejuruteraan, Bahagian Operasi JKNS sebagai wakil Pengarah Projek dan ini adalah bertentangan dengan klausa berkenaan.

Berdasarkan maklum balas Kementerian, Pengarah JKNS terpaksa menandatangani SST sebelum surat penurunan kuasa khas diterima daripada Kementerian disebabkan keadaan kecemasan yang memerlukan perolehan projek darurat dimulakan dengan serta-merta. Pada 6 Oktober 2010, Y.B. Menteri telah menurunkan kuasa khas kepada Pengarah JKNS. **Pada pendapat Audit, SST yang ditandatangani adalah tidak teratur kerana melebihi had kuasa yang dibenarkan. Manakala, Timbalan Pengarah JKNS tidak mempunyai kuasa untuk melantik Ketua Unit Kejuruteraan sebagai Pengarah Projek.**

27.4.4. Pembelian Sabah Medical Centre

Sungguhpun JKNS telah memindahkan pesakit ke beberapa hospital Kerajaan berhampiran dan menyewa kemudahan wad, ICU dan dewan bedah daripada Sabah Medical Centre (SMC, milik Syarikat SMC Property Sdn. Bhd. - SMCSB) serta melaksanakan beberapa projek secara darurat, HQE masih mengalami kekurangan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan. Bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian telah membuat keputusan membeli SMC dan dijadikan sebagai HQE II. Pembelian bangunan SMC merangkumi 2.42 hektar tanah, bangunan, loji, jentera dan peralatan dengan keluasan lantai kasar bangunan 41,243 meter persegi dengan kos RM280 juta. Semakan lanjut mendapati perkara berikut:

27.4.4.1. Wang Jaminan Peralatan

Mengikut Perjanjian Jual Beli di antara Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dengan SMCSB, Kerajaan berhak menahan 2.5% daripada harga kontrak pembelian bangunan SMC bersamaan RM7 juta sebagai jaminan peralatan yang dijual oleh SMCSB berkeadaan baik dan berfungsi dengan sewajarnya. Wang jaminan ini hendaklah ditahan selama 6 bulan mulai daripada tarikh pengambilalihan bangunan SMC sehingga 2 Mei 2010 kecuali SMCSB dapat mengemukakan bon pelaksanaan dalam jumlah yang sama. Bagaimanapun, klausa kontrak tidak dikuatkuasakan kerana Kerajaan pada 21 Oktober 2009 telah membayar penuh harga pembelian bangunan SMC walaupun bon pelaksanaan tidak dikemukakan oleh SMCSB. Tanpa wang tahanan tersebut, Kementerian tidak dapat mengikat SMCSB untuk membaiki peralatan yang rosak. Akibatnya, terdapat 41 peralatan bernilai melebihi RM3.81 juta tidak berfungsi/rosak semenjak Kerajaan mengambil alih bangunan tersebut dan masih belum dibaiki oleh SMCSB sehingga lawatan Audit pada 6 November 2010. Peralatan berkaitan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.8
PERALATAN YANG TIDAK BERFUNGSI/ROSAK DAN MASIH BELUM DIBAIKI

JABATAN/UNIT	BILANGAN PERALATAN	JENIS PERALATAN	NILAI PERALATAN (RM)
Radioterapi Dan Onkologi	4	*Cobalt - 60 Source and Machine, Aspirators*, Meja Panjang	2,800,000
Makmal	5	*Chemistry Analyzer (ADVIA 1200), Komputer (525), Monitor (Philips 170S5FG/27), Plas-Labs (ANAEROBIC), Chamber (855-AC/EXP), Waterbath (MEMMERT WB14)*	672,320
Kecemasan	1	*Mobile Nebuliser Unit Heavy Duty*	1,760
Radiologi	3	*CT Automatic Injector Long Cabinet (White), 2-TIER Cabinet (Grey)*	104,000
Farmasi	1	*Electronics Balance*	TM
Hemodialisis	2	*Reverse Osmosis Water Treatment Set, Water Tank For Dialyser Reproseser*	108,960

JABATAN/UNIT	BILANGAN PERALATAN	JENIS PERALATAN	NILAI PERALATAN (RM)
ICU	5	*Warming Blanket, NIBP Cable, Brown Open Short Shelf*	45,600
Dewan Bedah	1	*Electrosurgical Unit*	44,480
Wad 3	2	*Attach CTG Monitor*	36,800
Dapur	8	*2 Deck Modular Rice Cooker, S/S Fish Steamer, Combi Steamer 10x1/1 GN, Electric Tilting Pan, 4D00 Upright Chiller, Fagor Dish Washing Machine Hood Type, 4 Door Upright Freezer, 4 Open Burner c/w Oven Below*	TM
Housekeeping	2	*Washer No.1 and 2*	TM
Rekod Perubatan	3	Komputer, CPU (Celeron), *Office Desk With Drawer (White)*	TM
Haematologi	1	*Urinalysis Chair With Wheel (Blue)*	TM
Cath Lab (Recovery Room)	1	*Wooden Step Stool (Green)*	TM
Control Room	1	*Chair With Wheel (Grey)*	TM
Wad 5 (*Nurses Counter)*	1	*Swivel Chair Without Armrest (Grey)*	TM
JUMLAH	**41**		**3,813,920**

Sumber: Jadual Peralatan Faber Mediserve Sdn. Bhd.
Nota : TM - Tiada Maklumat

Mengikut maklum balas Kementerian, kerosakan tersebut telah dilaporkan kepada SMCSB pada 2 Februari 2010 iaitu sebelum tempoh jaminan tamat dan peringatan akan dikeluarkan kepada SMCSB supaya membaiki peralatan yang rosak tersebut. **Pada pendapat Audit, tindakan pembaikan oleh SMCSB perlu dibuat segera memandangkan kerosakan telah berlaku melebihi satu tahun bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan.**

27.4.4.2. Pembelian Aset Kerajaan

Perolehan Bangunan SMC (HQE II) bernilai RM280 juta adalah meliputi semua peralatan di dalamnya yang dianggarkan bernilai RM48.6 juta oleh JPPH. Bagaimanapun, perincian penilaian bagi setiap peralatan berkaitan tidak dikemukakan. Termasuk dalam senarai peralatan tersebut ialah *Theratron 780C Cobalt 60 Machine.* Pihak Audit difahamkan peralatan tersebut adalah peralatan yang sama yang dibeli oleh Kerajaan semasa perolehan bangunan SMC (Hospital Likas – HQE I) pada tahun 2003 daripada SMCSB. Peralatan ini telah mengalami kerosakan dan dikembalikan kepada SMCSB pada Julai 2007 untuk tujuan pelupusan khas kerana peralatan ini menggunakan bahan radioaktif. Nilai peralatan tersebut berdasarkan Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) adalah RM1.92 juta.

Berdasarkan maklum balas Kementerian, aset berkenaan tidak diambil kira dalam pembelian SMC. Penilaian JPPH dilaksanakan secara stock and barrel dan bukannya secara perincian item. **Pada pendapat Audit, oleh kerana**

penilaian yang dibuat oleh JPPH tidak secara terperinci, pihak Kementerian perlu menyiasat perkara ini bagi menggelakkan Kerajaan membeli aset yang sama sebanyak 2 kali.

27.4.4.3. Peralatan Perubatan dan Bukan Perubatan Tiada Di Lokasi

Peralatan yang dibeli hendaklah berada di lokasi sedia ada seperti yang dinyatakan dalam Jadual 5, Perjanjian Jual Beli bagi mematuhi perjanjian di mana bangunan SMC dan semua peralatannya diserahmilik oleh SMCSB berasaskan *'as is where is'* iaitu dalam keadaan sedia ada semasa perolehan. Bagi memastikan peralatan berkaitan berada di lokasinya, pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap sampel aset dan mendapati 468 unit peralatan tiada di lokasinya. Bagaimanapun, pihak Pengurusan HQE II tidak dapat mengemukakannya untuk pengesahan Audit. Peralatan yang tidak dapat dikesan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.9
PERALATAN TIADA DI LOKASI SEMASA
PIHAK AUDIT MENJALANKAN PEMERIKSAAN FIZIKAL

JABATAN//WAD	LOKASI	PERALATAN	BILANGAN
Jabatan Kecemasan	*Clean Utility*	*Wooden Rack With 5 Tier (Single Bay) (86cm x 46cm x 198cm)*	2
		Wooden Rack With 5 Tier (Single Bay) (119cm x 46cm x 211cm)	2
		Wooden Rack With 5 Tier (Double Bay) (160cm x 46cm x 211cm)	2
	Resus Room	*Stryker' Trauma Stretcher C/W Bottle Holder And Removable IV Drip Stand (Mobile)*	1
		Oxygen Cylinder (Mobile)	1
		Oxygen Cylinder C/W Oxygen Stand With Wheel(Mobile)	3
	Procedure Room	*Office Table Without Drawer (Grey) (120cm x 75cm x 74cm)*	1
		ST-210 Telephone	1
		High Back Executive Chair With Wheels (Grey)	1
		Chair With Arm Rest & Wheel Steel (Grey)	1
		Dustbin (Plastic)	1
		Mirror (61cm x 79cm)	1
		Bed Curtain	1
Wad Mata (Lelaki)	*Suite 5-22*	*ST-210 Telephone*	2
		Swivel Office Chair Without Armrest (Green)	1
		Bedside Screen	1
Wad Mata (Wanita)	*Suite 5-23* *Suite 5-25 (Examination Room)* *Suite 5-26 (Multipurpose Store)*	*ST-210 Telephone*	6
		Swivel Office Chair Without Armrest (Green)	3
		Bedside Screen	3
		Steel Trolley With Drawer (61cm x 41cm x 92cm)	1
		Examination Bed	1
		Trolley With Bottom Cabinet	1

JABATAN//WAD	LOKASI	PERALATAN	BILANGAN
Wad 6	*Day Lounge Room*	*AIWA TV c2121 Color Television With Aerial*	1
		5-Locker Mobile	1
		Cardiac Table	4
Aras 5 (Wad Pelbagai)	*Suite 5-01, 5-02, 5-03, 5-05, 5-06*	*ST-210 Telephone*	7
		Swivel Office Chair Without Armrest (Green)	4
		Bedside Screen	4
Wad 5	Bilik 502, 503, 505, 506A, 506B, 507A, 507B, 508A, 508B, 509A, 509B, 510, 511, 512, 513, 515, 516, 517, 518, 519, 520, 521A, 521B, 522A, 522B, 523A, 523B, 525A, 525B, 526A, 526B, 527A, 527B, 528A, 528B, 529A, 529B	*Electrical Hospital Bed*	25
		Hydraulic Hospital Bed	12
		ST-210 Telephone	37
		Cardiac Table	37
		Bedside Locker With 2 Drawer	37
		Fixed Locker With Door	37
		Single Sofa	13
		3-Seater Sofa	2
		LG-Television + Remote Control	36
		LG- DVD Player	3
		Writing Desk	13
		Plastic Chair (Blue)	35
		Mirror (61cm x 79cm)	24
		Window Curtain	28
		Bed Curtain	37
		Shower Curtain	25
		Wooden Chair	3
		Coffee Table	3
		THINK Mini Fridge	3
JUMLAH			**468**

Berdasarkan maklum balas Kementerian, kesemua aset berkenaan masih berada di HQE II tetapi semasa pemeriksaan Audit, aset tersebut tidak berada di lokasi sepatutnya disebabkan kerja ubah suai dan naik taraf. **Pada pendapat Audit, keadaan ini sepatutnya tidak berlaku kerana kerja ubahsuai dan naik taraf dilaksanakan di tingkat yang kosong/tidak digunakan sebelum ini. Pihak Kementerian hendaklah mengambil tindakan untuk mengesan dan memastikan kewujudan aset tersebut yang dibeli Kerajaan seperti di Jadual 5, Perjanjian Jual Beli tersebut. Selain itu, Daftar Pergerakan Aset (KEW.PA-6) hendaklah sentiasa dikemas kini.**

27.4.5. Pajakan SMC di Bangunan HQE II

Selaras dengan pembelian bangunan SMC oleh Kerajaan, Jemaah Menteri pada 29 April 2009 meluluskan pihak SMCSB untuk memajak sebahagian ruang dan kemudahan sedia ada bagi tempoh tidak melebihi 24 bulan. Pada 2 Mac 2010 perjanjian Pajakan Kecil telah ditandatangani antara Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pemberi Pajakan Kecil) dengan pihak SMCSB (Pemegang Pajakan

Kecil). Tempoh pajakan adalah selama 2 tahun iaitu dari 3 November 2009 hingga 2 November 2011 dengan kadar RM416,667 sebulan. Kadar pajakan termasuk kos utiliti elektrik dan air serta 27 petak tempat letak kereta. Semakan lanjut mendapati perkara berikut:

27.4.5.1. Sewa Lewat Dibayar

a. Menurut perjanjian pajakan, sewa sebanyak RM416,667 sebulan hendaklah dibayar tiap-tiap bulan. Sewa bulan pertama dibayar pada 3 November 2009, manakala sewa bulan berikutnya sebelum atau pada 7 haribulan setiap bulan. Semakan Audit mendapati SMCSB tidak pernah membayar sewa mulai November 2009 hingga ke tarikh pengauditan iaitu bulan Oktober 2010 menjadikan bayaran sewa tertunggak berjumlah RM5 juta. Selepas teguran Audit, pada 2 November 2010 Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah mengeluarkan notis tuntutan sewa. SMCSB pada 15 November 2010 telah membuat bayaran sebanyak RM805,555 bagi 2 bulan sewaan iaitu bulan November dan Disember 2009 menjadikan baki tertunggak sehingga 31 Disember 2010 kepada RM5 juta.

b. Tiada klausa denda dinyatakan di dalam Perjanjian Pajakan Kecil menyebabkan Kerajaan tidak dapat mengenakan penalti atas kelewatan membayar sewa bulanan.

c. Selain itu, deposit/cagaran sewa juga tidak dikenakan bagi penyewaan ini menyebabkan jaminan penyewa bagi memastikan semua syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian Pajakan Kecil dipatuhi tidak diperolehi. Pihak Audit difahamkan cagaran tidak dikenakan kerana contoh perjanjian dalam Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil. 1 Tahun 2008 tidak menyatakan mengenai keperluan cagaran. Semakan lanjut terhadap *Standard Operation Procedure* yang disediakan oleh JKPTG mengenai Pengurusan Permohonan Penyewaan Harta Tanah Persekutuan mendapati keperluan penyewa mengemukakan cagaran ada dinyatakan.

d. Mengikut perjanjian ini, Kerajaan sepatutnya memberi notis lucut hak kepada pemegang pajakan yang bayaran sewanya tertunggak melebihi 14 hari selepas tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, tiada sebarang notis lucut hak dikeluarkan oleh Kementerian atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kepada SMCSB.

Berdasarkan maklum balas Kementerian, setakat Mac 2011, semua sewa tertunggak telah dibayar oleh SMCSB. Selain itu, semua urusan kutipan sewa dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). **Pada pendapat Audit, telah berlaku kecuaian dalam penyediaan dan penguatkuasaan Perjanjian Pajakan Kecil yang menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak diberi keutamaan.**

27.4.5.2. Bayaran Terhadap Perkhidmatan Yang Digunakan Oleh Pihak SMCSB

a. Perolehan bangunan SMC adalah meliputi semua peralatan yang terdapat di bangunan tersebut. Kelulusan Jemaah Menteri pada 29 April 2009 juga menyatakan pemilik asal bangunan, SMCSB dibenarkan menyewa sebahagian ruang berserta peralatannya. Selain itu, pihak SMCSB juga menggunakan perkhidmatan dan peralatan milik Kementerian yang perlu dibeli atau disewa oleh syarikat berkenaan. Mesyuarat Pembelian Perkhidmatan Oleh SMC diadakan pada 21 Mei 2010 telah menetapkan mengenai caj bayaran seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.10
CAJ PENGGUNAAN RUANG BANGUNAN DAN PERALATAN

TEMPAT/PERALATAN/ JENIS PERKHIDMATAN	DI BAWAH KAWALAN	CAJ TELAH DIPUTUSKAN	CATATAN
CSSU – Perkhidmatan Autoclave	Kementerian	RM50 bagi setiap *cycle* penggunaan oleh SMCSB.	Kajian pasaran sedang dibuat oleh Kementerian bagi menentukan kadar sebenar.
Radiologi	SMCSB/ Kementerian	Kementerian diberi perkhidmatan percuma oleh SMCSB setakat: - 500 *CT Scan* - 125 *MRI Scan* - 100 *Fluoroscopy* - 125 *Mammogram* - Plain x-ray unlimited bagi pesakit *inpatient*. Bagi pesakit A&E, Kementerian akan bayar - 50 *bone densitometry* - 25 IUV - Diskaun 30% terhadap kes melebihi had.	SMCSB perlu membuat penyenggaraan terhadap semua peralatan yang secara eksklusif digunakan oleh mereka. Mulai Jun 2010 perkhidmatan ini telah diambil alih oleh Kementerian dan SMCSB perlu bayar untuk penggunaan peralatan.
Medical Gas	Kementerian	Pembayaran sama rata antara SMCSB dan Kementerian.	Maklumat sebenar penggunaan *medical gas* oleh SMCSB perlu diputuskan.
Haemodialisis	Kementerian	SMCSB menyewa 6 *point* dengan kadar RM100 bagi setiap *point* sehari.	-
Sleep Lab	Kementerian	SMC perlu membayar RM100 untuk setiap pesakit bagi setiap sesi.	-
Radioterapi	Kementerian	Kementerian perlu bayar kos perkhidmatan.	Diambil alih oleh Kementerian mulai 5 Julai 2010. Kos sebenar perkhidmatan Radioterapi perlu ditentukan. SMCSB perlu bayar untuk guna peralatan.

b. Bagaimanapun, semakan Audit pada Oktober 2010 iaitu 12 bulan selepas perolehan bangunan SMC, keputusan muktamad mengenai caj atau bayaran yang patut dikenakan kepada pihak SMCSB kerana menggunakan perkhidmatan Kementerian masih belum dibuat. Selain itu, rekod penggunaan kemudahan berkaitan juga tidak disediakan.

Berdasarkan maklum balas Kementerian, satu Jawatankuasa Rundingan Harga bayaran perkhidmatan telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian pada 25 Februari 2011 dan beberapa mesyuarat rundingan harga telah diadakan. **Pada pendapat Audit, kelewatan memuktamadkan caj bayaran penggunaan**

perkhidmatan oleh SMCSB adalah merugikan Kerajaan khususnya dari segi kehilangan hasil dan mendapat balik kos yang ditanggung oleh Kerajaan.

27.4.5.3. Perlindungan Insurans

Mengikut Perjanjian Pajakan Kecil, SMCSB sebagai Pemegang Pajakan Kecil adalah bertanggungjawab untuk memastikan ruang pajakan sentiasa mempunyai perlindungan insurans terhadap kerugian/kerosakan akibat kebakaran. Bagi memastikan syarat ini dipatuhi, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan boleh mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pemegang Pajakan Kecil untuk mengemukakan salinan polisi insurans berkaitan. Semakan Audit mendapati tiada perlindungan insurans diambil oleh Pemegang Pajakan Kecil bagi melindungi ruangan dan peralatan yang disewa daripada kebakaran. *Menurut Kementerian, perjanjian adalah ditandatangani oleh pihak JKPTG dengan SMCSB. Oleh itu, menjadi tanggungjawab JKPTG memastikan perlindungan insurans diambil oleh SMCSB.* **Pada pendapat Audit, tindakan sewajarnya perlu diambil bagi melindungi kepentingan Kerajaan dan pematuhan terhadap syarat perjanjian.**

27.4.6. Pelantikan Perunding Projek

a. Bagi melaksanakan projek pembangunan semula HQE yang meliputi Pakej I hingga IV, Kementerian Kewangan telah melantik 5 perunding yang melibatkan yuran iktisas sebanyak RM14.95 juta dan yuran penyeliaan pembinaan sebanyak RM4.19 juta. Mengikut rekod Kementerian, daripada jumlah tersebut sebanyak RM15.68 juta telah dibayar dan RM0.65 juta bagi imbuhan balik. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.11
SENARAI PERUNDING PROJEK DAN KOS

NAMA PERUNDING/ (JENIS KERJA)	YURAN IKTISAS*			IMBUHAN BALIK TELAH DIBAYAR* (RM)	YURAN PENYELIAAN TAPAK*	
	JUMLAH (RM)	TELAH DIBAYAR (RM)	BAKI BELUM BAYAR (RM)		JUMLAH (RM)	TELAH DIBAYAR (RM)
Chan & Shahriman Arkitek Sdn. Bhd. (Arkitek)	5,290,734	4,359,084	931,651	107,226	1,227,716	1,157,804
Perunding Gea (Sabah) Sdn. Bhd. (Sivil dan Struktur)	3,370,922	2,871,111	499,810	35,283	1,041,799	992,190
Teknis Konsult Sdn. Bhd. (Mekanikal dan Elektrikal)	2,199,500	1,816,222	383,278	132,901	1,915,623	1,159,651
CKP Nizaruddin Jurukur Bahan Sdn. Bhd. (Ukur Bahan)	1,719,622	1,371,896	347,726	116,273	-	-
QSC Projects Sdn. Bhd. (Perunding Pengurusan Projek)	2,373,180	1,950,609	422,571	260,998	-	-
JUMLAH	**14,953,958**	**12,368,922**	**2,585,036**	**652,681**	**4,185,138**	**3,309,645**

Sumber : Bahagian Khidmat Kejuruteraan
Nota : (*) - Tidak Termasuk 5% Cukai Perkhidmatan Kerajaan

b. Kementerian Kewangan pada 23 Oktober 2003 telah meluluskan yuran penyeliaan pembinaan selama 30 bulan sebanyak RM2.03 juta (termasuk elaun tapak RM171,160) bagi 3 perunding iaitu Chan & Shariman Arkitek Sdn. Bhd., Perunding Gea (Sabah) Sdn. Bhd. dan Teknis Konsult Sendirian Berhad. Kementerian pada 2 Januari 2009 telah meluluskan yuran penyeliaan tambahan sebanyak RM1.52 (termasuk elaun tapak RM120,520) setelah mengambil kira lanjutan masa selama 23 bulan. Kementerian pada 20 Mac 2009 telah menandatangani perjanjian tambahan dengan perunding terlibat untuk mengambil kira kedua-dua kelulusan tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.12
YURAN PENYELIAAN PEMBINAAN

NAMA PERUNDING/ JENIS KERJA	YURAN PENYELIAAN MENGIKUT TEMPOH KONTRAK			YURAN PENYELIAAN DALAM TEMPOH LANJUTAN MASA			JUMLAH KESELURUHAN (RM)
	NILAI (RM)	CUKAI 5% (RM)	JUMLAH (RM)	NILAI (RM)	CUKAI 5% (RM)	JUMLAH (RM)	
Chan & Shahriman Arkitek Sdn. Bhd. (Arkitek)	525,780	26,289	552,069	643,473	32,174	675,647	1,227,716
Perunding Gea (Sabah) Sdn. Bhd. (Sivil dan Struktur)	616,140	30,807	646,947	376,050	18,802	394,852	1,041,799
Teknis Konsult Sdn. Bhd. (Mekanikal dan Elektrikal)	1,326,600	66,330	1,392,930	497,803	24,890	522,693	1,915,623
JUMLAH	**2,468,520**	**123,426**	**2,591,946**	**1,517,326**	**75,866**	**1,593,192**	**4,185,138**

c. Semakan selanjutnya mendapati perkara berikut:

i. Kementerian Kewangan telah meluluskan sebanyak RM1.86 juta yuran penyeliaan pembinaan. Manakala, Kementerian meluluskan sebanyak RM1.40 juta yuran penyeliaan tambahan. Bagaimanapun, semakan mendapati jumlah yang dinyatakan di dalam surat perjanjian tambahan bertarikh 20 Mac 2009 adalah melebihi kelulusan sebanyak RM0.73 juta seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.13
PERBEZAAN KELULUSAN YURAN PENYELIAAN PEMBINAAN

KELULUSAN	NILAI DILULUSKAN* (RM)	NILAI DALAM PERJANJIAN TAMBAHAN* (RM)	PERBEZAAN (RM)
Kementerian Kewangan	1,859,237	2,468,520	609,283
Kementerian Kesihatan	1,398,755	1,517,326	118,571
JUMLAH	**3,257,992**	**3,985,846**	**727,854**

Nota: ***(*) - Tidak Termasuk Imbuhan Balik (Elaun Tapak)***

ii. Jumlah dibayar bagi yuran iktisas, bayaran imbuhan balik dan yuran penyeliaan pembinaan tidak dapat disahkan ketepatannya kerana baucar bayaran berkaitan tidak dikemukakan.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah menyemak semula jumlah yang dinyatakan dalam perjanjian bertarikh 20 Mac 2009 kerana berbeza dengan kelulusan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan dan Lembaga Perolehan Kementerian. Selain itu, Kementerian hendaklah memastikan baucar bayaran disimpan dengan teratur bagi memudahkan semakan Audit.

27.4.7. Pelantikan Kontraktor Projek Darurat

27.4.7.1. Bagi mengatasi isu pengosongan Blok Menara HQE, JKNS telah melaksanakan 3 projek secara darurat iaitu Pembinaan Bangunan Jabatan Radiologi, Naik Taraf dan Pengubahsuaian ICU Dan Isolation Serta Kerja-kerja Pemasangan Paip Gas serta Ubahsuai Bilik Rawatan Penyakit Berjangkit di Bangunan *Lingzhi Senior Citizen*. Pelaksanaan projek ini mendapat pengecualian daripada tatacara tender daripada Perbendaharaan Malaysia Sabah pada 22 Disember 2008. Semakan Audit mendapati Imej Warisan Sdn. Bhd. (IWSB) telah dilantik untuk melaksanakan ketiga-tiga projek tersebut secara rundingan terus. Kos bagi projek terlibat dianggarkan bernilai RM19.20 juta manakala harga tawaran IWSB adalah RM17.82 juta. Rundingan harga telah diadakan pada 25 Ogos 2009 dan harga muktamad adalah RM16.70 juta. Butiran projek adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.14
PROJEK PEMBANGUNAN SECARA DARURAT

PROJEK	KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	KOS (RM Juta)
Pembinaan Bangunan Jabatan Radiologi HQE	Imej Warisan Sdn. Bhd.	28.09.2009 hingga 27.06.2010	12.00
Naik Taraf Dan Pengubahsuaian 6 ICU Dan 2 Isolation Serta Kerja-Kerja Pemasangan Paip Gas		28.09.2009 hingga 27.01.2010	3.40
Ubahsuai Bilik Rawatan Penyakit Berjangkit di Bangunan *Lingzhi Senior Citizen*		28.09.2009 hingga 27.01.2010	1.30
JUMLAH			**16.70**

27.4.7.2. Berdasarkan keperluan yang mendesak akibat pengosongan Blok Menara, JKNS pada 10 September 2009 memohon kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk melaksanakan Kerja-kerja Memindahkan 3 Modular OT Dari Blok Menara HQE ke Faber Garden secara darurat. Bagaimanapun, JKNS tidak dapat memutuskan pihak yang bertanggungjawab melaksanakan projek ini menyebabkan Laporan Darurat tidak dapat disediakan. Akibatnya Kementerian Kewangan pada 26 April 2010 telah menolak permohonan Kementerian dengan alasan keputusan untuk melaksanakannya

secara darurat adalah terlalu lewat dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa kesegeraannya tidak lagi wujud dan signifikan. Menteri Kesihatan pada 27 April 2010 membuat permohonan susulan dan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 12 November 2010. Semakan Audit mendapati, Kementerian pada 12 Mac 2010 telah melantik IWSB secara rundingan terus bagi melaksanakan projek tersebut dengan kos bernilai RM9.05 juta iaitu 7 bulan lebih awal dari tarikh kelulusan Kementerian Kewangan.

Berdasarkan maklum balas Kementerian, Menteri Kesihatan melalui Ketua Pengarah Kesihatan mengarahkan supaya keadaan di Sabah yang mendesak tersebut dianggap sebagai darurat dan projek ini perlu dijalankan dengan serta merta. **Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah merancang dengan cepat pelaksanaan sesuatu projek yang berstatus kritikal serta melibatkan keselamatan pengguna.**

27.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan pengurusan projek ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil langkah-langkah berikut:

27.5.1. Memantau pelaksanaan projek dengan lebih tegas bagi mengelakkan kelewatan dan merancang pelaksanaan projek tepat pada masanya bagi memastikan kemudahan hospital dapat digunakan dan pembaziran wang awam dapat dielakkan.

27.5.2. Memastikan EOT diluluskan dalam tempoh kontrak bagi mengelakkan berlakunya *time is at large* dan Kerajaan hilang hak ke atas kontraktor.

27.5.3. Memastikan perubahan di luar daripada skop tapak bina kontrak hendaklah dibuat secara tender berasingan.

27.5.4. Menyedia akaun muktamad mengikut tempoh yang ditetapkan agar kos kontrak sebenar dapat dikenal pasti.

27.5.5. Menuntut dengan segera jaminan reka bentuk bangunan daripada SMCSB bagi mengelakkan risiko kerugian.

27.5.6. Membuat penambahbaikan terhadap pemasangan kemasan lantai di laluan pejalan kaki yang menghubungkan jejantas dan Klinik Pakar serta semua kabinet yang dipasang di Klinik Pakar.

27.5.7. Menguatkuasakan hak untuk meminta pihak ketiga menjalankan kerja membaiki kecacatan yang telah dikenal pasti dengan kos pembaikan ditanggung oleh kontraktor asal kerana ia telah berlarutan melebihi 2 tahun.

27.5.8. Memastikan SST ditandatangani dan pelantikan Pengarah Projek oleh pegawai yang diberi kuasa.

27.5.9. Memastikan tindakan pembaikan terhadap kerosakan peralatan dibuat segera oleh SMCSB.

27.5.10. Menyiasat perolehan *Theratron 780C Cobalt 60 Machine* bagi menggelakkan Kerajaan membeli aset yang sama sebanyak 2 kali dan mengambil tindakan menempatkan semula peralatan yang dibeli oleh Kerajaan di lokasi asal.

27.5.11. Memastikan caj bayaran penggunaan perkhidmatan oleh SMCSB dimuktamadkan dengan segera.

27.5.12. Memastikan SMCSB mengemukakan salinan insurans terhadap kerugian/kerosakan akibat kebakaran bagi melindungi kepentingan Kerajaan.

27.5.13. Menyemak semula jumlah yang dinyatakan dalam perjanjian perunding bertarikh 20 Mac 2009 kerana berbeza dengan kelulusan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan dan Lembaga Perolehan Kementerian. Selain itu, memastikan baucar bayaran disimpan dengan teratur bagi memudahkan semakan Audit.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

28. PEROLEHAN PERKHIDMATAN *NEXT GENERATION COMMUNICATION SYSTEM*

28.1. LATAR BELAKANG

28.1.1. Pada tahun 2006, DVM Innovate Sdn. Bhd. (DVM Innovate), sebuah syarikat telekomunikasi telah mencadangkan perkhidmatan talian komunikasi dengan menggunakan internet kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian). Perkhidmatan ini bertujuan untuk menggantikan talian telefon *Private Automatic Branch Exchange* (PABX) di 13 hospital/institut kepada perkhidmatan *New Generation Communication System (*NGCS*).* Kementerian pada 12 Disember 2006 telah mengemukakan permohonan perolehan NGCS secara rundingan terus kepada Kementerian Kewangan dan diluluskan pada 4 Mei 2007.

28.1.2. Pada 12 Disember 2007, Kementerian telah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada DVM Innovate bagi mengikat kontrak bernilai RM46.02 juta untuk tempoh 5 tahun iaitu mulai 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2012. Pecahan kos dan senarai hospital/institut yang terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.1
PECAHAN KOS KONTRAK PERKHIDMATAN NGCS

PERKARA	BILANGAN	JUMLAH (RM)
Peralatan		
- *IP Phone*	5,310 unit	2,469,150
- *Mobile Phone*	540 unit	918,000
- *UPS*	139 unit	200,000
- *Firewall Server*	13 unit	170,000
- *Air Conditioner*	3 unit	15,000
- *Streamyx*	13 talian	1,235,000
- *Cabling*	13 tapak	1,010,000
- *Network*	13 tapak	1,860,000
- *Maintenance Fee*	5 tahun	4,992,000
Jumlah		**12,869,150**
Kos Sewaan	5 tahun	33,150,000
JUMLAH		**46,019,150**

JADUAL 28.2
SENARAI HOSPITAL/INSTITUT DAN KOS SEWAAN

HOSPITAL/INSTITUT	KOS SEWAAN (RM)		
	1 BULAN	1 TAHUN	5 TAHUN
HOSPITAL			
Ampang	34,250	411,000	2,055,000
Banting	14,300	171,600	858,000
Kajang	17,150	205,800	1,029,000
Klang	57,050	684,600	3,423,000
Kuala Lumpur	106,550	1,278,600	6,393,000
Putrajaya	37,100	445,200	2,226,000
Selayang	80,900	970,800	4,854,000
Serdang	97,200	1,166,400	5,832,000
Sungai Buloh	57,050	684,600	3,423,000
INSTITUT			
Kesihatan Umum	5,750	69,000	345,000
Pengurusan Kesihatan	6,600	79,200	396,000
Penyelidikan Perubatan	22,850	274,200	1,371,000
Perubatan Respiratori	15,750	189,000	945,000
JUMLAH	**552,500**	**6,630,000**	**33,150,000**

28.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada perolehan perkhidmatan NGCS telah dibuat berdasarkan peraturan yang ditetapkan dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

28.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan dan pelaksanaan pengurusan perolehan perkhidmatan NGCS. Pengauditan dilakukan dengan menyemak rekod kewangan, fail/dokumen tender, kontrak dan rekod peralatan berkaitan di Kementerian, Hospital Ampang, Kajang, Klang, Kuala Lumpur dan Serdang serta Institut Kesihatan Umum, Institut Penyelidikan Perubatan dan Institut Perubatan Respiratori. Lawatan ke hospital/institut dan temu bual dengan pegawai juga diadakan untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut berhubung isu yang dibangkitkan. Di samping itu, borang soal selidik turut diedarkan bagi mendapat maklum balas kepuasan pelanggan daripada pegawai dan kakitangan hospital/institut.

28.4. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati pelaksanaan perolehan NGCS adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah kelewatan menyiapkan kerja; kegagalan mengenakan denda berjumlah RM2.21 juta kerana kelewatan tersebut; masih terdapat peralatan yang belum dipasang walaupun kerja telah disahkan siap; sejumlah

RM3.22 juta dibayar untuk 37.8% lesen yang tidak dapat digunakan; bil telefon PABX tidak menunjukkan penjimatan yang ketara; sejumlah RM2.41 juta dibayar untuk perkhidmatan yang belum/tidak dilaksanakan; peralatan bernilai RM0.78 juta dibayar walaupun tidak dibekalkan; hanya 30.8% daripada jadual sesi latihan telah dijalankan; dan kontraktor hanya menempatkan seorang jurutera di setiap hospital/institut sedangkan kontrak menetapkan penempatan 2 orang jurutera di setiap lokasi. Penjelasan lanjut berhubung perkara yang diperhatikan serta ulasan Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

28.4.1. Prestasi Perolehan NGCS

28.4.1.1. Mengikut kontrak, NGCS perlu disiapkan dan berfungsi antara bulan Januari hingga Mac 2008 iaitu apabila *Server Acceptance Test* (SAT) disahkan oleh hospital/institut. Semakan Audit mendapati SAT lewat dilaksanakan oleh kontraktor di semua lokasi antara 6 hingga 102 minggu dari tarikh sepatutnya. SAT hanya dapat dilaksanakan antara bulan April 2008 hingga bulan Oktober 2010 seperti butiran di jadual berikut:

JADUAL 28.3
***SERVER ACCEPTENCE TEST* LEWAT DILAKSANAKAN**

HOSPITAL/ INSTITUT	TARIKH *SERVER ACCEPTANCE TEST (SAT)*		KELEWATAN (Minggu)
	KONTRAK	SEBENAR	
HOSPITAL			
Ampang	06.03.2008	04.10.2010	102
Banting	14.03.2008	29.04.2008	6
Kajang	06.02.2008	03.04.2008	8
Klang	14.03.2008	13.11.2009	80
Kuala Lumpur	03.03.2008	14.07.2008	19
Putrajaya	06.02.2008	22.04.2008	11
Selayang	07.03.2008	22.04.2008	6
Serdang	27.02.2008	13.11.2009	82
Sungai Buloh	06.03.2008	01.10.2010	102
INSTITUT			
Kesihatan Umum	04.02.2008	09.04.2008	9
Pengurusan Kesihatan	30.01.2008	01.08.2008	26
Penyelidikan Perubatan	27.02.2008	24.06.2008	17
Perubatan Respiratori	25.02.2008	07.04.2008	6

28.4.1.2. *Berdasarkan maklum balas, SAT lewat dilaksanakan kerana beberapa faktor iaitu pihak hospital tidak memberi kebenaran untuk memasuki sistem rangkaian kerana masih dalam tempoh jaminan, terdapat masalah akses di hospital terutamanya di kawasan kritikal seperti Intensive Care Unit dan Operation Theatre serta ketiadaan pelan dan maklumat terperinci mengenai sistem ICT sedia ada di hospital/institut.*

28.4.1.3. Mengikut kontrak, kontraktor boleh dikenakan denda sebanyak 0.5% seminggu daripada nilai kontrak bagi kelewatan 4 minggu pertama dan 1% seminggu bagi minggu ke 5 dan seterusnya sekiranya lewat melaksanakan SAT. Bagaimanapun, jumlah denda tersebut tidak boleh melebihi 5% daripada nilai kontrak bagi setiap hospital/institut. Kontraktor juga dibenarkan untuk memohon lanjutan masa sekiranya terdapat kelewatan di luar kawalan kontraktor. Semakan Audit mendapati kontraktor telah memohon lanjutan masa pada bulan Jun 2008, namun tiada bukti menunjukkan kelulusan diberikan oleh Kementerian. Berdasarkan perkiraan Audit, denda sebanyak RM2.21 juta sepatutnya dikenakan kepada kontraktor kerana kelewatan tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.4
DENDA KE ATAS KELEWATAN MENYIAPKAN NGCS

HOSPITAL/ INSTITUT	KELEWATAN (MINGGU)	NILAI KONTRAK (RM)	DENDA (RM)			DENDA YANG BOLEH DIKENAKAN (RM)
			0.5%	1%	JUMLAH	
HOSPITAL						
Ampang	102	2,925,912	58,518	2,867,394	2,925,912	146,296
Banting	6	1,658,127	33,163	33,163	66,325	66,325
Kajang	8	2,017,953	40,359	80,718	121,077	100,898
Klang	80	4,508,807	90,176	3,426,693	3,516,869	225,440
Kuala Lumpur	19	8,756,065	175,121	1,313,410	1,488,531	437,803
Putrajaya	11	3,221,568	64,431	225,510	289,941	161,078
Selayang	6	5,986,959	119,739	119,739	239,478	239,478
Serdang	82	6,707,912	134,158	5,232,171	5,366,329	335,396
Sungai Buloh	102	4,294,892	85,898	4,208,994	4,294,892	214,745
INSTITUT						
Kesihatan Umum	9	1,034,625	20,693	51,731	72,424	51,731
Pengurusan Kesihatan	26	1,008,870	20,177	221,951	242,128	50,444
Penyelidikan Perubatan	17	2,196,987	43,940	285,608	329,548	109,849
Perubatan Respiratori	6	1,700,473	34,009	34,009	68,019	68,019
JUMLAH		**46,019,150**	**920,382**	**18,101,091**	**19,021,473**	**2,207,502**

28.4.1.4. *Berdasarkan maklum balas, permohonan lanjutan masa tidak diterima oleh Kementerian dan permohonan telah dikemukakan semula oleh kontraktor. Memandangkan Kementerian tidak meluluskan permohonan lanjutan masa, denda yang sepatutnya dikenakan akan dikira semula. Bagaimanapun, Kementerian sedang mendapat pandangan daripada Pejabat Penasihat Undang-undang, Kementerian berkaitan Delay And Extension kerana ia mungkin mempunyai implikasi ke atas pengenaan denda tersebut.*

28.4.1.5. Mengikut kontrak, NGCS dianggap telah beroperasi apabila kontraktor melaksanakan SAT dan sijil berkaitan disahkan oleh pihak hospital/institut. Semakan Audit mendapati SAT bagi 13 lokasi telah disahkan

antara bulan April 2008 hingga bulan Oktober 2010. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pada bulan Disember 2010 sebanyak 977 unit *IP Phone*, 162 unit *Soft Phone* dan 131 unit *Mobile Phone* di 8 hospital/institut masih belum dipasang/konfigurasi sepenuhnya sungguhpun bekalan telah dihantar ke hospital/institut. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 28.5
PERALATAN YANG BELUM DIPASANG/KONFIGURASI

HOSPITAL/ INSTITUT	TARIKH SAT	PERALATAN BELUM DIPASANG (UNIT)		
		IP PHONE	*SOFT PHONE*	*MOBILE PHONE*
HOSPITAL				
Banting	29.04.2008	69	-	-
Kajang	03.04.2008	122	-	19
Kuala Lumpur	14.07.2008	147	81	9
Putrajaya	22.04.2008	157	-	-
Serdang	13.11.2009	138	66	40
Sungai Buloh	01.10.2010	146	-	62
INSTITUT				
Penyelidikan Perubatan	24.06.2008	27	8	1
Perubatan Respiratori	07.04.2008	171	7	-
JUMLAH		**977**	**162**	**131**

GAMBAR 28.1



Institut Perubatan Respiratori
- Peralatan Belum Dipasang
Sejak Bulan April 2008
(03.12.2010)

GAMBAR 28.2



Hospital Kajang
- Peralatan Belum Dipasang
Sejak Bulan April 2008
(09.12.2010)

GAMBAR 28.3



Institut Penyelidikan Perubatan
- Peralatan Belum Dipasang
Sejak Bulan Jun 2008
(16.12.2010)

GAMBAR 28.4



Hospital Serdang
- Peralatan Belum Dipasang
Sejak Bulan November 2009
(23.12.2010)

28.4.1.6. *Berdasarkan maklum balas, IP Phone tidak dipasang kerana kekurangan infrastruktur bagi pemasangan peralatan ini di hospital/institut secara menyeluruh, Soft Phone yang terdiri daripada Handset dan Camera adalah komponen tanpa kos dan Mobile Phone sedang dikonfigurasi oleh site engineer kontraktor.*

28.4.1.7. Berdasarkan kontrak sejumlah 9,610 lesen sepatutnya dapat digunakan oleh hospital/institut bagi pelaksanaan perolehan ini yang melibatkan 8,170 lesen bagi Pakej 1 dengan nilai bayaran RM50 sebulan/lesen manakala 1,440 lesen bagi Pakej 2 dengan nilai bayaran RM100 sebulan/lesen. Semakan Audit mendapati SAT telah disahkan di semua hospital/institut, namun NGCS hanya berfungsi sepenuhnya di 3 lokasi iaitu Hospital Ampang, Institut Kesihatan Umum dan Institut Pengurusan Kesihatan. Manakala NGCS tidak dapat berfungsi sepenuhnya di 10 hospital/institut kerana infrastruktur rangkaian sedia ada perlu dinaik taraf terlebih dahulu serta terdapat peralatan yang belum dipasang/bekal. Ini menyebabkan 3,631 lesen (37.8%) daripada 9,610 lesen tidak dapat digunakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.6
PENGGUNAAN LESEN NGCS SEHINGGA BULAN DISEMBER 2010

HOSPITAL/ INSTITUT	JUMLAH LESEN SEPERTI DI DALAM KONTRAK			JUMLAH LESEN YANG SEBENAR DIGUNAKAN			LESEN TIDAK DIGUNAKAN	
	A	B	C	A	B	C	JUMLAH	%
HOSPITAL								
Ampang	515	85	600	515	85	600	-	-
Banting	214	36	250	146	36	182	68	27.2
Kajang	257	43	300	166	14	180	120	40.0
Klang	859	141	1,000	74	-	74	926	92.6
Kuala Lumpur	1,489	321	1,810	710	321	1,031	779	43.0
Putrajaya	558	92	650	541	92	633	17	2.6
Selayang	1,182	218	1,400	712	218	930	470	33.6
Serdang	1,406	269	1,675	650	269	919	756	45.1
Sungai Buloh	859	141	1,000	691	141	832	168	16.8
INSTITUT								
Kesihatan Umum	85	15	100	85	15	100	-	-
Pengurusan Kesihatan	118	7	125	118	7	125	-	-
Penyelidikan Perubatan	343	57	400	211	57	268	132	33.0
Perubatan Respiratori	285	15	300	90	15	105	195	65.0
JUMLAH	**8,170**	**1,440**	**9,610**	**4,709**	**1,270**	**5,979**	**3,631**	**37.8**

Nota : ***A - Pakej 1*** ***B - Pakej 2*** ***C - Jumlah Lesen***

28.4.1.8. *Berdasarkan maklum balas, kekurangan infrastruktur di beberapa hospital/institut seperti kekurangan network port dan komputer menyebabkan lesen yang dibekalkan tidak dapat digunakan sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, kontraktor telah mencadangkan penambahan skop kerja bernilai RM3.4 juta. Bagaimanapun, permohonan kerja tambahan ini tidak dapat dipertimbangkan memandangkan kontrak ini adalah kontrak bekalan.*

28.4.1.9. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kementerian telah membayar kesemua lesen walaupun hanya 5,979 lesen dapat digunakan. Berdasarkan kiraan Audit, kos sewaan bagi lesen yang dapat digunakan adalah berjumlah RM0.36 juta sebulan. Bagaimanapun, setakat bulan Disember 2010, Kementerian telah membayar RM10.56 juta untuk kegunaan kesemua lesen tersebut. Ini telah mengakibatkan sejumlah RM3.22 juta telah dibayar untuk lesen yang tidak dapat digunakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.7
BILANGAN LESEN YANG DIGUNAKAN SEHINGGA BULAN DISEMBER 2010

HOSPITAL/ INSTITUT	JUMLAH LESEN DIGUNAKAN				
	LESEN A = RM50		LESEN B = RM100		JUMLAH
	(UNIT)	(RM)	(UNIT)	(RM)	(RM)
HOSPITAL					
Banting	146	7,300	36	3,600	10,900
Kajang	166	8,300	14	1,400	9,700
Klang	74	3,700	0	-	3,700
Kuala Lumpur	710	35,500	321	32,100	67,600
Putrajaya	541	27,050	92	9,200	36,250
Selayang	712	35,600	218	21,800	57,400
Serdang	650	32,500	269	26,900	59,400
Sungai Buloh	691	34,550	141	14,100	48,650
INSTITUT					
Penyelidikan Perubatan	211	10,550	57	5,700	16,250
Perubatan Respiratori	90	4,500	15	1,500	6,000
JUMLAH	**4,709**	**235,450**	**1,270**	**127,000**	**362,450**

JADUAL 28.8
BAYARAN PERKHIDMATAN LESEN YANG TIDAK DIGUNAKAN
SETAKAT BULAN DISEMBER 2010

HOSPITAL/ INSTITUT	JUMLAH PERKHIDMATAN (BULAN)*	TELAH BAYAR (RM)		PATUT BAYAR (RM)		PERBEZAAN (RM)
		SEBULAN	JUMLAH	SEBULAN	JUMLAH	
HOSPITAL						
Banting	32	14,300	457,600	10,900	348,800	108,800
Kajang	33	17,150	565,950	9,700	320,100	245,850
Kuala Lumpur	30	106,550	3,196,500	67,600	2,163,200	1,033,300
Putrajaya	32	37,100	1,187,200	36,250	1,160,000	27,200
Selayang	32	80,900	2,588,800	57,400	1,836,800	752,000
Serdang	14	97,200	1,360,800	59,400	831,600	529,200
INSTITUT						
Penyelidikan Perubatan	30	22,850	685,500	16,250	487,500	198,000
Perubatan Respiratori	33	15,750	519,750	6,000	198,000	321,750
JUMLAH		**505,900**	**10,562,100**	**362,450**	**7,346,000**	**3,216,100**

Nota : ***(*) - Tempoh Perkhidmatan Adalah Dari Tarikh SAT Hingga Bulan Disember 2010***

28.4.1.10. *Berdasarkan maklum balas, bayaran sewaan bulanan adalah seperti di perjanjian dan caj sewaan adalah mengikut bilangan lesen yang dipasang. Bilangan lesen yang dipasang oleh pihak kontraktor adalah mematuhi perjanjian. Bagaimanapun tidak semua lesen boleh digunakan oleh pengguna kerana masalah infrastruktur. Pihak Kementerian sedang mengkaji kontrak bagi kemungkinan untuk menuntut kembali bayaran perkhidmatan yang tidak boleh digunakan daripada kontraktor.*

28.4.1.11. Bagi menilai prestasi penggunaan NGCS, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada pengguna di semua 13 hospital/institut. Analisis terhadap 559 soal selidik yang diterima mendapati hanya 46.6% responden menggunakan NGCS setiap hari, 41.1% bersetuju NGCS membantu dalam melaksanakan tugas harian manakala 66.3% berpendapat NGCS tidak wajar dipasang di semua PTJ Kementerian.

Pada pendapat Audit, perolehan NGCS tidak menguntungkan Kementerian kerana sistem tersebut lewat disiapkan serta tidak dapat digunakan secara optimum di 13 hospital/institut. Selain itu, Kementerian juga terpaksa membayar sejumlah RM3.22 juta untuk perkhidmatan lesen yang tidak dapat digunakan.

28.4.2. Kelemahan Dalam Perancangan Perolehan

Kelemahan dalam perancangan perolehan NGCS telah mendatangkan kerugian kepada Kerajaan seperti berikut:

28.4.2.1. Pelaksanaan Perolehan NGCS Di Hospital Baru

a. Asas permohonan Kementerian kepada Perbendaharaan adalah untuk menukarkan sistem talian telefon PABX yang telah usang, kerap rosak dan mengambil masa yang lama untuk diperbaiki. Bagaimanapun, NGCS bernilai RM13.93 juta telah diperolehi untuk 3 buah hospital yang baru memulakan operasi pada tahun 2006 dan 2007 iaitu Hospital Ampang, Serdang dan Sungai Buloh. Semasa perolehan NGCS dilaksanakan pada tahun 2008, sistem talian telefon PABX di ketiga-tiga hospital berkenaan masih dalam tempoh jaminan kontraktor dan dalam pengawasan Jabatan Kerja Raya (JKR). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.9
NILAI PEROLEHAN NGCS DI 3 HOSPITAL BARU

HOSPITAL	TAHUN OPERASI	BAYARAN BERDASARKAN KONTRAK (RM)		
		PERALATAN	SEWA	JUMLAH
Ampang	2007	870,911	2,055,000	2,925,911
Serdang	2006	875,911	5,832,000	6,707,911
Sungai Buloh	2007	871,892	3,423,000	4,294,892
JUMLAH		**2,618,714**	**11,310,000**	**13,928,714**

b. *Berdasarkan maklum balas, Hospital Ampang, Serdang dan Sungai Buloh terpilih untuk dimasukkan ke dalam rangkaian projek perintis kerana hospital Kerajaan di Lembah Klang mempunyai rangkaian Hospital Information System dan kemudahan ICT yang boleh diguna sama untuk NGCS tanpa kerja tambahan atau naik taraf. Hospital tersebut telah dipilih untuk mempertingkatkan kemudahan sistem perhubungan, penghantaran data serta perkongsian maklumat antara hospital/institut dengan ciri nilai tambah yang ditawarkan oleh NGCS.*

Pada pendapat Audit, nilai perolehan NGCS berjumlah RM13.93 juta untuk 3 hospital baru beroperasi adalah satu pembaziran wang awam kerana hospital berkenaan mempunyai sistem talian telefon PABX yang masih dalam tempoh jaminan kontraktor.

28.4.2.2. Peningkatan Bayaran Bil Telefon

Tujuan utama permohonan Kementerian kepada Perbendaharaan bagi perolehan NGCS adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan telefon dan layanan kepada pelanggan yang berurusan melalui telefon serta mengurangkan bayaran bil telefon PABX sedia ada. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Analisis terhadap 559 soal selidik yang diterima mendapati secara umumnya, pengguna NGCS tidak berpuas hati dengan kualiti panggilan NGCS seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.10
TAHAP KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP KUALITI PANGGILAN NGCS

PERKARA	TAHAP KEPUASAN	
	YA (%)	TIDAK (%)
NGCS Adalah Lebih Baik Daripada Talian Telefon Biasa	31.0	69.0
Kualiti Panggilan NGCS Ke Talian Telefon Biasa Adalah Baik	11.3	88.7
Kualiti Panggilan NGCS Ke NGCS Adalah Baik	33.4	66.6

b. Sistem telefon PABX masih terus digunakan sungguhpun perkhidmatan NGCS telah dipasang. Ini mengakibatkan bil telefon PABX dan sewa perkhidmatan NGCS dibayar pada masa yang sama. Berdasarkan rekod di 10 hospital/institut, semakan Audit mendapati pembayaran bil telefon PABX di 4 hospital/institut iaitu Hospital Banting, Selayang dan Serdang serta Institut Penyelidikan Perubatan masih meningkat pada tahun 2010 berbanding dengan tahun sebelumnya walaupun telah menggunakan perkhidmatan NGCS. Manakala 6 hospital/institut yang lain telah mencatatkan penurunan bayaran bil telefon PABX. Secara keseluruhan, bayaran bil telefon PABX bagi tahun 2008 berjumlah RM2.96 juga telah menurun sejumlah RM0.29 juta menjadi RM2.67 juga pada tahun 2010. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.11
BIL TELEFON NGCS TAHUN 2008, 2009 DAN 2010

INSTITUT / HOSPITAL	JUMLAH BIL TELEFON (RM)			
	2008	2009	2010	JUMLAH
TALIAN PABX				
Hospital				
Banting	49,577	51,730	60,737	162,044
Kajang	137,832	153,203	151,905	442,940
Kuala Lumpur	1,742,473	1,594,155	1,466,187	4,802,815
Putrajaya	390,272	363,140	301,062	1,054,474
Selayang	31,113	33,238	35,509	99,860
Serdang	263,111	273,662	303,789	840.562
Institut				
Kesihatan Umum	32,073	36,875	29,440	98.388
Pengurusan Kesihatan	76,530	68,427	60,758	205,715
Penyelidikan Perubatan	179,539	184,231	212,424	576,194
Perubatan Respiratori	58,541	53,359	48,191	160,091
Jumlah	**2,961,061**	**2,812,020**	**2,670,002**	**8,443,083**
TALIAN NGCS				
Hospital				
Banting	114,400	171,600	171,600	457,600
Kajang	154,350	205,800	205,800	565,950
Kuala Lumpur	639,300	1,278,600	1,278,600	3,196,500
Putrajaya	296,800	445,200	445,200	1,187,200
Selayang	647,200	970,800	970,800	2,588,800
Serdang	-	194,400	1,166,400	1,360,800
Institut				
Kesihatan Umum	51,750	69,000	69,000	189,750
Pengurusan Kesihatan	33,000	79,200	79,200	191,400
Penyelidikan Perubatan	137,100	274,200	274,200	685,500
Perubatan Respiratori	141,750	189.000	189.000	519,750
Jumlah	**2,215,650**	**3,877,800**	**4,849,800**	**10,943,250**
JUMLAH KESELURUHAN	**5,176,711**	**6,689,820**	**7,519,802**	**19,386,333**

c. *Berdasarkan maklum balas, penjimatan bil telefon hanya boleh dicapai sekiranya semua hospital, institut dan Ibu Pejabat Kementerian dimasukkan ke dalam rangkaian NGCS. Sehubungan itu, bil telefon masih perlu dibayar kerana pihak hospital/institut masih menggunakan sistem PABX.*

Pada pendapat Audit, objektif perolehan NGCS bagi mengurangkan bayaran bil telefon PABX sedia ada masih tidak dicapai dengan penjimatan berjumlah RM0.29 juta apabila mengambil kira bayaran sewa perkhidmatan NGCS berjumlah RM10.94 juta bagi tempoh 3 tahun.

28.4.2.3. Perolehan Peralatan Yang Berlebihan

Semakan Audit mendapati sebanyak 20 unit *Uninterruptible Power Supply* (UPS) bernilai RM28,760 yang dibekalkan ke Hospital Serdang (9 unit) dan Hospital Sungai Buloh (11 unit) tidak digunakan kerana kontraktor telah menggunakan UPS sedia ada. Bagi mengelakkan pembaziran, Kementerian perlu mengambil tindakan mengagihkan UPS tersebut ke hospital lain yang memerlukan. *Mengikut ulasan, Kementerian sedang mengenal pasti hospital/institut yang mempunyai UPS lebihan bagi tujuan mengagihkan kepada hospital yang memerlukannya.* UPS yang tidak digunakan oleh Hospital Serdang sejak bulan November 2009 adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 28.5

Hospital Serdang
- UPS Tidak Digunakan Sejak Bulan November 2009 (23.12.2010)

Pada pendapat Audit, perancangan yang kurang teliti telah mengakibatkan perolehan peralatan yang berlebihan.

28.4.3. Pengurusan Kontrak

28.4.3.1. Kontrak Lewat Ditandatangani

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, perjanjian kontrak hendaklah ditandatangani selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST telah dikeluarkan pada 12 Disember 2007 dan kontrak hanya ditandatangani pada 18 September 2009 iaitu kelewatan selama 21 bulan. *Berdasarkan maklum balas, kelewatan menandatangani kontrak adalah disebabkan keperluan untuk proses rundingan dan semakan klausa kontrak apabila terdapat beberapa klausa yang tidak dipersetujui oleh kedua-dua pihak terutamanya berkaitan waranti JKR ke atas hospital tersebut. Bagi bayaran sebelum kontrak ditandatangani, ia hanya dibuat setelah peralatan dibekalkan ke hospital/institut.*

Pada pendapat Audit, kelewatan selama 21 bulan untuk menandatangani kontrak adalah tidak cekap dan boleh membawa risiko kepada Kerajaan memandangkan bayaran untuk bekalan peralatan telah dilakukan.

28.4.3.2. Terma Kontrak Berbeza Dengan Surat Setuju Terima

SST merupakan surat pengesahan penerimaan tawaran berasaskan syarat yang telah dipersetujui dan ia merupakan dokumen perundangan yang sah serta dijadikan sebahagian daripada perjanjian kontrak. Semakan Audit mendapati kandungan kontrak yang ditandatangani pada 18 September 2009 berbeza dengan SST yang dikeluarkan pada 12 Disember 2007. Berdasarkan SST, kontraktor perlu menyediakan *webcam* (10,200 unit) dan *headset* (10,200 unit) secara percuma kepada Kementerian. Bagaimanapun, peralatan tersebut telah dijadikan sebahagian daripada peralatan yang disewa dalam kontrak yang ditandatangani. *Berdasarkan maklum balas, cadangan kos penyewaan asal yang telah dikemukakan ke Kementerian Kewangan adalah sebanyak RM33.15 juta. Semasa rundingan harga dilaksanakan, kontraktor masih tidak mengurangkan kos sewaan bagi kesemua komponen penyewaan asal dengan alasan harga yang ditawarkan adalah kompetitif dan setara dengan harga yang ditawarkan kepada sektor Kerajaan, 'service provider' dan 'Government Linked Companies'.*

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menyemak semula bayaran sewa yang dikenakan dalam kontrak kerana bayaran tersebut meliputi peralatan yang sepatutnya diberi secara percuma.

28.4.3.3. Bayaran Tidak Teratur

Arahan Perbendaharaan 99 (e) menetapkan baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Setakat bulan Disember 2010, sejumlah RM4.79 juta telah dibayar untuk perkhidmatan talian internet Streamyx dan penyenggaraan NGCS di 10 hospital/institut kecuali Hospital Ampang, Hospital Klang dan Hospital Sungai Buloh. Didapati jumlah yang dibayar adalah untuk perkhidmatan bagi tempoh mulai 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2012. **Ini bermakna bayaran berjumlah RM1.92 juta telah dibuat untuk tahun 2011 dan 2012 sedangkan perkhidmatan talian internet Streamyx dan penyenggaraan belum dilaksanakan**. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 28.12
BAYARAN SEBELUM PERKHIDMATAN DITERIMA BAGI 10 HOSPITAL/ INSTITUT

PERKHIDMATAN	KOS PERKHIDMATAN	
	YANG DIBAYAR UNTUK TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2012 (RM Juta)	TAHUN 2011 DAN 2012 (RM Juta)
Senggara	3.84	1.54
Streamyx	0.95	0.38
JUMLAH	**4.79**	**1.92**

b. Perkhidmatan talian internet Streamyx dan penyelenggaraan NGCS sepatutnya bermula pada tarikh NGCS boleh berfungsi dan disahkan siap di setiap lokasi iaitu apabila *Server Asseptance Test* (SAT) disahkan oleh pihak hospital/institut. Bagaimanapun, adalah didapati kos perkhidmatan berjumlah RM7,983 sebulan untuk setiap lokasi telah dibayar mulai tarikh kontrak iaitu pada bulan Januari 2008 tanpa mengambil kira tarikh NGCS disahkan siap. **Ini bermakna sebanyak RM0.49 juta telah dibayar kepada kontraktor walaupun perkhidmatan berkaitan tidak dilaksanakan**. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 28.13
BAYARAN BAGI PERKHIDMATAN YANG TIDAK DILAKSANAKAN

HOSPITAL/ INSTITUT	TARIKH SAT DISAHKAN	TEMPOH PERKHIDMATAN TIDAK DILAKSANAKAN (Bulan)	JUMLAH (RM)
HOSPITAL			
Banting	29.04.2008	4	31,932
Kajang	03.04.2008	3	23,949
Kuala Lumpur	14.07.2008	6	47,898
Putrajaya	22.04.2008	4	31,932
Selayang	22.04.2008	4	31,932
Serdang	13.11.2009	22	175,626
INSTITUT			
Kesihatan Umum	09.04.2008	3	23,949
Pengurusan Kesihatan	01.08.2008	7	55,881
Penyelidikan Perubatan	24.06.2008	6	47,898
Perubatan Respiratori	07.04.2008	3	23,949
JUMLAH			**494,946**

c. Sehingga bulan Mei 2008, kontraktor telah dibayar sejumlah RM2.47 juta bagi membekalkan sebanyak 5,310 unit *IP Phone* (RM465 seunit). Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Nota Penghantaran mendapati hospital/institut hanya memperakukan penerimaan sebanyak 3,637 *IP Phone*. **Ini bermakna Kementerian telah membayar sejumlah RM0.78 juta untuk 1,673 unit *IP Phone* yang tidak dibekalkan**. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.14
PERALATAN IP PHONE YANG BELUM DIBEKALKAN

HOSPITAL/INSTITUT	BILANGAN IP PHONE (Unit)		PERBEZAAN	
	INVOIS	NOTA HANTARAN	(Unit)	(RM)
HOSPITAL				
Ampang	488	450	38	17,670
Banting	176	162	14	6,510
Kajang	254	234	20	9,300
Klang	976	-	976	453,840

HOSPITAL/INSTITUT	BILANGAN IP PHONE (Unit)		PERBEZAAN	
	INVOIS	NOTA HANTARAN	(Unit)	(RM)
Kuala Lumpur	1,014	600	414	192,510
Putrajaya	488	460	28	13,020
Selayang	488	417	71	33,015
Serdang	488	450	38	17,670
Sungai Buloh	488	450	38	17,670
INSTITUT				
Kesihatan Umum	49	45	4	1,860
Pengurusan Kesihatan	30	27	3	1,395
Penyelidikan Perubatan	117	108	9	4,185
Perubatan Respiratori	254	234	20	9,300
JUMLAH	**5,310**	**3,637**	**1,673**	**777,945**

d. *Berdasarkan maklum balas, pembayaran perkhidmatan talian internet Streamyx dan penyenggaraan dilakukan bersama-sama peralatan lain adalah berdasarkan syarat perjanjian iaitu 15% daripada Hardware Price setelah Perjanjian ditandatangani, 60% daripada Hardware Price setelah penghantaran peralatan ke hospital/institut dilakukan dan bukti penghantaran dapat ditunjukkan dan 25% daripada Hardware Price setelah pengujian dan pentauliahan peralatan dilakukan. Bilangan IP Phone di dalam nota hantaran peralatan adalah mengikut jumlah yang ditetapkan di dalam kontrak.*

Pada pendapat Audit, syarat kontrak yang membenarkan bayaran untuk perkhidmatan dan peralatan yang tidak dilaksana/dibekalkan adalah tidak teratur. Sehubungan itu, siasatan dalaman perlu dijalankan bagi mengenal pasti pegawai yang bertanggungjawab mengakibatkan berlakunya *improper payment* dan melanggar peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

28.4.3.4. Sesi Latihan Kurang Dijalankan

a. Berdasarkan perjanjian, kontraktor hendaklah memberi latihan sebanyak 4 kali setahun kepada pengguna di setiap lokasi. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati jumlah latihan yang diberikan bagi 10 lokasi adalah sebanyak 37 kali sahaja (30.8%) daripada 120 latihan yang sepatutnya dijalankan. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.15
JUMLAH LATIHAN YANG DIJALANKAN

HOSPITAL/INSTITUT	BIL. LATIHAN			JUMLAH
	2008	2009	2010	
HOSPITAL				
Ampang	TB	TB	1	1
Banting	-	1	1	2
Kajang	1	1	2	4

HOSPITAL/INSTITUT	BIL. LATIHAN			JUMLAH
	2008	2009	2010	
Klang	-	2	-	2
Kuala Lumpur	2	1	4	7
Serdang	TB	-	5	5
Sungai Buloh	TB	TB	1	1
INSTITUT				
Kesihatan Umum	2	1	3	6
Penyelidikan Perubatan	1	1	2	4
Perubatan Respiratori	1	1	3	5
JUMLAH	**7**	**8**	**22**	**37**

Nota: ***TB - Tidak Berkenaan***

b. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian telah mengeluarkan surat kepada semua hospital/institut dan kontraktor untuk mematuhi kekerapan jadual latihan yang telah ditetapkan dalam dokumen kontrak.*

Pada pendapat Audit, sesi latihan perlu diberi mengikut kekerapan jadual latihan yang ditetapkan agar semua pengguna dapat menggunakan NGCS dan lesen yang dibekalkan dengan optimum agar perolehan NGCS memberi nilai pulangan yang terbaik.

28.4.3.5. Penempatan Jurutera Kontraktor

a. Berdasarkan perjanjian, kontraktor dikehendaki menempatkan 2 orang jurutera di setiap hospital/institut bagi maksud bantuan khidmat sokongan dan penyenggaraan. Semakan Audit mendapati hanya seorang jurutera yang ditempatkan di Hospital Ampang, Hospital Banting, Hospital Kajang, Institut Kesihatan Umum, Institut Penyelidikan Perubatan dan Institut Perubatan Respiratori. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian telah mengeluarkan arahan kepada kontraktor untuk menempatkan 2 jurutera di setiap hospital/institut.*

b. Lawatan Audit ke Hospital Ampang, Serdang, Klang dan Kajang serta Institut Kesihatan Umum dan Institut Perubatan Respiratori mendapati tiada jurutera kontraktor yang hadir bertugas. Walaupun hospital/institut berkenaan telah menyediakan senarai kehadiran mingguan jurutera, ia tidak dapat membuktikan bahawa jurutera telah hadir bertugas setiap hari. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian telah mengeluarkan arahan kepada semua hospital/institut untuk menyediakan kad perakam waktu kepada kontraktor supaya dapat memantau kehadiran jurutera yang bertugas.*

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu membuat perkiraan semula ke atas bayaran penyenggaraan yang telah dibayar kerana penempatan jurutera merupakan sebahagian daripada kos penyenggaraan.

28.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek perolehan yang lain, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan seperti berikut:

28.5.1. Memastikan NGCS dan lesen yang dibekalkan digunakan secara optimum supaya perolehan NGCS akan memberi nilai pulangan yang terbaik. Bagi tujuan ini, semua pengguna perlu diberi latihan yang mencukupi agar dapat meningkatkan kegunaan NGCS serta mengurangkan bil telefon PABX.

28.5.2. Mengenakan denda berjumlah RM2.21 juta terhadap kontraktor kerana gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan dan memastikan semua peralatan dipasang dan dikonfigurasi oleh kontraktor supaya sistem dapat berfungsi sepenuhnya.

28.5.3. Menjalankan kajian dan merancang perolehan dengan teliti sebelum melaksanakan sesuatu sistem supaya dapat meningkatkan tahap prestasi pelaksanaan perolehan dan mengurangkan perolehan peralatan yang melebihi keperluan.

28.5.4. Mempercepatkan proses menandatangani kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan memastikan salinan dokumen kontrak yang lengkap diserahkan kepada hospital/institut bagi tujuan penguatkuasaan syarat dan spesifikasi kontrak.

28.5.5. Memastikan syarat kontrak mengambil kira kepentingan Kerajaan supaya tidak berlakunya kes bayaran yang tidak teratur. Dalam hubungan ini, Kementerian perlu mengkaji semula kontrak bagi kemungkinan untuk menuntut kembali kos perkhidmatan dan nilai peralatan yang tidak boleh atau belum diguna/laksana/bekalkan.

28.5.6. Menjalankan siasatan lanjut bagi mengenal pasti pegawai yang bertanggungjawab mengakibatkan berlakunya *improper payment* dan melanggar peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

29. JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
- PENGURUSAN PROGRAM SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL

29.1. LATAR BELAKANG

29.1.1. Perubahan teknologi di peringkat global dan domestik dalam bidang industri telah memberi kesan langsung kepada keperluan tenaga kerja mahir dan sistem latihan kemahiran masa kini. Selaras dengan perubahan tersebut, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) mulai tahun 2005 berdasarkan model latihan daripada negara Jerman. Program ini bertujuan menyediakan tenaga kerja mahir negara yang berpengetahuan (k-Pekerja) melalui kaedah latihan komprehensif dan terkini bagi memenuhi kehendak industri semasa; mewujudkan hubungan dan kerjasama yang baik antara pihak industri dan institusi latihan awam/kemahiran negara; mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga mahir dari negara asing serta meningkatkan keupayaan produktiviti dan kualiti industri negara dengan menggalakkan pihak industri melaksanakan sendiri program latihan.

29.1.2. Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (Kementerian) yang bertanggungjawab mengawal selia program ini. JPK telah diberikan peruntukan berjumlah RM72.81 juta bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 termasuk peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua yang berjumlah RM20 juta. Manakala perbelanjaan yang telah dilakukan setakat bulan Disember 2010 adalah berjumlah RM59.17 juta (81.3%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM


PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)							PERBELANJAAN (RM Juta)						
	2008		2009			2010		2008		2009			2010	
	B	P	B	P	PRE	B	P	B	P	B	P	PRE	B	P
Training Of Trainers	-	4.62	-	4.16	9.20	-	-	-	4.26	-	4.16	10.03	-	-
Perantisan (Perantis & Syarikat)	-	5.82	15.86	4.70	7.43	12.6	-	-	5.82	15.03	3.50	6.44	3.90	-
PPT	-	-	-	-	3.00	-	-	-	-	-	-	2.63	-	-
Promosi	-	2.22	0.05	-	0.37	-	2.78	-	1.74	0.05	-	0.37	-	1.24
Jumlah	**-**	**12.66**	**15.91**	**8.86**	**20.00**	**12.60**	**2.78**	**-**	**11.82**	**15.08**	**7.66**	**19.47**	**3.90**	**1.24**
JUMLAH BESAR	**72.81**							**59.17**						

Nota : ***PRE - Pakej Rangsangan Ekonomi*** ***B - Bekalan*** ***P - Pembangunan***
PPT - Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu

29.1.3. Kumpulan sasaran bagi mengikuti program SLDN ialah belia lepasan sekolah dan pekerja syarikat. Bagi melaksanakan pembelajaran dalam bidang kemahiran yang telah dikenal pasti, program ini dilaksanakan berdasarkan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) atau kurikulum syarikat yang diluluskan oleh JPK. Sehingga kini, latihan SLDN melibatkan pelbagai bidang pekerjaan yang merangkumi 293 bidang daripada jumlah keseluruhan NOSS. Program ini dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan hingga 2 tahun bergantung kepada tahap kemahiran yang ditawarkan dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.

29.1.4. SLDN merupakan sistem latihan yang melibatkan pengendalian latihan di 2 tempat pembelajaran iaitu di pusat latihan bagi latihan teori yang meliputi 20% hingga 30% tempoh latihan serta di industri bagi latihan kemahiran yang meliputi 70% hingga 80% tempoh latihan. Pusat latihan yang dimaksudkan adalah institut yang berdaftar dengan JPK dan menjalankan latihan secara bersama dengan pihak industri yang mengambil bahagian dalam program SLDN. Pihak industri pula merujuk kepada syarikat sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan yang telah setuju terima untuk memberikan latihan kepada perantis di bawah program ini. Perantis dalam konteks ini merupakan seseorang yang telah mendaftar untuk mendapatkan kelayakan kemahiran melalui program SLDN. Rangka pelaksanaan program SLDN dapat diringkaskan seperti di gambarajah berikut:

GAMBARAJAH 29.1
RANGKA PELAKSANAAN PROGRAM SLDN



29.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada Program Sistem Latihan Dual Nasional telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

29.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program SLDN yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Semakan telah dijalankan terhadap rekod, fail dan dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 di Bahagian SLDN, Jabatan Pembangunan Kemahiran. Lawatan dan semakan dokumen juga telah dijalankan di Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah (Selangor), Wilayah Utara (Pulau Pinang) dan Wilayah Sabah serta pusat-pusat latihan yang dipilih. Setiap isu yang ditemui telah dibincangkan dengan pegawai yang terlibat.

29.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2010 mendapati secara umumnya program SLDN merupakan pendekatan latihan yang proaktif bagi menjamin bekalan tenaga kerja mahir yang mencukupi untuk keperluan industri negara. Program ini juga amat penting dalam usaha mengurangkan pergantungan negara terhadap buruh asing. Bagaimanapun setakat bulan Disember 2010, sasaran yang ditetapkan oleh JPK iaitu bagi melahirkan 31,500 k-Pekerja menjelang tahun 2010 dan melibatkan penyertaan 6,300 syarikat dalam program ini masih belum dapat dicapai. Selain itu, penglibatan peserta dalam bidang teknikal juga terlalu rendah iaitu antara 1% hingga 3.1% daripada keseluruhan perantis yang mengikuti program SLDN. Daripada aspek pengurusan program, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diatasi dengan segera bagi memastikan pelaksanaannya di masa hadapan lebih teratur. Kelemahan yang ditemui antaranya meliputi aspek proses pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia dan pengurusan pembayaran yuran perkhidmatan latihan. Bagaimanapun, JPK telah mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui serta ulasan JPK adalah seperti berikut:

29.4.1. Prestasi Program

29.4.1.1. Sasaran Program Tidak Dapat Dicapai

a. Objektif utama program SLDN adalah untuk menyediakan tenaga mahir negara yang berpengetahuan untuk memenuhi keperluan industri negara. Bagi mencapai objektif tersebut, perantis yang berdaftar akan dilatih mengikut keperluan di industri termasuk didedahkan dengan penggunaan pelbagai teknologi terkini semasa proses pembelajaran. Sehubungan ini,

Kabinet semasa meluluskan pelaksanaan program ini telah menetapkan sasaran untuk mengeluarkan tenaga kerja mahir seramai 31,500 orang menjelang tahun 2010. Selain itu, Kabinet juga menyasarkan penglibatan 6,300 syarikat dalam program ini menjelang tahun 2010 bagi memberikan latihan kepada perantis mengikut keperluan semasa industri.

b. Berdasarkan data yang dikemukakan oleh JPK, bilangan perantis yang telah berdaftar dengan JPK untuk mengikuti program ini bagi tempoh tahun 2005 hingga 2010 adalah 25,021 perantis. Bagaimanapun, seramai 6,100 perantis gagal menamatkan latihan sama ada menarik diri atau diberhentikan oleh syarikat kerana masalah disiplin. Ini menjadikan jumlah perantis yang sebenarnya menjalani latihan hanya 18,921 perantis di mana seramai 14,369 (75.9%) daripadanya telah menamatkan latihan. Semakan Audit selanjutnya mendapati setakat bulan Disember 2010, hanya 6,050 (42.1%) perantis telah menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) berbanding 14,369 perantis yang telah menamatkan latihan. Sekiranya bilangan perantis yang menerima SKM dijadikan ukuran pencapaian sasaran, dapat dirumuskan bahawa sasaran yang ditetapkan iaitu untuk mengeluarkan 31,500 k-Pekerja menjelang tahun 2010 masih belum dapat dicapai. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 29.2** dan **Carta 29.1**.


c. Bagi tempoh yang sama, bilangan syarikat yang telah mendaftar dengan JPK adalah 1,013 (16.1%) berbanding 6,300 yang disasarkan. Ini menunjukkan sasaran penyertaan syarikat yang mewakili industri juga masih belum tercapai. Butiran lanjut seperti di **Jadual 29.2** dan **Carta 29.2**. Pecahan penyertaan mengikut kategori syarikat menunjukkan syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) paling banyak menyertai program ini iaitu 960 syarikat (94.8%) melibatkan 23,411 perantis, diikuti dengan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan [Government Link Company (GLC)] iaitu 21 syarikat (2%) melibatkan 821 perantis serta syarikat multinasional [Multinational Company (MNC)] dengan 32 (3.2%) penyertaan melibatkan 789 perantis. Penyertaan lebih banyak syarikat IKS berbanding GLC dan MNC antaranya disebabkan Kerajaan hanya membuat pembayaran yuran perkhidmatan latihan sebanyak RM200 sebulan bagi setiap pelatih kepada syarikat IKS yang terlibat bertujuan menampung kos penyediaan bahan pembelajaran, peralatan demonstrasi dan khidmat tenaga pengajar semasa perantis menjalani latihan. Selain itu, *JPK dalam maklum balasnya menyatakan bahawa statistik daripada SME Corp menunjukkan lebih 94% industri di negara ini tergolong daripada syarikat IKS.*

JADUAL 29.2
PERBANDINGAN ANTARA SASARAN DAN PENCAPAIAN SEBENAR
PROGRAM SLDN SETAKAT BULAN DISEMBER 2010


TAHUN	PENYERTAAN PERANTIS					BIL. PERANTIS TERIMA SKM	PENYERTAAN SYARIKAT		
	SASARAN		PENCAPAIAN		PERATUS TAHUNAN (%)		SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS (%)
	TAHUNAN	KESELURUHAN	TAHUNAN	KESELURUHAN					
2005	500	500	70	70	14.0	-	100	4	4.0
2006	1,000	1,500	163	233	16.3	-	200	3	1.5
2007	2,000	3,500	1,878	2,111	93.9	-	400	36	9.0
2008	4,000	7,500	5,912	8,023	147.8	490	800	297	37.1
2009	8,000	15,500	15,705	23,728	196.3	1,373	1,600	642	40.1
2010	16,000	31,500	1,293	25,021	8.1	4,187	3,200	31	1.0
JUMLAH						**6,050**	**6,300**	**1,013**	**16.1**

Nota : ***SKM - Sijil Kemahiran Malaysia***

CARTA 29.1
PENCAPAIAN BERBANDING SASARAN BAGI BILANGAN PERANTIS



CARTA 29.2
PENCAPAIAN BERBANDING SASARAN BAGI BILANGAN SYARIKAT



d. Semakan Audit mendapati seramai 23,411 (93.6%) perantis telah mendaftar bagi mengikuti latihan di syarikat-syarikat IKS. Bilangan penyertaan yang ramai dalam industri ini antaranya disebabkan elaun latihan berjumlah RM300 sebulan dibayar oleh Kementerian kepada perantis.

29.4.1.2. Adalah didapati sasaran keseluruhan yang ditetapkan seramai 31,500 perantis menjelang tahun 2010 tidak dapat dicapai memandangkan pada tahun 2010, bilangan penyertaan perantis hanya 1,293 (8.1%) berbanding 16,000 perantis yang disasarkan. Pencapaian yang rendah pada tahun 2010 ini telah menjejaskan pencapaian keseluruhan program SLDN sungguhpun pencapaian penyertaan perantis secara keseluruhannya setakat akhir bulan Disember 2009 telah mencapai sehingga 23,728 (153.1%) penyertaan berbanding 15,500 yang disasarkan.

29.4.1.3. Semakan Audit mendapati pencapaian penyertaan perantis yang rendah pada tahun 2010 antaranya disebabkan perkara seperti berikut:

a. Pemberhentian Bayaran Elaun Perantis Dan Yuran Perkhidmatan Latihan Mulai Bulan Julai 2009 Bagi Pendaftaran Perantis Baru

i. Pada peringkat awal pelaksanaan program SLDN, tiada sebarang insentif dalam bentuk elaun/yuran diberikan kepada perantis atau syarikat terlibat. Bagaimanapun mulai bulan Oktober 2007, Kementerian Kewangan telah meluluskan pembayaran elaun latihan berjumlah RM300 kepada setiap perantis yang mengikuti latihan di IKS. Selain itu, syarikat-syarikat IKS terlibat juga dibayar yuran perkhidmatan latihan berdasarkan bilangan perantis yang dilatih di syarikat berkenaan dengan kadar RM200 sebulan bagi setiap perantis. Pihak Audit mendapati penyertaan perantis dan syarikat IKS telah meningkat dengan ketara semenjak insentif tersebut diperkenalkan pada tahun 2007. Adalah didapati bilangan perantis dan syarikat IKS secara keseluruhannya adalah 93.6% dan 94.8% berbanding bilangan perantis yang mengikuti program SLDN. Butirannya adalah seperti di **Jadual 29.3**. Bagaimanapun, bayaran elaun perantis/yuran perkhidmatan latihan telah diberhentikan mulai bulan Julai 2009 bagi pendaftaran perantis baru disebabkan kekangan kewangan. Pemberhentian ini telah menyebabkan penyusutan yang ketara dari segi bilangan penyertaan perantis dan syarikat IKS pada tahun 2010. Berdasarkan statistik, dapat dirumuskan bahawa pembayaran elaun latihan kepada perantis dan yuran perkhidmatan latihan kepada syarikat-syarikat IKS mempunyai kesan secara langsung terhadap minat mereka untuk menyertai program ini.

JADUAL 29.3
PENYERTAAN PERANTIS DAN SYARIKAT IKS DARI TAHUN 2005 HINGGA 2010

TAHUN	PENYERTAAN PERANTIS			PENYERTAAN SYARIKAT		
	KESELURUHAN MENGIKUT TAHUN	IKS	% IKS BERBANDING KESELURUHAN	KESELURUHAN MENGIKUT TAHUN	IKS	% IKS BERBANDING KESELURUHAN
2005	70	0	0.0	4	0	0.0
2006	163	7	4.3	3	1	33.3
2007	1,878	1,252	66.7	36	12	33.3
2008	5,912	5,573	94.3	297	285	96
2009	15,705	15,443	98.3	642	634	98.8
2010	1,293	1,136	87.8	31	28	90.3
JUMLAH	**25,021**	**23,411**	**93.6**	**1,013**	**960**	**94.8**

Nota : ***IKS - Industri Kecil Dan Sederhana***

ii. *Berdasarkan maklum balas yang diterima, JPK secara amnya bersetuju bahawa pemberhentian elaun/yuran perkhidmatan latihan telah memberikan impak yang besar kepada prestasi penyertaan syarikat dan perantis pada tahun 2010. Sehubungan itu, JPK telah mengemukakan permohonan kepada Perbendaharaan Malaysia supaya pemberian elaun/yuran perkhidmatan latihan diteruskan pada tahun 2011 sebagai insentif kepada perantis dan syarikat IKS untuk menyertai program ini.*

b. Promosi

i. JPK melalui Bahagian SLDN (Cawangan Promosi Dan Perhubungan Luar) perlu mempromosikan Program SLDN bagi memberi pendedahan kepada kumpulan sasaran dan syarikat dalam industri mengenai manfaat dan kepentingan program ini, seterusnya meningkatkan minat mereka untuk menyertainya. Promosi yang dijalankan termasuklah mengadakan seminar bagi menarik minat GLC/MNC; mengeluarkan artikel di media cetak; menyediakan brosur/poster dan cenderahati; menggunakan media elektronik serta menganjurkan aktiviti bulan kemahiran. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010, sejumlah RM2.78 juta telah diperuntukkan untuk mempromosikan program SLDN, namun hanya sejumlah RM1.24 juta (44.6%) sahaja telah dibelanjakan setakat bulan Oktober 2010. Bagaimanapun sebaik mendapat teguran daripada pihak Audit, program promosi secara agresif telah dijalankan pada bulan November dan Disember 2010 di mana jumlah perbelanjaan promosi yang telah dibelanjakan setakat akhir bulan Disember 2010 ialah RM2.50 juta (89.9%). *Berdasarkan maklum balas JPK, pelaksanaan program promosi pada bulan November dan Disember 2010 telah dirancang sejak awal tahun, namun kelulusan perbelanjaan hanya diperolehi pada akhir tahun. Selain itu, pelaksanaan program promosi adalah selaras dengan dasar perbelanjaan berhemat yang dikeluarkan oleh Kerajaan.*

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun program promosi yang agresif telah dijalankan pada bulan November dan Disember 2010, namun beberapa program promosi yang dirancang tidak dapat diselesaikan sepenuhnya oleh JPK. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.4
PROGRAM PROMOSI YANG TIDAK DAPAT DISELESAIKAN SEPENUHNYA
SETAKAT AKHIR BULAN DISEMBER 2010

PRORGAM/AKTIVITI	PERANCANGAN	PELAKSANAAN	CATATAN
Mesyuarat pendedahan personel di dalam dan luar negeri	Lawatan kerja - 1 kali	-	Ditangguhkan kerana kekurangan peruntukan
	Program sangkutan di negara pelaksana - 1 kali	-	
Mengadakan seminar/promosi menggalakkan syarikat GLC/ MNC menyertai SLDN	8 seminar melibatkan 6 wilayah	7 seminar	Tidak tercapai sepenuhnya
Menggalakkan SME supaya bekerjasama dalam melaksanakan latihan	30 sesi penerangan kepada SME	28 sesi penerangan	
Memperluaskan program latihan SLDN bagi kursus *customize short term* di Institusi Latihan Awam	10 institusi latihan awam	1 institusi latihan awam	
Mempromosi profil syarikat yang melaksanakan sistem SLDN	5 profil syarikat (termasuk wawancara dengan CEO syarikat)	4 profil syarikat	
Program promosi mengenai peluang kerjaya dalam kemahiran teknikal	Ceramah di 100 sekolah	Ceramah di 50 sekolah	
Mempertingkatkan nilai positif dan pengiktirafan JPK serta kesediaan industri di dalam pembangunan modal insan	Penyataan pemimpin - 2	1	

Pada pendapat Audit, program promosi yang berkesan dapat meningkatkan minat dan penyertaan golongan sasaran terhadap Program SLDN. Sehubungan ini, JPK perlu memastikan promosi yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya supaya maklumat berkaitan program dapat disalurkan secara meluas.

29.4.1.4. Penyertaan Perantis Mengikut Sektor

a. Program SLDN memberi peluang kepada perantis mendapat pendedahan dan latihan dalam sekurang-kurangnya 12 sektor iaitu perubatan dan farmasi [medical & pharmaseutical (MP)]; hospitaliti dan pelancongan [hospitality & tourism (HT)]; pengangkutan [transportation (TP)]; pengurusan perniagaan [business management (FB)]; kejenteraan dan peralatan [machinery & equipment (MC)]; perusahaan kecil dan cenderamata [souvenir & small enterprise (SS)]; pembinaan dan bangunan [building & construction (BC)]; tekstil dan pakaian [textile & apparel (TA)]; teknologi komunikasi dan maklumat [information technology & communication (IT)]; produk makanan

dan industri asas tani [agriculture & agrobased (AF)]; perkhidmatan/ penyenggaraan mekanikal dan elektrikal [mechanical, electrical service & maintenance (ME)] dan elektrikal dan elektronik [electrical & electronic (EE)]. **Gambar 29.1** hingga **29.3** adalah contoh latihan perantis dalam beberapa sektor yang terlibat dalam program SLDN.

GAMBAR 29.1



Perantis Sedang Mengikuti Latihan Di Syarikat Yang Terlibat Dalam Sektor Information Technology & Communication (20.07.2010)

GAMBAR 29.2



Perantis Sedang Mengikuti Latihan Di Syarikat Yang Terlibat Dalam Sektor Souvenir & Small Enterprise (02.06.2010)




GAMBAR 29.3

Perantis Sedang Mengikuti Latihan Di Syarikat Yang Terlibat Dalam Sektor Souvenir & Small Enterprise (02.06.2010)

b. Adalah didapati sektor MP (sektor ini termasuk latihan di pusat kecantikan dan spa) menerima bilangan perantis tertinggi dan diikuti oleh sektor FB dan HT. Manakala sektor yang lebih teknikal seperti ME, MC, BC dan IT kurang mendapat sambutan di mana hanya menerima bilangan perantis antara 1% hingga 3.1% sahaja **(Carta 29.3)**. Bilangan penyertaan yang rendah dalam bidang teknikal ini tidak selaras dengan anggaran keperluan sumber manusia mahir mengikut bidang yang dinyatakan dalam Pelan Induk Latihan Dan Pembangunan Kemahiran Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2020. Pelan ini menyatakan bahawa negara memerlukan sekurang-kurangnya 910,062 tenaga kerja teknikal dalam bidang elektrikal dan elektronik; kejenteraan dan peralatan; perkhidmatan/penyenggaraan mekanikal dan elektrikal serta pembinaan dan bangunan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 29.5**.

CARTA 29.3
PROGRAM SLDN MENGIKUT PECAHAN SEKTOR
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010



JADUAL 29.5
ANGGARAN KEPERLUAN SUMBER MANUSIA MAHIR MENGIKUT BIDANG

KUMPULAN INDUSTRI	ANGGARAN PERMINTAAN MODAL INSAN (Orang)					
	2006 - 2007	2008 - 2010	2011 - 2013	2014 - 2017	2018 - 2020	JUMLAH
Elektrikal Dan Elektronik (EE)	30,000	45,000	67,500	87,750	105,300	335,550
Kejenteraan Dan Peralatan (MC)	25,400	33,020	49,530	69,342	97,100	274,392
Perkhidmatan Dan Penyelenggaraan Mekanikal Dan Elektrikal (ME)	20,000	26,000	33,800	47,320	61,500	188,620
Pembinaan Dan Bangunan (BC)	8,500	17,000	21,000	30,000	35,000	111,500
JUMLAH						**910,062**

Sumber: Petikan Daripada Pelan Induk Latihan Dan Pembangunan Kemahiran (2008-2020)

Pada pendapat Audit, penyertaan lebih ramai perantis dalam bidang teknikal adalah amat penting bagi mengurangkan pergantungan negara terhadap buruh asing. Sehubungan ini, Kementerian dan JPK perlu memperkasakan pelaksanaan program SLDN dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan penyertaan perantis dalam sektor yang lebih teknikal. *Mengikut maklum balas JPK, penumpuan terhadap sesuatu sektor bergantung kepada dasar dan keutamaan semasa Kerajaan. Sebagai contoh, Kerajaan telah menetapkan bidang bukan teknikal seperti pelancongan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian disenaraikan di bawah National Key Economic Area (NKEA). JPK juga akan mula melaksanakan penetapan kuota mengikut bidang dan sektor mulai tahun 2011.*

29.4.2. Kelemahan Proses Pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia

29.4.2.1. Mengikut Panduan Pelaksanaan Program SLDN, setiap perantis layak dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sekiranya memenuhi kesemua syarat berikut:

a. Perantis menamatkan latihan dengan jayanya dan memenuhi syarat yang ditetapkan;

b. Perantis disahkan oleh syarikat/pusat latihan yang bertanggungjawab; dan

c. Pencapaian perantis diperakui oleh Pegawai Pengesah Luaran yang dilantik oleh Ketua Pengarah JPK melalui verifikasi terhadap Buku Log dan Rekod Bukti Pencapaian Perantis.

29.4.2.2. Semakan Audit mendapati setakat bulan Disember 2010, seramai 14,369 perantis telah menamatkan latihan. Daripada bilangan tersebut, JPK telah menerima permohonan verifikasi bagi 10,023 perantis di mana 6,050 (42.1%) perantis telah dianugerahkan SKM. Bagi 3,973 perantis yang lain, JPK sedang dalam proses untuk mengeluarkan SKM. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.6
BILANGAN PERANTIS YANG MENERIMA SKM

WILAYAH	PERANTIS YANG TELAH MENAMATKAN PENGAJIAN	PERANTIS YANG TELAH MENERIMA SKM	(%) PERANTIS YANG MENERIMA SKM
Sabah	1,619	810	50.0
Timur	1,561	634	40.6
Sarawak	1,306	125	9.6
Utara	1,014	766	75.5
Selatan	2,921	1,427	48.9
Tengah	5,948	2,288	38.5
JUMLAH	**14,369**	**6,050**	**42.1**

Nota : ***SKM - Sijil Kemahiran Malaysia***

29.4.2.3. Bagi tempoh yang sama, permohonan verifikasi bagi 4,346 perantis yang telah menamatkan latihan masih belum diterima oleh JPK. Tanpa permohonan verifikasi daripada syarikat berkenaan, Pegawai Pengesah Luaran tidak dapat mengesahkan Buku Log dan Rekod Bukti Pencapaian Perantis bagi membolehkan SKM dikeluarkan kepada mereka yang terlibat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.7
VERIFIKASI PEGAWAI PENGESAH LUARAN

WILAYAH	PERANTIS YANG TELAH TAMAT LATIHAN	PERANTIS YANG BELUM DIVERIFIKASI OLEH PPL
Sabah	1,619	433
Timur	1,561	295
Sarawak	1,306	975

WILAYAH	PERANTIS YANG TELAH TAMAT LATIHAN	PERANTIS YANG BELUM DIVERIFIKASI OLEH PPL
Utara	1,014	101
Selatan	2,921	868
Tengah	5,948	1,674
JUMLAH	**14,369**	**4,346**

Nota : PPL – Pegawai Pengesah Luaran

29.4.2.4. Antara sebab berlakunya kelemahan tersebut adalah tiada perjanjian yang ditandatangani antara pihak Kerajaan dan syarikat yang menyertai program SLDN menyebabkan tindakan yang sewajarnya tidak dapat diambil terhadap syarikat yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh JPK. Ini meliputi keperluan menyelenggarakan dokumen berkaitan untuk tujuan penilaian dan pensijilan perantis. **Pada pendapat Audit, JPK perlu mengatasi masalah yang wujud dalam proses pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia kepada perantis memandangkan perantis memerlukan sijil tersebut untuk memohon pekerjaan. Sehubungan ini, JPK perlu memastikan syarikat yang terlibat dengan program ini memenuhi keperluan dokumentasi, menjalankan latihan secara sistematik serta membuat penilaian latihan mengikut masa dan syarat yang ditetapkan.**

29.4.2.5. *Sebaik mendapat teguran daripada pihak Audit, JPK telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat tunjuk sebab dan peringatan kepada syarikat yang masih gagal mengemukakan permohonan pensijilan kepada JPK bagi membolehkan penilaian dan pengesahan terhadap perantis dilakukan oleh PPL. JPK juga bersetuju dengan cadangan pihak Audit untuk mengadakan perjanjian pelaksanaan program SLDN dengan pihak syarikat supaya kawal selia terhadap syarat program dan keperluan dokumentasi untuk tujuan penilaian dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Oleh itu mulai tahun 2011, perjanjian 4 pihak iaitu antara Kerajaan, syarikat, pusat latihan dan perantis wajib ditandatangani dalam pelaksanaan program SLDN.*

29.4.3. Pengurusan Pembayaran Yuran Perkhidmatan Latihan

29.4.3.1. JPK telah mengeluarkan Garis Panduan Pembayaran Elaun Kepada Perantis Dan Yuran Perkhidmatan Latihan Kepada Syarikat berkuat kuasa pada 1 Oktober 2007 bagi memastikan pembayaran dilaksanakan dengan teratur. Mengikut garis panduan ini, yuran perkhidmatan latihan sebanyak RM200 bagi setiap perantis akan dibayar kepada syarikat IKS yang menyertai program SLDN sepanjang tempoh perantis menjalani latihan di syarikat mereka. Yuran ini adalah untuk membantu syarikat IKS menyediakan bahan-bahan pembelajaran, peralatan demonstrasi atau simulasi, utiliti, pusat sumber dan khidmat tenaga pengajar semasa perantis menjalani latihan. Pembayaran yuran ini diuruskan oleh Bahagian Kewangan di Ibu Pejabat JPK, Putrajaya. Semakan Audit

mendapati berlaku pembayaran 2 kali kepada 3 syarikat di Wilayah Tengah dan 3 syarikat di Wilayah Sabah melibatkan lebihan bayaran berjumlah RM119,000. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.8
YURAN TERLEBIH DIBAYAR KEPADA SYARIKAT

JPK WILAYAH	NO. INVOIS/ TARIKH	MAKLUMAT BAUCAR BAYARAN		JUMLAH TERLEBIH BAYAR (RM)	PERIHAL BAYARAN
		NO. BAUCAR/ TARIKH	JUMLAH (RM)		
Tengah	0060/61/62 02.07.2009	L6206 16.09.2009	84,000	84,000	Bayaran Insentif IKS bagi bulan Jun 2009 - Batch 1,2 & 3
	0060/61/62 02.07.2009	M5403 08.01.2010	84,000		
	IV-00073/75 06.07.2009	L4481 27.08.2009	9,200	9,200	Bayaran Insentif IKS bagi bulan Jun 2009 - Batch 1 & 2
	IV-00073/75 01.07.2009	M1863 02.01.2010	9,200		
	2390A 02.03.2009	K4013 13.04.2009	4,600	4,600	Bayaran Insentif IKS bagi bulan Februari 2009 - Batch 1 - 9
	2390A 02.03.2009	K4566 24.04.2009	4,600		
Sabah	0008 05.08.2009	L6488 17.09.2009	8,400	8,400	Bayaran Insentif IKS bagi bulan Mei 2009 - Batch 1
	0004 05.06.2009	M1562 20.07.2009	8,400		
	0002 30.06.2009	L5745 11.09.2009	4,200	4,200	Bayaran Insentif IKS bagi bulan Jun 2009 - Batch 1
	S006 30.11.2009	M2372 04.01.2010	4,200		
	0002 30.06.2009	L5742 11.09.2009	3,600	3,600	Bayaran Insentif IKS bagi bulan Jun 2009 - Batch 2
	S004 30.09.2009	M3103 05.01.2010	3,600		
	034 01.07.2009	L5753 11.09.2009	1,800	1,800	Bayaran Insentif IKS bagi bulan Jun 2009 - Batch 1
	031 01.07.2009	M2466 04.01.2010	1,800		
	036 30.06.2009	L5744 11.09.2009	2,000	2,000	Bayaran Insentif IKS bagi bulan Jun 2009 - Batch 3
	038 31.07.2009	M2424 03.01.2010	2,000		
	035 01.07.2009	L5741 11.09.2009	1,200	1,200	Bayaran Insentif IKS bagi bulan Jun 2009 - Batch 2
	032 01.07.2009	M2425 03.01.2010	1,200		
JUMLAH			**238,000**	**119,000**	

Nota : ***JPK - Jabatan Pembangunan Kemahiran*** ***IKS - Industri Kecil Dan Sederhana***

29.4.3.2. Pembayaran 2 kali ini berlaku disebabkan oleh beberapa perkara seperti berikut:

a. Syarikat mengemukakan 2 tuntutan bagi bulan yang sama di mana sebahagian tuntutan tersebut menggunakan nombor invois dan tarikh yang berbeza.

b. Pejabat Wilayah tidak menjalankan semakan dan pemantauan yang sewajarnya terhadap tuntutan yang dikemukakan oleh syarikat. Ini menyebabkan 2 tuntutan bagi bulan yang sama telah diperakukan oleh pegawai bertanggungjawab sebelum dikemukakan kepada Ibu Pejabat JPK untuk tujuan pembayaran. *Berdasarkan maklum balas JPK, Pejabat Wilayah telah menjalankan semakan dan pemantauan yang sewajarnya, namun berlaku juga pembayaran 2 kali yang disebabkan daftar tidak diselenggarakan bagi merekodkan butiran tuntutan yang diterima daripada syarikat menyebabkan tuntutan pertama tidak dapat dikesan.*

c. Proses pemilihan dan pendaftaran perantis dilakukan oleh syarikat yang menyertai SLDN mengikut proses dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak JPK. Bagaimanapun, JPK tidak menetapkan jadual pendaftaran bagi perantis baru menyebabkan syarikat membuat pengambilan dan pendaftaran perantis pada bila-bila masa sepanjang tahun. Pengambilan perantis yang tidak mengikut masa ini menyebabkan JPK tidak dapat menyelia proses pembayaran elaun perantis dan yuran perkhidmatan latihan dengan berkesan memandangkan bilangan perantis yang diambil terlalu ramai. Perkara ini juga boleh membebankan JPK semasa memproses pembayaran elaun kepada perantis dan syarikat.

Pada pendapat Audit, Pejabat JPK Wilayah patut meningkatkan tahap kawalan dalamannya supaya tuntutan bagi bulan yang sama tidak diperakui lebih daripada sekali. Selain itu, JPK juga perlu memantau pendaftaran perantis baru oleh syarikat supaya kawalan yang lebih berkesan dapat diwujudkan dalam urusan pembayaran yuran dan elaun perantis. JPK perlu menjalankan siasatan dalaman secara menyeluruh di semua Pejabat Wilayah untuk menentukan sama ada berlaku kecuaian dalam proses pembayaran yuran perkhidmatan latihan memandangkan pengauditan yang dibuat hanya berdasarkan kepada sampel.

29.4.4. Kawal Selia Pelaksanaan Program

JPK selaku agensi pelaksana bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengawal selia pelaksanaan program SLDN bagi memastikan program ini berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati JPK telah menyelaras dan menyelia program SLDN sama ada di peringkat Ibu Pejabat atau Pejabat Wilayah, namun didapati penyeliaan yang dijalankan kurang berkesan. Butirannya adalah seperti berikut:

29.4.4.1. Auditan Ketidakakuran Terhadap Pelaksanaan Program SLDN hanya dijalankan pada tahun 2009 bagi melaporkan kepada pihak pengurusan JPK mengenai hasil lawatan Audit tersebut.

29.4.4.2. Ibu Pejabat JPK dan Pejabat Wilayah ada menjalankan lawatan fizikal terhadap syarikat bagi memantau perjalanan latihan, namun lawatan tersebut tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana kekurangan kakitangan.

29.4.4.3. Tiada ketetapan dibuat oleh JPK kepada syarikat/pusat latihan berhubung keperluan mengemukakan laporan pelaksanaan latihan secara berkala. Ini menyebabkan JPK tidak dapat mengenal pasti kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan program dengan lebih awal. *Berdasarkan maklum balas yang diterima, JPK secara amnya bersetuju dengan cadangan Audit supaya keperluan mengemukakan laporan pelaksanaan latihan secara berkala dimasukkan sebagai salah satu terma kontrak mulai tahun 2011.*

Pada pendapat Audit, JPK perlu mengawal selia pelaksanaan program dengan lebih berkesan supaya output dan *outcome* program mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan.

29.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan keberkesanan program SLDN, pihak yang terlibat adalah disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

29.5.1. Program promosi yang berkesan akan dapat meningkatkan minat dan penyertaan golongan sasaran terhadap Program SLDN. Sehubungan ini, JPK perlu memastikan promosi yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya supaya maklumat berkaitan program dapat disalurkan secara meluas.

29.5.2. Kementerian dan JPK perlu memperkasakan pelaksanaan program SLDN dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan penyertaan perantis dalam sektor yang lebih teknikal serta sektor lain yang diberi keutamaan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa

29.5.3. JPK perlu mengatasi masalah yang wujud dalam proses pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia kepada perantis memandangkan perantis memerlukan sijil tersebut untuk memohon pekerjaan. Sehubungan ini, JPK perlu memastikan syarikat yang terlibat dengan program ini memenuhi keperluan dokumentasi, menjalankan latihan secara sistematik serta membuat penilaian latihan mengikut masa dan syarat yang ditetapkan.

29.5.4. Pejabat JPK Wilayah patut meningkatkan tahap kawalan dalamannya supaya tuntutan bagi bulan yang sama tidak diperakui lebih daripada sekali. Selain itu, JPK juga perlu memantau pendaftaran perantis baru oleh syarikat supaya kawalan yang lebih berkesan dapat diwujudkan dalam urusan pembayaran yuran dan elaun perantis. JPK perlu menjalankan siasatan dalaman secara menyeluruh di semua Pejabat Wilayah untuk menentukan sama ada berlaku kecuaian dalam

proses pembayaran yuran perkhidmatan latihan memandangkan pengauditan yang dibuat hanya berdasarkan kepada sampel.

29.5.5. JPK perlu mengawal selia pelaksanaan program dengan lebih berkesan supaya output dan *outcome* program mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan.

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

30. PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
- PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN

30.1. LATAR BELAKANG

30.1.1. Bangunan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur telah dirasmikan pada bulan Disember 1994. PNM telah berkembang dengan pesat dan dengan ruang pejabat/perkhidmatan perpustakaan yang terhad telah menyebabkan PNM menyewa ruang bangunan di 3 lokasi iaitu Menara TH Selborn, Jalan Tun Razak (4,581 meter persegi (mps)); Wisma Sejarah, Jalan Tun Razak (1,325 mps) dan Wisma Able Match, Jalan Chan Sow Lin (862 mps) dengan kos penyewaan berjumlah RM2.34 juta setahun. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), PNM telah merancang untuk membina sebuah bangunan tambahan di tempat letak kereta sedia ada bagi menyelesaikan masalah kekurangan ruang pejabat perpustakaan. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM46 juta di mana RM40 juta adalah untuk kos bangunan termasuk bayaran perunding, manakala baki RM6 juta adalah untuk perkakasan dan hiasan dalaman.

30.1.2. **Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) ialah agensi pelaksana projek ini manakala Pengarah JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKR WPKL) dilantik sebagai Pegawai Penguasa projek.** Pada tahun 2006, empat perunding telah dilantik oleh JKR untuk memberi perkhidmatan kepakaran bagi menguruskan pembinaan bangunan tambahan PNM ini. Senarai perunding dan bidang/skop kerja adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 30.1
SENARAI PERUNDING

PERUNDING	BIDANG/SKOP KERJA
Halim Shahriman & Associates	Sebagai Arkitek Untuk Menyediakan Lukisan Dan Memantau Kerja-kerja Pembinaan Berdasarkan Lukisan Di Dalam Kontrak
DRSA Consulting Sdn. Bhd.	Kerja-kerja Kejuruteraan Awam Dan Struktur
ME Group Consultancy Sdn. Bhd.	Kerja-kerja Berkaitan Kejuruteraan Mekanikal Dan Elektrik*
Q.S. Associates	Kerja-kerja Ukur Bahan

Nota : (*) - Dua Perjanjian Dimeterai, Iaitu Satu Untuk Perkhidmatan Kejuruteraan Mekanikal Dan Satu Untuk Perkhidmatan Kejuruteraan Elektrik

30.1.3. Skop projek ini merangkumi pembinaan sebuah bangunan 16 tingkat seluas 19,468 mps yang mengandungi $5^{1}/_{2}$ tingkat ruang letak kereta dan 10 tingkat ruang pejabat/perkhidmatan perpustakaan. Kaedah pemilihan kontraktor telah dilakukan secara tender terbuka kepada bumiputera di mana Syarikat QSE

Construction Sdn. Bhd. (kontraktor) dilantik untuk menyiapkan projek dalam tempoh 18 bulan dengan nilai kontrak berjumlah RM36.75 juta. Model bangunan asal dan tambahan PNM adalah seperti berikut:

MODEL BANGUNAN



30.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan bangunan tambahan PNM telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif pembinaannya.

30.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan projek di Cawangan Kerja Bangunan Am (Unit Komunikasi dan Khidmat Teknikal) dan Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan di Ibu Pejabat JKR; Pejabat JKR WPKL dan Bahagian Pentadbiran PNM. Di samping itu, lawatan fizikal ke tapak projek dijalankan bagi meninjau kedudukan pelaksanaan projek dan menemu bual pegawai yang terlibat.

30.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 serta lawatan tapak pada bulan Oktober 2010, Februari 2011 dan Julai 2011 mendapati beberapa kelemahan pada peringkat perancangan dan pelaksanaan projek. Antaranya ialah kontraktor tidak menyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan; arahan perubahan kerja diluluskan selepas Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan; projek disahkan siap sedangkan ada kerja-kerja yang belum disempurnakan; bangunan diduduki/beroperasi tanpa Perakuan Menduduki Bangunan (CFO); komponen dan peralatan bilik *stack* perpustakaan tidak dimasukkan dalam spesifikasi kontrak kerana kekurangan peruntukan; kerja pembinaan kurang berkualiti serta terdapat reka bentuk pembinaan yang kurang sesuai dan kontrak lewat ditandatangani. Kelemahan tersebut antaranya berpunca daripada penyeliaan dan pemantauan yang kurang berkesan dan

kelemahan dalam memastikan kontraktor memperbaiki segala kerosakan/kecacatan kerja-kerja pembinaan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan JKR WPKL dan PNM adalah seperti di perenggan berikut:

30.4.1. Prestasi Projek

Mengikut syarat kontrak, tarikh milik tapak projek adalah pada 26 Mac 2008 dan tarikh siap asal projek adalah pada 25 September 2009. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara berikut:

30.4.1.1. Kontraktor tidak dapat menyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan. Berdasarkan Laporan Kemajuan Kerja Bulan September 2009, peratusan pembinaan hanya mencapai tahap 71.5% pada akhir bulan September 2009. Selanjutnya, pihak Audit mendapati Pegawai Penguasa dan Ahli Jawatankuasa Lanjutan Masa di peringkat Ibu Pejabat JKR telah meluluskan 2 lanjutan masa selama 248 hari. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 30.2
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

LANJUTAN MASA	TEMPOH DILIPUTI	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	JUMLAH HARI	SEBAB LANJUTAN MASA
1	26.09.2009 Hingga 05.01.2010	30.12.2008	102	• Kelewatan dalam pemakluman Surat Setuju Terima kepada kontraktor. • Kelewatan kerja-kerja pembersihan tapak bina disebabkan oleh pemeriksaan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ke atas pokok-pokok sedia ada di tapak. • Kerja-kerja pemindahan kekal kabel Tenaga Nasional Berhad (TNB) oleh pihak TNB. • Perubahan kaedah pelaksanaan kerja-kerja pengorekan tetopi cerucuk.
2	06.01.2010 Hingga 31.05.2010	16.10.2009	146	• Perubahan reka bentuk untuk Sistem Penghawa Dingin. • Pertambahan beban elektrik yang memerlukan reka bentuk semula. • Kelewatan disebabkan kemajuan kerja *Nominated Subcontractor* di tapak tidak mengikut Jadual Kerja Kontraktor Utama. • Perubahan reka bentuk pada Sistem *Fire Fighting single layer* kepada *double layer*. • Keperluan *pressurise system*.

30.4.1.2. Antara sebab lanjutan masa kedua dipohon dan diluluskan adalah mengenai keperluan *pressurise system* dan perubahan reka bentuk pada Sistem Pencegahan Kebakaran. Berdasarkan Mesyuarat Pemantauan Untuk Projek-projek Di Bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang diadakan pada 28 Oktober 2009, isu *pressurisation* timbul akibat kesilapan perunding mekanikal yang tidak mengambil kira reka bentuk yang sesuai. Keperluan Jabatan Bomba Dan Penyelamat yang memerlukan *Fire Fighting Double Layer System* bagi ruang siling yang melebihi 0.8 meter tinggi tidak

diambil kira sungguhpun ruang siling setiap tingkat bangunan adalah melebihi 1.2 meter. Adalah didapati pihak JKR telah menamatkan perkhidmatan perunding mekanikal pada 25 Ogos 2009. Bagaimanapun perunding berkenaan masih lagi bertanggungjawab terhadap semua reka bentuk mekanikal dan elektrik kecuali sistem penyaman udara yang diambil alih oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Ibu Pejabat JKR dan diselia oleh Bahagian Mekanikal JKR WPKL.

30.4.1.3. Pegawai Penguasa telah mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dan mengesahkan bahawa keseluruhan kerja telah siap dengan memuaskan pada 31 Mei 2010. Manakala pihak JKR telah menyerah bangunan tambahan PNM secara rasmi kepada pihak PNM pada 21 Jun 2010. **Bagaimanapun lawatan Audit kali kedua ke tapak projek pada 23 Februari 2011 iaitu hampir 9 bulan dari tarikh kerja-kerja disahkan siap sepenuhnya oleh pihak JKR mendapati beberapa kerja/obligasi masih belum dilaksanakan dengan sempurna oleh kontraktor atau *Nominated Subcontractor* (NSC).** *Mengikut ulasan JKR WPKL, Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan berdasarkan perakuan/pengesahan semua perunding bahawa kerja-kerja telah siap*. **Pada pendapat Audit, tindakan perunding mengesahkan semua kerja telah disempurnakan pada 31 Mei 2010 iaitu tarikh terakhir lanjutan masa kedua diluluskan telah memberi ruang supaya kontraktor tidak dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD).** Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. Sistem Pencegah Kebakaran (jenis gas) di Bilik Kebal, Bahagian Manuskrip Melayu, tingkat 11 tidak berfungsi kerana NSC masih belum menyempurnakan kerja-kerja penyambungan yang ditetapkan. *Mengikut ulasan JKR WPKL, penyambungan wayar ke tangki gas tidak dibuat kerana dikhuatiri akan berlaku "gas discharged" secara tidak sengaja semasa proses pemunggahan barang oleh pihak PNM dalam bilik kebal tersebut. Bagaimanapun, NSC telah mengambil tindakan untuk menyambung wayar selepas teguran Audit.* Gambar berikut adalah berkaitan:

GAMBAR 30.1



Bilik Kebal Bahagian Manuskrip Melayu, Tingkat 11 - Tangki Gas Pemadam Api Masih Belum Disambung Ke Sistem Pencegahan Api (23.02.2011)

GAMBAR 30.2



Bilik Kebal Bahagian Manuskrip Melayu, Tingkat 11 - Tangki Gas Pemadam Api Telah Dipasang Ke Sistem Pencegahan Api (Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 13.04.2011)

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 8 APK (No. 14 hingga 21) untuk kerja-kerja bernilai RM1.73 juta dan satu perubahan harga (APK No. 22) bernilai RM383,414 telah diluluskan iaitu antara satu hingga 9 bulan selepas Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan pada 31 Mei 2010. Bagaimanapun, kerja-kerja bagi APK tersebut telah dilaksanakan sebelum ia diluluskan secara rasmi. Butiran lanjut APK yang diluluskan selepas tarikh projek disahkan siap adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 30.3
SENARAI ARAHAN PERUBAHAN KERJA YANG DILULUSKAN SELEPAS TARIKH SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA

APK		BUTIRAN	NILAI (RM)
NO.	TARIKH		
14	01.07.2010	Kerja-kerja Tambahan *Extra Low Voltage*	35,040
15	01.07.2010	Penambahan Pintu Bilik AHU di Tingkat 6 - 11	6,171
16	01.07.2010	Kerja-kerja Tambahan *Interbuilding Data Link* Dan *Fibre Cable* (Dari Bangunan PNM Sedia Ada Ke Bangunan 16 Tingkat PNM Baru)	59,620
17	01.07.2010	Kerja-kerja Tambahan Elektrik Bagi Keperluan Tambahan Telekom Malaysia	12,000
18	01.07.2010	Penambahan *Rubber Fender* Di Rumah Sampah	8,199
19	16.12.2010	Perubahan Kerja-kerja Mekanikal Dan Elektrik Untuk Lif	466,425
20	02.03.2011	Kerja-kerja Tambahan Pemasangan Elektrik Bagi Sistem Penghawa Dingin	719,793
21	02.03.2011	Kerja-kerja Tambahan Untuk Mekanikal Dan Elektrik Untuk Sistem Pencegah Api Di Bilik *Stack*	417,965
JUMLAH			**1,725,213**

JADUAL 30.4
PERUBAHAN HARGA YANG DILULUSKAN SELEPAS TARIKH SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA

APK		BUTIRAN	NILAI (RM)
NO.	TARIKH		
22	02.03.2011	*"Profit And Attendance"* Di Bawah Kerja-kerja Wang Peruntukan Sementara	383,414
JUMLAH			**383,414**

c. *Mengikut ulasan JKR WPKL, APK No. 14 hingga 18 telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Perubahan Kerja peringkat Pengarah JKR WPKL pada 14 Mei 2010. Kesemua permohonan ini telah dibincangkan dan dipersetujui secara prinsip kerana dokumen sokongan yang dikemukakan pada masa itu didapati tidak lengkap untuk kelulusan. Kelulusan secara rasmi dikeluarkan pada 1 Julai 2010. Bagi APK No. 19 hingga 22 pula, pihak Ukur Bahan JKR WPKL telah berusaha sedaya upaya untuk mempercepatkan proses dan permohonan untuk kelulusan telah dikemukakan pada 16 November 2010. Kelewatan permohonan tersebut dihantar adalah kerana pengumpulan semua maklumat lengkap mengenai kerja dan kos dari kesemua pihak perunding yang terlibat iaitu Mekanikal, Elektrikal dan Ukur Bahan. Kelulusan secara rasmi dikeluarkan pada 16 Disember 2010 dan 2 Mac 2011. Ibu Pejabat JKR pula memaklumkan bahawa walaupun kelulusan secara rasmi hanya dikeluarkan pada 1 Julai 2010, 16 Disember 2010 dan 2 Mac 2011,* ***namun kontraktor telah melaksanakan kerja tambahan berdasarkan arahan yang dikeluarkan secara bertulis serta keputusan mesyuarat teknikal.***

30.4.1.4. Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk mengemukakan Pelan Lukisan Siap Bina pada 30 Jun 2010 (dalam tempoh satu bulan selepas Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan). Bagaimanapun, adalah didapati kontraktor hanya mengemukakan Pelan Lukisan Siap Bina kepada pihak JKR yang kemudiannya mengemukakan pelan ini kepada PNM pada 25 Februari 2011. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kelewatan selama 8 bulan untuk mengemukakan Pelan Lukisan Siap Bina disebabkan kelewatan NSC menyediakan Pelan Lukisan Siap Bina bagi kerja-kerja *low voltage* dan *information and communication technologies* (ICT). *Berdasarkan ulasan JKR*, *Pelan Lukisan Siap Bina bagi kerja-kerja "low voltage"* dan "*information and communication technologies" telah diserah kepada PNM pada 6 April 2011.*

30.4.1.5. Sebagai perunding, Arkitek adalah bertanggungjawab untuk memohon Perakuan Menduduki Bangunan (CFO) daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Bagaimanapun, adalah didapati CFO masih belum diperolehi setakat akhir bulan April 2011. Ini bermakna bangunan tambahan PNM telah diduduki dan beroperasi sejak bulan Ogos 2010 tanpa CFO. *Berdasarkan maklum balas, pihak PNM telah berpindah ke bangunan tambahan dengan kadar segera kerana perjanjian penyewaan untuk ruang pejabat di Menara TH Selborn tamat pada 31 Julai 2010 dan pihak PNM tidak berhasrat untuk melanjutkan perjanjian penyewaan tersebut. Manakala pihak JKR WPKL memaklumkan bahawa CFO belum dikeluarkan setakat akhir bulan Julai 2011 atas sebab-sebab berikut:*

a. *Kontraktor sedang mengambil tindakan terhadap komen-komen Jabatan Kejuruteraan Awam DBKL.*
b. *Indah Water Konsortium (IWK) menuntut sejumlah RM760,000 bagi bayaran Wang Sumbangan Kapital dan PNM masih belum menyediakan peruntukan untuk tujuan tersebut.*
c. *Syarikat Bekalan Air Selangor sedang menjalankan pemeriksaan akhir untuk mengeluarkan surat sokongan.*
d. *Jabatan Bomba Dan Penyelamat memohon Cawangan Mekanikal Ibu Pejabat JKR untuk mengemukakan pengiraan bagi Sistem Pencegah Kebakaran.*

Pada pendapat Audit, pihak JKR tidak sepatutnya mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja hanya berdasarkan pengesahan/perakuan perunding bahawa kerja-kerja telah disempurnakan. Bagi perunding yang telah memperakukan kerja yang tidak dilaksanakan sebagai disempurnakan, pihak JKR perlu mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap perunding yang bertanggungjawab. Selain itu, PNM perlu menyediakan peruntukan kewangan yang secukupnya untuk bayaran sumbangan kapital kepada IWK supaya JKR

dapat mempercepatkan proses mendapatkan Perakuan Menduduki Bangunan (CFO) daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi menjaga keselamatan pengguna bangunan.

30.4.1.6. Kos keseluruhan bagi membina bangunan tambahan PNM ialah RM40.89 juta (termasuk APK No. 1 - 22 bernilai RM2.90 juta dan perubahan harga kontrak bernilai RM1.24 juta). Adalah didapati komponen dan peralatan bilik *stack* perpustakaan (untuk menyimpan stok buku perpustakaan) tidak dimasukkan dalam spesifikasi kontrak kerana kekurangan peruntukan. Anggaran kos perolehan dan pemasangan *stack* ialah RM1.50 juta. Bagaimanapun, ruang untuk memasang komponen bilik *stack* setinggi 6 tingkat telah disediakan dalam bangunan ini. Keadaan bilik menyimpan stok buku perpustakaan semasa lawatan Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 30.3



Pandangan Dari Atas
- Ruang Dalam Bangunan Disediakan Untuk Bilik Stack Perpustakaan
(23.02.2011)

GAMBAR 30.4



Bilik Stack Perpustakaan
- Tingkat Bawah Digunakan Untuk Menyimpan Stok Buku Perpustakaan
(23.02.2011)

Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu memohon peruntukan kewangan yang secukupnya daripada Kementerian Kewangan untuk membina *stack* bagi membolehkan Perpustakaan Negara dapat beroperasi sepenuhnya seperti yang dirancang dan tidak berlaku kekurangan ruang.

30.4.2. Pembinaan Tidak Berkualiti/Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai

Lawatan Audit pada 6 Oktober 2010 untuk meninjau prestasi kerja kontraktor mendapati kualiti beberapa kerja yang tidak memuaskan serta reka bentuk yang tidak sesuai. Pada bulan Jun 2011, pihak Audit telah membuat lawatan susulan untuk menentukan sama ada tindakan telah diambil terhadap penemuan Audit pada lawatan kali pertama dan mendapati perkara berikut:

30.4.2.1. Pembinaan Tidak Berkualiti

Kerja-kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati beberapa kerja yang dilaksanakan adalah tidak berkualiti atau tidak kemas dan tidak sempurna. *Mengikut ulasan JKR WPKL, semua masalah kualiti kerja yang*

dibangkitkan adalah disebabkan terlepas pandang oleh perunding. Bagaimanapun selepas teguran Audit, kontraktor/NSC telah mengambil tindakan pembaikan. Jadual berikut menunjukkan kerja-kerja yang tidak berkualiti dan kerja pembaikan yang dilaksanakan oleh kontraktor/NSC:

JADUAL 30.5
KUALITI KERJA YANG TIDAK MEMUASKAN

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
Bumbung Bangunan	Kecerunan Lantai Yang Tidak Sempurna Menyebabkan Air Bertakung Dan Permukaan Lantai Berlumut **(Gambar 30.5)**	Kerja Pembaikan Telah Dilaksanakan Dan Lantai Dibersihkan **(Gambar 30.6)**
	Longkang Tidak Dibina Mengikut Kecerunan Yang Telah Ditetapkan Mengakibatkan Air Bertakung Dan Permukaan Lantai Berlumut **(Gambar 30.7)**	Kerja Pembaikan Telah Dilaksanakan Dan Longkang Dibersihkan **(Gambar 30.8)**
	Penyokong Paip Air Tidak Dibina Dengan Sempurna **(Gambar 30.9)**	Penyokong Paip Air Dibina Semula **(Gambar 30.10)**
	Kebocoran Pada Tangki Air **(Gambar 30.11)**	Kebocoran Telah Dibaiki. **(Gambar 30.12)** *Bagaimanapun, Mengikut JKR WPKL, Getaran Yang Kuat Daripada Pam "Cooling Tower" Yang Berhampiran Akan Menyebabkan Tangki Air Bocor Lagi Kecuali Kerja-kerja Penyenggaraan Dilakukan Dengan Lebih Kerap.*
Bilik Kawalan, Tingkat Bawah	Laluan *Trunking* Melalui Rasuk Tidak Ditampal Balik **(Gambar 30.13)**	Laluan *Trunking* Melalui Rasuk Telah Ditampal Balik **(Gambar 30.14)**

GAMBAR 30.5



Bumbung Bangunan
- Kecerunan Lantai Yang Tidak Sempurna Menyebabkan Air Bertakung Dan Permukaan Lantai Berlumut
(06.10.2010)

GAMBAR 30.6



Bumbung Bangunan
- Kerja Pembaikan Telah Dilaksanakan Dan Lantai Dibersihkan
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 13.04.2011)

GAMBAR 30.7



Bumbung Bangunan
- Longkang Tidak Dibina Mengikut Kecerunan Yang Telah Ditetapkan Mengakibatkan Air Bertakung Dan Permukaan Lantai Berlumut
(06.10.2010)

GAMBAR 30.8




Bumbung Bangunan
- Kerja Pembaikan Telah Dilaksanakan Dan Longkang Dibersihkan
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 13.04.2011)

GAMBAR 30.9



Bumbung Bangunan
- Penyokong Paip Air Tidak Dibina Dengan Sempurna
(06.10.2010)

GAMBAR 30.10



Bumbung Bangunan
- Penyokong Paip Air Telah Dibina Semula
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 13.04.2011)

GAMBAR 30.11



Bumbung Bangunan
- Kebocoran Pada Tangki Air Bocor
(06.10.2010)

GAMBAR 30.12




Bumbung Bangunan
- Kebocoran Telah Dibaiki
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 13.04.2011)

GAMBAR 30.13



Bilik Kawalan, Tingkat Bawah
- Laluan Trunking Melalui Rasuk Tidak Ditampal Balik
(06.10.2010)

GAMBAR 30.14



Bilik Kawalan, Tingkat Bawah
- Laluan Trunking Melalui Rasuk Telah Ditutup
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 13.04.2011)

30.4.2.2. Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai

Lawatan Audit juga mendapati ada spesifikasi kerja dan reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai seperti berikut:

a. Keluasan 6 bilik AHU (Air Handling Units) dari tingkat 6 hingga 11 yang direka bentuk adalah terlalu kecil dan sempit. Laluan di hadapan jentera penghawa dingin dihalang oleh saluran paip manakala laluan di belakang jentera hanya selebar 9 inci. Ini menyebabkan kakitangan penyenggaraan tidak boleh masuk ke ruangan kerja untuk penyenggaraan penghawa dingin.

Bagi mengatasi masalah ini, Arahan Perubahan Kerja dengan kos RM6,171 telah diluluskan untuk membina 6 pintu tambahan ke ruangan kerja tersebut. Walaupun pintu tambahan telah dibina, semakan Audit mendapati ruang kerja untuk penyenggaraan masih terlalu kecil dan menyukarkan kakitangan penyenggaraan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan. *Mengikut ulasan JKR, ruang yang sempit ini merupakan masalah koordinasi di peringkat awalan reka bentuk antara perunding mekanikal dan arkitek menyebabkan tiada ruang untuk penyelenggaraan.* Gambar berikut adalah berkaitan:

GAMBAR 30.15



Bilik AHU, Tingkat 6
- Laluan Di Hadapan Jentera Penghawa Dingin Dihalang Oleh Saluran Paip
(01.07.2011)

GAMBAR 30.16



Bilik AHU, Tingkat 6
- Dengan Pintu Tambahan Yang Dibina, Ruangan Kerja Penyenggaraan Masih Sempit
(01.07.2011)

b. Walaupun sistem penghawa dingin di PNM masih menggunakan sistem berpusat, *switch* bagi sistem tersebut beroperasi secara manual dan perlu dihidupkan/dimatikan di setiap tingkat. **Pada pendapat Audit, reka bentuk bagi sistem penghawa dingin ini adalah tidak praktikal bagi bangunan setinggi 16 tingkat**. *Mengikut ulasan JKR WPKL, sistem automasi bangunan (yang tidak memerlukan "switch" dihidupkan/dimatikan di setiap tingkat) telah dimasukkan dalam skop projek ini semasa di peringkat perancangan tetapi dikeluarkan kerana peruntukan PNM tidak mencukupi bagi menampung kos sistem automasi.*

c. Lokasi pemasangan paip air untuk Sistem Pencegah Kebakaran dari tingkat 15 ke bumbung bangunan juga tidak sesuai. **Gambar 30.17** menunjukkan keadaan paip air yang dipasang menembusi lantai dan tangga di tingkat 15.



GAMBAR 30.17

- Lokasi Paip Air Ke Tangki Air Di Bumbung Tidak Sesuai (23.02.2011)

Mengikut ulasan JKR WPKL, lokasi paip air ini tidak mengganggu laluan awam dan tangga pula hanya digunakan oleh kakitangan penyenggaraan bangunan sahaja. Laluan ini adalah merupakan kaedah yang paling sesuai, selamat dan menjimatkan bagi paip air untuk Sistem Pencegah Kebakaran.

Pada pendapat Audit, alasan perunding terlepas pandang apabila berlakunya kerja-kerja yang tidak berkualiti adalah tidak munasabah. Sehubungan itu, JKR WPKL sepatutnya menjalankan pemeriksaan fizikal secara terperinci sebelum mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja supaya segala kecacatan dan kerosakan dapat dikenal pasti dan diperbaiki dengan segera sebelum tamatnya Tempoh Tanggungan Kecacatan pada 31 Mei 2011. Masalah reka bentuk yang tidak/kurang sesuai boleh diminimumkan jika *design audit* dijalankan oleh JKR sebelum proses tender dimulakan serta pandangan Jabatan Pelanggan (PNM) diperolehi.

30.4.3. Pelantikan Kontraktor

30.4.3.1. Pada bulan September 2007, JKR telah mengadakan pelawaan tender terbuka bagi bumiputera dengan anggaran kos projek berjumlah RM38.04 juta dan sebanyak 15 penender telah mengemukakan tawaran tender antara RM32.02 juta hingga RM46.90 juta. Jawatankuasa Perakuan Tender JKR telah membuat penilaian terhadap 15 penender yang mengemukakan tawaran. Selain mengambil kira harga kontrak berbanding dengan anggaran kos projek, elemen-elemen lain seperti tempoh siap, kedudukan kewangan, tanggungan semasa, keperluan dokumen dan pengalaman kontraktor juga dipertimbangkan oleh jawatankuasa tersebut.

30.4.3.2. Lembaga Perolehan A JKR yang bersidang pada 2 Januari 2008 telah memutuskan untuk menerima tawaran daripada QSE Construction Sdn. Bhd. dengan harga RM36.75 juta kerana tawarannya adalah yang kedua terendah selepas penender yang menawarkan harga paling rendah ditolak (kerana harga tawarannya melebihi 20% lebih rendah daripada harga *mean* kerja iaitu RM36.02 juta).

30.4.3.3. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, penilaian tender hendaklah dilakukan dengan segera di mana tempoh sah laku tender adalah 90 hari selepas tarikh tender ditutup. Sekiranya pelanjutan

tempoh sah laku tender diperlukan, kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi hendaklah diperolehi. Sehubungan itu, Surat Setuju Terima (SST) hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Lembaga Perolehan diperolehi dan dalam tempoh sah laku tender. Selain itu, perjanjian kontrak hendaklah ditandatangani selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya dalam tempoh 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Tarikh tutup tender adalah pada 1 Oktober 2007 dan tempoh sah laku tender tamat pada 1 Januari 2008 iaitu 92 hari selepas tarikh tutup tender. Keputusan Lembaga Perolehan A JKR yang bersidang pada 2 Januari 2008 adalah berdasarkan persetujuan kontraktor melanjutkan tempoh sah laku tender sehingga 1 April 2008 melalui surat yang tidak bertarikh.

b. SST hanya dikeluarkan pada 14 Mac 2008 iaitu 2 bulan 12 hari selepas keputusan Lembaga Perolehan A JKR. Kelewatan ini telah mengakibatkan pihak JKR meluluskan permohonan kontraktor untuk lanjutan masa sebanyak 12 hari.

c. SST ditandatangani/setuju terima oleh QSE Construction Sdn. Bhd. pada 26 Mac 2008 dan kontrak dimeterai pada 13 Ogos 2008 iaitu lewat selama 30 hari selepas tempoh 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, proses pelantikan kontraktor adalah tidak cekap memandangkan berlakunya kelewatan untuk memutuskan tawaran, mengeluarkan SST serta menandatangani kontrak.

30.4.3.4. *Berikut adalah ulasan daripada pihak Unit Komunikasi Dan Khidmat Teknikal (Ukur Bahan), JKR iaitu unit yang bertanggungjawab berhubung isu yang dibangkitkan:*

a. *Surat kelulusan daripada Lembaga Perolehan JKR bertarikh 3 Januari 2008 telah dikeluarkan kepada kontraktor untuk melanjutkan Tempoh Sah Laku Tender sehingga 1 April 2008.*

b. *Kelewatan menandatangani kontrak adalah disebabkan kelewatan perunding ukur bahan mengemukakan Dokumen Kontrak kepada Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan. Dokumen kontrak ini hanya dikemukakan pada 1 Ogos 2008 untuk tandatangan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya.*

30.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

30.5.1. JKR perlu meningkatkan penyeliaan dan pemantauan bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan serta memastikan segala kerja berkaitan telah disempurnakan sebelum mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja.

30.5.2. PNM perlu menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk bayaran Wang Sumbangan Kapital kepada IWK supaya JKR dapat mempercepatkan proses mendapatkan Perakuan Menduduki Bangunan bagi menjamin keselamatan pengguna bangunan.

30.5.3. JKR perlu mengambil tindakan terhadap perunding yang terbukti memperakukan kerja yang tidak dilaksanakan sebagai telah disempurnakan.

30.5.4. PNM perlu menyelenggarakan rekod berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh kontraktor terhadap semua laporan/aduan kerosakan/kecacatan supaya prestasi kontraktor dapat dinilai dari segi kecekapan dalam mengambil tindakan pembaikan. Sehubungan ini, JKR perlu menjalankan pemeriksaan fizikal dengan kadar segera dan memastikan kontraktor memperbaiki segala kerosakan/kecacatan yang ditemui sebelum tamatnya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

30.5.5. Bagi projek yang direka bentuk oleh perunding, adalah mustahak bagi *Design Team* di JKR untuk menjalankan *design audit* sebelum proses tender dimulakan serta memperolehi pandangan Jabatan Pelanggan sebelum meluluskan perubahan spesifikasi kerja. Ini adalah bertujuan untuk meminimumkan masalah reka bentuk yang tidak/kurang sesuai.

30.5.6. Bagi memastikan bangunan tambahan PNM dapat berfungsi sepenuhnya, Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan perlu mengemukakan semula permohonan peruntukan kepada Kementerian Kewangan untuk menyediakan komponen kemudahan bilik *stack* dalam bangunan ini.

30.5.7. JKR perlu meningkatkan kecekapan dalam urusan pelantikan kontraktor dengan memastikan Surat Setuju Terima dikeluarkan dengan segera serta menandatangani kontrak dalam tempoh yang ditetapkan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

31. JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

- **PROGRAM PEMBANGUNAN WANITA DI BAWAH TERAS PENGUPAYAAN SOSIO-EKONOMI WANITA**

31.1. LATAR BELAKANG

31.1.1. Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (Kementerian) yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program dan aktiviti berkaitan dengan wanita. Antara peranan JPW ialah meningkatkan keupayaan wanita untuk lebih menyumbang kepada pembangunan negara; meningkatkan kesedaran wanita mengenai kesaksamaan gender dan hak mereka serta menyediakan latihan dan peluang kepada wanita untuk menjana pendapatan.

31.1.2. Bagi memastikan JPW melaksanakan peranannya dengan berkesan, 4 teras utama telah ditetapkan iaitu Pengupayaan Sosio-ekonomi Wanita; Pembangunan Kapasiti Wanita; Hak Wanita Dan Kepekaan Gender serta Peningkatan Kualiti Hidup Wanita. Di bawah Teras Pengupayaan Sosio-ekonomi Wanita, sebanyak 5 program telah diperkenalkan di mana 3 daripadanya iaitu Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT); Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KEUNITA) dan Pengurus Kediaman adalah secara khusus untuk membantu golongan wanita yang berpendapatan rendah. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, JPW telah diluluskan peruntukan berjumlah RM21.53 juta bagi melaksanakan program di bawah teras ini dan setakat bulan Disember 2010, sejumlah RM17.14 juta (79.6%) telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 31.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
BAGI PROGRAM DI BAWAH TERAS PENGUPAYAAN SOSIO-EKONOMI WANITA

PROGRAM	2008		2009		2010		JUMLAH	
	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
I-KIT	1.50	1.26	1.60	1.42	3.00	2.91	6.10	5.59
I-KEUNITA	Tidak Berkaitan*				3.00	2.72	3.00	2.72
Pengurus Kediaman	0.16	0.03	5.10	2.00	0.72	0.62	5.98	2.65

PROGRAM	2008		2009		2010		JUMLAH	
	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
Jejari Bestari	1.96	1.74	2.22	2.21	2.00	1.96	6.18	5.91
Inspirasi Kreatif	0.06	0.06	0.21	0.21	Tidak Berkaitan**		0.27	0.27
JUMLAH	**3.68**	**3.09**	**9.13**	**5.84**	**8.72**	**8.21**	**21.53**	**17.14**

Nota :
(*) - Program Dilaksanakan Mulai Tahun 2010
(**) - Program Diberhentikan Mulai Tahun 2010

31.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada program khusus untuk membantu golongan wanita yang berpendapatan rendah yang dilaksanakan di bawah Teras Pengupayaan Sosio-ekonomi Wanita telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

31.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod yang berkaitan dengan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT); Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KEUNITA) dan Pengurus Kediaman di bawah Teras Pengupayaan Sosio-ekonomi Wanita bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 di Jabatan Pembangunan Wanita serta 4 cawangannya iaitu Johor, Perak, Selangor dan Terengganu. Temu bual telah diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab bagi membincangkan isu yang berbangkit. Selain itu, borang soal selidik telah diedarkan kepada 223 peserta di 4 negeri yang dilawati untuk mendapatkan maklum balas terhadap pelaksanaan program.

31.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2010 hingga bulan Februari 2011 mendapati prestasi pencapaian program secara keseluruhannya belum dapat mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan iaitu memastikan penglibatan peserta dalam bidang keusahawanan/pengurus kediaman serta mencapai pendapatan melebihi RM1,000 sebulan. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan berhubung pengurusan program ini yang perlu diatasi dengan segera oleh Kementerian dan JPW bagi memastikan pelaksanaannya di masa hadapan lebih teratur. Kelemahan yang diperhatikan antaranya meliputi aspek pemilihan peserta dan pemantauan yang kurang berkesan. Bagaimanapun, JPW telah mengambil tindakan pembetulan/ penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut berhubung kelemahan yang ditemui serta ulasan JPW adalah seperti di perenggan berikut:

31.4.1. Prestasi Pencapaian Program

31.4.1.1. Kajian yang dilakukan oleh JPW pada tahun 2004 mendapati kebanyakan wanita terutamanya ibu tunggal menghadapi masalah kewangan akibat kekurangan kemahiran serta peluang pekerjaan yang terhad disebabkan faktor usia, tempat tinggal serta keperluan untuk menjaga anak dan keluarga. Adalah didapati 54.7% daripada 25,513 responden ibu tunggal yang ditemui menyatakan bahawa masalah utama yang membelenggu mereka adalah kewangan di mana 76.5% responden hanya memperolehi pendapatan kurang daripada RM500 sebulan. Selain itu, kemiskinan juga memberikan impak negatif dari sudut sosial di mana wanita yang tidak berkeupayaan untuk berdikari dari segi ekonomi cenderung menjadi mangsa diskriminasi dan keganasan rumah tangga. Lanjutan daripada permasalahan yang dihadapi oleh golongan wanita, JPW telah melaksanakan program I-KIT, I-KEUNITA dan Pengurus Kediaman bagi memberikan latihan kemahiran secara intensif serta bimbingan keusahawanan kepada wanita termasuk ibu tunggal bagi membolehkan mereka menjana pendapatan. Butiran lanjut program adalah seperti berikut:

a. Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT)

Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2007 dan khusus untuk golongan ibu tunggal. Peserta program diberikan latihan kemahiran secara intensif dalam pelbagai bidang seperti jahitan, kecantikan, kraf tangan, asuhan kanak-kanak, urutan dan pemprosesan makanan. Setelah tamat latihan kemahiran intensif, peserta diberikan bimbingan keusahawanan dengan kerjasama agensi berkaitan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), TEKUN dan SMECorp. Pelaksanaan program menggunakan konsep inkubator atau latih dan bimbing (hold my hand) di mana peserta diberikan penyeliaan yang rapi sebelum memulakan usaha niaga mereka sendiri. Contoh barangan yang dijual dan perniagaan yang diceburi oleh peserta I-KIT adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 31.1



GAMBAR 31.2



Kota Damansara, Selangor
- Kraf Tangan Rotan Yang Dijual Oleh Peserta I-KIT
(17.12.2010)

GAMBAR 31.3



Taska Permata Al-Zaiti Di Port Klang, Selangor
- Taska Yang Dibuka Oleh Peserta I-KIT Setelah Menyertai Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak
(17.12.2010)

GAMBAR 31.4



Hotel Grand Blue Wave Shah Alam
- Barangan Spa Yang Dijual Peserta Setelah Mengikuti Kursus Terapi Kesihatan Alternatif Dan Kecantikan
(16.12.2010)

b. Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KEUNITA)

Berasaskan kepada kejayaan program I-KIT, JPW telah memperluaskan skop program kepada wanita berpendapatan rendah bagi membantu mereka menjana pendapatan. Sehubungan itu, JPW telah memperkenalkan program I-KEUNITA mulai tahun 2010. Objektif dan kaedah pelaksanaan program ini adalah sama seperti program I-KIT, namun disasarkan kepada wanita secara keseluruhannya termasuk wanita bujang, wanita berkahwin dan ibu tunggal yang memenuhi syarat ditetapkan. Contoh barangan yang dijual dan perniagaan yang diceburi oleh peserta program I-KEUNITA adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 31.5



Hotel Grand Blue Wave Shah Alam
- Kek Yang Dijual Oleh Peserta I-KEUNITA
(16.12.2010)

GAMBAR 31.6



Hotel Grand Blue Wave Shah Alam
- Biskut Yang Dijual Oleh Peserta I-KEUNITA
(16.12.2010)



GAMBAR 31.7

Chemor, Perak
- Peserta I-KEUNITA Yang Mengusahakan Perkhidmatan Urutan Tradisional Dan Refleksologi
(25.11.2010)

c. Program Pengurus Kediaman

Program ini melatih golongan wanita berpendapatan rendah kemahiran mengurus kediaman seperti mengasuh kanak-kanak, menjaga warga emas

dan orang kurang upaya serta mengemas dan membuat kerja-kerja rumah. Kursus asas pengurusan kediaman ini dijalankan oleh perunding selama 14 hari menggunakan modul latihan yang disediakan oleh JPW. Objektif program adalah untuk melatih warga tempatan menjadi pengurus kediaman yang cekap dan profesional serta menjana pendapatan wanita yang berpendapatan rendah dalam sektor perkhidmatan.

31.4.1.2. Semakan Audit mendapati walaupun JPW telah merancang pelaksanaan program dengan sewajarnya, namun objektif dan sasaran yang ditetapkan masih tidak dapat dicapai sepenuhnya. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. Pencapaian Bilangan Latihan Dan Peserta

Berdasarkan data yang dikemukakan oleh JPW, sebanyak 206 latihan kemahiran bagi 3 program tersebut telah dirancang bagi tahun 2008 hingga 2010 melibatkan 3,899 peserta di seluruh negara. Secara keseluruhannya, 162 (78.6%) latihan kemahiran yang melibatkan 4,071 (104.4%) peserta telah berjaya dilaksanakan setakat bulan Disember 2010. Pencapaian bilangan latihan kemahiran dan penyertaan peserta bagi 3 program ini adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 31.2
PENCAPAIAN PROGRAM BERBANDING SASARAN

TAHUN	PROGRAM	BILANGAN LATIHAN			BILANGAN PESERTA		
		SASARAN	PENCAPAIAN	(%)	SASARAN	PENCAPAIAN	(%)
2008	I-KIT	15	12	80	450	322	71.6
	I-KEUNITA	TB			TB		
	Pengurus Kediaman	1	1	100	11	11	100
2009	I-KIT	15	21	140	450	418	92.9
	I-KEUNITA	TB			TB		
	Pengurus Kediaman	100	22	22	798	798	100
2010	I-KIT	30	40	133.3	900	960	106.7
	I-KEUNITA	30	53	176.7	900	1,172	130.2
	Pengurus Kediaman	15	13	86.7	390	390	100
JUMLAH		**206**	**162**	**78.6**	**3,899**	**4,071**	**104.4**

Nota: TB – Program I-KEUNITA Dilaksanakan Mulai Tahun 2010

b. Penyertaan Peserta Dalam Bidang Keusahawanan/Pengurusan Kediaman

Mengikut kertas cadangan program, peserta untuk program I-KIT dan I-KEUNITA yang telah mendapat kemahiran akan diberi bimbingan keusahawanan bagi meningkatkan potensi mereka untuk berdikari secara ekonomi. Panduan Pelaksanaan Program juga telah menyasarkan kesemua peserta I-KIT dan I-KEUNITA menceburi bidang keusahawanan setelah menamatkan latihan kemahiran dan bimbingan keusahawanan. Pihak Audit telah menemu bual dan mengedarkan borang soal selidik kepada 198

peserta yang menyertai 2 program ini di 4 negeri iaitu Johor, Perak, Selangor dan Terengganu. Berikut adalah maklum balas responden:

i. Seramai 147 (74.2%) peserta telah menceburi bidang keusahawanan sama ada dalam bidang yang berkaitan dengan latihan kemahiran yang diterimanya atau dalam bidang lain yang berbeza daripada latihan yang diikutinya.

ii. Seramai 51 (25.8%) peserta tidak menceburi bidang keusahawanan kerana:

- Seramai 37 peserta bekerja dengan majikan atau telah mempunyai sumber pendapatan sama ada melalui gaji bulanan (bekerja dengan majikan atau bekerja kilang); upah mengasuh kanak-kanak, menoreh getah, pendapatan daripada perniagaan jualan langsung atau berniaga kecil-kecilan.
- Seramai 14 peserta yang lain tidak melakukan sebarang pekerjaan selepas menamatkan latihan kemahiran.

iii. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 31.3
STATUS PESERTA SELEPAS MENAMATKAN LATIHAN I-KIT DAN I-KEUNITA

NEGERI	BORANG SOAL SELIDIK YANG DIEDARKAN	KEPUTUSAN SOAL SELIDIK				
		MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN		TIDAK MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN		
		BIDANG KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI	BIDANG LAIN (BERBEZA DARIPADA KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI)	BEKERJA DENGAN MAJIKAN	TELAH MEMPUNYAI SUMBER PENDAPATAN	TIDAK MELAKUKAN SEBARANG PEKERJAAN
Johor	36	25	3	5	2	1
Perak	69	43	5	9	9	3
Selangor	54	33	9	4	1	7
Terengganu	39	23	6	6	1	3
JUMLAH	**198**	**124**	**23**	**24**	**13**	**14**

iv. Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Asas Pengurusan Kediaman, perunding yang dilantik bagi menjalankan program ini digalakkan membuat penempatan pekerjaan bagi peserta-peserta yang telah dilatih. Bagi mengukur pencapaian peserta yang telah mengikuti program ini, pihak Audit telah menemu bual dan mengedarkan borang soal selidik kepada 25 peserta di Terengganu. Daripada maklum balas responden, pihak Audit mendapati kesemua mereka yang telah menamatkan latihan masih belum mendapat pekerjaan sebagai Pengurus Kediaman dengan mana-mana majikan. Seramai 13 responden memaklumkan bahawa mereka telah menceburi bidang keusahawanan dalam bidang lain.

v. *Berdasarkan maklum balas JPW, antara sebab peserta tidak menceburi bidang keusahawanan walaupun telah mempunyai kemahiran yang diperlukan ialah ketiadaan modal permulaan; kesukaran mendapat pembiayaan daripada bank atau agensi lain seperti TEKUN, MARA dan SME Bank kerana peserta kekurangan pengalaman; ketiadaan premis perniagaan yang mampu disewa serta kekurangan keyakinan dan jaringan perhubungan untuk menjadi usahawan.*

c. Pencapaian Bilangan Usahawan Wanita

i. Sasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara yang keempat adalah untuk melahirkan seramai 4,000 usahawan wanita menjelang tahun 2012 sebagai inisiatif untuk membantu masyarakat berpendapatan rendah. Mengikut Laporan Tahunan Pencapaian NKRA, sasaran Kementerian untuk melahirkan 2,000 usahawan wanita yang memperolehi pendapatan melebihi RM3,500 sebulan pada tahun 2010 telah dicapai sepenuhnya dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

ii. Di peringkat JPW, program I-KEUNITA telah diperkenalkan pada tahun 2010 sebagai sokongan kepada pelaksanaan NKRA di mana di bawah program ini, golongan wanita yang memenuhi syarat diberi latihan asas dalam bidang kemahiran tertentu sebelum mereka menceburi bidang keusahawanan. JPW telah menetapkan sasaran untuk melahirkan sekurang-kurangnya 450 usahawan wanita pada tahun 2010. Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Program JPW Tahun 2010 yang diadakan pada bulan April 2010, peserta yang telah menceburi bidang keusahawanan ini layak ditakrifkan sebagai usahawan JPW apabila mencapai pendapatan sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan. Berdasarkan takrifan tersebut, pihak Audit mendapati bagi tahun 2010 iaitu tahun pertama pelaksanaan program, sasaran JPW untuk melahirkan 450 usahawan wanita melalui program I-KEUNITA masih belum dapat dicapai sungguhpun seramai 789 wanita telah menamatkan latihan di bawah program ini. Sehingga 31 Disember 2010, status pendapatan hanya dapat ditentukan bagi 647 peserta manakala pendapatan bagi 142 peserta tidak dapat ditentukan kerana peserta telah berpindah/tidak dapat dihubungi. Semakan selanjutnya mendapati hanya 102 (15.8%) peserta telah memperolehi pendapatan melebihi RM1,000 sebulan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 31.4
PENDAPATAN PESERTA SELEPAS MENYERTAI PROGRAM I-KEUNITA

TAHUN	NEGERI	BILANGAN PESERTA	PENDAPATAN PESERTA SELEPAS LATIHAN KEMAHIRAN		TIADA MAKLUMAT PENDAPATAN PESERTA
			BIL. PESERTA YANG BERPENDAPATAN KURANG RM1,000	BIL. PESERTA YANG BERPENDAPATAN MELEBIHI RM1,000	
2010	Johor	120	58	32	30
	Kedah	90	82	7	1
	Kelantan	89	56	12	21
	Labuan	27	7	4	16
	Melaka	30	25	5	-
	Negeri Sembilan	85	66	8	11
	Pahang	30	29	1	-
	Perak	123	77	19	27
	Perlis	25	13	-	12
	Pulau Pinang	110	95	7	8
	Selangor	30	27	3	-
	Terengganu	30	10	4	16
JUMLAH		**789**	**545**	**102**	**142**

iii. Bagi program I-KIT, tiada sasaran khusus ditetapkan bagi tahun 2008 dan 2009. Bagaimanapun pada tahun 2010, JPW telah menetapkan sasaran untuk melahirkan sekurang-kurangnya 450 usahawan wanita. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, daripada 1,278 peserta yang menyertai program ini, status pendapatan hanya dapat ditentukan bagi 1,120 peserta. Analisis lanjut mendapati peserta yang berjaya memperolehi pendapatan melebihi RM1,000 sebulan pada tahun 2008, 2009 dan 2010 masing-masingnya adalah seramai 72 (6.4%) orang, 46 (4.1%) orang dan 97 (8.7%) orang. Berdasarkan analisis ini, sasaran JPW untuk melahirkan 450 usahawan wanita melalui program I-KIT pada tahun 2010 juga masih belum dapat dicapai. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 31.5
PENDAPATAN PESERTA SELEPAS MENYERTAI PROGRAM I-KIT

TAHUN	NEGERI	BILANGAN PESERTA	PENDAPATAN PESERTA SELEPAS LATIHAN KEMAHIRAN		TIADA MAKLUMAT PENDAPATAN PESERTA
			BIL. PESERTA YANG BERPENDAPATAN KURANG RM1,000	BIL. PESERTA YANG BERPENDAPATAN MELEBIHI RM1,000	
2008	Johor	28	8	4	16
	Kedah	30	22	8	-
	Kelantan	30	26	4	-
	Melaka	30	24	6	-
	Negeri Sembilan	29	13	9	7
	Pahang	30	17	8	5
	Perak	23	9	14	-
	Perlis	Program Dibatalkan			
	Pulau Pinang	30	14	8	8
	Selangor	30	20	10	-
	Terengganu	30	9	1	20

TAHUN	NEGERI	BILANGAN PESERTA	PENDAPATAN PESERTA SELEPAS LATIHAN KEMAHIRAN		TIADA MAKLUMAT PENDAPATAN PESERTA
			BIL. PESERTA YANG BERPENDAPATAN KURANG RM1,000	BIL. PESERTA YANG BERPENDAPATAN MELEBIHI RM1,000	
2009	Johor	32	9	6	17
	Kedah	30	29	1	-
	Kelantan	29	29	-	-
	Melaka	24	17	3	4
	Negeri Sembilan	18	14	3	1
	Pahang	28	19	9	-
	Perak	31	26	5	-
	Perlis	22	17	2	3
	Pulau Pinang	28	18	4	6
	Selangor	26	16	10	-
	Terengganu	30	17	3	10
2010	Johor	66	25	5	36
	Kedah	87	84	3	-
	Kelantan	89	69	20	-
	Melaka	60	53	1	6
	Negeri Sembilan	86	68	16	2
	Pahang	30	25	5	-
	Perak	90	79	11	-
	Perlis	14	13	-	1
	Pulau Pinang	49	28	10	11
	Selangor	89	66	23	-
	Terengganu	30	22	3	5
JUMLAH		**1,278**	**905**	**215**	**158**

iv. *Berdasarkan maklum balas JPW, antara faktor pencapaian pendapatan peserta yang kurang memuaskan adalah seperti berikut:*

- *Peserta yang dilatih terdiri daripada golongan miskin dan miskin tegar yang mempunyai pendapatan sangat rendah atau tidak mempunyai pendapatan langsung sebelum ini. Oleh itu, mereka mengambil masa yang lama untuk meningkatkan pendapatan kepada RM1,000 sebulan dan memerlukan bimbingan yang berterusan selepas tamat latihan.*
- *Terdapat peserta yang enggan melaporkan pendapatan sebenar yang diperolehi kerana khuatir bantuan kebajikan yang diterima daripada pelbagai agensi ditarik balik sekiranya mendapati mereka telah keluar daripada garis kemiskinan.*
- *Sebilangan peserta lebih berminat untuk mengikuti program untuk mendapatkan elaun berbanding minat untuk menambah pendapatan daripada kemahiran yang diperolehi.*

- *JPW telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan menjalankan Kajian Penilaian Outcome Program I-KIT dan I-KEUNITA dari tahun 2008 hingga 2010.*

Pada pendapat Audit, sungguhpun JPW telah mengambil tindakan penambahbaikan yang bersesuaian, namun kajian yang lebih mendalam terhadap pelaksanaan program ini perlu dijalankan bagi memastikan kejayaannya memandangkan usaha untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan wanita merupakan antara agenda penting negara pada masa kini.

31.4.2. Pemilihan Peserta

31.4.2.1. Pemilihan peserta untuk Program I-KIT dan I-KEUNITA dijalankan oleh Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) mengikut kriteria pemilihan yang telah ditetapkan dalam panduan pelaksanaan. Antara kriteria utama yang ditetapkan ialah:

a. Peserta hendaklah dipilih dari kalangan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau golongan miskin yang disenaraikan dalam Sistem Pendaftaran e-Kasih. Tujuannya ialah untuk memastikan peserta adalah terdiri daripada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan Kerajaan.
b. PPWN mengadakan taklimat khas mengenai program ini kepada bakal peserta serta menjalankan ujian psiko metrik untuk mengenal pasti peserta yang benar-benar berminat dan berpotensi untuk menjadi usahawan.
c. Pemilihan dibuat berdasarkan kepada pendapatan, bilangan tanggungan, minat dan kesungguhan.

31.4.2.2. Semakan Audit mendapati kriteria yang ditetapkan tidak dipatuhi sepenuhnya semasa pemilihan peserta dilakukan. Butirannya adalah seperi berikut:

a. Seramai 388 daripada 532 peserta di 4 negeri yang dilawati bukan merupakan penerima bantuan JKM atau golongan miskin yang disenaraikan dalam sistem e-Kasih. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 31.6**. *Mengikut maklum balas JPW, ini berpunca daripada kesukaran pihaknya untuk mendapatkan peserta dari kalangan penerima bantuan JKM atau e-Kasih yang berminat untuk menyertai program ini. Oleh itu, PPWN telah membuka penyertaan dari kalangan wanita/ibu tunggal berpendapatan rendah dan mereka yang mempunyai ramai tanggungan.*

JADUAL 31.6
STATUS PESERTA YANG DIPILIH MENGIKUTI LATIHAN KEMAHIRAN

NEGERI	MEMENUHI KRITERIA		TIDAK MEMENUHI KRITERIA		
	PESERTA DARI SENARAI e-KASIH	PESERTA PENERIMA BANTUAN JKM	PESERTA PENERIMA BANTUAN KPM	PESERTA PENERIMA BANTUAN KPKT	PESERTA TIADA REKOD PENERIMAAN BANTUAN/TIADA DALAM SENARAI e-KASIH
Johor	41	7	6	4	96
Perak	34	17	1	-	99
Selangor	15	1	26	5	120
Terengganu	25	4	4	-	27
JUMLAH	**115**	**29**	**37**	**9**	**342**
JUMLAH BESAR	**144**		**388**		

b. Ujian psiko metrik ialah untuk mengenal pasti peserta yang benar-benar berminat dan berpotensi untuk menjadi usahawan serta bagi mengetahui minat peserta di dalam sesuatu bidang. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan ujian ini dilaksanakan oleh PPWN Selangor, Perak dan Terengganu. Ini kerana ruangan bagi memastikan peserta telah menjalani ujian psiko metrik tidak ditunjukkan dalam borang permohonan atau borang khas yang lain. Hanya PPWN Johor didapati telah menjalankan ujian psiko metrik ini di mana borang khas telah disediakan yang mengandungi soalan mengenai minat dan kesungguhan peserta semasa pemilihan dijalankan. *Berdasarkan maklum balas JPW, tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan mulai bulan Jun 2011 bagi memastikan semua PPWN menjalankan ujian ini ke atas peserta sebelum dipilih mengikuti kursus yang dianjurkan oleh JPW. Set lengkap ujian psiko metrik telah disediakan untuk diguna pakai oleh semua PPWN.*

Pada pendapat Audit, JPW perlu memastikan PPWN mematuhi kriteria pemilihan peserta yang ditetapkan supaya hanya golongan yang benar-benar layak dan berminat diberi peluang mengikuti program ini. Sekiranya wujud kekangan untuk memenuhi kriteria yang ditetapkan, pindaan yang sewajarnya perlu dilakukan terhadap garis panduan program ini.

31.4.3. Pengurusan Geran Teman 1 AZAM

31.4.3.1. Pada peringkat awal pelaksanaan program di bawah Teras Pengupayaan Sosio-ekonomi Wanita, JPW hanya menyediakan peluang latihan dan kemahiran kepada golongan sasaran bagi membolehkan mereka menjana pendapatan untuk keluarga. JPW tidak menyediakan modal pendahuluan kepada peserta yang telah menamatkan latihan menyebabkan mereka tidak dapat meneruskan hasrat untuk menjalankan perniagaan. Di samping itu, peserta juga menyatakan kesukaran untuk mendapatkan pinjaman/bantuan

daripada Agensi Kerajaan yang lain atau pihak bank kerana tidak mempunyai kemahiran menyediakan kertas kerja untuk memohon pinjaman. Bagaimanapun, masalah ketiadaan modal ini telah dapat diatasi pada tahun 2010 kerana JPW telah diluluskan peruntukan berjumlah RM2 juta di bawah Program Teman 1 Azam untuk memberi bantuan modal pendahuluan sehingga RM5,000 kepada setiap peserta yang berminat memulakan perniagaan.

31.4.3.2. Peserta yang ingin mendapatkan geran tersebut dikehendaki menyediakan kertas cadangan dan mengisi borang permohonan untuk pertimbangan Jawatankuasa Penyelarasan Geran Teman 1 Azam yang dilantik oleh Ketua Pengarah JPW. Setiap peserta yang layak akan diberikan geran antara RM1,000 hingga RM5,000. Mengikut Garis Panduan Geran Teman 1 Azam, cek akan hanya dikeluarkan kepada peserta setelah surat perjanjian disempurnakan oleh peserta iaitu ditandatangani, dimatikan setem dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat JPW.

31.4.3.3. Semakan Audit mendapati setakat bulan Disember 2010, JPW telah meluluskan permohonan geran berjumlah RM354,332 kepada 74 peserta. Semakan Audit selanjutnya mendapati JPW telah mengeluarkan cek berjumlah RM234,332 kepada 47 peserta di Perak dan Terengganu sebelum perjanjian yang lengkap dikembalikan kepada Ibu Pejabat. Perkara ini terjadi kerana JPW hanya meluluskan permohonan geran tersebut pada 30 November 2010 walaupun waran peruntukan daripada Kementerian Kewangan telah diperolehi pada bulan Mac 2010. Ini menyebabkan dokumen perjanjian lewat dikemukakan kepada peserta untuk disempurnakan serta lewat dikembalikan oleh peserta kepada Ibu Pejabat JPW. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 31.7
CEK GERAN 1 AZAM DIKELUARKAN KEPADA PESERTA SEBELUM PERJANJIAN DISEMPURNAKAN

PPWN	TARIKH BAUCAR	BIL. BAUCAR	AMAUN (RM)	TARIKH PERJANJIAN DISEMPURNAKAN
Perak	15.12.2010	9	44,992	22.12.2010
	20.12.2010	9	44,900	22.12.2010
Terengganu	20.12.2010	18	89,930	28.12.2010
	21.12.2010	10	49,510	28.12.2010
	27.12.2010	1	5,000	06.01.2010
JUMLAH		**47**	**234,332**	

31.4.3.4. *Berdasarkan maklum balas JPW, garis panduan berkaitan dengan pemberian Geran Teman 1 Azam hanya dibuat pada bulan Ogos 2010. Permohonan diangkat kepada Jawatankuasa yang bertanggungjawab meluluskan permohonan pada bulan Oktober 2010 dan pengagihan geran hanya dibuat pada bulan Oktober dan November 2010.*

31.4.3.5. Berdasarkan rekod JPW, setakat bulan Mei 2011 seramai 406 peserta telah diluluskan Geran Teman 1 Azam antara RM3,000 hingga RM5,000. Adalah didapati status pelaksanaan perniagaan selepas menerima geran bagi 16 (3.9%) peserta tidak dapat ditentukan kerana peserta tidak dapat dihubungi/tidak memberi kerjasama/PPWN tidak mempunyai maklumat. Selain itu, seramai 17 (4.2%) peserta tidak/belum memulakan perniagaan selepas menerima geran kerana pelbagai alasan seperti cek baru diterima kerana masalah kesilapan nama pada cek; peserta uzur/sakit atau dalam proses pengubahsuaian kedai. Daripada 373 (91.9%) penerima geran yang telah menjalankan perniagaan, pihak Audit mendapati hanya 113 (30.3%) peserta berjaya memperolehi pendapatan melebihi RM1,000 sebulan. Bagaimanapun, bilangan peserta yang menerima pendapatan kurang daripada RM500 telah berkurangan daripada 282 orang kepada hanya 133 orang. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 31.8
PENDAPATAN PESERTA SEBELUM DAN SELEPAS MENERIMA GERAN TEMAN 1 AZAM

NEGERI	BILANGAN PESERTA	PENDAPATAN SEBELUM MENERIMA GERAN TEMAN 1 AZAM		PENDAPATAN SELEPAS MENERIMA GERAN TEMAN 1 AZAM		
		KURANG RM500 (Peserta)	MELEBIHI RM500 (Peserta)	KURANG RM500 (Peserta)	ANTARA RM501 – RM1,000 (Peserta)	MELEBIHI RM1,000 (Peserta)
Johor	14	12	2	3	7	3
Kedah	28	12	16	8	9	11
Kelantan	35	16	19	7	9	17
Melaka	48	42	6	19	14	7
Negeri Sembilan	15	11	4	10	1	4
Pahang	21	11	10	3	5	9
Perak	51	28	23	16	15	13
Perlis	7	4	3	1	-	6
Pulau Pinang	31	18	13	11	8	11
Selangor	31	21	10	11	11	8
Terengganu	47	38	9	10	26	5
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya	34	30	4	16	7	10
Wilayah Persekutuan Labuan	44	39	5	18	15	9
JUMLAH	**406**	**282**	**124**	**133**	**127**	**113**

31.4.3.6. *Berdasarkan maklum balas, JPW menyatakan bahawa pihaknya telah mengenal pasti peserta yang uzur/sakit yang tidak dapat memulakan perniagaan dalam tempoh yang ditetapkan. Peserta ini akan terus dibantu oleh JPW selama 6 bulan lagi setelah tarikh sah laku perjanjian tamat pada bulan April 2011.*

Pada pendapat Audit, JPW hendaklah merancang dengan baik setiap peruntukan yang diberikan untuk sesuatu program supaya pelaksanaannya tidak bercanggah dengan peraturan kewangan dan juga garis panduan yang telah ditetapkan.

31.4.4. Pemantauan Program

31.4.4.1. JPW selaku agensi pelaksana bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengawal selia pelaksanaan program pembangunan wanita bagi memastikan ia berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Program I-KIT Dan I-KEUNITA

Bagi tempoh tahun 2008 dan 2009, pihak Audit tidak menemui bukti yang menunjukkan arahan khusus dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JPW kepada Pejabat Pembangunan Wanita Negeri supaya mengemukakan laporan kemajuan pelaksanaan program atau laporan-laporan lain yang berkaitan dengan program. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati Ibu Pejabat JPW ada mengeluarkan surat pada bulan April 2010 yang mengarahkan semua PPWN mengemas kini profil dan status pencapaian peserta. Selain surat tersebut, Ibu Pejabat JPW juga telah mengeluarkan Garis Panduan Penyediaan Laporan Terperinci Pelaksanaan Program kepada semua PPWN yang antara lainnya menetapkan format pelaporan serta tempoh mengemukakannya kepada Ibu Pejabat JPW.

b. Program Pengurus Kediaman

Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Asas Pengurusan Kediaman ada menetapkan mekanisme pemantauan yang perlu dilaksanakan oleh PPWN. Mengikut garis panduan tersebut, PPWN diwajibkan memantau latihan yang dijalankan oleh perunding serta Laporan Prestasi Penempatan Pekerjaan Pelatih dari semasa ke semasa. Semakan Audit mendapati tiada bukti yang menunjukkan pemantauan dilaksanakan seperti mana yang ditetapkan dalam garis panduan. *Berdasarkan maklum balas JPW, pihak ibu pejabat telah merangka jadual pemantauan terhadap program JPW mulai bulan April hingga Ogos 2011.*

31.4.4.2. Pemantauan yang berkesan tidak dapat dijalankan disebabkan setiap PPWN hanya diluluskan 7 jawatan yang terdiri daripada Pengarah Negeri, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Penolong Pegawai Tadbir, dua orang Pembantu Tadbir, Pemandu dan Pembantu Am Pejabat. Perjawatan yang diluluskan adalah sama bagi setiap PPWN tanpa mengambil kira bebanan kerja pegawai; keluasan negeri serta bilangan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Pada pendapat Audit, tindakan yang diambil oleh JPW untuk memantapkan mekanisme pemantauan bagi 3 program tersebut adalah baik, namun perlu dipastikan mekanisme tersebut dilaksanakan sepenuhnya di semua peringkat. Selain itu, JPW juga disyorkan supaya mengkaji semula bebanan kerja di setiap PPWN serta melakukan dasar *redeployment* bagi memperkukuhkan organisasinya di peringkat negeri.

31.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan pencapaian 3 program di bawah Teras Pengupayaan Sosio-ekonomi Wanita, Jabatan Pembangunan Wanita adalah disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

31.5.1. Kajian yang lebih mendalam terhadap pelaksanaan program ini perlu dijalankan bagi memastikan kejayaannya memandangkan usaha untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan wanita merupakan antara agenda penting negara pada masa kini.

31.5.2. Memastikan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri mematuhi kriteria pemilihan peserta yang ditetapkan supaya hanya golongan yang benar-benar layak dan berminat diberi peluang mengikuti program ini.

31.5.3. Merancang dengan baik setiap peruntukan yang diberikan untuk sesuatu program supaya pelaksanaannya tidak bercanggah dengan peraturan kewangan dan juga garis panduan yang telah ditetapkan.

31.5.4. Memastikan mekanisme pemantauan bagi program I-KIT, I-KEUNITA dan Pengurus Kediaman dilaksanakan sepenuhnya di semua peringkat. Selain itu, JPW juga disyorkan supaya mengkaji semula bebanan kerja di setiap PPWN serta melakukan dasar *redeployment* bagi memperkukuhkan organisasinya di peringkat negeri.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

32. PENGURUSAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA

32.1. LATAR BELAKANG

32.1.1. Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) memainkan peranan penting dalam perkembangan pengajian tinggi negara dari segi penyediaan peluang tempat pengajian dan memberi sumbangan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa serta penjimatan pertukaran wang asing. Mulai tahun 1990-an, perkembangan pendidikan tinggi swasta semakin pesat apabila semakin banyak IPTS menawarkan kursus pengajian di peringkat sijil, diploma dan ijazah dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, kejuruteraan, komunikasi, komputer, teknologi maklumat, *nursing*, perubatan dan farmasi. Di samping itu, IPTS juga menjalankan program pengajian kerjasama dengan universiti di United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan Perancis.

32.1.2. IPTS di Malaysia terbahagi kepada 2 iaitu bertaraf universiti dan bukan bertaraf universiti. Bagi IPTS bertaraf universiti, terdapat 3 kategori iaitu universiti, kolej universiti dan kampus cawangan universiti luar negara. Manakala bagi IPTS yang bukan bertaraf universiti pula ialah IPTS yang bertaraf kolej. Sehingga akhir tahun 2010, terdapat 452 IPTS iaitu 23 bertaraf universiti, 21 bertaraf kolej universiti, 5 kampus cawangan universiti luar negara dan 403 bertaraf kolej.

32.1.3. Sektor Pengurusan IPTS, Kementerian Pengajian Tinggi (Kementerian) diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah yang bertanggungjawab terhadap penubuhan, pendaftaran dan pengawalseliaan standard pendidikan IPTS. Sektor Pengurusan IPTS mempunyai 4 bahagian iaitu Bahagian Pendaftaran Dan Piawaian; Penguatkuasaan Dan Inspektorat; Governan IPTS dan Pemasaran Pendidikan. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) digubal bagi tujuan mengadakan peruntukan penubuhan, pendaftaran, pengurusan dan pengawalseliaan serta kawalan kualiti pendidikan.

32.1.4. Objektif Sektor Pengurusan IPTS antaranya adalah untuk memastikan:

32.1.4.1. Dasar, perancangan dan hala tuju pendidikan tinggi swasta selaras dengan dasar pendidikan tinggi dan wawasan negara.

32.1.4.2. Pendidikan yang ditawarkan oleh IPTS adalah berkualiti dan bertaraf dunia.

32.1.4.3. IPTS melahirkan graduan yang berilmu, berketerampilan, bertoleransi, berakhlak mulia yang dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara dan mampu berdaya saing di peringkat global.

32.1.4.4. Berlaku perpindahan kepakaran dan teknologi terkini melalui penglibatan *top scholars*, cendekiawan dan institusi terkemuka dunia dalam sektor pendidikan tinggi swasta.

32.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan IPTS telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

32.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini ditumpukan kepada pematuhan peraturan pengurusan IPTS yang dikeluarkan oleh Kementerian. Di peringkat Kementerian, fail, rekod dan dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 telah disemak. Selain itu, lawatan Audit telah dijalankan antara bulan Oktober 2010 hingga Disember 2010 di 25 IPTS iaitu 9 di Selangor, 2 di Negeri Sembilan, 8 di Perak dan 6 di Sarawak. Perbincangan juga turut diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab.

32.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati beberapa kelemahan khususnya berkenaan dengan pengurusan rekod dan sistem fail yang kurang memuaskan dan tidak teratur; kelewatan dalam memproses permohonan dan memberi kelulusan berkenaan penubuhan IPTS, kelulusan pengubahsuaian premis dan permit mengajar serta norma masa penyelesaian aduan tidak ditetapkan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

32.4.1. Prestasi Pengurusan Permohonan Penubuhan IPTS

32.4.1.1. Kelulusan Menteri Pengajian Tinggi hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi penubuhan IPTS. Kesemua permohonan IPTS bagi mendapatkan kelulusan hendaklah dibuat kepada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang dilantik di bawah Subseksyen 3(1) Akta 555. Permohonan penubuhan IPTS dikendalikan oleh Bahagian Pendaftaran Dan Piawaian. Permohonan bagi mendapatkan kelulusan hendaklah melalui borang permohonan penubuhan disertai dengan fi yang ditetapkan. Pada bila-bila masa selepas menerima permohonan dan sebelum ia ditentukan oleh Menteri, Ketua Pendaftar boleh memberi notis secara bertulis menghendaki pemohon memberikan maklumat, butiran atau dokumen tambahan. Jika tidak diberikan

oleh pemohon dalam masa yang dinyatakan atau lanjutan masa yang diberikan, maka permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan tanpa menjejaskan hak pemohon untuk membuat permohonan baru.

32.4.1.2. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, sebanyak 19 permohonan telah diterima bagi penubuhan IPTS bertaraf universiti. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan bilangan permohonan penubuhan IPTS bukan bertaraf universiti (kolej) yang diterima bagi tahun 2008 dan 2009 kerana maklumat permohonan yang dikemukakan oleh Bahagian Pendaftaran Dan Piawaian bagi 2 tahun tersebut hanya merangkumi bilangan kolej yang dipanggil untuk presentasi dan yang ditolak sahaja. Bagi tahun 2010, sebanyak 23 permohonan telah diterima bagi penubuhan IPTS bukan bertaraf universiti (kolej).

32.4.1.3. Semakan Audit terhadap 19 permohonan penubuhan IPTS bertaraf universiti mendapati proses menguruskan permohonan penubuhan sehingga kelulusan diberi adalah memuaskan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap permohonan penubuhan bagi 32 sampel IPTS bukan bertaraf universiti (kolej) mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Berdasarkan Buku Panduan Pengurusan IPTS yang dikeluarkan oleh Sektor Pengurusan IPTS, sekiranya sesuatu permohonan berjaya, surat kelulusan perlu dikeluarkan kepada pemohon **dalam tempoh 45 hari bekerja dari tarikh permohonan yang lengkap diterima.** Bagaimanapun, maklumat berhubung tarikh permohonan yang lengkap diterima oleh Kementerian tidak diselenggara menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada berlaku kelewatan mengeluarkan surat kelulusan berbanding tempoh yang ditetapkan dalam buku panduan tersebut. Merujuk kepada tarikh permohonan diterima, pihak Audit mendapati 2 permohonan telah diberi kelulusan dalam tempoh 45 hari bekerja manakala permohonan penubuhan dari 7 syarikat hanya diberi kelulusan antara 103 hingga 979 hari dari tarikh permohonan diterima. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.1
TEMPOH KELULUSAN BAGI 7 PERMOHONAN PENUBUHAN IPTS BUKAN BERTARAF UNIVERSITI (KOLEJ)

SYARIKAT	CADANGAN NAMA IPTS	TERIMA PERMOHONAN DITERIMA	TARIKH KELULUSAN DIBERIKAN	TEMPOH KELULUSAN (Hari Bekerja)
Maritime Intel Sdn. Bhd.	Netherland Maritime Institute Of Technology	30.10.2009	02.04.2010	103
Reng Education Sdn. Bhd.	Reng College Of Technology And Design	12.08.2009	01.04.2010	156
Utama Prolink Sdn. Bhd.	Institut Intergrasi Utama Avicenna	20.08.2009	10.05.2010	176
Exquisite Saga (M) Sdn.Bhd.	Kolej Perubatan Komplementari Melaka	16.09.2004	02.08.2008	979

SYARIKAT	CADANGAN NAMA IPTS	TERIMA PERMOHONAN DITERIMA	TARIKH KELULUSAN DIBERIKAN	TEMPOH KELULUSAN (Hari Bekerja)
Admal Education Sdn. Bhd.	Kolej Penerbangan Admal	02.04.2010	30.11.2010	182
Malaysia Allied Health Sciences Academy Sdn. Bhd.	Kolej Malaysia Allied Health Sciences Academy (MAHSA)	27.04.2010	30.11.2010	153
Akademi DMW (Kepala Batas) Sdn. Bhd.	Kolej Daeratul Maarifil Wataniah, Kepala Batas	15.03.2010	22.12.2010	185

b. *Mengikut maklum balas Kementerian, kelulusan bagi 7 kolej tersebut mengambil masa yang lama antaranya disebabkan maklumat permohonan yang dikemukakan oleh IPTS tidak lengkap; kelewatan IPTS mengemukakan maklumat tambahan yang diperlukan dan proses kelulusan ditangguh atas permintaan IPTS sendiri. Kementerian juga memaklumkan bahawa berkuat kuasa mulai 1 April 2011, semua permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan akan dikembalikan semula kepada pemohon. Manakala bagi permohonan yang lengkap tetapi memerlukan maklumat tambahan atau tidak mengandungi maklumat yang tepat akan memerlukan masa tambahan untuk kelulusan.*

c. Sehingga bulan Disember 2010, sebanyak 2 permohonan penubuhan tidak dapat dipastikan kedudukannya kerana tiada maklumat berkaitan tarikh terima permohonan dan tarikh kelulusan penubuhan. Selain itu, 9 permohonan belum diluluskan kerana pemohon perlu mengemukakan maklumat tambahan untuk menyokong permohonan yang dibuat, satu permohonan masih menunggu kelulusan manakala 11 permohonan telah ditolak.

32.4.1.4. *Mengikut Kementerian pihaknya mempunyai senarai terimaan pelbagai permohonan dalam bentuk MS Excel, tetapi tidak dikategorikan mengikut jenis permohonan. Selain itu, Sektor Pengurusan IPTS baru mengambil alih tugas daripada Kementerian Pelajaran Malaysia pada pertengahan tahun 2009. Secara purata, sektor berkenaan menguruskan 700 permohonan pelbagai urusan dalam sebulan walaupun hanya mempunyai 24 pegawai/kakitangan berbanding 274 pegawai/kakitangan semasa di bawah Kementerian Pelajaran iaitu sebelum bulan April 2004. Kementerian juga memaklumkan bahawa pihaknya sedang membangunkan sistem pengurusan maklumat/rekod dan modul pertama projek berkenaan yang dikenali sebagai IPT Formation Management System (IFMS) yang dijangka boleh digunapakai pada akhir bulan Jun 2011. Bagi memudahkan pengesanan permohonan, Kementerian telah mengambil tindakan memperkenalkan aplikasi MyTrack untuk menguruskan maklumat dan rekod permohonan secara sistematik, kemas dan tersusun.*

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu meneliti kes kelewatan meluluskan permohonan dan memastikan rekod berkenaan permohonan dan kelulusan terutamanya berhubung dengan IPTS bukan bertaraf universiti (kolej) sentiasa kemas kini, tersusun dan disokong dengan dokumen yang sepatutnya dalam fail berkaitan.

32.4.2. Pendaftaran Bilik/Fasiliti Di IPTS

Setiap IPTS hendaklah didaftarkan dan permohonan pendaftaran hendaklah dibuat kepada Ketua Pendaftar dalam tempoh 5 tahun dari tarikh kelulusan penubuhan diperolehi. Tempoh sah laku perakuan pendaftaran sesebuah IPTS ialah 5 tahun dan permohonan membaharui hendaklah dikemukakan 6 bulan sebelum tarikh tamat pendaftaran. Antara perkara penting yang perlu didaftarkan adalah maklumat am institusi, pelajar dan kakitangan serta maklumat premis dan kemudahan. Pihak Audit telah melawat 25 IPTS dan memeriksa bilik serta fasiliti yang sebenarnya terdapat di IPTS berkenaan. Berdasarkan Perakuan Pendaftaran (Lampiran A - Bilik/Fasiliti Yang Didaftarkan) yang dikeluarkan oleh Kementerian, didapati beberapa bilik dan fasiliti yang terdapat di 14 IPTS tidak disenaraikan dalam Lampiran A berkenaan. Perkara ini berlaku sama ada disebabkan bilik/fasiliti tersebut tidak disenaraikan semasa permohonan pendaftaran dibuat kepada Kementerian atau IPTS membuat penambahan/pengubahsuaian bilik dan fasiliti tanpa memohon kelulusan daripada Ketua Pendaftar terlebih dahulu. *Mengikut Kementerian pihaknya telah mengambil tindakan mengenakan kompaun secara berterusan sekiranya IPTS gagal mendaftarkan premis. Pada tahun 2010 sebanyak 6 IPTS telah dikenakan kompaun bernilai RM60 ribu. Manakala sehingga bulan Mei 2011 pula sebanyak 8 IPTS telah dikenakan kompaun bernilai RM80 ribu kerana gagal mendaftarkan penambahan premis/fasiliti. Pihak Kementerian juga telah mula menjalankan siasatan terhadap 14 IPTS yang berkaitan.* Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 32.2
BILIK/FASILITI TIDAK DIDAFTARKAN

IPTS	BILIK/FASILITI YANG TIDAK DIDAFTARKAN
PERAK	
Kolej Profesional MARA Seri Iskandar, Bota	Dewan, bilik kebal, asrama, bilik komputer dalam perpustakaan dan dewan peperiksaan.
Kolej Syuen, Ipoh	Perpustakaan, makmal komputer, bilik kebal dan bilik perbincangan.
Bukit Merah Laketown Institute of Allied Health Sciences, Semanggol	Bilik IT, dewan syarahan dan unit peperiksaan.
Universiti Teknologi Petronas,Tronoh	Bilik perpustakaan, kompleks sukan, dewan canseleri dan asrama. **(Gambar 32.1)**
Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampar	Auditorium, kemudahan sukan dan klinik. **(Gambar 32.2)**
Kolej Sunway, Ipoh	Bilik sakit (sickbay).

IPTS	BILIK/FASILITI YANG TIDAK DIDAFTARKAN
Kolej Islam Darul Ridzuan, Kuala Kangsar	Stadium hoki, masjid, asrama, bilik pentadbiran dan bilik kuliah. **(Gambar 32.3)**
SARAWAK	
Kolej IBS, Miri	Bilik pentadbiran dan bilik kuliah.**(Gambar 32.4)**
Curtin University of Technology, Miri	Bilik perkhidmatan pelajar, bilik kebal, bilik pensyarah dan kemudahan sukan.
Institut Teknologi RIAM, Miri	Bilik kaunseling dan bilik pemasaran.
SELANGOR	
Kolej Teknologi Timur, Sepang	Stor makmal, bilik persediaan, bilik pembantu makmal dan bilik foto.
German Malaysian Institute, Kajang	Bilik pensyarah.
International College of Health Science, Seri Kembangan	Auditorium.
Management and Science University, Shah Alam	Pusat pelajar, dewan syarahan dan surau.

BILIK/FASILITI TIDAK DIDAFTAR

GAMBAR 32.1



Universiti Teknologi Petronas, Tronoh, Perak
- Perpustakaan
(09.11.2010)

GAMBAR 32.2



Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampar, Perak
- Auditorium
(08.11.2010)

GAMBAR 32.3



Kolej Islam Darul Ridzuan, Kuala Kangsar, Perak
- Masjid
(11.11.2010)

GAMBAR 32.4



Kolej IBS, Miri, Sarawak
- Bilik Kuliah
(29.11.2010)

32.4.3. Berpindah Atau Mengubah Suai Premis IPTS

32.4.3.1. Sesuatu permohonan untuk berpindah atau mengubah suai premis IPTS hendaklah dibuat kepada Ketua Pendaftar dalam borang yang ditetapkan tidak kurang daripada 3 bulan sebelum berpindah atau mengubah suai premis yang dicadangkan. Borang permohonan yang lengkap diterima akan disemak dan seterusnya Kementerian akan memaklumkan kepada pemohon tarikh dan masa lawatan premis akan dibuat. Berdasarkan hasil lawatan ini, Ketua Pendaftar IPTS akan mengeluarkan surat kelulusan/penolakan. IPTS yang melanggar peraturan ini dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

32.4.3.2. Kementerian telah menetapkan bahawa surat kelulusan permohonan akan dikeluarkan kepada IPTS dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima. Permohonan yang lengkap diterima perlu mengandungi surat sokongan daripada 3 agensi iaitu Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, permohonan juga hendaklah mengandungi antara lain pelan lokasi, pelan bangunan bagi premis baru dengan menomborkan setiap bilik, pelan lantai asal dan pelan cadangan, pelan struktur bilik dan perjanjian sewa beli. Pada masa yang sama, Ketua Pendaftar IPTS juga boleh memberikan kelulusan dengan mengenakan syarat tambahan seperti yang diperuntukan di bawah Akta 555.

32.4.3.3. Semakan Audit terhadap pengurusan permohonan perpindahan atau pengubahsuaian premis bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 di Bahagian Pendaftaran Dan Piawaian, Sektor Pengurusan IPTS mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Tiada maklumat diperolehi berkenaan bilangan sebenar IPTS yang telah membuat permohonan perpindahan atau pengubahsuaian premis sepanjang tempoh berkenaan. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, Sektor Pengurusan IPTS mempunyai senarai terimaan pelbagai permohonan dalam bentuk MS Excel tetapi tidak dikategorikan mengikut jenis permohonan. Oleh sebab itu, maklumat tidak dapat dikemukakan semasa pengauditan dijalankan.*

b. Berdasarkan 36 permohonan perpindahan atau pengubahsuaian premis yang dikemukakan untuk semakan Audit, pihak Audit mendapati perkara seperti berikut:

    i. Sebanyak 3 permohonan perpindahan atau pengubahsuaian premis telah diproses dalam tempoh kurang daripada 30 hari bekerja, manakala tempoh yang diambil untuk meluluskan 25 permohonan berpindah atau

pengubahsuaian premis melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu antara 32 hingga 430 hari bekerja.

ii. Sebanyak 5 permohonan belum diberi kelulusan setakat bulan Disember 2010 manakala tempoh kelulusan bagi 3 permohonan tidak dapat dipastikan kerana tiada maklumat mengenai tarikh permohonan serta kelulusan.

iii. Butiran lanjut berhubung permohonan dan kelulusan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.3
PERMOHONAN PERPINDAHAN ATAU PENGUBAHSUAIAN PREMIS

IPTS	TARIKH PERMOHONAN	TARIKH KELULUSAN	TEMPOH KELULUSAN (Hari Bekerja)
A. PERMOHONAN TELAH DILULUSKAN			
Institut Seni Lukis Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	14.06.2008	10.03.2010	430
Kolej Syuen, Perak	15.01.2009	31.10.2009	197
The Otomatif College, Petaling Jaya, Selangor	16.12.2009	27.07.2010	151
Kolej Poly-Tech MARA, Alor Star	23.07.2009	25.02.2010	146
Kolej SATT Kuching, Sarawak	17.02.2009	28.08.2009	135
Akademi Kewartawanan & Komunikasi Hanxiang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	31.12.2007	08.07.2008	127
Kolej Ati, Sabah	04.09.2009	23.02.2010	114
Institut Seni PIA, Perak	16.10.2008	18.03.2009	99
Institut Citipro, Sabah	22.12.2008	19.05.2009	97
Kolej Optima, Selangor	17.11.2009	05.04.2010	92
Kolej Masterskill (Kampus Metro Kuching), Sarawak	09.12.2009	06.04.2010	77
Kolej Vision, Selangor	09.11.2009	18.02.2010	67
Kolej Teknologi Yayasan Alor Gajah, Melaka	31.03.2010	27.05.2010	41
KDU College, Pulau Pinang	02.12.2009	25.02.2010	55
Kolej MASA, Selangor	26.08.2009	13.11.2009	54
Kolej Kejururawatan Adventist, Pulau Pinang	26.11.2009	12.02.2010	52
PTPL, Sabah	08.12.2009	25.02.2010	51
Victoria International College, Selangor	24.12.2009	25.02.2010	40
Institut Pengurusan Dinamik, Sarawak	20.02.2010	16.04.2010	39
Institut Antarabangsa Seafield, Selangor	02.02.2010	29.03.2010	37
Kolej Kasturi Antarabangsa, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Lulus Bersyarat)	23.12.2009	18.02.2010	36
Institut Optopreneur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	29.01.2010	26.03.2010	36

IPTS	TARIKH PERMOHONAN	TARIKH KELULUSAN	TEMPOH KELULUSAN (Hari Bekerja)
Kolej I-Systems Kuching, Sarawak (Lulus Bersyarat)	10.12.2009	29.01.2010	33
KDU College, Pulau Pinang	31.03.2010	17.05.2010	33
Kolej Kejururawatan Dan Sains Kesihatan Seri Manjung, Perak	06.04.2010	20.05.2010	32
Kolej Kasturi Antarabangsa, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Lulus Bersyarat)	21.04.2010	31.05.2010	27
Taylor's College Petaling Jaya	24.11.2009	30.12.2009	24
Institut Sinaran, Sabah	18.01.2010	29.01.2010	9
B. PERMOHONAN BELUM DIBERI KELULUSAN			
Bukit Merah Laketown Institute Of Allied Health Sciences, Semanggol, Perak	TM	-	-
Institut Profesional Axismatics, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	10.05.2010	-	-
Kolej MASA, Selangor	18.05.2010	-	-
Kolej Pergigian Antarabangsa, Pulau Pinang	26.05.2010	-	-
Assyifa' Institute & Allied Health Sciences, Perak	01.06.2010	-	-
C. TEMPOH KELULUSAN TIDAK DAPAT DITENTUKAN			
Kolej Shahputra Cawangan Pekan, Pahang	02.03.2009	TM	-
Kolej Antarabangsa Granada, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	TM	23.06.2010	-
Institut Sinaran, Sabah	24.02.2009	TM	-

Nota : ***TM - Tiada Maklumat***

32.4.3.4. *Mengikut maklum balas Kementerian, kelewatan surat kelulusan permohonan perpindahan atau pengubahsuaian premis adalah disebabkan kekurangan dokumen tambahan iaitu surat sokongan penggunaan premis daripada 3 agensi. Kementerian bercadang untuk mewujudkan sistem pemprosesan permohonan secara atas talian; mengstrukturkan semula tugas memproses permohonan mengikut zon dengan mewujudkan 3 unit tambahan berdasarkan zon; menyediakan satu ruangan bilik fail yang lebih besar untuk memenuhi kapasiti menampung 500 fail IPTS semasa yang dilengkapi dengan sistem berkomputer (akan dilaksanakan pada bulan Jun 2011) serta mendigitalkan semua fail lama IPTS untuk memudahkan capaian maklumat (akan mula digunakan pada bulan Disember 2011).*

32.4.3.5. Lawatan Audit ke German Malaysian Institute (GMI) mendapati IPTS ini telah berpindah daripada kampus lamanya di Cheras ke kampus baru di Bangi secara berperingkat mulai bulan Jun 2008. Bagaimanapun, permohonan untuk berpindah premis hanya dibuat selepas GMI berpindah iaitu pada 24 Julai 2008 dan kelulusan perpindahan telah diberikan oleh Kementerian pada 4 Ogos 2008. Bagaimanapun, tindakan undang-undang tidak dikenakan terhadap GMI

seperti yang diperuntukkan dalam Akta 555. Selain itu, 3 IPTS telah membuat pengubahsuaian tanpa mengemukakan permohonan untuk kelulusan Ketua Pendaftar terlebih dahulu. IPTS terlibat adalah Kolej Profesional MARA Seri Iskandar, Bota (makmal komputer); Twintech College Sarawak, Kuching (tambahan bilik kuliah) dan UCSI University, Kuching (tambahan pejabat hal-ehwal pelajar, bilik kaunseling, *lounge* pelajar dan bilik utiliti) seperti di **Gambar 32.5** dan **32.6**. Namun, tindakan undang-undang tidak dikenakan terhadap 3 IPTS ini.


PENGUBAHSUAIAN TANPA KELULUSAN

GAMBAR 32.5



Twintech College Sarawak, Kuching, Sarawak
- Bilik Kuliah
(01.12.2010)

GAMBAR 32.6



UCSI Universiti Kuching, Sarawak
- Bilik Kaunseling
(03.12.2010)

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah mengambil tindakan undang-undang terhadap IPTS yang berpindah atau membuat pengubahsuaian premis tanpa kelulusan. Selain itu, Kementerian perlu mematuhi tempoh kelulusan terhadap kelulusan permohonan dan kelulusan berpindah atau pengubahsuaian premis IPTS.

32.4.4. Permit Mengajar

32.4.4.1. Pengurusan Permohonan Mendapatkan Permit Mengajar

Mengikut Akta 555, seseorang hendaklah mendapatkan permit mengajar dengan memohon kepada Ketua Pendaftar sebelum dibenarkan mengajar di mana-mana IPTS. Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen sokongan antaranya salinan kad pengenalan/pasport; salinan sijil kelayakan akademik atau kelayakan profesional dan perakuan perubatan yang dikeluarkan oleh seorang pengamal perubatan berdaftar serta salinan permit kerja yang masih sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen jika pemohon bukan warganegara Malaysia. Semakan Audit terhadap pengurusan permit mengajar di Unit Universiti (bagi IPTS bertaraf universiti) dan Unit Pendaftaran [yang menguruskan IPTS bukan bertaraf universiti (Kolej)], Sektor Pengurusan IPTS mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Penyelenggaraan Dan Penyimpanan Rekod

i. Di Unit Universiti, semakan Audit mendapati borang permohonan permit mengajar tidak disimpan dengan kemas dan teratur di ruangan penyimpanan. Borang permohonan permit mengajar bercampur aduk dan hanya disimpan dalam fail kuning yang tidak berdaftar; tidak disusun mengikut nama IPTS dan hanya ditandakan dengan kertas pelekat kuning sahaja. Bagi fail yang ada minit pula, didapati kertas minit berkenaan tidak dilengkapkan. Keadaan ini mengakibatkan permohonan berkenaan sukar disemak dan ditentukan. Gambar berikut menunjukkan keadaan borang permohonan yang disimpan di kabinet besi dalam stor di Unit Universiti.

GAMBAR 32.7



GAMBAR 32.8



Unit Universiti
- Rekod Permit Mengajar Disimpan Di Kabinet Besi Dalam Stor Tanpa Didaftar
(16.08.2010)

ii. Di Unit Pendaftaran, didapati dokumen sokongan yang dihantar bersama-sama borang permohonan untuk mendapatkan permit mengajar oleh 36 IPTS tidak disimpan secara teratur. Contohnya salinan kad pengenalan, sijil kelayakan akademik dan perakuan perubatan tidak difailkan menyebabkan ianya tidak dapat dikemukakan untuk semakan. Antara sebab yang diberikan adalah terdapat 4 kategori permohonan permit mengajar yang memerlukan dokumen sokongan yang berbeza iaitu permohonan baru, pembaharuan permit mengajar, penggantian permit mengajar dan perubahan butiran permit mengajar. Bilangan borang permohonan permit mengajar yang tiada dokumen sokongan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.4
BORANG PERMOHONAN PERMIT MENGAJAR YANG TIADA DOKUMEN SOKONGAN

IPTS	BILANGAN GURU	SALINAN DOKUMEN SOKONGAN YANG TIDAK DISERTAKAN		
		KAD PENGENALAN /PASPORT	SIJIL KELAYAKAN AKADEMIK	PERAKUAN PERUBATAN
PULAU PINANG				
Kolej Pergigian Antarabangsa Pulau Pinang	14	14	-	14
PTPL Penang	17	17	4	17

IPTS	BILANGAN GURU	SALINAN DOKUMEN SOKONGAN YANG TIDAK DISERTAKAN		
		KAD PENGENALAN /PASPORT	SIJIL KELAYAKAN AKADEMIK	PERAKUAN PERUBATAN
KDU College Penang Campus	21	20	-	21
Allianze College Of Medical Science, Pulau Pinang	15	-	-	15
Equator Academy Of Art, Pulau Pinang	4	1	-	4
KELANTAN				
Akademi Latihan Penerbangan Asia Pacific, Kelantan	11	1	-	10
PERLIS				
Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis	1	-	-	1
NEGERI SEMBILAN				
Kolej UNITI, Port Dickson	28	15	9	28
MELAKA				
Melaka Manipal Medical College	15	-	-	15
Akademi Laut Malaysia Melaka	10	-	1	10
PERAK				
Kolej Al Sinnar, Perak	8	8	-	8
SELANGOR				
German Malaysian Institute, Selangor	16	1	2	16
Kolej Antarabangsa Teknologi HELP, Klang	9	1	-	9
Kolej Pengurusan Penerbangan, Selangor	10	-	-	10
Kolej Antarabangsa IKIP (Kampus Taman Gelora)	15	15	3	15
KDU College Petaling Jaya Campus	27	20	1	27
International College Of Health Science, Seri Kembangan	19	1	-	19
The Otomotif College, Selangor	14	-	1	14
Lincoln College, Selangor	15	15	-	15
Kolej Bersepadu Sains Kesihatan Nasional, Selangor	6	3	-	6
Akademi Seni Dan Muzik Yamaha, Selangor	4	-	-	4
Unity College International, Selangor	25	14	-	25
Institut Teknologi Perak, Selangor	1	-	-	1
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR				
Kolej Antarabangsa Oren, Kuala Lumpur	10	-	2	10
Kolej SRI, Kuala Lumpur	12	12	1	12
Kolej Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur	15	-	1	15
Technology Park Malaysia College, Kuala Lumpur	12	-	-	12
Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics, Kuala Lumpur	13	-	1	13
Kolej Antarabangsa Geomatic, Kuala Lumpur	21	14	-	21
Kolej Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur	22	20	4	22
Institut Senilukis Malaysia, Kuala Lumpur	6	-	-	6

IPTS	BILANGAN GURU	SALINAN DOKUMEN SOKONGAN YANG TIDAK DISERTAKAN		
		KAD PENGENALAN /PASPORT	SIJIL KELAYAKAN AKADEMIK	PERAKUAN PERUBATAN
SABAH				
Kolej Kejururawatan Dan Kesihatan Masterskill (Kampus Kota Kinabalu)	7	-	1	7
Aseana College, Sabah	16	-	-	16
Kolej Antarabangsa Almacrest, Sabah	9	4	2	4
SARAWAK				
Institut Teknologi Kreatif Lim Kok Wing, Sarawak	20	9	2	20
Kolej Antarabangsa Teknologi Lanjutan, Sarawak	9	4	-	9
JUMLAH	**477**	**209**	**35**	**471**

b. Proses Kelulusan Permit Mengajar

i. Kementerian telah menetapkan Unit Pendaftaran dan Unit Universiti perlu memberi kelulusan permit mengajar dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan yang lengkap diterima. Memandangkan penyelenggaraan dan penyimpanan rekod permohonan permit mengajar yang kurang teratur, pihak Audit hanya dapat menyemak 12 permohonan permit mengajar (melibatkan 33 orang guru) yang dikemukakan oleh IPTS kepada Unit Universiti. Berdasarkan semakan terhadap 12 permohonan tersebut, pihak Audit mendapati tempoh memproses permohonan yang dikemukakan oleh 3 IPTS adalah antara 59 hingga 213 hari dari tarikh permohonan diterima, manakala 5 permohonan tahun 2009 dan 2 permohonan tahun 2010 masih belum diberi kelulusan sehingga tarikh pengauditan pada bulan November 2010. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.5
KELEWATAN MEMPROSES PERMOHONAN PERMIT MENGAJAR

IPTS	BILANGAN GURU	PERMIT MENGAJAR		TEMPOH KELULUSAN (Hari Bekerja)
		TARIKH PERMOHONAN	TARIKH LULUS	
PERAK				
Universiti Teknologi Petronas, Tronoh	2	19.04.2007	13.07.2007	59
	6	23.04.2010	14.10.2010	119
	9	23.04.2010	22.09.2010	104
Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampar	1	31.10.2007	29.02.2008	78
	2	13.01.2010	01.09.2010	159
	3	20.07.2010	Kelulusan Belum Diberi	TB
SARAWAK				
Curtin University Of Technology, Miri	2	17.03.2009	Kelulusan Belum Diberi	TB
	1	03.09.2009	13.07.2010	213

IPTS	BILANGAN GURU	PERMIT MENGAJAR		TEMPOH KELULUSAN (Hari Bekerja)
		TARIKH PERMOHONAN	TARIKH LULUS	
Masterskill College Of Nursing & Health, Kuching	1	12.11.2009	Kelulusan Belum Diberi	TB
	3	30.12.2009	Kelulusan Belum Diberi	TB
SELANGOR				
Kolej Universiti SEGi, Petaling Jaya	1	18.11.2009	Kelulusan Belum Diberi	TB
Management And Science University, Shah Alam	1	22.12.2009	Kelulusan Belum Diberi	TB
	1	12.04.2010	Kelulusan Belum Diberi	TB

Nota: ***TB - Tidak Berkenaan***

ii. Pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh yang diambil untuk memproses dan meluluskan 55 permit mengajar bagi 8 IPTS kerana tarikh permohonan diterima tidak dapat ditentukan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tempoh bermula permit mengajar telah dikebelakangkan berbanding tarikh kelulusan oleh Ketua Pendaftar. *Mengikut Kementerian permit mengajar dikebelakangkan kerana tarikh kelulusan yang diberi adalah berdasarkan kepada tarikh borang permohonan diterima. Kementerian mengakui proses kelulusan mengambil masa yang lama disebabkan permohonan diproses secara manual oleh 5 pegawai bagi menguruskan permit mengajar semua IPTS. Kementerian juga telah mengambil langkah untuk meningkatkan kecekapan memproses permit mengajar melalui Plan Transformasi SPIPTS.* Butiran tempoh permit mengajar dikebelakangkan berbanding tarikh kelulusan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.6
TEMPOH PERMIT MENGAJAR DIKEBELAKANGKAN BERBANDING TARIKH KELULUSAN

IPTS	BILANGAN PERMIT MENGAJAR	TEMPOH PERMIT	TARIKH KELULUSAN
SELANGOR			
Universiti Tenaga Nasional, Bangi	8	18.11.2009 - 17.11.2014	17.05.2010
	3	16.12.2009 - 15.12.2014	17.05.2010
Universiti Teknologi Kreatif Lim Kok Wing, Cyberjaya	1	17.10.2008 - 09.10.2009	22.04.2009
	1	17.10.2008 - 16.10.2010	
	6	17.10.2008 - 16.10.2013	
	1	20.10.2008 - 21.02.2010	
	1	22.10.2008 - 11.03.2011	
Al-Madinah International University, Shah Alam	1	07.07.2008 - 09.02.2010	07.07.2008
	1	07.07.2008 - 18.04.2010	
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi	9	10.07.2007 - 09.07.2012	17.03.2008

IPTS	BILANGAN PERMIT MENGAJAR	TEMPOH PERMIT	TARIKH KELULUSAN
University Of Nottingham In Malaysia, Semenyih	2	25.06.2007- 24.06.2012	01.07.2008
	1	04.09.2007 - 03.09.2012	
	2	15.12.2007 - 14.12.2012	
Universiti Multimedia, Cyberjaya	1	25.12.2006 - 24.12.2011	29.07.2008
	10	09.05.2008 - 08.05.2013	29.07.2008
TERENGGANU			
Kolej Universiti Tati, Kemaman	1	03.09.2006 - 02.09.2011	16.01.2008
NEGERI SEMBILAN			
Kolej Universiti Nilai	6	17.01.2008 - 16.01.2013	09.06.2008

32.4.4.2. Permit Mengajar Tidak Dapat Dikemukakan

Akta 555 memperuntukkan bahawa seseorang yang mengajar di IPTS tanpa permit mengajar atau IPTS yang mengambil guru yang tiada permit mengajar adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 bulan atau kedua-duanya. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Permit mengajar bagi 107 daripada 500 guru yang melibatkan 6 daripada 25 kolej yang dilawati tidak dapat dikemukakan semasa pemeriksaan Audit. Antara sebab permit mengajar tidak dapat dikemukakan adalah kerana guru tidak memohon permit mengajar; masih menunggu kelulusan permit mengajar daripada Kementerian atau borang permohonan permit mengajar baru dikemukakan.

b. Semakan Audit terhadap 33 sampel permohonan permit mengajar yang dikemukakan oleh 9 IPTS mendapati tempoh yang diambil untuk mengemukakan permohonan permit mengajar adalah antara 43 hingga 2,325 hari dari tarikh lantikan guru/pengajar di IPTS berkenaan seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.7
TEMPOH PERMOHONAN PERMIT MENGAJAR

IPTS	BILANGAN GURU TERLIBAT	TARIKH/TAHUN LANTIKAN	TARIKH PERMOHONAN PERMIT	TEMPOH YANG DIAMBIL UNTUK MEMOHON PERMIT (Hari Bekerja)
PERAK				
Kolej Kejururawatan Dan Sains Kesihatan Seri Manjung, Manjung	1	2007	19.02.2009	Anggaran 521
	1	02.06.2008	19.02.2010	427
	1	20.07.2009	25.02.2010	149
	1	2009		Anggaran 285
	1	21.12.2009		43

IPTS	BILANGAN GURU TERLIBAT	TARIKH/TAHUN LANTIKAN	TARIKH PERMOHONAN PERMIT	TEMPOH YANG DIAMBIL UNTUK MEMOHON PERMIT (Hari Bekerja)
Kolej Sunway, Ipoh	1	05.02.2007	13.04.2010	789
	1	01.04.2007	17.12.2008	426
Universiti Teknologi Petronas, Tronoh	1	16.10.2001	22.04.2010	2,127
	1	16.12.2009	23.04.2010	85
	1	02.01.2001		2,325
SELANGOR				
The Otomotif College, Petaling Jaya	1	01.04.2005	25.06.2007	557
SARAWAK				
Kolej IBS, Miri	1	Jan 2010	Belum Memohon	Tidak Berkenaan
	1	April 2010		
	4	Ogos 2010		
Curtin University Of Technology, Miri	1	28.07.2008	17.03.2009	154
Twintech College Sarawak, Kuching	1	02.01.2008	12.06.2008	108
	1	21.01.2008	12.06.2008	96
	1	21.01.2005	12.06.2008	828
UCSI University, Kuching	1	16.03.2009	22.12.2009	196
	1	02.01.2008	22.12.2009	487
	2	04.01.2010	06.10.2010	188
	1	01.12.2008		457
	2	04.05.2009		357
	1	15.04.2009		369
	1	03.05.2010	Belum Memohon	Tidak Berkenaan
NEGERI SEMBILAN				
Kolej Kejururawatan Murni, Nilai	1	01.07.2009	23.11.2010	347
	1	01.08.2009		325
	1	10.08.2009		319

c. Keadaan ini menunjukkan dalam tempoh sebelum permohonan permit mengajar dikemukakan, IPTS dan guru/pengajar berkenaan tidak mempunyai permit mengajar dan melanggar peruntukan Akta 555. Kelewatan mengemukakan permohonan ini berlaku kerana Akta 555 tidak memperuntukkan dengan jelas mengenai tempoh yang diberikan kepada IPTS untuk mengemukakan permohonan permit mengajar selepas seseorang dilantik sebagai guru/pengajar. Justeru itu, Kementerian memaklumkan akan meminda Akta 555 untuk memperjelaskan tentang Seksyen 51 (berkaitan permit mengajar).

32.4.4.3. Permohonan Pembaharuan Permit Mengajar Dibuat Selepas Tamat Tempoh Permit

a. Permit mengajar bagi guru bertaraf warganegara adalah maksimum 5 tahun manakala bagi guru bukan warganegara ianya mengikut tempoh sah permit kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen. Tempoh sesuatu permit mengajar boleh dilanjutkan atas permohonan yang dibuat oleh guru berkenaan dengan melengkapkan Borang B dalam Jadual Pertama. Permohonan pelanjutan permit mengajar hendaklah dikemukakan kepada Kementerian dalam tempoh 6 bulan sebelum tamat tempoh permit. Semakan Audit mendapati Universiti Teknologi Petronas, Tronoh dan Curtin University Of Technology, Miri membuat permohonan pembaharuan permit mengajar guru selepas tamat tempoh permit disebabkan terlepas pandang tarikh tamat permit berkenaan. Manakala 2 orang guru pula belum memperbaharui permit mengajar walaupun telah tamat tempoh. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 32.8
KELEWATAN PERMOHONAN MEMBAHARUI PERMIT MENGAJAR

IPTS	BILANGAN GURU	PERMIT MENGAJAR		
		TAMAT	TARIKH SEPATUT MEMOHON PEMBAHARUAN	TARIKH SEBENAR MEMOHON PEMBAHARUAN
Universiti Teknologi Petronas, Tronoh, Perak	1	09.08.2009	09.02.2009	22.04.2010
Curtin University Of Technology, Miri, Sarawak	1	05.07.2010	05.01.2010	15.09.2010
	1	14.09.2010	14.03.2010	Belum Memohon
	1	08.09.2010	08.03.2010	Belum Memohon

b. *Mengikut maklum balas Kementerian, pihaknya bercadang mewujudkan satu unit khas untuk mengendalikan permit mengajar bagi 25,000 tenaga pengajar IPTS. Selain itu, Kementerian juga akan mewujudkan sistem permohonan secara online melalui kerjasama dengan MAMPU dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri yang dijangka siap dan diguna pada akhir tahun 2011.*

Pada pendapat Audit, pengurusan rekod mengajar di peringkat Kementerian tidak memuaskan kerana sistem fail dan penempatan fail yang tidak teratur. Kementerian disaran mengamalkan persekitaran berkualiti melalui pendekatan 5'S. Ketiadaan peruntukan yang jelas dalam Akta 555 dan kegagalan Kementerian menetapkan tempoh IPTS perlu mengemukakan permohonan permit mengajar telah menyebabkan berlaku kes kelewatan mengemukakan permohonan permit mengajar dan guru mengajar tanpa permit. Sehubungan ini, satu sistem peringatan yang berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan permit mengajar dimohon dan diperbaharui dalam tempoh yang ditetapkan.

32.4.5. Kawal Selia Terhadap IPTS

32.4.5.1. Bahagian Penguatkuasaan Dan Inspektorat (BPI) bertanggungjawab untuk mengawal selia IPTS dengan memastikan semua peruntukan perundangan pendidikan berkaitan dipatuhi. Terdapat 3 unit di bawah Bahagian ini iaitu Unit Aduan Dan Pemeriksaan, Unit Khidmat Bantuan Pelanggan dan Unit Penyeliaan Dan Pemantauan. Antara fungsi BPI adalah memberi khidmat nasihat, bimbingan kaunseling dan konsultansi kepada IPTS berhubung pematuhan terhadap Akta 555; menangani isu dan permasalahan berkaitan pendidikan swasta melalui aduan, laporan dan aktiviti pemantauan serta menjalankan siasatan, penguatkuasaan undang-undang serta menjalankan tindakan perundangan.

32.4.5.2. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, BPI telah menerima 978 aduan berkaitan IPTS antaranya berkenaan dengan pengurusan, kursus pengajian, yuran dan pembiayaan, iklan, maklumat premis dan kemudahan. Sehingga akhir tahun 2010, BPI telah dapat menyelesaikan 897 (91.7%) aduan manakala 81 (8.3%) aduan masih dalam tindakan. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 29 kertas siasatan telah dibuka dan 28 daripadanya telah diambil tindakan perundangan. Semakan Audit terhadap 17 kertas siasatan mendapati 16 kes telah dikenakan kompaun sebanyak RM328,000 manakala satu kes lagi ditutup. Sebanyak 6 kes melibatkan pelajar di bawah syarat minimum kredit; 6 kes merupakan kes di mana kursus yang ditawarkan telah tamat tempoh dan 4 kes premis berpindah tanpa kelulusan. Selain itu, BPI juga tidak menetapkan norma masa bagi menyelesaikan sesuatu kes aduan yang diterima. Semakan Audit mendapati tempoh yang diambil untuk menyelesaikan sesuatu kes adalah antara 25 hingga 167 hari. Ekoran daripada teguran Audit, pihak Kementerian telah menetapkan tempoh 90 hari bekerja bagi melengkapkan kertas siasatan untuk kesalahan yang jelas buktinya dan boleh disabitkan di bawah peruntukan Akta 555.

Pada pendapat Audit, BPI perlu meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap IPTS bagi memastikan peruntukan dalam Akta 555 dipatuhi sepenuhnya. Selain itu, Kementerian juga perlu menetapkan norma masa untuk menyelesaikan sesuatu kes aduan supaya setiap kes dapat diselesaikan dalam tempoh yang munasabah serta membolehkan penilaian dibuat terhadap keberkesanan fungsi BPI.

32.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan IPTS diuruskan dengan cekap dan teratur, Kementerian disyorkan supaya melaksanakan perkara seperti berikut:

32.5.1. Kementerian perlu meneliti kes kelewatan meluluskan permohonan dan memastikan rekod berkenaan permohonan dan kelulusan terutamanya berhubung dengan IPTS bukan bertaraf universiti (kolej) sentiasa kemas kini, tersusun dan disokong dengan dokumen yang sepatutnya dalam fail berkaitan.

32.5.2. Kementerian hendaklah mengambil tindakan undang-undang terhadap IPTS yang berpindah atau membuat pengubahsuaian premis tanpa kelulusan. Selain itu, Kementerian juga perlu memperkemaskan pengurusan dan kawalan rekod terhadap permohonan dan kelulusan berpindah atau pengubahsuaian premis IPTS.

32.5.3. Pengurusan rekod mengajar di peringkat Kementerian tidak memuaskan kerana sistem fail dan penempatan fail yang tidak teratur. Kementerian disaran mengamalkan persekitaran berkualiti melalui pendekatan 5'S. Ketiadaan peruntukan yang jelas dalam Akta 555 dan kegagalan Kementerian menetapkan tempoh IPTS perlu mengemukakan permohonan permit mengajar telah menyebabkan berlaku kes kelewatan mengemukakan permohonan permit mengajar dan guru mengajar tanpa permit. Sehubungan ini, satu sistem peringatan yang berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan permit mengajar dimohon dan diperbaharui dalam tempoh yang ditetapkan.

32.5.4. Bahagian Penguatkuasaan Dan Inspektorat (BPI) perlu meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap IPTS bagi memastikan peruntukan dalam Akta 555 dipatuhi sepenuhnya. Selain itu, Kementerian juga perlu menetapkan norma masa untuk menyelesaikan sesuatu kes aduan supaya setiap kes dapat diselesaikan dalam tempoh yang munasabah serta membolehkan penilaian dibuat terhadap keberkesanan fungsi BPI.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

33. PENGGUNAAN DAN PENYENGGARAAN KENDERAAN KHAS UDARA TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA

33.1. LATAR BELAKANG

33.1.1. *Aviation Ground Support Vehicle* (AGSV) yang juga dikenali sebagai kenderaan khas udara merupakan peralatan sokongan dalam pengendalian pesawat di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). AGSV ditempatkan di semua Pangkalan TUDM iaitu Butterworth, Pulau Pinang; Kuantan, Pahang; Gong Kedak, Terengganu; Kuala Lumpur; Bukit Ibam, Pahang; Labuan; Subang, Selangor; Bukit Lunchu, Johor; Kuching, Sarawak dan Kolej Tentera Udara, Kedah. Setakat bulan Disember 2010, terdapat 344 AGSV yang dikategorikan kepada 9 jenis seperti di jadual berikut:

JADUAL 33.1
JENIS, KEGUNAAN DAN BILANGAN AGSV

JENIS	KEGUNAAN	BILANGAN (Unit)
Towing Tractor	Menunda pesawat dan *ground equipment*	80
Runway Sweeper	Membersihkan kawasan *dispersal* dan *runway*	18
Crane	Mengangkat bebanan	7
Fire Tender	Menjalankan operasi menyelamat dan memadam kebakaran pesawat, bangunan dan sebagainya	38
Forklift	Mengangkat bebanan	46
Aircraft Refueller	Mengisi minyak pesawat	39
Cargo Loader	Melaksanakan kerja-kerja *loading* dan *off loading* pesawat serta penghantaran barang	53
Prime Mover	Melaksanakan kerja-kerja penghantaran barang	59
Crash Ambulance	Menjalankan operasi menyelamat khususnya semasa kemalangan pesawat	4
JUMLAH		**344**

33.1.2. Bagi memastikan AGSV sentiasa berada dalam keadaan baik, AGSV ini perlu disenggarakan seperti mana peralatan pesawat yang lain. Kerosakan AGSV seperti *aircraft refueller, runway sweeper* dan *fire tender* akan menyebabkan pesawat tidak dibenarkan beroperasi.

33.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada penggunaan dan penyenggaraan AGSV telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

33.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap penggunaan dan penyenggaraan AGSV bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Sebanyak 5 kategori AGSV di 5 pangkalan TUDM telah dipilih untuk diaudit (**Jadual 33.2**). Pemeriksaan terhadap dokumen yang berkaitan telah dijalankan di peringkat Kementerian, Pejabat Markas Operasi Udara dan Markas Logistik Udara. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang terlibat juga telah dilakukan.

JADUAL 33.2
JENIS AGSV DAN PANGKALAN TUDM YANG DIAUDIT

JENIS AGSV	BILANGAN AGSV MENGIKUT PANGKALAN TUDM									
	KUALA LUMPUR		SUBANG		BUTTERWORTH		KUCHING		KUANTAN	
	Bil. Pegangan	Bil. Diaudit	Bil. Pegangan	Bil. Diaudit	Bil. Pegangan	Bil. Diaudit	Bil. Pegangan	Bil. Diaudit	Bil. Pegangan	Bil. Diaudit
Towing Tractor	6	1	17	8	20	12	8	7	21	11
Runway Sweeper	1	-	1	1	3	3	2	1	3	2
Crane	-	-	1	1	2	2	-	-	2	1
Aircraft Refueller	2	2	6	5	6	4	5	1	10	3
Fire Tender	3	-	3	3	7	4	2	-	7	2

33.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati secara keseluruhannya, penggunaan dan penyenggaraan AGSV adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah tahap boleh guna AGSV tidak mencapai 70%; terdapat AGSV yang telah melebihi had umur ekonomi; kerja penyenggaraan tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan bayaran *man-hour* yang berbeza. Bagaimanapun, Kementerian telah mengambil tindakan pembetulan/ penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian Pertahanan adalah seperti di perenggan berikut:

33.4.1. Tahap Boleh Guna AGSV

33.4.1.1. TUDM menempatkan bilangan AGSV di setiap pangkalan mengikut aktiviti. Tahap boleh guna AGSV yang ditetapkan oleh TUDM adalah 70% daripada jumlah AGSV mengikut jenis dalam pegangan setiap pangkalan. Semakan Audit mendapati sebahagian besar AGSV di 5 pangkalan yang diaudit tidak mencapai tahap boleh guna AGSV yang ditetapkan dalam sesuatu bulan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 33.3
BILANGAN BULAN AGSV YANG TIDAK MENCAPAI TAHAP BOLEH GUNA 70%
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

PANGKALAN TUDM	JENIS AGSV				
	FIRE VEHICLE (Bulan)	*CRANE* (Bulan)	*RUNWAY SWEEPER* (Bulan)	*AIRCRAFT REFUELLER* (Bulan)	*TOWING TRACTOR* (Bulan)
Butterworth	35	30	34	25	16
Kuantan	28	16	30	29	10
Kuching	14	-	11	12	5
Subang	18	25	10	25	13
Kuala Lumpur	15	-	10	18	17

33.4.1.2. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyumbang kepada peratusan tahap boleh guna AGSV yang rendah adalah:

a. Kebanyakan AGSV dalam pegangan di pangkalan telah melebihi had umur ekonomi dan ini menyebabkan sering terjadi kerosakan besar, di samping alat ganti model lama ini sukar dicari walaupun di pasaran luar negara. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, lebih daripada 43% atau 149 unit AGSV pegangan TUDM telah melebihi had umur ekonomi.*

b. Kekangan kepakaran dalam membaiki AGSV jenis lama.

c. Prestasi kontraktor yang tidak memuaskan kerana kerja penyenggaraan tidak dapat dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan.

d. AGSV lama tidak dapat diganti dengan yang baru kerana kos yang tinggi dan peruntukan pembangunan serta mengurus yang terhad. Oleh itu, AGSV lama terpaksa digunakan walaupun sering mengalami kerosakan kerana keperluan operasi.

33.4.1.3. Mengikut *Technical Equipment Maintenance Plan* (PU 2301-023), setiap AGSV yang terdapat dalam pegangan TUDM akan mencapai had umur ekonomi yang telah ditetapkan dalam Dasar Kasting Angkatan Tentera Malaysia mengikut jenis dan kemampuan. Semakan Audit mendapati 70 (94.6%) daripada 74 AGSV yang diaudit di 5 pangkalan melebihi had umur ekonomi yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 33.4** dan contoh AGSV adalah seperti di **Gambar 33.1** hingga **33.5**.

JADUAL 33.4
AGSV YANG MELEBIHI HAD UMUR EKONOMI

PANGKALAN TUDM	JENIS AGSV	BIL. AGSV DALAM PEGANGAN	BIL. AGSV YANG DIAUDIT MELEBIHI HAD UMUR EKONOMI	HAD UMUR EKONOMI YANG DITETAPKAN (Tahun)	TEMPOH DALAM PEGANGAN PANGKALAN TUDM (Tahun)
Kuala Lumpur	*Towing Tractor*	6	1	8	16
Subang	*Towing Tractor*	17	8	8	11 - 20
	Crane	1	1	15	19
	Aircraft Refueller	6	5	15	24 - 33
	Fire Tender	3	3	15	24

PANGKALAN TUDM	JENIS AGSV	BIL. AGSV DALAM PEGANGAN	BIL. AGSV YANG DIAUDIT MELEBIHI HAD UMUR EKONOMI	HAD UMUR EKONOMI YANG DITETAPKAN (Tahun)	TEMPOH DALAM PEGANGAN PANGKALAN TUDM (Tahun)
Butterworth	*Towing Tractor*	20	12	8	10 - 16
	Runway Sweeper	3	3	15	24
	Crane	2	2	15	18 - 36
	Aircraft Refueller	6	4	15	16
	Fire Tender	7	4	15	22
Kuching	*Towing Tractor*	8	7	8	11 - 14
	Aircraft Refueller	5	1	15	16
Kuantan	*Towing Tractor*	21	11	8	16 - 26
	Runway Sweeper	3	2	15	22
	Crane	2	1	15	20
	Aircraft Refueller	10	3	15	23
	Fire Tender	7	2	15	18 - 19
JUMLAH		**127**	**70**		

GAMBAR 33.1



Pangkalan TUDM Subang
- Towing Tractor (Brute B160) Yang Digunakan Sejak Tahun 1982
(28.07.2010)

GAMBAR 33.2



Pangkalan TUDM Butterworth
- Runway Sweeper (Schorling Iveco)Yang Digunakan Sejak Tahun 1986
(10.06.2010)

GAMBAR 33.3



Pangkalan TUDM Kuching
- Towing Tractor (Langa TR 60) Yang Digunakan Sejak Tahun 1996
(10.05.2010)

GAMBAR 33.4



Pangkalan TUDM Kuantan
- Crane (Liebher)Yang Digunakan Sejak Tahun 1990
(08.07.2010)



GAMBAR 33.5

Pangkalan TUDM Kuantan
- Aircraft Refueller (Volvo F7) Yang Digunakan
Sejak Tahun 1987
(08.07.2010)

33.4.1.4. Sungguhpun AGSV tersebut masih lagi boleh digunakan, namun pihak Audit mendapati AGSV yang lama ini sering mengalami kerosakan dan mengganggu operasi di unit yang berkenaan*. Pihak Audit dimaklumkan, bagi mengatasi masalah kekurangan AGSV sekiranya berlaku kerosakan, pihak bertanggungjawab terpaksa meminjam di antara unit dalam pangkalan untuk memastikan operasi harian tidak terjejas. Selain itu, pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai TUDM bahawa AGSV seperti crane jarang digunakan dan kos untuk penyenggaraan dan pembaikannya adalah tinggi.*

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu merancang untuk membuat perolehan AGSV baru bagi menggantikan AGSV yang melebihi had umur ekonomi supaya tahap boleh guna AGSV menepati 70% seperti yang telah ditetapkan dan tidak mengganggu operasi harian di pangkalan.

33.4.2. Penyenggaraan/Pembaikan AGSV

33.4.2.1. Markas Logistik Udara (MLU) berperanan untuk memantau prestasi tahap pembaikan AGSV. Selain itu, ia bertanggungjawab untuk menilai kerosakan AGSV yang terlibat, menentukan skop kerja dan mengawasi serta memberi nasihat terhadap kerja pembaikan AGSV. Apabila terdapat kerosakan pada AGSV, skuadron akan mengeluarkan laporan kerosakan (BAT M23) dan memajukannya kepada Bahagian Jurutera Bantuan (JUBAN). JUBAN bertanggungjawab memeriksa AGSV tersebut dan menyediakan skop kerja yang akan diserahkan kepada Ketua Cawangan Kejuruteraan untuk kelulusan dan pengesahan. Dokumen tersebut kemudiannya akan dimajukan pula kepada Cawangan Material bagi tujuan penyediaan sebut harga. Keputusan pemilihan kontraktor bagi kerja pembaikan akan dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tapisan Perolehan yang dipengerusikan oleh Panglima Pangkalan.

33.4.2.2. Proses pembaikan AGSV adalah di bawah kuasa Pangkalan TUDM bagi kerja pembaikan kurang daripada RM50,000. Pangkalan akan memilih kontraktor melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tapisan Perolehan di peringkat pangkalan. Bagi kerja pembaikan yang melebihi RM50,000 hingga RM100,000, Pangkalan TUDM perlu mendapatkan kelulusan daripada Markas Logistik Udara sebelum melantik kontraktor. Manakala bagi pembaikan melebihi RM100,000,

pemilihan kontraktor akan dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tapisan Perolehan di Markas Logistik Udara. TUDM tidak mempunyai stok alat ganti untuk AGSV. Bagi pembaikan yang dilakukan oleh TUDM sendiri, pembelian alat ganti (sekiranya diperlukan) akan dilakukan melalui pesanan tempatan. Bagi memastikan AGSV sentiasa berkeadaan baik, TUDM memperkenalkan konsep senggaraan 2 peringkat iaitu dilakukan oleh TUDM dan kontraktor yang dilantik.

a. Peringkat TUDM

Ia merupakan senggaraan bersepadu yang dilaksanakan oleh juruteknik TUDM. Skop kerja adalah terdiri daripada 2 peringkat seperti berikut:

i. ***Organisational Level Maintenance*** **(OLM)** – Kerja dilaksanakan sepenuhnya oleh pengguna dan staf Cawangan Kejuruteraan yang ditempatkan di Skuadron yang merangkumi kerja seperti berikut:

- Rawatan harian – Sebelum dan selepas penggunaan.
- Rawatan mingguan.
- Rawatan bulanan.
- Mencuci kenderaan.
- Membaiki kerosakan kecil.

ii. ***Intermediate Level Maintenance*** **(ILM)** – Kerja dilaksanakan sepenuhnya oleh Juruteknik di Cawangan Kejuruteraan yang merangkumi kerja seperti berikut:

- Rawatan 3 bulan.
- Rawatan ke atas komponen kecil.
- Membaiki kerosakan kecil dan mengganti komponen.
- Melakukan pengubahsuaian SI (Servicing Instruction) atau STI (Special Technical Instruction) yang tidak melibatkan kemahiran.

b. Peringkat Kontraktor

Penyenggaraan yang dilakukan oleh kontraktor yang dilantik meliputi sebahagian daripada aktiviti ILM yang tidak dilaksanakan oleh TUDM dan seluruh aktiviti *Depot Level Maintenance* yang meliputi kerja seperti berikut:

- Rawatan 6 bulan.
- Rawatan tahunan.
- Melaksanakan pembuangan karbon (Decarbonizing) daripada enjin.
- Pencegah karat termasuk mengecat *chassis*.
- Membuka dan memasang tayar/tiub mengikut keupayaan organisasi dari segi kekuatan anggota dan peralatan.
- Membaiki kerosakan yang tidak dapat dilaksanakan di peringkat ILM.

- Membaiki kerosakan besar, mengganti komponen dan pengubahsuaian yang dibenarkan oleh Bahagian Kejuruteraan Markas Tentera Udara.
- Rawatan pembaharuan berjadual.

33.4.2.3. Semakan Audit mendapati Kementerian telah membelanjakan antara RM14,640 hingga RM402,252 bagi tahun 2008 dan RM6,550 hingga RM387,036 bagi tahun 2009 untuk kerja pembaikan serta penyenggaraan AGSV. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 33.5
KOS PEMBAIKAN DAN PENYENGGARAAN AGSV

PANGKALAN TUDM	JENIS AGSV	NO. PENDAFTARAN AGSV	KOS PEMBAIKAN/PENYENGGARAAN		
			2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (Sehingga Jun) (RM)
Subang	*Towing Tractor*	ZA 7032	54,949	6,550	-
		ZU 3032	53,900	-	-
		ZU 3719	53,450	29,100	10,500
		ZU 3705	90,080	-	25,000
	Fire Tender	ZU 3682	122,498	124,950	33,100
	Aircraft Refueller	ZA 7098	54,820	-	42,380
		ZA 7067	75,158	45,450	31,719
		ZA 7068	-	387,036	15,240
Kuantan	*Aircraft Refueller*	ZA 7100	47,340	-	77,941
		ZA 7105	70,200	76,646	-
		ZA 7101	65,960	73,696	15,080
		ZA 7099	65,320	51,605	16,480
	Runway Sweeper	ZU 3571	14,640	25,000	-
	Fire Tender	ZU 3036	58,350	59,042	53,620
		ZU 3176	99,320	-	-
	Towing Tractor	ZA 7058	41,860	19,110	-
		ZA 7087	-	59,000	-
Butterworth	*Aircraft Refueller*	ZU 3712	168,631	-	-
		ZU 3043	-	7,300	-
	Crane	ZU 3034	402,252	-	-
JUMLAH			**1,538,728**	**964,485**	**321,060**

33.4.2.4. Kontraktor bagi penyenggaraan AGSV telah dilantik melalui tawaran tender secara terbuka. Sebanyak 10 kontraktor telah dilantik untuk menjalankan kerja penyenggaraan yang meliputi pembaikan di Pangkalan TUDM bagi kawasan Semenanjung dengan kontrak bernilai RM61.30 juta dan tempoh kuat kuasa kontrak mulai 6 Jun 2007 hingga 5 Jun 2010 (tempoh kontrak telah

dilanjutkan sehingga 6 Disember 2010). Manakala bagi kontrak penyenggaraan di kawasan Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak, Syarikat Jati Bumi General Services Sdn. Bhd. telah dipilih untuk menjalankan kerja penyenggaraan dengan kontrak bernilai RM15.42 juta dan tempoh kuat kuasa kontrak mulai 21 Jun 2005 hingga 20 Julai 2008 (tempoh kontrak telah dilanjutkan sehingga 20 Julai 2010). Pelantikan kontraktor adalah berdasarkan kepada latar belakang syarikat, keupayaan pengurusan dan pekerja, keupayaan fasiliti, keupayaan kewangan dan pengalaman. Senarai kontraktor yang telah dilantik adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 33.6
KONTRAKTOR YANG MENJALANKAN KERJA PENYENGGARAAN

KONTRAKTOR	LOKASI PENYENGGARAAN
Aerospace Technology Systems Corp. Sdn. Bhd.	Semenanjung
Talent Global Sdn. Bhd.	Semenanjung
Boustead Emastulin Sdn. Bhd.	Semenanjung
Sesama Auto Sdn. Bhd.	Semenanjung
Pesaka Astana (M) Sdn. Bhd.	Semenanjung
Ismail Klinik Kereta Sdn. Bhd.	Semenanjung
Aviasi Industri Sdn. Bhd.	Semenanjung
ARG Tech Sdn. Bhd.	Semenanjung
Nikmat Permai Sdn. Bhd.	Semenanjung
Kobat Engineering Services Sdn. Bhd.	Semenanjung
Syarikat Jati Bumi General Services Sdn. Bhd.	Wilayah Persekutuan Labuan Dan Sarawak

33.4.2.5. Setiap AGSV yang dihantar untuk penyenggaraan akan ditetapkan tempoh masa penyenggaraan atau dipanggil *Turn Around Time* (TAT). Semakan Audit di Pangkalan TUDM Kuantan dan Butterworth mendapati AGSV yang dihantar untuk penyenggaraan tidak dapat disiapkan oleh kontraktor dalam tempoh TAT yang dipersetujui dan terpaksa dilanjutkan beberapa kali. Kelewatan menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan adalah disebabkan kontraktor tidak dapat mengenal pasti kerosakan yang dialami; ketiadaan alat ganti; alat ganti terpaksa diimport dari luar negara dan mengambil masa untuk penghantaran serta kontraktor tiada kepakaran untuk membaiki kerosakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 33.7
KELEWATAN PENYENGGARAAN OLEH KONTRAKTOR

PANGKALAN TUDM	JENIS AGSV	NO. PENDAFTARAN AGSV	KONTRAKTOR	KOS PENYENGGARAAN (RM)	TARIKH ROSAK	TAT YANG DIPERUNTUKKAN (Hari)	TAT YANG DIAMBIL OLEH KONTRAKTOR (Hari)	LEWAT (Hari)
Kuantan	*Towing Tractor*	ZA 3101	Kobat Engineering Services Sdn. Bhd.	7,520	09.04.2008	10	20	10
		ZA 7058	Sesama Auto Sdn. Bhd.	41,860	09.04.2008	35	60	25
		ZA 7062	Kobat Engineering Services Sdn. Bhd.	17,370	30.07.2008	14	60	46
		ZU 3007	Aerospace Technology Systems Corp. Sdn. Bhd.	5,835	14.03.2008	3	9	6

PANGKALAN TUDM	JENIS AGSV	NO. PENDAFTARAN AGSV	KONTRAKTOR	KOS PENYENGGARAAN (RM)	TARIKH ROSAK	TAT YANG DIPERUNTUKKAN (Hari)	TAT YANG DIAMBIL OLEH KONTRAKTOR (Hari)	LEWAT (Hari)
Kuantan	*Fire Tender*	ZU 3670	Ismail Klinik Kereta Sdn. Bhd.	48,952	09.04.2008	33	130	97
		ZU 3036	Talent Global Sdn. Bhd.	58,350	04.04.2008	14	50	36
		ZU 3176	Sesama Auto Sdn. Bhd.	99,320	25.06.2008	35	64	29
	Aircraft Refueller	ZA 7100	Sesama Auto Sdn. Bhd.	47,340	04.04.2008	28	80	52
		ZA 7105	Kobat Engineering Services Sdn. Bhd.	70,200	29.03.2008	20	25	5
	Towing Tractor	ZU 3421	Kobat Engineering Services Sdn. Bhd.	19,248	13.11.2008	14	16	2
		ZA 7062	Aerospace Technology Systems Corp. Sdn. Bhd.	3,150	28.08.2009	5	7	2
		ZA 7067	Kobat Engineering Services Sdn. Bhd.	59,000	18.02.2009	21	25	4
		ZU 3004	Talent Global Sdn. Bhd.	7,692	12.01.2009	7	41	34
	Fire Tender	ZU 3036	Ismail Klinik Kereta Sdn. Bhd.	59,042	18.02.2009	14	65	51
	Aircraft Refueller	ZA 7105	Sesama Auto Sdn. Bhd.	50,780	29.06.2009	37	120	83
	Crane	ZB 2305	Boustead Emastulin Sdn. Bhd.	76,560	12.01.2009	30	265	235
	Fire Tender	ZU 1156	Kobat Engineering Services Sdn. Bhd.	11,340	01.04.2010	20	52	32
Butterworth	*Towing Tractor*	ZU 3560	Aviasi Industri Sdn. Bhd.	48,420	07.04.2008	42	438	396
	Aircraft Refueller	ZU 3712	Kobat Engineering Services Sdn. Bhd.	21,800	28.12.2009	7	41	34
	Aircraft Refueller	ZU 3419	Kobat Engineering Services Sdn. Bhd.	22,045	26.03.2010	10	31	21

Pada pendapat Audit, memandangkan salah satu asas pelantikan kontraktor adalah berdasarkan pengalaman dan kepakaran, Kementerian perlu memastikan kontraktor yang dilantik mempunyai kepakaran penyenggaraan mengikut jenis AGSV dan menimbang untuk membahagikan kontraktor mengikut zon. lanya bertujuan untuk memastikan kerja dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

33.4.2.6. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Tapisan Perolehan (JTP) Siri 1/09 Pangkalan TUDM Subang mendapati prestasi kontraktor pernah dibangkitkan dan pihak pangkalan telah membuat cadangan supaya 4 kontraktor yang tidak memenuhi keperluan operasi dan prestasi yang diharapkan disenaraihitamkan bagi tempoh yang ditetapkan oleh JTP. JTP juga

mencadangkan supaya *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) dikenakan kepada 2 daripada 4 kontraktor berkenaan serta satu kontraktor lain yang gagal menyempurnakan kerja penyenggaraan mengikut tempoh TAT yang telah ditetapkan.

33.4.2.7. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, Jawatankuasa Liquidated Damages (JKLD) telah diwujudkan pada awal tahun 2009 berperanan untuk membincangkan hal yang berkaitan LAD dan persetujuan bersama dengan pihak kontraktor untuk tindakan pembayaran selanjutnya. Proses LAD ke atas kelewatan yang dimajukan oleh unit telah didaftarkan di Markas Logistik Udara dan dibincangkan dalam JKLD pada 25 Januari 2011. Tindakan ini dilaksanakan sebelum Jaminan Bank dipulangkan bersekali dengan obligasi kontrak untuk menentukan pelepasan liabiliti. Bagi menentukan keberkesanan perkara tersebut, tindakan JKLD diambil secara berterusan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.* Sungguhpun JKLD telah ditubuhkan, namun pihak Audit mendapati tindakan untuk mengenakan denda belum pernah diambil oleh Kementerian, sebaliknya hanya surat amaran awal terhadap kegagalan syarikat mematuhi syarat kontrak telah dikeluarkan oleh Markas Logistik Udara.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan denda dikenakan terhadap kontraktor di atas kelewatan menyempurnakan kerja penyenggaraan memandangkan kontraktor kerap kali diberi masa tambahan apabila berlaku kelewatan.

33.4.3. Bayaran *Man-hour* Yang Berbeza

Kadar bayaran yang seragam mengikut jenis kenderaan perlu dimasukkan dalam kontrak penyenggaraan bagi mengelakkan kontraktor mengenakan harga yang lebih tinggi. Semakan Audit mendapati kontrak penyenggaraan AGSV bagi kawasan Semenanjung tidak menetapkan kadar bayaran *man-hour* yang boleh dikenakan oleh kontraktor. Bagaimanapun, bagi kawasan Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak, kadarnya telah ditetapkan dalam kontrak penyenggaraan iaitu RM48 sejam. Adalah didapati kadar bayaran *man-hour* yang dikenakan oleh kontraktor di kawasan Semenanjung adalah antara RM30 hingga RM85 sejam seperti di **Jadual 33.8**. *Kementerian memaklumkan bahawa kadar bayaran man-hour yang seragam mengikut jenis kenderaan telah dimasukkan dalam kontrak AGSV yang baru memandangkan kontrak penyenggaraan sedia ada bagi kawasan Semenanjung telah tamat pada 6 Disember 2010.*

JADUAL 33.8
KADAR BAYARAN *MAN-HOUR* YANG DIKENAKAN OLEH KONTRAKTOR

KONTRAKTOR	KADAR *MAN-HOUR* (RM)
Boustead Emastulin Sdn. Bhd.	35 - 80
Pesaka Astana Sdn. Bhd.	30
Sesama Auto Sdn. Bhd.	40
Aerospace Technology Systems Corp. Sdn. Bhd.	35
Kobat Engineering Services Sdn. Bhd.	35
Talent Global Sdn. Bhd.	33
Nikmat Permai Sdn. Bhd.	36
Aviasi Industri Sdn. Bhd.	85

33.5. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, penggunaan dan penyenggaraan AGSV menunjukkan beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki bagi memastikan aktiviti dan operasi harian di Pangkalan TUDM berjalan lancar. Oleh itu, adalah disyorkan supaya Kementerian Pertahanan memberi perhatian kepada perkara seperti berikut:

33.5.1. Memastikan penggantian AGSV yang melebihi had umur ekonomi sama ada secara perolehan atau sewaan supaya tahap boleh guna kenderaan menepati 70% seperti yang telah ditetapkan dan tidak mengganggu operasi harian di pangkalan.

33.5.2. Memastikan kontraktor yang dilantik mempunyai kepakaran mengikut jenis AGSV dan menimbang untuk membahagikan kontraktor mengikut zon memandangkan salah satu asas pelantikan kontraktor adalah berdasarkan pengalaman dan kepakaran kontraktor. Ianya bertujuan bagi memastikan kerja dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

33.5.3. Memastikan denda dikenakan terhadap kontraktor di atas kelewatan menyempurnakan kerja penyenggaraan memandangkan kontraktor kerap kali diberi masa tambahan apabila berlaku kelewatan.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

34. PENGURUSAN ASKAR WATANIAH

34.1. LATAR BELAKANG

34.1.1. Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD) merupakan gabungan organisasi Pasukan Pertahanan Tempatan, *Home Guard* dan Askar Melayu Wataniah yang digerakkan selepas Perang Dunia Pertama. PSTD yang kini dikenali sebagai Askar Wataniah telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Jun 1958 oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Askar Wataniah yang terletak di bawah pengurusan Kementerian Pertahanan (Kementerian) berfungsi untuk membantu menyediakan keanggotaan bagi menambah besar (augment) kekuatan kepada Angkatan Tetap, sentiasa bersedia untuk dimobilisasi dan diatur gerak apabila keadaan memerlukan serta bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Awam semasa kecemasan atau bencana alam.

34.1.2. Struktur Askar Wataniah terdiri daripada Batalion Infantri Siri 300 Askar Wataniah, Rejimen Siri 500 Askar Wataniah, unit-unit bantuan tempur Askar Wataniah dan bantuan perkhidmatan Kor Gerak Khas, Kor Perkhidmatan Am, Kor Agama Angkatan Tentera dan Rejimen Pakar Askar Jurutera DiRaja (RAJD). Rejimen di bawah elemen pakar adalah Rejimen Jurutera Pakar Pelabuhan, Rejimen Jurutera Pakar Keretapi, Rejimen Jurutera Pakar Pengendalian Air dan Rejimen Jurutera Pakar Pengendalian Janakuasa. Pengurusan dan pemantauan terhadap Askar Wataniah adalah terletak di bawah Bahagian Pasukan Simpanan Kementerian Pertahanan.

34.1.3. Sehingga 31 Disember 2010, jumlah kekuatan Askar Wataniah terdiri daripada 1,109 anggota Angkatan Tetap/kerahan dan 56,434 anggota Askar Wataniah yang terdiri daripada rejimen dan kor yang ditetapkan peranan serta tugas masing-masing. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, Askar Wataniah telah menerima peruntukan berjumlah RM113.10 juta dan membelanjakan sejumlah RM148.73 juta.

34.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Askar Wataniah di Kementerian telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

34.3. SKOP DAN METODOLOGI

Pengauditan ini meliputi pengurusan Askar Wataniah di Rejimen Siri 500 dan Rejimen Pakar. Semakan dilakukan terhadap dokumen, fail dan rekod serta pematuhan kepada pekeliling/peraturan/arahan yang berkaitan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 di Bahagian Pasukan Simpanan dan Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT), Kementerian. Lawatan Audit telah dijalankan terhadap 6 Rejimen Askar Wataniah iaitu Rejimen 502, Rejimen 507, Rejimen 509, Rejimen 514, Rejimen 515 dan Rejimen Pakar. Selain itu, perbincangan dengan pegawai terlibat juga telah diadakan.

34.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati pengurusan Askar Wataniah adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah peruntukan kewangan terhad; Kementerian masih belum berjaya mencapai sepenuhnya sasaran kehadiran latihan yang ditetapkan; kemudahan prasarana terhad dan usang; kehadiran dan keaktifan Askar Wataniah hanya merangkumi 2.7% hingga 38.1% bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010; pengurusan pembayaran tidak mematuhi peraturan kewangan dan pembayaran yang tidak sepatutnya (improper payment); pembayaran elaun secara tunai; elaun tidak dibayar; sistem perekodan tidak lengkap dan kemas kini serta pemantauan yang kurang berkesan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

34.4.1. Prestasi Kewangan

34.4.1.1. Bahagian Pasukan Simpanan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pemantauan semua unit Askar Wataniah di seluruh Malaysia telah memohon peruntukan daripada Kementerian Pertahanan berjumlah RM45.70 juta bagi tahun 2008 dan RM57.33 juta bagi tahun 2009. Semakan Audit mendapati peruntukan tahunan yang diluluskan bagi 2 tahun tersebut adalah berjumlah RM37.70 juta masing-masingnya. Bagaimanapun, tambahan peruntukan berjumlah RM12 juta telah diperolehi pada tahun 2009. Jumlah peruntukan yang sama juga telah diluluskan bagi tahun 2010. Adalah didapati kekurangan peruntukan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 telah menyebabkan berlakunya lebihan perbelanjaan berjumlah RM23.63 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 34.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN ASKAR WATANIAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

TAHUN	PERUNTUKAN			PERBELANJAAN SEBENAR		
	PERMOHONAN (RM Juta)	KELULUSAN		JUMLAH (RM Juta)	(%)	LEBIH/(KURANG) (RM Juta)
		(RM Juta)	(%)			
2008	45.70	37.70	82.5	50.37	133.6	(12.67)
2009	57.33	49.70*	86.7	57.97	116.6	(8.27)
2010	Peruntukan Dasar Sedia Ada	37.70	TB	40.39	107.1	(2.69)
JUMLAH		**125.10**		**148.73**		**(23.63)**

Nota: ***(*) - Termasuk Peruntukan Tambahan Yang Diluluskan Berjumlah RM12 Juta***
TB - Tidak Berkenaan

34.4.1.2. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, lebihan perbelanjaan adalah disebabkan perkara seperti berikut:

a. Peruntukan yang diluluskan pada tahun 2008 dan 2009 hanya 82.4% dan 86.7% masing-masingnya daripada keperluan sebenar.

b. Lebihan perbelanjaan pada tahun 2010 berjumlah RM2.69 juta sebahagiannya adalah bagi menampung perbelanjaan pelancaran 42 kompeni Askar Wataniah yang berjumlah RM1.74 juta seperti di jadual berikut:

JADUAL 34.2
PELANCARAN KOMPENI ASKAR WATANIAH PADA TAHUN 2010

KAWASAN PARLIMEN		TARIKH PELANCARAN	PERBELANJAAN TERLIBAT (RM)
NAMA/NEGERI	BIL.		
Pendang, Kota Star, Kuala Kedah dan Pokok Sena/Kedah	4	30.07.2010	165,568
Kota Bharu, Ketereh, Kubang Kerian dan Machang/Kelantan	4	06.06.2010	165,568
Larut, Parit, Gopeng, Padang Rengas, Kuala Kangsar dan Taiping/Perak	6	14.11.2010	248,352
Raub, Kuala Krau, Kuantan, Paya Besar dan Indera Mahkota/ Pahang	5	27.06.2010	206,960
Kota Kinabalu, Kota Belud, Penampang, Tenom, Pensiangan dan Ranau/Sabah	6	08.08.2010	248,352
Batu Sapi, Beluran, Libaran dan Sandakan/Sabah	4	31.10.2010	165,568
Bukit Katil, Masjid Tanah, Tangga Batu dan Jasin/Melaka	4	16.10.2010	165,568
Mambung, Batang Lupar, Batang Sadong, Igan, Sibu, Julau, Lanang, Kanowit dan Tanjung Manis/Sarawak	9	30.10.2010	372,528
JUMLAH	**42**		**1,738,464**

34.4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati disebabkan kekurangan peruntukan, kehadiran latihan anggota Askar Wataniah pada tahun 2010

menurun sebanyak 8,728 anggota berbanding kehadiran latihan tahun 2009. Selain itu, Latihan Berterusan juga tidak dijalankan pada tahun 2010. Butirannya adalah seperti di **Jadual 34.3**. Di samping itu, kekurangan peruntukan ini juga telah menyebabkan kemudahan bagi Askar Wataniah tidak dapat disedia dan disenggara dengan baik.

JADUAL 34.3
KEHADIRAN LATIHAN

TAHUN	LATIHAN TEMPATAN	LATIHAN BERTERUSAN	LATIHAN TAHUNAN	JUMLAH
2008	9,560	6,486	7,539	23,585
2009	8,036	7,709	8,100	23,845
2010	7,822	-	7,295	15,117
JUMLAH	**25,418**	**14,195**	**22,934**	**62,507**

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah mempertimbangkan permohonan peruntukan tahunan Bahagian Pasukan Simpanan bagi memastikan program yang dirancang dapat dilaksanakan sewajarnya. Selain itu, justifikasi kelulusan peruntukan perlu memberi fokus terhadap aspek menaik taraf prasarana dan kemudahan asas.

34.4.2. Prestasi Pencapaian Penubuhan Askar Wataniah

34.4.2.1. Dasar Pertahanan Negara (DPN) dan Strategi Ketenteraan Negara (SKN) telah menggariskan Pasukan Simpanan perlu dibangunkan seiring dengan pembangunan angkatan tetap. Keanggotaan Askar Wataniah boleh disertai oleh semua kaum daripada semua sektor mengikut syarat dan peraturan yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, Menteri Pertahanan menetapkan dalam *Key Perfomance Indicator* (KPI) Kementerian untuk meningkatkan jumlah penyertaan rakyat dalam Askar Wataniah dengan menubuhkan 1 Kompeni Askar Wataniah atau setaraf di setiap kawasan Parlimen dan menubuhkan unit Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara.

34.4.2.2. Semakan Audit mendapati setakat tahun 2010, Kementerian telah melancarkan penubuhan kompeni di 164 (73.9%) daripada 222 kawasan Parlimen yang telah ditetapkan. Penubuhan unit PALAPES di setiap IPTA juga masih belum dicapai sepenuhnya kerana kelulusan perjawatan anggota Angkatan Tetap PALAPES bergantung kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam. Setakat bulan Disember 2010, sebanyak 16 (80%) daripada 20 buah IPTA di seluruh negara telah menubuhkan unit PALAPES. Sementara 4 lagi IPTA iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Zainal Abidin

(UNIZA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Teknologi Melaka (UteM) akan menubuhkan unit PALAPES pada tahun 2011 dan 2012.

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian penubuhan Askar Wataniah di peringkat Parlimen dan IPTA adalah memuaskan di mana 73.9% daripada kawasan Parlimen yang ditetapkan telah menubuhkan Askar Wataniah dan 80% daripada IPTA telah menubuhkan unit PALAPES.

34.4.3. Kemudahan Prasarana Di Rejimen Kurang Memuaskan

Kemudahan prasarana yang baik penting untuk memastikan anggota Askar Wataniah mendapat latihan yang setara dengan anggota Angkatan Tetap untuk mencapai objektif yang ditetapkan dan sentiasa bersiapsiaga untuk membantu anggota Angkatan Tetap apabila diperlukan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

34.4.3.1. Kemudahan Bangunan Latihan

Lawatan Audit ke 2 daripada 6 Rejimen yang dipilih mendapati kemudahan bangunan latihan kurang memuaskan. Lawatan ke Batalion 3, Rejimen 502, Sabak Bernam mendapati latihan dijalankan di dewan yang terbuka, Batalion 2, Rejimen 502, Shah Alam dan Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud menggunakan garaj kenderaan untuk sesi pembelajarannya. Manakala Kompeni C, Batalion 1, Rejimen 507, Kudat menjalankan sesi pembelajaran di Astaka Stadium; Batalion 3, Rejimen 507, Kota Kinabalu menggunakan bangunan lama yang usang serta sempit. Latihan di Kompeni B, Batalion 1, Rejimen 507, Kota Marudu dijalankan di bangunan lama dan uzur yang dipinjam dari Pejabat Tanah dan Jajahan, Kota Marudu serta sering dinaiki air apabila musim hujan dan anggota terpaksa dikerah untuk membersihkan bangunan ini. Bagi menjalankan latihan kawad, Batalion 2, Rejimen 502, Shah Alam menggunakan jalan raya dalam kawasan kem dan di Batalion 2, Rejimen 507, Kota Kinabalu latihan dilaksanakan di jalan raya luar kawasan kem. Keadaan kemudahan bangunan latihan dan tapak latihan kawad adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 34.1



Batalion 3, Rejimen 502, Sabak Bernam - Dewan Terbuka Yang Dijadikan Kelas (06.05.2010)

GAMBAR 34.2



Batalion 2, Rejimen 502, Shah Alam - Sesi Pembelajaran Dijalankan Di Garaj Kenderaan (05.05.2010)

GAMBAR 34.3



Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud
- Sesi Pembelajaran Dijalankan Di Garaj Kenderaan
(Sumber Gambar: Rejimen 507 - 11.05.2010)

GAMBAR 34.4



Kompeni C, Batalion 1, Rejimen 507, Kudat
- Sesi Pembelajaran Dijalankan Di Astaka Stadium
(Sumber Gambar: Rejimen 507 - 08.07.2010)

GAMBAR 34.5



Kompeni B, Batalion 1, Rejimen 507, Kota Marudu
- Bangunan Lama Dan Uzur
Dijadikan Tempat Latihan
(Sumber Gambar: Rejimen 507 - 08.07.2010)

GAMBAR 34.6



Batalion 2, Rejimen 507, Kota Kinabalu
- Jalan Raya Digunakan Sebagai Tapak Kawad
(02.07.2010)

34.4.3.2. Bangunan Penginapan

a. Adalah didapati 6 bangunan penginapan di Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud yang boleh digunakan semasa Latihan Berterusan dan Kem Tahunan telah diambil alih oleh Majlis Keselamatan Negara sebagai Pusat Tahanan Sementara Kota Belud mulai bulan Ogos 2008. Pada bulan Februari 2010, Kementerian telah memohon bagi pengambilan semula bangunan tersebut kerana Operasi Fasa 2 Pantai Timur Sabah sepatutnya tamat pada bulan Disember 2009. Bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing dan Pendatang Tanpa Izin memutuskan agar operasi ini diteruskan sehingga tahun 2013. Keadaan ini menyebabkan Rejimen 507 kekurangan blok penginapan untuk menampung kehadiran anggota yang melebihi 1,000 orang setiap kali Latihan Berterusan dan Kem Tahunan diadakan. Antara bangunan penginapan yang telah diambil alih dan digunakan sebagai Pusat Tahanan Sementara adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 34.7



GAMBAR 34.8



Pusat Tahanan Sementara, Kota Belud
Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud
- Antara Bangunan Yang Dijadikan Tempat Tahanan PATI
(01.07.2010)

b. Lawatan Audit mendapati pengambilalihan bangunan penginapan oleh Majlis Keselamatan Negara telah menyebabkan anggota Askar Wataniah terpaksa menggunakan bangunan yang uzur dan kurang memuaskan sebagai tempat penginapan. Bangunan penginapan yang disediakan sempit dan uzur manakala perabot dan kelengkapan yang digunakan telah usang. Bangunan penginapan ini juga tidak diselenggara dengan baik menyebabkan bekalan air dan elektrik sering terganggu. Pihak Audit dimaklumkan kemudahan tandas dan bilik mandi tidak mencukupi semasa Latihan Berterusan dan Kem Tahunan dijalankan menyebabkan anggota wanita terpaksa mandi menggunakan paip air di luar bangunan dengan hanya dilindungi kanvas. Anggota lelaki pula terpaksa menyambung paip air melebihi 100 meter ke bangunan penginapan berikutan ketiadaan air. Gambar berikut menunjukkan contohnya.

GAMBAR 34.9



Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud
- Tempat Penginapan Anggota Wanita
(01.07.2010)

GAMBAR 34.10



Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud
- Tempat Penginapan Anggota Lelaki
(01.07.2010)

GAMBAR 34.11




Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud
- Anggota Wanita Terpaksa Mandi Menggunakan Paip Air Di Luar Bangunan
(01.07.2010)

GAMBAR 34.12



Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud
- Paip Air Disambung Oleh Pihak Kem Ke Blok Penginapan Lelaki
(01.07.2010)



GAMBAR 34.13

Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud
-Paip Yang Digunakan Untuk Menyalurkan Air Ke Tingkat Bawah Di Kuarters
(01.07.2010)

c. Tangki air di blok penginapan lelaki Rejimen 515, Wangsa Keramat pula didapati bocor menyebabkan dinding bangunan ini ditumbuhi kulat; siling tandas rosak; bekalan elektrik terganggu dan *lift* tidak berfungsi. Selain itu, masalah paip bocor mengakibatkan takungan air di lantai koridor dan berlaku resapan di dinding blok penginapan tersebut. Keadaan bangunan blok penginapan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 34.14



Blok Penginapan Lelaki
Rejimen 515, Kem Wangsa Keramat
- Dinding Berkulat Akibat Tangki Bocor
(11.05.2010)

GAMBAR 34.15



Tandas Blok Penginapan Lelaki
Rejimen 515, Kem Wangsa Keramat
- Siling Tandas Rosak Akibat Tangki Bocor
(11.05.2010)

GAMBAR 34.16



Blok Penginapan Lelaki
Rejimen 515, Wangsa Keramat
- Elektrik Tidak Berfungsi Akibat
Limpahan Air Dari Tangki Bocor
(11.05.2010)

GAMBAR 34.17



Blok Penginapan Lelaki
Rejimen 515, Wangsa Keramat
- Resapan Dan Takungan Air Akibat
Paip Dalam Dinding Bocor
(11.05.2010)

34.4.3.3. Kelengkapan Dan Kemudahan

a. Lawatan Audit ke Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud mendapati surau yang digunakan oleh anggota Askar Wataniah adalah sempit dan usang. Selain itu, kawasan kem hanya mempunyai pintu pagar manakala kawasan sekeliling kem tidak berpagar. Keadaan ini boleh mengundang bahaya kepada keselamatan anggota Askar Wataniah kerana kem ini berisiko dicerobohi oleh pihak luar. Keadaan kelengkapan dan kemudahan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 34.18



Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud
- Surau Yang Sempit Dan Usang
(01.07.2010)

GAMBAR 34.19



Batalion 1, Rejimen 507, Kota Belud
- Kawasan Kem Hanya Mempunyai Pintu Pagar
(01.07.2010)

b. Lawatan ke Rejimen 509, Pulau Pinang, mendapati Rejimen kekurangan peralatan memasak kerana hanya terdapat 2 kawah untuk memasak nasi dan lauk. Manakala di Rejimen 515, Wangsa Keramat pula, kawah untuk memasak lauk telah bocor dan berkarat menyebabkan tukang masak terpaksa menggunakan periuk yang lebih kecil walaupun telah memohon yang baru. Kekurangan peralatan memasak menyebabkan penyediaan makanan untuk anggota Askar Wataniah mengambil masa yang lama, terutama ketika ramai anggota menghadiri latihan. Selain itu, lawatan Audit ke Batalion 2, Rejimen 502, Shah Alam mendapati ruang dapur hanya dibina di hujung bangunan serbaguna (hanger) dan keadaannya sempit serta tidak selesa. Keadaan kemudahan memasak adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 34.20



Rejimen 509, Pulau Pinang
- Kawah Digunakan Untuk Memasak Nasi
(22.07.2010)

GAMBAR 34.21



Rejimen 515, Wangsa Keramat
- Kawah Bocor Dan Berkarat
(11.05.2010)



GAMBAR 34.22

Batalion 2, Rejimen 502 Shah Alam
- Ruang Masak Sempit Dan Tidak Selesa
(05.05.2010)

34.4.3.4. Kemudahan Pejabat Pentadbiran

Suasana pejabat yang kondusif; dilengkapi dengan peralatan seperti komputer, mesin pencetak, mesin fotostat dan alat tulis serta dibekalkan dengan elektrik dan air yang mencukupi adalah perlu untuk memastikan pengurusan pentadbiran yang teratur. Lawatan Audit ke Pejabat Gaji Rejimen 507, Sabah mendapati pejabat yang sempit menjadi panas dan gelap kerana gangguan bekalan elektrik menyukarkan anggota Angkatan Tetap di Rejimen berkenaan menjalankan tugas seharian. Adalah didapati juga kekurangan ruang pejabat menyebabkan dokumen kewangan terpaksa disimpan di ruang yang terhad dan diletakkan di atas lantai. Mesin fotostat pula tidak boleh digunakan kerana rosak. Manakala di Pejabat Gaji Rejimen 502, Sungai Buloh pula, ruang pejabat yang sempit telah mengakibatkan dokumen kewangan diletakkan di atas meja dan disimpan dalam almari pakaian. Selain itu, komputer dan mesin pencetak yang tidak mencukupi telah menyukarkan proses kerja pegawai di Pejabat Gaji. Adalah didapati ruang pejabat di Rejimen 514, Melaka juga sempit dan menyebabkan ketidakselesaan anggota Angkatan Tetap menjalankan tugas seharian. Keadaan kemudahan dan ruang pejabat yang tidak kondusif adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 34.23



Pejabat Gaji, Rejimen 507, Sabah
- Keadaan Pejabat Yang Gelap
(02.07.2010)

GAMBAR 34.24



Pejabat Gaji, Rejimen 507, Sabah
- Baucar Diletak Di Lantai Kerana Kekurangan Ruang
(02.07.2010)

GAMBAR 34.25



Pejabat Gaji, Rejimen 507, Sabah
- Ruang Penyimpanan Dokumen Terhad
(02.07.2010)

GAMBAR 34.26



Pejabat Gaji, Rejimen 507, Sabah
- Mesin Fotostat Yang Rosak
(02.07.2010)

GAMBAR 34.27



Pejabat Gaji, Rejimen 502 Sungai Buloh
- Dokumen Kewangan Di Atas Meja
(04.08.2010)

GAMBAR 34.28




Stor Latih, Rejimen 502, Sungai Buloh
- Almari Pakaian Digunakan Untuk
Penyimpanan Dokumen Kewangan
(04.08.2010)

GAMBAR 34.29



Stor Latih, Rejimen 502, Sungai Buloh
- Dokumen Disimpan Dalam Almari Pakaian
(04.08.2010)

GAMBAR 34.30



Stor Latih, Rejimen 502, Sungai Buloh
- Komputer Dan Mesin Pencetak
Yang Belum Dilupuskan
(04.08.2010)

34.4.3.5. Pengurusan Stor

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 berkenaan Tatacara Pengurusan Stor antaranya menyatakan pengurusan stor adalah salah satu aspek pengurusan kewangan yang penting. Ini disebabkan barangan dalam stor merupakan harta modal Kerajaan yang tersimpan dalam bentuk barang bagi tujuan memberi perkhidmatan kepada pelanggan pada kos yang minimum. Lawatan Audit ke stor Batalion 3, Rejimen 502, Sabak Bernam mendapati stor terlalu usang, ruang yang terhad dan dipenuhi dengan sarang anai-anai. Keadaan stor yang uzur memerlukan pembinaan bangunan baru dengan kadar segera bagi mengelakkan bangunan stor runtuh dan menyebabkan kerosakan barang-barang di stor. Keadaan stor berkaitan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 34.31




Batalion 3, Rejimen 502, Sabak Bernam - Stor Penyimpanan Barang Usang (06.05.2010)

GAMBAR 34.32



Batalion 3, Rejimen 502, Sabak Bernam - Ruang Stor Yang Kecil Dan Terhad (06.05.2010)

GAMBAR 34.33



Batalion 3, Rejimen 502, Sabak Bernam - Struktur Bangunan Stor Dimakan Anai-anai (06.05.2010)

GAMBAR 34.34



Batalion 3, Rejimen 502, Sabak Bernam - Stor Yang Dipenuhi Dengan Anai-anai (06.05.2010)

Pada pendapat Audit, prasarana yang tidak sempurna memberi impak negatif kepada imej, semangat, penglibatan dan keaktifan anggota Askar Wataniah untuk menghadiri latihan yang ditetapkan. Selain itu, bagi memastikan kawalan dalaman yang berkesan, penyimpanan dokumen kewangan dan perakaunan perlu mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan.

34.4.4. Latihan Askar Wataniah

Askar Wataniah perlu menjalani latihan berteraskan asas ketenteraan bagi menyediakan pasukan yang mampu bergandingan dengan pasukan tetap apabila

diperlukan. Antara latihan yang berkaitan adalah Kursus Asas Perajurit Muda, Latihan Tempatan, Latihan Berterusan dan Latihan Kem Tahunan. Setiap anggota akan dibayar elaun bagi setiap latihan yang dihadiri mengikut kadar yang ditetapkan. Selain itu, setiap anggota layak dibayar Saguhati Tahunan (Bounti) berdasarkan keaktifan menghadiri latihan dalam tahun yang berkaitan mengikut kadar yang ditetapkan dan jumlah jam yang dihadiri. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

34.4.4.1. Bilangan Anggota Berdaftar Dan Hadir Latihan

Semakan Audit terhadap penyata latihan bagi tahun 2008 hingga 2010 di 5 Rejimen yang dilawati mendapati kehadiran anggota bagi latihan yang ditetapkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 34.4
KEHADIRAN LATIHAN PEGAWAI DAN LLP ASKAR WATANIAH
MENGIKUT REJIMEN BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

REJIMEN	KEHADIRAN LATIHAN TEMPATAN PEGAWAI DAN LLP (Bilangan Anggota)				KEHADIRAN LATIHAN BERTERUSAN PEGAWAI DAN LLP (Bilangan Anggota)			KEHADIRAN LATIHAN KEM TAHUNAN PEGAWAI DAN LLP (Bilangan Anggota)			
	2008	2009	2010	Jumlah	2008	2009	Jumlah	2008	2009	2010	Jumlah
502	149	168	260	**577**	250	269	**519**	233	211	127	**571**
507	851	1,106	1,545	**3,502**	302	470	**772**	1,113	1,529	1,457	**4,099**
509	193	152	114	**459**	576	481	**1,057**	166	292	139	**597**
514	199	223	240	**662**	98	206	**304**	98	163	326	**587**
515	96	177	142	**415**	69	140	**209**	292	258	96	**646**

Nota : ***LLP - Lain-lain Pangkat***

a. Latihan Tempatan

i. Latihan Tempatan merupakan latihan yang dijalankan melebihi 2 jam dan maksimum 6 jam. Bagaimanapun, Pegawai Memerintah boleh melanjutkan tempoh latihan sehingga 12 jam sehari jika diperlukan. Setiap anggota pula layak menerima catuan makanan percuma yang diuruskan oleh unit untuk tempoh latihan melebihi 10 jam. Tempoh maksimum setahun ditetapkan tidak melebihi 240 jam.

ii. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, kehadiran Latihan Tempatan tertinggi yang dicatatkan hanya 32.8%. Ini bermakna 67.2% anggota Askar Wataniah tidak menghadiri latihan tersebut untuk memastikan mereka setaraf dengan anggota Angkatan Tetap dan kompeten untuk berkolaborasi apabila diperlukan. Hasil analisis adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 34.5
KEHADIRAN LATIHAN TEMPATAN BERBANDING BILANGAN ANGGOTA BERDAFTAR BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2010

REJIMEN	TAHUN	KEKUATAN (Bilangan Anggota)			KEHADIRAN (Bilangan Anggota)			% KEHADIRAN		
		PEG	LLP	JUMLAH	PEG	LLP	JUMLAH	PEG	LLP	JUMLAH
502	2008	91	2,223	**2,314**	38	111	**149**	41.8	5.0	**6.4**
507		89	4,337	**4,426**	41	810	**851**	46.1	18.7	**19.2**
509		60	2,001	**2,061**	19	174	**193**	31.7	8.7	**9.4**
514		53	2,097	**2,150**	16	183	**199**	30.2	8.7	**9.3**
515		90	2,490	**2,580**	15	81	**96**	16.7	3.3	**3.7**
502	2009	249	1,911	**2,160**	35	133	**168**	14.1	7.0	**7.8**
507		117	3,898	**4,015**	45	1,061	**1,106**	38.5	27.2	**27.6**
509		38	1,589	**1,627**	11	141	**152**	29.0	8.9	**9.3**
514		51	1,831	**1,882**	21	202	**223**	41.2	11.0	**11.9**
515		143	2,568	**2,711**	28	149	**177**	19.6	5.8	**6.5**
502	2010	265	1,806	**2,071**	39	221	**260**	14.7	12.2	**12.6**
507		109	4,603	**4,712**	31	1,514	**1,545**	28.4	32.9	**32.8**
509		52	1,382	**1,434**	10	104	**114**	19.2	7.5	**8.0**
514		60	1,485	**1,545**	31	209	**240**	51.7	14.1	**15.5**
515		120	1,977	**2,097**	25	117	**142**	20.8	5.9	**6.8**

Nota : ***PEG - Pegawai*** ***LLP - Lain-lain Pangkat***

b. Latihan Berterusan

Latihan Berterusan memerlukan anggota Askar Wataniah menghadiri latihan, penugasan dan instruksi yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa yang layak bagi tempoh 72 jam berterusan atau lebih. Tempoh maksimum latihan ini bagi seorang anggota Askar Wataniah tidak melebihi 14 hari dalam setahun. Analisis yang dijalankan mendapati bagi tahun 2008 dan 2009, peratus kehadiran hanya antara 2.7% hingga 29.6% iaitu kurang daripada 30% kehadiran. Latihan Berterusan tidak dapat dijalankan dalam tahun 2010 kerana kekangan kewangan. Hasil analisis adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 34.6
KEHADIRAN LATIHAN BERTERUSAN BERBANDING BILANGAN ANGGOTA BERDAFTAR BAGI TAHUN 2008 DAN 2009

REJIMEN	TAHUN	KEKUATAN (Bil. Anggota)			KEHADIRAN (Bil. Anggota)			% KEHADIRAN		
		PEG	LLP	JUMLAH	PEG	LLP	JUMLAH	PEG	LLP	JUMLAH
502	2008	91	2,223	**2,314**	23	227	**250**	25.3	10.2	**10.8**
507		89	4,337	**4,426**	12	290	**302**	13.5	6.7	**6.8**
509		60	2,001	**2,061**	35	541	**576**	58.3	27.0	**28.0**
514		53	2,097	**2,150**	6	92	**98**	11.3	4.4	**4.6**
515		90	2,490	**2,580**	11	58	**69**	12.2	2.3	**2.7**

REJIMEN	TAHUN	KEKUATAN (Bil. Anggota)			KEHADIRAN (Bil. Anggota)			% KEHADIRAN		
		PEG	LLP	JUMLAH	PEG	LLP	JUMLAH	PEG	LLP	JUMLAH
502	2009	249	1,911	**2,160**	40	229	**269**	16.1	12.0	**12.5**
507		117	3,898	**4,015**	9	461	**470**	7.7	11.8	**11.7**
509		38	1,589	**1,627**	30	451	**481**	79.0	28.4	**29.6**
514		51	1,831	**1,882**	14	192	**206**	27.5	10.5	**11.0**
515		143	2,568	**2,711**	16	124	**140**	11.2	4.8	**5.2**

Nota : ***PEG – Pegawai*** ***LLP – Lain-lain Pangkat***

c. Latihan Kem Tahunan

i. Setiap anggota Askar Wataniah layak menghadiri Latihan Kem Tahunan tidak melebihi 15 hari setahun. Latihan ini boleh dijalankan berterusan selama 15 hari atau dipecahkan kepada beberapa sesi atau modul tetapi tidak kurang daripada 72 jam bagi setiap modul.

ii. Analisis yang dijalankan mendapati kehadiran anggota bagi tahun 2008 hingga 2010 hanya mencapai antara 4.4% hingga 38.1% seperti di jadual berikut:

JADUAL 34.7
KEHADIRAN LATIHAN TAHUNAN BERBANDING BILANGAN ANGGOTA BERDAFTAR BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2010

REJIMEN	TAHUN	KEKUATAN (Bil. Anggota)			KEHADIRAN (Bil. Anggota)			KEHADIRAN (%)		
		PEG	LLP	JUMLAH	PEG	LLP	JUMLAH	PEG	LLP	JUMLAH
502	2008	91	2,223	**2,314**	35	198	**233**	38.5	8.9	**10.1**
507		89	4,337	**4,426**	39	1,074	**1,113**	43.8	24.8	**25.2**
509		60	2,001	**2,061**	15	151	**166**	25.0	7.6	**8.1**
514		53	2,097	**2,150**	11	87	**98**	20.8	4.2	**4.6**
515		90	2,490	**2,580**	35	257	**292**	38.9	10.3	**11.3**
502	2009	249	1,911	**2,160**	34	177	**211**	13.7	9.3	**9.8**
507		117	3,898	**4,015**	32	1,497	**1,529**	27.4	38.4	**38.1**
509		38	1,589	**1,627**	13	279	**292**	34.2	17.6	**18.0**
514		51	1,831	**1,882**	6	157	**163**	11.8	8.6	**8.7**
515		143	2,568	**2,711**	20	238	**258**	14.0	9.3	**9.5**
502	2010	273	1,970	**2,243**	22	105	**127**	8.1	5.3	**5.7**
507		109	4,611	**4,720**	31	1,426	**1,457**	28.4	30.9	**30.9**
509		54	1,345	**1,399**	14	125	**139**	25.9	9.3	**9.9**
514		62	1,515	**1,577**	30	296	**326**	48.4	19.5	**20.7**
515		120	2,045	**2,165**	15	81	**96**	12.5	4.0	**4.4**

Nota : ***PEG - Pegawai*** ***LLP - Lain-lain Pangkat***

34.4.4.2. Analisis Keseluruhan Latihan Askar Wataniah

a. Peratus kehadiran anggota Askar Wataniah bagi 5 Rejimen yang dilawati adalah rendah berbanding dengan bilangan anggota yang berdaftar kerana kurang daripada 40% bilangan yang hadir bagi semua latihan yang ditetapkan dan dirancang sepanjang tahun 2008 hingga 2010. Hanya 149 (6.4%) hingga 1,545 (32.8%) anggota hadir Latihan Tempatan dan bagi Latihan Berterusan pula, kehadiran anggota hanya melibatkan 69 (2.7%) hingga 481 (29.6%) anggota bagi tahun 2008 dan 2009. Manakala Latihan Kem Tahunan hanya dihadiri 96 (4.4%) hingga 1,529 (38.1%) anggota bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010.

b. Semakan Audit mendapati mulai tahun 2010, Bahagian Pasukan Simpanan (BPS) telah mengubah suai silibus Latihan Tempatan sedia ada dengan menyediakan program latihan berdasarkan 3 kelompok penyertaan anggota dalam Askar Wataniah iaitu Silibus Kelompok Pegawai Askar Wataniah; Silibus Kelompok Anggota Askar Wataniah Perkhidmatan Kurang 3 Tahun dan Silibus Kelompok Anggota Askar Wataniah Perkhidmatan Lebih dari 3 tahun. Pertukaran silibus ini bertujuan untuk menarik minat lebih ramai anggota menyertai latihan yang dirancang dan dijadikan pengukur terhadap keberkesanannya. Bagaimanapun, keberkesanannya masih dalam peringkat penilaian awal kerana silibus tersebut baru dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, fungsi Askar Wataniah untuk menyediakan keanggotaan bagi menambah besar (augment) kekuatan Angkatan Tetap, bersedia untuk dimobilisasi dan diatur gerak serta bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Awam semasa darurat hanya dapat dicapai apabila anggota komited terhadap keanggotaannya dan menjalani latihan yang konsisten seperti dirancang. Bagaimanapun, pencapaian bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah kurang memuaskan kerana lebih 60% daripada anggota berdaftar tidak menghadiri latihan seperti yang dirancang.

34.4.5. Pengurusan Bayaran

34.4.5.1. Bayaran Tidak Mengikut Peraturan Yang Ditetapkan (Improper Payment)

Bagi Latihan Tempatan, elaun akan dibayar menggunakan Baucar Latihan Tempatan (BAT E 39) mengikut kadar elaun yang ditetapkan dan disokong dengan Sijil Pengesahan Kedatangan Harian Anggota (Kembaran A) yang disediakan oleh setiap Batalion. Kembaran A tersebut disediakan berdasarkan Buku Kehadiran Latihan yang diselenggarakan serta disahkan oleh jurulatih dan disemak oleh Penolong Pegawai Memerintah yang berkenaan. Bagi Latihan Berterusan, Latihan Tahunan dan Kursus Asas Perajurit Muda, Perintah Bahagian Dua (PERBAH DUA) menyenaraikan anggota yang akan hadir untuk

memohon kelulusan kewangan dari BPS. Dokumen ini digunakan untuk menyokong Baucar Bayaran BAT E 62 yang dikemukakan ke Pejabat Gaji Rejimen oleh Unit Latihan Rejimen untuk semakan Pra Audit di Seksyen Akaun Askar Wataniah. Semakan Audit terhadap 5 rejimen mendapati sejumlah RM3.78 juta daripada sampel yang dipilih merupakan pembayaran yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Berikut adalah keterangan lanjut mengenainya:

a. Anggota Tidak Berhak Dibayar Elaun

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 2008, apa-apa bayaran yang dibuat kepada seseorang yang tidak berhak menerimanya merupakan pembayaran tidak sepatutnya. Semakan Audit mendapati bayaran elaun Latihan Tempatan dibayar kepada seramai 1,623 anggota melibatkan pembayaran keseluruhan berjumlah RM0.96 juta walaupun anggota berkenaan tidak berhak dibayar elaun. Semakan Audit di 4 dari 6 Rejimen yang dilawati mendapati Rejimen tidak mematuhi peraturan pembayaran yang ditetapkan seperti Kembaran A tidak dikemukakan; tiada nama dan tandatangan anggota direkodkan dalam buku kehadiran; tiada rekod masa keluar dan masuk latihan tempatan; pembayaran disediakan tanpa bukti kehadiran; bayaran elaun melebihi jam kehadiran latihan dan pembayaran elaun sebelum tamat latihan.

b. Tiada Kuasa Tuntutan Elaun Pengangkutan (BAT E 22)

Kuasa Tuntutan Elaun Pengangkutan perlu dipohon dengan menggunakan borang BAT E 22 dan diluluskan oleh Pegawai Memerintah selaras dengan para 507 hingga 510 kepada Seksyen 5 Buku Panduan Urusan Gaji Bab F. Sesalinan kuasa tuntutan perlu dihantar kepada Seksyen Akaun Askar Wataniah, Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT) untuk tujuan rekod, pengesahan dan semakan perkiraan tuntutan. Selain itu, Rejimen perlu mengambil kira sebarang teguran dan pindaan dari Jabatanarah UGAT sebagai kelulusan muktamad. Kuasa tuntutan berkaitan akan tamat pada akhir bulan ke 12 yang dikira bermula dari bulan permohonan kuasa perjalanan tersebut dan tidak boleh digunakan melebihi 3 bulan ke belakang dari tarikh permohonan berkenaan. Semakan Audit di Rejimen yang dilawati mendapati tuntutan elaun pengangkutan bagi 1,558 anggota yang menghadiri Latihan Tempatan berjumlah RM0.22 juta telah dibayar walaupun tanpa kuasa tuntutan elaun berkenaan yang diluluskan oleh Pegawai Memerintah dan Seksyen Akaun Askar Wataniah.

c. Baucar Bayaran

i. Sebagai langkah kawalan dalaman dan selaras dengan Lampiran M kepada Arahan Perbendaharaan (AP) 150, lain-lain baucar daripada sistem perakaunan secara manual perlu disimpan sekurang-kurangnya

selama 4 tahun. Selain itu, AP 150 juga menyatakan semua buku dan rekod kewangan hendaklah disimpan dengan cermat sekurang-kurangnya mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Lampiran M selepas pengauditan akaun tahun berkenaan oleh Ketua Audit Negara. Semakan Audit mendapati Rejimen 507, Sabah tidak mengemukakan 6 baucar bayaran berjumlah RM0.41 juta dan pengesahan tidak dapat dilakukan sama ada baucar bayaran tersebut telah disedia, dilulus dan dibayar mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan dan masih berkuat kuasa. Selain itu, sebanyak 12 baucar bayaran berjumlah RM2.02 juta bagi Latihan Tempatan tidak disahkan dan diluluskan oleh Pegawai Memerintah tetapi hanya disah dan diluluskan oleh Penolong Pegawai Memerintah tanpa bukti penurunan kuasa.

ii. Semakan lanjut mendapati Rejimen 502, Sungai Buloh dan Rejimen 515, Wangsa Keramat tidak mematuhi peraturan kawalan dalaman yang ditetapkan kerana baucar bayaran tidak lengkap seperti tiada perakuan saksi pertama dan kedua; tiada perakuan dan tarikh dicatat oleh Pegawai Pembayar; tiada perakuan oleh Pegawai Memerintah; tiada amaun yang diluluskan dan dikembalikan; tiada amaun bayaran sebenar serta tiada tarikh bayaran melibatkan 13 baucar berjumlah RM0.17 juta.

Pada pendapat Audit, *improper payment* berlaku kerana elaun dibayar kepada anggota yang tidak layak, tiada kuasa sewajarnya bagi elaun pengangkutan dan penyediaan baucar bayaran yang tidak mematuhi peraturan ditetapkan. Tindakan surcaj boleh diambil terhadap pegawai yang membenarkan bayaran yang tidak sepatutnya seperti yang ditetapkan oleh Seksyen 18 (b), Akta Tatacara Kewangan 1957.

34.4.5.2. Tuntutan Elaun Latihan Askar Wataniah Tidak Dibayar

Setiap anggota Askar Wataniah akan dibayar elaun bagi setiap latihan yang dihadiri termasuk Saguhati Tahunan mengikut kadar dan kelayakan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati Rejimen 507, Sabah tidak membayar tuntutan elaun Kursus Asas Perajurit Muda, Latihan Berterusan, Kem Tahunan dan Latihan Tempatan berjumlah RM40,238 disebabkan beberapa masalah seperti berikut:

a. Seramai 49 anggota tidak dibayar elaun latihan Kursus Asas Perajurit Muda, Latihan Berterusan dan Latihan Kem Tahunan yang diadakan pada tahun 2008 hingga 2010 berjumlah RM25,628. Ini disebabkan rujukan nombor tentera yang dicatat di baucar bayaran berbeza dengan rekod di Seksyen Akaun Askar Wataniah menyebabkan nama anggota berkenaan dipotong di baucar bayaran.

b. Seramai 70 anggota tidak dibayar elaun Latihan Tempatan berjumlah RM12,860 kerana nombor rujukan akaun anggota terlibat bermasalah dan nombor rujukan akaun yang sama. Selain itu, 7 anggota tidak dibayar elaun berjumlah RM1,750 kerana tidak mengemukakan nombor akaun bank.

Pada pendapat Audit, pihak Rejimen perlu menyelesaikan masalah ini dengan segera bagi membolehkan pembayaran elaun dibuat kepada anggota yang terlibat.

34.4.5.3. Pembayaran Elaun Secara Tunai

Bahagian Pasukan Simpanan (BPS) Markas Tentera Darat melalui surat bertarikh 30 Januari 2008 dan 23 Februari 2009 mengarahkan supaya Elaun Latihan Tempatan dan Saguhati Tahunan dibayar melalui bank. Surat bertarikh 25 Januari 2010 pula menghendaki semua elaun Askar Wataniah dibayar melalui bank kecuali unit tertentu di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dan jika pembayaran tunai masih dibuat, peruntukan kewangan yang diberikan boleh ditarik balik oleh BPS. Bagaimanapun, pengauditan yang dijalankan secara sampel terhadap Rejimen yang dilawati mendapati elaun Askar Wataniah masih dibayar secara tunai berjumlah RM16.20 juta dan tiada tindakan menarik balik peruntukan kewangan. Keterangan pembayaran tunai adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 34.8
PEMBAYARAN ELAUN SECARA TUNAI BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2010

REJIMEN	BAT E 62			BAT E 39	BAT E 42
	LATIHAN TAHUNAN (RM Juta)	LATIHAN BERTERUSAN (RM Juta)	ASAS PERAJURIT MUDA (RM Juta)	LATIHAN TEMPATAN (RM Juta)	SAGUHATI TAHUNAN (RM Juta)
514	Tiada Bayaran Secara Tunai	Tiada Bayaran Secara Tunai	TB	Tiada Bayaran Secara Tunai	Tiada Bayaran Secara Tunai
507	1.88	1.35	0.71	1.93	TM
509	TB	TB	TB	Tiada Bayaran Secara Tunai	Tiada Bayaran Secara Tunai
502	0.05	TB	0.13	Tiada Bayaran Secara Tunai	0.24
515	0.28	0.04	1.02	0.18	0.06
40, 50 60 dan 70 RAJD	3.49	0.95	TB	TB	3.89
JUMLAH	**5.70**	**2.34**	**1.86**	**2.11**	**4.19**
JUMLAH KESELURUHAN (RM Juta)				**16.20**	

Nota: ***TB - Tidak Berkaitan Kerana Tidak Termasuk Dalam Sampel Audit***
TM - Tiada Maklumat

Pada pendapat Audit, Rejimen tidak mematuhi Arahan BPS sewajarnya supaya membayar semua elaun Askar Wataniah melalui bank. Pelaksanaan tersebut dapat meningkatkan fungsi kawalan dalaman, menambah kecekapan pembayaran elaun dan mengelakkan penyelewengan.

34.4.6. Penyimpanan Buku Kehadiran Latihan

34.4.6.1. Setiap anggota Askar Wataniah yang menghadiri latihan Askar Wataniah perlu mencatatkan nama dan nombor tentera serta menandatangani buku kehadiran yang ditetapkan bagi setiap pasukan. Buku kehadiran tersebut hendaklah disahkan oleh jurulatih serta disemak oleh Penolong Pegawai Memerintah. Selain itu, anggota perlu merekodkan masa masuk dan keluar sebenar di buku kehadiran berkenaan.

34.4.6.2. Semakan Audit di 4 daripada 6 Rejimen yang dilawati mendapati format buku kehadiran yang diselenggara tidak seragam; tidak disahkan oleh jurulatih dan disemak oleh Penolong Pegawai Memerintah secara bulanan serta tiada tarikh semakan; catatan masa masuk dan keluar tidak dicatatkan oleh anggota seperti yang ditetapkan, sebaliknya dicatatkan oleh jurulatih; pindaan tanpa tandatangan ringkas dan buku hilang/tidak dikemukakan.

34.4.6.3. Pengauditan yang dijalankan di Rejimen 514, Melaka mendapati teguran terhadap kelemahan seperti di atas telah berulang kali dibangkitkan oleh pihak Audit Briged tetapi kesalahan yang sama masih berulang. Tanpa penyelenggaraan buku kehadiran yang lengkap, penyediaan Kembaran A adalah diragui kerana penyediaannya berdasarkan buku kehadiran sahaja. Selain itu, Rejimen 507, Sabah dan RAJD tidak mengemukakan buku kehadiran untuk semakan Audit.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam menyelenggara buku kehadiran menyebabkan penyediaan Kembaran A diragui kesahihannya. Tindakan surcaj boleh dikenakan terhadap pegawai yang bertanggungjawab kerana gagal menyelenggara dan menyimpan rekod awam dengan sempurna selaras dengan Seksyen 18(d) Akta Tatacara Kewangan 1957.

34.4.7. Pemantauan

34.4.7.1. Kementerian telah menubuhkan Sidang Komander Askar Wataniah (SKAW) yang bertanggungjawab sebagai penasihat kepada Panglima Tentera Darat (PTD) ke atas perancangan dan pengambilan anggota, pengurusan latihan serta pentadbiran Askar Wataniah. SKAW mengadakan mesyuarat sekali setahun yang dianggotai oleh PTD, Asisten Panglima Pasukan Simpanan, Komander Rejimen Siri 500 dan Komander Kompeni Pakar RAJD bagi membincangkan cadangan dan syor berkaitan pembangunan Askar Wataniah.

34.4.7.2. Bahagian Pasukan Simpanan (BPS), Seksyen Akaun Askar Wataniah, Unit Panjar Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT) dan bahagian/unit lain yang terlibat perlu mengadakan pemeriksaan dari semasa ke semasa ke Batalion Askar Wataniah untuk memantapkan lagi pengurusannya. Semakan

Audit mendapati Seksyen Akaun Askar Wataniah telah memohon kelulusan peruntukan untuk menjalankan pemeriksaan berkaitan di semua 16 Rejimen Siri 500 Askar Wataniah bagi tahun 2010. Bagaimanapun, permohonan berkenaan ditolak kerana kekangan peruntukan.

Maklum balas Kementerian menyatakan bahawa Tentera Darat dengan rasa bertanggungjawab menerima penemuan pihak Audit dengan hasrat untuk membetulkan dan memperbaiki serta mempertingkatkan setiap lapisan pengurusan yang terlibat dalam Tentera Darat.

34.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Askar Wataniah oleh Kementerian Pertahanan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mematuhi peraturan/undang-undang yang ditetapkan, disyorkan supaya Kementerian mengambil langkah seperti berikut:

34.5.1. Meluluskan peruntukan berdasarkan latihan yang akan dilaksanakan pada tahun berkaitan dan pelancaran penubuhan kompeni Askar Wataniah di setiap kawasan Parlimen.

34.5.2. Memberi penekanan kepada keaktifan anggota dan mengadakan promosi bagi menarik minat penglibatan orang awam termasuk golongan usahawan serta penambahan penyertaan semua kaum dalam Askar Wataniah di masa hadapan bagi merealisasikan konsep 1Malaysia.

34.5.3. Menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk meningkatkan kemudahan prasarana, elektrik dan air serta memperbaiki dan menyelenggara kemudahan sedia ada bagi meningkatkan imej Angkatan Tentera Malaysia serta menarik minat dan mengekalkan keaktifan anggota.

34.5.4. Mengadakan Latihan Mobilisasi bagi menguji sama ada anggota Askar Wataniah boleh diaturgerakkan ketika negara memerlukannya terutama semasa darurat dan menyediakan peruntukan kewangan untuk melaksanakan latihan tersebut.

34.5.5. Menjalankan kajian impak keberkesanan Askar Wataniah yang melibatkan setiap unit supaya boleh mewujudkan penandaaras (benchmarking) bagi menilai keberkesanan latihan dan memastikan sumbangan Askar Wataniah masih relevan dalam membantu pertahanan negara.

34.5.6. Menjalankan semakan silang bagi menentukan setiap Batalion menyedia dan mengesahkan dokumentasi mengikut peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan bayaran tidak sepatutnya (improper payment) dan elaun latihan tidak dibayar serta menarik balik peruntukan terhadap Rejimen yang membayar elaun secara tunai.

34.5.7. Memastikan bayaran elaun anggota RAJD dibayar melalui bank kerana mereka masih berkhidmat dengan empat agensi terlibat dan gaji bulanan mereka dibayar melalui bank.

34.5.8. Memastikan penyelenggaraan rekod adalah lengkap dan kemas kini serta mematuhi peraturan perekodan yang ditetapkan.

34.5.9. Melaksanakan pemantauan yang lebih berkesan bermula di peringkat Batalion terhadap rekod dan penyimpanan dokumen sokongan yang berkaitan. Pemeriksaan dilaksanakan lebih kerap oleh Kementerian dan menyediakan peruntukan sewajarnya.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

35. PROJEK PEMBINAAN KEM MUARA TUANG DI KUCHING, SARAWAK

35.1. LATAR BELAKANG

35.1.1. Projek Pembinaan Kem Muara Tuang, Sarawak dilaksanakan oleh Konsortium Jendela Hikmat Sdn. Bhd. (JHSB). Objektif pembinaan Kem Muara Tuang ini adalah untuk menampung keperluan semasa dan membolehkan pasukan tentera darat mendapat kemudahan yang lebih selesa. Mengikut perjanjian yang ditandatangani pada 6 Mei 2006, JHSB dikehendaki membangunkan Kem Muara Tuang dengan kos berjumlah RM214.43 juta dan Akademi Angkatan Tentera Malaysia (ATMA) Pakej IV (sekarang dikenali sebagai Universiti Pertahanan Nasional Malaysia) dengan kos berjumlah RM15.58 juta. Sebagai balasan bagi pelaksanaan projek tersebut, Kementerian Pertahanan (Kementerian) akan menyerahkan kepada konsortium hak milik tanah Kerajaan seluas 700 ekar di Mukim Bukit Raja, Selangor dan 3.8 ekar di Kuching, Sarawak (Land Swap). Perunding yang dilantik oleh JHSB ialah Sim, Odita And Muhammad Architects Sdn. Bhd. (Arkitek); Perunding Muhandis Sdn. Bhd. (Jurutera Awam); Perunding MME Sdn. Bhd. (Mekanikal Dan Elektrik) dan Kumpulan Ukor Bahan Sarawak (Ukur Bahan).

35.1.2. Mengikut kontrak, tempoh penyiapan projek pembinaan Kem Muara Tuang adalah selama 36 bulan iaitu bermula dari 27 Julai 2006 hingga 26 Julai 2009. Bagaimanapun, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Jun 2007 telah memutuskan tempoh kontrak dipinda kepada 45 bulan bermula dari tarikh perjanjian ditandatangani. Selaras dengan keputusan tersebut, tarikh siap projek yang telah ditetapkan adalah pada 6 Februari 2010. Setakat bulan Mac 2011, status pelaksanaan keseluruhan projek Kem Muara Tuang adalah 95.7%.

35.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan Kem Muara Tuang telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

35.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan Kem Muara Tuang, Kuching, Sarawak. Semakan dokumen dibuat di Bahagian Pembangunan Kementah, Markas Tentera Darat (MKTD) dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Lawatan ke tapak projek serta temu bual dengan pegawai yang terlibat juga diadakan.

35.4. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati projek pembinaan Kem Muara Tuang kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah projek lewat disiapkan; pengurangan nilai tanah balasan menyebabkan skop projek perlu diubah; Bon Pelaksanaan dan Bon Tanah tidak dikemukakan dan kerja pembinaan yang tidak berkualiti. Di samping itu, terdapat masalah lain seperti persempadanan tanah yang tidak mengikut hak milik sebenar dan pembangunan kawasan sekeliling yang menjejaskan tahap keselamatan kem. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian Pertahanan adalah seperti di perenggan berikut:

35.4.1. Prestasi Projek

Kontraktor telah gagal menyiapkan projek ini pada tarikh yang ditetapkan iaitu pada 6 Februari 2010. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati JHSB telah diluluskan 3 lanjutan masa selama 382 hari iaitu sehingga 22 Februari 2011. Antara sebab lanjutan masa diluluskan adalah kontraktor sukar mendapatkan pembekal dan subkontraktor yang bersesuaian kerana kenaikan harga bahan binaan dan bahan api yang ketara sepanjang tempoh pembinaan serta Arahan Perubahan Kerja yang perlu dibuat oleh kontraktor. Pada tarikh akhir lanjutan masa, kontraktor masih gagal menyiapkan projek dan setakat bulan Mac 2011, kemajuan kerja pembinaan Kem Muara Tuang secara keseluruhannya adalah 95.7% kecuali di Zon J iaitu Depoh Peluru di mana peratusan siap bagi zon ini adalah 89.6%. Pada 11 April 2011, kontraktor telah memohon lanjutan masa yang ke-4 kepada Kementerian bermula pada 23 Februari 2011 hingga 11 Ogos 2011. Bagaimanapun, permohonan ini masih belum diluluskan oleh Kementerian.

Pada pendapat Audit, prestasi projek adalah kurang memuaskan kerana kontraktor gagal menyiapkan projek walaupun 3 lanjutan masa telah diluluskan. Kelewatan yang berlaku boleh menjejaskan objektif projek ini untuk menyediakan kemudahan yang lebih selesa kepada pasukan tentera darat.

35.4.2. Pengurangan Nilai Tanah Balasan

35.4.2.1. Nilai hartanah milik Kerajaan sepatutnya mengikut penilaian yang dijalankan oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Nilai yang diperakukan oleh JPPH hendaklah dijadikan asas oleh Kementerian semasa perundingan kos projek dengan pihak kontraktor supaya pelaksanaan projek mendapat *value for money*. Kerajaan bersetuju untuk menyerahkan kepada kontraktor hak milik tanah Kerajaan seluas 700 ekar di Mukim Bukit Raja, Selangor dan 3.8 ekar di Kuching, Sarawak sebagai balasan pembinaan Kem Muara Tuang dan ATMA. Nilai keseluruhan tanah yang telah dinilai oleh JPPH pada tahun 2000 adalah RM317.28 juta. Namun begitu, rundingan harga antara Kontraktor dengan Kementerian pada 30 Mac 2000 telah memutuskan nilai tanah balasan bagi projek ini adalah RM312.40 juta. Berdasarkan nilai tanah

yang dipersetujui tersebut, skop pembinaan yang ditetapkan meliputi Markas 1 Divisyen, Markas 1 Rejimen Jurutera, Rejimen Semboyan, 1 Batalion Ubat, Rejimen Artileri Bantuan Rapat, Rejimen Artileri Pertahanan Udara, Tempat Simpanan Peluru (Unit Kuching), Depoh Peluru, Kompeni Perisikan Kawasan, Stesen Bomba serta POL Station. Ia juga meliputi pembinaan kemudahan gunasama iaitu Kediaman Wisma dan Rumah Keluarga Pelbagai Kelas, Kemudahan Latihan, Keselamatan, Kompleks Sukan dan kemudahan awam yang lain seperti Rumah Bakat, Taska dan Dewan Serbaguna.

35.4.2.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada 23 April 2002, JHSB telah merayu kepada Kementerian supaya harga sekaki persegi untuk tanah di Mukim Bukit Raja dikurangkan daripada RM10.32 satu kaki persegi (skp) kepada RM4.50 skp dengan mengambil kira kesan kemelesetan ekonomi pada masa itu dan untuk memastikan projek di tanah berkenaan berdaya maju. Walau bagaimanapun Kementerian Kewangan telah mengeluarkan surat kelulusan penurunan nilai tanah balasan di Mukim Bukit Raja kepada RM7.46 skp berasaskan penilaian tanah bagi satu lagi projek Kementerian Pertahanan yang bersebelahan. Dengan itu, nilai keseluruhan tanah balasan tersebut adalah RM230.01 juta sahaja. Pengurangan ini menyebabkan beberapa skop pembinaan telah dikeluarkan seperti Rumah Keluarga Pelbagai Kelas, Stesen Bomba dan Batalion Infantri Mekanise. Selain itu, pembinaan 35 iglu untuk Depoh Peluru telah dikurangkan kepada 10 iglu.

Pada pendapat Audit, nilai tanah yang dikurangkan telah menjejaskan perancangan asal projek ini, yang mana Kerajaan perlu menambah perbelanjaan sekiranya mahu menyediakan komponen projek yang telah dikeluarkan.

35.4.3. Bon Pelaksanaan Tidak Dikemukakan

Mengikut syarat kontrak, Bon Pelaksanaan bernilai RM10.72 juta iaitu bersamaan dengan 5% daripada harga kontrak perlu dikemukakan oleh kontraktor. Semakan Audit mendapati kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan sepertimana yang disyaratkan. Kementerian Pertahanan telah memberi peringatan kepada kontraktor sebelum projek ini dimulakan, namun sehingga bulan Mac 2011, kontraktor masih gagal mengemukakannya. Perkara ini juga turut dibincangkan setiap kali mesyuarat tapak diadakan. Berdasarkan kepada Minit Mesyuarat Bagi Projek Penswastaan Pembinaan Kem Muara Tuang, Sarawak yang telah diadakan pada 28 Januari 2011, kontraktor telah memaklumkan bahawa mereka tidak akan mengemukakan Bon Pelaksanaan sebaliknya hanya akan mengemukakan Bon Penyenggaraan selepas *Certificate of Completion* dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, tindakan Kementerian yang menandatangani kontrak sebelum Bon Pelaksanaan dikemukakan oleh kontraktor adalah menyalahi peraturan sedia ada.

35.4.4. Bon Tanah Tidak Dikemukakan Oleh Kontraktor

35.4.4.1. Mengikut syarat kontrak, pihak kontraktor perlu menyediakan Bon Tanah secara berperingkat dan nilainya mestilah bersamaan dengan nilai tanah balasan yang hendak ditebus. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 35.1
BUTIRAN BON TANAH YANG PERLU DISERAHKAN OLEH KONTRAKTOR

BON TANAH	BUTIRAN HARTANAH	LOKASI	NILAI BON MENGIKUT PERJANJIAN TAMBAHAN (RM Juta)
Bon Tanah I	H.S.(D) 22218, PT8 (Lot 8098)	Mukim Bukit Raja, Derah Petaling, Selangor	56.66
Bon Tanah II	H.S.(D) 22219, PT9 (Lot 8091)	Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling, Selangor	94.58
Bon Tanah III	H.S.(D) 28187, PT216 (Lot 1650)	Mukim Kapar, Daerah Kelang, Selangor	56.51
	Lot 147, Seksyen 16, Kuching	Kuching, Sarawak	
Bon Tanah IV	H.S.(D) 244038, PT 20090	Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling, Selangor	22.26
JUMLAH			**230.01**

35.4.4.2. Semakan Audit mendapati apabila kemajuan kerja pembinaan mencapai 80% setakat 1 Jun 2010, kontraktor telah memohon kepada Pejabat Perdana Menteri untuk memindah milik tanah balasan terus kepada kontraktor atau mana-mana syarikat yang dicadangkan oleh kontraktor dan mendapatkan pengecualian daripada mengemukakan Bon Tanah. Bagaimanapun, permohonan ini tidak diluluskan. Semakan Audit selanjutnya mendapati kontraktor tidak dapat menyediakan Bon Tanah ini disebabkan mereka gagal mendapatkan pembiayaan daripada bank kerana bank memerlukan tanah balasan sebagai cagaran. Setakat bulan Mac 2011, Bon Tanah ini masih belum dikemukakan kepada Kementerian Pertahanan walaupun peratusan siap projek telah mencapai 95.7% dan Kementerian juga belum memindah hak milik tanah tersebut kepada kontraktor.

Pada pendapat Audit, tindakan Kementerian untuk tidak memindah hak milik tanah tersebut kepada kontraktor sebelum projek Kem Muara Tuang disiapkan sepenuhnya adalah wajar bagi memelihara kepentingan Kerajaan.

35.4.5. Pembinaan Yang Tidak Mengikut Spesifikasi/Tidak Berkualiti

Syarat kontrak antaranya menetapkan bahawa pemantauan dan penyeliaan terhadap pelaksanaan projek ini adalah tanggungjawab perunding yang telah dilantik oleh kontraktor. Bagaimanapun untuk tujuan menjaga kepentingan Kementerian, satu Tim Projek telah ditubuhkan dan ditempatkan di tapak projek untuk memerhati pelaksanaan projek ini. Adalah didapati Tim Projek telah mengenal pasti kerja yang tidak mengikut spesifikasi, tidak berkualiti, berlaku kerosakan dan kecacatan binaan. Tim Projek telah meminta perunding sama ada secara bertulis

atau dibincangkan dalam mesyuarat tapak supaya mengarahkan kontraktor memperbaikinya, namun tiada tindakan yang diambil oleh kontraktor. Semasa lawatan Audit pada bulan Julai 2010, perunding dan kontraktor telah diberikan peringatan supaya melaksanakan tanggungjawab mereka seperti yang dinyatakan dalam kontrak. Sekiranya kerja yang tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti yang dibangkitkan oleh Tim Projek tidak diperbaiki, pihak Audit akan mengesyorkan kepada Kementerian supaya nama perunding dan kontraktor ini disenaraihitamkan. Lanjutan daripada peringatan tersebut, beberapa kes kerosakan/kecacatan ketara yang diperhatikan semasa lawatan Audit telah diperbaiki oleh kontraktor. Berikut adalah contohnya:

35.4.5.1. Beberapa kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi dan tidak berkualiti seperti kerja lepaan simen yang nipis; kayu yang tidak berkualiti digunakan untuk membuat kerangka bumbung; kecacatan kerja konkrit dan *waterproofing* tertanggal. Berdasarkan pemerhatian tersebut, pihak Audit telah memberi teguran kepada perunding/kontraktor dan pada bulan Mac 2011, Tim Projek memaklumkan bahawa tindakan telah diambil oleh kontraktor untuk membaiki kerja tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 35.2
CONTOH KERJA YANG TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI

PEMERHATIAN SEMASA LAWATAN AUDIT	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
Plastering yang nipis **(Gambar 35.1)**	• Kerja pembaikan dilaksanakan oleh kontraktor **(Gambar 35.2)** • Kerja *plastering* telah dilaksanakan mengikut standard kerja **(Gambar 35.3)**
Menggunakan kayu *batten* yang buruk dan tidak berkualiti untuk membuat kerangka bumbung **(Gambar 35.4)**	• Kerja pembaikan dilaksanakan oleh kontraktor **(Gambar 35.5)** • Kontraktor telah menambah kayu untuk menguatkan kerangka bumbung **(Gambar 35.6)**
Kecacatan semasa kerja-kerja konkrit **(Gambar 35.7 dan 35.8)**	• Kerja pembaikan dilaksanakan oleh kontraktor **(Gambar 35.9)** • Kerja pembaikan selesai dilaksanakan **(Gambar 35.10)**
Waterproofing tertanggal **(Gambar 35.11)**	• Kerja pembaikan dilaksanakan oleh kontraktor **(Gambar 35.12)** • Kerja pembaikan selesai dilaksanakan **(Gambar 35.13)**

GAMBAR 35.1




Zon D - Rejimen Semboyan
- Plastering Yang Nipis
(Sumber Gambar: Tim Projek - 16.02.2010)

GAMBAR 35.2



Zon D - Rejimen Semboyan
- Kerja Pembaikan Sedang Dilakukan
(Sumber Gambar: Tim Projek - 20.11.2010)

GAMBAR 35.3



Zon D - Rejimen Semboyan
- Keadaan Selepas Tindakan Pembaikan Dibuat
(Sumber Gambar: Tim Projek - 10.12.2010)

GAMBAR 35.4



Zon C - Markas 1 Rejimen Jurutera
- Contoh Kayu Yang Tidak Berkualiti Digunakan Untuk Membuat Kerangka Bumbung
(Sumber Gambar: Tim Projek - 10.07.2009)

GAMBAR 35.5



Zon C - Markas 1 Rejimen Jurutera
- Tindakan Pembaikan Sedang Dilakukan
(Sumber Gambar: Tim Projek - 28.03.2011)

GAMBAR 35.6



Zon C - Markas 1 Rejimen Jurutera
- Keadaan Selepas Pembaikan
(Sumber Gambar: Tim Projek - 28.03.2011)

GAMBAR 35.7



GAMBAR 35.8



Zon J - Depoh Peluru
- Kecacatan Kerja-kerja Konkrit
(Sumber Gambar: Tim Projek - 06.08.2010)

GAMBAR 35.9



Zon J - Depoh Peluru
- Kerja Pembaikan Sedang Dijalankan
(Sumber Gambar: Tim Projek - 21.08.2010)

GAMBAR 35.10



Zon J - Depoh Peluru
- Keadaan Selepas Pembaikan
(Sumber Gambar: Tim Projek - 15.03.2011)

GAMBAR 35.11



Zon J - Depoh Peluru
- Lantai Igloo - Waterproofing Tertanggal
(Sumber Gambar: Tim Projek - 21.05.2010)

GAMBAR 35.12



Zon J - Depoh Peluru
- Tindakan Pembaikan Sedang Dibuat
(Sumber Gambar: Tim Projek - 25.07.2010)



GAMBAR 35.13

Zon J - Depoh Peluru
- Keadaan Selepas Pembaikan
(Sumber Gambar: Tim Projek - 26.07.2010)

35.4.5.2. *Roof truss* yang dibina telah dipotong oleh sub kontraktor ketika pemasangan tangki air dilakukan. Tindakan ini boleh menyebabkan kekuatan struktur binaan bumbung terjejas dan mendedahkan bangunan kepada risiko berlaku keruntuhan. **Gambar 35.14** dan **35.15** menunjukkan keadaan *roof truss* yang telah dipotong. Bagaimanapun selepas teguran Audit, kerja pembaikan telah dilaksanakan oleh kontraktor seperti di **Gambar 35.16**.

GAMBAR 35.14



GAMBAR 35.15



Zon A - Markas 1 Divisyen
- Roof Truss Yang Dipotong Untuk
Memasukkan Tangki Air
(27.07.2010)



GAMBAR 35.16

Zon A - Markas 1 Divisyen
- Kerja Pembaikan Telah Dilakukan
(Sumber Gambar: Tim Projek - 17.02.2011)


Pada pendapat Audit, Kementerian perlu membuat pemeriksaan secara menyeluruh dan memastikan kontraktor membaiki sebarang kecacatan/ kerosakan sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

35.4.6. Persempadanan Tanah Yang Tidak Mengikut Hak Milik Sebenar

35.4.6.1. Kawasan kem tentera merupakan kawasan larangan (restricted area) dan perlu dipagar untuk menjamin keselamatan kem. Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian untuk memastikan pagar sempadan dibuat mengikut had sempadan hak milik sebagaimana yang dinyatakan dalam syarat hak milik. Pihak Audit dimaklumkan mengenai kewujudan jalan kampung yang terletak di dalam kawasan tanah milik Kementerian. Memandangkan kesukaran untuk mendapatkan kawasan gantian untuk pembinaan jalan kampung berkenaan, kontraktor terpaksa membuat pagar sempadan sementara yang tidak mengikut had sempadan seperti di surat hak milik. Sehingga bulan Mac 2011, masalah berkenaan masih belum dapat diatasi oleh Kementerian, Pejabat Tanah Dan Survei Kota Samarahan, Sarawak serta pihak lain yang mempunyai kepentingan.

35.4.6.2. Di samping itu, kewujudan perumahan awam yang terletak lebih kurang 5 meter daripada pagar sempadan telah tidak mematuhi had kawasan keselamatan. Keadaan ini berlaku kerana semasa proses pengambilan tanah, keperluan mengenai jarak rumah orang awam tidak dijelaskan dengan tepat kepada Pejabat Tanah Dan Survei yang bertanggungjawab melaksanakan pengambilan tanah. **Gambarajah 35.1** menunjukkan kedudukan jalan kampung yang terletak di dalam kawasan kem.

GAMBARAJAH 35.1
KEDUDUKAN JALAN KAMPUNG DAN RUMAH ORANG KAMPUNG
DI SEMPADAN TAPAK KEM



Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya memaklumkan keperluan had kawasan keselamatan kepada agensi yang terlibat dalam proses pengambilan tanah. Sehubungan itu bagi menjamin keselamatan kem tentera, Kementerian perlu mengambil alih tanah yang terlibat dalam kawasan keselamatan tersebut dan mewartakannya sebagai kawasan larangan. Selain itu, tindakan proaktif perlu diambil oleh Kementerian dengan kerjasama agensi lain seperti Kerajaan Negeri, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya tidak meluluskan pembangunan tanah berhampiran kawasan kem.

35.4.7. Pembangunan Kawasan Sekeliling Yang Menjejaskan Tahap Keselamatan Kem

35.4.7.1. Untuk menjamin tahap keselamatan kem, pagar sempadan hendaklah dibina dengan ketinggian 12 kaki. Ketinggian ini akan menyukarkan pencerobohan pihak luar ke dalam kawasan kem. Selain itu, projek pembinaan oleh orang awam di sekeliling kem sepatutnya mendapat persetujuan daripada pihak tentera bagi mengelakkan kepentingan keselamatan terjejas. Pemeriksaan Audit mendapati satu projek perumahan awam sedang dibina oleh Borneo Development Corporation (BDC) berdekatan dengan pagar sempadan tapak Kem Muara Tuang. Semasa melaksanakan pembinaan projek perumahan ini, kontraktor berkenaan telah membina tembok penahan (retaining wall)

bersebelahan dengan pagar kem dan jarak antara tembok penahan ini dengan pagar sempadan adalah kurang daripada satu kaki. Ini membuka ruang berlakunya pencerobohan oleh pihak luar. **Gambar 35.17** dan **35.18** menunjukkan tembok penahan projek perumahan yang hampir sama tinggi dengan pagar keselamatan.

GAMBAR 35.17



Pagar Sempadan, Kem Muara Tuang
- Tembok Taman Perumahan Bersebelahan
Pagar Keselamatan
(27.07.2010)

GAMBAR 35.18



Pagar Sempadan, Kem Muara Tuang
- Jarak Tembok Yang Hampir
Dengan Pagar Keselamatan
(27.07.2010)

35.4.7.2. Pembinaan tembok berkenaan juga melibatkan pemasangan saluran limpahan air. Saluran ini telah dihalakan ke dalam kawasan kem dan air yang disalurkan akan diserap terus ke kawasan berkenaan. Aliran air daripada saluran limpahan telah menyebabkan sebahagian *jeep track* yang dibina berdekatan dengan pagar berkenaan rosak. Sehingga tarikh lawatan Audit, masalah *jeep track* rosak masih belum diselesaikan. **Gambar 35.19** dan **35.20** menunjukkan masalah saluran limpahan air yang dihalakan ke kawasan kem manakala **Gambar 35.21** dan **35.22** menunjukkan *jeep track* yang telah rosak akibat air yang disalurkan telah dipasang dengan *culvert*.

GAMBAR 35.19



Pagar Sempadan, Kem Muara Tuang
- Paip Limpahan Air Yang Dihalakan
Ke Kawasan Kem
(Sumber Gambar: Tim Projek - 17.03.2010)

GAMBAR 35.20



Pagar Sempadan, Kem Muara Tuang
- Limpahan Air Dari Saluran
Ke Kawasan Kem
(Sumber Gambar: Tim Projek - 17.06.2010)

GAMBAR 35.21



- Anak Panah Menunjukkan Jeep Track Yang Telah Rosak (27.07.2010)

GAMBAR 35.22



Kedudukan Terkini - Jeep Track Telah Dipasang Dengan Culvert (Sumber Gambar: Tim Projek - 28.03.2011)

35.4.7.3. Kedua-dua masalah ini telah dibincangkan antara pihak Kementerian, Pejabat Tanah Dan Survei, Jabatan Parit Dan Saliran serta BDC sejak tahun 2009 lagi. Bagaimanapun, isu berkenaan masih belum dapat diselesaikan.

Pada pendapat Audit, isu sempadan tanah merupakan isu yang serius dan perlu diatasi segera. Isu ini juga hendaklah diselesaikan sebelum projek pembinaan disiapkan serta pengambilalihan tapak oleh Markas Tentera Darat (MKTD) supaya tidak menimbulkan ancaman keselamatan pada masa hadapan.

35.5. SYOR AUDIT

Bagi mencapai objektif pembinaan kem ini dan memenuhi hasrat kerajaan bagi memperolehi *value for money,* adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil langkah seperti berikut:

35.5.1. Memastikan projek ini disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kelewatan menyiapkan projek ini boleh menjejaskan objektif menyediakan kemudahan yang lebih selesa kepada pasukan-pasukan tentera darat.

35.5.2. Keputusan menurunkan nilai hartanah menjadi lebih rendah daripada harga asal telah menjejaskan perancangan asal projek ini. Sehubungan ini, Kementerian perlu menyediakan bajet baru bagi membina rumah keluarga dan kemudahan lain yang diperlukan.

35.5.3. Memastikan kontraktor mematuhi segala syarat kontrak sebelum CPC dikeluarkan dan penyerahan hak milik tanah dilaksanakan.

35.5.4. Memastikan kontraktor membaiki sebarang kecacatan/kerosakan sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

35.5.5. Kementerian sepatutnya memaklumkan keperluan had kawasan keselamatan kepada agensi yang terlibat dalam proses pengambilan tanah. Sehubungan ini bagi menjamin keselamatan kem tentera, Kementerian perlu mengambil alih tanah yang terlibat dalam kawasan keselamatan tersebut dan

mewartakannya sebagai kawasan larangan. Selain itu, tindakan proaktif perlu diambil oleh Kementerian dengan kerjasama Kerajaan Negeri, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya tidak meluluskan pembangunan tanah berhampiran kawasan kem.

35.5.6. Memastikan isu sempadan tanah diselesaikan sebelum projek pembinaan disiapkan serta pengambilalihan tapak oleh Markas Tentera Darat (MKTD) supaya tidak menimbulkan ancaman keselamatan pada masa hadapan.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

36. AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
- PENGURUSAN KEMUDAHAN PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK

36.1. LATAR BELAKANG

36.1.1. Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) merupakan institusi pemulihan yang ditubuhkan mulai tahun 1983 untuk menempatkan penagih dadah. Ia merupakan satu usaha bagi merawat pulih penagih dadah sama ada penagih yang diperintahkan oleh mahkamah di bawah Seksyen 6(1) (a) atau secara sukarela di bawah Seksyen 8 Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983 untuk mengikuti Program Rawatan Dan Pemulihan selama 2 tahun. Antara objektif penubuhannya adalah untuk merawat dan memulihkan penagih dadah; mencegah penagihan semula; mencegah seseorang daripada terlibat dengan dadah; membanteras bekalan dan pengedaran serta penyalahgunaan dadah.

36.1.2. Secara keseluruhannya, terdapat 27 PUSPEN di seluruh negara di mana 16 daripadanya dibina sendiri oleh Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) manakala 11 yang lain diwujudkan melalui proses pengambilalihan bekas tapak/bangunan lama Kerajaan. Pengurusan PUSPEN adalah di bawah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang diketuai oleh Ketua Pengarah Gred JUSA B dan dibantu oleh 2 Timbalan Ketua Pengarah Gred JUSA C; Pengarah Bahagian Rawatan Dan Pemulihan Gred S54; 27 Komandan PUSPEN pelbagai gred (Gred S44 hingga Gred S48) serta pegawai dan kakitangan sokongan.

36.1.3. Pelaksanaan Program Rawatan Dan Pemulihan melibatkan 8 komponen utama iaitu komponen Rawatan Perubatan Dan Kesihatan; Latihan Pemulihan Fizikal Dan Disiplin; Program Kaunseling Dan Bimbingan; Pendidikan Agama Dan Moral; Sukan Dan Riadah; Pendidikan Sivik Dan Tatanegara; Latihan Kemahiran serta Integrasi Semula Ke Dalam Masyarakat. Untuk menjayakan program ini, kemudahan yang perlu disediakan merangkumi bangunan/ladang/bengkel/ruang rawatan dan pemulihan serta peralatan dan kelengkapan untuk kegunaan penghuni dan pegawai/kakitangan PUSPEN.

36.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kemudahan yang disediakan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) mencukupi, sesuai dan selamat digunakan serta diuruskan dengan cekap bagi mencapai objektif Program Rawatan Dan Pemulihan.

36.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan kemudahan bagi membantu merawat dan memulihkan penagih dadah di PUSPEN. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 di Bahagian Rawatan Dan Pemulihan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Cawangan Kewangan AADK serta 3 Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) iaitu di Besut, Terengganu; Benta, Pahang dan Papar, Sabah. Selain itu, temu bual dan borang soal selidik telah diedarkan kepada pegawai/kakitangan PUSPEN yang terlibat untuk mendapatkan maklum balas berkaitan kemudahan yang disediakan di PUSPEN.

36.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati secara keseluruhannya, kemudahan yang disediakan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik yang dilawati adalah kurang memuaskan, khususnya di Besut, Terengganu dan Benta, Pahang. Ini disebabkan sebahagian kemudahan yang disediakan telah rosak, tidak sesuai, tidak mencukupi dan tidak selamat digunakan. Antara sebab berlakunya kelemahan tersebut ialah bangunan sedia ada merupakan bangunan lama yang telah usang; penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* tidak dijalankan akibat kesukaran mendapatkan peruntukan kewangan serta tiada piawaian berhubung kemudahan asas (jenis dan bilangan) yang perlu disediakan di setiap PUSPEN. Bagaimanapun, AADK telah mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui serta ulasan AADK adalah seperti di perenggan berikut:

36.4.1. Kemudahan Am PUSPEN

Pelbagai kemudahan am di PUSPEN disediakan antaranya kemudahan asrama penghuni, dewan makan, bilik penyimpanan barang milik peribadi dan kuarters pegawai/kakitangan. Semakan Audit berhubung tahap kemudahan am yang terdapat di PUSPEN mendapati perkara seperti berikut:

36.4.1.1. Asrama Penghuni Usang, Kurang Selesa Dan Tidak Selamat Diduduki

Berdasarkan Peraturan Pengurusan Penghuni dan Perintah Tetap Ketua Pengarah AADK (Pengurusan Asrama Pusat Pemulihan), pihak pengurusan PUSPEN hendaklah memastikan asrama yang disediakan selesa dan selamat diduduki. Penghuni juga perlu dibekalkan kemudahan asas yang secukupnya seperti katil, tilam, bantal dan rak penyimpanan barang. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati asrama yang diduduki oleh penghuni PUSPEN kurang selesa manakala kemudahan yang disediakan tidak mencukupi. Butirannya seperti berikut:

a. Di PUSPEN Benta, satu blok asrama 5 tingkat telah disediakan untuk menempatkan 204 penghuni. Bagaimanapun, hanya 2 tingkat sedang diduduki oleh penghuni manakala 3 tingkat yang lain tidak digunakan kerana keadaan usang dan tidak selamat diduduki (berdasarkan surat perakuan JKR bertarikh 8 November 2006) seperti di **Gambar 36.1** dan **36.2**. *Pihak pengurusan PUSPEN memaklumkan blok asrama ini tidak pernah dinaik taraf atau dibaiki secara besar-besaran sejak bangunan diambil alih daripada Pasukan Gerakan Am pada tahun 1996 (pembinaan asal pada tahun 1975). Sungguhpun begitu, 5 blok asrama baru telah disiapkan dan dijangka diserahkan oleh kontraktor kepada Kementerian pada akhir bulan Jun 2011 bagi memberi keselesaan dan menjamin keselamatan penghuni.*

GAMBAR 36.1



GAMBAR 36.2



Blok Asrama, PUSPEN Benta
- Tiga Tingkat Asrama Penghuni Usang Dan Tidak Selamat Diduduki
(04.08.2010)

b. Selain itu, pihak Audit juga mendapati kemudahan sedia ada adalah kurang memuaskan kerana kebanyakannya telah rosak dan tidak sesuai digunakan seperti di **Gambar 36.3** hingga **36.6**. Keadaan ini berlaku kerana bangunan sedia ada merupakan bangunan lama iaitu bekas Hospital Daerah Besut bagi PUSPEN Besut dan bekas bangunan Pasukan Gerakan Am bagi PUSPEN Benta. Adalah didapati permohonan untuk menambah baik PUSPEN Besut tidak dibuat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), namun sejumlah RM13 juta telah diluluskan di bawah RMKe-10. Bagi PUSPEN Benta pula, sebanyak 5 blok asrama baru telah dibina dalam RMKe-9 dan dijangka dapat diduduki dalam tempoh masa terdekat.

GAMBAR 36.3



Asrama Lang Tengah, PUSPEN Besut
- Pintu Tandas Rosak Dan Ditutup Dengan Kain
(20.07.2010)

GAMBAR 36.4



Asrama Lang Tengah, PUSPEN Besut
- Kerosakan Siling Di Kaki Lima Asrama
(20.07.2010)

GAMBAR 36.5



Bilik Air Asrama Tingkat Bawah, PUSPEN Benta
- Kerosakan Salur Pembetungan
(03.08.2010)

GAMBAR 36.6



Bilik Air Asrama Tingkat Atas, PUSPEN Benta
- Salur Lantai Bilik Air Tersumbat
(03.08.2010)

36.4.1.2. Bilik Penyimpanan Barang Milik Peribadi Penghuni Tidak Mencukupi Dan Tidak Sesuai

Berdasarkan Perintah Tetap Ketua Pengarah AADK, barang milik peribadi penghuni hendaklah direkod dan disimpan dengan teratur dan selamat selama tempoh penghuni ditempatkan di PUSPEN. Secara umumnya, pihak Audit mendapati bilik penyimpanan barang milik peribadi penghuni di 3 PUSPEN tersebut sempit dan berselerak, manakala rak penyimpanan barang tidak mencukupi dan terpaksa dikongsi seperti di gambar berikut:

GAMBAR 36.7



Bilik Penyimpanan Barang Milik Peribadi Penghuni, PUSPEN Besut
- Barang Peribadi Milik Penghuni Tidak Disimpan Mengikut Petak Kerana Rak Tidak Mencukupi
(20.07.2010)

GAMBAR 36.8



Bilik Penyimpanan Barang Milik Peribadi Penghuni, PUSPEN Benta
- Barang Peribadi Milik Penghuni Tidak Diletakkan Di Ruang Simpanan Tetapi Dilonggokkan Di Atas Lantai Dan Dalam Keadaan Berselerak
(04.08.2010)

36.4.1.3. Kuarters Pegawai/Kakitangan Rosak, Tidak Mencukupi Dan Tidak Selamat Diduduki

a. Peruntukan kuarters kepada pegawai dan kakitangan awam adalah berdasarkan kepada Perenggan 3(a) Perintah Am Bab E. Bagaimanapun, dasar yang diguna pakai oleh Kementerian dan agensi di bawahnya dalam penyediaan kuarters adalah lebih merupakan peruntukan Rumah Khas Jabatan. Satu garis panduan khusus berhubung peruntukan Rumah Khas Jabatan untuk pegawai/kakitangan PUSPEN telah disediakan dan diguna pakai pada 19 Jun 2008 (dikemaskinikan pada tahun 2009). Semakan Audit pada bulan Oktober 2010 mendapati sebanyak 287 pegawai/kakitangan di

ketiga-tiga PUSPEN layak menduduki Rumah Khas Jabatan. Bagaimanapun, bilangan kuarters sedia ada hanya 144 di mana 29 daripadanya rosak dan perlu dibaikpulih. Ini menjadikan bilangan kuarters yang boleh diduduki hanya 115 unit. Sehubungan ini, sebanyak 143 unit kuarters perlu ditambah bagi memastikan semua pegawai/kakitangan yang layak dapat menduduki Rumah Khas Jabatan. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 36.1
KEDUDUKAN RUMAH KHAS JABATAN SETAKAT BULAN OKTOBER 2010

PUSPEN	JUMLAH JAWATAN YANG LAYAK MENDUDUKI RUMAH KHAS JABATAN (KUARTERS)	BILANGAN KUARTERS			BILANGAN KUARTERS YANG PERLU DITAMBAH
		SEDIA ADA	DIDUDUKI	ROSAK DAN PERLU DIBAIK PULIH	
Besut	96	25	12	13	71
Benta	96	96*	80	16	-
Papar	95	23	23	-	72
JUMLAH	**287**	**144**	**115**	**29**	**143**

Nota : (*) - Tidak Termasuk Unit Yang Dikhaskan Sebagai Rumah Rehat/Tetamu

GAMBAR 36.9



Kuarters Kakitangan Blok A, PUSPEN Besut
- Dinding Rumah Usang
(19.07.2010)

GAMBAR 36.10



Kuarters Kakitangan Blok A, PUSPEN Besut
- Bumbung Bilik Air Bocor
(19.07.2010)

GAMBAR 36.11



Kuarters Kakitangan Blok G22, PUSPEN Benta
- Bingkai Tingkap Kuarters Reput
Dan Cermin Tingkap Pecah
(04.08.2010)

GAMBAR 36.12



Kuarters Kakitangan, PUSPEN Benta
- Peralatan Bilik Air Rosak
(04.08.2010)

GAMBAR 36.13



Blok Kuarters Sokongan 1, PUSPEN Besut - Kabel Elektrik Yang Rendah Merintang Jalan Masuk Ke Kuarters Tidak Selamat Untuk Penghuni (19.07.2010)

GAMBAR 36.14



Kuarters Kakitangan, PUSPEN Besut - Kabinet Pakaian Reput Dan Dimasuki Air Melalui Siling Yang Bocor (19.07.2010))

b. Pihak pengurusan PUSPEN telah sedia maklum bahawa keadaan bangunan yang diambil alih pada tahun 1983 bagi PUSPEN Besut dan tahun 1996 bagi PUSPEN Benta dalam keadaan daif. Namun begitu, pihak Audit mendapati jadual penyenggaraan kuarters bagi kedua-dua PUSPEN tersebut tidak disediakan seperti mana yang dinyatakan dalam Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 (Pengwujudan Sistem Penyelenggaraan Terancang). *Mengikut maklum balas AADK, di PUSPEN Benta, pihak JKR Negeri Pahang telah membuat penilaian pada 24 Februari 2011 terhadap blok kuarters yang rosak dan sedang dalam peringkat penyediaan Bill of Quantity untuk dibentangkan kepada pihak AADK sebelum ditender.*

Pada pendapat Audit, AADK perlu mengkaji tahap kesesuaian dan keselamatan bangunan di semua PUSPEN yang masih beroperasi supaya perancangan yang menyeluruh berhubung penyenggaraannya (preventive dan corrective) dapat disediakan. AADK juga perlu menilai alternatif lain yang bersesuaian seperti membina bangunan baru, menaik taraf atau mengubah suai bangunan sedia ada. Sehubungan ini, AADK perlu memohon peruntukan kewangan yang mencukupi bagi tujuan tersebut. Selain itu, AADK juga perlu menetapkan satu piawaian mengenai kemudahan asas (jenis dan bilangan) yang perlu disediakan di setiap PUSPEN mengikut keluasan kawasan dan kapasiti penghuni.

36.4.2. Kemudahan Yang Disediakan Bagi Menyokong Program Rawatan Dan Pemulihan

Pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan terhadap kemudahan yang disediakan bagi 2 komponen utama di bawah Program Rawatan Dan Pemulihan iaitu Rawatan Perubatan Dan Kesihatan serta Latihan Kemahiran. Penemuan Audit adalah seperti berikut:

36.4.2.1. Pengurusan Komponen Rawatan Perubatan Dan Kesihatan Kurang Memuaskan

a. Komponen Rawatan Perubatan Dan Kesihatan memainkan peranan yang penting dalam memastikan aktiviti pemeriksaan kesihatan, rawatan detoksifikasi dan pendidikan kesihatan serta ujian status bebas dadah dapat dilakukan secara berkesan. Untuk menyokong pelaksanaan aktiviti ini, kemudahan/keperluan asas tertentu hendaklah disediakan dengan lengkap dan mencukupi serta jawatan yang diluluskan perlu diisi sepenuhnya. Semakan Audit mendapati secara amnya, ketiga-tiga PUSPEN tersebut telah disediakan kemudahan yang bersesuaian bagi menyokong komponen ini seperti ditunjukkan di **Jadual 36.2**. Bagaimanapun, ada kemudahan yang tidak dibekalkan atau tidak dibekalkan secukupnya menyebabkan berlakunya kelemahan seperti di perenggan berikutnya:

JADUAL 36.2
KEMUDAHAN BAGI MENYOKONG
KOMPONEN RAWATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

JENIS KEMUDAHAN	PUSPEN BESUT KAPASITI PENGHUNI = 350 (BILANGAN)	PUSPEN BENTA KAPASITI PENGHUNI = 150 (BILANGAN)	PUSPEN PAPAR KAPASITI PENGHUNI = 250 (BILANGAN)
Bilik Pemeriksaan	0	1	0
Bilik Rawatan Khusus (Sick Bay)	0	1	0
Bilik Pemerhatian	1	1	1
Ruang Kerja Pegawai/Kakitangan	1	1	1
Ruang Menunggu	1	1	1
Katil Rawatan	0	1	1
Katil Pesakit (Bilik Rawatan)	0	15	14
Tilam	0	14	10
Kabinet Penyimpanan Ubat/Alat-alat Perubatan	1	2	3
Kerusi Roda	2	5	1
Pengusung	1	1	1
Komputer	1	1	1

i. Bilik pemeriksaan dan bilik rawatan (sick bay) yang khusus tidak disediakan di PUSPEN Besut dan PUSPEN Papar mengakibatkan pemeriksaan dan rawatan terhadap penghuni terpaksa dilakukan di ruang kerja pegawai perubatan itu sendiri **(Gambar 36.15)**. Penghuni yang sakit pula hanya ditempatkan di dalam salah satu sel di Bilik Pemerhatian seperti di **Gambar 36.16**.

GAMBAR 36.15



PUSPEN Besut
- Ruang Kerja Kakitangan Perubatan Dijadikan Bilik Pemeriksaan
(19.07.2010)

GAMBAR 36.16



PUSPEN Besut
- Bilik Sakit Ditempatkan Di Dalam Salah Satu Sel Di Bilik Pemerhatian
(19.07.2010)

ii. Setiap penghuni yang dimasukkan ke dalam PUSPEN diwajibkan menjalani proses detoksifikasi di Bilik Pemerhatian yang mengandungi beberapa sel selama 2 minggu. Semakan Audit mendapati di PUSPEN Besut, hanya 2 daripada 5 sel di Bilik Pemerhatian telah digunakan untuk tujuan ini bagi menempatkan 19 penghuni di setiap sel **(Gambar 36.17)**. Manakala 3 sel yang lain telah digunakan sebagai Bilik Sakit, Bilik Kronik (pesakit mental) dan Bilik Asingan (untuk penghuni yang menjalani hukuman atau sedang menjalani siasatan di bawah tindakan disiplin kerana melakukan kesalahan di PUSPEN). Ini telah mengakibatkan keadaan 2 sel di Bilik Pemerhatian tersebut sesak dengan penghuni yang menjalani proses detoksifikasi.



GAMBAR 36.17

PUSPEN Besut
- Keadaan Sesak Di Bilik Pemerhatian
(19.07.2010)

iii. Selain ruang/bilik bagi tujuan pemeriksaan dan rawatan, beberapa kemudahan lain seperti katil rawatan, katil pesakit (ditempatkan di Bilik Rawatan), tilam, kabinet/almari penyimpanan ubat-ubatan, kerusi roda dan pengusung juga diperlukan bagi melancarkan aktiviti Rawatan Perubatan Dan Kesihatan. Semakan Audit mendapati katil rawatan, katil pesakit dan tilam tidak disediakan di Bilik Rawatan PUSPEN Besut **(Gambar 36.18)**. Selain itu, tilam di Bilik Rawatan PUSPEN Papar tidak mencukupi seperti di **Gambar 36.19**.

GAMBAR 36.18



Bilik Rawatan (Sick Bay), PUSPEN Besut
- Katil Tidak Disediakan Dan Penghuni Yang Sakit Terbaring Di Atas Lantai
(19.07.2010)

GAMBAR 36.19



Bilik Rawatan, PUSPEN Papar
- Tilam Tidak Mencukupi
(30.09.2010)

b. Di PUSPEN Papar, terdapat beberapa kerosakan seperti kebocoran pada siling dan dinding bangunan berkulat seperti di **Gambar 37.20** dan **37.21**. *AADK dalam maklum balasnya kepada pihak Audit menjelaskan bahawa kesukaran untuk mendapatkan peruntukan kewangan menyebabkan penyenggaraan tidak dapat dilakukan ke atas kemudahan yang mengalami kerosakan.*

GAMBAR 36.20



Bilik Rawatan, PUSPEN Papar
- Siling Bocor Dan Terdapat Kesan Lembap Serta Berkulat Pada Siling
(30.09.2010)

GAMBAR 36.21



Luar Blok Rawatan, PUSPEN Papar
- Dinding Bangunan Berkulat Dan Ditumbuhi Pokok Tumpang
(30.09.2010)

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati 4 jawatan pegawai/kakitangan perubatan telah diluluskan di ketiga-tiga PUSPEN tersebut iaitu 2 jawatan Penolong Pegawai Perubatan Gred U29 dan 2 jawatan Atendan Kesihatan Gred U3. Daripada 12 jawatan yang diluluskan, 6 jawatan telah diisi manakala selebihnya masih kosong. Ini membebankan pegawai/ kakitangan perubatan sedia ada, khususnya di PUSPEN yang mempunyai kapasiti penghuni yang tinggi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 36.3
KEDUDUKAN JAWATAN KAKITANGAN PERUBATAN

PUSPEN	KAPASITI PENGHUNI	LULUS	DIISI	KOSONG		
				GRED U29	GRED U3	JUMLAH
Besut	350	4	2	2	-	2
Benta	150	4	2	1	1	2
Papar	250	4	2	1	1	2
JUMLAH		**12**	**6**	**4**	**2**	**6**

36.4.2.2. Pengurusan Komponen Latihan Kemahiran Kurang Memuaskan

a. Komponen Latihan Kemahiran bertujuan untuk menerapkan nilai budaya kerja positif kepada penghuni selepas dibebaskan supaya kemahiran yang dipelajari boleh digunakan untuk mendapatkan pekerjaan. Berdasarkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bil. 9 Tahun 1993, terdapat 12 jenis latihan kemahiran utama yang disediakan di PUSPEN, antaranya ialah latihan pertanian dan penternakan; pertukangan kayu; kraf tangan; jahitan; landskap dan pembelajaran muzik. Kemudahan tertentu perlu disediakan bagi menyokong komponen latihan kemahiran serta memastikan latihan dijalankan dengan lancar. Selain itu, modul program disediakan dan beberapa pegawai/kakitangan diberi tanggungjawab untuk menyelia dan melaksanakannya. Semakan Audit telah dibuat terhadap 3 jenis latihan kemahiran di setiap PUSPEN iaitu latihan pertanian dan penternakan; kraf tangan dan jahitan seperti berikut:

JADUAL 36.4
BIDANG LATIHAN KEMAHIRAN

PUSPEN	JENIS LATIHAN KEMAHIRAN
Besut	Pertanian Dan Penternakan (Penanaman Sayuran Dan Ternakan Kambing); Kraf Tangan (Ukiran); Jahitan
Benta	Kraf Tangan (Simen Ferro); Kraf Tangan (Batik); Jahitan
Papar	Pertanian (Penanaman Cendawan); Kraf Tangan (Simen Ferro); Jahitan

b. Semakan Audit mendapati sungguhpun latihan kemahiran ini berjalan secara berterusan, namun terdapat kelemahan dalam pengurusan komponen latihan kemahiran seperti berikut:

i. Di PUSPEN Besut, Latihan Kemahiran Pertanian Dan Penternakan (penanaman sayuran) diusahakan di atas tanah seluas 4 ekar. Lawatan Audit pada bulan Julai 2010 mendapati kawasan tanah tersebut tidak dimanfaatkan secara optimum kerana banyak kawasan terbiar tanpa diusahakan. Pengeluaran sayuran agak terhad dan hanya berupaya memenuhi permintaan di kalangan pegawai/kakitangan PUSPEN. Perkara ini berlaku antaranya disebabkan mesin pembajak Model Robin Key 28B yang dibeli pada 31 Disember 2001 sering mengalami

kerosakan serta terlalu kecil untuk menampung bebanan kerja membajak bagi kawasan seluas 4 ekar. Pada tarikh lawatan Audit, adalah didapati mesin tersebut rosak dan masih belum dibaiki. Akibatnya, kerja-kerja membajak tanaman sayuran terpaksa menggunakan mesin pembajak yang disewa daripada Jabatan Pertanian pada kadar RM26 sejam. Bagaimanapun, *pihak pengurusan AADK dalam maklum balasnya kepada pihak Audit menyatakan bahawa PUSPEN Besut kini telah menggunakan kaedah plot dan penanaman secara giliran bagi mengatasi masalah tanah yang tidak dimanfaatkan secara optimum.*

ii. Di PUSPEN Papar pula, cendawan ditanam dalam rumah pembiakan cendawan yang berkeluasan 234 kaki persegi. Rekod jualan cendawan bagi bulan Jun hingga September 2010 menunjukkan hasil jualan berjumlah RM1,582 berbanding kos berjumlah RM1,040. Bagaimanapun, pada masa-masa tertentu apabila terdapat lambakan cendawan, kebanyakan cendawan mudah rosak atau terpaksa dijual pada harga yang lebih murah kerana ketiadaan tempat penyimpanan yang sesuai untuk menempatkan cendawan bagi mengekalkan kesegarannya.

iii. Di PUSPEN Benta, produk kraf tangan (Simen Ferro) didapati bermutu tinggi dan digemari ramai. Produk dihasilkan berdasarkan tempahan awam. Berdasarkan rekod, bagi tahun 2009 dan 2010, bengkel Simen Ferro hanya beroperasi antara 8 hingga 19 hari sebulan dengan penglibatan 2 hingga 7 penghuni. Bagi tempoh yang sama, adalah didapati hanya 10 set meja dan kerusi dapat dihasilkan dengan pendapatan sejumlah RM2,650. Penghasilan produk ini terpaksa ditangguhkan kerana kekurangan peruntukan bahan mentah. Penghasilan produk ini boleh dipertingkatkan sekiranya operasi dijalankan dengan lebih kerap dan terancang. **Gambar 36.22** hingga **37.26** menunjukkan masalah ladang/bengkel dan peralatan rosak yang dihadapi oleh PUSPEN Besut, Benta dan Papar.

JADUAL 36.5
LADANG/BENGKEL SERTA PERALATAN LATIHAN KEMAHIRAN

LOKASI	GAMBAR		MASALAH
PUSPEN Besut	**GAMBAR 36.22**  ***Sebelum Semakan Audit (19.07.2010)***	**GAMBAR 36.23**  ***Selepas Semakan Audit (03.01.2011)***	• Kawasan Tanah Yang Tidak Dioptimumkan/Diusahakan Dan Tanaman Sawi Yang Tidak Dijaga Rapi Dan Dipenuhi Rumput. **(Gambar 36.22)** • Kaedah Plot Digunakan Dan Tanaman Dibuat Secara Giliran Bagi Mengatasi Masalah Kawasan Yang Tidak Dioptimumkan. **(Gambar 36.23)**

LOKASI	GAMBAR	MASALAH
PUSPEN Besut	**GAMBAR 36.24**  ***(19.07.2010)***	• Mesin Pembajak Telah Rosak Kerana Kapasiti Enjinnya Tidak Mampu Menampung Bebanan Kerja Berat.
PUSPEN Papar	**GAMBAR 36.25**  ***(27.09.2010)***	• Penanaman Cendawan Tiram Kelabu Yang Berpotensi Tinggi, Namun Kemudahan Penyimpanan Tidak Disediakan Menyebabkan Cendawan Terpaksa Dijual Dengan Harga Lebih Murah.
PUSPEN Benta	**GAMBAR 36.26**  ***(03.08.2010)***	• Produk Simen Ferro Iaitu Set Meja Dan Kerusi Yang Digemari Ramai, Namun Penghasilannya Ditangguh Kerana Kekurangan Bahan Mentah.

iv. Bengkel Kraf Tangan di PUSPEN Besut menghasilkan produk hiasan ukiran kayu. Lawatan Audit pada bulan Julai 2010 mendapati sebahagian daripada bengkel ini dipenuhi dengan mesin lama yang pada satu ketika dulu digunakan untuk membuat perabot. Mesin ini **(Gambar 36.27** hingga **36.29)** perlu dilupuskan dengan segera untuk menjimatkan ruang. *Mengikut maklum balas AADK, pihak JKR Terengganu telah membuat penilaian pada 13 Mac 2011 terhadap peralatan yang telah rosak dan tindakan pelupusan seterusnya sedang diambil.*

GAMBAR 36.27



Mesin Belah Kayu

GAMBAR 36.28



Mesin Gerudi Kayu

GAMBAR 36.29



Mesin Pemotong Kayu

PUSPEN Besut
- Mesin Pembuat Perabot Yang Rosak Dan Tidak Lagi Digunakan Di Bengkel Ukir
(19.07.2010)

v. Semakan Audit selanjutnya di ketiga-tiga PUSPEN tersebut mendapati pegawai penyelia bengkel yang terdiri daripada Pegawai Gred S17 tidak mempunyai kemahiran asas untuk menyelia dan menyelaraskan aktiviti latihan kemahiran. Pegawai ini juga tidak pernah didedahkan dengan sebarang latihan kemahiran sebelum mengendalikan aktiviti kemahiran.

Pada pendapat Audit, satu perancangan yang komprehensif perlu disediakan terutama berkaitan keperluan kemudahan bagi menyokong aktiviti yang dijalankan. Pihak pengurusan PUSPEN juga perlu memastikan pegawai penyelia yang mengendalikan latihan kemahiran diberi latihan dan pendedahan sewajarnya bagi meningkatkan kemahiran. Sekiranya tiada pegawai yang berkemahiran, pihak PUSPEN boleh mendapatkan khidmat pengajar daripada agensi lain seperti Kolej Komuniti dan Giat MARA.

36.4.3. Kawalan Keselamatan Kurang Memuaskan

36.4.3.1. Kawalan keselamatan merupakan aspek penting yang dapat menjamin keselamatan pegawai/kakitangan bertugas serta penghuni PUSPEN. PUSPEN telah diisytiharkan sebagai kawasan terperingkat di bawah Akta Kawasan-kawasan Larangan dan Tempat-tempat Larangan 1959. Sehubungan itu, selaras dengan peraturan yang ditetapkan di bawah perkara Keselamatan Fizikal, Arahan Keselamatan dan Perintah Tetap: D25/2008 (Sistem Kawalan Keselamatan), Kementerian Dalam Negeri, pihak pengurusan AADK hendaklah melaksanakan langkah keselamatan untuk menjamin keselamatan PUSPEN sebagai kawasan terperingkat dan bangunan di dalam kawasan tersebut. Antara langkah keselamatan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

JADUAL 36.6
LANGKAH KESELAMATAN DI KAWASAN TERPERINGKAT DAN KESELAMATAN BANGUNAN

KAWASAN TERPERINGKAT	KESELAMATAN BANGUNAN
Mengehadkan pintu keluar masuk dengan mengadakan Balai Pengawal Utama	Mengadakan menara dan pos kawalan
Mengadakan pengawal keselamatan yang dilengkapi peralatan keselamatan	Mengadakan pengawal keselamatan yang dilengkapi peralatan keselamatan
Mengadakan pagar dan lampu keselamatan	
Mengadakan papan kenyataan "Tempat Larangan" atau "Kawasan Larangan"	
Mewujudkan Sistem Pas Keselamatan dan Kad Pengenalan Jabatan	

36.4.3.2. Semakan Audit mendapati tahap keselamatan di 3 PUSPEN yang dilawati adalah kurang memuaskan memandangkan beberapa langkah keselamatan yang ditetapkan masih belum dilaksanakan/belum dilaksanakan sepenuhnya. Butirannya adalah seperti di **Jadual 36.7** dan perenggan berikutnya:

JADUAL 36.7
STATUS LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN BAGI KAWASAN TERPERINGKAT

LOKASI	STATUS LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN BAGI KAWASAN TERPERINGKAT [MEMUASKAN (/)/TIDAK MEMUASKAN (X)]								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
PUSPEN Besut	✓	X	X	X	✓	X	✓	✓	✓
PUSPEN Benta	✓	X	X	✓	X	X	✓	✓	✓
PUSPEN Papar	✓	X	X	✓	X	✓	✓	✓	✓

Nota : ***(✓) – Memuaskan*** ***(X) – Tidak Memuaskan***

a. Balai Pengawal Utama
b. Menara Dan Pos Kawalan
c. Polis Bantuan
d. Pagar Anti-panjat
e. Lampu Limpah
f. Peralatan Keselamatan Polis Bantuan (Walkie-talkie, Cotar dan Gari)
g. Papan Kenyataan "Tempat Larangan" atau "Kawasan Larangan"
h. Sistem Pas Keselamatan
i. Kad Pengenalan Jabatan

a. Di PUSPEN Besut dan PUSPEN Benta (tidak termasuk kawasan asrama baru), menara kawalan tidak dibina bagi memantau keseluruhan kawasan semenjak ia diambil alih daripada pengurusan sebelumnya iaitu pada tahun 1983 dan 1996 masing-masingnya. Berdasarkan Garis Panduan Fasiliti Dan Kelengkapan Untuk Pusat Serenti Baru yang dikeluarkan oleh AADK, kedua-dua PUSPEN ini sepatutnya mempunyai sekurang-kurangnya 3 menara kawalan untuk tujuan kawalan keselamatan. Bagi pos kawalan pula, didapati bilangan pos yang dibina mencukupi dan terletak berhampiran tempat strategik **(Jadual 36.8)**. Bagaimanapun di PUSPEN Besut, lantai dan dinding bagi 2 daripada 5 pos kawalan telah usang dan boleh memberi risiko keselamatan kepada Polis Bantuan yang bertugas **(Gambar 36.30)**.

Di PUSPEN Benta pula, tiada pos kawalan khusus dibina berhampiran Bilik Pemerhatian **(Gambar 36.31)**, sebaliknya Polis Bantuan yang bertugas hanya disediakan satu ruangan yang sempit di Bilik Pemerhatian untuk menjalankan tugas.

JADUAL 36.8
PERKIRAAN PURATA BILANGAN MENARA KAWALAN DAN POS KAWALAN

PUSPEN	KAPASITI PENGHUNI DILULUSKAN	KELUASAN PUSAT (Ekar)	BIL. MENARA KAWALAN		BIL. POS KAWALAN	
			SEPATUT	SEBENAR	SEPATUT	SEBENAR
Besut	350	18.36	2	0	2	5
Benta	150	213	1	0	1	6
Papar	250	30	2	4	2	1
JUMLAH			**5**	**4**	**5**	**12**

GAMBAR 36.30



PUSPEN Besut
- Lantai Pos Kawalan Yang Rosak
(21.07.2010)

GAMBAR 36.31



PUSPEN Benta
- Pos Kawalan Tidak Dibina Di Kawasan Berhampiran Bilik Pemerhatian
(05.08.2010)

b. Untuk memastikan keselamatan pegawai/kakitangan PUSPEN, penghuni perlu diasingkan daripada kawasan pentadbiran PUSPEN, contohnya dengan mengadakan pagar anti-panjat. Semakan Audit mendapati PUSPEN Besut tidak mengasingkan kawasan pentadbirannya dengan kawasan penghuni. Keadaan ini boleh membahayakan pegawai/kakitangan yang bertugas di PUSPEN ini kerana penghuni didapati berada di sekitar kawasan pentadbiran tanpa pengawasan yang ketat.

c. Kemudahan lampu limpah membantu memberikan pencahayaan secukupnya di sekitar PUSPEN agar dapat mengelakkan kejadian seperti penghuni melarikan diri atau pencerobohan pada waktu malam. Bagaimanapun, semakan Audit pada bulan Ogos dan September 2010 mendapati lampu limpah di PUSPEN Benta (37 unit) dan PUSPEN Papar (8 unit) telah rosak dan belum dibaiki sejak bulan Mei 2010. **Gambar 36.32** dan **38.33** menunjukkan antara lampu limpah yang mengalami kerosakan. *Ketua Unit Keselamatan di PUSPEN Benta dan PUSPEN Papar memaklumkan lampu ini tidak dapat dibaiki kerana kos pembaikan adalah tinggi. Sebagai contoh, kos pembaikan lampu limpah di PUSPEN Papar dianggarkan berjumlah RM66,500.*

GAMBAR 36.32



PUSPEN Benta
- Lampu Limpah Tidak Berfungsi Kerana Kerja Pemasangan Fius Tidak Sempurna
(05.08.2010)

GAMBAR 36.33



PUSPEN Papar
- Kerosakan Lampu Limpah Menyebabkan Pencahayaan Menggunakan Lampu Limpah Dari Bengkel Berdekatan
(05.08.2010)

d. Perjawatan pegawai keselamatan iaitu Polis Bantuan telah diwujudkan di PUSPEN bertujuan untuk memastikan keselamatan premis serta keselamatan pegawai/kakitangan dan penghuni PUSPEN sentiasa berada dalam keadaan yang terkawal. Semakan Audit mendapati 153 jawatan Polis Bantuan telah diluluskan di ketiga-tiga PUSPEN tersebut di mana 145 jawatan telah diisi setakat tarikh pengauditan. Bagaimanapun, masih terdapat 8 jawatan Polis Bantuan yang belum diisi di PUSPEN Benta dan Papar. Kedudukan perjawatan Polis Bantuan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 36.9
KEKOSONGAN JAWATAN POLIS BANTUAN MENGIKUT GRED

PUSPEN	KELUASAN PUSAT (Ekar)	BIL. MENARA/POS KAWALAN	BIL. JAWATAN		BIL. KEKOSONGAN JAWATAN MENGIKUT GRED				
			LULUS	DIISI	KP27	KP17	KP14	KP11	JUMLAH
Besut	18.36	6	51	51	-	-	-	-	-
Benta	213	7	51	47	-	-	-	4	4
Papar	30	6	51	47	-	-	4		4
JUMLAH			**153**	**145**	**-**	**-**	**4**	**4**	**8**

e. Untuk membolehkan Polis Bantuan menjalankan tugas keselamatan dengan cekap, mereka perlu dilengkapi dengan alat-alat keselamatan yang tertentu antaranya *walkie-talkie*, cotar dan gari. Bagaimanapun, semakan Audit pada bulan Ogos 2010 mendapati sebanyak 2 daripada 13 *walkie-talkie* di PUSPEN Benta telah rosak dan tidak boleh dibaiki. Kerosakan ini tidak pernah dilaporkan kepada pihak pentadbiran PUSPEN berkenaan untuk membolehkan tindakan pelupusan dilakukan. *Walkie-talkie* yang berkaitan adalah seperti di **Gambar 36.34** dan **36.35**. Selain itu, pihak Audit mendapati cotar juga tidak disediakan di ketiga-tiga PUSPEN tersebut.

GAMBAR 36.34



GAMBAR 36.35



PUSPEN Benta
- Dua Walkie-talkie Yang Rosak Dan Tidak Diambil Tindakan Pelupusan
(02.08.2010)

Pada pendapat Audit, Kementerian dan AADK hendaklah memastikan prosedur dan langkah-langkah keselamatan di setiap PUSPEN dipatuhi sepenuhnya selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Selain itu, AADK juga perlu memastikan semua peralatan dan kelengkapan keselamatan mencukupi dan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan boleh digunakan pada setiap masa.

36.4.4. Penilaian Tahap Kepuasan Pegawai/Kakitangan

36.4.4.1. Untuk menilai tahap kepuasan pegawai/kakitangan PUSPEN terhadap kemudahan (bangunan, peralatan dan kelengkapan) yang sedia ada, pihak Audit telah mendapatkan maklum balas melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 66 pegawai/kakitangan. Hasil daripada maklum balas yang diterima, pihak Audit merumuskan pada umumnya tahap kepuasan pegawai/kakitangan di PUSPEN Besut dan PUSPEN Benta adalah rendah berbanding dengan PUSPEN Papar. Ringkasan keputusan soal selidik yang dijalankan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 36.10
TAHAP KEPUASAN PEGAWAI/KAKITANGAN
BERKAITAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN DI PUSPEN

LOKASI KEMUDAHAN	JENIS KEMUDAHAN	PERATUSAN TAHAP KEPUASAN PEGAWAI/KAKITANGAN (%)			SEBAB-SEBAB TAHAP KEPUASAN KURANG DARIPADA 50%
		PUSPEN BESUT	PUSPEN BENTA	PUSPEN PAPAR	
Blok Pentadbiran	Bangunan/ Ruang Kerja	44.5	22.2	79	**PUSPEN BESUT:** • Penyenggaraan tidak dilakukan kerana kos terlalu tinggi dan tiada peruntukan • Pengudaraan kurang elok dan ruang kerja/bilik sempit serta tidak mencukupi **PUSPEN BENTA:** • Bilik/bengkel tidak mencukupi dan usang • Bekalan air dan elektrik sering terganggu dan pengudaraan yang kurang elok

LOKASI KEMUDAHAN	JENIS KEMUDAHAN	PERATUSAN TAHAP KEPUASAN PEGAWAI/KAKITANGAN (%)			SEBAB-SEBAB TAHAP KEPUASAN KURANG DARIPADA 50%
		PUSPEN BESUT	PUSPEN BENTA	PUSPEN PAPAR	
Blok Pentadbiran	Utiliti (Air, Elektrik, Komunikasi)	42.3	15.0	100	**PUSPEN BENTA:** • Bekalan elektrik sentiasa terputus • Peralatan mudah rosak apabila berlaku gangguan elektrik yang kerap dan menggugat keselamatan
	Peralatan Keselamatan	39.1	47.4	70	**PUSPEN BESUT DAN BENTA:** Peralatan keselamatan seperti loceng penggera kebakaran, sistem CCTV dan sistem perlindungan kilat tidak disediakan
Kuarters	Bangunan Kuarters	25.3	19.0	72.9	**PUSPEN BESUT DAN BENTA:** • Kuarters tidak mencukupi kerana ada yang rosak dan usang serta tidak selamat digunakan • Penyenggaraan tidak dilaksanakan kerana terlalu usang dan tidak ekonomik dilakukan
	Kawasan Kediaman	41.2	45.0	100	**PUSPEN BESUT DAN BENTA:** Kawasan kediaman tidak selamat kerana keadaan gelap serta banyak bangunan kuarters yang terbiar (PUSPEN Besut) dan berdekatan dengan hutan serta sering dimasuki haiwan berbisa (PUSPEN Benta)
	Tandas/Bilik Air	47.1	40.0	100	**PUSPEN BESUT:** • Hanya satu tandas disediakan untuk satu unit kuarters • Tandas sering tersumbat **PUSPEN BENTA:** • Bilik air/tandas usang dan perlu sentiasa disenggarakan • Saliran air dari singki, tandas dan bilik air sentiasa tersumbat
	Peralatan Keselamatan	40.0	20.0	75	**PUSPEN BESUT:** • Alat pemadam api tidak disediakan di kuarters bagi Kumpulan Sokongan 2 **PUSPEN BENTA:** • Tiada pili bomba dan penggera kebakaran disediakan • Alat pemadam api tidak mencukupi di mana hanya 1 sahaja disediakan bagi setiap blok

36.4.4.2. Selanjutnya, pegawai/kakitangan PUSPEN juga telah memberikan beberapa cadangan penambahbaikan seperti berikut:

JADUAL 36.11
CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN
DI PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	PERATUSAN (%)
Pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	100
Menaik taraf Bangunan Pentadbiran Dan Asrama Yang Usang Dan Uzur	44
Penambahan Peralatan Dan Kelengkapan Pejabat	21
Pembaikan Sistem Pendawaian Elektrik	18
Penyenggaraan Bangunan Kuarters Dan Pentadbiran Yang Rosak	17
Lain-lain Seperti Penambahan Peralatan Keselamatan, Penyediaan Kursus Yang Bersesuaian Dan Pengasingan Penghuni Yang Berpenyakit Kronik	12

36.4.4.3. Cadangan pemberian bayaran insentif perkhidmatan kritikal adalah yang paling tinggi diterima daripada pegawai/kakitangan PUSPEN disebabkan kesemua 258 pegawai/kakitangan di 3 PUSPEN yang diaudit (kecuali gred sokongan pentadbiran dan kewangan) seperti di **Jadual 36.12** terlibat secara langsung dengan 95 penghuni PUSPEN yang menghadapi penyakit kronik. Selain itu, AADK juga telah mengemukakan kertas pertimbangan untuk bayaran insentif tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 1 September 2010 dengan cadangan bayaran berjumlah RM100. **Pada pendapat Audit, cadangan pemberian bayaran insentif perkhidmatan kritikal adalah munasabah kerana berdasarkan peraturan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2007 - Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal [Perenggan 3(d)], antara kriteria utama pemberian elaun kritikal kepada perkhidmatan tertentu adalah berasaskan "keadaan persekitaran tempat kerja yang dilihat dari segi kesan kesihatan".**

JADUAL 36.12
BILANGAN PEGAWAI/KAKITANGAN PUSPEN YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG MENGENDALIKAN PENGHUNI YANG BERPENYAKIT KRONIK

PUSPEN	PEGAWAI/KAKITANGAN PUSPEN YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DALAM PROGRAM RAWATAN DAN PEMULIHAN					BILANGAN PENGHUNI YANG MENGHIDAP PENYAKIT KRONIK			JUMLAH
	PEGAWAI ANTIDADAH (Gred S17–S48)	POLIS BANTUAN (Gred KP 11–KP27)	KAKITANGAN PERUBATAN (Gred U3–U29)	PEMANDU JABATAN (Gred R3)	JUMLAH	MENTAL	TIBI	HIV/ AIDS	
Besut	35	51	2	3	91	2	3	0	5
Benta	34	46	1	3	84	0	2	67	69
Papar	32	46	2	3	83	20	0	1	21
JUMLAH	**101**	**143**	**5**	**9**	**258**	**22**	**5**	**68**	**95**

36.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Program Rawatan Dan Pemulihan yang dilaksanakan di semua Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dapat mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya pihak terlibat melaksanakan perkara seperti berikut:

36.5.1. AADK perlu mengkaji tahap kesesuaian dan keselamatan bangunan di semua PUSPEN supaya perancangan yang menyeluruh berhubung penyenggaraannya (preventive dan corrective) dapat disediakan. AADK juga boleh menilai alternatif lain yang bersesuaian seperti membina bangunan baru, menaik taraf atau mengubah suai bangunan sedia ada. Sehubungan ini, AADK perlu memohon peruntukan kewangan yang mencukupi bagi tujuan tersebut.

36.5.2. AADK perlu menetapkan satu piawaian mengenai kemudahan asas (jenis dan bilangan) yang perlu disediakan di setiap PUSPEN mengikut keluasan kawasan dan kapasiti penghuni.

36.5.3. AADK perlu menyediakan satu perancangan yang komprehensif berkaitan keperluan kemudahan bagi menyokong aktiviti yang dijalankan. Pihak pengurusan PUSPEN juga perlu memastikan pegawai penyelia yang mengendalikan latihan kemahiran diberi latihan dan pendedahan sewajarnya bagi meningkatkan kemahiran. Sekiranya tiada pegawai yang berkemahiran, pihak PUSPEN perlu mendapatkan khidmat pengajar daripada Agensi lain seperti Kolej Komuniti dan Giat MARA.

36.5.4. Kementerian dan AADK hendaklah memastikan prosedur dan langkah keselamatan di setiap PUSPEN dipatuhi sepenuhnya selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

36.5.5. AADK perlu memastikan semua peralatan dan kelengkapan keselamatan mencukupi dan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan boleh digunakan pada bila-bila masa.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

37. POLIS DIRAJA MALAYSIA
- **PENGURUSAN BARANG KES YANG DISITA DI BAWAH AKTA DADAH BERBAHAYA (PERLUCUTHAKAN HARTA) 1988**

37.1. LATAR BELAKANG

37.1.1. Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) ditubuhkan bagi menguatkuasakan undang-undang dadah negara serta melaksanakan tugas dan tanggungjawab membanteras ancaman dadah. Seseorang yang ditangkap bersabit dengan aktiviti pengedaran dadah akan didakwa di bawah Seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952). Berikutan dengan tangkapan yang dibuat, JSJN dengan kuasa yang diberi di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 (ADB (PH) 1988) boleh membuat penyitaan ke atas mana-mana harta yang disyaki diperolehi dari aktiviti pengedaran dadah.

37.1.2. Hasil daripada aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan dalam membanteras ancaman dadah, Bahagian Perundangan/Pendakwaan dan Bahagian Perlucuthakan Harta (BPH) telah menyita barang yang terdiri daripada harta alih (wang tunai, barang kemas, barang eksklusif, kenderaan dan saham), harta tak alih (rumah, bangunan, tanah) dan perniagaan. Mengikut statistik di laman web PDRM setakat bulan Disember 2010, bagi tempoh tahun 2008 hingga bulan Jun 2010, sebanyak 6,516 kes tangkapan dan harta bernilai RM143.50 juta telah disita di bawah Akta ini.

37.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada barang kes telah diurus dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

37.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

37.3.1. Pengauditan ini tertumpu kepada barang kes harta alih serta harta tak alih yang disita di bawah ADB (PH) 1988. Bagi barang kes dadah berbahaya (ADB 1952) yang dirampas pula, semakan hanya dibuat terhadap kaedah penyimpanan dan keselamatan tempat menyimpan dadah dan bukan pemeriksaan dadah secara fizikal. Pengauditan telah dijalankan di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan 3 Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) iaitu IPK Kuala Lumpur, Selangor dan Johor. Sebanyak 155 kertas siasatan melibatkan 1,010 barang kes telah dipilih untuk diaudit.

37.3.2. Sampel rekod dengan dokumen berkaitan aktiviti pengurusan barang kes bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 telah diaudit. Selain daripada itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang berkenaan telah diadakan. Pemeriksaan terhadap stor yang menyimpan barang kes juga telah dibuat bertujuan untuk menentukan kewujudan barang kes dan tahap keselamatan stor.

37.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan terhadap barang kes PDRM adalah kurang memuaskan di mana berlaku kelemahan dalam pelabelan; pendaftaran; penyimpanan; pemulangan perlucuthakan, pelupusan dan pemantauan ke atas barang kes yang disita. Bagaimanapun, PDRM telah mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui serta ulasan JSJN adalah seperti berikut:

37.4.1. Pelabelan Dan Pendaftaran Barang Kes

37.4.1.1. Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) F202 menetapkan harta alih yang disita hendaklah dilabel dengan menggunakan label barang kes Pol.78 (Pin.3/80). Manakala bagi harta tak alih dan perniagaan yang disita satu notis penyitaan hendaklah ditampal di satu tempat yang mudah dilihat. Notis barang kes perniagaan yang disita hanya boleh ditampal setelah diendos oleh Pendaftar Perniagaan/Syarikat. Semua barang kes perlu didaftarkan di dalam Buku Daftar Barang Kes (Pol.261) oleh Penjaga Stor sebelum disimpan dalam Stor Barang Kes. Selain itu, semua barang kes harta alih dan notis yang ditampal di barang kes harta tak alih dan perniagaan perlu diambil gambar serta disimpan dalam fail kertas siasatan. Maklumat yang perlu ada pada gambar termasuk nombor repot, nama pegawai penyiasat, nombor kertas siasatan dan jumlah wang/barang kemas/kenderaan.

37.4.1.2. Semakan Audit di Bahagian Perlucuthakan Harta (BPH) IPK Kuala Lumpur mendapati 12 barang kemas dan wang tunai tidak dilabel. Selain itu, lawatan Audit pada 18 Ogos 2010 ke Stor Jinjang, Kuala Lumpur yang menempatkan barang kes kenderaan bagi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) mendapati sebanyak 38 kenderaan yang dirampas/disita oleh JSJN tidak dilabel (Pol.78) dan juga tidak didaftar dalam Buku Daftar Barang Kes (Pol.261). Contoh barang kes berkenaan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 37.1



IPK Kuala Lumpur
- Wang Tunai/Barang Kemas Yang Tidak Dilabel
(19.08.2010)


GAMBAR 37.2



Stor Jinjang, Kuala Lumpur
- Kenderaan Yang Tidak Dilabel
(18.08.2010)

37.4.1.3. Di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, IPK Kuala Lumpur dan Selangor, barang kes seperti barang kemas, wang tunai dan barang eksklusif/berharga disimpan secara bersekali sama ada di dalam sampul surat, plastik atau bekas simpanan lain. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai BPH Bukit Aman bahawa barang kes tersebut boleh disimpan bersekali mengikut kes tetapi setiap satu barang kes tersebut perlu diberi nombor pengenalan. Semakan Audit selanjutnya mendapati 109 barang kes yang disimpan bersekali di dalam peti besi Pegawai Turus BPH IPK Kuala Lumpur tidak diberi nombor pengenalan barang kes. **Gambar 37.3** menunjukkan contoh barang kes berkenaan. Pihak yang bertanggungjawab terhadap barang kes sepatutnya memberi nombor pengenalan kepada setiap barang kes seperti yang diamalkan oleh IPK Johor **(Gambar 37.4)**.

GAMBAR 37.3



Pejabat Pegawai Turus Perlucuthakan Harta, IPK Kuala Lumpur
- Barang Kes Yang Disimpan Bersekali Tidak Diberi Nombor Pengenalan Barang Kes
(19.08.2010)




GAMBAR 37.4

Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor
- Barang Kes Telah Diberi Nombor Pengenalan Barang Kes
(25.11.2010)

37.4.1.4. Semakan Audit terhadap 54 fail kertas siasatan melibatkan 288 barang kes di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, IPK Kuala Lumpur, Johor dan Selangor mendapati tiada gambar barang kes berkaitan disimpan di dalam fail tersebut. Manakala bagi 17 fail kertas siasatan lain, adalah didapati 106 barang kes telah diambil gambar tetapi maklumat seperti nombor repot, nama pegawai penyiasat dan nombor kertas siasatan tidak direkod pada gambar berkenaan.


37.4.1.5. Di stor IPD Brickfields, IPK Kuala Lumpur, Pol.78 (Pin. 3/80) tidak digunakan untuk melabel barang kes, sebaliknya menggunakan format yang berlainan. Selain itu, semakan Audit juga mendapati format Pol.78 (Pin. 3/80) yang digunakan untuk melabel sebahagian besar barang kes berbeza/tidak seragam antara kontinjen yang sama. Contoh kes adalah seperti di Stor BPH Bukit Aman, Ampang dan peti besi Pegawai Turus, BPH IPK Kuala Lumpur. Format Pol.78 yang digunakan adalah seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 37.5




Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala lumpur
- Pol.78 Tidak Digunakan Untuk Melabel Barang Kes Kenderaan Tetapi Mengguna Format Sendiri
Di Ibu Pejabat Polis Daerah Brickfields
(18.08.2010)

GAMBAR 37.6



Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur
- Pol.78 Yang Digunakan Untuk Melabel Barang Kes Di Stor Bahagian Perlucuthakan Harta, Ampang
(18.08.2010)



GAMBAR 37.7

Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur
- Pol.78 Yang Digunakan Untuk Melabel Barang Kes Dalam Peti Besi Pegawai Turus
Bahagian Perlucuthakan Harta
(22.08.2010)

37.4.1.6. Semakan Audit juga mendapati maklumat di borang Pol.78 (Pin. 3/80) di IPK Kuala Lumpur dan Selangor bagi 46 barang kes tidak direkod dengan lengkap seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.1
MAKLUMAT DI POL.78 (PIN. 3/80) TIDAK DIREKOD DENGAN LENGKAP

NO.KERTAS SIASATAN	BIL POL.78 (Pin.3/8)	JENIS BARANG KES	BIL. BARANG KES	NILAI/ ANGGARAN NILAI (RM)	MAKLUMAT POL.78 LENGKAP				
					a	b	c	d	e
Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur									
KL/FOP/AIP:45/09	3	Wang Tunai	4	2,902	X	X	✓	X	X
		Barang Kemas	26	17,895					
		Barang Eksklusif	2	850					
KL/FOP/AIP 394/05	1	Barang Kemas	5	380	✓	X	✓	✓	✓
		Barang Eksklusif	1						
Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor									
Kajang/JSJN/FOP/00017/08	5	Kenderaan Bermotor	5	8,000	✓	X	X	✓	✓
Petaling Jaya/JSJN/FOP/28/08	1	Kenderaan Bermotor	1	500	✓	X	X	✓	✓
Subang Jaya/JSJN/032/08	1	Kenderaan Bermotor	1	2,000	✓	X	✓	✓	✓
K/Langat/JSJN/FOP/7/08	1	Kenderaan Bermotor	1	4,500	✓	X	X	✓	✓
JUMLAH	**12**		**46**						

Nota : ***(✓) - Ada*** ***(X) - Tiada***

a. Nombor Repot
b. Nama Pegawai Penyiasat
c. Nombor Kertas Siasatan
d. Nama Balai Polis
e. Nombor Siri Pendaftaran

37.4.1.7. Di BPH, IPK Kuala Lumpur semakan Audit mendapati barang kes tidak didaftar dalam Pol.261 dengan lengkap dan kemas kini. Maklumat berkaitan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.2
BARANG KES YANG TIDAK DIDAFTAR DENGAN LENGKAP DAN KEMAS KINI DALAM POL.261

NO. KERTAS SIASATAN	BUTIRAN BARANG KES	NILAI	MAKLUMAT YANG DIREKOD DALAM POL.261
KL/FOP/AIP/63/08	Wang tunai Malaysia Wang tunai Thailand Wang tunai England Wang tunai Singapura	RM2,416 6,790 Baht 20 Pound SGD50	PT (BPH) IPK Kuala Lumpur memaklumkan semua wang tunai lucuthak telah ditukarkan kepada ringgit Malaysia sebanyak RM3,076 dan diserahkan kepada Bahagian Perlucuthakan Harta Bukit Aman untuk disimpan dalam Akaun Hasil (876107). Bagaimanapun, rujukan resit Kew. 38 tidak direkod dalam Pol.261 dan tidak dapat dikemukakan untuk pengesahan pihak Audit.

37.4.1.8. *Mengikut maklum balas JSJN, perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh kelemahan dari segi pengetahuan dan kurang pendedahan di kalangan pegawai penyiasat berhubung dengan prosedur berkaitan. Selain itu, kamera juga tidak dibekalkan kepada pegawai penyiasat untuk mengambil gambar barang kes. Sikap tidak prihatin pegawai juga menyumbang kepada berlakunya kelemahan tersebut. Seterusnya Pol.78 yang dikeluarkan oleh Stor Bekalan Jabatan Logistik terdapat dalam pelbagai saiz.*

Pada pendapat Audit, kelemahan berkaitan pelabelan dan pendaftaran barang kes akan mengakibatkan kesukaran untuk mengenal pasti dan mengesahkan kesahihan sesuatu barang kes. Bagi mempertingkatkan pengurusan barang kes, pegawai perlu diberi latihan dan pendedahan yang mencukupi dan pegawai penyelia juga perlu meningkatkan lagi pemantauan bagi memastikan pelabelan dan pendaftaran adalah teratur. Selain itu, Borang Pol.78 (Pin. 3/80) yang seragam hendaklah diwujudkan dan rekod sentiasa disemak oleh pegawai bertanggungjawab bagi memastikan ianya lengkap dan kemas kini.

37.4.2. Penyimpanan Barang Kes

37.4.2.1. Mengikut perenggan 17 PTKPN F201, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik atau Penolong Pengarah BPH adalah bertanggungjawab bagi menyimpan harta yang disita. Barang kes hendaklah diserahkan oleh pegawai penyiasat kepada BPH dalam tempoh 24 jam selepas kertas siasatan dibuka. Manakala mengikut Arahan Pentadbiran Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (PJSJN) Bil. 10 Tahun 2007, wang tunai yang disita di peringkat kontinjen akan dihantar ke BPH, Bukit Aman untuk simpanan dalam akaun sementara Kementerian Dalam Negeri. Pegawai Penyiasat hendaklah menyerahkan wang tersebut dalam tempoh satu minggu dari tarikh penerimaan wang tunai kepada Pegawai Turus (PT) BPH Kontinjen untuk disimpan di dalam peti besi di bawah tanggungjawabnya. PT seterusnya perlu menyerahkannya kepada PT Zon Utara/Selatan BPH JSJN Bukit Aman dalam tempoh 3 minggu. Surat JSJN KPN 87 bertarikh 19 Mac 2009 menghendaki nilai sitaan kontinjen ditukar kepada deraf bank sebelum dihantar ke JSJN Bukit Aman. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Percanggahan tempoh di antara 2 arahan yang berbeza di mana mengikut PTKPN F201 barang kes termasuk tunai perlu diserahkan ke BPH dalam tempoh masa 24 jam. Arahan Pentadbiran PJSJN pula menghendaki wang tunai diserah dalam tempoh masa satu minggu. *Mengikut maklum balas Kementerian, cadangan ke atas pindaan PTKPN F201 telah dimajukan kepada Urus Setia Ketua Polis Negara (Penyelidikan dan Pembangunan) untuk tindakan.*

b. Di IPK Kuala Lumpur, 12 barang kes wang tunai dan barang kemas disimpan dalam kabinet besi di bilik pegawai penyiasat dan bukannya di dalam peti besi di pejabat Pegawai Turus Bahagian Perlucuthakan Harta kontinjen. Semakan Audit selanjutnya mendapati kesemua barang kes tersebut tidak direkod di dalam Daftar Barang Kes (Pol.261).

37.4.2.2. Semua barang kes termasuk kenderaan hendaklah sentiasa disimpan dan dijaga dengan baik kerana ianya merupakan bahan bukti untuk

kes perbicaraan mahkamah. Semakan Audit terhadap 12 kertas siasatan melibatkan 14 kenderaan bermotor di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, IPK Johor dan Selangor mendapati kenderaan tersebut tidak terjaga di mana ia disimpan di tempat terbuka serta diliputi lalang dan semak. Semakan Audit selanjutnya di Stor Ampang, IPK Kuala Lumpur pada 18 Ogos 2010 mendapati sebahagian besar daripada barang kes kenderaan disimpan di sekitar kawasan luar bangunan. Di Stor Jinjang, IPK Kuala Lumpur pula, terdapat kenderaan tanpa tayar dan aksesori serta terdapat juga kenderaan yang sudah rosak. Keadaan barang kes yang berkaitan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 37.8



GAMBAR 37.9



Stor Jinjang, IPK Kuala Lumpur
- Keadaan Kenderaan Yang Sudah Rosak Dan Tidak Sempurna
(18.08.2010)

GAMBAR 37.10



Stor Jinjang, IPK Kuala Lumpur
- Kenderaan Diliputi Semak
(18.08.2010)

GAMBAR 37.11



Stor Jinjang, IPK Kuala Lumpur
- Kenderaan Ditakungi Air
(18.08.2010)

GAMBAR 37.12



GAMBAR 37.13



Stor Ampang, IPK Kuala Lumpur
- Keadaan Kenderaan Yang Disimpan Di Luar Kawasan Stor Tidak Berbumbung Dan Sesak
(18.08.2010)

37.4.2.3. Perenggan 4 Arahan Ketua Polis Negara Bil. 72 (Pengurusan Stor Eksibit Secara Efektif) bertarikh 9 Januari 2009 menghendaki barang kes dadah disimpan dalam stor barang kes/tempat penyimpanan dengan teratur dan selamat. Skim warna bagi penyusunan eksibit mengikut tahun hendaklah juga diwujudkan. Semakan Audit di IPK Kuala Lumpur mendapati cara susun atur barang kes adalah tidak sistematik. **Gambar 37.14** dan **37.15** menunjukkan keadaan stor penyimpanan barang kes di IPK Kuala Lumpur. Selain itu di IPK Kuala Lumpur, Johor dan Selangor skim warna mengikut tahun bagi penyusunan barang kes dadah tidak diamalkan.

GAMBAR 37.14



GAMBAR 37.15



Stor Barang Kes Dadah IPK Kuala Lumpur
- Penyimpanan Barang Kes Dadah Yang Tidak Teratur
(19.08.2010)

37.4.2.4. *Berdasarkan maklum balas yang diterima, perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh peruntukan kewangan tidak mencukupi; tempat penyimpanan barang kes kenderaan berbumbung tidak mencukupi; Stor Ampang juga menyimpan barang kes kenderaan bermotor dari Bukit Aman, IPK Kuala Lumpur dan IPK Selangor; pihak atasan tidak menetapkan warna khusus untuk tahun dan jenis barang kes dadah serta ruang stor terhad dan rak tidak mencukupi.*

Pada pendapat Audit kelemahan dalam pengurusan penyimpanan barang kes boleh mendatangkan risiko kehilangan/keciciran; kenderaan berkarat kerana terdedah kepada hujan dan panas sepanjang masa; nilai kenderaan menyusut; dan juga boleh mengundang kepada pembiakan nyamuk serta membahayakan kesihatan. Dengan itu, pegawai yang bertanggungjawab perlu mengambil inisiatif untuk memastikan susun atur barang kes adalah sistematik serta tempat penyimpanan barang kes perlu dibersihkan secara berkala.

37.4.3. Keselamatan Barang Kes

37.4.3.1. Mengikut Perenggan 17 PTKPN F201, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (KJSJN) atau Penolong Pengarah (PP)/Pegawai Turus (PT) Bahagian Perlucuthakan Harta (BPH) adalah bertanggungjawab secara keseluruhannya bagi keselamatan dan penyimpanan semua barang kes yang disita. Stor/tempat penyimpanan barang kes hendaklah dilengkapkan dengan

ciri-ciri keselamatan sepertimana yang telah ditetapkan dalam Perenggan 7 Arahan KPN Bil. 72 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 (Tatacara Pengurusan Stor).

37.4.3.2. Semakan Audit di stor/tempat penyimpanan barang kes (termasuk peti besi dan bilik kebal) di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, IPK Kuala Lumpur, Johor dan Selangor (Bahagian Perlucuthakan Harta JSJN) mendapati sebahagian daripada ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan tidak dipatuhi seperti jeriji, pagar, CCTV, penggera dan lampu tidak dipasang, alat pemadam api tidak disediakan, tiada tanda amaran serta tiada pegawai sentri atau pegawai bertanggungjawab ditempatkan di stor/tempat berkaitan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 37.3**. Semakan Audit selanjutnya terhadap peti besi/bilik kebal pula mendapati peti besi di pejabat Pegawai Turus Bahagian Perlucuthakan Harta (Zon Utara/Selatan) mempunyai kunci berasingan dan juga menggunakan nombor berkombinasi. Namun begitu, kunci dan juga nombor kombinasi disimpan oleh pegawai yang sama.

JADUAL 37.3
TAHAP PEMATUHAN CIRI-CIRI KESELAMATAN
STOR/TEMPAT PENYIMPANAN BARANG KES

TEMPAT PENYIMPANAN	CIRI-CIRI KESELAMATAN							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Ibu Pejabat Polis Bukit Aman								
Stor Bahagian Perlucuthakan Harta Bukit Aman, Ampang, Kuala Lumpur	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur								
Stor Dadah, Tingkat 6	✓	X	X	X	TB	TB	X	X
Stor Jinjang	TB	X	✓	X	✓	✓	X	X
Stor Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields	TB	X	X	X	✓	X	X	X
Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor								
Stor Pusat Pandan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Stor Bahagian Perlucuthakan Harta IPK Johor	✓	X	✓	✓	TB	TB	X	X
Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor								
Bahagian Perlucuthakan Harta IPK Selangor	Tiada stor barang kes di Bahagian Perlucuthakan Harta IPK Selangor. Barang kes kenderaan disimpan di Stor Barang Kes Ampang, Kuala Lumpur dan juga di dalam kawasan pejabat JSJN (BPH) di Balai Polis Seksyen 15, Shah Alam. Barang kes lain disimpan dalam peti di pejabat KJSJN.							

Nota : ***(✓) - Mematuhi*** ***(X) - Tidak Mematuhi*** ***TB - Tidak Berkenaan***

a. Pintu Dan Tingkap Berjeriji (Perenggan 7 Arahan KPN Bil. 72)
b. Kamera Litar Tertutup (CCTV) Ditempatkan Di Dalam Dan Di Luar Stor (Perenggan 7 Arahan KPN Bil. 72)
c. Anggota Sentri Disediakan (Perenggan 7 Arahan KPN Bil. 72)
d. Alat Pemadam Api Disediakan [Bab F Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009]
e. Sekeliling Kawasan Stor Dipagar [Bab F Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009]
f. Lampu Limpah (Flood Lights) Dipasang [Bab F Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009]
g. Sistem Penggera Dipasang [Bab F Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009]
h. Tanda Amaran ('Dilarang Merokok' Dan 'Mudah Terbakar') Disediakan Dan Dipamerkan [Bab F Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009]

37.4.3.3. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh kekurangan peruntukan kewangan dan pegawai yang bertanggungjawab tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. *Mengikut maklum balas pihak JSJN, CCTV di stor BPH Ampang telah dibaikpulih dan telah berfungsi semula. Selain itu, tindakan juga telah diambil oleh BPH Bukit Aman di mana dua orang pegawai berasingan dilantik untuk memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi. Di stor BPH IPK Johor, tanda amaran telah dipasang selepas teguran Audit.*

Pada pendapat Audit, peruntukan kewangan hendaklah disediakan bagi memastikan ruang penyimpanan stor barang kes adalah mencukupi dan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang sempurna untuk menjamin keselamatan barang kes. Selain itu, pegawai yang mengurus barang kes hendaklah juga diberi pendedahan kepada semua arahan dan peraturan berkaitan dengan pengurusan barang kes.

37.4.4. Pemulangan, Perlucuthakan Dan Pelupusan Harta Yang Disita

37.4.4.1. Mengikut Seksyen 32(2) ADB (PH) 1988, barang kes yang disita hendaklah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk mendapatkan keputusan siasatan. Selepas meneliti kes berkenaan, TPR akan membuat keputusan sama ada barang kes perlu dipulangkan kepada Orang Kena Tahan (OKT)/penuntut; barang kes dilucuthak atau kes dirujuk kepada mahkamah yang boleh memerintah sama ada barang kes dipulangkan atau dilucuthak. Selain itu, mengikut Manual Prosedur Kualiti Bahagian Perlucuthakan Harta bertarikh 5 Oktober 2009, tempoh pemulangan harta alih selain daripada wang tunai dalam akaun sementara dan akaun bank/sekuriti (saham) adalah satu bulan daripada perintah mahkamah. Barang kes yang telah dilucuthak kepada Kerajaan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Logistik dalam tempoh satu bulan selepas kes selesai untuk mendapatkan kelulusan pelupusan. Manakala tindakan pelupusan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh kelulusan oleh kuasa melulus mengikut Pekeliling Pengarah Jabatan Logistik Polis Diraja Malaysia bertarikh 23 Disember 2009. Bagi barang kes wang tunai/cek pula, ia perlu dipindahkan dari Akaun Deposit Akta Dadah Berbahaya ke Akaun Hasil Kerajaan - Akaun Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta). Bagi keadaan di mana OKT tidak menuntut wang tunai dalam masa 3 bulan selepas ia disita, wang tersebut akan dilucuthak kepada Kerajaan dan perlu dikreditkan ke akaun hasil Kerajaan.

37.4.4.2. Semakan Audit terhadap 25 kertas siasatan yang melibatkan 36 barang kes wang tunai di BPH Bukit Aman, IPK Selangor dan Johor mendapati wang tersebut telah mendapat keputusan mahkamah untuk dilucuthak kepada Kerajaan atau dipulangkan kepada pemiliknya. Bagaimanapun, tindakan

pemulangan/pelupusan masih belum diambil terhadap 24 daripada 36 barang kes yang mana 10 daripadanya telah melebihi 3 tahun. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.4
BILANGAN BARANG KES YANG
BELUM DIPULANGKAN/DILUPUSKAN

TAHUN ARAHAN MAHKAMAH	BILANGAN BARANG KES
2003	4
2007	6
2008	7
2009	1
2010 (19.05.2010 – 15.11.2010)	6
JUMLAH	**24**

37.4.4.3. Di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan IPK Kuala Lumpur adalah didapati barang kes wang tunai seperti di **Jadual 37.5** masih disimpan di pejabat. Pihak IPK Kuala Lumpur sepatutnya menukar wang ini kepada deraf bank dan menghantarnya ke JSJN Bukit Aman. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara bulan Mei 2003 hingga November 2009 Timbalan Pendakwa Raya telah memutuskan kesemua wang tersebut dilucuthak kepada Kerajaan dan sepatutnya dikreditkan ke Akaun Hasil Kerajaan - Akaun Perlucuthakan Di Bawah Akta Dadah Berbahaya. Namun begitu tindakan ini belum diambil oleh Jabatan.

JADUAL 37.5
BARANG KES WANG TUNAI YANG TIDAK DIMASUKKAN KE DALAM AKAUN HASIL

LOKASI	NO. KERTAS SIASATAN	BARANG KES (Nilai)	TARIKH KEPUTUSAN TPR
Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur	KL/FOP/AIP:58/09	Wang tunai Malaysia RM891	16.11.2009 (Dilucuthak kepada Kerajaan kerana tiada tuntutan selepas tamat tempoh 3 bulan daripada tarikh sitaan)
		Wang tunai USD400	
		Wang tunai Indonesia 501,600 Rupiah	
		Wang tunai Thailand 680 Baht	
		Wang tunai Afrika 30 Rand	
	KL/FOP/AIP/05/08	Wang tunai Malaysia RM9,100	02.05.2008 (Dilucutkan kepada Kerajaan)
	FOP/AIP 62/03	Wang tunai Malaysia RM60,000	29.05.2003 (Dilucutkan kepada Kerajaan)
		Wang tunai Thailand 600,000 Baht	
		Wang tunai Jepun Yen10,000	
	FOP/CIP 09/05	Wang tunai Malaysia RM1,340	28.06.2007 (Dilucutkan kepada Kerajaan)
		Wang tunai Thailand 4,100 Baht	
Ibu Pejabat Polis Bukit Aman	JSJN/ADB/16/08	Wang tunai Argentina 350 Pesos	21.08.2008 (Dilucuthak kepada Kerajaan kerana tiada tuntutan selepas tamat tempoh 3 bulan daripada tarikh sitaan)
		Wang tunai Peru 140 Soles	
		Wang tunai 10 Bolivia	

Nota: ***TPR - Timbalan Pendakwa Raya***

37.4.4.4. Semakan Audit selanjutnya di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, IPK Kuala Lumpur, Selangor dan Johor mendapati 361 barang kes selain daripada wang tunai yang telah menerima arahan daripada mahkamah atau Timbalan Pendakwa Raya untuk dilucuthakkan kepada Kerajaan atau dipulangkan kepada OKT tetapi masih berada dalam stor BPH masing-masing sehingga tarikh pengauditan. Sebanyak 131 (36.3%) daripada 361 barang kes tidak dilucuthakkan kepada Kerajaan atau dipulangkan kepada OKT melebih tempoh 3 tahun. Barang kes yang belum dipulangkan/dilupuskan ini adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.6
PEMULANGAN/PELUPUSAN BARANG KES MASIH BELUM DILAKUKAN MELEWATI TEMPOH YANG DITETAPKAN

KELEWATAN TEMPOH PEMULANGAN/PELUPUSAN (Dari Tarikh Keputusan/Perintah Perlucuthakan Mahkamah/TPR)	BIL. BARANG KES				
	IBU PEJABAT POLIS BUKIT AMAN	IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN KUALA LUMPUR	IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN SELANGOR	IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN JOHOR	JUMLAH
6 Bulan Hingga 1 Tahun	1	-	25	10	36
1 Tahun Hingga 3 Tahun	70	60	41	19	190
> 3 Tahun	51	44	36	-	131
Tiada maklumat tarikh arahan mahkamah	4	-	-	-	4
JUMLAH	**126**	**104**	**102**	**29**	**361**

Nota: ***TPR - Timbalan Pendakwa Raya***

37.4.4.5. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan Jabatan Logistik Bukit Aman meluluskan permohonan pelupusan telah menyumbang kepada kelewatan pemulangan barang kes. Barang kes yang masih belum mendapat kelulusan untuk dilupuskan bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 37.7
PERMOHONAN PELUPUSAN BARANG KES BAHAGIAN PERLUCUTHAKAN HARTA JSJN YANG BELUM DILULUSKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

IBU PEJABAT/ KONTINJEN	2008		2009		2010		JUMLAH	
	BIL. KERTAS SIASATAN	BIL. BARANG KES	BIL. KERTAS SIASATAN	BIL. BARANG KES	BIL. KERTAS SIASATAN	BIL. BARANG KES	BIL. KERTAS SIASATAN	BIL. BARANG KES
Bukit Aman	9	34	4	10	29	80	42	124
IPK Kuala Lumpur	0	0	4	5	0	0	4	5
IPK Johor	0	0	6	10	2	3	8	13
IPK Selangor	2	2	6	18	25	69	33	89
JUMLAH	**11**	**36**	**20**	**43**	**56**	**152**	**87**	**231**

37.4.4.6. *Berdasarkan maklum balas JSJN, perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh kelewatan mendapat kelulusan bagi tindakan pelupusan daripada Jabatan Logistik Bukit Aman; Jabatan Logistik IPK tidak mengemukakan Laporan Lembaga Pemeriksa Aset Alih Kerajaan dan Sijil*

Keputusan Barang Kes kepada Jabatan Logistik Bukit Aman; OKT/orang kenaan lambat mengambil balik barang kes; tindakan pelupusan tidak dijalankan oleh Jabatan Logistik Kontinjen walaupun telah mendapat keputusan untuk dilucuthak kepada Kerajaan; dan kes tangkapan masih dalam proses mahkamah/siasatan polis.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam pengurusan pemulangan, perlucuthakan dan pelupusan barang kes telah menyumbang kepada berlakunya timbunan barang kes dan wang tunai tidak diambil kira sebagai hasil Kerajaan. Oleh itu, pegawai perlu didedahkan kepada prosedur dan dokumen yang terlibat dalam pengurusan pelupusan/pemulangan. Tindakan pemulangan/pelupusan barang kes perlu dilaksanakan dengan segera setelah mendapat keputusan TPR atau perintah mahkamah. Seksyen 22 Akta Polis 1967 (Akta 344) perlu dikuatkuasakan bagi barang kes yang perlu dipulangkan tetapi tidak dituntut. Selain itu, Seksyen 26(2)(a) atau Seksyen 26(2)(b), Akta Dadah Berbahaya (PH) 1988 juga perlu dikuatkuasakan iaitu barang kes kenderaan boleh dikembalikan kepada OKT/orang yang berkepentingan dengan syarat tiada apa-apa perubahan boleh dibuat terhadap kenderaan tersebut sehingga kes mahkamah selesai.

37.4.5. Pemantauan

37.4.5.1. Mengikut Arahan Perbendaharaan 309, pemeriksaan mengejut hendaklah dijalankan mengikut ketetapan dan Daftar Pemeriksaan Mengejut hendaklah diselenggarakan. Selain itu, pemeriksaan naziran hendaklah dijalankan mengikut perancangan naziran oleh Unit Naziran Ibu Pejabat Polis Bukit Aman/IPK. Semakan Audit mendapati pemeriksaan mengejut tidak dijalankan di semua pejabat yang dilawati dan Daftar Pemeriksaan Mengejut juga tidak diselenggarakan seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 309. Selain itu, pemeriksaan naziran tidak dijalankan mengikut perancangan seperti di **Jadual 37.8** di mana daripada 72 pemeriksaan naziran yang dirancang bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 hanya 32 (44.4%) dapat dilaksanakan.

JADUAL 37.8
PEMERIKSAAN NAZIRAN YANG DIRANCANG DAN DILAKSANA
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

JSJN (BPH)	2008		2009		2010		JUMLAH	
	DIRANCANG	DILAKSANA	DIRANCANG	DILAKSANA	DIRANCANG	DILAKSANA	DIRANCANG	DILAKSANA
Bukit Aman	12	2	12	2	12	5	36	9
IPK Kuala Lumpur	5	1	5	1	5	TM	15	2
IPK Johor	TM	TM	8	8	13	13	21	21
IPK Selangor	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM
JUMLAH							**72**	**32**

Nota: ***TM - Tiada Maklumat Kerana Tidak Dikemukakan Untuk Semakan Audit***

37.4.5.2. *Mengikut maklum balas JSJN, perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh bilangan pegawai tidak mencukupi manakala pegawai sedia ada terlalu sibuk dengan tugasan lain.*

Pada pendapat Audit, pemantauan atau pemeriksaan yang berkala mahupun pemeriksaan mengejut hendaklah dijalankan dengan sewajarnya oleh JSJN bagi memastikan semua pengurusan barang kes adalah teratur dan selamat. **Kelemahan dalam pengurusan pemantauan akan mengakibatkan pengurusan barang kes yang tidak teratur dan tidak berkesan.**

37.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan pengurusan barang kes di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988, langkah penambahbaikan perlu diambil dengan segera untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusannya. Sehubungan ini, adalah disyorkan pihak Polis Diraja Malaysia khususnya Bahagian Perlucuthakan Harta di bawah seliaan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik mengambil tindakan seperti berikut:

37.5.1. Memastikan semua barang kes dilabel dan diambil gambar serta diberi tanda pengenalan yang seragam.

37.5.2. Menyediakan peruntukan kewangan untuk menyediakan ruang penyimpanan yang cukup, sesuai dan selamat bagi penyimpanan barang kes.

37.5.3. Mempertingkatkan tahap penyelenggaraan rekod bagi memastikan semua rekod berkaitan dengan barang kes adalah lengkap dan kemas kini. Selain itu, pegawai khusus bagi menguruskan stor barang kes perlu dilantik untuk menentukan semua prosedur stor dipatuhi dengan sewajarnya dan menjamin kawalan terhadap keselamatan barang kes sebelum ia dipulangkan/dilupuskan.

37.5.4. Mengkaji dan menyenaraikan barang kes lama, usang/rosak dan tidak boleh digunakan/tidak ekonomi untuk dibaiki yang telah mendapat keputusan siasatan/perintah mahkamah untuk dipulangkan atau dilucuthak bagi menjimatkan ruang penyimpanan.

37.5.5. Menetapkan tempoh untuk meluluskan permohonan pelupusan oleh Jabatan Logistik bagi memastikan tindakan pelupusan barang kes dapat diambil dengan segera setelah memperolehi keputusan TPR.

37.5.6. Memantau dengan lebih berkesan secara berkala atau melalui pemeriksaan mengejut dan naziran bagi meningkatkan kawalan dalaman pengurusan barang kes.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

38. JABATAN PENJARA MALAYSIA
- PROJEK PEMBINAAN PENJARA BARU KUCHING, SARAWAK

38.1. LATAR BELAKANG

38.1.1. Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching (Penjara) telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ke-6 di Jalan Penrissen Kuching dengan keluasan tanah 42.6 hektar. Projek ini dirancang kerana penjara lama yang terletak di tengah Bandaraya Kuching yang dibina oleh pihak British pada tahun 1882 telah uzur dan kapasiti yang terhad untuk menampung jumlah banduan yang meningkat.

38.1.2. Projek ini pada asalnya telah dilaksanakan oleh WMM Holdings Sdn. Bhd. (Pemaju) secara rundingan terus dengan kos bernilai RM165 juta melalui kaedah reka dan bina. Daripada kos projek bernilai RM165 juta, pihak kontraktor akan dibayar sejumlah RM145 juta dan baki sejumlah RM20 juta dibayar secara pertukaran dengan tanah milik Jabatan Penjara di Lot 1450, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor seluas 37.23 hektar (92 ekar). Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching bermula pada 6 Mei 1997 dan dijangka siap pada 5 Ogos 2000. Bagaimanapun, atas sebab kegagalan Pemaju menyiapkan projek pada tempoh yang ditetapkan termasuk tempoh lanjutan masa, notis penamatan kontrak telah dikeluarkan pada 12 Julai 2002. Sehubungan itu, TSR Bina Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai kontraktor penyelamat melalui tender terbuka pada 19 Januari 2005 dengan nilai kontrak berjumlah RM54.90 juta untuk menyiapkan projek ini.

38.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

38.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching. Pemeriksaan dijalankan terhadap kontrak, rekod dan dokumen yang berkaitan di Ibu Pejabat Penjara Malaysia (IPPM), Kajang, Selangor dan Cawangan Keselamatan, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Penjara Kuching. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai juga diadakan untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut berhubung isu yang dibangkitkan. Di samping itu, borang soal selidik turut diedarkan bagi mendapat maklum balas kepuasan pelanggan daripada pegawai penjara.

38.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching adalah tidak memuaskan kerana pembinaan projek yang sepatutnya siap dalam tempoh 3 tahun 3 bulan telah mengambil masa selama 11 tahun 2 bulan dan kos meningkat sejumlah RM56.11 juta (34%). Selain itu, terdapat banyak kelemahan di peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek oleh WMM Holdings Sdn. Bhd. Antara kelemahannya ialah kelewatan menyiapkan kerja; pembayaran tidak selari dengan kemajuan fizikal sebenar; kualiti kerja kurang memuaskan tetapi telah diperakukan untuk bayaran dan pihak IPPM tidak mempunyai pegawai teknikal untuk memantau projek. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati pelaksanaan kontrak baru bagi kerja membaik pulih dan pembinaan semula Penjara oleh TSR Bina Sdn. Bhd. adalah memuaskan. Namun masih terdapat beberapa kelemahan di peringkat pelaksanaan projek iaitu projek lewat disiapkan dan kerja penyenggaraan bangunan kurang memuaskan. Bagaimanapun, Jabatan Penjara Malaysia (Jabatan) telah mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap sebahagian daripada kelemahan yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan dan ulasan Jabatan adalah seperti di perenggan berikut:

38.4.1. Prestasi Projek

38.4.1.1. Prestasi Fizikal

a. Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching dimulakan pada 6 Mei 1997 dan dijangka siap pada 5 Ogos 2000. Bagaimanapun, sehingga bulan Ogos 2000, Pemaju hanya dapat menyiapkan 84.3% kerja. Pegawai Penguasa telah meluluskan 2 lanjutan masa dan tarikh siap kerja yang dilanjutkan adalah pada 30 September 2001. Namun begitu, sehingga tempoh lanjutan masa tamat Pemaju hanya dapat menyiapkan projek setakat 88%. Oleh itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengeluarkan Notis Penamatan Kontrak pada 12 Julai 2002. *Menurut maklum balas Jabatan Penjara Malaysia, pihak Jabatan mengambil maklum berhubung dengan kelewatan projek ini walaupun pada peringkat awal ianya menunjukkan prestasi kerja yang baik. Bagaimanapun, projek ini mula mengalami kelewatan pada bulan September 1997. Jabatan telah mengeluarkan beberapa surat teguran dan peringatan kepada pihak kontraktor berhubung kelewatan ini supaya pihak kontraktor mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasinya.*

b. Lanjutan daripada penamatan kontrak ini, pihak KDN dengan persetujuan Kementerian Kewangan telah melantik semula perunding yang terlibat dalam projek asal dan mengarah supaya dianggarkan semula kerja penyambungan semula projek sehingga siap. Perunding dilantik untuk menilai kerja membaik pulih, penyambungan dan tambahan/pengubahsuaian mengikut kehendak KDN.

c. Perunding telah menilai kerja di tapak pada 14 hingga 21 Ogos 2002 dan menganggarkan sejumlah RM103.85 juta diperlukan bagi kerja baik pulih

dan pembinaan semula penjara. Namun begitu anggaran kos menyiapkan projek telah dikurangkan kepada RM54.75 juta setelah mengambil kira peruntukan daripada kontrak asal yang boleh diperolehi semula berjumlah RM49.10 juta.

d. Pada 19 Januari 2005, TSR Bina Sdn. Bhd. telah dilantik secara tender terbuka bagi tujuan membaik pulih dan membina semula Penjara dan projek dijangka siap pada 28 Mei 2006. Skop kerja bagi projek baru telah dikurangkan kepada 65 blok berbanding 103 blok dalam kontrak asal seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.1
SKOP KERJA BLOK BANGUNAN PENJARA DIKURANGKAN

SKOP KERJA	KONTRAK ASAL		KONTRAK BARU	
	JUMLAH BLOK	ANGGARAN PENEMPATAN BANDUAN DAN KAKITANGAN (Orang)	JUMLAH BLOK	ANGGARAN PENEMPATAN BANDUAN DAN KAKITANGAN (Orang)
Bangunan Ibu Pejabat Penjara Sarawak	1	500	1	500
Penjara Lelaki	26	1,300	11	500
Penjara Wanita	4	200	15	150
Sekolah Henry Gurney	17	200	-	-
Perumahan	37	465	27	216
Bangunan Kemudahan Dan Sokongan	18	-	11	-
JUMLAH	**103**	**2,665**	**65**	**1,366**

e. Selain TSR Bina Sdn. Bhd. yang dilantik sebagai kontraktor utama, terdapat juga kontraktor lain dilantik berdasarkan kepakaran khusus yang diperlukan bagi menyiapkan projek ini seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.2
SENARAI KONTRAKTOR DAN HARGA KONTRAK

NAMA KONTRAKTOR	HARGA KONTRAK (RM Juta)
TSR Bina Sdn. Bhd. (Kontraktor Utama)	54.90
Chubb Malaysia Sdn. Bhd. (Sistem kunci elektrik dan mekanikal)	2.58
My Rekabena Sdn. Bhd. (Sistem pagar *anti-climb*)	5.30
Profit Element Sdn. Bhd. (Sistem pintu automatik dan *grilles*)	5.60
JUMLAH	**68.38**

f. Semakan Audit selanjutnya mendapati tempoh bagi proses pelantikan kontraktor baru untuk membaik pulih dan membina semula Penjara mengambil masa selama 2 tahun dan 7 bulan. Tempoh masa yang lama bagi proses pelantikan kontraktor baru ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kerosakan kepada struktur sedia ada di tapak yang sukar dikawal seperti di gambar berikut:

GAMBAR 38.1



Kuarters Kelas E
- Kekuda Kayu Yang Telah Reput
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 23.02.2006)

GAMBAR 38.2



Blok 36 (Dobi, Dapur, Bengkel Dan Klinik)
- Besi Mengalami Kekaratan Kerana Lama Ditinggalkan
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 23.02.2006)

g. Selain itu, setelah tender dikeluarkan, pihak JKR mendapati kekuatan struktur dan mutu konkrit berada di bawah piawaian yang dibenarkan dan perunding yang bertanggungjawab menilai kos kontrak tidak mengambil kira sepenuhnya kerja yang diperlukan serta membuat andaian kerja yang ditinggalkan oleh kontraktor asal masih sempurna dan baik. Sehubungan itu, JKR telah melantik Retrofit System Sdn. Bhd. dengan harga tawaran berjumlah RM1.25 juta untuk menjalankan kajian terperinci mengenai kekuatan struktur dan kerja pembaikan struktur. Disebabkan faktor ini, tarikh mula kerja baru ditunda kepada 1 September 2005 dan tarikh dijangka siap pada 28 Disember 2006.

h. Semakan Audit mendapati projek tersebut tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Kemajuan kerja pada 28 Disember 2006 adalah 58.7%. Pihak kontraktor telah memohon 8 lanjutan masa selama 51 bulan yang seterusnya diluluskan dengan tarikh baru projek siap pada 31 Ogos 2008. Projek ini telah dapat disiapkan pada 31 Ogos 2008 dengan kelewatan sebanyak 612 hari. *Menurut maklum balas Jabatan Penjara Malaysia, lanjutan masa diluluskan kerana tambahan permintaan daripada pihak pelanggan dan kelewatan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kesemua lanjutan masa ini berjalan secara serentak.*

i. Secara keseluruhannya, tempoh masa yang diambil bagi menyiapkan Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching daripada kontrak asal sehingga kontrak baru adalah selama 134 bulan (11 tahun 2 bulan) seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.3
TEMPOH MASA BAGI MENYIAPKAN
PROJEK PEMBINAAN PENJARA BARU KUCHING

PERKARA	TEMPOH (Bulan)	CATATAN
Kontrak WMM Holdings Sdn. Bhd.	59	Kontrak Bermula Pada 06.05.1997 Dan Ditamatkan Pada 12.07.2002.
Proses Pelantikan Kontraktor Baru	31	Bermula Daripada Penamatan Kontrak Asal Sehingga Lantikan Kontraktor Kedua Pada 19.01.2005.
Penyerahan Tapak	8	Penyerahan Tapak Ditangguhkan Sehingga 01.09.2005.
Kontrak Kedua - TSR Bina Sdn. Bhd.	36	Bermula 01.09.2005 Sehingga Kerja Disiapkan Pada 31.08.2008.
JUMLAH	**134**	

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching adalah tidak memuaskan kerana projek yang sepatutnya siap dalam tempoh 3 tahun 3 bulan telah mengambil masa selama 11 tahun 2 bulan. Selain daripada kelewatan pelaksanaan projek oleh kedua-dua kontraktor, proses pelantikan kontraktor kedua untuk membaik pulih dan membina semula Penjara baru telah mengambil masa 2 tahun 7 bulan.

38.4.1.2. Prestasi Kewangan

a. Semakan Audit mendapati jumlah sebenar kos projek setelah dibuat pelarasan harga kontrak dan Arahan Perubahan Kerja adalah RM221.11 juta iaitu peningkatan sebanyak RM56.11 juta (34%) daripada kos asal projek walaupun skop kerja telah dikurangkan daripada 103 blok kepada 65 blok. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.4
PENINGKATAN KOS PROJEK PENJARA BARU KUCHING

KONTRAKTOR	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta) (a)	NILAI KONTRAK BARU (RM Juta) (b)	TAMBAHAN (KURANGAN) (RM Juta) (c)	JUMLAH DIBAYAR (RM Juta) (d)	PENINGKATAN KOS (RM Juta) (d) - (a)
WMM Holdings Sdn. Bhd.	165	-	-	132.67	
TSR Bina Sdn. Bhd.	-	54.90	10.97	65.87	
Profit Element Sdn. Bhd.	-	5.60	2.09	7.69	
Retrofit System Sdn. Bhd.	-	3.50	0.21	3.71	
Chubb Malaysia Sdn. Bhd.	-	2.58	(0.07)	2.51	
My Rekabena Sdn. Bhd.	-	5.30	3.36	8.66	
JUMLAH	**165**	**71.88**	**16.56**	**221.11**	**56.11**

b. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos projek adalah tambahan bayaran yuran perunding, kos merobohkan blok yang telah dibina kerana kerja kontraktor asal yang tidak mengikut spesifikasi dan kos kerja pembaikan struktur yang telah rosak akibat lama terbiar. Selain itu, Sistem

Keselamatan Elektronik yang hanya dikenal pasti semasa projek dilaksanakan pada 27 Januari 2006 turut menyebabkan kos projek meningkat.

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati selepas penamatan kontrak pertama, JKR telah diarahkan untuk membuat penilaian kos terhadap kerja terbengkalai sebelum kontraktor baru dilantik. JKR telah melantik perunding TZA Associates Sdn. Bhd. dan Kumpulan Ukur Bahan Sarawak bagi membuat penilaian kos keseluruhan menyiapkan projek yang terbengkalai.

d. Berdasarkan rekod, sejumlah RM132.67 juta (80%) telah dibayar kepada kontraktor pertama. Semakan Audit terhadap laporan anggaran yang disediakan oleh Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan Ibu Pejabat JKR bertarikh 24 Julai 2003 mendapati jumlah terkumpul nilai kerja sebenar yang telah dilaksanakan di tapak bina adalah berjumlah RM67.96 juta (41%) setakat 2 April 2001. Ini menunjukkan perunding dan Pemaju telah membuat tuntutan bayaran kemajuan yang tidak selari dengan kemajuan fizikal projek ketika itu dan mengakibatkan Kerajaan mengalami kerugian berjumlah RM64.71 juta akibat terlebih bayar.

e. *Mengikut maklum balas IPPM, berdasarkan kepada konsep penswastaan, perunding telah dilantik oleh pihak kontraktor. Konsep ini telah diimplementasikan semasa projek pembinaan Penjara Sungai Buloh. Mengambil kira kejayaan projek ini, konsep yang sama telah dilaksanakan di dalam Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching. Sehubungan itu, Jabatan membuat pembayaran adalah berdasarkan kepada tuntutan yang dilakukan oleh perunding serta beranggapan bahawa perunding membuat tuntutan selari dengan kemajuan fizikal sebenar projek dan pihak Jabatan juga percaya bahawa perunding melaksanakan tugasnya secara profesional serta berpegang kepada etika profesionalisme. Semakan secara teknikal untuk mengesahkan nilai bayaran berbanding kemajuan fizikal semasa mesyuarat tapak tidak dapat dilakukan memandangkan ketiadaan pegawai teknikal di IPPM pada masa tersebut, manakala mesyuarat hanya dihadiri oleh pegawai awam sahaja. Selain itu, IPPM juga memaklumkan bahawa kes ini telah dibawa ke mahkamah setelah siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada tahun 2009.*

Pada pendapat Audit, pembayaran berjumlah RM132.67 juta kepada kontraktor yang dilakukan adalah tidak teratur, tidak mematuhi syarat kontrak dan peraturan kewangan yang berkaitan serta mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan.

38.4.2. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan Di Bawah Kontraktor Asal

38.4.2.1. Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif.

38.4.2.2. Semakan Audit terhadap laporan permohonan peruntukan tambahan pada 31 Mac 2006 yang disediakan oleh Cawangan Kerja Keselamatan, JKR mendapati faktor keselamatan (safety factor) bagi Blok 30 (Blok Utama), Blok 57 (Blok Gantung) dan Blok 17 (Blok Pentadbiran Wanita) tidak mencapai piawaian yang digunapakai dalam *Engineering Code of Practice*. Masalah seperti keretakan, resapan air, konkrit yang tidak dimampatkan secukupnya (honeycombing) dan besi tetulang yang terdedah akibat kekurangan penutup (concrete cover) telah menyebabkan kekuatan dan daya tahan struktur blok tersebut tidak selamat untuk digunakan. Bangunan yang mengalami masalah tersebut adalah seperti di **Gambar 38.3** hingga **38.6**. Justeru itu, perunding mengesyorkan agar bangunan berkenaan dirobohkan hingga ke paras tetopi cerucuk dan dibina semula.

GAMBAR 38.3



Blok Gantung (Blok 57)
- Blok Gantung Yang Tidak Selamat Digunakan
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 23.01.2005)

GAMBAR 38.4




Blok Pintu Utama (Blok 30)
- Pintu Utama Yang Tidak Selamat Digunakan
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 29.01.2005)

GAMBAR 38.5



Blok Pintu Utama (Blok 30)
- Pintu Utama Yang Tidak Selamat Digunakan
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 29.01.2005)

GAMBAR 38.6



Blok Pentadbiran Wanita (Blok 17)
- Keadaan Close Up Masalah Column Offset
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 11.02.2006)

38.4.2.3. Kerja pembinaan ketiga-tiga blok telah diperakukan oleh perunding dan pembayaran telah dibuat pada 2 April 2001. Kesan daripada pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi tersebut menyebabkan Blok 57 dan Blok 30

terpaksa dirobohkan dan dibina semula dan Blok 17 terpaksa dirobohkan namun tidak dibina semula mengakibatkan penambahan kos yang dianggarkan berjumlah RM1.36 juta. Butiran lanjut mengenainya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 38.5
PERBELANJAAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA BANGUNAN

BANGUNAN / BLOK	KOS MEROBOH (RM Juta) (a)	KOS MEMBINA SEMULA (RM Juta) (b)	KOS KESELURUHAN (RM Juta) (a) + (b)
Blok 57 (Blok Gantung)	0.19	0.51	0.70
Blok 30 (Blok Pintu Utama)	0.06	0.32	0.38
Blok 17 (Blok Pentadbiran Wanita)	0.28	-	0.28
JUMLAH	**0.53**	**0.83**	**1.36**

38.4.2.4. *Menurut maklum balas IPPM, semakan secara teknikal untuk memastikan struktur pembinaan mematuhi piawaian teknikal tidak dapat dilakukan oleh Jabatan memandangkan ketiadaan pegawai teknikal di Jabatan pada masa tersebut. Jabatan telah mengguna pakai laporan dan pengesahan perunding yang sememangnya pakar dan bertauliah di dalam bidang tersebut.*

Pada pendapat Audit, perunding tidak melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan kerja dilaksanakan mencapai piawaian yang diguna pakai dalam *Engineering Code Of Practice.*

38.4.3. Penyenggaraan Bangunan Kurang Memuaskan

38.4.3.1. Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching telah disiapkan pada 31 Ogos 2008 dan tempoh tanggungan kecacatan telah tamat pada 30 Jun 2009. Bagi memastikan bangunan dan kemudahan yang digunakan berada dalam keadaan baik, selamat dan selesa kepada pengguna, Pasukan Penyelaras Penyenggaraan Kompleks Penjara telah ditubuhkan. Pasukan ini adalah bertanggungjawab untuk memastikan segala aduan kerosakan diambil tindakan pembaikan dengan kadar segera.

38.4.3.2. Lawatan Audit ke Penjara Baru Kuching pada bulan Oktober 2010 mendapati beberapa kerosakan yang belum diambil tindakan. Keadaan ini boleh menjejaskan keselamatan dan keselesaan pengguna dan perlu dibaiki segera. Contoh kerosakan yang ditemui adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 38.6
KEROSAKAN YANG BELUM DIAMBIL TINDAKAN SETAKAT 20 OKTOBER 2010

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL
Surau	Kebocoran Di Siling **(Gambar 38.7)**
Penjara Lelaki	Kesan Keretakan Di Dinding **(Gambar 38.8)**
Blok C1 (Kuarters Kakitangan)	Kesan Resapan Air Di Siling **(Gambar 38.9)**
Blok D2 (Kuarters Kakitangan)	Jubin Lantai Pecah **(Gambar 38.10)**
Blok D3 (Kuarters Kakitangan)	Siling Melendut **(Gambar 38.11)**
Blok F (Kuarters Kakitangan)	Jubin Dinding Terkopek **(Gambar 38.12)**
Blok D1 (Kuarters Kakitangan)	Kebocoran Paip Di Luar Kuarters
Blok D (Kuarters Kakitangan)	Keretakan Di Parit Luar Kuarters **(Gambar 38.13)**

GAMBAR 38.7



Surau
-Kebocoran Di Siling
(20.10.2010)

GAMBAR 38.8



Penjara Lelaki
- Keretakan Di Dinding
(20.10.2010)

GAMBAR 38.9



Kuarters Kakitangan (Blok C1)
- Kesan Resapan Air Pada Siling
(20.10.2010)

GAMBAR 38.10



Kuarters Kakitangan (Blok D2)
- Jubin Lantai Pecah
(20.10.2010)

GAMBAR 38.11



Kuarters Kakitangan (Blok D3)
- Siling Melendut
(20.10.2010)

GAMBAR 38.12



Kuarters Kakitangan (Blok F)
- Jubin Dinding Terkopek
(20.10.2010)



GAMBAR 38.13

Kuarters Kakitangan (Blok D)
- Keretakan Di Parit Luar Kuarters
(20.10.2010)

38.4.3.3. *Menurut maklum balas IPPM, Jabatan menyedari kerosakan tersebut dan sentiasa berusaha untuk membaikinya. Bagaimanapun, kekurangan dan ketiadaan peruntukan menyebabkan terdapat kerosakan yang tidak dapat dibaiki secara keseluruhannya. Pada tahun 2011, Jabatan telah menyediakan peruntukan berjumlah RM50,000 bagi tujuan penyenggaraan dan pembaikan rumah kakitangan Penjara Kuching.*

Pada pendapat Audit, Pasukan Penyelaras Penyenggaraan Kompleks Penjara perlu memastikan kerosakan yang berlaku ditangani dengan segera bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna.

38.4.4. Pemantauan Pelaksanaan Projek Pembinaan

38.4.4.1. Semakan Audit terhadap 16 rekod minit mesyuarat penyelarasan reka bentuk di IPPM mendapati pihak yang terlibat bagi pelaksanaan projek adalah terdiri daripada wakil pihak Penjara Malaysia, wakil perunding dan pihak kontraktor. Semakan Audit selanjutnya mendapati tidak ada wakil daripada Jabatan Teknikal (Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Pengairan Dan Saliran) bagi membantu IPPM memantau Projek Pembinaan Penjara Baru Kuching semasa projek ini dimulakan pada tahun 1997. Keadaan ini telah mendorong kepada berlakunya bayaran kemajuan yang tidak selari dengan kemajuan fizikal sebenar dan kerja tidak dibuat mengikut spesifikasi kerana IPPM bergantung sepenuhnya kepada laporan kemajuan yang disediakan oleh perunding dan kontraktor.

38.4.4.2. *Menurut maklum balas IPPM, Unit Teknikal Jabatan belum diwujudkan semasa projek ini dilaksanakan pada tahun 1997 sehingga kontrak ditamatkan. Unit ini hanya diwujudkan di Bahagian Pembangunan Dan Perolehan, IPPM setelah jawatan Jurutera (Gred J41) diluluskan berkuat kuasa pada 1 Januari 2007. Bagaimanapun, jawatan ini hanya diisi pada 19 Januari 2009.*

38.4.4.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi kontrak TSR Bina Sdn. Bhd., JKR selaku agensi pelaksana telah menjalankan pemantauan dengan lebih berkesan. Mesyuarat berkala, laporan berkala, pemeriksaan dan lawatan tapak dilaksanakan dengan teratur.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang rapi dan berterusan hendaklah dilaksanakan untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual, syarat yang telah ditetapkan dipatuhi dan objektif projek dapat dicapai.

38.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan Jabatan Penjara Malaysia mengambil tindakan seperti berikut:

38.5.1. Memastikan tindakan segera diambil apabila sesuatu projek menghadapi masalah kelewatan yang serius.

38.5.2. Memastikan perunding yang dilantik melaksanakan tanggungjawabnya secara profesional bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

38.5.3. Memastikan kerosakan yang berlaku ditangani dengan segera bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna.

38.5.4. Memastikan pemantauan yang rapi dan berterusan supaya projek dilaksanakan mengikut jadual, syarat yang telah ditetapkan dipatuhi dan objektif projek dapat dicapai.

PENGURUSAN PROJEK DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KEDUA DI PELBAGAI KEMENTERIAN/JABATAN


39. PENDAHULUAN

39.1. LATAR BELAKANG

39.1.1. Perkembangan ekonomi dunia yang negatif dalam suku keempat tahun 2008 telah memberikan impak ke atas ekonomi negara. Bagi mengurangkan kesan penguncupan ekonomi global ke atas ekonomi negara, Kerajaan melalui Bajet asal 2009 telah memperuntukkan sejumlah RM206 bilion serta Pakej Rangsangan Pertama (PRE 1) berjumlah RM7 bilion dan Pakej Rangsangan Kedua (PRE 2) berjumlah RM60 bilion.

39.1.2. PRE 1 telah dilancarkan pada 4 November 2008 berteraskan 3 strategi khusus iaitu memperkukuhkan daya tahan negara, kesejahteraan rakyat dan membangunkan modal insan. Manakala PRE 2 telah dilancarkan pada 10 Mac 2009 berteraskan 4 strategi iaitu mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan; meringankan beban rakyat terutama golongan yang mudah terjejas; membantu sektor swasta menghadapi krisis; dan membina keupayaan masa depan. Agihan peruntukan PRE 1 dan PRE 2 mengikut teras adalah seperti di carta berikut:


CARTA 39.1
AGIHAN PERUNTUKAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI MENGIKUT TERAS



39.1.3. PRE 2 yang telah dilancarkan adalah bersifat komprehensif dan bersaiz besar yang akan dapat menjangkau lebih banyak sektor ekonomi dan kumpulan sasaran. Selain bertujuan merangsang ekonomi negara dalam tempoh yang singkat, PRE 2 juga merangkumi inisiatif membina kapasiti ekonomi dalam jangka masa

panjang. PRE 2 telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun iaitu 2009 dan 2010. Strategi pengagihan PRE 2 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 39.2
STRATEGI AGIHAN PRE 2



39.1.4. Daripada jumlah PRE 2 iaitu RM60 bilion, pada asalnya sejumlah RM15 bilion diperuntukkan untuk diagihkan kepada 27 kementerian/jabatan/skim bagi melaksanakan projek di bawah peruntukan pembangunan dan mengurus. Daripada RM15 bilion tersebut, sejumlah RM10 bilion diperuntukkan bagi tahun 2009 (RM5 bilion belanja mengurus dan RM5 bilion belanja pembangunan) manakala baki RM5 bilion diperuntukkan bagi tahun 2010 di bawah belanja pembangunan sahaja.

39.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan secara amnya untuk menilai sama ada peruntukan PRE 2 di bawah suntikan fiskal telah dibelanjakan mengikut tujuan yang telah ditetapkan dan projek yang berkaitan telah dilaksanakan dengan teratur dan dibayar sebelum akhir tahun 2010. Selain itu, penilaian juga dibuat untuk menentukan sama ada Kerajaan memperolehi *value for money*.

39.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan pada tahun 2010 terhadap 9 program di bawah strategi suntikan fiskal PRE 2 berjumlah RM15 bilion melibatkan 201 projek bernilai RM426.69 juta yang telah dilaksanakan oleh 6 kementerian/jabatan dalam tahun 2009 dan 2010. Semakan telah dijalankan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek berkenaan. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di kementerian/jabatan tersebut dan kontraktor yang terlibat juga telah diadakan. Di samping itu, terdapat juga soal selidik dikemukakan kepada responden untuk mendapatkan maklum balas terhadap pelaksanaan projek.

39.4. PENEMUAN AUDIT SECARA KESELURUHAN

39.4.1. Secara keseluruhannya daripada RM15 bilion suntikan fiskal PRE 2, Kementerian Kewangan telah mengagihkan RM13.23 bilion berdasarkan kepada keperluan sebenar 27 kementerian/jabatan/skim untuk melaksanakan 51,560 projek. Mengikut rekod Unit Pemantauan Projek PRE 2 Kementerian Kewangan, daripada peruntukan RM13.23 bilion tersebut, hanya RM10.09 bilion (76.3%) telah dibelanjakan. Peratusan perbelanjaan mengikut kementerian/jabatan/skim adalah antara 42.6% hingga 100%. Manakala bagi prestasi fizikal projek pula, sebanyak 49,169 (95.4%) daripada 51,560 projek yang dirancang telah dapat disiapkan. Prestasi keseluruhan pelaksanaan projek PRE 2 setakat 31 Disember 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.1
STATUS PELAKSANAAN PROJEK PRE 2 SETAKAT 31 DISEMBER 2010

KEMENTERIAN/JABATAN/SKIM	BIL. PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	BIL. PROJEK SIAP	BELANJA SEBENAR	
				(RM Juta)	%
Jabatan Perdana Menteri	8	607.00	1	455.71	75.1
Jabatan Perdana Menteri (Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan)	7,729	611.00	7,701	592.18	96.9
Kementerian Belia Dan Sukan	361	60.00	337	45.08	75.1
Kementerian Dalam Negeri	379	224.24	4	127.76	57.0
Kementerian Tenaga Dan Teknologi Hijau Dan Air	13	291.53	4	216.25	74.2
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	2,594	723.68	2,626	405.01	56.0
Kementerian Kerja Raya	181	1,419.28	162	989.82	69.7
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	149	780.97	145	643.80	82.4
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	211	232.50	181	156.17	67.2
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	3,629	326.50	3,628	324.58	99.4
Kementerian Perusahaan Peladangan Dan Komoditi	7	151.37	0	146.01	96.5
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	750	201.10	584	174.15	86.6
Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar	243	233.00	185	173.77	74.6
Kementerian Pertahanan	10	26.88	3	15.84	58.9
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	66	1,200.00	45	625.61	52.1
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	2,337	608.00	1,846	574.14	94.4
Kementerian Pelajaran Malaysia	783	1,481.90	528	1,273.70	86.0
Kementerian Kewangan	71	1,560.00	14	1,172.44	75.2
Kementerian Kesihatan Malaysia	29,019	630.74	28,346	491.32	77.9
Kementerian Pengajian Tinggi	14	280.00	1	159.34	56.9
Kementerian Sumber Manusia	974	370.00	896	359.21	97.1

KEMENTERIAN/JABATAN/SKIM	BIL. PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	BIL. PROJEK SIAP	BELANJA SEBENAR	
				(RM Juta)	%
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	12	383.88	0	347.34	90.5
Kementerian Pengangkutan	4	236.00	3	100.45	42.6
Kementerian Pelancongan	417	218.13	333	177.81	81.5
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1,597	321.00	1,594	294.27	91.5
Skim Perkhidmatan Singkat	1	40.57	1	40.57	100.0
Pembantu Kesihatan Awam	1	7.20	1	7.20	100.0
JUMLAH	**51,560**	**13,226.95**	**49,169**	**10,089.51**	**76.3**

Nota: ***Sumber daripada Unit Pemantauan Projek PRE 2, Kementerian Kewangan***

39.4.2. Setakat tarikh kemas kini (31 Disember 2010 – 30 April 2011) sejumlah RM609.46 juta (98.7%) telah dibelanjakan daripada RM617.65 juta yang diperuntukkan untuk melaksanakan 9 program di 6 kementerian/jabatan yang melibatkan 1,795 projek. Semakan Audit terhadap 201 projek di bawah peruntukan pembangunan dan mengurus mendapati kesemuanya telah siap dilaksanakan dengan bayaran berjumlah RM426.69 juta kecuali Projek Pembinaan Jambatan Sungai Padas Kedua, Beaufort, Sabah. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 39.2
PROGRAM/PROJEK YANG DIAUDIT

KEMENTERIAN	NAMA PROGRAM	JENIS PEROLEHAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	BELANJA		PROJEK DIAUDIT		
					AMAUN (RM Juta)	%	BIL.	PERUNTUKAN (RM Juta)	LOKASI
Jabatan Perdana Menteri	Pengurusan Projek Hab Pengujian Perisian Malaysia	Perolehan Sistem	1	56.93	55.51	97.5	1	56.93	EPU, JPM, SIRIM Bukit Jalil dan Makmal di Bandar Puchong Jaya
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	Projek Pembaikan Dan Menaik Taraf - Kompleks Pendaratan Ikan Dan Jeti Nelayan	Penyenggaraan/ Naik Taraf/ Ubahsuai	554	100.00	100.00	100.0	62	24.08	Kedah, Johor, Sabah dan Sarawak
	- Jalan Ladang		603	50.00	48.98	98.0	32	4.54	Melaka, Selangor dan Negeri Sembilan
Kementerian Kerja Raya	Projek Pembinaan Jambatan Sungai Padas Kedua, Beaufort, Sabah	Perolehan Pembinaan	1	25.00	24.62	98.5	1	25.00	Beaufort, Sabah

KEMENTERIAN	NAMA PROGRAM	JENIS PEROLEHAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	BELANJA		PROJEK DIAUDIT		
					AMAUN (RM Juta)	%	BIL.	PERUNTUKAN (RM Juta)	LOKASI
Kementerian Kerja Raya	Program Penurapan Jalan Persekutuan	Penyenggaraan/ Naik Taraf/ Ubahsuai	150	118.78	117.87	99.2	67	70.39	Johor, Pahang, Perak, Sabah dan Sarawak
Kementerian Kesihatan Malaysia	Perolehan Peralatan Perubatan Dan Bukan Perubatan	Perolehan Bekalan/ Perkhidmatan	1	229.87	226.74	98.6	1	229.87	Sarawak, Kelantan, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Kementerian Pertahanan	Projek Pembinaan Bangunan Sekolah Agama Dan Pelbagai Bangunan 1 Batalion Ubat Di Kem Lok Kawi, Sabah	Perolehan Pembinaan	1	6.80	5.97	87.8	1	6.80	Port Dickson, Negeri Sembilan
	Projek Pembinaan Pusat Latihan Pengaman Malaysia Fasa II, Port Dickson, Negeri Sembilan		2	5.27	4.81	91.0	2	5.27	Lok Kawi, Sabah
Kementerian Dalam Negeri	Pengurusan Kerja Pembaikan Dan Pengubahsuaian Penjara	Penyenggaraan/ Naik Taraf/ Ubahsuai	482	25.00	24.96	99.8	34	3.81	Ibu Pejabat Penjara, Penjara Kajang, Alor Setar, Taiping dan Pengkalan Chepa
JUMLAH			**1,795**	**617.65**	**609.46**	**98.7**	**201**	**426.69**	

39.4.3. Laporan pengauditan terhadap 201 projek yang dilaksanakan di bawah PRE 2 oleh 6 Kementerian adalah seperti di perenggan 40 hingga 47.

JABATAN PERDANA MENTERI

40. UNIT PERANCANG EKONOMI
- PENGURUSAN PROJEK HAB PENGUJIAN PERISIAN MALAYSIA

40.1. LATAR BELAKANG PROJEK

40.1.1. Unit Perancang Ekonomi [Economic Planning Unit (EPU)] telah diperuntukkan sejumlah RM57 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE 2) untuk melaksanakan projek Hab Pengujian Perisian atau Malaysian Software Testing Hub (MSTH). Projek ini antaranya bertujuan untuk membina makmal pengujian perisian yang dilengkapi dengan peralatan, perisian dan kemudahan ICT yang boleh menempatkan 116 penguji perisian profesional serta memberi latihan dan pensijilan kepada penguji perisian. Matlamat akhir projek ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi perkhidmatan pensijilan dan pengujian sistem. Cadangan asal projek ini telah dikemukakan oleh Malaysian Software Testing Board (MSTB) dan dipersetujui oleh EPU. Sehubungan ini, EPU telah memohon peruntukan di bawah PRE 2 untuk melaksanakannya. Terdapat 5 program yang perlu dilaksanakan di bawah MSTH iaitu *Q-Inception, Q-Laboratory Development, Q-Industry Capability Building, Q-Portal* dan *Q-Industry Development.* Peruntukan dan perbelanjaan program serta bayaran pengurusan SIRIM bagi melaksanakan MSTH adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 40.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	% PERBELANJAAN
Q-Inception	3.25	3.89	119.7
Q-Laboratory Development	22.88	24.52	107.2
Q-Industry Capability Building	9.03	9.03	100
Q-Portal	4.50	2.93	65.1
Q-Industry Development	15.55	13.43	86.4
Bayaran Pengurusan SIRIM	1.71	1.71	100
JUMLAH	**56.92**	**55.51**	**97.5**

40.1.2. Tempoh pelaksanaan projek adalah 18 bulan iaitu dari bulan Mei 2009 hingga Oktober 2010. Bagaimanapun, pelaksanaan projek ini dilanjutkan sehingga bulan Disember 2010 setelah EPU diluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM4.13 juta. EPU telah melantik SIRIM Berhad sebagai pemantau dan MSTB sebagai operator bagi projek ini. MSTB adalah sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (Company Limited By Guarantee) yang ditubuhkan pada 23 Jun 2008 dan tertakluk kepada Akta Syarikat 1965. Seterusnya, MSTB telah melantik Custommedia Sdn. Bhd. (CMSB) untuk mengimplementasikan MSTH.

40.1.3. Dua jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat EPU untuk memantau pelaksanaan MSTH iaitu Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal. Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah EPU berperanan untuk menetapkan dasar berkaitan pelaksanaan projek dan meluluskan pembayaran. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil daripada Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) serta SIRIM Berhad. Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh wakil daripada EPU, SIRIM dan MSTB pula bertanggungjawab untuk memantau aspek teknikal pelaksanaan projek ini.

40.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek MSTH telah dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

40.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek MSTH yang dilaksanakan di bawah PRE 2. Semakan Audit telah dijalankan terhadap rekod, fail projek dan dokumen yang berkaitan di EPU, SIRIM Berhad dan MSTB bagi tempoh bulan Mei 2009 hingga Oktober 2010. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab telah diadakan untuk mendapat maklum balas berhubung isu Audit yang dibangkitkan. Di samping itu, soal selidik juga dikemukakan kepada peserta tajaan program *Q-Industry Capabilities Building* untuk mendapatkan maklum balas terhadap pelaksanaan program tersebut.

40.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati secara umumnya pelaksanaan Projek MSTH kurang memuaskan memandangkan terdapat beberapa kelemahan yang menjejaskan pencapaiannya. Antara kelemahan tersebut ialah perjanjian rasmi tidak disediakan; tiada bukti menunjukkan keputusan pemilihan bangunan makmal telah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Pemandu; lokasi bangunan makmal kurang sesuai; kos pelaksanaan *Q-Inception* dan *Q-Laboratory* melebihi peruntukan; *Q-Portal* tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan program *Q-Industry Development* tidak mendapat sambutan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan EPU adalah seperti di perenggan berikut:

40.4.1. Perjanjian Pelaksanaan Projek MSTH

40.4.1.1. Mengikut surat lantikan EPU kepada SIRIM Berhad bertarikh 6 Mei 2009, SIRIM Berhad dilantik sebagai pemantau yang bertanggungjawab menerima dan mengendalikan peruntukan serta pembayaran projek; memastikan pelaksanaan projek berjalan mengikut jadual yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemandu dan memberi khidmat nasihat secara keseluruhan berkaitan projek MSTH. Yuran pengurusan SIRIM Berhad adalah sebanyak 3%

atau RM1.71 juta daripada peruntukan projek yang berjumlah RM57 juta. Selain itu, surat tersebut juga memaklumkan mengenai pelantikan MSTB sebagai operator projek. Lanjutan daripada surat EPU tersebut, SIRIM Berhad telah mengeluarkan surat pelantikan kepada MSTB pada 15 Mei 2009 yang menetapkan *deliverables* yang perlu dilaksanakan oleh MSTB. Semakan Audit mendapati pada 1 Julai 2009, MSTB pula telah melantik CMSB sebagai Programme Manager Organization (PMO) dan pelaksanaan MSTH telah di *outsourced* sepenuhnya kepada CMSB. Berdasarkan surat lantikan yang dikeluarkan, *retrospective effect* atau tarikh efektif pelantikan CMSB adalah pada 1 Februari 2009.

40.4.1.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati perjanjian pengurusan di antara MSTB dan CMSB telah ditandatangani pada 12 Oktober 2009, namun tiada perjanjian rasmi yang ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dengan SIRIM Berhad sebagai pemantau projek dan juga MSTB sebagai operator projek. Sebaliknya pelaksanaan projek hanya berdasarkan *Letter Of Award* kepada SIRIM Berhad dan MSTB serta *project charter* dan *projected cash flow* yang diserahkan oleh MSTB kepada EPU semasa projek ini dicadangkan. **Pada pendapat Audit, *project charter* dan *projected cash flow* tidak boleh dijadikan asas pelaksanaan projek kerana ia hanyalah kertas cadangan pelaksanaan projek. Sehubungan ini, perjanjian yang rasmi sepatutnya ditandatangani memandangkan ia merupakan dokumen ikatan hak di antara Kerajaan dengan SIRIM Berhad dan MSTB. Tanpa perjanjian tersebut, penguatkuasaan terhadap syarat kontrak tidak dapat dilaksanakan terhadap kedua-dua pihak terlibat dan tindakan undang-undang tidak dapat diambil sekiranya berlaku sebarang kemungkiran.**

40.4.1.3. *Mengikut maklum balas EPU, pada peringkat awal pelaksanaan projek ini, draf perjanjian telah disediakan namun ianya tidak dimeterai secara rasmi kerana kos duti setem perjanjian yang tinggi iaitu sebanyak RM285,000 berbanding tempoh pelaksanaan dan peruntukan yang terhad. Bagaimanapun, pihak EPU memaklumkan perjanjian rasmi akan ditandatangani oleh pihak Kerajaan dengan MSTB bagi pelaksanaan projek ini dalam RMKe-10.*

40.4.2. Prestasi Projek

40.4.2.1. Program *Q-Inception*

a. Program *Q-Inception* merupakan *set up phase* yang melibatkan pembentukan struktur operasi MSTH; pemilihan lokasi makmal; pembinaan dan ubah suai makmal/pejabat; pemilihan peralatan serta pelantikan tenaga pakar dan perunding. Program ini perlu disiapkan dalam tempoh 3 bulan iaitu bermula dari bulan Mei hingga Julai 2009. Sehubungan ini, MSTB telah mewujudkan *Inception Team* bagi memastikan program ini dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, program ini masih dalam proses pelaksanaan setakat bulan Julai 2010. Mengikut Minit Mesyuarat

Jawatankuasa Pemandu Bil. 2/2009 bertarikh 9 Oktober 2009, MSTB merancang dan menyusun semula program ini di mana ia telah ditransformasikan kepada program pengurusan. Sehubungan ini, EPU telah meluluskan pelanjutan tempoh pelaksanaannya daripada 3 bulan kepada 18 bulan bagi meliputi keseluruhan tempoh pelaksanaan projek MSTH.

b. Semakan Audit mendapati bangunan makmal pengujian perisian yang disewa oleh MSTB daripada CMSB telah digunakan untuk melaksanakan projek MSTH. Premis ini merupakan rumah kedai 3 tingkat milik CMSB yang terletak di Prima Avenue, Bandar Puchong Jaya, Selangor. Berdasarkan kepada minit mesyuarat MSTB bertarikh 29 Jun 2009, MSTB pada asalnya telah mengenal pasti 3 bangunan untuk dijadikan makmal iaitu bangunan SIRIM Berhad di Bukit Jalil; bangunan di Taman Teknologi Malaysia (TPM), Bukit Jalil dan bangunan milik CMSB di Puchong. Namun bangunan milik CMSB telah dipilih oleh MSTB atas alasan tiada had waktu keluar masuk bangunan, berdekatan jalan utama dan boleh diubah suai untuk keperluan penggunaan makmal dan pejabat PMO. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan pemilihan lokasi makmal ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu atau Jawatankuasa Teknikal.

c. *Berdasarkan maklum balas, pihak EPU menyatakan pemilihan lokasi makmal pengujian sebenarnya telah dibawa ke dalam perbincangan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu/Teknikal. Pihak Jawatankuasa Pemandu/Teknikal dikatakan telah bersetuju supaya pemilihan lokasi dimuktamadkan oleh Ahli Lembaga Pengarah MSTB dan hanya dimaklumkan kepada Jawatankuasa. Bagaimanapun minit berkenaan perkara tersebut tidak disediakan.*

d. Lawatan Audit mendapati lokasi bangunan makmal adalah kurang sesuai memandangkan ia terletak di kawasan lot kedai terbuka berdekatan dengan kedai-kedai awam seperti kedai tayar, restoran dan klinik kesihatan. Ini tidak selaras dengan konsep asal yang dinyatakan dalam *project charter* iaitu untuk menyediakan makmal pengujian perisian yang bertaraf dunia seperti di gambar berikut:

GAMBAR 40.1



GAMBAR 40.2



Bandar Puchong Jaya Selangor
- Lokasi Makmal Tidak Sesuai
(18.08.2010)

e. Semakan Audit selanjutnya mendapati peruntukan bagi program *Q-Inception* mengikut *Projected Cash Flow* adalah berjumlah RM3.25 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan sebenar sehingga bulan Oktober 2010 berjumlah RM3.89 juta iaitu melebihi peruntukan sebanyak RM0.64 juta (19.7%). Butirannya seperti di **Jadual 40.2**. Pihak Audit mendapati pertambahan kos ini sebahagian besarnya adalah berpunca daripada peningkatan kos pengubahsuaian makmal pengujian sebanyak RM1.14 juta disebabkan infrastruktur makmal yang kurang sesuai. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 40.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM *Q-INCEPTION*

BUTIRAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEHINGGA OKTOBER 2010 (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
Khidmat Nasihat	1.83	1.32	(0.51)
Ubah Suai Makmal	1.16	2.30	1.14
Ubah Suai Pejabat	0.09	0.04	(0.05)
Perakaunan, Perundangan Dan Kesetiausahaan	0.17	0.23	0.06
JUMLAH	**3.25**	**3.89**	**0.64**

Pada pendapat Audit, keputusan pemilihan bangunan ini sepatutnya diputuskan oleh Jawatankuasa Pemandu supaya tidak timbul sebarang keraguan atau pertikaian.

40.4.2.2. Program *Q-Laboratory Development*

a. Program *Q-Laboratory Development (Q-Lab)* adalah untuk membina infrastruktur makmal bagi menjalankan pengujian perisian dan memberikan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan pengujian perisian. Antara kos yang dimasukkan di bawah program ini adalah pembayaran gaji kepada peserta tajaan, pembelian peralatan pengujian perisian, sewa makmal dan pembayaran utiliti. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 40.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM *Q-LAB*

PERIHAL	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
Wages for talent pool	11.38	3.22	(8.16)
Server/software/rack	2.00	6.84	4.84
Performance testing tool	5.12	10.26	5.14
Hardware/software	1.13	1.26	0.13
Special tools and training	0.90	0.86	(0.04)
Furniture and fittings	0.28	0.24	(0.04)
Email/domain/web site	0.27	0	(0.27)

PERIHAL	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
Office rental	0.58	0.49	(0.09)
Utilities/supplies/telephone and operation	1.08	1.20	0.12
Buildings reinstatement cost	0.15	0.15	-
JUMLAH	**22.89**	**24.52**	**1.63**

b. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara umumnya pelaksanaan program *Q-Lab* adalah kurang memuaskan. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

i. Perbelanjaan sebenar program ini sehingga bulan Oktober 2010 berjumlah RM24.52 juta iaitu lebihan sebanyak RM1.63 juta (7.2%) berbanding peruntukan yang diluluskan. Semakan Audit mendapati pertambahan kos ini antaranya disebabkan pembelian peralatan *software* dan *hardware* tambahan yang terkini.

ii. Mengikut Perjanjian Penyewaan, kadar sewa bulanan adalah RM32,400 sebulan dengan tempoh penyewaan selama 13 bulan iaitu dari 1 Oktober 2009 sehingga 31 Oktober 2010. Semakan Audit mendapati kadar sewa bulanan tersebut adalah termasuk pelbagai peralatan untuk kegunaan makmal serta sebuah pejabat lain yang berkeluasan 625 kaki persegi untuk digunakan oleh CMSB sebagai *Project Management Office* (PMO). Bagaimanapun, kos penyewaan tersebut dinyatakan secara *lump sum* dalam perjanjian di mana perincian berhubung kos penyewaan makmal, kos peralatan makmal dan kos penyewaan PMO tidak dinyatakan. Sehubungan ini, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada kadar sewa bulanan sebanyak RM32,400 yang dibayar kepada CMSB adalah munasabah.

iii. Mengikut perancangan projek, makmal yang disediakan hendaklah berupaya menampung bilangan maksimum 116 peserta tajaan yang menjalani latihan pengujian perisian. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati makmal ini hanya dapat memuatkan maksimum 66 peserta tajaan berdasarkan bilangan kemudahan yang terdapat di makmal tersebut. Semasa lawatan Audit pada bulan Ogos 2010, didapati keadaan makmal ini sempit dan tidak kondusif untuk tujuan pembelajaran walaupun bilangan keseluruhan peserta tajaan yang sedang menjalani latihan hanya seramai 58 orang. Keadaan makmal yang sempit ini adalah seperti di **Gambar 40.3** dan **40.4**. *EPU memaklumkan bahawa cadangan penempatan dan ruang kerja yang dikemukakan oleh pihak MSTB adalah berdasarkan kepada amalan dan praktis yang diterima pakai oleh pihak industri iaitu menggunakan nisbah 2:1 (2 orang di makmal dan 1 di lapangan).*

GAMBAR 40.3



GAMBAR 40.4



Makmal MSTH, Puchong
- ***Tempat Pembelajaran Para Peserta Yang Sempit Dan Tidak Selesa***
(13.08.2010)

Pada pendapat Audit, walaupun penempatan ruang tersebut telah mengambil kira amalan dan praktis industri, secara umumnya ianya perlu mempunyai ruangan yang mencukupi untuk memberi latihan kepada bilangan peserta yang dinyatakan dalam *project charter*.

40.4.2.3. Program *Q-Industry Capability Building*

MSTB telah dipertanggungjawabkan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Hab Pengujian Perisian bertaraf dunia memandangkan ia satu-satunya badan di Malaysia yang menganggotai *International Software Testing Qualifications Board* (ISTQB). Bagi membina sebuah hab, MSTB perlu mempunyai pakar pengujian perisian bertaraf dunia yang mencukupi. Sehubungan ini, sejumlah RM9.03 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan program *Q-Industry Capability Building (Q-Cap).* Antara sasaran yang ditetapkan di bawah program ini ialah untuk melatih 116 Penguji Perisian Profesional yang bertaraf dunia. Semakan Audit mendapati seramai 58 penguji perisian (Testers*)/*Pengamal Teknologi Maklumat (IT) yang berkhidmat sama ada di agensi Kerajaan atau swasta serta graduan telah dipilih sebagai peserta tajaan program *Q-Cap*. Berdasarkan kepada *project charter,* peserta tajaan perlu mengikuti latihan teori dan praktikal tentang pengujian perisian selama 12 bulan. Semasa mengikuti latihan tersebut, peserta tajaan diberi elaun bulanan dan dibekalkan panduan asas seperti S*cholar's Handbook* sebagai bahan rujukkan untuk menjalani program *Q-Lab*. Bagi mengukur keberkesanan program *Q-Cap*, soal selidik telah diedarkan kepada 51 peserta tajaan dan maklum balas responden adalah seperti berikut:

a. Elaun bulanan kepada peserta telah ditetapkan oleh MSTB di mana ia adalah bersamaan dengan gaji industri dan bersandarkan kepada kelayakan, pengalaman kerja dalam bidang pengujian, *domain knowledge* dan pengurusan projek. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati 14 (27%) peserta tajaan tidak berpuas hati terhadap elaun bulanan yang diterimanya kerana lebih rendah antara RM300 hingga RM3,500 berbanding kadar yang ditetapkan dalam jadual elaun. Perbandingan elaun yang diterima dengan

yang telah ditetapkan oleh MSTB adalah seperti di **Jadual 40.4**. *Berdasarkan maklum balas yang diterima, EPU memaklumkan bahawa pengalaman kerja yang diambil kira adalah pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan pengujian perisian sahaja. Oleh itu, pembayaran yang dibuat kepada sebahagian peserta tajaan tidak berdasarkan jadual yang disediakan.*

JADUAL 40.4
PERBANDINGAN ELAUN BULANAN YANG DITERIMA DENGAN ELAUN YANG DITETAPKAN

NAMA PESERTA TAJAAN	PENGALAMAN KERJA (TAHUN)	ELAUN YANG DITERIMA (RM)	ELAUN YANG DITETAPKAN OLEH MSTB (RM)	PENGURANGAN (RM)
Aiman Bin Khalid	4	3,200	4,000	800
Bibianaflorencialiane	2	2,500	2,800	300
Francis Albeper	10	3,500	7,000	3,500
Lily Suryani Binti Ramle	2	2,500	2,800	300
Meor Asrun Bin Meor Kamarudin	4	2,800	3,200	400
Norfaziah Binti Mohd Rejab	3	2,200	3,200	1,000
Shahrul Bin Md Saleh	8	4,500	6,500	2,000
Wong Cheng Wai	8	4,500	6,500	2,000
Zulfadhli Bin Ismail	4	2,800	3,200	400
Clarent JR P Lubaton	2	2,500	2,800	300
Haszaliza Binti Yacob	3	2,200	3,200	1,000
Nurshaida Binti Ngalim	3 ½	2,800	3,200	400
Ruth Wong Suk Yee	3	2,800	3,200	400
Tantiana Binti Zulkifli	1 ½	2,200	2,500	300

b. Latihan praktikal di *Q-Lab* bertujuan untuk mengaplikasikan pembelajaran teori di mana peserta akan didedahkan kepada latihan pengujian perisian menggunakan kaedah *hands-on/on-job-training* melalui *real life test projects* yang akan disediakan oleh pihak pengurusan. Adalah didapati seramai 32 (63%) peserta memaklumkan hanya mendapat tunjuk ajar dan bimbingan daripada peserta yang lebih senior semasa menjalani latihan praktikal di makmal. Sehubungan itu, mereka tidak dapat tunjuk ajar daripada pakar/jurulatih profesional yang lebih berpengalaman dan mempunyai kemahiran semasa menjalani latihan praktikal di *Q-Lab.*

c. Seramai 41 (80%) peserta menyatakan bahawa latihan praktikal yang diterima tidak mencukupi di mana sehingga bulan Ogos 2010, peserta tajaan hanya diberi pendedahan mengenai pengujian perisian *Q-Portal* yang dibangunkan sendiri oleh CMSB dan hanya seorang peserta sahaja diberi peluang untuk menjalankan pengujian terhadap 3 perisian yang dibangunkan oleh pihak lain.

Pada pendapat Audit, usaha yang berterusan hendaklah dilakukan bagi menggalakkan pengujian perisian yang dibangunkan oleh Kerajaan, swasta dan organisasi lain dijalankan di *Q-Lab.* Ini bagi memberi lebih pendedahan kepada peserta dan meningkatkan tahap profesionalisme dalam bidang pengujian perisian.

40.4.2.4. Program *Q-Portal*

Berdasarkan *Project charter*, sebuah perisian *Q-Portal* akan dibangunkan bagi memberi maklumat promosi dan penyiaran tentang aktiviti dalam projek MSTH; peluang pekerjaan yang berkaitan dengan *Q-Lab; resume* semua pelatih atau *Q-workers* yang terlatih dan memiliki sijil; mempromosikan insentif program untuk klien serta membolehkan pihak luar melihat laporan dari segi isu dan kemajuan dalam menjalankan pengujian perisian. Berdasarkan perjanjian pengurusan di antara MSTB dan CMSB, Q-portal akan dibangunkan oleh CMSB dengan kos RM4.50 juta. Selain itu pihak MSTB dan CMSB juga telah menandatangani satu *project plan Q-Portal* khusus untuk pembinaan portal ini. Semakan Audit mendapati secara umumnya pelaksanaan program *Q-Portal* adalah tidak memuaskan di mana wujud kelemahan seperti berikut:

a. Berdasarkan *project charter, Q-Portal* yang dibangunkan oleh pihak CMSB sepatutnya sedia beroperasi pada bulan April 2010, iaitu selepas 7 bulan projek MSTH dimulakan. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan pada 27 Ogos 2010, portal tersebut masih belum disiapkan. Bagaimanapun sebaik sahaja menerima teguran Audit, Jawatankuasa Pemandu melalui mesyuaratnya pada 12 November 2010 telah meluluskan perlanjutan masa sehingga penghujung bulan Disember 2010, namun pelanjutan masa ini hanya diluluskan selepas 11 bulan dari tarikh *Q-Portal* sepatutnya disiapkan.

b. Setakat bulan Ogos 2010, pihak Audit mendapati pembayaran berjumlah RM2.93 juta (65%) telah dibuat kepada CMSB di mana sejumlah RM2.25 juta (50%) telah dibayar sebelum sebarang kerja dimulakan. Adalah didapati pembayaran telah dibuat pada 13 November 2009 walaupun *project plan Q-Portal* hanya ditandatangani pada 12 Januari 2010. *Mengikut maklum balas EPU, pembayaran adalah mengikut milestones yang terkandung dalam perjanjian pengurusan antara MSTB dan CMSB.* Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menyemak dengan lebih lanjut dan mengesahkan ketepatan pembayaran tersebut kerana laporan kemajuan tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit. Maklumat pembayaran setakat bulan Ogos 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 40.5
PEMBAYARAN PEMBINAAN Q-PORTAL

NO. INVOIS	TARIKH	BUTIRAN	BAYARAN (RM Juta)
IV000342	13.11.2009	*Being Charge for Q-Portal Mobilization Fee 50% from total commencement of work*	2.25
IV000407	07.05.2010	*Q-Portal Milestone No.2: Upon sign-off of Phase 1 user Requirements specification, system architect document and User acceptance test*	0.68
JUMLAH			**2.93**

Pada pendapat Audit, SIRIM Berhad dan EPU sepatutnya menjalankan pemantauan dengan lebih rapi bagi memastikan *Q-Portal* dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, EPU dan SIRIM Berhad juga sepatutnya mengkaji terma pembayaran pembinaan *Q-Portal* bagi menjaga kepentingan kerajaan.

40.4.2.5. Program *Q-Industry Development*

Program *Q-Industry Development* menumpukan kepada aktiviti pembangunan pasaran, promosi dan peningkatan kesedaran awam mengenai pengujian perisian di makmal pengujian perisian. Sejumlah RM15.55 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan program ini dan RM13.43 juta (86.37%) telah dibelanjakan setakat 31 Oktober 2010. Mengikut perjanjian pengurusan, MSTB perlu membayar *retainer fee* berjumlah RM389,000 setiap bulan kepada CMSB bagi melaksanakan program *Q-Industry Development*. Antara aktiviti yang telah dijalankan oleh CMSB adalah menganjurkan persidangan SOFTECT pada tahun 2009 dan 2010 dan mengadakan *roadshow*. Semakan Audit mendapati setakat tarikh pengauditan pada 27 Ogos 2010, hanya satu projek pengujian perisian telah dijalankan di makmal ini iaitu *Q-Portal* yang merupakan komponen projek MSTH yang dibangunkan oleh CMSB. *Berdasarkan maklum balas EPU, di peringkat awal pelaksanaan, perkhidmatan pengujian perisian kurang mendapat sambutan kerana ia merupakan satu industri yang baru. Selain itu, masyarakat juga masih kurang kesedaran untuk mendapatkan perkhidmatan independent verification and validation serta kurang menerap dan mengamalkan budaya permintaan kepada produk berkualiti. Bagaimanapun setakat bulan Oktober 2010, MSTB telah berjaya mendapatkan 3 projek baru iaitu daripada syarikat Hewlett-Packard, Mutiara.com dan TM Research & Development.*

Pada pendapat Audit, aktiviti pemasaran pengujian perisian masih belum berjaya menarik minat pihak Kerajaan, syarikat tempatan mahupun sektor swasta dari dalam dan luar negara untuk menjalankan pengujian perisian di makmal ini sungguhpun sejumlah RM13.43 juta telah dibelanjakan setakat 31 Oktober 2010. Selain itu, pihak Audit juga mengesyorkan supaya Jawatankuasa Pemandu memantau serta membuat susulan terhadap aktiviti promosi dan pemasaran yang telah dilaksanakan bagi menarik lebih banyak syarikat menjalankan pengujian di makmal ini.

40.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang lagi di masa hadapan, EPU disyorkan supaya menimbangkan perkara seperti berikut:

40.5.1. EPU perlu mengkaji dengan lebih mendalam sebelum membuat keputusan terhadap pelaksanaan projek ini memandangkan EPU tidak mempunyai kepakaran dalam melaksanakan projek ini.

40.5.2. EPU perlu menyediakan perjanjian rasmi pelaksanaan projek memandangkan ia merupakan dokumen ikatan hak di antara Kerajaan dengan SIRIM Berhad dan MSTB. Tanpa perjanjian tersebut, penguatkuasaan terhadap syarat kontrak tidak dapat dilaksanakan terhadap kedua-dua pihak terlibat dan tindakan undang-undang tidak dapat diambil sekiranya berlaku sebarang kemungkiran.

40.5.3. EPU perlu membuat pemilihan bangunan melalui Jawatankuasa Pemandu supaya tidak timbul sebarang keraguan atau pertikaian.

40.5.4. EPU dan SIRIM Berhad perlu memastikan ruangan makmal disediakan supaya ruangan untuk melatih bilangan peserta dapat disediakan seperti yang dinyatakan dalam *project charter*.

40.5.5. EPU perlu memastikan usaha yang berterusan dilakukan bagi menggalakkan pengujian perisian yang dibangunkan oleh Kerajaan, swasta dan organisasi lain dijalankan di *Q-Lab.* Selain meningkatkan fungsi makmal sebagai pusat pengujian perisian ia juga dapat memberi lebih pendedahan kepada peserta dan meningkatkan tahap profesionalisme mereka dalam bidang pengujian perisian.

40.5.6. EPU dan SIRIM Berhad perlu memantau pelaksanaan *Q-Portal* dan memastikan *Q-Portal* disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Terma pembayaran pembinaan *Q-Portal* juga perlu dikaji bagi menjaga kepentingan kerajaan.

40.5.7. Jawatankuasa Pemandu perlu memantau serta membuat susulan terhadap aktiviti promosi dan pemasaran yang telah dilaksanakan bagi memastikan lebih banyak syarikat menjalankan pengujian di makmal ini.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

41. PROJEK PEMBAIKAN DAN MENAIK TARAF KOMPLEKS PENDARATAN IKAN/JETI NELAYAN DAN JALAN LADANG

41.1. LATAR BELAKANG

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE 2), Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian) telah diperuntukkan sejumlah RM100 juta bagi melaksanakan 13 program untuk Program Pembaikan Dan Menaik Taraf Kompleks Pendaratan Ikan Dan Jeti Nelayan dan sejumlah RM50 juta untuk Pembaikan Dan Menaik Taraf Jalan Ladang. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.1
PERUNTUKAN PRE 2 YANG DILULUSKAN MENGIKUT PROGRAM BAJET TAHUN 2009 DAN 2010

JABATAN/AGENSI/PROGRAM	PERUNTUKAN PRE 2 YANG DILULUSKAN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)
	2009	2010	
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) - Pembaikan Dan Menaik Taraf Kompleks Pendaratan Ikan Dan Jeti Nelayan	50.13	49.87	100.00
Bahagian Pengairan Dan Saliran (BPSP) - Pembaikan Dan Menaik Taraf Jalan Ladang	50.00	-	50.00
JUMLAH	**100.13**	**49.87**	**150.00**

41.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada peruntukan bagi Program Pembaikan Dan Menaik Taraf Kompleks Pendaratan Ikan Dan Jeti Nelayan serta Program Pembaikan Dan Menaik Taraf Jalan Ladang telah dibelanjakan mengikut objektif yang ditetapkan. Selain itu, penilaian juga dibuat untuk menentukan sama ada projek telah dilaksanakan dengan teratur dan memperolehi *value for money*.

41.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan merangkumi 2 program melibatkan 1,157 projek bernilai RM148.98 juta yang dilaksanakan oleh 2 jabatan/agensi pada tahun 2009 dan 2010. Semakan telah dijalankan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek berkenaan. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di jabatan/agensi serta kontraktor dan perunding yang terlibat juga telah diadakan. Butiran program/projek yang diaudit adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.2
PROGRAM/PROJEK YANG DIAUDIT

JABATAN/AGENSI	PROGRAM	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	PROJEK DIAUDIT		
				BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	NEGERI
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	Pembaikan Dan Menaik Taraf Kompleks Pendaratan Ikan Dan Jeti Nelayan	554	100.00	62	24.08	Kedah, Johor, Sabah dan Sarawak
Bahagian Pengairan Dan Saliran (BPSP)	Pembaikan Dan Menaik Taraf Jalan Ladang	603	48.98	32	4.54	Melaka, Selangor dan Negeri Sembilan
JUMLAH		**1,157**	**148.98**	**94**	**28.62**	

41.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya prestasi pelaksanaan projek PRE 2 adalah memuaskan kerana sebanyak 1,076 daripada 1,157 projek telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, tempoh pelaksanaan yang singkat telah menyebabkan beberapa prosedur perolehan yang ditetapkan tidak dipatuhi sepenuhnya. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan seperti perbelanjaan tidak menunjukkan prestasi sebenar projek; skop dan spesifikasi kerja tidak sesuai/lengkap; kerja tidak berkualiti dan hasil projek tidak digunakan secara optimum. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

41.4.1. Prestasi Program/Projek

41.4.1.1. Peruntukan yang diagihkan bagi melaksanakan projek PRE 2 perlu digunakan sepenuhnya dan semua projek yang dirancang perlu disiapkan sebelum penghujung tahun 2010 bagi memastikan objektif PRE 2 dicapai. Sehingga 31 Disember 2010, sejumlah RM148.98 juta (99.3%) telah dibelanjakan daripada peruntukan RM150 juta untuk melaksanakan 1,157 projek bagi 2 program yang diaudit. Sebanyak 1,076 (93%) projek telah berjaya disiapkan manakala 81 (7%) projek masih di peringkat pelaksanaan. Mengikut laporan yang disediakan oleh Kementerian, prestasi kewangan bagi Program Pembaikan Dan Menaik Taraf Kompleks Pendaratan Ikan dan Jeti Nelayan yang dilaksanakan oleh LKIM menunjukkan perbelanjaan telah mencapai 100%. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati prestasi perbelanjaan tersebut tidak menggambarkan keadaan sebenar memandangkan terdapat 81 daripada 554 projek yang dirancang masih belum disiapkan sepenuhnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 41.3
PRESTASI KESELURUHAN PROJEK PRE 2 SEHINGGA 31 DISEMBER 2010

PROGRAM	BIL. PROJEK	PRESTASI KEWANGAN			PRESTASI FIZIKAL (Bil. Projek)	
		PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	% BELANJA	SIAP	BELUM SIAP
Pembaikan Dan Menaik Taraf Kompleks Pendaratan Ikan Dan Jeti Nelayan	554	100	100	100	473	81
Pembaikan Dan Menaik Taraf Jalan Ladang	603	50	48.98	98.0	603	-
JUMLAH	**1,157**	**150**	**148.98**	**99.3**	**1,076**	**81**

41.4.1.2. Pemeriksaan fizikal ke atas 94 projek yang dilaksanakan di bawah 2 program tersebut mendapati 4 projek di bawah Program Pembaikan Dan Menaik Taraf Kompleks Pendaratan Ikan Dan Jeti Nelayan masih belum disiapkan sungguhpun laporan prestasi kewangan bagi program tersebut menunjukkan perbelanjaan telah mencapai 100%. Butirannya adalah seperti di **Jadual 41.4**. Antara faktor yang menyebabkan kelewatan tersebut adalah masalah mendapan tanah, keadaan cuaca yang tidak menentu dan penamatan kontrak kerana tidak langsung memulakan kerja pembinaan.

JADUAL 41.4
PRESTASI PROJEK PRE 2 YANG DIAUDIT SEHINGGA 31 DISEMBER 2010

JABATAN/ AGENSI	PROGRAM	BIL. PROJEK DIAUDIT	PRESTASI KEWANGAN			PRESTASI FIZIKAL (Bil. Projek)	
			PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	% BELANJA	SIAP	BELUM SIAP
LKIM	Pembaikan Dan Menaik Taraf Kompleks Pendaratan Ikan Dan Jeti Nelayan	62	24.61	24.08	97.9	58	4
BPSP	Pembaikan Dan Menaik Taraf Jalan Ladang	32	4.77	4.54	95.2	32	-
JUMLAH		**94**	**29.38**	**28.62**	**97.4**	**90**	**4**

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah melaporkan perbelanjaan PRE 2 dengan tepat bagi menggambarkan kedudukan sebenar pelaksanaan projek secara fizikal. Ini adalah supaya Kerajaan dapat membuat rumusan yang lebih tepat dan berkesan mengenai tahap pertumbuhan ekonomi melalui suntikan dana khas ini. Sehubungan ini, pegawai yang bertanggungjawab perlu mendapatkan maklumat yang berkaitan daripada jabatan/agensi secara berkesan bagi memastikan ketepatan maklumat yang diperolehi.

41.4.2. Pengurusan Perolehan

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 antaranya menyatakan bahawa perolehan secara sebut harga perlu dilaksanakan bagi perolehan tidak melebihi RM500,000. Manakala bagi perolehan yang melebihi RM500,000 hendaklah dibuat

secara tender. Semakan Audit mendapati pengurusan perolehan bagi 94 projek adalah teratur kecuali bagi pembinaan 2 jeti nelayan di Igan, Mukah dan Kabong, Saratok, Sarawak yang masing-masingnya bernilai RM532,310 dan RM656,899 telah dibuat secara sebut harga dan bukannya tender. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, kedua-dua perolehan tersebut dibuat secara sebut harga memandangkan anggaran asal Jabatan adalah RM499,551 dan RM488,620.*

Pada pendapat Audit, perolehan ini tidak mematuhi peraturan kewangan. Perolehan secara tender memberi kawalan yang lebih berkesan dari segi pemilihan syarikat yang terbaik untuk melaksanakan sesuatu projek dan seterusnya mengelakkan daripada berlaku penyelewengan. Pihak LKIM sepatutnya membatalkan perolehan ini dan menguruskannya secara tender atau memohon kelulusan daripada Kementerian Kewangan jika hendak meneruskan perolehan ini secara sebut harga.

41.4.3. Pengurusan Program/Projek

Semakan Audit terhadap pengurusan program/projek mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

41.4.3.1. Skop Dan Spesifikasi Kerja Tidak Sesuai/Lengkap

Pelaksanaan sesuatu projek perlulah mengambil kira keperluan kumpulan sasaran atau pengguna untuk memastikan projek tersebut dapat dimanfaatkan secara optimum. Lawatan Audit mendapati beberapa projek yang dijalankan tidak memenuhi keperluan pengguna seperti berikut:

a. Projek jalan ladang di Kampung Sungai Petai, Negeri Sembilan bernilai RM120,400 telah disiapkan mengikut spesifikasi. Bagaimanapun, pengguna jalan ladang tersebut menghadapi masalah untuk ke jalan besar disebabkan jambatan yang merentasi parit tidak dibina kerana tiada dalam skop kerja. Bagi mengatasi masalah tersebut, satu jambatan untuk merentasi parit telah dibina atas inisiatif penduduk. Bagaimanapun, jambatan ini tidak selamat untuk digunakan kerana struktur penahan tidak kukuh dan sebahagiannya telah runtuh. Keadaan jambatan tersebut adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 41.1

Kampung Sungai Petai,
Mukim Lenggeng, Negeri Sembilan
- Keadaan Jambatan Yang Dibina Oleh Penduduk Tidak Selamat Kepada Pengguna
(13.12.2010)

b. Dua projek pembinaan jeti nelayan di Igan, Mukah bernilai RM532,310 dan di Kabong, Saratok, Sarawak bernilai RM656,899 telah siap dibina pada bulan Disember 2009 dan Januari 2010 masing-masingnya. Bagaimanapun, kedua-dua jeti ini masih belum digunakan oleh nelayan kerana tiada jalan masuk ke jeti tersebut atau jalan masuk tidak sempurna. *Pihak LKIM menjelaskan bahawa peruntukan asal tidak mencukupi untuk membina jalan masuk ke jeti-jeti tersebut.* Semasa lawatan Audit di Igan, Mukah kerja-kerja membina jalan masuk telah mula dilaksanakan setelah LKIM mendapatkan peruntukan tambahan untuk tujuan tersebut. Gambar jeti adalah seperti berikut:

GAMBAR 41.2



Igan, Mukah, Sarawak
- Tiada Jalan Masuk Ke Jeti Menyebabkan Jeti Tidak Digunakan Walaupun Telah Siap Dibina (19.07.2010)

GAMBAR 41.3



Igan, Mukah, Sarawak
- Pembinaan Jalan Masuk Sedang Dijalankan (19.07.2010)



GAMBAR 41.4

Kabong, Saratok, Sarawak
- Jalan Masuk Ke Jeti Tidak Sempurna (20.07.2010)

c. Di Kg. Air Putih, Tebrau dan Penyabong, Endau, Johor, pihak Audit mendapati jeti nelayan bernilai RM99,783 dan RM313,500 masing-masingnya telah dibina mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, spesifikasi kerja tersebut tidak termasuk kemudahan menambat bot di jeti. Contoh penambat bot yang sepatutnya adalah seperti di **Gambar 41.7**. Ini menyebabkan nelayan menambat bot masing-masing di *railing* dan juga tiang jeti yang mengakibatkan tiang jeti terhakis dan seterusnya boleh menjejaskan struktur jeti seperti di gambar berikut:

GAMBAR 41.5



Kg. Air Putih, Tebrau, Johor
- Bot Ditambat Pada Railing
(28.07.2010)

GAMBAR 41.6



Penyabong, Endau, Johor
- Bot Ditambat Pada Tiang Jeti
Menyebabkan Kerosakan Tiang Jeti
(29.07.2010)



GAMBAR 41.7

- Contoh Penambat Bot Yang Sepatutnya

d. Di Sebuyau, Samarahan, Sarawak, pihak Audit mendapati jeti nelayan bernilai RM475,000 telah dibina mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat ruang kosong di tengah platform jeti yang boleh mengundang bahaya kepada pengguna kerana tiada *railing* dibina/dipasang disekelilingnya seperti di gambar berikut:



GAMBAR 41.8

Sebuyau, Samarahan, Sarawak
- Ruang Kosong Tanpa Railing
Membahayakan Pengguna
(21.07.2010)

Pada pendapat Audit, skop dan spesifikasi kerja perlu mengambil kira faktor keselamatan serta keperluan kumpulan sasaran untuk memastikan kemudahan yang disediakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna dan seterusnya mengurangkan kos penyenggaraan pada masa akan datang.

41.4.3.2. Kerja Tidak Berkualiti

Kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan hendaklah memenuhi standard kualiti yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

a. Lawatan Audit ke tapak projek pembaikan dan menaik taraf jalan ladang di Kg. Bukit Durian, Melaka mendapati jambatan yang dibina tidak kemas dan permukaan jambatan tidak rata menyebabkan air bertakung yang boleh membahayakan pengguna. Keadaan jambatan tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 41.9



Sg. Umbai, Kg. Bukit Durian, Melaka
- Binaan Tepi Jambatan
Yang Tidak Kemas
(16.12.2010)

GAMBAR 41.10



Sg. Umbai, Kg. Bukit Durian, Melaka
- Permukaan Jambatan Tidak
Rata Dan Air Bertakung
(16.12.2010)

b. Selain itu, lawatan Audit ke tapak projek menaik taraf jeti nelayan di Sebuyau, Samarahan, Sarawak mendapati kerja lepaan simen lantai tidak kemas di mana terdapat lubang dan lopak yang ditunjukkan di **Gambar 41.11**. Manakala lawatan Audit ke Kompleks LKIM Endau, Johor menunjukkan lantai tidak diratakan dengan sekata menyebabkan air bertakung seperti yang ditunjukkan di **Gambar 41.12**.

GAMBAR 41.11



Sebuyau, Samarahan, Sarawak
- Lantai Yang Tidak Kemas
(21.07.2010)

GAMBAR 41.12



Kompleks LKIM Endau, Johor
- Lantai Yang Tidak Rata
Menyebabkan Air Bertakung
(29.07.2010)

c. Lawatan Audit ke Kompleks LKIM Sedili, Kota Tinggi, Johor mendapati berlaku keretakan pada struktur dan lantai jeti seperti yang ditunjukkan di gambar berikut:

GAMBAR 41.13



Kompleks LKIM Sedili, Kota Tinggi, Johor
- Keretakan Berlaku Pada Struktur Jeti
(28.07.2010)

GAMBAR 41.14



Kompleks LKIM Sedili, Kota Tinggi, Johor
- Keretakan Berlaku Pada Lantai Jeti
(28.07.2010)

d. Lawatan Audit ke Pelabuhan LKIM Kuala Kedah, Kedah mendapati pembinaan kantin di pelabuhan tersebut telah disiapkan. Namun, pembinaan kaunter kantin tersebut didapati tidak kukuh kerana tiada struktur sokongan di bawah kaunter tersebut. Selain itu, kaunter tersebut telah rosak walaupun belum digunakan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 41.15



Pelabuhan LKIM Kuala Kedah, Kedah
- Kaunter Kantin Tidak Kukuh Dan Rosak
(01.11.2010)

GAMBAR 41.16



Pelabuhan LKIM Kuala Kedah, Kedah
- Kaunter Kantin Rosak
(01.11.2010)

Pada pendapat Audit, pegawai yang bertanggungjawab perlu menjalankan pemantauan secara berterusan dalam fasa pembinaan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan berkualiti dan seterusnya mengelakkan peningkatan kos penyenggaraan bagi membaiki kerja yang tidak berkualiti.

41.4.3.3. Jalan Ladang Tidak Digunakan Secara Optimum

Lawatan ke kawasan projek jalan ladang di Daerah Rembau mendapati 11 jalan ladang yang telah dibina dengan kos RM324,432 tidak digunakan secara optimum. Menurut pegawai Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan, petani di kawasan ini yang kebanyakannya pengusaha kebun sayur jarang menggunakan jalan tersebut disebabkan penanaman sayur dijalankan mengikut musim. Selain itu, salah satu daripada jalan ladang tersebut tidak digunakan lagi kerana petani di kawasan tersebut telah menghentikan penanaman kebun sayur. Jalan dan longkang tersebut tidak disenggara menyebabkan dipenuhi dengan semak samun seperti di gambar berikut:

GAMBAR 41.17



Rembau, Negeri Sembilan
- Jalan Ladang Yang Dibina Tidak Lagi Digunakan Oleh Petani
(17.12.2010)

GAMBAR 41.18



Rembau, Negeri Sembilan
- Longkang Untuk Pengairan Dipenuhi Semak Samun
(17.12.2010)

41.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan pelaksanaan Program PRE 2 dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek lain di masa hadapan, adalah disyorkan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

41.5.1. Memastikan laporan perbelanjaan PRE 2 disediakan dengan tepat bagi menggambarkan kedudukan sebenar pelaksanaan projek secara fizikal.

41.5.2. Memastikan skop dan spesifikasi kerja perlu mengambil kira faktor keselamatan serta keperluan kumpulan sasaran untuk memastikan kemudahan yang disediakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna.

41.5.3. Menjalankan pemantauan secara berterusan dalam fasa pembinaan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan berkualiti dan seterusnya mengelakkan peningkatan kos penyenggaraan bagi membaiki kerja yang tidak berkualiti.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

42. PROJEK PEMBINAAN JAMBATAN SUNGAI PADAS KEDUA, BEAUFORT, SABAH

42.1. LATAR BELAKANG

42.1.1. Jambatan Sungai Padas di Beaufort, Sabah yang dibina pada tahun 1969 adalah jambatan sedia ada yang menghubungkan daerah Kota Kinabalu dengan daerah Sipitang, Sindumin, Sarawak dan Brunei Darussalam. Jajaran jalan raya yang menghubungkan daerah serta negeri/negara tersebut adalah dikenali juga sebagai *Pan Borneo Highway*. Projek pembinaan Jambatan Sungai Padas Kedua, Beaufort adalah merupakan projek RMKe-9 yang telah mendapat peruntukan berjumlah RM25 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE 2) dan peruntukan RM3.49 juta yang disediakan di bawah RMKe-10.

42.1.2. Keperluan bagi pembinaan jambatan Sungai Padas Kedua adalah disebabkan oleh peningkatan trafik; banjir yang sering melanda pekan Beaufort dan jambatan sedia ada yang semakin uzur. Objektif projek pembinaan Jambatan Sungai Padas Kedua adalah seperti berikut:

a. Menyediakan rangkaian jalan raya alternatif bagi mengelakkan kesesakan untuk pengguna jalan raya dari daerah Sipitang, Sarawak, Brunei dan penduduk tempatan di daerah Beaufort.

b. Menaik taraf rangkaian jalan raya di kawasan penempatan penduduk.

c. Mempertingkatkan aktiviti pelancongan di negeri Sabah amnya dan di daerah Beaufort khususnya.

d. Memperkembangkan kegiatan sosio-ekonomi termasuk aktiviti guna tanah di sepanjang jajaran jalan raya alternatif yang dicadangkan seperti pembinaan kawasan perumahan, kawasan perniagaan baru dan kawasan pertanian.

42.1.3. Projek ini telah dilaksanakan secara tender terbuka. Sebanyak 36 tawaran telah diterima dan Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah pada 19 Jun 2009 telah membuat keputusan untuk menerima tawaran daripada Fleet Ventures Sdn. Bhd. bernilai RM28.49 juta dengan tempoh kontrak selama 24 bulan. Tarikh siap projek yang ditetapkan adalah 17 Disember 2010. Semakan Audit terhadap profil Fleet Ventures Sdn. Bhd. mendapati syarikat tersebut merupakan kontraktor Kelas A yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor Dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Kontraktor dikehendaki membina sebuah jambatan konkrit sepanjang 220 meter yang merentangi Sg. Padas dan jalan dua hala sepanjang 1.3 km.

42.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan Jambatan Sungai Padas Kedua, Beaufort telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

42.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan jambatan Sungai Padas Kedua, Beaufort. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen projek yang berkaitan. Di samping itu, pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan di tapak projek untuk meninjau pelaksanaannya. Temu bual juga diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab di Cawangan Jambatan, JKR Sabah dan JKR Daerah Beaufort.

42.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2010 mendapati projek masih belum disiapkan dan beberapa syarat kontrak tidak dipatuhi oleh kontraktor. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan JKR adalah seperti di perenggan berikut:

42.4.1. Prestasi Projek

42.4.1.1. Prestasi Kewangan

Sejumlah RM25 juta telah diperuntukkan di bawah PRE 2 untuk projek pembinaan Jambatan Sg. Padas Kedua. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2010, sejumlah RM21.74 juta telah dibelanjakan iaitu melibatkan pembayaran kepada pihak kontraktor berjumlah RM19.31 juta, pampasan tanah berjumlah RM1.39 juta dan bayaran lain berjumlah RM1.04 juta. Secara keseluruhannya peratus bayaran kepada kontraktor adalah 67.8% dari nilai kontrak iaitu sejumlah RM28.49 juta.

42.4.1.2. Prestasi Fizikal

Tarikh siap projek yang ditetapkan dalam kontrak adalah 17 Disember 2010. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2010, projek masih belum disiapkan di mana kemajuan kerja fizikal sebenar hanya 74.7% berbanding kemajuan kerja dirancang iaitu 84.1%. JKR Sabah telah mengeluarkan 2 surat peringatan kepada kontraktor mengenai kelewatan ini. Selanjutnya, pihak Audit mendapati kontraktor telah diluluskan 2 lanjutan masa di mana tarikh siap projek yang baru dalam lanjutan masa yang pertama adalah pada 21 April 2011 dan seterusnya dilanjutkan kepada 30 Julai 2011 dalam lanjutan masa yang kedua. Setakat akhir bulan Jun 2011, pihak Audit dimaklumkan prestasi kemajuan fizikal projek telah mencapai 92%. Antara faktor yang menyebabkan kelewatan projek ini adalah seperti berikut:

a. Kelewatan pengalihan *power poles lines* Sabah Electric Sdn. Bhd.; *poles lines* dan *junction box* Telekom Malaysia serta saluran paip Jabatan Bekalan Air.

b. Keadaan cuaca yang tidak menentu iaitu hujan lebat berterusan yang meningkatkan paras air Sungai Padas.

c. Kesukaran kontraktor untuk membawa jentera ke lokasi pembinaan *pier* iaitu komponen utama bagi pembinaan jambatan yang menjadi asas kepada kerja *balanced cantilever bridge deck*. Kelewatan ini berpunca daripada masalah pengambilan tanah; halangan utiliti sedia ada dan keadaan paras air sungai yang sering kali meningkat apabila berlakunya hujan lebat.

Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan projek ini dapat dielakkan sekiranya koordinasi yang lebih baik dapat diadakan dengan syarikat utiliti dan pihak lain yang terlibat dengan pembinaan ini.

42.4.2. Syarat Kontrak Tidak Dipatuhi

42.4.2.1. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu membina pejabat untuk Pegawai Penguasa dan Pejabat Tapak dengan amaun yang diperuntukkan berjumlah RM130,000 dan RM200,000 masing-masingnya. Lawatan Audit pada bulan Ogos 2010 mendapati kontraktor tidak membina pejabat tersebut seperti ditetapkan di dalam kontrak, sebaliknya kontraktor telah menyewa rumah kedai di Tingkat Satu, Lot 61, Blok 1, Beaufort Jaya sebagai pejabat untuk Pegawai Penguasa dengan sewa bulanan sejumlah RM1,500. Selain itu, kontraktor juga telah menyewa rumah kedai di Tingkat Satu, Lot 62, Blok 1, Beaufort Jaya sebagai Pejabat Tapak dengan sewa bulanan sejumlah RM1,000. Rumah kedai yang disewa adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 42.1



GAMBAR 42.2



Rumah Kedai, Beaufort Jaya, Beaufort
- Rumah Kedai Yang Disewa Oleh Kontraktor Sebagai Pejabat Pegawai Penguasa Dan Pejabat Tapak (15.12.2010)

42.4.2.2. Kontraktor juga telah menyewa 3 buah kontena sebagai pejabat sementara untuk Pegawai Penguasa dan kontraktor dengan kadar sewa berjumlah RM2,400 sebulan. Semakan Audit mendapati setakat bulan Disember

2010, kontraktor telah membuat tuntutan pembayaran bagi pembinaan pejabat untuk Pegawai Penguasa dan Pejabat Tapak untuk kontraktor berjumlah RM104,000 dan RM160,000 masing-masingnya.

42.4.2.3. *Berdasarkan maklum balas JKR, perkara ini akan dirujuk kepada Bahagian Ukur Bahan bagi menentukan kaedah pembayaran kepada kontraktor.*

Pada pendapat Audit, sebarang perubahan dalam syarat kontrak perlu mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa terlebih dahulu. Selain itu, JKR perlu memastikan tiada bayaran dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor. JKR juga disarankan supaya menyiasat dengan lebih lanjut tindakan kontraktor yang menuntut keseluruhan jumlah yang dinyatakan dalam kontrak walaupun kerja pembinaan yang ditetapkan/dijadualkan tidak dilaksanakan.

42.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya JKR Sabah mengambil tindakan seperti berikut:

42.5.1. Memastikan pembayaran tidak dibuat kepada kontraktor bagi kerja pembinaan yang tidak dilaksanakan.

42.5.2. Tindakan surcaj perlu diambil terhadap pihak terlibat yang telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

42.5.3. Membuat pemantauan yang berterusan bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

43. PROGRAM PENURAPAN JALAN PERSEKUTUAN

43.1. LATAR BELAKANG

43.1.1. Kementerian Kerja Raya (KKR) pada asalnya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM853.70 juta di bawah PRE 2. Bagaimanapun, peruntukan ini telah ditambah sebanyak RM565.58 juta lagi menjadikan keseluruhan peruntukan yang diterima berjumlah RM1.42 bilion. Skop kerja yang ditetapkan bagi PRE 2 adalah membina, membaik pulih, mengganti jambatan; membina, menaik taraf jalan raya; penurapan jalan; membina lebuh raya; pembaikan cerun; membina jejantas; penurapan jalan; kerja-kerja membaik pulih jalan dan bayaran pampasan tol kepada syarikat konsesi.

43.1.2. Sejumlah RM118.78 juta (8.4%) daripada peruntukan PRE 2 yang diluluskan adalah untuk Program Penurapan Jalan Persekutuan melibatkan 144 projek yang perlu disiapkan pada akhir tahun 2009. Objektif program ini adalah untuk membaik pulih dan menyenggara jalan persekutuan supaya berada dalam keadaan sempurna dan sesuai untuk perjalanan yang selamat. KKR memutuskan supaya kerja-kerja di bawah program ini dilaksana dan diawasi oleh syarikat konsesi penyenggaraan jalan sedia ada di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung Malaysia, program penurapan ini adalah khusus bagi jalan di kawasan FELDA sahaja dan syarikat konsesi penyenggaraan jalan yang terlibat adalah Roadcare Sdn. Bhd.; Selia Selenggara Sdn. Bhd. dan Belati Wangsa Sdn. Bhd. Manakala bagi penurapan jalan persekutuan di negeri Sabah dan Sarawak pula dilaksanakan oleh Lintasan Resouces Sdn. Bhd.; Gammerlite Sdn. Bhd.; PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd.; HCM Engineering Sdn. Bhd. dan Endaya Construction Sdn. Bhd.

43.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada peruntukan PRE 2 bagi program penurapan jalan telah dibelanjakan mengikut tujuan yang telah ditetapkan dan projek berkaitan telah dilaksanakan dengan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

43.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap 67 projek yang bernilai RM70.39 juta. Semakan telah dijalankan terhadap dokumen, rekod dan fail projek yang berkaitan di Bahagian Kawalselia Penyenggaraan, KKR, Bahagian Senggara Fasiliti Jalan, Jabatan Kerja

Raya (JKR) dan JKR Negeri Johor, Perak, Pahang, Sabah Dan Sarawak. Di samping itu, pemeriksaan fizikal juga dijalankan di tapak projek untuk meninjau kualiti pelaksanaan projek dan menemu bual pegawai yang terlibat.

43.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati perbelanjaan bagi PRE 2 mencapai sasaran kerana telah dibelanjakan sepenuhnya. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya seperti kelewatan memulakan dan menyiapkan projek, kadar harga yang berbeza daripada kontrak dan lokasi projek berbeza dengan yang diluluskan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan JKR adalah seperti di perenggan berikut:

43.4.1. Prestasi Program

43.4.1.1. Secara keseluruhannya, Program Penurapan Jalan Persekutuan di bawah PRE 2 telah mencapai objektifnya di mana RM117.87 juta (99.2%) telah dibelanjakan berbanding peruntukan yang berjumlah RM118.78 juta. Prestasi fizikal juga telah mencapai sasaran yang ditetapkan di mana kesemua projek yang dirancang telah disiapkan pada akhir tahun 2009. Butirannya adalah seperti berikut:

JADUAL 43.1
PRESTASI PERBELANJAAN PROGRAM SEHINGGA 31 DISEMBER 2009

NEGERI	JUMLAH PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	(%)
Kedah	4	3.08	3.07	99.8
Perak	6*	6.08	6.07	99.9
Negeri Sembilan	26	15.74	15.59	99.0
Johor	15	8.01	7.96	99.3
Melaka	4	0.20	0.20	100
Kelantan	3	1.95	1.95	96.9
Terengganu	21	4.75	4.59	99.6
Pahang	23*	28.46	28.26	99.3
Selangor	3	1.21	1.20	99.2
Sabah	16	30.00	29.83	99.4
Sarawak	29	19.30	19.15	99.3
JUMLAH	**150***	**118.78**	**117.87**	**99.2**

Nota: ***(*) - Tambahan 6 Projek Baru (2 Di Pahang Dan 4 Di Perak) Kerana Terdapat Pengurangan Kuantiti Kerja Dari Projek Lain***

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pencapaian Program Penurapan Jalan Persekutuan oleh syarikat konsesi telah mencapai objektif yang telah ditetapkan.

43.4.1.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun prestasi perbelanjaan dan fizikal telah mencapai objektif yang ditetapkan, namun terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya seperti berikut:

a. Tambahan Bilangan Projek Dibuat Tanpa Kelulusan

Projek hendaklah dilaksanakan mengikut senarai yang telah diluluskan oleh KKR dan sebarang perubahan ke atas senarai projek atau penggunaan baki peruntukan perlu mendapat kelulusan daripada KKR terlebih dahulu. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tambahan 6 projek yang berjumlah RM1.78 juta telah dilaksanakan di daerah Kuantan, Batang Padang dan Kuala Kangsar tanpa kelulusan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 43.2
TAMBAHAN PROJEK TANPA KELULUSAN

NEGERI/ DAERAH	BILANGAN PROJEK	PROJEK YANG DILAKSANAKAN	JUMLAH (RM)
Pahang - Kuantan	2	Jalan Felda Lepar Hilir 2 Seksyen 0.00 - 4.00	576,714
		Jalan Utama Lepar Hilir 5, 6, 7 Seksyen 0.00 - 1.10 dan Seksyen 5.36 - 7.35	482,778
Perak - Batang Padang	3	Jalan Masuk Seksyen 3.00 - 4.00 FT1149 Sg. Klah	313,352
		Jalan Melati Putih (Perkampungan Sg. Klah)	7,548
		Jalan Belakang Pejabat, Sg. Klah	62,712
Perak - Kuala Kangsar	1	Seksyen 20.075 - 20.300 FT1145 Lasah	336,508
JUMLAH	**6**		**1,779,612**

Setelah perkara ini dibangkitkan oleh pihak Audit, *KKR memaklumkan bahawa Bahagian Senggara Dan Fasiliti Jalan, JKR telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat amaran bertarikh 2 Jun 2011 kepada ketiga-tiga JKR daerah yang terlibat bagi mengelakkan perkara yang sama berulang pada masa hadapan.*

b. Kelewatan Memulakan Kerja

Pelaksanaan kerja penurapan jalan hendaklah dilaksanakan secepat mungkin. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 19 projek di negeri Perak dan Sabah telah lewat dimulakan antara 17 hingga 104 hari dari tarikh yang ditetapkan dalam arahan kerja. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 43.3
KELEWATAN MEMULAKAN KERJA

NAMA LALUAN	TARIKH MULA KERJA		KELEWATAN (Hari)
	DITETAPKAN	SEBENAR	
Jalan Sg. Klah, Sungkai, Batang Padang, Perak	15.07.2009	27.08.2009	43
		05.09.2009	52
		11.09.2009	58
		10.10.2009	87

NAMA LALUAN	TARIKH MULA KERJA		KELEWATAN (Hari)
	DITETAPKAN	SEBENAR	
Jalan Sg. Klah, Sungkai, Batang Padang, Perak	15.07.2009	12.08.2009	28
		01.08.2009	17
		07.08.2009	23
		15.08.2009	31
Jalan Lasah, Kuala Kangsar, Perak	01.08.2009	09.09.2009	39
		13.11.2009	104
		13.11.2009	104
		25.08.2009	24
		02.09.2009	32
		10.09.2009	40
		09.10.2009	69
		07.09.2009	37
		20.08.2009	19
Km 78.5 - Km 79.0, Jalan Sandakan - Tawau, Lahad Datu, Sabah	25.07.2009	10.09.2009	47
Km 85.5 - Km 87.0 Jalan Sandakan - Tawau, Lahad Datu, Sabah			47

c. Kelewatan Menyiapkan Projek

Arahan kerja telah dikeluarkan kepada syarikat konsesi untuk melaksanakan projek pada bulan Julai 2009 dan hendaklah disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati semua syarikat konsesi telah menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan kecuali Roadcare Sdn. Bhd. yang lewat menyiapkan 4 projek antara 38 hingga 79 hari. Bagaimanapun, kesemua projek ini telah diluluskan lanjutan masa. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

JADUAL 43.4
KELEWATAN MENYIAPKAN PROJEK

NAMA LALUAN	TARIKH SIAP KERJA		KELEWATAN (Hari)
	DITETAPKAN	SEBENAR	
Jalan Felda 13, 18, 21, 22, 23, Maran, Pahang	30.10.2009	08.12.2009	38
Jalan Felda Lepar Hilir 3, Seksyen 14 - 17, Kuantan, Pahang	29.09.2009	15.12.2009	77
Jalan Utama Lepar Hilir 5, 6, 7, Seksyen 0.5 - 7.7, Kuantan, Pahang	29.09.2009	11.12.2009	73
Jalan Bukit Goh Seksyen 4 - 6, Kuantan Pahang	29.09.2009	17.12.2009	79

Pada pendapat Audit, kelulusan hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum sebarang tambahan projek dilakukan supaya peruntukan dan perbelanjaan dapat dikawal dengan lebih teratur. JKR juga perlu memastikan syarikat konsesi memulakan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan supaya tidak berlaku kelewatan.

43.4.2. Lebihan Bayaran Kepada Syarikat Konsesi

JKR Negeri Johor telah terlebih membuat bayaran terhadap kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi iaitu Selia Selenggara Sdn. Bhd. di Daerah Kota Tinggi sebanyak RM200,553. Selepas teguran Audit, JKR Negeri Johor telah menuntut balik lebihan bayaran daripada syarikat konsesi ini. Bagaimanapun, syarikat ini gagal membuat bayaran balik. Oleh itu, JKR telah membuat potongan daripada bayaran kemajuan bagi projek lain yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi ini. Lebihan bayaran ini adalah disebabkan oleh perkara berikut:

43.4.2.1. Kadar harga yang telah ditetapkan mengikut perjanjian konsesi bagi kerja *shoulder treatment* (P25-B) adalah RM31.30/m^3. Bagaimanapun, syarikat konsesi telah membuat tuntutan dengan menggunakan kadar RM34.65/m^3. Ini menyebabkan terdapat lebihan bayaran kepada syarikat konsesi berjumlah RM17,972.

43.4.2.2. Tuntutan kerja yang bernilai RM5.12 juta telah dibayar oleh JKR Negeri Johor pada bulan Disember 2009 setelah mendapat pengesahan daripada Ketua Penolong Pengarah Jalan, JKR Johor. Bagaimanapun, pengukuran semula yang dijalankan oleh JKR Daerah Kota Tinggi terhadap 9 projek yang telah dilaksanakan pada bulan Januari hingga Mac 2010 mendapati jumlah yang sepatutnya dibayar adalah RM4.93 juta iaitu lebihan bayaran sebanyak RM182,581. **Pada pendapat Audit, kesilapan ini dapat dielakkan sekiranya pemantauan yang teliti oleh JKR Negeri Johor dibuat terhadap kadar yang dikenakan kepada syarikat konsesi sebagaimana yang terkandung di dalam perjanjian yang sedang berkuat kuasa. Selain itu, JKR juga sepatutnya mengesahkan kerja sebenar yang dilaksanakan sebelum pembayaran dibuat.**

43.4.3. Projek Siap Dilaksanakan Di Atas Tanah Persendirian

Lawatan Audit ke lokasi projek penurapan jalan di Kampung Stampin Iban, Kuching mendapati penurapan jalan sepanjang 297 meter dengan nilai anggaran RM34,545 telah dilakukan di atas tanah milik persendirian. Selepas 3 bulan kerja penurapan disiapkan, jalan tersebut telah ditutup oleh tuan punya tanah. *Berdasarkan maklum balas JKR Sarawak, Jalan Kampung Stampin Iban sebenarnya di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Kuching Selatan dan bukannya jalan JKR Sarawak. Oleh itu, JKR Sarawak tidak mempunyai maklumat mengenai latar belakang jalan ini dan sebab kenapa jalan ini dibina atas jalan persendirian dan bukannya tanah Kerajaan.* Gambar berikut adalah berkaitan:



GAMBAR 43.1

Kampung Stampin Iban, Kuching
- Penurapan Jalan Di Atas Tanah Persendirian
(11.08.2010)

Pada pendapat Audit, kerja penurapan menggunakan peruntukan Kerajaan di atas tanah milik persendirian adalah melanggar undang-undang tanah yang berkuat kuasa seperti Seksyen 62 (1) Kanun Tanah Negara/Sarawak Land Code (Cap. 81). Di samping itu, jalan yang terlibat juga bukanlah di bawah inventori Jalan Persekutuan yang sepatutnya disenggara oleh Kerajaan. Syarikat konsesi sepatutnya merujuk perkara ini kepada pihak Kerajaan terlebih dahulu dan tidak bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung.

43.4.4. Kualiti Kerja Yang Kurang Memuaskan

Semasa lawatan Audit dijalankan, terdapat kerja-kerja yang dilaksanakan kurang memuaskan dan memerlukan pembaikan semula. Bagaimanapun, syarikat konsesi telah mengambil tindakan untuk membaiki beberapa kerosakan/kecacatan yang berlaku selepas menerima teguran dari pihak Audit. Contoh kerja terlibat adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 43.2



GAMBAR 43.3



Seksyen 3.90, Jalan Lintasan Semarak, Pahang
- Jalan Berlubang Akibat Air Bawah Tanah
(11.10.2010)

GAMBAR 43.4



FT 1535 Seksyen 22.55, Jalan Utama Jengka 21, 22 Dan 23, Pahang - Kerosakan Pada Bahu Jalan Yang Mengubah Bentuk Permukaan Jalan (11.10.2010)

GAMBAR 43.5



FT 1535 Seksyen 22.55, Jalan Utama Jengka 21, 22 Dan 23, Pahang - Tampalan Pada Bahu Jalan Telah Dilaksanakan Oleh Syarikat Konsesi Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 29.05.2011)

GAMBAR 43.6




FT 1544, Jalan Jengka 08 (Jalan No. 5), Pahang - Turapan Di Bahu Jalan Telah Rosak Akibat Air Bawah Tanah (11.10.2010)

GAMBAR 43.7



FT 1544, Jalan Jengka 08 (Jalan No. 5), Pahang - Tampalan Pada Bahu Jalan Telah Dilaksanakan Oleh Syarikat Konsesi Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya - 29.05.2011)

GAMBAR 43.8




FT 1541, Jalan Jengka 18, Pahang - Turapan Di Bahu Jalan Telah Rosak (11.10.2010)

GAMBAR 43.9



FT 1541, Jalan Jengka 18, Pahang - Tampalan Pada Bahu Jalan Telah Dilaksanakan Oleh Syarikat Konsesi Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 29.05.2011)

GAMBAR 43.10



FT1492 Seksyen 0.00,
Jalan Utama Lepar Hilir 5, 6 Dan 7, Pahang
- Turapan Di Bahu Jalan Telah Rosak
(06.10.2010)

GAMBAR 43.11



FT1492 Seksyen 0.00,
Jalan Utama Lepar Hilir 5, 6 Dan 7, Pahang
- Tampalan Pada Bahu Jalan Telah Dilaksanakan
Oleh Syarikat Konsesi Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar: Jabatan Kerja Raya - 29.05.2011)

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah mempertingkatkan penyeliaan dan pemantauan bagi memastikan hasil kerja adalah berkualiti dan segala kecacatan diperbaiki dengan segera.

43.4.5. Pemantauan

Bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan lancar dan mengikut jadual, Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan Projek diadakan setiap bulan dengan dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha (Pembangunan) KKR dan dihadiri oleh wakil daripada Bahagian Kawalselia Penyenggaraan, KKR, Bahagian Senggara Fasiliti Jalan, JKR, JKR Negeri dan syarikat konsesi. Mesyuarat ini adalah untuk membincangkan segala masalah yang berkaitan dengan projek, kemajuan projek dan sebab kelewatan serta keputusan dan tindakan yang sedang dan akan diambil. Selain daripada mesyuarat di peringkat Kementerian, mesyuarat yang sama juga diadakan di peringkat JKR Negeri bagi memantau perjalanan projek di negeri masing-masing.

Pada pendapat Audit, sungguhpun KKR telah mewujudkan mekanisme pemantauan, namun perlu dipastikan mekanisme tersebut dilaksanakan secara berkesan di semua peringkat bagi mengatasi dan mengelakkan kelemahan semasa pelaksanaan projek.

43.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan Program Penurapan Jalan Persekutuan oleh syarikat konsesi di bawah PRE 2 ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

43.5.1. JKR Negeri perlu mendapatkan kelulusan daripada KKR sebelum sebarang perubahan atau tambahan projek dilaksanakan.

43.5.2. JKR perlu memastikan syarikat konsesi memulakan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan supaya tidak berlaku kelewatan.

43.5.3. JKR perlu memastikan bahawa pemeriksaan teliti terhadap kerja yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi serta bayaran dibuat dengan betul bagi mengelakkan Kerajaan menanggung kerugian.

43.5.4. JKR perlu memastikan projek dirancang dengan teliti supaya tidak menimbulkan sebarang masalah yang menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

43.5.5. JKR perlu mempertingkatkan penyeliaan dan pemantauan bagi memastikan hasil kerja adalah berkualiti dan segala kecacatan diperbaiki dengan segera.

43.5.6. JKR perlu memantau kerja yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi bagi mengatasi kelemahan semasa pelaksanaan projek.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

44. PEROLEHAN PERALATAN PERUBATAN DAN BUKAN PERUBATAN

44.1. LATAR BELAKANG

44.1.1. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah menerima peruntukan di bawah PRE berjumlah RM1.62 bilion iaitu RM908 juta bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama (PRE 1) dan RM708.46 juta bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE 2). Daripada peruntukan yang diterima di bawah PRE 2, sejumlah RM229.87 juta adalah diperuntukkan untuk perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan.

44.1.2. Di peringkat Kementerian, Bahagian Perancangan Dan Pembangunan bertanggungjawab memantau prestasi perbelanjaan perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan yang dilaksanakan di bawah PRE. Antara peralatan perubatan yang dibeli ialah *weighing scale, ECG machine, syringe pump, blood pressure monitor* dan *autoclave,* manakala peralatan bukan perubatan seperti tilam, bantal, komputer, mesin pencetak dan *portable generator*. Peralatan ini ditempatkan di hospital, klinik kesihatan, klinik pergigian, pejabat kesihatan daerah, institusi latihan dan pusat penyelidikan di seluruh negara.

44.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua telah dibuat mengikut tujuan dan peraturan yang ditetapkan, dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

44.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap pengurusan perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan di bawah PRE 2. Semakan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2009 dan 2010 telah dilaksanakan di Bahagian Perancangan Dan Pembangunan serta Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia, 3 Jabatan Kesihatan Negeri, 8 hospital, 8 pejabat kesihatan daerah/bahagian serta 31 klinik kesihatan/pergigian di 4 negeri iaitu Sarawak, Kelantan, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pemeriksaan fizikal terhadap peralatan yang diperolehi dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat juga telah diadakan.

44.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan.

Antara kelemahan tersebut ialah perolehan peralatan tidak mematuhi peraturan yang berkuat kuasa; peralatan dibeli melebihi keperluan dan kelulusan; peralatan lewat dibekalkan dan tidak mengikut spesifikasi serta pembayaran dibuat sebelum peralatan dibekalkan dengan sempurna. Selain itu, sebahagian daripada peralatan yang diperoleh tidak digunakan dan rekod peralatan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, Kementerian telah mengambil tindakan pembetulan/ penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan ulasan Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

44.4.1. Prestasi Perbelanjaan

Peruntukan yang diagihkan bagi melaksanakan projek PRE 2 perlu digunakan sepenuhnya bagi memastikan objektif PRE 2 dicapai. Adalah didapati sejumlah RM229.87 juta daripada peruntukan PRE 2 yang diterima oleh Kementerian adalah untuk perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan. Daripada jumlah tersebut, RM129.87 juta telah diagihkan di bawah peruntukan pembangunan dan sejumlah RM100 juta di bawah peruntukan mengurus. Setakat bulan Disember 2010, sejumlah RM126.92 juta (97.7%) telah dibelanjakan di bawah peruntukan pembangunan manakala sejumlah RM99.82 juta (99.8%) telah dibelanjakan di bawah peruntukan mengurus. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 44.1
PERUNTUKAN PEROLEHAN PERALATAN PERUBATAN DAN BUKAN PERUBATAN

TAHUN	PEMBANGUNAN			MENGURUS		
	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	(%)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	(%)
2009	92.01	89.74	97.5	100	99.82	99.8
2010	37.86	37.18	98.2	TB	TB	TB
JUMLAH	**129.87**	**126.92**	**97.7**	**100**	**99.82**	**99.8**

Nota: ***TB - Tiada Peruntukan Diluluskan Di Bawah Belanja Mengurus Pada Tahun 2010***

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan bagi perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan di bawah PRE 2 secara keseluruhannya adalah sangat baik kerana jumlah perbelanjaan telah mencapai melebihi 97.7%.

44.4.2. Perolehan Tidak Mematuhi Peraturan Berkuat Kuasa

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2002 menghendaki perolehan bahan atau barangan import bernilai melebihi RM50,000 perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) terlebih dahulu. Semakan Audit mendapati semua hospital/klinik kesihatan yang diaudit kecuali Hospital Kuala Lumpur tidak mendapatkan kelulusan daripada MITI sungguhpun nilai perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan import telah

melebihi RM50,000. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, surat peringatan telah dikeluarkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri untuk disalurkan kepada semua hospital/klinik kesihatan supaya perkara ini tidak berulang lagi di masa hadapan.* Antara contoh peralatan yang dimaksudkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 44.2
PEMBELIAN PERALATAN YANG TIDAK MENDAPAT KELULUSAN MITI

LOKASI	PERALATAN	BIL. UNIT	NILAI (RM)	NEGARA PENGELUAR
Hospital Pasir Mas	Mesin X-Ray Jenis Mobile	1	120,000	Jepun
Klinik Kesihatan Pasir Mas	*Non Mydriatic Digital Fundus Camera*	1	103,000	Jepun
Hospital Umum Sarawak	*Neonatal Ventilator*	1	120,000	Amerika Syarikat
	Ventilator, Invasive Neonate Paediatric and Adult Ventilator	2	250,000	
	Adult High End Ventilator (High Frequency Oscillatory)	2	290,000	
	B & K Flexfocus - Ultrasound Machine	1	329,900	Denmark
	Argon Laser	1	130,000	Jerman
	Nicolet Biomedical Viasys Healthcare	1	99,900	
	High Defination Video Camera System	1	187,500	Jepun
Hospital Seri Manjung	*Ventilator (Portable) Transport Ventilator With EtCO2 Monitoring Part*	1	79,900	Jerman
Hospital Raja Permaisuri Bainun	*High Speed Drill-eMax2plus*	1	141,600	Amerika Syarikat
	Autoclave With Built Steam Generator, AMSCO Lab 250	1	197,000	

44.4.3. Perolehan Melebihi Keperluan Dan Kelulusan

Hospital Seri Manjung telah diluluskan peruntukan berjumlah RM90,000 bagi perolehan 3 set peralatan pembedahan katarak. Semakan Audit mendapati Jabatan Oftalmologi hospital tersebut telah membeli 10 jenis peralatan pembedahan katarak bernilai RM26,043 yang tiada dalam senarai set pembedahan katarak yang dikemukakan oleh pihak hospital. *Berdasarkan maklum balas Jabatan Oftalmologi, pembelian peralatan tersebut dilakukan kerana ia merupakan alatan yang penting dalam rawatan Oftalmologi dan akan digunakan sekiranya terdapat kes atau keadaan tertentu yang memerlukannya.* Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 44.3
PERALATAN YANG DIBELI TIADA DALAM SENARAI SET PEMBEDAHAN KATARAK

PERALATAN PERUBATAN	KUANTITI	BAUCAR			JUMLAH (RM)
		NOMBOR	TARIKH	AMAUN (RM)	
2 item : *Scleral Shell For Immersion Technique in a Scan*	1	B3842	03.11.2009	1,276	17,276
Tonopen	1			16,000	
Chalazion Forceps Code: E30-812	1	B3968	13.11.2009	421	4,712
Enucleation Scissors Code: E25-571	1			263	
2 Mirror Gonio Lens Code: 02MA-2	1			1,764	

PERALATAN PERUBATAN	KUANTITI	BAUCAR			JUMLAH (RM)
		NOMBOR	TARIKH	AMAUN (RM)	
78D Diodelaser Lens Code: VD178C	1			800	
Superfield Diode Lens Code: VDISFNC	1			1,120	
Enucleation Spoon Code: E40-721	1			344	
16 item: 3 Mirror Gonio Fundus Lens Code: VG3NF	1	B4183	02.11.2009	1,455	4,055
Ocular Mainster Wide Field Code: OMRA-PRP 165	1			2,600	
JUMLAH	**10**				**26,043**

44.4.4. Penerimaan Peralatan

44.4.4.1. Pembekal dikehendaki membekalkan peralatan mengikut tempoh dan spesifikasi yang ditetapkan supaya peralatan tersebut dapat digunakan dengan segera mengikut tujuan ianya dibeli. Semakan Audit mendapati sebanyak 69 peralatan yang dipesan lewat dibekalkan antara 22 hingga 181 hari. Selain itu, terdapat 3 kes di mana peralatan yang diterima tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. **Jadual 44.4** dan **44.5** adalah berkaitan. Bagaimanapun, denda tidak dapat dikenakan terhadap pembekal terlibat kerana syarat berhubung pengenaan denda tidak dinyatakan dalam dokumen sebut harga/pesanan kerajaan. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian menyatakan pihaknya mengambil maklum akan perkara ini.*

JADUAL 44.4
PERALATAN LEWAT DITERIMA

LOKASI	PERALATAN	NILAI (RM)	TARIKH PATUT TERIMA	TARIKH TERIMA	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Hospital Pasir Mas	*Transport Trolley*	15,000	29.10.2009	20.12.2009	52
	Single Door Dryer Cabinet	28,878	29.10.2009	08.12.2009	40
Hospital Tumpat	Peti Sejuk Farmaseutikal	42,500	25.10.2009	15.12.2009	51
	Sonic Aid Team Carditocogram CTG System	18,500	23.08.2009	09.11.2009	78
KK Bandar Pasir Mas	*Repeater Pump*	38,000	20.09.2009	30.10.2009	40
KK Meranti	*Biosafety Cabinet*	22,680	29.09.2009	16.11.2009	48
KP Bandar Kota Bharu	*Air Compressor*	8,400	12.10.2009	15.12.2009	64
KP Hospital Pasir Mas	*Dental Technologist Workstation*	36,000	11.10.2009	22.11.2009	42
Hospital Umum Sarawak	*Liver Dissector*	398,000	11.11.2009	21.12.2009	40
	Philip Suresign VS3 With Adult Reusable Sensor	6,860	21.10.2009	09.12.2009	49
	Radiant Warmer	24,000	10.10.2009	**16.12.2009	67
PKB Samarahan	*Ultrasonic Cleaner (6 unit)*	32,400	15.08.2009	*22.01.2010	160
KKIA Lawas	*Ultrasonic Cleaner (1 unit)*	5,400	15.08.2009	*11.02.2010	180
PKB Limbang	*Ultrasonic Cleaner (1 unit)*	5,400	15.08.2009	*12.02.2010	181

LOKASI	PERALATAN	NILAI (RM)	TARIKH PATUT TERIMA	TARIKH TERIMA	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Hospital Seri Manjung	*TNO Stereo Test Model : SO1000*	1,140	02.10.2009	**26.11.2009	55
	Rotating Snellen Chart-Gate House Manual Rotating Illuminated Snellen Chart	5,000	02.10.2009	**26.11.2009	55
Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kinta	*Portable Dental Unit - ADEC PAC1*	39,500	30.09.2009	02.12.2009	63
	Portable Dental Chair	3,880	30.09.2009	*22.10.2009	22
PKD Manjung	*Defibrillator*	39,950	17.10.2009	07.12.2009	51
Hospital Kuala Lumpur	*Transport Incubator With Power Pack*	25,000	16.09.2009	13.10.2009	27
	Portable Dental X Ray Unit	39,500	04.10.2009	11.12.2009	68

Nota: ***(*) - Tarikh Nota Hantaran***
(**) - Tarikh Tandatangan Nota Hantaran

PKB/D - Pejabat Kesihatan Bahagian/Daerah
KP - Klinik Pergigian
KKIA - Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak
KK - Klinik Kesihatan

JADUAL 44.5
PERALATAN DIBEKAL TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

LOKASI	PERALATAN	NILAI (RM)	SPESIFIKASI MENGIKUT SEBUT HARGA	PERALATAN YANG DIBEKALKAN
Klinik Kesihatan Pulai Chondong, Machang	*Autoclave*	28,800	MJQ17	MJQ23
Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak, Simunjan	*Ultrasonic Cleaner* **(Gambar 44.1)**	5,400	Soniclean 250T	Soniclean 250TD
Hospital Pasir Mas	*Portable Vacuum Suction Pump* **(Gambar 44.2)**	5,460	Model Vario 8	Model Vario 18

GAMBAR 44.1



Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak, Simunjan
- Ultrasonic Cleaner Soniclean 250TD Yang Dibekalkan Berbeza Dengan Spesifikasi (01.07.2010)

GAMBAR 44.2



Hospital Pasir Mas
- Model Portable Vacuum Suction Pump Yang Dibekalkan Berbeza Dengan Spesifikasi (18.05.2010)

44.4.4.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati salinan spesifikasi tidak dibekalkan kepada pegawai yang menerima peralatan di 7 klinik kesihatan dan Hospital Serian menyebabkan pegawai berkenaan sukar menentukan sejauh mana peralatan yang diterima itu menepati spesifikasi yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 44.6**. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, perkara ini telah dimaklumkan kepada PTJ yang terlibat supaya*

spesifikasi bagi peralatan perlu dirujuk terlebih dahulu semasa pembelian dan penerimaan barang.

JADUAL 44.6
PENERIMA/PENGGUNA TIDAK DIBEKALKAN DENGAN SALINAN SPESIFIKASI

LOKASI	PERALATAN	NILAI (RM)	PENERIMA
KK Labok, Machang	*USB Spirometer*	10,700	KK Labok
	HBA1C Analyzer	22,000	
KK Temangan, Machang	*Biosafety Cabinet*	23,900	
KK Bunohan, Tumpat	*Biosafety Cabinet*	23,900	KK Wakaf Baru
KK Pengkalan Kubor, Tumpat	*Biosafety Cabinet*	23,900	
KK Wakaf Baru, Tumpat	*D10 Hemoglobin Testing System*	22,000	KK Wakaf Baru
	Repeater Pump	38,000	PKD Tumpat
KK Bandar Tumpat, Tumpat	*Biosafety Cabinet*	22,680	JKN Kelantan
Hospital Serian, Sarawak	*Local Upper Extremity Station Complete*	14,400	Hospital Serian
KK Kota Sentosa, Sarawak	*Haematologi Analyzer*	73,500	KK Kota Sentosa

Nota: ***KK - Klinik Kesihatan*** ***JKN -Jabatan Kesihatan Negeri*** ***PKD – Pejabat Kesihatan Daerah***

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap pembekalan peralatan bagi memastikan pembekal membekalkan peralatan mengikut tempoh yang ditetapkan. Sehubungan ini, Kementerian disyorkan supaya memasukkan syarat pengenaan denda terhadap pembekal yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya. Selain itu, pegawai yang bertanggungjawab menerima peralatan hendaklah juga dibekalkan dengan salinan spesifikasi peralatan untuk memudahkan semakan.

44.4.5. Pengurusan Pembayaran

44.4.5.1. Bayaran Dibuat Sebelum Pengujian Dan Pentauliahan

Dokumen sebut harga/pembelian terus bagi perolehan beberapa peralatan perubatan dan bukan perubatan menghendaki pengujian dan pentauliahan [testing and commissioning (T&C)] dijalankan sebelum pembayaran dibuat sepenuhnya. Pengujian dan pentauliahan ini bertujuan untuk memastikan peralatan yang diterima adalah lengkap dan boleh berfungsi dengan baik. Semakan Audit mendapati pembayaran telah dibuat sepenuhnya bagi 10 peralatan yang diterima walaupun pentauliahan dan pengujian belum dijalankan. Antara sebab berlakunya perkara ini ialah Bahagian Perolehan tidak memaklumkan kepada Bahagian Kewangan berhubung keperluan menjalankan T&C sebelum pembayaran dilakukan. Adalah didapati Bahagian Kewangan memproses pembayaran hanya berdasarkan kepada pesanan tempatan dan *Delivery Order* daripada pegawai penerima yang mengesahkan peralatan telah diterima. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 44.7
PEMBAYARAN DIBUAT SEPENUHNYA
SEBELUM PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN DILAKUKAN

LOKASI	PERALATAN	NILAI (RM)	TARIKH BAYARAN	TARIKH PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN
Hospital Pasir Mas	Komputer Dan Pencetak	3,893	28.09.2009	Belum Dibuat*
	Single Door Dryer Cabinet	28,878	10.12.2009	Belum Dibuat*
Hospital Tumpat	*Syringe Pump*	3,000	27.10.2009	10.11.2009
	Troli Mayat	15,800	18.12.2009	02.03.2010
	Portable Vacuum Suction Pump	5,460	22.10.2009	13.01.2010
Klinik Kesihatan Meranti, Pasir Mas	*Biosafety Cabinet*	22,680	22.11.2009	24.05.2010
Hospital Umum Sarawak	*Neonatal Ventilator*	80,000	23.12.2009	Belum Dibuat*
	Infant Warmer	42,000	06.01.2010	25.02.2010
Pejabat Pergigian Bahagian Kuching	*Autoclave* (2 Unit)	15,800	08.12.2009	09.07.2010
Pusat Kawalan Tibi/Kusta Kuching	*Autoclave Top Loading Model*	124,999	21.12.2009	Belum Dibuat*

Nota: ***(*) - Setakat Tarikh Pengauditan Pada Bulan Ogos 2010***

44.4.5.2. Bayaran Dibuat Sebelum Peralatan Dibekalkan Dengan Lengkap

Mengikut Arahan Perbendaharaan 107, sesuatu bayaran hendaklah dianggap sebagai perbelanjaan tidak diakui jika tidak ada keterangan bahawa ia telah dilakukan, dibenarkan dan diselesaikan dengan sepatutnya kecuali jika bayaran dibuat di bawah sistem bayaran pukal. Peralatan yang dibekalkan hendaklah sempurna dari aspek spesifikasi, komponen dan kuantiti seperti mana yang dinyatakan dalam terma sebut harga atau pesanan tempatan. Semakan Audit mendapati ada kes di mana peralatan tidak dibekalkan dengan lengkap seperti mana yang dinyatakan dalam dokumen pembelian mengakibatkan peralatan tidak berfungsi dengan sempurna/tidak boleh digunakan. Selain itu, terdapat kes di mana pembayaran berjumlah RM43,200 telah dibuat sebelum peralatan dibekalkan/belum dibekalkan sepenuhnya. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 44.8
PERALATAN DIBEKAL TIDAK LENGKAP

LOKASI	PERALATAN	NILAI PERALATAN (RM)	TARIKH TERIMA PERALATAN	TARIKH BAYARAN	PERALATAN/ KOMPONEN BELUM BEKAL
Hospital Tumpat	Troli Mayat	15,800	13.12.2009	18.12.2009	1) *Spare Tyre* 2) *Air Pump*
Hospital Umum Sarawak	*Neonatal Ventilator*	40,000	10.12.2009	23.12.2009	TM*
	Troli Mayat	32,260	07.12.2009	23.12.2009	1) *Spare Tyre* 2) *Air Pump*

Nota: ***(*) - Nama Aksesori Yang Perlu Dibekalkan Tidak Dinyatakan Dalam Pesanan Kerajaan Tetapi Peralatan Tidak Dapat Berfungsi Tanpa Aksesori Tersebut***

JADUAL 44.9
BAYARAN DIBUAT SEBELUM PERALATAN DIBEKALKAN

LOKASI	PERALATAN	TARIKH BAYARAN	TARIKH TERIMA PERALATAN	BAYARAN YANG DIBUAT (RM)
Pejabat Kesihatan Bahagian Samarahan	*Ultrasonic Cleaner* (6 unit)	9.12.2009	22.01.2010	32,400
Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak, Lawas	*Ultrasonic Cleaner* (1 unit)	9.12.2009	11.02.2010	5,400
Pejabat Kesihatan Bahagian Limbang	*Ultrasonic Cleaner* (1 unit)	09.12.2009	12.02.2010	5,400
JUMLAH				**43,200**

44.4.5.3. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, satu Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan bagi menyiasat kedua-dua isu pembayaran yang dibangkitkan oleh pihak Audit.*

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memandang serius dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang membuat bayaran sebelum bekalan diterima, bekalan tidak lengkap atau sebelum pengujian dan pentauliahan dijalankan yang merupakan kes *improper payment*.

44.4.6. Peralatan Belum Digunakan

44.4.6.1. Lawatan Audit terhadap beberapa lokasi terpilih bagi memastikan tahap penggunaan peralatan yang diperolehi melalui PRE 2 mendapati ada peralatan yang telah diterima melebihi 5 bulan tetapi masih belum digunakan. Antara sebab peralatan tersebut belum digunakan ialah pengujian dan pentauliahan belum dibuat; peralatan sedia ada masih boleh digunakan; aksesori tidak lengkap; masalah pendawaian elektrik atau ruang sedang diubah suai. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 44.10
PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN

LOKASI	PERALATAN	NILAI (RM)	UNIT	TARIKH NOTA HANTARAN	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN
KK Bandar (Gigi) Kelantan	*Polishing Lathe With Suction*	7,969	1	09.12.2009	TM (Masih Dalam Stor)
PKD Pasir Mas/ KK Meranti	*Biosafety Cabinet*	22,680	1	30.11.2009	Akan Digunakan Di Klinik Kesihatan Baru Yang Dijangka Siap Pada Tahun 2010
KP Bandar Pasir Mas	*Sealing Machine*	2,850	1	05.11.2009	*Seal* Tidak Rapat Dan Potong Tidak Putus
Hospital Serian (Kecemasan)	*ECG Machine*	5,600	2	21.10.2009	Ruang Penggunaan Sedang Diubah Suai
	ECG Machine	4,000	1	24.07.2009	Ruang Penggunaan Sedang Diubah Suai
Pejabat Pergigian Bahagian Kuching (SK Matang Jaya/ SK Laksamana)	*Portable Autoclave*	7,900	2	TM	Masalah Pendawaian Elektrik

LOKASI	PERALATAN	NILAI (RM)	UNIT	TARIKH NOTA HANTARAN	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN
Hospital Umum Sarawak	*Neonatal Ventilator*	40,000	1	10.12.2009	Aksesori Yang Tidak Lengkap
	Biphasic Defibrillator	18,800	1	08.10.2009	TM*
	Radiant Warmer	24,000	1	25.09.2009	TM*
PKB Samarahan/ KKIA Serian	*Ultrasonic Cleaner*	10,800	1	22.01.2010	Tidak Mohon Peralatan Tersebut Dan Tidak Tahu Menggunakannya
KKIA Simunjan	*Ultrasonic Cleaner*	5,400	1	22.01.2010	TM*
KKIA Sadong Jaya	*Ultrasonic Cleaner*	5,400	1	22.01.2010	TM*
KKIA Asajaya	*Ultrasonic Cleaner*	5,400	1	22.01.2010	Bekasnya Kecil Untuk Memuatkan Alat-alat Yang Perlu Dimatikan Kuman
Pusat Kawalan Tibi/Kusta Kuching	*Autoclave Top Loading*	124,999	1	23.09.2009	Pengujian Dan Pentauliahan Belum Dibuat **(Gambar 46.3)**
KK Jalan Mesjid, Kuching	*Biphasic Defibrillator Monitor*	28,000	1	01.08.2009	Peralatan Sedia Ada Masih Boleh Digunakan **(Gambar 46.4)**

Nota : ***(*) – Maklum Balas Yang Diterima Semasa Lawatan Audit, Peralatan Tidak Digunakan***
KK - Klinik Kesihatan ***KKIA - Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak***
KP - Klinik Pergigian ***PKD/B - Pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian***
TM - Tiada Maklumat ***SK - Sekolah Kebangsaan***

GAMBAR 44.3



Pusat Kawalan Tibi/Kusta, Kuching
- Peralatan Perubatan Autoclave Top Loading Bernilai RM124,999 Belum Dapat Digunakan Selepas 6 Bulan Diterima Kerana Pengujian Dan Pentauliahan Belum Dibuat (22.06.2010)

GAMBAR 44.4



Klinik Kesihatan Jalan Mesjid, Kuching
- Biphasic Defibrillator Monitor Bernilai RM28,000 Masih Di Dalam Kotak Dan Belum Digunakan Selepas 11 Bulan Diterima (22.06.2010)

44.4.6.2. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, peralatan berkaitan telah digunakan. Selain itu, KKM juga akan mengagihkan peralatan kepada PTJ lain sekiranya PTJ berkenaan benar-benar tidak memerlukan peralatan tersebut lagi.*

Pada pendapat Audit, perancangan yang teliti terhadap keperluan perolehan sesuatu peralatan boleh mengurangkan risiko berlakunya pembaziran akibat peralatan tidak digunakan.

44.4.7. Penyelenggaraan Rekod

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, sesuatu aset hendaklah didaftarkan bagi memudahkan urusan pengesanan dan pengawalan. Daftar aset hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta aset perlu dilabel dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran. Semakan Audit mendapati daftar aset bagi 57 peralatan bernilai RM1.11 juta tidak diselenggarakan dengan sempurna seperti tidak direkodkan ke Daftar Harta Modal (KEW. PA-2), komponen/aksesori dan nombor siri pembuat tidak direkodkan serta peralatan tidak dilabel dengan Hak Kerajaan Malaysia. *Kementerian memaklumkan bahawa PTJ-PTJ berkenaan telah mengambil tindakan dengan mendaftarkan aset masing-masing.*

Pada pendapat Audit, rekod berhubung dengan setiap peralatan perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan setiap peralatan diguna dan disenggarakan dengan sewajarnya bagi memudahkan kawalan dan pemeriksaan.

44.4.8. Pemantauan

Sebagai langkah pemantauan prestasi perbelanjaan bagi perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan, Bahagian Perancangan Dan Pembangunan telah mengeluarkan arahan supaya penerima waran peruntukan mengemukakan laporan prestasi pada setiap minggu. Semakan Audit mendapati semua penerima waran telah mematuhi arahan tersebut. Bagaimanapun, format yang digunakan berbeza bagi laporan prestasi perbelanjaan di bawah peruntukan pembangunan dan mengurus di mana format laporan prestasi peruntukan pembangunan mengandungi maklumat lengkap berkaitan peruntukan diterima; perbelanjaan sebenar yang dilakukan; kuantiti peralatan yang akan dibeli dan kuantiti peralatan sebenar yang dibeli. Manakala laporan prestasi peruntukan mengurus hanya mengandungi maklumat peruntukan diterima dan perbelanjaan sebenar yang dilaporkan. **Pada pendapat Audit, laporan prestasi yang mengandungi maklumat lengkap dan seragam adalah penting bagi tujuan pemantauan yang lebih berkesan terhadap peralatan yang diluluskan dan dibeli.** *Kementerian dalam maklum balasnya menyatakan bahawa pihaknya mengambil maklum pendapat Audit bahawa laporan prestasi yang mengandungi maklumat lengkap dan seragam adalah penting bagi memastikan pemantauan yang lebih berkesan.*

44.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat, adalah disyorkan supaya Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan perkara seperti berikut:

44.5.1. Meningkatkan pemantauan terhadap pembekalan peralatan bagi memastikan pembekal membekalkan peralatan mengikut tempoh yang ditetapkan. Sehubungan ini, Kementerian disyorkan supaya memasukkan syarat pengenaan denda terhadap pembekal yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya di dalam dokumen sebut harga tanpa sebab yang munasabah. Selain itu, pegawai yang bertanggungjawab menerima peralatan hendaklah juga dibekalkan dengan salinan spesifikasi peralatan.

44.5.2. Memandang serius dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang membuat bayaran sebelum bekalan diterima, bekalan tidak lengkap atau sebelum pengujian dan pentauliahan dijalankan yang merupakan kes *improper payment*.

44.5.3. Perancangan yang teliti terhadap keperluan perolehan sesuatu peralatan boleh mengurangkan risiko berlakunya pembaziran akibat peralatan tidak digunakan.

44.5.4. Rekod berhubung dengan setiap peralatan perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan setiap peralatan diguna dan disenggarakan dengan sewajarnya serta memudahkan kawalan dan rujukan.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

45. PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN SEKOLAH AGAMA DAN PELBAGAI BANGUNAN 1 BATALION UBAT, DI KEM LOK KAWI SABAH

45.1. LATAR BELAKANG

45.1.1. Projek Pembinaan Bangunan Sekolah Agama dan Pelbagai Bangunan 1 Batalion Ubat Kem Lok Kawi, Sabah pada asalnya dirancang di bawah RMKe-9. Bagaimanapun projek ini tidak dapat dilaksanakan kerana tiada peruntukan dan hanya dilaksanakan melalui peruntukan yang diluluskan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE 2). Objektif pembinaan kedua-dua projek ini adalah untuk menaik taraf kemudahan sedia ada bagi memperkasakan aspek modal insan di dalam Angkatan Tentera Malaysia.

45.1.2. Kementerian Pertahanan (Kementerian) telah melantik Parahiyangan Enterprise Sdn. Bhd. bagi melaksanakan Projek Pembinaan Bangunan Sekolah Agama dengan nilai kontrak RM1.08 juta. Manakala Projadi Sdn. Bhd. telah dilantik untuk membina pelbagai bangunan 1 Batalion Ubat di Kem Lok Kawi dengan harga kontrak berjumlah RM4.19 juta. Pemilihan kedua-dua kontraktor ini telah dibuat secara tender terbuka. Projek Pembinaan Sekolah Agama bermula pada 18 Ogos 2009 dan perlu disiapkan pada 19 Julai 2010, manakala Projek Pembinaan Pelbagai Bangunan 1 Batalion Ubat bermula pada 10 Ogos 2009 dan dijangka siap pada 11 Julai 2010. Skop projek adalah seperti berikut:

a. Projek Pembinaan Sekolah Agama - pembinaan satu blok bangunan serta kerja-kerja berkaitan.

b. Projek Pembinaan Pelbagai Bangunan 1 Batalion Ubat - pembinaan bangunan pentadbiran 2 tingkat; dewan serbaguna; surau; 2 blok kediaman; tandas dan balai pengawal.

45.1.3. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan bertanggungjawab terhadap pembinaan kedua-dua projek ini di mana Ketua Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan merupakan Pegawai Penguasa Projek.

45.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada peruntukan bagi pembinaan kedua-dua projek ini telah dibelanjakan mengikut objektif yang ditetapkan serta projek berkaitan telah dilaksanakan dengan teratur dan memperolehi *value for money*.

45.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan kedua-dua projek tersebut. Semakan dibuat terhadap dokumen kontrak, fail dan rekod berkaitan di Bahagian Pembangunan dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan, Kementerian Pertahanan. Pemeriksaan fizikal dengan mengadakan lawatan ke tapak projek serta perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab juga dilakukan.

45.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November dan Disember 2010 mendapati secara umumnya pelaksanaan projek pembinaan adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah projek lewat disiapkan, kerja-kerja tidak menepati spesifikasi kontrak, kerja-kerja tidak berkualiti dan beberapa spesifikasi kontrak yang tidak sesuai. Bagaimanapun, Kementerian telah mengambil tindakan pembetulan/ penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan serta ulasan Kementerian adalah seperti berikut:

45.4.1. Prestasi Pencapaian Projek

45.4.1.1. Prestasi Kewangan

Peruntukan yang diterima bagi melaksanakan projek Pembinaan Sekolah Agama adalah sejumlah RM1.08 juta. Setakat bulan April 2011, sejumlah RM0.98 juta (90.7%) telah dibelanjakan. Manakala bagi projek Pembinaan Pelbagai Bangunan 1 Batalion Ubat, peruntukan yang diterima adalah RM4.19 juta. Setakat bulan April 2011, sejumlah RM3.83 juta (91.4%) telah dibelanjakan.

45.4.1.2. Prestasi Fizikal

a. Mengikut syarat kontrak, projek Pembinaan Sekolah Agama perlu disiapkan pada 19 Julai 2010. Semakan Audit mendapati projek hanya dapat disiapkan pada 25 September 2010 iaitu kelewatan selama 68 hari. Bagaimanapun, kontraktor telah dikenakan denda ganti rugi berjumlah RM175.84 sehari dan jumlah keseluruhan denda adalah RM11,957. Kesemua jumlah tersebut telah dikutip melalui potongan bayaran kemajuan.

b. Bagi projek Pembinaan Pelbagai Bangunan 1 Batalion Ubat pula, projek gagal disiapkan pada tarikh yang ditetapkan iaitu 11 Julai 2010. Kontraktor telah mengemukakan permohonan lanjutan masa pada 4 Jun 2010. Semasa mempertimbangkan permohonan tersebut, Kementerian telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap pada 21 Julai 2010. Semakan Audit mendapati tiada *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) yang dikenakan terhadap

kontraktor memandangkan Kementerian telah meluluskan lanjutan masa pertama pada bulan Ogos 2010 selama 86 hari iaitu sehingga 5 Oktober 2010. Antara sebab lanjutan masa diluluskan adalah kontraktor terpaksa merobohkan asas penapak dan pangkal tiang surau kerana arah kiblat telah tersasar sebanyak 10° serta kekurangan bahan binaan seperti batu bata dan simen. Pada tarikh akhir lanjutan masa pertama, projek masih gagal disiapkan dan Perakuan Kerja Tidak Siap tidak dikeluarkan. Namun begitu pihak Audit mendapati LAD berjumlah RM683.37 sehari dikenakan mulai 6 Oktober 2010 di mana sehingga bulan Februari 2011, jumlah LAD yang telah dikutip melalui potongan bayaran kemajuan adalah RM99,772. Semakan Audit selanjutnya mendapati kontraktor telah mengemukakan permohonan lanjutan masa kedua pada 23 Februari 2011 iaitu selepas 4 bulan tamat tempoh kontrak. *Mengikut maklum balas Kementerian, kontraktor layak diluluskan lanjutan masa kedua memandangkan kerja penyambungan paip kumbahan ke sistem kumbahan sedia ada yang tidak dapat dilaksanakan kerana sistem tersebut mengalami kerosakan dan tidak boleh digunakan. Kementerian memutuskan untuk mengeluarkan skop ini daripada skop kerja kontrak dan menyatakan kontraktor tidak layak diberikan lanjutan masa.*

Pada pendapat Audit, prestasi kedua-dua projek ini adalah kurang memuaskan kerana tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, pengurusan kontrak bagi projek Pembinaan Pelbagai Bangunan 1 Batalion Ubat adalah tidak teratur kerana Lanjutan Masa Pertama diluluskan selepas Perakuan Tidak Siap Kerja dikeluarkan; Perakuan Kerja Tidak Siap tidak dikeluarkan selepas berakhirnya tempoh lanjutan masa pertama serta lanjutan masa kedua lewat dipohon dan diluluskan.

45.4.2. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak

45.4.2.1. Pemasangan Sistem Pendawaian *Conduit*

Mengikut lukisan, pemasangan sistem pendawaian elektrik perlu menggunakan *conduit* jenis GI. Lawatan Audit mendapati pemasangan *conduit* di bangunan pentadbiran, blok kediaman dan balai pengawal 1 Batalion Ubat tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan di mana pemasangan *conduit* adalah dari jenis PVC. **Gambar 45.1** dan **45.2** menunjukkan pemasangan conduit dari jenis PVC. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, paip jenis PVC high impact telah digunakan setelah mendapat kelulusan dari Sel Mekanikal dan Elektrikal bagi mengelakkan paip GI berkarat apabila terdedah kepada wap air masin.*

GAMBAR 45.1



Balai Pengawal 1 Batalion Ubat
- Pemasangan Konduit Dari Jenis PVC
(02.11 2010)

GAMBAR 45.2



Bangunan Pentadbiran 1 Batalion Ubat
- Pemasangan Konduit Dari Jenis PVC
(02.11.2010)

45.4.3. Kerja Yang Tidak Berkualiti

Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan November 2010 mendapati beberapa kerja yang dilaksanakan tidak berkualiti dan tidak sempurna. Bagaimanapun mengikut maklum balas Kementerian, tindakan pembaikan telah dilaksanakan oleh kontraktor pada bulan Februari 2011. Berikut diberikan contohnya:

45.4.3.1. Kemasan Lantai


Kerja kemasan lantai perlu dilaksanakan dengan sempurna dan mempunyai kecerunan untuk mengalirkan air di permukaannya supaya tidak bertakung. Adalah didapati kerja-kerja kemasan lantai tandas guru di Bangunan Sekolah Agama dan lantai dewan serbaguna 1 Batalion Ubat tidak sempurna kerana terdapat air bertakung dipermukaannya seperti di **Gambar 45.3**. Kerja kemasan lantai yang telah dibuat pembaikan adalah seperti di **Gambar 45.4**.

GAMBAR 45.3



Dewan Serbaguna 1 Batalion Ubat
- Air Bertakung Di Permukaan Lantai
(02.11.2010)

GAMBAR 45.4



Dewan Serbaguna 1 Batalion Ubat
- Tindakan Selepas Pembaikan
(Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan - Februari 2011)

45.4.3.2. Pemasangan Pili Air Mencuci Pakaian

Adalah didapati pili air yang dipasang di tab mencuci pakaian dalam tandas blok kediaman 1 Batalion Ubat terlalu rapat ke dinding menyebabkan air tidak mengalir terus ke dalam tab mencuci pakaian seperti di **Gambar 45.5**. Bagaimanapun, pili air telah dibaiki dengan membuat sambungan tambahan seperti di **Gambar 45.6**.

GAMBAR 45.5



Blok Kediaman di 1 Batalion Ubat
- Pemasangan Pili Air Tidak Bersesuaian
(02.11.2010)

GAMBAR 45.6



Blok Kediaman di 1 Batalion Ubat
- Tindakan Selepas Pembaikan
(Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan - Februari 2011)

45.4.3.3. Kerja-kerja Penurapan Jalan

Adalah didapati kerja penurapan jalan tidak dilakukan dengan sempurna menyebabkan permukaan jalan tidak rata, terdapat rekahan dan air bertakung di sekitar kawasan 1 Batalion Ubat. **Gambar 45.7** dan **45.8** adalah berkaitan.

GAMBAR 45.7



1 Batalion Ubat
- Permukaan Jalan Tidak Rata
(02.11 2010)

GAMBAR 45.8



1 Batalion Ubat
- Air Bertakung Di Permukaan Jalan
(02.11.2010)

45.4.4. Spesifikasi Yang Tidak Sesuai

45.4.4.1. Pemasangan Tingkap

a. Mengikut lukisan kontrak, daun tingkap jenis *casement* sepatutnya dipasang menghala satu arah apabila tingkap dibuka. Pemeriksaan Audit di Bangunan Sekolah Agama mendapati jenis tingkap yang dipasang adalah mengikut spesifikasi. Bagaimanapun, pemasangan tingkap jenis *casement* adalah tidak sesuai digunakan untuk bangunan sekolah kerana kedudukan tingkap yang rendah dan daun tingkap yang menghala keluar apabila dibuka boleh membahayakan murid seperti di **Gambar 45.9** dan **45.10**.

Pada pendapat Audit, tingkap jenis nako atau *sliding* lebih sesuai dipasang di bangunan sekolah bagi mengurangkan risiko berlakunya kemalangan kepada murid-murid.

GAMBAR 45.9



Bangunan Sekolah Agama
- Kedudukan Tingkap Yang Rendah
(02.11 2010)

GAMBAR 45.10



Bangunan Sekolah Agama
- Jenis Tingkap Tidak Bersesuaian
(02.11.2010)

Kementerian memaklumkan akan mengambil kira pemasangan tingkap jenis sliding bagi bangunan sekolah di masa akan datang untuk tujuan keselamatan.

45.4.4.2. Tembok Balkoni Di Tingkat 1

Mengikut lukisan kontrak, tembok balkoni di tingkat 1, Bangunan Sekolah Agama dibina dengan tembok konkrit dan dipasang dengan *decorative steel plate* di kedua-dua bahagian tepi tembok. Lawatan Audit mendapati sungguhpun tembok balkoni telah dibina mengikut spesifikasi, namun pemasangan *decorative steel plate* tersebut adalah tidak sesuai di bangunan sekolah kerana ia mudah dipanjat dan membahayakan murid. **Gambar 45.11** adalah berkaitan.



GAMBAR 45.11

Bangunan Sekolah Agama
- Pemasangan Decorative Steel Plate
Di Tembok Balkoni Tidak Sesuai
(02.11.2010)

45.4.4.3. Kedudukan *Gully Trap* Di *Apron* Bangunan

Mengikut lukisan, kedudukan *gully trap* di balai pengawal dan bangunan tandas di blok kediaman 1 Batalion Ubat dibina di apron bangunan. Lawatan Audit mendapati pembinaan *gully trap* telah dibuat mengikut lukisan, namun kedudukan *gully trap* di *apron* bangunan adalah tidak sesuai seperti di **Gambar 45.12**. Ini kerana sekiranya paip sanitari tersumbat, ia boleh mengakibatkan limpahan kotoran di *apron* bangunan. Pembinaan *gully trap* lebih sesuai dibina di kawasan tanah di sekitar bangunan.



GAMBAR 45.12

Blok Kediaman Di 1 Batalion Ubat
- Kedudukan Gully Trap Tidak Sesuai
(02.11.2010)

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu membuat pemeriksaan dan memastikan kontraktor membaiki sebarang kerosakan/kecacatan yang ditemui dengan segera sebelum memulangkan Bon Pelaksanaan atau sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat.

45.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya Kementerian Pertahanan mengambil langkah seperti berikut:

45.5.1. Memastikan kontraktor membaiki sebarang kerosakan/kecacatan dengan segera sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat.

45.5.2. Memastikan Pegawai penguasa Projek/Pengarah Projek atau wakilnya membuat penyeliaan dan pemantauan yang rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan kualiti kerja dan spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak dipatuhi.

45.5.3. Bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual, setiap projek yang dilaksanakan hendaklah dirancang dengan teliti dengan mengambil kira keperluan pengguna.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

46. PROJEK PEMBINAAN PUSAT LATIHAN PENGAMAN MALAYSIA FASA II, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

46.1. LATAR BELAKANG

46.1.1. Pusat Latihan Pengaman Malaysia (PLPM) adalah sebuah pusat latihan yang berperanan untuk melatih dan menyediakan anggota daripada Angkatan Tentera Malaysia, Polis DiRaja Malaysia dan agensi Kerajaan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang dipilih bagi melaksanakan misi pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). PLPM yang terletak di Batu 10, Si Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan memulakan operasi pada tahun 1999 dan telah dirasmikan pada 20 April 2006. PLPM Fasa II dibangunkan di atas baki tanah yang belum dimajukan seluas 2.33 ekar melibatkan pembinaan 2 blok kediaman iaitu Blok A merupakan bangunan 2 tingkat untuk Lain-lain Pangkat (LLP) dan Blok B pula merupakan bangunan 4 tingkat untuk Pegawai.

46.1.2. Kementerian Pertahanan (Kementerian) telah melantik Ketua Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) sebagai Pegawai Penguasa (PP) projek. Syarikat Persada MBE Sdn. Bhd. (PMBE) telah dilantik secara tender terbuka untuk melaksanakan projek ini dengan kos berjumlah RM6.80 juta. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 17 Ogos 2009 manakala kontrak ditandatangani pada 14 Jun 2010. Tempoh kontrak adalah selama 18 bulan iaitu dari 10 Ogos 2009 hingga 9 Februari 2011. Perunding yang dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa terdiri daripada Arkitek Norman Selamat (Arkitek); Jurutera Perunding JBI (Jurutera Struktur dan Awam); Pakatan Ukur Bahan Sdn. Bhd. (Juruukur Bahan) dan Perunding Jati Sdn. Bhd. (Jurutera Mekanikal dan Elektrikal). Sejumlah RM0.87 juta daripada nilai kontrak merupakan Wang Peruntukan Sementara yang diperuntukkan bagi hiasan taman*; built-in furniture*; tanda arah*; Ground Mapping Detecting Existing Services;* pembinaan gelanggang bola tampar dan bola keranjang serta *demolition work.* Sehingga bulan Januari 2011, sejumlah RM5.97 juta (87.8%) daripada nilai kontrak telah dibayar.

46.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan Pusat Latihan Pengaman Malaysia Fasa II telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

46.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan telah dijalankan terhadap dokumen, rekod dan fail projek yang berkaitan di Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan. Di samping itu, pemeriksaan fizikal juga dijalankan di tapak projek untuk meninjau kualiti pelaksanaan projek dan menemu bual pegawai yang terlibat.

46.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November dan Disember 2010 mendapati projek telah disiapkan 7 hari lebih awal dari tarikh yang ditetapkan dalam kontrak. Projek ini telah diserahkan kepada PLPM pada 2 Februari 2011. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan projek ini seperti kerja pembinaan yang kurang berkualiti dan kelengkapan bilik penginapan yang masih belum dibekalkan sepenuhnya. Bagi isu pembekalan *built-in furniture* yang tidak mengikut spesifikasi/kurang berkualiti, tindakan yang sewajarnya telah diambil sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit di mana kontraktor telah menurunkan harga. Tindakan tersebut memberi penjimatan kos sebanyak RM175,998 dan selaras dengan konsep *value management* dan *value for money* yang diperkenalkan dalam pengurusan projek/kontrak Kerajaan. Penjelasan lanjut berhubung kelemahan yang ditemui serta ulasan Kementerian Pertahanan adalah seperti di perenggan berikut:

46.4.1. Prestasi Projek

46.4.1.1. Mengikut kontrak, projek PLPM Fasa II perlu disiapkan pada 9 Februari 2011. Semakan Audit mendapati projek telah berjaya disiapkan pada 2 Februari 2011 iaitu 7 hari lebih awal dari tarikh yang ditetapkan. Peruntukan yang diterima untuk melaksanakan projek pembinaan PLPM Fasa II adalah berjumlah RM6.80 juta. Setakat bulan Mac 2011, sejumlah RM5.97 juta (87.8%) telah dibayar kepada kontraktor daripada nilai kontrak yang berjumlah RM6.80 juta.

46.4.1.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun secara umumnya prestasi perbelanjaan dan fizikal telah mencapai objektif yang ditetapkan, namun lawatan Audit ke PLPM pada 22 dan 23 Disember 2010 mendapati beberapa kerja pembinaan yang dilaksanakan kurang berkualiti. Semakan Audit terhadap laporan pemeriksaan fizikal yang disediakan oleh Lembaga Ambil Alih mendapati beberapa kecacatan pada bangunan dan peralatan lekapan serta peralatan elektrik, namun sehingga bulan April 2011, tindakan pembetulan masih belum diambil oleh kontraktor seperti contoh di gambar berikut:

GAMBAR 46.1



GAMBAR 46.2



Gelanggang Bola Tampar
- Lepaan Simen Tidak Kemas Dan Rata Menyebabkan Air Bertakung
(Sumber Gambar: Pusat Latihan Pengaman Malaysia – 16.03.2011)

GAMBAR 46.3



GAMBAR 46.4



Blok JP & P16 – Laluan Pejalan Kaki
- Kayu Span Siling Tertanggal
(Sumber: Pusat Latihan Pengaman Malaysia – 16.03.2011)

Maklum balas daripada Kementerian menyatakan bahawa tindakan pembaikan telah diambil.

46.4.1.3. Lawatan Audit mendapati sungguhpun pembinaan blok penginapan PLPM Fasa II telah siap sepenuhnya, namun ia masih tidak dapat digunakan kerana kelengkapan bilik penginapan seperti tilam, bantal; cadar dan selimut serta langsir masih belum disediakan.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan kelengkapan bilik penginapan disediakan agar blok tersebut dapat digunakan oleh pengguna.

46.4.2. Pelarasan Harga Kontrak

46.4.2.1. Berdasarkan syarat kontrak, sejumlah RM0.87 juta adalah merupakan Wang Peruntukan Sementara di mana melibatkan kerja seperti *built-in furniture* (RM526,560); *Landscaping Works* (RM100,000); gelanggang bola keranjang (RM80,000); pembinaan gelanggang bola tampar (RM50,400); *demolition work* (RM50,000); tanda arah (RM30,000) dan *Ground Mapping Detecting Existing Services* (RM30,000). Semakan Audit mendapati pembekalan *built-in furniture* seperti katil, sofa, meja tulis, kerusi belajar, almari pakaian dan kabinet televisyen berjumlah RM0.53 juta tidak mengikut spesifikasi/kurang berkualiti/harga yang tidak munasabah berbanding keadaan fizikal perabot yang dibekalkan. Bagaimanapun, selepas menerima teguran Audit, Kementerian telah menyemak semula kadar harga yang dikemukakan oleh kontraktor dan

menurunkan harga mengikut kadar yang lebih munasabah. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. Mengikut kontrak, pembekalan 80 unit *common study chair* yang ditetapkan ialah dari jenis *wood glue laminated common study chair with steel legs* dengan kos RM761 seunit (keseluruhan kos berjumlah RM60,880). Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kontraktor telah membekalkan 80 unit kerusi plastik mengikut kos asal yang ditetapkan dalam kontrak. Selepas teguran pihak Audit, kontraktor telah menukar kerusi plastik tersebut dengan kerusi *wood glue* sepertimana yang ditetapkan. Kontraktor juga telah menurunkan harga daripada RM761 seunit kepada RM360 seunit dengan penjimatan keseluruhan berjumlah RM32,080. Gambar berikut adalah berkaitan:

GAMBAR 46.5



Bilik LLP
- Kerusi Plastik Yang Dibekalkan Berharga RM761
(22.12.2010)

GAMBAR 46.6



Bilik LLP
- Kerusi Wood Glue Yang Telah Ditukar Berharga RM360
(Sumber Gambar : Pusat Latihan Pengaman Malaysia - 16.03.2011)

b. Pembekalan 18 unit meja tulis di bilik pegawai dan 12 unit meja tulis di bilik Sarjan/Pegawai Waran tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Adalah didapati meja yang dibekalkan lebih kecil berbanding ukuran asal; tanpa *thick clear tempered glass* dan kaki meja bukan dari jenis *solid nyatoh* seperti yang ditetapkan. Bagaimanapun selepas teguran Audit, kontraktor telah mengurangkan harga seunit meja tersebut di bilik pegawai dan bilik Sarjan/Pegawai Waran iaitu masing-masing daripada RM1,249 dan RM2,554 kepada RM950 seunit dengan penjimatan keseluruhan berjumlah RM24,630. Gambar berikut adalah berkaitan.

GAMBAR 46.7



Bilik Pegawai
- Meja Tulis Lebih Kecil Berbanding Ukuran Asal Dan Tanpa Tempered Glass
(22.12.2010)

GAMBAR 46.8



Bilik Sarjan/Pegawai Waran
- Meja Tulis Lebih Kecil Berbanding Ukuran Asal, Tanpa Tempered Glass Dan Kaki Meja Bukan Dari Jenis Solid Nyatoh
(22.12.2010)

c. Pembekalan seunit sofa bagi ruang legar di blok pegawai sepatutnya berbentuk L berharga RM9,445 tetapi telah ditukar kepada seunit sofa satu dudukan dan 2 dudukan kerana ruang yang kurang sesuai atas permintaan pengguna. Bagaimanapun, sofa ini tidak memenuhi spesifikasi kerana tiada *steel leg and frame*. Selepas teguran Audit, harga telah dilaraskan kepada RM978 bagi satu dudukan dan RM1,300 bagi 2 dudukan dengan penjimatan keseluruhan berjumlah RM7,167. Gambar berikut adalah berkaitan.



GAMBAR 46.9

Ruang Legar Blok Pegawai
- Sofa Satu Dan 2 Dudukan
Tidak Mengikut Spesifikasi
(22.12.2010)


d. Sebanyak 18 unit almari bina dalaman berharga RM5,100 seunit dipasang tanpa *wire basket.* Selepas teguran Audit, harga seunit diturunkan kepada RM3,100 melibatkan penjimatan keseluruhan berjumlah RM36,000. Gambar dan rajah berikut adalah berkaitan:

GAMBAR 46.10



Bilik Suite Pegawai
- Almari Pakaian Tidak Mengikut Spesifikasi
(22.12.2010)

RAJAH 46.1



- Sebahagian Lukisan Almari Pakaian
(Sumber Lukisan: Kejuruteraan Arkitek Norman Selamat - 22.12.2010)


e. Adalah didapati 18 unit katil bersaiz *queen* bernilai RM34,794 yang telah dibekalkan untuk bilik suit pegawai dengan harga RM1,933 seunit kurang berkualiti kerana melendut apabila dipijak. Selepas teguran Audit, kontraktor telah mengambil tindakan mengukuhkan katil dengan menambah, memaku lantai katil dan memasang sokongan di gelegar katil. Kontraktor juga telah menurunkan harga katil tersebut daripada RM1,933 kepada RM950 seunit melibatkan pengurangan keseluruhan berjumlah RM17,694. Gambar berikut adalah berkaitan:

GAMBAR 46.11



Blok Penginapan Pegawai
-Lantai Katil Melendut Ketika Dipijak
Berharga RM1,993
(22.12.2010)

GAMBAR 46.12



Bilik Pegawai
- Katil Yang Telah Diubahsuai Berharga RM950
(Sumber Gambar: Pusat Latihan Pengaman Malaysia - 16.03.2011)

f. Selain itu, terdapat beberapa perabot yang telah diturunkan harga seperti di **Gambar 46.13** hingga **46.16**.

GAMBAR 46.13



Blok Penginapan Pegawai
- Kabinet TV Bernilai RM1,105
Berbanding Kos Asal RM1,236
(22.12.2010)

GAMBAR 46.14



Ruang Legar Blok Penginapan Pegawai
- Coffee Set Table Complete With 2+1+1 Chair
Bernilai RM2,790 Berbanding Kos Asal RM6,496
(22.12.2010)

GAMBAR 46.15



Ruang Legar Blok Pegawai
- Magazine Rack Bernilai RM1,445
Berbanding Kos Asal RM2,429
(Sumber Gambar: Pusat Latihan Pengaman Malaysia - 16.03.2011)

GAMBAR 46.16



Bilik LLP
- Katil Bujang Bernilai RM719
Berbanding Kos Asal RM1,300
(Sumber Gambar: Pusat Latihan Pengaman Malaysia - 16.03.2011)

Berdasarkan maklum balas Kementerian, kelemahan yang berlaku adalah disebabkan kesilapan juruukur bahan dalam menetapkan spesifikasi, namun ia mendapat persetujuan daripada pengguna.

46.4.2.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati penjimatan keseluruhan melalui Wang Peruntukan Sementara adalah berjumlah RM156,638 **(Jadual 46.1)**. Bagaimanapun sehingga pengauditan selesai dijalankan, jumlah

penjimatan sebenar masih belum dipastikan kerana Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja belum memuktamadkan harga dan mengurangkan kos keseluruhan kontrak daripada RM6.80 juta kepada RM6.64 juta. *Maklum balas Kementerian menyatakan bahawa harga telah dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja pada 26 Mei 2011 dengan pengurangan sebanyak RM175,998.*

JADUAL 46.1
PECAHAN PENJIMATAN MELALUI WANG PERUNTUKAN SEMENTARA

PERKARA	AMAUN KONTRAK (RM)	*PROPOSED* AMAUN (RM)	PENJIMATAN (RM)
Underground Mapping Detecting Existing Services	30,000	28,000	(2,000)
Buil-In Furniture	526,560	408,870	(117,690)
Padang Bola Keranjang	80,000	78,117	(1,883)
Padang Bola Tampar	50,400	33,265	(17,135)
Landscaping Works	100,000	82,870	(17,130)
Demolition Works	50,000	49,800	(200)
Signage Works	30,000	29,400	(600)
JUMLAH	**866,960**	**710,322**	**(156,638)**

Pada pendapat Audit, sungguhpun pelarasan harga telah dibuat terhadap pembekalan perabot yang tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/harga tidak munasabah. Kementerian perlu memperkemaskan pengurusan perolehannya secara menyeluruh supaya kelemahan yang sama tidak berulang terhadap projek lain yang dilaksanakan di masa hadapan.

46.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pelaksanaan projek mencapai objektif yang ditetapkan, Kementerian perlu memaksimumkan penggunaan kemudahan yang disediakan dengan melengkapkan peralatan untuk bilik penginapan.

penjimatan sebenar masih belum dipastikan kerana Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja belum memuktamadkan harga dan mengurangkan kos keseluruhan kontrak daripada RM6.80 juta kepada RM6.64 juta. *Maklum balas Kementerian menyatakan bahawa harga telah dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja pada 26 Mei 2011 dengan pengurangan sebanyak RM175,998.*

JADUAL 46.1
PECAHAN PENJIMATAN MELALUI WANG PERUNTUKAN SEMENTARA

PERKARA	AMAUN KONTRAK (RM)	*PROPOSED* AMAUN (RM)	PENJIMATAN (RM)
Underground Mapping Detecting Existing Services	30,000	28,000	(2,000)
Buil-In Furniture	526,560	408,870	(117,690)
Padang Bola Keranjang	80,000	78,117	(1,883)
Padang Bola Tampar	50,400	33,265	(17,135)
Landscaping Works	100,000	82,870	(17,130)
Demolition Works	50,000	49,800	(200)
Signage Works	30,000	29,400	(600)
JUMLAH	**866,960**	**710,322**	**(156,638)**

Pada pendapat Audit, sungguhpun pelarasan harga telah dibuat terhadap pembekalan perabot yang tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/harga tidak munasabah. Kementerian perlu memperkemaskan pengurusan perolehannya secara menyeluruh supaya kelemahan yang sama tidak berulang terhadap projek lain yang dilaksanakan di masa hadapan.

46.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pelaksanaan projek mencapai objektif yang ditetapkan, Kementerian perlu memaksimumkan penggunaan kemudahan yang disediakan dengan melengkapkan peralatan untuk bilik penginapan.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

47. PENGURUSAN KERJA PEMBAIKAN DAN PENGUBAHSUAIAN PENJARA

47.1. LATAR BELAKANG

Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) telah diperuntukkan RM224.2 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE 2) di mana sejumlah RM28.9 juta (12.9%) melibatkan Jabatan Penjara Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM25.0 juta (86.5%) adalah untuk projek pembaikan dan pengubahsuaian penjara. Objektif utama projek ini adalah untuk meningkatkan keselamatan dan keselesaan anggota/kakitangan serta orang awam yang berurusan dengan Jabatan Penjara Malaysia (Jabatan). Sebanyak 50 Institusi Penjara telah dikenal pasti dan diluluskan peruntukan bagi projek pembaikan dan pengubahsuaian di bawah PRE 2 pada tahun 2009 dan 2010 bernilai RM12.53 juta dan RM12.47 juta masing-masing. Bilangan dan kos projek yang diaudit adalah seperti berikut:

JADUAL 47.1
BILANGAN DAN KOS PROJEK YANG DIAUDIT

INSTITUSI PENJARA	BIL. PROJEK DILULUSKAN	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PROJEK DIAUDIT	
			BIL.	KOS (RM Juta)
Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia	22	2.42	6	1.46
Kajang	30	1.74	6	0.91
Alor Setar	14	0.64	6	0.38
Taiping	8	0.47	8	0.47
Pengkalan Chepa	16	0.90	8	0.59
JUMLAH	**90**	**6.17**	**34**	**3.81**

47.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada peruntukan bagi kerja pembaikan dan pengubahsuaian penjara telah dibelanjakan mengikut objektif yang ditetapkan serta dilaksanakan dengan teratur dan memperolehi *value for money*.

47.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap 34 projek pembaikan dan pengubahsuaian bernilai RM3.81 juta yang dilaksanakan pada tahun 2009 dan 2010 oleh Ibu Pejabat Penjara Malaysia (IPPM) dan 4 Institusi Penjara iaitu Kajang, Alor Setar, Taiping dan Pengkalan Chepa. Semakan telah dijalankan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab serta kontraktor yang terlibat juga telah diadakan.

47.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2010 hingga Februari 2011 terhadap 34 projek pembaikan dan pengubahsuaian bernilai RM3.81 juta mendapati 98.9% daripada peruntukan yang diagihkan telah dibelanjakan dan mencapai hasrat Kerajaan untuk merancakkan ekonomi negara. Bagaimanapun, prosedur/peraturan kewangan berhubung perolehan yang ditetapkan tidak dipatuhi sepenuhnya. Antaranya adalah perancangan perolehan kurang teliti; peruntukan tidak digunakan untuk tujuan asal projek; pengurusan perolehan bagi projek yang tidak memuaskan; bayaran dibuat bagi kerja yang tidak sempurna; skop dan spesifikasi kerja tidak disediakan dengan jelas/tepat serta tidak dipatuhi. Bagaimanapun, Jabatan Penjara telah mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan Jabatan adalah seperti di perenggan berikut:

47.4.1. Prestasi Projek

47.4.1.1. Peruntukan yang diagihkan bagi melaksanakan projek PRE 2 perlu digunakan sepenuhnya dan semua projek yang dirancang perlu disiapkan sebelum penghujung tahun 2010 bagi memastikan objektif PRE 2 dicapai. Mengikut rekod di IPPM, sejumlah RM24.96 juta (99.8%) daripada RM25 juta peruntukan pembaikan dan pengubahsuaian penjara telah dibelanjakan seperti di **Jadual 47.2**. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan prestasi pelaksanaan projek secara fizikal kerana laporan peratusan siap kerja dan prestasi pembangunan yang dikemukakan adalah tidak menyeluruh.

JADUAL 47.2
PRESTASI KESELURUHAN PROJEK PEMBAIKAN DAN PENGUBAHSUAIAN PENJARA SETAKAT 31 DISEMBER 2010

NEGERI	BIL. INSTITUSI PENJARA	PRESTASI KEWANGAN		
		PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN	
			(RM)	(%)
Kedah	4	2,343,124	2,340,558	99.9
Pulau Pinang	1	345,000	343,919	99.7
Perak	5	2,852,946	2,850,865	99.9
Selangor	6	6,848,509	6,847,652	99.9
Negeri Sembilan	4	1,051,450	1,050,008	99.9
Melaka	5	1,583,500	1,578,488	99.7
Johor	4	2,762,966	2,760,234	99.9
Pahang	2	729,280	718,509	98.5
Kelantan	3	1,451,000	1,449,699	99.9
Terengganu	3	437,000	436,156	99.8
Sabah	8	2,443,000	2,440,648	99.9
Sarawak	5	2,154,200	2,147,797	99.7
JUMLAH	**50**	**25,001,975**	**24,964,533**	**99.8**

47.4.1.2. Bagi 34 projek yang diaudit, sejumlah RM3.81 juta (98.9%) daripada peruntukan berjumlah RM3.85 juta telah dibelanjakan setakat 31 Disember 2010

seperti di **Jadual 47.3**. Bagaimanapun, prestasi fizikal projek juga tidak dapat ditentukan kerana laporan mengenainya yang dikemukakan adalah tidak menyeluruh. *Mengikut maklum balas Jabatan, terdapat beberapa institusi penjara tidak menghantar laporan peratusan siap kerja dan prestasi pembangunan ke Bahagian Pembangunan Dan Perolehan sebagaimana yang dikehendaki.*

JADUAL 47.3
PRESTASI PROJEK PRE 2 YANG DIAUDIT SETAKAT 31 DISEMBER 2010

INSTITUSI PENJARA	BIL. PROJEK	PRESTASI KEWANGAN		
		PERUNTUKAN (RM)	BELANJA	
			(RM)	(%)
Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia	6	1,457,157	1,451,076	99.6
Kajang	6	910,000	909,825	99.9
Alor Setar	6	420,000	425,786	101.4
Taiping	8	472,200	434,794	92.1
Pengkalan Chepa	8	595,000	591,722	99.5
JUMLAH	**34**	**3,854,357**	**3,813,203**	**98.9**

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu mendapatkan maklumat berkenaan kemajuan fizikal projek daripada semua institusi penjara secara berkala serta menyediakan Laporan Fizikal Projek bagi tujuan pemantauan prestasi pelaksanaan projek.

47.4.2. Perbelanjaan Tidak Mengikut Tujuan Asal Peruntukan

Peruntukan yang diluluskan untuk projek pembaikan dan pengubahsuaian di bawah PRE 2 hendaklah digunakan mengikut tujuan asal yang ditetapkan. Perbelanjaan di luar skop projek, sama ada menggunakan peruntukan sedia ada di bawah kod projek yang berlainan atau kod projek yang sama tetapi perihal kerja yang berlainan hendaklah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan atau Pegawai Pengawal. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

47.4.2.1. Sejumlah RM0.63 juta telah dibelanjakan oleh IPPM dan Penjara Kajang bagi pembinaan bangunan baru. Berdasarkan peraturan kewangan Kerajaan, perbelanjaan yang dilakukan ini tidak boleh dibenarkan kerana ia di luar skop tujuan asal projek yang diluluskan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan perbelanjaan di luar skop ini telah memperolehi kelulusan daripada Kementerian Kewangan kerana tiada dokumen sokongan dikemukakan semasa pengauditan dijalankan. *Mengikut maklum balas Jabatan, Pelaksanaan Projek Pembinaan Balai Pengawal Baru di IPPM dan Projek Pembinaan Tempat Pendaftaran Jumpa di Penjara Kajang dilaksanakan setelah mendapat persetujuan daripada pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan.* Butiran adalah seperti diringkaskan di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 47.4
PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN BARU YANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PEMBAIKAN DAN PENGUBAHSUAIAN DI BAWAH PRE 2

INSTITUSI PENJARA	PERIHAL	NAMA KONTRAKTOR	NILAI KONTRAK (RM)
IPPM	Pembinaan Balai Pengawal Yang Baru **(Gambar 47.1)**	Etika Dinamik Enterprise	379,230
Kajang	Pembinaan Tempat Pendaftaran Jumpa Yang Baru **(Gambar 47.2)**	Saujana Screen Enterprise	249,965
JUMLAH			**629,195**

GAMBAR 47.1



Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang, Selangor - Projek Pembinaan Balai Pengawal Yang Baru (04.01.2011)

GAMBAR 47.2



Penjara Kajang, Selangor - Projek Pembinaan Tempat Pendaftaran Yang Baru (04.01.2011)

47.4.2.2. Berdasarkan peraturan kewangan, penggunaan waran peruntukan perbelanjaan yang melebihi peruntukan tidak dibenarkan melainkan jika ada peruntukan tambahan yang diberikan/diluluskan oleh pengeluar waran. Semakan Audit mendapati perbelanjaan bagi 2 kerja pembaikan dan pengubahsuaian di Penjara Alor Setar telah melebihi peruntukan yang diluluskan. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan kelulusan telah diperolehi daripada IPPM sebagai pengeluar waran. Kedua-dua projek ini telah menggunakan peruntukan sedia ada daripada baki peruntukan projek lain. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.5
PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN TANPA KELULUSAN IBU PEJABAT PENJARA MALAYSIA DI PENJARA ALOR SETAR, KEDAH

PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERBELANJAAN		CATATAN
		SEBENAR (RM)	TANPA KELULUSAN (RM)	
Pembaikan Tempat Perjumpaan Banduan	100,000	106,000	6,000	Kurangan Ditampung Menggunakan Baki Projek Pembaikan Rumah Kakitangan
Kerja Pembaikan Rumah Rehat	50,000	59,886	9,886	Kurangan Ditampung Menggunakan Baki Projek Pembaikan Dan Naik Taraf Tempat Masak
JUMLAH			**15,886**	

47.4.2.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati satu kerja pembaikan dan pengubahsuaian di Penjara Alor Setar dan 6 di Penjara Taiping telah dilaksanakan tanpa peruntukan. Kedua-dua institusi penjara ini telah menggunakan peruntukan sedia ada daripada baki kos projek lain seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.6
PERBELANJAAN TANPA PERUNTUKAN

INSTITUSI PENJARA	PERIHAL KERJA/ BEKALAN	NILAI KERJA/BEKALAN (RM)	CATATAN
Alor Setar	Kerja Tambahan Pengubahsuaian Pejabat Pentadbiran, Bilik Pengarah Dan Ruang Menunggu Di Pejabat Pentadbiran Penjara	10,500	Menggunakan Baki Peruntukan Projek Pembaikan Pintu Kuarters Kakitangan
	JUMLAH KECIL	**10,500**	
Taiping	Membeli Dan Membekal Barang Untuk Membaiki Berek	6,136	Menggunakan Baki Peruntukan Projek Kerja Pembaikan Sistem Perparitan Dan Longkang Kuarters Kakitangan Penjara, Penjara Taiping dan Kerja Pembaikan Dan Mengecat Kuarters Kakitangan Penjara, Penjara Taiping
	Membeli Dan Membekal Barang Paip Untuk Membaiki Berek	10,118	
	Alat Ganti Dan Bekalan Pembaikan Berek	5,933	
	Bahan Bekalan Elektrik	1,779	
	Bahan Bekalan Baiki Berek	6,620	
	Baiki Rumah Kakitangan	6,500	
	JUMLAH KECIL	**37,086**	
JUMLAH KESELURUHAN		**47,586**	

47.4.2.4. *Mengikut maklum balas Jabatan, setiap institusi penjara yang melaksanakan kerja pengubahsuaian diminta memohon kelulusan terlebih dahulu sekiranya ada perubahan kerja dan menggunakan baki kos untuk tujuan lain.*

Pada pendapat Audit, institusi penjara perlu memperolehi kelulusan terlebih dahulu daripada pengeluar waran sebelum melakukan sebarang perubahan atau tambahan kerja bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut tujuan asal peruntukan.

47.4.3. Keahlian Jawatankuasa Tidak Mengikut Ketetapan

Perolehan secara sebut harga hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan kewangan seperti mana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2009. Keahlian Jawatankuasa Penilaian hendaklah terdiri daripada 3 orang pegawai dan salah seorang daripadanya hendaklah merupakan seorang Pegawai Teknikal dalam bidang kerja berkaitan. Semakan Audit terhadap 60 projek yang dilaksanakan mendapati ahli Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga bagi 46 (76.7%) daripada 60 projek yang disemak tidak dianggotai oleh pegawai teknikal. Ini kerana tiada jawatan teknikal di institusi penjara yang diaudit kecuali di IPPM.

Pada pendapat Audit, keahlian bagi setiap Jawatankuasa dalam pengurusan sebut harga hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi tujuan kawalan dalaman. Pihak IPPM perlu memastikan institusi penjara mendapatkan pandangan teknikal daripada JKR Daerah sekiranya perjawatan teknikal masih belum diwujudkan dan pegawai yang dilantik tidak berpengalaman.

47.4.4. Kontraktor Memperolehi Lebih Dari Satu Projek Pada Satu Masa

Surat Arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertarikh 3 April 2009 berkenaan perolehan di bawah projek PRE antaranya menyatakan kontraktor yang telah berjaya mendapat projek, tidak layak untuk menyertai undian/pusingan selanjutnya sehingga projek yang dilaksanakan telah siap sepenuhnya. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 4 kontraktor telah memperolehi lebih dari satu projek dalam satu masa. Butirannya adalah seperti di **Jadual 47.7**. Antara sebab perkara ini berlaku adalah kerana pegawai bertanggungjawab tidak jelas berhubung dengan butiran peruntukan pembangunan yang diterima dan pemilihan kontraktor adalah berdasarkan tawaran sebut harga terendah. Selain itu, pegawai juga tidak didedahkan dengan peraturan perolehan di bawah PRE.

JADUAL 47.7
KONTRAKTOR YANG MEMPEROLEHI LEBIH DARIPADA SATU PROJEK PADA SATU MASA

INSTITUSI PENJARA	NAMA KONTRAKTOR	PERIHAL KONTRAK	PESANAN TEMPATAN		
			TARIKH MULA	TARIKH DIJANGKA SIAP	NILAI KONTRAK (RM)
Kajang	Saujana Screen Ent.	Kerja Mengecat Tembok Batu Di Penjara Kajang	01.09.2009	08.09.2009	45,000
		Kerja Membaiki Saliran Perparitan Di Padang Rekreasi	01.09.2009	15.09.2009	19,950
	Wonders Avenue Resources	Kerja Menaik Taraf Bilik Mesyuarat Di Rawatan Pemulihan Dadah (RPD)	07.08.2009	17.11.2009	49.990
		Kerja Pembaikan Tandas Di RPD	07.08.2009	30.11.2009	29,990
Alor Setar	Habis Jaya Ent.	Pembaikan Tempat Perjumpaan Banduan/Tahanan	25.08.2009	12.10.2009	106,000
		Pembaikan Rumah Kakitangan	25.08.2009	19.12.2009	43,949
	Halida Ent.	Pembaikan Dan Pengubahsuaian Bangunan Kelab Sukan	25.06.2009	29.09.2009	50,000
		Pembaikan Pagar Reput Antara Kuarters Dan Jalan Sultanah Bahiyah Sepanjang 80 Meter	25.06.2009	10.09.2009	25,000
		Peruntukan Tambahan - Pembaikan Pagar Reput Antara Kuarters Dan Jalan Sultanah Bahiyah	24.08.2009	10.09.2009	20,674

Pada pendapat Audit, walaupun maklum balas Jabatan menyatakan bahawa pemilihan kontraktor dilakukan berdasarkan harga tawaran sebut harga yang terendah namun Surat Arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertarikh 3

April 2009 perlu dipatuhi selaras dengan objektif Kerajaan bagi memastikan lebih ramai kontraktor terlibat dalam merangsang ekonomi Negara.

47.4.5. Harga Projek Tidak Diperincikan

Berdasarkan Perenggan 4.1(b)(iii) Lampiran A kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, dokumen sebut harga hendaklah mengandungi antaranya ringkasan sebut harga/senarai kuantiti berserta spesifikasi kerja yang diperlukan. Semakan Audit mendapati 7 projek pembaikan dan pengubahsuaian bernilai RM482,357 di Penjara Kajang, Selangor tidak diperincikan butiran spesifikasinya dan telah dibayar secara *lump sum*. Ini menyebabkan kesukaran bagi menentukan harga sebenar yang munasabah terhadap kerja pembaikan dan pengubahsuaian yang dilakukan. Pegawai penyelia juga sukar menentukan sama ada kerja telah dijalankan mengikut skop yang diperlukan dan harga yang dibayar adalah sepadan dengan kerja yang telah dilakukan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 47.8
PROJEK YANG TIDAK DIPERINCIKAN BUTIRAN SPESIFIKASI
DAN DIBAYAR SECARA *LUMP SUM* DI PENJARA KAJANG, SELANGOR

PROJEK	NAMA KONTRAKTOR	JUMLAH (RM)
Kerja Menaiktaraf Dewan Kelab Sukan	Pembinaan Karisma	250,000
Kerja Pembinaan Kebocoran Dan Kerosakan Bumbung Bengkel RPD	Perusahaan Suria Jaya	60,000
Baiki Kerosakan Rumah Kakitangan	Irriconst Engineering	49,999
Kerja Membaiki Kerosakan Blok Banduan	Seni Muafakat Ent.	49,970
Menaiktaraf Bilik Mesyuarat RPD	Wonder Avenue Resources	24,390
Kerja Pembaikan Tandas Di RPD	Wonder Avenue Resources	28,000
Kerja Membaiki Dan Menaik Taraf Tandas Awam	Rentak Warisan	19,998
JUMLAH		**482,357**

Pada pendapat Audit, IPPM hendaklah menyediakan kos dan spesifikasi kerja yang jelas dan boleh diukur bagi memudahkan rujukan kontraktor dan pegawai penyelia. Ini bertujuan untuk memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat.

47.4.6. Pelaksanaan Projek Tidak Memuaskan

47.4.6.1. Spesifikasi Kerja Tidak Dipatuhi

Semua projek pembaikan dan pengubahsuaian hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja yang telah dinyatakan di dalam dokumen kontrak antaranya berkaitan warna, saiz, bentuk dan kualitinya. Semakan Audit mendapati 3 kerja daripada 3 projek tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi

kerja asal yang diluluskan. Di samping itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kerja baru yang dilaksanakan sepadan/setaraf dengan harga yang telah dibayar seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 47.9
SENARAI KERJA YANG DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI ASAL KONTRAK

INSTITUSI PENJARA	NAMA PROJEK	SPESIFIKASI KERJA ASAL	KERJA SEBENAR	HARGA ITEM (RM)
IPPM	Kerja Hiasan Dalaman Dan Menaik Taraf Kantin IPPM	Item 3.1: Bekal & Pasang 4 Bilah Kipas Siling Berjenama KDK Dan Kerja Pendawaian	Kontraktor Bekal Kipas Berjenama MIDEA (Kualiti Tidak Dapat Ditentukan Sama Ada Sepadan/Setaraf Dengan Jenama KDK) (**Gambar 47.3**)	2,800
	Kerja Menaik Taraf Surau Kakitangan Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di IPPM	Item 14: Membekal Dan Memasang Pintu Solid Saiz 900mm X 2100mm	Pihak Kontraktor Tidak Mengganti Pintu Sebaliknya Hanya Mengecat Sahaja **(Gambar 47.4)**	900
Kajang	Kerja Membaiki Kebocoran Dan Kerosakan Bumbung Bengkel RPD	Item 5: Kerja Membina Dinding Batu Bata Siap Dengan Lepaan Simen Luar Dalam Ukuran 36' X 12'	Dinding Batu Diganti Dengan Dinding *Gypsum Board* **(Gambar 47.5)**	6,800

GAMBAR 47.3



Kantin, Ibu Pejabat Penjara Malaysia
- Kipas Dibekalkan (Jenama MIDEA) Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak (Jenama KDK)
(04.01.2011)

GAMBAR 47.4



Tempat Wuduk Wanita Di Surau, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang, Selangor
- Pintu Tidak Diganti Sepertimana Dinyatakan Di Dalam Spesifikasi Kontrak (Kos RM900)
(04.01.2011)



GAMBAR 47.5

Bengkel Rawatan Pemulihan Dadah (RPD), Penjara Kajang, Selangor
- Dinding Batu Diganti Dengan Dinding Gypsum Board (Kos RM6,800)
(11.01.2011)

47.4.6.2. Kuantiti Pada Skop Kerja Asal Tidak Dipatuhi

Bilangan/kuantiti yang dibekalkan/dilaksanakan bagi 2 projek di Penjara Kajang yang melibatkan 7 kerja adalah kurang berbanding skop kerja asal. Bayaran

bagi kerja tersebut telah dibuat sepenuhnya. Berdasarkan kiraan Audit, Jabatan telah terlebih bayar sejumlah RM20,240 bagi melaksanakan projek tersebut seperti di **Jadual 47.10** dan **Gambar 47.6**. *Mengikut maklum balas, Jabatan telah mengambil tindakan pengiraan semula di mana lebihan daripada anggaran kos telah digunakan untuk membuat pendawaian serta pemasangan lampu pada setiap tiang pagar keselamatan.*

JADUAL 47.10
KERJA YANG DILAKSANAKAN KURANG
DARIPADA SKOP ASAL DI PENJARA KAJANG, SELANGOR

PERIHAL PROJEK	SKOP KERJA	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	KIRAAN AUDIT		BEZA (RM)
	PERIHAL				KUANTITI	(RM)	
Kerja Membaiki Dan Menggantikan Pagar Keselamatan Berhampiran Balai Pengawal	Kerja *Footing* Dengan Konkrit Gred G25 Serta Kerangka Besi Y16. Kerja *Formwork*	72 lubang	180	12,960	62	11,160	1,800
	Kerja Pagar:						
	Tiang Konkrit 7 Kaki Serta Kerangka Besi Y16	72 batang	550	39,600	62	34,100	5,500
	Bekal Dan Pasang Jeriji Keselamatan						
	Membuat Jeriji Keselamatan Serta Memasang Di Tempat Yang Diarahkan	72 nos.	600	43,200	61	36,600	6,600
Jumlah Kecil							**13,900**
Menaik Taraf Tempat Pendaftaran Jumpa	Sistem Penghawa Dingin						
	• *Cassette Type (Split Unit)* - 2.5hp Jenama Acson/York	4 unit	4,000	16,000	3	12,000	4,000
	• Kos Pemasangan	4 unit	500	2,000	3	1,500	500
	Kerja Elektrik						
	• Bekal & Pasang *Exhaust Fan*	2 unit	320	640	-	-	640
	Kabinet & Perabot						
	• Kerusi Pelawat	4 set	1,200	4,800	3	3,600	1,200
Jumlah Kecil							**6,340**
JUMLAH BESAR							**20,240**



GAMBAR 47.6

Penjara Kajang, Selangor
- Tiang Konkrit Dipasang Sebanyak 62 Batang Sahaja Berbanding 72 Batang Seperti Mana Dinyatakan Di Dalam Skop Kerja
(Kos RM730/unit)
(11.01.2011)

47.4.6.3. Projek Pembinaan Bangunan Baru Tidak Merujuk Kepada Jabatan Teknik Di Jabatan Kerja Raya

Arahan Perbendaharaan 182.1 (e) menyatakan bagi kerja penyenggaraan atau membaiki kerosakan kecil yang tidak melibatkan struktur bangunan yang bernilai tidak melebihi RM100,000 atau kerja elektrik yang tidak melebihi RM50,000 bagi

satu kali pembaikan boleh diuruskan sendiri oleh Kementerian/Jabatan tanpa merujuk Jabatan Teknik. Semakan Audit mendapati tiada bukti pihak Jabatan telah merujuk kepada JKR terlebih dahulu sebelum melaksanakan projek Membina Balai Pengawal Baru, IPPM bernilai RM379,230 dan projek Menaik Taraf Tempat Pendaftaran Jumpa Kompleks, Penjara Kajang bernilai RM249,965. Kedua-dua projek tersebut termasuk di bawah kategori projek yang memerlukan pembinaan atau perubahan pada struktur bangunan serta bernilai melebihi RM100,000.

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan hendaklah memastikan kontraktor mematuhi skop/spesifikasi projek yang diluluskan di dalam kontrak. Ini adalah untuk memastikan kerja yang dilaksanakan sepadan dengan harga yang dibayar. Selain itu, bagi pembinaan bangunan baru, pihak Jabatan hendaklah merujuk kepada pihak JKR terlebih dahulu.

47.4.7. Pengurusan Bayaran Perolehan

47.4.7.1. Kesilapan Pada Pengiraan *Bill Of Quantities* (BQ)

Arahan Perbendaharaan 102 (a) menyatakan bahawa tandatangan seorang Pegawai Pengawal atau wakilnya yang diberikan kuasa diperlukan untuk memperakui ketepatan setiap butiran pada baucar bayaran. Antara tanggungjawab utama pegawai yang memperakui baucar adalah memastikan pengiraannya betul. Semakan Audit terhadap bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Bekalan Air Di Blok Penempatan Banduan Di Penjara Kajang mendapati dokumen BQ yang dikepilkan bersama baucar bayaran telah tersilap dikira menyebabkan sejumlah RM6,400 telah terlebih dibayar kepada kontraktor. Dokumen sokongan berkenaan telah disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab. *Pihak Penjara Kajang telah menuntut dan menerima bayaran balik jumlah terlebih bayar tersebut daripada pihak kontraktor* s*elepas teguran Audit.*

47.4.7.2. Bayaran Dibuat Bagi Kerja Yang Belum Disiapkan

Berdasarkan peraturan kewangan, bayaran sepenuhnya hanya boleh dibuat terhadap kerja yang telah dilaksanakan. Bayaran penuh telah dilakukan pada 12 Disember 2010 terhadap Kerja Pembaikan Dan Menaik Taraf Bengkel Masak bernilai RM70,054 di Penjara Alor Setar. Namun semasa lawatan Audit pada 22 Disember 2010, kerja tersebut masih belum disiapkan sepenuhnya seperti yang ditunjukkan di **Gambar 47.7** hingga **47.10**. Bayaran penuh dilakukan setelah Surat Akuan Siap Kerja diterima pada 1 Disember 2010 dan ruangan 'Perakuan Mengenai Mutu' disahkan oleh Pegawai Pembangunan pada 2 Disember 2010. *Mengikut maklum balas Jabatan, kerja ini disiapkan pada 31 Disember 2010*.

GAMBAR 47.7



Penjara Alor Setar, Kedah
- Kerja Membina Tandas Untuk Kakitangan Bengkel Masak Termasuk Kerja Paip Dan Elektrik Masih Belum Siap Namun Telah Dibayar Sepenuhnya (22.12.2010)

GAMBAR 47.8



Penjara Alor Setar, Kedah
- Kerja-kerja Melepa Simen Pada Dinding Kolam Membasuh Tray Masih Belum Siap Namun Telah Dibayar Sepenuhnya (22.12.2010)

GAMBAR 47.9



Dapur Masak Penjara Alor Setar, Kedah
- Alat Penyedut Asap (Blower) Berukuran 23' X 7' Masih Belum Dibekalkan Namun Telah Dibayar Sepenuhnya (Kos RM4,000) (22.12.2010)

GAMBAR 47.10



Penjara Alor Setar, Kedah
Tandas Kakitangan Bengkel Yang Lama
- Kerja Meruntuh Tandas Kakitangan Bengkel Yang Lama Di Dapur Masak Masih Belum Dilaksanakan Namun Telah Dibayar Sepenuhnya (22.12.2010)

Pada pendapat Audit, pegawai yang bertanggungjawab perlu memastikan ketepatan pengiraan bagi setiap butiran pada baucar bayaran dan dokumen sokongan yang disertakan. Selain itu, bayaran terhadap kerja/bekalan yang tidak dilaksanakan/diterima adalah satu kesalahan yang serius. Tindakan tegas perlu diambil terhadap penjawat awam dan kontraktor yang terlibat.

47.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi projek ini, adalah disyorkan supaya Jabatan Penjara mengambil langkah seperti berikut:

47.5.1. Memastikan laporan fizikal projek secara berkala disediakan bagi pemantauan prestasi sebenar pelaksanaan projek.

47.5.2. Mendapat kelulusan daripada pihak yang bertanggungjawab terlebih dahulu sebelum melaksanakan projek/kerja yang lain daripada tujuan asal yang diluluskan dan memastikan semua peraturan kewangan sentiasa dipatuhi.

47.5.3. Menjalankan penyeliaan dan pemantauan secara berkala dan sistematik ke atas projek/kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor agar mencapai tahap kualiti yang sepatutnya serta mematuhi skop dan spesifikasi kerja yang ditetapkan.

47.5.4. Memastikan pegawai atasan/penyelia menjalankan Pemeriksaan Mengejut terhadap aktiviti pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab bagi sesuatu projek.

47.5.5. Memastikan kursus dan latihan berkaitan pengurusan projek dan perolehan diberikan kepada pegawai/kakitangan supaya sentiasa mematuhi peraturan berkaitan yang berkuat kuasa.

48. RUMUSAN KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, perbelanjaan di bawah suntikan fiskal PRE 2 tidak mencapai hasrat Kerajaan iaitu 100% perbelanjaan pada 31 Disember 2010 di mana hanya 76.3% sahaja telah dibelanjakan. Bagaimanapun, prestasi fizikal projek adalah baik di mana peratus projek siap telah mencapai 95.4%. Perbezaan ketara antara peratusan prestasi perbelanjaan berbanding dengan peratusan prestasi fizikal adalah disebabkan oleh projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan melibatkan kos yang tinggi khususnya projek di bawah peruntukan pembangunan. Walaupun 201 projek yang diaudit telah siap dilaksanakan (kecuali Projek Pembinaan Jambatan Sungai Padas Kedua, Beaufort, Sabah), namun terdapat beberapa kelemahan dari segi pematuhan terhadap prosedur/peraturan kewangan/perolehan. Di samping itu, perancangan, pemantauan dan penyeliaan yang kurang teliti oleh kementerian/jabatan telah mengakibatkan prestasi kerja/bekalan/perkhidmatan yang dilaksanakan/diterima kurang memuaskan.

HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

49. JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Perkhidmatan Awam
- ***Bayaran Pencen Terlebih Dibayar***

49.1. Bahagian Pasca Perkhidmatan (BP), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertanggungjawab untuk menguruskan pembayaran faedah persaraan bagi anggota Perkhidmatan Awam, Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan, Hakim, Ahli Parlimen, Anggota Pentadbiran dan Setiausaha Politik berpandukan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Mengikut Akta Pencen 1980, Pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara layak menerima faedah persaraan seperti ganjaran perkhidmatan, pencen perkhidmatan, ganjaran wang tunai gantian cuti rehat dan kemudahan rawatan perubatan. Terdapat dua jenis persaraan iaitu persaraan wajib dan persaraan atas pilihan sendiri yang layak diberi faedah persaraan mengikut jenis dan kadar ditetapkan.

49.2. Bagi memastikan bayaran faedah persaraan dilaksanakan dengan tepat dan bayaran dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan, BP telah membangunkan satu sistem maklumat bersepadu yang dihasilkan melalui Projek Memodenkan Sistem Pentadbiran Pencen dikenali sebagai Sistem POWER (Pensions Online Workflow Environment). Sistem POWER telah dilaksanakan secara berperingkat mulai bulan Julai 2003 dan telah digunakan sepenuhnya pada bulan Oktober 2004. Sistem POWER mengandungi 4 aplikasi utama iaitu Sistem Pendaftaran Dan Proses Persaraan, Sistem Pencen Terbitan, Sistem Kewangan Dan Akaun Pencen serta Sistem Kawalan Dan Penguatkuasaan.

49.3. Bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan September 2010, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM34.01 bilion untuk bayaran faedah persaraan dan faedah pemberhentian perkhidmatan termasuk Bayaran Istimewa Penerima Pencen (bayaran imbuhan). Daripada jumlah tersebut sejumlah RM31.48 bilion atau 92.60% telah dibelanjakan.

49.4. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2010 untuk menilai sejauh mana tindakan yang telah diambil terhadap bayaran pencen terlebih dibayar mendapati perkara seperti berikut:

49.4.1. Berdasarkan Daftar Bayaran Balik Pencen Terlebih dibayar bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan September 2010, didapati sejumlah RM2.57 juta bayaran pencen bulanan telah terlebih dibayar kepada 1,975 pesara/penerima pencen yang telah meninggal dunia. Daripada jumlah itu, sejumlah RM0.85 juta telah dapat dikutip balik daripada 965 waris. Bagi baki berjumlah RM1.72 juta yang sepatutnya dituntut daripada 1,010 waris mendapati, hanya sejumlah RM0.39 juta sedang

dikutip daripada 206 waris secara bayaran ansuran. Manakala sejumlah RM1.33 juta masih belum dapat dikutip balik disebabkan notis tuntutan tidak dapat diserahkan kepada waris sama ada mereka tidak dapat dikesan, telah berpindah ke tempat lain atau telah meninggal dunia. Namun begitu bagi notis tuntutan yang telah dapat diserahkan kepada waris pula, masih tiada bayaran balik dibuat. Semakan Audit mendapati antara sebab pencen terlebih dibayar kerana status kematian tidak dikemas kini yang dijelaskan seperti berikut:

a. Mengikut prosedur kerja, Cawangan ICT Bahagian Pasca bertanggungjawab mengemas kini status pesara/penerima pencen apabila maklumat Sijil Kematian diperoleh melalui sama ada daripada Laporan Kematian Bulanan yang di muat turun sebulan sekali daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau apabila Sijil Kematian diterima daripada waris/wakil yang datang menyerahkannya di kaunter atau dihantar melalui pos kepada BP. Sekiranya maklumat kematian yang diterima daripada JPN tidak sepadan dengan maklumat dalam sistem POWER, satu laporan tidak sepadan (Unmatch Data*)* dikeluarkan. Berdasarkan laporan ini bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan September 2010, didapati data kematian 2,262 pesara/penerima pencen tidak dapat dikemas kini kerana maklumat seperti nama, nombor kad pengenalan dan tarikh lahir tidak sepadan dengan maklumat dalam sistem POWER. *Berdasarkan maklum balas daripada BP, Bahagian tersebut telah mendapatkan maklumat kematian daripada Jabatan Pendaftaran Negara dua kali sebulan bagi tujuan pengemaskinian sistem POWER mulai bulan April 2011.*

b. Pengemaskinian status kematian dan pemberhentian bayaran tidak dapat di buat dengan segera kerana Sijil Kematian lewat dikemukakan oleh waris pesara/penerima pencen berkenaan. Sebagai contoh, Sijil Kematian bagi 4 pesara/penerima pencen hanya diterima antara 1 hingga 62 bulan selepas tarikh kematian yang melibatkan sejumlah RM16,065 terlebih dibayar.

49.4.2. Semakan Audit terhadap Daftar Bayaran Balik Pencen Terlebih bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan September 2010 juga mendapati sejumlah RM2.09 juta telah terlebih dibayar kepada 339 pesara/penerima pencen yang masih hidup. *Berdasarkan maklum balas BP, kes-kes terlebih bayar berpunca daripada kelonggaran kawalan dalaman antaranya tiada amaran sekiranya amaun pencen melebih gaji akhir, tiada semakan bagi pesara yang mempunyai dua atau lebih akaun pencen dan tiada had maksimum tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira untuk pengiraan pencen.* Semakan Audit selanjutnya mendapati, BP telah mengambil tindakan mengutip balik jumlah pencen terlebih dibayar secara ansuran melalui potongan sebahagian pencen bulanan yang diterima oleh pesara/penerima pencen. Bayaran pencen terlebih dibayar tersebut melibatkan pembayaran pencen terbitan kepada yang tidak layak seperti anak yang melebihi 21 tahun yang tidak

melanjutkan pelajaran, jumlah pencen terbitan kepada balu/duda tidak disusutkan kepada 70% selepas 12 ½ tahun dari tarikh persaraan (bagi kes sebelum 1 Januari 2009), kesilapan membayar ke dalam 2 akaun pencen serentak, kesilapan membuat dua kali pelarasan dan kesilapan perkiraan gaji akhir. Selain itu, didapati satu kes kesilapan meletakkan titik perpuluhan telah menyebabkan pencen terlebih dibayar berjumlah RM133,051 sejak bulan Januari 2006 sehingga bulan Mei 2007. Mengikut perkiraan, pencen sebenar yang patut diterima adalah berjumlah RM214.33 sebulan tetapi pesara telah dibayar sejumlah RM21,433.00 sebulan untuk tempoh selama 16 bulan. Bagaimanapun, pesara berkenaan telah meninggal dunia pada tahun 2007. Potongan telah dibuat daripada pencen bulanan pesara mulai bulan Julai 2007. Selepas pesara meninggal dunia, kutipan maih diteruskan daripada pencen pencen terbitan sehingga bulan Mei 2044.

49.4.3. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Unit Kutipan Balik untuk mendapatkan jumlah terlebih dibayar seperti menghantar surat tuntutan bayaran balik kepada waris/wakil. Selain itu, BP juga mendapatkannya daripada pihak bank yang terlibat dengan pembayaran pencen bagi wang pencen yang tidak dikeluarkan atau amaun di dalam akaun mencukupi untuk menampung jumlah terlebih dibayar. Berdasarkan maklum balas, BP telah menambah baik proses kerja sedia ada bagi memantau dan mengemas kini maklumat kematian yang diterima daripada JPN di dalam sistem POWER serta melaksanakan penambahbaikan modul di dalam Sistem POWER untuk memantapkan lagi kawalan dalaman. Manakala bagi kes-kes melibatkan kecuaian, siasatan dan tindakan selanjutnya akan diambil.

49.5. Pada pendapat Audit, lebihan bayaran tidak sewajarnya berlaku kerana proses kerja Pengurusan Bayaran Faedah Persaraan telah menerangkan dengan jelas tugas dan tanggungjawab setiap pegawai untuk menyemak, mengesah dan meluluskan sesuatu maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan bayaran pencen terlebih dibayar adalah disyorkan supaya Bahagian Pasca Perkhidmatan melaksanakan perkara berikut:

49.5.1. Melakukan siasatan atau analisis terhadap data dari JPN yang tidak dapat dipadankan dan menghentikan bayaran pencen berkenaan jika penerima telah meninggal dunia.

49.5.2. Pegawai yang bertanggungjawab perlu memastikan maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem adalah tepat sebelum pengesahan dilakukan. Tindakan tegas harus diambil terhadap pegawai yang melakukan kesilapan/ kecuaian/kelalaian yang menyebabkan terlebih dibayar termasuklah dikenakan surcaj selaras dengan Seksyen 18, Akta Tatacara Kewangan.

50. KEMENTERIAN KEWANGAN
Perbendaharaan Malaysia
- ***Pengurusan Pinjaman Luar Negeri (Projek)***

50.1. Perlembagaan Persekutuan membenarkan Kerajaan Persekutuan meminjam daripada sumber dalam atau luar negeri untuk menampung kos projek pembangunan yang dirancang. Setakat akhir tahun 2010, sebanyak 44 projek pembangunan telah dibiayai dengan pinjaman luar negeri iaitu dari *Japan International Cooperation Agency* (JICA), *Japan Bank For International Cooperation* (JBIC), Bank Pembangunan Asia (ADB), Bank Pembangunan Islam (IDB), Kerajaan Perancis, Kerajaan Sepanyol, Kerajaan Kanada dan Bank Antarabangsa Bagi Pemulihan Dan Pembangunan (IBRD). Daripada 44 projek tersebut sebanyak 40 projek telah selesai dilaksanakan manakala 4 projek lagi masih dalam peringkat pelaksanaan. Kedudukan baki pinjaman projek pada akhir tahun 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 50.1
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN LUAR NEGERI (PROJEK) PADA AKHIR TAHUN 2010

PEMBERI PINJAMAN	BIL. PROJEK	BAKI PINJAMAN (RM Juta)
Japan International Cooperation Agency	14	5,003.96
Japan Bank For International Cooperation	2	1,495.97
Bank Pembangunan Asia	8	440.04
Bank Pembangunan Islam	10	346.73
Kerajaan Perancis	4	80.60
Kerajaan Sepanyol	1	18.40
Kerajaan Kanada	2	4.13
Bank Antarabangsa Bagi Pemulihan Dan Pembangunan	3	0.21
JUMLAH	**44**	**7,390.04**

50.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November dan Disember 2010 mendapati secara umumnya pinjaman yang diterima telah digunakan untuk objektif yang ditentukan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap dokumen pinjaman dan projek bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 serta lawatan ke 9 tapak projek di Sabah, Johor dan Terengganu mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan pinjaman dan projek seperti berikut:

50.2.1. Bagi memastikan golongan sasaran mendapat manfaat, kajian impak bagi menentukan sama ada objektif dan kesan pelaksanaan projek perlu dilaksanakan. Semakan Audit mendapati Perbendaharaan Malaysia tidak melaksanakan kajian impak bagi menentukan sama ada objektif dan kesan terhadap projek yang dibiayai oleh sumber pinjaman luar negeri telah tercapai. Hasil daripada kajian ini boleh membantu Perbendaharaan Malaysia merancang dan meningkatkan keberkesanan pengurusan pinjaman luar negeri pada masa hadapan. Selain itu, semakan Audit

selanjutnya mendapati pemantauan terhadap kemajuan pelaksanaan projek juga tidak dibuat oleh Perbendaharaan Malaysia.

50.2.2. Sehingga akhir bulan Disember 2010, Kerajaan Negeri Johor telah membuat 4 pinjaman iaitu 3 pinjaman bagi projek bekalan air manakala satu pinjaman bagi projek Ladang Hutan Kompensatori Kedua. Baki pinjaman belum selesai pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM134.25 juta, manakala tunggakan adalah berjumlah RM334.51 juta. Mengikut *Master Agreement* antara Kerajaan Negeri Johor, Kerajaan Persekutuan, Syarikat Air Johor Sdn. Bhd., Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd. dan Pengurusan Aset Air Bhd. (PAAB), pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek bekalan air Johor akan diambil alih oleh PAAB. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati proses pengambilalihan tersebut masih belum selesai kerana baki pinjaman belum dimuktamadkan walaupun *Master Agreement* telah pun ditandatangani pada 11 Mac 2009. *Mengikut maklum balas, Kementerian Kewangan telah mengadakan mesyuarat bersama Kerajaan Negeri Johor, Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd. dan PAAB pada 8 Jun 2011 bagi membincangkan pengambilalihan pinjaman bekalan air Negeri Johor oleh PAAB.*

50.2.3. Pinjaman Projek Universiti Malaysia Sabah (UMS) Fasa II berjumlah USD23.07 juta adalah pinjaman projek antara Kerajaan Malaysia dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) bagi tujuan pembelian peralatan makmal, peralatan pengajaran dan penyelidikan di Kampus Kota Kinabalu dan Kampus Antarabangsa Labuan. Perjanjian pinjaman ditandatangani pada 30 Mei 2006 dan pengeluaran pertama pinjaman dibuat pada 21 Mei 2009. Semakan Audit mendapati bon pelaksanaan lewat dikemukakan oleh pembekal antara 26 hingga 142 hari. Manakala lawatan Audit ke Kampus UMS Antarabangsa Labuan pada 17 Disember 2010 mendapati 60 UPS bernilai USD4,330 dan sebuah *copier* bernilai USD1,262 yang sepatutnya ditempatkan di *Investment Laboratory* tidak dapat dikesan. Selain itu, pihak Audit juga mendapati peralatan komputer bernilai USD39,679 masih disimpan dalam kotak dan belum digunakan sejak ia diterima pada 25 November 2009 seperti di gambar berikut:

GAMBAR 50.1



Investment Laboratory,
UMS Antarabangsa Labuan
- Printer Jenis HP Laserjet CP3525n
Masih Disimpan Dalam Kotak
(17.12.2010)

GAMBAR 50.2



Advertising And Information Laboratory,
UMS Antarabangsa Labuan
- Printer Jenis HP Laserjet CP3525n
Masih Disimpan Dalam Kotak
(17.12.2010)

GAMBAR 50.3



Advance Research Laboratory,
UMS Antarabangsa Labuan
- Printer Jenis HP Laserjet CP3525n
Masih Disimpan Dalam Kotak
(17.12.2010)

GAMBAR 50.4



Investment Laboratory
UMS Antarabangsa Labuan
- 15 Viewsonic 19"LCD Monitor
Masih Disimpan Dalam Kotak
(17.12.2010)

GAMBAR 50.5



Investment Laboratory
UMS Antarabangsa Labuan
- 26 Set Komputer Masih Disimpan Dalam Kotak
(17.12.2010)

GAMBAR 50.6



Investment Laboratory
UMS Antarabangsa Labuan
- 2 Server Dipasang Tetapi Masih Belum Digunakan
(17.12.2010)

50.2.4. *Mengikut maklum balas, kelewatan pembekal mengemukakan bon pelaksanaan adalah disebabkan kesukaran pembekal untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan daripada institusi kewangan. Berhubung dengan peralatan yang tidak dapat dikesan, pihak Universiti Malaysia Sabah memaklumkan bahawa aset tersebut diletakkan di dalam bilik penyimpanan, sementara menunggu kerja menaik taraf makmal disiapkan. Aset yang masih belum digunakan serta aset yang tidak dapat dikesan tersebut telah dipasang, direkodkan dan digunakan mengikut fungsinya mulai semesta penggajian yang bermula pada bulan Januari 2011.*

50.3. Bagi mempertingkatkan pengurusan pinjaman luar negeri, adalah disyorkan pihak Perbendaharaan Malaysia melaksanakan kajian impak bagi menentukan sama ada pelaksanaan sesuatu projek pinjaman luar negeri telah mencapai objektifnya. Selain itu, Perbendaharaan Malaysia perlu memuktamadkan baki pinjaman untuk projek bekalan air Johor dengan segera supaya *Master Agreement* dapat dikuatkuasakan.

51. KEMENTERIAN KEWANGAN

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

- ***Pengurusan Aktiviti Pulang Balik (Refund) Dan Tarik Balik (Drawback) Duti/Cukai Kastam***

51.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Jabatan Kastam) adalah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab memungut cukai tidak langsung seperti duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan juga levi yang dikenakan ke atas urus niaga perdagangan serta perindustrian yang dijalankan di Malaysia. Di samping memungut cukai, Jabatan Kastam juga menyediakan fasilitasi perdagangan dan perindustrian seperti kemudahan pulang balik (Refund) dan tarik balik (Drawback) duti/cukai sebagai satu kemudahan urus niaga serta memberi nilai tambah kepada perkhidmatan yang disediakan. Tuntutan pulang balik dan tarik balik duti/cukai dibahagikan kepada 3 kategori iaitu:

51.1.1. Pulang balik duti/cukai yang terlebih atau tersilap bayar ke atas duti/cukai import, eksport dan cukai jualan.

51.1.2. Pulang balik duti/cukai atas perintah Menteri Kewangan dengan memberi kelulusan ke atas permohonan pedagang atau pengilang untuk pengecualian duti/cukai.

51.1.3. Tarik balik duti/cukai dengan memulangkan duti/cukai yang telah dibayar atas pengeksportan semula dagangan import atau barangan siap yang diperbuat daripada bahan/komponen yang diimport.

51.2. Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti pulang balik dan tarik balik duti/cukai kastam telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Skop pengauditan meliputi aktiviti pengurusan pulang balik dan tarik balik duti/cukai bagi tempoh tahun 2008 hingga Ogos 2010. Secara keseluruhannya pengurusan tuntutan pulang balik dan tarik balik duti/cukai kastam adalah memuaskan di mana kebanyakan permohonan tuntutan telah diproses dan dibayar mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan kecuali beberapa kes di mana berlakunya pelanggaran syarat tuntutan. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:

51.2.1. Mengikut Seksyen 14(2) Akta Kastam 1967, Menteri Kewangan boleh mengecualikan mana-mana orang daripada membayar duti atau membenarkan tuntutan pulang balik dibuat dengan syarat tuntutan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan pengecualian duti/cukai kastam. Semakan Audit mendapati 5 kes di Johor di mana tuntutan pulang balik berjumlah RM70,727 telah diluluskan walaupun tuntutan dibuat melebihi tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan iaitu antara 3 bulan 13 hari hingga 1 tahun 9 bulan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.1
TUNTUTAN PULANG BALIK DUTI/CUKAI KASTAM
YANG MENDAPAT PENGECUALIAN MENTERI KEWANGAN

NAMA SYARIKAT/ NO. RUJUKAN FAIL	TARIKH KELULUSAN MENTERI KEWANGAN	TARIKH TUNTUTAN	TEMPOH TUNTUTAN DIKEMUKAKAN	JUMLAH TUNTUTAN (RM)
OCI Energy Sdn. Bhd. KE.JB(35)685/01-05/Feb10/29	29.10.2009	11.02.2010	3 bulan 13 hari	4,071
FF Agency Sdn. Bhd. KE.JB(35)685/01/Mar10/67	09.10.2009	30.03.2010	5 bulan 21 hari	53,325
Klang Hock Plastic Industries Sdn. Bhd. KE.JB(35)685/01/Okt 08/21	27.06.2008	23.10.2008	3 bulan 27 hari	3,850
Kiswel Sdn. Bhd. KE.JB(35)685/01/Jan10/58	18.04.2008	27.01.2010	1 tahun 9 bulan 10 hari	1,654
FF Agency Sdn. Bhd. KE.JB(35)685/01/Apr 08/02	11.07.2006	01.04.2008	1 tahun 8 bulan 22 hari	7,827
JUMLAH				**70,727**

Nota : Tarikh Tuntutan Berdasarkan Tarikh Cop Terima Pada Borang JKED 2

51.2.2. Seksyen 93 Akta Kastam 1967 pula menetapkan pengeksportan semula hendaklah dibuat dalam tempoh 12 bulan dari tarikh duti import dibayar dan tuntutan tarik balik duti/cukai kastam hendaklah dikemukakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pengeksportan semula. Semakan Audit mendapati tuntutan tarik balik berjumlah RM134,487 bagi 2 kes di Johor dan satu kes di Selangor telah diluluskan walaupun syarikat mengemukakan tuntutan selepas tempoh yang ditetapkan iaitu antara 4 bulan 21 hari hingga 5 bulan 26 hari dari tarikh pengeksportan semula. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 51.2
TUNTUTAN TARIK BALIK DUTI/CUKAI KASTAM
BAGI PENGEKSPORTAN SEMULA DAGANGAN IMPORT

NEGERI	NAMA SYARIKAT/ NO. RUJUKAN FAIL	TARIKH EKSPORT	TARIKH TUNTUTAN	TEMPOH TUNTUTAN DIKEMUKAKAN	JUMLAH TUNTUTAN (RM)
Johor	Syarikat Perwira Nadi Trading Sdn. Bhd. KE.JB(35)824/02-07/zNov09/42	15.06.2009	20.11.2009	5 bulan 5 hari	91,772
	Trans Asia Shipping Corp. Bhd. KE.JB(35)824/02-07/Aug09/46	27.03.2009	18.08.2009	4 bulan 21 hari	31,877
Selangor	Besstar Plaster Manufacturing Sdn. Bhd. KE.BB(98)824/02-07/Sep09/831	18.02.2009	14.08.2009	5 bulan 26 hari	10,838
JUMLAH					**134,487**

Nota : Tarikh Tuntutan Berdasarkan Tarikh Cop Terima Pada Borang JKED 2

51.2.3. Perintah Tetap Kewangan Bil. 1 Tahun 1997 menetapkan semua tuntutan tarik balik dan pulang balik hendaklah diselesaikan dalam tempoh 5 minggu dari tarikh tuntutan diterima dan sekiranya memerlukan penjelasan atau dokumen tambahan daripada pemohon, proses tuntutan hendaklah diselesaikan dalam tempoh 2 bulan. Semakan Audit di 5 negeri mendapati 329 (72.6%) daripada 453 fail yang disemak telah lewat diproses dan tempoh kelewatan adalah di antara 9 hari hingga 28 bulan.

51.2.4. Arahan Perbendaharaan Bil. 103 (a) menetapkan bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil lengkap diterima. Bagi tuntutan tarik balik/pulang balik duti/cukai kastam, bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh kelulusan oleh Pengarah Kastam Negeri. Semakan Audit terhadap 472 tuntutan yang telah diluluskan pada tahun 2008 hingga 2010 mendapati 118 (25%) tuntutan telah lewat dibayar antara 23 hari hingga 10 bulan.

51.2.5. Perintah Tetap Kastam Bil.14 Tahun 1997 menetapkan bahawa tindakan susulan ke atas tuntutan tarik balik di bawah Seksyen 99 Akta Kastam 1967 perlu diselesaikan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh pembayaran sehingga fail ditutup. Pegawai dari Cawangan Perindustrian dikehendaki membuat verifikasi, memeriksa penyata pengiraan tuntutan dan mengesahkan catatan dalam rekod tuntutan dengan mengadakan lawatan ke kilang. Semakan Audit terhadap 200 fail tuntutan tarik balik mendapati berlaku 136 kes kelewatan verifikasi oleh Cawangan Perindustrian iaitu melebihi tempoh 2 bulan selepas tarikh pembayaran dan tempoh kelewatan adalah antara 8 hari hingga 13 bulan. Selain itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada verifikasi telah dijalankan di Wilayah Persekutuan bagi 16 fail kerana rekod tidak kemas kini dan tiada catatan tarikh fail ditutup.

51.3. Bagi tujuan penambahbaikan serta memantapkan pengurusan aktiviti tersebut, adalah disyorkan supaya Jabatan Kastam dapat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

51.3.1. Mengambil tindakan untuk mengutip balik bayaran yang telah dibuat kepada syarikat yang melanggar syarat tuntutan. Pihak Jabatan perlu menjalankan siasatan dalaman agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil terhadap pegawai yang terlibat di dalam proses meluluskan tuntutan pulang balik/tarik balik cukai/duti kastam yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

51.3.2. Bagi meningkatkan prestasi pemprosesan tuntutan, adalah disarankan Jabatan Kastam mengambil tindakan seperti berikut:

a. Memastikan semua pegawai terlibat diberi latihan yang sewajarnya.

b. Mengkaji beban tugas pegawai di semua stesen dan menyesuaikan perjawatan sedia ada mengikut keperluan di stesen berkenaan.

c. Menetapkan norma masa untuk setiap peringkat pemprosesan tuntutan di setiap unit/bahagian di semua negeri bermula dari tarikh permohonan sehingga ke tarikh pembayaran supaya punca kelewatan dapat dikesan.

d. Kelewatan pembayaran tuntutan tarik balik/pulang balik duti/cukai kastam diambil perhatian yang serius oleh pihak Jabatan dengan mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

52. KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

- ***Pengurusan Kontrak Berpenggal Bagi Kerja Penyenggaraan Sungai Dan Jalan Di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur***

52.1. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mula melaksanakan kontrak berpenggal pada tahun 1993 bertujuan untuk melicinkan pelaksanaan kerja Penyenggaraan Sungai Dan Jalan Di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Melalui kontrak berpenggal, beberapa kontraktor akan dilantik melalui tender terbuka untuk menjalankan kerja di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengikut pengagihan kerja dan kawasan Parlimen. Antara kerja yang terlibat ialah penyenggaraan sungai, penyenggaraan jalan dan kerja awam yang lain. Tempoh kontrak yang berkuat kuasa ialah antara 2 hingga 3 tahun. Semasa membuat tawaran tender bagi kerja tersebut, DBKL akan menetapkan nilai kontrak berasaskan had siling. Kontraktor akan menawarkan kadar peratusan naik/turun berdasarkan Jadual Kadar Harga yang disediakan.

52.2. Bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Januari 2010, seramai 72 kontraktor telah dilantik di bawah kontrak berpenggal untuk menjalankan kerja penyenggaraan sungai dan jalan yang melibatkan anggaran kontrak bernilai RM318 juta. Pengurusan kerja penyenggaraan sungai adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Saliran Dan Pengurusan Sungai (JSPS) manakala penyenggaraan jalan di bawah Jabatan Kerja Awam (JKA).

52.3. Setelah kontrak berpenggal sedia ada tamat tempohnya iaitu pada bulan Mei 2009 dan bulan Januari 2010 bagi kerja penyenggaraan sungai dan jalan masing-masingnya, DBKL tidak lagi menggunakan kaedah kontrak berpenggal untuk kedua-dua kerja penyenggaraan tersebut. Bagi kerja penyenggaraan sungai, perolehan kerja dibuat melalui tender terbuka dari setahun ke setahun. Bagi penyenggaraan jalan pula, kerja berskala besar yang bernilai melebihi RM500,000, tender terbuka dipelawa di kalangan kontraktor Bumiputera yang berkelayakan kelas D dan ke atas. Manakala bagi kerja berskala kecil, ia dijalankan sama ada melalui sebut harga, kerja undi atau dilaksanakan oleh Pekerja Am (tenaga jabatan) DBKL.

52.4. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2010 untuk menilai sama ada pengurusan kontrak berpenggal bagi kerja penyenggaraan sungai dan jalan telah dibuat dengan cekap dan berhemat mendapati perkara berikut:

52.4.1. Pelantikan kontraktor berpenggal dibuat oleh Lembaga Perolehan 1, DBKL yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor untuk kerja penyenggaraan sungai dan jalan bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Januari 2010 telah dibuat secara tender terbuka kepada kontraktor bumiputera yang berkelayakan kelas C ke atas. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 72 (12.3%) kontraktor telah dilantik berbanding dengan sebanyak 585

kontraktor yang menyertai tawaran tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati justifikasi Lembaga Perolehan DBKL bagi menyokong keputusannya dalam pelantikan kontraktor tersebut tidak disediakan. *Berdasarkan maklum balas daripada DBKL, jumlah kontraktor yang dilantik adalah terpulang kepada Lembaga Perolehan DBKL berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang disediakan.*

52.4.2. Mengikut syarat kontrak, semua arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa kepada kontraktor hendaklah secara bertulis dan apa-apa arahan secara lisan tidak boleh dikuatkuasakan. Prosedur kerja juga menetapkan Borang Tempahan hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor sebelum sesuatu kerja dijalankan. Semakan Audit terhadap 26 Borang Tempahan mendapati, ia hanya dikeluarkan antara 1 hingga 6 bulan setelah kerja disiapkan. Mengikut penjelasan pegawai DBKL, kontraktor telah diberi arahan kerja secara lisan dan berpandu kepada lukisan/lakaran kasar sahaja untuk melaksanakan kerja berkenaan dan pengukuran sebenar dibuat selepas selesai kerja atau semasa hendak mengesahkan pembayaran kepada kontraktor. Ini adalah kerana Jabatan perlu melaksanakan kerja dengan segera terutama kes-kes aduan atau kecemasan.

52.4.3. Semakan Audit selanjutnya terhadap 8 Borang Siap Kerja mendapati, sungguhpun Juruteknik JKA telah mengesahkan kerja siap pada sesuatu tarikh, namun Jurutera yang bertanggungjawab hanya membuat perakuan selepas 6 hingga 11 bulan dari tarikh pengesahan kerja oleh Juruteknik tersebut untuk tujuan pembayaran. Memandangkan bayaran akhir yang dibuat adalah berdasarkan ukuran sebenar dan jadual harga yang ditetapkan, masa yang terlalu lama diambil oleh Jurutera boleh menimbulkan keraguan sama ada bayaran yang telah dibuat adalah setaraf dengan kuantiti dan kualiti kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor berkenaan.

52.5. Sungguhpun berlaku perubahan dalam kaedah pelantikan kontraktor bagi kerja penyenggaraan sungai dan jalan, namun bagi mempertingkatkan kaedah pelantikan dan pemantauan kerja kontraktor sedia ada terhadap kerja tersebut, DBKL adalah disyorkan supaya melaksanakan perkara berikut:

52.5.1. Bagi menjamin ketelusan dalam pelantikan kontraktor, segala pendapat dan justifikasi yang diberi oleh Lembaga Perolehan DBKL untuk menyokong keputusan pelantikan kontraktor perlu direkod dan diminitkan.

52.5.2. Borang Tempahan juga perlu dikeluarkan sebelum sesuatu kerja dilaksanakan untuk memudahkan pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik.

54.5.3. Masa yang lama diambil oleh jurutera untuk membuat perakuan kerja penyenggaraan jalan bagi tujuan pembayaran perlu dikaji semula.

53. KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

- *Projek Perumahan Rakyat Kg. Kiansom, Inanam Dan Bukit Padang, Kota Kinabalu*

53.1. Projek Perumahan Rakyat (PPR) adalah bertujuan untuk menyediakan perumahan kepada penduduk tempatan. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (Kementerian) telah melaksanakan beberapa projek PPR di negeri Sabah, antaranya PPR Kg. Kiansom dan Bukit Padang, Kota Kinabalu. Lojingki Holdings Sdn. Bhd. telah dilantik secara rundingan terus untuk melaksanakan PPR Kg. Kiansom secara reka dan bina dengan kontrak bernilai RM57.95 juta. Tempoh pelaksanaan projek menyiapkan 1,000 unit rumah pangsa adalah 30 bulan iaitu dari 28 Julai 2003 hingga 27 Januari 2006. Selain itu, Kementerian juga menandatangani perjanjian jual beli dengan Sabapride Sdn. Bhd. pada 14 November 2002 untuk membeli sebanyak 775 unit rumah pangsa di Bukit Padang, Kota Kinabalu. Kos perolehan ini adalah berjumlah RM46.35 juta dan tempoh serahan rumah adalah 24 bulan iaitu pada 13 November 2004.

53.2. Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan PPR Kg. Kiansom dan perolehan rumah pangsa untuk PPR Bukit Padang telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan. Semakan terhadap rekod dan dokumen yang berkaitan telah dijalankan di Cawangan Pelaksanaan Dan Penyelenggaraan Projek Wilayah Sabah Dan Sarawak di Kota Kinabalu. Di samping itu, lawatan fizikal juga dijalankan bagi meninjau pelaksanaan projek dan menemu bual pegawai yang bertanggungjawab. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian adalah seperti berikut:

53.2.1. Mengikut syarat kontrak, PPR Kg. Kiansom perlu disiapkan pada 27 Januari 2006. Walaupun kontraktor telah diluluskan 4 lanjutan masa sebanyak 750 hari iaitu sehingga 15 Februari 2008, projek masih gagal disiapkan di mana peratus penyiapan hanya 51.1%. Oleh itu, perkhidmatan kontraktor telah ditamatkan pada 19 Februari 2008 selepas RM29.58 juta dibayar. Bagaimanapun, kontraktor penyelamat (Afie Enterprise Sdn. Bhd.) hanya dilantik dengan nilai kontrak berjumlah RM48.89 juta melalui tender terhad pada 4 Ogos 2009 iaitu selepas 18 bulan dari tarikh perkhidmatan kontraktor asal ditamatkan. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, antara faktor kelewatan pelantikan kontraktor penyelamat ini adalah tempoh menunggu keputusan hasil Ujian Ketahanan Struktural yang dijalankan oleh Kumpulan IKRAM untuk menentukan kaedah dan skop kerja yang terlibat sebelum arahan kerja dikemukakan kepada kontraktor. Pemeriksaan secara terperinci perlu dilaksanakan oleh perunding-perunding untuk menentukan sama ada kerja-kerja yang bukan berkaitan struktur masih boleh diguna pakai serta diteruskan untuk pembinaan.*

53.2.2. Mengikut syarat kontrak, kontraktor penyelamat perlu menyiapkan PPR Kg. Kiansom pada 23 Ogos 2011, namun setakat akhir tahun 2010, kemajuan kerja

fizikal hanya 43.1% berbanding kemajuan kerja yang dirancang iaitu 56.1%. Akibat kegagalan kontraktor asal menyiapkan projek ini dan pelantikan kontraktor penyelamat, pihak Audit mendapati kos projek telah meningkat sebanyak RM20.52 juta atau 35.4% iaitu daripada RM57.95 juta kepada RM78.47 juta. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian telah menuntut kos kerugian berjumlah RM34.07 juta daripada kontraktor asal. Bagaimanapun, surat berdaftar tuntutan telah dikembalikan dan pihak Kementerian sedang berusaha mengesan Lembaga Pengarah Syarikat bagi tujuan tuntutan ganti rugi.*

53.2.3. Mengikut klausa Perjanjian Jual Beli (Tanah dan Bangunan), PPR Bukit Padang sepatutnya siap pada 13 November 2004. Bagaimanapun, projek ini gagal disiapkan pada tarikh tersebut dan pihak pemaju telah diluluskan 6 lanjutan masa selama 48 bulan iaitu sehingga 14 November 2008. Antara sebab lanjutan masa diluluskan adalah keadaan tanah yang tidak stabil pada sebahagian daripada tapak kerja penimbusan, jajaran jalan masuk yang lewat mendapat kelulusan pihak berkuasa, kekurangan bahan binaan dan kelewatan dalam proses pengambilan tanah untuk jalan masuk ke kawasan projek. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2010, kemajuan kerja fizikal hanya 83.9% dan sejumlah RM38.32 juta telah dibayar. Sehubungan itu, Kementerian juga telah mengeluarkan 5 surat amaran kepada pemaju pada bulan Februari 2008 hingga Februari 2010.

53.2.4. Berdasarkan kepada klausa Perjanjian Jual Beli, pihak pemaju boleh dikenakan *Liquidated And Ascertained Damages* sekiranya lewat menyerahkan rumah pangsa yang dibeli. Mengikut perkiraan Audit, pihak pemaju boleh dikenakan denda sebanyak RM9.86 juta (RM12,697.26 sehari) untuk tempoh kelewatan selama 777 hari (dari 15 November 2008 hingga 31 Disember 2010). Semakan Audit selanjutnya mendapati pemaju telah dikenakan perintah penggulungan oleh Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 28 Januari 2010. *Berdasarkan maklum balas Kementerian, surat penamatan perjanjian telah dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian pada 7 April 2011 dan bon pelaksanaan berjumlah RM2.32 juta telah dirampas.*

53.3. Bagi tujuan penambahbaikan serta memantapkan pengurusan pembinaan PPR dan perolehan rumah pangsa sebagai PPR, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan seperti berikut:

53.3.1. Memastikan tindakan segera diambil apabila sesuatu projek menghadapi masalah kelewatan yang serius.

53.3.2. Memastikan pemantauan yang rapi dan berterusan supaya projek dilaksanakan mengikut jadual, syarat yang telah ditetapkan dipatuhi dan objektif projek dapat dicapai.

53.3.3. Memastikan usaha berterusan diambil bagi menuntut balik ganti rugi daripada kontraktor asal PPR Kg. Kiansom dan pemaju PPR Bukit Padang.

54. KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
Jabatan Kerajaan Tempatan
- *Program Pembangunan Kampung Tradisional Dan Tersusun*

54.1. Program Pembangunan Kampung Tradisional Dan Tersusun adalah untuk membantu, membimbing dan menggalakkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merancang, mengawal dan melaksanakan projek infrastruktur, kemudahan awam dan sosio-ekonomi di kawasan Penempatan Tradisional Dan Tersusun (PTT). Selain itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan taraf sosial ekonomi penduduk ke arah pembentukan masyarakat makmur, sejahtera dan berdaya maju. Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) telah memperuntukkan sejumlah RM245 juta bagi melaksanakan program ini. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (Kementerian) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) bertanggungjawab menguruskan permohonan dan pengagihan peruntukan, manakala PBT/Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) pula bertindak sebagai agensi pelaksana. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, sejumlah 2,266 projek telah dilaksanakan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM178.19 juta atau 97.6% berbanding peruntukan berjumlah RM182.67 juta. Dari segi perbelanjaan, pada pendapat Audit ini adalah satu pencapaian yang sangat baik. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 54.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM
PEMBANGUNAN KAMPUNG TRADISIONAL DAN TERSUSUN

TAHUN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
2008	688	51.10	48.81	95.5
2009	671	60.00	58.98	98.3
2010	907	71.57	70.40	98.4
JUMLAH	**2,266**	**182.67**	**178.19**	**97.6**

54.2. Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pembangunan kampung tradisional dan tersusun telah dilaksanakan dengan teratur, cekap serta mencapai objektif yang ditetapkan. Semakan terhadap rekod dan dokumen berkaitan telah dijalankan di peringkat Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan, 9 pejabat PBT di 3 negeri iaitu Pahang, Johor dan Negeri Sembilan serta 98 projek yang dipilih. Bagaimanapun, JKT telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan JKT/agensi pelaksana adalah seperti di perenggan berikut:

54.2.1. Tempoh tanggungan polisi insurans liabiliti awam yang dikemukakan bagi 11 projek yang dilaksanakan dan diselia oleh PBT hanya meliputi tempoh kontrak dan tidak meliputi tempoh tanggungan yang ditetapkan. Selepas teguran Audit, tempoh tanggungan polisi bagi 2 projek masing-masing dilaksanakan oleh Majlis

Perbandaran Seremban dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan telah disambung mengikut peraturan yang ditetapkan manakala 9 projek telah pun tamat tempoh tanggungan polisi.

54.2.2. Mengikut garis panduan program, skop kerja projek pembangunan infrastruktur adalah meliputi jalan, longkang, lampu jalan dan lampu simpang. Semakan Audit mendapati Majlis Daerah Yong Peng telah menggunakan peruntukan program pembangunan kampung tradisional dan tersusun untuk membina papan tanda nama jalan dan memasang pagar/pintu pagar. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan perubahan skop kerja ini telah mendapat kelulusan daripada JKT.

54.2.3. Enam projek pembinaan longkang bernilai RM799,551 di 5 PBT telah disiapkan pada tahun 2009 namun kerja penyenggaraan terhadap longkang tersebut tidak dilaksanakan oleh PBT **(Jadual 54.2)**. Kegagalan menjalankan kerja penyenggaraan telah mengakibatkan longkang berkenaan diliputi rumput dan semak samun serta tidak dapat berfungsi dengan sempurna. Pada 8 Julai 2010, JKT telah mengeluarkan Garis Panduan Permohonan Peruntukan Projek BP.1 dan BP.6 Tahun 2011 yang menetapkan pengurusan aset serta penyenggaraan bagi projek yang telah disiapkan adalah di bawah tanggungjawab PBT. *Mengikut maklum balas JKT, sejumlah RM12.51 juta telah diberikan sebagai geran tahunan kepada 5 PBT berkenaan untuk tahun 2009 dan 2010 masing-masing bagi kegunaan belanja mengurus PBT berkenaan dan sebahagiannya boleh digunakan untuk tujuan menyenggara projek yang telah dilaksanakan.*

JADUAL 54.2
KERJA PENYENGGARAAN TIDAK DILAKSANAKAN TERHADAP 6 PROJEK PEMBINAAN LONGKANG YANG TELAH DISIAPKAN PADA TAHUN 2009

NEGERI	NAMA PBT/ AGENSI	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
Kelantan	MD Tanah Merah	Membina Dan Menyiapkan Longkang Jenis "U" Berserta Tutup Di Bangunan Pusat Sumber Dan Perpustakaan Desa, Pekan Gual Ipoh, Tanah Merah	60,000
	MD Ketereh	Membekal Dan Memasang Longkang "V18" Tepi Jalan Ketereh / Melor Depan Sekolah Menengah Padang Raja Ke Longkang Sg. Melor Sepanjang 750m	167,765
Johor	MP Batu Pahat	Menaiktaraf Longkang Di Kampung Solok Wan Moh, MP Batu Pahat	149,022
		Menaiktaraf Longkang Konkrit Di Kampung Solok Wan Moh, Batu Pahat (Fasa 2)	148,000
	MD Yong Peng	Menaiktaraf Parit Konkrit Di Kg. Parit Awang, Yong Peng	184,000
Negeri Sembilan	MP Seremban	Menaiktaraf Longkang Dan Yang Berkaitan Di Kampung Jiboi Baru, Mukim Empangan, Seremban	90,764
JUMLAH			**799,551**

Nota: ***MD - Majlis Daerah*** ***MP - Majlis Perbandaran***

54.2.4. Pihak Audit telah melawat Projek Menaik Taraf Dan Membina Gelanggang Badminton/Sepak Takraw Di Sebelah Pusat Sumber/Perpustakaan Desa Berhampiran Jalan Gual Ipoh Dan Jalan Blok Ulu Kusial, Tanah Merah, Kelantan dan projek Kerja Membekal Dan Memasang 4 Batang Tiang (Spotlight, Metal Halide)

Di Gelanggang Badminton/Sepak takraw Bersebelahan Pusat Sumber/Perpustakaan Desa Berhampiran Jalan Gual Ipoh Dan Jalan Blok Ulu Kusial, Tanah Merah, Kelantan. Adalah didapati gelanggang yang telah disiapkan dengan kos keseluruhan berjumlah RM40,000 tidak boleh digunakan secara berterusan kerana terdapat mendapan pasir di kawasan gelanggang setiap kali selepas hujan. Perkara ini berlaku disebabkan tapak gelanggang berada di bawah paras jalan.

PROJEK : MENAIK TARAF DAN MEMBINA GELANGGANG BADMINTON/SEPAK TAKRAW DI SEBELAH PUSAT SUMBER/ PERPUSTAKAAN DESA BERHAMPIRAN JALAN GUAL IPOH DAN JALAN BLOK ULU KUSIAL, TANAH MERAH, KELANTAN

GAMBAR 54.1



Majlis Daerah Tanah Merah
- Keadaan Gelanggang Yang Dipenuhi Pasir
(29.06.2010)

GAMBAR 54.2



Majlis Daerah Tanah Merah
- Anak Panah Menunjukkan Paras Air Pada Dinding Pusat Sumber/Pejabat Pos Setiap Kali Hujan Lebat
(29.06.2010)

54.3. Bagi meningkatkan prestasi pembangunan projek di bawah Program Pembangunan Kampung Tradisional Dan Tersusun supaya dapat mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan/Jabatan Kerajaan Tempatan/agensi pelaksana melaksanakan perkara seperti berikut:

54.3.1. Kementerian, JKT dan PBT/JPP perlu memandang serius isu polisi insurans liabiliti awam yang tidak meliputi tempoh tanggungan yang ditetapkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin sekiranya pihak kontraktor gagal mengambil tindakan pembaikan apabila berlaku kerosakan dalam tempoh kecacatan projek.

54.3.2. PBT perlu mematuhi semua peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa bagi memastikan projek dilaksanakan pada kos yang munasabah.

54.3.3. PBT perlu mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh JKT memandangkan peruntukan yang diberikan adalah khusus untuk pembangunan bagi penempatan kampung tradisional dan tersusun. Sekiranya terdapat keperluan bagi skop kerja selain daripada yang ditetapkan, ia perlu mendapat kelulusan JKT.

54.3.4. Kementerian dan JKT perlu memantau bagi memastikan semua projek yang dilaksanakan disenggarakan dengan teratur agar Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaannya serta mengambil tindakan tegas terhadap PBT yang tidak mematuhinya.

54.3.5. PBT perlu mengkaji dengan teliti setiap aspek terutamanya kesesuaian tapak bagi setiap cadangan pembinaan kemudahan awam bagi memastikan ia dapat digunakan secara optimum.

BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

55. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau negeri atau Agensi Kerajaan. Satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Sehingga akhir tahun 2010, sejumlah RM30.13 bilion telah dilaburkan dalam 55 syarikat di mana Kerajaan Persekutuan memegang lebih daripada 50% ekuitinya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 55.1
PEGANGAN EKUITI KERAJAAN DALAM SYARIKAT YANG MELEBIHI 50%

SEKTOR	BIL. SYARIKAT	PEGANGAN EKUITI	
		(RM Juta)	(%)
Ekonomi	21	13,546.29	52 – 100
Sosial	12	2,421.02	91 – 100
Teknologi	13	8,064.71	74 – 100
Infrastruktur	9	6,101.05	100
JUMLAH	**55**	**30,133.07**	

56. PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SECARA KESELURUHAN

56.1. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai tahap prestasi kewangan syarikat dan menentukan sama ada pelaburan Kerajaan dalam syarikat tersebut diuruskan dengan teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan. Pengauditan ini juga untuk menentukan sama ada pemantauan pengurusan syarikat oleh Bahagian Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan (Bahagian MKD), Kementerian Kewangan adalah cekap dan berkesan.

56.2. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan pelaburan Kerajaan dalam 47 syarikat dengan pegangan ekuiti melebihi 50% di

Bahagian MKD, Kementerian Kewangan. Analisis data kewangan telah dijalankan berdasarkan data yang diperolehi daripada penyata kewangan yang telah diaudit bagi tempoh tahun kewangan 2007 hingga 2009. Baki 8 syarikat lagi tidak mempunyai maklumat yang mencukupi untuk membolehkan pihak Audit membuat analisis perbandingan terhadap prestasi kewangan secara tahunan kerana syarikat baru ditubuhkan/diambil alih oleh MKD atau menukar tahun kewangan.

56.3. PENEMUAN AUDIT

Semakan dan analisis Audit terhadap data kewangan 47 syarikat dalam penyata kewangan yang telah diaudit mendapati perkara seperti berikut:

56.3.1. Pendapatan Syarikat

56.3.1.1. Adalah didapati pendapatan syarikat bagi tahun 2009 meningkat sejumlah RM36.52 bilion (14%) menjadi RM297.67 bilion berbanding RM261.15 bilion pada tahun 2008. Jumlah pendapatan syarikat tahun 2008 dan 2009 mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.1
PENDAPATAN SYARIKAT KERAJAAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 DAN 2009 MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
			(RM Juta)	(%)
Ekonomi	227,506.23	268,513.33	41,007.10	18.0
Teknologi	31,330.00	26,346.75	(4,983.25)	(15.9)
Sosial	1,423.55	1,791.82	368.27	25.9
Infrastruktur	888.98	1,020.08	131.10	14.7
JUMLAH	**261,148.76**	**297,671.98**	**36,523.22**	**14.0**

56.3.1.2. Analisis Audit mendapati pendapatan 14 (29.8%) syarikat telah meningkat bagi 3 tahun berturut-turut. Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh syarikat ini adalah RM185.20 bilion pada tahun 2007 dan ianya meningkat kepada RM224.64 bilion pada tahun 2008 dan RM266.30 bilion pada tahun 2009. Manakala pendapatan bagi 8 (17%) syarikat pula mengalami penurunan bagi 3 tahun berturut-turut di mana jumlah pendapatannya adalah berjumlah RM35.98 bilion pada tahun 2007, kemudian menurun kepada RM31.94 bilion pada tahun 2008 dan RM26.39 bilion pada tahun 2009. Kedudukan pendapatan bagi syarikat berkenaan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.2
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI PENINGKATAN/PENURUNAN PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009


SYARIKAT	TAHUN		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI PENINGKATAN PENDAPATAN			
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	184,053.00	223,078.00	264,175.00
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	75.62	123.08	145.66
Halal Industry Development Sdn. Bhd.	4.72	6.09	6.41
Malaysia Debt Ventures Berhad	0.09	0.73	4.78
SEKTOR SOSIAL			
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	370.85	374.80	434.30
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	51.76	153.33	321.89
Pengurusan Aset Air Berhad	3.39	10.97	97.31
SEKTOR TEKNOLOGI			
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	237.61	265.59	268.20
Jaring Communications Sdn. Bhd.	102.08	115.25	124.54
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	94.02	99.41	107.09
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	31.35	36.96	44.56
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	40.26	204.19	221.13
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Assets Global Network Sdn. Bhd.	71.41	73.95	75.05
Syarikat Prasarana Negara Berhad	65.37	99.98	269.41
JUMLAH	**185,201.53**	**224,642.33**	**266,295.33**
SYARIKAT YANG MENGALAMI PENURUNAN PENDAPATAN			
SEKTOR EKONOMI			
FELCRA Berhad	2,185.27	1,423.32	1,377.94
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	140.53	137.30	122.11
Perbadanan Nasional Berhad	42.00	41.94	31.47
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	19.17	13.71	11.34
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	9.34	6.15	4.39
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	3.18	0.96	0.46
SEKTOR SOSIAL			
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	17.20	15.10	10.14
SEKTOR TEKNOLOGI			
Khazanah Nasional Berhad	33,558.97	30,303.15	24,833.04
JUMLAH	**35,975.66**	**31,941.63**	**26,390.89**

56.3.2. Keuntungan Sebelum Cukai

56.3.2.1. Pada tahun 2009, sebanyak 28 (59.6%) syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai berjumlah RM93.06 bilion seperti di **Carta 56.1**. Manakala 19 (40.4%) syarikat yang lain mengalami kerugian berjumlah RM0.71 bilion. Ini bermakna jumlah keuntungan sebelum cukai secara

keseluruhannya adalah berjumlah RM92.35 bilion. Jumlah ini menunjukkan penurunan sejumlah RM3.83 bilion berbanding keuntungan sebelum cukai sejumlah RM96.18 bilion secara keseluruhan pada tahun 2008.

CARTA 56.1
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI
SYARIKAT KERAJAAN BAGI TAHUN 2009



56.3.2.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati sektor ekonomi telah mencatat keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut. Manakala sektor infrastruktur telah mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.3
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

SEKTOR	TAHUN		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Ekonomi	77,406.50	96,914.70	89,699.97
Sosial	22.92	(147.21)	(57.91)
Teknologi	9,375.95	(286.62)	3,198.11
Infrastruktur	(253.05)	(303.99)	(486.22)
JUMLAH	**86,552.32**	**96,176.88**	**92,353.95**

56.3.2.3. Adalah didapati 21 (44.7%) syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai untuk tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM264.94 bilion. Manakala sebanyak 13 (27.7%) syarikat mengalami kerugian bagi tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM1.61 bilion. Syarikat yang memperolehi keuntungan atau mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.4
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI 3 TAHUN BERTURUT-TURUT BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

SYARIKAT	TAHUN		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI			
SEKTOR EKONOMI			
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	765.98	949.00	339.46
FELCRA Berhad	162.18	147.61	53.19
Amanah Raya Berhad	128.34	72.33	24.02
UDA Holdings Berhad	92.87	46.19	4.30
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	78.64	107.41	44.27
Petroliam Nasional Berhad	76,346.00	95,547.00	89,139.00
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	28.88	64.31	64.12
Prokhas Sdn. Bhd.	19.16	32.05	14.50
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	0.02	0.03	0.01
SEKTOR SOSIAL			
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	11.15	5.28	9.67
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	10.82	8.67	2.27
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	5.83	5.21	8.82
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	2.32	0.88	0.55
SEKTOR TEKNOLOGI			
Cyberview Sdn. Bhd.	243.51	35.80	79.33
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	37.61	27.04	42.42
Sirim Berhad	13.05	13.12	11.74
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	8.90	10.45	10.81
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	0.36	0.53	4.25
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
K.L International Airport Berhad	5.10	2.51	5.10
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	1.21	4.08	3.08
Penang Port Sdn. Bhd.	28.60	6.07	6.36
JUMLAH	**77,990.53**	**97,085.57**	**89,867.27**
JUMLAH BESAR	**264,943.37**		
SYARIKAT YANG MENGALAMI KERUGIAN			
SEKTOR EKONOMI			
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	(22.58)	(1.65)	(0.73)
Halal Industry Development Sdn. Bhd.	(8.73)	(13.80)	(14.57)
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	(8.90)	(14.12)	(21.10)
SEKTOR SOSIAL			
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(28.64)	(131.37)	(33.35)
Ninebio Sdn. Bhd.	(4.35)	(8.68)	(4.51)
Syarikat Perumahan Negara Berhad	(0.47)	(72.74)	(21.38)
SEKTOR TEKNOLOGI			
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	(10.29)	(12.86)	(17.63)
Jaring Communications Sdn. Bhd.	(14.70)	(10.95)	(9.38)
Profesional Service Development Corporation Sdn. Bhd.	(1.35)	(5.12)	(7.04)

SYARIKAT	TAHUN		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(22.76)	(17.11)	(41.05)
Syarikat Prasarana Negara Berhad	(183.37)	(214.96)	(367.12)
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(81.83)	(84.58)	(92.59)
Penang Port Holdings Berhad	*0.00	*0.00	*0.00
JUMLAH	**(387.97)**	**(587.94)**	**(630.45)**
JUMLAH BESAR	**(1,606.36)**		

Nota : ***(*) - Nilai RM Sebenar, Tahun 2007 : (RM1,572.00); Tahun 2008: RM1,700.00; Tahun 2009: RM1,600.00***

56.3.2.4. Analisis Audit selanjutnya mendapati antara punca syarikat mengalami kerugian adalah syarikat baru ditubuhkan dan belum menjana hasil daripada operasi; penubuhan syarikat bagi memenuhi kepentingan sosial atau sebagai *Special Purpose Vehicle* yang tidak bermotifkan keuntungan dan penurunan pendapatan serta jumlah hasil yang tidak dapat menampung perbelanjaan operasi.

56.3.3. Pegangan Aset

56.3.3.1. Aset yang dipegang oleh syarikat merupakan aset tetap dan semasa yang terdiri daripada hartanah dan peralatan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu, inventori, penghutang, tunai dan simpanan tetap. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan pegangan aset bagi 3 tahun berturut-turut daripada tahun 2007 yang berjumlah RM503.41 bilion kepada RM624.97 bilion pada tahun 2009. Pada tahun 2009, sejumlah RM435.12 bilion (69.6%) daripada jumlah aset tersebut adalah dimiliki oleh syarikat di bawah sektor ekonomi. Petroliam Nasional Berhad adalah merupakan syarikat Kerajaan yang mempunyai aset terbesar iaitu RM388.13 bilion. Pegangan aset syarikat mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.5
PEGANGAN ASET SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

SEKTOR	TAHUN		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Ekonomi	340,801.70	383,252.34	435,121.61
Sosial	10,491.35	14,330.15	19,698.29
Teknologi	125,140.64	123,708.17	129,708.00
Infrastruktur	26,976.53	32,352.06	40,439.99
JUMLAH	**503,410.22**	**553,642.72**	**624,967.89**

56.3.3.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati 18 (38.3%) syarikat telah menunjukkan peningkatan pegangan aset untuk 3 tahun berturut-turut manakala 6 (12.8%) syarikat mengalami penurunan secara berterusan bagi tempoh yang sama. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.6
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN PEGANGAN ASET BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

SYARIKAT	TAHUN		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN ASET			
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	294,639.00	339,273.00	388,129.00
Export-Import Bank Of Malaysia Berhad	5,521.33	5,537.80	5,723.42
FELCRA Berhad	3,251.28	3,519.34	3,738.21
Amanah Raya Berhad	1,232.95	1,601.32	1,791.78
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	210.82	257.00	287.31
Prokhas Sdn. Bhd.	85.37	110.99	126.13
SEKTOR SOSIAL			
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	5,253.10	5,567.38	5,891.71
Syarikat Perumahan Negara Berhad	1,839.23	2,618.82	3,432.81
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	797.40	798.80	215.29
IJN Holdings Sdn. Bhd.	587.60	808.89	930.84
Pengurusan Aset Air Berhad	102.10	2,476.05	7,141.96
SEKTOR TEKNOLOGI			
Cyberview Sdn. Bhd.	3,126.27	3,267.14	3,640.18
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	416.37	470.03	577.68
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	174.27	201.36	401.07
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	306.78	351.89	620.81
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Syarikat Prasarana Negara Berhad	10,203.99	11,298.58	13,242.92
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	1,077.37	6,203.41	13,265.06
Penang Port Sdn. Bhd.	872.13	1,097.41	1,542.66
JUMLAH	**329,697.36**	**385,459.21**	**450,698.84**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN PENGANGAN ASET			
SEKTOR EKONOMI			
UDA Holdings Berhad	1,826.59	1,711.63	1,702.38
SEKTOR TEKNOLOGI			
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	821.55	752.38	742.65
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	48.10	39.13	26.55
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
K.L International Airport Berhad	12,695.29	11,657.83	10,559.43
Keretapi Tanah Melayu Berhad	1,222.83	1,206.91	983.04
Assets Global Network Sdn. Bhd.	904.91	887.93	846.88
JUMLAH	**17,519.27**	**16,255.81**	**14,860.93**

56.3.4. Liabiliti Syarikat

56.3.4.1. Antara liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang syarikat Kerajaan adalah overdraf, pemiutang, deposit, pendahuluan dan pinjaman. Adalah didapati liabiliti bagi syarikat Kerajaan secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan sejumlah RM36.35 bilion (13.2%) menjadi RM311.11 bilion pada tahun 2009 berbanding RM274.76 bilion pada tahun 2008. Pada tahun 2009, syarikat Kerajaan di bawah sektor ekonomi mempunyai liabiliti yang tertinggi berjumlah RM161.81 bilion dan diikuti syarikat di bawah sektor teknologi yang mana jumlah liabilitinya adalah RM88.96 bilion. Liabiliti syarikat mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.7
LIABILITI SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

SEKTOR	TAHUN		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Ekonomi	136,991.52	143,984.04	161,805.18
Sosial	12,717.62	17,250.22	23,275.39
Teknologi	81,510.17	84,991.42	88,962.37
Infrastruktur	23,679.08	28,532.60	37,062.93
JUMLAH	**254,898.39**	**274,758.28**	**311,105.87**

56.3.4.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati liabiliti bagi 24 (51.1%) syarikat telah meningkat 3 tahun berturut-turut. Sebaliknya 7 (14.9%) syarikat menunjukkan penurunan liabiliti. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.8
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN LIABILITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

SYARIKAT	TAHUN		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN LIABILITI			
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	103,420.00	115,894.00	131,040.00
FELCRA Berhad	2,368.90	2,530.11	2,720.57
Amanah Raya Berhad	1,017.67	1,334.85	1,505.64
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	190.15	190.64	207.85
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	85.81	87.06	87.99
Perbadanan Nasional Berhad	43.08	44.63	59.62
Prokhas Sdn. Bhd.	9.25	13.83	18.72
SEKTOR SOSIAL			
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	5,176.06	5,463.79	5,787.14
Syarikat Perumahan Negara Berhad	1,848.23	2,700.56	3,535.92
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	1,620.98	1,747.84	1,856.49

SYARIKAT	TAHUN		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
IJN Holdings Sdn. Bhd.	185.80	382.99	527.16
Pengurusan Aset Air Berhad	0.18	2,064.92	6,728.38
SEKTOR TEKNOLOGI			
Khazanah Nasional Berhad	75,940.88	79,173.75	82,477.65
Cyberview Sdn. Bhd.	2,254.02	2,378.16	2,682.25
MIMOS Berhad	350.73	351.97	393.07
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	206.78	249.32	477.95
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	135.17	161.73	332.15
Jaring Communications Sdn. Bhd.	75.37	85.55	108.00
Profesional Service Development Corporation Sdn. Bhd. *	0.05	1.00	1.07
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Syarikat Prasarana Negara Berhad	7,218.25	7,708.01	10,020.70
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	1,036.16	6,158.12	13,216.69
Assets Global Network Sdn. Bhd.	1,032.83	1,032.95	1,032.95
Penang Port Sdn. Bhd.	511.10	706.70	1,097.17
Penang Port Holdings Sdn. Bhd.	*0.09	*0.09	*0.09
JUMLAH	**204,727.54**	**230,462.57**	**265,915.22**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN LIABILITI			
SEKTOR EKONOMI			
UDA Holdings Berhad	1,105.70	961.93	949.14
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	134.30	67.62	52.72
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	0.07	0.05	0.02
SEKTOR SOSIAL			
Ninebio Sdn. Bhd.	3.12	2.72	1.53
SEKTOR TEKNOLOGI			
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	731.18	654.99	639.10
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	24.20	14.67	12.99
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
K.L International Airport Berhad	12,325.60	11,280.47	10,176.97
JUMLAH	**14,324.17**	**12,982.45**	**11,832.47**

Nota : ***(*) - 2007 : RM87,283.00;*** ***2008 : RM88,981.00;*** ***2009 : RM90,583.00***

56.3.4.3. Sejumlah besar daripada liabiliti jangka panjang syarikat adalah merupakan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Analisis Audit mendapati dalam tempoh tahun 2007 hingga 2009, 18 daripada 47 (38.3%) syarikat mempunyai pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Baki pinjaman yang melibatkan 18 syarikat itu pada akhir tahun 2009 adalah berjumlah RM12.05 bilion berbanding baki pada akhir tahun 2008 berjumlah RM12.73 bilion iaitu pengurangan sejumlah RM0.68 bilion. Adalah didapati 7 syarikat menunjukkan peningkatan baki pinjaman belum selesai pada tahun 2009 berbanding tahun 2008. Hanya 3 syarikat yang menunjukkan penurunan baki pinjaman pada tahun 2009 berbanding tahun 2008. Manakala baki

pinjaman belum selesai bagi 5 syarikat tidak berubah dari tahun 2007 hingga 2009. Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. mempunyai baki pinjaman belum selesai tertinggi pada tahun 2009 iaitu RM3.53 bilion dan diikuti dengan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. yang berjumlah RM1.69 bilion. Kedudukan baki pinjaman syarikat yang belum selesai adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.9
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN SYARIKAT YANG BELUM SELESAI BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

SYARIKAT	TAHUN		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
SEKTOR EKONOMI			
Export-Import Bank Of Malaysia Berhad	1,978.22	-	-
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	965.19	1,190.81	1,172.52
FELCRA Berhad	513.55	548.25	603.54
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	350.00	418.00	524.00
UDA Holdings Berhad	285.42	285.42	285.42
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	190.00	190.00	237.50
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	72.00	72.00	72.00
Malaysia Debt Ventures Berhad	-	1,225.54	1,225.54
SEKTOR SOSIAL			
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	1,472.80	1,575.76	1,686.07
JKP Sdn. Bhd.	6.74	25.39	22.69
Syarikat Perumahan Negara Berhad	-	223.40	223.40
SEKTOR TEKNOLOGI			
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	4,588.80	4,588.80	3,529.48
Cyberview Sdn. Bhd.	566.47	576.68	624.34
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	460.00	460.00	460.00
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	393.29	382.75	392.10
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	145.00	14.43	31.43
MIMOS Berhad	76.00	76.00	76.00
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Keretapi Tanah Melayu Berhad	880.50	880.50	880.50
JUMLAH	**12,943.98**	**12,733.73**	**12,046.53**

Sumber: ***Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran, Kewangan Dan Aktuari***

56.3.5. Dana Pemegang Saham

56.3.5.1. Dana Pemegang Saham adalah merupakan modal yang dilaburkan oleh pemegang saham dan keuntungan/kerugian terkumpul syarikat. Prestasi sebuah syarikat dianggap baik sekiranya ia berjaya meningkatkan dana pemegang saham secara berterusan. Sehubungan ini, 23 (48.9%) syarikat menunjukkan peningkatan dana pemegang saham bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 manakala 9 (19.1%) syarikat mengalami penurunan dana secara berterusan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.10
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN DANA PEMEGANG SAHAM BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

SYARIKAT	TAHUN		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN DANA			
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	170,887.00	200,975.00	232,083.00
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	6,209.25	7,035.81	7,342.62
FELCRA Berhad	880.71	979.30	1,006.03
UDA Holdings Berhad	711.80	741.60	746.60
Amanah Raya Berhad	213.40	265.54	286.13
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	167.86	202.12	232.45
Prokhas Sdn. Bhd.	76.12	97.16	107.41
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	0.01	0.04	0.05
SEKTOR SOSIAL			
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	1,169.41	1,175.74	1,177.37
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	129.70	131.10	131.21
Pengurusan Aset Air Berhad	101.92	411.13	413.58
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	76.97	103.59	104.57
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	31.50	36.20	44.38
SEKTOR TEKNOLOGI			
Cyberview Sdn. Bhd.	872.25	889.00	957.93
SIRIM Berhad	260.12	264.97	271.92
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	90.38	97.39	103.55
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	39.10	39.63	68.91
Profesional Service Development Corporation Sdn. Bhd.	(1.98)	2.90	10.87
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	(75.00)	(6.34)	96.11
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	(5,225.25)	(4,953.71)	(3,173.51)
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Penang Port Sdn. Bhd.	375.92	399.06	447.01
K.L International Airport Berhad	369.69	377.36	382.46
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	41.21	45.29	48.37
JUMLAH	**177,402.09**	**209,309.88**	**242,889.02**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN DANA			
SEKTOR EKONOMI			
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	194.84	181.09	160.60
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	(53.32)	(54.97)	(55.70)
SEKTOR SOSIAL			
Syarikat Perumahan Negara Berhad	(26.60)	(81.73)	(103.12)
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(455.78)	(587.14)	(620.25)
SEKTOR TEKNOLOGI			
MIMOS Berhad	85.94	54.20	49.82
Jaring Communications Sdn. Bhd.	39.26	28.46	19.09
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(127.91)	(145.02)	(186.07)
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(332.26)	(439.13)	(535.37)
Penang Port Holdings Berhad	*(0.09)	*(0.09)	*(0.09)
JUMLAH	**(675.92)**	**(1,044.33)**	**(1,271.09)**

Nota: ***(*) - 2007 : RM87,283.00; 2008 : RM88,981.00; 2009 : RM90,583.00***

56.3.5.2. Analisis selanjutnya mendapati 7 syarikat telah mengalami ketidakcukupan dana pemegang saham bagi tempoh 3 tahun berturut-turut. Jumlah ketidakcukupan dana bagi syarikat yang terlibat telah meningkat daripada RM6.22 bilion pada tahun 2007 kepada RM6.26 bilion pada tahun 2008 dan tahun 2009 pula menurun sejumlah RM4.67 bilion. Syarikat yang terlibat adalah Perwaja Terengganu Sdn. Bhd., Kedah Aquaculture Sdn. Bhd., Syarikat Perumahan Negara Berhad, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., Assets Global Network Sdn. Bhd.; Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Penang Port Holdings Berhad. Ketidakcukupan dana bagi Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. antara lain adalah disebabkan oleh tanggungjawab sosialnya untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat pada kadar yang telah dipersetujui oleh Kerajaan.

56.3.6. Pulangan Ke Atas Ekuiti

56.3.6.1. Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Didapati 18 (38.3%) syarikat menunjukkan pulangan ke atas ekuiti yang positif 3 tahun berturut-turut, manakala 18 (38.3%) lagi menunjukkan pulangan ke atas ekuiti yang negatif 3 tahun berturut-turut.

56.3.6.2. Bagi tahun 2009, didapati syarikat Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. menunjukkan pulangan ke atas ekuiti yang tertinggi iaitu sebanyak 35%, seterusnya syarikat Petroliam Nasional Berhad iaitu sebanyak 25.5%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.11
KEDUDUKAN PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

SYARIKAT	TAHUN		
	2007 (%)	2008 (%)	2009 (%)
SEKTOR EKONOMI			
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	219.2	82.7	24.6
Amanah Raya Berhad	52.2	21.1	7.8
Petroliam Nasional Berhad	30.5	33.5	25.5
Prokhas Sdn. Bhd.	18.7	23.2	11.3
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	12.8	13.0	4.4
FELCRA Berhad	12.0	11.2	3.2
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	11.6	24.1	20.1
UDA Holdings Berhad	9.1	3.9	(0.9)
Perbadanan Nasional Berhad	5.6	(3.1)	2.0
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	4.3	5.6	2.4
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	(1.1)	(18.1)	(62.5)
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	(4.6)	(7.8)	(13.2)
Export-Import Bank Of Malaysia Berhad	(6.0)	0.6	1.2

SYARIKAT	TAHUN		
	2007 (%)	2008 (%)	2009 (%)
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	(42.4)	(3.0)	(1.3)
Halal Industry Development Sdn. Bhd.	(56.2)	(19.2)	(25.5)
Malaysia Debt Ventures Berhad	(129.0)	(23.6)	(20.9)
SEKTOR SOSIAL			
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	17.1	14.1	19.6
JKP Sdn. Bhd.	8.0	1.2	(4.1)
IJN Holdings Sdn. Bhd.	3.4	5.7	(4.3)
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	1.1	1.1	0.1
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	0.7	0.5	0.1
Pengurusan Aset Air Berhad	(0.4)	0.6	0.6
Syarikat Perumahan Negara Berhad	(0.9)	(89.0)	(20.7)
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(6.1)	(22.4)	(5.3)
Ninebio Sdn. Bhd.	(21.1)	(23.5)	(13.9)
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	(22.3)	1.5	0.9
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	(100.1)	(87.2)	(62.2)
SEKTOR TEKNOLOGI			
Cyberview Sdn. Bhd.	27.9	4.0	8.3
Khazanah Nasional Berhad	25.6	(3.0)	4.7
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	9.8	9.5	9.2
SIRIM Berhad	2.7	2.2	2.9
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	0.9	1.3	6.2
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	(0.03)	(0.02)	(56.1)
MIMOS Berhad	(1.2)	(65.6)	(8.4)
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	(7.1)	(9.7)	(10.8)
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	(12.1)	2.3	(80.3)
Jaring Communications Sdn. Bhd.	(35.4)	(37.9)	(49.1)
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	(39.7)	(324.0)	35.0
Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd.	(68.3)	(176.3)	(64.8)
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	(84.1)	(47.2)	19.5
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Penang Port Sdn. Bhd.	6.1	5.8	17.2
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	2.9	9.00	6.4
K.L International Airport Berhad	1.4	2.0	1.3
Penang Port Holdings Berhad	(1.8)	(1.9)	(1.8)
Syarikat Prasarana Negara Berhad	(6.1)	(7.8)	(11.4)
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(17.8)	(11.8)	(22.1)
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(24.8)	(19.9)	(18.0)

56.3.7. Nisbah Hutang Ke Atas Ekuiti

Nisbah Hutang Ke Atas Ekuiti adalah perbandingan di antara hutang iaitu liabiliti jangka panjang syarikat dengan pegangan ekuiti syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin tinggi kebergantungan kepada hutang bagi menampung perbelanjaan syarikat. Adalah didapati pada tahun 2009, syarikat K.L International Airport Berhad, Pembinaan PFI Sdn. Bhd. dan Pembinaan BLT Sdn. Bhd. mempunyai nisbah hutang yang paling tinggi iaitu antara 23.76 hingga 273.26 kali menunjukkan

kebergantungan syarikat kepada hutang bagi menanggung operasinya lebih tinggi daripada ekuiti. Manakala 8 (18.2%) syarikat iaitu Perwaja Terengganu Sdn. Bhd,. Kedah Aquaculture Sdn. Bhd., Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd., Sepang International Circuit Sdn. Bhd., Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., Syarikat Perumahan Negara Berhad, Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Assets Global Network Sdn. Bhd. mempunyai **nisbah hutang ke atas ekuiti negatif dalam tempoh 3 tahun berturut-turut. Ini menunjukkan syarikat tidak mempunyai dana pemegang saham yang mencukupi (insolvent) dan bergantung kepada hutang untuk menanggung keseluruhan perbelanjaan operasi/am/ pentadbiran syarikat.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.12
KEDUDUKAN NISBAH HUTANG KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

SYARIKAT	TAHUN		
	2007 (Kali)	2008 (Kali)	2009 (Kali)
SEKTOR EKONOMI			
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	8.42	0.97	0.37
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	1.28	1.40	3.11
FELCRA Berhad	1.18	1.11	1.21
Amanah Raya Berhad	1.16	0.94	1.12
UDA Holdings Berhad	1.10	0.80	0.80
Petroliam Nasional Berhad	0.29	0.26	0.27
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	0.07	0.05	0.04
Halal Industry Development Sdn. Bhd.	0.03	0.00	0.00
Prokhas Sdn. Bhd.	0.02	0.04	0.04
Perbadanan Nasional Berhad	0.00	0.00	0.00
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	0.00	0.00	0.00
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	(1.24)	(1.10)	(0.99)
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	(3.84)	(2.51)	(8.21)
SEKTOR SOSIAL			
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	65.66	50.82	52.44
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	2.91	3.74	3.74
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	0.60	0.31	0.33
IJN Holdings Sdn. Bhd.	0.27	0.58	0.88
JKP Sdn. Bhd.	0.05	0.08	0.08
Ninebio Sdn. Bhd.	0.03	0.00	0.00
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	0.03	0.03	0.03
Pengurusan Aset Air Berhad	0.00	4.92	11.95
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	(0.01)	(0.03)	(0.01)
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(3.24)	(2.69)	(2.73)
Syarikat Perumahan Negara Berhad	(194.85)	(23.57)	(27.59)
SEKTOR TEKNOLOGI			
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	(1.07)	(1.08)	(1.11)
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	7.88	6.50	5.93
MIMOS Berhad	3.57	5.46	5.37

SYARIKAT	TAHUN		
	2007 (Kali)	2008 (Kali)	2009 (Kali)
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	3.25	3.06	3.66
SIRIM Berhad	2.62	2.68	2.58
Cyberview Sdn. Bhd.	2.19	2.19	2.22
Khazanah Nasional Berhad	1.05	1.44	1.52
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	1.00	1.10	0.91
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	0.35	0.30	0.21
Jaring Communications Sdn. Bhd.	0.16	0.16	0.15
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00
Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.01
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	(2.74)	(29.17)	2.26
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
K.L International Airport Berhad	30.26	26.92	23.76
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	25.13	135.97	273.26
Syarikat Prasarana Negara Berhad	1.71	1.98	2.98
Penang Port Sdn. Bhd.	0.72	0.78	1.80
Penang Port Holdings Berhad	0.00	0.00	0.00
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(0.57)	(0.45)	(1.97)
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(7.91)	(6.98)	(5.44)

Nota: ***Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad dan Malaysia Debt Ventures Berhad tidak diambil kira ke dalam sampel Nisbah Hutang Ke Atas Ekuiti kerana tiada pengasingan jelas antara liabiliti jangka panjang dan jangka pendek syarikat.***

56.3.8. Pembayaran Cukai Kepada Kerajaan

56.3.8.1. Pada tahun 2009, sebanyak 25 daripada 47 Syarikat Kerajaan telah membayar cukai berjumlah RM30.38 bilion kepada Kerajaan. Syarikat daripada sektor ekonomi membayar RM30.16 bilion (99.3%) daripada jumlah cukai tersebut. Adalah didapati Petroliam Nasional Berhad membayar jumlah cukai terbesar iaitu RM78.14 bilion bagi tahun 2007 hingga 2009. Cukai yang dibayar pada tahun 2009 meningkat sebanyak 20.1% atau sejumlah RM5.09 bilion menjadi RM30.38 bilion berbanding RM25.29 bilion pada tahun 2008. Jumlah cukai yang dibayar kepada Kerajaan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.13
CUKAI YANG DIBAYAR KEPADA KERAJAAN
MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

SEKTOR	TAHUN		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Ekonomi	23,195.61	25,254.07	30,155.94
Sosial	11.43	10.62	8.35
Teknologi	62.44	20.67	215.92
Infrastruktur	15.82	9.44	2.21
JUMLAH	**23,285.30**	**25,294.80**	**30,382.42**

56.3.8.2. Analisis seterusnya mendapati 20 syarikat telah membayar cukai kepada Kerajaan berjumlah RM78.67 bilion bagi 3 tahun berturut-turut seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.14
SYARIKAT YANG MEMBAYAR CUKAI 3 TAHUN BERTURUT-TURUT
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

SYARIKAT	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	
SEKTOR EKONOMI				
Petroliam Nasional Berhad	23,064.00	25,064.00	30,015.00	78,143.00
FELCRA Berhad	47.77	53.26	12.69	113.72
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	38.45	71.76	42.78	152.99
UDA Holdings Berhad	23.77	19.42	14.71	57.90
Amanah Raya Berhad	11.07	15.75	15.44	42.26
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	7.46	12.12	21.05	40.63
Prokhas Sdn. Bhd.	2.90	6.97	7.64	17.51
Perbadanan Nasional Berhad	0.16	1.17	0.76	2.09
SEKTOR SOSIAL				
IJN Holdings Sdn. Bhd.	7.12	6.39	5.73	19.24
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	3.06	3.05	1.27	7.38
JKP Sdn. Bhd.	0.73	0.73	1.06	2.52
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	0.08	0.11	0.17	0.36
SEKTOR TEKNOLOGI				
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	5.57	12.74	13.52	31.83
SIRIM Berhad	5.54	5.18	10.04	20.76
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	0.73	0.92	0.86	2.51
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	0.41	1.66	1.26	3.33
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	0.07	0.02	0.04	0.13
Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd.	*0.00	*0.00	*0.00	*0.00
SEKTOR INFRASTRUKTUR				
Keretapi Tanah Melayu Berhad	1.07	2.50	1.25	4.82
Syarikat Prasarana Negara Berhad	1.43	0.72	0.95	3.10
JUMLAH	**23,221.39**	**25,278.47**	**30,166.22**	**78,666.08**

Nota: ***(*) - 2007 : RM1,433.00; 2008 : RM2,431.00; 2009 : RM1,000.00***

56.3.9. Pembayaran Dividen Kepada Kerajaan

56.3.9.1. Dividen sekurang-kurangnya 10% sebagai pulangan modal perlu dibayar setiap tahun kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati daripada 47 syarikat, 10 syarikat memperolehi keuntungan dan membayar dividen selama 3 tahun berturut-turut berjumlah RM90.1 bilion. Manakala baki 37 syarikat lagi sama ada mengalami kerugian atau memperolehi keuntungan tetapi tidak membayar dividen. Syarikat yang telah membayar dividen kepada Kerajaan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.15
BAYARAN DIVIDEN KEPADA KERAJAAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

SYARIKAT	TAHUN		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	30,000.00	30,000.00	30,000.00
FELCRA Berhad	7.40	3.75	2.25
Perbadanan Nasional Berhad	7.36	21.97	12.59
Amanah Raya Berhad	4.44	1.80	0.45
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	3.13	3.90	4.29
Prokhas Sdn. Bhd.	1.48	1.88	2.25
SEKTOR SOSIAL			
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	0.40	0.51	0.87
SEKTOR TEKNOLOGI			
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	2.21	3.36	4.48
SIRIM Berhad	0.91	0.91	1.00
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Penang Port Sdn. Bhd.	4.41	5.51	5.51
JUMLAH	**30,031.74**	**30,043.59**	**30,033.69**

56.3.9.2. Semakan Audit mendapati Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tempoh 3 tahun berturut-turut, namun tidak membuat bayaran dividen tanpa menyatakan sebab-sebabnya. Manakala 8 syarikat lain yang telah memperolehi keuntungan berjumlah RM1,413.15 juta pada tahun 2009 tidak membayar dividen kepada Kerajaan bagi tahun tersebut iaitu syarikat Pembinaan BLT Sdn. Bhd., Pengurusan Aset Air Berhad, Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd., Sarawak Hidro Sdn. Bhd., Sepang International Circuit Sdn. Bhd., Cyberview Sdn. Bhd., Khazanah Nasional Berhad dan Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. **Pada pendapat Audit, untuk menjamin tadbir urus korporat yang terbaik, semua syarikat patut mengadakan suatu polisi dividen dan dimuatkan ke dalam Rancangan Korporat syarikat demi menjaga imej syarikat dan kepentingan Kerajaan dalam syarikat berkenaan.**

56.3.10. Pembayaran Bonus Kepada Kakitangan

Semakan Audit terhadap 47 fail syarikat mendapati 35 syarikat telah memohon dan diluluskan oleh Menteri Kewangan untuk membayar bonus bagi tahun 2007 hingga 2009. Adalah diperhatikan, 6 syarikat telah membuat pembayaran bonus walaupun mengalami kerugian pada tahun 2009. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 56.16
BILANGAN SYARIKAT YANG MEMBUAT PEMBAYARAN BONUS WALAUPUN MENGALAMI KERUGIAN BAGI TAHUN 2008 DAN 2009

SYARIKAT	KERUGIAN SEBELUM CUKAI		BONUS (Gandaan Gaji Pokok)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2008 (Bulan)	2009 (Bulan)
SEKTOR EKONOMI				
Halal Industry Development Sdn. Bhd.	(13.79)	(14.57)	2.00	1.00 - 2.00
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	(14.12)	(21.07)	2.00	0.50
SEKTOR SOSIAL				
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(131.37)	(33.35)	1.50 - 2.20	1.50 - 2.25
SEKTOR INFRASTRUKTUR				
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(84.58)	(92.59)	1.00	1.00
Syarikat Prasarana Negara Berhad	(205.56)	(188.03)	1.00 - 1.50	0.50 - 1.50
MIMOS Berhad	(36.02)	(5.30)	2.00 - 3.00	2.00 - 3.00

Antara justifikasi kelulusan pembayaran bonus adalah untuk mengurangkan beban kewangan pekerja, peningkatan prestasi syarikat yang diukur daripada peningkatan pendapatan atau jumlah kerugian sebelum cukai yang semakin menurun, pencapaian KPI yang mencapai sasaran dan syarikat yang tidak bermotifkan keuntungan. Manakala 12 syarikat yang lain tidak mengemukakan permohonan bagi pembayaran bonus kerana sama ada mengalami kerugian; syarikat *dormant;* ditubuhkan sebagai *Special Purpose Vehicles* dan baru beroperasi.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus korporat yang terbaik boleh membantu syarikat bersaing dengan lebih cekap dan memperolehi pencapaian serta meningkatkan budaya kerja yang sihat. Sehubungan itu, semua syarikat perlu mempunyai mekanisme yang jelas terhadap pembayaran bonus kepada kakitangan seperti pembayaran berdasarkan prestasi kakitangan. Ini adalah bertujuan memastikan kakitangan yang menerima bonus adalah layak dibayar, selain menaikkan moral kakitangan supaya lebih produktif di samping boleh mengawal perbelanjaan syarikat.

57. PENGAWASAN TERHADAP SYARIKAT KERAJAAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN

57.1. Tiada Mekanisme Jelas Berkaitan Pelantikan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif

Perkara pelantikan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2008 dan 2009. Semakan Audit mendapati Kementerian Kewangan masih meneliti draf Dasar Dan Garis Panduan Pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan. Berdasarkan maklum balas Bahagian MKD, draf tersebut di dalam proses untuk dimuktamadkan.

57.2. Bahagian MKD Tidak Memantau Keseluruhan Pencapaian Prestasi Syarikat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat mempunyai Rancangan Korporat (Business Plan) yang memperincikan perancangan jangka panjang dan jangka pendek syarikat bagi tujuan pencapaian objektif syarikat. Berdasarkan Manual Transformasi GLC (Iniatiative 3) *GLIC Monitoring and Management Framework,* Rancangan Korporat perlu diluluskan oleh pengurusan GLIC setelah perbincangan dengan wakil Kerajaan syarikat tersebut. Semakan Audit mendapati Bahagian MKD tidak mempunyai Rancangan Korporat syarikat yang terkini. Selepas perkara ini dibangkitkan oleh pihak Audit, syarikat telah mengemukakan Rancangan Korporat kepada Bahagian MKD. Sehingga bulan Mac 2011, 26 (56.5%) daripada 46 syarikat aktif mengemukakan Rancangan Korporat terkini. Bagaimanapun tiada bukti penilaian dibuat dan diluluskan oleh Bahagian MKD. *Berdasarkan maklum balas Bahagian MKD, Rancangan Korporat syarikat tidak memerlukan kelulusan daripada pihak MKD tetapi memadai dengan kelulusan daripada Lembaga Pengarah. Ini kerana Rancangan Korporat adalah berhubung perjalanan operasi syarikat dan tidak memerlukan campur tangan daripada pemegang saham. Bagaimanapun, syarikat akan menghantar Rancangan Korporat Tahunan mereka untuk perhatian MKD.* **Pada pendapat Audit, sungguhpun penyediaan Rancangan Korporat Syarikat tidak memerlukan kelulusan MKD, namun MKD sebagai sebuah GLIC perlu memantau dan memastikan hala tuju adalah selari dengan matlamat penubuhannya.**

57.3. Wakil Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah Tidak Memantau Sepenuhnya Pencapaian Objektif Syarikat

Kegagalan mengemukakan Laporan Mesyuarat Lembaga Pengarah oleh wakil Kerajaan telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2009. Semakan Audit mendapati Kementerian Kewangan masih meneliti draf Arahan Dan Garis Panduan, Peranan Dan Tanggungjawab Wakil-wakil Kementerian Kewangan yang menganggotai Lembaga Pengarah Agensi dan Syarikat Kerajaan. *Berdasarkan maklum balas Bahagian MKD, draf tersebut di dalam proses untuk dimuktamadkan.*

57.4. Ketiadaan Laporan Portfolio Pelaburan Bahagian MKD

Berdasarkan Manual Transformasi GLC : *Government-Linked Investment Company Monitoring & Management Framework Manual,* Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dikategorikan sebagai salah sebuah *Government Link Investment Company* (GLIC) dan merupakan konduit utama Kerajaan bagi memberi sokongan dan mempengaruhi prestasi syarikat-syarikat Kerajaan (*Policy Thrust 1 of the Government-Linked Company Transformation (GLTC) Manual*). GLIC memainkan peranan yang penting bagi memastikan prestasi syarikat-syarikat Kerajaan boleh menyumbang kepada pembangunan negara serta mewujudkan nilai kepada pemegang saham. Seterusnya, sebuah GLIC perlu menetapkan sasaran terhadap objektif pelaburan dan memantau prestasi dana pelaburan termasuk menyediakan laporan disatukan terhadap portfolio keseluruhan pelaburannya. Semakan Audit mendapati **tiada sebarang pelaporan berkaitan portfolio pelaburan yang disatukan disediakan oleh Bahagian**

MKD sebagai pemegang saham utama. Pihak Audit berpendapat laporan tersebut perlu disediakan berdasarkan amalan terbaik, prinsip akauntabiliti dan ketelusan. Antara lain, laporan portfolio tersebut boleh menunjukkan keseluruhan pelaburan ekuiti MKD secara tahunan serta memudahkan pemantauan dan penyeliaan terhadap prestasi dana. *Berdasarkan maklum balas Bahagian MKD, penubuhan syarikat MKD adalah berteraskan pembangunan negara maka pelaburan yang dibuat di dalam syarikat MKD bukanlah untuk menjana keuntungan semata-mata. Aktiviti yang dijalankan oleh syarikat MKD adalah seperti pengangkutan, penyelidikan, perkhidmatan perubatan dan menarik pelaburan ke dalam negara. Selain itu, peruntukan kepada syarikat MKD bukan hanya disalurkan oleh Bahagian MKD, tetapi turut disalurkan oleh Kementerian yang mengawal selia dan agensi lain yang berkaitan.*

57.5. Pekeliling/Arahan Mengenai Syarikat Kerajaan

57.5.1. Kesedaran Tentang Kewujudan Pekeliling dan Peraturan Yang Dikeluarkan Oleh Kementerian Kewangan

57.5.1.1. Sejak awal 1980'an lagi Kementerian Kewangan telah mengeluarkan beberapa pekeliling dan lain-lain arahan bagi memantapkan pengurusan syarikat Kerajaan khususnya berkaitan dengan tadbir urus korporat agar kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham terpelihara. Butiran 10 pekeliling/arahan yang pernah dikeluarkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 57.1
SENARAI DAN TUJUAN PEKELILING

NAMA PEKELILING/ARAHAN	TUJUAN/KANDUNGAN PEKELILING/ARAHAN
TAHUN 1985	
Pelantikan Ketua Eksekutif Bagi Syarikat-syarikat Milikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Dan Subsidiari-subsidiarinya **(SPP 1/1985)**	Memaklumkan kepada syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) mengenai tatacara bagi pelantikan Ketua Eksekutif syarikat-syarikat tersebut serta subsidiarinya.
Semakan Semula Gaji Dan Lain-lain Faedah Untuk Pegawai Dan Kakitangan Syarikat Yang Dikuasai Oleh Kerajaan **(SAP 15/7/1985)**	Bagi memastikan syarikat-syarikat Kerajaan di awasi dengan rapi terutamanya dalam perbelanjaan dan pelaburan.
Peranan, Tanggungjawab Dan Tugas Wakil-Wakil Kerajaan **(SAP 7/2/1985)**	Garis panduan yang perlu dipatuhi oleh semua wakil-wakil Kerajaan Persekutuan yang menganggotai Lembaga Pengarah Agensi dan syarikat Kerajaan. Panduan ini mengandungi peranan, tanggungjawab dan tugas wakil-wakil berkenaan.
TAHUN 1988	
Faedah Persaraan Kepada Ketua Eksekutif **(SAP 19/9/1988)**	Bagi mengawal bayaran faedah kepada Ketua Eksekutif yang bersara supaya lebih munasabah dan tidak membebankan kewangan syarikat.
TAHUN 1989	
Kehadiran Di Mesyuarat Lembaga Pengarah **(Pekeliling KSP 4/1989)**	Panduan tentang kepentingan setiap wakil Kerajaan menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah serta tindakan selanjutnya jika tidak dapat hadir.

NAMA PEKELILING/ARAHAN	TUJUAN/KANDUNGAN PEKELILING/ARAHAN
TAHUN 1993	
Jawatan Ketua Eksekutif Dalam Syarikat-syarikat Kerajaan Dan Syarikat-syarikat Yang Mempunyai Kepentingan Kerajaan **(PP 5/93)**	Menetapkan bilangan jawatan yang boleh dipegang oleh seseorang Ketua Eksekutif di dalam syarikat-syarikat kerajaan dan syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan Kerajaan.
Garis Panduan Mengenai Penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Bagi Syarikat-syarikat Kerajaan **(PP 9/93)**	Garis Panduan Penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bagi syarikat-syarikat kerajaan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat-syarikat tersebut supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara sepenuhnya.
Dasar Dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Bonus Oleh Syarikat-syarikat Kerajaan **(PP 10/93)**	Garis Panduan mengenai bayaran bonus oleh semua lapisan syarikat Kerajaan kepada semua kategori kakitangannya supaya bayaran itu menjadi insentif yang berkesan untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi kakitangan syarikat.
Dasar Dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Dividen Oleh Syarikat-syarikat Kerajaan **(PP 11/93)**	Memberi panduan kepada syarikat-syarikat Kerajaan mengenai pembayaran dividen kepada Kerajaan sebagai pemegang saham.
Arahan-arahan Bagi Meningkatkan Kualiti Perancangan Dan Kawalan Ke Atas Pengurusan Syarikat-syarikat Kerajaan **(PP 12/93)**	Menekankan tentang kepentingan untuk meningkatkan kualiti sistem perancangan dan kawalan pengurusan dan juga bagi memastikan syarikat-syarikat sentiasa mematuhi dengan sepenuhnya Akta Syarikat 1965.

Nota: ***PP - Pekeliling Perbendaharaan*** ***SPP - Surat Pekeliling Perbendaharaan***
SAP - Surat Arahan Perbendaharaan ***KSP - Ketua Setiausaha Perbendaharaan***

57.5.1.2. Satu kaji selidik ringkas telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara berkenaan tahap *awareness*/pemakaian 10 pekeliling/arahan tersebut oleh syarikat-syarikat Kerajaan. Maklum balas 29 daripada 55 syarikat Kerajaan mendapati perkara berikut:

a. **Sebanyak 17 (58.6%) daripada 29 syarikat tersebut tidak sepenuhnya menyedari tentang kewujudan pekeliling/arahan yang dikeluarkan.** Antara sebab yang diberikan adalah kerana pekeliling/arahan tersebut dikeluarkan sebelum syarikat ditubuhkan/dikorporatkan di mana ada di antara pekeliling/arahan tersebut telah dikeluarkan pada awal 1980an lagi. Adalah diperhatikan juga arahan awal yang dikeluarkan pada tahun 1980an tersebut tidak dalam bentuk/format pekeliling tetapi hanya dalam bentuk surat dan tidak dimuatkan di laman sesawang Kementerian Kewangan untuk memudahkan rujukan.

b. **Kaedah penyampaian pekeliling/arahan ini oleh Kementerian Kewangan juga berbeza-beza.** Maklum balas yang diterima mendapati antaranya syarikat mendapat salinan melalui surat yang dihantar oleh MKD sendiri, wakil Kerajaan dalam Lembaga Pengarah dan mesyuarat/taklimat dengan MKD.

c. **Sebanyak 8 (27.6%) syarikat tidak sepenuhnya menerima pakai pekeliling/arahan** yang ada kerana antaranya telah mempunyai polisi dan peraturan dalaman, menerima pakai peraturan yang dikeluarkan oleh agensi pemantauan seperti Bank Negara, mendapat pengecualian oleh Kementerian Kewangan dan kurang jelas tentang keperluan pemakaiannya oleh syarikat.

Pada pendapat Audit, Kementerian Kewangan perlu menambah baik urusan penyediaan, pengedaran dan pemakaian pekeliling/arahan yang dikeluarkannya dengan mengkaji semula kesesuaian semua pekeliling yang telah lama supaya releven dengan keadaan masa kini. Selain daripada itu, Kementerian Kewangan boleh melaksanakan pendekatan yang mudah dan menyeluruh untuk memastikan semua lapisan syarikat sedar dan faham mengenai kehendak pekeliling/arahan yang dikeluarkan. Ini termasuk memberi taklimat khusus dari semasa ke semasa kepada syarikat tentang kehendak pekeliling/arahan; menyatukan semua pekeliling/arahan tersebut dalam bentuk satu garis panduan/manual; memuatnaik pekeliling/arahan ke dalam laman sesawang Kementerian Kewangan bagi memudahkan rujukan dan pengemaskinian. *Berdasarkan maklum balas Bahagian MKD, Pekeliling dan Surat Arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia tidak mengikat syarikat untuk mengguna pakainya. Ini kerana Pekeliling dan Surat Arahan adalah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan manakala syarikat MKD adalah di bawah kuasa Menteri Kewangan Diperbadankan selaku pemegang saham. Oleh yang demikian, Bahagian MKD kini sedang di dalam proses mengkaji semula pekeliling lama untuk melihat sama ada ia masih relevan untuk diguna pakai oleh syarikat-syarikat MKD ataupun sebaliknya. Selanjutnya, setelah Pekeliling dan Surat Arahan yang masih relevan dan diguna pakai dikenal pasti, Bahagian MKD akan mengeluarkan arahan rasmi yang baru kepada syarikat yang majoriti sahamnya dipegang oleh MKD untuk mengguna pakai arahan tersebut.*

57.5.2. Pemakaian Pekeliling/Arahan Yang Dikeluarkan Oleh Kementerian Kewangan

57.5.2.1. Seksyen 33(1) Akta Syarikat 1965 menetapkan Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A) sesebuah syarikat adalah merupakan satu ikatan seumpama satu kontrak di antara syarikat dengan pemegang sahamnya. Kedua-dua belah pihak perlu menandatangani dan mematuhi klausa yang terkandung di dalamnya. Dalam satu kertas yang disediakan oleh Jabatan Peguam Negara untuk dibentangkan kepada Pasukan Petugas Khas Mengkaji Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2008 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Jabatan berkenaan memberikan pandangan berikut:

"Compliance of the Treasury Circulars by GLC's is mandatory provided that their M&A contains a provision which allows the Minister to issue directives to the GLC's. Otherwise, the Boards of GLC's are required to adopt the Treasury Circulars"

57.5.2.2. Semakan Audit terhadap M&A 10 syarikat mendapati tiada sebarang peruntukan yang membenarkan Menteri mengeluarkan arahan kepada syarikat Kerajaan. Ketiadaan peruntukan ini membawa risiko ketidakpatuhan oleh syarikat Kerajaan terhadap dasar dan polisi yang telah ditetapkan Kerajaan dan

menimbulkan kekeliruan dari segi keperluan pematuhannya. Semakan Audit selanjutnya mendapati Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad (MKIC) telah membangkitkan berkaitan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif MKIC oleh Kementerian Kewangan sebagai campur tangan di dalam urusan dalaman syarikat. Ini berdasarkan Artikel Penubuhan Syarikat MKIC, pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah MKIC. Bahagian MKD kini dalam proses membuat pindaan terhadap Memorandum dan Artikel Penubuhan syarikat tersebut.

Pada pendapat Audit, bagi memantapkan kawalan dan pemantauan terhadap syarikat Kerajaan, MKD perlu mengkaji semula semua M&A syarikat Kerajaan dengan mengadakan peruntukan bagi membenarkan arahan dikeluarkan oleh Menteri kepada syarikat selaras dengan arahan dan peraturan yang berkuat kuasa. *Berdasarkan maklum balas, pada masa ini memang tiada sebarang klausa di dalam M&A syarikat yang membenarkan Menteri Kewangan mengeluarkan arahan kepada syarikat Kerajaan. Bahagian MKD bersetuju dengan pendapat Audit dan akan mengkaji semula semua M&A syarikat Kerajaan dengan mewujudkan klausa yang membenarkan arahan dikeluarkan oleh Menteri Kewangan bagi memantapkan kawalan dan pemantauan terhadap syarikat Kerajaan.*

57.6. Pencapaian *Key Performance Index* (KPI) Syarikat dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)

57.6.1. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan arahan kepada syarikat MKD terpilih untuk mengemukakan KPI syarikat bagi tempoh tahun 2008, 2009 dan 2010. Bilangan syarikat yang terpilih adalah 22, 28 dan 44 masing-masingnya. Bahagian MKD juga telah mengeluarkan arahan pada bulan Jun 2009 supaya syarikat mengemukakan KPI masing-masing kerana pencapaian syarikat yang dinilai akan digunakan sebagai salah satu kriteria KPI YAB Menteri Kewangan dan YB Menteri Kewangan II. Pada bulan September 2010, syarikat diarahkan agar memastikan pencapaian KPI masing-masing bagi tahun 2009 dan 2010 mencapai sekurang-kurangnya 75%. Berdasarkan perkiraan Audit, pencapaian keseluruhan KPI syarikat MKD yang terpilih bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 semakin meningkat iaitu 77%, 82% dan 93% masing-masingnya.

57.6.2. Surat arahan Kementerian Kewangan bertarikh 27 Januari 2010 telah menetapkan KPI CEO perlu dikemukakan pada setiap suku tahun selaras dengan Manual Transformasi GLC iaitu *Blue Book: Intensifying Performance Management.* Arahan Kementerian bertarikh 25 November 2010 menetapkan bahawa Pengerusi Syarikat hendaklah menilai KPI CEO dan Kementerian Kewangan turut menyertakan garis panduan penyediaan KPI tersebut. **Pada pendapat Audit, Kementerian Kewangan telah memberi penekanan terhadap pencapaian KPI Syarikat dan pencapaian KPI Ketua Pegawai Eksekutif. Bagaimanapun, tiada pihak yang dilantik untuk membuat penilaian bebas bagi memastikan *check***

and balance **terhadap ketepatan pencapaian kedua-dua KPI bagi pihak Kerajaan.** *Berdasarkan maklum balas Bahagian MKD, KPI syarikat dan KPI Ketua Pegawai Eksekutif adalah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah syarikat masing-masing dan pencapaian setiap KPI tersebut adalah dinilai oleh Lembaga Pengarah melalui laporan berkala (setiap suku tahunan) yang dikemukakan oleh pihak pengurusan. Setiap Lembaga Pengarah syarikat MKD mempunyai wakil Kementerian yang dilantik berperanan untuk menjaga kepentingan Kerajaan dalam syarikat tersebut. Bagi memastikan integriti maklumat KPI, maklumat berhubung pencapaian KPI wajar disemak/diaudit oleh Unit Audit Dalam syarikat masing-masing berdasarkan kepada kedudukannya yang bebas daripada pengurusan syarikat di samping syarikat tidak perlu menampung kos konsultan bagi tujuan tersebut.*

57.7. Keperluan Pengisytiharan Harta Ketua Pegawai Eksekutif

Keperluan mengisytiharkan harta semasa pelantikan dan pada setiap tahun sepanjang tempoh memegang jawatan merupakan salah satu syarat dalam terma pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif. Arahan Kementerian Kewangan berhubung pengisytiharan harta mula dikeluarkan kepada syarikat MKD pada bulan Disember 2009 iaitu pengisytiharan harta perlu dibuat sekurang-kurang setiap lantikan iaitu semasa lantikan baru atau pelanjutan perkhidmatan atau menurut terma dan syarat perkhidmatan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati daripada 46 syarikat aktif, seramai 15 (32.6%) Ketua Pegawai Eksekutif telah membuat pengisytiharan harta. Ini menunjukkan peningkatan daripada tahun sebelumnya iaitu 2 (4.4%). **Pada pendapat Audit, ada peningkatan yang ditunjukkan oleh Bahagian MKD dalam pemantauan berhubung perkara ini. Namun begitu, disyorkan Kementerian Kewangan menetapkan keperluan pengisytiharan harta sebagai salah satu kriteria di dalam KPI Ketua Pegawai Eksekutif.** *Berdasarkan maklum balas Bahagian MKD, pematuhan di dalam mengisytiharkan harta oleh Ketua Pegawai Eksekutif akan diambil kira ketika proses pelanjutan tempoh perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif terbabit.*

58. PENGURUSAN AKTIVITI SYARIKAT

Selain daripada membuat analisis terhadap prestasi kewangan syarikat serta pengawasan syarikat oleh Kementerian Kewangan, pengauditan turut dilakukan terhadap pengurusan bagi 7 syarikat iaitu Rapid Penang Sdn. Bhd.; IJN College Sdn. Bhd.; Pembinaan BLT Sdn. Bhd.; FELCRA Agro Industry Sdn. Bhd.; Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.; Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. dan Amanah Raya Berhad. Hasil daripada pengauditan yang dilakukan adalah seperti di perenggan 59 hingga 65.

KEMENTERIAN KEWANGAN

59. PENGURUSAN RAPID PENANG SDN. BHD.


59.1. LATAR BELAKANG


59.1.1. Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) telah ditubuhkan pada 22 Februari 2007 dengan dana yang dibenarkan berjumlah RM25 juta. Ia merupakan sebuah syarikat milik penuh Syarikat Prasarana Negara Berhad dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Rapid Penang bertanggungjawab untuk memberi kemudahan sistem pengangkutan awam darat iaitu perkhidmatan bas di seluruh negeri Pulau Pinang secara bersepadu dengan mengutamakan kepuasan pelanggan.

59.1.2. Sehingga tahun 2010, Rapid Penang mempunyai 350 buah bas bagi menjalankan operasi bas di 8 koridor yang merangkumi 44 laluan di seluruh negeri Pulau Pinang. Sebanyak 16 (36.45%) daripada 44 laluan merupakan laluan bukan sosial (laluan berasaskan keuntungan) manakala baki 28 (63.4%) laluan adalah laluan sosial (laluan bukan berasaskan keuntungan). Perkhidmatan bas Rapid Penang di Georgetown, sekitar pulau dan Seberang Perai adalah seperti di **Gambarajah 59.1**. Kadar tambang yang dikenakan adalah antara RM0.50 hingga RM4.00 bagi jarak perjalanan antara 4 kilometer hingga 39.55 kilometer. Bagi menyokong operasinya, Rapid Penang turut menyediakan 6 depot (tempat parkir bas) dan 16 hab (tempat untuk penyelia bertugas dan pemandu bas berehat) di seluruh Pulau Pinang.

59.1.3. Rapid Penang mempunyai 4 Ahli Lembaga Pengarah (termasuk Pengerusi). Pengurusan syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seramai 1,023 kakitangan eksekutif serta bukan eksekutif. Sebagai sebuah syarikat berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, Rapid Penang perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan berkaitan syarikat dari semasa ke semasa.

GAMBARAJAH 59.1
LALUAN PERKHIDMATAN BAS RAPID PENANG





59.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

59.2.1. Prestasi kewangan Rapid Penang adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

59.2.2. Pengurusan aktiviti Rapid Penang telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

59.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat Rapid Penang adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

59.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama Rapid Penang. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 telah dibuat di pejabat Rapid Penang serta Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, analisis prestasi kewangan hanya dapat dijalankan berdasarkan penyata kewangan Rapid Penang tahun 2008 dan 2009 yang telah diaudit kerana tempoh perakaunan bagi tahun 2007 adalah selama 6 bulan sahaja dan semasa pengauditan dijalankan, Rapid Penang belum dapat mengemukakan penyata kewangan tahun 2010 kerana belum siap diaudit. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab serta pemeriksaan fizikal terhadap aset juga turut dibuat di Rapid Penang.

59.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2010 mendapati pada umumnya, Rapid Penang telah mengendalikan perkhidmatan bas selaras dengan mandat yang diberikan. Namun, Rapid Penang mengalami kerugian sebelum cukai sejak daripada penubuhannya sungguhpun kedudukan kewangannya dibantu oleh sumber dana daripada syarikat induk dan Kerajaan. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan berhubung pengurusan depot/hab; kutipan tambang; pengurusan projek infrastruktur dan pengurusan projek khas serta beberapa aspek pengurusan kewangan yang lain. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan Rapid Penang adalah seperti di perenggan berikut:

59.4.1. Prestasi Kewangan

59.4.1.1. Penyata Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi

a. Pendapatan langsung Rapid Penang adalah terdiri daripada hasil tambang pengangkutan sama ada melalui penjualan tiket tunai atau pas bulanan; pengiklanan dan perkhidmatan *Central Area Transit* (CAT) iaitu perkhidmatan yang ditawarkan secara percuma bagi laluan bandar di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang membayar sejumlah RM600,000 setahun


kepada Rapid Penang bagi mengendalikan perkhidmatan tersebut. Perbelanjaan langsung pula antaranya terdiri daripada kos pekerja; pembelian diesel (fuel) dan minyak pelincir (lubricants) serta pembaikan dan penyenggaraan. Adalah diperhatikan jumlah hasil yang dipungut oleh Rapid Penang telah meningkat sejumlah RM11.64 juta (56%) iaitu daripada RM20.80 juta pada tahun 2008 menjadi RM32.44 juta pada tahun 2009. Manakala perbelanjaan yang dicatatkan juga telah meningkat sejumlah RM14.65 juta (51.4%) iaitu daripada RM28.47 juta pada tahun 2008 kepada RM43.12 juta pada tahun 2009. Keadaan ini secara relatifnya menyebabkan Rapid Penang mengalami kerugian sebelum cukai untuk 2 tahun berturut-turut iaitu RM7.67 juta pada tahun 2008 dan RM10.68 juta pada tahun 2009. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi sebenar untuk tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.1
KEDUDUKAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI RAPID PENANG BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 DAN 2009

PERKARA	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Hasil Langsung	20.73	27.45
Lain-lain Hasil	0.07	4.99
Jumlah Hasil	**20.80**	**32.44**
Perbelanjaan Langsung	(22.00)	(34.26)
Perbelanjaan Tidak Langsung	(6.47)	(8.86)
Jumlah Perbelanjaan	**(28.47)**	**(43.12)**
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**(7.67)**	**(10.68)**

b. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, adalah didapati purata bilangan penumpang bulanan telah menunjukkan peningkatan iaitu daripada 1.47 juta penumpang bagi tahun 2008 kepada 1.75 juta penumpang pada tahun 2009 dan 2.20 juta penumpang pada tahun 2010. Peningkatan ini adalah seperti ditunjukkan di **Carta 59.1**. Sungguhpun demikian, berdasarkan analisis terhadap pendapatan berbanding perbelanjaan bulanan mulai bulan Januari 2008 hingga Ogos 2010, adalah diperhatikan Rapid Penang telah mengalami kerugian bulanan berterusan sepanjang tempoh tersebut antara RM0.27 juta hingga RM3.15 juta kecuali pada bulan November 2009 yang mencatatkan keuntungan berjumlah RM2.89 juta. Faktor yang menyumbang kepada kerugian pada tahun 2008 dan 2009 adalah kerana pendapatan bagi kedua-dua tahun tersebut berjumlah RM20.80 juta dan RM32.44 juta tidak dapat menampung perbelanjaan yang dilakukan berjumlah RM28.47 juta dan RM43.12 juta masing-masingnya.

CARTA 59.1
BILANGAN PENUMPANG BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010



c. Adalah diperhatikan kedudukan kewangan Rapid Penang banyak bergantung kepada penyaluran dana oleh syarikat induknya iaitu Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana). Pada tahun 2009 melalui Pakej Rangsangan Ekonomi, Prasarana menyalurkan sebahagian geran yang diterimanya berjumlah RM3.02 juta kepada Rapid Penang bagi menaik taraf 6 projek infrastruktur. Selain itu, Prasarana juga telah memperuntukkan sejumlah RM211.41 juta bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 untuk membiayai perolehan bas; projek infrastruktur serta perbelanjaan penyenggaraan bas dan peralatan Rapid Penang. Sehubungan itu, Rapid Penang tidak tertakluk untuk menanggung beberapa kos operasi susut nilai bas dan kos kewangan terhadap projek infrastruktur yang secara tidak langsung mengurangkan jumlah kerugian operasinya, sebaliknya kos tersebut akan menjadi tanggungan syarikat induknya. Selain menerima bantuan kewangan daripada syarikat induknya, adalah didapati Rapid Penang turut diberi pelepasan pembayaran balik pinjaman bebas faedah daripada Kementerian Kewangan bernilai RM20 juta, di mana keadaan ini telah mengurangkan sebahagian besar liabiliti Rapid Penang.

59.4.1.2. Prestasi Aliran Tunai

a. Aliran tunai Rapid Penang terdiri daripada penerimaan hasil jualan tiket dan pembayaran tunai kepada pembekal dan pekerja. Bagi aktiviti pelaburan pula, ianya membabitkan pembelian aset dan penerimaan faedah. Manakala bagi aktiviti pembiayaan, sumber tunainya terdiri daripada pinjaman Kerajaan dan geran. Berdasarkan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan 2008 dan 2009, kedudukan keseluruhan aliran tunai Rapid Penang masing-masingnya adalah positif iaitu berjumlah RM17.92 juta dan RM7.84 juta. Bagaimanapun, pegangan tunai pada tahun 2009 telah

menunjukkan penurunan yang ketara iaitu sejumlah RM10.08 juta (56.3%) berbanding tahun sebelumnya. Ini kerana pada tahun tersebut, aliran tunai keluar bersih daripada aktiviti operasi dan pelaburan yang berjumlah RM16.05 juta didapati melebihi aliran tunai masuk bersih daripada aktiviti pembiayaan yang hanya berjumlah RM5.97 juta. Secara relatifnya, kurangan bersih tunai yang dicatatkan adalah RM10.08 juta. Bagaimanapun, kurangan bersih ini ditampung oleh baki tunai tahun 2008 yang sebahagian besarnya daripada sumber pembiayaan/pinjaman daripada Kerajaan berjumlah RM20 juta. Ini menunjukkan Rapid Penang tidak berupaya untuk membiayai kos operasi syarikat sekiranya tiada bantuan pembiayaan daripada pihak Kerajaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.2
PENYATA ALIRAN TUNAI RAPID PENANG
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 DAN 2009

BUTIRAN	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Aliran Tunai (Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Operasi	(5.58)	(13.94)
Aliran Tunai (Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(1.19)	(2.11)
Aliran Tunai Masuk Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	20.00	5.97
(Kurangan)/Tambahan Bersih Tunai Dan Bersamaan Tunai	13.23	(10.08)
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan	4.69	17.92
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Akhir Tahun Kewangan	17.92	7.84

b. Aliran tunai keluar bersih daripada aktiviti operasi pada tahun 2009 meningkat sejumlah 149.8% berbanding tahun 2008 disebabkan peningkatan kos gaji dan upah pekerja berikutan peningkatan bilangan bas dari 150 kepada 300 buah bas.

59.4.1.3. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan Rapid Penang, analisis nisbah semasa, margin keuntungan kasar dan margin keuntungan bersih telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008 dan 2009. Hasil analisis adalah seperti berikut:

a. **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan kepada perkiraan Audit, tahap kecairan syarikat menurun daripada 3.68 kali pada 2008 kepada 1.30 kali pada tahun 2009. Tahap kecairan yang tinggi pada tahun 2008 adalah disumbangkan oleh pertambahan deposit di bank apabila syarikat mendapat kemudahan pinjaman daripada Kerajaan. Ia merangkumi sejumlah RM13.2 juta daripada jumlah keseluruhan aset yang berjumlah RM17.9 juta. Keadaan

penurunan nisbah ini pada tahun 2009 akan menyebabkan syarikat terdedah kepada risiko kecairan yang rendah. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.3
NISBAH SEMASA BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 DAN 2009

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a)/(b)
2008	18.93	5.15	3.68 : 1
2009	11.73	9.05	1.30 : 1

b. **Margin Keuntungan Kasar** mengukur keuntungan kasar bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada aktiviti perniagaan utama sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati margin keuntungan kasar telah mengalami kemerosotan yang ketara di mana margin keuntungan kasar adalah negatif RM0.07 pada tahun 2008 dan merosot kepada negatif RM0.26 pada tahun 2009. Ia menunjukkan bagi setiap ringgit pendapatan, Rapid Penang akan mengalami kerugian kasar berjumlah RM0.26 juta. Ini disebabkan kenaikan kos operasi syarikat pada tahun 2009 yang meningkat secara mendadak pada kadar 56.7% berbanding tahun sebelumnya. Semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun terdapat peningkatan pada pendapatan pada kadar 32.4% pada tahun 2009, namun peningkatan tersebut masih kecil berbanding peningkatan dalam kos operasi. **Pada pendapat Audit, syarikat perlu mempertingkatkan jumlah pelanggan bagi setiap trip perjalanan supaya hasil yang dikutip melebihi kos langsung setiap perjalanan.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.4
MARGIN KEUNTUNGAN KASAR BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) KASAR (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN KASAR BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a)/(b)
2008	(1.3)	19.70	(0.07)
2009	(6.8)	26.08	(0.26)

c. **Margin Keuntungan Bersih** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada aktiviti perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (value added) terhadap kadar keuntungan syarikat. Semakan Audit mendapati margin keuntungan telah mengalami kemerosotan yang ketara di mana margin adalah negatif RM0.39 pada tahun 2008 merosot kepada negatif RM0.41 pada tahun 2009. Ini menunjukkan bagi setiap ringgit pendapatan, Rapid

Penang mengalami kerugian bersih 39 sen pada tahun 2008 dan 41 sen pada tahun 2009, iaitu peningkatan 5.1%. Semakan Audit selanjutnya mendapati kenaikan jumlah pendapatan turut menyumbang kepada kenaikkan kos operasi yang lebih tinggi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.5
MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a)/(b)
2008	(7.68)	19.70	(0.39)
2009	(10.68)	26.08	(0.41)

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Rapid Penang adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian sebelum cukai sejak syarikat ditubuhkan pada tahun 2007. Namun, Rapid Penang telah dapat meningkatkan bilangan penumpang pada setiap tahun. Sehubungan ini, pihak pengurusan Rapid Penang perlu menguruskan kos operasi dengan lebih cekap dan berkesan supaya dapat meminimumkan kerugian selaras dengan peningkatan pendapatan dan penumpang.

59.4.2. Pengurusan Aktiviti

59.4.2.1. Prestasi Aktiviti

a. Sehingga bulan Ogos 2010, Rapid Penang memiliki 350 buah bas yang diperolehi daripada 5 pengeluar seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.6
BAS YANG DIMILIKI OLEH RAPID PENANG
SEHINGGA BULAN OGOS 2010

JENIS BAS MENGIKUT PENGELUAR	BIL. BAS (Buah)	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	USIA BAS (Tahun)
King Long	40	13.28	3
Dong Feng	40	14.40	3
Sheng Long	40	14.29	3
Scomi Jac	30	3.24	3
Scania	200	129.24	1
JUMLAH	**350**	**174.45**	

b. Rapid Penang telah menetapkan kadar tambang bagi perkhidmatan basnya kepada 2 jenis iaitu kadar biasa dan kadar konsesi. Kadar konsesi adalah diskaun 50% daripada kadar biasa dan hanya diberi kepada warga tua yang berumur lebih daripada 60 tahun, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan pelajar beruniform. Sepanjang tempoh tahun 2007 hingga 2010, Rapid Penang

pernah menaikkan kadar tambang bas satu kali iaitu pada bulan Ogos 2009 dengan kelulusan daripada Menteri Kewangan. Kadar tambang yang dikenakan oleh Rapid Penang sebelum dan selepas kenaikan tambang diluluskan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.7
KADAR BAYARAN TIKET SEBELUM DAN SELEPAS KENAIKAN TAMBANG DILULUSKAN

JARAK PERJALANAN (Kilometer)	KADAR TIKET BIASA		KADAR KONSESI	
	SEBELUM KENAIKAN (RM)	SELEPAS KENAIKAN (RM)	SEBELUM KENAIKAN (RM)	SELEPAS KENAIKAN (RM)
Kurang 7	1.00	1.40	0.50	0.70
7 hingga 14	1.50	2.00	0.80	1.00
15 hingga 21	2.00	2.70	1.00	1.40
22 hingga 28	2.50	3.40	1.30	1.70
Lebih 28	3.00	4.00	1.50	2.00

c. Bagi tahun 2009, laluan bas Rapid Penang merangkumi 37 laluan manakala bagi tahun 2010, laluan ini telah meningkat kepada 44 laluan di seluruh Pulau Pinang. Laluan tersebut terdiri dari laluan bukan sosial yang mempunyai potensi untuk mencatat keuntungan memandangkan laluan ini melalui kawasan penduduk berkepadatan tinggi manakala laluan sosial adalah laluan yang kurang berpotensi memandangkan ia melalui kawasan penduduk berkepadatan rendah. Pihak Audit telah menjalankan analisis terhadap untung dan rugi bagi setiap laluan mengikut jumlah kekerapan perjalanan yang dibuat. Semakan Audit mendapati 24 daripada 37 laluan (64.9%) pada tahun 2009 mengalami kerugian berjumlah RM2.19 juta di mana 19 laluan adalah jenis sosial dan 5 bukan jenis sosial. Pada tahun 2010, sebanyak 27 daripada 44 laluan (61.4%) mengalami kerugian berjumlah RM8.36 juta di mana kesemuanya adalah laluan jenis sosial. Ringkasan perbandingan antara pendapatan dan kos pengendalian bas pada tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.8
PENDAPATAN BERBANDING KOS PENGENDALIAN BAS PADA TAHUN 2009 DAN 2010

TAHUN	JENIS PERKHIDMATAN	BIL. LALUAN			PENDAPATAN (RM Juta)	KOS (RM Juta)	UNTUNG/(RUGI) (RM Juta)
		UNTUNG	RUGI	JUMLAH			
2009	Sosial	1	19	20	7.03	10.81	(3.78)
	Bukan Sosial	11	5	16	19.14	17.82	1.32
	CAT	1	-	1	0.60	0.33	0.27
	Jumlah	**13**	**24**	**37**	**26.77**	**28.96**	**(2.19)**
2010	Sosial	-	27	27	8.07	16.43	(8.36)
	Bukan Sosial	16	-	16	28.07	25.19	2.88
	CAT	1	-	1	0.60	0.33	0.27
	Jumlah	**17**	**27**	**44**	**36.74**	**41.95**	**(5.21)**

Nota: ***CAT - Central Area Transit***

59.4.2.2. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Bagi menjamin kesinambungan pengukuran produktiviti, pihak pengurusan Rapid Penang telah mewujudkan KPI mulai tahun 2009 berdasarkan kepada beberapa objektif strategik antaranya aspek kewangan; pelanggan; proses dalaman serta pertumbuhan dan pembelajaran yang masing-masingnya mengandungi beberapa kriteria penilaian. Hanya 2 kriteria penilaian iaitu peratus penumpang (ridership*)* dan kadar pusing ganti pekerja (turnover rate*)* daripada 6 kriteria penilaian yang disemak berjaya memenuhi sasaran KPI yang ditetapkan pada tahun 2009 manakala 2 kriteria penilaian iaitu kadar pusing ganti pekerja (turnover rate*)* dan penyenggaraan berjaya memenuhi sasaran KPI yang ditetapkan pada tahun 2010 (setakat bulan April). Adalah diperhatikan sasaran KPI bagi *punctuality* tidak ditetapkan bagi tempoh yang diaudit. *Berdasarkan maklum balas Rapid Penang, pihak syarikat tidak mempunyai sistem yang boleh mengukur ketepatan masa sesuatu perjalanan.* Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan prestasi Rapid Penang daripada aspek *punctuality.* Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sebarang pelan tindakan formal dirangka bagi mengatasi ketidakcapaian KPI. Butiran pencapaian KPI untuk tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.9
PENCAPAIAN SEBENAR BERBANDING SASARAN KPI PADA TAHUN 2009 DAN 2010

OBJEKTIF STRATEGIK	KRITERIA	2009			2010		
		SASARAN PURATA KPI	PURATA PENCAPAIAN SEBENAR	PENCAPAIAN (YA/TIDAK)	SASARAN PURATA KPI	PURATA PENCAPAIAN SEBENAR	PENCAPAIAN (YA/TIDAK)
Kewangan	*Revenue* (RM Juta)	2.50	2.29	Tidak	4.27	3.02	Tidak
	EBITDA (RM Juta)	(0.71)	(0.82)	Tidak	(0.70)	(1.66)	Tidak
	Ridership (%)	13.8	19.0	Ya	47.9	21.5	Tidak
Pelanggan	*Bus Availability (%)*	85.0	82.0*	Tidak	93.0	85.8**	Tidak
Proses Dalaman	*Bus Return To Depot/ Maintenance (%)*	<4.0	6.0	Tidak	<10.0	3.0	Ya
Pertumbuhan Dan Pembelajaran	*Turnover Rate (%)*	<5.0	1.9	Ya	<5.0	1.0	Ya

Nota : ***EBITDA - Earnings Before Interest, Taxes, Depreciation And Amortization***
(*) - Prestasi Availability Pada Tahun 2009 Tidak Memenuhi KPI Yang Ditetapkan Kecuali Bagi Bulan Mei
(**) - Prestasi Availability Kesemua Bulan Pada Tahun 2010 Tidak Mencapai Sasaran KPI Yang Ditetapkan


KPI Tercapai

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan Rapid Penang perlu menilai semula faktor yang menyebabkan KPI bagi setiap objektif strategiknya tidak dapat dicapai. Selain daripada pembentangan KPI kepada Lembaga Pengarah, satu pelan tindakan yang lebih komprehensif perlu dirangka bagi meningkatkan pencapaian prestasi setiap KPI.

59.4.2.3. Pengurusan Kutipan Tambang

a. Mengikut Buku Panduan Kapten Bil. 4.12 dan 4.13, kapten bas perlu memastikan penumpang memasukkan wang tambang ke dalam tabung wang yang disediakan mengikut kadar tambang perjalanan. Mereka dilarang memegang wang tambang yang dibayar oleh penumpang. Tiada tukaran balik wang sekiranya penumpang membayar lebih dari kadar yang ditetapkan. Pada setiap penghujung hari iaitu selepas tugasan selesai, bas akan dipandu ke depot yang telah ditetapkan. Proses kutipan wang tambang dari tabung bas adalah seperti di carta berikut:

CARTA 59.2
PROSES KUTIPAN WANG TAMBANG BAS RAPID PENANG



Nota: ***SA - Security Assistant***

b. Proses penyesuaian kutipan harian dibuat setiap hari oleh Bahagian Kewangan dengan membuat perbandingan antara Laporan Pengiraan Wang oleh Safeguards Securicor Sdn. Bhd. (Safeguards) yang dilantik oleh Rapid Penang untuk membuat kutipan wang tabung dengan Laporan Penjualan Tiket di depot bas. Berdasarkan rekod Bahagian Kewangan, terdapat perbezaan yang ketara antara Laporan Pengiraan Wang oleh Safeguards dengan Laporan Penjualan Tiket bagi beberapa bulan tertentu dalam tempoh tahun 2007 hingga 2010, di mana berlaku kurangan keseluruhan kutipan berjumlah RM1.14 juta seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.10
PERBEZAAN KUTIPAN TAMBANG BAS ANTARA LAPORAN PENGIRAAN WANG DENGAN LAPORAN PENJUALAN TIKET BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2010

TAHUN/ BULAN	PERBEZAAN KUTIPAN (RM)												JUMLAH	
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	LEBIHAN (RM)	KURANGAN (RM)
2007	*	*	*	*	*	*	*	(15,451)	(80,464)	(137,902)	14,565	13,071	27,636	(233,817)
2008	11,907	2,983	6,660	(2,283)	(30,218)	(6,501)	(6,004)	(4,252)	(3,825)	(6,085)	(25,614)	(23,083)	21,550	(107,865)
2009	(28,063)	(16,099)	(12,638)	(19,869)	(25,246)	(37,498)	(35,331)	2,160	(584)	(13,869)	(34,106)	(49,477)	2,160	(272,780)
2010	(13,579)	(7,933)	(3,386)	(2,986)	(20,094)	(25,460)	(49,994)	(45,989)	(76,665)	(111,139)	(107,530)	(113,365)	-	(578,120)
JUMLAH													**51,346**	**(1,192,582)**

Sumber : ***Laporan Bahagian Kewangan***
Nota : ***(*) - Rapid Penang Belum Memulakan Operasi***

c. Pihak Audit mendapati pemandu bas tidak dapat mengesahkan dengan tepat bayaran oleh penumpang setelah wang dimasukkan ke dalam peti wang. Berdasarkan pemerhatian Audit terhadap proses kerja kutipan wang adalah didapati sebelum wang diserahkan kepada pihak Safeguards tiada mekanisme pengiraan jumlah kutipan harian bagi setiap bas dibuat dan direkodkan. Selain itu, semasa pengiraan wang dibuat oleh pihak Safeguards, tiada wakil daripada Rapid Penang yang hadir untuk menjadi pemerhati dan membuat pengesahan terhadap jumlah kutipan.

Pada pendapat Audit, Rapid Penang perlu memandang serius perkara ini dan menyiasat punca sebenar perbezaan termasuk mengkaji semula kawalan dalamannya terhadap pengurusan kutipan wang tambang.

59.4.2.4. Pengurusan Aset Operasi

Semakan Audit mendapati pada umumnya, bas yang dimiliki oleh Rapid Penang telah digunakan bagi tujuan pengangkutan awam. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan pengurusan aset operasi Rapid Penang seperti berikut:

a. Penyenggaraan Bas

i. Berdasarkan KPI untuk kriteria *Bus Return To Depot* (kerosakan), Rapid Penang mensasarkan bilangan bas yang perlu dibaiki bagi tahun 2010 tidak melebihi 10% daripada bas yang sedia ada. Semakan Audit mendapati Rapid Penang telah berjaya mencapai KPI di mana bilangan bas sebenar yang dibaiki hanya 3%. Bagi tahun 2009 pula, KPI untuk kriteria tersebut ialah tidak melebihi 4% namun pencapaian sebenar adalah 6% iaitu melebihi KPI yang ditetapkan. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan justifikasi kenaikan peratus KPI dari 4% pada tahun 2009 kepada 10% pada tahun 2010.

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati kos penyenggaraan bas bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 (setakat bulan Mei) adalah antara RM1.31 juta hingga RM2.50 juta di mana telah melebihi 10.1% hingga

30.9% daripada jumlah bajet yang diluluskan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.11
JUMLAH PERBELANJAAN PENYENGGARAAN BAS SEBENAR BERBANDING BAJET BAGI TAHUN 2008 HINGGA BULAN MEI 2010

TAHUN	KOS PENYENGGARAAN BAS		LEBIHAN PERBELANJAAN BERBANDING BAJET (%)
	SEBENAR (RM Juta)	BAJET (RM Juta)	
2008	1.31	1.19	10.1
2009	2.50	1.91	30.9
Sehingga Bulan Mei 2010	1.44*	1.13	27.4

Nota : ***(*) - Termasuk Perbelanjaan Body Work RM0.17 Juta***

b. Persekitaran Depot/Hab

i. Rapid Penang mempunyai 6 depot dan 16 hab untuk disenggarakan. Depot merupakan tempat yang menyediakan parkir bas manakala hab merupakan lokasi yang membolehkan penyelia (regulator) bertugas dan kapten bas (pemandu) berehat. Pada umumnya, setiap hab akan dilengkapi dengan kerusi, meja dan alat penghawa dingin. Sehingga pengauditan dijalankan, Rapid Penang telah memperuntukkan sejumlah RM3.70 juta untuk menaik taraf depot/hab yang dimilikinya. Lawatan Audit ke 3 depot iaitu Sungai Nibong; Weld Quay dan Tanjung Bungah serta 6 hab terpilih iaitu Air Itam/Farlim; Teluk Bahang; Paya Terubong; Relau; Persiaran Gurney dan Lapangan Terbang Pulau Pinang mendapati beberapa kelemahan seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.12
KELEMAHAN YANG DIPERHATIKAN TERHADAP DEPOT DAN HAB YANG DILAWATI

NAMA DEPOT/HAB	KELEMAHAN YANG DIPERHATIKAN
Depot Sungai Nibong	Tarikh lupus bagi 2 alat pemadam api di tempat pengisian minyak tidak dapat disahkan. **(Gambar 59.1)**
Depot Tanjung Bungah	Alat pemadam api yang sepatutnya diletakkan di dinding atau di penjuru bilik tetapi diletakkan di lantai. **(Gambar 59.2)**
Hab Teluk Bahang	• Tiada kemudahan tandas. **(Gambar 59.3)** • Hab yang didirikan berhampiran jambatan boleh merosakkan struktur jambatan. • Hab terletak berhampiran dengan kawasan kediaman menyebabkan bas sukar untuk membuat pusingan. **(Gambar 59.4)**
Hab Paya Terubong	• Tiada tempat rehat yang sempurna. **(Gambar 59.5)** • Pejabat tidak disediakan menyebabkan *Regulator* hanya bertugas di atas motornya. **(Gambar 59.6)** • Kemudahan tandas tidak disediakan. **(Gambar 59.7)**
Hab Relau	• Kanopi digunakan untuk dijadikan hab sementara. **(Gambar 59.8** dan **59.9)** • Tidak dilengkapi dengan kemudahan pejabat; kerusi dan meja serta alat penyaman udara.
Hab Persiaran Gurney	Hab sebenar untuk persinggahan bas tidak disediakan. **(Gambar 59.10)**

GAMBAR 59.1



Depot Sungai Nibong
- Tulisan Di Kertas Tidak Kelihatan Pada Alat Pemadam Api Di Tempat Pengisian Minyak
(09.06.2010)

GAMBAR 59.2



Depot Tanjung Bungah
- Dua Alat Pemadam Api Diletakkan Di Lantai
(06.08.2010)

GAMBAR 59.3



Hab Teluk Bahang
- Tiada Kemudahan Tandas Disediakan
(10.06.2010)

GAMBAR 59.4



Hab Teluk Bahang
- Hab Terletak Berhampiran Kawasan Kediaman Menyukarkan Bas Membuat Pusingan
(10.06.2010)

GAMBAR 59.5



Hab PayaTerubong
- Tiada Tempat Rehat Yang Sempurna
(05.08.2010)

GAMBAR 59.6



Hab Paya Terubong
- Tiada Tempat Yang Selesa Untuk Regulator Bertugas, Di Mana Tugas Dilakukan Di Atas Motor Kerana Ketiadaan Pejabat
(05.08.2010)

GAMBAR 59.7



Hab Paya Terubong
- Tempat Parkir Bas Sementara Kapten Bas Berehat, Kemudahan tandas tidak disediakan
(05.08.2010)

GAMBAR 59.8



Hab Relau
- Kelihatan Pondok Buruk Yang Merupakan Hab Lama
(05.08.2010)

GAMBAR 59.9



Hab Relau
- Kanopi Dijadikan Ruang Pejabat Sementara Untuk Regulator Bertugas
(05.08.2010)

GAMBAR 59.10



Hab Persiaran Gurney
- Hab Sebenar Untuk Persinggahan Bas Tidak Disediakan
(06.08.2010)

ii. Mulai bulan Januari 2010, Rapid Penang telah menyediakan borang khas bagi mencatatkan aduan kerosakan yang berlaku di depot/hab. Sehingga bulan Mei 2010, sebanyak 67 aduan kerosakan telah dibuat seperti alat penghawa dingin tidak berfungsi; lampu terbakar dan kunci rosak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15 aduan kerosakan yang diterima antara 1 hingga 4 bulan belum diambil tindakan pembaikan. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kerosakan yang berlaku bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 di depot/hab kerana maklumat mengenainya tidak dikemukakan.

59.4.2.5. Kerja Pembersihan Bas/Premis

a. Berdasarkan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3 Tahun 2007 bertarikh 17 Mei 2007, Lembaga Pengarah telah memutuskan supaya kerja pembersihan bas dan premis Rapid Penang hendaklah ditawarkan secara tender terhad kepada syarikat berdaftar di Pulau Pinang. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kerja tersebut telah ditawarkan secara rundingan terus kepada Koperasi Pekerja Rapid Penang Bhd. mulai bulan September 2008.

b. Surat Setuju Terima bagi kerja pembersihan premis telah ditawarkan kepada Koperasi Pekerja Rapid Penang Bhd. pada 11 September 2008, namun begitu kontrak formal hanya ditandatangani pada 16 November 2009 iaitu setelah 14 bulan Surat Setuju Terima dikeluarkan. *Premises Cleaning Agreement* Perenggan 2.2 menyatakan tempoh kerja pembersihan ini perlu diperbaharui setiap 3 bulan sekali. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan pembaharuan tempoh kerja dibuat setelah berakhirnya tempoh 3 bulan daripada tarikh kontrak ditandatangani iaitu pada 16 Februari 2010 sungguhpun pembayaran berjumlah RM0.12 juta telah dibuat bagi tempoh bulan Mac hingga Mei 2010.

c. Mengikut syarat kontrak pembersihan premis, pembayaran kepada kontraktor hendaklah berdasarkan bilangan premis yang dibersihkan dan tidak melebihi RM20,175 sebulan. Semakan Audit mendapati bayaran yang

dibuat bagi bulan tertentu telah melebihi kadar bulanan yang ditetapkan seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.13
PEMBAYARAN KERJA PEMBERSIHAN PREMIS
MELEBIHI KADAR BULANAN YANG DITETAPKAN

BULAN PEMBAYARAN	PEMBAYARAN KERJA PEMBERSIHAN PREMIS		LEBIHAN PEMBAYARAN	
	SEPATUT (RM)	SEBENAR (RM)	(RM)	(%)
Mei 2009	20,175	20,241	66	0.3
Oktober 2009	20,175	28,332	8,157	40.4
November 2009	20,175	31,329	11,154	55.3
November 2009	20,175	34,546	14,371	71.2
Disember 2009	20,175	34,875	14,700	72.9
Januari 2010	20,175	36,850	16,675	82.7
Februari 2010	20,175	31,958	11,783	58.4
Mac 2010	20,175	39,397	19,222	95.3
April 2010	20,175	38,028	17,853	88.5
Mei 2010	20,175	39,830	19,655	97.4
JUMLAH	**201,750**	**335,386**	**133,636**	

d. *Berdasarkan maklum balas Rapid Penang, pertambahan bayaran adalah disebabkan berlaku peningkatan bilangan depot dan premis yang perlu dibersihkan oleh pihak kontraktor.* Sehubungan ini, **pihak Audit berpendapat Rapid Penang perlu menandatangani perjanjian tambahan dengan kontraktor supaya pertambahan bilangan depot dan premis tersebut dapat diambil kira. Pihak Audit juga berpendapat tempoh pembaharuan setiap 3 bulan sekali hanya menambahkan beban kerja dalam proses perolehan. Oleh itu, Rapid Penang hendaklah mengambil kira tempoh pembaharuan kontrak yang lebih munasabah.**

e. Semakan Audit selanjutnya mendapati Koperasi Pekerja Rapid Penang Bhd. turut ditawarkan kerja pembersihan penapis penghawa dingin bas jenis Scania. Bagaimanapun, tiada perjanjian ditandatangani berhubung kerja tersebut dan didapati sejumlah RM8,438 telah dibayar sehingga tarikh pengauditan seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.14
BAYARAN KERJA PEMBERSIHAN
PENAPIS PENGHAWA DINGIN BAS SCANIA

PERKARA	RUJUKAN INVOIS	TARIKH INVOIS	JUMLAH (RM)
Scania Buses Aircond Cleaning	(F)-0057	14.06.2010	4,449
Scania Buses Aircond Cleaning	(F)-0057	31.05.2010	2,953
Filter Cleaning	(SB)-0051	10.05.2010	1,036
JUMLAH			**8,438**

Pada pendapat Audit, memandangkan perkhidmatan penapis hawa dingin merupakan penyenggaraan pencegahan secara berkala, pihak Rapid Penang perlu melantik kontraktor berdasarkan peraturan perolehan dan disediakan perjanjian formal. Dengan ini, disyorkan pihak Rapid Penang menambahkan skop kerja pembersihan tersebut ke dalam kontrak pembersihan bas. Ini bagi melindungi Rapid Penang daripada menanggung sebarang risiko kerugian akibat daripada kecuaian kontraktor.

59.4.2.6. Pengurusan Projek Infrastruktur

a. Pada tahun 2009, sebanyak 16 projek infrastruktur telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM3.87 juta. Projek ini melibatkan kerja naik taraf depot; terminal; pembinaan hab baru dan *skid tank* serta pengubahsuaian pejabat dan depot. Butiran projek infrastruktur yang dilaksanakan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.15
SENARAI PROJEK INFRASTRUKTUR RAPID PENANG

JENIS PROJEK INFRA	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Depot Sg. Nibong And Infra Work - Package II	0.28
Depot Balik Pulau And Infra Work	0.14
Depot Sg. Nibong And Infra Work - Package III	0.27
Depot Tg. Bungah Area And Infra Work	0.28
Depot Butterworth And Infra Work	0.17
Depot Sg. Nibong And Infra Work - Package I	0.71
Design And Build - Weld Quay (Revised - Excluded Public Toilet)	0.84
Consultant Design And Build - Weld Quay	0.02
Lorong Kulit Workshop	0.31
Additional Work At Depot Sg. Nibong	0.33
Head Office Renovation	0.13
Bus Hab/Bus Stop - Teluk Bahang	0.07
Bus Hab/Bus Stop - Jln. Tun Dr Awang, Bukit Jambul	0.06
Bus Hab/Bus Stop - Lintang Angsana, Bandar Baru, Air Itam *(W/O Office)*	0.04
Nibong Tebal Depot - Renovation Work	0.09
Skid Tank Project - Sg. Nibong	0.13
JUMLAH	**3.87**

b. Semakan Audit terhadap projek infrastruktur tersebut mendapati sebanyak 14 (87.5%) projek telah lewat disiapkan iaitu antara 7 hingga 63 hari **(Jadual 59.16)**. Mengikut *Letter of Acceptance* (LOA) yang ditandatangani, sekiranya kontraktor gagal menyiapkan sesuatu bahagian atau keseluruhan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan, Rapid Penang berhak untuk mengenakan *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD) ke atas kontraktor

terbabit. LAD tersebut dikira dengan RM1,000/hari atas kelewatan keseluruhan kerja atau RM400/hari atas kelewatan sesuatu seksyen, tertakluk kepada maksimum 5% daripada nilai keseluruhan kontrak. Berdasarkan perkiraan Audit, LAD yang boleh dikenakan dianggarkan berjumlah RM0.18 juta. Namun sehingga tarikh pengauditan, LAD tersebut langsung tidak dikenakan kepada kontraktor yang berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.16
KELEWATAN PROJEK INFRASTRUKTUR MENGIKUT HARI DAN KADAR LAD YANG SEPATUTNYA DIKENAKAN

JENIS PROJEK INFRA	NILAI KONTRAK	TEMPOH PENYIAPAN MENGIKUT LOA	TEMPOH SIAP SEBENAR	KELEWATAN		PENGIRAAN LAD		JUMLAH LAD YANG SEPATUTNYA DIKENAKAN
						BERDASARKAN MAKSIMUM 5% DARI NILAI KONTRAK	BERDASARKAN JUMLAH KELEWATAN HARI	
	(RM Juta)	(Minggu)	(Minggu)	(Bil. Hari)	(%)	(RM)	(RM)	(RM)
Depot Sg. Nibong & Infra Work – Package II	0.28	8	14	42	75	14,125	56,000	14,125
Depot Balik Pulau & Infra Work	0.14	4	6	14	50	5,950	28,000	5,950
Depot Sg. Nibong & Infra Work – Package III	0.27	8	14	42	75	13,500	47,600	13,500
Depot Tg. Bungah Area & Infra Work	0.28	6	9	21	50	13,350	53,200	13,350
Depot Butterworth & Infra Work	0.17	6	10	28	67	8,050	72,800	8,050
Depot Sg. Nibong & Infra Work - Package I	0.71	8	14	42	75	33,892	33,600	33,600
Design & Biuld - Weld Quay (Revised - Excluded Public Toilet)	0.84	13	17	28	31	42,107	61,600	42,107
Lorong Kulit Workshop	0.31	6	15	63	150	13,944	123,200	13,944
Additional Work At Depot Sg. Nibong	0.33	2	9	49	350	16,652	72,800	16,652
Bus Hab/Bus Stop – Teluk Bahang	0.07	4	9	35	125	3,253	67,200	3,253
Bus Hab/Bus Stop – Jln. Tun Dr Awang, Bukit Jambul	0.06	4	9	35	125	2,934	70,000	2,934
Bus Hab/Bus Stop – Lintang Angsana, Bandar Baru, Air Itam (W/O Office)	0.04	4	9	35	125	2,717	53,200	2,717
Nibong Tebal Depot – Renovation Work	0.09	4	5	7	25	4,729	2,800	2,800
Skid Tank Project – Sg. Nibong	0.13	4	7	21	75	6,250	30,800	6,250
JUMLAH						**181,453**	**772,800**	**179,232**

Nota: ***LAD - Liquidated And Ascertained Damages***
LOA - Letter Of Acceptance

c. Pihak Audit dimaklumkan bahawa LAD tidak dikenakan disebabkan kerja tambahan projek yang dilaksanakan oleh kontraktor atas arahan Rapid Penang tanpa melibatkan pertambahan kos projek dan ia dianggap sebagai kontra ke atas jumlah LAD yang sepatutnya dikenakan. Adalah didapati

keputusan ini hanya dibuat di peringkat pengurusan Rapid Penang dan tidak dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah. Sungguhpun demikian, tiada bukti menunjukkan penambahan kerja dan kos tambahan yang terlibat telah direkodkan/didokumenkan. Contoh kerja tambahan yang dilaksanakan adalah seperti di **Gambar 59.11** hingga **59.14**. Selain itu, Rapid Penang memaklumkan bahawa kelewatan projek tersebut juga berpunca daripada beberapa faktor di luar kawalan kontraktor seperti cuaca; masalah pembekalan bahan binaan; isu luar jangka yang membabitkan pihak berkuasa serta kekangan keadaan/keluasan tapak pembinaan. Namun pihak Audit mendapati faktor tersebut tidak dinyatakan sebagai faktor yang membolehkan pengecualian daripada dikenakan LAD.

GAMBAR 59.11



Kerja Penambahan Boom Gate
Di Pintu Masuk Utama
Projek: Depot Sg. Nibong Pakej I
(Sumber Gambar: Rapid Penang)

GAMBAR 59.12



Kerja Penambahan Washing Bay (1 Unit)
Projek: Depot Sg. Nibong Pakej II
(Sumber Gambar: Rapid Penang)

GAMBAR 59.13



Kerja Penambahan Boom Gate
Di Pos Pengawal
Projek: Workshop, Lorong Kulit
(Sumber Gambar: Rapid Penang)

GAMBAR 59.14



Kerja Penambahan Roofing
(Cit Centre & Walkways)
Projek: Depot Butterwoth
(Sumber Gambar: Rapid Penang)

d. Semakan Audit selanjutnya mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan projek infrastruktur, antaranya aspek perancangan seperti proses penyediaan *Bill of Quantities*, ketiadaan lakaran kerja dan ketiadaan kontrak formal. *Berdasarkan maklum balas Rapid Penang, tindakan penambahbaikan terhadap isu tersebut telah mula diambil melalui penyediaan Prosedur Projek Baru Infrastruktur yang telah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif pada 22 Mac 2010. Prosedur tersebut antaranya meliputi tanggungjawab Pengurus Projek; penyediaan butiran terperinci dan*

anggaran kos kerja dalam bentuk Bill of Quantities (BQ) dan pelaksanaan Mesyuarat Kick Off bagi setiap kerja yang diluluskan. Selain itu, 2 kontraktor telah disenaraihitamkan oleh pihak Rapid Penang.

Pada pendapat Audit, semua projek perlu dimeterai dengan perjanjian bagi menjamin kepentingan Rapid Penang. Melalui perjanjian tersebut, perkara asas berhubung pelaksanaan projek yang meliputi antaranya *Extension of Time; Certificate of Non Completion; Liquidated Ascertained Damages* (LAD) dan *Certificate of Practical Completion* perlu dinyatakan dengan jelas dan sebarang kemungkiran yang dilakukan oleh kontraktor perlu dikenakan tindakan sebagaimana dalam kontrak.

59.4.2.7. Pengurusan Projek Khas

a. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Rapid Penang melalui Jabatan Kreatif Dan Komunikasi (CCD) telah melaksanakan beberapa projek khas dalam usaha mempertingkatkan pendapatan operasi syarikat. Berdasarkan rekod Rapid Penang, adalah didapati perbelanjaan sebenar projek khas bagi tahun 2008 dan 2009 adalah melebihi bajet dengan 109.5% dan 21.6% seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.17
PERBELANJAAN SEBENAR PROJEK KHAS BERBANDING BAJET
BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2009

TAHUN	BAJET (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR* (RM)	LEBIHAN/(KURANGAN)	
			(RM)	(%)
2007	TM	223,222	TM	TM
2008	150,000	314,177	164,177	109.5
2009	360,000	437,711	77,711	21.6
JUMLAH	**510,000**	**975,110**	**241,888**	**-**

Nota : ***(*) - Berdasarkan Maklumat Daripada CCD*** ***TM - Tiada Maklumat***

b. Antara projek khas yang telah dilaksanakan di bawah kendalian CCD bagi tempoh tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.18
PROJEK KHAS OLEH CCD

NAMA PROJEK	TARIKH	PERBELANJAAN SEBENAR* (RM)	KETERANGAN JENIS PERBELANJAAN
Pelancaran MOU-Rapid Puspakom	14.01.2010	73,465	Kad Jemputan, Cenderamata Kepada Jemputan VIP**
Pelancaran Depot Nibong Tebal	15.01.2010	34,613	Pewter Kepada Jemputan VIP**
Majlis Pemantapan Laluan	01.02.2010	21,090	Bayaran Catering, Risalah-risalah Dan Pita
Pelancaran Ride 2 Fa Chai Campaign Di Hotel Hard Rock	01.02.2010 Hingga 14.04.2010	34,818	Bayaran Persembahan, 8 Set Iphone (Maxis) Untuk Keraian Media**

NAMA PROJEK	TARIKH	PERBELANJAAN SEBENAR* (RM)	KETERANGAN JENIS PERBELANJAAN
Rapid Hitz On Wheels *- Snap Tag And Win*	05.05.2010	43,360	Iklan Radio Dan Online, Bas Bergerak Rapid
Pelancaran Bas Baru Dan Penyerahan Sijil ISO	17.07.2009	35,658	Cenderamata**, Iklan NST, Sepanduk ISO
GPS Tracking Solution Merupakan Sistem Pemantauan Ke Atas Aktiviti/Pergerakan BasYang Antaranya Bertujuan Untuk: ○ Mengesan perjalanan bas dan mengawal jadual pergerakan bas ○ Mengawal tingkahlaku pemandu bas	09.06.2008 hingga kini	605,953	*GPS Service, GPRS Service* dan *SMS Alert Service*

Nota : ***(*) - Berdasarkan Maklumat Daripada CCD***
(**) - Maklumat Terperinci Berhubung Perbelanjaan Tidak Dapat Dikenal Pasti Memandangkan Dokumen Berkenaan Tidak Dapat Dikemukakan Oleh Rapid Penang

c. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan bahawa kertas kerja perancangan dan analisis kos untuk *value for money* telah disediakan. Bagaimanapun, perkara ini ada dibincangkan di peringkat mesyuarat pengurusan. **Pada pendapat Audit, perancangan yang teratur termasuk analisis kos adalah penting bagi memastikan hasil projek memberi nilai pulangan terbaik (value for money) kepada Rapid Penang.**

59.4.2.8. Pengurusan Asrama

a. Rapid Penang menyediakan asrama untuk kemudahan kakitangan operasinya terutama kapten bas (pemandu). Asrama ini diperuntukkan kepada mereka yang memohon dan yang menghadapi masalah mendapatkan penginapan yang berhampiran dengan lokasi bekerja. Setiap penghuni asrama dikenakan bayaran RM50 melalui potongan gaji bulanan. Butiran bangunan yang disewa oleh Rapid Penang untuk dijadikan asrama kakitangannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.19
BUTIRAN ASRAMA YANG DISEWA OLEH RAPID PENANG

ALAMAT	KADAR SEWA BULANAN (RM)	TEMPOH SEWAAN	SYARAT TEMPOH PENYEWAAN	BIL. TEMPAT PENGINAPAN (SETAKAT 1.10.2010)		
				ISI	KOSONG	JUMLAH
No. 753-A, Jalan Sultan Azlan Shah, Sungai Nibong 11900 Bayan Lepas Pulau Pinang	1,000	15.09.2009 hingga 14.09.2010	Tempoh 1 tahun dengan 5 kali pembaharuan tahunan.	6	7	13
6, Jalan Sungai Tiram 3, 11900 Bayan Lepas Pulau Pinang	2,800	01.03.2009 hingga 28.02.2011	2 tahun	6	14	20
No. 10-10-02 Azuria Apartment 11200 Tanjung Bungah Pulau Pinang	700	01.02.2010 hingga 31.01.2011	Tempoh 1 tahun dengan 5 kali pembaharuan tahunan	7	5	12
No.27, Persiaran Pantai Jerjak 8, MK 12, 11900 Pulau Pinang	2000	01.11.2010 hingga 30.10.2012	2 tahun	0	25	25
JUMLAH	**6,500**			**19**	**51**	**70**

b. Semakan Audit terhadap Penyata Potongan Gaji pada 30 September 2010 mendapati potongan gaji telah dibuat dengan teratur dan kesemua penghuni yang menduduki asrama tersebut adalah terdiri daripada golongan yang layak bagi kemudahan tersebut. Bagaimanapun, peratus menduduki asrama masih di tahap yang rendah iaitu hanya 27.1% di mana masih terdapat 51 kekosongan daripada keseluruhan 70 tempat penginapan. **Pada pendapat Audit, bagi mengurangkan tanggungan kos penyewaan asrama, adalah wajar Rapid Penang mengkaji semula bilangan asrama yang sedia ada supaya bersesuaian dengan keperluan sebenar kakitangannya.**

59.4.2.9. Maklum Balas Penumpang Dan Kapten Bas

Pihak Audit telah menyediakan soal selidik untuk penumpang dan kapten bas Rapid Penang. Hasil soal selidik tersebut adalah seperti berikut:

a. Maklum Balas Penumpang

Seramai 102 responden (penumpang) telah memberi maklum balas mengenai tahap kepuasan mereka terhadap perkhidmatan bas Rapid Penang. Secara umumnya, sebahagian besar penumpang berpuas hati terhadap perkhidmatan bas Rapid Penang. Lebih 80% responden memberikan tahap memuaskan, baik dan sangat baik bagi kesemua aspek iaitu aspek fizikal bas (94.1%); kebersihan bas (93.1%); keselesaan tempat menunggu (91.1%); kekerapan bas (84.4%); keselamatan penumpang (96.1%); ketepatan jadual (81.4%); kemudahan kepada Orang Kurang Upaya (92.1%) dan harga tiket (86.3%). Hasil tahap kepuasan penumpang diringkaskan seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.20
TAHAP KEPUASAN PENUMPANG BAS RAPID PENANG

UKURAN MAKLUMBALAS	KATEGORI UKURAN					
Keadaan Fizikal Bas	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	2	4	24	40	32	-
%	2.0	3.9	23.5	39.2	31.4	-
Kebersihan Bas	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	2	5	18	46	31	-
%	2.0	4.9	17.6	45.1	30.4	-
Keselesaan Tempat Menunggu (Stesen)	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	5	4	21	49	23	-
%	4.9	3.9	20.6	48.0	22.6	-
Kekerapan Bas	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	4	12	46	28	12	-
%	3.9	11.8	45.0	27.5	11.8	-
Keselamatan Penumpang	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	3	1	26	50	22	-
%	2.9	1.0	25.5	49.0	21.6	-

UKURAN MAKLUMBALAS	KATEGORI UKURAN					
Ketepatan Jadual	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	8	11	39	33	11	-
%	7.8	10.8	38.2	32.4	10.8	-
Kemudahan Kepada OKU	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	3	5	23	44	27	-
%	2.9	4.9	22.5	43.2	26.5	-
Tanda Pengenalan Bas	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	3	5	28	39	27	-
%	2.9	4.9	27.5	38.2	26.5	-
Harga Tiket	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	6	8	37	37	14	-
%	5.9	7.8	36.3	36.3	13.7	-

Nota :

1 - Sangat Tidak Memuaskan
2 - Tidak Memuaskan
3 - Memuaskan
4 - Baik
5 - Sangat Baik
6 -Tidak Memberikan Maklum Balas

Tahap Kepuasan Tertinggi
Tahap Kepuasan Terendah

b. Maklum Balas Kapten Bas (Pemandu)

Seramai 33 responden (pemandu) telah memberi maklum balas mengenai tahap kepuasan mereka terhadap organisasi bekerja dan majikan. Lebih 70% responden memberikan tahap memuaskan, baik dan sangat baik bagi aspek persekitaran kerja (87.9%); lokasi kerja (87.9%); *shift* kerja (84.9%) dan latihan (72.7%). Bagaimanapun, lebih 50% responden memberikan maklum balas tidak memuaskan dan sangat tidak memuaskan bagi aspek manfaat perkhidmatan (51.6%); kerenah birokrasi (54.5%) dan penghargaan (69.7%). Butiran ringkas hasil maklum balas pemandu adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 59.21
TAHAP KEPUASAN KAPTEN BAS RAPID PENANG

UKURAN MAKLUMBALAS	KATEGORI UKURAN					
Persekitaran Kerja	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	-	4	6	20	3	-
%	-	12.1	18.2	60.6	9.1	-
Lokasi Kerja	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	-	4	11	17	1	-
%	-	12.1	33.4	51.5	3.0	-
Shift Kerja	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	-	4	12	14	2	1
%	-	12.1	36.4	42.4	6.1	3.0
Lain-lain Manfaat Perkhidmatan	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	3	4	7	8	1	10
%	9.1	12.1	21.2	24.2	3.0	30.4
Karenah Birokrasi	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	7	10	6	7	2	1
%	21.2	30.3	18.2	21.2	6.1	3.0

UKURAN MAKLUMBALAS	KATEGORI UKURAN					
Perhubungan	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	11	3	1	14	3	1
%	33.4	9.1	3.0	42.4	9.1	3.0
Berfikiran Terbuka	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	10	5	5	9	3	1
%	30.2	15.2	15.2	27.3	9.1	3.0
Penghargaan	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	7	5	3	4	3	11
%	21.2	15.2	9.1	12.1	9.1	33.3
Latihan	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Responden	-	2	4	17	3	7
%	-	6.1	12.1	51.5	9.1	21.2

Nota :

1 - Sangat Tidak Memuaskan ***2 - Tidak Memuaskan***
3 - Memuaskan ***4 - Baik***
5 - Sangat Baik ***6 -Tidak Memberikan Maklum Balas***

Tahap Kepuasan Tertinggi
Tahap Kepuasan Terendah

Pada pendapat Audit, memandangkan Rapid Penang masih di awal peringkat penubuhannya namun permintaan masyarakat terhadap sistem pengangkutan awam yang berkualiti menunjukkan peningkatan yang ketara. Oleh itu, pihak pengurusan perlu meneruskan usaha promosi dan menambahbaik pengurusan aktiviti, sumber manusia dan aset operasi syarikat supaya tahap keyakinan masyarakat dapat ditingkatkan terhadap perkhidmatan Rapid Penang.

59.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

59.4.3.1. Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik dipatuhi oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, Rapid Penang juga telah mendapat persijilan MS ISO 9001:2008 bagi 41 polisi/prosedur yang meliputi antaranya pengurusan dan kawalan terhadap operasi; sumber manusia dan pengurusan aset. Bagaimanapun, berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh pihak Audit Kualiti Dalaman MS ISO 9001:2008 Rapid Penang (Audit Kualiti ISO), masih terdapat ketidakakuran terhadap peraturan dokumen Kualiti MS ISO. Selain itu, sebahagian daripada teguran Audit Kualiti Dalaman MS ISO 9001: 2008 belum diambil tindakan oleh pihak pengurusan Rapid Penang. **Pada pendapat Audit, pihak pengurusan Rapid Penang hendaklah memandang serius terhadap isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit Kualiti ISO. Tindakan tegas hendaklah diambil terhadap mana-mana bahagian yang tidak mematuhi peraturan dokumen Kualiti MS ISO. Selain itu, pihak Rapid Penang perlu mengadakan sesi latihan yang berterusan dalam mempertingkatkan tahap kesedaran kepada semua lapisan kakitangan.**

59.4.3.2. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strateginya bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati Rapid Penang ada menyediakan pelan perniagaan syarikat melalui Strategi Perniagaan Untuk Tempoh 5 Tahun bermula pada tahun 2009. Strategi tersebut dibahagikan kepada 4 elemen iaitu jualan, sistem, pemasaran dan operasi. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan strategi perniagaan tersebut diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah dan dijadikan sebagai dokumen rasmi syarikat.

59.4.3.3. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Semakan Audit mendapati sejak Rapid Penang diambil alih oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) pada tahun 2009, Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit yang ditubuhkan di peringkat syarikat sebelum ini telah dibubarkan. Lanjutan daripada pembubaran tersebut, pemantauan dan penyeliaan operasi Rapid Penang dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit, Syarikat Prasarana Negara Berhad selaku syarikat induknya.

59.4.3.4. Menurut Akta Syarikat 1965, Ahli Lembaga Pengarah mempunyai kuasa terhadap pengurusan; pembuatan keputusan serta penyeliaan terhadap segala urusan syarikat. Dalam erti kata lain, Ahli Lembaga Pengarah berperanan untuk memantau segala tindakan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

a. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, terdapat 7 kali perubahan struktur organisasi di Rapid Penang antaranya penambahan unit baru serta penambahan bilangan kakitangan yang hanya diluluskan di peringkat Ketua Pegawai Eksekutif dan tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. **Pada pendapat Audit, kekerapan perubahan struktur organisasi Rapid Penang dalam tempoh masa yang singkat boleh menjejaskan tumpuan kakitangan terhadap tugas mereka. Selain itu, memandangkan perubahan struktur organisasi adalah melibatkan keberkesanan sistem pengurusan dan penambahan kos kepada syarikat, adalah wajar ia mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah.**

b. Bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan Ogos 2010, **seramai 382 kakitangan Rapid Penang telah memberhentikan perkhidmatan**. Antara jawatan yang mencatatkan kadar pemberhentian yang tinggi adalah kapten bas melibatkan 226 kakitangan (59.2%), *premise control assistant* melibatkan 33 kakitangan (8.6%), *enforcement assistant* melibatkan 24 kakitangan (6.3%) dan *regulator* melibatkan 19 kakitangan (5.0%). Berdasarkan rekod Rapid

Penang, antara faktor kepada pemberhentian tersebut adalah kakitangan dikenakan tindakan disiplin; mendapat tawaran kerja yang lebih baik dan kurangnya tahap kepuasan bekerja.

c. Prosedur Tindakan Tatatertib telah dikeluarkan oleh Rapid Penang bagi menggariskan beberapa peraturan penting berhubung perkara tersebut. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan tindakan tatatertib seperti berikut:

   i. Akta Kerja 1955, Seksyen 14(2) menyatakan bahawa sekiranya siasatan dibuat ke atas tindakan salah laku, pekerja boleh digantung daripada kerja untuk tempoh yang tidak melebihi 14 hari dan dibayar tidak kurang daripada separuh gaji. Semakan Audit terhadap 8 fail kes mendapati 4 pekerja telah digantung kerja melebihi tempoh 14 hari iaitu antara 16 hingga 34 hari. Pihak Audit dimaklumkan bahawa tempoh pergantungan yang lama adalah kerana kelewatan proses temu siasat.

   ii. Terdapat 2 kes pelucutan jawatan di mana *Finding Report of Domestic Inquiry* tidak ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan ianya jelas tidak mematuhi prosedur yang telah ditetapkan.

59.4.3.5. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 antaranya menetapkan bahawa peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat perlu diperkemas dan diperketatkan bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan berlaku dalam urusan perbelanjaan Rapid Penang seperti berikut:

a. Sebanyak 76 baucar bayaran berjumlah RM34,821 yang merupakan tuntutan pendahuluan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 (setakat bulan Oktober) tidak dikemukakan pada bulan berikutnya, sebaliknya dikumpulkan untuk beberapa tempoh tertentu sebelum dikemukakan kepada Bahagian Kewangan untuk tujuan pembayaran.

b. Semakan Audit terhadap 18 sampel baucar bayaran yang berjumlah RM119,853 mendapati kesemua baucar tersebut telah dibayar antara sebulan hingga 12 bulan selepas tuntutan dikemukakan. Daripada baucar tersebut, adalah didapati 2 baucar berjumlah RM1,300 dibayar tanpa dokumen sokongan manakala 10 baucar berjumlah RM112,953 dibayar kepada pihak yang tidak membuat perbelanjaan sebenar. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kelewatan tersebut antaranya disebabkan oleh ketiadaan dokumen sokongan seperti bil, invois dan resit perbelanjaan. **Pada pendapat Audit, pihak pengurusan tertinggi Rapid Penang perlu memastikan pengurusan pembayaran dibuat dengan teratur.**

59.4.3.6. Menurut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan langkah wajar diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan

dengan cekap dan teratur. Semakan Audit mendapati pada umumnya, kelemahan berhubung pengurusan aset berlaku kerana garis panduan dan peraturan yang khusus tidak disediakan oleh pihak syarikat. Butiran kelemahan pengurusan aset Rapid Penang adalah seperti berikut:

a. Walaupun pemeriksaan aset ada dijalankan, namun ia tidak dibuat secara berkala. Selain itu, laporan mengenai pemeriksaan aset yang dijalankan tidak disediakan.

b. Pemeriksaan fizikal oleh pihak Audit ke atas 37 aset yang membabitkan lokasi di garaj Jabatan Kreatif Dan Komunikasi serta Bilik Puspakom mendapati perkara berikut:

   i. Tujuh aset tidak mempunyai label.

   ii. Tujuh aset boleh dikenal pasti tetapi lokasi aset berbeza daripada yang dicatatkan dalam daftar aset.

   iii. Terdapat aset di garaj yang labelnya tertanggal/lekang kerana penggunaan aset tersebut yang terdedah kepada minyak dan cuaca.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset masih tidak memuaskan dan perlu diatasi dengan segera bagi memastikan keselamatan harta syarikat terjamin. Oleh itu, pihak pengurusan perlu segera menyediakan prosedur lengkap berkaitan pengurusan aset dan dikemukakan kepada pihak Lembaga Pengarah untuk diluluskan.

59.5. SYOR AUDIT

Objektif penubuhan Rapid Penang untuk memberi kemudahan sistem pengangkutan awam secara bersepadu dengan mengutamakan kepuasan pelanggan tidak mungkin dapat dicapai sekiranya kelemahan khususnya berhubung pengurusan aktiviti tidak diperbetulkan segera. Sehubungan itu, adalah disyorkan supaya pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

59.5.1. Pengurusan Rapid Penang perlu menguruskan kos operasi dengan lebih cekap dan berkesan supaya dapat meningkatkan keuntungannya selaras dengan peningkatan pendapatan.

59.5.2. Pengurusan Rapid Penang perlu memaklumkan perkara yang signifikan kepada Lembaga Pengarah dan mendapatkan kelulusan mereka agar setiap keputusan dan polisi dapat dibuat secara telus dan tidak memihak kepada kepentingan pihak tertentu.

59.5.3. Pengurusan Rapid Penang perlu mengkaji semula prosedur sedia ada seperti prosedur tindakan tatatertib, prosedur kewangan dan menyediakan polisi dan prosedur lengkap mengenai pengurusan aset.

59.5.4. Lembaga Pengarah perlu memastikan pencapaian syarikat dikaji dari semasa ke semasa dan memantau secara berterusan pengurusan operasi dan kewangan agar objektif syarikat tercapai, di samping meningkatkan mutu perkhidmatan bas.

59.5.5. Syarikat Prasarana Negara Berhad sebagai syarikat induk perlu memantau dengan lebih rapi pengurusan operasi dan kewangan Rapid Penang untuk memastikan kelemahan yang berlaku tidak berulang dan sebarang masalah dapat ditangani lebih awal lagi.

KEMENTERIAN KEWANGAN

60. PENGURUSAN IJN COLLEGE SDN. BHD.

60.1. LATAR BELAKANG

60.1.1. IJN College Sdn. Bhd. (IJNC) telah ditubuhkan pada 16 Januari 2007 dengan nama IJN Training Sdn. Bhd. dan merupakan syarikat subsidiari milik penuh IJN Holdings Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat Kerajaan. Modal dibenarkan IJNC adalah RM25 juta dan modal berbayar ialah RM3 juta. Tujuan utama penubuhan IJNC adalah bagi mempromosikan kecemerlangan dalam bidang kardiologi dan *cardiothoracic sciences* dengan menyediakan program latihan profesional lanjutan bagi perkhidmatan rawatan jantung. Ini adalah sejajar dengan usaha Kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga profesional, sekali gus merealisasikan Malaysia sebagai hab perkhidmatan rawatan pelancongan (Health Tourism). Pada bulan April 2010, penstrukturan semula IJN Holdings Sdn. Bhd. telah dilaksanakan dengan menjadikan IJN Sdn. Bhd sebagai satu entiti. Manakala IJNC masih lagi berada dalam proses penstrukturan semula dan sehingga kini masih lagi menunggu keputusan muktamad daripada Kementerian Kewangan. Bermula 1 April 2010, IJN Sdn. Bhd. (IJNSB) telah menjadi syarikat induk IJNC.


60.1.2. Aktiviti utama IJNC adalah menyediakan tempat pembelajaran bagi pengajian tinggi dalam bidang *cardiothoracic* dan *cardiovascular sciences* yang memberi fokus terhadap kejururawatan dan perkara yang berhubung kait dengan disiplin penjagaan kesihatan. Program yang ditawarkan dikategorikan kepada *award programme* dan *non-award programme*. *Award programme* adalah program yang telah diluluskan oleh Lembaga Akreditasi Malaysia serta Kementerian Pengajian Tinggi dan pelajar akan dianugerahkan sijil atau diploma setelah menamatkan program/kursus. Contoh kursus di bawah *award programme* adalah seperti *Professional Diploma in Cardiovascular and Thoracic Sciences; Professional Certificate in Coronary Critical Care Nursing* dan *Certificate in Cardiovascular and Thoracic Sciences.* Manakala *non-award programme* adalah seminar, bengkel dan latihan yang dilaksanakan dalam jangka masa pendek. Contoh kursus di bawah *non-award programme* adalah seperti *Mentoring and Assessing in Practice Module; Medical Device User Training; Intermediate Echocardiography* dan *Academic English and Writing.*

60.1.3. Struktur korporat IJNC terdiri daripada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengelola. Lembaga Pengarah IJNC menetapkan hala tuju strategik dan pelan perniagaan syarikat bagi mencapai objektif penubuhannya. Selain dari itu, Lembaga Pengarah juga perlu memastikan dan memantau semua proses kerja IJNC dilaksanakan dengan teratur serta menilai prestasi dan pencapaian syarikat adalah sejajar dengan pelan perniagaan serta petunjuk prestasi utama yang ditetapkan untuk menjamin kepentingan pemegang saham. Manakala Lembaga Pengelola

bertanggungjawab terhadap semua urusan pentadbiran akademik yang meliputi urusan pelajar, staf akademik dan kurikulum program yang ditawarkan. Lembaga Pengelola terdiri daripada 14 ahli yang mewakili IJNC, pakar dalam industri terbabit, ahli akademik tempatan/antarabangsa serta pakar bidang perubatan, klinikal, kejururawatan dan kesihatan bersekutu.

60.1.4. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 31 Mac 2010, Lembaga Pengarah IJNC dianggotai oleh 5 orang ahli di mana 4 daripada mereka merupakan pengarah bebas dan seorang adalah pengarah eksekutif. Setakat 31 Disember 2010, terdapat kekosongan Pengerusi dan seorang pengarah bebas semenjak 1 April 2010. *Berdasarkan maklum balas IJNC, perkara ini terjadi disebabkan IJN Holdings Sdn. Bhd. sedang dalam proses penyusunan semula dan kedudukan IJNC sedang dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah IJN Holdings Sdn. Bhd. dan IJN Sdn. Bhd.* Pengurusan IJNC diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 9 eksekutif dan seorang bukan eksekutif. Struktur organisasi IJNC setakat 31 Disember 2010 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 60.1
STRUKTUR ORGANISASI IJN COLLEGE SDN. BHD.
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2010



60.1.5. Sebagai syarikat subsidiari yang dimiliki oleh Syarikat Kerajaan, IJNC perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa serta Kod Tadbir Urus Korporat (Semakan 2007). Antara lain Akta Syarikat 1965 menetapkan tentang keperluan pelantikan Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat serta fungsi mereka berkaitan pengurusan syarikat. Manakala pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menetapkan tentang kaedah pelantikan Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan penubuhan Jawatankuasa Audit serta fungsi mereka.

60.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

60.2.1. Prestasi kewangan IJNC adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

60.2.2. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

60.2.3. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

60.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama IJNC. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 telah dibuat di pejabat syarikat induk IJNC dan Kementerian Kewangan. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2007, 2008 dan 2009 yang telah diaudit. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan IJNC serta pegawai Kementerian Kewangan turut diadakan.

60.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga September 2010 mendapati prestasi kewangan IJNC belum mencapai tahap memuaskan memandangkan syarikat baru ditubuhkan pada tahun 2007. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti IJNC pada keseluruhannya adalah memuaskan, namun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh Lembaga Pengarah seperti pencapaian sasaran pengambilan pelajar adalah rendah dan ketiadaan pelan pemasaran untuk mempromosikan program yang ditawarkan. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat seperti ketiadaan polisi dan prosedur syarikat berkaitan aktiviti utama dan tiada bukti perubahan Petunjuk Prestasi Utama [Key Performance Indicator (KPI)] diluluskan oleh Lembaga Pengarah serta kelemahan dalam pengurusan aset. Kelemahan yang dibangkitkan ini perlu ditangani segera bagi memastikan pencapaian objektif penubuhan IJNC sebagai pusat penyediaan latihan profesional dalam bidang kardiologi tidak terjejas. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan IJNC adalah seperti berikut:

60.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan IJNC, analisis telah dibuat terhadap beberapa butiran dalam Penyata Pendapatan, Lembaran Imbangan dan Penyata Aliran Tunai Syarikat bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis tersebut adalah seperti berikut:


60.4.1.1. Bagi tempoh tahun kewangan 2007 hingga 2009, prestasi kewangan IJNC yang memperolehi sumber pendapatan daripada yuran pengajian mengalami peningkatan kerugian bagi 3 tahun berturut-turut. Pada tahun 2009,


kerugian bersih telah meningkat sejumlah RM0.19 juta (158.3%) menjadi RM0.31 juta berbanding RM0.12 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh jumlah perbelanjaan operasi yang meningkat daripada RM1.24 juta (2008) kepada RM1.66 juta pada tahun 2009. Antara peningkatan perbelanjaan yang ketara adalah gaji dan elaun (55.9%), yuran profesional (142.3%), latihan dan seminar (472%) serta yuran pengajar (408.8%). Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi IJNC bagi tempoh tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 60.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI IJNC
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

BUTIRAN	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan	-	1.12	1.35
Perbelanjaan Operasi	(0.04)	(1.24)	(1.66)
Kerugian Operasi	**(0.04)**	**(0.12)**	**(0.31)**
Lain-lain Pendapatan	-	-	0.09
Kerugian Sebelum Cukai	**(0.04)**	**(0.12)**	**(0.22)**
Cukai	-	-	(0.09)
Kerugian Bersih Semasa	**(0.04)**	**(0.12)**	**(0.31)**

CARTA 60.2
TREND PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN
IJNC BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009





60.4.1.2. Bagi menentukan prestasi kewangan IJNC, analisis nisbah semasa; margin keuntungan; pulangan ke atas aset serta pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009. Berikut adalah hasil analisis yang dijalankan:

a. **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini

menunjukkan semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan kepada perkiraan Audit, tahap kecairan syarikat pada tahun 2007 adalah sangat tinggi iaitu sebanyak 25 kali kerana IJNC yang baru ditubuhkan pada tahun 2007 hanya mempunyai baki di bank sebagai aset semasanya dan belum mempunyai liabiliti semasa yang tinggi. Tahap kecairan menurun dengan ketara kepada 2.22 kali pada tahun 2008 disebabkan peningkatan liabiliti semasa. Pada tahun 2009, tahap kecairan meningkat kepada 6.84 kali menunjukkan IJNC masih mampu menyelesaikan liabiliti semasanya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 60.2
NISBAH SEMASA BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a)/(b)
2007	1.00	0.04	25.00 : 1
2008	1.51	0.68	2.22 : 1
2009	2.94	0.43	6.84 : 1

b. **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama (core business) sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat menjalankan perniagaan. IJNC telah mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut sejak penubuhannya pada tahun 2007. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan pada tahun 2008, IJNC telah mengalami kerugian sejumlah RM0.11 dan meningkat kepada kerugian sejumlah RM0.23 pada tahun 2009. Ini didorong oleh faktor perbelanjaan operasi yang meningkat. Margin keuntungan pada tahun 2007 tidak dapat dinilai memandangkan tiada hasil diperolehi pada tahun pertama operasi syarikat ini. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 60.3
MARGIN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) BERSIH (RM Juta) (a)	PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KERUGIAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a)/(b)
2007	(0.04)	-	-
2008	(0.12)	1.12	(0.11)
2009	(0.31)	1.35	(0.23)

c. **Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan ke atas jumlah aset yang dilaburkan ke dalam syarikat iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati tahap kecekapan IJNC menguruskan asetnya pada tahun 2009 adalah semakin menurun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 60.4
PULANGAN KE ATAS ASET
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) BERSIH (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a)/(b)
2007	(0.04)	1.00	(4.0)
2008	(0.12)	1.52	(7.9)
2009	(0.31)	2.96	(10.5)

d. **Pulangan Ke Atas Ekuiti** mengukur pulangan ke atas jumlah struktur modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan struktur modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati tahap kecekapan menguruskan modal syarikat IJNC menunjukkan sedikit peningkatan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 60.5
PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) BERSIH (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a)/(b)
2007	(0.04)	0.96	(4.2)
2008	(0.12)	0.84	(14.3)
2009	(0.31)	2.52	(12.3)

60.4.1.3. Penyata aliran tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan, manakala penyata pendapatan dan lembaran imbangan pula disediakan berdasarkan konsep akruan di mana pendapatan diiktiraf walaupun tiada tunai diterima dan perbelanjaan di caj walaupun pembayaran belum dibuat. Perubahan dalam kedudukan aliran tunai syarikat di antara tarikh lembaran imbangan tidak akan sama dengan keuntungan yang dilaporkan dalam tahun tersebut. Oleh yang demikian, analisis terhadap penyata aliran tunai dapat memberikan maklumat mengenai keupayaan syarikat menjana tunai untuk membiayai kos operasi syarikat.

60.4.1.4. Analisis terhadap Penyata Aliran Tunai mendapati IJNC telah mengalami defisit aliran tunai daripada aktiviti pengoperasian berjumlah RM0.65 juta pada tahun 2008 dan RM0.22 juta pada tahun 2009. Bagaimanapun pada tahun 2009, defisit aliran tunai daripada aktiviti pengoperasian bertambah baik daripada tahun sebelumnya. Analisis lanjut mendapati pada tahun 2009, IJNC telah menerbitkan saham tambahan berjumlah RM2 juta untuk menampung defisit aliran tunai syarikat. Setakat

31 Disember 2009, syarikat masih belum berupaya menjana dana daripada aktiviti operasi dan terpaksa bergantung kepada pembiayaan syarikat induknya. Antara punca ketidakcukupan dana bagi operasi syarikat adalah kerana jumlah yuran pengajian yang dijana oleh IJNC tidak dapat menampung kos operasi syarikat yang semakin meningkat. Kedudukan aliran tunai IJNC adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 60.6
PENYATA ALIRAN TUNAI IJNC
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

BUTIRAN/TAHUN	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PENGOPERASIAN			
Kerugian Bersih Selepas Cukai	(0.04)	(0.12)	(0.31)
Pelarasan	-	0.00	0.08
Peningkatan Modal Kerja	0.04	0.66	0.45
Pengurangan Modal Kerja	-	(1.12)	(0.33)
Cukai	-	(0.07)	(0.11)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pengoperasian	**0.00**	**(0.65)**	**(0.22)**
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Aliran Masuk Tunai	-	-	0.01
Aliran Keluar Tunai	-	-	(0.01)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	**-**	**-**	**0.00**
ALIRAN TUNAI DARI PEMBIAYAAN			
Aliran Masuk Tunai	1.00	-	2.00
Aliran Keluar Tunai	-	-	-
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	**1.00**	**-**	**2.00**
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	**1.00**	**(0.65)**	**1.78**
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	**-**	**1.00**	**0.35**
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	**1.00**	**0.35**	**2.13**

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan IJNC belum mencapai tahap memuaskan di mana syarikat telah mencatatkan peningkatan kerugian bagi 3 tahun berturut-turut dan juga masih belum berupaya menjana tunai (yuran pengajian) untuk membiayai kos operasinya. Ini adalah disebabkan IJNC adalah syarikat baru dan semua perbelanjaan setakat ini merupakan pelaburan jangka panjang dan dalam usaha mengembangkan lagi syarikat. Oleh itu, Lembaga Pengarah perlu merangka satu strategi perniagaan pemasaran yang jitu serta pelan tindakan yang komprehensif untuk meningkatkan pendapatan IJNC serta mempelbagaikan punca pendapatannya agar IJNC dapat terus maju mencapai objektifnya serta menjamin pulangan kepada pemegang saham. IJNC perlu mengawal rapi perbelanjaan operasi agar prestasi IJNC dapat ditingkatkan lagi pada masa hadapan.

60.4.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

60.4.2.1. Prestasi Aktiviti

a. Berdasarkan kepada *Revised Business Plan* yang telah diluluskan melalui mesyuarat bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 Lembaga Pengarah pada 20 November 2008, IJNC telah menetapkan sasaran pengambilan pelajar bagi *award programme* adalah 355 orang. Bagaimanapun, hanya seramai 126 (35.5%) pelajar telah mendaftar untuk mengikuti program yang ditawarkan sepanjang tempoh tersebut. Kedudukan pengambilan sebenar pelajar berbanding sasaran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 60.7
KEDUDUKAN PENGAMBILAN PELAJAR BERBANDING SASARAN
BAGI *AWARD PROGRAMME* SETAKAT 31 DISEMBER 2010

TAHUN PENGAMBILAN	BILANGAN PELAJAR		PENCAPAIAN (%)
	SASARAN	PENCAPAIAN	
2008	90	68	75.5
2009	125	39	31.2
2010	140	19	13.6
JUMLAH	**355**	**126**	**35.5**

b. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, seramai 95 pelajar telah menamatkan pengajian dalam *award programme* manakala bagi *non-award programme* seramai 432 peserta telah diberi latihan dalam bidang perkhidmatan penjagaan kesihatan kardiologi. Kedudukan pelaksanaan *award programme* dan *non-award programme* yang dijalankan oleh IJNC setakat bulan Oktober 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 60.8
KEDUDUKAN PRESTASI KURSUS UTAMA SETAKAT BULAN OKTOBER 2010

KURSUS UTAMA YANG DITAWARKAN	BILANGAN PELAJAR/PESERTA					
	2008		2009		2010	
AWARD PROGRAMME	**BIL. MASUK**	**BIL. TAMAT**	**BIL. MASUK**	**BIL. TAMAT**	**BIL. MASUK**	**BIL. TAMAT**
*Professional Diploma In Cardiovascular And Thoracic Sciences (Dip. CVTS) **	18	17	-	-	-	-
Professional Certificate In Coronary Critical Care Nursing (CCCN)	24	24	18	18	19**	-
Certificate In Cardiovascular And Thoracic Sciences (CCVTS)	26	20	21	16	-	-
JUMLAH	**68**	**61**	**39**	**34**	**19**	**-**
NON-AWARD PROGRAMME	**BILANGAN PESERTA**					
Mentoring and Assessing in Practice Module	19		21		-	
Medical Device User Training (MDUT)	44		112		96	
Intermediate Echocardiography	-		8		-	
Academic English and Writing	-		80		52	
JUMLAH	**63**		**221**		**148**	

Nota : ***(*) - Awarded Provisional Accreditation Dari 24 Oktober 2008 Sehingga 15 Januari 2010***
(**) - Tempoh Program Dari Bulan Oktober 2010 Sehingga April 2011

60.4.2.2. Pengurusan Aktiviti

Semakan Audit terhadap pengurusan aktiviti IJNC berkaitan dengan 3 kursus di bawah *award programme* dan kursus *Mentoring and Assessing in Practice Module* mendapati perkara berikut:

a. Pengurusan Program Yang Ditawarkan

Pada umumnya, kursus yang ditawarkan telah diuruskan dengan baik. Peratusan pelajar kursus *award programme* yang tamat dengan jayanya adalah tinggi antara 76.2% hingga 100%. Hanya terdapat beberapa pelajar tidak dapat menamatkan pengajian kerana tidak lagi berkhidmat di institusi perubatan. Adalah juga diperhatikan 76.5% hingga 100% pelajar/peserta terdiri daripada kakitangan yang berkhidmat dengan IJNSB. Pemilihan dan pengambilan pelajar telah dilaksanakan dengan teratur berdasarkan kriteria kelayakan pelajar yang ditetapkan. Kehadiran pelajar ke kuliah telah dipantau dengan rapi oleh pihak IJNC dengan menyediakan borang kehadiran yang perlu ditandatangani oleh pelajar dan juga disahkan oleh *educators* ataupun *instructors* yang bertugas atau yang memberi latihan. Setiap ketidakhadiran pelajar ada disertakan justifikasi dan dokumen sokongan yang mencukupi. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kesemua urusan program tersebut dilaksanakan berdasarkan amalan kerana IJNC belum menyediakan garis panduan operasi dan prosedur (SOP) yang lengkap secara bertulis.

b. Kaedah Penetapan Kurikulum/Modul Program

Tanggungjawab bagi menguruskan semua perkara berkaitan dengan kurikulum pembelajaran dan latihan diletakkan di bawah pengawasan pentadbiran IJNC. Kurikulum ataupun modul program yang dijalankan oleh IJNC telah dibuat mengikut kurikulum/modul yang digunakan oleh IJN Training Sdn. Bhd. sebelum ini dan dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengelola pada tahun 2008. Bagi kursus *Professional Certificate in Coronary Critical Care Nursing* dan *Professional Diploma in Cardiovascular and Thoracic Sciences* yang dijalankan secara kerjasama dengan universiti luar seperti University South of Australia dan Liverpool John Moores University, kurikulum dan modul program telah ditetapkan oleh universiti berkenaan. Semakan Audit terhadap 3 kursus di bawah *award programme* mendapati kesemua kursus tersebut telah dijalankan mengikut kurikulum dan modul yang diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan disokong oleh Lembaga Akreditasi Malaysia dan juga Lembaga Jururawat. Bagaimanapun, IJNC juga tidak mempunyai sebarang SOP berkaitan penetapan kurikulum dan modul program yang dilaksanakannya. *Berdasarkan maklum balas IJNC, syarikat telah merangka draf polisi dan prosedur berkaitan penetapan kurikulum dan modul program melalui bengkel bersama Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Mara (UiTM).*

c. Tenaga Pengajar

Bagi memastikan program/kursus dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan, tenaga pengajar yang berkelayakan hendaklah mencukupi. Semakan Audit mendapati IJNC tidak mempunyai SOP secara bertulis bagi tujuan pengambilan tenaga pengajar. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

i. Berdasarkan senarai tenaga pengajar setakat 31 Disember 2010, IJNC mempunyai 55 tenaga pengajar (6 pengajar tetap dan 49 pengajar sambilan) yang terdiri daripada 51 *educators* dan 4 orang *clinical instructors*. Pengajar tetap terdiri daripada seorang *senior educator,* seorang *educator* dan juga 4 orang *clinical instructors*. Kelayakan pengajar tetap tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 60.9
KELAYAKAN PENGAJAR TETAP DI IJN COLLEGE SDN. BHD.

JAWATAN	KELAYAKAN
Senior Educator	*Diploma In Nursing And Bachelor Of Health Science*
Educator	*Bachelor In Business Administration And Advance Diploma Teaching Methodology*
Clinical Instructor	*Diploma In Cardiology*
Clinical Instructor	*Advance Diploma In Clinical Care Nursing*
Clinical Instructor	*Bachelor In Nursing*
Clinical Instructor	*Diploma In Medical Assistant*

Nota: ***Educator - Tenaga Pengajar Yang Mengajar Teori Dan Praktikal***
Clinical Instructor - Tenaga Pengajar Yang Mengajar Praktikal Sahaja

ii. Semua pengajar di IJNC adalah pakar dalam bidang masing-masing dan mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman bekerja serta menepati syarat kelayakan yang ditetapkan.

iii. Seksyen 51, Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) menetapkan semua tenaga pengajar Institut Pengajian Tinggi Swasta ataupun kolej swasta hendaklah mempunyai permit yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia. Adalah didapati semua tenaga pengajar mempunyai permit mengajar kecuali seorang lagi yang masih menunggu kelulusan permit daripada Ketua Pendaftar yang berkenaan. Bagaimanapun beliau hanya menjadi *clinical instructor* bagi *non-award programme* sehingga permit mengajar dikeluarkan kepada beliau. *Berdasarkan maklum balas IJNC, beliau telah meletakkan jawatan pada 16 November 2010.*

iv. IJNC telah menyediakan satu daftar tenaga pengajar selaras dengan Seksyen 51(7), Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996.

v. Kebanyakan tenaga pengajar yang mengajar di IJNC adalah tenaga pengajar yang bertugas secara sambilan. Waktu untuk mengajar adalah mengikut masa yang bersesuaian dengan tugas mereka selepas

mendapat pelepasan daripada majikan masing-masing. Kadar yang diguna pakai adalah RM200 sejam bagi pakar daripada IJNSB manakala bagi pakar daripada hospital lain adalah RM250 sejam. Pihak Audit mendapati tiada bukti menunjukkan kadar bayaran tuntutan mengajar telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Selain itu, SOP bayaran tuntutan mengajar juga belum disediakan.

d. Kemudahan Yang Disediakan

Kemudahan tempat pembelajaran serta peralatan pengajaran adalah amat penting bagi memastikan suasana pembelajaran yang efektif dan berkesan serta memastikan setiap pelajar dapat menimba ilmu pada tahap yang optimum. Semakan Audit mendapati IJNC telah menyediakan kemudahan dan peralatan yang mencukupi untuk pelajarnya. Antara kemudahan yang disediakan adalah bilik seminar, makmal skil, makmal komputer, perpustakaan, *locker* untuk pelajar serta peralatan pembelajaran seperti *LCD Projector*, komputer, televisyen, *screen projector* serta perabot. Gambar berikut menunjukkan keadaan di makmal komputer dan bilik seminar di IJNC.

GAMBAR 60.1



Makmal Komputer Di IJNC (29.09.2010)

GAMBAR 60.2



Bilik Seminar Di IJNC (29.09.2010)

e. Pelan Pemasaran Bagi Program/Kursus Yang Ditawarkan

Pelan pemasaran adalah satu strategi yang penting untuk menarik para pelajar mengikuti kursus yang ditawarkan dan boleh membantu IJNC meningkatkan pendapatan serta dapat menjamin pulangan kepada pemegang saham. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i. Aktiviti promosi berkaitan program hanya dijalankan pada bulan Jun dan Julai 2009 di pusat perubatan terpilih dan tiada bukti menunjukkan aktiviti promosi ada dijalankan pada tahun 2008 dan 2010. Ini mengakibatkan kebanyakan pelajar IJNC (76% hingga 100%) adalah kakitangan daripada syarikat induknya iaitu IJNSB.

ii. Pihak IJNC tidak menyediakan satu strategi/pelan pemasaran jangka panjang untuk menarik para pelajar. Ketiadaan strategi/pelan pemasaran ini dan kekurangan aktiviti promosi boleh menjejaskan pencapaian sasaran yang ditetapkan.

iii. IJNC telah melantik konsultan untuk menjalankan satu kajian pasaran bagi program yang ditawarkan dengan yuran konsultan berjumlah RM185,000. Namun semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan satu pelan tindakan atau pelan pemasaran telah dirangka oleh IJNC berdasarkan kajian yang dilaksanakan. *Berdasarkan maklum balas IJNC, pelan pemasaran bagi tahun 2011 hingga 2016 telah disediakan.*

f. *Berdasarkan maklum balas IJNC, pihak pengurusan dalam proses menyediakan polisi dan prosedur berkaitan aktiviti utamanya. Bagaimanapun, proses meluluskan polisi dan prosedur tersebut bergantung kepada penstrukturan semula syarikat induknya iaitu IJNSB selesai.*

Pada pendapat Audit, IJNC telah menguruskan aktiviti program/kursus yang ditawarkan dengan baik. Namun IJNC perlu segera memuktamadkan SOP bagi aktiviti utamanya dan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah supaya pengurusan aktiviti dapat dibuat dengan lebih teratur dan konsisten. Selain itu, satu pelan yang komprehensif perlu dirangka bagi memastikan laporan yang disediakan oleh konsultan digunakan secara optimum agar tidak berlaku pembaziran wang.

60.4.3. Pengurusan Kewangan Dan Tadbir Urus Korporat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 secara khususnya telah menetapkan Lembaga Pengarah Syarikat Induk adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan semua dasar yang ditetapkan dalam pekeliling ini serta semua pekeliling Kerajaan yang berkaitan perlu dipatuhi oleh syarikat subsidiari. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, IJNC telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan untuk dipatuhi seperti di jadual berikut:

JADUAL 60.10
POLISI DAN PERATURAN YANG DITETAPKAN OLEH IJN COLLEGE SDN. BHD.

PERATURAN YANG DITETAPKAN	KETERANGAN
Staff Handbook	Meliputi urusan hal sumber manusia berkaitan pengambilan, pemberhentian, pelucutan serta syarat dan faedah dalam perkhidmatan.
Prosedur Belian Dan Tender (*Procurement And Tender Procedures*)	Meliputi had perolehan kerja, barangan dan perkhidmatan bagi memastikan perolehan dapat dibuat dengan cara yang betul dan selaras dengan polisi Kerajaan serta menunjukkan akauntabiliti kepada pemegang saham.
Prosedur *Petty Cash*	Meliputi prosedur dan skop bagi pengurusan kewangan melalui *petty cash* serta had rekupan semula.
Prosedur Kewangan	Meliputi prosedur belanjawan, pengurusan aset, penyediaan *monthly management accounts* dan pengurusan pembayaran.

60.4.3.1. Mengikut Perkara 7.6 Perlembagaan IJNC, Lembaga Pengelola perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 2 bulan. Manakala Seksyen 30, Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 menetapkan setiap institusi pengajian tinggi swasta diuruskan mengikut perlembagaannya secara tegas. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengelola IJNC yang telah ditubuhkan hanya bermesyuarat sekali sahaja pada tahun 2008 dan sekali pada tahun 2010. Semakan lanjut mendapati Perlembagaan IJNC telah disediakan dengan terperinci, namun tiada bukti menunjukkan Perlembagaan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Perakuan dan kelulusan Lembaga Pengarah adalah perlu bagi memastikan setiap peraturan yang diguna pakai oleh pengurusan IJNC telah diambil maklum dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Ini memastikan sebarang ketidakpatuhan terhadap peraturan yang ditetapkan dapat diambil tindakan sewajarnya oleh Lembaga Pengarah serta membolehkan Lembaga Pengarah menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. **Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah perlu segera memastikan Lembaga Pengelola bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan agar segala urusan berkaitan akademik dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan sejajar dengan objektif penubuhannya untuk menjadi pusat latihan profesional. Selain itu, IJNC juga perlu memastikan Perlembagaan yang telah disediakan dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah untuk perakuan dan kelulusan.**

60.4.3.2. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat (pelan perniagaan) dan menetapkan strateginya untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan tersebut perlu selaras dengan objektif penubuhannya serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah bertarikh 22 November 2007 mendapati Lembaga Pengarah telah memperakukan rancangan korporat IJNC bagi tempoh tahun 2008 hingga 2013 dan rancangan tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk pada 25 Februari 2010.

60.4.3.3. Menurut Seksyen 132.(1), Akta Syarikat 1965, seorang pengarah syarikat perlu *exercise reasonable care, skill* dan *diligence* ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Manakala Manual Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government Link Company) yang dikeluarkan oleh *Putrajaya Commitee on GLC High Performance - The Green Book* (Perenggan 1.4.4.) menetapkan syarikat perlu mengadakan satu program pengenalan kepada pengarah baru bagi memudahkan pemahaman mengenai urusan dan operasi syarikat, di samping latihan secara berterusan diberikan kepada ahli Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati IJNC tidak menyediakan program latihan yang berterusan kepada pengarah bagi melengkapkan pemahaman dan pengetahuan terutamanya berkaitan perkembangan aktiviti dan industri yang diterokai oleh IJNC. Usaha hendaklah diambil bagi mengenal pasti latihan yang sesuai diberikan kepada ahli Lembaga Pengarah yang baru dan sedia ada

supaya dapat meningkatkan kompetensi dan pengetahuan secara berterusan serta menyumbang idea bagi meningkatkan operasi dan prestasi syarikat.

60.4.3.4. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) disediakan bagi mengukur tahap pencapaian dalam pengurusan operasi syarikat. Surat Arahan Kementerian Kewangan bertarikh 3 Jun 2009 mengehendaki syarikat menetapkan KPI dan mengemukakan keputusan pencapaian KPI syarikat kepada Kementerian Kewangan. *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness* (Para 3.1.3 dan 3.2.2) dan *The Blue Book - Intensifying Performance Management* pula menetapkan keperluan dan kaedah mewujudkan KPI. Menurut *The Blue Book*, KPI juga perlu dikaji setiap 6 bulan bagi menilai prestasi syarikat dan perlu dikemas kini mengikut keperluan semasa syarikat. Semakan Audit mendapati terdapat perbezaan antara KPI dalam pelan perniagaan 2008 hingga 2013 yang diluluskan pada 25 Februari 2007 dengan *Organisational* KPI 2008 yang disediakan pada bulan Mei 2008 serta *Organisational* KPI 2009 yang dicadangkan oleh konsultan iaitu KPMG. Butirannya adalah seperti di **Jadual 60.11**. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah mendapati, tiada bukti menunjukkan pencapaian KPI serta perubahan KPI telah dibentangkan untuk kelulusan dan makluman Lembaga Pengarah. Pihak Audit juga mendapati pencapaian KPI yang disediakan tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah IJNC.

JADUAL 60.11
INDIKATOR PETUNJUK PRESTASI UTAMA IJN COLLEGE SDN. BHD.

KPI SEPERTI DI PELAN PERNIAGAAN 2008 HINGGA 2013	*ORGANISATIONAL KPI 2008*	*ORGANISATIONAL KPI 2009*
• *Revenue and profitability* • *Number of students* • *Number of courses* • *Number of colloborative partners*	• *Student Satisfaction Index - 85%* • *New Programme/Partner - 2* • *Increase Student Enrolment - 20%* • *Complete Documentation to Authority Approval - 0 Return* • *Continous Education for Educator - 40 hours*	• *Revenue - RM3 million* • *Programme Satisfaction Index - 85%* • *MOHE Accreditation - 1* • *80% of Programme attended by minimum 20% IJNSB staff* • *New Award Programme - 18 seminar/workshop in a year*

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah IJNC perlu memantau pencapaian bagi setiap KPI yang ditetapkan. Selain itu, setiap perubahan terhadap KPI perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi memastikan KPI yang digunakan adalah objektif serta dapat menilai prestasi sebenar IJNC. Ia juga dapat membantu Lembaga Pengarah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan IJNC serta merangka strategi perniagaan yang lebih relevan dan komprehensif.

60.4.3.5. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan (Jawatankuasa Audit) perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun serta salah

seorang anggotanya perlu mempunyai pengetahuan dan pengalaman di dalam urusan audit dan perakaunan. Pekeliling juga menekankan bahawa Setiausaha Jawatankuasa Audit mestilah dilantik daripada wakil Unit Audit Dalam dan perlu berdaftar dengan mana-mana Badan Profesional Perakaunan. Semakan Audit mendapati IJNC tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit dan pihak Audit dimaklumkan tanggungjawab tersebut dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit syarikat induknya iaitu IJNSB. Semakan lanjut mendapati hanya satu laporan dikeluarkan oleh Jawatankuasa Audit IJNSB bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Semakan terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Audit IJNSB mendapati tiada satu agenda tetap berkaitan syarikat subsidiarinya dinyatakan dalam minit mesyuarat bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010. Hanya pada bulan Oktober 2010, Laporan Audit Dalam berkaitan pengurusan pendaftaran dan pengebilan IJNC bertarikh 10 November 2009 telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit IJNSB. Bagi memastikan kawalan ke atas syarikat dapat dilaksanakan dengan berkesan, Jawatankuasa Audit IJNSB perlu menetapkan satu agenda tetap berkaitan IJNC dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit IJNSB memandangkan IJNC tidak menubuhkan Jawatankuasa Auditnya sendiri.

60.4.3.6. Fungsi Audit Dalam IJNC dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam (UAD) IJNSB dan didapati fungsi Audit Dalam IJNSB telah diserahkan kepada firma audit swasta untuk menjalankan pengauditan berkaitan prestasi dan operasi syarikat. Semakan terhadap pelan UAD IJNSB bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 mendapati perancangan untuk menjalankan pengauditan terhadap IJNC hanya dibuat bagi tahun 2009. **Pada pendapat Audit, mekanisme *check and balance* dalam syarikat adalah perlu untuk membolehkan peraturan dan prosedur yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya, seterusnya memastikan prestasi kewangan dan prestasi aktiviti syarikat dicapai seperti dirancang.**

60.4.3.7. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 antara lainnya menetapkan bahawa Syarikat Induk Kerajaan dan semua lapisan syarikat subsidiarinya yang memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya selepas diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Kementerian Kewangan. Bagi tahun 2008 dan 2009, IJNC telah membayar bonus kepada pegawai dan kakitangannya berjumlah RM88,059 dan RM53,410 masing-masingnya walaupun mengalami kerugian.

60.4.3.8. Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pengurusan aset bagi IJNC diuruskan oleh Bahagian Kewangan di IJNSB. Segala peraturan dan polisi berkenaan aset adalah tertakluk kepada polisi dan prosedur yang dikeluarkan IJNSB. Adalah didapati IJNC telah menyewa bangunan yang digunakannya sebagai tempat operasi daripada IJN Holdings Sdn. Bhd. pada tahun 2007, namun tiada satu perjanjian

penyewaan ditandatangani antara kedua pihak. Semakan lanjut mendapati bangunan tersebut telah disewakan bersama dengan peralatan dan perkakasan antaranya peralatan pejabat, peralatan makmal kemahiran, peralatan makmal komputer, peralatan bilik seminar, perpustakaan kolej, *locker* perpustakaan, *pantry* dan bilik mesyuarat. **Pada pendapat Audit, perjanjian penyewaan perlu ditandatangani dengan kadar segera bagi menentukan dengan jelas tanggungjawab untuk menjaga dan mengawal aset tersebut.**

60.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan IJNC mencapai objektifnya untuk mempromosikan kecemerlangan dalam bidang kardiologi dan *cardiothoracic sciences* dengan menyediakan program latihan profesional lanjutan bagi perkhidmatan rawatan jantung, pihak yang terlibat disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

60.5.1. Lembaga Pengarah perlu merangka satu strategi pemasaran yang jitu serta pelan tindakan yang komprehensif untuk meningkatkan pendapatan IJNC serta mempelbagaikan punca pendapatannya agar IJNC dapat terus maju mencapai objektifnya serta menjamin pulangan kepada pemegang saham. IJNC perlu mengawal rapi perbelanjaan operasi agar prestasi IJNC dapat ditingkatkan lagi pada masa hadapan.

60.5.2. Pengurusan IJNC perlu segera memuktamadkan SOP bagi aktiviti utamanya dan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah supaya pengurusan aktiviti dapat dibuat dengan lebih teratur dan konsisten. Selain itu, satu pelan yang komprehensif perlu dirangka bagi memastikan laporan yang disediakan oleh konsultan digunakan secara optimum agar tidak berlaku pembaziran wang.

60.5.3. Syarikat Induk IJNC dan Lembaga Pengarah juga perlu memastikan setiap sasaran yang ditetapkan dalam pelan perniagaan dapat dicapai sepenuhnya dan sebarang penyimpangan daripada sasaran hendaklah dikaji semula serta satu mekanisme yang bersesuaian perlu dirangka bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

60.5.4. Lembaga Pengarah IJNC perlu memastikan program yang ditawarkan oleh IJNC dipromosikan kepada kumpulan sasaran dengan berkesan dan secara berterusan agar ia mendapat sambutan di kalangan kakitangan yang terlibat dalam bidang kardiologi.

60.5.5. Syarikat Induk IJNC dan Lembaga Pengarah perlu memastikan Lembaga Pengelola bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan agar segala urusan berkaitan akademik dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan.

60.5.6. Lembaga Pengarah IJNC perlu memantau pencapaian bagi setiap KPI yang ditetapkan. Setiap perubahan terhadap KPI perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi memastikan KPI yang digunakan adalah objektif serta dapat menilai

prestasi sebenar IJNC dan membantu Lembaga Pengarah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan IJNC serta merangka strategi perniagaan yang lebih relevan dan komprehensif.

60.5.7. Jawatankuasa Audit IJNSB perlu menetapkan agenda tetap berkaitan IJNC dalam mesyuaratnya dan memastikan rancangan tahunan UAD IJNSB meliputi pengauditan terhadap aktiviti IJNC.

60.5.8. Lembaga Pengarah perlu memastikan perjanjian penyewaan bangunan ditandatangani dengan kadar segera bagi menentukan dengan jelas tanggungjawab untuk menjaga dan mengawal aset.

60.5.9. Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kesihatan perlu memberi sokongan penuh kepada IJNC memandangkan IJNC menawarkan kursus yang khusus bagi bidang kardiologi serta merupakan antara yang pertama di Malaysia. Ini adalah perlu untuk mencapai objektif penubuhan IJNC.

KEMENTERIAN KEWANGAN

61. PENGURUSAN PEMBINAAN BLT SDN. BHD.


61.1. LATAR BELAKANG

61.1.1. Pembinaan BLT Sdn. Bhd. (PBLT) merupakan sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. PBLT telah ditubuhkan pada 28 Julai 2005 dengan modal berbayar berjumlah RM100 juta. PBLT berfungsi sebagai *special purpose vehicle* bagi melaksanakan projek pembangunan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang meliputi pembinaan kuarters, balai polis, Ibu Pejabat Polis Daerah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Kem Pasukan Simpanan Polis, Kem Pasukan Gerakan Am, Pusat Latihan Polis dan Maktab Polis. Projek pembinaan ini dirancang untuk dilaksanakan secara *fast track* melalui konsep 'bina-pajak-pindah' (Build, Lease and Transfer).

61.1.2. Melalui konsep 'bina-pajak-pindah' ini, PBLT perlu memeterai satu perjanjian yang dikenali sebagai *Project Development and Management Agreement* (PDMA) dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) iaitu Kementerian yang bertanggungjawab menyelia dan memantau PDRM bagi membangunkan kemudahan dan kuarters PDRM di seluruh negara. Projek pembinaan ini dibiayai oleh pinjaman PBLT daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). KDN pula perlu mula membuat bayaran pajakan kepada PBLT apabila projek pembinaan telah diserahkan kepada KDN bagi tempoh 15 tahun. Kadar bayaran pajakan bergantung kepada amaun yang sama jumlahnya dengan kos pembangunan, kos pembiayaan kewangan dan kos operasi tanpa mengambil kira sebarang yuran pengurusan atau keuntungan. Pembangunan projek tersebut dilaksanakan di atas tanah milik Kerajaan Persekutuan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Sehubungan itu, satu perjanjian *Lease* dan *Sub-lease* perlu dimeterai untuk setiap projek antara PTP dengan PBLT bagi membolehkan bayaran pajakan dibuat oleh KDN kepada PBLT. Pembayaran pajakan ini akan digunakan oleh PBLT untuk melunaskan pinjamannya termasuk pembayaran balik pinjaman kepada KWSP, pemegang sukuk dan pinjaman jangka pendek yang lain.

61.1.3. Komposisi Lembaga Pengarah PBLT pada 15 Jun 2011 terdiri daripada 9 Pengarah Bukan Eksekutif dan 1 Pengarah Eksekutif di mana 4 daripada mereka merupakan wakil daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Dalam Negeri dan PDRM. Pengurusan PBLT diketuai oleh Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seramai 147 kakitangan eksekutif dan bukan eksekutif. Struktur organisasi pengurusan PBLT pada bulan Jun 2011 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 61.1
STRUKTUR ORGANISASI PBLT
KEDUDUKAN PADA BULAN JUN 2011



61.1.4. Sebagai sebuah syarikat sendirian berhad yang dimiliki penuh oleh Kerajaan, PBLT perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain berkaitan dengan syarikat Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

61.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

61.2.1. Prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

61.2.2. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

61.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

61.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama PBLT. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 telah dibuat di pejabat PBLT dan Kementerian Kewangan. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan tahun 2007, 2008 dan 2009 yang telah diaudit. Manakala bagi prestasi aktiviti pembinaan, sebanyak 25 daripada 74 projek pembinaan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan telah disemak. Daripada jumlah itu, sebanyak 6 projek pembinaan telah dipilih untuk lawatan tapak. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan PBLT serta pegawai Kementerian Kewangan turut diadakan.

61.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Oktober 2010 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat PBLT adalah memuaskan. PBLT juga telah berupaya menguruskan projek pembinaan sebagaimana yang ditetapkan, namun terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek. Antaranya adalah *Project Development And Management Agreement* (PDMA) lewat ditandatangani; terdapat juga projek pembinaan yang terpaksa ditangguh akibat keadaan ekonomi dan kenaikan harga bahan binaan (dengan kos RM80 juta) atau dibatalkan kerana didapati keadaan tapak adalah tidak sesuai (dengan kos RM0.17 juta); projek pembinaan mengalami *time overrun*; Sijil Lanjutan Masa (EOT) lewat diluluskan; Sijil Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor tidak disediakan serta bayaran balik pendahuluan dan bon pelaksanaan bagi kontrak yang ditamatkan masih belum diterima. Selain itu, terdapat kes di mana harga kontrak rundingan terus yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan lebih tinggi daripada harga yang disyorkan oleh Jawatankuasa Rundingan Harga PBLT tanpa justifikasi penentuan harga. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan PBLT adalah seperti di perenggan berikut:

61.4.1. Prestasi Kewangan


61.4.1.1. Prestasi kewangan PBLT secara keseluruhannya adalah memuaskan di mana syarikat mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM0.97 juta pada tahun 2009 berbanding dengan RM1.59 juta pada tahun 2008. Keuntungan bersih yang diperolehi pada tahun 2008 dan 2009 terdiri daripada fi pentadbiran, pendapatan faedah, penjualan borang tender serta pendapatan daripada rampasan bon pelaksanaan projek yang diterima pada tahun 2009 bernilai RM2.71 juta. Pada tahun 2009, PBLT telah menukar polisi perakaunannya berkaitan pendapatan kontrak berdasarkan *Financial Reporting Standard* (FRS) 111 - *Construction Contracts* (pertukaran polisi perakaunan dinyatakan mulai tahun kewangan 2008). PDMA menetapkan semua perbelanjaan berkaitan projek pembinaan serta kos lain yang berkaitan akan dibayar balik oleh Kerajaan. Memandangkan PBLT hanya menandatangani perjanjian tersebut pada 3 Disember 2010, pendapatan syarikat sebelum tarikh berkenaan telah dianggarkan bersamaan dengan kos pembinaan, pentadbiran serta kos kewangan berkaitan projek. Analisis Audit selanjutnya mendapati perbelanjaan am dan pentadbiran telah meningkat daripada RM0.49 juta pada tahun 2008 kepada RM3.03 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini adalah berkaitan dengan elaun rumah, kos baik pulih, fi profesional dan gaji kakitangan yang dipinjamkan daripada Prokhas Sdn. Bhd. Butirannya adalah seperti di jadual dan carta berikut:


JADUAL 61.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI PBLT
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

BUTIRAN	2007 (RM Juta)	2008 (Restated) (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan	-	153.33	321.89
Perbelanjaan Operasi	-	(153.33)	(321.89)
Untung Kasar	**-**	**0**	**0**
Lain-lain Pendapatan	0.76	0.49	3.03
Pendapatan Faedah	2.75	2.14	1.30
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	(15.41)	(0.49)	(3.03)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**(11.90)**	**2.14**	**1.30**
Pelarasan Cukai	(0.0)	(0.55)	(0.33)
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**(11.90)**	**1.59**	**0.97**

Sumber : ***Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit PBLT***

CARTA 61.2
TREND PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN PBLT
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009





61.4.1.2. Bagi menentukan prestasi kewangan PBLT, analisis nisbah semasa; pulangan ke atas aset serta pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009. Hasil analisis adalah seperti berikut:

a. **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecairan PBLT pada tahun 2009 semakin menurun kerana peningkatan akaun belum bayar dan akruan pada setiap tahun. Namun begitu, kedudukan Nisbah Semasa PBLT masih berada dalam keadaan yang selesa. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.2
NISBAH SEMASA BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a)/(b)
2007	4,543.71	121.86	37.29 : 1
2008	5,563.99	198.99	27.96 : 1
2009	5,889.39	303.32	19.42 : 1

b. **Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperolehi oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat mengurus asetnya. Pulangan Ke Atas Aset diukur daripada jumlah untung selepas cukai dibahagi dengan jumlah aset. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecekapan PBLT menggunakan asetnya pada tahun 2009 adalah bertambah baik berbanding tahun 2007. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.3
PULANGAN KE ATAS ASET
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a)/(b)
2007	(11.90)	5,258.79	(0.23)
2008	1.59	5,567.38	0.03
2009	0.97	5,891.71	0.02

c. **Pulangan Ke Atas Ekuiti** bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan untuk menghasilkan untung kepada pemilik atau pemegang sahamnya. Pulangan Ke Atas Ekuiti diukur daripada jumlah untung selepas cukai dibahagi dengan jumlah ekuiti. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat mengurus modalnya. Mengikut perkiraan Audit, PBLT berupaya meningkatkan tahap kecekapan mengurus modalnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.4
PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a)/(b)
2007	(11.90)	82.66	(14.40)
2008	1.59	103.60	1.53
2009	0.97	104.57	0.93

61.4.1.3. Prestasi Aliran Tunai

a. Penyata Aliran Tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan. Kedudukan aliran tunai PBLT bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.5
PENYATA ALIRAN TUNAI PBLT
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

BUTIRAN/TAHUN	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pengoperasian			
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Sebelum Cukai	(11.90)	2.14	1.30
Pelarasan	(1.75)	(0.74)	(0.17)
Peningkatan Modal Kerja	101.02	179.73	443.83
Pengurangan Modal Kerja	(217.68)	(1,253.58)	(1,668.59)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pengoperasian	**(130.31)**	**(1,072.45)**	**(1,223.63)**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan			
Aliran Masuk Tunai	-	-	-
Aliran Keluar Tunai	(540.85)	(0.88)	(0.05)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	**(540.85)**	**(0.88)**	**(0.05)**
Aliran Tunai Dari Pembiayaan			
Aliran Masuk Tunai	4,921.37	148.33	183.72
Aliran Keluar Tunai	-	-	-
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	**4,921.37**	**148.33**	**183.72**
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	**4,250.21**	**(925.00)**	**(1,039.96)**
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	**30.11**	**4,280.32**	**3,355.32**
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	**4,280.32**	**3,355.32**	**2,315.36**

b. Berdasarkan kepada Penyata Aliran Tunai, PBLT telah mengalami pengurangan/defisit aliran tunai daripada aktiviti pengoperasian berjumlah RM1,223.63 juta pada akhir tahun 2009. Selain itu, PBLT juga telah menggunakan sejumlah RM0.05 juta bagi aktiviti pelaburan tahun kewangan 2009. Penggunaan dana tersebut ditampung melalui aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan berjumlah RM183.72 juta serta dana sedia ada. Pada akhir tahun kewangan 2009, syarikat mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM2,315.36 juta yang terdiri daripada deposit bersih berjumlah RM2,297.97 juta serta tunai di tangan dan di bank berjumlah RM17.39 juta. Analisis menunjukkan pada tahun 2007, syarikat telah mendapatkan dana bersih melalui pembiayaan pinjaman KWSP berjumlah RM4,921.37 juta untuk menampung kos operasi projek pembangunan dan dana ini perlu

diselesaikan pada tahun 2012 secara *lump sum*. Mengikut perancangan PBLT, pinjaman ini akan dibayar melalui pendapatan pajakan dari KDN apabila projek yang siap dibangunkan diserah kepada pihak yang bertanggungjawab.

c. Pada bulan Januari 2011, PBLT telah melancarkan program penerbitan sukuk berjumlah RM10 bilion pada nilai nominal selaras dengan program *Islamic Medium Term Notes* (IMTN) di bawah prinsip musyarakah di mana *Investor Presentation* berkenaan perkara ini telah diadakan pada 14 Januari 2011. Program ini telah menerima penarafan AAA oleh Malaysia Rating Corporation Berhad (tanpa sebarang jaminan Kerajaan). Siri pertama program IMTN ini telah diterbitkan pada 28 Februari 2011. Pelaksanaan program sukuk bertujuan menyelesaikan semua pinjaman yang diperolehi daripada KWSP dan bakinya untuk menampung kos projek pembangunan, operasi syarikat dan bayaran faedah atas pinjaman.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PBLT bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah memuaskan dengan mengambil kira tujuan penubuhan syarikat yang berfungsi sebagai *special purpose vehicle* bagi melaksanakan projek pembangunan PDRM.

61.4.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

61.4.2.1. Prestasi Aktiviti

a. Laporan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan Dan Pengurusan Polis DiRaja Malaysia pada bulan Jun 2005 telah mengenal pasti 9 permasalahan utama PDRM dan menggariskan pelan transformasi PDRM ke arah perkhidmatan bertaraf dunia. Salah satu permasalahan yang dikenal pasti adalah kemudahan kuarters yang terlalu uzur dan didapati 107 daripada 736 balai polis telah berusia antara 50 hingga 100 tahun. Oleh yang demikian, salah satu teras strategik dalam proses transformasi PDRM ialah untuk menyediakan kemudahan tempat kerja dan tempat tinggal yang lebih baik untuk semua anggota PDRM. Semakan Audit terhadap laporan Jawatankuasa Pemandu dan lawatan Audit ke Balai Polis USJ 8, Subang Jaya, Selangor mendapati pembinaan kemudahan PDRM setakat yang telah dilaksanakan adalah mengikut keperluan yang ditetapkan oleh KDN. Contoh projek yang telah siap dibina adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 61.1



Sebelum Pembinaan

GAMBAR 61.2



Selepas Pembinaan

Kem Pasukan Gerakan Am Bakri, Muar
(Sumber Gambar: PBLT)

GAMBAR 61.3



Sebelum Pembinaan

GAMBAR 61.4



Selepas Pembinaan

Kem Pasukan Gerakan Am Miri, Sarawak
(Sumber Gambar: PBLT)

GAMBAR 61.5



Sebelum Pembinaan

GAMBAR 61.6



Selepas Pembinaan

Ibu Pejabat Polis Daerah Taiping
(Sumber Gambar: PBLT)

GAMBAR 61.7



Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Langat, Selangor
- Projek Yang Telah Siap
(Sumber Gambar: PBLT)

GAMBAR 61.8



Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor
- Projek Yang Telah Siap
(Sumber Gambar: PBLT)

b. Kementerian Kewangan telah meluluskan 74 projek pembinaan dengan siling peruntukan berjumlah RM8 bilion (RM7.6 bilion kos pembangunan dan RM400 juta untuk tujuan *Variation of Price)* untuk dilaksanakan oleh PBLT. Sehingga bulan Disember 2010, PBLT telah melaksanakan 73 projek dengan kos pembangunan bernilai RM7.41 bilion. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 49 projek sepatutnya telah siap dan diserahkan kepada KDN. Namun semakan Audit mendapati hanya 21 (42.8%) projek yang dapat di siap dan diserahkan kepada KDN manakala 52 projek sedang dalam pembinaan dan 1 projek masih dalam proses tender. Daripada 21 projek yang telah disiapkan itu pula, hanya 3 projek disiapkan mengikut tarikh siap asal manakala baki 18 projek telah mengalami *time overrun* antara 54 hingga 695 hari. Prestasi keseluruhan projek yang telah siap, dalam pembinaan dan belum dimulakan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.6
PRESTASI PROJEK PEMBINAAN PBLT
KEDUDUKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2010

STATUS PROJEK	PRESTASI	BIL. PROJEK	KOS PEMBANGUNAN (RM Juta)
Siap	Ikut Tarikh Siap Asal	3	387.91
	Dengan EOT	18**	954.45
Dalam Pembinaan	*Time Overrun*	28	2,489.88
	Ikut Jadual Pelaksanaan	24	3,580.92
Belum Mula	Proses Tender	1	*
JUMLAH		**74**	**7,413.16**

Nota: ***(*) - Projek Belum Ditender*** ***EOT - Extension Of Time***
(**) - Tidak termasuk projek Maktab Kuala Kubu Bharu Pakej 1 yang telah disiapkan dengan Sijil Layak Menduduki bertarikh 31 Disember 2010, tetapi sijil hanya diterima pada Januari 2011.

61.4.2.2. Pengurusan Aktiviti

PBLT mempunyai 5 bahagian utama yang bertanggungjawab untuk menguruskan pembinaan 74 projek yang bernilai RM8 bilion iaitu Bahagian Tender dan Kontrak; Bahagian Koordinasi Projek; Bahagian Kawalan Dokumen; Bahagian Pengurusan Risiko serta Bahagian Pengurusan Kualiti dan Reka Bentuk. Pewujudan 5 bahagian tersebut membolehkan pengurusan aktiviti utama PBLT berjalan lancar di samping wujudnya unsur pengasingan tugas yang berkesan. Semakan Audit mendapati pada umumnya PBLT telah menguruskan aktivitinya dengan memuaskan kerana dapat mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu membantu menyediakan kemudahan tempat kerja dan tempat tinggal yang lebih baik untuk anggota PDRM. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

a. *Project Development And Management Agreement* Lewat Ditandatangani

Project Development And Management Agreement (PDMA) perlu dimeterai antara Kerajaan Persekutuan dan PBLT bagi mentadbir keseluruhan 74 projek berkenaan yang dilaksanakan secara *Build, Lease and Transfer*. Kandungan PDMA antara lainnya meliputi lantikan dan tempoh pemilikan; kos pembangunan; tanggungjawab terhadap tapak projek; skop kerja; imbuhan jika projek ditangguhkan; pajak dan pajak kecil; penyeliaan dan pengurusan projek; insurans; bon pelaksanaan; tempoh tanggungan kecacatan; dan hak Kerajaan. Semakan Audit mendapati draf pertama PDMA telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 24 Julai 2007. Bagaimanapun, selepas beberapa perbincangan dengan agensi Kerajaan seperti KDN, Kementerian Kewangan, Pejabat Peguam Negara dan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian, akhirnya PDMA ditandatangani pada 3 Disember 2010. Dalam tempoh tersebut sebanyak 54 projek dengan kos pembinaan bernilai RM5.02 bilion sedang dilaksanakan oleh PBLT dan 18 lagi projek bernilai RM734.91 juta telah diserahkan sepenuhnya kepada KDN. *Berdasarkan maklum balas PBLT, untuk membantu Kerajaan mempercepatkan pemuktamadan perjanjian ini, Lembaga Pengarah telah melantik Prokhas Sdn. Bhd. (sebuah syarikat milik penuh Kerajaan yang mengkhusus dalam bidang kewangan) pada bulan Februari 2009. Selain dari membantu menyelesaikan isu untuk memuktamadkan perjanjian ini, Prokhas Sdn. Bhd. juga memainkan peranan untuk mengemukakan model kewangan baru bagi pembiayaan jangka panjang selaras dengan perjanjian ini. Model kewangan baru yang dicadangkan juga memerlukan perubahan dasar dari Kementerian Kewangan dan secara langsungnya memerlukan perubahan di dalam PDMA. Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan beberapa Letter of Award (LoA) kepada PBLT di mana senarai projek tersebut dan nilai kontrak disertakan di dalam surat tersebut. Projek ini dan perancangan awal PBLT dilaksanakan bersandarkan Letter of Award ini.*

b. Pengurangan Bilangan Projek Untuk Pelaksanaan Oleh PBLT

Pada 30 Mei 2008, Kementerian Kewangan meluluskan 129 projek untuk dilaksanakan dengan kos RM9.24 bilion. Selaras dengan itu, PBLT telah mengeluarkan Surat Niat untuk melantik perunding bagi kesemua projek pembinaan. Bagaimanapun pada 28 Oktober 2008, Kementerian Kewangan telah mengehadkan kos pembangunan PBLT kepada RM8 bilion, dan hanya 74 projek sahaja perlu dilaksanakan. Perubahan ini antara lain disebabkan oleh peningkatan kos projek akibat kenaikan harga barang, penambahan skop kerja projek dan arahan untuk melaksanakan projek secara rundingan terus. Akibat perubahan dalam perancangan projek, PBLT dan Kerajaan perlu menanggung fi perunding berjumlah RM80 juta bagi 44 projek yang

ditangguhkan dan RM171,672 bagi 11 projek yang dibatalkan. Setakat bulan Mei 2011, PBLT telah membayar sejumlah RM59.26 juta kepada juruperunding yang terlibat. *Berdasarkan maklum balas, PBLT telah mengambil langkah yang wajar bagi mengurangkan kos projek tertangguh ini. PBLT telah melakukan audit khas untuk menentukan jumlah nilai fi (RM84 juta) dan seterusnya mengambil langkah mendapatkan pengurangan daripada perunding yang terlibat. Setakat ini penjimatan sejumlah RM3.4 juta telah diperolehi.*

c. *Time Overrun* Dan Sijil Lanjutan Masa (EOT)

i. Projek Pembinaan Mengalami *Time Overrun*

Semakan Audit setakat bulan Disember 2010 mendapati 18 daripada 21 projek pembinaan yang disiapkan mengalami *time overrun* di antara 54 hari hingga 695 hari. Analisis Audit mendapati 36 Sijil Lanjutan Masa (EOT) telah diluluskan untuk 18 projek berkenaan. Daripada 36 EOT, 17 EOT (47.2%) diluluskan atas sebab arahan perubahan kerja oleh Pegawai Penguasa yang berpunca dari keadaan tapak bina; keperluan pihak berkuasa tempatan dan keperluan pengguna, 9 EOT (25%) diluluskan mengikut kemudahan khas lanjutan masa tidak melebihi 3 bulan seperti yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan bakinya atas sebab kelambatan memberi milik tapak bina; kelewatan penerimaan bekalan elektrik; kelambatan oleh pihak yang ditugaskan oleh Kerajaan bagi melaksanakan kerja yang tidak menjadi sebahagian dari kontrak; cuaca buruk yang luar biasa; kelambatan oleh pihak Subkontraktor Dinamakan dan kelewatan lukisan pembinaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.7
PROJEK SIAP YANG MENGALAMI *TIME OVERRUN*

NEGERI	PROJEK	KOS ASAL (RM Juta)	TARIKH PATUT SIAP (KONTRAK) (a)	TEMPOH LANJUTAN MASA (EOT) (HARI)	TARIKH SIAP SEBENAR (CPC) (b)	TEMPOH *TIME OVERRUN* (HARI) (b) - (a)
Pulau Pinang	Kuarters Kediaman IPD Seberang Perai Selatan	18.81	11.06.2008	177	05.12.2008	177
Perak	IPD, Manjung	52.98	03.10.2007	54	26.11.2007	54
	Balai Polis Pantai Remis	12.45	09.07.2008	288	20.04.2009	285
Kelantan	IPD Kota Bharu (Lot P.T. 1981), Kota Bharu	31.65	26.08.2007	111	06.02.2008	164
	Perumahan PGA Pengkalan Chepa (Lot 1711)	17.81	26.08.2007	62	19.11.2007	85
	IPD Pasir Mas Pakej 1	11.25	16.09.2008	358	09.09.2009	358
	IPD Tumpat Pakej 1	6.46	05.04.2009	269	30.12.2009	270
Sarawak	BP Gita Dan Tabuan Jaya	15.90	15.07.2008	126	18.11.2008	126
	BP Sibu Jaya	21.75	20.01.2009	137	17.06.2009	148
	Balai Polis Selangau	20.60	20.01.2009	449	21.06.2010	517
Sabah	Pangkalan Polis Marin Semporna	41.77	03.05.2009	242	31.12.2009	242

NEGERI	PROJEK	KOS ASAL (RM Juta)	TARIKH PATUT SIAP (KONTRAK) (a)	TEMPOH LANJUTAN MASA (EOT) (HARI)	TARIKH SIAP SEBENAR (CPC) (b)	TEMPOH *TIME OVERRUN* (HARI) (b) - (a)
Selangor	Balai Polis USJ 8	42.59	09.11.2008	385	15.01.2010	433
	IPD Kuala Langat	66.99	12.10.2009	143	04.03.2010	144
	Kem PGA Semenyih Pakej 1	223.00	05.02.2009	132	30.08.2010	574
	IPK Selangor Dan IPD Shah Alam Pakej 1	49.90	21.09.2008	504	17.08.2010	695
	IPK Selangor Dan IPD Shah Alam Pakej 2	76.99	19.07.2009	394	17.08.2010	394
Pahang	Kuarters PDRM Cameron Highlands	13.69	01.11.2009	210	27.05.2010	207
Negeri Sembilan	IPD Tampin Pakej 2	43.65	24.02.2010	195	28.10.2010	245

Nota : ***CPC - Certificate of Practical Completion*** ***EOT - Extension of Time***

Pada pendapat Audit, projek yang mengalami *time overrun* untuk disiapkan boleh menyebabkan peningkatan kos dan kemudahan lewat dimanfaatkan.

ii. Sijil Lanjutan Masa (EOT) Lewat Diluluskan

Klausa 43 Syarat Kontrak menghendaki kontraktor memberi notis kepada Pegawai Penguasa sebaik sahaja terdapat kelewatan dalam kemajuan kerja dan memohon lanjutan masa untuk menyiapkan projek. Seterusnya Pegawai Penguasa perlu menimbangkan alasan yang diberikan dan tempoh lanjutan yang dimohon oleh kontraktor dengan seberapa segera. Sekiranya Pegawai Penguasa berpuas hati dengan alasan dan tempoh yang dipohon, Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) kepada kontraktor dengan menyatakan tarikh siap baru yang dibenarkan. Mengikut prosedur pentadbiran kontrak, Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa hendaklah dikeluarkan sebelum tamat tarikh siap asal atau tarikh siap yang dibenarkan oleh Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa sebelumnya. Mengikut Klausa 40, Syarat Kontrak, sekiranya Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa tidak dikeluarkan pada tarikh siap sepatutnya, Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Kerja Tak Siap supaya Ganti Rugi Tertentu dan Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) boleh dikenakan sehingga kerja itu siap ataupun sehingga Lanjutan Masa Dibenarkan. Semakan Audit mendapati 3 kontraktor telah lewat memohon EOT antara 50 hingga 120 hari manakala tempoh diambil untuk meluluskan EOT bagi 5 projek adalah antara 79 hingga 122 hari. *Berdasarkan maklum balas, PBLT telah menetapkan bahawa 90 hari adalah tempoh yang munasabah untuk penilaian dan pengesyoran sijil EOT selepas permohonan yang lengkap dikemukakan. Oleh itu, LAD tidak dikenakan kerana penilaian terhadap 5 projek tersebut mendapati kontraktor layak diberikan lanjutan masa.* Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.8
PROJEK YANG EOT LEWAT DILULUSKAN

PROJEK	TARIKH SIAP ASAL/EOT YANG SEBELUMNYA	NO. EOT	TARIKH MOHON EOT (LENGKAP)	TARIKH LULUS EOT	KELEWATAN MEMOHON EOT (Hari)	TEMPOH EOT DILULUSKAN (Hari)
Kem PGA Semenyih Pakej 2	16.11.2008	1	05.01.2009	25.03.2009	50	79
Balai Polis USJ (Keseluruhan)	23.12.2008	2	28.11.2008	30.03.2009	-	122
Balai Polis USJ (Balai & Komponen)	31.07.2008	3	28.11.2008	30.03.2009	120	122
Kem PGA Simpang Renggam Pakej 1 (Seksyen 1)	30.12.2007	1	05.02.2008	30.05.2008	53	114
Kem PGA Simpang Renggam Pakej 1 (Seksyen 2)	26.04.2009	1	04.03.2009	07.08.2009	-	108

Nota : ***EOT - Extension of Time***

d. Projek Sakit

i. Projek Sakit Yang Di Tender Semula

- Semakan Audit terhadap 10 sampel projek di peringkat pelaksanaan mendapati 3 adalah projek sakit dan gagal disiapkan oleh kontraktor yang dilantik oleh PBLT iaitu projek Kem PGA Semenyih Pakej 2; Lokap Berpusat dan Stor Barang Kes, Kuantan serta Kem PGA Simpang Renggam Pakej 1. **Gambar 61.9** hingga **61.12** menunjukkan keadaan bagi 2 projek sakit. Bagi mengelakkan peningkatan kos dan memastikan projek berkenaan dapat dimanfaatkan dalam tempoh ditetapkan, PBLT telah menamatkan kontrak tersebut dan memanggil semula tender untuk melantik kontraktor penyelamat. Kos bagi projek tersebut telah meningkat RM10.52 juta dan RM14.31 juta yang seterusnya mengakibatkan pertambahan kos kepada PBLT dan Kerajaan. *Mengikut maklum balas PBLT, peningkatan ini adalah disebabkan oleh tempoh masa pelaksanaan kontraktor pertama dan kontraktor penyelamat adalah dalam tahun yang berbeza di mana ia selaras dengan peningkatan di dalam harga semasa*. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.9
PROJEK SAKIT YANG DITENDER SEMULA

PERKARA	KEM PGA SEMENYIH PAKEJ 2	LOKAP BERPUSAT & STOR BARANG KES, KUANTAN	KEM PGA SIMPANG RENGGAM PAKEJ 1
Kontraktor Asal	KLTT Damai Sdn. Bhd.	MARS Trading & Construction (M) Sdn. Bhd.	Bakti Insani Sdn. Bhd.
Tarikh Siap Asal	16.11.2008	15.03.2009	27.06.2010
Tarikh Siap Selepas Lanjutan Masa	01.10.2009	04.08.2009	07.12.2010

PERKARA	KEM PGA SEMENYIH PAKEJ 2	LOKAP BERPUSAT & STOR BARANG KES, KUANTAN	KEM PGA SIMPANG RENGGAM PAKEJ 1
Tarikh Ditamatkan	05.10.2009	05.10.2009	12.11.2009
Status Projek Ketika Ditamatkan	80%	37%	27.3%
Kontraktor Penyelamat	Uritec Team (M) Sdn. Bhd.	Hikmat Indah Sdn. Bhd.	Perolehan Secara Rundingan Terus (Dalam proses rundingan harga. Surat Niat telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 25.03.2011)
Tarikh Milik Tapak Kontraktor Penyelamat	12.04.2010	05.04.2010	
Tarikh Sepatutnya Siap Kerja	12.12.2010	05.02.2012	
Harga Kontrak Asal	**RM54.22 juta**	**RM36.94 juta**	
Kos Dibayar Kepada Kontraktor Asal	RM32.31 juta	RM9.01 juta	
Harga Kontrak Baru	RM36.22 juta	RM38.45 juta	
Kos Menyiapkan Projek	**RM68.53 juta**	**RM47.46 juta**	
% Peningkatan Kos Untuk Menyiapkan Projek	**RM14.31 (26.4%)**	**RM10.52 juta (28.5%)**	
Status Projek Sehingga 30.04.2011	**100% [Menunggu Sijil Layak Menduduki (CF)]**	**41%**	

Nota: ***PGA - Pasukan Gerakan Am***

GAMBAR 61.9



Kem Pasukan Gerakan Am Simpang Renggam Pakej 1

- Pembinaan Masih Pada Tahap Kerangka Bangunan (05.08.2010)

GAMBAR 61.10



- Beam Yang Terbengkalai (05.08.2010)

GAMBAR 61.11



Lokap Berpusat Dan Stor Barang Kes, Kuantan

- Bangunan Lokap Berpusat Dalam Pembinaan Oleh Kontraktor Baru (12.10.2010)

GAMBAR 61.12



- Bangunan Stor Barang Dalam Pembinaan Oleh Kontraktor Baru (12.10.2010)

- Punca utama projek sakit adalah kerana kontraktor menghadapi masalah kewangan sungguhpun ketiga-tiga kontraktor berkenaan telah melepasi Analisis Kecukupan Modal semasa proses penilaian tender. Adalah didapati kontraktor terlibat menghadapi masalah aliran wang tunai kerana hanya mempunyai kemudahan kredit sebagai modal cair yang boleh digunakan. **Pada pendapat Audit, kedudukan aliran wang tunai sesuatu kontraktor merupakan elemen penting dalam menilai keupayaan kewangan sebenar kontraktor.** *Berdasarkan maklum balas PBLT, untuk penilaian tender yang baru, Jawatankuasa Penilaian Tender telah mula memaklumkan kepada Lembaga Tender sekiranya penender lulus penilaian kewangan tetapi mempunyai kedudukan aliran tunai yang kurang memuaskan.*

ii. Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor Belum Disediakan

Mengikut Garis Panduan Untuk Urusan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor yang diguna pakai oleh PBLT, Pegawai Penguasa hendaklah menyediakan sijil Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor apabila kontraktor penyelamat dilantik untuk menyiapkan kerja yang tidak disiapkan oleh kontraktor asal. Semakan Audit terhadap 3 projek yang telah ditamatkan mendapati tiada bukti menunjukkan sijil Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor telah disediakan. Kegagalan menyediakan sijil tersebut akan menyebabkan PBLT tidak dapat mengenal pasti kos penyiapan serta tidak dapat menentukan harga kontrak asal terlaras dengan tepat. *Berdasarkan maklum balas PBLT, kelewatan ini adalah disebabkan kerumitan yang dihadapi oleh pihak perunding untuk mendapatkan maklumat bagi penyediaan akaun muktamad daripada kontraktor yang telah ditamatkan kontrak.*

iii. Bayaran Balik Baki Bayaran Pendahuluan Projek Ditamatkan Secara Persetujuan Bersama

Klausa 4.1 Perjanjian Penamatan Bersama menetapkan kontraktor perlu membayar balik baki bayaran pendahuluan yang dibayar kepada kontraktor semasa kontraktor dilantik. Sekiranya kontraktor gagal membuat bayaran balik, PBLT berhak untuk menuntut dari institusi kewangan yang mengeluarkan bon jaminan terhadap bayaran pendahuluan berkenaan. Semakan Audit mendapati sejumlah RM3.52 juta daripada KLTT Damai Sdn. Bhd. (Projek Kem PGA Semenyih Pakej 2) yang ditamatkan secara persetujuan bersama masih belum diterima. *Berdasarkan maklum balas PBLT, tuntutan ini telah*

difailkan ke mahkamah pada 24 Mac 2010 dan oleh itu ia adalah di luar kawalan PBLT. PBLT perlu menunggu keputusan mahkamah untuk tindakan selanjutnya.

iv. Bon Pelaksanaan Bagi Kontrak Yang Ditamatkan Belum Diterima

Mengikut Garis Panduan Untuk Urusan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor yang diguna pakai oleh PBLT, tuntutan terhadap bon pelaksanaan daripada pihak bank, syarikat kewangan atau syarikat insurans yang mengeluarkan bon pelaksanaan hendaklah dibuat dalam tempoh tidak lewat dari 2 minggu dari tarikh penamatan. Bagi projek yang ditamatkan secara biasa, tuntutan bon pelaksanaan 100% perlu dilakukan. Semakan Audit mendapati projek Kem PGA Simpang Renggam Pakej 1 telah ditamatkan secara biasa. PBLT telah membuat tuntutan untuk mencairkan bon jaminan berjumlah RM5.75 juta daripada bank pada bulan November 2009. Bagaimanapun, pihak kontraktor telah membuat injunksi terhadap pencairan bon dan kes penamatan kontrak sedang dibicarakan di Mahkamah Rayuan Malaysia. *Berdasarkan maklum balas PBLT, tuntutan ini berada dalam proses arbitrasi di Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration. Tuntutan yang dibuat oleh PBLT perlu menunggu keputusan Arbitrator dan ia adalah di luar kawalan PBLT.*

e. Tiada Justifikasi Penentuan Harga Kontrak

i. Bagi projek yang dilaksanakan secara rundingan terus, kelulusan hendaklah diperolehi terlebih dahulu dari Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan akan menentukan kontraktor yang dipilih untuk melaksanakan sesuatu projek. PBLT perlu mewujudkan Jawatankuasa Rundingan Harga untuk berunding dengan kontraktor yang dicadangkan oleh Kementerian Kewangan bagi menetapkan harga yang dipersetujui bersama. Minit dan laporan rundingan harga seterusnya dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati wujud perbezaan harga kontrak antara harga dicadangkan oleh Jawatankuasa Rundingan Harga PBLT dengan harga kontrak yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan bagi 7 daripada 9 projek secara rundingan terus yang disemak. Butiran projek adalah seperti di **Jadual 61.10**. Perbezaan harga yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dengan harga yang disyorkan oleh Jawatankuasa Rundingan Harga adalah antara RM2.0 juta sehingga RM60.74 juta tanpa asas yang jelas.

ii. Terdapat juga kes di mana Kementerian Kewangan telah menaikkan harga asal yang telah dimuktamadkannya. Projek terlibat adalah IPK Sabah Pakej 1 di mana harga asal RM166.29 juta telah dinaikkan

kepada RM174 juta; projek Kem PGA Simpang Renggam Pakej 3 dari harga asal RM45 juta kepada RM53 juta dan projek Maktab Teknik Bakri, Muar, Johor daripada RM145 juta dinaikkan kepada RM160 juta. Pihak Audit tidak dapat menentukan asas yang jelas tentang kelulusan harga tersebut. Bagaimanapun, pada umumnya analisis terhadap maklumat yang dikemukakan oleh Kementerian Kewangan mendapati kenaikan harga adalah disebabkan atas dasar permohonan daripada kontraktor akibat kenaikan harga minyak, besi dan bahan binaan.

JADUAL 61.10
PERBEZAAN HARGA ANTARA JAWATANKUASA RUNDINGAN HARGA DAN KEMENTERIAN KEWANGAN

PROJEK	HARGA KONTRAK			STATUS PROJEK SETAKAT 30.11.2010	PERBEZAAN HARGA JAWATANKUASA RUNDINGAN HARGA DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN	
	JAWATANKUASA RUNDINGAN HARGA (RM Juta)	KONTRAKTOR (RM Juta)	DILULUSKAN OLEH KEM. KEWANGAN (RM Juta)		(RM Juta)	%
IPK Sabah Pakej 1	166.29	205.00	166.29* 174.00	Masih Dalam Pembinaan Jadual – 72% Sebenar – 72% EOT1 – 96 hari	7.71	4.6
Kem PGA Semenyih Pakej 1	221.00	233.00	223.00	Projek Siap EOT (Provisional) - 131 hari	2.00	0.9
Kem PGA Miri dan Balai Polis Trafik	239.26	314.85	300.00	Masih Dalam Pembinaan Jadual – 92.7% Sebenar – 92.5%	60.74	25.4
Kem PGA Pengkalan Chepa Pakej 2	133.38	180.04	133.38	Masih Dalam Pembinaan Jadual – 55% Sebenar – 40%	-	-
PSP Wakaf Tapai, Terengganu Pakej 2	100.27	142.23	125.00	Masih Dalam Pembinaan Jadual – 75% Sebenar – 75% EOT1 – 235 hari	24.73	24.7
Kem PGA Simpang Renggam Pakej 3	41.24 39.36	75.80	45.00* 53.00	Masih Dalam Pembinaan Jadual – 100% Sebenar – 70.2%	13.64	34.6
Pangkalan Marin Tg. Pelepas Pakej 1	121.00	132.00	125.00	Masih Dalam Pembinaan Jadual – 85.4% Sebenar – 74.2% EOT 1 – 126 hari EOT 2 – 217 hari EOT 3 – 90 hari	4.00	3.3
Maktab Teknik Bakri, Muar, Johor	124.50	181.05	145.00* 160.00	Masih Dalam Pembinaan Jadual – 100% Sebenar – 95.8% EOT 1 – 178 hari EOT 2 – 194 hari	35.50	28.5

PROJEK	HARGA KONTRAK			STATUS PROJEK SETAKAT 30.11.2010	PERBEZAAN HARGA JAWATANKUASA RUNDINGAN HARGA DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN	
	JAWATANKUASA RUNDINGAN HARGA (RM Juta)	KONTRAKTOR (RM Juta)	DILULUSKAN OLEH KEM. KEWANGAN (RM Juta)		(RM Juta)	%
PULAPOL Ayer Hitam, Negeri Sembilan Pakej 2	83.71	104.99	83.71	Kontrak ditamatkan pada 05.08.2010 Jadual – 88% Sebenar – 57%	-	-

Nota: ***(*) - Harga Asal Kementerian Kewangan***

61.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, PBLT telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan untuk dipatuhi seperti di jadual berikut:

JADUAL 61.11
POLISI DAN PERATURAN YANG DITETAPKAN OLEH PBLT

PERATURAN YANG DITETAPKAN	CATATAN
Terma Dan Syarat Perkhidmatan (TDSP)	Merumuskan peraturan mentadbir kakitangan PBLT sama ada tetap, kontrak atau dipinjamkan.
Prosedur Dan Garis Panduan Tender Dan Kontrak	Tatacara pelantikan dan penamatan kontraktor serta prosedur penawaran tender.
Garis Panduan Pemilihan Dan Pelantikan Perunding	Prosedur yang ditetapkan untuk memilih dan melantik perunding.
Pelantikan Peguam	Panduan untuk melantik *solicitors*.
Manual Pembelian	Menggariskan tatacara perolehan bahan dan perkhidmatan untuk PBLT (masih di peringkat draf).
Polisi IT, Prosedur Dan Panduan	Menjelaskan polisi dan prinsip keselamatan teknologi maklumat merangkumi sistem komputer, jaringan data, *user workstation*, PABX dan telefon.
Polisi Sumber Manusia	Merangkumi aspek pengambilan pekerja, kenaikan pangkat, kelayakan cuti, faedah perubatan, latihan, tindakan tatatertib dan penamatan pekerja.

61.4.3.1. Pihak Audit mendapati sungguhpun PBLT telah mengeluarkan beberapa manual berkaitan pengurusan aktivitinya, namun ia tidak meliputi aktiviti pajakan dan pengurusan projek. *Berdasarkan maklum balas PBLT, manual ini telah termasuk di dalam Project Development and Management Agreement yang ditandatangani pada 3 Disember 2010 dan berpendapat bahawa manual yang berasingan tidak diperlukan.*

61.4.3.2. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) disediakan bagi mengukur tahap pencapaian dalam pengurusan operasi syarikat. Surat Arahan Kementerian Kewangan bertarikh 3 Jun 2009 mengehendaki syarikat menetapkan KPI dan mengemukakan pencapaian KPI syarikat kepada Kementerian Kewangan. Semakan Audit mendapati PBLT telah menetapkan KPI yang dipersetujui oleh

Lembaga Pengarah. KPI yang disediakan terdiri daripada 3 elemen iaitu projek, kewangan dan teknologi maklumat serta modal insan. Lembaga Pengarah PBLT meluluskan KPI PBLT pada bulan Januari 2010 dan pencapaian KPI telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Mengikut surat arahan Kementerian Kewangan, syarikat Kerajaan perlulah mencapai prestasi sebanyak 75% daripada sasaran KPI. Oleh itu, pencapaian PBLT setakat bulan September 2010 sebanyak 88.7% telah melebihi pencapaian minimum KPI selaras dengan arahan Kementerian Kewangan.

61.4.3.3. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun. Antara agendanya adalah membincangkan rancangan korporat dan laporan audit dalaman. Semakan Audit mendapati penubuhan Jawatankuasa Audit telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2010 pada 11 Mac 2010 dan Jawatankuasa ini dianggotai oleh 3 orang Pengarah Bukan Eksekutif dan memenuhi syarat yang ditetapkan. Sehingga bulan Disember 2010, jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 3 kali iaitu pada 10 Mei, 28 Jun dan 13 Disember 2010. Fungsi Unit Audit Dalam PBLT telah dijalankan oleh Tetuan KPMG. Kelulusan Lembaga Pengarah telah diperolehi untuk pelantikan firma tersebut melalui Minit Mesyuarat Bil. 7 Tahun 2009 bertarikh 11 Disember 2009 dan lantikan dibuat pada 7 Jun 2010. KPMG telah merancang untuk melaksanakan 2 pusingan pengauditan. Pusingan pertama dimulakan pada bulan Julai 2010 merangkumi pengurusan strategik, pengurusan projek dan perolehan. Manakala pusingan kedua yang meliputi aspek pengurusan kewangan dan pengurusan sumber manusia akan dimulakan pada bulan November 2010. Semakan terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Audit mendapati Jawatankuasa telah membincangkan perkara berkaitan dengan pelan dan fungsi audit dalam, pengauditan penyata kewangan, penetapan kadar fi juruaudit luar, pembentangan rancangan audit oleh juruaudit luar dan audit dalam serta laporan audit dalam. Di samping itu, mekanisme *check and balance* dalam syarikat dibincangkan juga untuk membolehkan peraturan dan prosedur yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya bagi meningkatkan prestasi kewangan dan melancarkan aktiviti syarikat.

61.4.3.4. Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Berdasarkan penyata kewangan PBLT tahun 2009 yang telah diaudit, kos aset tetap berjumlah RM5.98 juta dengan nilai buku bersih RM2.31 juta. Pada tahun 2010, PBLT memperolehi aset sejumlah RM869,871. Pihak Audit mendapati PBLT tidak mewujudkan satu garis panduan yang menyeluruh terhadap kawalan aset. Semakan Audit terhadap pengurusan aset mendapati kelemahan seperti daftar aset tidak diselenggarakan dengan

lengkap dan kemas kini, aset tidak dilabel dan tidak dapat dikesan lokasinya. Selain itu, pihak Audit mendapati verifikasi, pemeriksaan dan pelupusan aset tidak pernah dilaksanakan dan telah mengakibatkan aset yang rosak disimpan di ruang pejabat menyebabkan penggunaan ruang yang kurang efisien. **Pada pendapat Audit, pengurusan aset PBLT perlu dipertingkatkan dari aspek penyenggaraan, pemeriksaan, penyimpanan dan pelupusan aset.** *Berdasarkan maklum balas PBLT, syarikat kini sedang mewujudkan satu garis panduan yang menyeluruh terhadap kawalan aset. Sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan yang dianggotai oleh Ketua Pegawai Kewangan, Pengurus Kanan Kewangan dan Penolong Pengurus Kewangan untuk merumuskan garis panduan tersebut yang dijangka siap pada suku tahun ketiga 2011. Tetuan KPMG selaku Juruaudit Dalam PBLT akan menyemak polisi ini sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah.*

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan PBLT telah diuruskan dengan memuaskan.

61.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

61.5.1. Kementerian Kewangan perlu memastikan perancangan yang rapi dibuat sebelum memulakan sesuatu projek bagi mengelakkan pembaziran wang awam. Bagi kos projek yang melebihi harga yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Rundingan Harga, justifikasi yang mencukupi hendaklah disediakan.

61.5.2. PBLT perlu mengawal selia serta memantau setiap projek dengan rapi dan memastikan projek dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

61.5.3. Kementerian Kewangan perlu memastikan PBLT mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya supaya pengurusan kewangan PBLT yang meliputi pengurusan sumber manusia, pembayaran dan aset dibuat dengan telus, teratur dan berhemat.

KEMENTERIAN KEWANGAN

62. PENGURUSAN FELCRA AGRO INDUSTRY SDN. BHD.

62.1. LATAR BELAKANG

62.1.1. FELCRA Agro Industry Sdn. Bhd. (FAISB) yang ditubuhkan pada 28 Mac 1998 adalah syarikat milik penuh FELCRA Berhad dengan modal berbayar berjumlah RM3 juta. Objektif penubuhan FAISB adalah untuk menjalankan aktiviti perniagaan industri pertanian manakala visi syarikat adalah menjadi peneraju utama industri pengeluaran dan perkhidmatan berasaskan pertanian di pasaran dalam dan luar negara. FAISB menjalankan 2 aktiviti utama seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.1
AKTIVITI UTAMA FAISB

AKTIVITI UTAMA	KETERANGAN RINGKAS AKTIVITI
Pertanian	Aktiviti pertanian meliputi aktiviti ternakan, tanaman kontan dan seni taman, semaian dan akuakultur. Jenis ternakan dan akuakultur yang diusahakan oleh FAISB termasuklah lembu; kambing; udang dan ikan. Manakala tanaman kontan dan semaian meliputi pembekalan bahan tanaman dan benih tanaman seperti kelapa sawit dan getah.
Perkhidmatan	Aktiviti perkhidmatan meliputi pengurusan *trading* input pertanian seperti bekalan alat pertanian dan bahan penggalak susu getah serta pengurusan tenaga kerja asing yang meliputi pengurusan kemasukan baru; penghantaran pulang; sambungan permit dan insurans tenaga kerja asing.

62.1.2. FAISB mempunyai 9 Ahli Lembaga Pengarah (termasuk Pengerusi Bukan Eksekutif yang juga merupakan Pengerusi FELCRA Berhad) tanpa ada wakil Kerajaan. Pengurusan syarikat diketuai oleh Pengarah Urusan dan dibantu oleh 73 kakitangan eksekutif serta bukan eksekutif. FAISB mempunyai sebuah syarikat subsidiari iaitu Atlantic Rank (M) Sdn. Bhd.

62.1.3. Sebagai sebuah syarikat subsidiari FELCRA Berhad, FAISB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh syarikat induk; Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan berkaitan syarikat dari semasa ke semasa.

62.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

62.2.1. Prestasi kewangan FAISB adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

62.2.2. Pengurusan aktiviti FAISB telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

62.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat FAISB adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

62.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama FAISB. Dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2008 hingga bulan Oktober 2010 telah disemak di Ibu Pejabat FAISB, Pejabat FAISB Wilayah Johor; Negeri Sembilan dan Perak serta Kementerian Kewangan. Analisis prestasi kewangan hanya dapat dijalankan berdasarkan penyata kewangan FAISB tahun 2007, 2008 dan 2009 yang telah diaudit kerana penyata kewangan tahun 2010 masih belum diaudit. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di FAISB serta pemeriksaan fizikal terhadap projek FAISB dan aset juga turut dilakukan.

62.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati Kumpulan FAISB telah mencatatkan keuntungan pada tahun 2008 dan 2009 berbanding dengan tahun 2007 yang mengalami kerugian. Bagaimanapun, prestasi aktiviti FAISB adalah kurang memuaskan kerana sebahagian besar projek pertaniannya mengalami kerugian; tidak berdaya maju dan menghadapi masalah kewangan. FAISB juga terlalu bergantung kepada perniagaan yang diperolehi daripada FELCRA Berhad. Selain itu, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat FAISB mempunyai beberapa kelemahan, khususnya dalam aspek pengurusan pembayaran dan aset. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan juga ulasan FAISB adalah seperti di perenggan berikut:

62.4.1. Prestasi Kewangan

62.4.1.1. Pada tahun kewangan 2008 dan 2009, Kumpulan FAISB telah mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM0.40 juta dan RM1.38 juta masing-masingnya berbanding kerugian berjumlah RM1.41 juta pada tahun 2007. Peningkatan dalam keuntungan bersih pada tahun 2009 adalah disebabkan oleh peningkatan perolehan sejumlah RM5.89 juta iaitu daripada RM25.99 juta pada tahun 2008 menjadi RM31.88 juta. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan perolehan tersebut adalah peningkatan pendapatan daripada bekalan bahan tanaman berjumlah RM6.31 juta (155.0%) dan jualan hasil ternakan berjumlah RM0.57 juta (31.1%) berbanding tahun 2008. Sungguhpun demikian, sehingga bulan Disember 2009, kumpulan FAISB telah mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM3.86 juta iaitu penurunan 26.3% berbanding tahun 2008 iaitu RM5.24 juta dan RM5.51 juta pada tahun 2007. Kerugian ini berpunca dari kerugian yang disumbangkan oleh subsidiari FAISB sedangkan syarikat FAISB mencatat keuntungan terkumpul pada tahun 2007, 2008 dan 2009. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Kumpulan FAISB bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.2
KEDUDUKAN PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI KUMPULAN FAISB BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

BUTIRAN	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Perolehan	28.34	25.99	31.88
Pendapatan Kendalian Lain	0.03	0.04	0.01
Jumlah Pendapatan	**28.37**	**26.03**	**31.89**
Kos Perolehan Dan Pembelian Inventori	(23.73)	(19.49)	(25.20)
Perubahan Dalam Inventori	(0.18)	(0.28)	0.11
Kos Pekerja	(2.91)	(3.00)	(2.69)
Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan	(0.62)	(0.54)	(0.37)
Belanja Kendalian Lain	(1.69)	(1.65)	(1.55)
Jumlah Perbelanjaan	**(29.13)**	**(24.96)**	**(29.70)**
Keuntungan/(Kerugian) Daripada Kendalian	**(0.76)**	**1.07**	**2.19**
Kos Pembiayaan Bersih	(0.20)	(0.19)	(0.24)
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	**(0.96)**	**0.88**	**1.95**
Cukai	(0.45)	(0.48)	(0.57)
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Semasa	**(1.41)**	**0.40**	**1.38**

62.4.1.2. Adalah didapati pelaburan FAISB dalam subsidiarinya iaitu Atlantic Rank (M) Sdn. Bhd. berjumlah RM0.75 juta telah mengalami rosot nilai sehingga 100% daripada nilai asalnya. Selain itu, FAISB juga melabur sejumlah RM0.07 juta dalam FELCRA Beras Industri Sdn. Bhd., namun pelaburan FAISB dalam syarikat ini dalam proses untuk dijual. Kedudukan pelaburan FAISB adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.3
KEDUDUKAN PELABURAN FAISB PADA 31 DISEMBER 2009

SYARIKAT	JENIS AKTIVITI	PEGANGAN SAHAM (%)	NILAI ASAL PELABURAN (RM)	NILAI SEMASA PELABURAN (RM)	STATUS TERKINI
Atlantic Rank (M) Sdn. Bhd.	Pengedaran Produk Makanan Beku	51.0	750,000	1*	Operasi Syarikat Dihentikan Pada Tahun 2006 Dan Bertaraf Dorman.
Felcra Beras Industri Sdn. Bhd.	Membeli Dan Menjual Beras	32.6	70,000	70,000	Dalam Proses Untuk Dijual.

Nota : ***(*) - Kedudukan Setelah Mengambil Kira Impairment Of Asset***

62.4.1.3. Aliran tunai Kumpulan FAISB adalah daripada aktiviti operasi, aktiviti pelaburan dan juga aktiviti pembiayaan. Berdasarkan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009, Kumpulan FAISB mengalami kurangan bersih tunai iaitu RM0.27 juta, RM1.17 juta dan RM0.28 juta masing-masingnya. Kedudukan ini menyebabkan baki tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun 2007 berjumlah RM2.03 juta merosot kepada RM0.57 juta pada tahun 2009 iaitu penurunan sebanyak 71.9%. Butiran pergerakan aliran tunai adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.4
PENYATA ALIRAN TUNAI KUMPULAN FAISB
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

BUTIRAN	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Aliran Tunai Masuk/(Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Operasi	0.72	(0.00)	0.83
Aliran Tunai (Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(0.26)	(0.10)	(0.54)
Aliran Tunai (Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	(0.73)	(1.07)	(0.57)
(Kurangan) Bersih Tunai Dan Bersamaan Tunai	(0.27)	(1.17)	(0.28)
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan	2.30	2.03	0.85
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Akhir Tahun Kewangan	2.03	0.85	0.57

62.4.1.4. Bagi menentukan prestasi kewangan Kumpulan FAISB, analisis nisbah semasa; margin keuntungan dan pulangan ke atas aset telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

a. **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan kepada perkiraan Audit, tahap kecairan Kumpulan FAISB pada tahun 2007 adalah 1.03 kali dan ia menurun pada tahun 2008 kepada 1.0 kali dan meningkat semula pada tahun 2009 kepada 1.05 kali. Ini bermakna aset semasa yang dimilikinya boleh menampung antara 1.0 hingga 1.05 kali ganda berbanding liabiliti semasanya. Penurunan nisbah ini pada tahun 2008 adalah disebabkan terdapat pengurangan dalam aset semasa. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.5
NISBAH SEMASA BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a)/(b)
2007	15.71	15.31	1.03 : 1
2008	11.06	11.02	1.00 : 1
2009	13.82	13.17	1.05 : 1

b. **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin keuntungan ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (value added) terhadap kadar

keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan pada tahun 2007, Kumpulan FAISB telah mengalami kerugian sejumlah RM0.05 manakala bagi tahun 2008 dan 2009 mencatat keuntungan RM0.02 dan RM0.04 masing-masingnya. Keadaan ini menunjukkan peningkatan bagi tempoh 3 tahun berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.6
MARGIN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a)/(b)
2007	(1.41)	28.34	(0.05)
2008	0.40	25.99	0.02
2009	1.38	31.88	0.04

c. **Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperolehi oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, adalah didapati tahap kecekapan syarikat menguruskan asetnya pada tahun 2009 adalah lebih baik berbanding dengan tahun 2008 dan 2007. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.7
PULANGAN KE ATAS ASET
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a)/(b)
2007	(1.41)	18.00	(7.8)
2008	0.40	12.99	3.1
2009	1.38	15.95	8.7

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan FAISB menunjukkan peningkatan yang berterusan, namun jumlah keuntungan yang dicatatkan adalah terlalu kecil. FAISB perlu memastikan pengurusan kos operasi yang lebih cekap supaya syarikat dapat menjana keuntungan yang lebih baik. Selain itu, FAISB juga perlu berusaha untuk meningkatkan aliran tunai masuk khususnya daripada aktiviti operasi bagi mengukuhkan kedudukan aliran tunai syarikat.

62.4.2. Pengurusan Aktiviti

62.4.2.1. Prestasi Kewangan Aktiviti

a. FAISB telah menetapkan sasaran hasil aktivitinya semasa penyediaan bajet tahunan. Pada umumnya, pencapaian sebenar hasil bagi sebahagian besar aktivitinya telah memenuhi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bagi aktiviti ternakan dan akuakultur, FAISB telah menurunkan sasaran bagi tahun 2010 sebanyak 95% berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2009. Keadaan ini menyebabkan pencapaian aktiviti ternakan dan akuakultur tahun 2010 meningkat melebihi 100%. *Berdasarkan maklum balas FAISB, penurunan sasaran tersebut adalah disebabkan oleh projek tidak berdaya maju serta menghadapi masalah kewangan; ketiadaan perancangan yang teliti dan terperinci; pegawai tidak berpengalaman dan kurangnya pemantauan oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan.* **Pada pendapat Audit, penurunan sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2010 adalah tidak realistik memandangkan FAISB merupakan sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan industri pertanian dan ingin menjadi peneraju utama industri pengeluaran dan perkhidmatan berasaskan pertanian di pasaran dalam dan luar negara.** Selain itu, kesemua sasaran tersebut adalah merujuk kepada projek yang telah pun dilaksanakan sebelumnya dan ia masih diteruskan. Kedudukan hasil berbanding sasaran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.8
HASIL BERBANDING SASARAN MENGIKUT JENIS AKTIVITI

JENIS AKTIVITI	2008			2009			2010		
	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	%	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	%	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)*	%
Ternakan	0.79	1.08	136.7	4.40	2.36	53.6	0.22	0.90	409.1
Akuakultur	8.59	0.75	8.73	2.49	0.04	1.6	0.12	0.55	458.3
Bahan/Benih Tanaman Dan Tapak Semaian	3.52	4.03	114.5	7.17	10.38	144.8	19.71	21.82	110.7
Urusan Kontrak	11.68	10.10	86.5	7.09	8.54	120.5	9.06	11.87	131.0
Input Pertanian	4.19	4.16	99.0	5.74	4.44	77.4	3.34	3.58	107.2
Tenaga Kerja Asing	10.28	3.85	37.5	4.03	3.42	84.9	4.23	3.99	94.3

Nota : ***(*) - Mengikut Penyata Kewangan Tahunan 2010 Yang Belum Diaudit***

b. Pada umumnya, prestasi kewangan tahunan bagi setiap aktiviti mencatat keuntungan tahunan kecuali bagi aktiviti ternakan dan input pertanian yang tidak konsisten di mana ada kalanya mencatat keuntungan atau kerugian tahunan. Hanya 2 aktiviti yang mencatatkan keuntungan berterusan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 iaitu aktiviti penghasilan bahan/benih

tanaman dan tapak semaian serta tenaga kerja asing (TKA). Kedudukan untung/rugi aktiviti FAISB untuk tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.9
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) AKTIVITI FAISB
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

AKTIVITI	2008			2009			2010*		
	PENDAPATAN	PERBELANJAAN	UNTUNG/ (RUGI)	PENDAPATAN	PERBELANJAAN	UNTUNG/ (RUGI)	PENDAPATAN	PERBELANJAAN	UNTUNG/ (RUGI)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Ternakan	1.08	1.28	(0.20)	2.36	1.97	0.39	0.90	1.27	(0.37)
Akuakultur	0.75	1.14	(0.39)	0.04	0.20	(0.16)	0.55	0.00	0.55
Bahan/Benih Tanaman Dan Tapak Semaian	4.03	3.06	0.96	10.38	7.59	2.79	21.82	20.10	1.72
Urus Kontrak	10.10	7.98	2.12	8.54	9.16	(0.62)	11.89	11.08	0.81
Input Pertanian	4.16	3.08	1.08	4.44	4.30	0.14	3.58	3.76	(0.18)
Tenaga Kerja Asing (TKA)	3.85	3.03	0.82	3.42	2.27	1.15	3.99	3.52	0.47

Nota : ***(*) - Mengikut Penyata Kewangan Tahunan 2010 Yang Belum Diaudit***

62.4.2.2. Prestasi Aktiviti

a. Program Bantuan Di Bawah Peruntukan Kerajaan

Pada tahun 2001 FAISB telah diberi tanggungjawab oleh FELCRA Berhad untuk melaksanakan 3 program bantuan Kerajaan yang meliputi 17 projek kepada kumpulan rakyat termiskin dan peserta FELCRA yang terjejas pendapatannya akibat kejatuhan harga komoditi. Objektif program adalah untuk meningkatkan pendapatan tambahan iaitu dividen kepada rakyat miskin/peserta FELCRA Berhad; menjadi vendor dan penggalak kepada penduduk setempat bagi menceburi industri ternakan dan akuakultur; meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan pendapatan peserta serta bagi tujuan pengeksportan. Sejumlah RM29.31 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan mulai tahun 2001 bagi tujuan tersebut. Sehubungan itu, Unit Ternakan Dan Akuakultur FAISB telah diberi tanggungjawab untuk merancang, melaksana dan memantau supaya projek berjalan lancar. Peruntukan bagi 3 program adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.10
PROJEK MENGIKUT PEMBIAYAAN

PROGRAM DAN PEMBIAYAAN	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)
PROGRAM EKONOMI DESA (Peruntukan Kementerian Kewangan) Pembahagian Keuntungan: FAISB - 40%, Peserta - 40%, Tabung Pusingan - 20%	4	16.20
SKIM 5 BANTUAN PROJEK PELBAGAIAN (Peruntukan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani) Pembahagian Keuntungan: FAISB - 20%, Peserta - 80%	6	6.30
SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT (Peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah) Pembahagian Keuntungan: FAISB - 20%, Peserta - 80%	7	6.81
JUMLAH BESAR	**17**	**29.31**

b. Prestasi Projek Tidak Memuaskan

Sehingga bulan Oktober 2010, adalah diperhatikan prestasi aktiviti ternakan dan akuakultur di bawah 3 program pembiayaan Kementerian Kewangan; Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah serta Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani adalah tidak memuaskan. Ini adalah kerana:

i. Lapan (47.1%) daripada 17 projek yang telah dilaksanakan mengalami kerugian berjumlah RM14.18 juta. Bagaimanapun, 8 projek memperolehi keuntungan berjumlah RM1.56 juta serta satu projek lagi tidak dapat ditentukan prestasinya kerana maklumat berkaitan tidak dikemukakan untuk semakan Audit. Namun, FAISB telah membayar dividen berjumlah RM1.21 juta kepada seramai 1,103 peserta hasil pelaksanaan 10 projek termasuk 2 projek yang mengalami kerugian berjumlah RM2.85 juta.

ii. Sepuluh (58.8%) daripada 17 projek yang bernilai RM20.85 juta telah diserahkan/dalam proses serahan kepada FELCRA Berhad kerana tidak berdaya maju untuk diteruskan. FAISB hanya melaksanakan 4 projek manakala 3 projek lagi diserahkan kepada syarikat lain/koperasi.

iii. Sembilan (81.8%) daripada 11 projek tersebut telah mengalami penurunan baki stok ternakan sebanyak 2,144 (41.2%) ekor berbanding 5,204 ekor ketika projek dimulakan.

Berdasarkan maklum balas FAISB, antara punca kegagalan projek adalah ketiadaan garis panduan dan perancangan yang teliti bagi pelaksanaan projek serta kurangnya pemantauan oleh pegawai Ibu Pejabat yang bertanggungjawab terhadap projek yang dijalankan di peringkat Wilayah. Kegagalan projek ini memberi kesan terhadap pencapaian objektif program

Kerajaan terutamanya meningkatkan pendapatan tambahan iaitu dividen kepada rakyat miskin/peserta FELCRA Berhad. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.11
STATUS PROJEK SETAKAT BULAN OKTOBER 2010

NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) (RM Juta)	JUMLAH DIVIDEN DIBAYAR (RM Juta)	JUMLAH STOK ASAL	JUMLAH STOK TERAKHIR
PROJEK YANG DISERAHKAN/DALAM PROSES SERAHAN KEPADA FELCRA BERHAD					
Projek Ternakan Ikan Sangkar Kampung Serusup Tuaran, Sabah	5.34	(4.35)	-	TB	TB
Projek Ternakan Udang Harimau Kg. Jenang, Terengganu	4.40	(1.12)	-	TB	TB
Projek Ternakan Ikan Hiasan Kampung Labi Kuala Nerang, Kedah	5.28	(5.15)	-	TB	TB
Projek Ternakan Kambing Kampung Luit, Pahang	0.50	0.01	0.01	399	109
Projek Ternakan Kambing Simpang Renggam, Johor	0.19	(0.09)	-	158	113
Projek Ternakan Kambing Sri Mahkota, Johor	0.45	(0.09)	-	367	68
Projek Ternakan Kambing Sri Mersing, Johor	1.48	0.10	0.08	1,155	50
Projek Ternakan Lembu FELCRA Berhad Seri Mersing, Johor	1.14	0.09	0.06	420	389
Projek Ternakan Lembu Sungai Melikai, Johor	0.93	0.25	0.16	525	657
Projek Ternakan Lembu FELCRA Berhad Pogoh, Johor	1.14	0.33	0.21	525	342
JUMLAH	**20.85**	**(10.02)**	**0.52**	**3,549**	**1,728**
PROJEK YANG DISEWA KEPADA SYARIKAT LAIN/KOPERASI					
Projek Ternakan Udang Harimau Gunung Tunggal Fasa 2, Perak	1.18	(0.53)	-	TB	TB
Projek Ternakan Udang Harimau Sedili Besar, Johor	2.52	(1.28)	0.10	TB	TB
Projek Ternakan Udang Harimau Gunung Tunggal Fasa 1, Perak	1.16	(1.57)	0.11	TB	TB
JUMLAH	**4.86**	**(3.38)**	**0.21**		
PROJEK YANG MASIH DIURUS OLEH FAISB					
Projek Ternakan Lembu FELCRA Berhad Sungai 10 1C	1.04	0.09	0.06	500	230
Projek Ternakan Lembu FELCRA Berhad Sungai 10 1A	0.30	TM	TM	105	50
Projek Ternakan Lembu FELCRA Berhad Seberang Perak 12	1.14	0.38	0.22	525	479*
Projek Ternakan Lembu FELCRA Berhad Seberang Perak 15	1.14	0.31	0.20	525	573*
JUMLAH	**3.62**	**0.78**	**0.48**	**1,655**	**1,332**
JUMLAH KESELURUHAN	**29.33**	**(12.62)**	**1.21**	**5,204**	**3,060**

Nota: ***TM - Tiada Maklumat*** ***TB - Tidak Berkenaan***
(*) - Sehingga Bulan September 2010

c. Projek Yang Diserahkan Kepada FELCRA Berhad

Semakan Audit terhadap pengurusan 10 projek ternakan dan akuakultur yang diserahkan kepada FELCRA Berhad mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

i. Pihak Audit tidak dapat menentukan tarikh sebenar penyerahan satu (10.0%) daripada 10 projek kepada FELCRA Berhad kerana tiada maklumat mengenainya. Projek tersebut adalah Projek Ternakan Udang Harimau Kg. Jenang, Terengganu.

ii. Terdapat kelewatan penyerahan projek kepada FELCRA Berhad iaitu 16 bulan bagi Projek Lembu Integrasi di FELCRA Berhad Sri Mersing dan Sg. Melikai. Surat serahan projek hanya dikeluarkan dan ditandatangani oleh FAISB pada 25 Jun 2010 dan 29 Jun 2010 (Projek Sri Mersing dan Sg. Melikai) berbanding tarikh asal penyerahan projek seperti yang diputuskan oleh pihak pengurusan projek iaitu pada 26 Februari 2009.

iii. Tiada pengiraan stok dibuat terhadap bilangan lembu oleh FELCRA Berhad Pogoh dan Sri Mersing semasa penyerahan projek. Manakala pengiraan bilangan lembu semasa penyerahan projek oleh FELCRA Berhad Sg. Melikai hanya dibuat pada 21 Julai 2010 iaitu lewat 17 bulan dari tarikh penyerahan projek pada 26 Februari 2009. Berdasarkan kiraan di rekod penyelia projek pada tahun 2009, baki stok adalah sebanyak 657 ekor. Manakala semasa bancian dibuat pada 21 Julai 2010, rekod bancian menunjukkan bilangan stok lembu yang masih ada hanya sebanyak 349 ekor iaitu terdapat kurangan sebanyak 308 ekor. Semakan Audit selanjutnya mendapati surat penyerahan tidak dilengkapi dengan senarai aset projek secara terperinci.

Pada pendapat Audit, wujud kelemahan ketara dalam proses penyerahan projek kepada FELCRA Berhad. Ini adalah kerana dalam pelaksanaan projek oleh pihak FAISB sehingga ke tarikh penyerahannya, ia telah melibatkan aspek kos yang ditanggung oleh pihak syarikat. Namun semasa proses penyerahan, tiada *cost benefit analysis* dibuat bagi setiap projek menyebabkan pihak FAISB tidak dapat mengenal pasti keuntungan atau kerugian yang ditanggung.

d. Projek Yang Disewakan Kepada Syarikat Lain

Objektif Program Ekonomi Desa antaranya adalah untuk melibatkan penyertaan para peserta dan penduduk tempatan dalam bidang akuakultur dan penternakan. Kaedah penyertaan adalah dengan melantik peserta sebagai tenaga kerja bagi melaksanakan projek di bawah program tersebut. Bagaimanapun, adalah didapati projek ternakan udang harimau di Sedili Besar, Johor telah disewakan kepada pihak luar memandangkan projek berkenaan mengalami kerugian dan memerlukan kepakaran khusus untuk

melaksanakannya. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:

i. FAISB telah menyewakan 17 (53.1%) daripada 32 kolam udang harimau bagi Projek Ternakan Udang Sedili Besar, Johor kepada Uniway Marine Products untuk tempoh 3 tahun dengan kadar sewaan berjumlah RM119,000 setahun (**Gambar 62.1** dan **62.2**). Perjanjian penyewaan telah ditandatangani pada 11 Ogos 2008.

ii. Syarikat tersebut juga telah menggunakan baki 15 kolam lagi tanpa sebarang sewaan. Ini adalah berdasarkan surat teguran Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad bertarikh 30 Oktober 2009 kepada FAISB semasa lawatan beliau pada 29 Oktober 2009, yang mendapati syarikat tersebut telah menggunakan kesemua kolam sedia ada. FAISB pada 16 November 2009 telah mengeluarkan surat arahan pengosongan bagi 5 kolam. Manakala pada 1 Oktober 2010, FAISB telah mengeluarkan tuntutan penyewaan untuk baki 10 kolam dari tempoh 1 September 2010 hingga 31 Ogos 2011 berjumlah RM70,000 tanpa memeterai sebarang perjanjian **(Gambar 62.3** dan **62.4)**. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada tuntutan penyewaan bagi tempoh sebelum 1 September 2010 telah dikenakan kepada syarikat tersebut.

GAMBAR 62.1



Projek Ternakan Udang Harimau Sedili Besar - Kolam Udang Yang Disewakan Kepada Pihak Swasta Dan Tiada Penglibatan Peserta (03.11.2010)

GAMBAR 62.2



Projek Ternakan Udang Harimau Sedili Besar - Kolam Udang Yang Disewakan Kepada Pihak Swasta Dan Tiada Penglibatan Peserta (03.11.2010)

GAMBAR 62.3



Projek Ternakan Udang Harimau Sedili Besar - Kolam Udang Yang Disewa Tanpa Perjanjian (03.11.2010)

GAMBAR 62.4



Projek Ternakan Udang Harimau Sedili Besar - Kolam Udang Yang Disewa Tanpa Perjanjian (03.11.2010)

Pada pendapat Audit, memandangkan projek di atas telah disewakan kepada pihak swasta, maka objektif program untuk melibatkan penyertaan dan meningkatkan ekonomi penduduk tempatan tidak tercapai. Selain itu, pihak Lembaga Pengarah FAISB perlu menyiasat justifikasi penyewaan kolam pada pihak swasta tanpa dikenakan sebarang sewaan.

e. Perbezaan Stok Lembu

i. Bagi Projek Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat di Negeri Johor dan Perak, pihak Audit mendapati perkiraan stok lembu yang dilakukan oleh FAISB semasa lawatan Audit pada bulan November dan Disember 2010 mempunyai perbezaan yang ketara berbanding stok lembu pada bulan September 2009. Contohnya, stok lembu di FELCRA Sg. Melikai yang berkurangan sebanyak 365 ekor manakala FELCRA Pogoh meningkat sebanyak 344 ekor. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah kerana tiada daftar stok lembu yang lengkap dan kemas kini diselenggarakan oleh pelaksana projek; perkiraan stok lembu tidak dibuat secara berkala dan hanya sekali setahun seperti projek di Sg. Sepuluh; keadaan *paddock* telah usang dan kawasan persekitaran tidak diuruskan dengan teratur. Keadaan ini berlaku kerana kurang pemantauan/penyeliaan oleh pihak FAISB dan FELCRA Berhad. Butirannya adalah seperti di **Jadual 62.12**. Bagi tujuan pelarasan rekod, pihak FELCRA Berhad telah menjalankan pengiraan stok fizikal ternakan pada 7 Mac, 31 Mei dan 21 Jun 2011 untuk projek di Sg. Melikai, Pogoh dan Sri Mersing masing-masingnya. Selain itu, Bahagian Bioteknologi ditubuhkan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan ternakan.

JADUAL 62.12
PERBEZAAN STOK TERNAKAN PROJEK TERNAKAN LEMBU

LOKASI	BILANGAN LEMBU (EKOR)		
	PERKIRAAN TERAKHIR OLEH PELAKSANA (SEPTEMBER 2009) (a)	PERKIRAAN SEMASA LAWATAN AUDIT PADA 1 NOVEMBER DAN 13 DISEMBER 2010 (b)	LEBIH/(KURANG) (a) - (b)
FELCRA Sg. Sepuluh 1C	187	198	11
FELCRA Sg. Sepuluh 1A			
FELCRA Sri Mersing	389	219	(170)
FELCRA Sg. Melikai, Mersing	658	293	(365)
FELCRA Pogoh, Muar, Johor	342	686	344
FELCRA Seberang Perak 12	TM	250	TM
FELCRA Seberang Perak 15	TM	468	TM

Nota : ***TM - Tiada maklumat***

ii. Lawatan Audit ke 7 tapak projek berkenaan mendapati lembu yang diternak adalah menggunakan kaedah integrasi iaitu ternakan berada dalam kawasan yang terkawal. Namun pemerhatian Audit mendapati ternakan dibiarkan bebas di ladang yang tidak dipagari **(Gambar 62.5** dan **62.6)** dan *paddock* di tapak Projek Sg. Sepuluh telah usang **(Gambar 62.7** dan **62.8)** serta kawasan persekitarannya penuh dengan semak **(Gambar 62.9** dan **62.10)**.

GAMBAR 62.5



Projek Lembu Seberang Perak 12
- Lembu Dibiarkan Bebas
(13.12.2010)

GAMBAR 62.6



Projek Lembu Seberang Perak 15
- Lembu Dibiarkan Bebas
(13.12.2010)

GAMBAR 62.7



Projek Lembu Sg. Sepuluh 1A
- Paddock Yang Telah Usang
(01.11.2010)

GAMBAR 62.8



Projek Lembu Sg. Sepuluh 1A
- Paddock Yang Telah Usang
(01.11.2010)

GAMBAR 62.9



Projek Lembu Sg. Sepuluh 1A
- Kawasan Paddock Penuh Dengan Semak
(01.11.2010)

GAMBAR 62.10



Projek Lembu Sg. Sepuluh 1A
- Kawasan Paddock Penuh Dengan Semak
(01.11.2010)

f. Penyelenggaraan Rekod Aktiviti

Rekod yang lengkap dan kemas kini adalah penting bagi memantau pelaksanaan projek. Pihak Audit menghadapi kesulitan menyemak maklumat berkaitan aktiviti ternakan dan akuakultur kerana rekod berkenaan aktiviti tersebut tidak diselenggarakan dengan teratur seperti berikut:

i. Daftar fail projek di Ibu Pejabat FAISB tidak disediakan bagi merekodkan maklumat semua projek yang dilaksanakan oleh FAISB.

ii. Rekod perbelanjaan infrastruktur dan peralatan di peringkat Ibu Pejabat dan pejabat kawasan tidak disediakan.

iii. Fail projek tiada nombor rujukan; tiada kertas minit dan juga beberapa Minit Mesyuarat tiada dalam simpanan fail.

iv. Laporan kemajuan kerja projek tidak dikemaskinikan dan tidak dikemukakan kepada Ibu Pejabat secara berkala.

v. Daftar aset bagi semua projek tidak disediakan.

g. Kadar Kelahiran Rendah

Semakan Audit terhadap Laporan Fizikal Ternakan yang dikemukakan bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 mendapati secara umumnya kadar kelahiran purata ternakan lembu FAISB adalah terlalu rendah iaitu antara 0.8% hingga 36.1% berbanding dengan kadar kelahiran yang dianggarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan iaitu antara 50% hingga 70%. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan sebab kadar kelahiran yang rendah termasuk maklumat tepat berhubung kelahirannya kerana tiada rekod disediakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.13
REKOD BERKAITAN KADAR KELAHIRAN LEMBU

PROJEK	TAHUN	BAKA JANTAN (Ekor)	BAKA BETINA (Ekor)	KELAHIRAN (Ekor)	PERATUSAN KELAHIRAN (%)
FELCRA Sg. Sepuluh 1C	2008	15	179	26	14.5
	2009	15	205	45	22.0
	2010(Sept)	5	122	1	0.8
FELCRA Sg. Sepuluh 1A	2008	4	89	13	14.6
	2009	4	85	29	34.1
	2010(Sept)	2	20	1	5.0
FELCRA Sg. Melikai	2008	14	275	163	59.3
	2009	TM	TM	TM	TM
	2010	13	187	33	17.6

PROJEK	TAHUN	BAKA JANTAN (Ekor)	BAKA BETINA (Ekor)	KELAHIRAN (Ekor)	PERATUSAN KELAHIRAN (%)
FELCRA Sri Mersing	2008	14	298	22	7.4
	2009	TM	TM	TM	TM
	2010	13	97	69	71.1
FELCRA Sg. Pogoh	2008	4	209	124	59.3
	2009	TM	TM	TM	TM
	2010	18	440	159	36.1

Nota : ***TM - Tiada maklumat***

Pada pendapat Audit, FAISB perlu menilai semula tahap kepakaran dan latihan kakitangannya untuk mengendalikan projek ternakan dan akuakultur bagi memastikan hasil ternakan mencapai sasaran yang ditetapkan. Pihak FAISB perlu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dengan memberi latihan yang komprehensif kepada penyelia yang bertanggungjawab dan peserta dalam mengendalikan projek ternakan dan akuakultur.

h. Pengurusan Tapak Semaian

i. Pengurusan tapak semaian sawit meliputi kerja penyediaan tapak semaian; penanaman biji cambah; penjagaan anak benih dan pemindahan anak benih daripada tapak semaian kecil (TSK) kepada tapak semaian besar (TSB). Sebahagian besar tapak semaian yang diuruskan oleh FAISB adalah bagi keperluan FELCRA Berhad manakala bakinya adalah untuk pasaran pihak luar. Sehingga bulan Oktober 2010, sebanyak 38 kontrak perjanjian berjumlah RM23.06 juta bagi pengurusan tapak semaian telah ditandatangani antara FAISB dengan FELCRA Berhad. Semakan Audit telah dibuat terhadap 9 kontrak di Pejabat Wilayah FAISB Kluang, Johor; Seberang Perak, Perak; dan Sendayan, Negeri Sembilan. Butiran kontrak adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.14
KONTRAK PENGURUSAN TAPAK SEMAIAN UNTUK FELCRA BERHAD YANG DIAUDIT

NO. KONTRAK	LOKASI	NILAI KONTRAK (RM Juta)	KUANTITI (POKOK)	TARIKH MULA	STATUS
TSKU 379/2008	Wilayah Tengah, Sendayan, Negeri Sembilan	0.79	189,525	15.09.2008	Selesai 8 Pusingan Di TSB
TSKU 380/2008	Wilayah Perak (Seberang Perak)	0.80	189,525	15.10.2008	Selesai 8 Pusingan Di TSB (Tamat)
TSKU 253/2009	Ladang FELCRA Berhad, Seberang Perak	0.35	94,763	01.06.2009	Selesai 8 Pusingan Di TSB
TSKU 254/2009	Tebing Tinggi, Johor	0.34	94,763	01.06.2009	Selesai 8 Pusingan Di TSB
TSKU 378/2009	Wilayah Johor, Dusun Panti Johor	0.71	189,525	01.09.2009	Selesai 8 Pusingan Di TSB

NO. KONTRAK	LOKASI	NILAI KONTRAK (RM Juta)	KUANTITI (POKOK)	TARIKH MULA	STATUS
TSKU 482/2009	Nasaruddin Belia Perak	0.71	189,525	01.09.2009	Selesai 8 Pusingan Di TSB
TSKU 43/2010	Tebing Tinggi 1, Johor	0.34	94,763	01.01.2010	Selesai 8 Pusingan Di TSB
TSKU 99/2010	Wilayah Tengah, Sendayan, Negeri Sembilan	0.68	189,525	15.03.2010	Selesai 8 Pusingan Di TSB
TSKU 178/2010	Ladang FELCRA Berhad, Wilayah Perak	1.01	284,288	15.04.2010	Selesai 8 Pusingan Di TSB

ii. Semakan Audit mendapati aktiviti tapak semaian sawit telah dibuat dengan teratur kecuali bagi beberapa perkara seperti berikut:

- Bagi memastikan pengurusan projek dilaksanakan dengan berkesan, *Standard Operating Procedures* (SOP) perlu disediakan supaya proses kerja dapat dimasukkan sebagai terma dan syarat kontrak. Semakan Audit mendapati SOP yang terperinci tidak disediakan bagi menjelaskan peranan dan tanggungjawab pegawai terlibat serta kaedah dan pendekatan bagi pelaksanaan dan pemantauan projek. Sebaliknya pengurusan projek hanya berpandukan kepada prosedur ringkas yang dikeluarkan oleh FELCRA Berhad iaitu Penentuan Kerja Berkenaan Penyediaan & Penjagaan Tapak Semaian. Pada pendapat Audit, FAISB perlu mengkaji semula prosedur sedia ada yang diguna pakai dan membuat pindaan di mana perlu agar bersesuaian dengan persekitaran semasa syarikat.

- Berdasarkan kontrak penjagaan tapak semaian di Sendayan, Negeri Sembilan (TSKU 379/2008), para 3.3 menyatakan semua arahan kerja hendaklah dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa secara bertulis. Semakan Audit mendapati tiada arahan secara bertulis dikeluarkan untuk pemindahan anak benih sawit sebanyak 55,190 pokok pada 22 November 2010 ke ladang FELCRA Berhad oleh Pegawai Penguasa. Berdasarkan klausa kontrak, Perenggan 17, pihak FAISB boleh mengemukakan tuntutan yang munasabah kepada FELCRA Berhad bagi tuntutan kos penjagaan lebih masa, namun ia tidak dibuat.

- Berdasarkan syarat kontrak, pemindahan anak benih sawit daripada tapak semaian kecil (TSK) kepada tapak semaian besar (TSB) tidak boleh melebihi usia anak pokok 3 bulan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pemindahan 11,615 anak benih bagi 3 kontrak telah dibuat melebihi tempoh yang ditetapkan. Tempoh lewat memindah anak benih adalah antara 2 hingga 6 bulan. *Berdasarkan maklum balas FAISB, kelewatan pemindahan ini adalah disebabkan oleh kesukaran mendapatkan bekalan tanah jenis peroi bagi polibag besar.* Kelewatan ini boleh menjejaskan pembesaran dan kesuburan anak benih tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.15
PEMINDAHAN ANAK BENIH MELEBIHI TEMPOH DITETAPKAN

NO. KONTRAK	BILANGAN *CONSIGNMENT*	KUANTITI (POKOK)	TARIKH SEMAI	TARIKH PINDAH KE TSB	TEMPOH LEWAT PINDAH ANAK BENIH (BULAN)
TSKU 380/2008	13	5,232	02.10.2009	10.03.2010	2
TSKU 253/2009	2	1,216	02.11.2009	19.04.2010	5
TSKU 253/2009	5	5,167	01.12.2009	17.05.2010	6
JUMLAH	**20**	**11,615**			

Nota : TSB - Tapak Semaian Besar

- Berdasarkan kontrak, tempoh keseluruhan penjagaan anak benih kelapa sawit yang melibatkan penjagaan di tapak semaian kecil (TSK) dan tapak semaian besar (TSB) sehingga pemindahan ke ladang FELCRA Berhad tidak boleh melebihi 13 bulan. Semakan Audit terhadap 3 kontrak pengurusan tapak semaian dengan nilai RM1.93 juta mendapati 89,386 pokok anak benih sawit yang patut dihantar ke ladang FELCRA Berhad pada bulan Julai dan September 2010 masih belum dihantar lagi. Pihak Audit dimaklumkan pemindahan ini tidak dapat dilakukan kerana FELCRA Berhad tidak dapat menyediakan tapak ladang secukupnya. Kelewatan tersebut adalah antara 1 hingga 3 bulan. Ini menyebabkan FAISB terpaksa menanggung tambahan kos penjagaan berjumlah RM34,603 (RM0.22 bagi setiap anak benih sebulan) sedangkan tiada tambahan pendapatan yang dibayar oleh FELCRA Berhad bagi pelanjutan tempoh penjagaan anak benih tersebut kerana tidak dinyatakan dalam klausa kontrak. Butiran kos penjagaan dan gambar tapak semaian yang terlibat adalah seperti berikut:

JADUAL 62.16
TAMBAHAN ANGGARAN KOS PENJAGAAN
ANAK BENIH MELEBIHI TEMPOH KONTRAK

NO. KONTRAK	BILANGAN BIJI BENIH DITANAM	BAKI ANAK BENIH MELEBIHI 13 BULAN (POKOK)	TEMPOH LEWAT (Bulan)	TAMBAHAN ANGGARAN KOS PENJAGAAN (RM)
TSKU 380/2008	210,000	6,354 6,373	3 1	4,194 1,402
TSKU 254/2009	150,000	21,469	1	4,723
TSKU 379/2008	210,000	55,190	2	24,284
JUMLAH		**89,386**		**34,603**

GAMBAR 62.11



Tapak Semaian Seberang Perak 10
- Anak Benih Sawit Yang Melebihi Tempoh
(13.12.2010)

GAMBAR 62.12



Tapak Semaian Seberang Perak 14
- Anak Benih Sawit Yang Melebihi Tempoh
(13.12.2010)

GAMBAR 62.13



Tapak Semaian Sendayan, Negeri Sembilan
- Anak Benih Sawit Yang Melebihi Tempoh
(22.11.2010)

GAMBAR 62.14



Tapak Semaian Sendayan, Negeri Sembilan
- Anak Benih Sawit Yang Melebihi Tempoh
(22.11.2010)

- FAISB telah mendapat arahan daripada FELCRA Berhad untuk kerja mengangkut anak benih kelapa sawit dari tapak semaian Seberang Perak ke ladang FELCRA Berhad di Seberang Perak. Bagaimanapun, arahan ini tidak disusuli dengan perjanjian formal. Setelah kerja mengangkut anak benih dilaksanakan pada 4 Februari hingga 5 Julai 2010, FAISB telah mengemukakan tuntutan sejumlah RM107,988 kepada FELCRA Berhad, namun FELCRA Berhad tidak membuat pembayaran kepada FAISB memandangkan tiada perjanjian rasmi yang ditandatangani. Bagi menyelesaikan masalah ini, pihak FELCRA Berhad telah melantik secara rasmi syarikat SB Construction & Services sebagai pihak ketiga bagi tujuan menyalurkan bayaran mengangkut anak benih kepada FAISB. SB Construction & Services akan mengeluarkan bayaran kepada FAISB setelah ditolak bayaran komisyen daripada jumlah yang diterima daripada FELCRA Berhad. Sehingga bulan Disember 2010, pihak Audit dimaklumkan bahawa hanya sejumlah RM50,580 telah dijelaskan daripada SB Construction & Services kepada FAISB setelah ditolak bayaran komisen 10% dari jumlah asal yang diterima dari FELCRA Berhad. Bagi menangani isu tersebut, pihak pengurusan FELCRA Berhad telah mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan siasatan dalaman, namun ia masih di peringkat pelaporan.

Pada pendapat Audit, kaedah pembayaran yang dilaksanakan ini menyalahi peraturan kewangan syarikat dan ianya akan mendedahkan FAISB kepada risiko kerugian sekiranya pihak SB Construction & Services enggan melepaskan bayaran kepadanya kerana kontrak tersebut ditandatangani antara FELCRA Berhad dengan SB Construction & Services.

62.4.2.3. Aktiviti Perkhidmatan Lain

a. Urus Kontrak

FAISB juga menguruskan perkhidmatan lain secara kontrak seperti membina dan menaik taraf jalan pertanian; mengurus pengeluaran hasil ladang; membekal dan menghantar anak benih dan penyenggaraan ladang FELCRA Berhad. FAISB menggunakan Manual Perolehan FELCRA Berhad sebagai rujukan semasa memberi perkhidmatan ini. Semakan Audit mendapati FAISB telah menandatangani perjanjian kontrak pada 4 Jun 2009 dengan FELCRA Berhad bagi membekal dan menghantar anak benih kelapa sawit untuk ladang di FELCRA Berhad Wilayah Perak melalui Kontrak No. BKLU 212/2009. Nilai kontrak adalah RM1.01 juta. Berdasarkan perjanjian, kerja akan bermula pada 1 Mei 2009 dan perlu disiapkan pada 31 Julai 2009. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kerja membekal dan mengangkut anak benih kelapa sawit tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam kontrak. Kerja ini hanya dapat disiapkan pada 23 November 2009 iaitu kelewatan selama 4 bulan. Pihak FAISB memaklumkan bahawa antara sebab kelewatan adalah kesukaran untuk mendapatkan anak benih kelapa sawit yang bersesuaian dengan syarat kontrak. **Pada pendapat Audit, FAISB perlu mematuhi kehendak kontrak supaya tidak menjejaskan program penanaman semula FELCRA Berhad.**

b. *Trading* Input Pertanian

i. *Trading* Input Pertanian FAISB adalah aktiviti membekalkan peralatan pertanian dan input pertanian seperti bahan penggalak susu getah kepada FELCRA Berhad. Justeru itu, FELCRA Berhad telah melantik FAISB secara lantikan terus bagi pengurusan *trading* input pertanian untuk kegunaan FELCRA Berhad. FAISB menggunakan Manual Perolehan FELCRA Berhad sebagai rujukan terhadap pelaksanaan aktiviti ini. Lawatan Audit serta semakan terhadap rekod telah dibuat di peringkat Ibu Pejabat serta Pejabat Wilayah FAISB di Johor dan Perak meliputi 12 perolehan FAISB kepada pembekal dengan nilai kontrak berjumlah RM8.73 juta.

ii. Berdasarkan Prosedur Manual Perolehan FELCRA Berhad perolehan berjumlah antara RM50,000 hingga RM200,000 hendaklah dibuat

melalui kaedah sebut harga, manakala bagi perolehan yang bernilai RM200,000 dan ke atas hendaklah dibuat secara tender. Semakan Audit terhadap 12 perolehan mendapati kesemuanya telah dibuat melalui rundingan terus. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan pembekal untuk perolehan tersebut merupakan pembekal tunggal kerana tiada sijil atau surat akuan yang boleh digunakan bagi mengiktirafnya sebagai pembekal tunggal. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.17
PEROLEHAN YANG DIURUSKAN OLEH FELCRA AGRO INDUSTRY SDN. BHD.

NO. KONTRAK	KERJA	KAEDAH PEROLEHAN SEPATUTNYA	KAEDAH PEROLEHAN SEBENAR	NILAI KONTRAK (RM Juta)	NAMA PEMBEKAL
BKLU 001/2008	Melaksanakan kontrak kerja membekal dan menghantar bekalan peralatan Rrimflow ke ladang bagi tahun 2008	Tender	Rundingan Terus	0.88	Gimflow Sdn. Bhd.
BKLU 097/2008	Melaksanakan kontrak kerja membekal, menghantar dan memasang set lengkap Raingutter ke ladang tahun 2008	Tender	Rundingan Terus	0.23	Gaincrest
BKLU 212/2008	Melaksanakan kontrak kerja membekal dan menghantar bekalan peralatan Rrimflow dan G-Flex ke Ladang FB Wilayah Tengah dan Utara	Tender	Rundingan Terus	0.97	Gimflow Sdn. Bhd Hateg Corporation
BKLU 303/2008	Melaksanakan kontrak kerja Membekal dan menghantar bekalan peralatan Rrimflow ke Ladang FB Lakai II dan Kg. Lakai II, Negeri Sembilan	Tender	Rundingan Terus	0.23	Gimflow Sdn. Bhd
BKLU 313/2008	Membekal dan menghantar bekalan komponen Rrimflow (Water Reactive & Contact Adhensive) FB Wilayah Utara (Lubuk Sireh 4 & 5)	Sebut Harga	Rundingan Terus	0.07	Gimflow Sdn. Bhd.
BKLU 029/2009	Melaksanakan kerja membekal dan menghantar Peralatan Rrimflow 3G dan G-Flex serta membekal, menghantar dan memasang Ebor Eaves Ke Ladang FB Tahun 2009	Tender	Rundingan Terus	1.72	Hateg Corporation (G-Flex) Agri Bio Corporation (Ebor Eaves) Gimflow Sdn. Bhd. (Rrimflow 3G)
BKLU 027/2009	Melaksanakan kerja membekal dan menghantar keperluan Penggalak Lateks bagi tahun 2009 Ke Ladang FB tahun 2009	Tender	Rundingan Terus	1.48	Nufarm Sdn. Bhd (Etherel) Gimflow Sdn. Bhd. (Ethephon)
BKLU 233/2009	Melaksanakan kerja membekal dan menghantar keperluan Penggalak Lateks bagi Pusingan 2/2009 Ke Ladang FB tahun 2009	Sebut Harga	Rundingan Terus	0.12	Nufarm Sdn. Bhd. (Etherel) Gimflow Sdn. Bhd. (Ethephon)
BKLU 236/2010	Melaksanakan kerja membekal dan menghantar keperluan Penggalak Lateks Bagi Pusingan 2/2010 Ke Ladang Getah FB Semenanjung	Tender	Rundingan Terus	0.22	Nufarm Sdn. Bhd. (Etherel) Gimflow Sdn. Bhd. (Ethephon)

NO. KONTRAK	KERJA	KAEDAH PEROLEHAN SEPATUTNYA	KAEDAH PEROLEHAN SEBENAR	NILAI KONTRAK (RM Juta)	NAMA PEMBEKAL
BKLU 237/2010	Melaksanakan kerja pembekalan mesin Cantas Motorized Cutter ke Projek-projek FB Wilayah Pahang	Sebut Harga	Rundingan Terus	0.78	Jariz
BKLU 543/2009	Melaksanakan kerja membekal dan menghantar set peralatan LITS (Rrimflow 3G, G-Flex, Ebor Eaves & Raingutter) ke Ladang Felcra Berhad Wilayah Timur, Johor, Utara Tengah Wilayah Perak bagi tahun 2010	Tender	Rundingan Terus	1.53	Hateg Corporation (G-Flex) Agri Bio Corporation (Ebor Eaves) Gimflow Sdn. Bhd. (Rrimflow) Gaincrest (Raingutter)
BKLU 516/2009	Melaksanakan kerja membekal dan menghantar penggalak Lateks bagi setengah tahun pertama (Pusingan 1/2010) di ladang FELCRA Berhad Semenanjung	Tender	Rundingan Terus	0.50	Nufarm Sdn. Bhd. (Etherel) Gimflow Sdn. Bhd. (Ethephon) Ancom Crop Care Sdn. Bhd. (Mortex)
JUMLAH				**8.73**	

iii. Lawatan Audit ke Pejabat Wilayah FAISB Perak mendapati FAISB telah diarahkan oleh FELCRA Berhad bagi membekal 31,000 anak benih pisang untuk Projek Plasma Seberang Perak pada tahun 2009. Semakan Audit mendapati FELCRA Berhad telah lewat membayar kepada FAISB dengan tempoh kelewatan antara 4 hingga 14 bulan. Butiran projek adalah seperti di **Jadual 62.18**. Bagi mengatasi masalah kelewatan pembayaran, pihak FELCRA Berhad sebagai syarikat induk telah mengeluarkan polisi pembayaran iaitu semua tuntutan hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari.

JADUAL 62.18
PEMBEKALAN ANAK BENIH PISANG

KAWASAN PROJEK	JENIS PISANG	KUANTITI PENGHANTARAN (BENIH POKOK)	JUMLAH TUNTUTAN (RM)	JUMLAH TELAH TERIMA (RM)	TARIKH TUNTUTAN	TARIKH TERIMA BAYARAN	KELEWATAN (BULAN)
FELCRA Seberang Perak 14	Abu	3,910	7,038	7,038	28.10.2009	01.02.2010	4
	Berangan	3,000	4,500	3,000	28.10.2009	01.02.2010	4
				1,500	28.10.2009	22.12.2010	14
	Tanduk/ Nangka	1,100	2,200	200	28.10.2009	01.02.2010	4
				2,000	28.10.2009	10.12.2010	14
FELCRA Seberang Perak 12	Berangan	6,000	9,000	9,000	28.10.2009	01.02.2010	4
	Abu	5,020	9,036	9,036	28.10.2009	01.02.2010	4

62.4.2.4. Pengurusan Tenaga Kerja Asing

Sejak penubuhannya, FAISB dipertanggungjawabkan mengendalikan urusan pengambilan; penempatan dan penghantaran pulang tenaga kerja asing (TKA) bagi ladang FELCRA Berhad di seluruh negara. Setakat 31 Disember 2010, jumlah kemasukan baru TKA; penghantaran pulang TKA dan sambungan permit TKA adalah masing-masingnya berjumlah 426; 249 dan 2,318 orang. Semakan Audit terhadap pengurusan TKA mendapati beberapa perkara seperti berikut:

a. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, hanya 6 (26.1%) daripada 23 urusan pengambilan TKA Indonesia yang dimeterai kontrak secara rasmi.

b. Semakan Audit terhadap 6 kontrak tersebut bagi urusan pembekalan Tenaga Kerja Asing dari Indonesia untuk tempoh tahun 2008 hingga 2010 mendapati hanya 337 TKA (26.7%) berjaya dibawa masuk berbanding 1,260 TKA yang ditetapkan. Selain itu, syarat kontrak juga menetapkan supaya agen yang dilantik menyediakan wang amanah dalam bentuk draf bank pada kadar 2.5% dari nilai pendahuluan bayaran levi atas bilangan TKA yang dibawa masuk. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati syarat kontrak untuk keperluan wang amanah ini hanya dikenakan bagi pelantikan agen tahun 2008 dan 2009 manakala bagi tahun 2010, klausa berhubung perkara ini tidak dinyatakan. **Pada pendapat Audit, ketiadaan klausa tersebut boleh mendedahkan risiko kerugian kepada FAISB apabila agen gagal membekalkan TKA mengikut syarat kontrak.**

c. Bagi urusan pembekalan TKA dari Bangladesh, pihak Kerajaan telah memberi Kelulusan Khas bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 untuk membawa masuk 4,000 TKA tanpa perlu membayar levi. Bagaimanapun sehingga akhir tahun 2009, FAISB hanya membawa masuk seramai 3,400 (85%) TKA. **Pada pendapat Audit, FAISB tidak menggunakan peluang ini untuk membawa masuk baki TKA yang diberikan secara percuma oleh Kerajaan sedangkan masih wujud keperluan terhadap tenaga kerja di ladang FELCRA Berhad.**

d. Mengikut syarat kontrak pembekalan TKA dengan agen yang dilantik, agen yang menguruskan kemasukan TKA adalah bertanggungjawab selama tempoh jaminan 90 hari daripada tarikh kemasukan. Bagaimanapun, syarat ini hanya terpakai bagi TKA yang dibawa dari Indonesia sahaja. Jika berlaku kejadian TKA melarikan diri dalam tempoh jaminan tersebut, agen berkenaan perlu membayar kembali segala kos yang terlibat kepada FAISB. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, bilangan TKA yang melarikan diri adalah seramai 457 orang di mana 54 orang daripadanya melarikan diri dalam tempoh jaminan. Namun begitu, pihak FAISB hanya akan menjelaskan bayaran kepada agen setelah mengambil

kira bilangan TKA yang aktif bekerja selepas 90 hari. Ini mengakibatkan pihak FAISB perlu membuat pengambilan baru bagi menggantikan TKA yang melarikan diri. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 62.19
BILANGAN TENAGA KERJA ASING (TKA) YANG LARI

TAHUN	NEGARA ASAL TKA	BILANGAN TKA LARI (ORANG)	TEMPOH TKA LARI SELEPAS TARIKH MASA	
			DALAM 90 HARI	SELEPAS 90 HARI
2008	Indonesia	309	-	309
	Bangladesh	-	-	-
2009	Indonesia	60	46	14
	Bangladesh	33	8	25
2010	Indonesia	39	-	39
	Bangladesh	16	-	16
JUMLAH		**457**	**54**	**403**

Pada pendapat Audit, FAISB perlu melantik agen dengan perjanjian yang formal selain menetapkan klausa penalti yang memerlukan agen berkenaan membekalkan TKA seperti yang dipersetujui dan juga menggantikan TKA yang melarikan diri. Kegagalan untuk membekalkan TKA tersebut secara tidak langsung boleh menjejaskan produktiviti pengeluaran di ladang FELCRA Berhad.

Pada pendapat Audit, secara umumnya skop perniagaan FAISB adalah terlalu tertumpu kepada peluang perniagaan yang ditawarkan oleh syarikat induknya. Ini menyukarkan syarikat mencapai objektif yang ditetapkannya untuk menjadi peneraju utama industri pengeluaran dan perkhidmatan berasaskan pertanian di pasaran dalam dan luar negara. Sehubungan itu, FAISB perlu menilai semula strategi perniagaan yang lebih komprehensif supaya dapat mengurangkan kebergantungan untuk mendapatkan projek daripada syarikat induknya. Selain itu, FAISB juga perlu menyediakan polisi dan prosedur yang lengkap dengan pemantauan yang berkesan daripada pengurusan syarikat.

62.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta kod tadbir urus korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik. Butirannya adalah seperti berikut:

62.4.3.1. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menghendaki setiap syarikat menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strateginya bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati pihak FAISB ada menyediakan Pelan Perniagaan

sehingga tahun 2012 dan Indeks Petunjuk Prestasi Utama (setakat tahun 2007 sahaja), di samping penyediaan rancangan perniagaan 5 tahun dari tahun 2006 hingga 2010. Namun pihak FAISB tidak mengkaji semula sasaran yang ditetapkan dalam pelan dan rancangan perniagaan berdasarkan pencapaian sebenar dari semasa ke semasa. **Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah perlu memantau prestasi pencapaian perancangan perniagaan bagi mengenal pasti faktor yang menjejaskan rancangan serta mengkaji semula strateginya.**

62.4.3.2. Menurut Akta Syarikat 1965, Ahli Lembaga Pengarah mempunyai kuasa terhadap pengurusan; pembuatan keputusan serta penyeliaan terhadap segala urusan syarikat. Dalam erti kata lain, Ahli Lembaga Pengarah berperanan untuk memantau segala tindakan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan pihak FAISB telah mewujudkan polisi dan panduan untuk menilai prestasi Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik. Bagi menjamin tahap tadbir urus syarikat yang baik, **pada pendapat Audit FAISB/FELCRA Berhad perlu mewujudkan mekanisme untuk menilai prestasi Ahli Lembaga Pengarah melalui pewujudan *Nomination Committee* untuk menguruskan penilaian tersebut. Ini selaras dengan amalan terbaik yang digariskan *dalam The Green Book-Enhancing Board Effectiveness* yang dilancarkan pada tahun 2006 oleh *Putrajaya Committee on GLC High Performance* yang menyatakan kepentingan menilai prestasi Ahli Lembaga Pengarah.**

62.4.3.3. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Semakan Audit mendapati pemantauan dan penyeliaan operasi FAISB dibuat oleh Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit di peringkat FELCRA Berhad.

62.4.3.4. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 antaranya menetapkan bahawa peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat perlu diperkemas dan diperketat bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Semakan Audit terhadap 481 baucar bayaran bagi tempoh tahun 2008 hingga Oktober 2010 bernilai RM3.58 juta mendapati invois yang dilampirkan sebagai dokumen sokongan untuk 9 baucar bayaran yang bernilai RM81,005 didapati tidak mempunyai cop 'TELAH BAYAR'. Keadaan ini boleh membawa risiko berlakunya pembayaran dua kali terhadap dokumen yang sama.

62.4.3.5. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2009, Lembaga Pengarah meluluskan bayaran zakat berjumlah RM34,830 kepada Yayasan Kemiskinan Kelantan. Semakan Audit selanjutnya mendapati bayaran zakat tersebut tidak

dicajkan kepada kod akaun zakat sebaliknya dicajkan kepada kod keraian/sumbangan korporat. Selain itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada bayaran zakat tersebut telah dibayar sepenuhnya kepada Yayasan kerana hanya terdapat resit berjumlah RM14,000 sahaja sebagai akuan penerimaan oleh Yayasan.

62.4.3.6. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai dibenarkan membuat pembayaran bonus. Semakan Audit mendapati pihak FAISB membuat bayaran bonus sejumlah RM0.87 juta bagi tahun 2008 dan 2009 tanpa mendapat kelulusan sewajarnya daripada Kementerian Kewangan. Namun begitu pembayaran berkenaan telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah FAISB. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.20
BONUS BAGI TAHUN KEWANGAN 2008 DAN 2009

TAHUN KEWANGAN	KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (RM Juta)	BONUS SEBENAR YANG DIBAYAR	
		(RM Juta)	KADAR BONUS
2008	0.88	0.49	3 bulan gaji
2009	1.95	0.38	1 bulan hingga 3 bulan gaji
JUMLAH	**2.83**	**0.87**	

Pada pendapat Audit, FAISB perlu mendapat kelulusan sewajarnya dari Kementerian Kewangan seperti ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993.

62.4.3.7. Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan langkah wajar diambil supaya aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur. Semakan Audit terhadap pengurusan aset mendapati ia tidak diuruskan dengan teratur, penyelenggaraan rekod, verifikasi aset, pelabelan aset, penyenggaraan kenderaan dan stor serta pelupusan aset. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 62.21
KELEMAHAN YANG DIPERHATIKAN BERHUBUNG PENGURUSAN ASET

BUTIRAN	KATEGORI ASET	LOKASI ASET	PENJELASAN RINGKAS BERHUBUNG KELEMAHAN
Penyelenggaraan Rekod Aset	Pelbagai	Ibu Pejabat	• Daftar aset tidak disediakan memandangkan semua pembelian aset direkodkan dalam sistem maklumat aset. Bagaimanapun, butiran aset seperti nombor siri dan lokasi aset di dalam sistem tersebut tidak dikemas kini. • Senarai aset hanya dibuat bagi tahun 2008 dan 2009.

BUTIRAN	KATEGORI ASET	LOKASI ASET	PENJELASAN RINGKAS BERHUBUNG KELEMAHAN
Pemeriksaan serta Verifikasi Aset	Pelbagai	Ibu Pejabat serta Pejabat FAISB Wilayah yang dilawati	• Pemeriksaan aset dan stok tidak dibuat.
Pelabelan Aset	Pelbagai	Ibu Pejabat FAISB	• Aset tidak dilabel dengan nombor rujukan yang sesuai. **(Gambar 62.15** dan **62.16)**
Penyenggaraan Kenderaan	Pajero (WHD 5498); SsangYong Rexton (WNY 9037); Toyota Hilux (WPA 803)	Ibu Pejabat FAISB	• Maklumat berkaitan penyenggaraan 3 kenderaan tidak pernah direkodkan. • Buku log kenderaan tidak disediakan.
Penyenggaraan Kenderaan	(QKL 2402, JBV 6225, WPT6476) (WLM 1695, WTS 2852,WKX 8659, WEK 2508, JBN 2717 dan WLS 5143)	Seberang Perak, Johor	• Buku log kenderaan tidak disediakan.
	Ford Ranger WNX 2415	Pejabat Wilayah FAISB Kedah	• Kenderaan sepatutnya ditempatkan di Pejabat Wilayah Perak tetapi tiada surat pemindahan dikeluarkan.
Pelupusan Aset	Pelbagai	Ibu Pejabat FAISB	• Proses pelupusan tidak dijalankan mengikut jadual. • Hanya rekod berkaitan pelupusan kenderaan disimpan manakala tiada rekod berkaitan pelupusan aset lain seperti komputer dan peralatan pejabat. • Aset seperti komputer dan pencetak yang tidak boleh digunakan tidak dilupuskan dan masih disimpan di stor. **(Gambar 62.17** dan **62.18)**
Penyenggaraan Stor	Pelbagai	Ibu Pejabat FAISB	• Keadaan stor tidak teratur **(Gambar 62.19)** • Fail tutup tidak disusun dengan teratur. • Stok resit dan *letterhead* tidak disusun dengan teratur. **(Gambar 62.20)**

GAMBAR 62.15



Ibu Pejabat FAISB
- Aset FAISB Yang Tidak Dilabel
(27.12.2010)

GAMBAR 62.16



Ibu Pejabat FAISB
- Aset FAISB Yang Tidak Dilabel
(27.12.2010)

GAMBAR 62.17



Ibu Pejabat FAISB
- Aset Yang Tidak Dilupuskan
Dan Disimpan Di Stor
(27.12.2010)

GAMBAR 62.18



Ibu Pejabat FAISB
- Aset Yang Tidak Dilupuskan
Dan Disimpan Di Stor
(27.12.2010)

GAMBAR 62.19



Ibu Pejabat FAISB
- Keadaan Stor Yang Tidak Teratur
(27.12.2010)

GAMBAR 62.20



Ibu Pejabat FAISB
- Stok Resit Dan Letterhead Tidak Disusun Dengan Teratur
(27.12.2010)

Pada pendapat Audit, pengurusan aset adalah kurang memuaskan. Sehubungan ini, FAISB perlu memastikan rekod aset dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memastikan keselamatan harta syarikat. Selain itu, tindakan pelupusan perlu diambil bagi menjimatkan ruang penyimpanan.

62.5. SYOR AUDIT

Visi FAISB untuk menjadi syarikat peneraju utama industri pengeluaran dan perkhidmatan berasaskan pertanian di pasaran dalam dan luar negara tidak mungkin dapat dicapai sekiranya kelemahan khususnya berhubung pengurusan aktiviti FAISB yang dibangkitkan tidak diperbetulkan segera. sehubungan dengan itu, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

62.5.1. Pengurusan FAISB perlu memastikan pengurusan kos operasi yang lebih cekap supaya syarikat dapat menjana keuntungan yang lebih baik. Selain itu, FAISB juga perlu berusaha untuk meningkatkan aliran tunai masuk khususnya daripada aktiviti operasi syarikat.

62.5.2. Lembaga Pengarah FAISB perlu menyiasat justifikasi penyewaan kolam bagi Program Pembangunan Ekonomi Desa dan Skim 5 Bantuan Projek Pelbagaian kepada pihak luar tanpa dikenakan sebarang sewaan.

62.5.3. Lembaga Pengarah perlu memantau prestasi pencapaian perancangan perniagaan bagi mengenal pasti faktor yang menjejaskan rancangan serta mengkaji semula strateginya.

62.5.4. Lembaga Pengarah perlu mewujudkan mekanisme untuk menilai prestasi Ahli Lembaga Pengarah supaya selaras dengan amalan terbaik yang digariskan dalam *The Green Book-Enhancing Board Effectiveness* bagi menjamin tahap *corporate governance* syarikat yang baik.

62.5.5. Lembaga Pengarah perlu menilai semula strategi perniagaan yang lebih komprehensif supaya dapat mengurangkan kebergantungan untuk mendapatkan projek daripada syarikat induknya.

62.5.6. Pengurusan FAISB hendaklah memastikan kawalan dalaman terhadap proses pembayaran dipertingkatkan.

62.5.7. Pengurusan FAISB juga perlu menyediakan polisi dan prosedur yang lengkap dengan pemantauan pengurusan syarikat yang aktif. Ia bagi membolehkan objektif syarikat untuk menjadi peneraju utama industri pengeluaran dan perkhidmatan berasaskan pertanian di pasaran dalam dan luar negara dapat dicapai.

62.5.8. Pengurusan FAISB perlu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dengan memberi latihan yang komprehensif kepada penyelia yang bertanggungjawab dan peserta dalam mengendalikan projek ternakan dan akuakultur supaya hasil ternakan mencapai sasaran yang sepatutnya.

62.5.9. Pengurusan FAISB perlu mengkaji semula permasalahan yang dihadapi berhubung kegagalan pembekalan TKA di samping melantik agen dengan perjanjian yang formal termasuk menetapkan klausa penalti yang memerlukan agen berkenaan membekalkan TKA seperti yang dipersetujui.

KEMENTERIAN KEWANGAN

63. PENGURUSAN MALAYSIAN BIOTECHNOLOGY CORPORATION SDN. BHD.

63.1. LATAR BELAKANG

63.1.1. Dasar Bioteknologi Negara (DBN) telah dilancarkan pada 28 April 2005 dengan tujuan untuk menjadikan bioteknologi sebagai salah satu pemacu strategik utama untuk pembangunan sosial dan ekonomi negara. Dasar ini menetapkan 9 teras utama yang perlu dilaksanakan bagi memastikan kemajuan bioteknologi di Malaysia. Sembilan teras utama adalah Bioteknologi Pertanian; Bioteknologi Penjagaan Kesihatan; Bioteknologi Perindustrian; Penyelidikan Dan Pembangunan, Pemerolehan Teknologi; Pembangunan Sumber Insan; Prasarana Kewangan; Rangka Kerja Perundangan Dan Kawal Selia; Pembangunan Strategik serta Sokongan Dan Komitmen Kerajaan. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah menubuhkan Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp) pada 13 Mei 2005 sebagai agensi pelaksana dasar ini di samping bertindak sebagai agensi rujuk sehenti (one stop centre) kepada syarikat berorientasikan bioteknologi.

63.1.2. Pelaksanaan pembangunan industri bioteknologi di dalam dan luar negara dilakukan dalam 3 fasa yang dibiayai sepenuhnya daripada geran dan peruntukan Kerajaan. BiotechCorp telah menerima sejumlah RM347.90 juta di bawah RMKe-9 dan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE-2). Peruntukan ini adalah untuk melaksanakan 6 program di bawah RMKe-9 iaitu Geran Pengkomersialan Bioteknologi (BCG); Program Pemerolehan Bioteknologi (BAP); Program Usahawan Bioteknologi (BEP); Program Rakan Kongsi BioNexus (BNP); Program Kaji Selidik Dan Pengurusan Harta Intelek (IPRM) dan Program Latihan Khas Usahawan (BeST).

63.1.3. BiotechCorp mempunyai 8 Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada Pengerusi, seorang Pengarah Eksekutif iaitu Ketua Pegawai Eksekutif, 6 Ahli Lembaga Bukan Eksekutif di mana 4 daripada mereka adalah wakil Kerajaan iaitu daripada Kementerian Kewangan; Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI); Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan Jabatan Akauntan Negara. Manakala 2 wakil lain dari Universiti Sains Malaysia dan Sime Darby Berhad. Pengurusan BiotechCorp diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang dibantu oleh seramai 165 eksekutif serta bukan eksekutif.

63.1.4. Sebagai sebuah syarikat sendirian berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, BiotechCorp perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain berkaitan dengan syarikat Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

63.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai:

63.2.1. Prestasi kewangan BiotechCorp adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

63.2.2. Pengurusan aktiviti BiotechCorp telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

63.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat BiotechCorp adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

63.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan kewangan serta pelaksanaan 6 program dan 2 aktiviti iaitu pemberian status BioNexus dan promosi industri Bioteknologi. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tahun 2007 hingga 2010 telah dibuat di pejabat BiotechCorp, Kementerian Kewangan dan Kementerian Sains Teknologi Dan Inovasi (MOSTI). Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2007, 2008 dan 2009 yang telah diaudit. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab serta lawatan ke 6 agensi berdasarkan kepada program yang dilaksanakan terdiri daripada Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Institut Piawaian Dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan Institut Penyelidikan Dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) telah dilakukan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

63.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati pada umumnya kedudukan kewangan BiotechCorp bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 adalah memuaskan. Secara keseluruhannya pengurusan bagi 6 program dan 2 aktiviti telah dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh pihak BiotechCorp berkenaan dengan peralatan teknologi yang belum digunakan. Selain itu, kelemahan dalam pengurusan aset perlu diberikan penekanan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan BiotechCorp adalah seperti di perenggan berikut:

63.4.1. Prestasi Kewangan


63.4.1.1. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, BiotechCorp mencatatkan peningkatan keuntungan bersih daripada RM0.36 juta pada tahun 2007 kepada RM4.37 juta pada tahun 2009. Ini disebabkan oleh peningkatan geran mengurus yang diterima oleh BiotechCorp daripada Kerajaan iaitu RM29.90 juta pada tahun 2007 kepada RM37.62 juta pada tahun 2009. Perbelanjaan am dan

pentadbiran juga telah meningkat sejumlah RM6.49 juta (22.3%) pada tahun 2009 berbanding dengan tahun 2007. Peningkatan ini disebabkan antara lainnya oleh emolumen, elaun dan skim ganjaran kakitangan; sewaan pejabat dan perkhidmatan perunding serta pembelian bahan bacaan yang tinggi. Manakala peruntukan susut nilai aset meningkat daripada RM1.09 juta pada tahun 2007 kepada RM2.88 juta pada tahun 2009 iaitu peningkatan sejumlah RM1.79 juta (164.2%). Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi BiotechCorp bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 63.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI BIOTECHCORP
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009


BUTIRAN	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan	31.35	36.96	44.55
Perbelanjaan Operasi	(0.82)	(1.71)	(1.73)
Untung Kasar	**30.53**	**35.25**	**42.82**
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(29.06)	(32.57)	(35.55)
Susut Nilai	(1.09)	(2.13)	(2.88)
Untung Operasi	**0.38**	**0.55**	**4.39**
Belanja Faedah	(0.02)	(0.02)	(0.02)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**0.36**	**0.53**	**4.37**
Pelarasan Cukai	-	-	-
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**0.36**	**0.53**	**4.37**

CARTA 63.1
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BIOTECHCORP
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009



Sumber: Penyata Kewangan BiotechCorp Yang Telah Diaudit
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007, 2008 Dan 2009

CARTA 63.2
TREND KEUNTUNGAN BIOTECHCORP
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009



Sumber: Penyata Kewangan BiotechCorp Yang Telah Diaudit
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007, 2008 Dan 2009

63.4.1.2. Analisis terhadap Penyata Aliran Tunai mendapati BiotechCorp telah mengalami defisit aliran tunai berjumlah RM52.07 juta daripada aktiviti pengoperasian pada tahun 2009 berbanding defisit RM44.20 juta pada tahun 2008 selaras dengan mandat BiotechCorp sebagai agensi Kerajaan yang bukan berlandaskan keuntungan, perbelanjaan operasi syarikat adalah ditampung oleh dana geran operasi dan pembangunan (OE & DE). Pada tahun 2009, kos aktiviti pelaburan telah meningkat sejumlah RM11.45 juta (662%) menjadi RM13.18 juta berbanding RM1.73 juta pada tahun sebelumnya berikutan dari pemerolehan lesen *platform* teknologi utama di bawah program RMKe-9. Pada akhir tahun kewangan 2009, BiotechCorp mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM367.41 juta terdiri daripada deposit bersih berjumlah RM362.86 juta serta tunai di tangan dan di bank berjumlah RM4.56 juta. Butirannya adalah seperti di **Jadual 63.2**. **Pada pendapat Audit, aliran tunai syarikat setakat tahun kewangan 2009 adalah mencukupi untuk menguruskan operasinya.**

JADUAL 63.2
RINGKASAN PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

BUTIRAN	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pengoperasian			
Untung Bersih Selepas Cukai	0.36	0.53	4.38
Pelarasan	(36.94)	(45.52)	(57.99)
Peningkatan Modal Kerja	1.71	1.95	2.28
Pengurangan Modal Kerja	(2.89)	(1.16)	(0.74)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pengoperasian	**(37.76)**	**(44.20)**	**(52.07)**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan			
Aliran Masuk Tunai	2.04	5.48	6.69
Aliran Keluar Tunai	(7.49)	(7.21)	(19.87)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	**(5.45)**	**(1.73)**	**(13.18)**

BUTIRAN	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Pembiayaan			
Aliran Masuk Tunai	146.76	86.00	287.42
Aliran Keluar Tunai	(1.27)	(15.30)	(39.46)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	**145.49**	**70.70**	**247.96**
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	102.28	24.77	182.71
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	57.65	159.93	184.70
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	**159.93**	**184.70**	**367.41**

63.4.1.3. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan BiotechCorp, beberapa nisbah kewangan telah dikira daripada butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan BiotechCorp bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009. Hasil analisis adalah seperti berikut:

a. **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecairan BiotechCorp adalah semakin menurun iaitu daripada 20.79 kali pada tahun 2007 kepada 4.62 kali pada tahun 2009. Tahap kecairannya yang menurun disebabkan oleh peningkatan liabiliti semasa terutamanya peningkatan dalam pembayaran geran (grant payables) bagi program yang dilaksanakan. Bagaimanapun, BiotechCorp masih mempunyai keupayaan untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.3
NISBAH SEMASA BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a)/(b)
2007	165.25	7.95	20.79 : 1
2008	187.16	40.40	4.63 : 1
2009	370.26	80.14	4.62 :1

b. **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama (core business) sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah *value added* terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil yang dipungut, BiotechCorp mendapat keuntungan berjumlah 10

sen pada tahun 2009 berbanding 1 sen pada tahun sebelumnya. **Berdasarkan margin keuntungan ini, dapat dirumuskan bahawa tahap kecekapan operasi BiotechCorp telah meningkat pada tahun 2009**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.4
MARGIN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a)/(b)
2007	0.36	31.35	0.01
2008	0.53	36.96	0.01
2009	4.37	44.55	0.10

c. **Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperolehi oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. **Berdasarkan perkiraan Audit, adalah didapati tahap kecekapan syarikat untuk menguruskan asetnya pada tahun 2009 adalah bertambah baik berbanding tahun sebelumnya.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.5
PULANGAN KE ATAS ASET
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a)/(b)
2007	0.36	174.27	0.21
2008	0.53	201.36	0.26
2009	4.37	401.15	1.09

d. **Pulangan Ke Atas Ekuiti** mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. **Berdasarkan perkiraan Audit, adalah didapati tahap kecekapan untuk menguruskan modal syarikat semakin meningkat pada tahun 2009 berbanding tahun 2007 dan 2008**. Ini disebabkan oleh peningkatan modal yang diterbitkan dan berbayar sejumlah RM25 juta pada tahun 2009. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.6
PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a)/(b)
2007	0.36	39.10	0.92
2008	0.53	39.63	1.34
2009	4.37	69.01	6.33

Pada pendapat Audit, memandangkan geran yang diterima daripada Kerajaan meningkat setiap tahun, keuntungan syarikat boleh dipertingkatkan lagi sekiranya perbelanjaan operasi terus dirancang dan dilaksanakan dengan lebih berhemat. Selain itu, aliran tunai syarikat adalah mencukupi untuk menguruskan operasinya.

63.4.1.4. Pencapaian Industri Bioteknologi Di Malaysia

Secara amnya, pencapaian industri bioteknologi Fasa 1 (2006 - 2010), Dasar Bioteknologi Negara (DBN) menunjukkan pertumbuhan yang positif sungguhpun menghadapi pelbagai cabaran termasuk krisis ekonomi dunia yang kesannya dirasai pada akhir tahun 2010. Sepanjang tempoh tersebut, sejumlah RM5.40 bilion pelaburan baru telah direkodkan yang mana telah menyumbang 2.2% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Industri bioteknologi telah merekodkan perolehan sejumlah RM13.5 bilion serta menjana peluang pekerjaan sebanyak 54,776. Bagi syarikat bertaraf BioNexus pula, 5 syarikat telah tersenarai di bursa saham tempatan dan antarabangsa antaranya Stemlife Berhad di Bursa Malaysia dan Holista Colltech Ltd. di Bursa Saham Australia.

63.4.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

63.4.2.1. Prestasi Aktiviti

Sehingga bulan Disember 2010, sejumlah RM347.90 juta geran pembangunan telah diterima daripada Kerajaan bagi melaksanakan 6 program yang ditetapkan dan sejumlah RM276.24 juta (79.4%) telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.7
KEDUDUKAN GERAN PEMBANGUNAN SETAKAT DISEMBER 2010

PROGRAM	JUMLAH SILING (RM Juta)	GERAN				
		DITERIMA TAHUN 2006-DISEMBER 2010 (RM Juta)	PERBELANJAAN SEHINGGA 31.12.2010 (RM Juta)	TANGGUNGAN SEHINGGA 31.12.2010 (RM Juta)	BAKI SEHINGGA 31.12.2010 (RM Juta)	PERBELANJAAN (%)
Geran Pengkomersialan Bioteknologi (BCG)	173.80**	173.80**	161.53	0.00	12.27	92.9
Program Pemerolehan Bioteknologi (BAP)	62.30	62.30	33.89	28.41	0.00	54.4
Program Usahawan Bioteknologi (BEP)	33.20	33.20	26.45	2.05	4.70	79.7
Program Rakan Kongsi BioNexus (BNP)	23.00*	23.00*	18.71	3.04	1.25	81.3
Program Kaji Selidik Pengurusan Harta Intelek (IPRM)	20.50	20.50	11.60	0.08	8.82	56.6
Program Latihan Khas Usahawan (BeST)	35.10***	35.10***	24.06	4.10	6.94	68.5
JUMLAH	**347.90**	**347.90**	**276.24**	**37.68**	**33.98**	**79.4**

Nota: ***(*) - Termasuk Peruntukan Melalui Kementerian Kewangan RM8 juta***
(**) - Termasuk Peruntukan Melalui Pakej Rangsangan Ekonomi RM50 juta
(***) - Termasuk Peruntukan Melalui Kementerian Kewangan RM8.82 juta dan Pakej Rangsangan Ekonomi RM16.08 juta

63.4.2.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti pembangunan industri bioteknologi Fasa 1 dilaksanakan dengan memuaskan melalui penyediaan program yang ditetapkan dalam pelan perniagaan tahunan BiotechCorp. Penekanan pelan perniagaan ditumpukan kepada aspek pembangunan bioteknologi industri, pertanian dan kesihatan. Antara kejayaan yang dicapai dalam fasa ini adalah menjadikan BioNexus Malaysia sebagai satu jenama; menarik pelaburan dalam pembangunan teknologi pertanian, penjagaan kesihatan dan perindustrian; mengembangkan keupayaan dalam penyelidikan dan pembangunan serta menyediakan rangka kerja perundangan dan harta intelek. Aktiviti pembangunan industri bioteknologi ini juga memberi peluang pekerjaan dan melahirkan pekerja berilmu menerusi Program Latihan Khas Usahawan (BeST) dan Program Usahawan Bioteknologi (BEP). Bagi merealisasikan pusat bioteknologi serantau, BiotechCorp pada tahun 2009 melalui syarikat subsidiarinya Bio-XCell sedang membangunkan kawasan Iskandar Malaysia, Johor. Tujuan utama pembangunan ini adalah bagi mewujudkan ekosistem bioteknologi fizikal yang kondusif di Malaysia bagi menarik pelabur asing dan dalam negara khususnya dalam industri bioteknologi. Keluasan kasar bagi keseluruhan pembangunan ini adalah sekitar 98.4 ekar yang terletak dalam kawasan Kluster Logistik Perindustrian Selatan (SiLC) di

Nusajaya. Kos keseluruhan projek ini ialah sekitar RM854 juta yang akan dibiayai secara kerjasama pihak Kerajaan dan swasta.

a. Aktiviti Pemberian Taraf BioNexus

Pengurusan pemberian taraf BioNexus diuruskan oleh Bahagian Perkhidmatan Sokongan Pelanggan yang bertanggungjawab mengendalikan permohonan bagi syarikat yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan. Pemberian taraf BioNexus adalah penting kepada syarikat bioteknologi kerana ia diberi insentif dan kemudahan di bawah Bil Jaminan (Bill Of Guarantee) antaranya kebebasan mendapatkan dana dari pasaran global, berkelayakan untuk menyertai program yang ditawarkan oleh BiotechCorp dan Kerajaan serta mendapat pengecualian cukai. Berdasarkan perkiraan Audit, setakat Disember 2010, sebanyak 969 permohonan telah diterima daripada syarikat bioteknologi dan 190 (19.6%) telah diberikan status BioNexus. Bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Disember 2010, pemberian taraf BioNexus kepada syarikat bioteknologi telah meningkat daripada 7 syarikat (2006) kepada 190 syarikat (2010) dengan peningkatan jumlah pelaburan daripada RM411.75 juta (2006) kepada RM2,004.29 juta (2010). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.8
KEDUDUKAN SYARIKAT YANG DILULUSKAN
STATUS BIONEXUS UNTUK TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2010

PERKARA	TAHUN					JUMLAH KESELURUHAN
	2006	2007	2008	2009	2010	
Syarikat Yang Diluluskan:						
Industri	2	4	11	10	12	39
Kesihatan	4	17	18	24	9	72
Pertanian	1	14	21	25	18	79
Jumlah Syarikat Yang Diluluskan	**7**	**35**	**50**	**59**	**39**	**190**
Jumlah Nilai Pelaburan (RM Juta)	**411.75**	**718.33**	**274.49**	**120.24**	**479.48**	**2,004.29**

b. Pengurusan Geran Pengkomersialan Bioteknologi

i. BiotechCorp menyelenggara 3 dana iaitu Dana Awal (SEED Fund), Dana Pemadanan Dan Pembangunan Penyelidikan (R&D Matching Fund) dan Dana Pembangunan Perniagaan Antarabangsa (IBD Fund) untuk melaksanakan pemberian geran di bawah Geran Pengkomersialan Bioteknologi (Biotechnology Commercialisation Grant-BCG). Hanya syarikat yang mempunyai taraf BioNexus sahaja layak untuk memohon dana di bawah Geran BCG. Pengeluaran dana adalah berdasarkan kepada pencapaian sebenar perbelanjaan mengikut suku tahun yang ditetapkan dalam perjanjian.

ii. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010, sejumlah RM173.80 juta diperuntukkan bagi 3 dana tersebut di mana sejumlah RM123.8 juta (71.2%) telah dibiayai melalui peruntukan daripada RMKe-9 dan sejumlah RM50 juta (28.8%) daripada peruntukan PRE-2. Bagi tempoh tersebut, BiotechCorp telah menerima 118 permohonan untuk 3 dana berjumlah RM258.64 juta daripada syarikat bertaraf BioNexus dan 75 permohonan telah diluluskan dengan dana bernilai RM161.47 juta. Sehingga 31 Disember 2010, sejumlah RM97.45 juta telah dikeluarkan (disbursed) kepada 62 syarikat dan 20 projek di bawah BCG telah disiapkan bernilai RM43.20 juta (**Jadual 63.9**) manakala sebuah syarikat telah ditamatkan pembiayaan dana BCG. Punca penamatan pembiayaan adalah disebabkan syarikat tidak mematuhi syarat perjanjian.

JADUAL 63.9
KEDUDUKAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN GERAN BCG SEHINGGA TAHUN 2010

PERKARA	*SEED FUND*		*R&D MATCHING FUND*		*IBD FUND*		KESELURUHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)
Jumlah Permohonan Diterima	99	239.43	14	13.23	5	5.98	118	258.64
Jumlah Permohonan Diluluskan	63	148.76	8	7.98	4	4.73	75	161.47
Jumlah Dana Yang Telah Dikeluarkan (Disbursed)	54	91.28	5	3.58	3	2.59	62	97.45
Jumlah Projek Yang Telah Disiapkan	16	39.17	3	2.78	1	1.25	20	43.20
Jumlah Projek Yang Telah Ditamatkan	1	2.00	-	-	-	-	1	2.00

c. Program Pemerolehan Bioteknologi

Program Pemerolehan Bioteknologi (Biotechnology Acquisition Programme-BAP) adalah untuk membantu pembangunan, pertumbuhan dan pengkomersialan industri bioteknologi melalui pembiayaan perolehan 3 *platform* utama teknologi iaitu kesihatan, pertanian dan industri bagi mewujudkan asas yang kukuh untuk membangunkan produk baru dan kompetitif melalui saluran syarikat BioNexus dan pusat kecemerlangan. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010, sejumlah RM62.30 juta telah diperuntukkan bagi pemerolehan 4 teknologi di mana sejumlah RM33.89 juta telah dibelanjakan sehingga 31 Disember 2010 seperti di **Jadual 63.10**. Perjanjian perolehan teknologi ditandatangani di antara BiotechCorp dengan pemberi lesen (licensor) dan satu *Sub License Agreement* atau *Custodian Agreement* perlu ditandatangani dengan universiti, institut penyelidikan atau syarikat yang bertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan menggunakan teknologi tersebut. Jawatankuasa Pemandu adalah bertanggungjawab bagi memantau perolehan dan kemajuan projek yang dijalankan.

JADUAL 63.10
STATUS PROJEK PLATFORM PEMEROLEHAN BIOTEKNOLOGI
SEHINGGA TAHUN 2010

PLATFORM TEKNOLOGI	SYARIKAT PEMBEKAL/ PERIHAL TEKNOLOGI (Tarikh Perolehan)	SUB LESEN DENGAN INSTITUSI	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA SEHINGGA DISEMBER 2010 (RM Juta)	TANGGUNGAN YANG BELUM DIJELASKAN (RM Juta)	JUMLAH KOS KESELURUHAN (RM Juta)	PRESTASI KEWANGAN PROJEK (%)
			(a)	(b)	(c)	(d) = (b)+(c)	[(d)/(a)*100]
Kesihatan	- Nanobiotix SA (NBTX), France / *Nanotechnology particles for cancer therapy* (20 November 2007)	i. Universiti Sains Malaysia ii. Cerebro Science Sdn. Bhd.	16.96	16.96	0.00	16.96	100
	- Medsaic Pty Ltd., Australia / *Antibody micro arrays for the diagnosis of disease by the identification of proteins on the surface of whole cells called DotScan* (4 Februari 2009)	i. Universiti Putra Malaysia ii. Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)	6.30	4.41	1.89	6.30	100
Pertanian	- DNA Landmark (DNAL) Inc., Canada / *Marker Assisted Selection* (MAS) *In Plant & Animal Breeding* (17 Jun 2009)	Institut Penyelidikan Pertanian (MARDI)	24.80	5.49	19.31	24.80	100
Industri	- FeyeCon Development & Implementation B.V / *Supercritical Fluid* (SCF) *in particular Particle Formation* (PF) *and Supercritical Fluid Extraction* (SFE) (15 Jun 2009)	Universiti Putra Malaysia	14.24	7.03	7.21	14.24	100
JUMLAH			**62.30**	**33.89**	**28.41**	**62.30**	**100**

Semakan Audit terhadap pemerolehan teknologi ini mendapati perkara berikut:

i. Perolehan Lesen *Supercritical Fluid*

Perjanjian *Licensing And Technology Transfer* telah ditandatangani antara BiotechCorp dengan FeyeCon Development & Implementation B.V (FeyeCon) pada 15 Jun 2009 untuk memperolehi lesen bagi *Supercritical Fluid* (SCF) sebagai platform teknologi. Ia membolehkan penerima lesen (BiotechCorp) mengguna, mengeksploitasi dan melesenkan teknologi berkenaan dengan kos keseluruhan berjumlah RM14.24 juta. Antara syarat perjanjian, FeyeCon perlu menyediakan perkhidmatan penyenggaraan pencegahan dan pemulihan (preventive and remedial), penggantian alat ganti dan *consumable parts* secara percuma dalam tempoh waranti. Selain itu, penyediaan tapak bagi

menempatkan peralatan SCF telah dinyatakan dalam klausa 5.2-*Site Access and Preparation* menyatakan '*Licensee* (BiotechCorp) *shall at no cost to Licensor* (FeyeCon) *provide or procure and prepare the Installation Site in accordance with the Site Specifications. Licensor shall have an opportunity on the 15 Business Days' notice, to inspect the Site Installation Site prior to delivery of the Hardware to certify that the Site Specifications have been met or if not, to identify defects for remedy by the Licensor or Custodians'.* Manakala aspek latihan teori dan *hands on training* dimasukkan dalam syarat perjanjian *Custodian Agreement* yang ditandatangani antara BiotechCorp dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 16 Jun 2009. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- Lawatan Audit ke UPM pada 24 November 2010 mendapati latihan telah diberikan kepada penyelidik secara teori dan *hands on training* di Belanda dan didapati sangat berguna serta informatif untuk tujuan pendedahan kepada penyelidikan dan pembangunannya di Malaysia. *Factory Acceptance Test* (FAT) telah dijalankan sebagaimana dikehendaki dalam perjanjian. Semua peralatan teknologi pula, telah diterima pada bulan Jun 2010 di bangunan *Supercritical Fluid Centre* (SFC), UPM. Bagaimanapun, adalah didapati peralatan tersebut masih belum digunakan dan dibuat *tagging* (**Gambar 63.1** dan **63.2**) memandangkan sebahagian bangunan yang menempatkan peralatan tersebut masih dalam pengubahsuaian. *Berdasarkan maklum balas BiotechCorp, tagging akan dibuat setelah Certificate of Acceptance dikeluarkan oleh BiotechCorp kepada Feyecon. Certificate of Acceptance hanya boleh dikeluarkan setelah Jawatankuasa Pemandu serta pihak BiotechCorp berpuas hati bahawa semua syarat perjanjian bagi proses pemasangan dipatuhi. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada 10 Februari 2011 telah memutuskan Site Acceptance yang dilakukan terhadap peralatan ini pada 13 hingga 20 Disember 2010 sebagai ujian biasa, bukan Site Acceptance Test.*

GAMBAR 63.1



Supercritical Fluid Centre (SFC), UPM
Peralatan Extraction Unit (4 x 50L)
Yang Masih Belum Digunakan
(24.11.2010)

GAMBAR 63.2



Supercritical Fluid Centre (SFC), UPM
Peralatan Particle Formation Unit
Yang Masih Belum Digunakan
(24.11.2010)

- Pihak Audit dimaklumkan bahawa pengubahsuaian terhadap bangunan SFC perlu dilakukan disebabkan lantai yang sedia ada tidak dapat menampung peralatan yang berat. Peralatan yang ditempatkan di UPM merupakan peralatan *high pressure* dan sensitif. Oleh sebab itu, ia melibatkan pelaksanaan kawal selia untuk memastikan keselamatan secara menyeluruh dan peralatan tersebut dapat berfungsi mengikut spesifikasi yang ditetapkan. **Mengikut klausa 5.2 Perjanjian *Licensing And Technology Transfer*, BiotechCorp perlu membuat penilaian terhadap spesifikasi bangunan dan kapasiti peralatan SCF secara menyeluruh sebelum perolehan dibuat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati ujian ketebalan lantai tersebut dilakukan pada 13 Mac 2010 dan disahkan tidak berupaya menampung bebanan alatan oleh pakar dari Fakulti Kejuruteraan UPM. Oleh itu, kerja membaik pulih lantai dijalankan bagi mencapai ketebalan sebanyak 350 mm bagi menampung bebanan peralatan sehingga 10KN/m2 (200,000 kg).** Pengubahsuaian bangunan ini bermula pada bulan Julai 2010 dan dijangka siap pada bulan September 2010 namun pengubahsuaian hanya dapat disiapkan pada 10 Disember 2010. **Kelewatan dalam menyiapkan pengubahsuaian bangunan SFC ini mengakibatkan beberapa perkara seperti berikut:**

  - Kemudahan dan peralatan teknologi SCF dengan kos RM5.85 juta **belum digunakan** untuk tujuan penyelidikan walaupun bekalannya telah diterima sepenuhnya pada bulan Jun 2010. *Berdasarkan maklum balas BiotechCorp, Site Acceptance Test telah dijalankan pada bulan Disember 2010*.

  - Kelewatan pemasangan peralatan SCF telah menyebabkan pembangunan dan penghasilan 4 produk yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemandu tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. **Ini boleh memberikan impak yang signifikan terhadap pencapaian tujuan pemerolehan teknologi tersebut seterusnya menjejaskan objektif program BAP.**

Pada pendapat Audit, perancangan pemerolehan telah dilaksanakan oleh BiotechCorp. Pemantauan projek juga telah dilakukan melalui Jawatankuasa Pemandu. Masalah di luar jangkaan yang dihadapi telah ditangani dengan segera oleh kedua belah pihak iaitu BiotechCorp dan UPM. Bagi memastikan objektif pemerolehan ini tercapai, pihak BiotechCorp perlu melaksanakan pemantauan yang berterusan.

ii. *Manufacturing Of Nanoparticles*

Perjanjian *Technology Transfer And License* (license) telah ditandatangani antara BiotechCorp dengan Nanobiotix SA (NBTX) pada 20 November 2007 dengan kos RM16.96 juta untuk perolehan keseluruhan lesen (termasuk due diligence) bagi tujuan pelesenan selanjutnya (sub-licensing) kepada entiti lain. Perolehan ini adalah bertujuan untuk membangunkan produk dan aplikasi baru di luar bidang onkologi di dalam teritori yang merangkumi seluruh dunia. BiotechCorp telah menandatangani *Sub Licensee for Advancement Of Nanotechnology Research And Collaboration* dengan Universiti Sains Malaysia (USM) pada 25 Julai 2008 dengan mewujudkan satu pasukan *Nanobiotechnology Research And Innovation* yang ditempatkan di *Institute For Research In Molecular Medicine*. Selain perjanjian s*ub-license*, BiotechCorp juga telah menandatangani perjanjian *Training And Performance* pada 25 Julai 2008 dengan 3 penyelidik USM yang telah dipilih dan dilatih di NBTX, Perancis bagi melaksanakan projek yang ditetapkan. Pada tahun 2009, USM telah membangunkan 2 projek iaitu *drug delivery system for the treatment of tuberculosis based on silica nanocarriers* dan *gold colloidal conjugated antibodies for diagnostic applications* (reagents) – AuNP. Sehingga 31 Disember 2010, kedua projek tersebut masih di peringkat pembangunan dan penyelidikan. *Berdasarkan maklum balas BiotechCorp, USM sedang menjalankan projek penyelidikan tersebut seperti Drug Delivery Discovery for the treatment of tuberculosis on silica non carriers-SiNP dan kini di peringkat untuk optimumkan parameter bagi menghasilkan silica nano colloid. Kajian mengenai degradasi silica invitro serta toxicity nano silica sedang dijalankan. Pihak USM akan memaklumkan kepada BiotechCorp mengenai status perkembangan penyelidikan itu dari semasa ke semasa.*

d. Program Usahawan Bioteknologi

i. Program Usahawan Bioteknologi (Biotechnology Entrepreneur Programme-BEP) bertujuan untuk membangunkan usahawan bioteknologi bagi meningkatkan kepakaran dan pengetahuan; meneroka teknologi baru serta menggalakkan penubuhan syarikat baru dan membangunkan syarikat kecil serta sederhana. Kaedah pelaksanaan program ini adalah melalui kursus/latihan, bengkel dan *mentoring*. Bagi tempoh tahun 2007 sehingga bulan Disember 2010, BiotechCorp menyasarkan 45 program dengan peruntukan berjumlah RM33.20 juta. Bagaimanapun, BiotechCorp berjaya melaksanakan sebanyak 61 program dengan perbelanjaan berjumlah RM26.45 juta sahaja. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.11
KEDUDUKAN PRESTASI PROGRAM USAHAWAN BIOTEKNOLOGI
SEHINGGA TAHUN 2010

BUTIRAN	PRESTASI AKTIVITI		PRESTASI KEWANGAN	
	SASARAN (Bilangan)	PENCAPAIAN (Bilangan)	SILING (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)
Seminar dan Dialog Antarabangsa	10	14	33.20	26.45
Pembangunan Keusahawanan	20	31		
Mentoring	15	16		
JUMLAH	**45**	**61**	**33.20**	**26.45**

ii. Bagi program *mentoring*, panel mentor dilantik untuk menyediakan perkhidmatan rundingan operasi, kewangan dan pemasaran bagi membantu golongan sasaran membina atau meluaskan operasi di bidang bioteknologi. BiotechCorp telah melantik seorang pegawai eksekutif sebagai *Executive In Residence* (EIR) bagi tujuan tersebut. Hasil daripada 4 siri lawatan ke 5 universiti dan 3 institut penyelidikan serta perbincangan yang diadakan oleh EIR mendapati pada keseluruhannya hasil penyelidikan oleh universiti/institut penyelidikan adalah berkualiti dan mempunyai ciptaan teknologi yang berpotensi untuk dikomersialkan serta mempunyai dana bagi membiayai syarikat baru. Antara perkara yang dibangkitkan dalam laporan EIR adalah pertindihan tanggungjawab; ahli jawatankuasa paten kurang berpengalaman dalam bidang perniagaan; tempoh perkhidmatan pengurusan atasan adalah singkat; kekurangan promosi; kekurangan penggunaan portal perkongsian *Triple Helix*; dan ketiadaan polisi berkaitan pemfailan ciptaan. Bagaimanapun tiada bukti menunjukkan penemuan dan cadangan yang diketengahkan oleh EIR telah disusuli dengan berkesan oleh BiotechCorp bersama institusi terlibat. *Berdasarkan maklum balas BiotechCorp, keberkesanan BEP telah dilakukan dengan mengambil kira hubung kait di antara kesemua sub-program di dalam BEP di mana kadar keberkesanan program dibuat secara menyeluruh dan mengambil kira hasil jangka panjang dan impak keseluruhan penyediaan penyelidik dan usahawan untuk memasuki Fasa Kedua Dasar Bioteknologi Negara iaitu pengkomersialan produk dan perkhidmatan.*

Pada pendapat Audit, pelaksanaan BEP adalah selaras dengan objektif dan matlamat yang disasarkan iaitu menyediakan dan membekalkan usahawan dengan kompetensi serta pengetahuan yang diperlukan dalam industri bioteknologi.

e. Program Rakan Kongsi BioNexus

i. Program Rakan Kongsi BioNexus (BioNexus Partners Programme - BNP) adalah bagi mewujudkan gandingan usaha sama antara syarikat

bioteknologi dengan universiti awam, institut penyelidikan dan syarikat Kerajaan bagi meningkatkan kemahiran, pertukaran kepakaran dan keupayaan komersial kedua-dua pihak. Bagi merealisasikan program ini, makmal/unit penyelidikan yang telah diberi status BNP boleh menyertai program ini di mana BiotechCorp membiayai perbelanjaan seperti penyenggaraan kemudahan dan peralatan; latihan; saraan gaji pekerja kontrak dan kos pengiktirafan akreditasi bagi makmal tersebut. Sebagai balasan, perkhidmatan atau kemudahan dan peralatan di premis BNP dapat digunakan atau dikongsi bersama terutamanya dengan syarikat BioNexus di samping syarikat bioteknologi lain dengan dikenakan kadar yang berpatutan. Bagi tempoh tahun 2008 hingga Disember 2010 sebanyak 56 (112%) makmal/unit penyelidikan telah diberikan taraf status BNP berbanding 50 yang disasarkan.

ii. Proses permohonan bagi mendapat status BNP untuk makmal/unit penyelidikan ada disediakan dalam *Standard Operating Procedures* BNP (SOP). **Namun SOP berkenaan pada peringkat awal tidak menetapkan tempoh masa bagi proses tersebut.** Adalah didapati 22 permohonan mengambil masa antara 13 hingga 115 hari untuk dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Program (PAC). Ini seterusnya menyebabkan insentif yang diberikan di bawah program BNP lewat dinikmati oleh makmal/unit penyelidikan yang layak. *Berdasarkan maklum balas, BiotechCorp telah mengambil langkah pro-aktif dalam menambah baik proses memberi status BNP selaras dengan pensijilan MS ISO 9001:2008 yang diterima pada bulan Disember 2010. Antara tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah ini adalah dengan menetapkan tempoh masa selama 45 hari bekerja bagi permohonan yang lengkap untuk dibawa ke mesyuarat PAC; bagi maklumat yang tidak lengkap, surat peringatan akan dihantar sebanyak 2 kali dan sekiranya maklum balas tidak diterima, permohonan akan ditolak. Begitu juga jika mana-mana makmal/unit penyelidikan yang tidak dapat dilawati dalam tempoh masa yang ditetapkan, permohonan juga akan ditolak.*

iii. Semakan Audit terhadap 22 makmal/unit penyelidikan mendapati perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh makmal/unit penyelidikan BNP kurang mendapat sambutan daripada syarikat yang berstatus BioNexus. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya 5 daripada 22 makmal/unit penyelidikan digunakan oleh syarikat BioNexus. Bagaimanapun, kesemua 22 makmal/unit penyelidikan digunakan juga oleh syarikat bioteknologi yang lain. Pelbagai promosi seperti Persidangan Dan Pameran BioMalaysia 2010, sesi *Meet The Lab* dan seminar telah dijalankan oleh BiotechCorp. *Berdasarkan maklum balas BiotechCorp, kadar penggunaan yang rendah di kalangan syarikat BioNexus adalah kerana syarikat ini masih dalam peringkat awal R&D*

dan pekerjanya masih di peringkat untuk memahirkan diri dengan proses R&D yang sedang dijalankan. Kebanyakan peralatan dan kemudahan yang terdapat di makmal/unit penyelidikan adalah berteknologi tinggi dan ia digunakan di peringkat akhir/pertengahan proses R&D.

Pada pendapat Audit, satu pelan mengenai keperluan sebenar teknologi serta perkhidmatan untuk syarikat BioNexus perlu dibentuk bagi memastikan objektif program ini tercapai.

iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati penyelenggaraan rekod/dokumen berkaitan urusan BNP di 6 daripada 22 makmal/unit penyelidikan yang dilawati adalah tidak teratur. Enam makmal/unit penyelidikan tersebut ialah LC/MS Metabolic Laboratory, USM; Proteomics and Drug Discovery Laboratory, USM; BioMedical Analysis Unit, USM; Toxicology Laboratory, UM; Bioequivalence Laboratory, UM; Halal Product Research Laboratory, Putera Infoport, UPM. *Menurut maklum balas yang diterima, Unit Monitoring & Compliance (M&C) dengan kerjasama Unit Shared Facilities akan membuat lawatan penilaian ke makmal/unit penyelidikan dalam tempoh masa 3 hingga 6 minggu dan setiap 6 bulan bagi memastikan Buku Log serta rekod/dokumen diselenggarakan. Makmal/unit penyelidikan yang tidak mematuhi peraturan tersebut, Unit M&C akan mengeluarkan laporan bagi makmal/unit penyelidikan dan dibentangkan kepada PAC untuk tindakan selanjutnya.*

Pada pendapat Audit, BiotechCorp perlu meneruskan langkah yang proaktif bagi menggalakkan penggunaan kemudahan dan peralatan makmal secara optimum di bawah Program BNP agar ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran, pertukaran dan keupayaan komersial antara syarikat BioNexus dan bioteknologi serta agensi Kerajaan lain.

f. Program Kaji Selidik Dan Pengurusan Harta Intelek

i. Program Kaji Selidik Dan Pengurusan Harta Intelek (Intellectual Property Research & Management-IPRM) ini antaranya bertujuan untuk menggalakkan kesedaran dan kecekapan dalam rangka kerja dan pengurusan harta intelek; meningkatkan kemahiran dan kepakaran pemeriksa-pemeriksa paten dan mengurangkan tunggakan dalam pendaftaran dan pemfailan harta intelek di Malaysia. Bagi tujuan itu, Unit Perundangan Dan Regulatori, BiotechCorp merancang untuk mengadakan 8 sub program untuk dilaksanakan bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Disember 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 219 kursus/seminar/persidangan telah berjaya dijalankan oleh

BiotechCorp berbanding dengan 132 yang disasarkan dengan kos RM11.60 juta atau 56.6% berbanding peruntukkan berjumlah RM20.50 juta, di mana sebanyak 3,791 peserta mengambil bahagian dalam aktiviti berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.12
KEDUDUKAN PRESTASI
PROGRAM KAJI SELIDIK DAN PENGURUSAN HARTA INTELEK (IPRM)
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 SEHINGGA TAHUN 2010

BUTIRAN	PRESTASI AKTIVITI			PRESTASI KEWANGAN		
	SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SILING (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	(%)
		(Bil.)	(%)			
GXPs	14	32	228.6	20.50	11.60	
Pharma Regulation	27	35	129.6			
Biosafety And ABS	25	31	124.0			
IP Study	1	1	100.0			
International Depository Authority	1	1(study)	100.0			
Seminars And Conferences	10	27	270.0			
Patent Examiners	4	4	100.0			
Exchange Program	50	88	176.0			
JUMLAH	**132**	**219**	**165.9**	**20.50**	**11.60**	**56.6**

Nota : ***Maklumat Daripada Presentation Paper To The Management Committee***
- Development Management Report Sehingga 31 Disember 2010

ii. Semakan Audit terhadap 20 kursus/seminar/bengkel/persidangan yang dijalankan mendapati pelaksanaannya adalah teratur seperti yang ditetapkan dalam Manual Operasi RMKe-9.

g. Program Latihan Khas Usahawan (BeST)

i. Objektif program BeST adalah untuk memberi latihan kepada graduan bioteknologi bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran berkomunikasi, pemahaman ciri-ciri keusahawanan dari segi pemasaran, perundangan, kreativiti dan inovasi, pemahaman hala tuju kerjaya dalam bidang bioteknologi dan aspek pembiayaan. Bagi melaksanakan program ini, BiotechCorp menerima peruntukan daripada Kerajaan berjumlah RM35.10 juta bagi tempoh tahun kewangan 2006 hingga Disember 2010. Daripada jumlah tersebut, RM24.06 juta (68.5%) telah dibelanjakan dan RM4.10 juta (11.7%) adalah tanggungan yang akan dibayar sebaik sahaja aktiviti berkenaan dilaksanakan sepenuhnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.13
KEDUDUKAN GERAN PEMBANGUNAN SEHINGGA TAHUN 2010

PERUNTUKAN DITERIMA	PRESTASI KEWANGAN				PRESTASI AKTIVITI		
	DITERIMA TAHUN 2007-DIS 2010 (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	TANGGUNGAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)	SASARAN (Bil. Peserta)	PENCAPAIAN (Bil. Peserta)	(%)
Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9)	10.20	3.71	0.00	6.49	150	150	100.0
Kementerian Kewangan	8.82	8.40	0.00	0.42	200	270	135.0
Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE)	16.08	11.95	4.10	0.03	500	620	124.0
JUMLAH	**35.10**	**24.06**	**4.10**	**6.94**	**850**	**1,040**	**122.4**

ii. Seramai 1,040 berbanding 850 peserta yang disasarkan untuk mengikuti Program BeST telah dan sedang menjalani latihan. Setakat bulan Disember 2010, seramai 651 (62.6%) telah mendapat pekerjaan manakala bakinya sedang menjalani latihan industri dan menyambung pelajaran di peringkat *master* serta *post graduate*. **Pada pendapat Audit, keseluruhannya program ini telah diuruskan dengan baik dan telah mencapai lebih daripada sasaran yang ditetapkan.**

h. Mempromosikan BiotechCorp Dan Industri Bioteknologi

Bahagian Pembangunan Industri dipertanggungjawabkan melaksanakan aktiviti yang antara lain membantu dan membangunkan sama ada syarikat tempatan dan luar negara yang berpotensi untuk membuka perniagaan; memadankan dengan rakan kerjasama yang sesuai di kalangan syarikat bioteknologi tempatan serta mengenal pasti tempat pembuatan yang wajar. Bagi menarik pelaburan dan meningkatkan kesedaran awam kepada industri bioteknologi, BiotechCorp telah menyertai acara tahunan *Bio International Convention* yang diadakan di Amerika Syarikat sejak tahun 2006, di samping mengadakan Konvensyen BioMalaysia di Kuala Lumpur dan pelbagai program galakan lain. Sepanjang tempoh tahun 2007 hingga 2010, sejumlah RM35.32 juta telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Bagi tempoh yang sama, seramai 238 (102.1%) *industry players* telah memasuki industri bioteknologi di Malaysia berbanding 233 *industry players* yang disasarkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 63.14
KEDUDUKAN BILANGAN *INDUSTRY PLAYERS* YANG MEMASUKI INDUSTRI BIOTEKNOLOGI SEHINGGA TAHUN 2010

BIDANG BIOTEKNOLOGI	TAHUN (Bilangan)							
	2007		2008		2009		2010	
	SASARAN	CAPAI	SASARAN	CAPAI	SASARAN	CAPAI	SASARAN	CAPAI
Kesihatan	20	20	18	20	37	29	45	32
Pertanian	10	11	9	9	24	36	16	22
Industri	12	13	6	6	21	18	15	22
JUMLAH	**42**	**44**	**33**	**35**	**82**	**83**	**76**	**76**

Pada pendapat Audit, program BiotechCorp telah mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu dapat membantu meningkatkan kesedaran dan pengetahuan syarikat yang disasarkan serta membangunkan industri bioteknologi secara keseluruhannya.

63.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi oleh syarikat untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, Lembaga Pengarah dibantu oleh beberapa jawatankuasanya iaitu Jawatankuasa Pencalonan Dan Ganjaran, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab memastikan peraturan pengurusan, operasi dan kewangan syarikat yang sedia ada sentiasa dipatuhi dan sebarang kelemahan diatasi dengan segera. **Secara keseluruhannya, Lembaga Pengarah dan jawatankuasa yang sedia ada telah menjalankan peranannya mengikut pelan perniagaan dan hala tuju syarikat bagi jangka panjang dan tahunan tercapai.** Semakan Audit mendapati perkara berikut:

63.4.3.1. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Sepanjang tempoh tahun 2006 hingga bulan Mac 2010, Jawatankuasa Audit bermesyuarat 7 kali. Semakan Audit mendapati UAD telah menyediakan Laporan tahunannya dan laporan terakhir bagi tahun 2009 telah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit pada Mac 2010 dan menerima maklum balas yang positif daripada pengurusan BiotechCorp. Antara aspek pengauditan yang dijalankan adalah pengauditan ICT, pengurusan sumber manusia, pengurusan risiko ke atas Unit Perkhidmatan Industri, pengurusan syarikat

BioNexus dan perbelanjaan penyertaan BiotechCorp dalam acara *Bio International Convention* dan Konvensyen Bio Malaysia.

63.4.3.2. Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator-KPI) disediakan bagi mengukur tahap pencapaian dalam pengurusan operasi syarikat. Arahan Kementerian Kewangan bertarikh 3 Jun 2009 menghendaki syarikat menetapkan KPI dan mengemukakan keputusan pencapaian KPI syarikat kepada Kementerian Kewangan. BiotechCorp telah menetapkan KPI iaitu:

a. *Number of initiatives met for industry development*
b. *Number of new BioNexus companies established*
c. *Creating conducive climate for Biotech Businesses - number of initiatives completed*
d. *Client Satisfaction for services offered by OSC*
e. *Employee Engagement Score*

Mengikut maklum balas, BiotechCorp telah berjaya mencapai 93.2% KPI bagi tahun 2008 manakala pencapaian bagi tahun 2009 adalah 98.2%.

63.4.3.3. Akta Syarikat 1965 menetapkan Lembaga Pengarah perlu memastikan hasil syarikat diuruskan dengan teratur dan kawalan dalaman mengenainya diwujudkan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 pula antaranya menetapkan syarikat perlu mengawal dengan rapi kos operasi dan peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat perlu diperkemas dan diperketat bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Perbandingan perlu dibuat dengan kos operasi syarikat swasta yang terlibat dalam aktiviti yang sama. Bagi syarikat yang terlibat dalam kegiatan sosial, pencapaian objektif dan implikasi kewangannya perlu diperjelaskan. Ini adalah perlu bagi mengimbangi pencapaian objektif. Semakan Audit mendapati kelemahan dalam pengurusan kewangan BiotechCorp seperti berikut:

a. Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan tindakan sewajarnya diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pihak Audit mendapati BiotechCorp tidak menyediakan satu garis panduan yang menyeluruh terhadap kawalan aset. Semakan Audit terhadap pengurusan aset mendapati beberapa kelemahan antaranya polisi dan prosedur pengurusan aset belum diluluskan untuk diterima pakai sebagai dokumen rasmi; borang pergerakan aset tidak digunakan; daftar stok tidak diselenggarakan; pemeriksaan fizikal dan verifikasi aset tidak pernah dijalankan; daftar aset juga tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Lawatan Audit pada 28 dan 29 Oktober 2010 mendapati 48 pelbagai peralatan ICT disimpan dalam bilik stor ICT. Pihak Audit

difahamkan peralatan tersebut telah rosak, usang tetapi tindakan pelupusan belum diambil lagi. Rekod mengenai peralatan ini juga tidak diselenggarakan. *Berdasarkan maklum balas, BiotechCorp mempunyai mekanisme pelupusan aset sedia ada yang termaktub dalam para 3.1-Limit Of Authority Manual di mana pelupusan hendaklah dicadangkan oleh Naib Presiden, Kewangan Korporat Dan Perancangan, disokong oleh Ketua Pegawai Kewangan dan diluluskan untuk pelupusan oleh Jawatankuasa Audit.*

Pada pendapat Audit, Kementerian Kewangan hendaklah memastikan BiotechCorp mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya bagi memastikan pengurusan dibuat dengan teratur dan berhemat.

63.5. SYOR AUDIT

Bagi membolehkan objektif penubuhan BiotechCorp dicapai sepertimana yang telah ditetapkan, adalah disyorkan supaya Lembaga Pengarah BiotechCorp dan Kementerian Kewangan mengambil tindakan seperti berikut:

63.5.1. Lembaga Pengarah BiotechCorp perlu meneruskan langkah yang proaktif bagi memastikan kemudahan dan peralatan makmal di bawah Program BNP dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan meningkatkan kemahiran, pertukaran dan keupayaan komersial antara syarikat BioNexus dan bioteknologi serta agensi Kerajaan lain.

63.5.2. Kementerian Kewangan perlu memastikan BiotechCorp mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya supaya pengurusan aset BiotechCorp dibuat dengan teratur dan berhemat.

KEMENTERIAN KEWANGAN

64. PENGURUSAN ASTRONAUTIC TECHNOLOGY (M) SDN. BHD.

64.1. LATAR BELAKANG

64.1.1. Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB) telah ditubuhkan pada 10 Mei 1997 sebagai syarikat milik penuh Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dengan modal dibenarkan berjumlah RM50 juta dan modal berbayar berjumlah RM33.58 juta. Berdasarkan kelulusan Kabinet pada tahun 1997, objektif penubuhan ATSB adalah untuk membangunkan bidang sains teknologi angkasa negara dengan penumpuan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan reka bentuk sistem satelit. Mulai tahun 2003, peranan ATSB telah diperluaskan sebagai kontraktor Kerajaan bagi mengaplikasikan kejuruteraan teknologi satelit seperti mengguna pakai teknologi satelit dalam membangunkan sistem amaran awal tsunami; sistem mengesan kelajuan angin dan jarak penglihatan; sistem pandu arah kapal dan sistem pengesan radiasi.

64.1.2. ATSB mempunyai 7 Ahli Lembaga Pengarah (termasuk Pengerusi) di mana salah seorang daripadanya adalah wakil daripada Kementerian Kewangan. Pengurusan syarikat diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 87 kakitangan eksekutif dan bukan eksekutif.

64.1.3. Sebagai sebuah syarikat sendirian berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, ATSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain berkaitan dengan Syarikat Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

64.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

64.2.1. Prestasi kewangan ATSB adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang mempengaruhi prestasi tersebut.

64.2.2. Pengurusan aktiviti ATSB telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan

64.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat ATSB adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

64.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama ATSB. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 telah

dibuat di pejabat ATSB, Kementerian Kewangan dan beberapa pelanggan ATSB seperti Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) dan Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI). Analisis prestasi kewangan hanya dapat dijalankan berdasarkan penyata kewangan ATSB tahun 2007, 2008 dan 2009 yang telah diaudit kerana penyata kewangan tahun 2010 masih belum diaudit. Selain itu, temu bual dengan pegawai ATSB dan Kementerian Kewangan serta lawatan ke tapak projek terpilih turut diadakan.

64.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara umumnya, ATSB telah melaksanakan aktivitinya dengan memuaskan mengikut objektif yang ditetapkan. Antaranya, pelancaran Satelit RazakSAT telah melakarkan sejarah negara dan pelaksanaan Program Angkasawan Negara telah memberi impak positif kepada beberapa teknologi strategik seperti kenderaan pelancar, teknologi angkasa dan *avionic* serta eksperimen di angkasa lepas. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa isu mengenai pengurusan aktivitinya seperti penerimaan imej dari Satelit RazakSAT tidak memenuhi spesifikasi dan masih memerlukan beberapa pembetulan teknikal; pemasangan boya tsunami tidak dapat diselesaikan sehingga kini kerana belum mendapat persetujuan daripada negara terlibat; kontrak ditandatangani tanpa spesifikasi yang jelas dan ATSB terpaksa menanggung kos tambahan. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek tadbir urus korporat serta pengurusan kewangan seperti Jawatankuasa Audit belum ditubuhkan dan kelemahan dalam pengurusan, perolehan dan penyenggaraan aset. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan ATSB adalah seperti di perenggan berikut:

64.4.1. Prestasi Kewangan

64.4.1.1. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, prestasi kewangan ATSB adalah kurang memuaskan kerana pada tahun 2007 dan 2009, ATSB mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM2.72 juta dan RM10.89 juta masing-masingnya walaupun mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.67 juta pada tahun 2008. Bagi tahun kewangan 2007, ATSB telah menukar *accounting treatment* bagi Geran Kerajaan yang diterima untuk program satelit negara (TiungSAT dan RazakSAT). ATSB telah menerima pakai MASB 3 dengan *amortization* terhadap keseluruhan nilai *work in progress* memandangkan satelit yang dilancarkan itu merupakan aset Kerajaan. Oleh itu, Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 2007 telah dinyatakan semula (restated), mengakibatkan ATSB mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM2.72 juta berbanding keuntungan berjumlah RM4.24 juta pada asalnya.


64.4.1.2. Kerugian pada tahun 2009 adalah didorong oleh penurunan pendapatan ATSB berjumlah RM22.31 juta (56.7%) disebabkan projek Kerajaan yang diluluskan di peringkat Jemaah Menteri untuk dilaksanakan oleh ATSB telah dibatalkan kerana negara mengalami kemelesetan ekonomi. Perbelanjaan


operasi menurun sejumlah RM19.47 juta (82.2%) iaitu daripada RM23.68 juta pada tahun 2008 kepada RM4.21 juta pada tahun 2009. Manakala perbelanjaan am dan pentadbiran pada tahun 2009 didapati meningkat sejumlah RM7.61 juta (46.5%) iaitu daripada RM16.37 juta pada tahun 2008 kepada RM23.98 juta. *Berdasarkan maklum balas ATSB, peningkatan ini antaranya disebabkan oleh pembayaran premium insurans pelancaran Satelit RazakSAT yang berjumlah RM7.70 juta.* Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 64.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI ASTRONAUTIC TECHNOLOGY SDN. BHD. BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

BUTIRAN/TAHUN	2007 *Restated* (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan	38.82	39.35	17.04
Perbelanjaan Operasi	(26.22)	(23.68)	(4.21)
Untung Kasar	**12.60**	**15.67**	**12.83**
Lain-Lain Pendapatan	0.65	1.37	0.26
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(15.97)	(16.37)	(23.98)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**(2.72)**	**0.67**	**(10.89)**
Cukai	(0.17)	(0.11)	-
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**(2.89)**	**0.56**	**(10.89)**

CARTA 64.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN UNTUNG/(RUGI) SEBELUM CUKAI ATSB BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009





64.4.1.3. Prestasi Aliran Tunai

Aliran tunai ATSB adalah terdiri daripada aktiviti operasi, aktiviti pembiayaan dan aktiviti pelaburan. Berdasarkan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009, ATSB mengalami kemerosotan tunai dan persamaan tunai di mana pada akhir tahun 2009, ATSB mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM6.19 juta berbanding RM17.93 juta pada akhir tahun 2007. Antara punca kemerosotan tersebut adalah kerana ATSB tidak dapat menjana tunai yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan daripada aktiviti operasinya. ATSB juga telah menggunakan sejumlah RM3.48 juta untuk aktiviti pelaburan bagi tahun 2009. Prestasi aliran tunai adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.2
PRESTASI ALIRAN TUNAI ASTRONAUTIC TECHNOLOGY SDN. BHD. BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

BUTIRAN/TAHUN	2007 *RESTATED* (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pengoperasian			
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pengoperasian	(13.26)	(2.35)	(4.73)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan			
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	(0.48)	(0.94)	(3.48)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan			
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	-	(0.25)	-
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	(13.74)	(3.54)	(8.21)
Tunai dan Persamaan Tunai Awal Tahun	31.67	17.93	14.40
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	**17.93**	**14.39**	**6.19**

64.4.1.4. *Berdasarkan maklum balas, ATSB sentiasa berusaha untuk menyiapkan projek dengan kadar segera. Namun begitu, terdapat aspek di luar kawalan ATSB seperti pembayaran yang lewat diterima dan kelewatan menandatangani kontrak oleh pelanggan yang terdiri daripada agensi Kerajaan. Di samping itu, tiada kesinambungan projek satelit yang menjejaskan aliran tunai ATSB secara keseluruhannya. ATSB telah mengambil pelbagai langkah untuk mengawal perbelanjaan pentadbiran, namun ketiadaan projek baru berkaitan teknologi angkasa khususnya di bawah RMKe-10 akan terus menjejaskan prestasi kewangan ATSB bagi tahun 2010 dan 2011.*

64.4.1.5. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menentukan prestasi kewangan ATSB, analisis nisbah semasa; margin keuntungan dan pulangan ke atas aset telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009. Hasil analisis adalah seperti berikut:

a. **Nisbah Semasa** adalah perbandingan di antara aset semasa dan liabiliti semasa syarikat. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini menunjukkan semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecairan ATSB pada tahun 2007 adalah 1.89 kali dan meningkat kepada 2.53 kali pada tahun 2008. Bagaimanapun, Nisbah Semasa ATSB untuk tahun 2009 menurun semula kepada 1.72 kali. Kedudukan nisbah semasa ATSB masih berada dalam keadaan yang selesa. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.3
NISBAH SEMASA BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a)/(b)
2007	45.69	24.19	1.89:1
2008	37.12	14.67	2.53:1
2009	22.28	12.99	1.72:1

b. **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan syarikat. Peningkatan ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana setiap ringgit kenaikan pendapatan akan memberi kesan langsung dan nilai tambah kepada kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan pada tahun 2008, ATSB telah mencatat keuntungan selepas cukai sejumlah 1.4 sen manakala bagi tahun 2007 dan 2009, ATSB mengalami kerugian sejumlah 7.4 sen dan 64 sen masing-masingnya bagi setiap ringgit pendapatan yang dihasilkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.4
MARGIN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM JUTA) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA) (b)	MARGIN UNTUNG/(RUGI) BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a)/(b)
2007	(2.89)	38.82	(7.4)
2008	0.56	39.35	1.4
2009	(10.89)	17.04	(64.0)

c. **Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperolehi oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit yang digunakan. Semakin tinggi pulangan yang diperolehi dari setiap ringgit yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, adalah didapati tahap kecekapan ATSB dalam

menguruskan asetnya pada tahun 2009 adalah kurang memuaskan berbanding tahun sebelumnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.5
PULANGAN KE ATAS ASET BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a)/(b)
2007	(2.89)	48.10	(6.0)
2008	0.56	39.13	1.4
2009	(10.89)	26.55	(41.0)

d. **Pulangan Ke Atas Ekuiti** mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi pulangan yang diperolehi daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecekapan pengurusan modal ATSB menurun dengan ketara sehingga 80 sen bagi setiap ringgit saham yang dilaburkan pada tahun 2009. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.6
PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a)/(b)
2007	(2.89)	23.90	(12.0)
2008	0.56	24.46	2.3
2009	(10.89)	13.56	(80.3)

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan ATSB bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah kurang memuaskan kerana ATSB mengalami penurunan pendapatan bagi 3 tahun berturut-turut dan pengurangan aliran masuk tunai telah mengakibatkan kerugian pada tahun 2007 dan 2009. ATSB telah berusaha untuk mempelbagaikan produk dan perkhidmatan dengan penglibatan secara langsung di dalam projek berteknologi tinggi bagi memastikan peranan ATSB di dalam industri teknologi angkasa sentiasa relevan dengan keperluan semasa. Bagaimanapun, kedudukan kewangan ATSB banyak dipengaruhi oleh faktor di luar kawalan ATSB seperti ketiadaan kesinambungan projek satelit negara yang merupakan bidang kepakaran syarikat serta bilangan projek dan pelanggan yang terhad kepada agensi/syarikat Kerajaan. Lembaga Pengarah ATSB perlu menilai semula strategi bagi memastikan ATSB sentiasa berada di hadapan, khususnya dalam penerokaan pemasaran strategik dan komprehensif di peringkat global dalam bidang teknologi angkasa.

64.4.2. Pengurusan Aktiviti

64.4.2.1. Prestasi Kewangan Aktiviti Projek Siap

Margin keuntungan/kerugian adalah berdasarkan harga projek dan kos projek. Daripada 17 projek yang telah siap dilaksanakan, 14 (82.3%) projek telah memperolehi margin keuntungan antara 4.3% hingga 50.0%. Dua projek mengalami margin kerugian sebanyak 3.1% dan 45.0% masing-masing manakala satu lagi tidak mempunyai margin keuntungan/kerugian. Butiran kedudukan projek tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.7
MARGIN KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SETAKAT 30 SEPTEMBER 2010

PELANGGAN	PROJEK	HARGA PROJEK (RM Juta) (a)	KOS PROJEK (RM Juta) (b)	MARGIN UNTUNG/(RUGI) (%) [(a – b)/a x 100]
Agensi Angkasa Negara (ANGKASA)	Robotic Telescope, Balai Cerap Negara	1.90	1.13	40.5
	Robotic Solar Observatory, Langkawi	1.61	1.40	13.0
	Planetarium Telescope	0.15	0.08	46.7
	Pembekalan Peralatan Kalibrasi untuk Satelit RazakSAT	3.88	3.08	20.6
	RazakSAT Transportation	**2.25**	**2.32**	**(3.1)**
Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD)	SAATNM Upgrade Antelope & Mounting Siren	0.38	0.33	13.1
	Reception & Processing System of Direct Broadcast Data from X-Band & L-Band Meteorological Satellite (RDB)	1.17	1.12	4.3
	Automatic Weather Station (AWS - Part I)	0.54	0.45	16.7
	Automatic Weather Station (AWS - Part II)	0.02	0.01	50.0
	Automatic Weather Station(AWS) - Part III	0.25	0.19	24.0
	Automatic Weather Station (AWS) - Part IV	0.18	0.15	16.7
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI)	Program Angkasawan Negara	15.56	11.96	23.1
	Pameran Tamadun Islam	**0.94***	**0.94**	**-**
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	Robotic Telescope, Melaka	2.20	1.65	25.0
Jabatan Mufti Melaka	Virtual Reality, Melaka	0.20	0.11	45.0
Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB)	Environmental Radiation Monitoring System	1.86	1.22	34.4
MIMOS Bhd.	Smart Mosque, Kepala Batas	0.20	0.29	(45.0)
JUMLAH		**33.29**	**26.43**	**-**

Nota: ***Pengiraan Margin Untung/Rugi Berdasarkan Harga Projek Diterima Dan Kos Pengeluaran Yang Sebenar***
Harga Projek - Harga Yang Dibayar Oleh Pelanggan Kepada ATSB
Kos Projek - Kos Sebenar Yang Dibelanjakan Oleh ATSB Untuk Menyiapkan Projek
(*) - Harga Projek Belum Diterima

Berdasarkan maklum balas ATSB, ketiadaan projek satelit baru telah mendorong syarikat melaksanakan pelbagai projek berteknologi tinggi dalam usaha untuk menjana sumber pendapatan lain bagi kesinambungan syarikat. Selain itu, 2 projek mengalami kerugian disebabkan oleh perkara berikut:

a. *Kerugian 3% Projek RazakSAT Transportation disebabkan penangguhan pelancaran Satelit RazakSAT yang di luar kawalan ATSB dan keperluan mengadakan beberapa majlis tambahan dan publisiti pelancaran di luar negara telah menjejaskan kos projek. Bagaimanapun, pelancaran Satelit RazakSAT telah dilaksanakan dengan jayanya sebagai satelit pertama di dunia yang dilancarkan dan beroperasi di Orbit Hampir Khatulistiwa (NEqO).*

b. *Kerugian 45% Projek Smart Mosque, Kepala Batas disebabkan keengganan MOSTI untuk menaikkan siling projek walaupun pada awalnya dimaklumkan mempunyai bajet berjumlah RM5 juta. ATSB sebagai kontraktor pelaksana perlu menyelesaikan projek walaupun terpaksa menanggung kerugian.*


64.4.2.2. Prestasi Aktiviti

Setakat bulan September 2010, ATSB telah melaksanakan 28 projek bernilai RM134.07 juta bagi pelanggannya yang terdiri daripada pihak Kerajaan dan syarikat Kerajaan. Daripada 28 projek tersebut, 17 projek bernilai RM34.23 juta telah disiapkan manakala 10 projek bernilai RM99.79 juta sedang dilaksanakan dan satu projek bernilai RM50,000 belum dimulakan. Semakan Audit terhadap projek ini yang dilaksanakan oleh ATSB mendapati perkara seperti berikut:

a. Jangka Hayat Operasi Satelit RazatSAT

i. Pada tahun 2005, Satelit RazakSAT seperti di **Gambar 64.1** siap dibina oleh ATSB dengan geran penyelidikan Kerajaan berjumlah RM141.78 juta. Satelit RazakSAT bertujuan untuk merakamkan imej satelit yang mempunyai keupayaan resolusi pengimejan sehingga 2.5 meter. Pelancaran Satelit RazakSAT adalah seperti di **Gambar 64.2**.

GAMBAR 64.1



Satelit RazakSAT
(Sumber Gambar: ATSB)

GAMBAR 64.2



Satelit Razaksat Dilancarkan Oleh Spacex Dengan Kenderaan Pelancar (Roket) Falcon 1 Di Kwajelein Atoll, Marshall Island, Amerika Syarikat Pada 14 Julai 2009
(Sumber Gambar: ATSB)

ii. Cadangan *RazakSAT Nominal Operation* yang dikemukakan oleh ATSB bersama Agensi Angkasa Negara kepada MOSTI pada 2 Disember 2009 menyatakan bahawa jangka hayat operasi RazakSAT adalah selama 3 tahun. Bagaimanapun, Satelit RazakSAT telah gagal berfungsi sepenuhnya pada 30 Ogos 2010 iaitu setelah satu tahun 16 hari dari tarikh pelancarannya. Ini disebabkan kadar penggunaan kuasa elektrik di kedua-dua sistem *On-Board Computer* (OBC) melebihi tahap kemampuan dibina. Bagi mengatasi masalah ini, ATSB telah menjalankan 28 operasi secara khusus untuk memulihkan Satelit RazakSAT, namun masalah OBC semakin ketara sehingga menyebabkan aktiviti pengimejan dan memuat turun imej tidak dapat dilaksanakan. Berdasarkan siasatan lanjut ATSB bersama pakar antarabangsa daripada UNOOSA, Austria; Satrec Initiative, Korea Selatan; ASTRIUM, Perancis dan SSTL, United Kingdom yang dilaporkan dalam *RazakSAT Onboard Computer Anomaly Technical Report,* kegagalan Satelit RazakSAT berfungsi adalah berpunca daripada hentaman partikel radiasi bertenaga tinggi luar biasa. Di samping itu, ATSB telah membuat perbandingan dengan satelit dari negara luar seperti Amerika Syarikat, Eropah serta India dan mendapati ciri kerosakan yang sama akibat daripada hentaman radiasi yang menyebabkan jangka hayat satelit menjadi lebih singkat.

b. Projek RazatSAT *Image Receiving And Processing System*

i. Bagi membolehkan imej daripada Satelit RazakSAT diterima, diproses dan disimpan dalam bentuk yang boleh digunakan, kontrak *Image Receiving & Processing System* (IRPS) berharga RM5.96 juta telah ditandatangani pada 6 Julai 2007 dengan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM). IRPS merupakan sistem teknologi maklumat dan komunikasi yang dihubungkan dengan *Datron 13-meter antenna* **(Gambar 64.3)** sedia ada yang digunakan oleh ARSM bagi menerima imej dari satelit luar negara.



GAMBAR 64.3


Datron 13-Meter Antenna ARSM Digunakan Untuk Menerima Imej RazakSAT (Sumber Gambar: Stesen Penerimaan Bumi ARSM, Temerloh)

ii. Berdasarkan temu bual dengan pegawai ATSB dan *Malaysia Communication Satellite Development Business Plan* bertarikh 5 Julai 2007 yang disediakan oleh ATSB, aplikasi imej RazakSAT adalah sesuai untuk pelbagai kegunaan negara dalam sektor perladangan, perikanan, perlombongan, penerokaan minyak dan gas serta pengurusan bencana seperti kejadian banjir, tanah runtuh, penguatkuasaan terhadap kegiatan seperti pembalakan haram dan aktiviti pembakaran terbuka. Semakan Audit terhadap projek ini mendapati perkara seperti berikut:

- **Imej RazakSAT Tidak Menepati Spesifikasi Ditetapkan**

  Syarat kontrak menghendaki ATSB melaksanakan 2 pengujian *On-Site Acceptance Test* (OSAT) dalam tempoh kontrak iaitu bermula 1 Ogos 2006 hingga 31 Julai 2008. ATSB telah selesai menjalankan pengujian kali pertama iaitu OSAT-1 menggunakan data simulasi pada tahun 2007. Bagaimanapun, pengujian sistem kali kedua iaitu OSAT-2 yang sepatutnya diselesaikan sebelum 31 Julai 2008 terpaksa ditangguhkan sehingga Satelit RazakSAT dilancarkan pada bulan Julai 2009. Ini adalah kerana kontrak menetapkan OSAT-2 perlu menggunakan data sebenar daripada Satelit RazatSAT. Semakan Audit selanjutnya mendapati OSAT-2 selesai dilaksanakan pada bulan Mei 2010, namun telah ditolak oleh ARSM kerana imej daripada RazakSAT tidak menepati spesifikasi di mana ia kabur dan tidak mencapai resolusi pengimejan 2.5 meter. **Gambar 64.4** menunjukkan imej daripada Satelit RazakSAT yang kabur semasa cerapan dibuat di Pusat Angkasa Negara, Sungai Lang Banting dan Stesen Penerimaan Bumi ARSM, Temerloh. **Akibat daripada cerapan imej satelit yang tidak menepati spesifikasi, sebanyak 1,328 imej yang dicerap tidak diedarkan oleh ARSM untuk kegunaan seperti pengurusan bencana dan aktiviti penguatkuasaan.**

GAMBAR 64.4




Imej Yang Dihasilkan Oleh Satelit RazakSAT Kabur
(Sumber: Stesen Penerimaan Bumi ARSM, Temerloh)

- **Imej RazakSAT Tersasar Dari Lokasi Dikehendaki**

  RazakSAT IRPS *Final Systems Design* menetapkan imej daripada RazakSAT hendaklah dalam jarak ketepatan kurang daripada satu kilometer. Bagaimanapun, imej daripada RazakSAT yang diuji oleh ARSM menunjukkan imej tersebut tersasar dari lokasi yang sepatutnya dicerap. Contohnya imej yang sepatutnya dicerap di kawasan Sungai Buloh dan Subang telah tersasar sehingga 37 km iaitu di Hutan Simpan Raja Muda Musa Batang Berjuntai, Kuala Selangor seperti di gambar berikut:

GAMBAR 64.5



Imej Satelit Razaksat Yang Diterima Oleh Sistem IRPS Tersasar Sejauh 37 km
(Sumber Gambar: Stesen Penerimaan Bumi ARSM, Temerloh)

Berdasarkan maklum balas ARSM, ATSB telah membuat pembetulan teknikal dengan menambahbaik imej satelit menjadi lebih jelas dan julat anjakan telah dikurangkan antara 2.4km hingga 22km.

iii. Bagaimanapun semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2010, kedua-dua masalah ini masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya. *Berdasarkan maklum balas ATSB, projek Satelit RazakSat adalah projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan bukan merupakan projek komersial. Semasa pengoperasian RazakSat, banyak penambahbaikan teknikal mengenai imej telah berjaya dilaksanakan. Namun ATSB dan MOSTI telah mencapai kata sepakat untuk menamatkan projek ini pada bulan Disember 2010 dan penambahbaikan imej tidak dapat diteruskan. Selain itu, bayaran kepada pihak ATSB telah diselesaikan dengan potongan harga sejumlah RM0.65 juta daripada jumlah keseluruhan harga projek RM5.96 juta.*

c. Projek Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia

i. Pada 30 November 2005, ATSB telah menandatangani kontrak dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) bagi projek Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) secara rundingan terus. Kontrak

ini berharga RM18.7 juta termasuk 3 boya tsunami berharga RM1.05 juta setiap satu. Tempoh kontrak ini adalah dari 1 Disember 2005 sehingga 31 Mac 2006. Projek SAATNM ini bertujuan untuk membantu negara dalam pemantauan 24 jam secara *real-time* kejadian gempa bumi dan tsunami serta menghebahkan amaran dalam bentuk notis, maklumat, nasihat akan kejadian gempa bumi dan tsunami kepada orang awam. Kontrak menghendaki ATSB memasang 3 boya tsunami masing-masingnya di perairan Pulau Perak, Kedah (Boya Tsunami 1); perairan Terumbu Peninjau, Sabah (Boya Tsunami 2) dan perairan Sabah (Boya Tsunami 3). Bagaimanapun atas arahan MOSTI, ATSB dikehendaki mengubah lokasi pemasangan ketiga-tiga boya tsunami iaitu Boya Tsunami 1 ke perairan Pulau Rondo, Indonesia; Boya Tsunami 2 ke perairan Pulau Layang-layang, Sabah dan Boya Tsunami 3 ke Laut Sulu, Filipina. Bagi tujuan perubahan lokasi tersebut, satu Perjanjian Tambahan bernilai RM10.28 juta telah ditandatangani pada 25 April 2008 dan tempoh kontrak telah dilanjutkan kepada 31 Disember 2007. Semakan Audit terhadap projek SAATNM mendapati perkara seperti berikut:

- Boya Tsunami 1 dan 2 telah dipasang di lokasi dan tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, Boya Tsunami 3 tidak dapat dipasang di lokasi yang ditetapkan kerana belum mendapat persetujuan Kerajaan Filipina. MOSTI telah mengeluarkan surat kelulusan pada 14 Julai 2009 untuk melanjutkan lagi tempoh kontrak kepada 31 Mac 2010 disebabkan masalah ini. Semakan Audit selanjutnya mendapati boya tersebut dipasang sementara di perairan Pulau Sipadan iaitu 40 km dari pesisiran pantai Semporna atas arahan MMD. Boya tersebut seterusnya telah diserahkan kepada MMD pada 1 Oktober 2010. *Berdasarkan maklum balas ATSB, boya ini tidak akan memberi amaran awal dalam tempoh masa sekitar 2 jam dari bencana tsunami dikesan, sebaliknya kurang daripada 15 minit sahaja. Kedudukan boya tsunami ini tidak akan dapat memberi amaran awal yang efektif. ATSB juga telah memaklumkan perkara ini kepada MMD kerana keputusan berkaitan lokasi pemasangan boya dan perancangan projek adalah ditentukan oleh pihak MMD.*

- Boya Tsunami 1 yang telah dipasang pada 7 Mac 2006 didapati hilang pada bulan Februari 2010. Setakat 31 Disember 2010, ATSB masih dalam proses menuntut ganti rugi daripada syarikat insurans. ATSB telah mengambil inisiatif membeli boya tsunami baru pada bulan September 2010 tetapi pemasangan boya ini tertunda kerana Kerajaan Indonesia tidak membenarkan kapal dari Malaysia memasuki perairan mereka. Sehingga 31 Disember 2010, perkara ini

masih belum dapat diselesaikan. Boya Tsunami 1 yang dibeli dan belum digunakan disimpan di gudang ATSB seperti gambar berikut:

GAMBAR 64.6



GAMBAR 64.7



Gudang ATSB, Shah Alam
- Boya Tsunami 1 Dan Tsunameter Yang Tidak Digunakan Dan Masih Disimpan
(02.11.2010)

- Boya Tsunami 2 yang siap dipasang pada 30 Disember 2005 didapati hilang pada bulan Mei 2006. Walaupun boya ini dilindungi insurans, dibayar sepenuhnya dan telah diganti baru, penyerahan boya yang baru kepada pihak MMD tidak dapat dilaksanakan kerana kontrak menetapkan ketiga-tiga boya beroperasi sepenuhnya selama sebulan secara serentak sebelum penyerahan dapat dilaksanakan.

ii. Peralatan SAATNM Yang Hilang/Rosak/Tidak Berfungsi

- Pada 4 September 2008, ATSB menandatangani Kontrak Tambahan Skop (SAATNM Fasa 2) berjumlah RM6.62 juta. Antara tambahan skop kerja adalah menaik taraf talian komunikasi bagi 6 lokasi tolok pasang surut; tambahan 15 lokasi pemasangan tolok pasang surut; tambahan 14 kamera pantai dan tambahan 10 lokasi siren. Lawatan Audit ke Bahagian Geofizik dan Tsunami, Ibu Pejabat MMD dan Porto Malai, Langkawi mendapati **5 tolok pasang surut, 3 siren dan 3 kamera pantai telah hilang/rosak/tidak berfungsi** seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 64.8
PERALATAN SAATNM YANG HILANG/ROSAK/TIDAK BERFUNGSI

PERALATAN	PROJEK	LOKASI	PERKARA
5 Tolok Pasang Surut	SAATNM Fasa 1	Porto Malai, Langkawi	Sensor untuk mengesan ombak patah dan hilang di lautan.
		Pulau Perak	Peralatan talian VSAT hilang.
	SAATNM Fasa II : Tambahan Skop	Tanjung Gelang (TLDM)	Tiada bekalan elektrik kerana sumber kuasa di TLDM dipanah petir.
		Teluk Sepanggar (TLDM)	Bacaan data tidak tepat kerana sensor rosak dan tenggelam di dalam pasir di dasar laut.
		Mukah	
3 Siren	SAATNM Fasa 1	Kuala Kedah	Tidak berfungsi kerana suis dipadamkan.
		Kuala Kurau	
		Semporna	

PERALATAN	PROJEK	LOKASI	PERKARA
3 Kamera Pantai	SAATNM Fasa II : Tambahan Skop	Kudat	Rosak.
		Kota Kinabalu	
		Mukah	

GAMBAR 64.8



Jeti Porto Malai, Langkawi
- Kesan Pemasangan Sensor Peralatan Tolok Pasang Surut Yang Hilang Di Jeti Porto Malai, Langkawi (28.12.2010)

GAMBAR 64.9



Perbandingan Dengan Sensor Tolok Pasang Surut Yang Sepatutnya Dipasang Di Pantai Kerachut, Teluk Bahang, Pulau Pinang (Sumber: ATSB)



GAMBAR 64.10

Jeti Porto Malai, Langkawi
- Set Peralatan Tolok Pasang Surut Dan Lokasi Pemasangan Sensor Peralatan Tolok Pasang Surut Yang Hilang (28.12.2010)

- *Berdasarkan maklum balas, ATSB sentiasa mengambil berat untuk memastikan semua sistem dalam keadaan baik dan boleh berfungsi. Bagaimanapun, beberapa isu mengenai penyambungan dan kajian semula kontrak telah menyebabkan aktiviti penyenggaraan tergendala.* Kerosakan yang telah berlaku adalah disebabkan faktor di luar kawalan ATSB.

d. Projek Wind Runaway And Visual Range Systems (WRVR)

Kontrak *Wind Runaway and Visual Range Systems* (WRVR) bernilai RM8.38 juta yang diperolehi secara tender terbuka telah ditandatangani dengan Jabatan Meteorologi Malaysia pada 13 Disember 2007. Kontrak berkuat kuasa selama 18 bulan dan dilanjutkan sehingga 22 Disember 2010. Projek ini bertujuan mematuhi standard antarabangsa bagi pengesanan kelajuan angin dan jarak penglihatan di zon pendaratan/pelepasan lapangan terbang. Di bawah kontrak tersebut, ATSB perlu memasang peralatan WRVR seperti

pengesan angin, penglihatan dan *sensor background luminance* (**Gambar 64.11** hingga **64.14**) di 16 lapangan terbang terpilih. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Tapak Pemasangan Tidak Mempunyai Kuasa Elektrik 24 Jam Sehari

ATSB telah menyiapkan pemasangan sensor di 2 lokasi di Lapangan Terbang Sibu pada 22 November 2009 seperti ditetapkan dalam kontrak. Pemilihan tapak bagi mendapatkan sumber elektrik telah dibuat semasa lawatan tapak yang telah disertai oleh wakil dari agensi yang terlibat termasuk MMD. Bagaimanapun, pengujian dan pentauliahan mendapati tapak yang dipersetujui hanya membekalkan kuasa elektrik selama 12 jam sehari sahaja dan seterusnya mengganggu kelancaran penyaluran data. Bagi memastikan sistem WRVR dapat beroperasi sepenuhnya, ATSB terpaksa melaksanakan kerja pendawaian elektrik semula dari substesen berhampiran dengan kos tambahan sendiri berjumlah RM24,500.

ii. Punca Bekalan Elektrik Terlalu Jauh

Syarat kontrak menyatakan bekalan elektrik bagi WRVR Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka perlu diambil daripada Pondok *Glide Path* (GP). Bagaimanapun, Pondok GP yang terdekat adalah sejauh 1.4 kilometer. Oleh kerana lukisan teknikal tidak disediakan berkaitan punca bekalan elektrik di lapangan terbang tersebut oleh pihak MMD, lokasi sebenar Pondok GP hanya disedari oleh MMD selepas pihak ATSB melawat tapak pada 14 Januari 2009. Akibatnya, kos tambahan sejumlah RM80,000 telah dibelanjakan oleh sub-kontraktor ATSB iaitu Techsense Sdn. Bhd. ATSB telah membuat tuntutan bagi kos tambahan tersebut daripada MMD, namun setakat 31 Disember 2010, tiada persetujuan daripada MMD. *Berdasarkan maklum balas, ATSB terpaksa menanggung separuh daripada perbelanjaan tersebut iaitu sejumlah RM40,000.*

GAMBAR 64.11



Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka - Bacaan Kelajuan Angin Di Peralatan WRVR (13.12.2010)

GAMBAR 64.12



Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka - Bacaan Kelajuan Angin Yang Dihubungkan Ke Menara Kawalan Udara Lapangan Terbang (13.12.2010)

GAMBAR 64.13



Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka - Bekalan Elektrik Diambil Dari Pondok GP (13.12.2010)

GAMBAR 64.14



Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka - Set Peralatan WRVR (13.12.2010)

Pada pendapat Audit, projek WRVR telah dilaksanakan mengikut matlamat yang ditetapkan iaitu untuk mematuhi standard antarabangsa bagi pengesanan kelajuan angin dan jarak penglihatan di zon pendaratan/pelepasan di lapangan terbang. Bagaimanapun, disebabkan ketidaksesuaian tapak telah menyebabkan ATSB terpaksa menanggung kos tambahan.

e. Perbelanjaan Program Angkasawan Negara

Jemaah Menteri pada 26 September 2007 telah bersetuju antara lain, ATSB dilantik sebagai agensi pelaksana Program Angkasawan Negara. Seterusnya, ATSB telah dilantik oleh Kementerian Kewangan pada 15 Februari 2008 bagi mengurus dan menyelaras ujian saintifik berjumlah RM5.56 juta dan pengurusan pentadbiran logistik berjumlah RM10 juta. Butiran kerja pengurusan pentadbiran logistik adalah seperti di **Jadual 64.9**. Semakan Audit terhadap pengurusan dan penyelarasan ujian saintifik oleh ATSB adalah baik dan teratur. Namun begitu semakan terhadap sampel perbelanjaan berjumlah RM0.27 juta telah dicajkan kepada pengurusan pentadbiran logistik adalah tidak berkaitan dengan skop kelulusan oleh Jemaah Menteri. Skop kelulusan yang diberi ialah penyewaan helikopter tanpa tujuan perbelanjaan; derma kejohanan berbasikal; pembelian 6 buah pocket PC/telefon bimbit; pembatalan tiket penerbangan; sewa bilik hotel dan makan malam bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah; sewa bas bagi jamuan Hari Raya serta pembelian runcit. Semakan lanjut juga mendapati tiada sebarang bentuk perjanjian berkaitan pelaksanaan program yang boleh mengikat pihak yang terlibat iaitu ATSB dan MOSTI.

JADUAL 64.9
SKOP KERJA ATSB DI BAWAH PROGRAM ANGKASAWAN NEGARA

PERKARA	KOS (RM Juta)
Penyelarasan Dan Sokongan Teknikal	
Latihan dan pentadbiran angkasawan di Moscow, Rusia	1.01
Latihan angkasawan di Houston, Amerika Syarikat	0.22

PERKARA	KOS (RM Juta)
Penyelarasan Teknikal Kempen Pelancaran Dan Pendaratan Angkasawan Ke *International Space Station* (ISS)	
Kempen pelancaran angkasawan di Moscow	2.70
Kempen dan pendaratan angkasawan	2.16
Sokongan Logistik Aktiviti Teknikal Program	
Astana, Baikonur, Kazakhstan	3.08
Korolev (pusat utama perhubungan antara ISS dan bumi)	0.83
JUMLAH	**10.00**

Pada pendapat Audit, pihak MOSTI perlu menandatangani surat ikatan/perjanjian program yang memperincikan peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat memandangkan kos program yang terlibat adalah tinggi iaitu berjumlah RM10 juta. Ini bertujuan memastikan pelaksanaan serta perbelanjaan dibuat selaras dengan obligasi yang ditetapkan dalam kontrak serta memastikan kepentingan Kerajaan terjamin.

64.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan urus tadbir korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, ATSB telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan pentadbiran untuk dipatuhi. Selain itu, ATSB juga telah mengeluarkan manual bagi aktiviti utamanya dan mendapat pengiktirafan antarabangsa (MS ISO 9001:2000) dalam bidang kejuruteraan teknologi angkasa. Semakan Audit mendapati polisi dan peraturan yang ditetapkan oleh ATSB adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 64.10
POLISI DAN PERATURAN YANG DITETAPKAN OLEH ATSB

PERATURAN YANG DITETAPKAN	CATATAN
Terma Dan Syarat Perkhidmatan, *Hiring Manual, Staff Training Procedure*	Meliputi urusan/hal-ehwal sumber manusia berkaitan pengambilan, pemberhentian, pelucutan dan syarat dalam perkhidmatan serta faedah perkhidmatan dan latihan.
Garis Panduan Perolehan Dan Tender	Meliputi had perolehan kerja, barangan dan perkhidmatan bagi memastikan perolehan dapat dibuat dengan cara yang betul dan selaras dengan polisi Kerajaan serta menunjukkan akauntabiliti kepada pemegang saham.
Garis Panduan Panjar Wang Runcit (*Petty Cash)*	Meliputi prosedur dan skop bagi penggunaan kewangan melalui *petty cash* serta had rekupan semula.

64.4.3.1. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan Rancangan Korporat dan menetapkan strateginya untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang dan rancangan tersebut perlu selaras dengan objektif

penubuhannya. Semakan Audit mendapati ATSB telah mengemas kini Rancangan Korporat sehingga 5 Julai 2007 yang meliputi perancangan korporat ATSB dari tahun 2008 hingga 2018 dengan memperincikan strategi jangka panjang dan jangka pendeknya bagi melaksanakan projek syarikat dalam bidang teknologi angkasa dan projek berteknologi tinggi yang lain.

64.4.3.2. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) disediakan bagi mengukur tahap pencapaian dalam pengurusan operasi syarikat. *The Blue Book – Intensifying Performance Management* yang dilancarkan pada bulan Julai 2005 juga menetapkan keperluan mewujudkan Petunjuk Prestasi Utama. Menurut *The Blue Book*, KPI perlu dikaji bagi setiap suku tahun untuk menilai prestasi syarikat dan perlu dikemas kini mengikut keperluan semasa syarikat. Semakan Audit mendapati ATSB telah menetapkan struktur matriks KPI yang telah dipersetujui oleh Lembaga Pengarah dan dihantar kepada Kementerian Kewangan pada setiap suku tahun.

64.4.3.3. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan serta mengawasi fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun serta salah seorang anggotanya perlu mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam urusan pengurusan kewangan. Pekeliling juga menekankan bahawa Setiausaha Jawatankuasa Audit mesti dilantik daripada wakil Unit Audit Dalam dan perlu berdaftar dengan mana-mana Badan Profesional Perakaunan. Setakat 31 Disember 2010, ATSB belum menubuhkan Jawatankuasa Audit dan tiada perkhidmatan Unit Audit Dalam sejak bulan Ogos 2002. ATSB pernah mendapatkan perkhidmatan firma audit swasta iaitu Tetuan KPMG pada tahun 2002 bagi menilai kawalan dalaman syarikat. **Pada pendapat Audit, kekurangan mekanisme *check and balance* dalam syarikat boleh mengakibatkan peraturan dan prosedur yang ditetapkan tidak dipatuhi sepenuhnya dan seterusnya menjejaskan prestasi kewangan dan aktiviti syarikat.**

64.4.3.4. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan peraturan berkaitan perbelanjaan syarikat perlu diperkemas bagi mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan ATSB seperti berikut:

a. Kelemahan Pengurusan Pembayaran

Baucar bayaran ATSB mengandungi ruangan untuk ditandatangani oleh penyedia, penyemak, pengesah dan pelulus serta penerima bayaran sebagai kawalan dalaman proses membuat bayaran. Semakan Audit terhadap 97 sampel baucar bayaran mendapati sebanyak 77 (79.3%) baucar bayaran bernilai RM0.60 juta sama ada tidak ditandatangani sepenuhnya

oleh penyemak dan/atau pengesah dan/atau pelulus. Daripada 77 bayaran tersebut, 25 baucar bayaran berjumlah RM0.48 juta tidak ditandatangani di mana-mana ruangan sama ada penyemak/pengesah/pelulus.

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah ATSB perlu mempertingkatkan kawalan dalaman syarikat bagi memastikan prosedur pembayaran yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya.

b. Kelemahan Pengurusan Aset

Setakat bulan Disember 2010, ATSB masih belum menyelenggarakan Daftar Aset. Senarai Aset bagi tahun 2008 berjumlah RM0.90 juta dan tahun 2009 berjumlah RM3.48 juta ada disediakan, namun senarai tersebut tidak lengkap kerana tiada maklumat lokasi. Selain itu, nombor pendaftaran tidak dilabelkan pada aset manakala verifikasi dan pelupusan aset tidak pernah dilaksanakan sejak penubuhan ATSB. Semakan lanjut mendapati aset rosak masih tersimpan di ruang pejabat menyebabkan pembaziran kos pegangan aset. Aset yang rosak dan belum dilupuskan adalah seperti **Gambar 64.15** hingga **64.18**. *Berdasarkan maklum balas ATSB, pelupusan aset telah dilaksanakan pada awal tahun 2011.*

GAMBAR 64.15



GAMBAR 64.16



Peralatan Komputer Rosak Dan Tidak Dilupuskan Di Bahagian Sistem Pengurusan Maklumat (11.10.2010)

GAMBAR 64.17



GAMBAR 64.18



Peralatan Komputer Rosak Disimpan Di Laluan Pejabat ATSB (11.10.2010)

Pada pendapat Audit, pengurusan aset wajar diberi keutamaan oleh ATSB dari aspek penyelenggaraan, pemeriksaan, penyimpanan dan pelupusan kerana ia merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan.

64.5. SYOR AUDIT

Bagi membolehkan objektif penubuhan ATSB dicapai sepertimana ditetapkan, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

64.5.1. Lembaga Pengarah ATSB perlu sentiasa mengkaji pelan strategik dari semasa ke semasa dan juga memantau aktiviti teknologi sains angkasa yang dilaksanakan dengan rapi bagi memastikan objektif dicapai dan dapat dimanfaatkan seperti disasarkan.

64.5.2. MOSTI perlu menandatangani surat ikatan/perjanjian bagi setiap program/projek yang bernilai tinggi dengan memperincikan peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat. Ini adalah bertujuan memastikan pelaksanaan serta perbelanjaan dibuat selaras dengan obligasi yang ditetapkan di samping memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara.

64.5.3. Lembaga Pengarah perlu memastikan ATSB mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 serta semua peraturan yang telah dikeluarkan bagi memastikan pengurusan kewangan ATSB yang meliputi pengurusan pembayaran dan aset dibuat dengan telus, teratur dan berhemat.

KEMENTERIAN KEWANGAN

65. PENGURUSAN AMANAH RAYA BERHAD

65.1. LATAR BELAKANG

65.1.1. Amanah Raya Berhad (ARB) yang dahulunya dikenali sebagai *Department Public Trustee & Official Administrator* telah dikorporatkan pada 29 Mei 1995 dan mula beroperasi pada 1 Ogos 1995. ARB adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dengan modal berbayar berjumlah RM6 juta. Segala aktiviti ARB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995, *Trustee Act 1949, Small Estates (Distribution) Act 1955, Probate And Administration Act 1959* dan *Wills Act* 1959 serta peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan berkaitan syarikat dari semasa ke semasa. Manakala segala dana yang diuruskan oleh ARB akan diperakaunkan dalam akaun berasingan iaitu dalam Akaun Kumpulan Wang Bersama (Seksyen 25, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995). Namun, terdapat juga dana yang diuruskan ARB telah diperakaunkan mengikut surat ikatan yang dimeterai.

65.1.2. Visi syarikat adalah untuk terus unggul sebagai sebuah institusi yang menawarkan perkhidmatan profesional dalam bidang peramanahan dan pengurusan perwarisan yang memenuhi kepuasan pelanggan dan tanggungjawab sosial. ARB menjalankan 3 aktiviti utama seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.1
AKTIVITI UTAMA ARB

AKTIVITI UTAMA	KETERANGAN RINGKAS AKTIVITI
Pentadbiran Harta Pusaka	Bertindak sebagai pentadbir harta pusaka (harta peninggalan simati) bagi memastikan harta berkenaan dapat diagihkan kepada pihak yang berhak menurut undang-undang. Ia terdiri dari Harta Pusaka Berwasiat (*Testate*) dan Harta Pusaka Tidak Berwasiat (*Intestate Estate*).
Pengurusan Peramanahan	Akaun Amanah merujuk kepada akaun yang dibuka oleh orang perseorangan atau badan korporat bagi manfaat benefisiari tertentu melalui Surat Ikatan Amanah. ARB bertindak sebagai pemegang amanah dan bertanggungjawab melindungi *benefisiari* (orang yang menerima manfaat).
Pentadbiran Wasiat	Wasiat merupakan dokumen penyelesaian harta pusaka berbentuk arahan kepada wasi untuk menyempurnakan segala hasrat pelanggan. ARB akan bertindak sebagai wasi (orang yang dilantik untuk menunaikan wasiat) menyediakan perkhidmatan dalam penulisan, penyimpanan dan pelaksanaan wasiat. Proses penyediaan wasiat dilaksanakan mengikut undang-undang Islam (mengikut wasiat atau mengikut faraid jika tanpa dokumen wasiat) dan Sivil (mengikut wasiat atau mengikut Akta Pembahagian 1958 jika tanpa dokumen wasiat).

65.1.3. ARB mempunyai 9 Ahli Lembaga Pengarah (termasuk Pengerusi Bukan Eksekutif) di mana seorang daripadanya adalah wakil dari Kementerian Kewangan. Pengurusan syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seramai 483 kakitangan eksekutif serta bukan eksekutif yang ditempatkan di

19 cawangan seluruh negara. Bagi menyokong aktiviti utamanya, ARB mempunyai 23 subsidiari dan 6 sub-subsidiari yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan.

65.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

65.2.1. Prestasi kewangan ARB adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

65.2.2. Pengurusan aktiviti ARB telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

65.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat ARB adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

65.2.4. Pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh syarikat induk selaras dengan objektif yang ditetapkan.

65.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama ARB. Analisis prestasi kewangan hanya dijalankan berdasarkan penyata kewangan ARB tahun 2007 hingga 2009 kerana penyata kewangan tahun 2010 belum selesai diaudit. Semakan Audit telah dijalankan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 di Ibu Pejabat ARB, Pejabat ARB Cawangan Kota Bharu, Pulau Pinang dan Shah Alam serta Kementerian Kewangan. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di ARB serta pemeriksaan fizikal terhadap aset juga turut diadakan.

65.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2010 mendapati pada umumnya ARB telah mengendalikan perkhidmatan peramanahan dan pengurusan perwarisan sebagaimana mandat yang diberikan. Selain itu, prestasi kewangan ARB bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009 adalah baik di mana ia mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan berhubung pengurusan aktiviti utama seperti ketiadaan sistem maklumat yang komprehensif bagi memudahkan proses kerja aktiviti utama; ketidakpatuhan terhadap proses kerja aktiviti utama dan beberapa aspek pengurusan kewangan yang lain. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan ARB adalah seperti di perenggan berikut:

65.4.1. Prestasi Kewangan

65.4.1.1. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, prestasi kewangan ARB adalah baik di mana ia mencatat keuntungan bersih selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut. Bagaimanapun, terdapat penurunan keuntungan bersih selepas cukai bagi tahun 2009 berjumlah RM33.76 juta (60.2%) berbanding tahun 2008,

manakala penurunan keuntungan bersih selepas cukai bagi tahun 2008 berbanding tahun 2007 pula adalah berjumlah RM55.39 juta (49.7%). Penurunan secara berterusan ini berlaku akibat peningkatan berterusan belanja operasi; kos personel; perbelanjaan pentadbiran serta kos kewangan dari tahun ke tahun. Adalah diperhatikan juga peningkatan kos kewangan adalah disumbangkan oleh subsidiarinya iaitu kos berkaitan pinjaman dari Akaun Kumpulan Wang Bersama (KWB). Selain itu penurunan kadar yuran pengurusan terhadap dana KWB daripada 1.5% pada tahun 2007 ke 0.5% pada tahun 2009 juga turut menyumbang kepada penurunan jumlah keuntungan bersih syarikat. Sungguhpun demikian, sehingga Disember 2009, kumpulan ARB telah mencatatkan rizab terkumpul berjumlah RM280.13 juta iaitu peningkatan 7.9% berbanding tahun 2008 iaitu RM259.54 juta dan RM207.40 juta pada tahun 2007. Keadaan ini menunjukkan peningkatan rizab secara berterusan dalam tempoh 3 tahun berturut-turut. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Kumpulan ARB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 hingga 2009 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.2
KEDUDUKAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI KUMPULAN ARB BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

PERKARA	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan	249.63	224.93	306.26
Lain-Lain Pendapatan Operasi	13.72	42.67	18.57
Jumlah Pendapatan	**263.35**	**267.60**	**324.83**
Belanja Operasi	(58.38)	(96.72)	(176.85)
Kos Personel	(37.58)	(41.14)	(43.97)
Belanja Pentadbiran	(2.98)	(3.64)	(3.82)
Saham Kerugian Melalui Usaha Sama	-	(0.72)	(0.12)
Lain Belanja Operasi	(7.19)	(10.42)	(11.46)
Kos Kewangan	(28.31)	(41.26)	(63.54)
Jumlah Perbelanjaan	**(134.44)**	**(193.90)**	**(299.76)**
Keuntungan Daripada Aktiviti Biasa Sebelum Zakat Dan Cukai	128.91	73.70	25.07
Zakat	(0.57)	(1.36)	(1.05)
Keuntungan Daripada Aktiviti Biasa Sebelum Cukai	128.34	72.34	24.02
Cukai	(16.91)	(16.30)	(1.74)
Untung Bersih Bagi Tahun Kewangan	**111.43**	**56.04**	**22.28**
Penurunan Untung Bersih	**-**	**(55.39)**	**(33.76)**

65.4.1.2. Berdasarkan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009, kedudukan keseluruhan aliran tunai ARB masing-masingnya berjumlah RM321.20 juta; RM75.36 juta dan RM193.24 juta. Bagaimanapun, aliran tunai dari aktiviti perniagaan tahun 2008 telah menunjukkan penurunan yang ketara berjumlah RM245.84 juta (220.9%) berbanding dengan tahun 2007. Ini adalah kerana pada tahun 2008, aliran tunai keluar bersih daripada aktiviti operasi dan

pembiayaan yang berjumlah RM284.45 juta didapati melebihi aliran tunai masuk bersih daripada aktiviti pelaburan yang hanya berjumlah RM36.31 juta. Secara relatifnya, kurangan bersih tunai yang dicatatkan pada tahun tersebut adalah RM248.14 juta. Butiran pergerakan aliran tunai adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.3
PENYATA ALIRAN TUNAI ARB
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

BUTIRAN	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Aliran Tunai Masuk/(Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Operasi	461.60	(237.03)	92.63
Aliran Tunai Masuk/(Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(329.95)	36.31	85.11
Aliran Tunai Masuk/(Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	73.54	(47.42)	(57.63)
(Kurangan)/Tambahan Bersih Tunai Dan Bersamaan Tunai	**205.19**	**(248.14)**	**120.11**
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan	123.71	321.20	75.36
Pelarasan Pertukaran Matawang	(7.70)	2.30	(2.23)
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Akhir Tahun Kewangan	**321.20**	**75.36**	**193.24**

65.4.1.3. Bagi menentukan prestasi kewangan ARB, analisis nisbah semasa; margin keuntungan; pulangan ke atas aset serta pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009. Hasil analisis adalah seperti berikut:

a. **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan kepada perkiraan Audit, tahap kecairan ARB bagi tahun 2007, 2008 dan 2009 adalah 1.07, 1.34 dan 1.25 kali. Ia menunjukkan peningkatan pada tahun 2008 berbanding tahun sebelumnya dan menurun pada tahun 2009. Ini bermakna aset semasa yang dimilikinya boleh menampung antara 1.07 hingga 1.34 kali ganda liabiliti semasanya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.4
NISBAH SEMASA BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a)/(b)
2007	820.90	767.54	1.07 : 1
2008	1,457.12	1,084.29	1.34 : 1
2009	1,486.42	1,185.18	1.25 : 1

b. **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini akan menunjukkan tahap kecekapan sesebuah

syarikat bagi setiap ringgit hasil pendapatan yang dijana dan memberi kesan langsung terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, ARB telah memperolehi keuntungan berjumlah 44 sen pada tahun 2007 dan 25 sen pada tahun 2008 dan hanya 7 sen pada tahun 2009. Berdasarkan kepada nisbah ini, dirumuskan bahawa tahap kecekapan operasi ARB pada tahun 2009 kurang memuaskan berbanding tahun sebelumnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.5
MARGIN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a)/(b)
2007	111.43	249.63	0.44
2008	56.04	224.93	0.25
2009	22.28	306.26	0.07

c. **Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperolehi oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan yang diperolehi daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, adalah didapati tahap kecekapan ARB menguruskan asetnya pada tahun 2008 dan 2009 adalah kurang memuaskan berbanding tahun sebelumnya iaitu menurun sebanyak 61.1% dan seterusnya 65.7%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.6
PULANGAN KE ATAS ASET
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a)/(b)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) ANTARA TAHUN (%)
2007	111.43	1,232.95	9.0	-
2008	56.04	1,601.32	3.5	(61.1)
2009	22.28	1,791.78	1.2	(65.7)

d. **Pulangan Ke Atas Ekuiti** mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, adalah didapati tahap kecekapan untuk menguruskan modal ARB pada tahun 2008 dan 2009 adalah kurang memuaskan berbanding tahun sebelumnya iaitu menurun sebanyak 59.6% dan seterusnya 63%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.7
PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a)/(b)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) ANTARA TAHUN (%)
2007	111.43	213.40	52.2	-
2008	56.04	265.54	21.1	(59.6)
2009	22.28	286.13	7.8	(63.0)

Pada pendapat Audit, ARB perlu berusaha untuk meningkatkan keuntungan syarikat sejajar dengan peningkatan dalam pendapatan syarikat setiap tahun. Selain itu, penjanaan tunai terutamanya dari aktiviti operasi dan pelaburan juga perlu diberi perhatian supaya aliran tunai syarikat dapat dipertingkatkan.

65.4.2. Pengurusan Aktiviti

65.4.2.1. Prestasi Aktiviti

Pada tahun 2010, ARB mengendalikan 36,893 kes amanah dengan nilai berjumlah RM967.10 juta. Daripada jumlah tersebut, Ibu Pejabat ARB telah mengendalikan 15,820 kes (42.9%) berjumlah RM456.01 juta (47.2%) diikuti oleh Pejabat Cawangan Alor Setar dan Kota Bharu. Bilangan kes harta pusaka yang dikendalikan oleh ARB pula adalah sebanyak 8,143 kes berjumlah RM133.41 juta. Adalah didapati Ibu Pejabat ARB mengendalikan kes terbanyak dengan 1,523 (18.7%) berjumlah RM40.13 juta diikuti oleh Pejabat Cawangan Ipoh dan Johor Bahru. Manakala bilangan kes wasiat yang dikendalikan oleh ARB bagi tempoh yang sama pula adalah sebanyak 490,745 kes di mana Ibu Pejabat mengendalikan 481,874 kes (98.2%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.8
BILANGAN KES DAN JUMLAH TERLIBAT BAGI AKTIVITI AMANAH, PUSAKA DAN WASIAT PADA TAHUN 2010

NEGERI	BAHAGIAN/ PEJABAT CAWANGAN	AMANAH		PUSAKA		WASIAT
		BIL. FAIL	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. FAIL
Johor	Johor Bahru	1,697	36.78	860	6.15	779
	Muar	856	18.96	352	1.64	219
Kedah	Alor Setar	2,517	35.78	335	7.99	331
	Sungai Petani	1,091	18.06	189	2.55	215
Kelantan	Kota Bharu	2,431	37.24	522	5.51	395
	Kuala Krai	68	1.05	97	1.62	37
Melaka	Melaka	1,213	23.00	411	4.58	678
Negeri Sembilan	Seremban	1,061	19.59	392	3.76	386
Pahang	Kuantan	638	16.46	227	2.79	1,128
	Temerloh	363	8.18	154	0.45	253

NEGERI	BAHAGIAN/ PEJABAT CAWANGAN	AMANAH		PUSAKA		WASIAT
		BIL. FAIL	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. FAIL
Perak	Ipoh	2,354	37.93	1,003	10.15	415
Perlis	Kangar	453	6.09	117	0.93	207
Pulau Pinang	Pulau Pinang	1,924	89.58	856	17.84	761
Sabah	Kota Kinabalu	161	6.24	227	3.41	647
Sarawak	Kuching	430	52.36	-	0	764
Selangor	Bangi	309	8.58	92	3.01	366
	Shah Alam	2,094	75.20	525	8.94	788
Terengganu	Kuala Terengganu	1,413	20.03	261	11.96	502
Wilayah Persekutuan	*Service Centre*	-	-	1,122	28.59	237
	Jabatan Amanah	15,820	456.01	-	-	-
	AmanahRaya Legacy Services Sdn. Bhd.	-	-	401	11.54	481,637
JUMLAH		**36,893**	**967.10**	**8,143**	**133.41**	**490,745**

65.4.2.2. Pendapatan Berbanding Sasaran

Pencapaian sebenar keuntungan sebelum cukai pada tahun 2007 mencatat peningkatan berjumlah RM63.91 juta (99.2%) berbanding jumlah yang disasarkan/belanjawan. Manakala bagi tahun 2008 dan 2009 mencatat penurunan keuntungan sebelum cukai berbanding keuntungan yang disasarkan dengan perbezaan masing-masingnya berjumlah RM114.66 juta (61.3%) dan RM77.83 juta (76.4%). Faktor yang menyumbang kepada ketidakcapaian keuntungan tersebut adalah berkaitan kesan kemelesetan ekonomi terhadap pelaburan yang dibuat oleh subsidiari dan terdapat aktiviti perniagaan subsidiari berkaitan hartanah dan pembiayaan dihentikan akibat dari cadangan penstrukturan semula perniagaan. Sungguhpun prestasi sebenar perbelanjaan adalah melebihi daripada jumlah yang disasarkan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, namun adalah diperhatikan pendapatan sebenar mencatat lebihan daripada amaun yang disasarkan kecuali pada tahun 2008 antara 7.9% hingga 39.6%. Pihak Audit dimaklumkan, tindakan semakan semula tidak dibuat terhadap belanjawan dengan mengambil kira faktor ekonomi semasa. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.9
PENDAPATAN SEBENAR BERBANDING BELANJAWAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009

BUTIRAN PENYATA UNTUNG RUGI	2007			2008			2009		
	BELANJAWAN	SEBENAR	PERBEZAAN	BELANJAWAN	SEBENAR	PERBEZAAN	BELANJAWAN	SEBENAR	PERBEZAAN
Pendapatan **(RM Juta)**	188.71	263.35	74.64	362.94	267.60	(95.34)	301.1	324.83	23.73
Perbelanjaan **(RM Juta)**	124.28	135.01	10.73	175.94	195.26	19.32	199.25	300.81	101.56
Untung / (Rugi) Sebelum Cukai (RM Juta)	**64.43**	**128.34**	**63.91**	**187.00**	**72.34**	**(114.66)**	**101.85**	**24.02**	**(77.83)**

BUTIRAN PENYATA UNTUNG RUGI	2007			2008			2009		
	BELANJAWAN	SEBENAR	PERBEZAAN	BELANJAWAN	SEBENAR	PERBEZAAN	BELANJAWAN	SEBENAR	PERBEZAAN
Margin Keuntungan (%)	34.1	48.7	14.6	51.5	27.0	(24.5)	33.8	73.9	40.1
Pendapatan Sesaham (RM)	**10.74**	**18.33**	**7.59**	**28.9**	**9.20**	**(19.7)**	**14.05**	**3.7**	**(10.35)**

Sumber: ***Laporan Kewangan ARB***

65.4.2.3. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Bagi menjamin kesinambungan pengukuran produktiviti, pihak pengurusan ARB telah mewujudkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2009 dan 2010 berdasarkan kepada elemen kewangan, operasi, rangkaian dan modal insan. Pada umumnya ARB berjaya mencapai sasaran KPI. Bagaimanapun pencapaian mengikut aktiviti bagi tahun 2009 dan 2010 adalah 4 daripada 7 kriteria masing-masing. Selain itu, peratus pencapaian KPI bagi kriteria Penyelesaian Secara Efektif Fail Pusaka dan Amanah bagi 2 tahun berkenaan adalah di antara 48.2% hingga 76.0% sahaja. Semakan Audit mendapati pencapaian KPI bagi tahun 2009 tidak dibincang di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah kecuali bagi KPI kriteria Kewangan. *Berdasarkan maklum balas ARB, KPI bagi tahun 2010 juga tidak dibincangkan secara khusus namun diedarkan sebagai makluman sahaja dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2011.* Butiran prestasi KPI berbanding sasarannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.10
PRESTASI KPI BERBANDING SASARANNYA BAGI TAHUN 2008, 2009 DAN 2010

ELEMEN KPI	KRITERIA KPI	2009		2010	
		SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN
Kewangan	Keuntungan Sebelum Cukai/Zakat (**RM Juta**)	23.48	48.21	40.53	49.54
	Perbelanjaan **(RM Juta)**	105.43	106.58	82.42	90.54
Operasi	Penyelesaian Secara Efektif & Efisien Fail Harta Pusaka Semasa (Bil. Fail)	13,021	8,945	10,777	8,192
	Penyelesaian Secara Efektif & Efisien Fail Amanah (Bil. Fail)	4,855	2,341	5,061	3,089
	Merekodkan Kadar Pertambahan Wasiat Berdaftar (Orang)	300,000	309,696	121,202	181,049
Rangkaian	Aktiviti Tanggungjawab Sosial	12	22	12	28
Modal Insan	Program Naik Taraf Pencapaian Akademik	50	50	62	70

Nota: ***KPI - Petunjuk Prestasi Utama***

65.4.2.5. Pematuhan Terhadap Prosedur Kualiti Aktiviti

Bagi menjamin kualiti proses kerja aktiviti utama, persijilan MS ISO 9001:2008 bagi pengurusan aktiviti harta pusaka; amanah dan wasiat telah diperolehi oleh ARB pada 13 Oktober 2009. Pada umumnya, proses kerja telah dilaksanakan sebagaimana ketetapan prosedur kualiti kecuali perkara berikut:

a. Proses/Rekod Kerja Tidak Teratur

i. Pentadbiran Harta Pusaka

Proses kerja utama berkaitan pentadbiran harta pusaka secara ringkasnya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.11
RINGKASAN PROSES DAN PROSEDUR PENTADBIRAN HARTA PUSAKA

PERINGKAT PROSES	KETERANGAN
Permohonan	Penerimaan permohonan dari pelanggan dengan disertakan dokumen lengkap. Kad Akuan Penerimaan diserahkan kepada pelanggan/waris sebagai pengesahan penerimaan permohonan dan salinannya perlu difailkan.
Penyiasatan Dan Pengesahan	Menjalankan siasatan terhadap aset, hutang dan kedudukan waris simati.
Pengeluaran Suratkuasa Mentadbir	Suratkuasa dalam bentuk Akuan atau Arahan akan dikeluarkan bergantung kepada jenis, nilai kasar dan keadaan sesuatu harta pusaka.
Pembahagian Harta Pusaka	Membahagikan harta pusaka kepada waris yang layak menerimanya mengikut undang-undang yang berkaitan.
Penyediaan Akaun	Akaun yang disediakan menyenaraikan aset yang dihasilkan, liabiliti yang dibayar dan baki yang ada serta perincian nama waris, bahagian dan jumlah yang layak diterima.
Pengagihan Harta Dan Penutupan Akaun/Kes	Harta Pusaka akan diagihkan kepada waris atau benefisiari yang berhak. Setelah itu, kes pusaka akan didaftarkan sebagai pusaka yang telah selesai dan ditutup.

Berdasarkan Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2008, Surat Pengesahan kepada Mahkamah/Pejabat Tanah dan Galian perlu dikeluarkan dalam tempoh 3 hari dari tarikh permohonan diterima dan difailkan. Semakan Audit terhadap 45 sampel fail harta pusaka di 4 cawangan ARB mendapati beberapa kelemahan dalam urusan proses/rekod pentadbiran harta pusaka seperti salinan Kad Akuan tidak difailkan, Surat Pengesahan tidak dikeluarkan dalam tempoh 3 hari dan salinannya tidak difailkan serta Surat Peringatan lewat dikeluarkan (ada di antaranya melebihi 4 bulan). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.12
KELEMAHAN URUSAN PROSES/REKOD PENTADBIRAN HARTA PUSAKA

PEJABAT CAWANGAN YANG DILAWATI	BIL. SAMPEL YANG DIPERIKSA	KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI (BILANGAN SAMPEL TERLIBAT)			
		SALINAN KAD AKUAN TIDAK DIFAILKAN	SALINAN SURAT PENGESAHAN TIDAK DIFAILKAN	SURAT PENGESAHAN TIDAK DIKELUARKAN DALAM TEMPOH 3 HARI	SURAT PERINGATAN LEWAT DI KELUARKAN
Cawangan Utama	10	3	1	2	3
Kota Bharu	13	2	-	2	1
Pulau Pinang	11	1	-	-	-
Shah Alam	11	1	6	-	2
JUMLAH	**45**	**7**	**7**	**4**	**6**

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam proses kerja tersebut boleh menjejaskan tempoh penyelesaian secara berkesan bagi fail pentadbiran harta pusaka.

ii. Pengurusan Peramanahan

Antara proses kerja utama berkaitan pengurusan amanah adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.13
RINGKASAN PROSES DAN PROSEDUR PENGURUSAN AMANAH

PERINGKAT PROSES	KETERANGAN
Pembukaan Akaun Amanah/ Pembukaan Akaun Amanah Harta Tak Alih	Membuka akaun setelah penerimaan borang permohonan dari pelanggan dengan dokumen sokongan yang lengkap.
Pentadbiran Fail Bersumber Wang Pampasan Pengambilan Tanah	Menjalankan proses semakan dan mengenal pasti waris sah. Jika berlaku kes waris tidak dapat dikesan dalam tempoh tertentu, wang pampasan akan dibayar ke akaun Wang Menunggu Dituntut (WMD).
Penyediaan Surat Ikatan Amanah (SIA) dan Perisytiharan Amanah (PA)	Surat Ikatan Amanah (SIA)/Surat Perisytiharan Amanah (PA) akan disediakan.
Pembayaran Kes Amanah	Membuat proses bayaran kepada penerima manfaat mengikut peraturan.
Pembelian Harta Tak Alih (Mengikut Keperluan)	Melaksanakan proses pembelian harta tak alih dari harta amanah mengikut peruntukan undang-undang (jika wujud keperluan).
Penutupan Akaun Amanah	Setelah urusan pengagihan manfaat kepada waris atau benefisiari yang berhak selesai, kes amanah akan didaftarkan sebagai amanah yang telah selesai dan ditutup.

Semakan Audit terhadap 101 sampel fail amanah di 4 cawangan ARB mendapati beberapa kelemahan dalam urusan proses/rekod pengurusan amanah seperti penggunaan meterai tidak direkodkan dengan teratur; pengesahan Borang Senarai Semak Pembukaan Akaun tidak dibuat; tidak mengecop/mencetak keterangan "asal" dan "salinan" pada Surat Ikatan Amanah (SIA) dan Surat Perisytiharan Amanah (PA) serta waris tidak dapat dikesan. Ia tidak selaras dengan Prosedur Kualiti yang diluluskan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.14
KEGAGALAN MEMATUHI PROSEDUR KUALITI YANG DITETAPKAN

PEJABAT CAWANGAN YANG DILAWATI	BIL. SAMPEL YANG DIPERIKSA	KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI (BIL. SAMPEL TERLIBAT)			
		PENGGUNAAN METERAI TIDAK DIREKODKAN DENGAN TERATUR	PENGESAHAN BORANG SENARAI SEMAK PEMBUKAAN AKAUN TIDAK DILAKUKAN	SIA / PA TIDAK DICETAK / COP "ASAL" DAN "SALINAN"	WARIS TIDAK DIKESAN/ DIHUBUNGI
Ibu Pejabat	28	-	2	6	1
Kota Bharu	29	-	-	-	-
Pulau Pinang	23	5	5	7	3
Shah Alam	21	-	13	9	3
JUMLAH	**101**	**5**	**20**	**22**	**7***

Nota: ***(*) - Tiada Bukti Tindakan Mengesan Waris Diambil/Waris Hanya Dihubungi Satu Kali Sahaja Dan Sehingga Kini Fail Tersebut Belum Ditutup***

Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan dalam proses pengurusan dokumen amanah tersebut akan mendedahkan kepada risiko penyalahgunaan dokumen.

iii. Pentadbiran Wasiat

Pentadbiran wasiat yang meliputi proses penyediaan draf wasiat, penyediaan wasiat sebenar dan urusan penyimpanan wasiat dilaksanakan oleh AmanahRaya Legacy Services Sdn. Bhd. (ARLS) iaitu subsidiari ARB. Bagaimanapun, pihak ARB melalui cawangannya di seluruh negara membantu ARLS dalam proses permohonan/pembukaan kes. Proses kerja utama berkaitan pentadbiran wasiat secara ringkasnya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.15
RINGKASAN PROSES DAN PROSEDUR PENTADBIRAN WASIAT

PERINGKAT PROSES	KETERANGAN
Permohonan/Pembukaan Kes	Penerimaan borang permohonan dari pelanggan dengan disertakan dokumen sokongan lengkap.
Penyediaan Draf Wasiat	Proses ini dilaksanakan oleh subsidiari ARB iaitu Amanah Raya Legacy Services Sdn. Bhd.
Penyediaan Wasiat Muktamad	
Penyimpanan Wasiat	

Semakan Audit terhadap 80 sampel fail wasiat di 3 cawangan ARB mendapati beberapa kelemahan dalam urusan proses/rekod pentadbiran wasiat seperti Daftar Wasiat dan kertas minit tidak lengkap, surat iringan tidak difailkan serta tiada bukti penerangan telah diberikan kepada pemwasiat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.16
KEGAGALAN MEMATUHI PROSEDUR KUALITI YANG DITETAPKAN

PEJABAT CAWANGAN YANG DILAWATI	BIL. SAMPEL YANG DIPERIKSA	KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI (BIL. SAMPEL TERLIBAT)				
		DAFTAR WASIAT TIDAK LENGKAP		KERTAS MINIT TIDAK LENGKAP	SURAT IRINGAN TIDAK DIFAILKAN	TIADA BUKTI PENERANGAN WASIAT KEPADA PEMWASIAT
		TIADA TARIKH AKUAN TERIMA	TIADA NO. DAFTAR WASIAT			
Kota Bharu	21	6	-	21	1	15
Pulau Pinang	30	4	28	30	14	21
Shah Alam	29	24	Tidak dapat ditentukan	29	29	29
JUMLAH	**80**	**34**	**28**	**80**	**44**	**65**

Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan terhadap pengurusan fail wasiat akan menyukarkan pemantauan terhadap aktiviti subsidiari serta menjejaskan tahap kecekapan dalam mengemukakan maklumat kepada pelanggan.

b. Kes Tidak Diselesaikan Mengikut Piawaian Masa

i. Pentadbiran Harta Pusaka

Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2008 menetapkan piawaian tempoh penutupan/penyelesaian kes bagi setiap seksyen berkaitan harta pusaka daripada tarikh pendaftaran kes seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.17
PIAWAIAN MASA YANG DITETAPKAN DALAM MS ISO 9001:2008 ARB

BIDANG KUASA	KETERANGAN KERJA	PIAWAIAN MASA YANG DITETAPKAN (Bulan)
Seksyen 17 (2)	Mentadbir harta pusaka secara terus yang mengandungi harta alih bernilai tidak lebih RM50,000.	6
Seksyen 17 (1)	Mentadbir harta pusaka secara terus yang mengandungi harta alih bernilai tidak lebih RM600,000.	12
Seksyen 8	Pembahagian bagi Harta Pusaka tidak berwasiat yang mengandungi harta alih dan harta tak alih atau harta tak alih sahaja bernilai tidak lebih RM2 juta dengan memfailkan petisyen di Pejabat Pembahagian Pusaka Kecil untuk dilantik sebagai Pentadbir atau mendapatkan perintah pembahagian harta pusaka.	18
Seksyen 13	Menyelesaikan kes pusaka dengan memfailkan petisyen di Mahkamah Tinggi bagi: • Harta Pusaka yang mengandungi harta alih dan harta tak alih atau harta alih sahaja bernilai lebih RM600,000; • Mendapatkan Geran Probet bagi Harta Pusaka Berwasiat atau Suratkuasa Mentadbir bagi Harta Pusaka Tak Berwasiat; • Menggantikan pentadbir yang dilantik terdahulu yang meninggal dunia sebelum melaksanakan Pentadbiran Harta Pusaka; • Pentadbir terdahulu yang gagal menyelesaikan Pentadbiran Harta Pusaka; atau • Menggantikan Wasi yang telah dilantik oleh Pewasiat yang menolak pelantikannya atau meninggal dunia.	24

Semakan Audit terhadap 45 sampel fail di 4 cawangan ARB mendapati hanya 8 (17.8%) kes diselesaikan mengikut tempoh manakala 16 (35.6%) kes tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh dan tiada maklumat bagi baki 11 (24.4%) kes yang lain. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.18
TEMPOH MASA PENYELESAIAN KES

PEJABAT CAWANGAN YANG DILAWATI	BIL. SAMPEL YANG DIPERIKSA	TEMPOH MASA PENYELESAIAN KES (Bil. Sampel Terlibat)			
		DALAM TEMPOH	MELEBIHI TEMPOH	TIADA MAKLUMAT	BELUM CUKUP TEMPOH
Ibu Pejabat	10	3	5	1	1
Kota Bharu	13	4	3	3	3
Pulau Pinang	11	1	7	-	3
Shah Alam	11	-	1	7	3
JUMLAH	**45**	**8**	**16**	**11**	**10**

Pada pendapat Audit, kelewatan ARB menyelesaikan kes mengikut tempoh yang ditetapkan boleh menjejaskan imej syarikat dalam mencapai visi sebagai sebuah institusi yang menawarkan perkhidmatan profesional dalam bidang pentadbiran harta pusaka.

ii. Pengurusan Peramanahan

Berdasarkan prosedur kualiti ARB, piawaian masa bagi proses kerja pembukaan akaun amanah dan pembayaran kes amanah adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.19
PIAWAIAN MASA YANG DITETAPKAN DALAM ISO 9001:2008

RUJUKAN	PROSES KERJA	PIAWAIAN MASA YANG DITETAPKAN
QP-ARB-AMH-01 – Pembukaan Akaun Amanah (Item 3.5)	Sebagai bukti penerimaan pembayaran, resit asal hendaklah dihantar kepada pelanggan.	Resit perlu dihantar kepada pelanggan dalam masa 2 hari bekerja dari tarikh resit dicetak.
QP-ARB-AMH-05 – Pembayaran Untuk Kes Amanah (Item 1.4)	Setiap permohonan bayaran nafkah dan lain perbelanjaan daripada penjaga perlu diberi kelulusan oleh Eksekutif/Ketua Cawangan/Pengurus Jabatan Amanah.	Satu hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan oleh kerani.

Semakan Audit terhadap 101 sampel fail di 4 cawangan ARB mendapati 15 kes (14.9%) resit lewat dihantar kepada pelanggan antara 1 hingga 91 hari. Manakala bagi 10 kes (9.9%) kelewatan kelulusan bayaran adalah antara 1 hingga 27 hari. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sekiranya terdapat kelewatan menghantar resit bagi 24 kes memandangkan surat iringan penghantaran resit kepada pelanggan tidak difailkan. Butiran kes kelewatan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.20
KEGAGALAN MEMATUHI PIAWAIAN MASA PEMBUKAAN AKAUN AMANAH DAN PEMBAYARAN KES AMANAH

PEJABAT CAWANGAN YANG DILAWATI	BIL. SAMPEL YANG DIPERIKSA	KEGAGALAN MEMATUHI PIAWAIAN MASA (Bil. Sampel Terlibat)					
		KELEWATAN PENGHANTARAN RESIT KEPADA PELANGGAN				KELEWATAN MELULUSKAN BAYARAN KEPADA PENERIMA MANFAAT	
		2 - 30 HARI	31 - 60 HARI	60 HARI KE ATAS	TEMPOH HANTAR TIDAK DAPAT DISAHKAN	2 - 15 HARI	16 - 30 HARI
Ibu Pejabat	28	-	-	-	11	1	-
Kota Bharu	29	7	1	2	3	5	-
Pulau Pinang	23	1	-	-	7	-	-
Shah Alam	21	2	2	-	3	1	3
JUMLAH	**101**	**10**	**3**	**2**	**24**	**7**	**3**

Pada pendapat Audit, pihak ARB perlu memantau proses pembayaran dengan lebih teliti supaya tidak wujud kelewatan yang akan memberi kesan terhadap kebajikan penerima manfaat.

iii. Pentadbiran Wasiat

Berdasarkan prosedur kualiti ARB, piawaian masa bagi penyediaan draf wasiat oleh ARLS selepas menerima dokumen lengkap adalah dalam tempoh 5 hari bekerja. Semakan Audit terhadap 80 fail di 3 cawangan yang dilawati mendapati 12 kes (15%) di Cawangan Pulau Pinang dan Kota Bharu, draf wasiat tidak diterima dalam tempoh 5 hari dari ARLS. Manakala semua 30 sampel di Cawangan Shah Alam tidak dapat ditentukan sama ada ia disediakan dalam tempoh masa 5 hari kerana fail tidak kemas kini. **Pada pendapat Audit memandangkan urusan penyediaan wasiat dilaksanakan oleh subsidiarinya, pengurusan ARB perlu memantau dengan rapi terhadap perkara ini dan memastikan rekod lengkap dan kemas kini.**

Pada pendapat Audit, antara faktor berlakunya kelemahan di atas adalah kerana penyeliaan kerja tidak dibuat secara berkala dan berterusan memandangkan mekanisme ini tidak dinyatakan dalam prosedur kualiti MS-ISO. Selain itu, ketiadaan satu sistem maklumat yang komprehensif menyukarkan pemantauan yang berkesan untuk dilaksanakan. Pihak pengurusan perlu memastikan pematuhan terhadap prosedur yang diluluskan dengan mewujudkan mekanisme penyeliaan berkala dalam prosedur kualiti serta segera menyediakan sistem maklumat yang sesuai.

65.4.2.5. Pengurusan Akaun Kumpulan Wang Bersama (KWB)

a. Prestasi Penyata Kewangan

i. Akaun KWB ditubuhkan di bawah Akta 532, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. Mengikut Akta tersebut, wang atau harta yang ditadbir oleh ARB secara undang-undang hendaklah disatukan dalam KWB (Common Fund). Akta berkenaan juga membenarkan ARB melaburkan wang atau harta tersebut dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan mengikut undang-undang. Sehubungan itu, Akta tersebut memberi kuasa kepada ARB sebagai pemegang amanah kepada Akaun KWB berkenaan. Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208) pula memperuntukkan kuasa kepada ARB untuk menjalankan aktiviti pelaburan dengan dana yang ada di dalam Akaun KWB. Bagi meningkatkan kawalan dan pemantauan terhadap aktiviti pelaburan, ARB telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan yang dianggotai oleh 5 ahli (termasuk wakil daripada Kementerian Kewangan).

ii. Semakan terhadap penyata kewangan, mendapati KWB telah mencatatkan keuntungan bersih pada tahun 2009 berjumlah RM491.45 juta berbanding kerugian bersih pada tahun 2008 iaitu RM328.48 juta iaitu peningkatan 249.6%. Peningkatan prestasi kewangan KWB pada tahun 2009 tersebut disebabkan antaranya oleh

keuntungan dari pelaburan tersenarai, pelaburan sekuriti berpendapatan tetap dan pelaburan hartanah.

iii. Sungguhpun demikian, adalah didapati kedudukan dana/ekuiti KWB bagi tahun 2008 (RM6.29 bilion) dan 2009 (RM6.30 bilion) mengalami kemerosotan berbanding tahun 2007 (RM7.30 bilion) iaitu penurunan sebanyak 13.8% dan 13.7%. Penurunan ini disebabkan oleh antaranya pembayaran kepada penerima manfaat dari tahun ke tahun. Selain itu *unrealised loss* terhadap aktiviti pelaburan juga turut memberi kesan kepada penurunan dana/ekuiti yang mana nilai pelaburan dinyatakan pada harga pasaran.

b. Pengurusan Pemberian Pinjaman Oleh KWB

i. Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 dan Akta Pemegang Amanah 1952 tidak menyatakan secara khusus berkenaan hak ARB untuk memperolehi pinjaman secara langsung daripada KWB. Bagaimanapun, adalah didapati ARB telah memperolehi pinjaman daripada KWB berjumlah RM159 juta setakat Disember 2009. Semakan Audit mendapati kesemua pinjaman tersebut telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pelaburan, Lembaga Pengarah, Kementerian Kewangan serta Menteri Yang Dipertanggungjawabkan. Namun begitu, pinjaman yang berjumlah RM9 juta telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah ARB untuk lanjutan masa tempoh matang pinjaman kepada 24 Oktober 2010 berbanding tempoh asal iaitu pada 30 Oktober 2009. Butiran pinjaman tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.21
PEMBERIAN PINJAMAN KWB KEPADA ARB SEHINGGA 31.12.2009

JUMLAH PINJAMAN (RM Juta)	TEMPOH MATANG ASAL	KADAR FAEDAH (%)	CATATAN
150	14.08.2016	5.5	• Prinsipal akan dibayar bila mencapai tempoh matang. • Tarikh perjanjian 18.08.2006.
9	30.10.2009	5.5	• *Letter Of Offer* bertarikh 23.07.2009 (disetemkan pada 14.08.2009). • Lanjut tempoh matang pada 24.10.2010.

ii. Semakan terhadap Lembaran Imbangan KWB mendapati ARB telah meluluskan 12 pinjaman lain kepada 2 subsidiarinya iaitu Amanah Raya Capital Sdn. Bhd. (ARC) dan AmanahRaya Development Sdn. Bhd. (ARD). Sehingga 31 Disember 2009, jumlah pinjaman berkenaan adalah berjumlah RM789.16 juta seperti di **Jadual 65.22**. Memandangkan ARD terlibat dalam projek pembangunan hartanah yang bernilai tinggi iaitu berjumlah RM1.05 bilion, pemberian pinjaman tersebut akan mendedahkan ARB kepada risiko pinjaman tidak berbayar (NPL). Keperluan terhadap kajian semula projek pembangunan hartanah

antaranya oleh ARD pernah dibangkitkan oleh Kementerian Kewangan melalui suratnya bertarikh 19 September 2008. Semakan Audit mendapati satu pinjaman berjumlah RM70 juta oleh ARC yang telah melepasi tempoh matang didapati masih tertunggak dan perjanjian pinjaman tersebut juga tidak dapat dikemukakan. Pihak Audit dimaklumkan perjanjian tersebut hanya dimuktamadkan pada 18 Oktober 2010.

iii. Manakala 5 lagi pinjaman berjumlah RM552.16 juta oleh ARD didapati telah dilanjutkan tempoh pembayaran balik pinjamannya. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan bahawa kadar faedah yang dibayar oleh subsidiari adalah melebihi dari kadar pasaran semasa yang mana ia akan memberi keuntungan kepada KWB. Pihak Audit dimaklumkan bahawa lanjutan ini adalah kesan dari kelembapan ekonomi yang menyebabkan projek pembangunan ARD perlu ditangguhkan.

iv. Bagi pinjaman berjumlah RM67 juta kepada ARD didapati klausa denda/penalti berhubung kemungkiran/kelewatan pembayaran pinjaman tidak dinyatakan dengan jelas di dalam perjanjian yang telah ditandatangani pada 9 Mac 2010. Selain itu, didapati juga tarikh matang bagi pinjaman berjumlah RM7 juta adalah 25 hari lebih awal dari tarikh perjanjian.

JADUAL 65.22
PEMBERIAN PINJAMAN KWB KEPADA SUBSIDIARI ARB SEHINGGA 31.12.2009

SUBSIDIARI ARB	JUMLAH PINJAMAN (RM Juta)	TEMPOH MATANG ASAL	KADAR FAEDAH (%)	CATATAN
Amanah Raya Capital Sdn. Bhd.	50.00	05.04.2011	5.5	• Tranche 1, tarikh perjanjian 13.02.2006 (disetemkan pada 23.03.2006)
	50.00	15.08.2016	5.5	• Tranche 2, tarikh perjanjian 14.08.2006 (disetemkan pada 03.11.2006)
	70.00	30.11.2009	7.2	• Dokumen perjanjian tidak dapat dikemukakan
AmanahRaya Development Sdn. Bhd.	67.00	1. 12.02.2010 - RM7 juta 2. 12.08.2010 - RM20 juta 3. 12.02.2011 - RM20 juta 4. 12.04.2011 - RM20 juta	4.9	• Tarikh perjanjian 09.03.2010 (disetemkan pada 09.03.2010)
	230.00	31.10.2008	7.2	• Pinjaman Bercagar • Tarikh perjanjian 30.07.2008 (disetemkan pada 30.07.2008) • Lanjut tempoh kepada 31.10.2010
	78.80	31.05.2009	7.2	• Pinjaman Bercagar • Tarikh perjanjian 03.02.2009 (disetemkan pada 03.02.2009) • Lanjut tempoh kepada 31.05.2012
	54.36	01.09.2009	7.2	• Pinjaman Bercagar • Tarikh perjanjian 03.02.2009 (disetemkan pada 03.02.2009) • Lanjut tempoh kepada 01.09.2011
	99.00	31.10.2009	7.2	• Pinjaman Bercagar • Tarikh perjanjian 10.06.2009 (disetemkan) • Lanjut tempoh kepada 31.10.2011

SUBSIDIARI ARB	JUMLAH PINJAMAN (RM Juta)	TEMPOH MATANG ASAL	KADAR FAEDAH (%)	CATATAN
	90.00	30.11.2009	7.2	• Pinjaman Bercagar • Tarikh perjanjian 01.04.2009 (disetemkan pada 02.04.2009) • Lanjut tempoh kepada 30.11.2012
JUMLAH	**789.16**			

c. Kemerosotan Dana/Ekuiti KWB

Kedudukan dana/ekuiti KWB bagi rizab am tahun 2008 mengalami defisit sejumlah RM596.01 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu kemerosotan sebanyak 701.4%. Bagaimanapun bagi tahun 2009 berlaku sedikit peningkatan iaitu 29.8% walaupun masih dalam defisit iaitu RM418.25 juta berbanding tahun 2008. ARB memaklumkan bahawa kedudukan rizab am KWB yang tidak memuaskan berlaku bila kegawatan ekonomi/krisis pasaran kewangan melanda pada tahun 2008. Pada bulan Oktober 2009, pihak ARB telah melantik Prokhas Sdn. Bhd. seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kewangan untuk menilai semula aktiviti dan struktur perniagaan ARB dan laporan tersebut telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada 9 Mac 2010. Setelah mengambil kira maklum balas, cadangan dan komen daripada pihak Lembaga Pengarah dan konsultan, ARB kemudiannya membentangkan perancangan strategik jangka panjang kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 10 Mei 2010 mengenai penstrukturan semula perniagaan ARB sebagai sebuah Bank Amanah.

d. Penyata Kewangan KWB

Adalah didapati tiada peraturan khusus yang memerlukan ARB membentangkan atau menyerahkan Penyata Kewangan KWB yang telah diaudit kepada Menteri yang bertanggungjawab**. Pada pendapat Audit, memandangkan dana Akaun KWB adalah besar, maka prestasi kewangan dana wajar dilaporkan kepada Menteri Yang Dipertanggungjawabkan bagi meningkatkan lagi tahap akauntabiliti dan integriti.**

65.4.2.6 Pengurusan Akaun Pusat Pusaka

Akaun Pusat Pusaka diwujudkan bagi memperakaunkan segala dana pusaka yang ditadbir oleh pihak ARB. Pada tahun 2009, Akaun Pusat Pusaka mencatat kerugian berjumlah RM2.25 juta iaitu peningkatan kerugian sebanyak 5,550% berbanding dengan tahun 2008. Ini disebabkan antaranya penurunan pendapatan pada tahun tersebut sejumlah RM2.37 juta. Kedudukan Lembaran Imbangan Akaun Pusat Pusaka juga adalah kurang memuaskan, di mana mencatat penurunan dana sejumlah RM2.26 juta (25.2%) berbanding tahun 2008 yang mencatatkan RM8.97 juta. Sungguhpun demikian, adalah didapati

ARB tetap membayar dividen kepada pemegang dananya walaupun ia mengalami kerugian. Selain itu, semakan Audit selanjutnya mendapati prestasi akaun ini tidak dibentangkan kepada pemegang saham ARB memandangkan tiada peraturan khusus yang memerlukan ARB membentangkan atau menyerahkan penyata kewangan Akaun Pusat Pusaka yang diaudit kepada pihak berkenaan. Kedudukan Penyata Pendapatan Akaun Pusat Pusaka bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.23
PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN AKAUN PUSAT PUSAKA
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

PERIHAL	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009* (RM Juta)
PENDAPATAN			
Income From FD	0.78	0.42	0.47
Current Account Dividen/Interest	0.06	0.06	0.12
Income From Reppo	0.28	0.12	0.55
Income From Institutional Trust Account	8.05	7.77	5.29
Special Investment	0.87	1.45	1.02
Jumlah Pendapatan	**10.04**	**9.82**	**7.45**
PERBELANJAAN			
Dividen	(5.58)	(5.60)	(5.41)
Management Fee	(3.13)	(3.19)	(3.15)
Bank Charges	(0.00)	(0.01)	(0.01)
Institutional Trust Fees	(0.25)	(0.24)	(0.24)
Trustee Fee	(0.13)	(0.33)	(0.36)
Lain-lain Belanja	(0.02)	(0.48)	(0.54)
Jumlah Perbelanjaan	**(9.11)**	**(9.85)**	**(9.71)**
Untung/(Rugi) Bersih	**0.92**	**(0.03)**	**(2.25)**

Nota: ***(*) - Berdasarkan Penyata Kewangan Tahun 2009 Yang Belum Diaudit***

Pada pendapat Audit, adalah wajar Akaun Pusat Pusaka dilaporkan kepada Menteri Yang Dipertanggungjawabkan bagi tujuan kawalan dan pemantauan.

65.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

65.4.3.1. Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik dipatuhi oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, ARB juga telah menetapkan 95 proses kerja/prosedur yang telah pun mendapat persijilan MS ISO 9001:2008. Skop dokumen kualiti tersebut meliputi antaranya pengurusan dan kawalan terhadap operasi, sumber manusia dan pengurusan aset.

65.4.3.2. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strateginya bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi

pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati ARB ada menyediakan perancangan strategik bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2004 hingga 2008. Bagaimanapun, ARB tidak menyediakan rancangan tersebut bagi tempoh tahun yang seterusnya. Selain itu, ARB juga telah menyediakan rancangan perniagaan dan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi setiap tahun kewangan bersama belanjawan tahunan di mana ianya merangkumi struktur perniagaan, anggaran belanjawan tahunan, perbelanjaan modal (CAPEX) dan perancangan sumber manusia. Semakan Audit tidak dapat mengesahkan pencapaian sebenar perancangan strategik dan KPI yang telah ditetapkan dan sama ada ARB telah menyediakan pelan tindakan bagi setiap strategik tersebut memandangkan dokumen berkenaan tidak dikemukakan semasa pengauditan dijalankan. *Berdasarkan maklum balas ARB, tindakan ke atas ketidakcapaian item dalam perancangan strategik dan KPI ada dibuat tetapi tidak didokumenkan.*

65.4.3.3. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 telah menetapkan tanggungjawab Lembaga Pengarah Syarikat Induk antaranya adalah menentukan dasar dan operasi syarikat serta memastikan pengurusannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Selain itu, *The Green Book-Enhancing Board Effectivenes* yang dilancarkan pada tahun 2006 oleh *Putrajaya Committee on GLC High Performance*, menyarankan kekerapan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah secara puratanya adalah 6 hingga 8 kali setahun serta berdasarkan keperluan kepada persekitaran perniagaan syarikat dan menilai prestasi Ahli Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan berhubung dengan tanggungjawab Lembaga Pengarah seperti berikut:

a. Mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan 3 kali pada tahun 2007; 3 kali pada tahun 2008; 4 kali pada tahun 2009 dan Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah telah diadakan 2 kali pada tahun 2010 (setakat bulan September 2010).

b. Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah mengambil masa antara 2 hingga 6 bulan untuk ditandatangani/diluluskan.

c. Tiada bukti menunjukkan pemantauan telah dibuat terhadap prestasi Ahli Lembaga Pengarah ARB yang turut dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah kepada subsidiari ARB.

Pada pendapat Audit, pihak Lembaga Pengarah ARB perlu memastikan kekerapan bermesyuarat ditetapkan dan meluluskan minit dalam tempoh masa yang sewajarnya serta mewujudkan polisi untuk menilai prestasi Ahli Lembaga Pengarah selaras dengan amalan terbaik yang digariskan dalam *The Green Book-Enhancing Board Effectiveness.*

65.4.3.4. Menurut Akta Syarikat 1965, Setiausaha Syarikat perlu dilantik bagi menguruskan hal kesetiausahaan syarikat. Bagi tujuan tersebut, ARB telah mewujudkan Unit Setiausaha Syarikat yang mempunyai 6 orang kakitangan diketuai oleh pegawai yang memiliki kelayakan yang bersesuaian sebagai Setiausaha Kumpulan Syarikat ARB. Semakan Audit terhadap urusan kesetiausahaan mendapati 42 bayaran *penalty for the late filing fee* berjumlah RM4,600 telah dikenakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kepada ARB. *Berdasarkan maklum balas, denda tersebut adalah berkaitan kelewatan pengemaskinian data Lembaga Pengarah kepada SSM berikutan kelewatan Lembaga Pengarah mengemukakan pengesahan kepada pihak syarikat.*

65.4.3.5. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa tersebut juga perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau seperti yang ditentukan oleh Pengerusinya. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan di ARB dan menjalankan fungsinya sebagaimana yang ditetapkan. Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat 3 kali pada tahun 2007; 2 kali pada tahun 2008; 3 kali pada tahun 2009 dan 2 kali pada tahun 2010 (sehingga bulan April). Selain daripada itu, pelaksanaan sebenar aktiviti pengauditan tahunan oleh Unit Audit Dalam mencapai peratusan antara 94.1% hingga 100.0% daripada keseluruhan perancangan yang ditetapkan.

65.4.3.6. Menurut Akta Syarikat 1965, Ahli Lembaga Pengarah berperanan untuk memantau segala tindakan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Semakan Audit terhadap pengurusan sumber manusia ARB mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

a. Terdapat perbezaan antara nisbah perjawatan sebenar dengan yang ditetapkan dalam buku belanjawan. Mulai belanjawan tahun 2007, ARB menetapkan nisbah kakitangan eksekutif dan bukan eksekutif adalah 60:40. Bagaimanapun setakat bulan September 2010, sebanyak 320 (66.3%) daripada 483 jawatan adalah terdiri daripada kakitangan eksekutif manakala 163 jawatan (33.7%) kakitangan bukan eksekutif. *Berdasarkan maklum balas, perubahan nisbah perjawatan pada dasarnya adalah terikat dengan keperluan semasa syarikat.*

b. Latihan merupakan elemen penting bagi memajukan kerjaya, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta produktiviti/kualiti kerja. Sungguhpun pada umumnya ARB telah menetapkan polisi berkaitan latihan dan menghantar kakitangannya menghadiri latihan di pelbagai bidang yang berkaitan sama ada di dalam dan luar negara, namun perbelanjaan tahunan sebenar bagi urusan tersebut hanyalah antara 37.4% hingga 52.3% daripada peruntukan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010.

65.4.3.7. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 antaranya menetapkan bahawa peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat perlu diperkemas dan diperketat bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Semakan Audit mendapati wujud kelemahan berhubung urusan pemberian wang pendahuluan kepada kakitangan. Berdasarkan rekod Lejar Am bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010, adalah didapati 7 bayaran pendahuluan berjumlah RM83,198 lewat dibayar balik melebihi tempoh setahun, di mana satu daripadanya yang berjumlah RM10,500 iaitu bagi bayaran pendahuluan wang syarikat kerana kesalahan pembahagian harta pusaka telah diambil tindakan hapus kira setelah tempoh melebihi 8 tahun.

65.4.3.8. Menurut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan langkah wajar diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur. Sehingga 31 Disember 2009, ARB mempunyai aset tetap berjumlah RM12.28 juta yang terdiri daripada kenderaan, perabot, komputer, kelengkapan dan peralatan pejabat. Terdapat 3 kategori aset di ARB iaitu aset yang dibeli sebelum tahun 2005, selepas tahun 2005 serta aset yang diterima dari Standard Chartered Bank (penyewa asal bangunan Ibu Pejabat ARB). Semakan Audit terhadap pengurusan aset mendapati beberapa kelemahan iaitu seperti aset tidak digunakan langsung/digunakan secara optimum, tidak dapat dikesan, usang, pemeriksaan fizikal tidak dibuat, lokasi penyimpanan aset tidak sesuai/selamat serta aset tidak dilabelkan dan tidak direkodkan dengan teratur. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 65.24
KELEMAHAN YANG DIPERHATIKAN BERHUBUNG PENGURUSAN ASET

KELEMAHAN PENGURUSAN ASET	JENIS ASET	LOKASI ASET	PENJELASAN RINGKAS BERHUBUNG KELEMAHAN
Tidak Digunakan Langsung/Tidak Diguna Secara Optimum	2 Buah Bangunan Kilang 3 Tingkat dibeli pada tahun 2003 dengan kos RM1.34 juta.	Ibu Pejabat	Pengosongan bangunan wujud sejak bulan Oktober 2005 apabila subsidiari ARB iaitu AmanahRaya Hartanah Sdn. Bhd. berpindah ke bangunan baru. Bagaimanapun selepas 5 tahun ARB mengeluarkan memo arahan pada 25.10.2010 bagi menyimpan dokumen Ibu Pejabat.
	• Set Peralatan di Pejabat Pegawai Pengurusan • 5 *Workstation*	Cawangan Kota Bharu	Aset tidak digunakan **(Gambar 65.1** dan **65.2)**. Pihak Audit dimaklumkan pembelian adalah berdasarkan keperluan akan datang.
	37 Jenis Barangan Promosi, Bahan Bercetak serta Cenderahati Korporat	Ibu Pejabat	Barangan tidak dapat digunakan lagi kerana kebanyakannya masih tertera logo lama. Semasa lawatan kali kedua, kebanyakan barang tersebut telah dilupuskan serta kiraan baki terkini telah dibuat.
Tidak Dapat Dikesan	6 Aset antaranya Projektor dan Kamera bernilai RM44,772	Ibu Pejabat, Cawangan Pulau Pinang, Shah Alam Dan Kota Bharu	Aset tidak dapat dikesan. Berdasarkan maklum balas, ARB sedang dalam tindakan melupuskan dan terdapat maklumat pelupusan yang tidak dikemas kini.
Aset Usang	Peralatan Pejabat	Cawangan Pulau Pinang	Aset usang masih disimpan dan belum dilupuskan. **(Gambar 65.3** dan **65.4)**

KELEMAHAN PENGURUSAN ASET	JENIS ASET	LOKASI ASET	PENJELASAN RINGKAS BERHUBUNG KELEMAHAN
Aset Usang	2 Aset Bernilai RM15,004	Ibu Pejabat, Cawangan Pulau Pinang, Shah Alam Dan Kota Bharu	Aset telah rosak/usang.
Pemeriksaan Fizikal Tidak Dibuat	Barangan Promosi	Ibu Pejabat	Kali terakhir kiraan baki barangan pada Oktober 2009.
Lokasi Penyimpanan Tidak Sesuai/ Selamat	Barangan Promosi	Cawangan Kota Bharu, Pulau Pinang Dan Shah Alam	Barangan tersebut hanya diletakkan di luar kawasan bilik stor serta kawasan terbuka. **(Gambar 65.5** hingga **65.8)**
Aset Tidak Diberi Nombor Siri Yang Standard/ Tiada Label	Aset Yang Dibeli Sebelum Tahun 2005	Ibu Pejabat	Tiada nombor siri yang standard diberikan.
	5 Aset Bernilai RM9,597	Cawangan Pulau Pinang, Shah Alam Dan Kota Bharu	Aset tidak dilabelkan.
Perekodan Aset Tidak Teratur	Aset Yang Diterima Dari Standard Chartered Bank	Ibu Pejabat	Butiran aset tidak dicatatkan dalam daftar.
	Barangan Promosi	Ibu Pejabat, Cawangan Pulau Pinang, Shah Alam Dan Kota Bharu	Daftar Pergerakan Keluar Masuk Barangan tidak dikemas kini di mana tidak sama dengan baki fizikal.

GAMBAR 65.1



Cawangan ARB Kota Bharu
- Aset Pejabat Pegawai Pengurusan Tidak Digunakan
(07.11.2010)

GAMBAR 65.2



Cawangan ARB Kota Bharu
- Workstation Yang Tidak Digunakan
(07.11.2010)

GAMBAR 65.3



Cawangan ARB Pulau Pinang
- Aset Usang Belum Dilupuskan
(09.11.2010)

GAMBAR 65.4



Cawangan ARB Pulau Pinang
- Aset Usang Belum Dilupuskan
(09.11.2010)

GAMBAR 65.5



Ibu Pejabat ARB
- Barangan Bagi Tujuan Sumbangan Diletakkan Di Ruang Terbuka
(04.11.2010)

GAMBAR 65.6



Cawangan ARB Pulau Pinang
- Barangan Promosi Diletakkan Secara Terbuka Di Bilik Fail
(09.11.2010)

GAMBAR 65.7



Cawangan ARB Pulau Pinang
- Barangan Promosi Disimpan Di Ruang Terbuka
(09.11.2010)

GAMBAR 65.8



Cawangan ARB Shah Alam
- Barangan Promosi Diletakkan Secara Terbuka
(22.11.2010)

Pada pendapat Audit, pengurusan Aset ARB adalah kurang memuaskan dan perlu diambil tindakan segera dengan memastikan rekod aset dikemas kini dari semasa ke semasa serta mengambil tindakan pelupusan bagi memastikan keselamatan harta syarikat adalah terjamin.

65.4.4. Pengurusan Subsidiari

65.4.4.1. ARB mempunyai 23 subsidiari milik penuh di mana 10 daripadanya adalah aktif, manakala 13 lagi berstatus dorman. Selain itu, ARB juga mempunyai 6 sub-subsidiari di mana 4 daripadanya adalah dorman. Keuntungan bersih semasa secara keseluruhan bagi subsidiari pada tahun 2009 adalah berjumlah RM4.41 juta menurun sebanyak 65.9% berbanding tahun 2008 yang mencatat keuntungan bersih secara keseluruhan berjumlah RM12.95 juta. Manakala pada tahun 2007, jumlah keuntungan bersih semasa secara keseluruhan adalah jauh lebih tinggi iaitu berjumlah RM41.52 juta. Pada tahun 2009, sebanyak 13 (59.1%) subsidiari mengalami kerugian bersih semasa berjumlah RM20.26 juta. Analisis terhadap kedudukan kewangan keseluruhan sub-subsidiari pula menunjukkan keuntungan bersih semasa pada tahun 2009 adalah berjumlah RM1.25 juta menurun sebanyak 53.7% berbanding tahun 2008 yang mencatat keuntungan RM2.70 juta. Selain itu, 4 daripada 6 (66.7%) sub-subsidiari mengalami kerugian semasa di mana 5 daripadanya tidak aktif.

Kedudukan kewangan subsidiari dan sub-subsidiari bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.25
SUBSIDIARI AMANAH RAYA BERHAD

STATUS	NAMA SYARIKAT	AKTIVITI PERNIAGAAN	MODAL BERBAYAR (RM)	PERATUS PEGANGAN EKUITI ARB	UNTUNG/(RUGI) SEMASA		
					2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
Aktif	AmanahRaya Trustees Bhd.	*Trustees for unit trust schemes*	2,000,000	100*	5,511,394	8,596,962	10,624,768
Aktif	AmanahRaya Capital Group Sdn. Bhd.	-	2	100	444,338	974,519	2,608,928
Aktif	AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd. (Nama Lama - AmanahRaya-JMF Asset Management Sdn. Bhd.)	*Managers Of Portfolio Investment And Dealers In Shares, Stock And Debentures*	10,000,000	100	3,804,348	2,886,836	1,245,843
Dorman	AmanahRaya Ventures Sdn. Bhd.	*Unit Trust Management Services*	15,000,000	100	(91,531)	530,509	(137,984)
Aktif	Amanah Raya Capital Sdn. Bhd.	*Financing Services*	1,000,000	100	5,612,810	(5,080,726)	(4,977,801)
Dorman	AmanahRaya Private Equities Sdn. Bhd.	*Vendors And Purchaser Of And Dealers In Portfolios Units*	2	100	(773)	(1,593)	(4,037)
Dorman	AmanahRaya Corporate Advisory Sdn. Bhd.	*To Act As Corporate Advisers And Consultant, General Advisers And To Provide Consultancy Services*	2	100	(723)	(1,571)	(3,929)
Dorman	AmanahRaya Modal Sdn. Bhd.	*Act As Corporate Advisers And Consultants And To Assist Management To Advance The Business And Increasing Profitability*	2	100	(816)	908,714	1,296,371
Dorman	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	*To Act As Nominees, Agent Or Trustee For Malaysian Beneficial Owners Of Stocks, Shares, Bank Debentures, Loan Stock And Others Securities*	50,000	100	1,336,991	3,452,203	2,693,614
Dorman	Amanah Raya Nominees (Asing) Sdn. Bhd.	*To Act As Nominees, Agent Or Trustee For Foreign Beneficial Owners Of Stocks, Shares, Bank Debentures, Loan Stock, Obligations And Others Securities*	2	100	(2,036)	909,313	1,296,071
Aktif	Amanah Raya (Labuan) Limited	*Custodian And Trust Services (Offshore Company)*	152,000	100	5,117,501	2,961,245	3,037,925
Aktif	AmanahRaya Legacy Services Sdn. Bhd.	*Legacy Management Services*	250,000	100	(413,041)	2,117,610	1,480,394
Aktif	AmanahRaya Hartanah Sdn. Bhd.	*Consultants Of Property And To Purchase And Develop The Property*	2	100	725,516	590,175	263,588
Dorman	AmanahRaya Properties Sdn. Bhd.	*Property Investment, Developers And Building Contractors*	2	100	364,573	792,884	126,616
Dorman	AmanahRaya Project Management Sdn. Bhd.	*Builders, Contractors And Project Management*	2	100	(778)	(1,571)	(3,929)
Aktif	AmanahRaya Development Sdn. Bhd.	*Property Management*	1,000,000	100	6,271,227	2,494,735	(6,626,321)

STATUS	NAMA SYARIKAT	AKTIVITI PERNIAGAAN	MODAL BERBAYAR (RM)	PERATUS PEGANGAN EKUITI ARB	UNTUNG/(RUGI) SEMASA		
					2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
Dorman	AmanahRaya Holdings Berhad	-	2	100	(1,239)	(1,000)	(1,045)
Dorman	Prelude Synergy Sdn. Bhd.	-	2	100	-	(2,300)	(845)
Dorman	Tapak Metro Sdn. Bhd.	-	2	100	-	(2,300)	(855)
Aktif	Amanahraya-REIT Managers Sdn. Bhd.	*Management Company Of A Unit Trust Scheme Which Is A Property Trust Fund Or Real Estate Investment Trust*	1,500,000	100	-	-	(103,333)
Dorman	Abraj Sdn. Bhd.	*To Purchase/Acquire For Investment/Resale In Land, House, Plantation And Others Property Of Any Tenure*	2	50	-	-	(3,427)
Aktif	AmanahRaya Investment Bank Ltd.	*Offshore Bank*	8,827,255**	100	12,880,512	(9,184,964)	(8,391,584)
Dorman	AmanahRaya Asset Management (Labuan) Ltd.	*Fund Management*	136,986**	100	(35,814)	11,388	(9,873)
JUMLAH					**41,522,099**	**12,951, 068**	**4,409,155**

Nota: ***(*) - Peratus Pegangan Secara Kumpulan***
(**) - Nilai Dalam USD

JADUAL 65.26
SUB-SUBSIDIARI AMANAH RAYA BERHAD

STATUS	NAMA SYARIKAT	AKTIVITI PERNIAGAAN	MODAL BERBAYAR (RM)	SUBSIDIARI PEMEGANG SAHAM	UNTUNG/(RUGI) SEMASA		
					2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
Aktif	Klang Valley Recreation Berhad	*Investment In Properties And Development Of Project*	1,000,000	AmanahRaya Development Sdn. Bhd. (100%)	(2,800)	2,469,849	(3,502,430)
Dorman	AmanahRaya-JMF Capital Sdn. Bhd.	-	2	AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd. (100%)	551	(180)	(7,218)
Dorman	AmanahRaya-JMF Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	-	2	AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd. (100%)	(4,650)	(5,169)	(7,822)
Dorman	AmanahRaya-JMF Margin Sdn. Bhd.	-	250,000	AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd. (100%)	1,649	(66)	(6,440)
Aktif	Everest Point Sdn. Bhd.	*Property Development*	5,000,000	Klang Valley Recreation Berhad (100%)	TB	241,974	4,781,418
Dorman	Magic Coast Sdn. Bhd. (Menjadi sub-subsidiari pada tahun 2010)	*Property Development*	3,000,000	AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd. (100%)	TB	TB	TB
JUMLAH					**(5,250)**	**2,706,408**	**1,257,508**

Nota: ***TB - Tidak Berkenaan***

65.4.4.2. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menyatakan bahawa semua Kumpulan Syarikat yang mempunyai keuntungan pada sesuatu tahun perlu mengemukakan cadangan pembayaran dividen kepada Kementerian Kewangan dan juga memastikan syarikat subsidiari membayar dividen kepada syarikat induk. Sekiranya tidak berbuat demikian, alasan yang munasabah perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, adalah didapati sebanyak 5, 9 dan 2 subsidiari yang mencatat keuntungan pada tahun 2007, 2008 dan 2009 masing-masingnya tidak membuat bayaran dividen kepada ARB bagi 3 tahun berkenaan. Manakala 2 sub-subsidiari yang mencatat keuntungan sama ada pada tahun 2008 atau 2009 tidak membuat bayaran dividen kepada subsidiari ARB yang berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 65.27
KEDUDUKAN PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH SUBSIDIARI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

NAMA SUBSIDIARI	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI			PEMBAYARAN DIVIDEN BAGI TAHUN KEWANGAN		
	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
AmanahRaya Trustees Berhad	5,511,394	8,596,962	10,624,768	9,109,400	13,000,000	14,000,000
AmanahRaya Capital Group Sdn. Bhd.	444,338	974,519	2,608,928	-	-	5,100,000
AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd. (Nama Lama - Amanahraya-JMF Asset Management Sdn. Bhd.)	3,804,348	2,886,836	1,245,843	1,110,000	1,575,000	-
Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	1,336,991	3,452,203	2,693,613	1,850,000	5,600,000	2,600,000
AmanahRaya Hartanah Sdn. Bhd.	725,516	590,175	263,588	-	-	-
AmanahRaya Properties Sdn. Bhd.	364,573	792,884	126,616	272,276	-	350,000
Amanah Raya (Labuan) Limited	5,117,500	2,961,245	3,037,925	4,084,000	3,324,000	2,432,000
AmanahRaya Ventures Sdn. Bhd.	(91,531)	530,509	(137,984)	-	-	-
Amanah Raya Capital Sdn. Bhd.	5,612,810	(5,080,726)	(4,977,801)	-	-	-
AmanahRaya Investment Bank Ltd.	12,880,512	(9,184,964)	(8,391,584)	-	-	-
AmanahRaya Asset Management (Labuan) Ltd.	(35,814)	11,388	(9,873)	-	-	-
AmanahRaya Modal Sdn. Bhd.	(816)	908,714	1,296,371	-	-	3,500,000
Amanah Raya Nominees (Asing) Sdn. Bhd.	(2,036)	909,313	1,296,071	-	-	3,490,000
AmanahRaya Legacy Services Sdn. Bhd.	(413,041)	2,117,610	1,480,394	-	-	4,500,000
AmanahRaya Development Sdn. Bhd.	6,271,227	2,494,736	(6,626,321)	-	-	-

JADUAL 65.28
KEDUDUKAN PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH SUB-SUBSIDIARI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007, 2008 DAN 2009

NAMA SUB-SUBSIDIARI	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI			PEMBAYARAN DIVIDEN BAGI TAHUN KEWANGAN		
	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
Klang Valley Recreation Berhad	-	2,469,848	(3,502,428)	-	-	-
Everest Point Sdn. Bhd.	-	-	5,874,322	-	-	-

65.4.4.3. Berdasarkan surat Kementerian Kewangan bertarikh 30 Januari 2007, sekurang-kurangnya seorang wakil Kementerian Kewangan perlu dilantik sebagai Lembaga Pengarah bagi subsidiari ARB yang aktif dan menyumbang pendapatan yang signifikan kepada ARB. Semakan Audit mendapati daripada 13 subsidiari yang aktif/menjana pendapatan dari aktiviti perniagaan, hanya 3 subsidiari mempunyai wakil Kementerian Kewangan sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

65.5. SYOR AUDIT

Visi Amanah Raya Berhad (ARB) untuk terus unggul sebagai sebuah institusi yang menawarkan perkhidmatan profesional dalam bidang pengamanahan dan pengurusan perwarisan yang memenuhi kepuasan pelanggan dan tanggungjawab sosial tidak mungkin dapat dicapai sekiranya kelemahan khususnya pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan tidak diperbetulkan segera. Sehubungan ini, adalah disyorkan pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

65.5.1. Pengurusan ARB perlu menyediakan sistem kawalan dan pemantauan yang baik terutamanya bagi aktiviti pengurusan wasiat memandangkan ia dilaksanakan oleh pihak subsidiari. Selain itu, pengemaskinian rekod perlu diberi keutamaan kerana ia merupakan satu kawalan bagi pemantauan yang berkesan.

65.5.2. Pengurusan ARB perlu memastikan pematuhan terhadap prosedur yang diluluskan dengan mewujudkan mekanisme penyeliaan berkala dalam prosedur kualiti, pengurusan rekod fail yang teratur serta menetapkan mekanisme penyeliaan bagi setiap proses kerja. Selain itu, sistem teknologi maklumat yang komprehensif perlu digunakan bagi membantu mencapai objektifnya iaitu untuk menjadi sebuah institusi yang menawarkan perkhidmatan profesional dalam bidang pentadbiran harta pusaka, amanah dan wasiat.

65.5.3. Lembaga Pengarah ARB perlu mewujudkan polisi untuk menilai prestasi Ahli Lembaga Pengarah selaras dengan amalan terbaik yang digariskan dalam *The Green Book-Enhancing Board Effectiveness*.

65.5.4. Pengurusan ARB mengemukakan Laporan Kewangan Akaun Kumpulan Wang Bersama dan Akaun Pusat Pusaka secara berkala kepada Menteri Yang Dipertanggungjawabkan dan pihak Menteri Kewangan Diperbadankan bagi meningkatkan tahap akauntabiliti dan memudahkan pemantauan pihak terlibat.

66. RUMUSAN TERHADAP PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN SECARA MENYELURUH

Berdasarkan kepada analisis terhadap prestasi kewangan syarikat Kerajaan secara menyeluruh, didapati sebilangan syarikat telah menunjukkan prestasi yang baik dan mencatat keuntungan secara berterusan. Bagaimanapun, masih ada sebilangan syarikat yang tidak menunjukkan prestasi yang boleh dibanggakan di mana ada yang rugi berterusan setiap tahun ataupun memperolehi keuntungan yang tidak konsisten. Ini mengakibatkan sebilangan besar syarikat tidak dapat memberi pulangan yang dijangkakan oleh Kerajaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian Kewangan mempertingkatkan pemantauan terhadap pengurusan syarikat Kerajaan bagi memastikan matlamat Kerajaan mewujudkan syarikat tersebut dapat dicapai. Selain itu, wakil Kementerian Kewangan dalam semua Lembaga Pengarah syarikat perlu mengemukakan Laporan Prestasi Pengurusan ke Bahagian Menteri Kewangan Diperbadankan untuk dianalisis. Bagi membolehkan wakil Kerajaan menjalankan tugasnya dengan berkesan, keahlian mereka dalam Lembaga Pengarah syarikat dihadkan selaras dengan kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985. Pemilihan wakil Kerajaan juga perlu berdasarkan kepada pengalaman dan kepakaran mereka berkaitan dengan urusan syarikat.

BAHAGIAN III

PENGAUDITAN KHAS ATAS PERMOHONAN KEMENTERIAN/AGENSI LAIN

BAHAGIAN III
PENGAUDITAN KHAS ATAS PERMOHONAN KEMENTERIAN/AGENSI LAIN

Dari semasa ke semasa, Jabatan Audit Negara telah menerima permohonan daripada beberapa pihak tertentu supaya menjalankan pengauditan khas untuk mengesahkan tuntutan atau pembayaran kepada syarikat Kerajaan. Pada tahun 2010, Jabatan ini telah menerima permohonan dari 3 Kementerian iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya untuk mengesahkan tuntutan/pembayaran 4 syarikat iaitu Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB); MARDEC Berhad; MASwings Sdn. Bhd. dan Lingkaran Trans Kota Sendirian Berhad. Hasil pengesahan tuntutan/pembayaran 4 syarikat tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian terlibat untuk tindakan. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

67. PENGESAHAN TERHADAP BAKI PERUNTUKAN KHAS YANG DISALURKAN KEPADA SYARIKAT MARDEC BERHAD

Kementerian Kewangan pada 6 April 2010 telah memohon kerjasama Jabatan Audit Negara untuk mengesahkan status baki peruntukan khas berjumlah RM63.97 juta yang disalurkan kepada Syarikat MARDEC Bhd. (MARDEC) pada tahun 1981. MARDEC telah ditubuhkan pada 29 April 1971 sebagai sebuah syarikat Kerajaan dengan matlamat utama untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui peningkatan mutu teknikal getah yang dikeluarkan dan memperbaiki saluran pemasaran getah ke seluruh dunia. Kementerian Kewangan pada 17 Mac 2010 telah memutuskan supaya MARDEC memulangkan baki peruntukan khas berjumlah RM63.97 juta yang disalurkan kepada MARDEC pada tahun 1981.

67.1. Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada MARDEC telah menggunakan baki peruntukan khas RM63.97 juta sebagai perbelanjaan untuk melaksanakan aktiviti pembelian dan penjualan getah. Hasil pengauditan mendapati perkara berikut:

a. Bagi tempoh tahun 1981 hingga 2008, MARDEC masih melaksanakan aktiviti pembelian dan penjualan getah daripada pekebun kecil.

b. Bagi tempoh tahun 1981 hingga 1999, sejumlah RM115.87 juta telah dibelanjakan oleh MARDEC untuk membiayai aktiviti pembelian dan penjualan getah.

c. Berdasarkan perkiraan Audit bagi tempoh tahun 1981 hingga 1989 sejumlah RM63.97 juta telah dibelanjakan bagi pembelian aset di mana ia merupakan

sebahagian daripada perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh syarikat untuk membiayai aktiviti pembelian dan penjualan getah.

d. Syarat dalam *Sale and Purchase of Shares Agreement* untuk membantu pekebun kecil telah dipatuhi oleh MARDEC setakat bulan Jun 2010.

e. Analisis lanjut mendapati surat ikatan amanah bagi penubuhan Yayasan MARDEC hanya dapat dimuktamadkan pada 21 Jun 2010. Pada pendapat Audit, syarat yang ditetapkan telah dipatuhi oleh MARDEC. Bagaimanapun, jumlah keseluruhan yang perlu diperuntukkan mengikut perkiraan Audit adalah RM681,170 berbanding RM680,000 yang telah diperuntukkan oleh MARDEC. Kementerian yang terlibat perlu memastikan dana berjumlah RM681,170 yang perlu diperuntukkan untuk Yayasan MARDEC diagihkan sepenuhnya kepada akaun Yayasan dan memantau pengurusan akaun tersebut melalui wakil Kerajaan yang dilantik. Selain itu, Kementerian Kewangan perlu memastikan semua obligasi yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi secara berterusan walaupun berlaku perubahan pemegang saham MARDEC.

67.2. *Berdasarkan maklum balas, Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya baki peruntukan khas berjumlah RM63.97 juta yang disalurkan kepada MARDEC pada bulan Ogos 1981 diklasifikasikan sebagai geran langsung.*

68. PENGESAHAN TERHADAP BAYARAN *USER FEE* OLEH MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BERHAD BAGI TEMPOH 1 APRIL 2009 HINGGA 31 DISEMBER 2009

Kementerian Kewangan pada 25 Mei 2010 telah memohon kerjasama Jabatan Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap bayaran bersih *User Fee* dan tuntutan *Marginal Cost Support* (MARCS) bagi *Express Rail Link* (ERL), *Passenger Service Charge* (PSC) dan *Landing Rebate* (AERO) oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada Kerajaan Malaysia bagi tahun 2009.

68.1. MAHB telah ditubuhkan sebagai syarikat awam berhad pada tahun 1991, iaitu selepas Parlimen memutuskan operasinya diasingkan daripada Jabatan Penerbangan Awam (DCA). DCA dipertanggungjawabkan sebagai agensi yang mengawal selia industri penerbangan manakala MAHB merupakan entiti baru yang diwujudkan bertanggungjawab terhadap operasi, pengurusan, penyenggaraan serta pembangunan lapangan terbang. Sebagai syarikat induk, MAHB mempunyai 11 subsidiari yang menawarkan pelbagai perkhidmatan dan produk berkaitan dengan industri penerbangan. Jemaah Menteri pada 8 Ogos 2007 dan 12 Disember 2008 telah bersetuju supaya penstrukturan semula MAHB dilaksanakan bagi memastikan MAHB adalah *commercially viable* sebagai *operator* lapangan terbang manakala Kerajaan Malaysia pula bertanggungjawab ke atas pembangunan lapangan terbang. Sehubungan itu, Perjanjian Operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (OA KLIA) telah dimuktamadkan dan ditandatangani

antara Kerajaan Malaysia dengan MAHB serta Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd. pada 12 Februari 2009.

68.2. Pengauditan ini bertujuan mengesahkan bayaran *User Fee* oleh MAHB kepada Kerajaan Malaysia bagi tempoh 1 April hingga 31 Disember 2009 sebagai balasan diberi lesen dan *Operational Rights* di Kuala Lumpur International Airport (KLIA) serta untuk mengesahkan kedudukan tuntutan MAHB untuk MARCS ERL, PSC dan AERO bagi tahun 2009. Hasil pengauditan mendapati pada umumnya, pendapatan dan perbelanjaan yang diambil kira dalam pengiraan bayaran *User Fee* selepas pelarasan kepada Kerajaan bagi tempoh 1 April 2009 hingga 31 Disember 2009 adalah teratur. Bagaimanapun, berdasarkan perkiraan Audit, pihak MAHB perlu membayar *user fee* kepada Kerajaan berjumlah RM68 juta. MAHB telah terkurang mengira *user fee* berjumlah RM2.59 juta kepada Kerajaan. Manakala Kerajaan pula perlu membayar kepada MAHB sejumlah RM140.60 juta yang merupakan tuntutan MARCS PSC dan MARCS AERO. MAHB telah terkurang menuntut MARCS PSC dan AERO berjumlah RM3.39 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 68.1
BAYARAN *USER FEE* DAN TUNTUTAN MARCS BAGI TEMPOH 1 APRIL 2009 HINGGA 31 DISEMBER 2009 OLEH MAHB

BUTIRAN	PERKIRAAN MAHB (RM Juta)	PERKIRAAN AUDIT (RM Juta)	KETERANGAN
BAYARAN BERSIH *USER FEES* KEPADA KERAJAAN			
BAYARAN *USER FEES*	104.22	106.81	*User Fee* **terkurang** bayar kepada Kerajaan RM2.59 juta.
MARCS ERL	38.81	38.81	Tiada perbezaan.
BAYARAN *USER FEES* BERSIH	**65.41**	**68.00**	**Bayaran Bersih Terkurang Kepada Kerajaan RM2.59 juta.**
TUNTUTAN MARCS DARIPADA KERAJAAN			
MARCS PSC	71.94	73.10	MARCS PSC yang **sepatutnya** dituntut daripada Kerajaan adalah RM73.10 juta. Terkurang tuntut RM1.16 juta.
MARCS AERO	65.27	67.50	MARCS AERO yang **sepatutnya** dituntut daripada Kerajaan adalah RM67.50 juta. Terkurang tuntut RM2.23 juta.
JUMLAH	**137.21**	**140.60**	**Jumlah Sepatut Dituntut Oleh MAHB Daripada Kerajaan bagi MARCS PSC dan MARCS AERO adalah berjumlah RM140.60 juta.**

68.3. SYOR AUDIT

Sehubungan ini, adalah disyorkan pihak Kerajaan sentiasa memastikan MAHB memberi perhatian kepada perkara berikut untuk perkiraan tuntutan bayaran *User Fee*:

68.3.1. Setiap pendapatan yang tertakluk kepada pengiraan *User Fee* perlu diambil kira dengan tepat dan teratur.

68.3.2. Semua tuntutan MARCS dibuat adalah bagi tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian OA KLIA.

68.3.3. Pihak MAHB menetapkan suatu tempoh apabila membuat tuntutan MARCS PSC bagi mengelakkan sebarang pertindihan tuntutan berlaku.

69. PENGESAHAN TERHADAP TUNTUTAN SUBSIDI DAN INSENTIF OLEH MASWINGS SDN. BHD.

Kementerian Pengangkutan pada bulan Mac 2010 telah memohon kerjasama Jabatan Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap tuntutan subsidi dan insentif sejumlah RM42.24 juta oleh MASwings Sdn. Bhd. bagi melaksanakan perkhidmatan *Rural Air Services* (RAS) di kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak bagi tahun kewangan 2009. Pengiraan subsidi dan insentif bagi perkhidmatan RAS adalah berdasarkan *Agreement for Rural Air Services* (Perjanjian RAS) yang ditandatangani antara Kementerian Pengangkutan mewakili Kerajaan Malaysia dan MASwings Sdn. Bhd. pada 3 Julai 2008 iaitu selepas 10 bulan RAS beroperasi. Pada umumnya, pendapatan dan perbelanjaan yang diambil kira dalam Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2009 berkaitan pengendalian operasi RAS adalah teratur. Berdasarkan pengiraan Audit, Kerajaan perlu membayar kepada MASwings sejumlah RM42.24 juta sebagai subsidi dan insentif bagi tahun 2009. Bagaimanapun, tiada pelarasan signifikan yang perlu dibuat.

70. PENGESAHAN TERHADAP PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA LINGKARAN TRANS KOTA SDN. BHD. (LEBUHRAYA DAMANSARA - PUCHONG)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Ogos 2003 telah bersetuju melantik Jabatan Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap prestasi dan kedudukan kewangan syarikat konsesi lebuhraya bertol bertujuan mengesahkan antaranya kos operasi dan keuntungan/kerugian syarikat. Pengauditan ini dijalankan berdasarkan kepada Lembaran Imbangan, Penyata Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai serta rekod berhubung dengan jumlah trafik dan tol yang dipungut oleh syarikat berkenaan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan telah dibuat terhadap Syarikat Konsesi Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd. (Lebuhraya Damansara-Puchong) dengan mengesahkan kedudukan kewangan, kos operasi dan keuntungan/kerugian syarikat tersebut. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

70.1. Kerja penyenggaraan di Lebuhraya Damansara-Puchong telah dilaksanakan dengan baik dan memuaskan seperti yang ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi.

70.2. Pendapatan daripada operasi telah meningkat daripada RM255.82 juta pada tahun 2007 kepada RM293.03 juta pada tahun 2008 dan terus meningkat kepada RM297.54 juta pada tahun 2009. Untung bersih syarikat juga menunjukkan peningkatan daripada RM79.12 juta pada tahun 2007 kepada RM114.08 juta pada tahun 2009. Peningkatan keuntungan bersih didorong oleh peningkatan dalam kutipan tol Lebuhraya Damansara-Puchong dan bayaran pampasan tol akibat

pengenaan bayaran tol oleh Kerajaan adalah lebih rendah daripada yang disediakan di dalam Perjanjian Konsesi. Bagaimanapun, perbelanjaan keseluruhan syarikat pada tahun 2008 juga mencatat peningkatan iaitu RM74.27 juta berbanding hanya RM54.58 juta yang dicatatkan pada tahun 2007.

70.3. Jumlah kutipan tol telah meningkat RM5.55 juta menjadi RM262.49 juta pada tahun 2009 berbanding RM256.94 juta pada tahun 2008. Jumlah trafik yang menggunakan LDP juga meningkat sebanyak 4.22 juta buah kenderaan atau 2.7% berbanding tahun 2008. Bagaimanapun pencapaian jumlah aliran trafik bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 adalah lebih rendah daripada jumlah unjuran bagi aliran trafik iaitu di antara 69.3% hingga 71.1%.

71. RUMUSAN

Pengesahan yang dijalankan pada tahun 2010 terhadap tuntutan/pembayaran untuk 4 syarikat yang mempunyai kepentingan Kerajaan atas permohonan Kementerian terlibat telah dapat membantu Kementerian berkenaan dalam membuat keputusan mengenai isu operasi dan juga isu kewangan. Di samping itu, pengesahan ini juga dapat meningkatkan peranan Jabatan Audit Negara dalam menyumbang ke arah ketetapan dan ketelusan perbelanjaan Kerajaan.

BAHAGIAN IV

KEDUDUKAN TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/JABATAN/SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TERHADAP SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2008 DAN 2009

- KEDUDUKAN SETAKAT 30 APRIL 2011

BAHAGIAN IV

KEDUDUKAN TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/JABATAN/SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TERHADAP SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2008 DAN 2009 - KEDUDUKAN SETAKAT 30 APRIL 2011

72. PENDAHULUAN

Bagi membantu Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2008 dan 2009, sebanyak 424 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapati setakat 30 April 2011, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan telah mengambil tindakan terhadap 172 (98.9%) daripada 174 syor yang dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2008. Bagi tahun 2009 pula, sebanyak 220 (88%) daripada 250 syor telah diambil tindakan susulan. Bagi 32 syor lagi, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang berkenaan belum mengambil tindakan susulan dan butirannya adalah seperti di Perenggan 75 dan 76. Sehubungan ini, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan segera bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor yang telah diberi oleh pihak Audit.

73. TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL TERHADAP SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008

73.1. KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
- Pengurusan Aktiviti Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Demam Denggi

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Pada tahun 2005, Kementerian berhasrat untuk membeli *Motor Cycle Fogging Machine* bagi kegunaan *fogging* khususnya di tempat yang sukar dimasuki oleh kenderaan bersaiz besar. Bagi tujuan *pilot project,* peruntukan berjumlah RM200,000 telah diberikan kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Pahang. Bagaimanapun, hanya JKN Johor telah membeli sebuah motosikal tersebut dengan harga RM39,950. Pihak Audit mendapati motosikal ini tidak digunakan kerana tidak mendapat kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk kegunaan di jalan raya.	Kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan belum diperolehi kerana pembekal masih belum mengemukakan dokumen yang berkaitan. Sementara menunggu dokumen berkaitan dan mengelakkan pembaziran, JKN Johor telah mengarahkan motosikal tersebut digunakan di tempat yang bersesuaian.

73.2. KEMENTERIAN DALAM NEGERI

- ***Pembinaan Dan Pengurusan Kompleks Kementerian Dalam Negeri Di Negeri Perak***

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Secara keseluruhannya, ketujuh-tujuh jabatan yang ditempatkan di Kompleks Kementerian Dalam Negeri di Negeri Perak menghadapi 53.2% kekurangan ruang pejabat disebabkan peluasan program/aktiviti jabatan dan seterusnya melibatkan pertambahan jawatan yang ketara.	Kertas cadangan mengubah suai ruang letak kereta untuk dijadikan ruang pejabat tambahan telah dikemukakan semula kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) oleh Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Perak (Agensi Penyelaras Kompleks KDN) pada 11 Februari 2011. Bagaimanapun, KDN masih belum memberi maklum balas terhadap kertas cadangan ini.

74. TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL TERHADAP SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009

74.1. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

- ***Pengurusan Tunggakan Cukai***

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	a. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) tidak mengenakan kenaikan cukai terhadap 39 pembayar cukai di 4 cawangan LHDN yang tidak/kurang/lewat membayar cukai berjumlah RM6.49 juta.	Seorang pembayar cukai belum dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM0.3 juta.
	b. Kenaikan cukai berjumlah RM1.62 juta tidak dikenakan terhadap 32 pembayar cukai yang tidak/lewat/kurang menjelaskan bayaran ansuran.	Seorang pembayar cukai masih belum dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM15,650.
	c. Sebelas syarikat di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur telah mengemukakan anggaran cukai kurang 30% daripada cukai yang sebenar tetapi kenaikan cukai berjumlah RM0.67 juta tidak dikenakan terhadap syarikat berkenaan.	Satu syarikat masih belum dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM12,203.

74.2. KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

- ***Projek Pengeluaran Padi Di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu***

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Masalah kekurangan bekalan air berlaku di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (AIDA) Terengganu Utara (KETARA) di mana sistem pengairan tidak berfungsi dengan optimum ketika musim kemarau kerana Ampang Jajar yang sedia ada tidak dapat menakung bekalan air dengan sempurna. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kementerian telah mengambil tindakan untuk membina Ampang Jajar Besut Baru pada tahun 2009 bagi menggantikan Ampang Jajar sedia ada. Kontrak bernilai RM78.52 juta sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Februari 2011.	Pembinaan Empangan Ampang Jajar Besut Baru sedang dilaksanakan. Prestasi kemajuan fizikal projek adalah pada tahap 85.6%.

74.3. KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

74.3.1 *Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	a. Semakan Audit mendapati kemajuan kerja pada 16 Disember 2009 bagi Fasa 1 dan 2 adalah 97.6% manakala bagi Fasa 3 adalah 99.6%. b. Kerja-kerja Fasa 1 hingga 3 dan Projek Pengalihan dan Pembinaan Semula Bangunan TUDM yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual dan kontraktor telah diluluskan lanjutan masa selama 10 bulan iaitu sehingga 14 Oktober 2010.	Kemajuan kerja Fasa 1 dan 2 masih pada tahap 97.6%. Lanjutan masa kedua telah diluluskan oleh Kementerian Pengangkutan pada 21 Disember 2010 selama 212 hari sehingga 14 Mei 2011. Justifikasi kelulusan lanjutan masa antaranya adalah ketidakupayaan kontraktor menyiapkan projek disebabkan faktor di luar kawalan kontraktor selaras dengan *Section 44.7* syarat kontrak. Kemajuan kerja setakat 21 Mac 2011 adalah pada tahap 95.5%.

74.3.2. JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA
- Projek Marina Awam

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Sesuatu projek perlu terus dimanfaatkan sebaik sahaja disiapkan bagi mendapat *value for money* terhadap perbelanjaannya. Semakan Audit mendapati 4 marina hanya mula beroperasi antara tempoh satu hingga 7 bulan selepas ia disiapkan. Manakala Marina Kuala Kedah dan Pulau Mentagor masih belum beroperasi. Sehubungan dengan ini, adalah disyorkan supaya agensi berkaitan segera memuktamadkan cadangan penswastaan supaya marina ini yang telah lama disiapkan tidak terus terbiar.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta Bil. 3 Tahun 2011 yang diadakan pada 9 Februari 2011 memutuskan: a. Jabatan Laut mengemukakan pelan bangunan dan maklumat tanah (land title). b. Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta menjalankan semakan dan kerja penilaian bagi menentukan kadar atau nilai semasa hartanah marina termasuk peralatan jika ada.

74.4. KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR
- Program Pembasmian Kemiskinan Bandar

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Setakat 31 Disember 2008, jumlah peruntukan yang masih disimpan dalam akaun khusus Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang, Kedah dan Selangor adalah berjumlah RM983,658.	Sehingga 20 April 2011, 3 PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Daerah Pendang masih belum memberi penjelasan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar dan tidak memulangkan wang lebihan dalam akaun khusus PPKB.

74.5. KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

74.5.1. *Pengurusan Rancangan Makanan Tambahan Di Sekolah*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Semakan Audit terhadap 11 sekolah di Sarawak mendapati 22 daripada 26 menu yang disediakan tidak tersenarai dalam senarai menu Panduan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) kecuali bubur ayam, bihun goreng, nasi goreng dan nasi lemak.	Kementerian Pelajaran Malaysia belum mengadakan mesyuarat bersama Perbendaharaan Malaysia Sarawak dan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak bagi membincangkan dan membuat keputusan berkenaan dengan pembekalan makanan kantung ke sekolah.
2.	Pembekal tidak berkeupayaan menyediakan makanan yang lengkap dan seimbang berdasarkan nilai bantuan RMT yang sedia ada. Adalah disyorkan supaya Kementerian mengkaji sama ada wajar untuk menaikkan nilai bantuan RMT itu.	Kementerian Pelajaran Malaysia sedang mengkaji kadar RMT berasaskan kadar harga barangan semasa. Kajian ini akan mengambil masa selama 4 bulan dan tertakluk kepada kelulusan Perbendaharaan Malaysia.

74.5.2. *Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Terdapat aduan mengenai kes kehilangan wang bantuan di sekolah yang membuat pengagihan secara tunai. Kehilangan tersebut berlaku sama ada kerana dirompak semasa wang dikeluarkan dari bank atau diselewengkan oleh guru besar. Terdapat 5 kes kehilangan yang masih belum diselesaikan setakat 31 Disember 2010.	Kementerian Pelajaran Malaysia sedang menjalankan siasatan dan akan membawa kes ini ke Lembaga Tatatertib serta mengambil tindakan tatatertib setelah kes diputuskan oleh Lembaga Tatatertib.

74.6. KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

74.6.1. *Penyediaan Makanan Secara Outsourcing*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Kos bagi penggantian kutleri dan krokeri yang rosak di Hospital Selayang berjumlah RM322,888 masih belum dituntut.	Pengiraan inventori akhir tahun 2010 telah selesai dijalankan dan pada 13 Januari 2011 Hospital Selayang telah membuat tuntutan berjumlah RM389,959 daripada kontraktor. Bagaimanapun pada 21 Januari 2011, kontraktor telah memohon supaya kutleri dan krokeri yang perlu diganti tersebut disusutnilaikan kerana telah berusia 10 tahun dan tidak wajar diganti mengikut kos asal dan keputusan muktamad masih belum dibuat.

74.6.2. *Aktiviti Rawatan Penyakit Buah Pinggang*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Pusat Hemodialisis Mawar telah terlebih dibayar sejumlah RM521,732.	Bayaran balik masih belum diterima walaupun tuntutan telah dibuat daripada Pusat Hemodialisis Mawar pada 28 Oktober 2010.
2.	Sejumlah RM7 juta telah dibayar kepada Mawar Renal Medical Centre bagi tujuan pembelian peralatan perubatan walaupun ia diluar skop pemberian bantuan kewangan di bawah aktiviti dan program.	Permohonan untuk penggubalan dasar Pemberian Bantuan Kewangan kepada NGO telah dihantar kepada Kementerian Kewangan pada 17 Februari 2011.

74.6.3. *Aktiviti Transfusi Darah, Pusat Darah Negara*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	a. Pada tahun 1995, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menetapkan kadar caj bayaran sebanyak RM20 seunit/beg bagi bekalan darah kepada hospital/pusat perubatan swasta. Kos pengeluaran sebenar seunit/beg darah ialah RM144 bagi ujian kaedah serologi dan RM210 bagi kaedah NAT. b. Perjanjian yang ditandatangani tidak menetapkan tempoh bayaran dan juga denda lewat bayar.	Kementerian Kesihatan Malaysia sedang membuat semakan Perintah Fi (Perubatan) 1982. Cadangan pindaan caj bagi bekalan darah dengan kadar caj RM120/beg telah dikemukakan oleh Pusat Darah Negara pada 22 Februari 2011 dan masih dalam tindakan Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Pusat Darah Negara telah mencadangkan supaya hospital/pusat perubatan swasta mengemukakan jaminan bank.
2.	Sistem pengurusan darah berkomputer di Pusat Darah Negara telah dibangunkan secara *in-house* pada tahun 2003. Bagaimanapun, di hospital lain ianya dipinjamkan oleh syarikat yang membekalkan bahan pakai habis yang digunakan untuk aktiviti transfusi darah.	Cadangan untuk menaiktaraf dan *roll-out Blood Bank Information System* (BBIS) ke seluruh negara telah dimasukkan di bawah RMKe-10 di mana PDN telah memohon peruntukan berjumlah RM18 juta. Bagaimanapun, kelulusan mengenai cadangan tersebut masih belum diperolehi daripada Unit Perancang Ekonomi.

74.7. KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN
- *Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat Fasa V*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	52 komputer di 27 perpustakaan awam/desa yang dilawati telah dilengkapkan dengan perisian *Central Monitoring System* (CMS) dan sedang digunakan, namun data statistik dan laporan pemantauan CMS menunjukkan komputer tersebut tidak digunakan selama antara 14 hingga 679 hari. CMS juga tidak menunjukkan kewujudan 7 komputer yang telah ditempatkan di 7 perpustakaan. Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan perlu mengatasi kelemahan CMS supaya dapat menghasilkan data yang tepat bagi mewujudkan pemantauan yang berkesan.	Setakat bulan April 2011, penambahbaikan terhadap *Central Monitoring System* masih belum dilaksanakan kerana peruntukan Kewangan tidak diluluskan pada tahun 2011.

74.8. KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

- ***Projek Pembinaan Politeknik Muadzam Shah, Pahang***

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Mengikut syarat kontrak, Kerajaan boleh menuntut apa-apa kerugian daripada kontraktor jika kontrak ditamatkan akibat daripada kegagalan kontraktor menyiapkan projek. Sehubungan ini, setelah projek pembinaan Politeknik Muadzam Shah, Pahang disiapkan oleh kontraktor penyelamat, Pegawai Penguasa perlu menyediakan satu perakuan yang menunjukkan dengan jelas jumlah kos penyiapan projek seperti jumlah yang telah dibayar kepada kontraktor asal, jumlah yang perlu dibayar kepada kontraktor penyelamat dan lain-lain kos yang terlibat untuk menyiapkan projek ini. Sebarang perbezaan antara kos untuk menyiapkan projek ini dengan kos asal perlu dituntut daripada kontraktor asal dan kontraktor penyelamat pertama.	Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya sedang menyediakan Akaun Muktamad bagi kontrak ini dan akan menyelaraskan perbezaan kos yang boleh dituntut daripada kontraktor yang berkenaan.

74.9. KEMENTERIAN PERTAHANAN

- ***Pengurusan Pajakan Premis Kepada Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)***

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Kementerian Pertahanan perlu memastikan 9 premis yang tidak termasuk dalam senarai pajakan yang diluluskan oleh Jemaah Menteri diangkat untuk kelulusan sewajarnya sebelum kontrak ditandatangani.	Kementerian Pertahanan sedang mengambil tindakan bagi mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri. Senarai dan pelan bagi 177 premis yang diduduki oleh PERNAMA termasuk 9 premis tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian untuk penilaian kadar pajakan.
2.	Bagi 171 lokasi yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk pajakan, PERNAMA perlu membayar sewa yang dianggarkan berjumlah RM540,880 setahun atau RM45,073 sebulan. Berdasarkan kepada kadar ini, PERNAMA sepatutnya membayar sebanyak RM5.05 juta bagi tempoh September 2000 hingga Disember 2009. Bagaimanapun, PERNAMA hanya membayar sebanyak RM2.21 juta. Oleh itu, jumlah hasil sewa/pajakan yang tidak dijelaskan oleh PERNAMA dianggarkan berjumlah RM4.47 juta.	Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian melalui surat bertarikh 27 September 2010 memaklumkan bahawa kadar sewaan mulai Jun 1999 hingga Disember 2010 adalah sebanyak RM2.09 juta. Bahagian Akaun, Kementerian Pertahanan telah membuat semakan dan mengesahkan jumlah bayaran yang dibuat oleh PERNAMA kepada Kementerian Pertahanan mulai 1999 hingga Disember 2010 adalah sebanyak RM2.42 juta. Mesyuarat yang diadakan pada 8 Mac 2011 memutuskan supaya PERNAMA menyelesaikan jumlah tunggakan sewa bagi tempoh yang telah diduduki sebagaimana yang dinilai oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta. Bagaimanapun, jumlah tersebut belum dijelaskan sehingga mendapat kelulusan pajakan sewajarnya daripada Jemaah Menteri.
3.	PERNAMA telah menyewakan semula kepada pihak ketiga premis yang dipajak daripada Kementerian Pertahanan. Semakan Audit di 10 premis yang dipajak oleh PERNAMA mendapati bayaran pajakan berjumlah RM8,172 sebulan telah dibayar kepada Kementerian Pertahanan. Bagaimanapun, PERNAMA telah mengutip sewa daripada pihak ketiga berjumlah RM53,560 sebulan iaitu 6.5 kali ganda lebih tinggi daripada jumlah yang dibayar kepada Kementerian Pertahanan.	Sehingga kini, keputusan muktamad belum dibuat mengenai penyewaan semula kepada pihak ketiga bangunan Kementerian Pertahanan yang dipajak oleh PERNAMA.

74.10. KEMENTERIAN DALAM NEGERI

74.10.1. *Pengurusan Kompleks Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi Malaysia*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Semakan Audit mendapati hala tuju Kompleks Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi Malaysia (Kompleks) yang tidak jelas dan tidak dikaji semula selepas berakhirnya SUKOM 1998 sehingga menyebabkan banyak polisi/dasar dan pelan bagi pembangunan Kompleks tidak dapat ditetapkan. Selain itu, Kementerian juga telah memaklumkan bahawa perbincangan telah diadakan dengan Kementerian Belia Dan Sukan (KBS)/Majlis Sukan Negara (MSN) supaya mencadangkan Kompleks ini dijadikan satu tarikan pelancongan atau diserahkan kepada KBS/MSN tetapi keputusan muktamad belum diperolehi.	Kementerian Dalam Negeri telah membuat keputusan dasar di mana Kompleks ini akan dijadikan Akademi Jenayah Rentas Sempadan (MATOC). Akademi ini ditubuhkan bertujuan bagi mewujudkan kerjasama antara agensi Kerajaan bagi membanteras *Transnational Organized Crime*. Bagaimanapun, beberapa keputusan dasar masih lagi di peringkat perbincangan sebelum dibawa ke peringkat Jemaah Menteri untuk kelulusan.

74.10.2. *Polis DiRaja Malaysia*
- Projek Pembinaan Perumahan Dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM782,080 masih belum dituntut daripada kontraktor. Bagi membolehkan tuntutan awal diambil terhadap YMY Resources Sdn. Bhd. dan untuk mengelakkan kos projek berterusan meningkat, adalah disyorkan supaya Jabatan Perdana Menteri meluluskan peruntukan kewangan yang diperlukan dengan secepat mungkin bagi meneruskan pembinaan projek ini oleh kontraktor penyiap yang akan dilantik.	Kementeian Dalam Negeri (Kementerian) telah mengeluarkan surat Tuntutan Perakuan Muktamad kepada kontraktor pada 20 Oktober 2010. Kementerian telah membuat tuntutan daripada kontraktor berjumlah RM12.36 juta iaitu meliputi wang pendahuluan kepada kontraktor, LAD dan perbelanjaan tambahan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan untuk menyiapkan projek ini. Bagaimanapun, dengan 3 surat peringatan yang telah diberikan kepada kontraktor berkenaan sehingga bulan Disember 2010, masih tiada tindakan diambil oleh kontraktor untuk membayar jumlah yang dituntut Kementerian. Sehubungan dengan itu, pada bulan Januari 2011 perkara ini telah dikemukakan kepada Penasihat Undang-undang Kementerian untuk tindakan selanjutnya.

74.11. PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

74.11.1. *Pengurusan MIMOS Berhad*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Setelah teknologi dipindahkan, syarikat penerima teknologi bertanggungjawab bagi membangunkan produk hasil pemindahan teknologi dan menjalankan aktiviti pengkomersialan dan perniagaan. MIMOS dari semasa ke semasa memberi kerjasama kepakaran bagi memastikan syarikat berkenaan berada pada landasan yang membolehkan ia berdikari dengan bantuan dananya sendiri. Setakat bulan Disember 2009, hanya 3 daripada 16 syarikat tempatan yang menerima pemindahan teknologi MIMOS telah menandatangani kontrak untuk membangun dan memasarkan produk mereka. Manakala 2 syarikat lagi sedang dalam proses mewujudkan jalinan perniagaan bersama pihak ketiga.	Mesyuarat Lembaga Pengarah MIMOS pada 27 November 2010 telah memutuskan opsyen tindakan bagi pelaksanaan pemindahan teknologi MIMOS untuk tujuan pengkomersialan melalui penubuhan satu *Special Purpose Vehicle Company*. Bagaimanapun syarikat ini masih belum ditubuhkan lagi.

74.11.2. *Pengurusan Keretapi Tanah Melayu Berhad*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Jumlah penghutang tertunggak (kumpulan) pada akhir tahun 2008 adalah RM40.72 juta. Selain itu, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) juga gagal memungut hutang daripada syarikat subsidiarinya berjumlah RM3.71 juta. Caj faedah tidak pernah dikenakan terhadap pelanggan kredit yang melebihi tempoh yang ditetapkan. Pada pandangan Audit, KTMB perlu mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah peningkatan tunggakan penghutangnya bagi mengelakkan masalah aliran tunai yang lebih serius kelak. Tindakan undang-undang juga patut diambil terhadap penghutang yang enggan menjelaskan hutang mereka.	Kontrak penyewaan tanah KTMB dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (FLC) telah tamat dan menyebabkan KTMB tidak dapat memungut hutang tertunggak. Masalah tunggakan hutang ini timbul disebabkan KTMB tidak mempunyai hak di bawah Akta Keretapi 1991 untuk menyewa dan mengutip hasil penyewaan tanah dan membolehkan KTMB mengambil tindakan undang-undang. Kementerian Pengangkutan pada 8 April 2010 telah memutuskan bahawa Perbadanan Aset Keretapi (PAK) adalah merupakan pemegang hak (*custodian*) kepada kesemua tanah KTMB berdasarkan Akta Keretapi 1991. PAK akan mentadbir urus tanah termasuk kutipan sewa. Pihak KTMB sedang berurusan dengan PAK dari segi penyerahan dokumentasi dan maklumat penyewa. Apabila perkara ini selesai dilaksanakan, kesemua tanah KTMB akan ditadbir dan diselenggara oleh PAK dan bertanggungjawab mengutip tunggakan sewa tersebut. KTMB telah menyediakan draf baru Perjanjian Kemudahan Kredit (Kargo) dengan memasukkan klausa caj faedah. Bagaimanapun, ianya masih lagi dalam perbincangan dan belum dimuktamadkan. Selain itu, tindakan undang-undang telah dan sedang diambil oleh KTMB ke atas beberapa penghutang kargo.

74.11.3. *Pengurusan Penang Port Sdn. Bhd.*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Pada bulan Februari 2007, Lembaga Pengarah Pengurusan Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) bersetuju agar pembangunan infrastruktur bagi projek Fasa 3 dilaksanakan dengan anggaran kos berjumlah RM414.30 juta. Semakan Audit mendapati setakat 31 Mac 2010, projek telah dilaksanakan sungguhpun lukisan kejuruteraan dan rangka pelan belum diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan. PPSB memaklumkan bahawa adalah menjadi amalan di mana projek terus dijalankan walaupun pelan pembangunan belum diluluskan. Pada pandangan Audit, PPSB perlu memastikan keperluan undang-undang dipatuhi sepenuhnya bagi menjamin keselamatan dan kesempurnaan projek serta menjaga kepentingan PPSB dan Kerajaan.	Surat kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa (JPBD) melalui surat JPBD/SP/P4/PKM-0001 bertarikh 1 April 2011. Pihak perunding dalam proses menghantar permohonan Kelulusan Pelan Bangunan bagi mendapatkan Sijil Layak Menduduki.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
2.	Peratusan penggunaan tahunan 2 *gantry crane* adalah antara 2.3% hingga 21%. Sejak awal tahun 2009 sehingga kini kedua-kedua kren tersebut langsung tidak digunakan kerana tiada keperluan di dermaga berkenaan. Pada pandangan Audit, kegagalan PPSB melaksanakan kajian yang menyeluruh terhadap sesuatu projek baik pulih/naik taraf mendedahkan PPSB kepada risiko kewangan apabila kren yang telah dibaiki/naik taraf tidak digunakan secara optimum.	PPSB mempunyai dua alternatif untuk meningkatkan penggunaan kren tersebut: i. <u>Alternatif 1</u> Pada 26 Ogos 2010, PPSB telah menandatangani satu memorandum persefahaman bersama Syarikat A.K. Khan Ltd bertujuan untuk membangunkan *river side container terminal* di Bangladesh. Bergantung kepada kelulusan, PPSB akan bekerjasama sebagai O&M operator di bawah SOT dan berkemungkinan menggunakan kren tersebut di sana. ii. <u>Alternatif 2</u> Tender untuk menjual/menyewa kren telah ditutup pada 16 Februari 2011 dan sedang dalam proses penilaian.
3.	Projek pengeksportan batu kapur pukal sepatutnya dimulakan pada pertengahan tahun 2009, namun projek ini masih belum dilaksanakan sehingga 30 Mac 2010. Pada pandangan Audit, PPSB perlu segera memuktamadkan pelaksanaan projek ini memandangkan kos permulaan projek telah dikeluarkan dan projek ini juga berpotensi besar untuk menambahkan pendapatan PPSB.	Projek ini tidak berjalan mengikut jadual kerana rundingan di antara PPSB dengan LHOIST untuk menyediakan *Letter of Intent* telah tertangguh disebabkan kemelesetan ekonomi global pada tahun 2008 serta kegagalan pihak LHOIST memberi jaminan kargo (volume guarantee). Tawaran terakhir yang diberi kepada LHOIST ialah pada 5 Ogos 2010 dan PPSB masih menunggu jawapan daripada LHOIST terhadap tawaran ini. Jika LHOIST setuju maka pengeksportan batu kapur dijangka dapat bermula sekitar 6 bulan dari tarikh penerimaan tawaran tersebut.
4.	Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, operasi Tanjong City Marina (TCM) mengalami kerugian tahunan berterusan iaitu antara RM0.69 juta hingga RM0.99 juta kerana ia jarang digunakan. Bagi tempoh masa tersebut pada puratanya hanya 39 kapal layar singgah menggunakan *berthing bay* di terminal berkenaan sebulan berbanding dengan kapasitinya sebanyak 140 kapal layar sebulan. Pada pandangan Audit, pihak pengurusan perlu memperbaiki kerosakan Tanjong City Marina dengan segera serta mencari alternatif yang sesuai dan terbaik untuk memastikan marina yang telah dibina dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya.	Lembaga Pengarah PPSB telah meluluskan sejumlah RM8.50 juta untuk membaik pulih dan menambah baik sistem *wave attenuator corner* dan *pontoon*. Kos perbelanjaan ini akan dituntut daripada SPPP. Laporan *Draft Final - Detailed Condition Assessment and Technical Evaluation of Water Front Structures of Tanjong City Marina,* telah diterima pada 20 April 2011. Laporan Akhir dijangka diterima pada penghujung April 2011. Penggunaan TCM dijangka akan meningkat apabila kerja pembaikan siap dilaksanakan. PPSB akan terus menjalankan usaha mempromosi TCM seperti menjadi tuan rumah bagi acara *Regatta* di samping terlibat dengan acara berkaitan Layar & Marina di rantau ini.
5.	Kerosakan kerap berlaku pada *upper brow* di *berth* nombor 3, Terminal Raja Tun Uda dan terminal kerap kali terpaksa ditutup. Pada pandangan Audit, memandangkan permintaan terhadap perkhidmatan feri masih tinggi, PPSB perlu segera mengatasi masalah dan memperbaiki kelemahan perkhidmatan feri bagi mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan tersebut.	Pihak Pengurusan PPSB telah meluluskan perbelanjaan berjumlah RM1.93 juta bagi kerja pembaikan dan penyelenggaraan di kedua-dua *ramp* dan *terminal.* Bagi penukaran sistem Hidraulik, oleh kerana ia melibatkan perbelanjaan berjumlah RM1.1 juta, satu *Condition Assessment* kejuruteraan akan dilaksanakan terlebih dahulu.

74.11.4. *Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd.*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Tiga belas program utama (high-impact programmes) yang melibatkan 53 aktiviti telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam tahun 2009 oleh Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. (HDC) dengan perbelanjaan dianggarkan berjumlah RM127.42 juta. Sehingga 31 Disember 2009, tahap kemajuan pelaksanaan bagi 29 aktiviti adalah melebihi 50% di mana 18 (34%) daripadanya telah disiapkan sepenuhnya. Tahap kemajuan pelaksanaan bagi 8 aktiviti yang lain adalah antara 25% hingga 50% manakala 16 aktiviti lagi telah ditangguhkan/dihentikan pelaksanaannya.	Bagi 8 projek yang mempunyai peratusan siap antara 25% hingga 50%, 2 daripadanya telah siap sepenuhnya, 6 lagi telah ditangguhkan pelaksanaannya manakala baki 16 aktiviti telah dihentikan.

74.11.5. *Pengurusan Syarikat Cyberview Sdn. Bhd.*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan kewangan syarikat, Cyberview Sdn. Bhd. telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan untuk dipatuhi. Namun, pihak Audit mendapati Cyberview Sdn. Bhd. tidak mengeluarkan sebarang manual berkaitan pengurusan aktivitinya.	Cyberview Sdn. Bhd. sedang menyediakan manual berkaitan aktiviti utama untuk mendapatkan pensijilan ISO pada Jun 2011. Penekanan adalah dibuat kepada dua proses utama iaitu: a) Pengurusan (termasuk pemantauan) projek. b) Sewaan bangunan.

74.11.6. *Pengurusan Syarikat Technology Park Malaysia Sdn. Bhd.*

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN/SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Adalah didapati penubuhan syarikat subsidiari dan pemindahan aktiviti Syarikat Technology Park Malaysia Sdn. Bhd. (TPMC) kepada syarikat subsidiarinya telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penubuhan syarikat subsidiari dan pemindahan aktiviti utamanya itu telah mendapat persetujuan Kementerian Kewangan kerana dokumen berkaitannya tidak dikemukakan untuk pengauditan.	Mesyuarat Lembaga Pengarah ke 56 pada 16 Disember 2010 telah bersetuju supaya TPMC mendapatkan pengesahan daripada Kementerian Kewangan ke atas penubuhan syarikat subsidiari dan pemindahan aktiviti utamanya. Lanjutan dari mesyuarat tersebut, satu surat bertarikh 21 Disember 2010 telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya. Bagaimanapun, sehingga 30 April 2011, pihak syarikat masih belum mendapat maklum balas daripada Kementerian Kewangan.

PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan mempunyai perancangan yang memadai untuk melaksanakan projek/aktivitinya. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih ada beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu projek/aktiviti dilaksanakan dengan cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, diberikan beberapa cadangan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan ini daripada berterusan berlaku:

a. Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif perlu mengaturkan pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada aktiviti lain juga mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga diminta menjalankan penilaian terhadap pengurusan aktiviti organisasi untuk menentukan sejauh mana aktivitinya dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

b. Berdasarkan pengauditan yang dijalankan, didapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek/aktiviti yang berpunca daripada kurang pemantauan/ penyeliaan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan bergantung sepenuhnya kepada perunding/kontraktor, ketiadaan penyelarasan antara agensi yang terlibat serta masalah dalaman yang dihadapi oleh kontraktor. Kelemahan ini menyebabkan projek/aktiviti tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos projek/aktiviti meningkat, Kerajaan tidak mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat. Objektif pelaksanaan projek/aktiviti juga tidak dapat dicapai sepenuhnya dan tidak memberi impak kepada kumpulan sasaran. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya:

    i. Analisis harga pasaran perlu dibuat bagi memastikan Kerajaan mendapat harga yang berpatutan bagi sesuatu perolehan sepertimana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Arahan Perbendaharaan 169.1 dan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 24 April 2008. Di samping itu, perbandingan harga dengan perolehan barangan yang sama spesifikasinya oleh Jabatan lain juga patut dibuat untuk mendapatkan anggaran harga. Untuk memperolehi harga yang terbaik dan penjimatan kos Kerajaan, e-Bidding hendaklah digunakan oleh Kementerian/Jabatan dalam proses perolehan.

ii. Kementerian Kewangan mengkaji semula dasar kontrak yang berkaitan dengan perolehan pembekalan/peralatan secara tender kerana didapati kos per item yang dinyatakan dalam butiran kontrak adalah jauh lebih tinggi daripada harga pasaran iaitu mencecah sehingga 2,000% seperti yang dilaporkan dalam kajian perolehan bot aluminium *all weather* oleh Jabatan Taman Laut Malaysia. Sehubungan itu, adalah dicadangkan supaya proses setuju terima tender bagi perolehan secara tender memasukkan elemen rundingan harga dengan pembekal sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan. Ini bagi memastikan tidak ada item yang harganya terlalu tinggi berbanding dengan harga pasaran sungguhpun harga tawaran petender secara keseluruhannya adalah antara yang terendah.

iii. Kementerian Kewangan perlu menetapkan kadar margin keuntungan yang munasabah bagi bekalan/perkhidmatan/kerja yang ditawarkan untuk dijadikan rujukan semasa rundingan harga. Kementerian Kewangan juga boleh memasukkan klausa dalam kontrak yang menetapkan sekiranya harga per item dalam kontrak lebih tinggi daripada harga pasaran mengikut kadar margin keuntungan yang ditentukan, pelarasan harga boleh dibuat dengan berdasarkan kepada harga pasaran.

iv. Pelaksanaan projek Kerajaan secara *design and build* dikaji semula memandangkan pelaksanaan projek seumpama ini melibatkan kos yang lebih tinggi berbanding dengan projek secara konvensional. Sehubungan ini, adalah dicadangkan supaya hanya projek yang kompleks dan memerlukan kepakaran tertentu sahaja dibenar menggunakan kaedah *design and build*. Kementerian Kewangan dikehendaki mengeluarkan garis panduan pelaksanaan projek secara *design and build.* Selain itu, bagi menjamin kepentingan Kerajaan, perunding bagi projek secara *design and build* perlu dilantik oleh Kerajaan.

v. Kajian terperinci dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek Kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi tujuan ini, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan teknik. Langkah ini adalah perlu untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual dan Kerajaan mendapat *value for money.*

vi. *Integrated planning* antara agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar. Contohnya Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Jabatan Bomba Dan Penyelamat serta Pihak Berkuasa Tempatan perlu dibawa berunding sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas.

vii. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian Dan Kos bagi rujukan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara semasa merancang sesuatu perolehan kerja bagi memastikan bangunan yang akan dibina mematuhi standard dan kos yang telah ditetapkan.

viii. Bagi membendung masalah projek/aktiviti Kerajaan gagal dilaksanakan akibat daripada ketidakupayaan kontraktor sama ada dari segi kewangan atau kepakaran, adalah disyorkan supaya syarikat yang ingin menyertai sesuatu perolehan Kerajaan diminta mengemukakan maklumat mengenai modal berbayar dan kedudukan kewangannya untuk tempoh 3 tahun serta senarai kontrak Kerajaan dan swasta yang sedang dan akan dilaksanakannya. Syarikat juga diminta untuk memaklumkan pengalamannya dalam bidang yang ingin ditawarkannya. Semua maklumat yang dikemukakan ini hendaklah disokong dengan perakuan bersumpah oleh syarikat berkenaan. Maklumat ini perlu dipertimbangkan semasa membuat pemilihan kontraktor.

ix. Berhubung dengan masalah peralatan yang diperoleh tidak digunakan sama ada kerana bangunan belum disiapkan/peralatan tidak sesuai/peralatan dibeli berlebihan/tidak diperlukan, adalah disyorkan perkara berikut:

- Pandangan pengguna hendaklah diambil kira semasa menyediakan spesifikasi kontrak berhubung dengan perolehan peralatan.

- Perolehan peralatan hendaklah diselaraskan dengan kemajuan kerja pembinaan bangunan. Bagi tujuan ini, jadual bekalan peralatan perlu disediakan bagi mengelakkan peralatan yang tidak dapat digunakan terdedah kepada kerosakan dan kecurian serta tempoh waranti tamat sebelum digunakan.

x. Tindakan yang tegas seperti mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang didapati cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-sebab yang munasabah sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian.

xi. Tindakan yang tegas juga patut diambil terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya untuk memantau/menyelia sesuatu projek/aktiviti seperti mengenakan penalti/menyenaraihitamkan perunding tersebut daripada terlibat dengan projek Kerajaan yang lain. Sehubungan ini, perjanjian dengan perunding hendaklah memasukkan peruntukan berhubung dengan tindakan yang boleh dikenakan terhadap mereka sekiranya gagal melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

c. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha menangani krisis ekonomi serta menjadikan perkhidmatan awam satu mekanisme dalam melaksana dan menterjemah segala program dan dasar awam seperti memastikan pengurusan sumber secara mampan; pengurangan jurang digital masyarakat luar bandar dengan bandar; memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat; membasmi kemiskinan; menstrukturkan semula masyarakat Malaysia; meningkatkan aktiviti ekonomi negara; pengukuhan institusi kekeluargaan dan menyediakan kemudahan awam yang sempurna. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah **Program Transformasi Negara** bagi memenuhi slogan **"Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"** serta memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

Jabatan Audit Negara
Putrajaya

8 Julai 2011